معجم المصطلحات الحديثية

Kamus Istilah Hadis

Oleh

SYED ABDUL MAJID GHOURI

Terjemahan

Dr. Zulhilmi bin Mohamed Nor

Dr. Ahmad Sanusi bin Azmi

Muhammad Hazim bin Hussin

DARUL SYAKIR enterprise

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

INSTITUT KAJIAN HADIS

HADITH RESEARCH INSTITUTE

Sinopsis Buku:

Pengarang mengemukakan sebanyak 2500 istilah-istilah ulum al-hadith dan disiplin ilmunya yang dikeluarkan daripada kitab-kitab berkaitan mustalah al-hadith bertujuan membantu para pembaca dan para pelajar merujuk istilah-istilah tersebut dengan pencarian yang mudah dan pantas. Sasaran pembaca adalah kepada para pelajar yang tidak mempunyai kemudahan untuk merujuk kepada sumber asal istilah yang terkandung dalam kitab rujukan asli disebabkan kelemahan yang dihadapi oleh mereka serta tidak mempunyai kepakaran dalam ulum al-hadith dan ketika berinteraksi dengan ilmu tersebut.

ISBN 978-967-5996-15-3
9 789675 996153

$33 00

KANDUNGAN

Kandungan 7
Prakata Penerbit 9
Pengantar Pengarang 11
Muqadimah Penulis Edisi Terjemahan Bahasa Malaysia 13
Pengenalan Kepada *Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah* 17
Perbahasan Pertama:Takrif *Mu'jam al-Mustalahat Al-Hadithiyyah* 19
Perbahasan Kedua: Sejarah Ilmu *Mustalah al-Hadith* Dan Perkembangannya 31
HURUF ALIF حرف الألف 39
HURUF BA' حرف الباء 127
HURUF TA' حرف التاء 137
HURUF THA حرف الثاء 179
HURUF JIM حرف الجيم 189
HURUF HA' حرف الحاء 203
HURUF KHA' حرف الخاء 225
HURUF DAL حرف الدال 231
HURUF ZAL حرف الذال 235
HURUF RA' حراف الراء 239
HURUF ZAI حرف الزاي 263
HURUF SIN حرف السين 269
HURUF SYIN حرف الشين 291
HURUF SAD حرف الصاد 305
HURUF DHAD حرف الضاد 325
HURUF TA' حرف الطاء 333
HURUF ZHA' حرف الظاء 349
HURUF 'AIN حرف العين 351
HURUF GHAIN حرف الغين 377
HURUF FA' حرف الفاء 387
HURUF QAF حرف القاف 403
HURUF KAF حرف الكاف 413
HURUF LAM حرف اللام 427
HURUF MIM حرف الميم 449
HURUF NUN حرف النون 559

HURUF HA' حرف الهاء 569
HURUF WAW حرف الواو 575
HURUF YA' حرف الياء 585
Penutup 596
Senarai Kitab-Kitab Rujukan 597
Indeks Istilah-Istilah Hadis 605

بسم الله الرحمن الرحيم

PRAKATA PENERBIT

الحمدُ لله ربّ العالمين، والصّلاةُ والسّلامُ على سيّدنا محمّد، وعلى آله وصحبه وسلّم، وبعد:

Masa terus berubah dan minda pengguna bahasa Arab terus merentasi pelbagai disiplin ilmu sejajar dengan kepesatan dunia sains, ekonomi dan sebagainya.Perentasian ilmu ini secara langsung mewarnai dan membentuk istilah-istilah baharu dan melahirkan pelbagai wacana yang menggambarkan kemampuan seseorang untuk berbahasa Arab serta mengungkapkan pelbagai bidang ilmu dengan olahan dan gaya bahasa yang pelbagai.

Penggunaan istilah amat penting dalam memahami setiap ilmu sama ada sesuatu ilmu itu berkaitan dengan sains dan teknologi mahupun ianya berkaitan dengan pengajian Islam seperti ilmu tatabahasa Arab, ilmu Hadis, Fiqh dan sebagainya. Setiap ilmu mempunyai istilah-istilah tersendiri sebagaimana yang diperkenalkan oleh para ilmuwan dan cendikiawan dalam setiap bidang kepakaran masing-masing.

Kewujudan istilah-istilah hadis yang diperkenalkan oleh ulama hadis silam dan ulama kontemporari amat perlu untuk dirakam, dikumpul, dan diperbaharui dalam sebuah kamus dengan susunan kata ringkas, moden, disamping penerangan istilah yang mudah untuk difahami agar pembendaharaannya terus meluas dan perkembangan penggunaannya berterusan. Tidak dapat dinafikan bahawa istilah-istilah yang terdapat dalam kitab-kitab klasik (*turath*) hadis karangan ulama silam dan kontemporari yang ditulis dalam bahasa Arab mengunakan istilah-istilah yang sukar difahami oleh golongan pembaca yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang hadis. Situasi seperti ini menyukarkan mereka untuk memahami setiap istilah yang belum ditemui dan dipelajari oleh mereka.

Kamus Istilah Hadis merupakan dokumen penting dalam perkembangan ilmu hadis masa kini. Kepentingannya bukan sahaja terbatas sebagai pengantar namun sebagai wadah kumpulan bahan yang amat bermanfaat agar dapat memenuhi keperluan pembaca seterusnya memberi pencerahan kepada mereka untuk mengenali istilah-istilah Hadis, mendalami dan mengetahui dengan sebaik-baiknya pengertian tersirat disebalik istilah-istilah ilmu hadis dan mustalahnya.

Melihat kepada perkembangan, kepentingan dan permasalahan ilmu hadis serta keperluan yang mendesak, INHAD memilih *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith iyyah* karya Ustaz Syed Abdul Majid Ghouri (Felo Penyelidik INHAD) untuk diterjemahkan dalam edisi bahasa Malaysia. Pemilihan ini adalah tepat ekoran kamus penulis asal dalam edisi bahasa Arab cetakan syarikat Dar Ibn Kathir telah mendapat penerimaan yang amat baik daripada para ulama di kebanyakan negara Islam. Selain itu kamus istilah hadis yang bersifat terkini dan merangkumi pelbagai istilah dalam versi bahasa Malaysia masih belum didapati dan diterbitkan di Malaysia. Dalam penerbitan kali ini pengarang telah melakukan penambahan istilah-istilah hadis baru yang tidak terdapat dalam edisi bahasa Arab terbitan sebelumnya.

Penyediaan kamus istilah hadis ini melalui dua proses iaitu penyediaan bahan dalam bahasa Arab oleh Felo penyelidik. Kemudian disusuli dengan terjemahan ke bahasa Malaysia yang dilaksanakan oleh 3 orang panel penterjemah, 3 orang panel penyemak yang mempunyai kepakaran dalam bidang hadis dan berpengalaman luas dalam gerak kerja ilmiah sama ada pengajaran, penterjemahan, dan penerbitan hadis. Perancangan untuk mengeluarkan kamus istilah hadis yang berdasarkan susunan abjad ini melibatkan lebih 1000 istilah.

Objektif Penerbitan Kamus Istilah Hadis:

1. Memperluas dan memperkaya khazanah ilmu hadis atau wacana ilmu Islam amnya agar memenuhi sudut-sudut ilmu hadis yang masih belum dirungkai dan diperjelaskan melalui gerak kerja penyelidikan dan penterjemahan.
2. Menyediakan sebuah kamus dengan susunan kata ringkas, moden, disamping penerangan istilah yang mudah untuk difahami agar pembendaharaannya terus meluas dan perkembangan penggunaannya berterusan.
3. Memberi penjelasan tentang asal usul kalimah atau istilah hadis dan pengertiannya menurut istilah ulama hadis.
4. Menjadi salah satu sumber pengantar dan rujukan kepada pengguna di kalangan pembaca atau pengkaji yang berminat untuk mendalami ilmu hadis dan mustalahnya.
5. Memberi kemudahan kepada kakitangan akademik (pensyarah) dalam proses pengajaran dan para pelajar dalam proses pengajian ilmu hadis dan mustalahnya.

Penerbitan kamus istilah hadis ini akan menjadi pengantar kepada pengguna di kalangan pembaca atau pengkaji yang berminat untuk mendalami ilmu hadis dan mustalahnya. Penerbitan ini merupakan hasil gerak kerja yang berterusan dalam usaha memberikan kemudahan dan membuka wawasan ilmu terutama kepada setiap individu muslim yang ingin memahami dan mendalami hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pengarang yang telah memberi keizinan kepada INHAD menterjemahkan *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith iyyah* dalam edisi bahasa Malaysia dan melakukan penambahan istilah-istilah hadis baharu dalam terbitan kami. Ucapan penghargaan ini turut dirakamkan kepada panel penterjemah, panel penyemak dan semua pihak yang turut terlibat memberikan komitmen padu dalam bentuk tenaga dan moral bagi merealisasikan penerbitan terjemahan *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah* dalam edisi bahasa Malaysia.

Suka saya merakamkan jutaan terima kasih kepada individu yang telah menghulurkan bantuan kewangan bagi membantu merealisasikan terbitan kamus ini. Doa kami agar Allah swt memurahkan rezeki serta mengekalkan kesihatan serta kesihatan yang berpanjangan ke atas munfiqin ke jalan memartabatkan sunnah Rasulullah saw. Justeru, kami memohon kepada Allah swt agar para munfiqin ini digolongkan dalam golongan yang mendapat syafaat Rasulullah saw di akhirat kelak.

MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH
Pengarah INHAD

بسم الله الرحمن الرحيم

Prakata Pengarang
Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah[1]
Edisi Bahasa Malaysia

Cetakan pertama kamus ini ini telah diterbitkan oleh Dar Ibn Kathir iaitu sebuah syarikat percetakan terkenal di Beirut dan Damsyiq pada 5 tahun yang lalu. Kamus ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan penuntut ilmu dan penyelidik dalam bidang pengajian hadis. Ketika INHAD berhasrat untuk melakukan terjemahan kamus ini dalam edisi bahasa Malaysia, saya melakukan penambahan sebahagian besar istilah-istilah hadis yang ditemui melalui pembacaan kitab-kitab hadis dalam tempoh tersebut dan memudahkan bahasa serta olahan bagi semua istilah-istilah hadis tersebut. Justeru cetakan ini amat berbeza daripada cetakan sebelumnya melalui penambahan istilah-istilah hadis yang baru, olahan yang mudah dan beberapa keistimewaan yang lain.

Oleh kerana kamus ini sedang diterjemahkan dalam edisi bahasa Malaysia, penting bagi saya untuk menyatakan secara ringkas kesukaran yang dilalui dalam proses penterjemahan ini dan keperluan kepada barisan penterjemah yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Pada pandangan saya, penterjemahan suatu dokumen berbahasa Arab kepada bahasa lain atau sebaliknya adalah suatu proses yang sukar kerana perbezaan dari aspek asas dan stuktur setiap bahasa. Tambahan pula apabila penterjemahan yang dilakukan berhubung dengan nas-nas syarak menyentuh perbahasan tentang akidah, hukum syariat dan ibadat dalam agama kerana nas-nas ini amat sensitif. Penterjemahan kamus ini dalam edisi bahasa lain memerlukan kemahiran dan ketelitian agar istilah-istilah hadis yang diterjemahkan tidak berlaku sebarang ralat dan kesalahan yang disengajakan. Sekiranya seorang penterjemah tidak mempunyai kefahaman secara umum dalam bahasa Arab, tidak memiliki pengetahuan yang mendalam tentang ilmu-ilmu agama dan istilah-istilah hadis secara khusus serta tidak berkemampuan menguasai bahasa terjemahannya, dia tidak akan mampu melakukan penterjemahan dengan baik.

Tidak dinafikan penterjemahan istilah-istilah agama atau istilah-istilah syarak merupakan antara proses yang sukar kerana ia memerlukan seorang penterjemah yang teliti dan mampu menampilkan definisi sesuatu istilah dengan ringkas tetapi padat. Penterjemahan ini memerlukan barisan penterjemah yang memenuhi sifat-sifat penterjemah seperti yang telah saya kemukakan sebelum ini. Keistimewaan kamus terjemahan edisi bahasa Malaysia ini kerana ia diterjemahkan oleh barisan penterjemah muda yang memiliki kepakaran akademik dalam ilmu hadis, mendapat pendidikan daripada institusi pengajian tinggi termashyur seperti *Universiti al-Azhar* Mesir, *Universiti Islam Madinah* Arab Saudi dan *Universiti Mazaahir al-Ulum* India serta menerima didikan daripada para masyaikh yang hebat dan terkenal.

Semakan terjemahan kamus ini telah berjaya dilakukan dengan penuh amanah dan teliti oleh barisan penyemak yang turut mempunyai kepakaran akademik dalam ilmu hadis dan berkemampuan tinggi dalam penguasaan bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat kekurangan dalam kamus ini setelah diterbitkan sama ada dari aspek terjemahan dan semakan semua itu kembali kepada fitrah manusiawi yang bersifat lemah; hanya Allah s.w.t yang memiliki segala kesempurnaan.

---

[1] Kitab ini dicetak dalam bahasa Arab dengan tajuk *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah,* kemudian tajuknya ditukar daripada "mu'jam" kepada "kamus" kerana penggunaan istilah "kamus" lebih dikenali dalam bahasa Malaysia.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada barisan penterjemah, barisan penyemak yang telah menyumbangkan khidmat bakti mereka dalam melakukan penterjemahan dan penyemakan kamus edisi bahasa Arab ke bahasa Malaysia ini. Semoga Allah s.w.t memberi sebaik-baik ganjaran kepada setiap daripada mereka atas khidmat bakti yang telah dicurahkan dalam memperkasa dan menjadi Khadim al-Sunnah al-Nabawiyyah..

Ucapan terima kasih turut saya rakamkan khusus kepada Us. Mohd Farid Ravi bin Abdullah (Pengarah INHAD) sebagai penasihat penterjemahan *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah* edisi bahasa Arab ke edisi bahasa Malaysia dan motivator yang sentiasa menyuntik semangat barisan penterjemah dan barisan penyemak untuk melakukan usaha penterjemahan dan penyemakan kamus ini. Sebagai penutup saya turut merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Us. Mohd Norzi bin Nasir[1] yang telah melakukan semakan terhadap muqaddimah kamus ini, memberi sepenuh pandangan serta komitmennya sebagai koordinator seawal gerak kerja penyediaan dokumen kamus ini sehingga diterbitkan.

Pengarang
Abul Hasan
Syed Abdul Majid Ghouri

[1] Pegawai Penyelidik *Institut Kajian Hadis* (INHAD), & Pensyarah Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor* (KUIS).

بسم الله الرحمن الرحيم

Muqadimah Pengarang

إنَّ الحمد لله، نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شُرور أنفسِنا، ومن سيِّئات أعمالِنا، مَن يَهْدِه اللهُ فلا مُضِلَّ له، ومَن يُضْلِلْ فلا هادِيَ له، وأشهد أنْ لا إله إلاَّ الله وَحْدَه لا شريكَ له، وأشهَدُ أنَّ محمَّداً عبدُه ورسولُه، ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ﴾ [آل عمران: 102]، ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا﴾ [النساء: 1]، ﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوْلاً سَدِيدًا ۝ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا﴾ [الأحزاب: 70-71].

أمَّا بعد!

فإنَّ أَصْدَقَ الحديثِ كتابُ الله، وأحسَنَ الهَدْيِ هَدْيُ محمَّدٍ ﷺ، وشرَّ الأمورِ مُحدَثاتُها، وكلّ مُحدَثَةٍ بدعةٌ، وكلّ بدعةٍ ضلالةٌ، وكلّ ضلالةٍ في النَّار.

والصَّلاةُ والسَّلامُ على سيِّد الأوَّلين والآخرين، صاحبِ الآيات الباهِرات في خَلْقه الكامِل، وخُلُقِه العظيم، وعلى آله الْخيِّرة، وصحابتِه الْبَرَرَة، ومَن تَبِعَهم بإحسانٍ، ودعا بدعوتهم إلى يوم الدِّين.

Perkembangan dan kekayaan bahasa (termasuklah bahasa Arab), serta kepelbagaian maknanya, barangkali menjadikan seorang pembaca berada dalam keadaan keliru apabila berdepan dengan sesuatu istilah yang hanya berdasarkan pengetahuannya. Apabila sesuatu istilah itu dilontarkan ke dalam pemikirannya, dia akan mengolahkannya berdasarkan kefahamannya dan bukan melalui pemahaman mereka yang melontarkan istilah tersebut. Justeru, berlaku kekeliruan terhadap sesuatu istilah yang dilontarkan, malah permasalahan ini melibatkan pelbagai disiplin ilmu. Segalanya berpunca daripada kegagalan seseorang itu memahami istilah yang dikemukakan oleh seseorang yang menggunakan istilah tersebut tanpa mereka berusaha memahaminya serta mengkaji perkara tersebut.

Melihat kepada kepentingan memahami sesuatu istilah, para pencinta ilmu segera meletakkan sempadan definisi bagi membezakan setiap istilah yang meliputi pelbagai jenis ilmu. Mereka mula mengumpulkan setiap istilah dan definisi sehingga hampir tidak ditemui sesuatu ilmu itu melainkan kebanyakan kitab yang khusus berkenaan istilah ilmu tersebut dikarang. Justeru, pengarang menyatakan beberapa contoh penting yang berkaitan dalam bab "Pengenalan kepada *Mu'jam Mustalahat al-Hadithiyyah*".

Kemudian muncul beberapa ulama yang pakar dalam bidang ini dan mereka telah mengeluarkan istilah-istilah daripada kitab-kitab tersebut. Mereka mula mengumpulkan istilah-istilah ini dalam sebuah kitab yang khusus dengan susunan huruf abjad yang tertentu. Tujuan pengumpulan dan penyusunan semula ini adalah bagi memudahkan para pencinta ilmu untuk mendapatkan istilah-istilah tersebut

dengan carian yang paling mudah. Usaha ini sangat membantu para pelajar yang tidak mempunyai kemudahan untuk merujuk kepada sumber asal istilah yang terkandung dalam kitab rujukan asli disamping membantu pelajar yang tidak mempunyai asas dalam ilmu-ilmu tertentu. Pembukuan "Kamus" ini menjadi pelita yang menerangi jalan pelajar yang mencari sumber sesuatu istilah dengan mudah. Kamus ini bukan sahaja mengumpulkan istilah ilmiah, bahkan turut membantu dalam memberikan baris dan ketepatan, mengulas dalam bentuk syarah di samping menyusun istilah dengan susunan yang sistematik.

Para ulama hadis kontemporari juga banyak menyumbang ke arah penulisan dan pembukuan ilmu-ilmu hadis melalui susunan huruf abjad. Usaha ini telah dirintis sendiri oleh al-Syeikh al-Fadhil Dr. Nuruddin Itr. Beliau adalah orang yang pertama menyusun kembali istilah-istilah hadis ke dalam sebuah kamus dengan susunan huruf abjad. Langkah beliau diikuti oleh ulama hadis lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Kebanyakan mereka menyumbang ke arah penyusunan istilah-istilah ini dan mudah-mudahan Allah melimpahkan anugerahNya kepada mereka dengan sebaik-baik balasan.

Kamus yang dipersembahkan ini adalah hasil pembacaan pengarang terhadap sumber-sumber hadis yang pelbagai khususnya dalam bidang *Mustalah Al-Hadith* dan *Ilmu Ar-Rijal* sepanjang tempoh pengajian pengarang dalam bidang ini serta melalui kutipan daripada pengalaman pengarang sepanjang menjalankan pelbagai kajian dalam bidang ini. Berdasarkan pengalaman ini pengarang melihat bahawa pengumpulan istilah-istilah hadis dalam sebuah kitab dengan susunan huruf abjad adalah suatu yang sangat bermanfaat. Penyusunan dalam huruf abjad ini bertujuan bagi meluaskan lagi manfaat yang akan diperolehi oleh para pelajar yang mengalami kesukaran dalam mencari dan memahami istilah-istilah hadis. Pengarang juga berusaha memberikan huraian yang mudah untuk difahami dengan membawakan beberapa contoh bagi memberikan gambaran yang jelas kepada para pelajar untuk memahaminya. Pengarang turut berusaha mengelakkan daripada memasukkan sesuatu perkara yang tidak mempunyai kaitan dengan ilmu hadis. Pencampuran seperti ini akan mengelirukan para pelajar dan para pengkaji sepertimana yang pernah berlaku dalam kebanyakan kitab karangan ulama yang terdahulu.

Pengarang mengakui bahawa kitab ini bukan merupakan kitab yang sempurna dan merangkumi segala sudut ilmu dan istilah-istilah ilmu hadis. Bertepatan dengan kata-kata bahawa ilmu hadis adalah umpama lautan yang tidak bertepi, tidak ditemui dasar dan kehendaknya. Pengarang berusaha untuk mengumpulkan pelbagai istilah hadis yang tidak pernah dikemukakan oleh ulama terdahulu, malah huraian terhadap istilah tersebut dilakukan dengan menggunakan kaedah yang mudah untuk difahami. Setiap kesalahan dan kelemahan yang ditemui dalam penulisan kamus ini adalah daripada kelemahan pengarang sendiri sebagai seorang manusia yang tidak pernah terlepas daripada kesalahan. Pepatah menyebut:"Kitab adalah umpama mukallaf iaitu sesuatu yang dipertanggungjawabkan, ia tidak terlepas daripada kesalahan dan tidak pernah kering penulisannya. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan mengiringi usaha ini dengan taufiqNya, dan membimbing usaha ini dengan petunjuk-Nya.

Method yang digunakan oleh pengarang sepanjang penulisan kitab ini seperti berikut:

1) Pada awal permulaan kitab ini pengarang menghuraikan kajian ringkas berkenaan tiga perkataan yang digunakan sebagai tajuk kamus ini bagi memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca berkenaan penyusunan kamus ini.

2) Pengarang menyusun kamus ini menggunakan susunan huruf abjad sebagai entri perkataan. Penyusunan yang tidak meletakkan perkataan berdasarkan kata dasar kerana bertujuan memudahkan para pembaca untuk mencari istilah dengan carian yang mudah.

3) Pada permulaan definisi istilah, pengarang memberikan terjemahan istilah ilmu hadis menurut bahasa sebelum memberikan definisi menurut istilah hadis. Bagi tujuan definisi dari sudut bahasa, pengarang menggunakan kamus-kamus yang masyhur dalam ilmu bahasa seperti: *Lisan al-Arab* karangan Ibnu Manzur, *al-Kamus al-Muhit* karangan al-Fairuz Abadi, *Taj Al-'Urus* karangan Al-Murtadha al-Zabidi, dan *al-Mu'jam Al-Arab al-Asasi*. Semua kamus ini tidak akan disebut sebagai rujukan bagi tujuan meringkaskan penulisan kamus ini.

4) Bagi definisi istilah-istilah hadis pula, pengarang menggunakan semua jenis rujukan kitab hadis yang muktabar karya ulama-ulama terdahulu dan kontemporari. Pengarang berusaha menyandarkan setiap definisi kepada ulama yang mengemukakannya. Sekiranya definisi itu masyhur, maka pengarang tidak akan mengemukakan rujukannya. Selain itu, rujukan bagi definisi yang diolah sendiri oleh penyusun juga tidak akan dinyatakan.

5) Rujukan selain daripada kamus-kamus di atas akan dinyatakan sebagai rujukan definisi istilah.

6) Penyusun akan menggunapakai sebutan sesuatu istilah dalam kata *mufrad* (tunggal) dan bukan *jamak* selagi mana istilah jamak itu bukanlah yang masyhur.

7) Pengarang akan memberikan huraian definisi bagi sesuatu istilah itu dengan huraian yang mudah difahami di samping memberikan contoh-contoh bagi tujuan memberikan kefahaman yang jelas.

8) Pengarang hanya memberikan definisi dan huraian bagi istilah-istilah *ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil* yang masyhur tanpa menghuraikan istilah-istilah tersebut yang tidak masyhur, kerana:

    i) Istilah-istilah tersebut tidak menjadi keperluan utama bagi penuntut yang bukan dalam pengkhususan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*

    ii) Pengarang telah mengarang sebuah kitab yang khas berkenaan istilah-istilah yang tidak masyhur dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Menerusi kitab yang bertajuk *"Mu'jam Alfaz wa 'Ibarat Al-Jarh wa al-Ta'dil al-Nadirah wa al-Masyhur"*.

9) Pengarang menghuraikan pelbagai definisi dan jenis-jenis kitab yang berkaitan dengan hadis seperti: *al-Jawami', al-Sunan, al-Sihah, al-Ma'ajim, al-Muwatha'at, al-Masanid, al-Mustadrakat, al-Mustakhrajat, al-Zawaid, al-Athraf, al-Awa'il, al-Thuna'iyyat, al-Thulathiyyat*, dan pelbagai jenis kitab-kitab hadis yang lain.

10) Pengarang menghuraikan definisi beberapa golongan yang sesat daripada ajaran Islam yang mempunyai pertalian dengan perbahasan ilmu hadis seperti:*al-Ibadhiyyah, al-Jahmiyyah, al-Haruriyyah, al-Khawarij, al-Qadariyyah* dan

sebagainya. Definisi bagi kumpulan ini amat penting kerana sebahagian mereka terlibat dalam periwayatan hadis.

11) Pengarang menyebutkan beberapa simbol masyhur yang digunakan dalam kitab *al-Tarajum*. Penulisan simbol tersebut bertujuan meringkaskan nama pengarang bagi sesuatu kitab hadis atau kitab *Takhrij al-Hadith*. Sebagai contoh simbol huruf "ت" merujuk kepada pengarangnya dan periwayatnya iaitu al-Imam al-Tirmizi (pengarang kitab al-Jami'), simbol huruf "خ" pula merujuk kepada al-Bukhari dalam Sahihnya, huruf "د" pula merujuk kepada Abu Dawud, huruf "س" pula adalah merujuk kepada al-Nasa'ie, dan huruf "م" pula merujuk kepada al-Imam Muslim dan seterusnya.

12) Pengarang menyebut istilah yang khusus bagi seseorang ulama tertentu serta menghuraikannya. Sebagai contoh istilah "الأمر عندنا" hanya digunakan oleh Imam Malik sahaja, begitu juga dengan istilah "وقال بعض الناس" hanya digunakan oleh Imam Bukhari, istilah "صالح" hanya digunakan oleh Abu Dawud, istilah "وقال أهل الكوفة" dan istilah "وقال أصحابنا" hanya digunakan oleh Tirmizi, istilah "الصحاح" dan "الحسان" di sisi Baghawi, istilah "مشاه الفلان" oleh Zahabi, istilah "الثانية" dan "الثالثة" digunakan oleh Ibn Hajar dan istilah-istilah khas yang lain yang digunakan oleh ulama tertentu dengan maksud yang tertentu.

13) Pada akhir kitab ini, pengarang menyebutkan senarai rujukan dan sandaran yang digunakan sepanjang penyusunan kamus ini. Senarai rujukan tersebut disusun mengikut susunan nama-nama tajuk kitab.Pengarang menggunakan simbol tertentu bagi tujuan ringkasan seperti simbol huruf "ت" bermaksud *Tahqiq* (penelitian), simbol huruf "ط" bermaksud cetakan dan simbol huruf "ع" bermaksud tahun.

14) Pengarang melampirkan kamus ini dengan daftar kata atau indeks merangkumi keseluruhan istilah-isitilah hadis yang disusun berdasarkan kata akar bagi setiap perkataan bertujuan memudahkan pencarian definisi bagi istilah-istilah hadis dalam kamus ini.

Menjadi harapan pengarang agar kamus ini dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada para penuntut ilmu hadis. Mudah-mudahan penyusunan kamus ini akan dapat membangkitkan semangat serta kesungguhan para pencinta ilmu hadis dalam usaha menerokai ilmu yang mulia ini.

Semoga Allah menerima usaha kecil penulisan ini dalam usaha mencari keredhaanNya, dan memberikan khidmat serta sumbangan terhadap ilmu hadis Nabawi tidak lain sebagai aset yang berharga pada hari akhirat, hari yang kekal selamanya. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Menerima; Maha Berkuasa bagi setiap perkara.

Ditulis oleh,
Syed Abdul Majid Ghouri
25 Ramadhan 1433 H
17 Oktober 2006

Pengenalan Kepada

Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah

Perbahasan Pertama:
Takrif *Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah.*

Perbahasan Kedua:
Sejarah Ilmu *Mustalah al-Hadith* Dan Perkembangannya.

Perbahasan Pertama:

Takrif
"Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah"

Sekiranya diamati, tajuk kitab ini terdiri daripada tiga perkataan iaitu *(al-Mu'jam), (al-Mustalahat)* dan *(al-Hadith)* dan setiap perkataan ini perlu dihuraikan dengan terperinci setiap satunya bagi memberikan gambaran jelas terhadap topik perbahasan yang terkandung dalamnya. Malah sekiranya setiap perkataan ini dihuraikan dengan mendalam, para pembaca memperolehi beberapa hasil ilmiah yang sangat berharga yang sukar untuk difahami melainkan dengan penerangan yang jelas dan terperinci khususnya bagi mereka yang baharu berjinak dalam mendalami ilmu hadis.

(i) Huraian Dari Aspek Setiap Perkataan

Pertama: Huraian Perkataan *"Al-Mu'jam"*:

Takrif *"Al-Mu'jam"*:
(Al-Mu'jam) adalah kata tunggal manakala perkataan kata jamaknya adalah *(Ma'ajim atau Mu'jamat)*. Dalam terjemahan bahasa Melayu ia bermaksud kamus. Definisinya ialah kitab yang terkandung dalamnya makna-makna perkataan dari segi huraian bahasa. Ia disusun dengan susunan yang tertentu. Manakala huraian makna bagi perkataan-perkataan dalamnya meliputi makna perkataan, terjemahannya dalam bahasa yang lain, derivasi atau pengimbuhan daripada kata akar, kaedah penggunaan dalam ayat, makna seerti yang pelbagai, sejarah perkataan dan cara menyebutnya[1].

Begitu juga perkataan *Mu'jam* ini yang memberi maksud:"Kitab yang mempunyai kaedah penulisan tersendiri. Susunan perkataannya disusun mengikut huruf abjad yang bertujuan menjelaskan makna sesuatu perkataan. Susunannya menurut susunan huruf abjad adalah untuk memudahkan pencarian sesuatu perkataan. *Mu'jam* juga bertujuan menjelaskan kekeliruan terhadap sesuatu perkataan dan menerangkan kesamaran yang membayangi sesuatu perkataan tersebut dari aspek bahasa di mana sekaligus menjadikan ia sebagai rujukan asas yang merangkumi penghuraian segenap aspek ilmu seperti biografi tokoh-tokoh, atau kitab yang menghuraikan istilah-istilah sesuatu ilmu. *Mu'jam* terkadang khusus terhadap sesuatu ilmu malah terkadang ia terlalu umum, ia juga terkadang bersifat huraian sejarah dan terkadang penghuraiannya berbentuk deskriptif.

Takrifan yang kedua inilah yang kami maksudkan dalam kamus ini.

Orang Pertama Yang Menyusun Bahan Ilmiah Dengan Susunan Khusus Dan Menamakannya Sebagai *Mu'jam:*
Adalah sangat sukar bagi memastikan siapakah orang pertama yang menggunakan lafaz kalimah *"al-Mu'jam"* yang digunakan bagi menamakan kitab tulisan mereka yang disusun dengan susunan huruf abjad. Begitu juga sukar bagi kita memastikan apakah kitab pertama yang dinamakan dengan menggunakan perkataan *"Mu'jam"*.

---

[1]Sila lihat:*Al-Mu'jam Al-'Arabi Al-Asasi* dan *Al-Mu'jam Al-Wasit*, perkataan 'ajama

Walau bagaimanapun, apa yang pasti adalah sesuatu yang telah disepakati bahawa ulama hadis adalah orang yang terawal mengarang kitab dan menyusunnya dengan susunan huruf abjad. Malah al-Imam al-Bukhari (w.256H) sendiri (iaitu pengarang kitab sahih pada kurun ketiga hijrah) dianggap sebagai perintis bagi penulis yang menulis kitab *Mu'jam*. Beliau sendiri telah mengarang banyak kitab antaranya ialah: *"al-Tarikh al-Kabir"* yang mana kitab ini disusun dengan susunan nama-nama perawi berdasarkan turutan huruf abjad.

Antara karangan yang terawal yang kami temui dengan nama *"Mu'jam"* adalah seperti kitab *"Mu'jam al-Hadith"* dan *"Mu'jam al-Sahabah"* yang mana keduanya dikarang oleh Abu al-Qasim Abdullah bin Muhammad al-Baghawi (w.371H). Kemudian *"Mu'jam Asma' al-Qurra"* karangan Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan al-Naqqash (w.351H)[1]. Tidak lama selepas itu muncul *"Mu'jam al-Syuyukh"* karangan Ibrahim bin Ahmad al-Balakhi yang juga dikenali dengan nama al-Mustamli (w.376H). Setelah itu muncul pula *"Mu'jam al-Syu'ara"* karangan Abu Abdullah Muhammad bin Imran al-Marzubani (w.384H). Kesemua mereka ini menyusun kitab ini dengan susunan huruf abjad.

Tidak lama selepas itu berkembang penulisan kitab yang disusun dengan huruf abjad ini dengan nama *al-Mu'jam*. Pada kurun keempat pula penulisan kitab *Mu'jam* telah mula mencakupi disiplin ilmu yang pelbagai sehingga sukar untuk menghitungnya kerana jumlahnya terlalu banyak. Namun apa yang menghairankan ialah, para ulama bahasa Arab yang dikatakan mahir dengan ilmu pengkamusan tidak pula menamakan kitab mereka dengan nama *mu'jam* akan tetapi mereka memilih nama khas bagi setiap kamus yang dikarang oleh mereka[2]. Para ulama hadis telah mendahului ulama bahasa ini dengan menamakan kitab mereka dengan perkataan *mu'jam* sehingga seakan tidak diketahui penggunaan perkataan *mu'jam* ini dalam disiplin ilmu yang lain.

Perbezaan antara*"Al-Mu'jam", "Al-Qamus"* dan *"Mausu'ah":*
Sekiranya diteliti, terdapat beberapa bentuk hubungkait antara istilah *"Mu'jam"*, istilah *"Qamus"* dan istilah *"Mausu'ah"*. Seharusnya kaitan antara ketiga-tiga istilah

---

[1] Kemudian beliau meringkaskannya menjadi *Mu'jam Saghir*.

[2] Seperti:

1) Al-Khalil bin Ahmad (w.170H) mu'jamnya dinamakan sebagai *Al-'Ain*.
2) Ibnu Duraid (w.321H) menamakan mujamnya dengan *Al-Jamharah*.
3) Ishaq bin Ibrahim Al-Farabi menamakan mujamnya dengan *Diwan Al-Arab*.
4) Ismail bin Al-Qasim Al-Qali (w.356H) menamakkannya dengan *Al-Bari'*.
5) Al-Azhari (w.370H) pula menamakannya dengan *"Tahzib Al-Lughah"*.
6) As-Sahib Ibn Abbad (w.385) menamakkannya dengan *Al-Muhith*.
7) Al-Jauhari (w.393H) menamakannya dengan *"Sihah Al-'Arabiyyah"*.
8) Ibnu Faris (w.395H) menamakannya dengan *"Maqayis Al-Lughah"*.
9) Ibnu Sidah (w.458H) menamakannya dengan *Al-Muhkam* dan *Al-Muhit Al-A'zam*.
10) Az-Zamakhsyari (w.538H) menamakannya dengan *Asas Al-Balaghah*.
11) Ar-Radhi As-Saghani (w.650H) menamakannya dengan *Al-'Ubab*.
12) Ibnu Manzur (w.711H) menamakannya dengan *Lisan Al-Arab*.
13) Al-Fayyumi (w.770H) menamakannya dengan *Al-Misbah Al-Munir*.
14) Al-Fairuzabadi (w.817H) menamakannya dengan *Al-Qamus Al-Muhit*.
15) Al-Zabidi (w.1205H) menamakannya dengan *Taj al-Urus Min Jawahir Al-Qamus*.

ini haruslah difahami supaya tidak timbul kekeliruan terhadap ketiga-tiga istilah ini. Antara perkara yang perlu difahami ialah:

Kitab yang dinamakan dengan perkataan "*Mu'jam*" adalah meliputi semua jenis kitab yang memperbahaskan tentang pengertian makna perkataan-perkataan dari sudut bahasa, ataupun kitab yang mengandungi istilah-istilah ilmu atau sesuatu cabang ilmu atau kemahiran dengan susunan huruf abjad.

Manakala kitab yang dinamakan dengan perkataan *"al-Qamus"* pula (pada kebiasaannya) adalah kitab yang besar isi kandungnya, atau satu karangan yang merangkumi aspek yang luas, yang menghuraikan tentang perkataan-perkataan dan pengertian makna-makna kalimah seperti "*al-Qamus al-Muhit*" karang Al-Fairuzabadi (817H) yang mana beliaulah orang pertama yang menamakan kitabnya sebagai Al-Qamus. Dalam bahasa Melayu mungkin ia dikenali dengan nama tesaurus.

Adapun "*Al-Mausu'ah*" pula ialah perkataan yang dinamakan bagi kitab yang membahaskan tentang takrif-takrif perkara ilmiah dalam segenap jenis perbahasan dan tajuk dengan huraian yang terperinci dan teliti. Ianya seumpama makalah ilmiah yang mana panjang dan pendek isi kandungannya bergantung kepada keluasan perbahasan sesuatu tajuk tersebut. Dalam bahasa Melayu ia dikenali dengan nama ensiklopedia.

Kedua: Takrif Perkataan *Al-Mustalah* Serta Maksudnya

Perkataan *al-Mustalah* (المصطلح) adalah "*Ism Maf'ul*" (Kata Yang Diperlaku) daripada kata perbuatan (اصْطَلَحَ يَصْطَلِحُ) dan kata dasarnya (مصدرُه) pula adalah Istilah (الاصطلاح) yang membawa maksud yang sama dengan (المصطلح) iaitu *Ism Maf'ul*nya (المفعول).

Manakala perkataan Istilah (الاصطلاح) sepertimana yang ditakrifkan oleh ulama adalah: persepakatan satu kumpulan (tidak kira ramai mahupun sedikit) terhadap penggunaan sesuatu perkataan yang memberikan makna yang khas menurut kefahaman mereka, yang mana makna yang diberikan oleh kumpulan tersebut adalah berbeza dengan makna yang difahami oleh orang awam yang lain berdasarkan makna bahasa yang umum. Contoh perkataan *Istilah* atau *Mustalah* ini adalah seumpama perkataan "Wajib" yang mana perkataan ini dari sudut bahasa maknanya adalah sesuatu yang tetap dan lazim. Walau bagaimanapun kumpulan ulama fiqah telah memberikan makna yang khas terhadap perkataan wajib ini iaitu sesuatu yang sekiranya dilakukan maka pelakunya dapat pahala dan sekiranya ditinggalkan pelakunya akan mendapat dosa[1].

Jadi sekiranya diperhalusi dari sudut 'makna kamus' perkataan *"al-Mustalah"* membawa maksud persepakatan, saling memperbaiki dan saling menerima.

Pengertian ini membawa maksud seolah para ulama berselisih ketika munculnya sesuatu perkataan dan istilah yang baru. Sebahagian mereka menamakan dengan istilah mereka manakala sebahagian yang lain pula menamakan dengan istilah

[1] Sila lihat: Tahir Al-Jaza'iri Ad-Dimasyqi, ***Taujih An-Nadzr Ila Usul Al-Athar***, Tahqiq As-Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, (Halab: Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Cetakan Kedua 1430H), (1/78), dan As-Sakaki, ***Miftah Al-Ulum***, Tahqiq: Al-Ustaz Akram Uthman Yusuf (Baghdad: Dar As-Sa'adah Cetakan Pertama, 1400H): 589.

mereka tersendiri. Lalu datang kumpulan ketiga yang membawa makna yang juga berbeza. Natijah daripada perselisihan mereka ini mereka telah bersepakat terhadap satu istilah, mereka saling memperbaiki dan saling menerima terhadap istilah yang baharu tersebut.

Jelaslah disini pembentukan sesuatu istilah memerlukan kepada persepakatan. Ini adalah kerana istilah baharu tidak mungkin termasuk dalam posisi bahasa melainkan setelah berlakunya persepakatan yang padu antara ahli sesuatu bahasa itu. Al-Jahidz pernah berkata: "Sesungguhnya orang ramai akan menamakan sesuatu berdasarkan apa yang mereka perlukan untuk menggunakannya"[1]. "Setiap kali muncul perkataan-perkataan yang baharu maka mereka bersegera untuk mencari istilah bagi nama-nama tersebut"[2].

Orang Yang Pertama Menggunakan Perkataan *"Al-Mustalah"* dan *"Al-Istilah"* dan Menamakan Kitabnya Dengan Perkataan Tersebut

Setelah kita memperbahaskan makna perkataan *al-Mustalah* dan *al-Istilah,* adalah sangat baik sekiranya kita telusuri sejarah penggunaan pertama perkataan ini di kalangan ulama'. Kemudian siapakah antara mereka yang menamakan kitab dan karangan mereka dengan perkataan ini.

Menurut kajian yang dilakukan, orang pertama yang menggunakan perkataan ini adalah al-Jahidz Abu Uthman 'Amru bin Bahr (w.225H) dalam kitabnya *"al-Bayan wa al-Tabyin"*. Perkataan ini didapati ketika beliau memperbahaskan tentang golongan *Ilmu Kalam* dimana beliau telah menyebut: "Mereka telah memberikan istilah kepada satu perkataan yang belum wujud lagi dalam bahasa Arab nama tersebut"[3]. Kemudian kami tidak menemui perkataan ini digunakan selepas itu sehingga Ibn Manzur (w.711H) pengarang kitab *Lisan al-Arab* dan Al-Fairuzabadi (w.817H) pengarang kitab *"al-Qamus al-Muhit"* yang mana kedua-dua mereka ini juga tidak menyebut perkataan ini dalam kitab karangan mereka. Oleh itu, berdasarkan ilmu saya yang sedikit ini, saya dapati bahawa orang yang kedua yang menggunakan perkataan *"Istilah"* selepas daripada al-Jahidz adalah seorang ulama hadis pada kurun ketujuh iaitu al-Imam Ibn Daqiq Al-'Eid Abu al-Fath Muhammad binAli (w.702H) yang mana beliau telah menamakan kitab karangan beliau dengan nama *"al-Iqtirah Fi Bayan al-Istilah"*. Kemudian daripada itu perkataan istilah ini telah digunakan oleh al-Jurjani al-Sayyid al-Syarif Ali bin Muhammad bin Ali al-Husaini (w.816H) dalam kitabnya yang masyhur *al-Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif Al-Jurjani Fi Usul al-Hadith,* dimana beliau menyebutkan dalam muqaddimah kitabnya "Ini adalah ringkasan yang lengkap dan menyeluruh bagi mereka yang ingin mengetahui ilmu hadis. Ia disusun dengan *muqaddimah* dan tujuan dan maksudnya yang dibahagikan kepada empat bab. Pertama adalah muqaddimah dalam menerangkan asas-asas dan istilah-istilah hadis...[4].

---

[1] Syafiq Jabari: ***Miladah Al-Alfaz***, Diterbitkan dalam Majalah Majma' Al-Lughah Al-Arabiyyah Damsyiq. (1/51), Jiilid 3.

[2] Sila lihat: *Ilmu Al-Mustalah Wa Tara'iq Wad'I Al-Mustalahat Fi Al-Arabiyyah* karangan Dr. Mamduh Muhammad Kharah, (Damsyiq: Dar Al-Fikr, Cetakan Pertama, 1429H) .

[3] Al-Jahidz, Abu Uthman Amru bin Bahr, ***Al-Bayan wa At-Tabyin***, Tahqiq Abdul Salam Harun: (1/139).

[4] Sila lihat: *Zafru al-Amani Bi Syarh Mukhtasar al-Sayyid al-Syarif al-Jurjani Fi Mustalah al-Hadith* karangan al-Syeikh Abdul Hayyi al-Laknawi, Tahqiq al-Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, Cetakan Keempat, 1429H) Halaman 22,23.

Begitulah lumrah hebatnya ulama hadis. Mereka adalah antara kumpulan pertama yang menggunakan lafaz *al-Mustalah* dan *al-Istilah* iaitu salah seorang daripada mereka telah menggunakan lafaz ini dan menamakan kitab mereka dengan perkataan ini sebagaimana mereka juga adalah kumpulan pertama yang menggunakan lafaz al-*Mu'jam* dalam karangan mereka. Dalamnya mereka mengumpul dan menyusun bahan ilmiah dan disusun dengan turutan huruf abjad sebagaimana yang telah dibahas sebelum ini.

Setelah itu, ramai penulis yang mengikut jejak langkah ulama hadis ini. Mereka menamakan kitab mereka dengan perkataan *al-Istilah* dan *al-Mustalah* seperti al-Syihab al-Umari (w.749H) yang menamakan kitabnya dengan *"al-Ta'rif Bi al-Mustalah al-Syarif"*, begitu juga al-Syeikh Ali bin Muhammad al-Qahis al-Azri (w.801H) yang menamakan kitab beliau dengan nama *"Mustalah al-Isyarat Fi al-Qiraat al-Zawaid al-Talath 'Asyarah al-Marwiyyah 'Anal-Thiqat"*. Walaupun begitu, penggunaan perkataan ini masih tidak begitu tersebar luas sehinggalah pada zaman al-Tahanawi Muhammad A'la bin al-Qadhi Muhammad (w.1185H) iaitu orang yang paling dikenali dalam menggunakannya dan beliau menamakan kitab beliau sebagai *"Kasyf Istilahat al-Funun"*. Selepas itu barulah perkataan ini tersebar secara pantas dan meluas sehingga diperakui oleh *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* yang berpusat di Kaherah.

Kepentingan Memahami Istilah

Kesalahan pemahaman biasanya berlaku bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan terhadap istilah-istilah tertentu, khususnya apabila seseorang itu menggunakan sesuatu istilah dengan bahasa yang menjadi kelazimannya dan kemudiannya dia memahami istilah tersebut dengan makna bahasa yang biasa digunakannya itu. Sebagai contoh perkataan *"Sahih"* dari sudut bahasa, sahih ber maksud: Bebas daripada segala keaiban dan keraguan. Namun dari kacamata ahli hadis, perkataan Sahih mempunyai erti kata yang sangat berbeza. Sahih di sisi ahli hadis ialah: Hadis yang bersambung sanadnya yang sempurna dan para perawinya terdiri daripada perawi yang *thiqah* dan *'adil"*. Begitu juga dengan perkataan *"Hasan"*. Hasan dari sudut bahasa ia bermaksud cantik. Namun menurut ahli hadis hasan ialah hadis yang bersambung sanadnya yang mana para perawinya terdiri daripada mereka yang *thiqah* dan *'adil* tetapi mempunyai daya ingatan yang sedikit kurang daripada yang sahih". Begitu juga dengan perkataan *"Daif"*. Daif dari segi bahasa bermaksud lawan kepada yang kuat iaitu lemah. Walaubagaimanapun dari sudut ahli hadis daif ialah hadis yang lebih rendah martabatnya daripada hadis hasan. Sekiranya seseorang itu cuba menggunakan makna bahasa terhadap istilah istilah ini sedangkan makna yang dimaksudkan adalah makna dari sudut istilah, maka sudah pasti ianya akan mengelirukan dirinya sendiri dan juga orang lain.

Oleh kerana itu, mereka yang pakar dikalangan ulama pernah menyebut: Adalah seharusnya bagi mereka yang bercakap tentang sesuatu ilmu atau bidang, hendaklah dia menyampaikan dengan lafaz-lafaz yang difahami tentangnya, dengan menggunakan lafaz-lafaz yang diketahui dan disepakati maknanya di sisi ahli ilmu tersebut. Mereka yang mengabaikan penggunaan perkataan tersebut adalah dua antara kategori, sama ada dia adalah seorang yang tidak tahu tentang istilah perkataan

tersebut, atau dia adalah seorang yang tahu tetapi segaja bertujuan untuk menimbulkan keraguan dan kekeliruan[1].

Justeru, menjadi satu kemestian kepada penuntut ilmu supaya mahir dengan istilah-istilah hadis dengan sempurna lebih-lebih lagi istilah-istilah yang digunakan oleh para ulama hadis. Ini adalah kerana kesalahan dalam memahami istilah akan memberi kesan dalam menilai seseorang perawi dari sudut *al-Jarh* mahupun *al-Ta'dil* dan akan menjejaskan ketepatan hukum yang dikeluarkan terhadap sesuatu hadis.

Ketiga: Penerangan Terhadap Makna *Hadis*

Pertama: *Hadis* Dari Sudut Bahasa:

Perkataan *Al-Hadith* adalah kata tunggal manakala kata jamaknya adalah (أحاديث). Dari segi bahasanya terdapat pelbagai makna bagi perkataan "*Hadis*". Antaranya ialah:

1- *Hadis* bermakna Baharu:

Menurut Ibn Manzur[2]: "Al-Hadith adalah lawan bagi perkataan Al-Qadim (lama), oleh itu *hadis* membawa maksud "Baharu".

Hadis yang bermakna:

«يا عبَّاس! يا عَمَّاه! ألاَ أُعْطِيْكَ، ألاَ أَمْنَحُكَ؟ ألاَ أَحْبُوْكَ؟ ألاَ أَفْعَلُ بك عشر خِصَال إذا أنتَ فعلتَ ذلك؛ غَفَرَ اللهُ لَكَ ذَنْبَكَ أَوَّلَهُ وآخِرَهُ، قَدِيْمَهُ وَحَدِيْثَهُ».

"Baharu" ini turut pernah digunakan oleh Rasulullah dalam beberapa hadis Baginda. Antaranya adalah kata-kata Baginda kepada pakciknya Abbas bin Abdul Muttalib: "Wahai Abbas, Wahai Pakcikku! Bukankah sepatutnya saya berikan kepadamu? Bukankah sepatutnya saya kurniakan buatmu? Bukankah saya adalah orang yang menyayangimu? Bukankah sepatutnya saya melakukan untukmu, sesungguhnya terdapat sepuluh perkara yang sekiranya kamu lakukannya Allah akan mengampunkan dosamu yang awal dan yang akhir, doa yang lama dan yang baru"[3].

Begitu juga terdapat sahabat yang menggunakan perkataan "*Hadis*" dengan maksud "Baharu" sepertimana yang diungkapkan oleh Abdullah bin Mas'ud, kata beliau:

"كنا نسلِّم في الصَّلاة ونأمُر بحاجتنا، فقدمتُ على رسول الله ﷺ وهو يصلِّي فسلَّمتُ عليه فلم يَرُدَّ عليَّ السَّلامَ، فأخذني ما قَدُمَ وما حَدُثَ. فلمَّا قَضَى رسولُ الله ﷺ الصَّلاةَ، قال: «إنَّ اللهَ ﷻ يُحْدِثُ مِنْ أَمْرِهِ ما يَشَاءُ، وإنَّ اللهَ تعالى قَدْ أَحْدَثَ أنْ لاَ تَكَلَّمُوْا في الصَّلاَة».

"Kami pernah memberi, menjawab salam dalam solat dan menyuruh meminta keperluan kami dalam solat. Namun pada suatu hari saya pergi berjumpa Rasulullah dan Baginda sedang solat. Lantas saya memberi salam kepadanya. Namun Baginda tidak menjawab salamku. Maka saya berasa sedih dan memikirkan apa yang pernah berlaku dahulu dan yang baharu ini. Maka setelah Baginda menyelesaikan solat Rasulullah pun bersabda: "Allahlah yang menjadikan sesuatu perkara seperti

---

[1] Al-Jaza'ir, Muhammad Tahir, "*Taujih al-Nazr Ila Usul al-Athar*": (1/78).

[2] Ibn Manzur, Muhammad bin Manzur bin Mukarram al-Ifriqi Al-Misri, *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Cetakan Kedua, 1417H) perkataan "*Ha Da Tha*" Jilid 4 Hal 12.

[3] Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Solah, Bab al-Tasbih, No 1297.

kehendaknya, dan sesungguhnya Allah telahpun menjadikan kehendaknya itu, Maka selepas daripada ini janganlah kamu bercakap dalam solat.[1].

Maka jelaslah sepertimana yang telah dihuraikan di atas, perkataan "*Hadis*" membawa maksud "Baharu" yang mana pada kebiasaannya digunakan bagi kata lawan kepada kalimah "*Qadim*" (lama)[2].

2- *Hadis* bermakna Khabar (Berita atau Cerita):

Begitu juga perkataan "*Hadis*" boleh membawa maksud "Khabar atau Berita atau Cerita" sama ada khabar berita itu sedikit mahupun yang banyak dan panjang[3]. Malah dalam Al-Quran, perkataan *hadis* dengan maksud khabar berita ini boleh didapati dalam beberapa ayat dalamAl-Quran. Sebagai contoh firman Allah:

﴿ هَلۡ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلۡجُنُودِ ﴾.

Maksudnya: Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) khabar berita (kebinasaan yang telah menimpa) kaum-kaum yang menentang (Rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka)?. (Al-Buruj:17).

Begitu juga dengan ayat:

﴿ وَهَلۡ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴾.

Maksudnya: Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) berita/cerita perihal Nabi Musa?. (An-Nazi'at:15).

Begitu juga perkataan *hadis* dengan makna 'khabar berita' ini adalah suatu perkataan yang masyhur dikalangan Arab Jahiliyyah sejak mereka menggunakannya pada hari peristiwa besar mereka[4].

3- *Hadis* dengan makna "Perkataan atau percakapan":

Hadis juga boleh membawa maksud sebagai "perkataan atau percakapan". Sepertimana firman Allah:

﴿ ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحۡسَنَ ٱلۡحَدِيثِ كِتَٰبٗا مُّتَشَٰبِهٗا ﴾

Iaitu maksudnya: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya). (Az-Zumar:23).

Begitu juga dengan ayat:

﴿ وَمَنۡ أَصۡدَقُ مِنَ ٱللَّهِ حَدِيثٗا ﴾.

Maksudnya: Dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya daripada Allah?. (An-Nisa':87).

Malah perkataan hadis dengan maksud perkataan banyak digunakan oleh Nabi s.a.w sendiri dan telah juga digunakan oleh para sahabat Baginda. Sebagai contoh

---

[1] Abu Dawud, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Solah, Bab Rad al-Salam Fi al-Solah, No 924.

[2] Imtiyaz Ahmad, *Dala'il al-Tauthiq al-Mubakkir Li al-Sunnah Wa al-Hadith,* (Kaherah: Dar al-Wafa' Cetakan Pertama, 1410H) Hal 86.

[3] Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, perkataan *Ha Da Tha*, Jilid 3, Hal 75.

[4] Al-Balazari, Ahmad bin Yahya bin Jabir bin Daud, *Futuh al-Buldan*, Hal 39.

hadis yang telah diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah daripada Nabi s.a.w, Baginda bersabda:

«فإنَّ خَيْرَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ».

"Sesungguhnya perkataan yang paling benar adalah Kitab Allah"[1]. Jelas perkataan *hadis* di sini membawa maksud perkataan atau kata-kata.

Daripada perbahasan di atas, dapat kita simpulkan bahawa *hadis* mempunyai makna yang pelbagai seperti:baru, khabar berita, perkataan atau kata-kata. Semua makna tersebut pernah digunakan oleh Nabi dan para sahabat ketika mereka menyebutkan lafaz *hadis* dengan makna yang difahami seperti di atas.

Kedua: *Hadis* dari segi Istilah:

Hadis dari segi istilah adalah setiap apa yang disandarkan kepada Nabi s.a.w sama ada kata-kata, perbuatan, bentuk fizikal, sifat akhlaknya atau apa-apa yang disandarkan kepada sahabatnya atau para Tabi'e[2].

Adapun yang dimaksudkan dengan kata-kata Nabi adalah seluruh perkataannya sebagaimana hadis Muawiyyah bin Abu Sufyan, beliau berkata: Saya pernah mendengar Nabi s.a.w bersabda:

«مَن يُرِدِ اللّهُ بِهِ خَيْراً يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ».

"Barangsiapa yang Allah kehendaki kebaikkan buatnya maka Allah akan memberinya kefahaman dalam agama[3]."

Apa yang dimaksudkan dengan perbuatan Nabi s.a.w adalah segala urusan perlakuan Nabi s.a.w yang disampaikan melalui sahabat seperti kata-kata: "Sesungguhnya dia pernah melihat Baginda s.a.w melakukan sekian-sekian..." atau Rasulullah pernah melakukan sekian sekian... Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan oleh Wa'il bin Hujr, beliau berkata:

"رأيتُ رسولَ اللهِ ﷺ إذا سَجَدَ؛ يَضَعُ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ، وإذا نَهَضَ؛ رَفَعَ يديه قبل رُكْبَتَيْهِ".

"Saya melihat Nabi s.a.w apabila sujud, Baginda meletakkan lututnya dahulu sebelum meletakkan tangannya, dan apabila Baginda ingin bangun, Baginda akan mengangkat tangannya dahulu sebelum lututnya"[4].

Manakala pengakuan atau *taqrir* Nabi pula adalah sesuatu perkara yang dilakukan oleh sahabat Nabi s.a.w, atau kata-kata yang diucapkan oleh sahabat dan Nabi mengakuinya, (tidak menegahnya) kata-kata atau perbuatan tersebut. Sebagai contoh hadis Anas bin Malik beliau berkata:

"كُنّا نُصَلّي على عهد رسول الله ﷺ ركعتَين بعد غُروب الشَّمسِ قبل صلاة المغرب، وكان النبيُّ ﷺ يَرانا نصلّيهما فلم يَأمُرْنا، و لم يَنْهَنا".

"Kami menunaikan solat dua rakaat selepas terbenamnya matahari sebelum menunaikan solat Maghrib pada zaman Nabi. Nabi s.a.w melihat kami. Baginda tidak

---

[1] An-Nasa'ie, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Ali bin Sinan bin Zakaria bin Dinar An-Nasa'ie, *As-Sunan As-Sughra*, Kitab Solat Al-Aidain, Bab Kaifa Al-Khutbah, No 1577.

[2] 'Itr, Nuruddin, ***Manhaj An-Naqd Fi 'Ulum Al-Hadith,*** Hal 27.

[3] At-Tirmizi, *Al-Jami'*, Abwab Al-Ilm, Bab Iza Aradallah Bi'abdin Khairan, No 2645.

[4] At-Tirmizi, *Al-Jami'*, Abwab As-Solah, Bab Ma Ja'a Fi Wadh'ie Ar-Rukbatain, No 268.

menyuruh kami (melakukan demikian) dan Baginda tidak pula melarang kami (daripada melakukan demikian)"[1].

Sifat Nabi pula adalah bermaksud sifat fizikal Nabi yang tidak dicapai melalui usahanya atau perbuatannya. Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bara' bin 'Azib, beliau berkata:

"كان رسولُ الله ﷺ أَحْسَنَ النَّاسِ وَجْهاً، وأَحْسَنَهُم خَلْقاً، ليس بالطَّويلِ البائنِ، ولا بالقَصيرِ".

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w mempunyai wajah yang sangat elok, akhlak yang sangat mulia, Baginda tidaklah terlalu tinggi dan tidak pula rendah"[2].

Orang Pertama Yang Menggunakan Perkataan "*Hadis*":

Sememangnya perkataan "*Hadis*" adalah istilah yang digunakan oleh Nabi sendiri bagi menggambarkan perkataannya dan perbuatannya. Ini dibuktikan dengan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, beliau bertanya kepada Nabi pada suatu hari tentang: "Siapakah orang yang paling bahagia menerima syafaatmu di akhirat kelak?

«لَقَدْ ظَنَنْتُ يا أبا هُرَيْرَةَ! أنْ لاَ يَسْأَلَنِيْ عَنْ هَذَا الْحَدِيْثِ أَحَدٌ أَوَّل مِنْكَ؛ لِمَا رَأَيْتُ مِنْ حِرْصِكَ عَلَى الْحَدِيْثِ»، ثم قال ﷺ: «أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِيْ يَوْمَ القِيَامَةِ مَنْ قالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله خَالِصاً مِنْ قِبَلِ نَفْسِهِ».

Lalu Baginda s.a.w pun berkata: Wahai Abu Hurairah, sesungguhnya saya sudah menjangka tidak akan ada sesiapa pun yang akan bertanyakan tentang "*hadis*" ini lebih awal daripadamu setelah saya melihat kesungguhan kamu terhadap "*hadis*" (Nabi). Kemudian Baginda s.a.w bersabda: "Orang yang paling bahagia menerima syafaatku pada hari kiamat adalah mereka yang berkata:*La'ilaha illah* ikhlas dari dalam dirinya sendiri".[3].

Kami sendiri tidak penah menjumpai orang yang menggunakan perkataan "*Hadis*" bagi menggambarkan perkataan dan perbuatan Nabi sebelum digunakan oleh Nabi s.a.w sendiri. Jadi jelaslah bahawa Nabi Muhammad sendiri adalah orang yang pertama menggunakan perkataan *hadis* yang membawa maksud perkataan dan perbuatannya. *Wallahu A'lam.*

Begitu juga para sahabat sendiri telah bersepakat bahawa setiap perkara yang berlaku yang mempunyai hubungan dengan keberadaan Nabi di samping mereka, segala contoh tauladan Nabi serta sejarah perjalanan hidupnya, semua ini dikategorikan sebagai hadis Nabi. Seakan-akan mereka ini bersetuju menyatakan bahawa setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi adalah "*Hadis*". Manakala bukti yang menunjukkan demikian adalah banyak, seperti:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Said Al-Khudri, beliau berkata:

يا رسول الله! ذَهَب الرجالُ بحديثك، فاجعلْ لنا من نفسك يوماً، نأتيك فيه تُعَلِّمُنا ما عَلَّمَك الله، فقال: «اجْتَمِعْنَ فِي يَوْمِ كذا وكذا، فِي مَكَانِ كَذَا كَذَا».

---

[1] Muslim, Kitab al-Solah Al-Musafirin, Bab Istihbab Rak'atain Qabla Solah Al-Maghrib. No 836.

[2] Al-Bukhari, *al-Sahih*, Kitab al-Manaqib, Bab Sifah al-Nabi, No 3549 dan Muslim, al-Sahih, Kitab Al-Fadhail, Bab Fi Sifat al-Nabi, No 6066.

[3] Al-Bukhari, *al-Sahih*, Kitab al-Raqa, Bab Sifah al-Jannah wa al-Nar, No 6570.

Seorang perempuan telah datang berjumpa dengan Nabi lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya para lelaki mempunyai ruang untuk pergi belajar berkenaan *hadis* tuan, maka berikanlah kami ruang satu hari bersama tuan supaya kami dapat hadir dan tuan dapat ajarkan kami apa yang telah Allah ajarkan kepada tuan. Lalu Baginda bersabda: Berkumpullah kalian pada hari sekian di tempat sekian..."[1].

2. Imam Nasaie meriwayatkan daripada Saidina Ali sesungguhnya beliau berkata:

"إني كنتُ رجلاً إذا سمعتُ من رسول الله ﷺ حديثاً ينفعني الله منه بما شاء أن ينفعني. فإذا حدَّثني رجلٌ من أصحابه؛ استحلفته، فإذا حلف لي؛ صدَّقته... ".

"Sesungguhnya setiap kali saya mendengar *hadis* daripada Rasulullah, Allah akan memberikan manfaatnya buat saya sepertimana yang Dia kehendaki, dan apabila saya mendengar sesuatu *hadis* daripada para sahabat Nabi, maka saya memintanya bersumpah, sekiranya dia bersumpah saya akan membenarkan maklumatnya itu..."[2].

Banyak lagi contoh-contoh lain yang membuktikan bahawa perkataan "*Hadis*" yang membawa maksud perkataan dan perbuatan Nabi adalah istilah yang telah digunakan semenjak permulaan zaman kenabian lagi, bagi membezakan antara hadis Nabi dengan wahyu Al-Quran sehinggalah masih digunakan sampai hari ini.

Perkataan "*Hadis*" merangkumi "Matan" dan "Sanad" hadis:
Berdasarkan perbahasan pengertian di atas, mungkin terlintas dalam pemikiran kita bahawa perkataan *hadis* adalah sesuatu yang merujuk kepada matan sahaja tanpa sanad (rantaian perawi) hadis. Walau bagaimanapun, para pakar dalam bidang ini telah merangkumkan perkataan *hadis* adalah istilah yang menyeluruh merangkumi matan dan sanad sesuatu hadis. Terdapat banyak hafalan-hafalan para imam yang tercatat bahawa mereka telah menghafal sekian-sekian dan yang dimaksudkan dengan sekian itu adalah *hadis*. Mereka tidak pula menyatakan bahawa *hadis* adalah matan sahaja bahkan mereka seolah-olah memberikan maksud *hadis* itu termasuk matan dan sanad yang diriwayatkan.

Perkataan lain bagi "*Hadis*":
Terdapat beberapa perkataan lain yang juga digunakan membawa maksud "al-Hadith" seperti: *al-Sunnah, al-Khabar* dan *al-Athar*. Setiap perkataan ini telah kami bahaskan ditempatnya dalam kitab ini.

(ii) Pengertian "*Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah*"

Di sini dapatlah disimpulkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan "*Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyyah*" adalah:

"Kitab yang penulisannya yang mengambil kira susunannya berdasarkan kepada susunan kamus. Dalamnya terkandung lafaz-lafaz, perkataan-perkataan serta frasa-frasa yang berkaitan dengan ilmu hadis dari segi *riwayah* dan *dirayah*, yang

---

[1] Al-Bukhari, *al-Sahih*, Kitab al-I'tisam Bi al-Kitab Wa al-Sunnah, Bab Ta'lim al-Nabi Ummatahu Min al-Rijal wa al-Nisa'... No 7310

[2] Al-Nasaie, *Al-Sunan Al-Kubra*, Kitab Al-Tafsir Surah Ali 'Imran, No 10577

mana para ulama hadis telah menggunakannya dengan makna mereka yang tersendiri dan bukan dengan makna yang difahami melalui maksud bahasa asal perkataan tersebut dan inilah yang dimaksudkan dengan istilah-istilah hadis. Kesemua istilah ini disusun dengan susunan huruf *hija'iyyah* atau huruf abjad bagi memudahkan para penuntut ilmu untuk menggunakannya.

Perbahasan Kedua:

Sejarah Ilmu *Mustalah al-Hadith* Dan Perkembangannya

Pertama: Pengertian Ilmu *Mustalah Al-Hadith* dan Kepentingannya Dalam Ilmu Syara'

Pengertian "Ilmu *Mustalah Al-Hadith*":
"*Ilmu Mustalah al-Hadith*" adalah satu ungkapan atau istilah yang menggambarkan himpunan kaedah-kaedah yang berkaitan dengan kaedah menentukan kedudukan hadis dari sudut sanad dan matan. Ia juga merupakan ilmu yang menerangkan keadaan perawi dan apa yang diriwayatkannya, kaedah-kaedah untuk mengetahui sama ada sesuatu hadis itu diterima atau ditolak, sahih atau daif, *nasakh* dan *mansukh*nya sesuatu hadis itu serta segala ilmu yang bercambah daripada seni ilmu hadis yang pelbagai. Kesemua cabang ilmu ini dinamakan sebagai ilmu "*Mustalah al-Hadith*", atau ilmu "*Usul al-Hadith*" atau "*Ilmu Mustalah*".

Pada asalnya ilmu ini terbina daripada himpunan kaedah-kaedah hadis tersebut yang mana sebahagian besar istilah-istilah ini biasa digunakan oleh para ulama hadis. Istilah-istilah ini telah dibentuk bertujuan memudahkan pemahaman tentang kaedah-kaedah hadis dan bidang ilmu berkaitan dengannya. Ianya juga bertujuan meringkaskan penerangan mengenai sesuatu kaedah yang berkatian dengan ilmu tersebut serta merungkai perincian kaedah tersebut dalam perbahasan yang memberikan satu gambaran yang mudah dan menyeluruh.

Kepentingan Ilmu *Mustalah Al-Hadith* Kepada Ilmu Yang Lain:
Ilmu*Mustalah Al-Hadith* adalah ilmu asas bagi semua jenis ilmu syarak kerana kaedah-kaedah serta asas-asas yang telah diletakkan oleh para pengkaji hadis serta ulamanya dalam ilmu ini dapat dimanfaatkan dalam segenap bidang, sama ada dari segi tarikh, sejarah dan penulisan, huraian dari sudut bahasa dan perungkaian asal bahasa dan pelbagai lagi . Atas asas serta kaedah-kaedah yang dibentuk oleh ulama' hadis ini maka ramai ulama' ilmu syara' yang lain telah mengambil manfaat daripadanya. Menurut mereka: "Sebenarnya kepentingan ilmu hadis ini terhadap ilmu syarak yang lain adalah seumpama satu ilmu yang berada di kedudukan yang tinggi kerana segala ilmu yang lain mengambil manfaat secara terus daripadanya sedangkan ilmu ini seakan tidak banyak mengambil manfaat daripada ilmu yang lain[1]."

Kedua: Perkembangan Istilah-Istilah Hadis Serta Penulisan Tentangnya

Istilah-istilah hadis telah berkembang selari dengan perkembangan periwayatan hadisdalam Islam. Perkara ini telah bermula semenjak kewafatan Baginda s.a.w lagi di mana orang Islam ketika itu sangat mengambil berat soal pengumpulan hadis kerana

[1] Sila lihat: Kitab "*Mustalah al-HadithWa Atharuhu 'Ala Ad-Dars Al-Lughawi 'Inda Al-'Arab*" karangan Dr. Syarfuddin Ali al-Rajihi dan Kitab "*Mustalah al-Tarikh*" oleh Dr. Asad Rustum.

mereka sangat khuatir ianya akan lenyap begitu sahaja. Maka atas kesedaran tersebut, mereka telah mengerah keringat dalam memelihara hadis serta menghafal, menyebarkan serta memulakan proses pengumpulan dan penulisannya. Adalah logik sekiranya kita katakan bahawa penulisan hadis seharusnya mendahului ilmu "*Usul al-Hadith*". Ini adalah kerana hadis adalah subjek tumpuan dalam pengumpulan dan pengkajian tentangnya manakala ilmu "*Usul al-Hadith*" adalah kaedah atau method yang digunakan bagi menilai penerimaan serta penolakkan sesuatu hadis, atau kaedah untuk mengetahui sahih atau daifnya hadis tersebut.

Pada masa yang sama, para sahabat, tabi'in serta generasi selepasnya telah meletakkan satu kaedah yang tersendiri di kalangan mereka dalam menerima sebarang hadis atau berita daripada orang lain. Namun mereka tidak pernah menyusun satu kaedah yang khusus secara tersusun sehinggalah datangnya zaman para ulama selepasnya. Mereka mula mengkaji dan mengembangkan asas bagi kaedah-kaedah penerimaan sesuatu hadis. Mereka juga membentuk kaedah untuk mengetahui perawi yang biasanya diambil riwayat mereka atau perawi yang tidak boleh di terima riwayatnya. Begitu juga mereka mula mengembangkan syarat-syarat periwayatan sesuatu hadis serta kaedahnya, kaedah-kaedah *al-Jarh wa al-Ta'dil* serta segala yang berkaitan dengannya. Tidak berapa lama selepas itu sempurnalah ilmu hadis dan ia menjadi satu ilmu yang khusus antara ilmu-ilmu Islam yang lain[1].

Sebenarnyanya Imam Syafie (w.204H) adalah orang yang pertama yang menyebutkan beberapa istilah hadis dalam kitabnya Ar-risalah. Kemudian Imam Ali bin al-Madini al-Basri (w.234H) mula mengarang beberapa jenis-jenis istilah serta ilmu hadis dalam penulisan-penulisannya yang berasingan. Begitu juga beberapa ulama hadis telah mula menyebutkan beberapa istilah hadis dalam kitab-kitab mereka seperti: Imam Bukhari (w.256H) dalam kitab *Sahih*nya[2], Imam Muslim (w.261H) dalam muqaddimah kitab *Sahih*nya, Imam Tirmizi (w.279H) di penghujung kitab *al-Jami'*nya, Imam Abu Dawud (w.275H) dalam risalahnya yang ditulis khas kepada ahli Mekah bagi menghuraikan gambaran tentang kitab *Sunan*nya, Imam Ahmad (w.241H) dalam kitabnya[3], dan ramai lagi ulama yang telah mula menyebutkan istilah hadis dalam kitab mereka.Maka mereka telah menjawab permasalahan dalam ilmu ini sejal awal perkembangannya lagi.

Kemudian pada kurun keempat hijrah, beberapa ulama telah mula mengumpulkan beberapa istilah hadis tersebut dalam sebuah kitab khusus seperti:

1. Al-Hafiz al-Ramahurmuzi Abu Muhammad Al-Hasan bin Abdul Rahman bin Khallad al-Farisi (w.360H) dalam kitabnya *al-Muhaddith al-Fasil Baina al-Rawi wa al-Wa'ie.*
2. Al-Hakim Abu Abdillah al-Naisaburi Muhammad bin Abdullah (w.405H) dalam kitabnya *Ma'rifah Ulum al-Hadith Wa Kammiyah Ajnasihi.*
3. Al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit (w.463H) dalam kitabnya *Al-Kifayah fi Ma'rifah Ilm al-Riwayah* dan *al-Jami' Li Akhlak al-Rawi wa Adab al-Sami'.*

---

[1] Sila lihat: Kitab: *"Usul Al-Hadith"* oleh As-Syeikh Muhammad 'Ajjaj Al-Khatib, Hal 14-15.
[2] Begitu juga dengan beberapa kitabnya yang lain seperti: *At-Tarikh Al-Kubra* dan *Ad-Du'afa'.*
[3] Seperti kitab: *Al-Ilal wa Ma'rifah Ar-Rijal.*

4. Al-Qadhi Iyyad bin Musa al-Yahsubi al-Sabti al-Maghribi (w.544H) dalam kitabnya *Al-'Ilma' fi Usul al-Riwayah wa al-Sima'*.
5. Abu Hafs Umar bin Abdul Majid al-Mayyanishi (w.580H) dalam risalahnya "*Ma La Yasa' al-Muhaddith Jahluhu*".

Kemudian, istilah-istilah hadis ini mula berkembang dan bertambah sehinggalah zaman al-Hafiz Ibn al-Salah Abu Amr Uthman bin Abdul Rahman al-Syahrazuri (w.643H), yang mana beliau telah menulis buat pelajarnya pelajaran-pelajaran yang berkenaan dengan Usul al-Hadith. Beliau telah menghuraikannya sendiri setelah mengkaji penulisan ulama-ulama yang tedahulu. Karangan yang beliau tuliskan ini semakin mendapat perhatian dan tersebar luas dikalangan ulama dan penuntut ilmu hadis. Ia masyhur dengan nama "*Muqaddimah Ibn al-Salah*"[1]. Dengan kemasyhuran kitabnya ini, para ulama telah mula meneliti dan mengkajinya. Sebahagian mereka ada yang meringkaskan dan ada pula yang melakukan penyusunan semula dan menghuraikannya, seolah-olah kesemua kitab yang membahaskan tentang ilmu hadis merupakan perbahasan dan perbincangan tentang apa yang dikarang oleh al-Hafiz Ibn al-Salah.

Begitulah berterusan lamanya kitab al-Hafiz Ibn al-Salah sebagai rujukan asas dan utama dalam bidang ini selama hampir 200 tahun sehinggalah kedatangan al-Hafiz Ibn Hajar (w.852H) mengubah lanskap sejarah ilmu hadis. Ibn Hajar telah mengarang kitabnya yang ditulis dalam bentuk ringkasan "*Nukhbah al-Fikr Fi Mustalah Ahl al-Athar*" yang kemudiannya beliau menghuraikan kitab tersebut dengan nama "*Nuzhah al-Nadzr Fi Taudhih Nukhbah al-Fikr*". Kemunculan kitab ini berjaya mengalihkan perhatian ulama kepadanya malah mereka mula menjadikannya sebagai rujukan utama dalam ilmu ini kerana huraiannya yang ringkas, faktanya yang lebih jelas, di samping tambahan maklumat yang disediakan yang tidak disebutkan oleh al-Hafiz Ibn al-Salah dalam "*Muqaddimah*"nya. Dengan perkembangan tersebut, kitab "*Nukhbah al-Fikr*" serta syarahnya terus menjadi rujukan utama para ulama' hadis. Perkara ini menyebabkan bertambah banyak jumlah kitab yang menghuraikannya malah ada yang meringkaskannya, ada juga yang menulis huraian pada sisi kitab dan ada juga yang menyusunnya kembali. Sehinggalah huraian dan syarahan ulama terhadap kitab ini hampir sama banyak dengan apa yang pernah dilakukan ke atas kitab "*Muqaddimah*" Ibnu Salah[2].

Selepas munculnya dua kitab ini (*Muqaddimah Ibn al-Salah* dan *Nukhbah al-Fikr*), maka semakin berkembanglah istilah-istilah hadis dengan kedua-dua kitab utama ini dijadikan rujukan utama. Didapati bahawa terlalu sedikit perbahasanyang terkeluar daripada apa yang dibahaskan dalam kitab ini dan maklumat tambahan juga tidaklah banyak.

---

[1] Juga dikenali dengan nama: *Ma'rifah Anwa' Ulum Al-Hadith.*

[2] Adapun kitab-kitab yang dikarang selepas kitab: "*Muqaddimah Ibn al-Salah*" kami sebutkan beserta huraian dan kelebihannya dalam kitab "*Ilmu Mustalah al-Hadith: Nas'atuhu wa Tatawwaruhu wa Takamuluhu*" karangan penulis. Sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat tambahan, bolehlah merujuk kitab tersebut.

Ketiga: Perkembangan Kamus Mustalah Al-Hadith

Dalam perbahasan sebelum ini, saya telah menghuraikan berkenaan perkembangan penulisan ilmu dalam bidang istilah hadis, serta tumpuan yang dicurahkan oleh ulama terhadapnya dalam bentuk penulisan ilmu dalam bidang ini. Sekarang, saya akan huraikan fokus serta sumbangan ulama kotemporari dalam penulisan kamus istilah secara umum yang berkaitan dengan ilmu hadis.

Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini, setiap disiplin ilmu mempunyai istilahnya yang tersendiri. Pada kebiasaannya istilah-istilah ini dibentuk bagi memudahkan pemahaman dan gambaran terhadap sesuatu kaedah yang menjadi asas kepada sesuatu bidang ilmu. Istilah ini juga dibentuk bagi meringkaskan penerangan terhadap sesuatu yang berkaitan dengan bidang ilmu tersebut disamping memberikan huraian yang padat dan ringkas. Maka adalah menjadi suatu kemestian bagi penuntut ilmu untuk mengetahui dan memahami istilah tersebut. Justeru mereka yang tidak memahaminya sekali-kali tidak dapat mendalami ilmu tersebut.

Begitu juga dengan ilmu hadis, sekiranya penuntut ilmu hadis ini tidak menguasai maksud istilah-istilah yang digunakan serta memahami makna yang dimaksudkan oleh para ulama hadis, maka sukarlah bagi mereka untuk memahami ilmu tersebut dengan kefahaman yang sahih lebih-lebih lagi perkara yang melibatkan perincian yang teliti serta mendalam. Oleh itu, mereka yang menceburi ilmu ini seharusnya mahir dalam dalam setiap makna istilah-istilah hadis serta memahami maksudnya sepertimana yang diinginkan oleh ulama hadis.

Melihatkan kepada kepentingan ini, maka para ulama zaman ini telah bangun untuk membantu melalui penulisan mereka khususnya penulisan kitab-kitab yang di susun dengan susunan kamus. Mereka telah menyusun dalam kitab mereka istilah-istilah yang berkaitan dengan ilmu hadis sama ada *riwayah* dan *dirayah*, serta istilah-istilah khusus yang digunakan oleh ulama hadis dengan susunan huruf abjad. Usaha ini adalah bagi memudahkan para penuntut hadis untuk mendapatkan makna istilah-istilah tersebut khususnya bagi mereka yang mengalami kesukaran dalam mendapatkan sumber rujukan asal dalam bidang ini. Ini adalah kerana sebahagian mereka barangkali masih belum memenuhi kriteria utama sebagai penuntut hadis. Maka dengan terbitnya kamus ini yang disusun sebegini dapat membantu seumpama pelita yang menerangi jalan mereka dalam mencari ilmu dengan lebih mudah.

Manakala kitab yang dikarang oleh ulama zaman ini yang disusun dalam bentuk kamus adalah tidak lebih daripada sepuluh atau barangkali lebih kurang daripada bilangan tersebut. Malah bilangan halaman kitab tersebut pula adalah sederhana iaitu tidak melangkaui 200 hingga 300 mukasurat. Saya telah perkenalkan kitab-kitab tersebut dalam kitab saya yang berjudul *"Masadir al-Hadith wa Maraji'uhu: Dirasah wa Ta'rif"*, maka tidak perlulah diulangi di sini.

Ini merupakan huraian ringkas berkenaan usaha dan perhatian yang dicurahkan oleh ulama terdahulu sehingga kini dalam bidang ilmu hadis nabawi ini dengan bentuk penulisan yang pelbagai. Dalam proses inilah terbentuknya kamus hadis ini. Usaha menerbitkan kamus ini kerana melihat kepada kepentingannya serta keperluan yang mendesak dalam ilmu-ilmu syarak. Dengan ilmu inilah hadis atau sesuatu maklumat

sahih atau daif itu dapat dibezakan, *mauquf* dan *marfu'* itu dapat dikenal pasti, diterima atau ditolak boleh dipastikan. Melalui ilmu ini juga para ulama bangun dalam mengekstrak intipati yang menghasilkan hukum-hakam daripada sunnah nabi dan dengan ilmu ini jugalah para muslimin dapat menyempurnakan ikutan mereka terhadap Rasulullah s.a.w tercinta.

****

مُعْجَم

المصطلحاتِ الحديثيّة

KAMUS ISTILAH HADIS

Oleh

SYED ABDUL MAJID GHOURI

حرف الألف

HURUF ALIF

Bapa sebagai perawi kepada anaknya: الآباءُ (الرُّوَاة) عن الأبناء

Iaitu wujud dalam sesuatu sanad seorang bapa meriwayatkan hadis daripada anaknya.

Contohnya:

1. Di kalangan para sahabat r.a.:
   Hadis yang diriwayatkan oleh al-'Abbas bin 'Abdul Muttalib, daripada anaknya al-Fadl bin 'Abbas r.a. mengatakan bahawa: Sesungguhnya Nabi SAW menjamakkan antara dua solat ketika berada di Muzdalifah. (Hadis diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam kitabnya "*Riwayah al-Aba' 'an al-Abna*"" Asal hadis ini dalam *al-Sahihain* dan sebagainya).
   Dalam sanad hadis ini, bapa iaitu al-'Abbas bin 'Abdul Muttalib meriwayatkan hadis daripada anaknya iaitu al-Fadl.
2. Di kalangan para tabiin
   Riwayat Wail daripada anaknya Bakr bin Wail, daripada al-Zuhri daripada Anas r.a. mengatakan bahawa sesungguhnya Nabi SAW mengadakan kenduri (kahwin) baginda bersama Sofiyyah dengan tepung dan tamar. (diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab al-Atimah, bab Fi Istihbab al-Walimah, no. 3744).
   Dalam sanad hadis ini, bapa iaitu Wa'il meriwayatkan hadis daripada anaknya Bakr.

Karya-karya yang berkaitan dengannya:

Riwayah al-Aba' 'an al-Abna': oleh al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (w 463H).

Ahad: الآحَاد

Dari sudut bahasa: 'الآحاد' jamak bagi kalimah 'أحدٍ' yang bermaksud: Satu, iaitu sesuatu yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja.

Dari sudut istilah: Ia adalah hadis yang tidak terdapat dalamnya syarat-syarat hadis mutawatir. Hadis Ahad ini merangkumi jenis-jenis yang berikut:

1. Masyhur.
2. 'Aziz.
3. Gharib.

Setiap jenis ini dinamakan sebagai: hadis Ahad. Sila lihat pengertian setiap daripada jenis tersebut mengikut hurufnya.

Hukumnya:

Ulama bersepakat mengatakan bahawa wajib beramal dengan apa yang sahih daripada jenis-jenis hadis Ahad tersebut.

Adab-adab penuntut ilmu hadis: آدابُ طَالِبِ الْحَدِيْثِ

Adab-adab ini merupakan antara adab-adab yang harus dimiliki oleh setiap penuntut ilmu. Hal ini menjelaskan bagaimana proses membentuk diri dalam mendapatkan ilmu khususnya kepada penuntut ilmu hadis *Nabawi* kerana kepentingan ilmu ini. Adab-adab yang mengukuhkan dan memantapkan diri seorang penuntut ilmu hadis ini mestilah dititikberatkan dan beriltizam dengannya. Berikut adalah kesimpulan daripada adab-adab tersebut:

1. Mengikhlaskan niat kerana Allah S.W.T dalam menuntut ilmu hadis.
2. Tidak menuntut ilmu bertujuan mendapat habuan dunia.
3. Berakhlak dengan akhlak yang mulia.
4. Bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu ini.
5. Menuntut ilmu dengan penuh sabar secara berperingkat-peringkat. Penuntut seharusnya memulakan tumpuannya terlebih dahulu terhadap kitab *al-Muwatta, al-Sahihain (Bukhari* dan *Muslim)*, kemudian *Sunan Abi Dawud, Jami' al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah.*
6. Memulakan proses menuntut ilmu ini dengan para ulama di negaranya, mendengar dahulu daripada seorang ulama yang paling awal, berilmu, masyhur serta diakui kehebatannya dalam agama. Seterusnya memperbanyakkan duduk dalam majlis ilmu mereka.
7. Mengembara mencari ilmu ini mengikut kadar kemampuannya.
8. Tidak memberi penumpuan kepada hadis-hadis *Daif* dan *Maudu'*.
9. Mengulang kembali hadis -hadis yang telah dihafal dan dibaca kerana muzakarah merupakan cara yang terbaik untuk mengingati semula serta menghayati hadis-hadis tersebut.
10. Menitikberatkan *tajwid* (cara sebutan, *fasahah*, baris) sesebuah hadis kerana sebutan ber*tajwid* menindahkan percakapan, melambangkan kefasihan yang merupakan ciri bahasa Arab. Kesemua perkara ini terdapat dalam peribadi baginda s.a.w. Sesiapa yang berbicara mengenai hadis baginda s.a.w., mesti mengambil kira sebutannya sebagaimana sebutan baginda s.a.w.
11. Berusaha untuk beramal setiap sudut ilmu yang didengar dan dibaca.
12. Bekerjasama dengan rakan-rakan (dalam menuntut ilmu), di samping mementingkan amalan nasihat-menasihati serta berusaha mendapatkan faedah ilmu ini.
13. Menghormati dan memuliakan ahli hadis serta sesiapa sahaja yang memperdengarkan hadis kepadanya. Perlakuan ini merupakan antara cara memuliakan ilmu.
14. Tidak terlalu lama bersama dengan guru-gurunya (dalam suatu tempoh menuntut ilmu sehingga menganggu waktu rehat dan ibadah gurunya) serta menyukarkan guru-gurunya.
15. Sentiasa memastikan perlakuannya diredhai oleh guru-gurunya dan menjauhi segala perlakuan yang mengundang kemarahan mereka.

16. Menjauhi sifat sombong atau malu yang mengakibatkan terhalangnya mendapat ilmu.

Karya-Karya Berkaitan dengan Topik Ini:

1- Al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami' (الجامع لأخلاق الراوي وآداب السّامع) karangan: al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin 'Ali bin Thabit al-Baghdadi (w 463H).

2- Tazkirat al-sami' wa al-mutakallim fi adab al-alim wa al-muta'allim (تذكرة السّامع والمتكلّم في أدب العِلم والمتعلّم)oleh: al-Qadi Badr al-Din bin Jama'ah al-Kinani (w 733H).

3- Nasihat dan Panduan bagi Pelajar hadis (نصائح وتوجيهات لطالب الحديث النبوي) oleh: Syed Abdul Majid Ghouri. (Dicetak oleh Institut Kajian Hadis INHAD, KUIS).

Adab-adab menulis hadis: آدابُ كِتَابةِ الحَدِيْثِ

Ulama hadis telah menyenaraikan adab-adab untuk menulis hadis *Nabawi.*Mereka beriltizam dengan adab-adab tersebut dan mempraktikkannya dalam penulisan karya-karya mereka. Di sini dinyatakan sebahagian adab dan etika penuntut dalam menulis hadis:

1. Menjadi kemestian penuntut ilmu hadis meneliti, memerhati dan memastikan kesahihan lafaz yang ditulis kerana *matan* hadis adalah lafaz perkataan Rasulullah s.a.w. Perubahan yang berlaku terhadap lafaz hadis membawa kepada pengungkapan sesuatu yang tidak dikatakan oleh baginda s.a.w. atau penetapan suatu hukum syarak tanpa berpandukan cara atau kaedah yang sebenar. Begitu juga sanad hadis yang mengandungi nama perawi-perawi yang tidak boleh ditentukan kesahihan nama dan sebutannya dengan menggunakan kaedah *qiyas*, atau dengan struktur ayat atau dengan makna yang terkandung dalam sesuatu lafaz.
2. Membariskan atau memperincikan cara bacaan ketika menulis hadis bagi perkataan-perkataan yang susah. Cara membariskan semua perkataan adalah suatu yang sukar dan membebankan. Berkemungkinan sebahagian daripada perkataan tersebut tidak mempunyai apa-apa keperluan dan kepentingan. Justeru tidak perlu menyukarkan keadaan dengan meneliti dan membariskan sesuatu perkataan yang sudah jelas serta tiada kesamaran. Perkara penting yang perlu diutamakan ialah nama-nama tempat bukan negara Arab, kabilah-kabilah Arab dan nama-nama orang kerana semua perkara ini diketahui hanya melalui pendengaran dan tidak bolah ditentukan berdasarkan makna sesuatu perkataan atau menggunakan akal pemikiran.
3. Digalakkan supaya penulisan ditulis dalam bentuk yang jelas, mudah dibaca dan tidak dalam keadaan tulisan yang halus atau kecil tanpa sebarang sebab tertentu.

4. Tidak meletakkan suatu istilah khusus untuk dirinya yang tidak diketahui oleh orang lain dan di luar daripada kebiasaan yang digunakan.
5. Setiap penulis hadis digalakkan menulis: عَزَّ وجَلَّ atau تعالى atau سُبْحَانَهُ تَعَالَى atau جَلَّ ذِكْرُه atau تَبَارَكَ اسْمُه atau جَلَّتْ عَظَمَتُه atau تَبَارَكَ وتَعَالَى jika mendapati nama Allah atau yang seumpama dengannya.
6. Apabila seorang penulis menulis: si-fulan bin si-fulan, dan nama pertama ialah nama-nama Abd seperti Abdullah dan Abdul Rahman, dia perlu menjaga adabnya agar tidak meletakkan nama Abdul (hamba) di hujung sesuatu baris, manakala perkataan Allah permulaan baris baru. Penulisan ini bertujuan untuk mengelakkan bentuk yang tidak sempurna bagi nama Allah dan hambaNya meskipun tidak bermaksud demikian.
7. Jika tertinggal selawat kepada nabi s.a.w dalam penulisan sesuatu riwayat, tidak seharusnya meninggalkannya secara lafaz malah hendaklah disebut dengan lafaz.
8. Hendaklah menyebut صَلَّى اللهُ عليه وسَلَّمَ dengan sempurna selepas menyebut Rasulullah s.a.w. dan bukan sekadar meletakkan separa simbol atau salah satu daripadanya sahaja Contohnya hanya menyebut salam dan meninggalkan selawat.
9. Tidak meletakkan perkataan رسول di akhir sesuatu baris dan perkataan الله bersama dengan selawat kepada baginda pada permulaan baris yang kedua sewaktu menulis pernyataan.
10. Jika terdapat nama salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. hendaklah ditulis perkataan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, jika (sahabat tersebut) merupakan anak kepada seorang sahabat yang lain, maka ditulis رَضِيَ اللهُ عَنْهُما. Begitu juga keadaannya bagi para ulama dan golongan yang terpilih dengan mengucapkan keredaan Allah s.w.t atau rahmat-Nya dan ditulis dengan. رَضِيَ اللهُ عَنْهُ

Semua adab dan etika ini perlu dilaksanakan meskipun ia tidak ditulis melalui sumber asal yang dinukilkan kerana ia tidak termasuk dalam riwayat tetapi hanya sekadar bacaan dan doa. Setiap pembaca juga perlu membaca adab-adab dan etika-etika ini secara keseluruhan agar penuntut tidak merasa bosan dengan pengulangan bacaan yang dilakukan. Sesiapa yang mengabaikan adab-adab dan etika ini, nescaya dia telah meninggalkan kebaikan yang banyak dan kehilangan suatu kelebihan yang pasti.

Adab-adab *muhaddith* (ahli hadis): آدَابُ الْمُحَدِّثِ

Adab-adab ini ialah kumpulan adab-adab yang mesti dimiliki oleh setiap orang yang memimpin majlis-majlis ilmu, atau mereka yang diamanahkan

untuk mengajar adalah lebih utama memiliki adab-adab ini terutamanya seorang *muhaddith* atau seorang yang alim dalam bidang hadis. Perkara ini telah dinyatakan dengan tegas oleh para *muhaddith* dan digalakkan serta dituntut bagi setiap mereka yang menceburkan diri dalam menyampaikan hadis Rasulullah SAW. Saya simpulkan adab-adab tersebut iaitu:

1. Mengikhlaskan niat kepada Allah.
2. Membersihkan hati daripada segala matlamat dan habuan dunia.
3. Tidak menceburkan diri dalam menyampaikan hadis sebelum memiliki semua kelayakannya.
4. Hanya menyampaikan hadis ketika diperlukan.
5. Menghiasi diri dengan akhlak yang mulia.
6. Membuka dan memulakan majlis (ilmu) serta mengakhirinya dengan pujian dan selawat kepada Nabi SAW setiap kali menyebut nama baginda.
7. Mengucapkan keredhaan Allah (رَضِيَ اللهُ عَنْهُ) kepada para sahabat r.a setiap kali menyebut mereka.
8. Memuliakan sesiapa yang lebih utama daripada dirinya (dari sudut ilmu dan ketaqwaan) dan tidak menyampaikan hadis Rasulullah SAW jika terdapat seseorang yang lebih berilmu daripadanya.
9. Membersihkan diri seumpama hendak menunaikan solat, berwangi-wangian dan bersugi.
10. Berhadapan dengan orang ramai dalam keadaan pakaian yang bersih, menjaga maruah, berkelakuan baik dan berkeadaan menyenangkan.
11. Menerima semua pelajarnya secara keseluruhan dan mengkhususka kepada golongan yang tertentu sahaja.
12. Tidak menyampaikan hadis cara 'sambil lalu' sahaja kepada para pelajar, tetapi menyatakannya dengan cara yang dapat difahami oleh keseluruhan pelajar dan mereka juga sempat meneliti apa yang didengarinya.
13. Memuji guru-gurunya dan mendoakan untuk mereka rahmat serta keampunan Allah.
14. Tidak menyampaikan hadis jika risau terhadap dirinya berkemungkinan melakukan kesilapan disebabkan sakit, terlalu tua, buta atau nyanyuk.

Karya-karya yang berkaitan dengan topik ini:

Al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami' oleh: al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin 'Ali bin Thabit al-Baghdadi (w 463H).

Balanya adalah si fulan: آفَتُهُ فُلَانٌ

'الآفة' Dari sudut bahasa bermaksud: Kerosakan atau bala, iaitu sesuatu yang merosakkan sesuatu apabila ditimpa dengannya. (*Lisan al-'Arab*)

Dari sudut istilah: Menurut Burhan al-Din al-Hal Abu: Zahirnya daripada kata-kata *muhaddithin*: 'إنَّ آفته فلانٌ' iaitu sesungguhnya kerosakannya atau balanya adalah si fulan. Merupakan gambaran kepada *al-Wad'u* iaitu tanda pemalsuan

hadis. Berkemungkinan juga bermaksud: 'آفته' ialah pada penolakan periwayatan hadisnya, atau disebabkan bertentangan dengan sesuatu yang lebih sahih atau sebagainya. (Lihat: *al-Kashf al-Hathith 'An Man Rumiya Bi Wad' al-Hadith,* m.s: 134).

Ibn 'Arraq berkata: "Jika para ulama mengatakan: 'موضوعٌ' atau 'باطلٌ آفته فلانٌ' maka adalah ungkapan yang menggambarkan *al-Wad'u* (pemalsuan dan pendustaan hadis). Jika mereka mengatakan: 'مُنْكَرٌ آفته فلانٌ' maka itu bererti *munkar*. Jika mereka hanya berkata: 'آفته فلانٌ' tanpa sebarang perkataan lain selepasnya, maka ungkapan ini tidak dapat dipastikan maksud sebenarnya. *Wallahua'lam*. (*Tanzih al-Syari'ah*: 1/34).

Ibn 'Arraq banyak menggunakan ungkapan ini dalam kitabnya *Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah*. Sepertimana yang diungkapkan dalam menyatakan biografi Ibrahim bin Subaih al-Talhi syeikh kepada Mutayyan: dia meriwayatkan daripada Ibn Juraij hadis yang *mawdu'* (palsu), dialah 'آفته'. (*Tanzih al-Syari'ah*: 1/22).

Satu tanda: آيَةٌ

Dari sudut bahasa 'آية' jamaknya adalah ' آيات' dan ' آيٌ' maksudnya ialah alamat, tanda dan pengajaran.

Dari sudut istilah: seseorang perawi yang sudah mencapai tahap yang tertinggi atau kemuncak dalam *al-Ta'dil* (Sifat perawi yang membawa kepada penerimaan periwayatannya) atau mencapai tahap tertinggi dalam *al-Tajrih* (Sifat perawi yang membawa kepada penolakan periwayatannya atau pendaifan). Jika disandarkan kepadanya lafaz-lafaz *al-Tajrih* seperti 'متروك' (perawi yang ditinggalkan daripada mengambil sebarang periwayatannya), maka 'آية' ini daripada lafaz *al-Tajrih*. Jika disandarkan kepada lafaz *al-Ta'dil*, maka ungkapan ini adalah daripada lafaz *al-Ta'dil* dan *al-Tawthiq* (lafaz yang membawa kepada ke*thiqah*an seseorang perawi).

Contohnya:

Contoh *al-Jarh* (*al-Tajrih*): al-Imam al-Daraqutni ditanya tentang al-Hasan bin 'Abd al-Ghaffar bin 'Amr al-Azdi, maka beliau berkata: "Ini adalah 'آيةٌ متروكٌ' dia adalah balanya. (*Su'alat Hamzah al-Sahmi li al-Daraqutni*: m.s. 205).

Contoh *al-Ta'dil*: Menurut al-Hafiz al-Zahabi dalam menyatakan biografi al-Imam Abu Muhammad 'Abd Allah bin Mazahir al-Asbahani (w 304H): Beliau adalah 'آيةً في الحفظ' beliau menghafal المُسْنَدات keseluruhannya. (*Tazkirah al-Huffaz*: 3/889).

Dia memberi keharusan kepada saya: أَبَاحَ لِي

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *ijazah* (syeikh atau guru memberi keizinan untuk meriwayatkan hadis daripadanya).

Seorang yang bermazhab Ibadiyyah: إِبَاضِيٌّ

Hal ini adalah gelaran seseorang yang dinisbahkan kepada 'الإباضيَّة' iaitu salah satu daripada kumpulan Khawarij. Pengasas kepada kumpulan ini ialah 'Abd Allah bin Ibad al-Tamimi (w. 86H). Pengikut-pengikut kumpulan ini mendakwa mereka bukanlah daripada golongan Khawarij, dan mereka menafikan penisbahan ini. Tetapi banyak perkara yang mereka nyatakan bertepatan dan bersamaan dengan golongan Khawarij, antaranya: menafikan sifat-sifat Allah, pandangan tentang al-Quran itu adalah makhluk, mengharuskan tidak taat pemerintahan dan memerangi pemimpin yang zalim. (lihat: *al-Milal wa al-Nihal* oleh al-Syahrastani, m.s: 156).

Dalam hadis, bukanlah sesuatu yang disampaikan oleh pengikut 'الإباضيَّة' dianggap sebagai terlalu teruk dan tidak boleh dipakai lansung. Terdapat beberapa orang perawi yang dinisbahkan kepada kumpulan ini, contohnya:

1. 'Ikrimah Maula Ibn 'Abbas (w 104H).
   Disebut oleh al-Hafiz Ibn Hajar di kalangan orang yang didakwa mengikut mazhab 'الإباضيَّة', dan beliau berkata: "Perkara ini (dinisbahkan kepada Ibadiah) tidak memudaratkannya, Imam-imam (hadis) telah berpegang kepada periwayatannya". (*Hadyu al-Sari*: 459).
2. Al-Walid bin Kathir al-Makhzumi Abu Muhammad al-Madani (w 151H).
   Menurut al-Hafiz: al-Saji berkata: "Beliau adalah seorang yang *thiqah*, *thabt* (kukuh kepercayaan terhadapnya) hadisnya dijadikan hujah, tidak seorang ulama pun yang mendaifkannya, mereka hanya mengkritik pandangannya". Menurut al-Ajuri pula daripada Abu Dawud: "Seorang yang *thiqah* akan tetapi dia seorang yang Ibadi".
   Kemudian al-Hafiz berkata: 'الإباضيَّة' adalah salah satu kumpulan daripada golongan Khawarij. Bukanlah sesuatu yang dibawa oleh mereka itu terlalu teruk, dan al-Walid bukanlah seorang yang mengajak kepada mazhabnya. Iaitu mengajak kepada الإباضيَّة. (*Hadyu al-Sari*: m.s. 450-459).

Abdal: الأَبْدَالُ

'الأَبْدَال' Jamak bagi perkataan 'بَدَلٌ'. iaitu salah satu daripada jenis 'العُلُوِّ' iaitu bilangan antara perawi dengan Nabi SAW adalah sedikit dalam sanad.
Sila lihat البَدَل pada huruf Ba'.

Abdal, kumpulan para wali: الأَبْدَالُ

Jamak bagi perkataan 'بَدَلٌ', juga disebut 'بَدِيلٌ' dan dijamakkan dengan kalimah. 'بدلاء'Iaitu suatu kumpulan daripada kalangan para wali. Apabila salah seorang daripada mereka meninggal, maka Allah akan menggantikannya dengan lelaki yang lain. Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad daripada 'Ubadah bin al-Samit daripada Nabi SAW bahawasanya baginda SAW bersabda: 'الأبدالُ' bagi umat ini seramai 30 orang, yang seumpama Nabi Ibrahim Khalil al-Rahman Azza

wa Jalla, setiap kali meninggal salah seorang, Allah akan menggantikan tempatnya lelaki yang lain". (*Musnad Ahmad*: 5/322).

Dikatakan: mereka adalah daripada kumpulan para wali yang berada di daerah Syam. Dengan merekalah diminta daripada Allah SWT untuk diturunkan hujan, mengalahkan musuh dan agar penduduk Syam dijauhkan daripada bala dan azab.

Kumpulan mereka ini dimasukkan dalam kalangan istilah-istilah ilmu hadis, kerana ada pandangan yang mengatakan bahawa mereka adalah salah satu kumpulan ulama hadis. Sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad bin Hanbal apabila dikatakan kepadanya: "Adakah bagi Allah SWT memiliki 'أبدال' di dunia ini?" Beliau menjawab: "Ya". Beliau ditanya lagi: "Siapakah mereka?" Beliau menjawab: "Sekiranya bukan ulama hadis itu 'أبدال', maka saya tidak mengetahui adakah Allah itu mempunyai 'أبدال'. (*Miftah al-Jannah*: m.s. 1/68).

Anak berumur lima tahun: ابْنُ خَمْسٍ

Dimaksudkan dengan istilah ini ialah kanak-kanak yang berumur 5 tahun. Kanak-kanak yang sah daripadanya untuk mendengar hadis Rasulullah SAW. Ia adalah masa paling awal yang telah ditentukan oleh para *muhaddith* sahnya seseorang mendengar hadis daripada gurunya. (*'Ulum al-Hadith:* m.s. 130).

***Alif Ba Na*:** أبنا

Ia adalah ringkasan bagi perkataan 'أَخْبَرَنَا'iaitu dia telah memberitahu kami. Ada pandangan yang mengatakan: "Tidak sesuai untuk ditambah huruf Ba' sebelum huruf Nun, walaupun ini dilakukan oleh al-Imam al-Bayhaqi dan selainnya". Hal ini kerana bagi mengelakkan kekeliruan dengan simbol 'حدَّثنا'. (*Tadrib al-Rawi*: 2/82).

Anak yang meriwayatkan daripada bapanya: الأبناء والرواة عن الآباء

Iaitu wujudnya dalam sanad sesuatu hadis seorang anak meriwayatkan daripada bapanya sahaja, dan daripada bapanya yang meriwayatkan daripada datuknya.

Jenis ini mempunyai dua bahagian:

1. Pertamanya: Riwayat seorang anak daripada bapanya sahaja, bahagian ini amat banyak dalam kitab-kitab hadis.

Contohnya:

Riwayat Abu al-'Usyara' daripada bapanya: Saya bertanya Rasulullah SAW: "Bukankah sembelihan secara syarie itu pada halkum dan leher?"... (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam *Abwab al-Zabaih*, Bab *Fi al-Zakah Fi al-Halq wa al-Labbah*: no. 1481).

(Abu al-'Usyara') ini tidak ada dalam sanad kecuali dalam bentuk *kunyah* (gelaran seseorang yang bermula dengan Abu atau Ummu), bapanya juga tidak dinyatakan namanya dalam keseluruhan sanad hadis. Nama yang termasyhur: Abu al-'Usyara' adalah: Usamah bin Malik bin Qihtim. (*Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith:* m.s. 159).

2. Kedua: Riwayat seorang anak daripada bapanya daripada datuknya. Bentuk ini juga banyak tetapi tidak sebanyak yang pertama.

Contohnya:

Dijadikan contoh seumpama sanad berikut:

'Amr bin Syu'aib bin Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As daripada bapanya daripada datuknya.

Sanad ini banyak diriwayatkan daripada jenis hadis-hadis yang hasan, kebanyakannya wujud dalam *Musnad Ahmad bin Hanbal*, juga dalam *al-Sunan al-Arba'ah* (*Sunan Abi Dawud, Sunan al-Nasa'i, Jami al-Tirmizi* dan *Sunan Ibn Majah*)

Karya-karya dalam topik ini:

1. *Juz'u Man Rawa 'An Abihi 'An Jaddihi* oleh Ahmad bin Zuhair bin Harb yang lebih dikenali dengan Ibn Khaythamah (w 279H)
2. *Riwayah al-Abna' 'An Abaihim* oleh Abu Nasr 'Ubaidillah bin Sa'id al-Wa'ili al-Sijzi (w 444H).
3. *Kitab al-Washyu al-Mu'allam Fi Man Rawa 'An Abuhi 'An Jaddihi 'An al-Nabi SAW* oleh al-Hafiz Salah al-Din Abu Sa'id Khalil bin Kaykaldi al-Maqdisi (w 761H). Kitab ini adalah karya yang paling sempurna dalam jenisnya.

Kesamaran: الإِبْهَامُ

Sila lihat: الْمُبْهَم dalam huruf Mim.

Bab-bab: الأَبْوَاب

Sila lihat: الباب dalam huruf Ba.

Para tabi tabiin: أَتْبَاعُ التَّابِعِين

Merupakan jamak dan lafaz satu ialah تابعيٌّ تابعٍ yang bermaksud sesiapa yang berbicara atau mengambil hadis daripada tabiin dan beriman dengan Nabi SAW.

Mereka adalah *tabaqat* (golongan) ketiga iaitu selepas para sahabat dan tabiin, di mana Nabi SAW menjadikan mereka antara sebaik-baik manusia selepas para sahabat dan tabiin. Nabi SAW bersabda: "Sebaik-baik manusia adalah di kurunku, kemudian orang yang datang selepas daripada mereka, kemudian orang yang datang selepas daripada mereka.". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab *al-Syahadat*, bab: *La Yasyhad 'Ala Syahadah Jaurin Iza Isytadda*, no. 2652).

Dalam golongan ini terdapat sekumpulan para ulama muslimin dan para fuqaha Islam, contohnya:

1. Abd al-Malik bin 'Abd al-'Aziz, yang lebih dikenali sebagai Ibn Juraij (w 150H)
2. 'Abd al-Rahman bin 'Amr al-'Awza'i (w 157H).
3. Syu'bah bin al-Hajjaj al-'Ataki (w 160H).
4. Sufyan bin Sa'id al-Thawri (w 161H).
5. Malik bin Anas al-Asbahi (w 179H).

Di kalangan mereka juga sekumpulan para pelajar mereka yang telah disebutkan, contohnya:

1. 'Abd Allah bin al-Mubarak (w 181H), beliau sempat bertemu dengan sekumpulan para tabiin.
2. Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani (w 189H). Beliau ialah salah seorang yang meriwayatkan kitab al-Muwatta' daripada al-Imam Malik, juga sempat bertemu dengan sekumpulan para tabiin.
3. Yahya bin Sa'id al-Qattan (w 198H). Beliau sempat bertemu dengan murid-murid Anas bin Malik r.a.

Sumber-sumber untuk mengetahui perawi di kalangan tabiin dan pengikut mereka:

1. *Al-Tabaqat al-Kubra* oleh Muhammad bin Sa'ad bin Mani' al-Basri (w 230H).
2. *Al-Tabaqat* oleh Khalifah bin Khayyat bin Khalifah al-Syaibani al-'Usfuri (w 240H).
3. *Al-Ruwat al-Thiqat al-Mutakallam Fihim Bima La Yujab Raddihim* oleh al-Hafiz Syams al-Din Abu 'Abd Allah al-Zahabi (w 747H).
4. *Tazkirah al-Huffaz* oleh al-Imam al-Zahabi.

Tempat atau jalan keluar yang sama: اتِّحَادُ الْمَخْرَجِ

Nama ini diberikan apabila sesuatu hadis yang diriwayatkan tertumpu dan hanya berlegar periwayatannya kepada seorang sahabat r.a. sahaja. Contohnya hadis:

كَلِمَتَانِ حَبِيْبَتَانِ إِلَى الرَّحْمنِ، خَفِيْفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ، ثَقِيْلَتَانِ فِي الْمِيْزَانِ: سُبْحَانَ اللّٰهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللّٰهِ الْعَظِيم

"Dua kalimah yang amat disukai oleh al-Rahman (Allah SWT yang Maha Penyayang), ringan di lidah tetapi berat timbangannya di atas neraca timbangan di hari akhirat iaitu *Subhana Allah wa Bi HamdiHi, Subhana Allah al-'Azim.*" (diriwayatkan oleh al-Bukhari di akhir Kitab al-Tauhid, no. 7563).

Hadis ini hanya dikemukakan oleh Abu Hurairah r.a. berseorangan daripada Rasulullah SAW dan hadis ini berlegar serta tertumpu kepadanya. Terdapat banyak lagi hadis-hadis seperti ini yang hanya diriwayatkan oleh seorang sahabat r.a.

Bersambung: الاتِّصَالُ

Dari sudut bahasa 'الاتِّصال' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اتَّصَلَ يَتَّصِلُ' yang bermaksud: bersambung dengan sesuatu sebelumnya.

Dari sudut istilah bermaksud: Pengambilan setiap perawi daripada perawi-perawi sanad sesuatu hadis daripada sesiapa yang berada sebelumnya (iaitu syeikhnya) secara langsung, iaitu dengan bentuk ungkapan lafaz pengambilan hadis yang jelas secara mendengar daripada syeikhnya. Seumpama perawi berkata: 'سمعتُ فلاناً' saya telah mendengar si fulan (syeikhku berkata) atau lafaz yang jelas bersambung tanpa bentuk ungkapan mendengar seperti seorang syeikh yang telah menuliskan sesuatu hadis untuk muridnya dengan tulisan

yang diyakini kebenarannya. Atau yang berkemungkinan seorang perawi itu mendengar daripada syeikhnya dengan kemungkinan yang kuat, seperti perawi yang menggunakan lafaz ungkapan 'عنعنة' (iaitu yang bermaksud daripada, dan tanpa menyebut dengan jelas dia mendengar atau gurunya berkata) dan perawi ini tidak ragu periwayatannya daripada syeikhnya seperti keraguan putusnya sanad disebabkan masalah *Tadlis* (zahirnya bersambung tetapi sebenarnya ia terputus dengan sebab tidak pernah bertemu dengan syeikhnya) atau *Irsal* (zahirnya bersambung tetapi sebenarnya perawi tidak pernah bertemu dengan syeikhnya walaupun syeikhnya hidup sezaman dengannya).

Sesetengah ulama meluaskan penggunaan perkataan 'الاتِّصال' ini dengan berkata: "Sesungguhnya perkataan bermaksud semata-mata pengambilan seorang perawi daripada sesiapa yang berada di atasnya (syeikhnya) dengan apa bentuk atau ungkapan pengambilan hadis sekali pun, sehinggalah dia sampai kepada sumbernya". Penggunaan ini merangkumi istilah *al-Mawquf* (Perkataan dan perbuatan yang disandarkan kepada para sahabat r.a.) dan *al-Maqtu'* (Perkataan atau perbuatan yang disandarkan kepada para tabiin). (sila lihat: *Tawdih al-Afkar*: 1/260 dan *Tahrir 'Ulum al-Hadith:* 1/29).

Juga lihat pada 'اتصال السند' dalam huruf Alif dan 'المُتَّصِل' dalam huruf Mim.

Sanad yang bersambung: اتِّصَالُ السَّنَدِ

Bermaksud hadis yang bersambung sanadnya daripada permulaan sanad hinggalah ke akhirnya. Setiap daripada perawinya telah mengambil hadis tersebut dengan bentuk atau kaedah-kaedah pengambilan yang sahih daripada syeikhnya. Sifat sanad yang bersambung ini telah mengeluarkan semua sanad yang terputus seperti berikut:

1. المُرْسَل: Iaitu hadis yang diriwayatkan dan disandarkan oleh seorang tabiin kepada Nabi SAW dengan menjatuhkan penghubung antara tabiin tersebut dengan Nabi SAW (terputus antara tabiin dengan Nabi SAW kerana tabiin tidak bertemu dengan baginda).
2. المُنْقَطِع: Iaitu hadis yang terjatuh (hilang) daripada sanadnya seorang perawi di salah satu tempat dalam sanad atau lebih daripada seorang.
3. المُعْضَل: Iaitu hadis yang terjatuh daripada sanadnya dua orang perawi atau lebih secara berturut-turut.
4. المعلّق: Iaitu hadis yang terjatuh daripada permulaan sanadnya seorang perawi atau lebih.

Tuduhan terhadap perawi dengan menipu إِتِّهَامُ الرَّاوِي بِالكَذِبِ

Sila lihat: تهمة الراوي بالكذب pada huruf Ta'.

Dituduh mencuri hadis: اتُّهِمَ بِسَرِقَةِ الْحَدِيْثِ

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa lafaz ini adalah termasuk dalam kategori الجَرْح المُبْهَم (*al-Tajrih* secara umum dan bukan secara terperinci). Juga

terdapat sebahagian ulama yang mengatakan bahawa ia adalah الجرْح المُفَسَّر (*al-Tajrih* secara terperinci) dan pandangan ini adalah tidak benar!. (*Qawa'id Fi 'Ulum al-Hadith:* m.s. 418).

Contohnya:

Perbahasan berkaitan dengan biografi 'Abd al-Malik bin al-Sabbah al-Misma'i. Disebut oleh al-Hafiz al-Zahabi dengan menukilkan daripada al-Khalili bahawasanya beliau berkata: "Dia adalah seorang مُتَّهماً بسرقة الحديث. Ini adalah جَرْحٌ مُبْهَمٌ. (Lihat: *Hadyu al-Sari*: m.s. 421).

Didakwa dengan pertemuan: اتُّهِمَ فِي اللِّقَاء

Ungkapan ini digunakan dalam bentuk menuduh seseorang perawi yang berdusta mengenai pertemuannya dengan syeikhnya dan bukannya satu tuduhan yang benar-benar jelas serta sudah pasti pendustaannya.

Ia bermaksud: Perawi itu mengungkapkan hadis daripada suatu kelompok yang dia tidak bertemu dengan mereka, serta mendakwa mendengar daripada syeikh-syeikh yang mana dia tidak sempat bertemu mereka.

Contohnya:

Menurut al-Hafiz al-Zahabi dalam menyatakan biografi Yahya bin Ibrahim bin Abu Zayd Abu al-Husyan bin al-Bayan al-Anadalusi al-Muqri': اتُّهِمَ فِي اللِّقَاءِ. (*Al-Mughni Fi al-Du'afa'*: 2/792).

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar semasa menyatakan biografi 'Ali bin Mu'az al-Ra'ini yang wafat pada tahun 389H: اتُّهِم فِي اللِّقاء . Ibn Sabur pula berpendapat dalam kitab Tarikhnya: 'Ali bin Mu'az كذّابٌ (seorang pendusta). (*Lisan al-Mizan*: 4/263).

Hujah-hujah: الأَثْبَاتُ

Sila lihat الثَّبَت dalam huruf al-Tha'.

Negara yang paling *thabit* dalam meriwayat hadis sahih: أَثْبَتُ البِلاَدِ فِي الحَدِيْثِ الصَّحِيح

Maksudnya: Negara-negara yang mana penduduknya meriwayatkan hadis dengan jalan atau cara yang sahih. Menurut al-Khatib al-Baghdadi: *Turuq* (Jalan atau sanad) *Kitab al-Sunan* yang paling sahih adalah yang diriwayatkan oleh:

Penduduk al-Haramain atau al-Hijjaz; iaitu Mekah dan Madinah. Ini adalah kerana *al-Tadlis* di kalangan mereka amat sedikit, berdusta (tentang hadis) dan memalsukan hadis adalah sesuatu yang amat besar (dosa dan jenayahnya) kepada mereka, dan amat jarang berlaku.

Penduduk Yaman juga mempunyai periwayatan yang baik dan *turuq* yang sahih, namun sedikit. Sumber pengambilan mereka adalah daripada penduduk al-Hijjaz juga.

Penduduk al-Basrah juga mempunyai sunan-sunan yang *thabit* dengan sanad-sanad yang terang dan jelas yang tidak ada seumpamanya di kalangan orang lain, di samping mereka juga banyak meriwayatkan hadis.

Penduduk Kufah juga seperti penduduk al-Basrah banyak meriwayatkan hadis, tetapi kebanyakan riwayat mereka mempunyai banyak keraguan, dan sedikit sahaja yang terselamat daripada *al-'ilal,* (kecatatan pada sanad atau matan hadis).

Hadis penduduk Syam pula majoritinya adalah *Marasil* dan *Maqati'* (sanad yang terputus). Adapun hadis bersambung sanadnya iaitu yang disambungkan oleh golongan yang *thiqah* adalah baik. Kebanyakannya adalah hadis yang berkaitan dengan nasihat dan pesanan. (*al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi*: 2/286-287).

Menurut Syeikh ibn Taymiyyah: "Ahli Ilmu yang pakar dalam hadis telah bersepakat mengatakan bahawa hadis-hadis yang paling sahih ialah hadis yang diriwayatkan oleh penduduk Madinah, kemudiannya penduduk Basrah dan selepasnya penduduk Syam". (*Qawa'id al-Tahdith*: m.s. 81).

Orang yang paling *thabit* : أَثْبَتُ النَّاسِ

Ia adalah antara lafaz-lafaz dalam kategori al-*Ta'dil* yang paling tinggi. Lafaz ini ditambah oleh al-Hafiz ibn Hajar. (Lihat: *Syarh al-Nukhbah*: m.s. 139).

Hukumnya:

Sesiapa yang disifatkan dengan lafaz ini, maka hadisnya dijadikan sebagai hujah.

Orang yang paling *thabit* pendengarannya dalam kitab: أَثْبَتُ النَّاسِ سَمَاعاً فِي كِتَابٍ كذا

Ia bermaksud: Orang yang menghafal kitab tersebut dan paling dipercayai tentang ketepatannya (penjagaan dan segala maklumat dalam kitab).

Orang yang paling *thabit* pada si polan: أَثْبَتُ النَّاسِ فِي فُلانٍ

Ungkapan ini digunakan dengan membawa erti: Sesungguhnya jika seorang perawi mendengar dengan banyak sekali daripada seorang syeikh (gurunya) sama ada mendengar hadis atau melazimi syeikhnya, maka dia ialah orang yang paling *thabit* pada syeikh tersebut. Dia mengetahui segala yang dimiliki oleh syeikh. Tiada sesiapa pun yang mampu untuk membawa sesuatu hadis daripada syeikh berkenaan yang tidak diketahui oleh murid tersebut.

Menurut al-Hafiz ibn Hajar dalam menyatakan tentang biografi Ja'far bin Iyas Abu Basyar bin Abu Wahsyiyah wafat pada tahun 131H: Seorang yang *thiqah* dan 'أَثْبَتِ النَّاس من' orang yang paling *thabit* pada Sa'id bin Jubair tetapi didaifkan oleh Syu'bah pada (jika syeikhnya) Habub bin Salim dan juga pada Mujahid. (*Taqrib al-Tahzib*: m.s. 139).

Orang yang paling *thabit* pada Si polan: أَثْبَتُ النَّاسِ مِنْ فُلانٍ

Sila lihat: أَثْبَتُ النَّاسِ فِي فُلانٍ

***Athar*:** الأَثَرُ

Dari sudut bahasa: 'الأَثَر' jamaknya adalah 'آثار': yang bermaksud: Sesuatu yang berbaki daripada sesuatu. Dikatakan: 'أثرُ الدار' bermaksud sesuatu yang berbaki daripadanya.

Dari sudut istilah: Pengertian 'الأثر' ini berbeza pada istilah dua kumpulan daripada ulama: iaitu *muhaddithin* dan fuqaha *Khurasan*.

'الأثر'menurut *muhaddithin* adalah 'الخبر', iaitu sesuatu hadis sama ada *marfu'* (disandarkan kepada Nabi SAW) atau *mawquf* (disandarkan kepada sahabat r.a.) atau *maqtu'* (disandarkan kepada tabiin). Perkataan ini diambil daripada "أثرتُ الحديثَ" yang bermaksud: "Saya meriwayatkannya". (*Tadrib al-Rawi*: 1/185).

Menurut al-Syeikh 'Abd al-Hayy al-Laknawi: "Dengan makna ini (makna 'الأثر' menurut *muhaddithin*) al-Hafiz al-Tahawi menamakan kitabnya: 'شرح معاني الآثار' di samping beliau turut menerangkan dalamnya hadis yang *marfu'*. Begitu juga al-Tabari yang mempunyai kitab dinamakan 'تهذيب الآثار' walaupun ia adalah khusus bagi hadis yang *marfu'*. Adapun hadis yang *mawquf* hanyalah sebagai penyokong dan pengikut kepada hadis yang *marfu'*.

Antaranya juga kata-kata mereka (golongan *muhaddithin*) 'الأدعية المأثورة', bagi semua yang datang daripada Rasulullah SAW. Begitu juga yang menurut al-Imam Muslim dalam permulaan kitab Sahihnya: Sunnah telah menunjukkan penafian segala periwayatan perawi yang *munkar* (bertentangan dengan perawi yang boleh diterima periwayatannya) daripada hadis-hadis sepertimana al-Quran menunjukkan penafian pengkhabaran seorang yang fasik. Ia merupakan 'الأثر' yang masyhur daripada Rasulullah SAW: "Sesiapa yang menyampaikan suatu hadis daripada saya yang ia merupakan suatu pendustaan, maka dia adalah salah seorang daripada dua orang yang berdusta terhadap saya".

Di mana al-Imam Muslim menamakan hadis-hadis *marfu'* dengan nama: 'الأثر'. (*Zafar al-Amani*: m.s. 25).

Manakala fuqaha *Khurasan*, mereka menamakan hadis *mawquf* sebagai 'أثراً' dan hadis *marfu'* sebagai 'خبراً'.

Menurut Abu al-Qasim al-Furani merupakan daripada kalangan mereka: "Para Fuqaha mengatakan 'الخبر' bagi sesuatu yang diriwayatkan daripada Nabi SAW dan 'الأثر' bagi sesuatu yang diriwayatkan daripada para sahabat r.a.

Antaranya al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani menamakan kitabnya yang dimuatkan dengan *Athar Mawqufah* dengan nama: 'الآثار'. (*Zafar al-Amani*: m.s. 26).

Sesuatu yang muktamad sepertimana dinyatakan oleh golongan *muhaddithin* bahawa semuanya (*marfu'* dan *mawquf*) dinamakan sebagai: 'أثرا', kerana diambil daripada: 'أثرتُ الحديثَ' yang bererti: "Saya meriwayatkannya".

Perkara ini disokong lagi dengan kata-kata al-Imam Zainu al-Din al-'Iraqi yang menggelar dirinya sebagai 'الأثري' yang bermaksud *muhaddith.* Di mana beliau berkata di permulaan *Alfiyah*nya:

Yang mengharap Tuhannya Yang Maha Berkuasa, bernama 'Abd al-Rahman bin al-Husayn al-Athari berkata...

Al-Hafiz ibn Hajar menamakan kitabnya dalam bidang *Mustalah al-Hadith* dengan nama: نخبة الفكر في مصطلح أهل الأثر dan banyak lagi yang menyokong pandangan kami ini.

Kesimpulannya: Sesungguhnya ungkapan (الحديث), (الخبر) dan (الأثر) menurut *muhaddithin* adalah membawa makna yang sama iaitu: Setiap sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat fizikal atau sifat akhlak dan setiap yang disandarkan kepada sahabat atau tabiin.

Manakala (السنة) pula, para *muhaddithin* merangkumkan bersamanya sifat, tetapi golongan *al-Usuliyyun* tidak menjadikan sifat termasuk dalam ungkapan (السنة).

Saya meriwayatkan hadis: أَثَرْتُ الْحَدِيْثَ

Iaitu: Saya meriwayatkannya. Menurut Ibn Manzur: 'أثرتُ الحديثَ آثُرُه' jika kamu mengingatinya. (*Lisan al-'Arab*).

Seseorang yang meriwayatkan *athar:* الأَثَرِيُّ

Ia diberikan kepada seseorang *muhaddith*. Menurut al-Hafiz al-Suyuti: Dinamakan seseorang *muhaddith* dengan أَثَرِيّ sebagai nisabah kepada 'أثر'. (*Tadrib al-Rawi*: 1/185).

Perkara ini disokong dengan pemberian al-Hafiz al-'Iraqi terhadap dirinya sendiri dengan gelaran yang membawa erti *muhaddith*, sepertimana yang disebut dalam *Alfiyyah*nya: (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/6).

Ijazah: الإِجَازَةُ

Dari sudut bahasa: 'الإجازة' adalah kata nama perbuatan bagi perkataan 'أجازَ يُجيز' yang membawa erti: Keizinan. Menurut al-Fairuz Abadi: 'استجاز' adalah meminta *ijazah* iaitu keizinan. (*al-Qamus al-Muhit*).

Menurut al-Zabudi: Antara perkara-perkara yang di*ijazah*kan adalah: ' استجاز رجلٌ رجلاً' iaitu seseorang lelaki meminta *ijazah* daripada lelaki lain atau dalam kata yang lain keizinan dalam perkara berkaitan riwayat-riwayatnya dan hadis-hadis yang didengarinya (daripada syeikhnya). Seseorang yang diberi *ijazah* adalah 'مُجَازٌ'.

والمجازات: ialah sesuatu yang diriwayatkan.

الإجازة: Merupakan salah satu daripada jenis mengambil (hadis) dan mempelajarinya (mendengarinya)

Dari sudut istilah: Berdasarkan kepada takrif ini, maka bentuk *ijazah* itu adalah seperti berikut:

Ia adalah suatu keizinan daripada guru kepada muridnya untuk meriwayatkan daripadanya hadis atau kitab (yang mengandungi hadis), walaupun murid tersebut tidak mendengar daripada syeikhnya atau membaca di hadapannya. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 2/91).

Menurut Ibn Jama'ah: "*Ijazah* merupakan keizinan. Bentuknya adalah seperti seseorang syeikh berkata kepada salah seorang daripada muridnya: Saya meng*ijazah*kan kepada kamu untuk meriwayatkan daripada saya riwayat sekian". (*al-Manhal al-Rawi*: m.s. 87).

***Ijazah* khusus:** الإِجَازَةُ الخَاصَّةُ

Iaitu seorang syeikh memberi keizinan untuk meriwayatkan bahagian tertentu daripada riwayatnya kepada murid yang tertentu. Seperti seorang syeikh berkata kepada muridnya: "Saya meng*ijazah*kan kepada kamu *Sahih al-Bukhari*".

***Ijazah* syeikh:** إِجَازَةُ الشَّيْخِ

Ungkapan ini membawa erti seorang syeikh yang memberi keizinan untuk meriwayatkan sesebuah kitab daripadanya. Biasanya ungkapan ini adalah seperti berikut: "Dia telah mendengar daripada saya, maka saya memberi keizinan kepadanya untuk meriwayat daripada saya". (Lihat: *al-Manhal al-Rawi*: m.s. 83).

***Ijazah* umum:** الإِجَازَةُ العَامَّةُ

Iaitu seorang syeikh yang memberi keizinan tanpa menentukan kepada siapa dalam bentuk umum. Contohnya dia berkata: "Saya memberi keizinan kepada seluruh kaum muslimin", atau: "Saya memberi keizinan kepada semua orang", atau; "Saya memberi keizinan kepada sesiapa yang sempat berada di zaman saya", dan sebagainya daripada ungkapan-ungkapan seumpama itu.

Hukumnya:

Menurut Ibn al-Salah: para muhaddithin yang terkemudian telah membincangkan *ijazah* jenis ini. Ada di kalangan mereka yang mengharuskan asal meng*ijazah*an, dan ada antara mereka yang berbeza pandangan tentang keharusan *ijazah* jenis ini. Jika ia dikaitkan dengan syarat atau sifat tertent maka ia hampir kepada suatu yang harus dilakukan. (*'Ulum al-Hadith:* m.s. 154).

Sebenarnya bentuk ini adalah sahih dan diterima. Al-Qadi 'Iyad berkata dalam kitab al-Ilma': "Saya tidak rasakan bahawa mereka berbeza pandangan pada keharusannya iaitu terdapat di kalangan ulama yang mengatakan *ijazah* itu sahih. Saya juga tidak melihat ia sesuatu yang dilarang kepada seseorang. Ini kerana ia tetap terikat dengan sifat seperti kata-katanya: Untuk anak-anak Si polan". (Lihat: *al-Ilma'* oleh al-Qadi 'Iyad: m.s. 10).

إِجَازَةٌ لِلْمَحْمُولِ أَو بِالْمَجْهُولِ

***Ijazah* untuk bayi yang dikandung, atau untuk seseorang yang tidak diketahui, dan *ijazah* dengan sesuatu yang tidak jelas:**

Ia adalah ungkapan misalnya dengan kata-kata: "Saya memberikan keizinan kepada Muhammad untuk meriwayatkan daripada saya kitab *al-Sunan*". Sedangkan di sana terdapat sejumlah orang yang turut dinamakan dengan nama

Muhammad. Begitu juga kitab *al-Sunan* yang terdapat pelbagai nama yang sama yang pelbagai dan. Banyak bilangannya.

Hukumnya:

Kebanyakan ulama mengatakan *ijazah* seperti ini adalah rosak dan tiada faedah. Tetapi jika syeikh berkata: "Saya meng*ijazah*kan si polan itu dan itu jika dia mahu meriwayatkannya daripada saya". Atau: "Kamu boleh meriwayatkan jika kamu mahu", atau: "Jika kamu suka", atau: "Jika kamu berkehendak". Pendapat yang jelas dan kuat ialah ungkapan-ungkapan seperti ini adalah harus. Hal ini kerana ciri tidak diketahui dan hakikat tergantung yang ada padanya itu telah dinafikan.Tiada masalah yang tinggal kecuali bentuk-bentuk ungkapannya sahaja. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* m.s. 158).

Dia meng*ijazah*kan kepada saya: أَجَازَ لِيْ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz ketika menyampaikan hadis (meriwayatkan hadis) bagi seseorang perawi yang mengambil hadis tersebut (daripada syeikhnya) secara 'الإجازة' dan 'المُنَاوَلَة' (dengan cara syeikh memberikan kepada muridnya dan berkata: "Ini adalah riwayat-riwayat hadisku"). (Lihat: *al-Kifayah*: m.s. 332).

Dia meng*ijazah*kan saya : أَجَازَنِيْ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz ketika menyampaikan hadis (meriwayatkan hadis) bagi seseorang perawi yang mengambil hadis tersebut (daripada syeikhnya) secara 'الإجازة' dan 'المُنَاوَلَة' (dengan cara syeikh memberikan kepada muridnya dan berkata: "Ini adalah riwayat-riwayat hadisku"). (*Tadrib al-Rawi*: 2/52).

***Ijazah* dengan sesuatu yang tidak diketahui:** الإِجَازَةُ بِمَجْهُوْلٍ

Iaitu seorang syeikh yang memberikan *ijazah* kepada muridnya yang tertentu dengan sesuatu yang tidak diketahui secara jelas daripada kitab-kitabnya. Seperti dia berkata: "Saya meng*ijazah*kanmu Kitab al-Sunan". Dalam keadaan syeikh itu memiliki riwayat al-Sunan yang pelbagai dan banyak bilangannya. (*Al-Muqni' Fi 'Ulum al-Hadith:* 1/318).

Meng*ijazah*kan kanak-kanak: إِجَازَةُ الطِّفْلِ

Iaitu seorang syeikh yang meng*ijazah*kan seorang kanak-kanak dengan segala riwayatnya tanpa syeikh tersebut melihat kanak-kanak itu ataupun selepas syeikh tersebut melihat kanak-kanak itu.

Al-Imam Ibn al-Salah berpandangan bahawa bentuk peng*ijazah*an seumpama ini adalah semata-mata untuk mengekalkan rantaian sanad. Beliau berkata: "Seolah-olah mereka (ulama hadis) berpandangan bahawa kanak-kanak berkelayakan untuk mendapatkan hadis dengan salah satu cara pengambilan hadis, agar kanak-kanak tersebut dapat menyampaikannya selepas sempurna kelayakannya. Perkara ini adalah sebagai menitikberatkan jalan untuk memastikan rantain sanad akan terus kekal sebagaimana ia merupakan keistemewaan umat ini serta mendekatkannya kepada Rasulullah SAW. *Wallahua'lam.* (*'Ulum al-Hadith:* m.s. 160).

***Ijazah* kepada seseorang yang tidak diketahui:** إِجَازَةٌ لِلْمَجْهُوْلِ

Iaitu seorang syeikh yang meng*ijazah*kan kitab yang tertentu kepada seseorang yang tidak dikenali oleh orang ramai. Seperti dia berkata: "Saya meng*ijazah*kan kitab sekian (dengan menyebut dan menentukan kitab tersebut) kepada Muhammad". Sedangkan di sana terdapat orang yang memiliki nama yang sama iaitu Muhammad. (*Tadrib al-Rawi*: 2/34).

Lihat: 'إجازة للمحمول أو بالمجهول'.

Hukumnya:

Ijazah jenis ini adalah tidak sah.

إِجَازَةُ مَا لَمْ يَتَحَمَّلْهُ الْمُجِيْزُ بِوَجْهٍ لِيَرْوِيَهُ الْمُجَازُ إِذَا تَحَمَّلَهُ الْمُجِيْزُ

***Ijazah* sesuatu yang tidak diriwayatkan oleh pemberi *Ijazah* dengan apa bentuk (pengambilan) sekalipun, agar orang yang diberikan *ijazah* meriwayatkannya sekiranya pemberi *ijazah* ada mengambilnya:**

Al-Qadi 'Iyad berkata: "Saya tidak pernah melihat seorang pun yang membincangkan perkara ini, saya ada melihat sebahagian ulama yang terkemudian melakukannya". Kemudian beliau menceritakan bahawa Qadi Qurtubah, Abu al-Walid melarang daripada melakukan perbuatan tersebut.

Qadi 'Iyad menegaskan : "Ia adalah sahih (yakni membenarkan pernyataan Qadi Qurtubah tersebut)".

Menurut al-Imam al-Nawawi: "Inilah yang benar". (Lihat: *Tadrib al-Rawi:* 2/39).

***Ijazah* perawi yang telah di*ijazah*kan (oleh gurunya):** إِجَازَةُ الْمُجَازِ

Iaitu seorang syeikh meng*ijazah*kan apa yang diambilnya daripada hadis Nabi SAW secara *ijazah*. Seperti dia berkata kepada muridnya: "Saya meng*ijazah*kan kamu *ijazah-ijazah* yang saya perolehi". Bermaksud semua yang di*ijazah*kan kepada saya periwayatannya.

***Ijazah* secara mutlak:** الإِجَازَةُ الْمُطْلَقَةُ أَوِ الْمُجَرَّدَةُ

Iaitu seorang syeikh meng*ijazah*kan riwayat-riwayatnya yang tidak ditentukan kepada seseorang yang tertentu. Seperti dia berkata: "Saya meng*ijazah*kan kepadamu apa-apa yang saya dengar daripada riwayat hadis". Atau: "Saya meng*ijazah*kan kepadamu semua yang saya dengar dan juga semua riwayat saya".

Contohnya:

Seorang *Muhaddith* menulis kepada muridnya: "Saya meng*ijazah*kan untuk kamu semua yang hadis sahih dan juga hadis saya yang sahih menurut kamu". Syeikh tersebut tidak menetapkan bagi muridnya sesuatu pun. (*Al-Kifayah*: 1/345).

Hukumnya:

Menurut al-Imam al-Nawawi: "Ia adalah seumpama seseorang perawi berkata: "Saya meng*ijazah*kan semua yang saya dapat dengan *ijazah*". Perkara ini dilarang oleh sebahagian ulama yang tidak perlu diambil pandangan mereka mengenainya. Berdasarkan amalan, yang sahih ia adalah harus. Inilah pandangan yang diputuskan di kalangan al-Huffaz (ulama hadis yang memiliki

ilmu yang tinggi) seumpama: Al-Hasan al-Daraqutni, Abu al-'Abbas bin 'Uqdah, Abu Nu'aim al-Asbahani, Abu al-Fath Nasr al-Maqdisi dan selain mereka. (*Tadrib al-Rawi*; 2/40).

Ijazah kepada seseorang yang masih tidak wujud: إِجَازَةُ الْمَعْدُوْمِ

Iaitu seorang perawi berkata: "Saya meng*ijazah*kan kepada sesiapa yang akan lahir daripada si-fulan. (*Tadrib al-Rawi*: 2/37).

Ulama mutakhir berbeza pandangan terhadap kesahihan *ijazah* jenis ini, namun penulis tidak merasakan bahawa *ijazah* seumpama ini ada dalam kitab-kitab hadis. *Wallahua'lam.*

Ijazah bersyarat: الإِجَازَةُ الْمُعَلَّقَةُ

Ia adalah *ijazah* yang bergantung dengan perlaksanaan sesuatu perkara. Contohnya: Seorang syeikh berkata kepada seseorang yang diberikan *ijazah*: "Saya meng*ijazah*kan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh si fulan. Atau: "Jika Zaid mahu meng*ijazah*kan seseorang, nescaya saya akan meng*ijazah*kannya". (*Tadrib al-Rawi*: 2/36).

Hukumnya:

Menurut Ibn al-Jama'ah: "Yang paling zahir dan jelas, bentuk sebegini tidak sahih". (*Al-Manhal al-Rawi*: m.s. 86).

Ijazah tertentu kepada orang lain: إِجَازَةُ مُعَيَّنٍ غَيْرَه

Ia adalah sejenis *ijazah* seperti seorang syeikh berkata: "Saya meng*ijazah*kan kamu segala yang saya dengar dan segala riwayat saya". (*Al-Manhal al-Rawi*: ms 85).

Hukumnya:

Menurut al-Imam al-Nawawi: "Perbezaan pandangan ulama dalam hal ini amat kuat dan banyak, jumhur di kalangan kumpulan ulama mengharuskan periwayatan dan mewajibkan beramal (dengannya)". (Lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/32 dan untuk perincian lihat *al-Ilma'* ms 78-170).

Ijazah tertentu bagi seseorang yang tertentu: إِجَازَةُ مُعَيَّنٍ لِمُعَيَّنٍ

Ini adalah jenis 'الإجازة المجرَّدة عن المناولة' (*ijazah* tanpa disertai dengan pemberian kitab) yang tertinggi. Iaitu seumpama seorang syeikh berkata: "Saya meng*ijazah*kan kepadamu kitab *Sahih al-Bukhari"*, atau apa yang terkandung dalam kitab *fahrasah*ku (iaitu kitab sanadnya). (*Al-Manhal al-Rawi*: ms 84).

Hukumnya:

Tiada khilaf tentangnya.

Juzuk-Juzuk: الأَجْزَاءُ

Dari sudut bahasa 'الأجزاء' adalah jamak bagi perkataan 'جُزْء' yang bermaksud: Sebahagian, separuh dan secebis daripada sesuatu. (*al-Qamus al-Muhit*)

Dari sudut istilah: Ia adalah suatu penulisan yang mengumpulkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi. Sama ada perawi tersebut daripada *tabaqat* sahabat r.a., atau selepas daripada mereka, seperti 'جزء حديث أبي بكر' dan جزء حديث مالكٍ.

Ketebalan atau jumlah helaian 'الأجزاءُ' ini berbeza dan tidak statik, daripada beberapa helaian kertas, bahkan berkemungkinan hanya sehelai sahaja sehinggalah kepada puluhan helai kertas. Kebiasaannya 'الأجزاءُ' adalah bersaiz kecil.

Begitu juga 'الجزءَ' turut diberikan sebagai nama kepada karya yang mengkaji sanad sesuatu hadis dan perbincangan mengenainya, contohnya:
اختيارُ الأَوْلى في حديث اختصام المَلأ الأعلى oleh al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali.

'الأجزاء الحديثية' Juga diletakkan kepada beberapa topik tertentu yang membicarakan tentang topik itu sahaja, contohnya: 'جزء القراءة خلف الإمام' oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H), كتاب الوُحْدان oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w 261H) dan الرحلة في طلب الحديث oleh al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi (w 463H) dan sebagainya.

Antara الأجزاء yang masyhur:

Kadangkala 'الجزءُ' mengumpulkan hadis-hadis yang dipilih oleh pengarangnya dengan sebab yang tertentu bagi diri pengarang tersebut, antara yang masyhur:

1. الْمَحَامِلِيَّات: Oleh al-Qadi Abu 'Abd Allah al-Husyan bin Isma'il al-Mahamili (w 330H) ia mempunyai 16 juzuk daripada riwayat al-Baghdadiyin dan al-Asbahaniyin.
2. القَطِيعِيَّات: Oleh Abu Bakar Ahmad bin Ja'far bin Hamdan al-Qati'ii (w 368H). Mengandungi 5 juzuk.
3. الغَيْلاَنِيَّات: Oleh Abu Talib Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim bin Ghailan al-Bazzaz (w 440H).
4. الوَحْشِيَّات: Oleh Abu 'Ali al-Hasan bin 'Ali al-Wahsyi (w 471H). Mengandungi 5 juzuk.
5. الثَّقَفِيَّات: Oleh Abu 'Abd Allah al-Qasim bin al-Fadl al-Thaqafi (w 489H). Mengandungi 10 juzuk.
6. الجَعْدِيَّات: Oleh Abu al-Qasim 'Abd Allah bin Muhammad al-Baghawi. Ia mengandungi 12 juzuk yang dikumpulkan untuk Syeikh Abu al-Hasan 'Ali bin Ja'd.
7. الخِلَعِيَّات: Oleh al-Qadi Abu al-Hasan 'Ali bin al-Hasan al-Khila'i. Mengandungi 20 juzuk dan dinamakan dengan al-Khila'iyyat.
8. السِّلَفِيَّات: Oleh Abu Tahir Ahmad bin Muhammad al-Silafi. Mengandungi lebih daripada seratus juzuk.
9. الكَنْجَرُوْذِيَّات: Oleh Abu Sa'id Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Kanjaruzi. Mengandungi 5 juzuk.
10. اليَشْكُرِيَّات: Oleh Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad al-Yasykuri. Mengandungi 4 juzuk.

11. الْمُخَلِّصات: Oleh Abu Tahir Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin al-'Abbas al-Mukhallis. (Lihat: al-Risalah al-Mustadrafah: m.s. 93-94).

Saya meng*ijazah*kan kepada si-fulan dengan riwayat si-fulan: أَجَزْتُ فُلَانًا الفُلَانِيّ

Ungkapan ini digunakan ketika meng*ijazah*kan seseorang yang tertentu dengan sesuatu yang tertentu. (*Tadrib al-Rawi*: 2/29).

Saya meng*ijazah*kan sebahagian orang: أَجَزْتُ لِبَعْضِ النَّاسِ

Ungkapan ini digunakan untuk meng*ijazah*kan sesuatu yang tertentu kepada seseorang yang tidak diketahui di kalangan orang.

Hukumnya:

Ijazah jenis ini adalah terbatal dan tiada faedah padanya.

أَجَزْتُ لِفُلَانٍ كَذَا، إِنْ شاءَ رِوَايَتَهُ عَنِّي

Saya meng*ijazah*kan kepada si-fulan akan sekian (sesuatu yang tertentu), jika dia mahu meriwayatkannya daripadsaya:

Iaitu seorang syeikh yang meng*ijazah*kan seseorang dengan riwayat apa yang didengarinya tanpa syeikh tadi mengetahui sama ada orang yang diberikan *ijazah* meredhai perbuatannya (menerima peng*ijazah*annya) atau tidak.

Hukumnya:

Menurut al-Imam al-Nawawi: "Pendapat yang lebih jelas, mengharuskannya. Iaitu harus *ijazah* seumpama itu". (*Tadrib al-Rawi*: 2/36).

أَجَزْتُ لَكَ إِنْ شِئْتَ أَوْ أَحْبَبْتَ أَوْ أَرَدْتَ

Saya meng*ijazah*kkan kepada kamu jika kamu mahu atau kamu suka atau kamu hendak:

Ini adalah antara lafaz-lafaz *ijazah*.

Hukumnya:

Menurut al-Hafiz al-Sakhawi: Yang paling zahir dan kuat pada masalah ini adalah harus, kerana ciri tidak diketahui dan hakikat tergantung yang ada padanya itu telah dinafikan. Tiada lagi masalah yang tinggal kecuali bentuk lafaznya sahaja, maka peganglah (pendapat ini). (Fath al-Mughith: 2/90).

أَجَزْتُ لَكَ أَنْ تَرْوِيَ عَنِّي، أو إِنْ شِئْتَ الرِّوَايَةَ عَنِّي

Saya Meng*ijazah*kan Kepada Kamu Untuk Meriwayatkan Daripada saya, Atau Jika Kamu Mahu Meriwayatkan Daripada saya:

Ia antara lafaz-lafaz *ijazah*.

Hukumnya;

Yang zahir dan kuat adalah kedua-dua lafaz tersebut diharuskan, kerana sudah tiada ciri yang tidak diketahui. (*Tadrib al-Rawi*: 2/36).

Saya meng*ijazah*kan sesiapa yang hendak meriwayatkannya: أَجَزْتُ لِمَنْ يَشَاءُ الرِّوَايَةَ

Ungkapan ini antara lafaz *Ijazah*.

Hukumnya:

Menurut al-Imam al-Nawawi: Yang terlebih utama (adalah pandangan) yang mengharuskannya, kerana lafaz tersebut telah menjelaskan kehendak keadaan (telah menentukan sesiapa yang berkehendak). (*Tadrib al-Rawi*: 2/36).

Tetapi menurut al-Suyuti: Sebenarnya lafaz ini adalah tidak sah. (*Tadrib al-Rawi*: 2/36).

Saya meng*ijazah*kan sesiapa yang dikehendaki oleh si polan: أَجَزْتُ لِمَنْ يَشَاءُ فُلَانٌ

Menurut al-Hafiz al-Suyuti: Ungkapan ini termasuk dalam kategori *Ijazah* yang tidak diketahui. (*Tadrib al-Rawi*: 2/34).

Hukumnya:

Ijazah jenis ini tidak sah dan terbatal.

Saya meng*ijazah*kan kamu: أَجَزْتُكَ

Ungkapan ini digunakan ketika meng*ijazah*kan kepada seseorang yang tertentu akan sesuatu yang tertentu. (*Tadrib al-Rawi*: 2/34).

أَجَزْتُكَ جَمِيْعَ مَسْمُوْعَاتِي أَوْ مَرْوِيَّاتِي

Saya meng*ijazah*kan kamu semua yang saya dengari atau semua riwayat-riwayat saya:

Ungkapan ini digunakan ketika meng*ijazah*kan seseorang yang tertentu akan sesuatu yang tidak ditentukan. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/31) dan (*al-Manhal al-Rawi*: m.s. 85).

Saya meng*ijazah*kan kamu semua: أَجَزْتُكُمْ

Sila lihat: أَجَزْتُكَ

Amat kuat dan kukuh: أَجْلَدُ

أَجْلَدُ: Dari sudut bahasa adalah dalam bentuk أفعل daripada perkatan جَلُد يَجلُد yang bermaksud: kuat, teguh dan mantap.

Dari sudut istilah: Adalah kata-kata *muhaddithin* terhadap seseorang perawi sebagai memuji kekuatan ingatan dan hafalannya.

Contohnya;

Ibn 'Adi berkata: Saya mendengar 'Abdan berkata: "Sesungguhnya bersama-sama kami al-Ma'mari, saya tidak pernah melihat ahli hadis yang أَجْلَدُ lebih mantap daripadanya". (*al-Kamil Fi al-Du'afa'*: 3/345).

Sanad yang terbaik: أَجْوَدُ الأَسَانِيْدِ

Dimaksudkan dengan ungkapan ini ialah sanad yang paling sahih. Ini adalah ungkapan al-Imam Ahmad bin Hanbal sepertimana yang diceritakan oleh Ibn al-Salah daripada Ahmad bin Hanbal: "Sesungguhnya yang paling sahih antara kedua-duanya ialah: Daripada al-Zuhri daripada Salim daripada Bapanya: Ibn al-Salah berkata: Ungkapan Imam Ahmad: أجود الأسانيد". (*Tadrib al-Rawi*: 1/143).

Hadis-hadis Ahad: أَحَادِيْثُ الآحَاد

Lihat: الآحاد

Hadis-hadis yang tiga perawi: الأَحَادِيْثُ الثُّلَاثِيَّةُ

Ungkapan ini bermaksud hadis-hadis yang mana antara al-Imam penulis kitab hadis dengan Nabi SAW terdapat hanya tiga orang penghubung (perawi).

Contohnya:

Hadis al-Imam Ahmad dengan kata beliau: "Sufyan telah memberitahu kami, beliau berkata: Saya berkata kepada 'Amr: Saya mendengar Jabir r.a. berkata:

Seorang lelaki lalu dalam masjid dan pada tangannya terdapat anak panah. Lantas Nabi SAW bersabda kepadanya: "Peganglah (dan tutuplah) hujung anak panah". Jawab lelaki itu: "Ya". (Diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad*: 3/308, no: 14349).

Hadis-hadis hukum: أَحَادِيْثُ الأَحْكَامِ

Ungkapan ini bermaksud hadis-hadis yang mengandungi salah satu daripada hukum-hukum yang lima iaitu: Wajib, sunat, harus, haram atau makruh.

Karya-karya yang masyhur:

1. السُّنَن الصحاح المأثورة، أو الصحيح المنتقى: Oleh al-Hafiz Abu 'Ali Sa'id bin 'Uthman bin al-Sakan (w 353H).
2. الأحكام الشرعية الكبرى من حديث رسول الله ﷺ atau الأحكام الكبرى: Oleh Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin 'Abd al-Rahman al-Isybili yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Kharrat (w 581H).
3. كتاب الأحكام الوسطى من حديث النبي ﷺ: Oleh al-Isybili juga.
4. الأحكام الشرعية الصغرى الصحيحة: Oleh al-Isybili.
5. عمدة الأحكام عن سيد الأنام: Oleh al-Imam Taqiy al-Din 'Abd al-Ghani bin 'Abd al-Wahid al-Maqdisi (w 600H).
6. دلائل الأحكام من أحاديث النبي عليه السلام: Oleh Abu al-Mahasin Baha' al-Din bin Rafi' bin Syaddad (w 632H).
7. الأحكام الكبرى: Oleh Majd al-Din 'Abd al-Salam bin 'Abd Allah bin Taymiyyah al-Harrani (w 652H).
8. المنتقى من أخبار المصطفى ﷺ في الأحكام : Oleh beliau juga.
9. الإمام في بيان أدلة الأحكام: Oleh al-Imam 'Izzu al-din bin 'Abd al-Salam (w 660H).
10. الخلاصة في أحاديث الأحكام: Oleh al-Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w 676H).
11. إحكام الأحكام شرح عمدة الأحكام: Oleh al-Imam Taqiy al-Din bin Daqiq al-'Ied (w 702H).
12. الإلمام في معرفة أحاديث الأحكام: Oleh beliau juga.
13. المحرَّر في أحاديث الأحكام: Oleh 'Abd al-Hadi Syams al-Din Abu 'Abd Allah yang lebih dikenali sebagai Ibn Qudamah al-Maqdisi (w 744H).
14. البُلغة في أحاديث الأحكام: Oleh al-Imam Siraj al-Din Abu Hafs 'Umar bin 'Ali bin al-Mulaqqin (w 804H).
15. تقريب الأسانيد وترتيب المسانيد: Oleh al-Hafiz Zain al-Din 'Abd al-Rahim al-'Iraqi (w 806H).
16. بلوغ المرام من أحاديث الأحكام: Oleh al-Hafiz Abu al-Fadl Ahmad bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).
17. إعلاء السنن: Oleh al-Syeikh Zafar Ahmad al-'Uthmani (w 1394H).

18. الموجَز في أحاديث الأحكام: Oleh Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib.

Hadis-hadis yang masyhur di lidah orang ramai: الأحادِيْثُ الْمُشْتَهِرَةُ على الأَلْسِنَةِ

Dimaksudkan dengannya ialah hadis-hadis yang berlegar di lidah-lidah orang ramai (masyhur di kalangan mereka), mereka berbicara dan menggunakannya dengan sangkaan bahawa hadis-hadis tersebut adalah daripada kata-kata Nabi SAW.

Hukumnya:

Berkemungkinan sebahagian daripada hadis-hadis ini sahih atau *hasan*, tetapi kebanyakannya adalah *daif*, *mawdu'*, atau tiada asal baginya (tidak mempunyai sanad).

Karya-karya masyhur yang berkaitan dengan topik ini:

1. اللآلي المنثورة في الأحاديث المشهورة مِمَّا أَلِفَه الطبعُ، وليس له أصلٌ في الشرع: oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani.
2. المقاصد الحسَنة في بيان كثيرٍ من الأحاديث المشهورة على الألسنة: oleh Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w 902H).
3. الدُّرَرُ المنتشرة في الأحاديث المشتهرة: oleh Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti (w 911H).
4. تمييز الطيِّب من الخبيث فيما يدور على ألسنة الناس من الحديث: Oleh 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Dayba' al-Syaibani (w 944H).
5. البَدْرُ المنير في غريب أحاديث البشير النذير: oleh 'Abd al-Wahhab bin Ahmad al-Sya'rani (w 973H).
6. التذكرة في الأحاديث المشتهرة: oleh Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah al-Zarkasyi (w 974H)
7. تسهيل السَّبيل إلى كشف الالتباس عمَّا دارَ من الأحاديث بين الناس: oleh Muhammad bin Ahmad al-Khalili (w 1057H).
8. إتقانُ ما يَحْسُن من الأحاديث الدائرة على الأَلْسُن: oleh Najm al-Din Muhammad bin Muhammad al-Ghazzi (w 985H). Kitab ini mengumpulkan kitab *al-Zarkasyi*, kitab *al-Suyuti*, kitab *al-Sakhawi* dan pertambahan-pertambahan baik yang lain.
9. كشفُ الخَفَاء ومُزِيْل الإلْبَاس عمَّا اشتهر من الأحاديث على ألسنة الناس: oleh Isma'il bin Muhammad al-'Ajluni (w 1162H).
10. أَسْنَى المطَالب في أحاديث مختلفة المراتب: oleh Muhammad bin Darwisy yang masyhur dengan al-Hut al-Bayruti (w 1276H). Ia dikumpulkan oleh anaknya, Abu Zayd 'Abd al-Rahman.

Hadis-hadisnya serupa dengan hadis-hadis si polan: أَحَادِيْثُهُ تُشْبِهُ أَحادِيْثَ فُلاَنٍ

Ungkapan ini digunakan kepada seseorang perawi bagi menyatakan sama ada termasuk dalam *al-Jarh* atau *al-Ta'dil*. Ini perlu dilihat kepada siapakah yang menjadi objek penyerupaannya. Jika dia disamakan atau diserupakan dengan

seorang yang *Thiqah* maka ungkapan ini adalah *al-Ta'dil*, jika dia disamakan dengan yang tidak *Thiqah*, maka ungkapan ini adalah *al-Jarh*.

Contoh penggunaannya kepada perawi yang *thiqah*:

Pernyataan dalam biografi Waddah bin 'Abd Allah al-Yasykuri, Abu 'Awanah Maula Yazid bin 'Ata' al-Wasiti (w 176H). al-Imam Yahya bin Sa'id al-Qattan berkata: "Betapa serupa hadisnya dengan hadis kedua-duanya (perawi yang lain), iaitu serupa hadis Abu 'Awanah dengan hadis-hadis Sufyan dan Syu'bah. (*al-Jarh wa al-Ta'dil*: 9/40).

Contoh penggunaannya kepada perawi yang tidak *thiqah*:

Pernyataan dalam biografi Ya'qub bin Muhammad bin 'Isa al-Zuhri al-Madini (w 213H). Menurut al-Imam Yahya bin Ma'in: *Saduq*, tetapi dia tidak memperdulikan daripada siapakah dia mengambil hadis. Beliau berkata lagi: Hadis-hadisnya serupa dengan hadis-hadis al-Waqidi Muhammad bin 'Umar – yang ditinggalkan hadisnya –Muhammad bin Ahmad al-Faqih berkata: Beliau ditanya tentang Salih bin Muhammad, maka beliau berkata: Hadisnya serupa dengan hadis al-Waqidi – seolah-olah beliau mendaifkannya. (*Tarikh Baghdad*: 14/270).

أَحَادِيثُهُ لا تُشْبِهُ أَحَادِيثَ الثِّقَاتِ

Hadis-hadisnya tidak menyerupai hadis-hadis para perawi yang *thiqah*:

Ungkapan ini digunakan dalam menyatakan *al-Jarh* yang bersangatan. Berkemungkinan ungkapan ini digunakan kepada seseorang perawi disebabkan dia meriwayatkan sesuatu hadis yang tidak disokong atau disertai oleh perawi yang lain kerana kesilapan periwayatannya dan kelemahan hafalannya, atau dia meriwayatkan daripada setiap orang (tanpa memastikan kesahihannya), atau dia mendatangkan daripada perawi-perawi yang *thiqah* riwayat-riwayat yang *munkar* dalam bentuk atau cara *al-Tadlis* (terdapat pelbagai jenis *al-Tadlis*, salah satunya adalah menyandarkan kepada seseorang perawi sesuatu yang tidak diriwayatkannya dengan gaya atau cara seolah-olah dia meriwayatkannya). Ungkapan ini banyak digunakan oleh Ibn Hibban dalam kitabnya *al-Majruhin* dan juga Ibn 'Adalam kitabnya *al-Kamil*.

Contohnya:

Menurut Ibn Hibban dalam kitab *al-Majruhin* (3/22) dalam menyatakan biografi Mina Maula 'Abd al-Rahman bin 'Auf: Diriwayatkan daripadanya 'Abd al-Razzaq, daripada bapanya daripada dirinya, seorang perawi yang *munkar*, sedikit periwayatannya, meriwayatkan beberapa perkataan yang tidak sama dengan hadis-hadis perawi-perawi yang *thiqah*, wajib menjauhkan diri daripada riwayatnya.

Hadis-hadisnya tidak menyerupai hadis-hadis si polan: أَحَادِيثُهُ لا تُشْبِهُ أَحَادِيثَ فُلَانٍ

Ungkapan ini digunakan kepada seseorang perawi kerana kesilapannya yang banyak (dalam periwayatan) dan kesalahan berbolak balik dalam hadis-hadis yang diriwayatkannya.

Contohnya:
Menurut al-Juzjani dalam kitab *Ahwal al-Rijal* (1/96) ketika menerangkan tentang biografi Syahr bin Hawsyab al-Asy'ari al-Syami: أحاديثُه لا تُشْبِه حديثَ الناس

Al-Bukhari dan Muslim menjadikan dia hujah: احْتَجَّ بِهِ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ

Ungkapan ini digunakan oleh golongan *muhaddithin* dalam kitab-kitab mereka, ungkapan ini bermaksud: Sesungguhnya salah seorang daripada mereka (al-Bukhari dan Muslim) meriwayatkan dalam kitab *Sahih*nya hadis-hadis yang menepati syaratnya. Maka hadis-hadis mereka diterima sebagai hujah.

Sahabat-sahabat yang masih kecil: أَحْدَاثُ الصَّحَابَةِ

Dari sudut bahasa الأحداث adalah jamak bagi perkataan حَدَثٍ yang bermaksud: Seseorang yang masih kecil umurnya.
Dari sudut istilah: Mereka ialah para sahabat r.a. yang kecil dari segi umur, terutama ketika Nabi SAW wafat. Contohnya: al-Hasan, al-Husayn, 'Abd Allah bin al-Zubair, Ibn 'Abbas, al-Nu'man bin Basyir, al-Saib bin Yazid, al-Miswar bin Makhramah dan sebagainya, tanpa dibezakan apa yang mereka pelajari sebelum baligh atau selepasnya. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/42).

Satu-satunya: أَحَدُ الأَحَدَيْنِ

Dari sudut bahasa, dikatakan: فُلانٌ أَحَدُ الأَحَدَيْنِ dan وَاحِدُ الأَحَدِين dan الوَاحِدَين أَحَدُ dan أَحَدُ الوَاحِدين dan وَاحِدُ الآحَاد dan إِحْدَى الإِحَد. Semua ungkapan ini membawa makna yang satu iaitu: Tiada yang seumpama dengannya. Ungkapan tersebut merupakan peringkat pujian yang tertinggi. (Lihat: *al-Qamus al-Muhit* dan *Taj al-'Urus*).
Dari sudut istilah: Lafaz ini adalah antara lafaz-lafaz pujian yang paling sempurna terhadap seseorang perawi, dan martabat *al-Ta'dil* yang tertinggi, bahkan di tempat yang pertama. Hal ini disebabkan lafaz ini bererti tiada yang seumpamanya. (*al-Jarh wa al-Ta'dil*: 1/33).
Ungkapan ini digunakan oleh beberapa orang ulama pakar hadis ketika men*tawthiq*kan (menghukumkan perawi sebagai *thiqah*) para perawi.

Contohnya:
Sufyan al-Thawri berkata mengenai Sufyan 'Uyaynah: Sufyan 'Uyaynah adalah satu-satunya ذاك أَحَدُ الأَحَدَيْنِ. (Lihat: *al-Jarh wa al-Ta'dil*: 3/622).

Al-Imam 'Abd Allah bin al-Mubarak menggunakan ungkapan ini ketika men*tawthiq*kan al-Imam al-Nadr bin Syumail al-Mazini al-Basri al-Nahwi (w 204H), beliau berkata: Al-Imam al-Nadr bin Syumail al-Mazini al-Basri al-Nahwi adalah satu-satunya ذاك أَحَدُ الأَحَدَيْنِ, tiada seorang pun di kalangan murid-murid al-Khalil bin Ahmad yang menyamainya. (Lihat: *Tahzib al-Kamal:* 4/1421).

Sesuatu yang paling baik dalam bab tersebut: أَحْسَنُ شَيءٍ فِي الْبَابِ

Iaitu ia adalah hadis yang paling kuat dalam sesuatu bab, walaupun tidak sampai kepada darjat *hasan* secara hakikatnya. Golongan *muhaddithin* menggunakan lafaz ini pada sesuatu hadis yang ada dalam sesuatu masalah.

Mereka maksudkan dengan lafaz ini ialah sesungguhnya hadis itu keadaannya lebih baik jika dibandingkan dengan hadis-hadis lain yang diriwayatkan dalam bab yang sama. Dengan kata lain: Hadis itu juga daif, tetapi kedaifannya lebih ringan jika dibandingkan dengan hadis-hadis yang lain dalam bab itu.

أَحْسَنُ شَيءٍ في هذا البَابِ كَذَا

Lihat: أَحْسَنُ شيءٍ في الباب

***Alif Kho Na*:** أ خ نا

Simbol bagi perkataan أَخْبَرَنا bermaksud: telah memberitahu kami dalam tulisan ahli *al-Magharibah* (ulama-ulama Islam di sebelah Barat). Menurut al-Hafiz al-Sakhawi: Tetapi ia tidak masyhur. (*Fath al-Mughith*: 2/190).

Khabar-khabar (hadis-hadis) *Ahad* : أَخْبَارُ الآحَاد

Lafaz ini dinamakan kepada hadis-hadis yang tidak mencukupi padanya syarat-syarat hadis *mutawatir*, merangkumi hadis الغريبَ, العزيزَ, dan المشهورَ.

Lihat: الآحاد

Seorang yang meriwayatkan hadis-hadis: الأَخْبَارِيُّ

Lafaz ini diberikan kepada seseorang yang memberi masa sepenuh perhatian terhadap *sunnah nabawiyyah* sama seperti *muhaddith.*

Perbezaan antara أخباري dan محدِّث:

Antara kedua-duanya ada umum dan khusus, seumpama salah satu daripada lafaz ini menunjukkan makna setiap lafaz dan ada pertambahan makna padanya, contohnya perkataan: Manusia dan Mukmin. Perkataan 'manusia' merangkumi sama ada mukmin atau selain mereka. Maka dapat disimpulkan bahawa antara kedua-duanya umum dan khusus. Begitu juga lafaz خَبَر yang terangkum dalamnya الحديثَ النبويَّ dan sebagainya. (Lihat: *Syarah al-Nukhbah*: m.s. 41).

Si polan telah memberitahu: أَخْبَرَ فُلَانٌ

Ungkapan tersebut antara antara lafaz-lafaz seorang perawi yang *mudallis* (perawi yang meriwayatkan sesebuah hadis daripada syeikh, sesuatu hadis yang tidak didengarinya daripada syeikh tersebut dengan menggunakan lafaz seolah-olah dia mendengarinya) yang melakukan perbuatan *al-Tadlis* dalam sesebuah hadis. Contohnya lafaznya: Daripada si fulan, atau: Sesungguhnya si fulan telah berkata, atau: Si polan telah berkata, atau: Dia telah berbicara sedemikian.., atau sebagainya daripada lafaz-lafaz yang kelihatan seolah-olah diambil secara kaedah mendengar tetapi tidak dinyatakan dengan jelas.

Lihat: المؤنَّن dalam huruf Mim.

Dia memberitahu kamu: أَخْبَرَكَ

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* (cara pengambilan hadis) secara mendengar daripada syeikh. Ia juga sama maksudnya dengan حَدَّثَك dan حَدَّثَنا menurut sebahagian *muhaddithin.*

Dia telah memberitahu kepada saya: أَخْبَرَنِي

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul*. Digunakan bagi sesuatu yang dibacakan kepada seseorang *muhaddith*. Begitu juga digunakan lafaz أَخْبَرَنَا bagi sesuatu yang dibacakan di samping kewujudan dan kehadirannya (*muhaddith*) dalam majlis itu.

Yang *thiqah* itu telah memberitahu saya : أَخْبَرَنِي الثِّقَةُ

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Ta'dil* terhadap seseorang perawi yang tidak jelas atau samar-samar. Seumpama seorang perawi berkata: Telah menyampaikan hadis kepada saya seorang yang *thiqah*, atau: Telah memberitahu saya seorang yang *thiqah*, atau: Telah memberitahu saya seseorang yang tidak saya menuduhnya (melakukan atau bersifat dengan sifat yang menyebabkan hadisnya tertolak) dan sebagainya, tanpa dinyatakan nama syeikhnya.

Hukumnya:

Lafaz seumpama ini tidak dikira dan tiada makna baginya disebabkan lafaz ini disebut secara samar dan tidak jelas. Tetapi dikecualikan jika lafaz ini diungkapkan oleh seorang imam yang mujtahid, seperti Abu Hanifah, Malik, al-Syafi'i, dan Ahmad. Jika salah seorang daripada mereka mengeluarkan lafaz seperti ini, maka sudah memadai bagi sesiapa yang mengikut dan berpandukan pandangan mereka. (*Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith:* m.s. 104).

أَخْبَرَنِي مَنْ لا أَتَّهِمُ

Seseorang yang tidak saya menuduhnya (bersifat atau melakukan sesuatu yang boleh mendaifkan hadis) telah memberitahu saya:

Ungkapan adalah ungkapan al-Imam al-Syafi'i, banyak beliau gunakan dalam kitabnya *al-Umm* begitu juga dalam kitab *Sunan al-Syafi'i*.

Menurut al-Rabi': al-Imam al-Syafi'i jika mengatakan lafaz أخبرني من لا أتهم, beliau maksudkan ialah Ibrahim bin Yahya. (*Tadrib al-Rawi*: 1/254).

أَخْبَرَنِي مَنْ لا أَتَّهِمُ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ

Seseorang yang tidak saya menuduhnya di kalangan ahli ilmu telah memberitahu saya:

Ungkapan ini adalah ungkapan al-Imam Malik dalam kitab *al-Muwatta'*. Menurut Ibn Wahb dalam menjelaskan maksud Malik dengan penggunaan lafaz ini: Setiap lafaz dalam kitab Malik أخبرني من لا أتَّهِمُ من أهل العِلْم maka dia ialah al-Layth bin Sa'ad. (*Tadrib al-Rawi*: 1/265).

Dia telah memberitahu kami: أَخْبَرَنَا

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* dengan kaedah mendengar daripada syeikh. Kemudian istilah ini masyhur dikhususkan kepada bentuk atau cara membaca kepada syeikh atau dengan kata lain: Dibacakan hadis kepada perawinya (syeikh), kami pula mendengar, manakala syeikh itu mengakuinya.

Dia telah memberitahu kami secara *ijazah*: أَخْبَرَنَا إِجَازَةً

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* dengan cara pemberian *ijazah* daripada syeikh atau *al-Munawalah* (pemberian riwayat syeikh kepada murid tanpa lafaz untuk meriwayatkan daripada syeikh).

Al-Imam al-Nawawi berkata: Pandangan yang sahih menurut jumhur *muhaddithin* dan pakar-pakar hadis ialah melarang daripada membiarkan lafaz أَخْبَرَنا dan حَدَّثَنا tanpa sebarang lafaz lain yang menghadkannya dan hendaklah dikhususkan dengan ungkapan yang dapat menjelaskan keadaannya seperti: حَدَّثَنا dan أَخْبَرنا إجازةً atau مناولَةً, dan إجازةً, atau إذناً, atau فِي إِذنِهِ, atau فيما أَذِن لِي. (*Tadrib al-Rawi*: 2/50).

Dia telah memberitahu kami secara keizinan: أَخْبَرَنَا إِذْناً

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* secara الإجازة dan المناولة.

Lihat: أَخْبَرَنا إجازةً

أَخْبَرَنَا بِقِرَاءَتِي وَقِرَاءَةً عَلَيْهِ

Dia telah memberitahu saya dengan bacaan saya dan bacaan kepadanya:

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* secara bacaan atau pendengaran kepada syeikh. Digunakan dengan diikuti lafaz القراءة dan bukannya secara umum tanpa disandarkan dengan perkataan lain. (*Tadrib al-Rawi*: 2/16).

أَخْبَرَنَا بِقِرَاءَتِي عَلَيْهِ وَأَنَا أَسْمَعُ:

Dia telah memberitahu saya dengan bacaan saya kepadanya dalam keadaan saya mendengarnya:

Ungkapan ini adalah daripada ungkapan mendengar (hadis) dengan disandarkan kepada pembacaan dan bukannya secara umum. Ungkaapn ini digunakan ketika mendengar daripada syeikh. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/16).

Lihat: أَخْبَرَنا بقراءتي وقراءةً عليه

Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami: أَخْبَرَنَا الثِّقَةُ

Bentuk penyampaian hadis bagi sesuatu riwayat yang diambil daripada seseorang yang *thiqah* di sisi orang yang berkata tersebut. Maksud al-*Thiqah* dalam ungkapan ini adalah berbeza mengikut perbezaan orang yang mengatakannya, dan siapa yang meriwayatkan daripada *thiqah* tersebut.

Menurut Abu al-Hasan al-Aburi: Saya mendengar sebahagian ahli hadis mengatakan bahawa: Jika al-Syafi'i berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada Abu Zi'b, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah Ibn Abu Fudaik.

Jika beliau berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada al-Layth bin Sa'ad, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah Yahya bin Hassan.

Jika beliau berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada al-Walid bin Kathir, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah Abu Usamah.

Jika beliau berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada al-Awza'i, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah 'Amr bin Abu Salamah.

Jika beliau berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada Ibn Juraij, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah Muslim bin Khalid.
Jika beliau berkata: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami daripada Saleh Maula al-Tauamah, maka *thiqah* yang dimaksudkan ialah Ibrahim bin Yahya. (Lihat *Tadrib al-Rawi*: 1/312).
'Abd Allah bin Ahmad menyebut bahawa jika al-Syafi'i mengatakan: Seorang yang *thiqah* telah memberitahu kami , dan menyebut salah seorang daripada perawi yang berasal al-'Iraqiyyin, maka dia yang dimaksudkan adalah: Bapanya Ahmad bin Hanbal. (*Tadrib al-Rawi*: 1/314).

أَخْبَرَنَا سَمَاعاً أَوْ قِرَاءَةً

Dia telah memberitahu kami secara kami mendengar atau melalui bacaan:
Ungkapan ini digunakan apabila terdapat dua riwayat yang sama dari sudut makna tetapi berbeza dari sudut lafaz. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/119).
Ungkapan ini adalah daripada bab kata-kata ulama: أتيتُهُ سَعْياً (saya mendatanginya sepenuh daya) dan كلّمتُه مشافهةً (saya berbicara dengannya secara lisan).

Dia telah memberitahu kami dengan keizinannya: أَخْبَرَنَا فِي إِذْنِهِ

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan (hadis) bagi seorang perawi yang mengambilnya (*al-Tahammul*) secara *ijazah* dan *al-Munawalah*.
Lihat: أَخْبَرَنَا إجازةً

أَخْبَرَنَا فِيمَا أَجَازَنِي أَوْ أَجَازَ لِي

Dia telah memberitahu kami dengan apa yang dia telah meng*ijazah*kan saya atau meng*ijazah*kan kepada saya:
Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan (hadis) bagi seorang perawi yang mengambilnya (*al-Tahammul*) secara *ijazah* dan *al-munawalah*.
Lihat: أَخْبَرَنَا إجازةً

أَخْبَرَنَا فِيمَا أَذِنَ لِي فِيهِ

Dia telah memberitahu kami dengan apa yang telah diizinkannya untuk saya:
Ia adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan (hadis) bagi seorang perawi yang mengambilnya (*al-Tahammul*) secara *ijazah* dan *al-Munawalah*.
Lihat: أَخْبَرَنَا إجازةً

أَخْبَرَنَا فِيمَا أَطْلَقَ لِي رِوَايَتَهُ

Dia telah memberitahu kami dengan apa yang boleh saya meriwayatkannya secara umum:
Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan hadis bagi seorang perawi yang mengambilnya (*al-Tahammul*) secara *ijazah* dan *al-Munawalah*.
Lihat: أَخْبَرَنَا إجازةً

Dia telah memberitahu kami secara bacaan kepadanya: أَخْبَرَنَا قِرَاءَةً عَلَيْهِ

Ungkapan ini adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* dengan cara membaca di hadapan syeikh.

Menurut al-Suyuti: Lafaz ini menunjukkan bahawa hadis tersebut telah diambil daripada syeikh dengan cara dibentangkan (dibaca) di hadapannya. (*Tadrib al-Rawi*: 2/16).

Lihat: العَرْض dalam huruf 'Ain.

Dia telah memberitahu kami secara tulisan: أَخْبَرَنَا كِتَابَةً

Lihat: أَخْبَرَنَا كتابةً

Dia telah memberitahu kami secara berbicara: أَخْبَرَنَا مُشَافَهَةً

Lafaz ini digunakan bagi sesuatu yang diambil atau diterima daripada syeikh secara *ijazah* dengan kata-kata (tidak dengan bertulis atau sebagainya)

Dia telah memberitahu saya secara penulisan: أَخْبَرَنِي مُكَاتَبَةً

Ia adalah daripada lafaz penyampaian (hadis) bagi seorang perawi yang mengambilnya secara penulisan. (*Tadrib al-Rawi*: 2/162).

Dia telah memberitahu kami secara penyerahan riwayatnya: أَخْبَرَنَا مُنَاوَلَةً

Ia adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan (hadis) bagi seorang perawi yang mengambilnya (*al-Tahammul*) secara *ijazah* dan *al-Munawalah*.

Lihat: أَخْبَرَنا إجازةً

Ujian: الاخْتِبَار

Dari sudut bahasa 'الاختبار' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اختبر يَختبِر' yang bermaksud: Mengkaji atau menyelidiki sesuatu untuk mengetahui hakikatnya.

Dari sudut istilah: menyelidiki dan mengkaji dalam sesuatu riwayat, sama ada ia bertepatan dengan riwayat perawi-perawi yang *thiqah* atau pun tidak ataupun sama ada pemilik (pengumpul) hadis tersebut men*sahih*kannya atau diletakkan hukum hasan oleh para pengkritik hadis (dan pakar hadis) jika perawi itu berseorangan (tidak ada perawi lain yang turut meriwayatkannya) atau pun tidak, dan adakah perawinya turut diriwayatkan oleh *al-Syeikhan* (al-Bukhari dan Muslim) dalam kitab sahih mereka atau tidak.

Meringkaskan hadis: اخْتِصَارُ الحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa 'الاختصار' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اخْتَصَرَ يَختصِر' yang bermaksud: meringkaskan. Disebut: 'اختصر فلانٌ الكلامَ' iaitu meringkaskan perkataannya. (*al-Qamus al-Mughit*)

Dari sudut istilah: membuang sebahagian lafaz hadis dan hanya menyebut dengan ringkas sebahagian riwayatnya sahaja. Disebut kepada hadis yang telah diringkaskan dengan nama: 'المُخْتَصَر'.

Bercampur baur : الاخْتِلاَطُ

Dari sudut bahasa 'الاختلاط' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اختلط يَختلِط' yang bermaksud: bercampur baur. Disebut (dalam bahasa Arab): 'اخْتَلَطَ عقلُه'

bermaksud: pimikiran bercelaru. 'الشيءُ بالشيء' bermaksud: bercampur kedua-duanya. 'اختلطوا في الحديث' bermaksud: bercampur baur dalam hadis.

Dari sudut istilah: ketidaksempurnaan hafalan disebabkan kerosakan akal akibat umur yang sudah tua atau hilangnya penglihatan atau kitab-kitab yang terbakar dan sebagainya.

Contohnya:

Dijadikan contoh dengan hadis Abu Hurairah r.a. *marfu'* (disandarkan kepada Nabi SAW): "Cukuplah bagi kamu untuk membasuh darah, kesan yang terhasil daripada darah tersebut tidak akan memudaratkanmu." (Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Dawud dan selain mereka dalam Kitab *al-Taharah*, Bab *al-Mara'h Taghsilu Thaubaha,* no: 365).

Dalam sanadnya terdapat Ibn Lahi'ah iaitu 'Abd Allah bin Lahi'ah (w 174H), seorang *muhaddith*, banyak meriwayatkan hadis, kitab-kitabnya terbakar dan menyebabkan beliau menjadi bercambur baur dalam periwayatannya. Hadis ini daripada riwayat Qutaibah bin Sa'id (w 240H) daripadanya (Ibn Lahi'ah). Qutaibah mengambil daripada Ibn Lahi'ah pada waktu yang mutakhir. Ditakuti hadis ini adalah hadis yang didengari oleh Qutaibah daripada Ibn Lahi'ah selepas beliau menjadi bercampur baur dalam riwayat, maka akan menyebabkan hadis ini daif.

Bercampur baur: اخْتِلَاط

Dari sudut bahasa 'اختلط يَختلِط' adalah kata perbuatan bagi kata dasar 'الاختلاط'.

Bagi pengertian dari sudut bahasa sila rujuk kepada 'الاختلاط'.

Dari sudut istilah: Ia adalah ketidaksempurnaan hafalan bagi seseorang perawi sama ada disebabkan kerosakan akalnya apabila semakin tua, atau kehilangan penglihatan atau kitab-kitabnya terbakar atau sebagainya. Maksudnya: Perawi itu dalam keadaan yang sempurna dan *thiqah*, kemudian menjadi 'اختلط'.

Manakala perawi yang sentiasa 'مُخَلِّطاً' sejak dari mula, maka dia tidak dinamakan sebagai 'اخْتَلَطَ' atau 'خُوْلِطَ'.

Ikhtilaf sesuatu hadis: اخْتِلَافُ الْحَدِيْث

Lihat: 'مُخْتَلِف الحديث' dalam huruf Mim.

Perbezaan riwayat-riwayat: اخْتِلَافُ الرِّوَايَات

Dari sudut bahasa 'الاختلاف' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اختلف يَختلِف' dan ia kata lawan bagi 'الاتفاق'. Perkataan 'الرِّوايات' adalah jamak bagi perkataan 'رواية' dan ia adalah salah satu bentuk pengkhabaran dan kata-kata.

Maksud ungkapan ini ialah: Menukilkan hadis atau syair kepada orang lain.

Dari sudut istilah: Membawa hadis dan menukilkannya (daripada satu perawi kepada perawi yang lain) serta menyandarkannya kepada sesiapa yang mengambilnya dengan cara atau bentuk pengambilan hadis di samping mentarjihkan (memilih yang kuat) antara riwayat yang pelbagai, memastikan

ketelitiannya dan kesahihannya dengan membawa penerangan berdasarkan kepada dalil-dalil ilmiah, kenyataan-kenyataan yang jelas lagi terang.

Antara ulama yang melakukannya ialah al-Imam Sharaf al- deen al-Yunini (w701H) yang akhirnya dikenali (kitabnya) dengan nama *al-Naskhah al-Yuniniah* bagi Kitab Sahih al-Bukhari. Dalam kitab ini al-Imam al-Yunini menyebut perbezaan riwayat-riwayat di hujung setiap helaian kitab. Perbezaan-perbezaan ini boleh didapati pada nota kaki *Sahih al-Bukhari* terbitan *al-Tab'ah al-Yuniniah.*

Menurut al-Hafiz al-Sakhawi: "Ketahuilah bahawa sesungguhnya menitik beratkan perbezaan riwayat-riwayat di samping sanad-sanadnya adalah suatu yang penting, ia adalah salah satu sebab yang membawa kepada kelebihan dan keistimewaan *Syarah Sahih al-Bukhari* (*Fath al-Bari*) oleh syeikh kami (Ibn Hajar) melebihi keseluruhan syarah yang lain".

Diperselisihkan tentangnya: اُخْتُلِفَ فِيْهِ

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh.* Maksudnya: Imam-imam (pakar hadis) berbeza pendapat tentang martabat seseorang perawi, ada di kalangan mereka yang memberikan *al-Ta'dil* dan ada di kalangan mereka yang mendaifkannya.

Mengambil upah hasil daripada menyampaikan hadis: أَخَذَ الأُجْرَةَ عَلَى التَّحْدِيْثِ

Ungkapan ini dianggap antara lafaz-lafaz al-Jarh bagi sesiapa di kalangan perawi yang mengambil upah disebabkan terdapat keaiban padanya di sisi sebahagian para imam (ulama hadis). Demikian juga amalan para sahabat r.a. dan tabiin yang meriwayatkan hadis kepada orang ramai dengan ikhlas dan mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT, sehinggakan tersebar di kalangan mereka ungkapan: "Ajarkanlah secara percuma, sepertimana kamu diajar secara percuma". (*al-Kifayah*: m.s. 153-154).

Kemudian datang sebahagian perawi-perawi hadis dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kebiasaan golongan yang terdahulu. Mereka mula meletakkan upah atas murid-murid dengan sebab memperdengarkan hadis. Perbuatan ini telah memberi kesan kepada keikhlasan ulama hadis dan pengkritik hadis, mereka mengingkari dan memberi peringatan serta amaran agar mendengar daripada golongan mutakhir yang menyampaikan riwayat-riwayat. Ini adalah disebabkan perbuatan tersebut yang dianggap sebagai menjatuhkan maruah, juga bagi mengelakkan golongan tersebut mula mementingkan upah serta ganjaran yang mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam pendustaan atau penipuan yang jelas semata-mata supaya orang ramai mendengar bicara mereka!

Tetapi di sana terdapat sebahagian golongan al-Huffaz yang *thiqah* yang terpaksa melakukannya disebabkan kesempitan hidup, kerana terlalu sibuk dengan memperdengarkan hadis memandangkan mereka adalah tempat yang menjadi tumpuan para penuntut ilmu hadis. Sengguhpun begitu,kesemua para *muhaddithin* menolak sebarang bentuk upah, mereka memberikan contoh tauladan yang amat tinggi dalam perkara ini. (*Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith:* m.s. 85).

Mengeluarkan: **الإخْرَاجُ**

Dari sudut bahasa 'الإخراج' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'أخرَجَ يُخرِج' yang bermaksud: mengeluarkan,menampakkan dan menzahirkan.

Dari sudut istilah ialah: Seorang *muhaddith* yang mendatangkan hadis dengan isnad miliknya sendiri dalam kitabnya. Antaranya kata-kata: 'أخرجه فلانٌ'.

Perkataan ini juga memiliki makna-makna yang lain, antaranya:

"Seorang perawi memilih hadis-hadis untuk dirinya daripada riwayat-riwayat asal miliknya yang didengar daripada syeikh-syeikhnya dengan mengambil kira sifat-sifat tertentu yang wujud dalam hadis-hadis tersebut, seperti: sanad yang tinggi (bilangan perawi antara perawi dengan Nabi SAW adalah sedikit), atau kekuatan sanadnya, atau keganjilannya. Perawi ini akan mengumpulkan kesemuanya dalam satu penulisan. (*Tahrir 'Ulum al-Hadith:* m.s. 24).

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa 'الإخراج' adalah: Menyandarkan hadis kepada imam yang mengeluarkannya.

Pandangan lain pula mengatakan: "Ia adalah menyandarkan sesuatu nas kepada sesiapa yang meriwayatkannya dengan sanadnya sendiri, di samping menerangkan tentang darjatnya". (*Taujih al-Nazar*: 1/349).

Pandangan seterusnya adalah: pengetahuan tentang perawi, hadis yang diriwayatkan, kitab yang menjadi sumber hadis tersebut serta hukumnya sama ada sahih atau daif.

Perbezaan antara "الرواية" dan "الإخراج":

Terdapat perbezaan antara 'الرواية' dan 'الإخراج' iaitu:

Sesungguhnya 'الرواية' adalah ungkapan berkenaan seorang *muhaddith* yang menyebut hadis dengan sanad daripada kitabnya dengan menggunakan tulisan, atau di majlis perbincangan, majlis-majlis ilmu dan juga khutbah-khutbahnya dengan menggunakan lisan.

Manakala 'الإخراج' pula ialah: Seorang *muhaddith* yang menyebut hadis dengan sanadnya daripada kitabnya sahaja. Maka antara kedua-dua lafaz ini ada umum dan khusus, setiap 'الإخراج' adalah 'الرواية' dan bukanlah setiap 'الرواية' itu 'الإخراج'. (*Takhrij al-HadithNasyatuhu Wa Manhajiyyatuhu*: m.s. 13).

Mengeluarkan hadis: **أخْرَجَ الْحَدِيْثَ**

Iaitu seorang *muhaddith* yang mengeluarkan hadis dalam kitabnya dengan sanad dan bukannya dalam perbicaraan.

أَخْرَجَ لَهُ الْبُخَارِيُّ أو مُسْلِمٌ فِي الأُصُولِ

Dikeluarkan oleh al-Bukhari atau Muslim daripadanya dalam Usul

Ungkapan seperti ini dan seumpamanya akan banyak dijumpai oleh pembaca dalam pernyataan berkenaan biografi seseorang perawi. Maksudnya ialah: *Syeikhan* telah meriwayatkan hadis daripada perawi ini dalam kitab Sahihnya, ia dijadikan hujah dalam kitab-kitab yang berdasarkan syarat-syarat mereka berdua.

أَخْرَجَ لَهُ الْبُخَارِيُّ أَوْ مُسْلِمٌ فِي الْمُتَابَعَاتِ وَالشَّوَاهِدِ

Dikeluarkan (diriwayatkan) oleh al-Bukhari atau Muslim daripadanya dalam *Mutaba'at* dan *Syawahid*:

Mutaba'at ialah riwayat-riwayat penyokong dan penguat bagi riwayat seorang sahabat yang sama, dan *syawahid* ialah riwayat-riwayat penyokong dan penguat daripada sahabat yang berlainan.

Ungkapan ini dan seumpama dengannya akan banyak dijumpai pembaca dalam pernyataan berkenaan biografi perawi-perawi. Maksudnya bahawa salah seorang daripada *al-Syeikhan* sama ada al-Bukhari atau Muslim telah meriwayatkan daripada perawi ini dalam kitab *al-Sahih*. Akan tetapi hadis yang diriwayat itu dalam kelompok *al-mutabaat* dan *al-syawahid* sebagai penyokong dan penguat bagi hadis-hadis usul (hadis yang berdasarkan syarat sahih) . Walau bagaimanapun Hadis-hadis penyokong tersebut bukanlah mengikut syarat-syarat al-Bukhari atau Muslim.

Lihat: 'متابعة' dalam huruf Mim dan 'الشواهد' dalam huruf Syin.

Hadis itu dikeluarkan oleh *Muhaddith*: أَخْرَجَ الْمُحَدِّثُ الْحَدِيْث

Iaitu menyebut hadis tersebut daripada kitabnya dengan sanadnya dan bukan secara perbicaraan atau dengan lisan.

Dikeluarkan oleh : أَخْرَجَه

Lihat: 'أخرَجَ الحديثَ'

Adik beradik lelaki dan adik beradik perempua: الإِخْوَةُ والأَخَوَاتُ

Ia adalah pengetahuan berkaitan dengan adik beradik lelaki dan adik beradik perempuan di kalangan para perawi pada setiap *tabaqat*.

Manafaat ilmu ini antaranya ialah agar tidak didakwa seseorang yang tidak mempunyai hubungan adalah adik beradik disebabkan mempunyai nama bapa yang sama.

Contohnya:

'Abd Allah bin Dinar dan 'Amr bin Dinar. Bagi seseorang yang tidak mengetahui akan menyangka bahawa mereka adalah adik beradik. Tetapi sebenarnya mereka adalah dua orang yang berbeza walaupun nama bapa mereka sama.

Contoh-contoh jenis ini:

1. Contoh dua orang beradik di kalangan para sahabat: Umar dan Zayd bin al-Khattab r.a.
2. Contoh tiga orang beradik di kalangan para sahabat: 'Ali, Ja'far dan 'Uqail yang kesemuanya adalah anak kepada Abu Talib.
3. Contoh empat beradik di kalangan *Atba' al-Tabiin*: Suhail, 'Abd Allah, Muhammad dan Saleh, kesemuanya adalah anak kepada Abu Saleh r.a.
4. Contoh lima beradik di kalangan *Atba' al-Tabiin*: Safyan, Adam, 'Imran, Muhammad dan Ibrahim, kesemuanya adalah anak kepada 'Uyainah.

5. Contoh enam beradik di kalangan tabiin: Muhammad, Anas, Yahya, Ma'bad, Hafsah dan Karimah, kesemuanya adalah anak kepada Sirin.
6. Contoh tujuh beradik di kalangan sahabat: al-Nu'man, Ma'qil, 'Aqil, Suwaid, Sinan, 'Abd al-Rahman dan 'Abd Allah, kesemua mereka adalah anak kepada Muqarrin.

Karya-karya dalam bidang ini:

1. كتاب الإخوة: Oleh Abu al-'Abbas Muhammad bin Ishaq al-Sarraj (w 313H).
2. كتاب الإخوة: Oleh Abu al-Mutarrif bin Futais al-Andalusi (w 319H).

Begitu juga terdapat sekumpulan para imam, *muhaddith* dan *al-huffaz* yang menghasilkan karya dalam topik ini, contohnya: al-Imam 'Ali bin al-Madini (w 234H), al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H) dan al-Imam Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H) dan sebagainya.

***Alif Kho Na*":** أ خ نا

Ia adalah simbol bagi أَخْبَرَنَا iaitu dia telah memberitahu kami dalam tulisan golongan *al-Magharibah* (ulama Islam di sebelah Barat).

***Akh Na*:** أخنا

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tahammul* dan *al-Ada'* (bentuk penyampaian hadis) yang didapati dalam tulisan sebahagian golongan *al-Magharibah* sebagai ringkasan daripada perkataan: 'أَخْبَرَنَا' bermaksud dia telah memberitahu kami. (*Tadrib al-Rawi*: 2/87).

Dua beradik: الأَخَوَيْنِ

Ia bermaksud dua perkara iaitu *al-Rafd* (golongan Rafidah atau Syi'ah yang melampau) dan *al-Kazib* (pendustaan) menurut para *muhaddith* apabila mereka mempertikaikan seorang perawi dari sudut akidah. al-Hafiz al-Zahabi berkata mengenai Sahl bin Ahmad al-Daybaji: Dia dituduh dengan 'رُمِيَ بالأخوَين': Iaitu *al-Rafd* dan *al-Kazib*. (*Mizan al-'I'tidal*: 3/331).

Penyampaian: الأَدَاءُ

Dari sudut bahasa 'الأَدَاء' ialah kata nama terbitan daripada kata kerja ' أدَّى يُؤدِّي تأدية وأداءً'. Antara makna-maknanya: 'الإيصال' Menyampaikan, disebut: ' فلانٌ أَدَّا الشيء تَأْدِيَةً' iaitu menyampaikannya. Kata dasar ialah: 'الأَدَاء'. (*al-Qamus al-Mughit*).

Dari sudut istilah: menyampaikan hadis dengan bentuk daripada bentuk-bentuk *al-Ada'* dan *al-Tahammul* menggunakan salah satu daripada lafaz-lafaz *al-Ada'* (menyampaikan), contohnya: 'سَمِعْتُ', 'سَمِعْنا', 'حَدَّثَنِي', 'حدَّثنا', 'أخبرني', 'أَخْبَرَنا', ' أَنبَأني', 'أَنْبَأنا', 'قال', 'عَنْ' atau 'أنَّ'.

Menyampaikan hadis: أَدَاءُ الْحَدِيثِ

Periwayatan hadis seorang syeikh kepada muridnya selepas dia mengambil hadis tersebut daripada syeikhnya menggunakan salah satu daripada lafaz *al-ada'*.

Lihat: 'ألفاظ الأداء'

Memasukkan syeikh-syeikh (ke dalam riwayat mereka): أَدْخَلَ على الشيوخ

Iaitu menisbahkan hadis-hadis kepada syeikh-syeikh yang bukan daripada riwayat mereka.

Asal penggunaan ungkapan ini adalah untuk menyatakan *al-Jarh* yang bersangatan terhadap seseorang perawi dari sudut ke*adil*annya. Tetapi perkara ini turut berlaku kepada golongan *'Abud* (orang yang kuat melakukan ibadah) yang tidak meneliti hadis-hadis yang diriwayatkan sehingga menyebabkan sesuatu sanad diubah kerana tersalah atau terkeliru dengan bukan secara sengaja.

Perkara ini juga dilakukan oleh imam-imam (pakar hadis) dengan tujuan untuk menguji para perawi.

***Idraj* (selitan):** الإِدْرَاجُ

Lihat: 'المُدْرَج' dalam huruf Mim

***Idraj* (selitan) pada matan:** الإِدْرَاجُ فِي السَّنَدِ

Lihat: 'المُدْرَج' dalam huruf Mim.

Idraj (selitan) pada matan الإِدْرَاجُ فِي الْمَتْنِ

Lihat: 'المُدْرَج' dalam huruf Mim.

Sempat atau turut serta: الإِدْرَاكُ

Dari sudut bahasa 'الإدراك' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'أدرَكَ يُدرِك' yang bermaksud: turut serta atau sempat bersama.

Dari sudut istilah: perkataan *muhaddithin*: 'له إدراك' ialah sempat atau turut serta di zaman kenabian. Bukanlah bermaksud dia melihat Nabi SAW atau dia mendengar daripada baginda.

Keizinan semata: إِذْنٌ مُجَرَّدٌ

Iaitu seorang syeikh yang mengizinkan muridnya untuk melihat kitabnya tanpa memberi keizinan untuk meriwayatkannya.

Imam yang empat: الأَرْبَعَةُ

Ia adalah imam-imam hadis yang seramai empat orang di kalangan pengarang kitab al-Sunan, mereka ialah:

1. Al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H).
2. Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w 275H).
3. Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H).

4. Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H).

Hadis-hadis Empat Puluh: الأَرْبَعِينِيَّات

Ia adalah salah satu daripada juzuk hadis. Penulis akan mengumpulkan hadis-hadis dalam satu bab, atau bab yang pelbagai tetapi memiliki satu sanad sahaja, atau dengan sanad yang pelbagai, dan bilangan hadisnya adalah sebanyak 40.
Antara karya yang masyhur dalam bidang ini:

1. أربعون حديثاً: Oleh Abu Bakar Muhammad bin al-Husayn al-Ajurri (w 360H)
2. الأربعين النَّوَوِيَّة: Oleh al-Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w 676H)
3. الأربعون البلدانية: أربعون حديثاً عن أربعين شيخاً من أربعين بلداً oleh Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (w 1410H).

Melewatkan dan menangguhkan: الإِرْجَاءُ

Dari sudut bahasa 'الإرجاء' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'أَرجَى يُرجِي' yang bermaksud melewatkan, atau melambatkan atau menangguhkan. Antaranya firman Allah SAW yang bermaksud: "Kamu boleh menangguhkan menggauli siapa yang kamu kehendaki antara mereka (isteri-isterimu) dan (boleh pula) menggauli siapa yang kamu kehendaki". (*Surah al-Ahzab*: 51).
Dari sudut istilah perkataan 'الإرجاء' terbahagi kepada dua jenis:

Jenis pertama:
Iktikad iaitu Pegangan akidah bahawa iman itu ialah mengakui dengan lidah sahaja walau pun tanpa diimani oleh hati.
Dosa besar tidak akan memudaratkan keimanan.
Amalan ketaatan yang difardukan dan yang disunatkan tidak memberi kesan dan faedah kepada kekuatan iman dan pertambahan iman. Bagi mereka cukuplah keimanan itu dengan mengenali Allah. Mereka menjadikan selain keimanan itu ketaatan dan selain kekufuran itu maksiat yang tidak memberi mudarat mahupun manfaat. Kumpulan ini bergantung dan berpaut hujah mereka kepada zahir hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesiapa yang menyebut 'لا إله إلاَّ الله' maka dia akan masuk syurga". (Diriwayatkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, no 7638).
Perawi yang disifatkan dengan sifat ini adalah seorang yang memiliki *al-jarh* yang bersangatan.

Jenis kedua:
Iktiqad bahawa sesungguhnya segala amalan bukanlah sebahagian daripada keimanan.
Sesungguhnya iman tidak akan bertambah atau berkurang.
Sesungguhnya segala urusan orang yang beriman diserahkan kepada Allah, tidak akan dihukum mereka untuk ke syurga mahupun neraka.

Jenis 'الإرجاء' ini bukanlah dianggap sebagai *al-jarh*. Para imam hadis meriwayatkan dalam kitab-kitab mereka sejumlah yang besar daripada kalangan perawi yang disifatkan dengan 'الإرجاء' jenis ini yang bertentangan dengan *iktikad* jumhur ulama yang mengatakan bahawa: "Iman itu tidak cukup dengan sekadar mengenal Allah SWT, bahkan mestilah diikuti dengan membenarkan dalam hati, melafazkan dengan lidah dan beramal dengan anggota badan".

Sesungguhnya iman akan bertambah dengan perlaksanaan amalan ketaatan dan iman berkurangan dengan perlakuan maksiat.

Sesungguhnya maksiat akan meruntuhkan iman, memudaratkannya dan membawa pelakunya ke tempat yang rugi.

Sesungguhnya orang yang meninggalkan perbuatan amalan ketaatan, melakukan perkara yang haram adalah seorang yang fasiq dan bukannya kafir. Ahli sunnah tidak terlalu keras dalam hal ini seperti yang dilakukan oleh golongan al-Khawarij dan al-Muktazilah, juga tidak menghina urusan seperti ini seumpama yang dilakukan oleh al-Murji'ah.

Maka kesimpulannya, seseorang perawi hadis yang disifatkan dengan 'الإرجاء' dalam kitab-kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil*, berkemungkinan merupakan *al-Jarh* dan berkemungkinan ia tidak dianggap sebagai *al-Jarh*. Syeikh 'Abd al-Hayy al-Laknawi telah mengupas perkara ini dengan kupasan yang amat bernilai: "Berkemungkinan orang yang tidak memiliki ilmu dalam perkara ini akan menyangka – apabila dia melihat dalam kitab *Mizan al-I'tidal*, *Tahzib al-Kamal*, *Tahzib al-Tahzib*, *Taqrib al-Tahzib* dan sebagainya daripada kitab-kitab dalam bidang ini yang mengatakan sesuatu tentang perawi: Tuduhan dengan 'الإرجاء' daripada imam-imam ahli hadis dan pengkritiknya di mana imam-imam ini akan berkata tentang perawi: Dituduh dengan 'الإرجاء', atau dia adalah kelompok 'الإرجاء' atau sebagainya – bahawa perawi jenis ini adalah terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah, termasuk dalam kumpulan-kumpulan yang sesat, ditolak dan diburukkan dengan bidaah-bidaah berkaitan dengan aqidah, digolongkan dalam kumpulan al-Murji'ah yang sesat.

Perkara ini juga menyebabkan ramai orang yang menuduh dan memburukkan al-Imam Abu Hanifah, dua orang sahabatnya dan guru-gurunya! Hanya semata-mata kerana wujud perkataan 'الإرجاء' secara umum dalam kitab-kitab yang dipegang dan diyakini nukilan mereka. Faktor tuduhan mereka adalah kerana mereka tidak mengetahui dan mengabaikan salah satu daripada jenis 'الإرجاء', dan akal fikiran mereka yang cepat menghukum 'الإرجاء' yang disebutkan adalah merujuk kepada kesesatan di sisi ulama. (*al-Raf'u wa al-Takmil*: m.s. 352).

Al-Murji'ah mempunyai kelompok-kelompok yang banyak dan Abu al-Hasan al-Asy'ari telah menyatakan bahawa mereka mempunyai 12 kumpulan. Mereka memiliki banyak artikel dan berbeza dalam masalah iman dan sebagainya.

Aku harapkan dia tidak mengapa: أَرْجُو أَنَّهُ لا بَأْسَ بِهِ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-Ta'dil*. Lafaz yang ditambah oleh al-Hafiz al-'Iraqi dan diletakkan di martabat yang keempat antara lafaz-lafaz *al-Ta'dil*. Menurut al-Hafiz al-Sakhawi dan al-Suyuti lafaz ini diletakkan di martabat yang keenam.

Hukumnya:

Hadis perawi-perawi yang berada di kedua-dua martabat ini boleh ditulis dan dilihat padanya untuk dijadikan penyokong atau penguat hadis yang lain.

Saya harapkan hadisnya boleh diambil kira: أَرْجُو أَنْ يُحْتَمَلَ حَدِيثُهُ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz di martabat *al-syawahid* dan *al-mutaba'at*. Ia adalah seperti kata-kata ulama hadis: 'أرجو أنّه لا بأس به'. Tetapi terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua lafaz ini.

Lafaz pertama 'أرجو أن يُحْتَمَل حديثُه' menunjukkan bahawa orang yang melafazkannya mengetahui tentang perawi tersebut yang terdapat perbincangan serta tuduhan (keburukan riwayatnya) terhadapnya. Perawi tersebut walaupun terdapat beberapa kata-kata ulama berkenaan dengannya tetapi tidak seharusnya hadis yang diriwayatkan ditinggalkan secara mutlak, bahkan perlu ditulis untuk diteliti dan dijadikan sebagai sokongan dan penguat hadis yang lain.

Lafaz yang kedua pula menunjukkan bahawa imam yang melafazkannya, mengharapkan agar keburukan dan kecacatan periwayatan perawi tersebut dinafikan, walaupun imam tersebut tidak meletakkan kata putus atau benar-benar pasti berkenaan dengannya.

Inilah perbezaan yang zahir antara kedua-duanya dan lafaz yang kedua adalah lebih tinggi daripada lafaz yang pertama.

Melepaskan tanpa penghubung: الإِرْسَالُ

Dari sudut bahasa 'الإرسال' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'يُرسِل-أرسَلَ' yang bermaksud: melepaskan, mengutuskan, mengirimkan.

Dari sudut istilah: Ia adalah periwayatan seseorang tabiin daripada Nabi SAW secara terus (tanpa penghubung).

Lihat: 'المُرْسَل' dalam huruf Mim.

Melepaskan secara sembunyi: الإِرْسَالُ الخَفِيُّ

Dari sudut bahasa telah dinyatakan maksud perkataan 'المُرْسَل'. Manakala 'الخفيُّ' pula bermaksud: Yang tersembunyi atau yang samar-samar.

Dari sudut istilah: Sesuatu yang diriwayatkan oleh seseorang perawi daripada seseorang yang hidup sezaman dengannya tetapi tidak pernah bertemu dengannya. Atau pernah bertemu dengannya tetapi tidak pernah mendengar hadis daripadanya.

Lihat: 'المُرسَل الخفي' dalam huruf Mim.

Melepaskan secara terang-terangan: الإرْسَالُ الظَّاهِرُ

Dari sudut bahasa sudah dinyatakan pengertian 'الإرسال' di tempatnya, manakala perkataan 'الظاهر' bermaksud jelas, terang dan lawan bagi perkataan tersembunyi atau batin.

Dari sudut istilah ialah: Periwayatan seorang perawi daripada seseorang yang tidak sezaman dengannya. Seperti riwayat al-Qasim bin Muhammad daripada Ibn Mas'ud r.a. dan riwayat Malik daripada Sa'id bin al-Musayyib.

Lihat: 'المُرسَل الظاهر' dalam huruf Mim.

Campakkan ia: إرْمِ بِهِ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-Tajrih*, ditambah oleh al-Hafiz al-'Iraqi serta diletakkannya di martabat yang ketiga daripada martabat *al-Jarh*. Menurut al-Hafiz al-Sakhawi dan al-Suyuti ia adalah di martabat yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi-perawi ini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh dikuatkan atau disokong.

***Aro Na*":** أرَنا

Ia adalah ringkasan daripada perkataan 'أَخْبَرَنَا' yang bermaksud: Dia telah memberitahu kami.

Saya bermohon keselamatan daripada Allah: أسْأَلُ اللهَ السَّلاَمَةَ

Ia adalah ungkapan yang menunjukkan melemahkan dan mendaifkan seseorang perawi.

Contohnya:

Kenyataan dalam biografi Harun bin Hatim al-Kufi (w 249H) dalam kitab Mizan al-I'tidal (4/282) menurut al-Hafiz al-Zahabi: Kami telah menjumpai sejarah beliau, Abu Zur'ah dan Abu Hatim telah mendengar (mengambil hadis) daripadanya, tetapi enggan untuk meriwayatkan hadis daripadanya. Kemudian ditanya kepada Abu Hatim tentang keadaan Harun, beliau menjawab: ' أسأل الله السَّلاَمة'. (*Hasyiah al-Raf'u wa al-Takmil*: m.s. 176).

Sebab-sebab hadis: أسْبَابُ الْحَدِيْثِ

Lihat: أسباب وُرُوْد الحديث

أسْبَابُ الطَّعْنِ فِي الرَّاوِي

Sebab-sebab dituduh (dengan tuduhan buruk) terhadap seseorang perawi:

Perkataan 'الطعن' bermaksud (perbincangan atau tuduhan buruk) dari sudut 'العدالة' (kepercayaan, kebenaran *thiqah* dan sebagainya) dan agamanya. Begitu juga di sudut 'الضَّبْط' ingatan dan hafalannya terhadap hadis-hadis. Ada sepuluh

sebab 'الطعن' bagi seseorang perawi iaitu lima berkaitan dengan العدالة dan lima lagi berkaitan dengan 'الضَّبْط'.

Sebab-sebab berkaitan dengan 'الطعن' dari sudut 'العدالة':

1. Berdusta
2. Dituduh berdusta (tidak berdusta dengan hadis tetapi melalui percakapan hariannya)
3. Fasiq.
4. Bidaah.
5. Tidak diketahui kedudukannya.

Sebab-sebab yang berkaitan dengan 'الطعن' dari sudut 'الضَّبْط':

1. Banyak kesalahannya (dalam periwayatannya).
2. Buruk hafalannya.
3. Lalai.
4. Banyak kesilapan.
5. Bertentangan dengan riwayat perawi-perawi yang *thiqah*.

Sebab-sebab pengucapan, atau kewujudan sesuatu hadis: أَسْبَابُ وُرُوْدِ الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa 'أسباب' adalah jamak bagi perkataan 'سَبَب' yang bermaksud tali, dan sesuatu yang digunakan untuk mencapai atau sampai kepada yang lain. Perkataan 'وُرُوْد الحديث' ialah kedatangannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah hadis yang menerangkan peristiwa berlakunya pengucapan Rasulullah SAW atau perbuatan atau pengakuan baginda.

Kedudukan ilmu ini bagi hadis adalah seumpama kedudukan 'أسباب النّزول' bagi al-Quran al-Karim.

Ia adalah salah satu cara yang terbaik untuk memahami hadis. Hal ini kerana beramal dengan sebab akan mewariskan ilmu dengan perlaksanaan perkara yang disebabkan. (*Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith:* m.s. 334).

Contohnya:

Sesuatu sebab berkemungkinan turut dinukilkan bersama-sama hadisnya, contohnya hadis 'Umar bi al-Khattab r.a.; Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang kepada kami seorang lelaki yang amat putih pakaiannya, hitam pekat rambutnya, tidak kelihatan pada dirinya kesan-kesan perjalanan dan tiada seorang pun di kalangan kami mengenalinya. Sehinggalah dia duduk berdekatan dengan Nabi SAW, merapatkan lututnya dengan lutut Nabi SAW, meletakkan kedua tapak tangannya di pehanya sendiri lantas berkata: "Wahai Muhammad! Beritahuku tentang Islam". Rasulullah SAW menjawab: "Islam itu adalah kamu menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan mengerjakan haji jika kamu mampu dan boleh sampai kepadanya". (Diriwayatkan oleh Muslim dalam Kitab al-Iman, no. 8).

Berkemungkinan juga sebab sesuatu hadis itu tidak disertakan dalam hadis yang sama, tetapi ada di sebahagian jalan atau sanad yang lain bagi hadis. Jenis inilah yang perlu dititikberatkan.

Contohnya hadis Abu Hurairah berkata: Rasulullah SAW bersabda berkenaan dengan laut: "Ia adalah bersih airnya dan halal bangkai-bangkainya".

Sebab kewujudan hadis ini sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. dengan katanya: "Pada suatu hari, kami bersama Rasulullah SAW, datang seorang nelayan kepada baginda dan berkata: Wahai Rasulullah, kami pergi belayar di lautan kerana hendak menangkap ikan, salah seorang daripada kami membawa bersamanya kelengkapan air kerana berpandangan bahawa ia tidak mengambil masa yang lama dan hanya di tempat yang berhampiran sahaja. Berkemungkinan itulah yang berlaku dan berkemungkinan kami tidak dapat hasil tangkapan sehinggalah kami pergi ke tempat yang lebih jauh yang kami tidak sangka akan sampai di situ. Kemudian dia bermimpi (memerlukan kepada mandi wajib) atau ingin berwuduk, jika dia mandi atau berwuduk dengan air yang dibawa, nescaya kami akan kehausan. Apa pandanganmu wahai Rasulullah tentang air laut, jika kami mandi dan berwuduk dengannya disebabkan takut perkara tadi? Sabda Rasulullah SAW: "Mandilah dengannya dan berwuduklah. Hal ini kerana, air laut adalah bersih dan suci airnya dan halal bangkai-bangkainya". (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam *Kitab al-Taharah*, bab: *al-Wudu' Bi Ma' al-Bahr*, no. 83).

Karya-karya yang masyhur berkaitan أسباب ورود الحديث:

1. "اللُّمَع في أسباب الحديث" أو أسباب ورود الحديث: Oleh al-Hafiz Abu al-Fadl Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
2. البيان والتعريف في أسباب ورود الحديث الشريف: Oleh Ibrahim bin Muhamamd bin Hamzah al-Husayni (w 1120H).
3. علم أسباب ورود الحديث: Oleh Dr. Tariq As'ad Helmi al-As'ad.
4. أسباب ورود الحديث: ضوابط ومعالم: Oleh Dr. Muhammad 'Asri Zain al-'Abidin.

Profesor, Pakar: الأستاذ

Dari sudut bahasa 'الأستاذ' jamaknya ialah 'أساتذة' yang bermaksud seseorang yang mahir dengan sesuatu.

Dari sudut istilah: Ia adalah seorang guru atau profesor yang mana ilmunya meliputi asas dan cabang sesuatu ilmu tersebut. Begitu juga orang yang mahir dalam sesuatu bidang adalah 'أستاذٌ' dalam bidang tersebut.

Contohnya:

Contoh penggunaannya menurut muhaddithin banyak dan pelbagai, salah satu daripadanya: al-Imam Muslim bin al-Hajjaj berkata ketika menerangkan tentang sifat syeikhnya al-Imam al-Bukhari: 'أستاذ الأستاذين' ketua para *muhaddithin*, profesor hadis dalam *'illah*nya (kecatatan hadis). (*Syarah 'Ilal al-Tirmizi*: 1/224).

Mengeluarkan (meriwayatkan)dari jalan yang lain: الإِسْتِخْرَاجُ

Dari sudut bahasa 'الاستخراج' ialah kata nama terbitan bagi perkataan 'اسْتَخْرَجَ يَستخرِج' yang bermaksud: percubaan untuk mengeluarkan sesuatu, atau mengeluarkan hukum daripadanya.

Dari sudut istilah: Salah seorang dari kalangan ulama melihat kepada sesebuah kitab hadis, lantas mendatangkan hadis-hadis dalam kitab tersebut dengan menggunakan atau melalui sanadnya sendiri, tanpa memastikan para perawi itu *thiqah*, bukan melalui jalan (sanad yang sama dengan) pengarang kitab tersebut dan akhirnya akan bertemu (pada rantain sanad) pada syeikh pengarang atau sesiapa yang lebih tinggi daripada syeikh pengarang. (Lihat: *Taujih al-Nazar*: 2/778).

Lihat: المستخرجات pada huruf Mim.

Saya ber*istikharah* kepada Allah mengenainya: أَسْتَخِيرُ اللَّهَ فيه

Ungkapan ini hanya diketahui daripada Ibn Hibban, hampir-hampir tidak dijumpai pada ulama lain. Zahirnya ungkapan ini seolah-olah ketidakpastian seseorang pengkritik terhadap seseorang perawi sama ada hendak diletakkan dalam kumpulan *thiqah* atau dalam kumpulan perawi daif. *Tarjih* bagi masalah ini adalah berdasarkan apa-apa yang jelas daripada pandangan para pengkritik serta kajian yang mendalam terhadap hadis perawi tersebut.

Menjadikan bukti: الإِسْتِشْهَادُ

Dari sudut bahasa 'الاستشهاد' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'استشهد يستشهد' yang bermaksud: Mendatangkan nas-nas dan hujah-hujah yang menunjukkan kepada kepastian sesuatu perkara atau ketiadaannya.

Dari sudut istilah: Menyebut hadis-hadis yang disepakati oleh para sahabat r.a. sebahagian mereka terhadap sebahagian yang lain. Hal ini adalah untuk menguatkan hadis.

Lihat: الشاهد dalam huruf Syin.

Perkara yang sukar (perkataan) dalam hadis: اسْتِشْكَالُ الْحَدِيثِ

Lihat مُشْكِلُ الحدِيثِ dalam huruf Mim.

اسْتَشْهَدَ بِهِ الشَّيْخَان أو أَحَدُهُمَا

***al-Syeikhan* atau salah seorang mereka menjadikan dia bukti atau penyokong:**

Lafaz ini banyak kali diulang oleh para *muhaddithin* dan mereka berkata kepada seseorang perawi: 'اسْتَشْهَدَ به البخاريُّ أو مسلمٌ' maksudnya ialah: Sesungguhnya perawi ini diriwayatkan oleh salah seorang daripada kedua-dua imam tersebut dalam kitab Sahih tetapi melalui hadis-hadis yang bukan mengikut syarat-syarat mereka, tetapi hanya di *al-mutaba'at* dan *al-syawahid*.

Menjad tertutup: الإسْتِعْجَامُ

Dari sudut bahasa 'الاستعجام' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اسْتَعْجَمَ يَستعجِم' yang bermaksud terkasima, tertutup idea atau tidak difahami. Disebut:فلانٌ استَعجَم عليه 'الكلامُ' jika tidak diketahui dan tertutup kefahamannya, dia tidak mampu memahami apa yang disebut.

Dari sudut istilah: Tidak mengetahui seseorang pembaca akan nas hadis jika ia tidak diletakkan titik. Al-Imam Ibn al-Salah berkata: "Sesuatu yang tertulis tidak diletakkan titik, akan menghalang ia daripada difahami". (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/68).

Beliau maksudkan adalah; dengan meletakkan titik bagi huruf dengan baris yang sahih, akan menjaga perkataan daripada sebarang kesalahan dan penyelewengan yang akan mengubah maksud dan menyukarkan kefahamannya.

Meluas dan tersebar: الاسْتِفَاضَةُ

Lihat: المُسْتَفِيض dalam huruf Mim.

Menyelidiki dan menghalusi: الاسْتِقْرَاءُ

Dari sudut bahasa 'الاستقراء' adalah kata nama terbitan bagi perkataan اسْتَقْرَأ يستقرأ yang bermaksud: Menyelidiki dan menghalusi bahagian-bahagian tertentu untuk sampai kepada natijah keseluruhan.

Dari sudut istilah: Pengetahuan tentang keadaan para perawi dan kritikan terhadap mereka sama ada *jarh* atau *ta'dil*. Ia digunakan oleh para *muhaddithin* jika tidak ada kepastian di sisi mereka tentang 'عدالةُ' seseorang perawi atau daifnya dengan berpandukan nas para ulama hadis. Maka mereka akan menggunakan kaedah 'الاستقراء' dalam semua periwayatan perawi tersebut, serta dibandingkan dengan riwayat-riwayat perawi yang lain. Jika didapati kebanyakan periwayatannya bertepatan dengan riwayat perawi yang lain, maka dia akan dihukumkan sebagai 'عدالةُ'. Jika terdapat banyak pertentangan, maka dia dihukumkan sebagai daif mengikut martabat-martabat *al-jarh*.

Kebanyakan para pengkritik (ulama hadis) yang terdahulu membina manhaj mereka berasaskan kepada 'الاستقراء', dari kalangan ulama mutakhir yang menggunakan 'الاستقراء' ini ialah:

1. Syeikh al-Islam Ahmad bin Taymiyyah al-Harrani al-Dimasyqi (w 728H).
2. Al-Hafiz Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (w 748H).
3. Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).

Hal ini kerana disebabkan hukum-hukum daripada imam-imam *muhaddithin* ini yang berkaitan dengan hadis dan perawi-perawi tidak dikeluarkan melainkan melalui 'الاستقراء' yang sempurna dan pemilihan yang teliti.

Penyelidikan yang sempurna: الاسْتِقْرَاءُ التَّامّ

Lihat: الاستقراء

Kebebasan sunnah dalam meletakkan syariat: اسْتِقْلالُ السُّنَّةِ بِالتَّشْرِيعِ

Dari sudut bahasa 'الاستقلال' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'يَستقِلُّ استقلّ' yang bermaksud: Bersendirian. Perkataan السنة pula adalah seerti dengan perkataan hadis dan jamaknya ialah 'السُّنَن'. Manakala 'التشريع' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'شرَّع يشرِّع' yang bermaksud: Meletakkan undang-undang atau syariat.

Dari sudut istilah: Sesungguhnya 'السنة' ada mendatangkan pegangan-pegangan dan hukum-hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran. Ia adalah hujah dan dalil dalam penambahan syariat yang tidak dibawakan oleh al-Quran. Kedua-duanya adalah wahyu daripada Allah SWT. Maka 'السنة' itu juga adalah hujah dengan dirinya sendiri dalam mentafsirkan al-Quran, membawa hukum-hakam berkaitan halal dan haram, wajib dan sunat, makruh dan harus sebagai tambahan bagi apa yang ada dalam al-Quran. Semua ini tidak memerlukan dalil untuk menyokongnya.

Sesungguhnya kehujahan sunnah dan bersendiriannya dalam meletakkan syariat adalah suatu yang amat penting dalam agama. Tidak seorang pun yang berbeza pandangan tentang perkara ini, kecuali sesiapa yang sudah tiada baginya Islam itu sendiri.

Dalam menerangkan istilah atau ungkapan ini dengan lebih jelas, kita boleh mengambil keterangan daripada hadis yang diriwayatkan oleh al-Miqdam bin Ma'dikarib daripada Rasulullah SAW bersabda: "Ketahuilah sesungguhnya saya diberikan Kitab, dan yang seumpama dengannya, bersama-samanya (Kitab)." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam Kitab al-Sunnah, bab Fi Luzum al-Sunnah, no. 4604).

Maksud al-Kitab adalah al-Quran, yang seumpama dengannya: ialah Sunnah. Kesamaan antara kedua-duanya adalah pada hukum wajib beramal dengan Sunnah sepertimana wajib beramal dengan al-Quran.

Hadis ini memberi penekanan tentang persamaan al-Kitab dan al-Sunnah dan sudut penghujahan, juga di sudut martabat, walaupun al-Kitab melebihi dan lebih istimewa daripada al-Sunnah dengan keistimewaan dan kelebihan yang banyak.

Nabi SAW telah menerangkan dalam hadis ini: Dilarang enggan dan meninggalkan hadis baginda, kerana orang yang tidak mahu dan enggan dengan hadis baginda ialah orang yang enggan dengan al-Quran.

Proses penulisan secara menyalin sesuatu yang disampaikan: الاسْتِمْلاءُ

Dari sudut bahasa 'الاستملاء' adalah kata nama terbitan bagi perkataan 'اسْتَمْلَى يَسْتَمْلِي' yang bermaksud: Meminta ditulis. Disebut: 'فلانٌ اسْتَمْلاه الكتابَ' iaitu

memintanya untuk membacakan kepadanya supaya dapat ditulis dalam kitab tersebut.
Dari sudut istilah ialah: Mengambil hadis daripada orang yang memberinya keizinan menulis (iaitu *muhaddith*), dan menyampaikannya kepada orang yang tempat duduknya jauh daripada majlis periwayatan hadis tersebut.
Lihat: المُستَمْلِي dalam huruf Mim.

Riwayat-riwayat *Israilillyyat*: الإسْرَائِيلِيَّات

Ia adalah sesuatu yang disebut oleh Ahli Kitab dan sesiapa yang masuk Islam di kalangan mereka berkaitan dengan para Nabi yang terdahulu dalam bentuk kisas, cerita khabar-khabar dan sebagainya. 'الإسرائيليات' ini tidak memiliki sanad, tidak boleh dijadikan hujah dalam perkara-perkara berkaitan agama. Ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:
Pertama: 'الإسرائيليات' yang kita ketahui kesahihannya di sisi kita berdasarkan bukti yang membenarkannya, maka ini adalah sahih.
Kedua: 'الإسرائيليات' yang kita ketahui pendustaannya dan ia bertentangan dengan apa yang ada dalam Islam, maka ia tertolak dan tidak diterima.
Ketiga: 'الإسرائيليات' yang tidak didapati tentang hakikatnya, bukan yang disokong oleh agama Islam dan tidak pula bertentangan dengan agama. Maka kita tidak perlu beriman dengan kesahihannya dan tidak juga mendustakannya. Kebanyakannya adalah sesuatu yang tidak membawa faedah untuk agama.

Tiang seri: الأُسْطُوَانَة

Dari sudut bahasa 'الأسطوانة' ialah tiang yang menyokong atau menegakkan binaan di atasnya. Jamak bagi perkataan ini ialah 'أُسطُوانات' dan 'أساطين'. Ia diberikan sebagai menandakan keutuhan, kekuatan dan tegap.
Dari sudut istilah: Ungkapan ini digunakan di kalangan *muhaddithin* ketika menyatakan *al-ta'dil* bagi seseorang perawi. Ungkapan ini membawa maksud - bersangatan- iaitu seorang perawi yang *thiqah* dan sampai ke tahap tertinggi dalam kepastiannya meriwayatkan hadis sahih seolah-olah dia umpama 'الأسطوانة'.

Contohnya:
Menurut al-Hafiz al-Zahabi dalam menyatakan biografi Israil bin Yunus: "Dia adalah amat pasti, teguh seumpama 'الأسطوانة' dan tidak perlu untuk melihat kepada ulama yang mendaifkannya". (*Mizan al-I'tidal*: 1/366).

Menggugurkan: الإسْقَاطُ

Menggugurkan (membuang) seorang perawi daripada rantaian sanad. Lihat: تدليس الإسقاط dalam huruf Ta.

Nama-nama: الأسْمَاءُ

Lihat: المُفرَدات dalam huruf Mim.

Nama-nama *rijal* atau para perawi: أَسْمَاءُ الرِّجَالِ

Suatu ilmu yang membincangkan tentang riwayat hidup perawi-perawi hadis. Lihat علم الرجال huruf 'Ain.

Nama-nama *rijal* atau para perawi hadis: أَسْمَاءُ رِجَالِ الْحَدِيْث

Lihat علم الرجال huruf 'Ain.

Nama-nama *rijal* atau para perawi al-Kutub al-Sittah: أَسْمَاءُ رِجَالِ الكُتُبِ السِّتَّة

Lihat علم الرجال huruf 'Ain.

Nama-nama dan panggilan-panggilan perawi: الأَسْمَاء والكُنَى

Dari segi bahasa: '*al-asma''* ialah kata jamak bagi '*ism*', dan '*al-kuna*' ialah kata jamak bagi '*kunyah*', bermaksud panggilan yang terbit dengan penggunaan lafaz bapa (*abun*) atau ibu (*ummun*), seperti bapa si-fulan (Abu si fulan), dan ibu si fulan (Ummu si Fulan).

Dari segi istilah: Menjelaskan nama perawi yang mempunyai panggilan dan menerangkan panggilan bagi perawi yang masyhur dengan namanya.

Faedahnya:

Mengetahui nama perawi yang terkenal dengan panggilannya secara mudah, untuk menyingkap tentang latar belakangnya.

Untuk lebih berwaspada apabila seseorang perawi disebut dua kali iaitu kali pertama dengan namanya dan kali kedua dengan panggilannya, maka ia mungkin akan dianggap sebagai dua perawi yang berbeza. Atau disebut kedua-duanya secara berturutan iaitu nama perawi bersama panggilannya, maka disangka dua perawi yang tercicir antara keduanya lafaz 'daripada' (*'an*) atau sebagainya.

Contohnya:

Terdapat contoh yang banyak dalam masalah ini, antaranya:

Seperti riwayat daripada Musa bin Abu 'Aisyah, daripada 'Abd Allah bin Syaddad, daripada Abu al-Walid, daripada Jabir secara *marfu'*: ((Barangsiapa yang solat di belakang imam, maka bacaan imamnya adalah bacaannya)).

Dalam sanad hadis ini terdapat kesamaran; 'Abd Allah bin Syaddad dan Abu al-Walid adalah sebenarnya perawi yang sama.

Manakala dalam riwayat Imam Nasa'ie berkata: "Daripada Abu Usamah Hammad bin as-Saib", tetapi yang sahih ialah: "Daripada Abu Usamah, daripada Hammad". (Sila lihat: *Muwaddih al-Awham*, 358/2).

Nama-nama yang sama bagi lelaki dan wanita: الأَسْمَاءُ الَّتِي يَشْتَرِكُ فِيْهَا الرِّجَالُ والنِّسَاءُ

Terdapat padanya dua bahagian:

Pertama: Persamaan pada nama sahaja, seperti: 'Asma' bin al-Harithah' dan 'Asma' binti Abu Bakar r.a'.

Kedua: Persamaan pada namanya dan nama bapa, seperti: 'Busrah bin Sofwan', dan 'Busrah binti Sofwan'.

Nama-nama semata: الأَسْمَاءُ الْمُجَرَّدَةُ

Iaitu: Nama-nama perawi tanpa panggilan atau gelaran dan yang seumpamanya.

الأَسْمَاءُ الْمُفْرَدَةُ والكُنَى والأَلْقَاب

Nama-nama tunggal, panggilan-panggilan dan gelaran-gelaran:

Iaitu mengetahui nama, panggilan, atau gelaran bagi seseorang perawi yang tidak terdapat pada mana-mana perawi yang lain.

Sila lihat:*'al-Asma, wa al-Kuna, wa al-Alqab'*

Memperdengarkan: الإِسْمَاعُ

Iaitu: Memperdengarkan hadis, meriwayatkan hadis (*tahdith*).

Isnad atau rangkaian perawi hadis: الإِسْنَادُ

Dari segi bahasa: *al-Isnad* ialah kata terbitan '*asnada – yusnidu*' yang bermaksud: menyandar,menopang dan menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain.

Dari segi istilah: Mengangkat hadis kepada orang yang berkata. Dikatakan: Seseorang meng'*isnad*kan sesuatu hadis; maksudnya mengangkatnya.

Allah SWT telah memuliakan umat ini dengan adanya '*Isnad*', kerana umat-umat yang terdahulu dan semasa tidak mempunyai '*Isnad*', sebaliknya mereka hanya mempunyai lembaran-lembaran catitan yang telah bercampur aduk antara kisah-kisah sejarah mereka dan riwayat-riwayat yang datang dari nabi-nabi mereka, dan tidak dapat dipastikan dan dibezakan antara kandungan yang terdapat dalam kitab Taurat dan kitab Injil dengan berita-berita yang mereka ambil daripada orang-orang yang tidak *thiqah*.

Umat yang mulia ini, - moga dimuliakan lagi oleh Allah SWT dengan Nabi-Nya-, telah meriwayatkan hadis daripada golongan yang terkenal dan dipercayai (*thiqah*) pada zamannya, mereka yang terkenal dengan sifat benar dan amanah meriwayatkan hadis daripada yang seumpama mereka sehinggalah ke akhir periwayatan. Kemudian mereka meneliti dan mengkaji periwayatan ini sehinggalah mereka mengetahui golongan yang paling kuat hafalannya di kalangan perawi yang kuat hafalannya, golongan yang paling teliti di kalangan mereka, dan yang paling lama bersama gurunya, kemudian mereka menulis hadis itu dengan 20 jalan atau lebih sehingga dapat membezakannya daripada kesalahan dan kecacatan, dan mereka meneliti huruf-hurufnya dan menghitungnya dengan teliti.

Maka inilah antara nikmat yang paling besar daripada Allah SWT untuk umat ini. Kedudukan al-Isnad dalam agama adalah sebagai sesuatu yang amat besar dan tinggi kedudukannya. Para ulama telah menjelaskan dan menyatakan kepentingan serta kedudukan al-Isnad ini daripada pelbagai aspek. Antara pendapat yang paling baik ialah kata-kata Imam 'Abd Allah bin al-Mubarak: "*Al-Isnad* bagiku adalah sebahagian daripada ad-Din (agama), tanpa *al-Isnad* orang akan berkata apa-apa sahaja, tetapi apabila ditanya, siapakah yang

berkata kepadamu?, mereka tak mampu untuk menjawabnya". Menurut Sufian al-Thawri: "*Al-Isnad* adalah senjata orang Mukmin, tanpa senjata seseorang tidak akan boleh berperang".

Kitab yang membicarakan tajuk al-Isnad:

- *Al-Isnad Min al-Din*, oleh Syeikh 'Abdul Fattah Abu Ghuddah (w. 1417H).

***Isnad* yang sahih lagi bersih:** إِسْنَادٌ صَحِيْحٌ نَظِيْفٌ

Ulama hadis meletakkan lafaz ini bagi hadis yang sah rangkaian perawinya (*al-Isnad*), iaitu: bersih daripada sebarang sebab yang mencacatkan kesahihan hadis, dan sempurna segala syarat hadis sahih.

Hukumnya:

Lafaz ini membawa hukum yang sama seperti lafaz: "*Isnad*nya sahih".

***Isnad*nya Rrosak:** إِسْنَادُهُ تَالِفٌ

Lafaz ini membawa maksud: Sanad hadis tersebut sama ada palsu (*mawdhu'*) atau terlalu lemah (*da'if jiddan*).

***Isnad*nya thabit, tetap:** إِسْنَادُهُ ثَابِتٌ، أَو يَثْبُتُ

Ulama hadis meletakkan lafaz ini bagi hadis yang sah rangkaian perawinya (*al-Isnad*), iaitu sama seperti lafaz: "*Isnad*nya sahih".

Bermaksud: Ulama telah menetapkan kesahihannya atau telah dipastikan *'adalah* perawinya dan periwayatan mereka antara satu sama lain.

Hukumnya:

Lafaz ini membawa hukum yang sama seperti lafaz: "*Isnad*nya sahih" (*Isnaduhu sahih*).

***Isnad*nya baik:** إِسْنَادُهُ جَيِّدٌ

Terdapat dua pendapat pada pengertiannya:

Pertama: Lafaz ini membawa hukum yang sama seperti lafaz: "*Isnad*nya sahih" (*Isnaduhu sahih*).

Kedua: Ia bermaksud martabat sahih yang lebih rendah daripada "*Isnad*nya sahih" (*Isnaduhu sahih*), dan lebih tinggi daripada lafaz "*Isnad*nya *Hasan li Zatihi*".

Ia adalah sahih tetapi sedikit berbeza dengan *Isnad* yang benar-benar sahih.

Isnadnya hasan, bagus: إِسْنَادُهُ حَسَنٌ

Lafaz ini membawa hukum yang sama seperti lafaz: "Isnadnya Sahih" (*Isnaduhu sahih*), melainkan perawinya adalah kurang teliti (*Dhabt*).

Silat lihat: (*Isnaduhu Jayyid*).

***Isnad*nya lemah:** إِسْنَادُهُ ذَاهِبٌ

Lafaz ini membawa maksud: Sanad hadis tersebut sama ada palsu (*Mawdhu'*) atau terlalu lemah (*Da'if Jiddan*).

***Isnad* yang rendah:** الإِسْنَادُ السَّافِلُ

Sila lihat (*al-Isnad al-Nazil*).

***Isnad*nya jatuh, gugur:** إِسْنَادُهُ سَاقِطٌ

Lafaz ini membawa maksud: Sanad hadis tersebut sama ada palsu (*mawdhu'*) atau terlalu lemah (*da'if jiddan*).

Isnadnya Soleh, Baik: إِسْنَادُهُ صَالِحٌ

Terdapat dua pendapat pada pengertiannya:

Pertama: Ia merangkumi *Sahih* dan *Hasan* kerana keduanya diguna sebagai hujah.

Kedua: Membawa maksud hadis da'if yang boleh diguna sebagai dalil penyokong dan penguat.

Lafaz ini juga mungkin membawa erti supaya rangkaian perawi hadis dilihat semula.

***Isnad*nya sahih, atau sahih isnadnya:** إِسْنَادُهُ صَحِيْحٌ: أو "صحيحُ الإسْنَاد"

Yang dimaksudkan dengan *Isnad* ialah rangkaian perawinya, iaitu semua perawi hadis tersebut adalah daripada golongan yang *thiqah* (dipercayai), dan sanad hadis ini melengkapi semua syarat hadis sahih, iaitu:

1- Sanad yang bersambung.
2- *'Adalah* perawi-perawinya
3- *Dhabt* perawi-perawinya.
4- Terpelihara daripada *Syuzuz* (keganjilan)
5- Terpelihara daripada *'illah* (kecacatan yang buruk).

Ungkapan ini juga bermaksud seolah-olah pengkritik hadis hanya mengesahkan kesahihan sanad, tetapi tidak menjamin kesahihan matannya.

***Isnad*nya Da'if, atau Da'if *Isnad*nya:** إِسْنَادُهُ ضَعِيْفٌ: أو "ضَعِيْفُ الإسْنَادِ"

Bermakdsud: Rangkaian perawi hadis tersebut atau salah seorang daripada mereka tidak memenuhi syarat-syarat hadis sahih iaitu:

1- Sanad yang bersambung.
2- *'Adalah* perawi-perawinya.
3- *Dhabt* perawi-perawinya.
4- Terpelihara daripada *syuzuz* (keganjilan).
5- Terpelihara daripada *'Illah* (kecacatan yang buruk).

Catatan:

Lafaz Isnaduhu Da'if tidak bermaksud matan (teks) hadis tersebut juga lemah, boleh jadi matan hadis tersebut *Sahih* atau *Hasan* dengan berpandukan riwayat lain.

Oleh yang demikian; sesiapa yang mendapati kelemahan pada Sanad sesuatu hadis maka hendaklah ia berkata: "Hadis ini *Da'if* dengan sanad ini", dan tidak berkata: "Hadis ini *Da'if*" atau "Matannya *Da'if*", kerana berkemungkinan terdapat jalan periwayatan atau sanad yang lain bagi hadis tersebut yang tidak ditemui oleh pengkaji.

Tetapi sekiranya seorang Imam atau Hafiz dalam hadis berkata: "Hadis ini tidak diriwayatkan daripada jalan yang Sahih" atau "Hadis *Da'if*" dengan

diterangkan sebab kelemahan hadis tersebut, maka ini sudah memadai sebagai hukum terhadap kesahihan atau kelemahan hadis tersebut.

_Isnad_nya gelap: إِسْنَادُهُ ظُلُمَاتٌ

Bermaksud: Keadaan perawi sanad hadis itu tidak diketahui, atau kerana perawinya dituduh sebagai penipu (*Kazzab*) atau pemalsu hadis (*Wadda'*).

Isnad yang tinggi: الإِسْنَادُ الْعَالِي

Al-Isnad dari segi bahasa: sila rujuk takrifannya pada (*al-Isnad*). Manakala (*'Ali*) *Ism Fa'il* daripada *al-'Uluw* (tinggi) bermaksud lawan *an-Nuzul* (rendah).

Secara istilah: Hadis yang bilangan perawinya sedikit dan bersambung, berbanding sanad lain bagi hadis tersebut yang bilangan perawinya lebih ramai.

Kitab-kitab yang mashyur:

1- *Thulathiyyat al-Bukhari*: Oleh al-Hafiz Ibnu Hajar Al-'Asqalani (w. 852).

2- *Thulathiyyat Ahmad bin Hanbal*: Oleh Muhammad Al-Safarini Al-Hanbali (w. 1188).

3- *Al-Imam al-A'zam Abu Hanifah wa al-Thuna'iyyat fi Masanidihi*: Oleh Syeikh 'Abdul 'Aziz Yahya al-Sa'di.

4- *Thulathiyyat al-Imam al-Syafi'i*: Oleh Syeikh Khalil Mulla Khatir.

_Isnad_nya menepati syarat kedua-dua syeikh: إِسْنَادُهُ على شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ

Penggunaan lafaz ini lebih masyhur pada Imam Abu 'Abd Allah al-Hakim dalam kitabnya "*Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihain*".

Maksudnya: Perawi yang terdapat pada sesuatu sanad itu telah diriwayatkan daripadanya Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab mereka, dan Imam Al-Hakim memandang perawi tersebut sebagai kuat, dan beliau menggunakan lafaz "Sahih menepati syarat kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka" sekiranya hadis tersebut diriwayatkan oleh perawi yang diriwayatkan oleh al-Bukhari atau Muslim atau kedua-duanya.

Oleh itu, sekiranya sebahagian perawi-perawinya tidak diriwayatkan daripada mereka al-Bukhari atau Muslim, maka Imam Al-Hakim hanya menyatakan "*Sahih al-Isnad*".

Contohnya hadis pada Bab Taubat, ketika Imam Al-Hakim meriwayatkan hadis daripada Abu Uthman, daripada Abu Hurairah secara *Marfu'*: "Rahmat tidak akan ditarik melainkan daripada orang yang celaka", kata Al-Hakim: "Hadis ini *Sahih al-Isnad*" dan Abu Uthman yang tersebut bukanlah *An-Nahdi*, jikalau sekiranya dia ialah *An-Nahdi* sudah pasti Al-Hakim akan menghukumkan hadis tersebut sebagai menepati syarat kedua-dua syeikh. (*al-Mustadrak*: 1/249).

Maka ini menunjukkan bahawa Al-Hakim tidak menghukumkan seseorang perawi sebagai menepati syarat al-Bukhari dan Muslim sekiranya tidak diriwayatkan oleh keduanya, walaupun pada beberapa tempat Al-Hakim ada menghukumkan dengan sedemikian pada perawi yang tidak diriwayatkan al-

Bukhari dan Muslim, dan dikira sebagai kelalaian Al-Hakim. (*Al-Taqyid wa Al-Idhah*: m.s. 17-18).

Isnadnya rosak: إِسْنَادُهُ فَاسِدٌ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut adalah *Da'if*, lafaz yang seumpamanya digunakan oleh Ibnu 'Adalam kitabnya "*Al-Kamil*" (314/1-318) pada biografi Sulayman bin Dawud Al-Khaulani, pada hadis *as-sadaqat*, katanya: "Adapun hadis *as-Sadaqat*, terdapat asalnya pada sebahagian riwayat Ma'mar daripada Zuhri, daripada Abu Bakar bin Amru bin Hazm. Dan *isnad*nya telah rosak (*afsada Isnadahu*), manakala hadis Sulayman bin Dawud Isnadnya lebih baik". Maksud Ibnu 'Adi daripada katanya "Isnadnya telah rosak" iaitu: *Isnad*nya rosak kerana diriwayatkan secara *Mursal* atau *Mauquf* dan ini menyebabkan hadis menjadi *da'if*, kerana salah satu syarat hadis sahih telah gugur iaitu bersambung *Ittisal*. Oleh itu, perkara ini disokong lagi dengan katanya "*Mujawwad al-Isnad*" (*Isnad*nya lebih baik) iaitu maksudnya *Isnad*nya bersambung dan *Hasan*.

Terdapat percanggahan pada *isnad*nya: إِسْنَادُهُ فِيْهِ اخْتِلَافٌ

Maksudnya: Isnad hadis tersebut *Da'if* di mana terdapat percanggahan pendapat ulama pada perawi-perawinya.

Terdapat kelemahan Pada *isnad*nya: إِسْنَادُهُ فِيْهِ ضَعْفٌ

Maksudnya: Isnad hadis tersebut *Da'if*, ia seperti "*Isnaduhu Da'if*".

Terdapat kritikan pada *isnad*nya: إِسْنَادُهُ فِيْهِ مَقَالٌ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut *Da'if* dan terdapat beberapa kritikan pada perawi-perawinya.

Terdapat pandangan/pertikaian pada *isnad*nya: إِسْنَادُهُ فِيْهِ نَظَرٌ

Sila lihat "*Isnaduhu Nazar*" pada huruf 'fa'.

Isnadnya Kuat, atau Kuat Isnadnya: إِسْنَادُهُ قَوِيٌّ أو "قَوِيُّ الإِسْنَادِ"

Terdapat dua pendapat padanya:

Pertama: Seerti dengan lafaz "*Isnaduhu Sahih*" maka hukumnya adalah seperti hukum lafaz tersebut.

Kedua: Kedudukannya antara lafaz "*Isnaduhu Sahih*", dan lafaz "*Isnaduhu Hasan li Zatihi*", dan inilah pendapat yang lebih tepat; kerana tidak menyamai lafaz "*Isnaduhu Sahih*" kerana kemungkinan wujudnya sedikit kecacatan padanya.

***Isnad*nya seperti matahari:** إِسْنَادُهُ كَالشَّمْسِ

Maksudnya: Pujian yang berlebihan terhadap kesahihan *Isnad* sesuatu hadis.

Contohnya:

Kata Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah ketika membicarakan hadis (*Man 'asyiqa fa'affa famata syahidan*): "Sekiranya dianggap *Isnad* hadis ini seperti matahari, maka ia sebenarnya suatu kesalahan, kerana tidak terdapat lafaz *'isyq* (rindu asyik) dalam hadis yang sahih manapun". (Sila lihat: *Zaad al-Ma'ad*: 267/3).

_Isnad_nya tiada masalah padanya: إِسْنَادُهُ لاَ بَأْسَ بِهِ، أو "لا بَأْسَ بِإِسْنَادِهِ"

Lafaz ini ialah seperti lafaz "*Isnaduhu Hasan*": kerana perawi yang dihukum sebagai *Saduq* (bersifat benar) dikira hadisnya sebagai *Hasan*, dan ini adalah setaraf dengan hukum ke atas perawi dengan lafaz "*La Ba'sa Bihi*" atau "*Laisa Bihi Ba's*". Tetapi ia tidak bererti apabila sesuatu hadis dihukum sedemikian bersamaan hukumnya dengan hadis *Hasan*, kerana mungkin matannya *mudhtarib* (bercelaru) atau terdapat kecacatan padanya, sebaliknya hukum in terhad kepada *isnad* sahaja. Sekiranya hukum ini disebut tanpa menyatakan sebarang kecacatan lain, maka hukum tersebut juga merangkumi hukum terhadap matan hadis.

Isnadnya tidak boleh jalan: إِسْنَادُهُ لا يَمْضِي

Dari segi bahasa: "*La Yamdhi*" bererti tidak berjalan atau tidak dibenarkan.
Secara istilah: Lafaz ini digunakan dalam *jarh* (kecacatan perawi hadis) apabila seseorang perawi disifatkan sebagai *Da'if* atau lemah atau buruk hafalannya.
Tetapi sekiranya lafaz ini digunakan terhadap perawi yang tidak berhati-hati dalam periwayatannya, maka lafaz ini tidak membawa maksud celaan terhadap perawi tersebut melainkan apabila terdapatnya banyak kesalahan yang berpunca daripada kefahaman dan kurang penelitian.

Contohnya:

Kata Al-Hafiz Al-Zahabi dalam (*Mizan Al-'Itidal*: 347/7) dalam biografi Thumamah bin Hushain, penyair Madinah, selepas mendatangkan hadis: ((Tiada solat bagi orang yang tidak berwuduk, dan tiada wuduk bagi yang tidak menyebut nama Allah padanya, dan tidak beriman denganku sesiapa yang tidak mencintai orang Ansar)): katanya: "Lafaz Wahb telah diriwayatkan daripada Abu Thufal Ibnu Harmalah, dan Sadaqah Maula Al-Zubair, dan Sulayman bin Bilal..., dan segolongan perawi lain, dan dikatakan dia Thumamah bin Wa'il, tidak kuat periwayatannya, dan isnadnya tidak boleh jalan".

Isnadnya bukanlah kuat: إِسْنَادُهُ لَيْسَ بِالْقَوِيِّ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut *Da'if,* ia seperti lafaz "*Isnaduhu Da'if*".

Isnadnya tidak begitu teguh: إِسْنَادُهُ لَيْسَ بِذَلِكَ الْقَائِمِ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut *Da'if,* ia seperti lafaz "*Isnaduhu Da'if*".

Isnadnya tidak ada apa-apa lansung : إِسْنَادُهُ لَيْسَ بِشَيْءٍ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut antara *Mawdhu'* (palsu) dan *Da'if Jiddan* (terlalu lemah).

Peringatan:

Sekiranya yang dimaksudkan dengan lafaz ini ialah *Isnad* hadis, maka ia bererti *jarh* terhadap perawinya, seperti: Kata Al-'Uqaili dalam biografi Najih Abu Ma'syar Al-Madini Maula Al-Mahdi: Muhammad meriwayatkan kepada saya, berkata: Diriwayatkan kepada saya Muawiyah bin Soleh berkata: "Saya mendengar Yahya berkata: "Abu Ma'syar Najih Maula Bani Hasyim ialah

*Da'if, isnad*nya tidak ada apa-apa lansung, hadisnya ditulis pada bab *al-Raqa'iq* (perkara yang melembutkan hati dan jiwa). (*al-Dhu'afa'*: 308/4).
Dan sekiranya lafaz ini digunakan bagi perawi yang tidak berhati-hati dalam periwayatannya, maka tohmahan seperti ini perlu kepada beberapa syarat. Ramai Imam hadis melakukan perkara ini seperti Sufian Al-Thawri, Qatadah bin Di'amah Al-Sadusi, Ibnu Juraij dan lain-lain.
Oleh itu, ini akan mencacatkan perawi yang tidak memahami dan meneliti periwayatannya, atau dengan maksud perawi tersebut tidak mendengar daripada syeikhnya, dan mendakwa mendengar dan meriwayat daripadanya, atau mendakwa berjumpa dengan seseorang yang dia tidak berjumpa dengannya, kerana ini adalah kecacatan pada *'Adalah* perawi, dan kedudukannya lebih rendah daripadanya dari sudut ilmu *Jarh wa Ta'dil*. (Sila lihat: *al-Syifa' Al-'Alil*: m.s. 183).

Isnadnya lembut, lemah: إِسْنَادُهُ لَيِّنٌ

Maksudnya*: Isnad* hadis tersebut *da'if*, ia seperti lafaz "*Isnaduhu Da'if*".

Isnadnya berpaut antara satu sama lain: إِسْنَادُهُ مُتَمَاسِكٌ

Maksudnya: *Isnad* hadis tersebut *Da'if,* tetapi tidak sampai ke darjat hadis palsu.

Isnadnya lurus: إِسْنَادُهُ مُسْتَقِيْمٌ

Lafaz ini membawa erti Sahih dan Hasan, bergantung kepada keadaan perawi dari aspek *'Adalah*nya dan *Dhabt*, seperti yang dinyatakan pada perbezaan syarat-syarat antara hadis *Sahih* dan hadis *Hasan*.

Isnadnya gelap: إِسْنَادُهُ مُظْلِمٌ

Maksudnya terdapat perawi-perawi yang tidak dikenali dalam *Isnad* hadis tersebut. Lafaz ini digunakan oleh beberapa Imam hadis seperti Yahya bin Ma'in, Ibnu 'Adi, Al-Zahabi dan lain-lain.

Contohnya:
Hadis Ubay bin 'Imarah bahawa dia bertanya Rasulullah SAW: Adakah boleh saya menyapu di atas *khuf* (kasut kulit)? Kata Rasulullah: "Ya", Katanya lagi: Untuk sehari?, Jawab Rasulullah: "Ya", katanya lagi: Untuk dua hari? Jawab Rasulullah: "Ya", Katanya lagi: Tiga hari? Jawab Rasulullah: "Ya, dan ikutlah kehendak kamu". (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, Kitab at-Taharah, Bab *At-Tauqit fil Mash*, no: 158, dan katanya: *Laisa Bi Qawiyy*).
Kata Al-Munziri: Kata Imam Ahmad: Perawi-perawinya tidak diketahui, kata Ibnu Ma'in: *Isnad*nya gelap. (Lihat: *Mukhtasar Sunan Abi Dawud*).

الإِسْنَادُ الْمُعَنْعَنُ

***Isnad mu'an'an* (*isnad* yang terdapat padanya penggunaan kalimah *'an*):**
Maksudnya: Apabila perawi berkata: "Si fulan *'an* (daripada) si fulan", dengan lafaz *'an*, tanpa ditukar dengan lafaz "*haddathani*" atau "*akhbarani*".
Sila Lihat: *Tadlis al-Isqat* pada huruf 'ta'.

Isnad yang rendah: الإِسْنَادُ النَّازِلُ

Dari segi bahasa: Sila lihat takrif *Al-Isnad* yang lalu, dan *An-Nazil* maksudnya: *Isim Fa'il* dari *Nazala, Yanzilu* bermaksud: *Halla, Yahillu.*

Istilah: Sanad yang bilangan perawinya lebih ramai berbanding sanad lain bagi hadis yang sama, ia adalah kata lawan bagi *al-'Ali.*

Isnadnya bersih: إِسْنَادُهُ نَظِيفٌ

Sila lihat: *Isnad Sahih Nazif.*

Isnadnya musnah: إِسْنَادُهُ هَالِكٌ

Lafaz ini membawa maksud: Sanad hadis tersebut sama ada palsu (Mawdhu') atau terlalu lemah (*Da'if Jiddan*).

Isnadnya lemah sekali: إِسْنَادُهُ وَاهٍ جِدًّا

Lafaz ini membawa maksud: Sanad hadis tersebut sama ada palsu (*Mawdhu'*) atau terlalu lemah (*Da'if Jiddan*).

Isnadnya pertengahan, sederhana: إِسْنَادُهُ وَسَطٌ

Maksudnya: Hadis tersebut diriwayatkan oleh perawi yang kedudukannya antara *Sahih* dan *Da'if*, namun hadis tersebut boleh dinilai semula.

Kemusykilan hadis: إِشْكَالُ الْحَدِيثِ

Sila lihat (*Musykil al-Hadith*) pada huruf Mim.

Saya bersaksi bahawa si-fulan...: أَشْهَدُ عَلَى فُلَانٍ أَنَّهُ

Tergolong antara lafaz-lafaz meriwayatkan atau menyampaikan hadis yang dihuraikan lebih lanjut lagi oleh Imam Al-Ramahurmuzi dalam kitabnya *al-Muhaddith al-Fasil Bayna Al-Rawi wa al-Wa'i.*

Contohnya:

1- Kata Abu Sa'id: "Saya bersaksi bahawa Rasulullah SAW melarang daripada tembikar yang dibuat *nabiz* (sejenis minuman peram) dalamnya".

2- Kata 'Abd Allah bin Tawus: "Saya bersaksi untuk bapa saya bahawa dia berkata: Saya bersaksi untuk Jabir bin 'Abd Allah bahawa dia berkata: Saya bersaksi untuk Rasulullah bahawa baginda bersabda: "Saya diperintahkan untuk memerangi manusia....". (Diriwayatkan oleh Al-Tabarani dalam *al-Awsat*, 309/4, no. 4286).

Golongan kecil: الأَصَاغِرُ

Sila lihat: "*Asaghir al-Sahabah*"

Para sahabat nabi yang kecil atau muda: أَصَاغِرُ الصَّحَابَةِ

Mereka ialah golongan sahabah yang masih tidak mencapai usia baligh ketika Rasulullah SAW wafat, seperti: Anas bin Malik, Al-Sa'ib bin Yazid, dan Abu Tufail r.a.

***Ashab al-Hadith*, Ahli Hadis:** أَصْحَابُ الْحَدِيثِ

Sila lihat: "*Ahl al-Hadith*".

Ahli Hadis yang empat: أَصْحَابُ الْحَدِيْثِ الأَرْبَعَة

Sila lihat: "*Al-'Arba'ah*"

***Ashab al-Ra'yi, Ahli Ra'yi*:** أَصْحَابُ الرَّأْي

Sila lihat: "*Ahlu Al-Ra'yi*"

Ahli-ahli mata pena: أَصْحَابُ الْمَحَابِرِ

Mereka ialah penuntut hadis, mereka menulis periwayatan dan pengajaran hadis ketika majlis-majlis hadis.

***Isnad* yang paling sahih:** أَصَحُّ الأَسَانِيْدِ

Para Imam hadis menghukumkan beberapa *Isnad* sebagai yang paling sahih tanpa sebarang ukuran tertentu, seperti:

1- Periwayatan Ahmad dan Ishaq bin Rahuyah, *Isnad* yang paling sahih ialah: Az-Zuhri daripada Salim, daripada bapanya.
2- Kata Imam Yahya bin Ma'in: *Isnad* yang paling sahih: Al-A'mash daripada Ibrahim, daripada 'Alqamah, daripada Ibnu Mas'ud.
3- Dinaqalkan daripada Imam al-Bukhari, *Isnad* yang paling sahih: Malik daripada Nafi' daripada Ibnu 'Umar.
4- Ibnu Mansur Al-Tamimi berpendapat bahawa *Isnad* yang paling mulia ialah: Al-Syafie daripada Malik, daripada Nafi', daripada Ibnu 'Umar; kerana para ulama sepakat mengatakan bahawa tidak terdapat di kalangan perawi yang meriwayatkan daripada Malik lebih mulia daripada al-Syafie.
5- Berdasarkan itu, sebahagian ulama mutakhir berpendapat bahawa *Isnad* yang paling mulia ialah: Periwayatan Ahmad bin Hanbal, daripada al-Syafie, kerana ahli hadis bersepakat bahawa perawi yang paling mulia meriwayatkan daripada al-Syafie di kalangan ahli hadis ialah Imam Ahmad.

Pendapat yang terpilih ialah; sesuatu *Isnad* tidak sepatutnya dianggap sebagai *Isnad* yang paling sahih tanpa adanya sebarang ikatan seperti sandaran kepada seseorang sahabah atau negeri tertentu, sebagai contoh: *Isnad* yang paling sahih daripada Abu Bakr, atau *Isnad* yang paling sahih antara *Isnad Madinah*, atau seumpamanya. Sesuatu ikatan itu perlu kerana kesukaran untuk meneliti masalah ini, di mana hukum terhadap sesuatu *Isnad* adalah tertakluk kepada kedudukan setiap perawi yang ada pada *Isnad* tersebut. (Lihat: *Tadrib Al-Rawi*,m.s: 101, dan *Alfiyyah Al-Suyuti Syarh Syeikh Ahmad Syakir*: m.s. 7-9).

Perkara yang paling sahih dalam bab tersebut: أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَابِ

Istilah ini selalu digunakan dalam *Jami' al-Hadith, Tarikh al-Bukhari*, dan kitab-kitab selainnya. Ulama hadis meyatakan: "Perkara yang paling sahih dalam bab ini", atau "Perkara yang paling baik ialah sekian", atau hadis si fulan lebih sahih daripada hadis si fulan atau lebih baik".

Lafaz ini membawa maksud; menyatakan sesuatu yang lebih baik daripada sesuatu yang lain tanpa melihat kepada hukumnya dari segi sahih atau *Hasan*, dan lafaz ini juga tidak bermaksud sebagai hukum terhadap sesuatu hadis sama ada sahih atau *Hasan* sepertimana yang disangka oleh sebahagian orang. Kata

Imam Nawawi dalam (*al-Azkar*): "Lafaz ini tidak semestinya membawa maksud kesahihan sesuatu hadis, para ulama menyatakan: "Ini ialah yang paling sahih dalam bab ini" walaupun riwayat tersebut *da'if,* dan maksud mereka ialah menyatakan riwayat yang paling *rajih* dalam bab tersebut atau yang paling ringan kelemahannya". (Lihat: *Tadrib Al-Rawi*: 39/1).

Perkara yang paling sahih pada bab tersebut ialah sekian: أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَابِ كَذَا

Sila lihat: "*Asah Syai' fi al-Bab*".

Orang paling benar dan makhluk paling dipercaya: أَصْدَقُ الْبَشَرِ وَأَوْثَقُ الْخَلْقِ

Antara lafaz *ta'dil* (pujian) yang paling tinggi, ditambah oleh Al-Sakhawi, ia adalah setaraf dengan "*awthaq al-nas*" (orang paling dipercayai) dengan sighah (*Af'al*), atau dengan mengulang lafaz sesuatu sifat, seperti "*thiqah, thiqah*", atau dengan mengulang maknanya seperti "*thiqah, hafiz*".

Contohnya:

Menurut Hisyam bin Hassan: "Telah meriwayatkan kepada saya orang yang paling benar pernah saya temui: Muhammad bin Sirin...". (Lihat: *Fathul Mughith:* 362/1).

Oleh itu, al-Hafiz Ibnu Hajar menambah ibarat: "*Ilaihi Muntaha al-Tathabbut*" (Dialah penghujung ketelitian).

Istilah: الاصْطِلاح

Istilah ialah kata terbitan (*Istalaha, Yastalihu*), maksudnya: kesepakatan sesuatu kaum terhadap penggunaan sesuatu lafaz dengan sesuatu maksud tertentu berlainan dengan maksud asal lafaz tersebut menurut bahasa, seperti lafaz "Wajib". Wajib dari segi bahasa bermaksud tetap dan lazim, tetapi fuqaha menggunakannya dengan maksud: "Perbuatan seseorang yang diberi balasan pahala di atas perbuatannya itu dan dihukum sekiranya meninggalkan perbuatan tersebut", manakala ahli *Mutakallimun* (falsafah) pula mentafsirkan istilah wajib sebagai "sesuatu yang tidak dapat dibayangkan oleh akal akan ketiadaannya".

Maka sesuatu istilah yang digunakan untuk maksud yang berbeza daripada maksud asal menjadi pengertian yang hakiki bagi pengguna lafaz tersebut, dan istilah tersebut menjadi maksud *majazi* (bayangan) kepada orang lain.

Sebagai contoh, seseorang berkata *Hasan* bagi sebuah hadis *da'if*, apabila ditanya kepadanya maka dia berkata: Yang dimaksudkan *hasan* itu ialah dari segi besarnya makna dan pengertian hadis tersebut. (Lihat: *Taejeeh al- asarm*1/78).

Asal: الأَصْلُ

Istilah ini menunjukkan kitab yang menghimpunkan periwayatan seseorang *muhaddith* sama ada secara *Sama'* (mendengar terus daripada syeikh), atau *ijazah* dengan tulisannya sendiri atau dengan tulisan orang lain, dengan dibandingkan dengan kitab asal dan catatan periwayatan hadianya dalam kitab tersebut.

Asal hadis: أَصْلُ الْحَدِيْث

Dari segi bahasa: *Al-Asl* ialah bahagian yang paling bawah bagi setiap benda, dan jamaknya ialah "*usul*". (*Lisanul Arab*).

Istilahnya: Tempat percantuman punca riwayat sesebuah hadis, walaupun lafaz dan maknanya berbeza daripada riwayat yang asal, dan *al-Asl* juga boleh membawa maksud percantuman hadis dari segi lafaz dan makna atau salah satu daripadanya tanpa percantuman daripada puncanya. Maksudnya *al-Asl* menurut daripada riwayat yang sama daripada seorang *sahabah*, walaupun berbeza pada lafaz dan maknanya sama seperti riwayat yang asal.

Asal sanad: أَصْلُ السَّنَدِ

Lafaz ini digunakan pada awal sesuatu sanad, atau bahagian hadis yang disebut padanya *sahabah* atau daripada awal tabii. Kata Syeikh al-'Azim Abadi: "Asal sanad ialah tempat pada sanad yang bermulanya Isnad dan sentiasa dirujuk padanya".

Asal syeikh: أَصْلُ الشَّيْخِ

Maksudnya ialah kitab yang ditulis oleh syeikh hadis-hadisnya dengan tulisan sendiri.

Asal penulis: أَصْلُ الْمُصَنِّف

Lafaz ini merujuk kepada kitab penulis yang ditulisnya sendiri, sila lihat: *Asl al-Syeikh.*

Perkara asal yang diamalkan: أَصْلٌ مَعْمُوْلٌ بِهِ

Maksudnya ialah hadis yang mengukuhkan lagi hukum hakam yang telah sedia ada.

أَصْلَحَ فِي كِتَابِهِ أَو فِي كِتَابِ غَيْرِهِ

Diperbaiki atau diubah pada kitabnya atau kitab selainnya:

Lafaz ini digunakan sebagai celaan bagi seseorang perawi dari aspek *'adalah*nya, apabila dia meriwayatkan sesebuah hadis kemudian didapati bertentangan pada riwayatnya, dan apabila diminta daripadanya catatan asal, didapati catatannya itu buruk. Apabila dikaji, para pengkaji mendapati bahawa perawi tersebut telah mengubah atau menambahkan sesuatu hadis pada catatan asalnya, atau memperbaiki sebahagian sanad dan matannya, dan ini menyebabkan celaan bagi perawi dari segi *'Adalah*nya.

Bahagian-bahagian: الأَصْنَافُ

Sila lihat: "*Al-Abwab*"

Usul (Asal-asal): الأُصُوْلُ

Bermaksud: Hadis yang diriwayatkan oleh seseorang *muhaddith* dalam kitab sebagai asas, dan bukannya sebagai *mutaba'ah* dan *syahid* (penyokong atau penyaksian) kepada sesebuah hadis lain. Istilah ini hanya khusus untuk hadis-hadis dalam kitab *Sahih al- Bukhari* dan *Sahih Muslim.*

Usul *al-Takhrij* (Asas-asas Ilmu *Takhrij*): أُصُوْلُ التَّخْرِيْجِ

Dari segi bahasa: (*al-usul*) jamak bagi (*asl*), iaitu asas setiap benda yang dibina di atasnya sesuatu, sama ada benda atau sesuatu pengertian.

Dari segi bahasa: (*takhrij*) kata terbitan (*kharraja, yukharriju*) dan maknanya: menzahirkan sesuatu.

Istilah: mengetahui keadaan perawi, periwayatannya, sumbernya, serta hukumnya sama ada *sahih* atau *da'if,* berdasarkan himpunan segala jalan (sanad) periwayatannya dan segala lafaz-lafaznya. (*at-Ta'sil fi Usul al-Takhrij:* m.s. 41).

***Usul al-Hadith* (Asas-asas Hadis):** أُصُوْلُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa: sila lihat takrif (*Al-Usul*) pada (*Usul al-Takhrij*), dan takrif (Hadis) dari segi bahasa dan istilah pada (Hadis) huruf 'ha'.

Istilah: Usul Hadis bermaksud suatu himpunan kaedah dan garis panduan yang digunakan untuk membezakan antara hadis yang diterima dan hadis yang ditolak, dan untuk mengetahui adab-adab periwayatannya serta cara memahaminya.

Ilmu ini mempunyai nama atau gelaran lain seperti: *Ilmu Mustalah al-Hadith, Ilmu al-Hadith, 'Ulum al-Hadith, Mustalah Ahli al-Athar, Qanun* (undang-undang) *Usul al-Hadith, Qanun al-Riwayah, Ilmu Dirayah al-Matan,* dan *'Ulum al-Sunnah.*

Usul-usul yang lima: الأُصُوْلُ الْخَمْسَةُ

Maksudnya ialah lima kitab hadis yang utama iaitu:

1- *Sahih al-Bukhari*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari (wafat; 256H).
2- *Sahih Muslim*: oleh Imam Abu Al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi (wafat: 261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: oleh Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath Al-Sijistani (wafat: 275H).
4- *Jami' Al-Tirmizi*: oleh Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (wafat: 279H).
5- *Sunan Al-Nasa'i*: oleh Imam Abu ''Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i (wafat 303H).

Lima kitab asas hadis ini terkenal kerana kesahihan usul-usul hadisnya.

Usul-usul yang tujuh: الأُصُوْلُ السَّبْعَةُ

Iaitu kitab seperti berikut:

1- *Muwatta' Imam Malik*: Imam Malik bin Anas Al-Asbahi Al-Madani (wafat: 179H).
2- *Sahih al-Bukhari*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari (wafat; 256H).
3- *Sahih Muslim*: oleh Imam Abu Al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi (wafat: 261H).
4- *Sunan Abi Dawud*: oleh Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath Al-Sijistani (wafat: 275H).

5- *Sunan Ibnu Majah*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah Al-Qazwini (wafat: 275H).
6- *Jami' Al-Tirmizi*: oleh Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (wafat: 279H).
7- *Sunan Al-Nasa'i*: oleh Imam Abu ''Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i (wafat 303H). Yang dimaksudkan di sini ialah *al-Sunan al-Sughra.*

Terdapat juga ulama yang menjadikan *Sunan al-Darimi* sebagai *Usul* yang ketujuh menggantikan *Muwatta' Malik.*

Usul-usul yang enam: الأصُوْلُ السِّتَّة

Usul-usul yang enam merujuk kepada kitab seperti berikut:

1- *Sahih al-Bukhari*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari (wafat: 256H).
2- *Sahih Muslim*: oleh Imam Abu Al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi (wafat: 261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: oleh Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath Al-Sijistani (wafat: 275H).
4- *Sunan Ibnu Majah*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah Al-Qazwini (wafat: 275H).
5- *Jami' Al-Tirmizi*: oleh Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (wafat: 279H).
6- *Sunan Al-Nasa'i*: oleh Imam Abu ''Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i (wafat 303H).

Kitab-kitab ini dinamakan sebagai '*usul*' kerana kitab ini mengandungi hampir keseluruhan hadis-hadis nabawi berkaitan perundangan Islam, dan secara amnya kitab ini menjadi rujukan dalam menetapkan hukum-hakam, dan sebagai rujukan bagi setiap permasalahan.

Orang yang paling teliti: أَضْبَطُ النَّاسِ

Lafaz tersebut merupakan antara lafaz peringkat-peringkat *ta'dil* yang paling tinggi, di mana lafaz ini ditambah oleh Ibnu Hajar. (Lihat: *Syarh Nukhbah:* m.s. 136).

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan perawi yang disifatkan sedemikian adalah dijadikan hujah.

***Al-Idtirab* (Kecelaruan):** الاضْطِرَابُ

Sila lihat kalimah المُضْطَرِب pada huruf 'mim'.

***Al-Atraf* (Bahagian-bahagian awal hadis):** الأَطْرَافُ

Dari segi bahasa: (*al-atraf*) jamak bagi (*Taraf*) maknanya: Penghujung sesuatu benda, atau sebahagiannya.

Istilahnya: *Taraf Hadis*; sebahagian daripada matan hadis yang menjadi petunjuk kepada baki hadis tersebut, seperti hadis: "Sesungguhnya setiap

amalan adalah berdasarkan niat.....", dan "Islam terbina di atas lima perkara.....".

Dinamakan *al-Atraf* bagi kitab-kitab yang ditulis dalamnya sebahagian daripada matan hadis yang menjadi petunjuk untuk keseluruhan matan tersebut, kemudian disebutkan Isnad yang lengkap bagi hadis sebagai rujukan atau sebahagian penulis meringkaskannya dengan menyebut sebahagian sahaja daripada *Isnad* hadis tersebut.

Faedahnya:

1- Memudahkan untuk mengetahui Isnad bagi sesuatu hadis kerana *al-Atraf* disebutkan pada tempat yang sama.
2- Mengetahui Imam yang meriwayatkan hadis tersebut daripada kitab-kitab mereka yang asal, dan nama bab yang terdapat padanya hadis. Maka kitab ini adalah seperti *fihris* (indeks) yang mempunyai pelbagai faedah.
3- Mengetahui bilangan hadis bagi seseorang sahabat yang terdapat dalam kitab-kitab yang dibuat untuknya sebuah kitab *al-Atraf.*

Kitab-kitab *Atraf* yang masyhur:

Terdapat banyak kitab-kitab yang masyhur bagi jenis ini antaranya ialah:

1- *Atraf al-Sahihain* (*Atraf* bagi *al-Bukhari* dan *Muslim*): oleh Abu Mas'ud Ibrahim bin Muhammad Ad-Dimasyqi (wafat: 401H).
2- *Atraf al-Sahihain*: oleh Abu Muhammad Khalaf bin Muhammad Al-Wasitiy (wafat: 401H).
3- *Al-Isyraf 'ala Ma'rifat il-Atraf* (*Atraf* bagi *Sunan Arba'ah*): oleh Al-Hafiz Abu Qasim 'Ali bin al-Hasan yang terkenal dengan: Ibnu 'Asakir (wafat: 571H).
4- *Tuhfatul Asyraf bi Ma'rifat il-Atraf*: oleh Abu al-Hajjaj Yusuf bin 'Abd al-Rahman Al-Mizzi (wafat: 742H). kitab ini menghimpunkan *Atraf Kutub Sittah* dan sebahagian kitab sampingan iaitu: *Muqaddimah Sahih Muslim, Marasil Abu Dawud, al-'Ilal As-Saghir* dan *Al-Syama'il* oleh Imam al-Tirmizi, dan *'Amal Yaum wa Lailah* oleh Al-Nasa'i.
5- *Ithaf al-Mahirah bi Atraf al-'Asyrah*: oleh Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (wafat: 852H).
   Ia mengandungi *Atraf* bagi 10 buah kitab hadis iaitu: *al-Muwatta', Musnad Ahmad, Sahih Ibnu Khuzaimah, Sahih Ibnu Hibban, Mustakhraj Abu 'Awanah, Sunan al-Daraqutni, Musnad al-Syafie, Musnad Al-Darimi, Muntaqa Ibnu al-Jarud, Mustadrak al-Hakim, Syarh Ma'ani al-Athar* oleh al-Tahawi.
6- *Atraf Masanid al-'Asyrah*: oleh Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad al-Busiri (wafat: 840H).
   Kitab ini mengandungi *Atraf* bagi sepuluh *Masanid* iaitu: *Musnad Abu Dawud At-Tayalisi, Musnad Musaddad bin Musarhad, Musnad Ishaq bin Rahuyah, Musnad Ahmad bin Mani', Musnad al-Harith bin Muhammad bin Abu Usamah, Musnad Abu Bakr al-Humaidi, Musnad*

Muhammad bin Yahya al-'Adani, Musnad Abu Bakr bin Abi Syaibah, Musnad Abd bin Humaid, Musnad Abu Ya'la al-Musili.

7- *Zakha'ir al-Mawarith fi Al-Dilalati 'ala Mawadi' al-Hadith:* oleh Syeikh Abdul Ghani Al-Nabulsi (wafat: 1143H).
Dihimpunkan pada kitab ini *Atraf* bagi *al-Kutub al-Sittah* dan *al-Muwatta'* berdasarkan cara *Tuhfatul Asyraf.* Kitab in ibarat ringkasan bagi *Tuhfatul Asyraf* tetapi kelebihannya ialah pada kesenian penyusunan kitab ini.

***Al-Itlaq* (Pengungkapan mutlak):** الإطْلاَقُ

Iaitu melafazkan lafaz *tahammul* seperti (*Haddathana*) atau (*Akhbarana*) tanpa disertai dengan lafaz '*Qira*'atan '*alaihi*' (dibacakan kepadanya), seperti (*Haddathana qira'atan 'alaihi*).

***Al-I'tibar* (Membanding menguji):** الاعْتِبَارُ

Dari segi bahasa: (*al-I'tibar*) ialah terbitan (*i'tabara, ya'tabiru*), maknanya: menguji, memeriksa, dan melihat pada setiap perkara untuk mengetahui sesuatu yang sejenis dengannya.

Istilah: Meneliti jalan periwayatan hadis yang tunggal untuk mengetahui sama ada terdapat riwayat lain yang sepertinya di kalangan para perawi hadis, atau yang seumpamanya dari segi maksud, dan yang mempunyai sanad serupa dengannya atau melalui jalan lain daripada *sahabah* yang sama, ataupun tidak terdapat sebarang riwayat yang seumpama dengannya mahupun dari aspek persamaan lafaz atau makna hadis.

Contohnya:

Hammad bin Salamah meriwayatkan sebuah hadis yang tidak diteliti padanya, daripada Ayyub, daripada Ibnu Sirin, daripada Abu Hurairah, daripada Rasulullah SAW.

Maka dikaji dan diteliti pada sanad ini; adakah di sana terdapat perawi *thiqah* yang lain selain Ayyub daripada Ibnu Sirin?

Sekiranya didapati ada perawi *thiqah* yang lain selain Ayyub maka dapat diketahui bahawa di sana terdapat asal bagi hadis tersebut yang dapat dirujuk kepadanya, atau dilihat juga pada perawi selain Ibnu Sirin, atau sahabah yang meriwayatkan hadis tersebut selain Abu Hurairah. Oleh itu, sekiranya tidak didapati juga maka tiadalah sokongan bagi hadis tersebut. (*Manhaj al-Naqd*: 394).

***Al-I'tizal* (Mengasingkan diri):** الاعْتِزَالُ

Sila Lihat: (*mu'tazilah*) pada huruf 'mim'.

***Al-I'jam*:** الإعْجَامُ

Ialah lafaz kitab, dikatakan: '*ajama* atau *a'jama al-harf wal kitab*: iaitu menghilangkan kesamarannya dengan mendatangkan titik dan baris.

***Al-I'rab*:** الإعْرَابُ

Dari segi bahasa: '*i'rab*' kata terbitan '*a'raba, yu'ribu*', maknanya; menjelaskan sesuatu perkataan.

Istilah: Membariskan ayat atau perkataan dengan berdasarkan ilmu nahu dan saraf.

Arab Badwi yang tidak dikenali: أَعْرَابِيٌّ مَجْهُوْلٌ

Lafaz ini secara zahirnya bermaksud seorang perawi yang tidak diketahui keadaannya, tetapi sebenarnya lafaz ini digunakan oleh Imam Abu Hatim ar-Razi untuk merujuk kepada *sahabah* yang tidak diriwayatkan daripadanya para imam di kalangan tabiin, dan tidak bermaksud *jahalah* pada '*Adalah* perawi.

Contohnya:

Kata al-Hafiz Ibnu Hajar pada biografi Mas'ud bin ar-Rabi' bin Amr al-Qari: Kata Abu Hatim, '*arabi majhul*, dan Ibnu Hibban menyebutnya di kalangan sahabat, katanya: beliau wafat pada tahun 30H pada khilafah Uthman.

Dinyatakan dalam (*al-Jarh wa al-Ta'dil*: 428/1/4), pada biografi Midlaj bin Amr as-Sulami, kata bapa saya: *majhul* (tidak diketahui halnya). (*Lisanul Mizan*: 26/6).

Sedangkan Midlaj bin Amr ialah seorang *sahabah* yang menyertai peperangan Badar, Uhud serta peristiwa-peristiwa lain, beliau wafat pada tahun 50H.

***Al-I'dal*:** الإِعْضَالُ

Sila lihat: المُعْضَل (*al-Mu'dhal*) pada huruf 'mim'.

***Al-I'lal*:** الإِعْلاَلُ

Maksudnya: menyingkap kecacatan pada sanad sesuatu hadis atau matannya, lihat: (*al-Mu'al*) pada huruf 'mim'.

***Al-I'lam* (Pemberitahuan):** الإِعْلاَمُ

Dari segi bahasa: '*al-i'lam*' ialah terbitan '*a'lama yu'limu*', bermaksud: pemberitahuan.

Istilah: Pemberitahuan seorang syeikh kepada muridnya tentang sesuatu hadis atau kitab yang diriwayatkannya daripada seseorang, tanpa menyebut: "Saya mengizinkan kamu riwayat si fulan".

Pemberitahuan syeikh: إِعْلاَمُ الشَّيْخِ

Dari segi bahasa: adalah kata terbitan daripada kalimah أَعْلَمَ يُعلِم yang membawa erti memberitahu.

Dari segi istilah pula ialah syeikh memberitahu pada anak muridnya bahawa hadis atau kitab ini riwayatnya diambil daripada si fulan, iaitu tanpa si fulan berkata: "Riwayatkanlah hadis ini daripada saya", atau "Saya telah mengizinkan kamu untuk meriwayatkannya".

Orang yang paling tahu mengenai si-fulan: أَعْلَمُ النَّاسِ فِي فُلاَنٍ

Sila lihat: (*Athbat al-Nas Fi Fulan*).

Terasing daripada sahabat-sahabatnya: أَغْرَبَ عَلَى أَقْرَانِهِ

Meriwayatkan hadis secara berseorangan dan terasing daripada sahabat-sahabatnya walaupun dia tidak menyalahi riwayat mereka.

***Al-Iftitah* (Pembukaan):** الاِفْتِتَاحُ

Memulakan majlis atau penulisan kitab dengan lafaz *basmalah*.

***Al-Afrad* (Tunggal):** الأَفْرَادُ

Dari segi bahasa: *'al-afrad'* jamak bagi *'fard'*, maknanya: seorang yang bersendirian, atau sesiapa yang tidak mempunyai teman.

Istilah: *Al-Hadithal-Fard*: Hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja.

Catatan penting:

Dari segi bahasa dan istilahnya, *'al-gharib'* dan *'al-fard'* adalah seerti, tetapi para ulama membezakan keduanya dari aspek penggunaannya iaitu, *al-fard* selalunya dikatakan bagi *'al-fard al-mutlaq'*, manakala *al-Gharib* pula selalunya dikatakan bagi *'al-fard an-nisbi'*. Ini ialah dari segi penggunaan lafaz, manakala dari segi istilah itu sendiri, para ulama tidak membezakan antara keduanya, mereka berkata pada (*mutlak*) dan *(Nisbi)*: "*Tafarrada bihi si fulan*" atau "*Aghraba bihi si fulan*". (*Sharh Nukhbah*: 57).

Sila lihat takrif (*al-Gharib*), dan (*al-Fard al-Mutlaq*), dan (*al-Fard al-Nisbi*) pada huruf yang berkaitan.

Rujukan hadis-hadis *Afrad*:

1- *As-Sunan allati Tafarrada bikul Sunnah minha Ahlu Baldah*: oleh Imam Abu Dawud Sulaiman bin Asy'ath as-Sijistani (w. 275H).
2- *Musnad al-Bazzar*: oleh Abu Bakr Ahmad bin 'Amru bin Abdul Khaliq al-Bazzar al-Basri (w.296H).
3- *Al-Mu'jam al-Awsat*: oleh Abu Qasim Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub al-Tabarani (w.360H).
4- *Gharaib Malik*: Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar ad-Daraqutni (w.385H).
5- *Al-Afrad*: oleh al-Tabarani.

***Al-Afrad al-Ahad*:** الأَفْرَادُ الآحَادُ

Sila lihat: *(Afrad Al-Alam)*

Riwayat-riwayat *fard* atau *gharib al-Bukhari*: أَفْرَادُ البُخَارِيِّ

Maksudnya ialah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab Sahihnya tetapi tidak diriwayatkan oleh Imam Muslim.

***Afradu al-Buldan*:** أَفْرَادُ البُلْدَانِ

Maksudnya ialah hadis yang diriwayatkan oleh ahli sesebuah negeri atau kabilah yang tidak diriwayatkan oleh selain mereka, seperti hadis 'Aisyah r.a: ((Rasulullah SAW mendirikan solat (jenazah) untuk Suhail bin Al-Baidha dalam masjid)).

Kata Imam Hakim: "Sunnah ini hanya terdapat pada ahli Madinah".

***Afradu al-Alam*:** أَفْرَادُ العَلَمِ

Dari segi bahasa: (*Al-Afrad*) jamak bagi (*fard*), takrifnya dari segi bahasa dan istilah telah disebutkan pada (*Al-Afrad*).

Dan (*Al-alam*) membawa beberapa pengertian antaranya: alamat, gunung, panji dan lain-lain.

Mengikut ulama nahu ia bermaksud nama, maka maksud (*Afrad al-Alam*): ialah nama, gelaran, panggilan.
Istilah: sesuatu yang dijadikan panggilan kepada seseorang perawi seperti nama, panggilan, dan gelaran.

Contohnya:

1. Contoh (*Afrad al-Asma*): Lubayy bin Laba Al-Asadi, seorang sahabah daripada Bani Asad, dia dan bapanya fardani.
2. Contoh (*Afrad al-kuna*): Abu Al-Ubaydayn, namanya Mu'awiyah bin Sabrah, di kalangan sahabat Ibnu Mas'ud, dan dia mempunyai dua atau tiga riwayat hadis.
3. Contoh (*Afradu al-Alqab*): Safinah maula (pembantu) Rasullullah SAW, salah seorang *sahabah*, namanya Mihran, dan terdapat khilaf pada namanya.

***Afradu al-Qaba'il*:** أَفْرَادُ الْقَبَائِل

Sila lihat: "Sesuatu yang khusus bagi sesebuah negeri daripada negeri yang lain" pada (*Al-Afrad*).

Riwayat-riwayat *fard* atau *gharib Muslim*: أَفْرَادُ مُسْلِمٍ

Maksudnya ialah hadis-hadis yang diiwayatkan oleh Imam Muslim tetapi tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.

Pemalsu hadis: أَفِكُ الْحَدِيْثِ

Orang yang melakukan pembohongan terhadap Rasullullah SAW (*kazzab*), golongan yang mereka hadis palsu.

Ikrar/pengakuan: الإِقْرَارُ

Sila lihat: (*Al-Taqrir*) pada huruf 'ta'.

Orang yang sezaman: الأَقْرَانُ

Dari segi bahasa: (*Al-Aqran*) jamak (*qarin*), bermaksud sahabat atau teman.
Istilah: (*Al-Aqran*) ialah para perawi hadis yang mempunyai umur dan *Isnad* yang hampir sama.
Kata Imam Ibnu Daqiq Al-'Id: "Mereka ialah golongan yang mempunyai umur yang hampir sama dan *tabaqat* yang hampir", dan *tabaqat* bermaksud *al-isnad*.
Imam Hakim An-Naisaburi berpendapat memadai dengan *Isnad* yang hampir sama antara mereka walaupun tidak mempunyai umur yang hampir sama.

Takrif (*Riwayah al-Aqran*):
Merupakan riwayat salah seorang *qarin* (sahabat atau teman) daripada temannya.

Contohnya:
Riwayat Sulaiman At-Taymi daripada Mis'ar bin Kidam, mereka berdua ialah teman, tetapi tidak diketahui riwayat Mis'ar daripada At-Taymi.

Contoh kitab:

(*Riwayah al-Aqran*): oleh Abu al-Syeikh bin 'Abd Allah bin Muhammad bin Ja'far bin Hayyan Al-Asbahani. (w.369H).

Jenis-jenis hadis *hasan*: أَقْسَامُ (الحديث) الْحَسَنِ

Iaitu *Hasan li Zatihi* dan *Hasan li Ghairihi*. Sila lihat takrif keduanya pada huruf yang berkenaan.

Jenis-jenis hadis *sahih:* أَقْسَامُ (الحديث) الصَّحِيْحِ

Iaitu *Sahih li Zatihi* dan *Sahih li Ghairihi*. Lihat setiap takrif ini berdasarkan hurufnya.

Jenis-jenis hadis *sahih:* أَقْسَامُ الصَّحِيْحِ

Ulama membahagikan hadis sahih berdasarkan *takhrij*nya dalam kitab-kitab sahih kepada tujuh bahagian, seperti berikut:

Pertama: Hadis *sahih* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, iaitu yang dinamakan sebagai *Muttafaq A'laih.*

Kedua: Hadis *sahih* yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari tetapi tidak diriwayatkan oleh Imam Muslim, iaitu yang dinamakan *Afrad Al-Bukhari.*

Ketiga: Hadis *sahih* yang diriwayatkan oleh Imam Muslim tetapi tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, dinamakan *Afrad Muslim.*

Keempat: Hadis *sahih* yang memenuhi syarat-syarat al-Bukhari dan Muslim tetapi tidak diriwayatkan keduanya dalam kitab mereka.
Contoh bagi hadis ini ialah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dalam *Al-Mustadrak*, katanya: "Sahih menurut syarat kedua-dua imam tetapi mereka tidak meriwayatkannya.

Kelima: Hadis *sahih* yang memenuhi syarat-syarat al-Bukhari tetapi tidak diriwayatkan dalam kitabnya.
Contoh bagi hadis ini yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dalam *Al-Mustadrak*, katanya: "Sahih menurut syarat Imam al-Bukhari tetapi tidak diriwayatkan olehnya".

Keenam: Hadis *sahih* yang memenuhi syarat-syarat Muslim tetapi tidak diriwayatkan dalam kitabnya.
Contoh bagi hadis ini seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dalam *Al-Mustadrak*, katanya: "Sahih menurut syarat Imam Muslim tetapi tidak diriwayatkan olehnya".

Ketujuh: Hadis-hadis *sahih* yang terdapat pada selain Imam al-Bukhari dan Muslim serta tidak menepati syarat kedua-duanya atau syarat salah seorang dari mereka, dan mereka tidak meriwayatkannya.

Jenis-jenis *al-'Uluw*: أَقْسَامُ الْعُلُوّ

Sila lihat: (*al-Isnad al-'Ali*).

***Al-Iqlab*:** الإِقْلاَبُ

Sila lihat: (*al-Maqlub*) pada huruf Mim.

Orang-orang lebih tua/besar: الأَكَابِرُ

Perawi-perawi hadis yang meriwayatkan hadis daripada golongan yang lebih rendah kedudukannya daripada mereka daripada segi darjat dan hafalan.
Lihat: (Riwayat *al-Akabir* daripada *al-Asaghir*) pada huruf Ra.

الأَكَابِرُ عَنِ الأَصَاغِرِ

(Riwayat) Orang-orag lebih tua/besar daripada orang-orang lebih muda/kecil:

Dari segi bahasa, perkataan (الأكابر) diambil daripada perkataan (أكبر) dan perkataan (الأصاغر) pula diambil daripada perkataan (أصغر).

Dari segi istilah membawa maksud; seorang yang besar kedudukannya atau tua usianya mengambil riwayat sesuatu hadis daripada orang yang lebih kecil daripadanya, sama ada kecil usianya atau kecil kedudukannya. (Sila lihat *Al-Ba'ith Al-Hathith*: 184).

Kelebihan mengetahui ilmu ini:

1- Dengan mengetahui ilmu ini, kita dapat mengelakkan seseorang supaya tidak menyangka bahawa hadis yang diriwayatkan daripadanya itu lebih besar dan lebih utama berbanding perawinya. Hal ini disebabkan kebanyakan hadis yang diriwayatkan sebegini adalah bersifat sedemikian. Maka akan menyebabkan khalayak tidak mengetahui kedudukan sebenar kedua-duanya (perawi 'besar' dan perawi 'kecil' tersebut).
2- Supaya tidak disyaki terdapat kesalahan dalam sanad (supaya orang tidak menyangka bahawa sanad yang tertulis itu adalah terbalik).
3- Juga sebagai saranan kepada mereka yang lanjut usia atau tinggi kedudukannya itu supaya turut meriwayatkan hadis daripada yang lebih muda daripadanya atau lebih rendah kedudukan daripadanya seperti kata ulama: "Tidak sempurna kecerdikan seorang lelaki sehinggalah dia mengambil ilmu daripada mereka yang lebih hebat daripadanya, yang sama kedudukan dengannya dan yang lebih rendah kedudukan daripadanya".

Contoh:

Seorang perawi itu lebih senior dari segi umur dan *tabaqat* (peringkat perawi) berbanding orang yang diriwayatkan seperti riwayat Al-Imam Az-Zuhri daripada Al-Imam Malik. (Az-Zuhri lebih senior daripada Malik, namun beliau turut meriwayatkan hadis daripada yang lebih muda daripadanya).

Seorang perawi itu lebih hebat dari sudut ilmu dan hafazannya berbanding guru yang diambil hadis daripadanya seperti Al-Imam Malik yang meriwayatkan hadis daripada Al-Imam 'Abd Allah bin Dinar.

Atau seorang perawi yang mempunyai kedudukan yang besar daripada kedua-dua sudut (iaitu hebat dari sudut ilmu dan senior dari sudut usia) berbanding orang yang diambil hadis daripadanya itu seperti riwayat seorang sahabat daripada seorang tabiin. Sebagai contoh hadis As-Sa'ib bin Yazid (seorang sahabat), yang mengambil hadis daripada Abdul Rahman bin Abdul Qari

(seorang tabi'), di mana Abdul Rahman (Tabi') telah mengambil hadis daripada Umar bin Al-Khattab, daripada Nabi SAW, baginda bersabda: "Barangsiapa yang tertidur daripada solat qiamullail yang biasa dilakukannya, lalu dia melakukannya antara solat subuh dan zuhur, maka akan tertulis baginya pahala seperti dia melakukannya pada malam hari". (Diriwayatkan oleh Muslim dalam Kitab *Solat Orang Yang Bermusafir*, Bab *Jami' Solat Al-Lail*: No 1745).

Antara kitab yang dikarang berkenaan dengan ilmu ini: *Kitab Ma Rawahu Al-Akabir 'An As-Sighar, Wa Al-Aba' 'An Al-Abna'*, karangan Al-Hafiz Abu Ya'qub Ishaq bin Ibrahim Al-Minjaniqi (w.304H).

Tulislah daripadanya: اُكْتُبْ عَنْهُ

Antara lafaz *Tawthiq* (kepercayaan) pada Imam Muslim untuk perawi yang *thiqah*.

Contohnya:

Pada (*Tahzib at-Tahzib*: 14-15/1), biografi Ahmad bin Al-Azhar bin Mani' Abu Al-Azhar An-Naisaburi (wafat: 263H), kata Makki bin 'Abdan: "Saya bertanya Muslim bin Hajjaj tentang Abu al-Azhar (tentang *thiqah*nya), dia berkata: Tulislah daripadanya".

Kata Al-Hakim: "Ini ialah istilah yang digunakan oleh Muslim bagi perawi yang *thiqah*".

Kata al-Nasa'i dan ad-Daraqutni tentang Ahmad bin Al-Azhar: Tidak mengapa padanya (*la ba'sa bihi*).

Kata Abu Hatim: "*Saduq*" (benar).

Orang yang paling pendusta: أَكْذَبُ النَّاسِ

Lafaz ini antara lafaz celaan (*tajrih*) yang paling buruk bagi perawi hadis.

Hukumnya: Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang disifatkan sedemikian tidak boleh dijadikan hujah atau perbandingan bagi hadis lain kerana ia tergolong dalam jenis hadis palsu.

Menyandarkan hadis Pada si fulan: أَلْحَأَ الْحَدِيْثَ إِلَى فُلَانٍ

Menisbahkan atau menyandarkan sesebuah hadis kepada seseorang, lafaz ini antara lafaz yang digunakan oleh Imam Ar-Ramahurmuzi dalam kitabnya *Al-Muhaddith Al-Fasil*.

أَلْحَقَ فِي كِتَابِهِ أَوْ فِي كِتَابِ غَيْرِهِ

Memuatkan/melampirkan dalam kitabnya, atau dalam kitab orang lain:

Sila lihat: (*Aslaha fi kitAbuhi aw fi kitAbu ghairihi*).

Ilzamat: الإِلْزَامَات

Sejenis penulisan pada ulama hadis, maksudnya ialah *ilzam* penulis terhadap hadis-hadis yang ditinggalkannya, sedangkan hadis tersebut menepati syarat-syaratnya.

Contoh kitab:

Penulisan yang paling masyhur dalam bahagian ini ialah kitab *Al-Ilzamat* oleh Imam Abu Al-Hasan 'Ali bin 'Umar bin Ahmad Ad-Daraqutni (wafat: 385H) terhadap kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, di mana penulis

menghimpunkan hadis-hadis yang menepati syarat kedua-dua imam tetapi tidak disebutkan dalam kitab mereka, dan ia disusun mengikut masanid.

Lafaz-lafaz menyampaikan/meriwayatkan hadis: أَلْفَاظُ الأَدَاءِ

Lafaz-lafaz yang digunakan untuk meriwayatkan hadis dengan *sighah* (bentuk lafaz) yang menggambarkan cara periwayatan hadis.

Contohnya:

haddathani, haddthana, sami'tu, sami'na, akhbarani, akhbarana, anba'ani, anba'ana, qala li, zakara li, zakara lana, nabba'ani, nabba'ana, qala, anna, 'an.

Lafaz-lafaz penerimaan dan periwayatan hadis: أَلْفَاظُ تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ وأدائِهِ

Lihat: (*Alfaz Al-Ada'*) dan (*Siyagh al-Ada'*).

Lafaz-lafaz *ta'dil* (pujian bagi perawi hadis): أَلْفَاظُ التَّعْدِيْلِ

Al-ta'dil menurut ulama hadis maksudnya: memberi pujian kepada perawi bahawa ia bersifat dengan *'Adl* dan *Dabt*. Sila lihat takrifnya pada *al-Jarh wa al-ta'dil* pada huruf Mim.

Maksud *Alfaz Ta'dil* ialah: ungkapan atau ibarat yang digunakan untuk memberi pujian kepada perawi yang bersesuaian dengan keadaan atau tahap *'Adalah, Dabt*, dan *Sidq*nya. Lafaz-lafaz tersebut mempunyai beberapa martabat dan peringkat, dinyatakan disini sebahagian daripadanya yang masyhur:

1. Sifat: dengan wazan "*Af'al*", seperti: *Awthaqun Nas, Athbatan Nas*, atau seperti: dialah penghujung ketelitian.
2. Gabungan dua lafaz dan lebih, seperti: *thiqah thiqah, thiqah hujjah, thiqah thabat.*
3. *Thiqah,* atau *mutqin,* atau *thabat,* atau *hujjah,* atau *'adl hafiz,* atau *'adl dabit*; tanpa diulang sifat tersebut.
4. *Saduq,* atau *mahalluhu sidq,* atau *la ba'sa bihi,* atau *makmun,* atau *khiyar,* atau *laisa bihi ba's.*
5. Syeikh, atau *Ila Sidq Ma huwa*, *Syiekh Wasat*, atau *Jayyid al-Hadith,* atau *Muqarib al-Hadith,* atau *Hasan al-Hadith,* atau *Saduq Sayyi' al-Hifz*, atau *Saduq Yahim*, atau *Rawa 'anhu an-Nas*, atau *Saduq lahu Awham*, atau *Saduq taghayyar bi Akhirih,* termasuklah juga sifat yang disandarkan kepada sesuatu bid'ah seperti; *Tasyayyu'* (menjadi pengikut Syiah), *al-Qadar, an-Nashab, al-Irja'*, dan *at-Tajahhum.* Sila lihat takrif bagi setiap istilah ini pada hurufnya.
6. *Salih al-Hadith, Saduq Insya' Allah*, atau *Arju an la ba'sa bihi*, atau *Suwailih*, atau *Maqbul*, dan selainnya.

Lafaz-lafaz *Jarh* (celaan bagi perawi): أَلْفَاظُ الْجَرْحِ

Al-Jarh pada ulama hadis bermaksud: Celaan pada perawi yang mencacatkan *'Adalah*nya, atau Dabtnya. Sila lihat huraian takrif pada *al-Jarh wa al-Ta'dil* pada huruf Mim.

Lafaz *al-jarh wa al-Ta'dil* bermaksud istilah dan ibarat yang digunakan untuk melemahkan perawi hadis dan menolak periwayatan mereka, berikut adalah peringkat-peringkatnya dari lafaz yang ringan kepada yang lebih berat:

1- *Layyin hadis, Fihi Liin, Fihi Maqal, Dhu'ifa, Tu'raf wa Tunkar, Laisa Bizalika, Laisa Bil Matin, Laisa Bi Hujjah, Ila Da'f Ma Huwa, Takallamu Fihi, Mat'un Fihi*, atau yang seumpama dengannya.
2- *Laisa Bi Qawiy, Laisa Bi Zalika, Laisa Hadisuhu Bi Qawiy*, atau yang seumpama dengannya.
3- *Da'iful Hadis, Da'if, Munkarul Hadis, Hadisuhu Munkar, Wahin Dha'afuhu, Mudtarib, La Yuhtajju bihi, Majhul*, dan lain-lain.
4- *Rudda Hadisuhu, Mardud al-Hadith, Da'if al-Hadith, Da'if Jiddan, Wahin bi Marrah, Tarahu Hadisuhu, Matruh al-Hadith, Irmi Bihi, Laisa Bisyai, La yusawi Syaian*, atau yang seumpama dengannya.
5- *Matruk, Matruk al-Hadith, Tarakuhu, Zahib, Zahibul Hadis, Saqit, Saqitul Hadis, Halik, Fihi Nazar, Sakatu 'Anhu, La yu'tabar bi Hadisihi, Laisa bi Thiqah, Ghair Thiqah wala Ma'mun, Muttaham bil Kazib, Muttaham bil Wad'*, atau yang seumpamanya.
6- *Kazzab, Dajjal, Wadda', Yakzib, Wad' al-Hadith.*
7- Mana sifat yang ditegaskan dengan salah satu sifat-sifat celaan yang buruk, seperti *Kazzab kazzab, Kazzab wadda', Dajjal Kazzab,* dan seumpamanya.
8- Lafaz-lafaz yang membawa maksud celaan yang melampau, seperti: *Akzabun Nas, Ilaihi Muntaha fil Wad', Huwa Rukn al-Kazib*, dan lain-lain.

Lafaz-lafaz *al-Jarh wa al-Ta'dil*: أَلْفَاظُ الْجَرْحِ وَالتَّعْدِيْلِ

Sila lihat (*Alfaz al-Jarh*) dan (*Alfaz al-Ta'dil*) pada tempatnya.

Gelaran-gelaran: الأَلْقَابُ

Sila lihat: (*Laqab*) pada huruf Mim.

Gelaran-gelaran *muhaddithin*/ulama hadis: أَلْقَابُ الْمُحَدِّثِيْنَ

Sila lihat: (*Laqab*) pada huruf Mim.

***Allahu A'lam* (Allah Lebih Mengetahui):** اللهُ أَعْلَمُ

Antara lafaz yang digunakan oleh ulama-ulama yang teliti sebagai lafaz *jarh* terhadap perawi hadis, untuk menunjukkan celaan terhadap perawi dan tidak memujinya. Lafaz ini juga menunjukkan bahawa keadaan seseorang perawi itu tidak diketahui oleh ulama yang ditanya, kerana ia tidak menjawab soalan yang ditanya kepadanya, dan tidak memuji perawi tersebut dengan sesuatu pun. Maka lafaz (*Allahu A'lam*) tergolong dalam bab *jarh* perawi, sepertimana yang ditetapkan juga oleh fuhaqa dalam masalah menetapkan kesahihan saksi.

***Allahu Musta'an* (kepada Allah-lah tempat meminta bantuan):** اللّٰهُ الْمُسْتَعَانُ

Antara lafaz *jarh* yang jarang digunakan, apabila seseorang perawi disifatkan sedemikian maka ia tergolong dalam martabat yang kedua atau ketiga daripada peringkat *tajrih.*

Ulama hadis dan sejarah menggunakan lafaz ini ketika mereka mendapati sesuatu khabar palsu terhadap Rasulullah SAW, atau terdapatnya perawi yang bersifat Dajjal, atau mendakwa dirinya salah seorang *sahabah* Rasulullah SAW, lalu mereka (*muhaddith* dan *mu'arrikh*) menyebut: "*Allahu Al-Musta'an*", atau "*Fa Allahu Musta'an*" bertujuan untuk menyatakan penipuan yang berlaku atau perkara yang hampir dianggap sebagai palsu. Lafaz ini banyak terdapat dalam kitab "*Mizan al-'Itidal*" oleh al-Zahabi, dan "*Lisan al-Mizan*", "*Taqrib at-Tahzib*". Keduanya oleh Ibnu Hajar, dan kitab-kitab selainnya.

Ila: إلى

Satu simbol yang digunakan pada akhir tambahan teks sesebuah kitab.

Dia lebih hampir pada sifat benar: إلى الصِّدْقِ مَا هُوَ

Antara lafaz *ta'dil* di martabat yang ketiga, hadis perawi yang disifatkan sedemikian ditulis (diriwayatkan) dan dikaji. Lafaz ini ditambah oleh al-Hafiz al-'Iraqi.

Lafaz ini bermaksud: perawi ini disifatkan lebih dekat kepada *sidq*, tetapi tidak bermaksud *thabit*nya sifat *siqd* bahkan hanya dianggap dia bersifat sedemikian. Kata al-Hafiz Imam Suyuti: "Kata mereka (*ila al-sidq ma huwa*), dan (*ila al-da'f ma huwa*) maksudnya: Hampir kepada benar dan da'if".

Dia lebih dekat kepada sifat *da'if*: إلى الضَّعْفِ ما هُوَ

Suatu ibarat yang mencacatkan perawi hadis, tetapi ia jarang digunakan dalam kata-kata ulama hadis, dan kecacatan di sini lebih kepada aspek hafalannya (*su'u al-hifz*).

Seperti kata Imam Ahmad bin Hanbal pada 'Asim bin UbaydilLah bin 'Asim al-'Umairi: "Hadis riwayatnya dan hadis Ibnu 'Aqil lebih kepada *da'if* (hukumnya)".

Padanya penghujung sifat teliti/ketelitian: إِلَيْهِ الْمُنْتَهَى فِي الثَّبْتِ أَوِ الثَّبْت

Antara lafaz *ta'dil* yang paling tinggi, lebih tinggi daripada lafaz (*thiqah thiqah*) dari aspek kedudukan dan kekuatan lafaznya. Lafaz ini ditambah oleh Ibnu Hajar pada lafaz-lafaz *ta'dil.*

Padanya penghujung sifat dusta/pembohongan: إِلَيْهِ الْمُنْتَهَى فِي الكَذِبِ

Sila lihat: (*ilaihi muntaha fil wad'*)

Padanya penghujung kepalsuan, atau sifat dusta: إِلَيْهِ الْمُنْتَهَى فِي الْوَضْعِ أَوِ الكَذِب

Lafaz *tajrih* yang paling buruk bagi perawi menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar.

Dikatakan bahawa lafaz ini bermaksud tahap yang paling jauh untuk seseorang melakukan pendustaan.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan sedemikian tidak boleh dijadikan hujah, mahupun *dalil penyokong*.

***Al-Amali*:** الأمالي

Dari segi bahasa: (*al-amali*) jamak (*Imlak*), adalah bermaksud kata-kata yang ditulis daripada pembacaan seorang guru atau syeikh kepada muridnya.
Istilah: adalah salah satu cara pembelajaran hadis pada zaman-zaman yang lalu, dan ini merupakan tugas para ulama *huffaz* hadis, cara mereka ialah: para murid menulis; Majlis ini ialah majlis imla syeikh si-fulan, membacakan kitab sekian, pada hari sekian, dan disebutkan tarikhnya, kemudian mereka akan menulis faedah-faedah (hadis) yang mereka perolehi beserta sanad ataupun secara ringkas.

Kitab-kitab *amali* yang masyhur:

1- *Al-Amali*: oleh Abu 'Abd Allah Al-Muhamili Al-Husain bin Isma'il (w.330H).
2- *Al-Amali*: oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Muhammad bin Yahya bin Mandah Al-Asbahani (w.395H).
3- *Al-Amali*: oleh Ibnu Busyran Abu Al-Qasim Abdul Malik bin Muhammad (w.430H)
4- *Al-Amali*: oleh Al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit yang terkenal sebagai Al-Khatib al-Baghdadi (w.463H).
5- *Al-Amali*: oleh Abu Fadhl Muhammad bin Nasir As-Salami (w.550H).
6- *Al-Amali*: oleh Al-Hafiz Abu Al-Qasim Ali bin Al-Hasan, terkenal sebagai Ibnu 'Asakir (w.571H).
7- *Al-Amali Al-Syarihah li Mufradat Al-Fatihah*: oleh Abdul Karim bin Muhammad Al-Qazwini Al-Rafi'i (w.623H), mengandungi 30 majlis *imla'* yang dibacakan padanya 30 hadis beserta sanandnya dan komentarnya serta syarahnya terhadap hadis-hadis tersebut.

***Imam*:** الإمام

Dari segi bahasa: (*al-imam*) jamaknya (*a'immah*), iaitu seorang individu yang tinggi kedudukannya dalam agama, atau sesuatu bidang ilmu, atau sesuatu bidang yang lain.
Istilahnya: seorang yang sempurna ilmunya dalam bidang hadis, yang menjadi ikutan. Lafaz ini tergolong antara lafaz *ta'dil.*
Al-Imam Al-Sakhawi meletakkanya di peringkat yang ke-empat dari peringkat *ta'dil*, iaitu: lafaz yang membawa istilah pujian secara tunggal seperti *thiqah, thabt, ka'annahu mushaf, hujjah, imam, dabit,* atau *hafiz.*
Kata Al-Hafiz Al-Zahabi: "Lafaz mereka (*muhaddithin*): *thabt, hujjah, imam, thiqah, mutqin*, adalah lafaz *ta'dil* yang tidak diragukan lagi di sisi ulama hadis.

Kami diperintahkan melakukan demikian: أُمِرْنَا بِكَذَا

Sekiranya terdapat lafaz yang sedemikian, atau seperti: "Kami dilarang daripada itu", atau "Dikira sunnah melakukan itu", atau yang seumpamanya; maka ia bermaksud *marfu'* (bersambung kepada Rasulullah SAW) kerana difahami daripada ayat bahawa pihak yang memerintah itu sudah pastilah pihak yang mempunyai autoriti untuk memerintah atau melarang sesuatu dalam agama, iaitu Rasulullah SAW.

Contohnya:

Hadis Anas bin Malik katanya: "Bilal r.a diarahkan supaya melafazkan azan secara genap dan iqamah secara ganjil".

Dan seperti hadis 'Imran bin Al-Husain katanya: "Kami dilarang daripada berubat menggunakan besi panas".

Seperti juga hadis 'Ali katanya: "Dikira sebahagian daripada sunnah keluar untuk solat hari raya dengan berjalan kaki, dan menjamah sesuatu daripada makanan sebelum keluar menuju ke tempat solat".

Perkara itu menurut kami ialah: الأَمْرُ عِنْدَنَا

Antara lafaz yang digunakan oleh Al-Imam Malik dalam kitabnya *al-Muwatta'*, di mana beliau menerangkan maksudnya daripada lafaz ini, berkata: "Apabila saya berkata 'perkara itu terdapat pada kami' maka maksudnya ialah sesuatu amalan yang diamalkan oleh orang ramai di tempat kami (Madinah), dan hukum yang diguna pakai kami, yang diketahui oleh setiap orang sama ada alim atau jahil, begitu juga jika saya berkata: Di negeri kami".

Terdapat beberapa ayat yang sama ertinya, seperti:

1- Seperti itulah perkara tersebut menurut kami.
2- Itulah perkara tersebut di sisi kami.
3- Dan itulah perkara (yang diputuskan) di sisi kami.

Perkara yang disepakati oleh kami: الأَمْرُ الْمُجْتَمَعُ عَلَيْهِ عِنْدَنَا

Antara lafaz yang digunakan oleh al-Imam Malik dalam kitabnya *al-Muwatta'*, di mana beliau menerangkan maksud lafaz ini, berkata: "Mana-mana perkara yang disepakati terhadapnya ialah perkara yang disepakati oleh ahli fiqah dan ilmu, dan mereka tidak berbeza pendapat padanya"

Al-Imam Malik menggunakan lafaz ini apabila beliau mengetahui bahawa ahli Madinah telah bersepakat terhadap sesuatu perkara, atau tidak terdapatnya pandangan yang berbeza pada sesuatu masalah.

Maka beliau sebenarnya menyatakan *ijma'* ahli Madinah terhadap hukum sesuatu perkara, dan bukannya *ijma'* ahli Madinah bersama-sama dengan *mujtahidin* lain.

Istilah ini terdapat beberapa persamaan dengan ungkapan seperti:

1- Perkara yang disepakati oleh kami...
2- Itulah sunnah yang tiada perbezaan (pendapat) padanya.
3- Yang saya ketahui (kesepakatannya) di sisi Ahli Ilmu.

4- Perkara yang disepakati oleh kami dan tiada perbezaan pendapat padanya.
5- Yang saya ketahui (kesepakatannya) di kalangan Ahli Ilmu di negeri kami.
6- Itulah perkara yang disepakati di sisi kami.
7- Itulah dia perkara yang disepakati menurut kami.
8- Di atas perkara itulah sunnah yang tiada perbezaan (pendapat) padanya oleh kami.
9- Sunnah yang tidak diragui lagi dan tiada perbezaan pendapat padanya.
10- Itulah antara sunnah orang-orang muslim yang tiada perbezaan pendapat padanya.

***Al-Imla'* (penulisan):** الإملاء

Dari segi bahasa: (*al-imla'*) kata terbitan (*amla'a, yumli'u*); dikatakan seseorang meng*imla'*kan sesebuah kitab kepada seseorang, bermaksud: membacakan kepadanya dan dia menulis. Istilah: iaitu kata-kata yang ditulis daripada pembacaan seorang guru atau syeikh kepada muridnya.

Atau ia juga bermaksud: Seorang syeikh membacakan sebuah hadis kepada murid-muridnya dan disyarahkan hadis tersebut dari segi matan dan sanad, serta dibincangkan fiqahnya serta segala masalah dan huraian yang berkaitan dengannya menurut ilmu syeikh tersebut, kemudian dia melihat semula catatan murid-muridnya untuk diperbetulkan kesalahan-kesalahan yang berlsaya dalamnya.

Enam buah kitab induk/utama: الأُمَّهَاتُ السِّتُّ

Yang dimaksudkan ialah kitab-kitab hadis yang masyhur seperti berikut:

1- *Sahih al-Bukhari*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari (w.256H).
2- *Sahih Muslim*: oleh Imam Abu Al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naisaburi (w.261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: oleh Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath Al-Sijistani (w.275H).
4- *Sunan Ibnu Majah*: oleh Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah Al-Qazwini (w. 275H).
5- *Jami' Al-Tirmizi*: oleh Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w.279H).
6- *Sunan Al-Nasa'i*: oleh Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i (w. 303H).

Kitab-kitab ini dinamakan sebagai *ummahat* iaitu kitab-kitab induk, kerana kepentingannya dan kandungannya yang mencangkupi untuk setiap masalah harian manusia.

أَمِيْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ فِي الْحَدِيْثِ

***Amir al-Mu'minin fi Al-Hadith* (ketua bagi sekalian orang mukmin dalam hadis):**
Antara gelaran tertinggi bagi ulama hadis, maksudnya ialah seorang yang paling penting dan mahir dalam bidangnya (hadis) di kalangan para ulama sezaman dengannnya, ia seperti *Amir al-Mu'minin* bagi ummah kerana amanah dan kedudukannya yang diberikan oleh Allah sebagai ketua bagi rakyatnya. Antara ulama hadis yang digelar sedemikian ialah seperti berikut:

1- Abu Bistam, **Syu'bah bin Al-Hajjaj** Al-Wasitiy Al-Basri (w.160H).
2- Abu 'Abd Allah, **Sufyan bin Sa'id al-Thawri** Al-Kufi (w.161H).
3- Abu 'Abd Allah, **Malik bin Anas Al-Madani**, penulis al-Muwatta' (w.179H).
4- Abu 'Abd al-Rahman, **'Abd Allah bin Al-Mubarak** Al-Marwaziy (w.181H).
5- Abu Sa'id, **Yahya bin Sa'id Al-Qattan** Al-Basri (w.198H).
6- **Sufian bin 'Uyainah** Al-Hilali Al-Makki (w.198H).
7- Abu Al-Hasan, Ali bin 'Abd Allah bin Jaafar Al-Basri, terkenal sebagai: **Ibn al-Madini** (w.234H).
8- Abu Ya'qub, Ishaq bin Ibrahim Al-Hanzali Al-Marwazi, terkenal sebagai: **Ibnu Rahuyah** (w.235H).
9- Abu 'Abd Allah, Muhammad bin Isma'il **al-Bukhari**, penulis kitab Sahih al-Bukhari (w.256H).
10- Abu 'Abd Allah, Muhammad bin Yahya **Az-Zuhli** An-Naisaburi (w.258H).
11- Abu Hatim, Muhammad bin Idris Al-Hanzali, terkenal sebagai **Abu Hatim Al-Razi** (w.277H).
12- Abu Al-Hasan, 'Ali bin 'Umar **Ad-Daraqutni** Al-Baghdadi (w.385H).
13- Shihabuddin Abu Fadhl, Ahmad bin 'Ali bin Muhammad **bin Hajar Al-'Asqalani** (w.852H).
14- Jalaluddin Abu Al-Fadhl 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr Al-Khudhairi **Al-Suyuti** (w.911H).

Nama yang akhir ini tidak pernah digelarkan sebagai *Amir al-Mu'minin fil Hadis*, tetapi beliau berhak dengan gelaran ini kerana penguasaannya yang mendalam terhadap ilmu hadis, dan karangan-karangan beliau yang begitu banyak.

Sesungguhnya yang lain daripadanya lebih saya sukai: إِنَّ غَيْرَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ

Lafaz ini bukanlah antara lafaz *jarh*, sebaliknya ulama hadis menggunakannya untuk membezakan antara perawi hadis dari segi persamaan atau perbezaan dalam hafalan dan ketelitian dan lain-lain.

Sesungguhnya: أَنَّ

Lafaz ini ialah antara lafaz periwayatan hadis yang menunjukkan kesinambungan sanad secara tidak jelas seperti lafaz: *'an*.

Bahawa si fulan mengkhabarkan: أَنَّ فُلَانًا أَخْبَرَ

Sila lihat (*al-Mu'annan*) huruf Mim.

Bahawa si fulan meriwayatkan: أَنَّ فُلَانًا حَدَّثَ

Sila lihat (*al-Mu'annan*) huruf Mim.

Bahawa si fulan berkata: أَنَّ فُلَانًا قَالَ

Sila lihat (*al-Mu'annan*) huruf Mim.

إِنَّ هذا الحديثَ مِن مَناكِيرِ فُلَانٍ، أو مِنْ أَنْكَرِ ما رَوَاهُ فُلَانٌ

Sesungguhnya hadis ini antara riwayat munkar si polan, atau antara riwayat paling munkar yang diriwayatkan oleh si polan:

Sila lihat bahagian (أَنْكَرُ ما رواه فلانٌ كذا).

إِنَّه لَيْسَ مِثْلَ فُلَانٍ/ أو إِنَّ غَيْرَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ

Beliau tidaklah seperti si-fulan, atau orang lain daripadanya lebih saya sukai:

Lafaz ini banyak digunakan di kalangan ulama *jarh* dan *ta'dil* untuk menyatakan persamaan antara dua perawi dalam meriwayatkan hadis, seperti kata al-Imam Ahmad bin Hanbal dalam biografi 'Abd Allah bin 'Umar al-Umari: "Sesungguhnya dia tidak seperti saudaranya", iaitu 'Ubaidillah bin 'Umar al-Umari tidak seperti saudaranya 'Abd Allah dalam meriwayatkan hadis.

Atau "sesungguhnya perawi lain lebih saya sukai", seperti kata al-Imam Ahmad dalam biografi Azhar bin Saad al-Samman: "Ibn Abu 'Adiy lebih saya sukai daripada Azhar".

Kata Syeikh 'Abd al-Hayy Al-Laknawi: "... Kesemua ini tidak dikira sebagai *jarh*".

Ana (ringkasan bagi: dikhabarkan kepada kami): أنا

Lafaz ini ialah ringkasan bagi lafaz *tahammul* dan ada'*: akhbarana.*

Mengkhabarkan kepada kami secara penulisan: أنا كِتَابَةً

Lafaz ini merupakan salah satu aripada istilah (*ada'*) iaitu bagi riwayat yang diambil melalui kaedah bacaan di hadapan syeikh dan istilah ini merupakan ringkasan bagi istilah أخبرنا.

Mengkhabarkan kepada kami secara lisan: أنا مُشَافَهَةً

Lafaz ini merupakan salah satu daripada istilah *ada'* iaitu bagi riwayat yang diambil melalui kaedah *sama'* iaitu mendengar daripada syeikh, akan tetapi lafaz ini tersebar selepas itu untuk penggunaan khusus bagi kaedah *ijazah* dengan lafaz syeikh.

Al-An'anah: الأَنْأَنَة

Sila lihat (*al-mu'annan*) pada huruf Mim.

Menceritakan kepada kami: أنبأنا

Tergolong antara lafaz *tahammul* yang menunjukkan perawi mendengar terus daripada syeikhnya tetapi lafaz ini jarang digunakan. Lafaz ini juga digunakan

untuk cara periwayatan hadis melalui bacaan kepada syeikh, penggunaannya juga masyhur ketika *ijazah*, perawi akan menggunakan lafaz ini ketika sahabat yang lain ada bersamanya.

Dia menceritakan kepada kami secara *ijazah*: أَنْبَأَنَا إِجَازَةً

Lafaz ini tergolong antara lafaz *tahammul* yang menunjukkan perawi mendengar terus daripada syeikhnya tetapi dijelaskan secara *ijazah*. Lafaz ini biasa digunakan oleh al-Imam al-Baihaqi.

أَنْبَأَنَا قِرَاءَةً عَلَيْهِ وَأَنَا أَسْمَعُ

Dia menceritakan kepada kami secara bacaan kepadanya dan saya mendengar:

Lafaz ini tergolong antara lafaz *tahammul* secara bacaan kepada syeikh.

Dia menceritakan kepada saya: أَنْبَأَنِي

Lafaz ini tergolong antara lafaz *tahammul* yang menunjukkan perawi mendengar terus daripada syeikhnya tetapi ia jarang digunakan.

Dia menceritakan kepada saya secara *ijazah*: أَنْبَأَنِي إِجَازَةً

Lafaz ini tergolong antara lafaz *tahammul* yang menunjukkan perawi mendengar terus daripada syeikhnya tetapi dijelaskan secara *ijazah*. Lafaz ini biasa digunakan oleh al-Imam al-Baihaqi.

Pemilihan: الانْتِخَابُ

Dari segi bahasa: (*al-intikhab*) kata terbitan daripada (*intakhaba yantakhibu*) maksudnya pemilihan dan penapisan.

Istilah: pemilihan seorang murid hadis daripada seseorang syeikh untuk mendengarnya dan menulisnya.

Kata al-Khatib al-Baghdadi:

"Sekiranya seseorang syeikh banyak meriwayatkan hadis, maka seseorang murid mestilah memilih dan menulis hadis-hadis syeikh tersebut yang tidak terdapat pada syeikh lain dan meninggalkan hadis yang berulang, cara ini ialah bagi penuntut yang tidak mampu untuk bersama dengan syeikh bagi tempoh yang lama, tetapi sekiranya seseorang murid tidak mampu membezakan antara yang berulang daripada yang selainnya, maka cara yang lebih baik ialah dia menulis kesemuanya tanpa memilih atau menapis riwayat tersebut".

Selesai tambahan: انْتَهَى اللَّحَقُ

Lafaz yang digunakan oleh *muhaddithin* dalam pengakhiran kesinambungan sesuatu (lafaz) yang gugur dalam teks sesuatu kitab sebagai ganti bagi kalimah صَحَّ.

Sila lihat kalimah اللَّحق pada huruf Lam.

***Al-Ansab* (Nasab):** الأَنْسَاب

Sila lihat: (*Al-Nasab*) huruf Nun.

Terputus (Sanad): الانْقِطَاعُ

Sila lihat: (*Al-Munqati'*) huruf Mim.

Inkar/Bantah: الإِنْكَارُ

Sila lihat: (*Al-Munkar*) huruf Mim.

Riwayat paling munkar yang diriwayatkan si fulan: أَنْكَرُ ما رَوَاهُ فُلَانٌ

Lafaz ini mungkin digunakan oleh para ulama terhadap hadis *Hasan* dan *Sahih* kerana riwayat tersebut tunggal, dan lafaz ini tidak semestinya bermaksud kelemahan perawinya.

أَنْوَاعُ (أَوْ طُرُقُ) تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ وأَدَائِهِ

Jenis-jenis, atau cara-cara penerimaan dan periwayatan hadis:

Iaitu terdapat lapan perkara:

1. *As-Sama'*
2. *Al-'Ardh*
3. *Al-Ijazah*
4. *Al-Munawalah.*
5. *Al-Mukatabah.*
6. *I'lam as-Syeikh.*
7. *Al-Wasiyyah.*
8. *Al-Wijadah.*

Sila lihat takrif setiap istilah ini huruf-hurufnya.

اهـ

Simbol yang digunakan bagi pengarang bagi ringkasan kalimah (انتهى) iaitu selesai.

Ahli *athar:* أَهْلُ الأَثَرِ

Sila lihat pada kalimah أهل الحديث.

Ahli hawa nafsu (bidaah): أَهْلُ الأَهْوَاءِ

Mereka ialah orang Muslim yang mempunyai iktikad tidak seperti ahli sunnah; seperti *Rafidhah, Khawarij, Qadariyyah, Musyabbihah*, kesemuanya 12 kumpulan, kemudian menjadi 72 kumpulan.

Sila lihat takrif setiap kumpulan ini pada hurufnya.

Ahli hadis: أَهْلُ الْحَدِيْثِ

Gelaran ini diberikan dahulunya kepada ulama Hijaz dan sesiapa sahaja yang mengikuti manhaj mereka dalam berpegang kepada hadis dan menetapkan hukum hakam berdasarkan nas.

Terdapat dua takrif bagi lafaz ini:

1. Pertama: takrifan am

Kata Syeikh Ibn Taimiyyah ketika menerangkan maksud umum lafaz ini berkata, "Ahli hadis menurut pandangan kami bukan sahaja mereka yang

meriwayatkan hadis atau menulisnya tetapi mereka ialah orang yang benar-benar menghafalnya dan memahami dan mengamalkannya, begitu juga ahli Quran".

Katanya lagi: "Ciri-ciri yang paling rendah bagi mereka ialah: mencintai Al-Quran dan hadis serta berusaha untuk memahami dan beramal dengan ketetapannya. Para fuqaha hadis lebih banyak menceritakan tentang Rasullullah SAW daripada fuqaha selain mereka".

Katanya lagi, "Ahli hadis ialah mereka yang disebutkan oleh Nabi SAW: "Mereka yang di atas manhajku dan para sahabatku", dalam riwayat yang lain: "iaitu satu jamaah, tangan Allah bersama jamaah".

Nabi SAW telah berdoa bagi mereka yang berkhidmat untuk ilmu hadis supaya diberi cahaya pada wajah mereka, kata baginda: "Allah SWT menerangi wajah seseorang yang mendengar daripada kami sebuah hadis lalu dihafalnya dan disampaikannya, kemungkinan dia menyampaikannya kepada orang yang lebih memahaminya, dan kemungkinan orang yang membawa fiqh tidak memahaminya".

2. Kedua: takrifan semasa.

Lafaz ini diberikan kepada suatu kumpulan yang tidak bertaklid kepada mana-mana mazhab yang empat, sebaliknya mereka memadai dengan dalil dan keterangan yang ada dalam al-Kitab dan as-Sunnah.

***Ahli Ra'yi* (ahli pandangan):** أهْلُ الرَّأي

Panggilan ini diberikan kepada ulama Kufah, dan sesiapa yang mengikuti manhaj mereka yang berpegang pada qiyas secara meluas, dan dikenali kerana ketelitian hujah dan akal fikiran dalam menetapkan hukum hakam serta mengkaji *nas*. Imam dan pengasas madrasah ini ialah sahabah yang mulia 'Abd Allah bin Mas'ud. Ramai muridnya yang terdidik dengan manhaj ini seperti Alqamah bin Qais, dan generasi selepas mereka seperti Ibrahim al-Nakha'i, guru Imam Abu Hanifah.

Walaupun tidak masyhur seperti *madrasah al-Hadith,* tetapi madrasah ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi fiqhnya. *Manhaj* madrasah ini ialah mereka berpegang bahawa setiap hukum agama berdasarkan pemahaman akal, dan terdapat sebab bagi sesuatu hukum. Maka dengan manhaj ini mereka menetapkan bahawa hukum-hakam agama bagi setiap hukum itu disertakan dengan sebab-sebabnya, dan kemungkinan mereka menolak sebahagian hadis *sahih* kerana bertentangan dengan sebab-sebab itu.

Mereka berpendapat bahawa syariat ini terbina di atas usul yang terdapat dalam al-Quran dan as-Sunnah, dan bagi setiap bab fiqh yang mempunyai usul tertentu yang dikeluarkan daripada al-Quran dan as-Sunnah, maka mereka merujuk kepadanya dalam setiap masalah yang dihadapi.

Walaupun *madrasah* ini tidak meriwayatkan hadis yang banyak seperti *madrasah* hadis, mereka tetap menerima hadis yang *thabit*, dan mereka berpegang pada kebanyakan masalah usul yang telah dibentuk oleh mereka.

Ahli sunnah: أَهْلُ السُّنَّةِ

Panggilan ini diberikan kepada golongan yang mengikuti sunnah dan menjauhi bidaah, dan perbezaan antara panggilan *ahli sunnah wa jamaah* dan ahli hadis ialah seperti perbezaan umum dan khusus, maka sesiapa yang dikatakan *ahli sunnah wa jamaah* maka ia juga ialah ahli hadis.

Ramai di kalangan perawi hadis disifatkan sebagai ahli hadis tetapi mereka bukan di kalangan *ahli sunnah wa jamaah* kerana mereka jauh daripada *manhaj salaf* dalam kebanyakan perkara, dan perlakuan mereka mengikuti *manhaj mutakallimin*, melainkan lafaz 'ahli hadis' difahami secara umum ialah mereka yang mengikuti sunnah dan tidak melakukan bidaah. Terdapat juga di kalangan ahli bidaah yang meriwayatkan hadis tetapi mereka tidak tergolong di kalangan ahli hadis yang menghimpunkan antara ilmu dan amal seperti mana *ahli sunnah wal jamaah*, maka dalam gambaran ini ahli hadis adalah seerti dengan *ahli sunnah wal jamaah.*

Ahli Sunnah wal Jamaah: أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ

Lafaz ini diberikan kepada mereka yang beriltizam dengan *sunnah* dan *manhaj* para sahabat sebelum timbulnya perkara-perkara bidaah seperti *Mu'tazilah, Syi'ah, Rafidhah* dan lain-lain. Imam ahli sunnah ialah:

Pertama: Imam para Mutakallimin Abu al-Hasan Ali bin Isma'il al-Asya'ri (w.324H), penulis *Maqalat al-Islamiyyin.*

Kedua: al-Imam Abu Mansur bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi (w.333H), penulis kitab *al-Tauhid*, kitab *Al-Maqalat* dan kitab *Ta'wilat Al-Quran.*

Ahli benar: أَهْلُ الصِّدْقِ

Gelaran ini ialah gelaran yang diberikan kepada perawi hadis yang sangat istiqamah dalam perkara agama dan jujur sesama manusia. Mereka tidak bersumberkan pada sesuatu yang tidak benar dan mereka tidak akan terlibat dalam perkara yang salah melainkan dalam keadaan yang ragu-ragu, dan sekiranya sesuatu periwayatan itu disandarkan kepada mereka sudah tentu hadis mereka akan ditulis.

Ahli bidang: أَهْلُ الصَّنْعَةِ

Lafaz ini diberikan kepada ulama yang mengkhusus dalam suatu cabang ilmu dan diberikan juga kepada ulama hadis.

***Ahli Zahir* (Mazhab Zahiri):** أَهْلُ الظَّاهِرِ

Dari segi bahasa: zahir lawan kepada batin.

Istilah: Mereka ialah segolongan daripada ulama hadis, tetapi mereka berbeza dengan ulama hadis dalam banyak perkara, seperti Abu Sulaiman Dawud bin 'Ali bin Khalaf Al-Asbahani al-Zahiri (wafat:270H). Mereka dinamakan sebagai al-Zahiri kerana mereka berpegang pada zahir nas Al-Quran dan sunnah, tanpa berpegang kepada *al-Ra'yi, Qias, Istihsan, Masalih* dan lain-lain, tetapi mereka berpegang pada ijmak sekiranya ulama ummah bersepakat

dalam sesuatu masalah. Akan tetapi Abu Sulaiman Dawud al-Zahiri telah menyalahi perkara ini dalam banyak perkara yang tidak dapat diterima akal, oleh itu kata sebahagian ulama: "Mazhabnya adalah bidaah yang timbul selepas 200 tahun".

Kelayakan: الأَهْلِيَّةُ

Sila lihat: (*Ahliyyah al-Riwayah*).

Kelayakan meriwayat: أَهْلِيَّةُ الأَدَاءِ

Sila lihat: (*Ahliyyah a-Riwayah*).

Kelayakan menerima: أَهْلِيَّةُ التَّحَمُّلِ

Kelayakan seorang penuntut hadis untuk mengambil hadis daripada syeikh, iaitu seseorang yang mampu memahami apa yang didengarnya dan meneliti riwayatnya, dan ulama hadis meletakkan had umur yang paling rendah ialah seseorang itu berumur 5 tahun.

Sila lihat: (Ibn Khams)

Kelayakan periwayatan: أَهْلِيَّةُ الرِّوَايَةِ

Kelayakan untuk meriwayatkan hadis serta perlu memenuhi beberapa syarat untuk meriwayatkan hadis daripada Rasullullah SAW. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Islam: tidak diterima riwayat orang kafir dengan ijmak.
2. Baligh: tidak diterima riwayat perawi yang tidak mencapai umur baligh berdasarkan hadis Nabi SAW: "diangkat pena (catatan) daripada tiga golongan: orang yang tidur sehingga dia sedar, kanak-kanak sehingga dia baligh dan orang gila sehingga dia berakal".
3. *Al-'Adalah*: sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang yang terzahir melalui mulazamah dengan taqwa dan menghindari perkara-perkara yang mencacatkan muru'ah.
4. *Al-Dabt*: perawi tersebut sedar dan hafal akan riwayatnya, ia mampu untuk mendatangkannya bila-bila ia kehendaki, dan menjaga kitabnya daripada sebarang perubahan dari saat dia mendengar hadis sehingga waktu periwayatannya.

Sesiapa yang tidak mempunyai sifat-sifat ini maka riwayatnya tidak boleh dijadikan hujah.

Membiar: الإِهْمَالُ

Sila lihat pada kalimah إهمال اللفظ

Membiar lafaz: إِهْمَالُ اللَّفْظِ

Dari segi bahasa diambil daripada kalimah الإهمال iaitu kata nama terbitan bagi kalimah أَهْمَلَ يُهمِل yang membawa erti tinggal, leka, biar, cuai.

Dari segi istilah: sesuatu lafaz yang tidak dinoktahkan (diletakkan titik hurufnya) atau terdapat kecuaian seperti huruf ha, dal, ra, sin, sad, ta, 'ain.

Kecuaian perawi: إهْمَالُ الرَّاوِي

Dari segi bahasa kalimah *ihmal* telah disebutkan sebelum ini.

Dari segi istilah: kelekaan perawi terhadap sesuatu perkara yang boleh membezakan seseorang daripada sifat atau nasabnya seperti riwayat seseorang yang hanya menyebutkan nama perawi tanpa menyebut nama ayahnya atau sifatnya.

Yang terawal: الأَوَائِلُ

Menurut bahasa: *al-awa'il*, kata tunggalnya ialah *al-ula* lawannya *al-akhirah.*

Menurut istilah ia bermaksud: Kitab-kitab hadis yang mengumpulkan perkhabaran manusia-manusia terawal dalam setiap perkara, seperti hadis: orang yang pertama dipakai pakaian pada hari kiamat...., orang yang pertama menyembah berhala di kalangan Arab..., dan lain-lain lagi.

Antara kitab-kitab yang paling masyhur membicara tentang *al-awa'il*:

1- *al-Awa'il*: Ibn Abi Syaibah Abdullah bin Muhammad (w.235H).
2- *al-Awa'il*: Ibn Qutaibah al-Dinawari, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim (w276H).
3- *al-Awa'il*: Ibn Abi 'Asim, Ahmad bin 'Amr al-Syaibani (w.287H).
4- *al-Awa'il*: Abu 'Arubah al-Harrani al-Husain bin Muhammad bin Maudud (w.318H).
5- *al-Awa'il*: al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad (w.360H).
6- *al-Awa'il*: al-Mustaghfiri, Abu al-Abbas Jaafar bin Muhammad al-Mu'taz al-Nasafi (w.422H).

Maksud *al-awa'il* menurut ulama kontemporari:

Menurut istilah ulama kontemporari, *al-awa'il* bermaksud: Kitab-kitab yang para pengarangnya mengumpulkan hadis-hadis terawal dalam kitab-kitab hadis terkenal seperti *Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim*, dan *al-Sunan al-Arba'ah*, dan selainnya dengan sanad yang sampai kepada pengarangnya. Melalui pembacaan terhadap kitab-kitab *al-awa'il* ini seorang pembaca akan memperolehi ijazah bagi semua hadis yang terdapat dalam kitab-kitab ini.

Kitab-kitab yang paling masyhur membicarakan tentang *al-awa'il*:

Sebahagian ulama telah mengarang kitab khusus yang membicarakan tentang *al-awa'il*, antaranya:

1- *al-Awa'il*: Ibn al-Daiba' al-Syaibani,Wajihuddin Abu Muhammad Abdul Rahman bin 'Ali bin Muhammad (w.944H) pengarang pertama yang mengarang tentang *al-awa'il.*
2- *Awa'il al-Kutub al-Hadithiyyah wa Ba'd al-Masanid*: al-Rudani, Abu Abdullah Syamsuddin Muhammad bin Muhammad bin Sulaiman al-Maghribi (w.1094H).
3- *al-Awa'il*: Abdullah bin Salim al-Basri (w.1134H).
4- *al-Awa'il al-'Ajluniyyah* (*'Aqd al-Jauhar al-Thamin fi Arba'in Hadithan min Ahadith Sayyid al-Mursalin*): al-'Ajluni, Abu al-Fida' Isma'il bin Muhammad bin Abdul Hadi al-Jarrahi al-Dimasyqi (w.1162H).

5- *al-Awa'il al-Sunbuliyyah*: Muhammad Sa'id bin Muhammad Sunbul al-Makki (w.1175H). Pengarang meringkaskannya daripada *al-'Awa'il* karangan al-Rudani.
6- *al-Awa'il al-'Asyarah*: al-Sanusi, Abu Abdullah Muhammad bin Ali bin al-Sanusi al-Makki (w.1276H).
7- *al-Awa'il*: al-Qawuqji, Abu al-Mahasin Muhammad bin Khalil bin Ibrahim al-Tarabulsi al-Syami (w.1305H).
8- *al-Awa'il al-Watari*: Nuruddin Abu al-Hasan Muhammad bin Ali bin Zahir al-Hasani al-Madani (w1322H).
9- *al-Awa'il al-Kattaniyyah* (*Salasil al-Is'ad min 'Arba'in Kitaban bi Isnad*): al-Kattani, Abu al-Iqbal Muhammad Abdul Hayy bin Abdul Kabir al-Maghribi (w.1382H).

Perkara-perkara bencana: الأوابِدُ

Dari segi bahasa: (*al-Awabid*) jamak bagi (*abidah*), iaitu perkara besar yang dijauhi dan dielakkan daripadanya, dan (*al-Abidah*): bencana yang kekal selamanya.

Istilah: Lafaz ini membawa maksud Hadis-hadis *Munkar, Matruk* dan hadiss palsu.

Imam Yahya bin Ma'in ialah ulama yang pertama menggunakan lafaz ni ketika mengkritik al-Hasan bin Zakuan Abu Salamah al-Basri. Al-Hafiz al-Zahabi menakalkan daripadanya bahawa dia berkata: Dia (al-Hasan) ialah pembawa bencana. (Mizan al-itedal: 1/490).

Kemudian, lafaz ini banyak digunakan oleh ulama *jarh* dan *ta'dil* seperti Abu Zur'ah Al-Razi, Abu Dawud As-Sijistani, Ibnu Hibban, Az-Zahabi dan lain-lain.

Orang paling *thiqah*/dipercayai: أَوْثَقُ النَّاسِ

Antara lafaz *ta'dil* (pujian) yang paling tinggi, dan salah satu martabat yang ditambah oleh Ibnu Hajar, contohnya: (*Athbatun Nas*), (*Ilaihi Muntaha fi at-Tathabbut*), kemudian sifat yang diulang seperti: (*thiqah thiqah*), (*thiqah 'adl*), dan (*thiqah hafiz*).

Hukumnya:

Hadis perawi yang bersifat sedemikian dijadikan hujah.

Mencatatnya/membawanya: أَوْرَدَهُ

Sesuatu yang disebutkan oleh perawi tanpa menyebutkan sanad sesuatu hadis.

(Peringatan) kalimah (*irad*) adalah lebih umum daripada kalimah (*ikhraj*) iaitu kalimah (*auradahu*) yang digunakan bagi sesuatu riwayat tanpa mengira sama ada si penulis menulis sanad ataupun tidak manakala lafaz (*akhrajahu*) menunjukkan si penulis menulis sanadnya sekali.

Muhaddith mencatatkan/membawakan hadis: أَوْرَدَ الْمُحَدِّثُ الْحَدِيْثَ

Iaitu menyebutnya dalam kitabnya tanpa didatangkan sanad.

Golongan tabiin pertengahan: أوساط التابعين

Mereka ialah golongan yang berjumpa dengan sahabah dan tabiin yang lebih tua daripada mereka dan meriwayatkan daripada mereka hadis.

Golongan sahabat pertengahan: أوساط الصحابة

Mereka ialah golongan sahabat yang memeluk Islam agak lewat kerana mereka masih kecil ketika zaman Rasulullah SAW.

Negeri-negeri para perawi: أوطان الرواة وبلدانهم

Dari segi bahasa: (*al-awtan*) jamak (*watan*), tempat bagi manusia, seperti negeri, kampung atau seumpamanya.

Istilah: mengetahui negeri para perawi hadis, kawasannya dan tempat mereka dilahirkan atau tinggal.

Orang Arab sebelum kedatangan Islam menisbahkan nama mereka kepada kabilah, tetapi selepas kedatangan Islam, mereka mula terikut dengan orang orang bukan Arab yang menisbahkan nama mereka kepada negeri atau negara tempat mereka menetap.

Kebiasaannya, seseorang itu boleh menisbahkan namanya kepada negara, negeri, atau tempat kelahirannya dan sekiranya ia berpindah ke tempat lain, maka ia boleh memilih untuk menisbahkan dirinya ke mana-mana tempat yang dia kehendaki dengan syarat menetap di tempat tersebut sekurang-kurangnya dalam tempoh 4 tahun, sepertimana menurut sebahagian ulama hadis: "Tetapi yang terbaik ialah seperti ungkapan: (al-Syami kemudian al-'Iraqi), (al-Kufi kemudian al-Madani)".

Faedahnya:

Terdapat faedah daripada ilmu ini, antaranya:

1. Membezakan antara dua nama yang sama lafaznya, sekiranya dua nama tersebut merujuk kepada negeri yang berbeza.
2. Mengetahui syeikh seseorang perawi iaitu dengan mengetahui mereka yang senegeri dengannya.
3. Menentukan dan menjelaskan perawi-perawi yang tercicir, dan perawi yang terlibat dengan *tadlis*, dan mengetahui pertemuan perawi bersama syeikhnya, dan perkara ini mungkin membantu untuk mengetahui sesuatu kelemahan yang terdapat pada sesebuah hadis.

Contohnya: Ma'mar bin Rasyid, kata Ya'qub bin Syaibah padanya: "Periwayatan ahli Basrah daripada Ma'mar ketika beliau tiba di Basrah adalah lemah, kerana kitabnya tidak bersamanya".

Maka diketahui daripada kenyataan ini bahawa Ma'mar ialah seorang yang Hhafiz dan *dhabit* selagi mana dia berada di negerinya, namun apabila ia keluar daripada negerinya, periwayatannya adalah lemah.

Kitab-kitab yang menjadi rujukan dalam mengetahui negeri perawi hadis:

1. *At-Tabaqat Al-Kubra*: oleh Muhammad bin Saad bin Mani' Al-Basri (w.230H).

2. *Al-Ansab*: oleh Abdul Karim bin Muhammad bin Mansur al-Sam'ani (w.562H).
3. *Al-Lubab fi Tahzib Al-Ansab*: oleh Ibnu al-Athir Ali bin Muhammad bin Abdul Karim al-Jazari (w.630H). iaitu ringkasan bagi kitab al-Ansab seperti yang dinyatakan olehnya.
4. *Asma' Al-Qaba'il wa Ansabuha*: oleh Mu'izzuddin Muhammad al-Mahdi al-Husaini, terkenal sebagai al-Qazwini (w.1300H).

Atau seperti yang dikatakan: أَوْ كَمَا قَالَ

Lafaz yang digunakan ketika seorang perawi ragu-ragu terhadap lafaz hadis tersebut, bimbang menisbahkan kepada Rasulullah SAW sesuatu yang tidak dikatakan oleh baginda.

Lafaz ini baik digunakan bagi sesiapa yang meriwayatkan hadis secara maknanya.

Dia memberi isyarat kepada saya tentangnya: أَوْمَأَ إِلَيَّ فِيهِ

Dari segi bahasa: (*al-ima'*) terbitan bagi (*awma'a, yumi'u*), bermaksud: menunjukkan sesuatu yang menggunakan anggota badan seperti kepala, tangan, mata, atau kening.

Istilah: antara lafaz *jarh* yang berat, yang bermaksud perawi tersebut tidak menjaga lisannya. Lafaz ini sebagai perumpamaan bahawa perawi tersebut melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW.

Sanad yang paling diragukan/lemah: أَوْهَى الأَسَانِيد

Lafaz ini merujuk kepada *da'if* yang paling *da'if*, Imam al-Hakim menyebutkan beberapa sanad yang paling lemah itu dalam kitabnya. (*Ma'rifah'Ulum Al-Hadith,* m.s. 58-56).

1. *Sanad Ahli Bayt* paling lemah: Amru bin Syummar daripada Jabir al-Ja'fi, daripada al-Harith al-A'war, daripada Ali r.a.
2. *Sanad Abu Bakar* paling lemah: Sadaqah bin Musa al-Daqiqi, daripada Farqad al-Sabkhi, daripada Murrah al-Tayyib, daripada Abu Bakar r.a.
3. Sanad keluarga Umar yang paling lemah: Muhammad bin al-Qasim bin 'Abd Allah bin Umar bin Hafs bin 'Asim bin Umar, daripada bapanya, daripada datuknya.
4. *Sanad Abu Hurayrah* paling lemah: As-Sarri bin Ismail, daripada Dawud bin Yazid al-Awdiy, daripada bapanya, daripada Abu Hurayrah.
5. *Sanad 'Aisyah* paling lemah: satu nuskhah pada ahli Basrah, daripada al-Harith bin Syibl, daripada Ummu al-Kindiyyah, daripada Aisyah r.a.
6. *Sanad 'Abd Allah bin Mas'ud* paling lemah: Syarik daripada Abu Fazarah, daripada Abu Zayd, daripada 'Abd Allah r.a. Melainkan Abu Fazarah Rasyid bin Kaisan adalah ahli Kufah yang *thiqah*.
7. *Sanad Anas bin Malik* Paling lemah: Dawud bin Al-Muhabbir bin Qahzam, daripada bapanya, daripada Aban bin Abu 'Ayyash, daripada Anas r.a.

8. *Sanad ahli Mekah* paling lemah: 'Abd Allah bin Maimun Al-Qaddah, daripada Shihab bin Khirash, daripada Ibrahim bin Yazid al-Khuzi, daripada 'Ikrimah, daripada Ibnu Abbas r.a.
9. *Sanad Ahli Yaman* paling lemah: Hafs bin Umar Al-'Adani, daripada Al-Hakam bin Aban, daripada 'Ikrimah, daripada Ibnu 'Abbas r.a.
10. *Sanad Ahli Mesir* paling lemah: Ahmad bin Muhammad bin Al-Hajjaj bin Risydin bin Saad, daripada bapanya, daripada datuknya, daripada Qurrah bin 'Abd al-Rahman bin Haiwa'il, daripada setiap perawi yang meriwayatkan daripadanya.
11. *Sanad Ahli Syam* paling lemah: Muhammad bin Qais al-Maslub, daripada Ubaydillah bin Zahr, daripada Ali bin Yazid, daripada Qasim, daripada Abu Umamah r.a.
12. *Sanad Ahli Khurasan* paling lemah: 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman bin Malihah, daripada Nahsyal bin Sa'id, daripada al-Dahhak, daripada Ibnu 'Abbas r.a.



حرف الباء

HURUF BĀ'

Ba' bertitik satu: الْبَاءُ الْمُوَحَّدَةُ

Yakni huruf ba yang bertitik satu di bawahnya.

Pintu: الْبَابُ

Dari segi bahasa: (باب) jamaknya ialah (أبواب) maknanya: pintu, tempat masuk atau daun pintu.

Dari segi istilah: Sesuatu bab atau tajuk yang menghimpunkan bahagian-bahagian ilmu yang mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Antaranya ialah kata-kata *muhaddithin*: (وفي الباب عن فلان). *Muhaddith* yang paling banyak menggunakan istilah ini ialah al-Imām al-Tirmiżī dalam kitabnya *al-Jāmi'*, di mana beliau akan berkata selepas sesuatu hadis (وفي الباب عن فلان وفلان), kemudian beliau akan menyebut nama beberapa orang sahabat. Maksud beliau dari segi istilah di atas ialah untuk memberitahu bahawa hadis-hadis lain yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat tersebut juga sesuai untuk dicatat dalam bab ini.

Contohnya:

مثل قوله: "وفي الباب عن ابن عُمَر، وأنس، وقِيْلَةَ بنت مَخْرَمَة"، عقب حديثٍ رواه عن عائشة رضي الله عنها:" إنْ كان رسولُ الله ﷺ ليصلّي الصُّبْحَ، فينصرِف النساءُ....".

Seperti kata Imam Tirmizi: "Dalam bab daripada Ibn Umar, Anas, dan Qilah binti Makhrumah selepas hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a:

" إنْ كان رسولُ الله ﷺ ليصلّي الصُّبْحَ، فينصرف النساء....".

(Sunan al-Tirmizi, no. hadis: 153)

Dengan sesuatu yang akhir: بِأَخَرَة

Sila lihat «تَغَيَّر بأَخَرة» pada huruf ta.

Batil: بَاطِلٌ

Dari segi bahasa: (الباطل) jamaknya ialah (أباطيل) dan (بواطيل), dan ianya adalah lawan bagi (الحَقّ) al-Haq.

Dari segi istilah: Perkataan ini bermaksud sesuatu perkhabaran yang disandarkan kepada Nabi ﷺ secara dusta yang mana tidak ada sumber asal baginya. Maka *al-bātil* dari segi istilah adalah semakna dengan apa yang dikatakan oleh para *muhaddith* sebagai "*maudūk*".

Perkataan *muhaddithin*: "حدَّث عن الثقات بالبواطيل", "روى أحاديثَ بواطيل" dan "أحاديثه بواطيل" kesemuanya bermakna bahawa perawi tersebut telah meriwayatkan hadis-hadis dusta yang tidak diketahui sumber asalnya.

Abū 'Abd Allah al-Husain ibn Ibrāhim al-Jauzaqānī (wafat 534 H) telah menamakan kitab karangan beliau dengan menggunakan lafaz ini (bātil). Maka beliau telah menamakannya sebagai "الأباطيل والمناكير والصِّحاح والمشاهير".

Yang telah baligh: البَالِغُ

Perawi yang telah mencapai umur dewasa dan telah terhasil pada dirinya kelayakan untuk meriwayatkan hadis.

Dengan sempurnanya: بِتَمَامِهِ:

Maksudnya ialah dengan *ibārat matn* (teks) hadis yang sempurna sehingga ke akhirnya.

Perkataan ini didatangkan selepas disebutkan sanad sesuatu hadis berserta dengan hanya sebahagian daripada matannya. Perkataan ini digunakan untuk memberi isyarat kepada baki matannya yang tidak disebutkan dengan tujuan untuk mengelakkan daripada ulangan yang tidak diperlukan.

Perawi–perawi hadis dan pengarang–pengarang kitab hadis menggunakan perkataan ini ketika mana mereka hanya menyebutkan sebahagian daripada matan sesuatu hadis yang mereka telah sebutkan dengan sempurna pada tempat yang lain. Maka mereka hanya akan menyebutkan sedikit sahaja daripada matannya dan memadai dengan penyebutannya secara sempurna di tempat yang lain.

Ba kha: بـخ

Ia adalah simbol kepada hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī 0 dalam kitab beliau *al-Adab al-Mufrad*. Perkara ini telah disebutkan oleh al-hāfiz al-Mizzī 0 dalam kitab *Tahżīb al-Kamāl*.

Ia juga adalah simbol kepada hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī 0 dalam *kitab Sahīh al-Bukhārī*, sepertimana al-Ustāż Muhammad Fuād Abd al-Bāqī telah menyebutkannya dalam kitab "مفتاح كنوز السُّنَّة" (*Miftāh Kunūz al-Sunnah*).

Ba dal: بـد

Ia adalah simbol kepada hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Imām Abū Dāud 0 dalam kitab *Sunan Abū Dāud*, sebagaimana dalam kitab (*Miftāh Kunūz al-Sunnah*).

Ahli Badar: البَدْرِيُّوْنَ

Mereka adalah sahabat–sahabat Nabi ﷺ yang telah mengambil bahagian dalam peperangan *Badr al-Kubrā*.

Bidaah: البِدْعَةُ

Dari segi bahasa: (البدعةُ) masdar bagi (بَدَعَ يَبْدَعُ).

Disebut: (فلانٌ بَدَعَ الشيءَ بَدْعاً، وابتدعه) iaitu menciptakan atau memulakan sesuatu yang baru.

Pengertiannya dari segi istilah: Mewujudkan sesuatu perkara yang tidak pernah wujud di zaman baginda Rasulullah ﷺ atau kewujudan sesuatu yang baharudalam agama setelah mana ia telah sempurna.

Digunakan juga kalimah ini untuk makna yang berlawan dengan *al-Sunnah*. Dalam keadaan ini, setiap perkara yang diwujudkan dalam Islam tanpa bersandarkan kepada *al-Sunnah*, maka akan diistilahkan sebagai '*bid'ah*'. Maksudnya, perkataan (*al-bid'ah*) akan digunapakai terhadap setiap penambahan atau pengurangan dalam agama yang mana *syāri* (Rasulullah) tidak pun memerintahnya.

Al-Imam al-Baihaqī telah meriwayatkan dalam kitab *Manāqib al-Syāfie* dengan sanad beliau daripada al-Imām al-Syāfie bahawa beliau telah berkata, "Perkara-perkara baharu dalam agama terbahagi kepada dua bahagian:

1. Perkara baharu yang bertentangan dengan *al-Quran, al-Hadith, Athār al-Sahābah* atau *al-Ijmā'*. Maka perkara baharu seperti ini adalah *al-Bid'ah al-Dalālah* (*bid'ah* yang sesat lagi terpesong).
2. Perkara baru yang berbentuk kebaikan yang mana tidak ada percanggahan pendapat di kalangan ulama tentangnya. Perkara-perkara baharu seperti ini tidak termasuk dalam kategori perkara baharu yang dicela. Sesungguhnya Sayyidunā Umar ibn al-Khattāb ﷺ telah berkata mengenai menghidupkan malam-malam Ramadhan: "نِعْمَتِ البدعةُ هذه" "Alangkah baiknya *bidaah* ini", yakni ia adalah satu perkara yang baharu yang tidak pernah wujud sebelum ini, namun ia tidak bertentangan dengan apa yang telah wujud sebelumnya.

Bidaah hakiki: البِدْعَةُ الْحَقِيْقِيَّة

Ia adalah sesuatu perkara baharu yang mana tidak terdapat baginya satu pun dalil syarie sama ada daripada *al-Quran, al-Hadith, Ijmā'* atau sebarang bentuk *istidlāl* (pengambilan dalil) yang muktabar di kalangan ulama, tidak secara khusus mahupun secara umum. (al – I'tisam, 1/194).

Al-Bid'ah Idāfiyyah: البِدْعَةُ الإِضَافِيَّــةُ

Ia adalah suatu perkara baharu yang mempunyai dua sudut yang berbeza:

1) Ia mempunyai dalil-dalil yang berkaitan dengannya. Maka ia dari sudut ini bukanlah *bidaah*.
2) Ia langsung tidak mempunyai sebarang dalil yang berkaitan dengannya, sama seperti *al-Bid'ah al-Haqiqiyyah*.

Yakni dari satu segi ia adalah sunnah, kerana ia bersandar kepada sesuatu dalil syarie. Akan tetapi dari satu segi yang lain pula ia adalah bidaah, kerana ia bersandar kepada sesuatu yang syubhah (tidak jelas, ada keraguan), tidak kepada dalil syar'i yang nyata atau kerana ianya langsung tidak mempunyai sebarang dalil sebagai sandaran.

Ia dinamakan "*Idāfiyyah*" kerana tidak wujud padanya salah satu daripada dua perkara secara seratus peratus iaitu sama ada percanggahan yang nyata (المخالفة الصريحة) atau kesesuaian yang nyata (الموافقة الصريحة). (al – i'tisam, 1/194).

Bidaah yang menfasikkan: البِدْعَةُ الْمُفَسِّقَةُ

Istilah ini kebiasaannya digunakan untuk bidaah-bidaah yang berkaitan dengan aqidah, seperti aqidah-aqidah golongan Rawāfid yang tidak melampau, *Muktazilah, Khawārij, Murji'ah, Qadariyyah* dan selain daripada mereka di kalangan golongan-golongan yang sesat lagi menyesatkan.

Bidaah yang mengkafirkan: البِدْعَةُ الْمُكَفِّرَةُ

Ia adalah bidaah yang berbentuk mengingkari mana-mana rukun daripada rukun-rukun agama Islam atau menyifatkan Allah ﷻ dengan sifat-sifat yang tidak sesuai bagiNya seperti mendakwa adanya jasad bagi Allah ﷻ atau menyamakan Allah ﷻ dengan mana-mana makhluk.

Contohnya: Kenyataan para pelampau di kalangan golongan Rawāfid bahawa wujudnya penyatuan sifat ketuhanan pada diri Sayyidunā 'Alī ﷺ atau selain daripada beliau dan keyakinan mereka bahawa 'Alī ﷺ akan kembali ke dunia sebelum berlakunya hari kiamat atau telah berlakunya pemesongan dalam al-Quran dan sebagainya.

Ganti: البَدَلُ

Badal adalah salah satu daripada bahagian-bahagian Sanad 'Alī. Ianya bermaksud sampainya sanad seseorang *muhaddith* kepada syeikh kepada syeikh seseorang pengarang (شيخ شيخ المصنّف) dengan sanad yang lebih pendek (kurang bilangan perawi yang menjadi perantaraan) berbanding sanad *musannif* tersebut.

Contohnya:

Sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī, contohnya daripada al-Humaidī daripada Ibnu 'Uyainah. Maka datang seorang *mukharrij* (seseorang yang mengeluarkan sanad hadis) lalu beliau meriwayatkan hadis tersebut melalui *tariq* (sanad) al-'Aufā daripada Ibnu 'Uyainah.

Dalam contoh di atas, syeikh kepada musannif (al-Imām al-Bukhārī), iaitu al-Humaidī telah ditukar dengan perawi yang lain (*al-'Aufa*). Oleh sebab itu, ia dipanggil "al-Badal" yang bermakna pertukaran. Perkara seperti ini juga dinamakan muwāfaqah (موافقة) akan tetapi ia didatangkan beserta dengan *qaid* (bersyarat).

Aturcara: البَرْنَامِجُ

Dari segi bahasa: (بَرْنامج) jamaknya ialah (برامج) maknanya: aturcara; garis panduan yang ditetapkan untuk sesuatu maksud.

Dari segi istilah: Ia ialah kitab yang mana pengarangnya telah menyebut dalamnya nama-nama masyaikh (guru-guru) beliau dan hadis-hadis yang beliau riwayatkan daripada mereka. Kitab tersebut disusun mengikut turutan

tarikh, atau bandar-bandar yang beliau telah berkelana ke sana untuk mengambil hadis, atau masyaikh yang dia telah meriwayatkan hadis daripadanya. Kitab-kitab jenis ini juga dipanggil *al-Fahrasah* (الفَهْرَسَة), *al-Mu'jam* (المُعْجَم), *al-Thabat* (الثَّبَت) dan *al-Masyyakhah* (المشْيَخَة). Sila lihat penerangan setiap satu daripadanya pada hurufnya.

Kitab-kitab *barnāmij* yang termasyhur.

1) *Barnāmij al-Hāfiz Ābu Bakr Muhammad ibn Khair al-Isybīlī* (wafat 575 H).
2) *Barnāmij al-Hāfiz Ābu al-Rabī' Sulaimān ibn Mūsā al-Kala'ī al-Gharnātī,* (wafat 634 H).
3) *Barnāmij al-Wadī Āshī* (dia ialah Muhammad ibn Jābir), (wafat 746 H).
4) *Barnāmij al-Muhaddith Abū al-Faid Muhammad ibn Muhammad Murtadā al-Balgerāmī al-Hindī,* yang terkenal dengan panggilan Murtadā al-Zabīdī (wafat 1205 H). Beliau adalah pengarang kitab *Tāj al-'Arūs* (تاج العروس).

Yang jauh sanadnya بَعِيْدُ الإسْنَادِ

Bermaksud perawi yang sanadnya panjang (ramai perawi antara dirinya dan Rasulullah ﷺ), dan tahap kedudukannya dalam sanad adalah jauh daripada baginda Rasulullah ﷺ.

Sampai: بَلاغاً

Menerangkan keadaan bagi sesuatu riwayat yang perawi telah meriwayatkannya daripada seseorang yang dia tidak dengar hadis daripadanya. Lihat (البلاَغات).

Balāghāt: البَلاغَات

Dari segi bahasa: (البلاَغات) jamak bagi (بَلاَغ) maknanya: sampai.

Dari segi istilah, ia adalah sanad-sanad hadis yang diriwayatkan dengan menggunakan perkataan yang terbit daripada kata terbitan *al-balāgh* (البلاغ).

Contohnya, seorang perawi berkata 'بَلَغَني عن النبيِّ صلّي الله عليه وسلّم كذا' tanpa mendatangkan sebarang sanad baginya.

Muhaddith yang terkenal dengan penggunaan istilah ini ialah al-Imām Mālik ibn Anas dalam kitab beliau *al-Muwatta'*.

Contohnya:

عن مالكٍ، أنه بَلَغَــهُ أنَّ رسول الله ﷺ قال: «اسْتقيموا، ولن تُحْصُوا، واعملوا، وخيرُ أعمالكم الصَّلاةُ، ولا يُحافِظ على الوُضُوء إلا مؤمِنٌ». (الموطأ، كتاب الطهارة، باب جامع الوضوء، رقم: 68).

Bala (musibah) pada hadis ini adalah daripada si polan: البَلاَءُ فِيْهِ مِنْ فُلانٍ

atau البَلِيَّةُ فيه من فلانٍ. Ini adalah antara ungkapan yang digunakan oleh sebahagian *muhaddithin* untuk perawi-perawi yang disyaki mereka hadis palsu. Oleh sebab itu, maka ungkapan-ungkapan seperti ini berada pada tahap kedudukan yang

kedua dalam carta kedudukan perkataan *jarh* (kritikan terhadap perawi) menurut al-Hāfiz al-Żahabī, al-'Irāqī dan al-Sakhāwī.
Istilah-istilah *muhaddithin* yang berada pada tahap kedudukan yang sama juga ialah sebagaimana di bawah:

1- فلانٌ له بَلاَيا

2- حَدَّث بنسخةٍ فيها بلاَيا

3- مِنْ بَلاَيا فُلاَنٍ كَذا

4- ومِنْ مَصَائِب فُلاَنٍ كَذا

5- له طامَّاتٌ

6- فيه طامَّات

7- له أوابدٌ

8- يأتي بالعَجَائب

Kesemua *ibarat-ibarat* (ungkapan-ungkapan) di atas bermaksud bahawa perawi meriwayatkan hadis-hadis *maudu'* dan hadis-hadis yang tidak berasas.

Bala-bala: البَلاَيا

Maksud para *muhaddithin* daripada perkataan ini ialah hadis-hadis palsu dan hadis-hadis dusta.
Ibnu al-'Arrāq berkata bahawa maksud kata-kata *muhaddithin*: (فلانٌ له بَلاَيا) atau (هذا الحديثُ مِنْ بَلاَيا فلانٍ) ialah *kinayah* (kiasan) kepada kepalsuan hadis.

Al-Buldāniyyāt: البُلْدَانِيَّات

Al-Buldāniyyāt ialah kitab-kitab yang menghimpunkan hadis-hadis yang beredar dalam sebuah negeri sahaja (iaitu kesemua perawinya adalah penduduk sebuah negeri yang sama).
Orang pertama yang bersungguh sungguh dalam menghasilkan kitab-kitab seperti ini ialah Abū Bakar 'Atīq ibn 'Alī ibn Dāud ibn al-Samantāri as-Siqlī, pelajar kepada al-Hāfiz Abū Nu'aim al-Asbahānī (wafat 464 H). (Sila lihat: الجواهر والدرر 1: 130-131).

Telah sampai kepada ku: بَلَغَنِي

Balaghani ialah satu *sighah ada'* (bentuk perkataan yang digunakan semasa menyampaikan hadis) yang digunakan oleh seorang perawi untuk meriwayatkan sesuatu hadis daripada seseorang yang dia tidak pernah mendengar sebarang hadis pun daripadanya, ataupun ungkapan ini digunakan untuk sebuah hadis yang perawinya tidak begitu yakin untuk menisbahkannya kepada orang yang dia meriwayatkan daripadanya.

Contohnya:
Seorang perawi menemui sebuah hadis dalam kitab karangan seorang syeikh. Akan tetapi dia tidak pasti bahawa ia adalah hasil tulisan yang ditulis oleh

syeikh itu sendiri atau tidak, maka perawi tadi akan berkata (ketika menyampaikan hadis tersebut) بلغني عن فلان

Telah sampai kepada ku daripada si polan: بَلَغَنِي عَنْ فُلَانٍ

Sila lihat pada (بَلَغَنِي).

Dengan lafaznya: بِلَفْظِهِ

Bi lafzihi maknanya ialah 'dengan lafaznya secara sempurna sehingga ke penghujungnya tanpa sebarang perubahan atau penukaran daripada pihak perawinya.

Ungkapan ini akan disebutkan selepas sanad sesuatu hadis disebut berserta dengan sebahagian daripada matan hadis, untuk mengisyaratkan kepada bahagian hadis yang telah tidak disebutkan dengan maksud untuk meringkaskan.

Begitu juga ungkapan ini digunakan oleh para perawi dan pengarang kitab hadis. Apabila mereka ingin meringkaskan matan sesuatu hadis ketika meriwayatkannya, maka mereka akan menyebut sebahagian daripada matan hadis sahaja. Memadai dengan hadis yang sama yang telah disebutkan sebelumnya secara sempurna.

Begitu juga para pentahkik dan pentakhrij hadis akan menggunakan perkataan ini untuk mengisyaratkan bahawa nas hadis yang terdapat pada sumber asal adalah sama dengan nas hadis yang di*takhrij*kan (dikeluarkan) sanadnya.

Bala (musibah): البَلِيَّة

Sila lihat pada (البَلاَء فيه من فلانٍ)

Bala adalah daripada si polan: البَلِيَّةُ فِيهِ مِنْ فُلَانٍ

Sila lihat pada (البَلاَء فيه من فلانٍ)

Dengan maknanya: بِمَعْنَاهُ

Bima'nāhu adalah satu ungkapan yang digunakan oleh perawi ketika meriwayatkan sesuatu hadis berserta sanadnya, kemudian dia mendatangkan satu sanad lain bagi satu matan hadis yang berbeza daripada matan hadis pertama dari segi lafaz, tetapi sama dari segi maknanya.

Al-Banādirah: البَنَادِرَة

Sila lihat pada (بُنْدار)

Hartawan: بُنْدَارٌ

Bundār ialah antara lafaz-lafaz *tawthiq* (pujian) yang jarang digunakan.

Dari segi bahasa: (بندار) jamaknya (بَنَادِرَة). Ialah nama bagi peniaga yang menyimpan barang-barang perniagaan untuk menunggu kenaikan harga barangan dan dinamakan juga bagi orang yang memiliki harta yang banyak. Ia merupakan lafaz yang berasal daripada bahasa '*ajam* kemudian digunakan dalam bahasa Arab. (Lihat *al-Ansāb* karangan al-Sam'āni 2/336).

Dari segi istilah pula, maka para *muhaddithin* menggunakannya dengan makna al-Hafiz dan al-Nāqid. (Lihat *Taj al-'Arus dan Siyar 'Alām al-Nubalā* 12/144).

Dan kata-kata *muhaddithin*: فلانٌ من بَنَادرة الحديث bermakna bahawa si polan itu di kalangan *huffāz al-hadīth* yang mantap lagi teliti pada hadisnya.

Dengannya: بِهِ

Bihi ialah ringkasan kepada perkataan perawi: كذا أورَده بالإسناد السَّالف ذِكرُه (Demikian juga perawi telah meriwayatkan dengan sanad yang telah disebutkan sebelum ini).

Kebatilan-kebatilan: البَوَاطِيْل

Al-Bawātīl ialah hadis-hadis *Maudū'* (palsu).

Lihat keterangan *al-Bātil* (الباطل)

Penerangan: بَيَان

Kalimah yang ditulis dalam kitab-kitab hadis yang terdahulu pada sebarang catatan yang dibuat untuk menerangkan makna sesuatu perkataan yang susah pada matan kitab tersebut. Perkataan ini ditulis supaya catatan tersebut tidak disangka sebagai satu penambahan terhadap matan asal-kitab tersebut.

Keterangan bagi sesuatu yang tidak diperincikan: بَيَانُ الْمُجْمَلِ

Penjelasan terperinci daripada al-Sunnah terhadap perkara *'ijmal'* (ketidakperincian) yang terdapat dalam al-Quran dalam menerangkan hukum-hakam ibadat, muamalat dan lain-lain.

Contohnya; perintah solat telah datang dalam al-Quran secara *mujmāl* (tidak terperinci), maka al-Sunnah telah menerangkan secara terperinci tentang bilangan rakaat dan cara untuk menunaikannya. Begitu juga zakat telah disebut secara *mujmal* dalam al-Quran, maka al-Sunnah telah memperincikan kadar sukatan dan timbangannya dan lain-lain.

Meninggalkan ruang kosong untuknya: بَيَّضَ لَهُ

Ungkapan ini banyak digunakan oleh al-Hāfiz al-Żahabī. Sebagai contoh beliau berkata, "ذكره ابنُ أبي حاتم وبَيَّض له" terjemahannya: Perawi ini telah disebut oleh Ibnu Abī Hātim dan beliau telah meninggalkan bayād بياض (ruangan kosong) baginya. Maksud beliau daripada perkataan ini ialah bahawa Ibnu Abī Hātim dalam kitab beliau الجَرْح والتعديل telah menyebut banyak nama perawi tanpa sebarang kritikan dan pujian. Beliau menulis nama tersebut supaya kitabnya mengandungi nama setiap perawi yang ada diriwayatkan daripadanya sebarang ilmu dengan harapan beliau akan menemui kritikan atau pujian mengenai mereka, maka beliau meninggalkan ruang kosong (*bayād*) dengan harapan beliau akan menemui sesuatu yang boleh diisi padanya selepas itu, akan tetapi beliau tidak menemuinya. (Lihat *al-Jarh wa al-Ta'dil'* 2/38).

Dengan keterangan ini jelaslah bahawa setiap perawi yang Ibnu Abu Hatim letakkan 'bayād' (ruangan kosong) baginya, maka dia adalah perawi *majhūl*

(tidak diketahui kedudukannya), walaupun dia di sisi ulama lain adalah perawi *ma'ruf* (dikenali).

Contohnya:

Iyyās ibn Nazīr al-Dabbī al-Kūfī.

Ibnu Abī Hātim telah menyebut namanya dan meletakkan '*bayād*' untuknya, maka dia adalah rawi *majhul*. Lihat *Mizān al-I'tidāl'* (1: 283) dan *al-Jarh wa al-Ta'dīl* (2: 282). Akan tetapi Ibnu Hibbān telah menyebut namanya di kalangan *thiqāt* (perawi yang boleh dipercayai) sebagaimana al-Hāfiz Ibnu Hajar telah menukilkan darinya (Ibnu Hibbān) dalam kitab *Tahżīb al-Tahżīb* (1: 391).



حرف التاء

HURUF TA

***Ta*:** ت

Ta adalah satu singkatan atau simbol bagi al-Imām al-Tirmiżī dalam kitab *Jāmi'* beliau, yang digunakan oleh al-Hāfiz al-Suyūtī dalam kitabnya *Jam'u al-Jawāmi'*.

Yakni huruf al-ta yang bertitik dua di atasnya.

Pengikut: التَّابِعُ

Sila lihat (المتابعة) pada huruf mim.

Pengikut bagi pengikut-pengikut: تَابِعُ الأَتْبَاع

Sila lihat (أَتْبَاع التَّابِعِيْن) pada huruf alif.

Pengikut Tabiin: تَابِعُ التَّابِعِيْن

Sila lihat (أتباع التَّابِعِيْن) pada huruf alif.

Telah mengikutinya oleh si polan: تَابَعَهُ فُلاَنٌ

Tāba'ahū fulān ertinya: Seorang perawi yang kedua hadisnya layak untuk di*takhrij*kan telah meriwayatkan hadis sebagaimana hadis perawi pertama. Maka perawi kedua tadi telah meriwayatkan hadis tersebut daripada syeikh perawi pertama dalam sanadnya ataupun daripada syeikh yang lebih atas daripada syeikh perawi pertama tadi.

Sila lihat (المتابع) dan (المتابعة) pada huruf mim.

Pengikut-pengikut: التَّابِعُوْنَ

Dari segi bahasa: (التَّابعون) jamak bagi (تَابِعِيٌّ) atau (تابِع) dan ia ialah *ism fāeil* daripada (تَبِعَه) yang bermakna berjalan mengikutinya atau berjalan di sampingnya lalu pergi bersamanya.

Dari segi istilah: Sesiapa yang pernah bertemu dengan seorang atau lebih daripada seorang para sahabat baginda Rasulullah ﷺ secara berhadapan dalam keadaan dia seorang yang beriman sehinggalah dia mati.

Sebahagian daripada tābiin yang unggul:

Di kalangan tabiin yang unggul, ada seramai tujuh orang ulama fiqah di Madīnah al-Munawwarah, yang digelar *al-fuqahā al-sab'ah* (الفقهاء السّبعة), mereka ialah:

1. Sa'īd ibn al-Musayyib (wafat 94 H).
2. 'Urwah ibn al-Zubair (wafat 94 H).
3. Abū Salamah ibn Abd al-Rahmān ibn Auf (wafat 94 H).

4. 'Ubaidullāh ibn 'Abdullāh ibn 'Utbah al-Huzalī (wafat pada tahun 98 H).
5. Khārijah ibn Zaid ibn Thābit (wafat 99 H).
6. al-Qāsim ibn Muhammad ibn Abū Bakr al-Siddīq (wafat 107 H).
7. Sulaimān ibn Yasār (Wafat 107 H).

Ada pendapat mengatakan termasuk di kalangan mereka juga:

1. Abū Bakr ibn 'Abd al-Rahmān ibn Hisyām al-Makhzūmī (wafat 94 H).
2. Sālim ibn 'Umar ibn al-Khattāb (wafat 106 H) ﷺ.

Tabiin yang terawal meninggal dunia.

Tabiin yang mula-mula meninggal dunia ialah Abū Zaid Ma'mar ibn Yazīd. Beliau telah dibunuh pada tahun 30H.

Tabiin yang terakhir meninggal dunia.

Tabiin yang terakhir sekali meninggal-dunia ialah Khalaf ibn Khalīfah. Beliau wafat pada tahun 180 H.

Tabiin yang paling afdal (utama).

Sesungguhnya para ulama telah bersepakat (ijma') bahawa tabiin yang paling afdal ialah Sa'id ibn al-Musayyib (wafat 94 H) yang telah digelar sebagai *Sayyid al-tābiīn* (penghulu para tabiin), dan juga Uwais al-Qarni yang disebut dalam hadis Nabi ﷺ sebagai *Khair al-tabiin* (sebaik-baik tabiin).

Pengikut: التَّابِعِيُّ

Sila lihat pada (التَّابِعُوْن)

Pengikut-pengikut wanita: التَّابِعِيَّات

Sila lihat pada lafaz (التابعيون) untuk definisi- takrif (التابعي) dari segi bahasa dan istilah.

Saya belum lagi mendapati sesiapa yang telah dapat menghitung bilangan para *tabi'iyyāt* secara tepat (sahih) berdasarkan pengetahuan saya yang lemah ini. Oleh sebab itu, di sini saya menyenaraikan wanita-wanita yang utama sahaja di kalangan para *tabi'iyyat* dan mereka ialah:

1. Ummu al-Dardā' al-Sughrā al-Dimasyqiyyah. Beliau wafat pada tahun 81 H.
2. 'Amrah bint 'Abd al-Rahmān. Beliau wafat pada tahun 98 H.
3. Hafsah bint Sīrīn. Beliau wafat selepas tahun 100 H.

RadiyaLlāhu 'Anhunna Ajma'īn.

Sejarah: التَّارِيْخُ

Sila lihat pada (تاريخ الرُّواة)

Sejarah para perawi: تَارِيْخُ الرُّوَاةِ

Dari segi bahasa: (التاريخُ) masdar bagi (أَرَّخ يؤرِّخ) maknanya adalah menetapkan tarikhnya. Dikatakan (فلانٌ أرَّخ الكتابَ، وأرَّخه وآرخَه) yakni menetapkan tarikhnya. (*al-Qāmūs al-Muhīt*).

Dari segi istilah: ialah pemberitahuan mengenai masa yang dengannya dapat dipelihara dengan tepat fakta-fakta yang berkaitan dengan kelahiran, kewafatan (kematian) dan termasuk juga apa sahaja peristiwa serta kejadian yang berlaku daripadanya terhasil perkara-perkara yang baik dan berfaedah seperti pujian atau kritikan terhadap para perawi.

Pengetahuan mengenai sejarah para perawi (*Tarikh al-Ruwāt*) akan memberi faedah kepada kita dalam banyak perkara. Antaranya kita akan dapat mengetahui bila berlakunya kelemahan pada ingatan seseorang perawi, kita juga akan dapat membezakan antara perawi-perawi yang ada persamaan pada nama, nasab mereka dan lain-lain.

Karangan–karangan yang termasyhur mengenainya:

Sesungguhnya para ulama hadis dan ahli sejarah Islam begitu mengambil berat untuk menyebut tentang tarikh kelahiran dan kewafatan para perawi dalam kitab-kitab *Tabaqāt* dan *Tarājim* mereka. Begitu juga dalam kitab-kitab tawarikh (sejarah) yang menghimpunkan fakta-fakta yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dan kewafatan para perawi. Adapun kitab yang secara khusus berkaitan dengan kelahiran para perawi hadis, maka saya tidak mengetahui bahawa ada kitab yang seumpamanya pernah ditulis. Ya, para ulama telah menulis banyak kitab yang secara khusus berkaitan dengan sejarah kewafatan para perawi dan dalam kitab-kitab tersebut, mereka juga telah berusaha untuk menyebut tentang sejarah kelahiran para perawi. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1- *Al-Tārīkh al-Kabīr*, karangan al-Imam Abū 'Abdullah Muhammad ibn Ismāīl al-Bukhārī (w.256 H).
2- *Al-Tārīkh*, karangan Abū Bakr ibn Ahmad ibn Khaithamah Zuhair ibn Harb al-Nasā'ī (w. 279 H).
3- *Masyāhīr 'Ūlamā' al-Amsār*, karangan Abū Hātim Muhammad ibn Hibbān al-Bustī (w. 354 H).

Sejarah kelahiran ulama dan kewafatan mereka: تَارِيخُ مَوْلِدِ الْعُلَمَاءِ وَوَفَيَاتِهِم

Ia merupakan satu bentuk pengarangan di kalangan para ulama hadis. Mereka amat mengambil berat tentang menyebut kelahiran para ulama dan kewafatan mereka dalamnya. Padanya terdapat banyak faedah seperti mengetahui *tabaqāt* (peringkat-peringkat) para perawi, pertemuan antara anak murid bersama guru-guru mereka, mengetahui perawi-perawi yang telah berlaku kelemahan pada ingatannya (*ikhtilat*), bila berlaku perkara tersebut kepadanya membezakan antara nama-nama, nasab-nasab (keturunan) atau selain daripadanya yang *mu'talif, mukhtalif, muttafiq* dan *muftariq*.

Karangan-karangan mengenainya.

Antara karangan-karangan yang termasyhur/tersohor:-

1. *Mu'jam al-Sahabah* karangan Abū al-Husain Abd al-Bāqī Bin Qoni' ibn Marzūq al-Baghdadī (wafat pada tahun 351 H). Beliau ialah orang yang pertama mengarang dalam bahagian ini. Beliau telah memulakan

kitabnya daripada peristiwa hijrah dan mengakhirinya dengan peristiwa tahun 346 H.

2. *Tarikh Wiladatul Ulama wa Wafayatihim*. Karangan Abū Sulaimān Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Ahmad ibn Zabr al-Rib'ī al-Dimasyqi (wafat pada tahun 379 H).
3. Kitab tersebut telah dilakukan lanjutan/sambungan (تذييل) oleh anak murid beliau al-Hāfiz Abū Muhammad Abdul Aziz ibn Ahmad al-Kattānī (wafat pada tahun 466 H). Beliau telah memulakan sambungannya tentang ulama-ulama tahun 338 H sehingga tahun 462 H.
4. Seterusnya telah diikuti oleh anak murid beliau al-Hāfiz Abū Muhammad Hibatullah al-Akfanī al-Hafiz (wafat pada tahun 524 H). Beliau telah meneruskan *tazyīl* (sambungan) ke atas sambungan yang telah dilakukan oleh gurunya, iaitu daripada tahun 463 H sehingga tahun 485 H.
5. Berikutnya ialah Syaraf al-Din Abu al-Hasan Alī ibn al-Mufaddal al-Maqdisī (wafat pada tahun 611 H). Beliau telah menamakan kitab beliau (*Wafayāt al-Naqalah*). Dalam kitab tersebut beliau telah meneruskannya sehingga kewafatan-kewafatan tahun 581 H.
6. Kemudian jejak langkahnya telah diikuti oleh anak murid beliau iaitu al-Hāfiz Zaki al-Din Abū Muhammad 'Abd al-'Azīm ibn 'Abd al-Qawī al-Munżirī (wafat 656 H) dengan sebuah kitab yang beliau telah namakannya (*al-Takmilah li Wafayāt al-Naqalah*). Ia merupakan satu sambungan dan lanjutan yang besar, penuh dengan penelitian yang terperinci serta berfaedah. Beliau telah bermula daripada kewafatan-kewafatan tahun 581 H dan berakhir pada tahun 642 H. Akan tetapi tidak terdapat dalam naskhah yang telah dicetak kewafatan-kewafatan yang berlaku pada tahun 581 H dan juga beberapa biodata ulama tahun 582 H.

Yang kesembilan: **التَّاسِعَةُ**

Ia merupakan istilah yang digunakan oleh al-Hāfiz Ibnu Hajar dalam kitab beliau (*Taqrib al-Tahzib*). Beliau kerapkali menggunakannya ketika menerangkan butir-butir peribadi seseorang perawi dalam kitab beliau. Beliau berkata: (*Min al-Tāsi'ah*) yang beliau maksudkan dengan lafaz tersebut ialah perawi daripada kalangan tabi` tabiin (pengikut *tabiin*) peringkat muda (*al-Tabaqat al-Sughrā*) .(sila lihat pendahuluan kitab *Taqrib al-Tahzib*).

Yang binasa: **تَالِفٌ:**

Dari segi bahasa: (تالفٌ) *isim fā'il* daripada (تَلِفَ يَتْلَفُ) maknanya adalah yang rosak atau binasa.

Dari segi Istilah: Digunakan kepada perawi yang sangat lemah (*da'īf*) dalam meriwayatkan hadis. Ia adalah antara lafaz-lafaz yang menjatuhkan kedudukan perawi (الجَرْح) (*al-Jarh*).

Al-Imām al-Suyūtī telah meletakkannya pada kedudukan keempat daripada beberapa kedudukan `*al-Jarh*` menurut beliau.

Hukumnya:

Hadis orang yang bersifat dengan sifat tersebut tidak boleh dibuat hujah (dalil).

التأليف **Penyusunan:**

(التأليف) adalah masdar (kata terbitan) bagi (أَلَّفَ يُؤَلِّفُ)

Ianya bermaksud menghasilkan sebuah kitab yang menghimpunkan maklumat-maklumat yang berselerakan di pelbagai tempat yang berjauhan dan mencampurkannya serta menghubungkannya antara satu sama lain sehingga ia menjadi satu.

Tetapi disyaratkan ia (susunan tersebut) mestilah tersusun cantik dan jelas maksudnya. Sepatutnya ia diolah bersesuaian dengan pengetahuan orang-orang di zaman tersebut dan mengikut tuntutan keperluan mereka.

تَبَعُ التَّابِعِيْن **Pengikut-pengikut tabiin:**

Sila lihat (أَتْبَاعُ التَّابِعِيْن) pada huruf alif.

التَّتَبُّعُ **Penelitian:**

Ia merupakan satu bentuk karangan di sisi para ulama hadis. Mereka kehendaki daripada karangan tersebut ialah `*al-Istidrak*` (pembaikian/pelengkapan) dan *al-Tatabbu'* (kajian/penelitian) terhadap pengarang yang beriltizam untuk mendatangkan hadis-hadis yang sahih. *Tatabbu'* yang termasyhur adalah *Tatabbu' al-Imām al-Dāraqutni* (wafat 385 H) terhadap *Sahīhain* (al-Bukhārī dan Muslim). Bilangan hadis yang dipertikaikan kesahihannya oleh beliau adalah 210 hadis, 80 hadis hanya dalam *Sahih al-Bukhārī*, 100 hadis hanya dalam *Sahih Muslim* dan 30 hadis lagi ada dalam al-Bukhārī dan Muslim kedua-duanya. al-Hāfiz Abū Mas'ud Ibrahim al-Dimasyqī telah menulis sebuah kitab sebagai jawapan terhadap al-Imām al-Dāraqutni dan beliau menamakan kitab tersebut: «جَوابات أبي مَسْعود الدِمَشقِي على استِدْراكاتِ الدَّارَقُطْنِي»

Al-Imām al-Nawawī juga telah membuat kajian dan penelitian terhadap komen-komen al-Imām al-Dāraqutni dan beliau telah memberi jawapan untuknya dalam kitab beliau *Syarah Muslim*.

Begitu juga al-Hāfiz ibn Hajar telah membuat kajian dan penelitian terhadap komen-komen al-Dāraqutnī terhadap hadis-hadis al-Bukhari dan beliau telah memberi jawapan untuk kebanyakan daripadanya dan meminta keuzuran daripada sebahagian yang lain.

التَّجَهُّمُ **Berfahaman Jahmiyyah:**

Sila lihat (الجَهْمِيَّة) pada huruf jim.

Mengelokkan: التَّحْوِيْدُ

Sila lihat pada (تجويد الإسناد)

Mengelokkan sanad: تَحْوِيْدُ الإِسْنَادِ

Dari segi bahasa: (التجويد) masdar bagi (جوَّد يجوِّد) maknanya adalah bercakap atau melakukan perbuatan dengan baik dan (جوَّد الشيءَ) bermakna menjadikannya baik dan bagus.

Maksud (التجويد) menurut ulama terdahulu ialah (تدليسَ التسوية)

Apabila mereka berkata (جَوَّده فلانٌ) maka maknanya ialah si polan perawi telah melakukan *Tadlīs al-Taswiah* iaitu beliau menyebutkan hanya perawi-perawi yang baik (*thiqah*) dan meninggalkan perawi-perawi yang lemah. (lihat *Fath al-Mughīth* 1: 182 dan *Tadrīb al-Rāwī* 1: 226).

Kadangkala, lafaz (جَوَّده فلانٌ) memberi makna si polan perawi mengklasifikasikan (mengelaskan) hadis ini sebagai hasan atau meriwayatkannya dengan cara periwayatan yang baik. Hujah bagi perkara ini ialah komentar al-Hāfiz Ya'qūb ibn Abī Syaibah: "Hadis ini baik dari segi rantaian sanad. Jika syeikh ini mencatatnya dengan lebih cermat, maka sesungguhnya beliau telah meriwayatkan hadis ini dengan cara periwayatan yang baik lagi bagus". (*Musnad Amīr al-Mukminīn 'Umar ibn al Khattāb*: 101-105).

Yang bertitik di bawah: التَّحْتِيَّةُ

Ia adalah sifat huruf apabila terdapat titik di bawahnya, seperti (الياء), yang disifatkan dengan perkataan (الياء التحتية). Maka untuk membezakannya daripada (الباء), disifatkan dengan (الْمُثَنَّاة), dan untuk membezakannya daripada (التَّاء) disifatkan dengan (التحتية).

Meriwayatkan hadis: التَّحْدِيْثُ

Dari segi bahasa: (التحديث) masdar (kata terbitan) bagi (حدَّث يحدِّث) maknanya ialah berbicara atau memberitahu.

Dari segi istilah: Perbuatan seorang syeikh menyampaikan hadis kepada pelajar-pelajarnya. Mereka berkata (فلانٌ صرَّح فيه بالتحديث) maknanya ialah si polan syeikh telah meriwayatkan hadis dengan lafaz (حَدَّثَنِي) atau (حَدَّثَنا). Maka ini adalah kenyataan jelas daripada beliau bahawa beliau telah berjumpa dan mendengar hadis daripadanya secara langsung.

Menyalin semula dengan kemas: التَّحْرِيْرُ

Dari segi bahasa: (التحرير) masdar bagi (حرَّر يحرِّر) maknanya ialah membaikpulih kitab dan mengelokkan tulisannya.

Dari segi istilah: Membaik pulih kitab dan memperkemaskannya dengan memperbetulkan huruf-hurufnya dan mengelokkannya dengan

menyempurnakan kalimah-kalimahnya yang gugur dan menulis *kinayah* (simbol) untuknya.
Seperti: Kitab *Tahrir 'Ulum al-Hadith* oleh al-Syeikh Abdullāh ibn Yūsuf al-Judai'.

Mengubah: التَّحْرِيْفُ

Dari segi bahasa: (التحريف) masdar bagi (حَرَّفَ يحرِّف) maknanya ialah mengubah atau menukarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain.
Dari segi istilah: Menyimpangkan, memalingkan dan memesongkan sesuatu daripada arahnya. Sebagai contoh, dikatakan: فلانٌ حَرَّف الكلامَ تحريفاً، Ia bermaksud bahawa si polan telah memesongkan percakapan daripada arah tuju (maksudnya) yang sebenar. Ianya berlaku kadangkala dengan melakukan penambahan atau pengurangan terhadap kalimah-kalimahnya, kadangkala dengan menukarkan sebahagian perkataannya dengan perkataan lain dan kadang-kala dengan memberikan makna yang tidak dimaksudkan daripadanya.
Contoh: Hadis bahawa Rasulullah ﷺ menegah daripada membuat *halaqah* (duduk secara bulatan) dalam masjid sebelum solat Jumaat. Maka sebahagian perawi telah menukar perkataan الحِلَق jamak kepada حلقة yang bermakna duduk secara bulatan kepada الحَلْق yang bermakna mencukur rambut kepala.

Al-Imām al-Khattābī berkata, "Sebahagian masyaikh kami telah berkata kepada ku, "Saya tidak pernah mencukur rambut ku sebelum solat Jumaat selama lebih kurang 40 tahun selepas saya mendengar hadis ini.". (*Islāh Akhtā' al-Muhaddithīn*: 12-13).

Kitab-kitab yang dikarang mengenainya:
Al-Dāraqutni, al-Khattābi, Ibn al-Jauzi dan selain mereka telah mengarang kitab mengenai perkara ini, kerana sesungguhnya ia adalah satu tajuk/topik yang sangat penting, ramai di kalangan para *huffāz* dan pengkritik ilmu hadis yang hebat-hebat telah terjatuh dalam kesilapan seperti ini. Oleh kerana itu, para *muhaddithin* mengambil berat tentang perkara ini dan mencatatkannya dengan teliti.
Sila lihat karangan-karangan mengenai topik ini pada takrif التصحيف.

Menggerakkan: التَّحْرِيْكُ

Dari segi bahasa: (التحريك) masdar bagi (حرَّك يحرِّك) maknanya adalah menggerakkan sesuatu dan ia adalah perkataan lawan (antonim) bagi (التسكين).
Dari segi istilah: Menjadikan sesuatu huruf itu berbaris sama ada فتحةٌ (*fathah*), ضمَّةٌ (*dammah*) atau كسرةٌ (*kasrah*).

Menggerakkan kepala: تَحْرِيكُ الرَّأس

Al-Tahrīk (التحريك) dari segi bahasa telah diterangkan pada tempatnya.
Makna dari segi istilah: Ia adalah isyarat bahawa perawi yang diisyaratkan tentangnya adalah seorang yang tidak diambil hadis daripadanya atau bahawa

perawi itu adalah lemah dan bahawa dia adalah seorang perawi yang dibiarkan, tidak diriwayatkan hadis daripadanya, tetapi dia bukanlah seorang pendusta.

Contoh:

Misal perawi yang para pengkritik menggelengkan kepala ketika namanya disebut:

1. Suwaid ibn Said ibn Sahl al-Harawī Abū Muhammad al-Hadaśānī al-Anbāri.
   Al-Khatīb al-Baghdādī meriwayatkan dengan sanadnya daripada'Abd Allah ibn 'Alī ibn al-Madīnī bahawasanya beliau berkata, "Bapa ku ditanya mengenai Suwaid ibn Said, lalu beliau menggelengkan kepalanya dan berkata, "Dia adalah perawi yang tidak ada nilai apa-apa."
2. Al-Qāsim ibn 'Auf al-Syaibānī al-Bakrī al-Kūfī.
   Ibnu al-Madīnī berkata, "Kami telah menyebut tentangnya kepada Yahya al-Qattan, maka katanya, "Syu'bah berkata, " saya telah menjumpainya." Lalu Yahya al-Qattan telah menggelengkan kepalanya." Saya bertanya kepada Yahya, "Bagaimana keadaannya?" Maka Yahya cuba mengelak. saya bertanya lagi, adakah Syu'bah telah menganggapnya lemah dalam meriwayatkan hadis? Yahya al-Qattan berkata, "Kalaulah Syu'bah tidak menganggapnya lemah, nescaya beliau akan meriwayatkan hadis daripadanya".

Menggerakkan tangan: تَحْرِيكُ الْيَدِ

Al- Tahrīk (التحريك) dari segi bahasa Arab telah diterangkan pada tempatnya.

Makna istilah: Ia adalah satu bentuk isyarat yang digunakan untuk memberitahu tentang kedaifan seseorang perawi. Para ulama hadis yang bercakap tentang *rijal* menggunakan cara (metode) ini dalam mengkritik perawi-perawi daif yang dikenali dengan sedikit kelebihan dan kewarakan. Ia merupakan satu bentuk kritikan yang paling bersopan, maka mereka tidak menyatakannya dengan pertuturan, hanya sekadar isyarat sahaja.

Contohnya:

Contoh perawi yang telah disifatkan secara demikian:

1) Zaid ibn Abī Unaisah, Abū Usāmah al-Ruhāwi (wafat 119 H).
   Al-Marwazi berkata, "Saya bertanya al-Imām Ahmad mengenainya, lalu beliau menggerak-gerakkan tangannya sambil berkata, "Beliau baik, tetapi tidak berapa kuat.". (Tahżīb al-Tahżīb 1: 659).
2) Sa'id ibn Sinān, Abū Mahdī al-Hanafī dan dipanggil al-Kindī al-Himsi.
   Ibn Abī Hātim berkata, "Saya telah bertanya Abū Zur'ah mengenainya, lalu beliau telah mengisyaratkan dengan tangan bahawa dia (Sa'īd ibn Sinān) adalah perawi yang lemah".

Mengesahkan: التَّحْقِيْقُ

Dari segi bahasa: (التحقيق) masdar bagi (حقّق يحقّق) maknanya ialah mengesahkan sesuatu atau menguatkan dan memantapkan sesuatu urusan.

Makna dari segi istilah: Menulis setiap huruf dengan nyata, elok dan jelas sehingga terserlah perbezaan setiap huruf daripada huruf-huruf yang lain.

Mentahkikkan hadis: تَحْقِيْقُ الْحَدِيْثِ

Al-Tahqīq dari segi bahasa Arab telah diterangkan pada tempatnya.

Makna (تحقيق الحديث) dari segi istilah: Mengetahui dengan terperinci perkara-perkara yang berkaitan dengan sesuatu hadis, seperti keadaan perawi dan riwayat, sumber asal hadis dan kedudukannya sama ada sahih atau da'if dengan cara menghimpunkan segala *turuq* sanadnya dan ulasan-ulasan ulama mengenainya.

Mentahkikkan tulisan: تَحْقِيْقُ الْخَطِّ

Sila lihat pada (التحقيق)

Menerima: التَّحَمُّلُ

Sila lihat pada (تَحمُّلُ الْحَدِيْثِ)

Menerima hadis: تَحَمُّلُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa: (التحمُّل) masdar bagi (تَحمَّلَ يَتَحَمَّلُ) maknanya ialah bersikap tabah dan sabar, memikul beban.

Maknanya dari segi istilah: Perbuatan seseorang pelajar mengambil hadis dan menerimanya daripada seseorang syeikh dengan salah satu daripada cara-cara penerimaan hadis seperti berikut:

1- القراءة على الشيخ (*Al-Qirā'ah 'alā al-Syeikh*).
2- السماع من لفظ الشيخ (*Al-Samā' min Lafz al-Syeikh*).
3- الإجازة (*Al-Ijāzah*).
4- الكتابة (*Al-Kitābah*).
5- الْمُناوَلة (*Al-Munāwalah*).
6- الإعلام (*Al-I'lām*).
7- الوِجَادة (*Al-Wijādah*).
8- الوصيَّة (*Al-Wasiyyah*)

Sila perhatikan takrif bagi setiap cara penerimaan hadis di atas pada huruf-hurufnya.

Memasamkan muka: تَحْمِيْضُ الْوَجْهِ

Dari segi bahasa: (حَمَضَ يَحْمُضُ حَمْضاً) maknanya ialah membenci sesuatu dan jika dengan bertanda sabdu (*tasydid*) (حَمَّضَ تَحْمِيضاً), maknanya ialah menjadikan sesuatu masam yang menyengat.

Maknanya dari segi istilah: Mengerutkan wajah dan memasamkan muka sebagai tanda tidak suka. Ia merupakan satu cara untuk mencela kredibiliti (*jarh)* seseorang perawi dengan celaan yang keras.

Contoh:

Misal perawi yang telah disebutkan demikian tentangnya:

Al-Hāfiz Ibnu Hajar menyebut dalam biografi Maimūn Abu 'Abd Allah al-Basrī al-Kindī bahawa Ibnu al-Madīnī berkata, "Saya bertanya kepada Yahyā ibn Sa'id mengenai Maimūn al-Kindi maka beliau telah memasamkan wajahnya".

Membuat tanda kurungan: التحويق

Dari segi bahasa: Ianya diambil daripada perkataan (الحوق) maknanya ialah bingkai berbentuk bulat. (*Lisan al-'arab*)

Dari segi istilah: Membuat kurungan berbentuk separuh bulatan berwarna merah atau lain-lain di awal perkataan atau ayat yang ditambah dan di akhirnya, seperti ini (.....).

Memindahkan: التحويل

Dari segi bahasa: (التحويل) masdar bagi (حوّل يحوّل) maknanya ialah mengubah sesuatu atau memindahkannya dari satu tempat ke satu tempat atau mengembalikan sesuatu kepada sumber asalnya.

Dari segi istilah: Menulis huruf yang berupa "ح" (ha tanpa titik dan tidak bersambung). Para ulama hadis menulis huruf ini ketika berlakunya perpindahan daripada satu sanad kepada sanad yang lain, apabila sesuatu hadis itu mempunyai dua sanad atau lebih. Tulisan huruf ini adalah untuk menunjukkan perpindahan sanad tersebut. Menurut pendapat ibn al-Salah, cara terbaik untuk sesiapa yang bertemu dengan huruf seperti ini semasa membaca hadis ialah dia membacanya sepertimana tulisannya iaitu (حا) ha, kemudian dia menyambung bacaannya yang seterusnya tanpa perlu menyebut "*at-tahwīl*", "*al-hail*" atau "*al-Hadith* ". (*'Ulum al-Hadith:* 232).

Contoh:

Didatangkan di sini sanad satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī yang berlaku padanya *at-Tahwīl* sebagai contoh:

قال: «حدَّثَنَا مُحَمَّدُ بنُ سِنانٍ قالَ: حَدَّثَنا فُلَيْحٌ؛ ح: وحدَّثَني إبراهِيمُ ابنُ المُنْذِرِ قالَ: حَدَّثَنا مُحَمَّدُ بنُ فُلَيْحٍ قالَ: حدَّثَني أبي قال: حَدَّثَني هلالُ بنُ عَليٍّ عَن عَطاءِ بنِ يَسارٍ عَنْ أَبي هُرَيْرَةَ ﷺ قالَ:...

(*Sahīh al-Bukhārī*, kitab *al-'ilm*, bab mengenai seseorang yang ditanya mengenai sesuatu ilmu ketika ia sedang sibuk dalam perbincangan sesuatu masalah, no: 59).

Ta kha: تـــخ

Simbol kepada kitab "*Al-Tārikh al-Kabīr*" yang dikarang oleh al-Imām al-Bukhārī.

Tamat pengajian dengan si polan: تَخَرَّجَ بِفُلَانٍ

Memberi makna seseorang yang mendampingi gurunya dan belajar dengannya sehingga selesai menuntut daripadanya dan menjadi rujukan kepada pendapat gurunya. Kita akan sering mendapati dalam biografi-biografi para ulama kata-kata (وتخَرَّج بفلانٍ) sebagai satu pujian.

Contohnya:

1- Perkataan al-Hāfiz al-Żahabī dalam kitab beliau "*Tażkirat al-Huffāz*" (3: 952) dalam biografi Abū Bakr al-Ji'ābī (w. 355 H) "تخرَّج بأبي العباس ابن عُقدة".

2- Perkataan ini juga digunakan untuk pujian terhadap seseorang ulama yang diakui kehebatannya oleh ulama sezamannya seperti perkataan al-Hāfiz al-Żahabi dalam biografi Yahya al-Qattan (w. 198 H), " وتخرَّج به الحفَّاظُ". (lihat *Siyar A'lām al-Nubalā*: 9: 175).

3 -Perkataan al-Hāfiz al-Żahabī dalam kitab beliau "*Tazkirat al-Huffāz*" (4: 1484) dalam biografi Abū Ja'far ibn al-Zubair (w. 708 H) " وتخرَّج به الأصحابُ".

Mengeluarkan (hadis daripada sumbernya): التَّخْرِيجُ

Dari segi bahasa: (التخريج) masdar bagi (خرَّج يخرِّج) maknanya ialah mengeluarkan dan menzahirkan sesuatu.

Dari segi istilah: Menunjukkan tempat letak sesuatu hadis pada sumber-sumber (kitab-kitab) asalnya yang mengeluarkan hadis tersebut berserta dengan sanadnya, kemudian diterangkan kedudukan hadis itu sekiranya perlu.

Kitab-kitab *al-Takhrīj* yang paling masyhur:

1- تخريجُ أحاديث المهذَّب: لأبي إسحاق الشِّيرازي (*Takhrīj Ahādīth al-Muhażżab li Abī Ishāq al-Syīrāzī*) karangan Muhammad ibn Mūsā al-Hāzimī (w. 584 H).

2- تخريج أحاديث المختصر الكبير: لابن الحاجب (*Takhrīj Ahādīth al-Mukhtasar al-Kabīr li ibn al-Hājib*,) karangan Muhammad ibn Ahmad 'Abd al-Hādī al-Maqdisī (w. 744H)

3- نصب الراية لأحاديث الهداية للمَرْغِيْنَانِي (*Nasb ar-Rāyah li Ahādīth al-Hidāyah li al-Marghīnānī*) karangan 'Abd Allah ibn Yūsuf al-Zailā'ī (w. 762 H).

4- تخريج أحاديث الكشَّاف للزَّمَخْشَري (*Takhrīj Ahādīth al-Kasysyāf li al-Zamakhsyarī*) karangan al-Hāfiz al-Zailāiī juga.

5- البدر المنير في تخريج الأحاديث والآثار الواقعة في الشرح الكبير: للرَّافعي (*Al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Ahādīs wa al-Āśār al-Wāqi'ah fī al-Syarh al-Kabīr li al-Rāfi'ī,*) karangan 'Umar ibn 'Alī ibn al-Mulaqqīn (w. 804 H).

6- المغني عن حمل الأسفار في الأسفار في تخريج ما في الإحياء من الأخبار (*Al-Mughni 'an Haml al-Asfār fī al-Asfar fī Takhrīj mā fī al-Ihyā' min al-Akhbār* karangan al-Hāfiz Abd al-Rahīm ibn al-Husain al-Irāqī (w. 806 H).

7- التلخيص الحبير في تخريج أحاديث شرح الوجيز الكبير: للرافعي: (*Al-Talkhīs al-Habīr fī Takhrīj Ahādīth Syarh al-Wajīz al-Kabīr li al-Rāfi'ī*) karangan al-Hāfiz Ahmad ibn 'Alī ibn Hajar al-'Asqalānī (w. 852 H).

8- الدِّراية في تخريج أحاديث الهداية (*Al-Dirāyah fī Takhrīj Ahādīth al-Hidāyah*) yang dikarang oleh al-Hāfiz Ibn Hajar al-'Asqalānī juga.

Senarai yang disebutkan di atas adalah merupakan sebahagian daripada kitab-kitab yang paling masyhur dalam men*takhrij*kan hadis-hadis daripada kitab-kitab yang masyhur, sementara al-'Allamah al-Kattāni ada menyebutkan 40 buah kitab *takhrij* dalam kitab beliau "*Al-Risalah al-Mustatrafah*". (m.s. 185-191) yang boleh dirujuk jika dikehendaki.

Mengeluarkan hasyiah: تَخْرِيْجُ الحاشِيَةِ

Satu cara menulis catatan atau nota pada sesebuah kitab.

Mengeluarkan hadis (daripada sumbernya): تَخْرِيْجُ الْحَدِيْثِ

Penjelasan mengenai sumber (kitab) asal sesuatu hadis yang dalamnya diriwayatkan hadis itu berserta sanadnya. Lihat "التخريج".

Mengeluarkan hasyiah-hasyiah: تَخْرِيْجُ الْحَوَاشِي

Sila lihat pada (تَخْرِيْجُ الحاشِيَةِ).

Mengeluarkan yang gugur: تَخْرِيْجُ السَّاقِطِ

Menulis kembali apa-apa yang telah gugur daripada kitab asal, sama ada ianya ditulis kembali walaupun pada *hāsyiah* (catatan tepi), atau di antara baris tulisan kitab asal. Perbuatan ini juga dinamakan "*al-lahq*" (اللحق). Lihat takrifnya pada huruf "اللاّم".

Mencampuradukkan: التَّخْلِيْطُ

Dari segi bahasa: (التخليط) masdar bagi (خلّط يخلّط) maknanya ialah merosakkan.

Dari segi istilah: Mendatangkan sanad atau matan sesuatu hadis bukan dalam bentuk asalnya sama ada dengan mendahulukan, mengemudiankan, menambahkan, mengurangkan atau seumpamanya.

Perbezaan antara الاختلاط (*al-Ikhtilāt*) dan التخليطِ (*al-Takhlīt*):

Al-Ikhtilāt ialah sesuatu yang berlaku pada diri seseorang perawi, iaitu rosak atau terjejasnya akal fikirannya (seperti nyanyuk). Perkara ini menyebabkan terjadinya kerosakan dan campuraduk pada riwayatnya.

Sementara "*al-Takhlīt*" pula ialah sesuatu yang boleh juga berlaku dari seseorang perawi yang mempunyai akal fikiran yang sejahtera daripada sebarang kerosakan dan ianya berpunca daripada sikap tidak berhati-hati dan *tidak teliti semasa meriwayatkan hadis. Maka antara kedua-dua perkara ini ada* umum dan khusus mutlak kerana setiap *mukhtalit* (perawi yang mempunyai sifat *al-ikhtilāt*) adalah *mukhallit* (perawi yang melakukan *al-takhlīt*) tetapi tidak sebaliknya.

Teliti pada tulisan: التدقيقُ في الخطِّ

Dari segi bahasa: (التدقيق) masdar bagi (دقّق يدقّق) maknanya ialah memerhatikan sesuatu dengan teliti.

Dari segi istilah: Penulisan hadis dengan teliti sehingga tidak melakukan sebarang kesalahan padanya.

Menyembunyikan keaiban: التدليسُ

Dari segi bahasa: (التدليس) masdar bagi (دلّس يدلّس) maknanya ialah menyembunyikan kecacatan.

Dikatakan (فلانٌ دَلّس في البيع، وفي كل شيءٍ) apabila dia tidak menjelaskan keaibannya.

Dari segi istilah: Menyembunyikan kecacatan yang ada pada sesuatu sanad dan menampakkannya indah pada luarannya.

Jenis-jenis *al-Tadlīs*:

1- تدليس الاستدراك (*Tadlīs al-Istidrāk*).
2- تدليس الإسناد (*Tadlīs al-Isnād*).
3- تدليس البلاد (*Tadlīs al-Bilād*).
4- تدليس التسوية (*Tadlīs al-Taswiyah*).
5- تدليس السكوت (*Tadlīs al-Sukut*).
6- تدليس الشيوخ (*Tadlīs al-Syuyūkh*).
7- تدليس الصِّيَغ (*Tadlīs al-Siyagh*).
8- تدليس العطف (*Tadlīs al-'Atf*).
9- تدليس القطع (*Tadlīs al-Qat'*).

Sila lihat takrif setiap satu daripada bahagian-bahagian tersebut pada hurufnya.

Menyembunyikan aib secara *istidrak:* تَدْلِيسُ الاسْتِدْرَاكِ

Al-Tadlīs (التدليس) dari segi bahasa telah diterangkan dahulu dan (الاستدراك) dari segi bahasa ialah cuba mendapatkan kembali sesuatu yang telah luput.

Dari segi istilah: Seseorang perawi berkata: "Bukan si polan yang telah membacakan hadis kepada kami, akan tetapi si polan" dengan tujuan untuk mengelirukan bahawa dia memang mendengar hadis itu daripadanya.

Contoh:

Perkataan yang dinukilkan daripada Abū Ishāq al-Sabī'ī: "Bukan Abū 'Ubaidah yang telah membacakan hadis kepada kami, akan tetapi 'Abd al-Rahman daripada bapa beliau". (*Ma'rifat 'Ulūm al-Hadīth*: 109).

Perkataan beliau ini untuk mengelirukan bahawa beliau memang mendengar hadis ini daripada 'Abd al-Rahman, dan beliau tidak mengatakan: "'Abd al-Rahmanlah yang telah membacakan hadis kepada kami".

Hukum *Tadlīs al-Istidrak*:

Adalah makruh.

Tadlis pada Isnad: تَدْلِيسُ الإِسْنَادِ

Al-Tadlīs (التدليس) dan *al-Isnād* (الإسناد) dari segi bahasa telah berlalu pada tempatnya.

Dari segi istilah:

Perbuatan seorang perawi meriwayatkan hadis yang dia tidak pernah dengar daripada gurunya, dan dia pernah mendengar daripada guru tersebut hadis-hadis yang lain, tanpa dia menyebutkan secara jelas bahawa dia memang pernah mendengar hadis itu daripada gurunya. (*Al-Taqyīd wa al-Īdāh*, m.s. 97).

Contoh:

Riwayat yang disebutkan oleh al-Khatīb al-Baghdadī daripada 'Alī ibn Khasyram, kata beliau: "Kami berada dalam majlis pengajian Sufyan ibn 'Uyainah, lalu beliau berkata, "Al-Zuhrī". Maka beliau ditanya: "Al-Zuhrī telah membacakan hadis ini kepada tuan?" Beliau diam, kemudian beliau berkata lagi: "Al-Zuhrī," lalu beliau ditanya: "Adakah tuan sendiri mendengarnya daripada al-Zuhrī?" Beliau menjawab: "Tidak, saya tidak pernah mendengarnya daripada al-Zuhrī dan tidak juga daripada orang yang pernah mendengarnya daripada Al-Zuhrī, tetapi Abd al-Razzaq yang telah memperdengarkan hadis ini kepada saya daripada Ma'mar daripada al-Zuhrī". (*Al-Kifāyah*: 512).

Hukumnya:

Perbuatan ini amat tidak disukai, kebanyakan ulama telah mencelanya dan al-Imām Syu'bah ibn al-Hajjāj adalah antara ulama yang paling keras mencela perbuatan ini. Beliau pernah berkata: "*Tadlīs* adalah saudara kepada pembohongan," yakni sama dengan pembohongan.

***Tadlis* pada negeri (tempat):** تَدْلِيسُ الْبِلَادِ

Al-Tadlīs (التدليس) dari segi bahasa telah berlalu keterangannya pada tempatnya.

(البلاد) *Al-Bilād* mufradnya (بلد) *balad,* maknanya negeri.

Dari segi istilah: Ianya adalah seperti seorang daripada Mesir berkata: "Si polan telah menyampaikan sebuah hadis kepada ku di *Andalus*," sedangkan dia (orang Mesir itu) maksudkan sebuah tempat di Qarafah (nama sebuah tempat di Mesir). Ataupun dia berkata: "Di *Ziqāq Halab*"(nama tempat di Syam) sedangkan dia maksudkan sebuah tempat di Kaherah.

Ataupun seorang daripada Baghdad berkata: "Si polan telah menyampaikan hadis ini kepada ku di *Ma Wara' al-Nahar* (negeri seberang sungai)" (masyhurnya sungai *Jaihūn* di Khurāsān) sedangkan dia maksudkan sungai itu ialah sungai Dijlah. Ataupun dia berkata: "...di Raqqah" sedangkan dia maksudkan sebuah kebun di tebing sungai Dijlah.

Ataupun seorang daripada *Dimasyq* berkata: "Si polan telah menyampaikan hadis kepada saya di Karak" dan dia maksudkan dengan Karak itu ialah Karak Nuh dan ianya berhampiran dengan *Dimasyq*. (*al-Nukat*: 2/651).

Hukumnya:

Tadlīs al-Bilād boleh menimbulkan sangkaan bahawa si pelakunya telah melakukan perjalanan (ke negeri yang disebutkan) untuk menuntut ilmu hadis. Oleh kerana itu, al-Hāfiz Ibn Hajar tidak menyukainya. Beliau berkata dalam kitab al-Nukat: Hukumnya ialah *karāhah* (dibenci,tidak disukai) kerana ia termasuk dalam jenis "*tasyabbu*'" (pura-pura kenyang) dan menimbulkan salah sangka bahawa telah berlakunya *rihlah* (perjalanan) untuk menuntut ilmu hadis (ke negeri yang disebutkan). Cuma sekiranya terdapat "*qarīnah*"(petunjuk) yang menunjukkan bahawa perbuatan tersebut bukanlah untuk memperbanyakkan (riwayat) maka tiada karāhah baginya.

Tadlis pada negeri (tempat): تَدْلِيسُ الْبُلْدَانِ

Sila lihat pada (تدليس البلاد)

Tadlis secara meluruskan (menyamakan): تَدْلِيسُ التَّسْوِيَةِ

Dari segi bahasa: *Al Tadlīs* (التدليس) telah berlalu pada tempatnya. Adapun *al-Taswiyah* (التسوية) maka ia adalah masdar bagi (سوَّى يسوِّي), maknanya ialah menyamakan dan meluruskan sesuatu.

Dari segi istilah: Seorang perawi hadis sama ada seorang *mudallis* atau tidak, mengambil mana-mana hadis yang telah didengarinya daripada seorang syeikh dan syeikh tersebut telah mendengarnya daripada seorang syeikh yang telah mendengarnya daripada syeikh yang lain, lalu perawi ini telah menggugurkan mana-mana perantara dengan menggunakan lafaz yang mengandungi kemungkinan (bahawa ia diriwayatkan terus daripada syeikh kepada perantara yang digugurkan itu). Maka sanad hadis itu menjadi 'ali (tinggi) sedangkan pada hakikatnya ia adalah nazil (rendah). (*al-Nukat*: 2: 621).

Contohnya:

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Husyaim daripada Yahya ibn Sa'id al-Ansārī daripada al-Zuhrī daripada 'Abd Allah ibn al-Hanafiyyah daripada ayahnya daripada 'Ali ﷺ mengenai pengharaman daging keldai peliharaan. (Hadis riwayat al-Tirmizi, no. 1794).

Al-Hāfiz Ibn Hajar berkata, mereka berkata: "Yahya ibn Sa'id tidak mendengar hadis daripada al-Zuhrī. Sebenarnya beliau mengambilnya daripada Malik daripada al-Zuhrī." Demikianlah ia yang diriwayatkan oleh Abd al-Wahhāb al-Thaqafī, Hammād ibn Zaid dan ramai lagi iaitu daripada Yahya ibn Sa'id daripada al-Imām Mālik. Maka Husyaim telah menggugurkan al-Imām Mālik daripada rantaian sanadnya dan menjadikan hadis ini diriwayatkan daripada Yahya ibn Sa'id daripada al-Zuhrī. Yahya juga ada mendengar hadis daripada al-Zuhrī. Maka tiada penolakan terhadap periwayatannya daripada al-Zuhrī, cuma di sini Husyaim telah melakukan "*Tadlīs al-Isnād*" terhadap sanad ini.". (*al-Nukat*: 2: 621).

Tadlīs al-Taswiyah juga telah dinamakan oleh *qudamā* (ulama terdahulu) sebagai "تجويد" maka mereka berkata, "جَوَّده فلان" yakni si polan telah

menyebutkan hanya perawi-perawi yang baik (*thiqah*) sahaja dalam sanadnya dan menggugurkan yang lain.

Hukumnya:

Tadlīs al-Taswiyah adalah jenis tadlīs yang terburuk dan ianya sangat dicela kerana mengandungi penipuan yang menutup keadaan hadis yang lemah serta menyebabkan kesamaran kepada orang orang yang ingin menjadikannya sebagai hujah. (*Jami' al-Tahsīl* karangan al-'Alā'ī: 102-104).

Tadlis secara diam: تَدْلِيسُ السُّكُوْتِ

Dari segi bahasa: *Al-tadlīs* (التدليس) telah berlalu pada tempatnya, dan *al-Sukūt* (السكوت) bermakna diam atau senyap.

Dari segi istilah: Bahawasanya seorang *mudallis* berkata, "حَدَّثنا" kemudian dia diam sebentar kemudian dia berkata "فلانٌ". Dengan cara ini *mudallis* tersebut telah menggugurkan syeikhnya yang dia telah menjelaskan bahawa dia mendengar hadis daripadanya, dan dia telah diam daripada menyebut namanya. Seolah-olah dia memperdengarkan daripada pihaknya (*mudallis*) lafaz حَدَّثنا dan dia menyebut secara perlahan nama syeikh yang dia mengambil hadis daripadanya ketika dia diam, kemudian dia menyebut syeikh kepada syeikh atau perawi yang selepas daripada syeikh kepada syeikh.

Misalnya:

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Adī daripada 'Umar ibn 'Ubaid al-Tanāfisī, bahawa beliau berkata "حَدَّثَنَا" kemudian beliau diam, dengan niat memutuskan (kata-katanya) kemudian beliau berkata " هِشَام بن عُرْوَة، عن أبيه عن عائشة". (*Nukat*: 2: 617).

Hukumnya:

Makruh.

***Tadlis* pada pendengaran:** تَدْلِيسُ السَّمَاعِ

Takrif (التدليس) telah berlalu pada tempatnya.

Dari segi bahasa: (السَّماع) bermakna mendengar. Dari segi istilah: *Al-'Alā'ī* telah menyebutkannya dalam kitab "جامع التحصيل" (1: 102) dan telah memecahkannya kepada dua bahagian. Yang beliau maksudkan dengan bahagian yang pertama ialah "تدليسَ الإسناد" dan bahagian kedua ialah "تدليسَ التسوية ". (Sila lihat takrif setiap satu daripada kedua-dua bahagian ini di tempatnya.).

***Tadlis* pada syeikh-syeikh:** تَدْلِيسُ الشُّيُوْخِ

Takrif (التدليس) telah berlalu pada tempatnya.

Dari segi bahasa: (الشيوخ), mufradnya (شيخ), maknanya ialah orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan, keutamaan atau kepimpinan.

Dari segi istilah: Bahawa seorang perawi mudallis meriwayatkan daripada syeikhnya sebuah hadis yang dia mendengarnya daripadanya lalu dia menyebut syeikhnya dengan nama, kunyah, nasab atau sifat yang tidak dikenali supaya syeikhnya itu tidak dikenali. *(Ulūm al-Hadīth*: 74).

Contohnya:

Ibn al-Salāh telah mendatangkan contoh untuk bahagian ini dalam kitabnya "المقدمة" (m.s. 74) dengan kata-katanya: "Misalnya hadis yang diriwayatkan kepada kami daripada Abū Bakr ibn Mujāhid al-Imam al-Muqrī' bahawa beliau meriwayatkan daripada Abū Bakr 'Abd Allah ibn Abū Dāud al-Sijistānī, maka beliau berkata: "حَدَّثنا عبدُ الله بن أبي عبد الله".

Perbezaan Antara *Tadlīs al-Isnād* dan *Tadlīs al-Syuyukh*

Beza antara kedua-dua bahagian ini adalah seperti berikut:

1. *Tadlīs al-Isnād:*

   Padanya berlaku pengguguran nama syeikh yang perawi itu mendengar daripadanya ataupun syeikh yang syeikhnya mendengar hadis daripadanya.

2. *Tadlīs al-Syuyukh:*

   Tidak berlaku sebarang pengguguran sama ada syeikh atau perawi lain daripada rantaian sanad tetapi dia menyebut syeikhnya dengan nama, sifat, *kunyah* atau nasab yang syeikhnya tidak dikenali dengannya atau dikenali, akan tetapi dia tidak masyhur dengannya supaya syeikhnya tidak dikenali.

Hukumnya:

Ia adalah makruh, kerana perawi menyebut syeikhnya dengan sesuatu yang dia tidak dikenali dengannya. Maka dia telah menyebabkan syeikhnya tidak dikenali, mungkin ada sesiapa yang mengkajinya tetapi tidak dapat mengenalinya dan ia juga makruh kerana ia menyebabkan hadis yang diriwayatkan daripadanya disia-siakan.

Tadlis* pada *sighah: تَدْلِيسُ الصِّيَغِ

Takrif (التدليس) telah diterangkan dahulu.

Dari segi bahasa: (الصِّيَغ), mufradnya (صيغة), maknanya ialah bentuk perkataan yang terhasil dari susunan huruf dan baris-barisnya.

Dari segi istilah: Perawi mudallis menggunakan *sighah adā'* (perkataan yang digunakan semasa menyampaikan hadis) tidak sepertimana yang disepakati oleh ahli istilah.

Contohnya:

Perawi menggunakan sīghah ikhbār "إخبار" untuk riwayat yang diterima secara ijāzah "إجازة" ataupun menggunakan *sīghah tahdīs* "تحديث" untuk riwayat yang diterima secara wijādah "وجادة" ataupun riwayat yang tidak didengarinya langsung. *(Fath al-Mughith 1/212).*

Hukumnya:
Makruh kerana ianya menimbulkan salah faham dan kesamaran.

Tadlis* pada *'ataf: تَدْلِيسُ الْعَطْفِ

Takrif (التدليس) telah diterangkan dahulu.

Dari segi bahasa: (العَطْف) ialah menukarkan sesuatu kepada yang lain.

Dari segi istilah: Perawi menyatakan secara jelas bahawa dia telah mendengar sebuah hadis daripada salah seorang syeikhnya dengan menggunakan sīghah "حدّثنا" *haddathanā*, kemudian dia menyambungkan (*'atf*) nama syeikhnya yang pertama dengan nama syeikhnya yang lain sedangkan dia tidak mendengar hadis tersebut daripada syeikh yang kedua.

Contohnya:
Apa yang disebut oleh al-Hākim dalam kitab *Ma'rifat al-'Ulūm al-Hadīth*: "Antara perkara yang para ulama telah sampaikan kepada kami ialah satu kumpulan di kalangan pelajar-pelajar Husyaim telah bersepakat pada suatu hari untuk tidak mengambil hadis *mudallas* daripadanya. Husyaim telah menyedari perkara ini, maka dia berkata dalam setiap hadis yang diriwayatkannya, "Telah memperdengarkan kepada kami Husain dan Mughīrah daripada Ibrāhīm." Apabila selesai beliau berkata kepada mereka: "Adakah saya telah melakukan *tadlīs* kepada kamu pada hari ini?" Mereka menjawab: "Tidak!" Maka Husyaim berkata: "Saya tidak mendengar daripada Mughirah satu huruf pun daripada hadis yang saya perdengarkan. Saya hanya berkata, "Husain telah memperdengarkan kepada saya, manakala Mughirah saya tidak mendengar apa-apa daripadanya".

Hukumnya:
Ia adalah makruh.

***Tadlis* secara memotong:** تَدْلِيسُ الْقَطْعِ

Takrif (التدليس) telah diterangkan dahulu.

Dari segi bahasa: (القطع) ialah memotong, memutuskan.

Dari segi istilah: *Mudallis* tidak menggunakan *sighah* dan hanya menyebut nama perawi seperti: Al-Zuhrī daripada Anas.

Contohnya:
Al-Khātib telah meriwayatkan daripada 'Alī ibn Khasyram, katanya: "Kami berada bersama Sufyan ibn 'Uyainah dalam majlisnya lalu beliau berkata: "Al-Zuhrī". Beliau ditanya: "Adakah al-Zuhrī telah memperdengarkan hadis kepada tuan?" Beliau diam. Kemudian beliau berkata lagi: "Al-Zuhrī." Beliau ditanya: "Adakah tuan mendengarnya daripada al-Zuhrī?" Beliau menjawab: "Tidak! Saya tidak mendengarnya daripada Al-Zuhri dan tidak juga daripada orang yang mendengarnya daripadanya, bahkan hadis ini disampaikan kepada saya oleh 'Abd al-Razzaq daripada Ma'mar daripada al-Zuhri". (*Al-Kifāyah*: 516).

Hukumnya:
Makruh.

***Tadlis* secara penggabungan:** تَدْلِيسُ الْمُتَابَعَةِ

Dari segi bahasa: (التدليس) sebagaimana yang telah berlalu pada tempatnya. (المتابعة) masdar (تابَعَ يُتابِع), maknanya ialah mengikuti, menuruti, mengikut dengan teliti.

Dari segi istilah: Perawi meriwayatkan suatu hadis daripada dua orang syeikh atau lebih dan antara riwayat syeikh-syeikhnya itu terdapat perbezaan sama ada pada lafaz (*matan*) atau pada sanad. Lalu perawi telah menggabungkan riwayat salah seorang syeikhnya dengan riwayat syeikh yang kedua tanpa mendedahkan perbezaan tersebut.

Hukumnya:

Tidak harus; kerana kemungkinan salah seorang daripada kedua-dua syeikh yang *mudallis* ini meriwayatkan hadis daripadanya adalah perawi yang lemah dan yang seorang lagi adalah *thiqah*, maka perawi tidak menyebut syeikhnya yang lemah dan hanya menyebut syeikhnya yang *thiqah*.

***Tadlis* pada matan:** تَدْلِيسُ الْمَتْنِ

Takrif (التدليس) telah diterangkan dahulu.

Dari segi bahasa: Telah berlalu takrif (التدليس) dari segi bahasa pada tempatnya. Dan (المَتْن) ialah ibarat asal kitab yang diulas dan dibuatkan catatan atau nota untuknya di bahagian bawah atau tepinya, jamaknya ialah (المتون).

Dari segi istilah: *Mudallis* mendahulukan atau mengemudiankan sesuatu lafaz dalam matan hadis sehingga mencacatkan maknanya. Menurut *muhaddithin,* ia juga dinamakan sebagai *al-Mudrij.*

Hukumnya: Apabila perawi sengaja melakukannya, maka ia adalah haram kerana ia menyelewengkan perkataan-perkataan daripada tempat asalnya. (lihat *Fath al-Mughīth*: 1: 229).

***Tadwīn* (membukukan):** التَّدْوِينُ

Sila lihat pada (تدوين الحديث).

Membukukan hadis: تَدْوِينُ الْحَدِيثِ

Dari segi bahasa: (التدوين) al-tadwīn adalah masdar (kata terbit) bagi (دوَّن يدوِّن). Maknanya membukukan sesuatu yang berselerak dan berasingan.

Dari segi istilah: Menghimpunkan hadis-hadis dan sunnah-sunnah dalam bentuk kitab mengikut salah satu daripada cara-cara/metode-metode mengarang sama ada mengikut bab-bab fiqah atau nama-nama sahabat atau mana-mana cara yang lain.

Antara karangan yang masyhur dalam topik ini:

1- تدوين الحديث (*Tadwīn al-Hadīth*), tulisan al-'Allāmah Manazir Ahsan al-Kilānī telah dialih bahasa daripada tulisan asal berbahasa Urdu kepada bahasa Arab oleh Dr. 'Abd al-Razzaq al-Iskandārī.

2- السَّيْر الحثيث في تاريخ تدوين الحديث (*Al-Sair al-Hathīth fī Tārīkh Tadwīn al-Hadīth*), tulisan al-Ustāż Muhammad Zubair al-Siddīqī al-Hindī.

3- السنة قبل التدوين (*Al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*), tulisan Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatīb.

Membukukan sunnah: تَدْوِيْنُ السُّنَّةِ

Sila lihat تَدْوِيْنُ الحديث

Ta ra: تـــر

Simbol (kod) untuk hadis riwayat al-Imām al-Tirmizī dalam kitab *al-Jāmi'* beliau yang digunakan oleh setengah pengkaji hadis.

Biodata-biodata: التَّراجِمُ

Yang dimaksudkan dengan perkataan ini ialah kitab-kitab tentang biodata para perawi.

Sila lihat "علم الرِّجَال" pada huruf "العين".

Tajuk-tajuk bab: تَرَاجِمُ الأَبْوَابِ

Yang dimaksudkan dengan "التَّراجِم" ialah tajuk-tajuk bab dan perkataan-perkataan pendahuluan yang berfungsi seperti mukadimah dan pendahuluan kepada hadis-hadis yang didatangkan dalam bab tersebut.

Sila lihat الترجمة.

Tajuk: التَّرْجَمَة

Dari segi bahasa: kalimah "الترجَمة" jamaknya ialah "تَراجِم" dan "تَرْجَمات" dan ia adalah masdar bagi "تَرْجَم يُترجِم", di sini ia memberi makna menjelaskan dan menerangkan.

Dari segi istilah: Dalam kitab-kitab hadis, ia bermaksud tajuk atau judul yang diberikan bagi sesuatu bab, atau satu kumpulan hadis untuk menunjukkan kepada perkara yang ingin difokuskan dalam hadis-hadis atau bab tersebut, contohnya "باب فضل العلم".

Beberapa bab yang diikat oleh satu topik, biasanya terkandung di bawah sebuah kitab tertentu, contohnya "كتاب العلم" terkandung dalamnya beberapa bab seperti "باب فضل العلم", "باب ما جاء في العلم", "باب العلم قبل القول والعمل" dan lain-lain.

Biodata: التَّرْجُمَة

Dari segi bahasa: "الترجُمة" *al-tarjumah* jamaknya adalah "تَراجِم" dan ia adalah masdar bagi "تَرْجَم يُترجِم". Maknanya di sini ialah menerangkan biodata dan riwayat hidup seseorang.

Dari segi istilah: riwayat hidup atau biodata individu tertentu yang menjelaskan namanya, susur galur keturunannya (nasabnya), guru-guru, murid-murid, dan kedudukannya di kalangan para ulama, karangan-karangan

dan tulisan-tulisannya yang penting, tarikh lahirnya, dan tarikh wafatnya sekiranya dia telah meninggal dunia.

Galakan dan ancaman (menimbulkan rasa suka dan takut): التَّرْغِيبُ والتَّرْهِيبُ

Ia bermaksud riwayat-riwayat hadis mengenai galakan terhadap melakukan amalan yang baik dan ancaman daripada mengerjakan amalan yang buruk.

Ia juga bermaksud kitab-kitab hadis yang disusun berasaskan tujuan untuk menghimpunkan hadis-hadis yang mengandungi galakan kepada beramal dengan perkara-perkara yang dianjurkan agama atau menimbulkan rasa takut untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang. Contohnya, seperti galakan berbakti kepada ibu bapa dan amaran agar tidak menderhakai mereka.

Karangan-karangan yang terkenal mengenainya

Beberapa buah kitab telah ditulis di bawah kategori ini, ada antara kitab-kitab tersebut yang hadis-hadisnya telah disusun oleh pengarangnya beserta dengan sanad-sanadnya yang tersendiri, dan ada yang hadis-hadisnya telah didatangkan tanpa sanad dan hadis-hadis tersebut dipetik daripada kitab-kitab lain.

1) الترغيب والترهيب "*Al-Targhīb wa al-Tarhīb*", karangan Abū Hafs Umar ibn Ahmad yang dikenali dengan gelaran ibn Syāhīn (wafat 385 H). Pengarang kitab ini telah menghimpunkan hadis-hadis dengan sanad-sanadnya sendiri
2) *Al-Targhīb wa al-Tarhīb* "الترغيب والترهيب" karangan Zaki al-Din 'Abd al-'Azīm ibn 'Abd al-Qawī al-Munzirī (wafat 656 H). Ia merupakan antara kitab yang hadis-hadisnya telah dipetik daripada kitab-kitab lain dan diriwayatkan tanpa sanad, walau bagaimanapun, kitab asal riwayat, taraf dan martabat hadis tersebut telah dinyatakan.

Meletakkan tanda bacaan: التَّرْقِيمُ

Dari segi bahasa: "الترقيم" *al-tarqīm* adalah masdar bagi "رقّم يرقّم", maknanya menombori muka surat.

Dari segi istilah: membariskan kalimah-kalimah kitab, meletakkan tanda titik dan menjelaskan huruf-hurufnya.

Maksud al-tarqīm di sisi ulama masa kini ialah meletakkan tanda bacaan yang dinamakan "علامات التَّرْقِيم" seperti koma, noktah, kurungan, tanda soal dan tanda seruan, dan seumpamanya yang memudahkan pemahaman dan mengelakkan kekeliruan terhadap pembaca.

Ia juga bermaksud proses memberi nombor pada bab-bab dan hadis-hadis yang terdapat dalam sesebuah kitab hadis.

Meninggalkan: التَّرْكُ

Dari segi bahasa: "التَّرْكُ" *al-tark* adalah masdar bagi "تَرَكَ يَتْرُكُ" yang bermakna meninggalkan sesuatu atau menjauhkan diri daripadanya.

Dari segi istilah: Meninggalkan seseorang perawi dan tidak mengambil hadis daripadanya kerana dia seorang perawi yang lemah.

Mereka telah meninggalkannya: تَرَكُوْهُ

Maksudnya para *muhaddith* tidak mengambil riwayat hadis daripadanya sama ada kerana dia berdusta pada hadis, dituduh (disyaki) berdusta padanya, melakukan perkara-perkara fasik, banyak melakukan kesilapan atau sebab-sebab lain yang seumpama dengannya.

Perawi seperti ini dipanggil "متروكٌ" *matruk* atau "متروكُ الحديث" *matrūk al-Hadith.*

Si polan telah meninggalkannya: تَرَكَهُ فُلَانٌ

Ungkapan ini kadangkala digunakan semasa menerangkan riwayat hidup seseorang perawi untuk menerangkan kedudukannya di sisi para ulama yang mahir dalam membuat penilaian terhadap para perawi.

Contohnya mereka berkata "تَرَكَه شعبةُ" (Syu'bah telah meninggalkannya) atau "تَرَكه يحيى القَطّان" (Yahyā al-Qattān telah meninggalkannya).

Ungkapan ini kadangkala merupakan *jarh* (kritikan yang mencalar kredibiliti sebagai seorang perawi hadis) bagi perawi tersebut dan kadangkala tidak.

Saya nukilkan di sini apa yang telah disebutkan oleh Syeikh Ibn Taimiyyah dalam himpunan fatwa-fatwanya (jld 24, m.s. 349):

Beliau berkata: "Kata-kata mereka "تركه شعبةُ" bermakna Syu'bah tidak meriwayatkan hadis daripadanya. Walau bagaimanapun, kadangkala seseorang perawi itu tidak diriwayatkan hadis daripadanya disebabkan oleh sesuatu keraguan yang tidak sampai ke tahap mencalarkan kredibilitinya sebagai seorang perawi hadis. Ini adalah suatu perkara yang biasa didapati bukan hanya pada seorang malah ramai perawi yang hadisnya tercatat dalam kitab-kitab hadis sahih.

Al-Syeikh 'Abd al-Hayy al-Laknawī pula berkata dalam kitab beliau " الرفع والتكميل" (m.s. 260):

"Telah disebutkan dalam kitab "الميزان" *al-Mizan*, "تهذيب التهذيب" *Tahżīb al-Tahżīb,* dan lain-lain daripada kitab-kitab yang berkaitan dengan *rijāl* (perawi-perawi hadis) tentang ramai perawi tentang ungkapan seperti "تَرَكه يحيى القطّان" (Yahya telah meninggalkannya), maka hendaklah diketahui bahawa seseorang perawi itu tidak akan terkeluar secara mutlak daripada lingkungan perawi-perawi yang riwayatnya boleh dijadikan sebagai hujah hanya disebabkan riwayatnya tidak diambil oleh Yahya al-Qattān.

Memuji: التَّزْكِيَةُ

Dari segi bahasa: "التزكية" *al-tazkiyah* masdar bagi "زكّى يزكّي", bermakna membersihkan atau memuji.

Dari segi istilah: pujian seorang *muhaddith* terhadap seorang perawi bahawa dia seorang yang *thiqah* (boleh dipercayai).

Sila lihat "الجَرْحُ والتَّعْدِيلُ " pada huruf "الجيم"

Al-Tisāiyyāt التِّسَاعِيَّاتُ

Ia adalah hadis-hadis yang terdapat pada sanadnya sembilan orang perawi antara pengarang kitab dan baginda Rasulullah ﷺ.

Antara pengarang-pengarang yang menghimpunkan hadis-hadis *al-Tisāiyyat* ialah:

1. Radī al-Dīn Ibrāhīm ibn Muhammad al-Tabarī al-Makkī (wafat 728 H).
2. 'Izz al-Dīn Abū 'Umar 'Abd al-'Azīz ibn al-Jama'ah (wafat 767 H). Ia merupakan himpunan empat puluh hadis yang telah di*takhrij*kan oleh Muhammad ibn 'Abd al-Latif ibn al-Kuwaik al-Rib'i (wafat 790H).
3. Athīr al-Dīn Abū Hayyān Muhammad ibn Yūsuf al-Undulusī, pengarang bagi kitab-kitab yang masyhur (wafat 745H). (sila lihat *al-Risālah al-Mustatrafah* m.s. 100-101).

Berturutan: التَّسَلْسُلُ

Sila lihat "المُسَلْسَلُ" pada huruf الميم.

Memperdengarkan: التَّسْمِيعُ

Dari segi bahasa: "التسميع " adalah masdar bagi "سمَّع يسمِّع "، dikatakan dalam bahasa Arab "فلانٌ سمَّع فلاناً كلاماً" yakni si polan telah memperdengarkan suatu percakapan kepada si polan.

Dari segi istilah: bahawa seorang penuntut menulis nama-nama mereka yang telah mendengar sesebuah kitab bersama-samanya dan tarikh mereka mendengar kitab tersebut pada bahagian atas muka surat pertama kitab selepas ditulis *basmalah*, nama, *kunyah* dan nasab guru yang dia telah dengar kitab tersebut daripadanya, dan apa yang dia telah dengar daripadanya sebagaimana lafaznya. Perkara tersebut ditulis olehnya di atas daripada tulisan *bismillah* atau di bahagian tepi pada muka surat pertama atau di bahagian tepi pada muka surat terakhir secara jelas dan terang.

Ia juga diamakan "الطِّباق " *al-tabāq*, sila lihat pada huruf الطاء.

Menghitamkan: التَّسْوِيدُ

Dari segi bahasa: "التسويد " adalah masdar bagi "سوَّد يسوِّد"، dikatakan " سَوَّد فلانٌ الشيءَ" bermaksud dia telah menghitamkan sesuatu, dan dikatakan " سَوَّد فلانٌ الكتابَ أو الرسالةَ" bermaksud dia telah mencatat bahan-bahan untuk kitab atau risalah itu buat kali pertama, sebelum mengolahnya kepada rupa bentuknya yang terakhir.

Dari segi istilah: *Al-taswīd* menurut *muhaddithin* merujuk kepada satu bentuk pemotongan kalimah daripada kitab. Iaitu dengan menggariskan satu garisan di atas kalimah yang ingin dipotong, berasingan daripadanya dan bukan padanya, supaya garisan itu tidak menjejaskan kalimah yang dipotong, dan

dilengkongkan sedikit kedua-dua hujung garisan pada permulaan dan penghujung kalimah.

Menyamaratakan: التَّسْوِيَةُ

Sila lihat "تَدْلِيْسُ التَّسْوِيَةِ".

Meletakkan baris pada hadis: تَشْكِيْلُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa: "التشكيل" *al-tasykīl* adalah masdar bagi "شكّل يشكّل". Dikatakan "فلانٌ شكّل الكتابَ" si polan telah meletakkan tanda baris pada kitab tersebut. "الشَّكْلُ" *al-syakl* ialah tanda baris yang diletakkan di atas atau di bawah kalimah untuk memastikan cara sebutan kalimah tersebut. Satu daripadanya disebut "شَكْلَة" syaklah.

Dari segi istilah: menentukan sebutan sesuatu perkataan dalam hadis dengan meletakkan padanya "حركات الإعراب" tanda-tanda baris iaitu *fathah, kasrah* atau *dammah* seperti "الرَّامَهُرْمُزِيّ" atau dengan menjelaskannya dengan perkataan, seperti menerangkan sebutan "عُبَيْد" seseorang itu berkata, "Dengan *dammah* pada "'*ain*", *fathah* pada "*ba*" yang bertitik satu dan *sukun* pada "*ya*".

Menganut fahaman Syiah: التَّشَيُّعُ

Dari segi bahasa: "التشيُّع" *al-tasyayyu'* adalah masdar bagi "تشيَّع يتشيَّع" bermakna tersebar.

Dari segi istilah: *al-tasyayyu'* pada *'urf* ulama *mutaqaddimīn* ialah mengiktikadkan bahawa Sayyiduna 'Alī lebih afdal daripada Sayyiduna 'Uthmān dan bahawa 'Alī berada di pihak yang benar dalam setiap peperangannya dan pihak lawannya berada di pihak yang salah, serta mengutamakan Sayyiduna Abū Bakr dan Sayyiduna 'Umar daripada semua sahabat serta memuliakan mereka berdua. Ada sebahagian daripada mereka yang beriktikad bahawa Ali adalah semulia-mulia makhluk selepas Rasulullah ﷺ. Apabila seseorang yang beriktikad sedemikian merupakan seorang yang warak, beragama, benar lagi mujtahid, maka riwayatnya tidak akan ditolak semata-mata kerana sifat *tasyayyu'*nya, lebih-lebih lagi sekiranya dia tidak mengajak kepada fahamannya itu.

Adapun *al-tasyayyu'* pada *'urf* ulama-ulama terkemudian, ia merujuk kepada fahaman golongan *al-Rāfidah* yang sejati, maka tidak akan diterima riwayat *Rāfidi* yang melampau dan tidak ada harganya. (*Tahzib al-Tahzib*, 1/94).

Ramai di kalangan para *muhaddith* dan perawi yang hebat juga tidak terlepas daripada dituduh sebagai berfahaman *Syiah*. Pada peringkat awalnya hanyalah dikenali sebagai perasaan cinta kepada Sayyiduna Ali ﷺ dan mengutamakan beliau daripada Sayyiduna 'Uthmān ﷺ. Maka sesiapa yang beriktikad seperti ini tanpa mencela atau mengkafirkan mana-mana sahabat ﷺ maka keadaannya tidaklah terlampau teruk kerana masih ada ruang ijtihad padanya, oleh kerana itu para *muhaddith* tidak berkeberatan untuk menerima hadis daripadanya.

Mentashihkan: التَّصْحِيْحُ

Dari segi bahasa: telah berlalu pada tempatnya.

Dari segi istilah: Menulis kalimah "صَحَّ" *sahha* di atas perkataan yang sahih (betul) dari segi riwayat dan makna, akan tetapi terdapat keraguan tentang kesahihannya atau ada khilaf (perbezaan pendapat) tentangnya. Maka ditulis perkataan itu di atasnya supaya diketahui bahawa ia tidak terlepas pandang, dan bahawa ia telah diteliti dan dipastikan ia adalah sahih sebagaimana yang ditulis. (Tadrīb al-Rāwī 2: 82).

Mentashihkan secara kasyaf: التَّصْحِيْحُ الكَشْفِيُّ

Ia adalah perbuatan sebahagian ahli sufi mensahihkan hadis secara kasyaf semata-mata tanpa berasaskan ilmu dan tidak mengikut kaedah-kaedah yang telah diterima oleh ulama hadis. Perkara ini banyak didapati pada al-Syeikh al-Akbar Muhyī al-Dīn ibn al-'Arabī.

Para imam dalam ilmu hadis dan mereka yang mahir dalam bidang ini telah mengkritik dengan keras tashih cara ini dan tashih seperti ini adalah tidak *muktabar* (tidak diambil kira) di sisi mereka.

Melakukan kesilapan pada tulisan atau bacaan: التَّصْحِيْفُ

Dari segi bahasa: "التصحيف " *al-tashīf* adalah masdar bagi "صَحَّفَ يصحِّف", bermakna menulis sesuatu kalimah atau membacanya dengan cara yang salah kerana keliru tentang huruf-hurufnya.

Dari segi istilah: mengubah sesuatu kalimah yang ada dalam hadis kepada selain daripada apa yang telah diriwayatkan oleh perawi-perawi *thiqah* sama ada perubahan itu pada lafaz atau makna.

Al-Hāfiz ibn Hajar telah membezakan antara "التصحيف " dan "التحريف ". Beliau berkata: "Jika sekiranya perbezaan (daripada yang asal) itu berlaku pada satu huruf atau beberapa huruf beserta kekal rupa bentuk asalnya, dan sekiranya perbezaan itu dari segi tanda titik (titik satu atau dua, di bawah atau di atas) maka ia dipanggil "الْمُصحَّف" *al-musahhaf* dan sekiranya perbezaan itu dari segi baris (tanda vokal seperti *fathah*, *dammah* dan *kasrah*) maka ia dipanggil "الْمُحَرَّف" *al-muharraf*. (*Syarh al-Nukhbah* m.s. 96).

Al-tashif berlaku pada tanda titik iaitu pada huruf-huruf yang mempunyai rupa bentuk yang hampir sama tetapi berbeza pada sebutan, seperti *ba, ta* dan *sa,* dan *jim, ha* yang tidak bertitik dan *kha* yang bertitik, begitu juga dal yang tidak bertitik, *zal* yang bertitik, *ra* dan *zai*. Atau berlaku perubahan pada harakat (baris-baris) huruf berserta kekalnya bentuk tulisan, seperti أَسِيْد dan أُسَيْد, نَجِيَّة dan نَجْبَة.

Contoh:

Al-Hāfiz al-Khatīb al-Baghdādī telah memetik kata-kata Zakariyyā ibn Mihrān: "Sebahagian perawi telah melakukan *tashif* pada

"لا يورث جميل إلاّ بيّنة" maka dia berkata "لا يَرِثُ جميلٌ إلاّ بُيَّنَة". (*al-Jami' li Akhlaq al-Rawī wa al-Sami*, jld. 2, m.s. 294-295).

Pembahagian *tashif*

Sesungguhnya para ulama telah membahagikan *tashif* kepada beberapa bahagian. Ia seperti berikut:

1- *Tashif* pada sanad.
2- *Tashif* disebabkan penglihatan.
3- *Tashif* disebabkan pendengaran.
4- *Tashif* pada lafaz.
5- *Tashif* pada matan.
6- *Tashif* pada makna.

Sila lihat takrif setiap bahagian ini pada hurufnya.

Karangan yang tersohor mengenai *Tashif:*

1- "التنبيهُ على حدوث التصحيف" *Al-Tanbih 'ala Huduth Al-Tashif,* karangan Hamzah ibn al-Hasan al-Asfahani (wafat 360 H).
2- "تصحيفات المحدِّثين"

   Tashifat al-Muhaddithin, karangan Abū Ahmad al-Hasan ibn 'Abd Allah al-'Askari (w. 382 H).
3- "تصحيف المحدِّثين" *Tashif al-Muhaddithin*, karangan al-Imām Abū al-Hasan 'Ali ibn 'Umar al-Daraqutni (w. 385 H). Ia merupakan sebuah karangan yang sangat berfaedah. Pengarangnya telah menjelaskan secara meluas tentang topik perbahasan. Beliau telah mendatangkan kesemua kesilapan yang pernah terjadi kepada para ulama, sama ada ia berlaku pada hadis nabawi atau al-Quran al-Karim.
4- "إصلاح خطأ المحدِّثين" *Islah Khata' al-Muhaddithin*, karangan Abu Sulaiman Hamd ibn Muhammad al-Khattabi (w. 388 H).
5- "مشارق الأنوار على صحيح الآثار" *Masyariq al-Anwar 'ala Sahih al-Athar*, karangan Abu al-Fadhal 'Iyad ibn Musa al-Yahsabi (w.544 H).
6- "تصحيح التصحيف وتحرير التحريف" *Tashih al-Tashif wa Tahrir al-Tahrif*, karangan Khalil ibn Aibak as-Safadi (w. 764 H).
7- "التطريف في التصحيف" *Al-Tatrif fi al-Tashif*, karangan Abu al-Fadl Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti (w. 911 H).

التصحيفُ في الإسناد *Tashif* pada sanad:

Takrif (التصحيف) dan (الإسناد) telah berlalu pada tempatnya.

Dari segi istilah: ia adalah kesilapan yang berlaku pada sanad hadis.

Misalnya:

Hadis riwayat Syu'bah daripada al-Awwam ibn Murajim daripada Abu 'Uthman al-Nahdi daripada 'Uthman ibn 'Affan, katanya: Baginda ﷺ bersabda:

لتُؤَدُّنَّ الحقوقَ إلى أهلها... الحديث

Maknanya:
"Hendaklah kamu tunaikan hak-hak kepada mereka yang berhak mendapatkannya... ".
Yahya ibn Ma'in telah tersalah pada sanadnya. Katanya "Ibn Muzahim" dengan huruf *zai* dan huruf *ha*. Maka kenyataan beliau itu telah disangkal. Sebenarnya ia ialah Ibn Murajim dengan huruf *ra* (راء) yang tidak bertitik dan huruf *jim* (جيم). (*'Ulum al-Hadith:* m.s. 279).

***Tashif* disebabkan penglihatan:** تَصْحِيْفُ الْبَصَرِ

Takrif (التصحيف) dari segi bahasa ialah telah berlalu pada tempatnya, manakala makna (البصر) ialah daya penglihatan.

Dari segi istilah: Lafaz ini merujuk kepada kesilapan yang berlaku pada hadis disebabkan kurang penelitian terhadap lafaz matan yang termaktub atau disebabkan kesilapan pembacaan kerana kekeliruan pada huruf-huruf dan perkataan-perkataan. Perkara ini kebanyakannya terjadi pada mereka yang mengambil terus daripada kitab-kitab dan lembaran-lembaran tanpa mempelajarinya daripada syeikh-syeikh (guru-guru) yang mahir dalam bidang ini.

Contohnya:
Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Lahi'ah daripada kitab Musa ibn 'Uqbah mengikut sanadnya daripada Zaid ibn *Thabit*:

أنَّ رسول الله ﷺ احْتَجَمَ في المسجد

Mafhumnya: "Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah berbekam dalam masjid."
Sebenarnya lafaz (احتجم) dalam hadis ini menggunakan huruf *ra`* (راء) seperti (احتجر) sebagaimana lafaz asalnya:

"احْتَجَرَ في المسجد بخُصٍّ أو حَصيرٍ حُجْرَةً يُصلِّي فيها"

Ibnu Sālāh berkata: "Ibnu Lahi'ah telah tersalah pada lafaz tersebut kerana beliau mengambilnya terus daripada kitab tanpa mendengarnya". (*'Ulum al-Hadith,* m.s. 28).

***Tashif* disebabkan pendengaran:** تَصْحِيْفُ السَّمْعِ

Takrif (التصحيف) telah diterangkan sebelum ini manakala makna (السمع) ialah daya pendengaran.
Dari segi istilah: Berlakunya kesilapan pada hadis yang disampaikan kepada orang yang mendengar hadis disebabkan persamaan sebutan perkataan ketika dituturkan. Maka perkara tersebut telah mengelirukan pendengarnya lalu menyebabkan dia melakukan '*tashif*' serta '*tahrif*'.

Contohnya:
Hadis "عاصم الأحول", ada sebahagian *muhaddithin* (perawi hadis) telah meriwayatkannya dengan berkata "عن واصل الأحدب" Maka al-Imam al-Daraqutni menyebutkan bahawa terdapat satu kesilapan (*tashif*) yang disebabkan oleh

pendengaran "تصحيف السَّمْع", bukan penglihatan "تصحيف البصر". Seolah-olah dia berpendapat - *wallahu a`lam* - bahawa perkara tersebut ialah antara perkara yang tiada kesamaran dari segi tulisan, cuma perawi sahaja yang tersalah dengar. (*'Ulum al-Hadith:* 283).

***Tashif* pada lafaz:** تَصْحِيْفُ اللَّفْظِ

Takrif (التصحيف) telah diterangkan sebelum ini manakala makna (اللفظ) ialah perkataan yang diucapkan.

Dari segi istilah: merujuk kepada *tashif* (kesilapan) pada lafaz hadis yang dilakukan oleh pendengar hadis atau pembacanya disebabkan persamaan yang mengelirukan pada huruf-hurufnya.

Contohnya:

Abu Bakar al-Suli telah merencanakan dalam kitab al-Jami', Hadis Abu Ayyub iaitu:

مَن صام رمضان ثم أتبعه سِتاً من شوّال

Beliau (Abu Bakr) telah berkata pada tempat "سِتّاً" lafaz " شيئا " dengan huruf syin (شين) dan huruf ya` (ياء). (*'Ulum al-Hadith,* m.s. 282).

***Tashif* pada matan:** التَّصْحِيْفُ فِي الْمَتْنِ

Takrif (التصحيف) dari segi bahasa telah diterangkan sebelum ini, manakala makna (المَتْن) ialah ibarat asal kitab yang diulas dan dimasukkan *hasyiah* (nota tepi) di kelilingnya.

Dari segi istilah: Ia adalah kesilapan yang dilakukan oleh pembaca semasa membaca matan hadis disebabkan persamaan yang mengelirukan pada huruf-hurufnya.

Contohnya:

Hadis Anas ﷺ:

"ثم يخرج مِن النار من قال: لا إله إلا الله وكان قلبه من الخير ما يَزِنُ ذَرَّةً "

(Hadis ini dikeluarkan oleh *Imam al-Bukhari* dalam *Kitab al-Iman*, hadis no: 44)

Syu`bah ibn Al-Hajjaj semasa membacakan hadis ini telah menyebut lafaz (ذُرَّةً) yang diletakkan baris *dammah* (depan) pada huruf *zal* (ذال) dan tanpa *tasydid* (tidak di*sabdu*kan) pada huruf *ra`* (راء) sedangkan yang sebenarnya ialah dengan baris *fathah* (atas) pada *zal* (ذال) dan di*sabdu*kan huruf *ra`*. Oleh itu, dikatakan bahawa beliau telah melakukan *tashif* pada hadis ini. (*'Ulum al-Hadith:* 281).

***Tashif* makna:** تَصْحِيْفُ الْمَعْنَى

Definisi (التصحيف) dari segi bahasa telah diterangkan sebelum ini.

Dari segi istilah: Kesilapan dalam memahami lafaz-lafaz hadis yang berlaku kepada pembaca atau pendengarnya disebabkan persamaan pada maknanya.

Contohnya:

Seperti kata-kata Muhammad ibn al-Muthanna:

"نحن قوم لنا شرف، نحن من عَنَزَةٍ صلّى إلينا رسولُ الله صلّى الله عليه وسلّم"

Maknanya: "Kami adalah kaum yang memiliki kemuliaan, kami daripada Qabilah 'Anazah yang mana Rasulullah ﷺ telah solat menghadap ke arah kami."

Beliau telah menyangka bahawa Nabi ﷺ telah solat menghadap ke arah qabilah mereka yang bernama al-'Anazah sedangkan sebenarnya al-'Anazah yang disebutkan dalam matan hadis bermakna *al-Harbah* (الحربة) iaitu senjata perang yang tajam (tombak pendek yang mempunyai mata yang tajam pada bahagian hujungnya), dipacak di hadapan orang yang solat sebagai *sutrah.* (*Ulum al-Hadith:* 282).

Mengarang kitab: التَّصْنِيفُ

Dari segi bahasa: (التصنيف) *al-tasnif* ialah masdar bagi (صنّف يصنّف).

Maknanya ialah menghimpunkan bahan-bahan ilmiah yang ada kesesuaian atau hubung kait dengan satu topik yang khusus, kemudian membahagikannya serta menyusunnya mengikut metode atau cara yang khas dan berasaskan dasar-dasar tertentu dan menghubungkan bahan-bahan tersebut antara satu sama lain dengan penghubung yang sesuai, yang dapat menyerlahkan hubungan antara satu dengan yang lain. (Sila lihat *al-Tasnīf fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*: 21).

Berdasarkan takrif di atas, (التصنيف) adalah lebih halus atau rumit daripada (التدوين).

Dari segi istilah: *Al-tasnif* ialah menghimpunkan bahan-bahan ilmiah bagi sesuatu topik yang berkaitan dengan hadis serta menghubungkan antaranya dengan penghubung yang sesuai atau sepadan.

Amalan *tasnif* ini dalam ilmu hadis berada pada fasa yang kedua daripada beberapa fasa pembentukan atau perkembangan ilmu hadis iaitu dimulakan terlebih dahulu dengan "التدوين" (menghimpunkan catatan-catatan hadis dalam bentuk buku), kemudian barulah *tasnif* telah berkembang luas padanya.

Jenis-jenis *tasnif* dalam ilmu hadis:

Sesungguhnya kitab-kitab hadis telah dikarang berdasarkan kepada jenis-jenis karangan yang berikut:

1) *Tasnif* berdasarkan *masanid:*

Iaitu menghimpunkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh setiap sahabat secara berasingan. Maka ada ketikanya hadis-hadis ini disusun mengikut siapa yang paling awal memeluk agama Islam di kalangan mereka (sahabat) dan kadangkala mengikut turutan huruf-huruf sebagaimana dalam kamus, dan cara ini adalah lebih mudah. Ada kala pula hadis-hadis ini disusun mengikut kedudukan (tahap kemuliaan) antara mereka. Semua tertib tersebut adalah dibenarkan di kalangan para ulama hadis.

2) *Tasnif* berdasarkan bab-bab dalam ilmu Fiqah:
Iaitu dihimpunkan dalam setiap bab riwayat-riwayat yang berkaitan dengannya, yang menunjukkan kepada hukumnya sama ada berbentuk suruhan atau larangan.
Di kalangan mereka yang mengikut cara ini ada yang beriltizam untuk mengambil hanya hadis sahih sahaja seperti al-Imām al-Bukhāri dan al-Imām Muslim. Ada pula yang tidak berbuat demikian sepertimana kitab-kitab yang lain daripada *al-Kutub al-Sittah* (Kitab-kitab Hadis Yang Enam) dan juga kitab-kitab hadis yang lain.
Yang terbaik antara karangan-karangan jenis ini ialah yang hanya menghimpunkan hadis-hadis sahih dan hadis-hadis hasan sahaja. Jika didatangkan hadis-hadis selain daripada kedua-dua jenis hadis tersebut, maka perlulah dinyatakan kecacatannya.
3) *Tasnif* berdasarkan *'illah* (kecacatan):
Iaitu dalamnya disebutkan matan-matan hadis bersama sanad-sanadnya dan penerangan mengenai percanggahan-percanggahan antara nukilan-nukilan para perawi. Sekiranya disusun mengikut tertib bab, maka perkara ini menjadi lebih baik dan lebih mudah. Antara kitab yang tersohor daripada jenis ini ialah (علل الدارقطني) *'Ilal al-Daraqutni.*
4) *Tasnif* berdasarkan potongan-potongan hadis:
Sebahagian daripada matan hadis dinyatakan bagi menjadi petunjuk kepada baki matan hadis tersebut dan dihimpunkan sanad-sanadnya sama ada secara keseluruhannya atau hanya daripada kitab-kitab tertentu. Antara kitab jenis ini yang masyhur ialah (تحفة الأشراف) karangan al-Hafiz Jamal al-Din al-Mizzi.

Mengarang kitab hadis: تَصْنِيفُ الْحَدِيثِ

Sila lihat pada lafaz (التَّصْنِيفُ).

Tadbīb: التَّضْبِيبُ

Dari segi bahasa (التضبيب) ialah masdar (ضَبَّب يضبِّب), diambil daripada perkataan (ضَبَّة) yakni selak pintu kerana huruf menjadi terkunci, tidak boleh dibaca disebabkan olehnya (tadbib) sebagaimana selak pintu menyebabkan pintu terkunci.
Dari segi istilah: Meletakkan tanda seperti ini (صـ) di atas perkataan yang ternyata kesahihannya dari segi riwayat cuma terdapat kecacatan dari segi lafaz atau makna, *zaif* atau tidak sempurna, seperti lafaz ini tidak betul dari segi kaedah bahasa Arab atau *syaż* (menyalahi peraturan) dan seumpamanya.
Maka digariskan di atas perkataan seumpama ini garisan yang awalnya seperti (الصاد) dan tidak diletakkan dengan kalimah yang ditandakan di atasnya itu supaya tidak disangka ianya sebagai tanda potong. (*Manhaj al-Naqd*, hlm. 237-263).
Lafaz ini juga dinamakan sebagai "التمريض" *al-tamrid.*

Mendaifkan: التَّضْعِيفُ

Dari segi bahasa (التضعيف) ialah masdar bagi (ضَعَّف يضعِّف) iaitu menjadikan sesuatu itu lemah.

Dari segi istilah ialah: menghukumkan sesuatu hadis sebagai *da'if* (lemah), atau menghukum seseorang perawi hadis sebagai *da'if*, yakni sebagai seorang yang telah tercalar kredibilitinya sebagai seorang perawi hadis dengan salah satu daripada 10 perkara ini:-

1- Dusta.
2- Dicurigai berdusta.
3- Kesalahan yang teruk.
4- Lalai.
5- Fasiq.
6- Wahm (ragu-ragu).
7- Bertentangan.
8- Kejahilan.
9- Bidaah.
10- Hafalan yang lemah.

Terdapat juga sebab-sebab lain yang melemahkan seseorang perawi selain daripada perkara-perkara ini. Sila perhatikan takrif setiap daripadanya pada hurufnya masing-masing.

Menghimpunkan jalan-jalan riwayat hadis: تَطْرِيقُ الْحَدِيثِ

Dari segi bahasa (التطريق) ialah masdar bagi (طرَّق يطرِّق). Maknanya ialah menjadikan jalan mudah dilalui.

Dari segi istilah: Menghimpunkan jalan-jalan riwayat hadis dan sanad-sanadnya serta mengumpulkan lafaz-lafaz perawi bagi matannya. Imam 'Ali ibn al-Madini berkata: "Jika tidak dihimpunkan jalan-jalan riwayat hadis dalam sesuatu bab itu, maka tidak akan ternyata kesalahannya". (*'Ulum al-Hadith:* 91).

Antaranya ialah ketika Imam Muslim menyatakan kitab beliau sebagai sahih, Abu Zur'ah al-Razi berkata: "هذا يطرق لأهل البدع علينا". Iaitu beliau telah memudahkan jalan kepada ahli bidaah untuk mengkritik ahli sunnah kerana apabila mereka tidak mendapati sesuatu hadis dalam kitab Muslim, maka mereka akan menyatakan hadis tersebut tidak sahih. (sila lihat *Taudih al-Afkār*: 1/51-52).

Percanggahan Antara Riwayat-riwayat: تَعَارُضُ الرِّوَايَاتِ

Dari segi bahasa (التعارض) ialah masdar bagi (تعارَضَ يتعارَضُ) iaitu saling berbantah atau saling bersaing.

Dari segi istilah: Tuntutan setiap satu daripada dua dalil bertentangan dengan tuntutan yang satu lagi.

Apabila berlaku percanggahan dari segi zahir antara riwayat-riwayat, maka percanggahan tersebut boleh dihilangkan dengan salah satu daripada cara-cara berikut:-

1- Menghimpunkan antara dua dalil yang saling bertentangan itu dengan cara menganggap salah satunya sebagai *mutlaq* dan yang satu lagi *muqayyad*.
2- Jika tidak boleh dihimpunkan, maka boleh digunakan cara nasakh. Yakni apabila diketahui yang terdahulu dan yang kemudian, maka yang pertama itu dikira sebagai *mansukh* dan yang kedua dikira sebagai *nasikh*.
3- Apabila tidak dapat digunakan cara nasakh maka hendaklah di*tarjih*kan (diberi keutamaan kepada) salah satu daripada kedua-dua dalil tersebut dengan menggunakan "وجوه الترجيه" sebab-sebab *tarjih* yang muktabar. Oleh itu, dalil yang *rajih* itu dikira *mahfuz* dan dalil yang *marjuh* itu dikira *syaz*.
4- Apabila tidak boleh di*tarjih*kan antara keduanya, maka ditangguhkan daripada beramal (*tawaqquf*) dan hendaklah berpindah kepada dalil-dalil selain daripada kedua-duanya.

Di kalangan ulama, ada yang berpendapat dengan "*takhyir*" iaitu diberi pilihan untuk memilih antara dua dalil tersebut, cuma apabila terdapat dalil berserta dengan "*takhyir*" antara dua dalil tersebut, maka hendaklah berpindah kepada yang sebelumnya iaitu "*tarjih*".(*Mu'jam Mustalahat al-Hadith wa Lata'if al-Asanid*: 100).

Taliq taliq: التَّعَالِيْقُ

Sila lihat (تعليق الحديث)

Kepelbagaian riwayat: تَعَدُّدُ الرِّوَايَاتِ

Suatu khabar (hadis) diriwayatkan daripada beberapa orang perawi dengan persamaan, sama ada dari segi lafaz atau makna.

Kepelbagaian jalan-jalan riwayat: تَعَدُّدُ الطُّرُقِ

Sila perhatikan (تعدد الروايات)

Pujian terhadap perawi: التَّعْدِيْلُ

Dari segi bahasa (التعديل) ialah masdar bagi (عدَّل يعدِّل). Maknanya ialah menyucikan dan memuji.

Dari segi istilah: Pembersihan seorang *muhaddith* terhadap seorang perawi (daripada keburukan) dan pujian terhadapnya seperti beliau adalah seorang yang *adil* atau *dhabit* (teliti) lebih dipercayai periwayatannya.

Sila perhatikan (الجرح و التعديل) pada huruf (ج).

***Ta'dīl* secara samar (tanpa penjelasan):** التَّعْدِيْلُ الْمُبْهَمُ

Definisi (التعديل) dari segi bahasa telah diterangkan sebelum ini, manakala (الْمُبْهَم) ialah *ism maf'ul* bagi (أبهم يُبهِم) yang bermakna sulit dan samar.

Muhaddith menghukumkan seseorang perawi itu *thiqah* (dipercayai) tanpa menyatakan sebab-sebab ke*'adil*annya.

Sila perhatikan (الجرح و التعديل) pada huruf (ج).

Ta'dīl yang diperjelaskan: التَّعْدِيْلُ الْمُفَسَّرُ

Definisi (التعديل) dari segi bahasa telah diterangkan sebelum ini manakala (المفسَّر) ialah *ism maf'ul* bagi (فسَّر يفسِّر) yang bermakna, yang diterangkan/dijelaskan.

Dari segi istilah: *muhaddith* menghukumkan seseorang perawi itu *thiqah* (dipercayai) serta menyatakan sebab-sebab ke*'adil*annya.

Sila perhatikan (الجرح و التعديل) pada huruf (ج).

Hadisnya _ma'ruf_ dan _munkar_: تَعْرِفُ وَتُنْكِرُ

Dikatakan juga (يعرف و ينكر) yakni perawi kadang kala meriwayatkan hadis-hadis *ma'ruf* dan kadangkala mendatangkan hadis-hadis *munkar,* iaitu dia bersendirian meriwayatkan hadis yang tidak diketahui daripada selainnya. Maka hadis-hadisnya dalam keadaan seperti ini, perlu kepada pemeriksaan dan perbandingan dengan hadis-hadis perawi yang *thiqah* lagi dikenali.

Berdasarkan tahkik, ia merupakan suatu ungkapan yang digunakan untuk men *jarh* kan (mengkritik), dan ia berkaitan dengan riwayat perawi bukan diri perawi itu. Maknanya ialah kadangkala seperti ini, kadangkala seperti itu, sekali perawi meriwayatkan hadis dengan suatu cara dan pada kali yang lain, dengan cara yang berlainan. Yakni perawi itu tidak teliti dalam meriwayatkan hadisnya.

Oleh itu, ungkapan ini adalah termasuk dalam kumpulan lafaz-lafaz *jarh.* Di sisi al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi ia berada pada tahap yang kelima dan di sisi al-Sakhawi, al-Sindi dan al-Suyuti ia berada pada tahap yang keenam.

Hukumnya:

Hadis perawi-perawi bagi martabat ini, sesuai untuk dalil penyokong sahaja ungkapan ini adalah mengikut kesesuaian perawi tersebut baginya dan ketiadaan perkara-perkara yang menafikannya. (*Fath al-Mughith*, 2/125).

Memberi komen: التَّعْقِيْبُ

Dari segi bahasa (التعقيب) ialah masdar bagi (عقّب يعقّب). Maknanya ialah menjelaskan keaiban atau keelokan pada sesuatu percakapan atau sesebuah kitab.

Dari segi istilah ialah kritikan atau bantahan yang mengiringi sesuatu perbahasan.

Ta'liq: التَّعْلِيْقُ

Sila perhatikan (المعلق) pada huruf (م).

Menyebut hadis secara _mu'allaq_: تَعْلِيْقُ الْحَدِيْثِ

Menyebut hadis tanpa sanad atau menggugurkan permulaan sanad.

Sila lihat (المعلق) bagi takrif lengkap pada huruf (م).

Ta'liq pada tulisan: التَّعْلِيْقُ فِي الْخَطِّ

Ia bermaksud mencampuradukkan huruf yang sepatutnya dipisahkan dan menghilangkan gigi-gigi huruf yang sepatutnya diadakan dan menghapuskan apa yang sepatutnya dizahirkan ruangnya. (*Fath al-Mughith*: 2/ 151).

Ta'līqat al-Bukharī: تَعْلِيْقَاتُ الْبُخَارِيِّ

Sila rujuk 'مُعَلَّقَاتُ الْبُخَارِيِّ ' pada indeks huruf mim.

Ta'lil: التعليل

Yang bermaksud 'التمريض' melemahkan. Sila rujuk ' المُعَلّ' pada indeks huruf mim.

Berlebih-lebihan dalam mencari kelemahan: التشدد

Dari segi bahasa: menggunakan cara yang keras.

Dari segi istilah: bersungguh-bersungguh dan berlebih-lebihan dalam men*jarh*kan (mengkritik) seseorang perawi hanya kerana satu sebab yang kecil.

Antara *muhaddith* yang masyhur dengan sikap ini ialah: Abu Hatim al-Razi, al-Nasa'i, Yahya ibn Sa'id al-Qattan, Ibnu Hibban dan lain-lain.

Hukum *'jarh'* yang dibuat oleh *muhaddith-muhaddith* yang bersifat *ta'annut.*

Apabila mereka mengatakan bahawa seseorang perawi itu adalah *thiqah*, maka kamu gigitlah pendapat mereka tadi dengan dua gigi geraham kamu (peganglah kuat-kuat) dan berpeganglah dengan kenyataan mereka. Akan tetapi, sekiranya mereka menghukumkan seseorang perawi sebagai daif, maka ketika itu harus diperhatikan terlebih dahulu, adakah ada *muhaddith* lain yang bersependapat dengan mereka dalam mendaifkan perawi tersebut? Sekiranya ada, dan tidak ada seorang pun di kalangan muhaddith yang mahir dalam ilmu yang berkaitan dengan latar belakang perawi yang men*thiqah*kannya, maka perawi tersebut dihukumkan sebagai perawi yang daif. Sekiranya terdapat seorang di kalangan mereka yang men*thiqah*kannya, maka dia adalah di kalangan perawi yang tidak akan diterima *jarh* tentangnya melainkan yang *mufassar* (yang diterangkan sebab-sebab kedaifannya). Yakni tidak memadai sekiranya Ibn Ma'in sebagai contoh berkata: "Dia adalah daif", dan beliau tidak menjelaskan sebab-sebab kedaifannya, sedangkan para *muhaddith* yang lain pula telah men*thiqah*kannya. Maka untuk kes seumpama ini, perlulah ditangguhkan daripada men*tashih*kan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi tersebut. Oleh itu, ia lebih sesuai untuk dihukum sebagai hadis hasan. (*Zikr Man Yu'tamadu Qauluhu fi al-Jarh wa al-Ta'dil*: 171-172).

Berubah pada akhirnya: تغير بآخره

Dari segi bahasa: "تغيَّر " *taghayyara* berubah dan "الآخِر" *al-akhir* begitu juga "الأَخَرَة " *al-akharah*: lawan bagi awal atau permulaan.

Pengertiannya dari segi istilah ialah perubahan keadaan seseorang perawi pada akhir kehidupannya sama ada disebabkan lanjut usianya, hilang penglihatannya, terbakar kitab-kitabnya dia telah kehilangan kitab-kitabnya sedangkan dia bergantung pada kitab-kitab tersebut dalam meriwayatkan hadis. Oleh sebab itu, dia terpaksa bergantung pada ingatannya lalu menjejaskan riwayatnya.

Justeru, berdasarkan pengertian ini, maka jadilah ungkapan 'تغير بأخره' ini menurut Ibn Abi Hatim dan Ibn Salah berada pada kedudukan yang pertama

dalam kedudukan lafaz-lafaz '*jarh*', yang kelima di sisi al-Hafiz al-Zahabi, al-'Iraqi dan Ibnu Hajar dan yang keenam di sisi al-Sakhawi, al-Suyuti dan al-Sindi. والله أعلم.

Berubah pada akhir: تَغَيَّرَ بِأَخَرَةٍ

Sila lihat: "تَغَيَّر بآخِرِه"

Memisahkan: التَّفْرِيقُ

Dari segi bahasa (التفريق) ialah masdar bagi (فرَّق يفرِّق) iaitu memisah-misahkan dan membahagi-bahagikan benda atau orang.

Dari segi istilah: Para *muhaddithin* menggunakan kalimah "التفريق" ini dengan makna menyangka seorang perawi sebagai dua orang atau lebih perawi yang berlainan antara satu sama lain.

Contohnya: Muhammad ibn Ibrahim al-Haasyimi dan Muhammad ibn Ibrahim ibn 'Abd Allah ibn Ma'bad ibn 'Abbas al-Hasyimi.

Imam Al-Bukhari telah menyebut dalam kitab "التاريخ الكبير" dua nama ini sebagai dua orang yang berasingan. Akan tetapi yang sebetulnya, kedua-dua nama ini adalah nama bagi seorang perawi sahaja. Al-Khatib telah memulakan kitab karangan beliau yang berjudul "الموضِّح لأوهام الجمع والتفريق" dengan perbahasaan mengenai nama ini.

Sebagai contoh yang lain, al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi juga ada menyebut: "Abu Bakr Muhammad ibn al-Hasan ibn Ziyad al-Muqri al-Naqqasyi beliau ialah Muhammad ibn Abu Sa'id al-Musili." Beliau juga ada mengatakan bahawa dia ialah Muhammad ibn Sanad.

Maka ketiga-tiga nama ini adalah milik seorang sahaja iaitu: al-Naqqasyi, Muḥammad ibn al-Hasan ibn Muḥammad ibn Ziyad ibn Harun ibn Ja'far ibn Sanad (bekas hamba Abu Dujanah). (sila lihat *al-Muwaddih li'auham al-Jam'u wa al-Tafriq*: 2: 390-391).

Ada satu lagi istilah, dan ia berlawanan dengan "التفريق" iaitu "الجمع", ia bermakna menganggap dua atau lebih perawi sebagai seorang perawi yang sama. Sila lihat keterangan mengenainya pada huruf *jim*.

Lafaznya hampir sama: تَقَارُبُ اللَّفْظِ

Ia digunakan untuk hadis yang diriwayatkan oleh dua orang perawi yang mana lafaz hadis mereka hampir-hampir sama akan tetapi maknanya adalah sama sepenuhnya.

Taqrir: التَّقْرِيرُ

Dari segi bahasa (التقرير) ialah masdar bagi (قرَّر يقرِّر).

Dikatakan (قَرَّرْتُ عنده الخبرَ حتى استقرَّ) bermakna aku telah mengesahkan berita itu kepadanya sehingga berita tersebut benar-benar sah dan pasti di sisinya.

Begitu juga (قرَّر المسألةَ أو الرأيَ) iaitu menerangkannya dan mengesahkannya.

Dari segi istilah: Ia adalah salah satu daripada cabang-cabang hadis *marfu'* (hadis yang sanadnya sampai kepada Nabi ﷺ)

Perkara yang disandarkan kepada Nabi ﷺ adalah sama ada berbentuk kata-kata, perbuatan atau *taqrir.* Ini kerana *taqrir* (kebenaran) baginda ﷺ terhadap sesuatu perbuatan sedangkan baginda mampu untuk menghalangnya adalah merupakan satu dalil kepada keharusan perbuatan tersebut.

Selain hadis *taqriri,* ia juga disebut sunnah *taqririyyah.*

Taqrir Hukmi: التَّقْرِيْرُ الْحُكْمِيُّ

Ia seperti perkhabaran yang diberikan oleh seorang sahabat ﷺ yang tidak terkenal dengan riwayat-riwayat *Isra'iliyyat* dan ianya mengenai perkara yang tiada ruang padanya untuk berijtihad.

Sebagai contoh, perkhabarannya mengenai peristiwa-peristiwa pada masa lampau seperti kisah-kisah para Anbiya ﷺ atau peristiwa-peristiwa pada masa akan datang seperti peperangan-peperangan besar, pancaroba dan kedahsyatan hari kiamat, terhasilnya ganjaran pahala yang khusus atau balasan azab yang tertentu bagi sesuatu amalan. Hal ini kerana untuk mengetahui perkhabaran-perkhabaran seperti ini tidak ada cara yang lain melainkan dengan mendengarnya daripada Nabi ﷺ. (sila lihat *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith iyyah*: 28).

Al- Taqrir al- sarih: التَّقْرِيْرُ الصَّرِيْحُ

Ia seperti seorang sahabat ﷺ atau selain daripada sahabat berkata: "Si polan atau seseorang telah melakukan sekian perkara di hadapan Nabi ﷺ", dan dia tidak menyebut bantahan atau sangkalan daripada baginda ﷺ terhadap perbuatan tersebut.

Sila lihat "التقرير ".

Taqrir Fi'li Hukmi: التَّقْرِيْرُ الفِعْلِيُّ الحُكْمِيُّ

Bahawa seorang sahabat ﷺ mengkhabarkan bahawa mereka (para sahabat ﷺ) sering melakukan sekian-sekian perbuatan pada zaman Nabi ﷺ. Ini adalah *taqrir hukmi* kerana, secara zahirnya perkara tersebut pasti telah sampai ke pengetahuan baginda ﷺ dan pasti wahyu mengenainya telah turun (jika perkara itu terlarang), atau mereka berkata: "السُّنَّة كذا من" (sebahagian daripada *al-Sunnah* ialah sekian). Ini adalah kerana, secara zahirnya perkataan *al-Sunnah* merujuk kepada sunnah Rasulullah ﷺ. Ada pendapat yang mengatakan bahawa perkataan *al-Sunnah* berkemungkinan juga merujuk kepada *Sunnah Sahabat* dan *Sunnah Khulafa' al-Rasyidin*, kerana perkataan al-Sunnah juga digunakan untuk makna-makna tersebut. (sila lihat *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith iyyah*: 28-29).

Memisah-misahkan hadis: تَقْطِيْعُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa (التقطيع) ialah masdar (قطّع يقطّع) dengan makna memotong halus-halus (mencincang).

Dari segi istilah: Memisah-misahkan matan (teks) hadis dan meletakkannya pada bab-bab yang berbeza atas tujuan *istidlal* (menjadikannya sebagai dalil). Sesungguhnya al-Imam Malik, al-Imam al-Bukhari dan selain mereka telah pun melakukan perkara ini.

Hukumnya:

Ibn al-Salah telah berkata: "ولا يخلو من كراهيةٍ", yakni tidak lari daripada hukum makruh. (*'Ulum al-Hadith:* 217).

Sila rujuk «اختصار الحديث» pada huruf *alif* الألف.

Mengumpulkan kesemuanya: التَّقْمِيْشُ

Dari segi bahasa (التقميش) ialah masdar bagi (قمَّش يقمِّش) dengan makna mengumpulkan sesuatu dari sana dan sini. (*Lisan al-'Arab*)

Dari segi istilah: Menulis ilmu daripada setiap orang tanpa mengambil kira sama ada orang tersebut berkelayakan atau tidak.

Abu Hatim al-Razi telah berkata: "Apabila kamu ingin menulis, maka himpunkanlah segala penulisan daripada setiap orang, dan apabila kamu hendak meriwayatkan hadis, maka semaklah ia terlebih dahulu". (Sila lihat *al-Jami'li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*: 2: 330).

Maksudnya, tulislah kesemua riwayat yang kamu dengar tanpa mengasing-asingkannya. Akan tetapi apabila kamu hendak meriwayatkannya, asingkanlah riwayat yang boleh diterima daripada yang selainnya.

Taqyid: التَّقْيِيْدُ

Dari segi bahasa, (التقييد) ialah masdar (قيَّد يقيِّد). Di sini, ia bermakna mencatatkan ilmu dan memeliharanya dalam kitab.

Dari segi istilah: Memasukkan ungkapan (قراءة عليه) pada lafaz-lafaz *tahammul* contohnya, 'حَدَّثَنا' dan 'أَخْبَرَنا', ketika sedang meriwayatkan hadis.

Menulis hadis dan meriwayatkannya: تَقْيِيْدُ الْحَدِيْثِ

Ia bermaksud: Penulisan hadis dan periwayatannya.

Dikritik kerana masalah lafaz al-Quran: تُكُلِّمَ فِيْهِ لِأَجْلِ الْوَقْفِ

Maksud «الوَقْف» di sini ialah berpendirian *tawaqquf* berhubung masalah lafaz al-Quran. Yakni beliau dikritik disebabkan al-Quran, kerana beliau berpandangan untuk tidak menyuarakan sama ada al-Quran itu makhluk ataupun bukan makhluk. (Sila lihat *Majmu' Fatawa Ibn Taimiyah*: 12: 420).

Sila rujuk: تُكُلِّمَ فيه لمسألة اللَّفْظ

Dikritik kerana masalah lafaz al-Quran: تُكُلِّمَ فِيْهِ لِمَسْأَلَةِ اللَّفْظِ

Maksud *al-lafz* (lafaz) itu ialah kata-kata: "Sesungguhnya al-Quran adalah *kalamullah* (kalam Allah), bukannya makhluk, dan lafaz manusia terhadapnya adalah makhluk". Yakni bacaan manusia terhadap al-Quran dan sebutan ayat-

ayat al-Quran yang dilafazkan oleh manusia itu adalah makhluk. (Sila lihat *Majmu' Fatawa Ibn Taimiyah*: 12: 420).

Sila rujuk: «مسألة اللَّفْظِ» pada huruf الميم.

Mereka bercakap (mengkritik) tentangnya: تَكَلَّمُوا فِيهِ

Maknanya ialah: Para *muhaddithin* mendaifkan seorang perawi. Pada kedudukan lafaz- lafaz *jarh*, lafaz ini berada pada kedudukan yang kelima menurut al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi, manakala di sisi al-Sakhawi dan al-Suyuti pula ia berada pada kedudukan yang keenam.

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh perawi seumpama ini boleh digunakan sebagai *dalil penyokong*. Ini kerana bentuk perkataan seumpama ini menunjukkan kepada kesesuaian yang ada pada perawi tersebut baginya dan tidak ada penafian terhadapnya. (*Fath al-Mughith*, 2/125).

Memasamkan muka: التَّكْلِيحُ

Dari segi bahasa (التكليح) ialah masdar bagi (كلّح يكلّح) dengan makna terlalu bermasam muka atau masam mencuka.

Dari segi istilah: Menzahirkan kebencian seseorang *muhaddith* terhadap seseorang perawi disebabkan kedaifan yang ada pada beliau dalam meriwayatkan hadis.

Contoh perawi yang para ulama hadis bermasam muka ketika disebut namanya ialah 'Amr ibn 'Uthman ibn Sayyar al-Kilabi.

Al-Barzaai berkata: "Saya telah menyebut kepada Abū Zur'ah, "'Umar ibn 'Uthman al-Kilabi?" Maka dia telah memasamkan mukanya dan mencelanya. (*Ajwibah Abi Zur'ah 'ala 'As'ilah al-Barza'i:* 759).

Mencantumkan, mencampurkan: التَّلْفِيقُ

Dari segi bahasa (التلفيق) ialah masdar bagi (لفّق يلفّق) dan maknanya ialah menghias percakapan dan mencantikkannya secara batil (tidak benar).

Dari segi istilah: Lafaz ini mempunyai beberapa makna di kalangan *muhaddithin*, antara makna- makna tersebut ialah:

1- Menghimpunkan dua sanad hadis atau lebih dalam satu sanad, atau menghimpunkan dua matan hadis atau lebih dalam satu matan. Perbuatan ini biasa dilakukan oleh pengarang-pengarang kitab Maghazi (sejarah peperangan-peperangan Rasulullah ﷺ) dan Sirah (riwayat hidup Rasulullah ﷺ).
2- Seseorang perawi meriwayatkan satu hadis daripada dua orang atau lebih, dan terdapat perbezaan riwayat antara riwayat-riwayat mereka, lalu perawi tersebut menghimpunkan riwayat mereka dalam satu keterangan sanad, kemudian dia menyebutkan hadis itu dengan salah satu lafaz daripada mereka.
3- Menyesuaikan secara harmoni antara riwayat–riwayat yang zahirnya terdapat percanggahan antara satu sama lain.

Menyebutkan sesuatu supaya diulangi: التَّلْقِيْنُ

Dari segi bahasa (التلقين) ialah masdar bagi (لقّن، يلقّن) dengan makna menyebut sesuatu perkataan kepada seseorang supaya dia mengulanginya.

Dari segi istilah: Seseorang berkata kepada seorang syeikh: "Adakah si polan telah membacakan sekian hadis kepada tuan?", sambil menyebutkan kepada syeikh nama si-fulan tersebut sedangkan dia tidak pernah mendengar hadis itu daripadanya, lalu syeikh menjawab: "Ya," tanpa memastikan terlebih dahulu hadis yang dia dengar daripadanya.

Hukumnya:

Al-Imam Ibn Hazm berkata: "Sesiapa yang pernah terbukti bahawa dia pernah menerima *talqin* walaupun hanya sekali, maka gugurlah kesemua hadisnya, kerana dia tidak mempunyai kefahaman tentang urusan agama Allah, dan dia juga tidak menghafal apa yang dia dengari". (*Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, 15: 159).

Ta, Mim: تم

Simbol untuk al-Imam al-Tirmizi dalam kitab beliau *al-Syama'il*. Perkara ini telah disebutkan oleh al-Hafiz al-Mizzi dalam kitabnya *Tahzib al-Kamal*.

Menjadi kuat (kukuh) pada akhirnya: تَمَتَّنَ بِأَخَرَةٍ

Dari segi bahasa (تمتّن) adalah menjadi kuat atau keras.

Dari segi istilah: Seseorang perawi menjadi lebih kuat dalam meriwayatkan hadis walaupun sudah lanjut usia dan hafalannya tidak rosak disebabkan usianya itu. Ia berlawanan dengan perawi yang dikatakan tentangnya اخْتَلَطَ بِآخِرَةٍ (telah lemah ingatan pada akhirnya).

Melemahkan: التَّمْرِيْضُ

Dari segi bahasa (التمريض) ialah masdar bagi (مرّض يمرّض) bermaksud menghina dan melemahkan.

Dari segi istilah: Dibuat satu garisan yang permulaannya seperti huruf *sad* secara memanjang (صـــ) di atas satu perkataan yang dari segi nukilannya ia memang ditulis dalam keadaan begitu. Akan tetapi perkataan itu pada hakikatnya tidak betul dari segi lafaz dan makna, kurang tepat, atau cacat. Contohnya ia sesuatu yang tidak harus dari segi kaedah bahasa Arab, atau ia jarang digunakan oleh orang Arab, ditolak oleh kebanyakan mereka, atau perkataan itu tersalah tulis, ataupun ia mencacatkan satu ayat atau lebih daripada jumlah keseluruhan ayat-ayatnya, dan apa-apa sahaja bentuk kerosakan yang seumpamanya.

Melemahkan pada riwayat: التَّمْرِيْضُ فِي الرِّوَايَةِ

Dari segi bahasa (التمريض) ialah masdar bagi (مرّض يمرّض) bermaksud menghina dan melemahkan.

Dari segi istilah:

Seseorang *muhaddith* meriwayatkan sesuatu hadis dengan menggunakan lafaz yang menggambarkan seseorang, yang merasa syak dan ragu-ragu terhadap sandaran hadis itu kepada pengucapnya, seperti dia berkata "يُرْوَى عن فلان ", atau "رُوِيَ عن فلان ", atau "بَلَغَنا ", atau "وَرَدَ عن فلان", atau "جاءَ عن فلان", "يُذْكَرُ عن فُلَانٍ ", atau "ذَكَرَ عن فلان" dan apa-apa sahaja lafaz seumpama itu, yang disebutkan menggunakan kata kerja yang pelakunya tidak disebutkan (*fi'il majhul*).

Membezakan: تَمْيِيزٌ

Simbol yang diletakkan pada permulaan atau di atas nama seseorang perawi untuk menunjukkan bahawa perawi tersebut tidak mempunyai sebarang riwayat dalam kitab-kitab hadis yang pengarangnya telah beriltizam untuk menyebutkan biografi perawi-perawinya. Akan tetapi pengarang hanya menyebut mengenai perawi tersebut agar dia dapat dibezakan daripada perawi-perawi yang lain.

Membezakan: التَّمْيِيزُ

Dari segi bahasa (التمييز) ialah masdar bagi (ميِّز، يميِّز) bermakna mengenali yang baik dan yang buruk dan juga dapat membezakan antara yang disyariatkan dan yang tidak disyariatkan.

Dari segi istilah: Tahap umur seorang kanak-kanak sudah boleh memahami percakapan dan memberi jawapan. Maka pada ketika itu haruslah di sisi para *muhaddithin* untuk kanak-kanak itu mendengar hadish. Kebanyakan *muhaddithin* menetapkan bahawa tahap umur tersebut ialah lima tahun, tetapi pendapat yang paling sahih ialah tujuh tahun. Hal ini kerana pada umur tujuh tahun seorang kanak-kanak itu diperintahkan untuk menunaikan solat.

Tohmah atau tuduhan buruk: التُّهْمَةُ

Dari segi bahasa (التُّهمة) jamaknya ialah (تُهَمٌ، وتُهَمَات) dan maknanya ialah tohmahan, dan tuduhan buruk.

Dari segi istilah: Kritikan yang mencacatkan kredibiliti seseorang perawi sehingga menyebabkan periwayatannya tidak diterima.

تُهْمَةُ الرَّاوي بالكَذِبِ أو الْوَضْعِ

Kecurigaan terhadap perawi sebagai pendusta atau pereka hadis palsu:

Terbuktinya pendustaan dan pembohongan seorang perawi pada pertuturan yang biasa bersama orang ramai. Akan tetapi tidak pernah terbukti bahawa dia pernah melakukan pendustaan pada hadis-hadis Nabi ﷺ.

Kemutawatiran: التَّوَاتُرُ

Lihat lafaz الْمُتَوَاتِر (*al-mutawatir*) dalam bahagian huruf *mim*.

Kemutawatiran berbentuk lafaz: التَّوَاتُرُ اللَّفْظِيّ

Lihat lafaz الْمُتَوَاتِر (*al-mutawatir*) dalam bahagian huruf *mim*.

Kemutawatiran berbentuk makna: التَّوَاتُرُ الْمَعْنَوِيّ

Lihat lafaz الْمُتَوَاتِر (*al-mutawatir*) dalam bahagian huruf *mim*.

Sejarah para perawi: تَوَارِيْخُ الرُّوَاةِ

Lihat pada تَارِيْخُ الرُّوَاةِ (*Tarikh al-ruwat*).

Sejarah dan tarikh kewafatan: التَّوَارِيْخُ والْوَفَيَاتُ

Lihat pada تَارِيْخُ الرُّوَاةِ (*Tarikh al-ruwat*).

Bersepakat dan bersama-sama: التَّوَاطُؤُ والتَّوَافُقُ

Al-tawatu': kesepakatan sekumpulan manusia untuk mereka-reka suatu khabar tertentu selepas melakukan mesyuarat, dan mencapai persetujuan bahawa setiap orang daripada mereka tidak akan mengatakan perkara yang bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh sahabatnya.

Al-tawafuq: Terhasilnya suatu berita rekaan daripada sekumpulan manusia tanpa ada mesyuarat atau pakatan sesama mereka, sama ada cerita yang direka-reka itu berlaku secara tidak sengaja, tersalah, atau secara sengaja. (sila lihat *Mu'jam al-Mustalahat al- Hadisiyyah*: 30).

***Tawthiq* (Memberi tanda kepercayaan):** التَّوْثِيْقُ

Dari segi bahasa (التوثيق) ialah masdar bagi (وثّق يوثّق) iaitu mengatakan tentang seseorang bahawa dia seorang yang boleh dipercayai.

Dari segi istilah: Meletakkan seseorang perawi pada kedudukan perawi yang boleh dipercayai *'adalah*nya, keelokkan hafalan dan penjagaannya. Ia juga dipanggil التعديل (*al-ta'dil*) iaitu memberi kenyataan tentang perawi-perawi bahawa mereka boleh dipercayai, *'adil* dan benar.

Men*tawthiq*kan perawi yang daif: تَوْثِيْقُ ضَعِيْفٍ

Menyatakan seorang perawi yang daif itu boleh dipercayai.



حرف الثّاء

HURUF THA

Tha yang bertitik tiga: الثَّاءُ الْمُثَلَّثَةُ

Huruf *tha* yang di atasnya ada tiga titik.

Yang mantap: الثَّابِتُ

Dari segi bahasa: (الثّابت) *al-thabit* adalah masdar bagi (ثَبَتَ يَثْبُتُ) bermakna yang mantap.

Dari segi istilah: Sifat bagi hadis yang merangkumi hadis sahih yang memang terbukti hadis itu daripada Rasulullah ﷺ.

Lihat lafaz (إسناده ثابتٌ) dalam bahagian huruf *alif*.

Yang ke tiga: الثَّالِثَةُ

Istilah yang digunakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab beliau *Taqrib al-Tahzib*. Beliau biasa menggunakan istilah ini dalam menerangkan biografi perawi-perawi, contohnya beliau berkata: "من الثالثة" yang bermaksud bahawa perawi tersebut daripada kalangan tabiin peringkat pertengahan. (Lihat *Muqaddimah Taqrib al-Tahzib*).

Yang ke lapan: الثَّامِنَةُ

Istilah yang digunakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab beliau *Taqrib al-Tahzib*. Beliau biasa menggunakan istilah ini dalam menerangkan biografi perawi-perawi, contohnya beliau berkata: "من الثامنة" yang bermaksud bahawa perawi tersebut daripada kalangan tabu' tabiin peringkat pertengahan. (Lihat *Muqaddimah Taqrib al-Tahzib*).

Yang kedua: الثَّانِيَةُ

Istilah yang digunakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab beliau *Taqrib al-Tahzib*. Beliau biasa menggunakan istilah ini dalam menerangkan biografi perawi-perawi, contohnya beliau berkata: "من الثانية" yang bermaksud bahawa perawi tersebut daripada kalangan tabiin peringkat permulaan/awal. (Lihat Muqaddimah Taqrib al-Tahzib).

Yang kedua belas: الثَّانِيَةُ عَشَرَة

Istilah yang digunakan oleh al-Hafiz ibn Hajar dalam kitab beliau *Taqrib al-Tahzib*. Beliau biasa menggunakan istilah ini dalam menerangkan biografi perawi-perawi, contohnya beliau berkata: "من الثانية عشرة " yang bermaksud bahawa perawi tersebut daripada peringkat akhir di kalangan mereka yang mengambil ilmu daripada tabu' tabiin, seperti al-Imam al-Tirmizi. Dimasukkan juga ke dalam golongan ini guru-guru kepada Imam-Imam Enam

yang lain yang kewafatan mereka agak terkemudian sedikit. (Lihat *Muqaddimah Taqrib al-Tahzib*).

***Thabat* (hujah, bukti):** الثَّبَتُ

Dari segi bahasa (الأثْبَات) ialah lafaz jamak bagi (ثَبَتٍ) dan maknanya ialah kandungan buku.

Dari segi istilah: Kitab yang penyusunnya menghimpunkan dalamnya sanad-sanad bagi kitab-kitab yang beliau pelajari daripada guru-gurunya sehingga sampai kepada pengarang kitab-kitab itu. Sebab dinamakan kitab ini dengan *al-thabat* ialah kerana ia seperti bukti bagi seseorang yang menunjukkan bahawa dia dan perawi lain pernah mendengar hadis.

Antara *thabat-thabat* yang masyhur ialah:

1. المجمع المؤسَّس للمعجم المفهرس "*Al-Mujma' al-Muassas li al-Mu'jam al-Mufahras*", karangan al-Imam al-Hafiz Abu al-Fadl Ahmad ibn hajar al-'Asqalani (w. 852 H).
2. الأمم لإيقاظ الهِمَم "*Al-Amam li Iqaz al-Himam*", karangan al-Syeikh Ibrahim ibn Hasan al-Kurdi al-Kaurani al-Madani (wafat 1102 H).
3. بغية الطالبين لبيان المشايخ المحقّقين "*Bughyat al-Tālibin li Bayan al-Masyayikh al-Muhaqqiqin*", karangan al-Syeikh Ahmad ibn Muhammad al-Nakhli al-Makki (w. 1130 H).
4. الإمداد بمعرفة عُلُوِّ الإسناد "*Al-Imdad bi Ma'rifat 'Uluw al-Isnad*", karangan al-Syeikh 'Abd Allah ibn Salim al-Basri (w.1135 H).
5. الإرشاد إلى مُهِمَّات علم الإسناد "*Al-Irsyād ilā Muhimmāt 'Ilm al-Isnād*", karangan al-Syeikh Waliyullah Ahmad ibn 'Abd al-Rahīm al-Dehlawī (w.1176 H) dan pada beliaulah bergantungnya sanad para ulama India.
6. إتحاف النبيه فيما يحتاج إليه المحدِّث والفقيهُ "*Ithāf al-Nabīh fīmā Yahtāj ilaih al-Muhaddith wa al-Faqīh*", karangan beliau juga.
7. إتحاف الأكابر بإسناد الدفاتر "*Ithāf al-Akābir bi Isnād al-Dafātir*", karangan al-'Allāmah al-Muhaddith Abū 'Alī Muhammad ibn 'Alī al-Syaukānī (w. 1255 H), penyusun "*Nail al-Awtār*" dan kitab-kitab lain.
8. العُجالة النافعة "*Al-'Ujālat al-Nāfi'ah*", karangan al-Syeikh 'Abd al-'Azīz ibn Waliyullah al-Dehlawī (w. 1239 H).
9. حصر الشارد في أسانيد محمد عابد. "*Hasr al-Syārid fi Asānīd Muhammad 'Ābid*", (w. 1257 H).
10. الوجازة في الإجازة. "*Al-Wijāzah fi al-Ijāzah*", karangan al-'Allāmah Abū al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī (w. 1329 H).
11. فهرس الفهارس والأثبات، ومعجم المعاجم والمشيخات والمسلسلات: "*Fihris al-Fahāris wa al-Aśbāt*" dan "*Mu'jam al-Ma'ājim wa al-Masyyakhāt wa al-*

Musalsalāt", karangan al-Syeikh 'Abd al-Hayy al-Kattānī (w.1347 H).

12. إتحاف القاري بثبت الأنصاري "*Ithāf al-Qārī bi Śabt al-Ansārī*", karangan al-Syeikh Hammād ibn Muhammad al-Ansārī al-Madanī (w.1418 H). (Sila lihat "*al-Barnāmij*" di huruf al-Bā').

Mantap: ثَبْت

Dari segi bahasa *thabt* ialah seorang yang mantap hatinya (kuat ingatannya), lidahnya (mahir berhujah) dan tulisannya.

Dari segi istilah pula lafaz *thabt* ini digunakan di kalangan *muhaddithīn* dengan makna *al-hujjah* dan ia berada di kedudukan pertama dalam kedudukan lafaz-lafaz *ta'dīl* menurut Ibn Abī Hātim, Ibn al-Salāh dan al-Nawawī, di kedudukan kedua di sisi al- Hafiz al-Żahabī dan al-'Irāqī, di kedudukan ketiga menurut Ibn Hajar dan al-Suyūtī dan di kedudukan keempat di sisi al-Sakhawī.

Hūkumnya:

Boleh berhujah dengan hadis perawi daripada martabat ini yang bersifat dengan sifat ini.

Mantap, mantap: ثَبْتٌ ثَبْتٌ

Dari segi bahasa, makna lafaz ini telah pun berlalu di tempatnya.

Dari segi istilāh pula lafaz ini digunakan di kalangan *muhaddithīn* dengan makna *al-hujjah* dan mereka mengulanginya untuk memberi makna yang lebih mendalam dalam menyifatkan seseorang perawī itu dengan ke*'adil*an.

Lafaz ini adalah antara lafaz-lafaz yang berada pada kedudukan pertama di kedudukan lafaz-lafaz *ta'dil* menurut al-Hāfiz al-Żahabī dan al-'Irāqī dan di kedudukan ketiga di sisi al-Sakhāwī.

Hukumnya:

Boleh berhujah dengan hadis perawi yang bersifat dengan sifat ini.

Mantap lagi hafiz: ثَبْتٌ حَافِظٌ

Dari segi bahasa makna al-Thabt telah pun berlalu di tempatnya dan al-Hāfiz pula ialah seorang yang menghafal kitab dengan ingatannya.

Dari segi istilāh pula lafaz *al-thabt* digunakan di kalangan *muhaddithīn* dengan makna *al-hujjah* dan lafaz al-hāfiz pula ialah orang yang menghafal satu bilangan yang besar daripada khazanah hadis Rasulullah ﷺ. Lihat takrifnya di huruf *al-ha'*.

Lafaz ini adalah antara lafaz-lafaz yang berada pada kedudukan pertama dalam kedudukan lafaz-lafaz *ta'dīl* menurut al-Hāfiz al-Zahabī dan al-'Irāqī.

Hukumnya:

Boleh berhujah dengan hadis perāwī yang bersifat dengan sifat ini.

Mantap lagi hujah: ثَبْتٌ حُجَّةٌ

Dari segi bahasa makna *al-Thabt* telah pun berlalu di tempatnya, dan *al-hujjah* pula ialah seorang yang menjadi tempat rujukan (sumber) yang dipercayai di kalangan orang ramai pada apa yang diperkatakannya.

Dari segi istilah pula lafaz *al-Thabt* digunakan di kalangan *muhaddithin* dengan makna *al-hujjah,* dan *al-hujjah* pula dengan makna *al-thiqah.*

Lafaz ini adalah antara lafaz-lafaz yang berada di kedudukan pertama dalam kedudukan lafaz-lafaz ta'dīl di sisi al-hāfiz al-Żahabī dan al-'Irāqī.

Hukumnya:

Boleh berhujah dengan hadis perāwī yang bersifat dengan sifat ini.

Yang Telah Pasti Atau Sahih: ثَبَتَ

Ia bermaksud sesuatu hadis yang sahih, atau didatangkan dengan isnad yang sahih atau hasan.

Yang Telah Pasti Ke*'adil*annya: ثَبَتَتْ عَدَالَتُهُ

Ia bermaksud: Telah selesai pengkajian terhadap perawi yang membawa kepada penetapan hukum bahawa dia adalah seorang yang *'adil, dhabit* (hafalan yang sempurna) dengan cara penetapan yang jelas.

Kepastian Kepada Pendengaran: ثُبُوْتُ السَّمْعِ

Ia bermaksud: Kepastian terhadap perawi yang mendengar daripada syeikhnya.

Para Perawi Yang *Thiqah* dan Daif: الثِّقَاتُ والضُّعَفَاءُ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya ialah ثِقَات yang bermaksud seorang yang boleh dipercayaai atau amanah. Manakala perkataan الضعيف dan jamaknya ialah الضُّعفاء bermaksud lawan bagi perkataan seorang yang kuat.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang *'adil* lagi *dhabit* (kuat hafalannya). Manakala daif adalah perawi yang dipersoalkan dan dikritik hafalan serta ke*'adil*annhya.

Al-Thiqah: الثِّقَةُ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات bermaksud seorang yang boleh dipegang atau dipergantungkan kepadanya perkataan dan perbuatan (dipercayai).

Dari sudut istilah: Ia bermaksud seorang perawi yang terkumpul pada dirinya sifat ke*'adil*an, hafalan yang sempurna, ketekunan serta dipegang padanya dalam pengriwayatan hadis.

Thiqah: ثِقَةٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات bermaksud seorang yang boleh dipegang atau dipergantungkan kepadanya perkataan dan perbuatan (dipercayai).

Dari sudut istilah: Ia adalah perawi yang dipegang padanya dalam pengriwayatan hadis setelah dikaji sifat 'adalah, kesempurnaan hafalan dan ketekunannya. Perkataan ini adalah daripada lafaz-lafaz al-Ta'dil di peringkat yang pertama menurut Ibn Abu Hatim, Ibn al-Salah dan al-Nawawi. Manakala di sisi al-Zahabi dan al-'Iraqi ia adalah di peringkat yang kedua. Menurut Ibn Hajr dan al-Suyuti di peringkat yang ketiga serta di peringkat yang keempat di sisi al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini hadisnya dijadikan hujah.

Thiqah Tahbt:

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات bermaksud seorang yang boleh dipegang atau dipergantungkan kepadanya perkataan dan perbuatan (dipercayai). Manakala الثَّبْت dan jamaknya adalah أَثْبَات bermaksud: Seorang yang memiliki hati yang tetap dan pasti, begitu juga pada lidahnya serta penulisannya. (Dari sudut istilah ia bermaksud al-Hujjah)

Dai sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz-lafaz al-Ta'dil. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya dijadikan hujah.

Thiqah Thiqah:

Dai sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala di sisi Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Hafiz:

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الحافظ bermaksud seorang perawi yang menghafal kitab (hadisnya) secara dalam hati.

Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Hujjah: ثِقَةٌ حُجَّةٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الحجة bermaksud seorang perawi yang memiliki kepercayaan orang ramai terhadap apa yang disebut atau dikatakannya.
Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala di sisi Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Sunni: ثِقَةٌ سُنِّيٌّ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala السُّنِّيُّ bermaksud seseorang yang mengikut sesuatu cara atau kaedah (dalam pengamalan sehariannya).
Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil kepada perawi. Seseorang yang bersifat dengan lafaz ini adalah beriktiqad dengan iktiqad ahli Sunnah wal Jamaah dalam bab Asma' Allah (nama-nama Allah) dan Sifat Allah. Seorang yang berperanan untuk memerangi ahli bidaah dan menolak dakwaan salah mereka.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Saduq: ثِقَةٌ صَدُوقٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الصَّدوق adalah kata nama pembuat dalam bentuk yang terlalu atau melampau yang bermaksud: Orang yang benar.
Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala Saduq adalah perawi yang disifatkan dengan benar pada perkataannya. Sila lihat takrifannya secara lebih terperinci dalam huruf Sad.
Ia adalah bentuk pujian kepada perawi dari sudut 'adalah dan hafalannya, ia adalh daripada lafaz al-Ta'dil.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini adalah ditulis.

Thiqah Dhabit: ثِقَةٌ ضَابِطٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الضابط bermaksud seseorang yang menghafal dengan hafalan yang sempurna dan bersungguh-sungguh.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala Dabit adalah seorang perawi yang sedar (tidak lalai) hafiz – jika memperdengarkan hadis melalui hafalannya - dimana dia mampu untuk mendatangkan hafalannya pada bila-bila masa daripada dia mendengarnya (daripada syeikhnya) sehinggalah dia pula menyampaikannya kepada muridnya. Sila lihat pengertiannya secara lebih terperinci dalam huruf Dad.

Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah 'Adl: ثِقَةٌ عَدْلٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala العَدْل adalah kata nama terbitan bagi perkataan عَدَل يعدِل yang bermaksud Seorang yang *'adil*, direstui hukumannya dan penyaksiannya.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala 'Adl adalah seorang muslim yang baligh, sempurna akal fikiran, bebas daripada sebab-sebab yang bolah menjadikannya fasiq serta menjatuhkan maruahnya.

Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Ma'mun: ثِقَةٌ مَأْمُونٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala المأمون

adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan أَمَنَ يَأْمُنُ أمانةً yang bermaksud: Seseorang yang hafiz pada zamannya, memelihara apa yang diamanahkan kepadanya. Lawan bagi lafaz ini adalah: Pengkhianat.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala al-Makmun adalah seorang perawi yang dijadikan pegangan dalam pengriwayatannya.

Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala di sisi Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Mutqin: ثِقَةٌ مُتْقِنٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الْمُتْقِن adalah kata nama pelaku daripada perkataan أَتْقَنَ يُتقِن إتقاناً yang bermaksud seorang yang teliti, iaitu seorang yang menyempurnakan kerjanya dengan kecerdikan dan berpengetahuan luas.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala al-mutqin ialah seorang perawi yang bersifat dengan hafalan yang sempurna, ketepatan dan sedar serta memahami pengriwayatannya dalam hadis.

Ia adalah daripada lafaz al-Ta'dil dan lebih tinggi daripada kata-kata muhaddithin 'thiqh' sahaja. Al-Hafiz al-Zahabi meletakkan setiap lafaz yang berulang-ulang di martabat yang pertama, begitu juga al-'Iraqi. Manakala menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti di martabat yang kedua dan al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dijadikan hujah.

Thiqah Muttaham: ثِقَةٌ مُتَّهَمٌ

Dari sudut bahasa الثقة dan jamaknya adalah ثِقَات yang bermaksud perawi yang dipegang dan dijadikan hujah kata-kata dan perbuatannya. Manakala الْمُتَّهَمُ adalah kata nama pelaku daripada perkataan اتَّهَمَ يَتَّهِمُ اتِّهاماً yang bermaksud seseorang yang dituduh denga tuduhan yang buruk.

Dari sudut istilah: *Thiqah* adalah perawi yang terhimpun pada dirinya sifat al-'adalah dan kesempuranaan hafalan serta ketekunan dan pengriwayatannya dijadikan pegangan. Manakala al-muttaham pula adalah seorang perawi yang

telah dipastikan tuduhan yang mencacatkan dalam pengriwayatannya seperti golongan pelampau syiah dan sebagainya.

Kenyataan:

Jika perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak mengajak (orang lain) ke arah perkara yang menjadi tuduhannya (tuduhan dengan sesuatu yang mencacatkan), maka perawi tersebut tidak dianggap sebagai cacat pengriwayatannya.

***Thiqah* Secara Mutlak:** ثِقَة مُطْلَقًا

Ia bermaksud: Seorang perawi yang *thiqah* pada semua syeikhnya, atau *thiqah* dengan ke*thiqah*an yang sempurna.

Sila lihat التوثيق المطلق dalam huruf Ta'.

Bertiga: الثُّلاثَة

Maksud lafaz ini adalah pemilik-pemilik kitab sunan, iaitu:

1. Al-Imam Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H).
2. Al-Imam al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah (w 279H)
3. Al-Imam al-Nasai', Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib (w 303H).

Al-Thulathiyyat: الثُّلاثِيَّات

Ia bermaksud kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis yang memiliki perawi antara penulis kitab dengan Nabi SAW seramai tiga orang sahaja, ia adalah dari jenis isnad yang tinggi.

Karya-karya yang masyhur:

1. Oleh al-Imam al-Bukahri: Sebanyak 22 buah, dikumpulkan oleh al-Hafiz Ibn Hajr al-'Asqalani dan selainnya, kitab ini disyarahkan oleh banyak ulama, dan isnad-isnad yang paling panjang sebanyak sembilan.
2. Karya al-Imam Muslim selain kitab Sahihnya, kerana kitab ini bukan mengikut syaratnya.
3. Karya al-Imam al-Tirmizi dalam kitab Jami'nya, sebanyak satu atau dua hadis, antaranya hadis Anas:

   يأتي على النَّاسِ زَمَانٌ الصَّابِرُ فيهم على دِيْنِهِ كالقابِضِ على الجَمْرِ

4. Karya Ibn Majah, sebanyak lima hadis dengan satu sanad daripada Anas, tetapi melalui jalan Jubbarah bin al-Mughallis al-Himmani al-Kufi, seorang perawi yang daif mengambil hadis daripada Kathir bin Sulaim al-Dabbi, juga seorang perawi yang daif mengambil hadis daripada Anas.
5. Al-Darimi dalam sunannya sebanyak lima belas hadis.
6. Al-Imam al-Syafie' dalam musnadnya dan kitab lain yang mengandungi beberapa hadis.

7. Al-Imam Ahmad dalam musnadnya sebanyak 337 hadis seperti yang dinyatakan dalam kitab عقود اللآلي في الأسانيد العوالي ada yang mengatakan sebanyak 363 hadis seperti yang dinyatakan oleh al-Syeikh Muhammad bin Ahmad bin Salim al-Saffarini (w 1088H) dalam kitab نفثات الصدر المكمَّد بشرح ثلاثيات المسند iaitu sebuah karya yang besar.
8. 'Abd bin Humaid dalam musnadnya sebanyak 51 hadis.
9. Al-Tabrani dalam al-*Mu'jam* al-Saghir sebanyak 3 hadis. (al-Risalah al-Mustadrafah: hlm: 98).

Al-Thamaniyyat: الثمانيات

Ia bermaksud kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis yang memiliki perawi antara penulis kitab dengan Nabi SAW seramai lapan orang.

Karya-karya yang masyhur:

1. تحفة المستفيد في الأحاديث الثمانية الأسانيد Oleh al-Rasyid Abu al-Hasan Yahya bin 'Ali bin 'Abd Allah al-'Attar.
2. Al-Diya' yang mempunyai kitab berkenaan dengan topik ini yang disebutkan oleh al-'Allamah al-Kattani dalam *al-Risalah al-Mustadrafah* (hlm: 100).

ThaNa: ثنا

Ia adalah simbol yang menunjukan kepada proses pengambilan hadis dan penyampaiannya. Simbol ini adalah ringkasan kepada lafaz حَدَّثنا di kalangan sebahagian muhaddithin.

Al-Thunaiyyat: الثنائيات

Ia bermaksud kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis yang memiliki perawi antara penulis kitab dengan Nabi SAW seramai dua orang sahaja, ia adalah dari jenis isnad yang tinggi. Jenis ini banyak didapati di sisi al-Imam Malik dalam kitab al-Muwatta' dan sanad yang paling tinggi padanya.

ThaNi: ثني

Ia adalah bentuk pengambilan dan penyampaian hadis di kalangan sebahagian muhaddithin, yang merupakan simbol bagi ringkasan lafaz حَدَّثَني bermaksud dia telah menceritakan kepada kami.



حرف الجيم

HURUF JIM

Jalan: الْجَادَّةُ

Dari sudut bahasa الجادّة dan perkataan jamaknya ialah جواد bermaksud: Jalan.

Disebut: si polan terkeluar daripada jalan yang benar, iaitu tersalah dan menyeleweng.

Dari sudut istilah: Para *muhaddithin* menggunakan perkataan ini bagi sesebuah hadis yang diriwayatkan dengan menggunakan lafaz *munkar* (bertentangan dengan periwayatan perawi yang *thiqah*), tetapi datang seseorang perawi yang lain dan meriwayatkannya dengan lafaz yang *ma'ruf* (riwayat yang sama dengan periwayatan perawi yang *thiqah*). Maka disebut kepadanya: جرى فيه على الجادة.

Pengkritik: الْجَارِحُ

Dari sudut bahasa الجارح adalah kata nama pembuat bagi perkataan جَرَح يَجرَح yang bermaksud: Sesuatu atau seseorang yang menyakitkan atau melukakan.

Dari sudut istilah: Ia adalah seorang imam yang menerangkan tentang sebab-sebab yang mewajibkan seseorang perawi itu di*tad'if*kan (dilemahkan periwayatannya) berdasarkan kepada ilmu dan pengetahuan imam tersebut berkaitan dengan diri perawi dan hadis-hadisnya.

Kitab *Jame'*: الْجَامِعُ

Dari sudut bahasa الجامع dan perkataan jamaknya ialah جوامع yang bermaksud: Sempurna atau yang menyeluruh.

Dari sudut istilah: الجامع di kalangan ulama hadis adalah perkataan yang diberikan kepada kitab yang disusun hadis-hadis dalamnya berdasarkan kepada susunan bab-bab yang mengumpulkan hadis-hadis daripada semua topik-topik dalam agama. Bilangannya adalah sebanyak lapan bab utama iaitu: Aqidah, hukum-hukum, sirah dan sejarah, adab-adab, tafsir, pancaroba-pancaroba akhir zaman, tanda-tanda kiamat, kelebihan dan keutamaan.

Kitab-kitab*Jame'* ini banyak, antara kitab yang masyhur ada 3 iaitu:

1. الجامع الْمُسْنَد الصحيح الْمُخْتَصَر من أمور رسول الله ﷺ وسُنَنه وأيامه

   yang lebih dikenali dengan صحيح البخاري oleh al-Imam Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).

2. الْمُسْنَد الصحيح الْمختصر من السُّنَن بنقل العدل عن العدل عن رسول الله ﷺ

yang lebih dikenali dengan: صحيح مسلم oleh al-Imam Aba al-husayn Muslim bin al-hajjaj al-Qusyairi (w 261H).

3. الجامعُ الْمختصر من السُّنن عن رسول الله ﷺ ومعرفةُ الصحيح والمعلولِ وما عليه العملُ

yang lebih dikenali dengan: جامع الترمذي oleh al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa al-Tirmizi (w 279H). Kitab ini juga dikenali dengan nama: السُّنَن disebabkan al-ImÉm al-Tirmizi menitik beratkan sudut hukum.

Selain daripada 3 kitab ini, di sana terdapat beberapa buah kitab yang dikenali dengan nama الجوامع, antaranya:

1. جامع مَعْمَر بن راشد: (w 154H), hadis-hadis dalam kitab ini telah diriwayatkan daripada Ma'mar bin Rasyid oleh 'Abd al-Razzaq al-San'ani (w 211H), telah dicetak di akhir kitab Musannafnya.
2. جامع ابن وَهْب الفِهْري: (w 197H).
3. جامع رَزِيْن بن معاوية السَّرَقُسْطِيّ: (w 535H).

   Ibn al-Ather meriwayatkan daripadanya dalam kitab جامع الأصول dalam berbagai tempat.

Terdapat juga kitab الجوامع bagi ulama *mutaakhirin*, tetapi tanpa menyatakan sanad dengan lengkap. Penulisan seperti ini adalah dianggap sebagai rujukan atau sumber dalam bidangnya kerana ia memudahkan (kepada pembaca) untuk memahami sunnah dan menyebarkan manfaatnya. Antara kitab-kitab tersebut:

1. جامع الأصول من أحاديث الرسول: oleh al-Hafiz Ibn al-Ather al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim (w 606H).
2. تيسير الوصول إلى جامع الأصول: oleh Wajwh al-Den Abu Zayd, 'Abd al-Rahman bin 'Ali al-Syaibani yang lebih dikenali dengan Ibn al-Dayba' (w 944H), ia adalah kitab ringkasan daripada kitab جامع الأصول oleh Ibn al-Ather.
3. كنـــز العُمَّال في سنن الأقوال والأفعال: oleh al-Syeikh 'Ala al-Den 'Ali al-Muttaqe al-Hindi (w 975H).
4. جمعُ الفوائد من جامع الأصول ومجمع الزوائد: oleh Muhammad bin Sulayman al-Rawdani al-Maghribi (w 1094H).

Lihat مجاميع الحديث dalam huruf *mim*, dalamnya terdapat pengenalan tentang banyak kitab-kitab selain kitab-kitab yang telah disebutkan di sini.

Pembaikan, penampungan: الجَبْر

Dari sudut bahasa الجَبْرُ adalah kata nama terbitan bagi perkataan جَبَر يَجبُر yang bermaksud Islah atau pembaikan dan membaiki, ia adalah perkataan berlawanan bagi perkataan yang bermaksud memecahkan.

Dari sudut istilah جبرُ الأسانيد atau تجبيرُ الأسانيد ialah istilah yang digunakan oleh muhaddithin dengan makna menyamakan sebahagian dan menguatkannya dengan sebahagian yang lain. Iaitu dengan cara sesuatu hadis sahih menyokong dan menguatkan keadaan hadis daif, menyambungkan sesuatu hadis yang terputus sanadnya dengan hadis lain yang bersambung sanadnya.

Gunung: جَبَلٌ

Dari sudut bahasa الجبل dan perkataan jamaknya ialah الجِبَال. Ia ialah nama bagi sesuatu yang terpasak atau tercacak di muka bumi, jika ia amat kukuh, besar dan tinggi daripada bendera, gunung, bukit.

Dari sudut istilah الجبل adalah perkataan atau sifat yang diberikan oleh ulama *muhaddithin* kepada seseorang perawi bahawa beliau seumpama *jabal* (gunung, bukit) dengan sebab periwayatan dan juga hafalannya yang banyak. Seumpama gunung dari sudut kehebatan dan keupayaannya, serta kebesaran kedudukannya dan tingkatannya di kalangan para ulama. Ia sebagai penghargaan kepada ketinggian ilmu dan kedalamannya. Para *muhaddithin* tidak akan menggunakan ungkapan ini kecuali kepada perawi yang sudah sampai kepada martabat imam (yang boleh dicontohi dan mempunyai pengikut) serta diakui segala kata-katanya.

Ungkapan ini menurut *muhaddithin* merupakan lafaz martabat *al-ta'dil* yang tertinggi, sepertimana ia juga digunakan bagi seburuk-buruk lafaz *al-tajrih* dengan melihat kepada sandaran kepada lafaz tersebut.

Contoh penggunaan lafaz الجبل dengan maksud *al-ta'dil*:

Menurut al-Hafiz ibn Hajar dalam pernyataan tentang biografi Bisyr bin al-Harith bin 'Abd al-Rahman al-Baghdadi: Seorang 'Abud, zuhud, *muhaddith* dan *faqih*... al-Daruqutni berkata: *thiqah*, zuhud, *jabal* dan tidak meriwayatkan kecuali hadis yang sahih. (*Tahzib al-Tahzib*: 1/445).

Contoh penggunaan *jabal* dengan maksud *al-tajrih*:

Al-Hafiz al-Zahabi berkata dalam menyatakan biografi 'Isa bin Mihran: Rafili, pendusta *jabal*. (*Mizan al-I'tidal*: 3/324).

Gunung dalam pendustaan: جَبَلٌ فِي الكَذِبِ

Dari sudut bahasa الجبل telah dinyatakan pengertiaannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah salah satu ungkapan tertinggi bagi martabat *al-jarh* yang menunjukkan kepada berlebih-lebihan atau melampau (dalam pendustaannya). Ungkapan ini ialah merupakan martabat yang tertinggi daripada martabat *al-jarh* di sisi al-Hafiz Ibn Hajar, al-Sakhawi dan al-Suyuti.

Hukumnya:

Hadis perawi yang memiliki sifat seperti ini tidak bolah dijadikan hujah dan tidak boleh dijadikan dalil penyokong (untuk disokong atau menyokong hadis lain).

Bekas: جِرَابٌ

Dari sudut bahasa الجراب dan jamaknya ialah أَجْرِبَة، وجُرُب bermaksud: Bekas yang digunakan untuk menyimpan bekalan (makanan) dan sebagainya.

Dari sudut istilah: Lafaz yang digunakan oleh *muhaddithin* terhadap perawi yang mencipta dan mereka-reka hadis. Maka lafaz ini menurut mereka juga bermaksud: وضَّاع.

Ungkapan ini mengandungi sifat perawi yang melampau-lampau dalam pendustaannya. Dia adalah seorang yang mengumpulkan segala pendustaan terhadap Rasulullah SAW dan mengharuskan perbuatan ini. Jenis orang yang merasa gembira, bangga dengan perbuatannya dan tidak mempedulikan sesiapa pun.

Bekas pendustaan: جِرَابُ الْكَذِبِ

Lihat جِرَاب dan جَبَلٌ فِي الكذب

***Al-jarh* (mencederakan, mendaifkan):** الْجَرْحُ

Ia ialah ungkapan tuduhan (ketidaksempurnaan) terhadap seseorang perawi dari sudut *'adalah* (*thiqah*, dipercayai) atau hafalannya yang membawa kepada periwayatannya memerlukan kepada sokongan (tidak boleh diterima tanpa sokongan riwayat yang lain), atau mendaifkan periwayatannya atau menolak periwayatannya. Bagi perincian, sila lihat: الجَرْحُ والتَّعْدِيْلُ

Al-jarh al-bariy: الْجَرْحُ الْبَرِيُّ

Ia adalah *al-jarh* yang dikemukakan tanpa sebarang taksub, disebabkan permusuhan, perselisihan, atau sezaman atau sebagainya.

***Al-jarh* yang samar:** الْجَرْحُ الْمُبْهَمُ

Suatu kecacatan pada perawi dengan menggunakan lafaz secara zahirnya mengandungi tuduhan, kejian atau merendahkan kedudukannya tanpa sebarang keterangan dan kupasan lanjut berkaitan dengan sebabnya. Ia adalah sama seperti kata-kata seorang pengkritik hadis terhadap seseorang perawi: ليس بشيء, atau ضعيف, atau متروك, atau إِرْمِ به ataupun isyarat seorang pengkritik dengan menggunakan tangannya apabila ditanya berkaitan dengan seseorang perawi, atau menggerakkan kepadanya (seumpama mengelengkan kepala) yang dapat difahami daripada perbuatannya bahawa itu adalah sebagai tuduhan atau melambangkan terdapatnya kecacatan pada periwayatan perawi tersebut.

***Al-jarh al-mufassar* (dijelaskan sebab):** الْجَرْحُ الْمُفَسَّرُ

Suatu tuduhan kecacatan pada seorang perawi yang menggunakan lafaz pada zahirnya mengandungi tuduhan atau kejian atau merendahkan kedudukannya, di samping mempunyai keterangan sebab bagi tuduhan tersebut.

Al-jarh al-mujmal: الجَرْحُ المُجْمَلُ

Lihat: الجرح المُبهَم

Al-jarh dan al-ta'del: الجَرْحُ والتَّعْدِيْلُ

1. *Al-jarh* الجَرْحُ:

Dari sudut bahasa ialah kata nama terbitan bagi perkataan جَرَح يَجرَح yang bermaksud tuduhan atau celaan (pada riwayatnya dengan pelbagai sebab). Disebut: Seorang hakim men*jarh*kan seorang saksi: Jika hakim tersebut mengetahui sesuatu yang boleh menjatuhkan atau mengugurkan ke*'adil*an saksi tersebut sama ada penipuan atau sebagainya.

Disebut: جَرَح الرجلُ iaitu jika menurunkan atau merendahkan kedudukan penyaksiannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah suatu tuduhan atau celaan terhadap perawi dengan sebab sesuatu yang mengurangkan ke*'adil*annya atau hafalannya.

2. *al-ta'del* التعديلُ:

Dari sudut bahasa ialah merupakan kata nama terbitan bagi perkataan عَدَّل يعدِّل. Anda menyebut: إنهم عُدُوْلٌ: iaitu kesemua mereka *'adil*. Dan وعَدَّل الحكم iaitu membawa erti mendirikannya atau menegakkannya. عَدَّل الرجل adalah meninggikannya, memujinya dan mengatakan kebaikannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah suatu pujian atau mengelokkan peribadi seorang perawi dengan mengatakan bahawa dia adalah *'adl* (memiliki sifat *'adilah*) atau *dhabit* (hafalan yan sempurna).

Sumber-sumber *al-jarh wa al-ta'dil* yang paling utama:

Sumber-sumber *al-jarh wa al-ta'dil* dibahagikan mengikut susunan yang berikut:

Pertama: Kitab-kitab *al-thiqat* (perawi yang *thiqah*)

1. تاريخ الثقات: oleh al-Hafiz Abu al-Hasan Ahmad bin 'Abd Allah bin Salih al-'Ijli (w 261H), dengan disusun oleh al- Hafiz 'Ali bin Abu Bakr Nur al-Din al-Haithami (w 807H).
2. كتاب الثقات: oleh al- Hafiz Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H).
3. تاريخ أسماء الثقات مِمَّن نُقل عنهم العلم: oleh 'Umar bin Ahmad bin Syaheen al-Wa'iz (w 385H)
4. الرواة الثقات المتكلّم فيهم بما لا يوجب ردّهم: oleh al- Hafiz Syam al-Din Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (w 748H).

Kedua: Kitab-kitab al-Du'afa'

1. الضعفاء الكبير: oleh al-Imam Muhammad bin Isma'il al-Bukhaari (w 256H).
2. الضعفاء الصغير: oleh al-Bukhari juga.

3. الضعفاء والمتروكون: oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syui'ab al-Nasa'i(w 303H).
4. الضعفاء: oleh al-Imam Abu Ja'far Muhammad bin 'Amr al-'Uqaili (w 748H).
5. معرفة المجروحين من المحدِّثين: oleh al-Imam Muhammad bin Ahmad bin Hibban al-Busti (w 354H).
6. الكامل في ضعفاء الرجال: oleh al-Imam 'Abd Allah bin 'Adu bin 'Abd Allah al-Jurjani (w 365H).
7. المغني في الضعفاء: oleh al- Hafiz Abu 'Abd Allah Syam al-Din al-Zahabi (w 748H).
8. ميزان الاعتدال: oleh al-Zahabi juga.
9. لسان الميزان: oleh al- Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).
10. أحوال الرجال: oleh Abu Ishaq Ibrahim bin Ya'qub al-Juzani (w 259H).
11. الضعفاء والمتروكون: oleh al- Hafiz 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 385H).
12. الضعفاء والمتروكين: oleh al- Hafiz Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman bin al-Jawzi (w 597H).

Ketiga: Kitab-kitab yang menggabungkan antara *al-thiqat* dan *al-du'afa'*
Kitab *al-jarh wa al-ta'dil* yang tidak dikhususkan kepada kategori tertentu ataupun kitab yang tertentu:

1. التاريخ الكبير: oleh al-Imam Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).
2. الجرح والتعديل: oleh al-Imam Ibn Abu Hatim al-Razi (w 283H).
3. الجامع في الجرح والتعديل لأقوال البخاري ومسلم والعِجْلي وأبي زُرْعَة الرازي وأبي داود الفَسَوي وأبي حاتم الرازي والترمذي وأبي زُرْعة الدمشقي والنسَّائي والبزَّار والدَّار قطني: Dikumpul dan disusun oleh: al-Sayyid Abu al-Ma'ati al-Nuri dan selainnya.

Keempat: Kitab *al-jarh wa al-ta'dil* yang khusus bagi perawi-perawi kitab tertentu:

1. رجال البخاري: Yang dinamakan dengan: الهداية والإرشاد في معرفة أهل الثقة والسّداد: oleh Abu Nair Ahmad bin Muhammad al-Kalabazi (w 398H).
2. التعديل والتجريح لمن روى عنه البخاري في الجامع الصحيح: oleh Abu al-Walud Sulayman bin Khalaf al-Baji al-Andalusi (w 474H).
3. رجال صحيح الإمام مسلم: oleh Ahmad bin 'Ali bin Manjuyah al-Asfahani (w 428H).
4. التعريف برجال الموطأ: oleh Muhammad bin al-Hazza' al-Tamimi (w 416H).
5. إسعاف المبطأ برجال الموطأ: oleh al- Hafiz Jalal al-Ddin al-Suyuti (w 911H).

6. تسمية شيوخ أبي داود في سننه: oleh Abu 'Ali al-Husiyn bin Muhammad bin Ahmad al-Ghassani al-Jayyani (w 498H).
7.. شيوخ أبي عيسى الترمذي في سننه: oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd al-'Aziz al-Ansari al-Dawraqi.
8. تسمية شيوخ النسائي: oleh Abu 'Ali al-Husiyn bin Muhammad bin Ahmad al-Ghassani al-Jayyani (w 416H).
9. الإيثار بمعرفة رواة الآثار لمحمَّد بن الحسن الشيباني: oleh al- Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (w 852H).
10. كشف الأستار عن رجال معاني الآثار: Ringkasan معاني الأخبار: oleh Abu al-Turab Rasyd Allah al-Sindi.
11. تسمية من أخرجهم البخاري ومسلم: oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi (w 405H).
12. الجمع بين رجال الصحيحين: oleh Abu al-Fadl Muhammad bin Tahir bin 'Ali al-Maqdisi yang lebih dikenali dengan Ibn al-Qaysarani (w 507H).
13. الكمال في معرفة أسماء الرجال: oleh 'Abd al-Ghani bin 'Abd al-Wahid al-Maqdisi al-Jamma'ili (w 600H).
14. تهذيب الكمال: oleh al- Hafiz Abu al-Hajjaj Jamal al-Ddin al-Mizzi (w 742H).
15. تذهيب تهذيب الكمال: oleh al- Hafiz Syams al-Din al-Zahabi (w 748H).
16. الكاشف لمن له رواية في الكتب السِّتَّة: oleh al-Zahabi juga.
17. خلاصة تذهيب تهذيب الكمال: oleh Safi al-Din Ahmad bin 'Abd Allah al-Khazraji (w 923H).
18. تهذيب التهذيب: oleh al- Hafiz Ibn Hajar.
19. تقريب التهذيب: oleh Ibn Hajar juga.
20. تعجيل المنفعة بزوائد رجال الأئمَّة الأربعة: oleh Ibn Hajar.
21. التذكرة بمعرفة رجال العشرة: oleh Muhammad bin 'Ali al-Husayni (w 765H).
22. إكمال تهذيب الكمال في أسماء الرجال: oleh al- Hafiz 'Ali al-Ddin Mughlatay (w 762H).

Dan sebagainya daripada kitab-kitab lain.É Penulis telah pun menyebutkan perkara ini dengan terperinci dalam kitab: "المدخل إلى دراسة علم الجرح والتعديل " dan "مصادر الحديث ومراجعه: دراسة وتعريف"

Berjalan padanya mengikut jalan yang benar: جَرَى فِيْهِ على الجَادَّة

Lihat الجادة

Juzuk: الْجُزْءُ

Lihat الأجزاء dalam huruf *alif.*

Pasti: الْجَزْمُ

Lihat: الجزم في الرواية

Pasti dalam periwayatan: الْجَزْمُ فِي الرِّوَايَةِ

Dari sudut bahasa الجزم ialah kata nama terbitan bagi perkataan جَزَم يَجزِم. Disebut: فلانٌ جزم الأمرَ bermaksud: Dia mengambil perkara ini dengan penuh pasti dan *thiqah* (kepercayaan).

Dari sudut istilah: Ia adalah penyandaran atau penisbahan seorang *muhaddith* akan sesebuah hadis kepada perawi yang meriwayatkannya berserta sanad, atau kepada orang yang mengeluarkan kata-kata tersebut atau orang yang menyebutnya dengan menggunakan salah satu daripada bentuk kata kerja yang dibina di atas kepastian yang lebih dikenali dalam bahasa Arab sebagai الأفعال المبنية للمعلوم seperti: رَوَى atau يروي, ذَكَر atau يَذكُر, قالَ atau يقول, حَكَى atau يحكِي dan sebagainya daripada lafaz-lafaz yang memberi makna kepastian atau kesahihan penisbahan atau penyandaran kepada seseorang yang dinyatakan.

Al-ja'diyyat: الْجَعْدِيَّاتُ

Ia merupakan 12 juzuk daripada pengumpulan Abu al-Qasim 'Abd Allah bin Muhammad al-Baghawi bagi hadis Syeikh Baghdad Abu al-Hasan 'Ali bin al-Ja'd (w 230H), daripada syeikh-syeikhnya berserta dengan kenyataan biografi mereka dan biografi syeikh-syeikh mereka. (lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*: m.s. 91).

Jama'ah: الْجَمَاعَةُ

Maksud istilah ini ialah imam-imam hadis yang merupakan pengarang kitab-kitab hadis yang enam. Mereka ialah:

1. Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H), pengarang kitab *al-Sahih*.
2. Al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w 261H) pengarang kitab *al-Sahih*.
3. Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwani (w 273H) pengarang kitab *al-Sunan*.
4. Al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H) pengarang kitab *al-Sunan*.
5. Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 276H) pengarang kitab *al-Sunan*.
6. Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H) pengarang kitab al-Sunan.

Unta-unta yang kuat melompat: جَمَّازَاتُ الْمَحَامِلِ

Dari sudut bahasa الجَمَّازات adalah jamak bagi perkataan جمَّازة yang bermaksud: Yang kuat melompat atau menerkam. Disebut: بعيرٌ جمَّازٌ dan ناقةٌ جمَّازةٌ

Dari sudut istilah: ia merupakan perumpamaan yang diberikan kepada *muhaddith* dengan menyamakannya dengan haiwan yang kuat atas sebab

kemampuannya menghafal jumlah yang banyak daripada riwayat-riwayat dan hadis-hadis.

Unta-unta yang kuat mengangkat: جِمَالُ الْمَحَامِلِ

Dari sudut bahasa الجِمَال adalah jamak bagi perkataan جَمَلٌ iaitu haiwan yang dikenali sebagai unta. Perkataan الـمَحَامِل adalah jamak bagi perkataan الـمَحْمِل yang bermaksud sesuatu yang diletakkan di atasnya dan dibawa, ia juga adalah *al-haudaj* (tempat duduk penunggang di atas badan unta yang dibuat daripada kayu).

Dari sudut istilah: Ia adalah ungkapan yang digunakan oleh *muhaddithin* untuk menyatakan keutuhan seorang perawi dan kesempurnaan *'adalah*nya, ketekunan dan ketelitiannya serta hafalannya terhadap hadis. Atau dengan maksud lain: Perawi yang mempunyai kekuatan untuk mempelajari dan mengambil hadis, mengekalkan hafalannya dalam dadanya dalam tempoh waktu yang lama, menyampaikannya dengan kaedah atau cara yang pelbagai, di samping pengetahuannya yang sempurna dengan lafaz-lafaz hadis tanpa sebarang perubahan dan penyelewengan.

Maka dia diumpamakan sebagai unta yang kuat, sanggup menanggung dan mengangkat barangan berat melalui jarak perjalanan yang jauh, berserta kesusahan di padang pasir dan mengetahui kepayahannya.

Unta-unta yang kuat mengangkat: جِمَالاَتُ الْمَحَامِلِ

Lihat: جمال المحامل

Jamak: الْجَمْعُ

Ia ialah salah satu daripada tiga kaedah penyelesaian bagi hadis-hadis yang saling bertentangan antara satu sama lain dari segi zahirnya dalam ilmu *mukhtalif al-Hadith.* Selain istilah *al-jam'* (penggabungan), ia juga disebut sebagai *al-tawfiq* (penyatuan). Dua kaedah yang bakinya ialah *al-tarjih* (pemilihan) dan *al-naskh* (pemansukhan).

Istilah ini digunakan oleh para muhaddith untuk menggabungkan dua perawi atau lebih sebagai satu. Contohnya Isma'il bin Abban, nama ini adalah bagi dua orang perawi yang memiliki nama yang sama, begitu juga nama bapa mereka. Salah seorang daripadanya adalah seorang كذّابٌ (pendusta) iaitu Isma'il bin Abban al-'Anazi. Manakala seorang lagi adalah *thiqah* iaitu Isma'il bin Abban al-Warraq. Jika nama ini didapati dalam sesuatu sanad tanpa sebarang nasab, maka hukum hadis atau penentuan tentang perawi sebenar ditangguhkan dahulu sehinggalah dipastikan kebenarannya. Ini disebabkan tidak dapat dibezakan antara keduanya seumpama perawi yang tidak diketahui akan keadaannya.

Contoh yang lain: Isma'il bin Muslim, nama yang sama bagi dua orang perawi di *tabaqat* yang sama. Kedua-duanya meriwayatkan daripada al-Hasan al-Basri, tetapi salah seorang daripadanya menetap di Mekah dan dinisbahkan kepadanya, serta *kunyah*nya (gelaran yang dinisbahkan kepada anak) adalah

Abu Rabi'ah, seorang yang متروكَ الحديث. Manakala seorang perawi yang lain di*kunyah*kan dengan Abu Muhammad, seorang yang *thiqah*.

Lawan kepada الجمعَ ialah التفريقُ iaitu menganggap seorang perawi itu sebagai dua orang atau lebih. Sila lihat pengertiannya dalam huruf *ta'*.

Jumhur: الْجُمْهُوْرُ

Iaitu jumhur *muhaddithin.*

Jim Ha: جه

Simbol ini menunjukkan kepada Imam Ibn Majah dalam kitab Sunannya.

Tidak diketahui: الْجَهَالَةُ

Dari sudut bahasa الجهالة adalah kata nama terbitan bagi perkataan جَهِلَ يَجهَل yang bermaksud: Tidak diketahui, lawan kepada ilmu atau pengetahuan.

Dari sudut istilah: Ia adalah sesuatu yang tidak diketahui tentang perawi (dari segi sifat dan sebagainya). Istilah ini terbahagi kepada dua jenis iaitu: جهالة العين dan جهالة الحال. Sila lihat pengertian setiap daripadanya dalam hurufnya.

Tidak diketahui hal keadaannya: جَهَالَةُ الْحَالِ

Iaitu periwayatan daripada seseorang perawi oleh dua orang perawi lain atau lebih di kalangan perawi-perawi yang terkenal dengan ilmu, tetapi tidak dapat dipastikan daripada mana-mana ulama berkaitan *tawthiq* (keterangan bahawa dia *thiqah*) atau *ta'dil* terhadapnya.

Lihat perinciannya المجهول dalam huruf *mim.*

***Jahalah* perawi (tidak diketahui tentangnya):** جَهَالَةُ الرَّاوِي

Lihat: الجهالة.

***Jahalah* sahabat:** جَهَالَةُ الصَّحَابِيِّ

Ia adalah kata-kata seorang tabiin: "Daripada seorang lelaki yang bersahabat dengan Nabi SAW." Dalam ungkapan ini terdapat *jahalah* (tidak diketahui) akan peribadi sahabat tersebut. Tetapi *jahalah* ini tidak memudaratkan disebabkan semua para sahabat adalah *'udul* (bersifat *'adalah*). Menurut al-Khatib al-Baghdadi: Setiap hadis yang bersambung sanadnya antara orang yang meriwayatkannya dan antara Nabi SAW tidak dimestikan beramal dengannya sehinggalah setelah dipastikan *'adalah* perawinya. Wajib dilihat dan dikaji tentang hal keadaan semua perawinya kecuali sahabat yang menisbahkan hadis tersebut kepada Rasulullah SAW. Ini disebabkan *'adalah* sahabat ialah sesuatu yang pasti dan diketahui dengan *ta'dil* daripada Allah SWT begitu juga perkhabaran Allah SWT tentang kesucian mereka dan pemilihan mereka yang dinaskan dalam al-Quran. (*al-Kifayah*: m.s.49).

Lihat: الصَّحابِيِّ dalam huruf *Sad.*

Jahalah al-'ain: جَهَالَةُ الْعَيْنِ

Iaitu keadaan seorang perawi yang tidak diketahui langsung, dan tidak ada perawi yang meriwayatkan daripadanya kecuali hanya seorang.

Pakar: جِهْبِذ

Dari sudut bahasa الجِهْبِذ dan jamaknya ialah جهابذة yang bermaksud: Para pengkritik dan pakar. Ia berasal daripada perkataan Parsi.

Dari sudut istilah: Tidak terkeluar makna istilah daripada makna bahasanya, tetapi ia mempunyai makna yang biasa digunakan oleh ahli hadis, ia adalah gelaran bagi seseorang yang memiliki ilmu tentang kerumitan dan kedalaman ilmu hadis sama ada dari sudut sanad dan juga matan.

Tiada maklumat mengenai perawi: جَهَالَةُ الرَّاوِي

Lihat: الجهالة

Jahmiy: جَهْمِيٌّ

Nisbah kepada الجَهْمِيَّة, lihat pengertiannya dalam hurufnya.

Al-jahmiyyah: الجَهْمِيَّةُ

Mereka ialah pengikut Jahm bin Safwan al-Samarqandi (w 128H). Seorang yang mendakwa bahawa syurga dan neraka tidak kekal dan akan musnah, mendakwa bahawa keimanan hanyalah mengenal Allah semata-mata, manakala kekufuran adalah jahil tentang Allah semata-mata, dia menafikan sifat-sifat Allah SWT dan mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk. (Lihat: *Maqalat al-Islamiyyin* 1/338, dan *al-Farq Bayna al-Firaq* m.s. 19).

Al-jawami': الجَوَامِعُ

Lihat: الجامِعُ

Mengelokkan sanadnya: جَوْدَةُ إِسْنَادَة

Dari sudut bahasa جوَّد bermaksud: Membaikkan atau mengelokkan. Disebut: فلانٌ جوَّد الشيءَ iaitu dia menjadikannya baik atau elok. وجَادَ جَوْدَةً، وأجادَ bermaksud: Mendatangkan sesuatu yang baik daripada perkataan dan perbuatan.

Dari sudut istilah: Ia adalah seseorang yang mendatangkan sanad dengan cara yang baik dan elok. Ini disebabkan dia menyebut dalam sanadnya semua perawi-perawi yang baik dan menggugurkan selain daripada mereka daripada perawi-perawi yang daif. Maka keseluruhan sanad kesemuanya adalah *thiqah* dari segi zahirnya bagi sesiapa yang tidak mendalami ilmu ini.

Ia juga bermaksud seorang pengkritik hadis menilai dan menghukum sanad sesuatu hadis itu sebagai baik, atau lebih kurang setaraf dengan hadis hasan.

Lihat perinciannya di تجويد الإسناد dalam huruf *ta'*.

Ia Dielokkan oleh Si polan: جَوَّدَهُ فُلَان

Dari sudut bahasa جوَّد telah dinyatakan pengertiannya dalam جوَّد إسناده.

Dari sudut istilah: Menggugurkan perawi daif antara dua orang perawi yang *thiqah.* Perbuatan ini dilakukan untuk mengelokkan sanad kerana periwayatan daripada perawi yang daif akan mengurangkan kedudukan sesuatu hadis. Perbuatan ini juga dinamakan تدليس الإسقاط. Lihat pengertiannya dalam huruf *ta'.*

Yang baik (antara hadis): الْجَيِّدُ (الحديث)

Dari sudut bahasa الجَيِّد bermaksud baik atau yang elok, lawan kepada الرَّدِيء buruk atau yang tidak elok.

Dari sudut istilah: Ia adalah kata seerti dengan perkataan الصحيح. Ia juga ada perkataan seerti yang lain seperti: المجوَّد, القَوِيّ, الصالح, المعروف, المُشَبَّه. Semua lafaz-lafaz ini adalah hampir sama pengertiannya dari sudut istilah. Walaupun begitu, terdapat juga perbezaan antara lafaz-lafaz ini dan ia adalah amat mendalam dan halus, sehingga tidak dapat dipastikan kehalusannya.

Perkataan الجيد bermaksud الصحيح. al-Imam al-Tirmizi banyak menyebutnya dengan menyamakannya antara الصحيح dari sudut istilah. Contohnya dalam kitab الطِّب, beliau berkata: هذا حديثٌ جيِّدٌ حَسَنٌ, begitu juga kata-kata selainnya.

Hakikatnya tiada perbezaan antara جيِّدٍ dan صحيحٍ di sisi *muhaddithin.* Kecuali para pakar di kalangan *muhaddithin* tidak akan menurunkan sesuatu yang صحيحٍ kepada جيِّدٍ kecuali jika di sana ada sesuatu perkara (yang menyebabkannya). Seperti hadis yang diangkat darjatnya daripada kedudukan الحسن لذاته dan masih diragui ia sampai kepada kedudukan الصحيح. Maka sifat الجيد adalah lebih rendah daripada الصحيح, begitu juga perkataan القويُّ. (Lihat: *Qawa'id Fi 'Ulum al-Hadith.* m.s. 116).

Yang baik (dari kalangan perawi): جَيِّدُ (الراوي)

Dari sudut bahasa الجيد telah dinyatakan pengertiannya sebelum ini.

Dari sudut istilah: Ia ialah lafaz di martabat yang keempat daripada martabat *al-ta'dil* menurut al-Hafiz al-'Iraqi. (Lihat *Tadrib al-Rawi*, 1/291).

Hukumnya:

Hadis perawi seperti ini ditulis dan diperhatikan keadaannya.

Hadis yang elok: جَيِّدُ الْحَدِيثِ

Ia adalah ungkapan *ta'dil* dan boleh berhujah dengannya. Ungkapan ini digunakan oleh para *muhaddithin* dengan maksud yang sama dengan *thiqah.* Dengan sebab itu ia selalu digabungkan bersama dalam perkataan pakar-pakar hadis. Antaranya perkataan al-Imam Ahmad bin Hanbal ketika menyatakan biografi Zakaria bin Abi Za'idah: جَيِّدُ الحديثِ، ثِقَةٌ (Lihat: *Al-'Ilal Wa Ma'rifah al-Rijal*: 363).

Dan dalam kenyataan tentang biografi Sulayman bin Abu Muslim al-Ahwal: ثِقَةٌ، جَيِّدُ الحديثِ. (Lihat: *Al-'Ilal Wa Ma'rifah al-Rijal*: 367).

Lafaz ini dikira sebagai lafaz di martabat keempat daripada martabat *ta'dil* di sisi al- Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi, di martabat yang kelima menurut al-

Suyuti, serta martabat keenam di sisi al-Sakhawi dan tidak disebut oleh Ibn Abi Hatim dan Ibn al-Salah.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini ditulis hadisnya dan dilihat keadaannya untuk dijadikan dalil penyokong (sokongan).

Baik pengetahuannya: جيد الفرقة

Antara lafaz-lafaz yang tertinggi bagi martabat *ta'dil.*

Hukumnya:

Hadis dapat dijadikan hujah bagi sesiapa yang disifatkan dengan sifat ini.



حرف الحاء

HURUF HA'

Ha': ح

Huruf ini digunakan bersendirian tanpa disertakan dengan huruf lain dalam kitab-kitab matan hadis. *Muhaddithin* menggunakan simbol ini untuk menunjukkan perpindahan daripada sanad kepada sanad yang lain, sekiranya sesuatu hadis itu mempunyai dua sanad atau lebih. Kemudian digabungkan dalam satu matan sahaja.

Lihat التحويل dalam huruf *ta'*.

***Ha'*:** حـ

Ia digunakan sebagai simbol untuk hadis hasan menurut al-Hafiz al-Suyuti dalam kitab: الجامع الصغير.

Kesebelas: الْحَادِيَةَ عَشْرَة

Ia ialah istilah al- Hafiz Ibn Hajar dalam kitabnya *Taqrib al-Tahzib*. Banyak digunakan ketika menyatakan tentang biografi perawi-perawi. Beliau menyebut: من الحادية عشرة. daripada yang kesebelas. Dimaksudkan dengannya perawi tersebut daripada *tabaqat* pertengahan dari kalangan tabi' al-atba' yang tidak sempat bertemu dengan tabiin. (lihat *Muqaddimah Taqrib al-Tahzib*).

Nota kaki: الْحَاشِيَة

Ia ialah penambahan yang dilakukan kepada asal kitab seumpama keterangan lanjut atau keterangan berkaitan dengan kesilapan, perbezaan riwayat, atau naskhah dan sebagainya. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/82).

Pengumpul kayu api di waktu malam: حَاطِبُ لَيْلٍ

Dari sudut bahasa حاطب dan jamaknya adalah حُطَّاب bermaksud: Seseorang yang mengambil kayu api daripada bumi tanpa membezakan antara yang baik atau yang buruk. Manakala حاطب ليل adalah perumpamaan yang digunakan bagi sesiapa yang berkata-kata atau berbicara tanpa memeriksa sama ada benar atau salah atau melakukan kesalahan terhadap dirinya dengan sebab tidak memeriksa atau meneliti urusannya dan perkataannya.

Dari sudut istilah: *Muhaddithin* menggunakan istilah ini sebagai *al-jarh* kepada para perawi yang mengambil hadis tanpa membezakan antara sahih atau tidak, kemudian menyampaikannya kepada orang dengan keadaan sedemikian.

Al-Hafiz: الْحَافِظ

Dari sudut bahasa الحافظ dan jamaknya adalah حُفَّاظ iaitu seseorang yang menghafal hadis tanpa melihatnya.

Dari sudut istilah: Gelaran khas bagi para *muhaddithin*, diberikan kepada seseorang yang mengetahui sunah-sunah Rasulullah SAW, mengetahui tentang sanad-sanadnya, dapat membezakan antara sanad-sanadnya, menghafal hadis-hadis yang disepakati oleh para ulama akan kesahihannya dan juga sesuatu yang khilaf antaranya.

Al- Hafiz Ibn Hajar menyebut tentang syarat-syarat gelaran *al-hafiz* dengan berkata:

1. Seseorang yang masyhur dengan menuntut ilmu hadis, mengambil daripada mulut-mulut ulama atau perawi hadis dan bukan semata-mata daripada kitab.
2. Mengetahui tentang *tabaqat* perawi-perawi dan martabat mereka.
3. Mengetahui tentang *al-tajrih* dan *al-ta'dil*, membezakan antara sahih dan tidak, sehingga hadis-hadis yang dihafal lebih banyak daripada yang tidak dihafal, di samping menghafal banyak matan-matan hadis.

Beliau berkata: Jika syarat-syarat ini ada pada seseorang perawi maka layaklah dinamakan al-hafiz. (Lihat: *Al-Nukat 'Ala Ibn al-Salah*: 1/268).

Hafiz: حَافِظٌ

Ia ialah antara lafaz-lafaz martabat yang pertama daripada martabat *al-ta'dil* di sisi Ibn Abi Hatim, Ibn al-Salah, al-Zahabi dan al-'Iraqi, tetapi martabat yang keempat menurut al-Sakhawi.

Hukumnya:

Hadisnya dijadikan hujah.

Hafazan: الْحَافِظَةُ

Suatu kekuatan atau kemampuan yang membolehkannya menghafal apa yang dimakluminya daripada makna-makna yang bersifat juzuk.

Al-Hakim: الْحَاكِمُ

Dari sudut bahasa: (الْحَاكِم) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (حَكَمَ، يَحْكُمُ، حكماً) bermaksud seseorang yang dilantik untuk menghakimi suatu hukuman terhadap orang ramai. Gelaran ini juga digunakan sebagai *al-Qadi*.

Menurut istilah, *al-Hakim* adalah gelaran bagi seseorang *muhaddith* yang pengetahuan yang luas dan mantap tentang hadis-hadis dan hanya sedikit sahaja hadis-hadis yang tidak diketahuinya.

Gelaran ini dikatakan lebih tinggi kedudukannya daripada gelaran *al-Hujjah.*

Ulama yang tergolong dalam gelaran *al-Hakim* ini antaranya:

1) Abu Ahmad, al-Hakim Muhammad bin Muhammad bin Ishaq al-Naisaburi al-Karrabisi (w.388H).

2) Abu Abdullah al-Hakim Muhammad bin Abdullah al-Naisaburi (w.405H), iaitu pengarang kitab "al-Mustadrak 'ala al-Sahihain".

Peringatan Penting:

Pada asalnya gelaran *al-Hakim* adalah khusus untuk seseorang yang menjawat jawatan kehakiman. Gelaran ini tidak ada apa-apa kaitan dengan hadis dan periwayatan hadis. Sementara pengarang kitab *al-Mustadrak,* al-Syeikh Abu Abdillah al-Naisaburi beliau terkenal dengan gelaran *hakim* kerana beliau telah memegang jawatan qadi di daerah beliau, *Shash* dalam satu tempoh yang lama, bukan kerana kedudukan beliau yang tinggi dalam bidang hadis. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk ensiklopedia kami *Mausu'at Ulum al-Hadithwa Fununihi* di bawah huruf ha (ح), dan: *Mu'jam Alfaz wa 'Ibarat al-Jarh wa al-Ta'dil al-Nadirah wa al-Masyhurah* (m.s. 279).

Keadaan: الْحَالُ

Sesuatu yang menerangkan tentang keadaan tuannya, sama ada secara lafaz yang jelas atau makna.

Dalam keadaan masih kanak-kanak: حَالُ الصِّبَا

Menerima hadis atau mempelajarinya ketika masih kanak-kanak, atau sebelum baligh dan meriwayatkannya.

Dalam keadaan masih kafir: حَالُ الكُفْرِ

Menerima hadis atau mendengarnya ketika masih kafir dan seterusnya meriwayatkannya.

***Ha Ba*:** حب

Simbol yang digunakan al-Suyuti dalam *al-Jami' al-Saghir* bagi menunjukkan kepada ibn Hibban dalam kitab sahihnya.

Hujjah: الْحُجَّةُ

Dari sudut bahasa الحُجَّة dan jamaknya ialah حُجَج، وحِجَاج bermaksud: Dalil dan bukti.

Dari sudut istilah: yang memiliki pengetahuan sempurna mengenai (300,000) hadis dari aspek matan dan sanad hadis, perihal para perawi dari sudut *al-jarh wa al-ta'dil* serta tarikh kelahiran dan kewafatan meraka.

Ulama yang tergolong dalam gelaran al-Hujjah ini antaranya:

1) Sufian bin Uyainah (w.198H).
2) Said bin Mansur (w.227H).
3) Al-Darimi Abu Said Uthman bin Said (w.280H).
4) Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad (w.360).
5) Al-Diya' al-Maqdisi (w.643H) dan lain-lain.

Gelaran ini adalah lebih tinggi daripada gelaran *al-hafiz.*

Peringatan Penting:

Tetapi secara hakikatnya penetapan batasan bilangan keilmuan dan hafalan hadis ini tidak diketahui ia wujud di kalangan ulama hadis yang terdahulu khusus bagi gelaran ini. Ia adalah istilah yang digunakan pada zaman

mutakhir. Perkara ini tidak dapat diterima. Begitu juga lafaz *al-hujjah* bukanlah daripada gelaran riwayat, bahkan ia adalah lafaz tertinggi antara lafaz-lafaz *al-Tauthiq* dan *al-Dirayah*, sepertimana ia juga dapat diperhatikan dalam martabat lafaz-lafaz *al-Ta'dil* dalam kitab-kitab *al-Mustalah*.

Hujjah: حُجَّة

Ia ialah daripada lafaz-lafaz di martabat yang pertama bagi *al-Ta'dil* menurut Ibn Abu Hatim dan Ibn al-Salah, martabat yang kedua di sisi al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi, martabat yang ketiga menurut Ibn Hajar dan al-Suyuti dan martabat yang keempat di sisi al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini, hadisnya dijadikan sebagai hujah.

Penghujahan al-sunnah al-nabawiyyah: حُجِّيَّةُ السُّنَّةِ النَّبَوِيَّة

Lihat: اسْتِقْلاَلُ السُّنَّةِ بِتَشْرِيْعِ الأَحْكَام dalam huruf *alif*.

حَدَّثَ بِنُسْخَةٍ فِيْهَا بَلاَيَا

Dia telah menyampaikan (hadis) daripada naskhah yang mengandungi bala (kerosakan):

Iaitu: Dia telah menyampaikan kepalsuan dan pendustaan.

Berdasarkan kepada makna ini, maka ibarat ini adalah merupakan daripada martabat pertama daripada martabat *al-jarh* menurut Ibn Abu Hatim al-Razi, Ibn al-Salah, al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti dan merupakan martabat kedua di sisi al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah, tidak boleh disokong atau dijadikan sebagai penyokong.

Dia telah menceritakan kepada kami: حَدَّثَنَا

Ia ialah daripada bentuk-bentuk menyampaikan hadis bagi riwayat-riwayat yang diambil (didengari daripada syeikh) secara mendengar bersama dengan sekumpulan perawi yang lain.

Dia telah menceritakan kepada kami secara *ijazah*: حَدَّثَنَا إِجَازَةً

Ia daripada lafaz-lafaz *al-adl'* (menyampaikan hadis) bagi perawi yang mengambilnya secara *al-ijazah* dan *al-munawalah* (syeikh memberikan riwayatnya kepada murid)

حَدَّثَنَا بِقِرَاءَتِيْ عَلَيْهِ وَأَنَا أَسْمَعُ

Dia telah menceritakan kepada kami dengan bacaan saya kepadanya (guru tersebut mendengar) dan saya juga mendengar:

Ia daripada lafaz-lafaz mengambil hadis secara membaca ke atas syeikh.

Dia telah menceritakan kepada kami dalam keizinannya: حَدَّثَنَا فِي إِذْنِهِ

Ia ialah daripada lafaz-lafaz *al-ijazah* semata-mata.

Lihat أَخْبَرَنَا إِجَازَةً dan حَدَّثَنَا إِجَازَةً dalam huruf *alif*.

حَدَّثَنَا فِيمَا أَجَازَهُ أَوْ أَجَازَ لِي

Dia telah menceritakan kepada kami dengan apa yang *dijazah*kan saya atau di *ijazah*kan untuk saya:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz *al-ijazah* semata-mata.

Lihat إجازةً أَخْبَرَنَا dan إجازةً حَدَّثَنَا dalam huruf *alif.*

حَدَّثَنَا فِيمَا أَذِنَ لِيْ فِيْهِ

Dia telah menceritakan kepada kami dengan apa yang diizinkan kepada saya tentangnya:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz *al-ijazah* semata-mata.

Lihat إجازةً أَخْبَرَنَا dan إجازةً حَدَّثَنَا dalam huruf *alif.*

حَدَّثَنَا فِيمَا أَطْلَقَ لِيْ رِوَايَتَهُ

Dia telah menceritakan kepada kami dengan apa yang diberikan kepada saya untuk meriwayatkannya secara mutlak:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz *al-ijazah* semata-mata.

Lihat إجازةً أَخْبَرَنَا dan إجازةً حَدَّثَنَا dalam huruf *alif.*

حَدَّثَنَا فِيمَا نَاوَلَنِي

Dia telah menceritakan kepada kami dengan apa yang dia berikan kepada saya:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz menyampaikan hadis secara *al-munawalah.*

Lihat المُنَاوَلَةُ dalam huruf *mim.*

حَدَّثَنَا قِرَاءَةً عَلَيْهِ وَأَنَا أَسْمَعُ

dia telah menceritakan kepada kami dengan cara dibacakan ke atasnya dan saya mendengar:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz mengambil hadis secara bacaan kepada syeikh.

حَدَّثَنَا مُذَاكَرَةً

Dia telah menceritakan kepada kami secara muzakarah:

Ia ialah daripada lafaz-lafaz mengambil hadis dalam bentuk muzakarah.

Lihat: المذاكرة dalam huruf *mim.*

حَدَّثَنَا مُنَاوَلَةً

Dia telah menceritakan kepada kami secara memberikan riwayatnya:

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-ijazah* semata-mata.

Lihat إجازةً أَخْبَرَنَا dan إجازةً حَدَّثَنَا dalam huruf *alif.*

حَدَّثَنَا مُنَاوَلَةً وإِجَازَةً

Dia telah menceritakan kepada kami secara memberikan riwayatnya dan *al-ijazah:*

Ia adalah daripada lafaz-lafaz bagi perawi yang mengambil hadis secara *al-ijazah* dan diberikan oleh syeikh akan periwayatannya.

Lihat إجازةً أَخْبَرَنَا dan إجازةً حَدَّثَنَا dalam huruf *alif.*

Dia telah menceritakan kepada saya: حَدَّثَنِي

Ia adalah daripada lafaz-lafaz menyampaikan hadis bagi perawi yang mengambil riwayat dengan cara mendengar daripada syeikh secara bersendirian.

Telah menceritakan kepada saya seorang yang *thiqah*: حَدَّثَنِي ثِقَة

Bentuk menyampaikan hadis bagi perawi yang mengambil daripada syeikh yang tidak diketahui namanya مجهول العين. Perkara ini tidak boleh diterima walaupun orang yang mengatakan syeikh tersebut *thiqah* adalah seorang imam yang hebat seperti al-Syafi'i dan Ahmad. Sehinggalah jelas nama syeikh yang dihukumkan *thiqah* tersebut. Apabila sudah diketahui namanya, maka hendaklah dilihat sama ada dia *thiqah* berdasarkan kesepakatan ulama atau ada perbezaan pandangan di kalangan ulama. Jika terdapat perbezaan, maka hendaklah dipastikan yang rajih (pandangan yang kuat) sama ada *al-tauthiq* atau *al-tad'if.*

حَدَّثَنِي فُلَانٌ وَرَدَّ فُلَانٌ إِلَى فُلَانٍ

Telah menceritakan kepada saya si polan dan dikembalikan hadis itu kepada si polan:

Iaitu: Dinisbahkan apa yang diriwayatkannya kepada si fulan.

Hadis: الْحَدِيثُ

Dari sudut bahasa الحديثُ dan jamaknya أحاديث bermaksud baharu dan khabar (pemberitahuan). Ia adalah lawan bagi perkataan القدم lama.

Dari sudut istilah: Ia adalah apa yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, atau sifat tubuh badan (jasmani) atau akhlak (rohani), atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabat atau tabiin daripada perkataan atau perbuatan.

Contohnya:

Di bawah ini contoh-contoh untuk menjelaskan lagi pengertian yang diberikan:

Contoh hadis perkataan:

Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. dari segi perkataan, contohnya:

لا ضَرَرَ ولا ضِرَارَ (Diriwayatkan oleh Ahmad, no. 1/313).

Contoh hadis perbuatan:

Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW dari segi perbuatan seperti kata-kata Saydatina 'Aisyah r.a.: "Nabi SAW berpuasa sehingga kami mengatakan: Baginda tidak akan berbuka, dan baginda tidak berpuasa sehingga kami mengatakan: "Baginda tidak berpuasa". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab al-saim, Bab Sya'ban, no. 1969).

Contoh hadis pengakuan:

Iaitu pengakuan Nabi SAW terhadap perkataan atau perbuatan para sahabat. Contohnya adalah perbualan yang berlaku antara baginda SAW dengan Mu'az bin Jabal r.a ketika baginda mengutuskannya ke negara Yaman. Baginda

bersabda kepada Mu'az: "Bagaimanakah kamu akan meletakkan hukuman jika berlaku sesuatu perkara yang memerlukan kepada hukum?" Mu'az menjawab: "Dengan menggunakan Kitab Allah. Baginda bersabda: "Jika tiada (hukum itu) dalam Kitab Allah?" Beliau menjawab: "Maka dengan sunnah Rasulullah SAW". Baginda bertanya lagi: "Jika kamu tidak menjumpainya dalam sunnah Rasulullah, tidak juga dalam Kitab Allah?" Mu'az menjawab: "Saya akan berijtihad dengan pandanganku dan saya tidak akan mengalah". Lantas Rasulullah s.a.w. menepuk dadanya dan bersabda: "Segala puji bagi Allah yang memberi tawfiq kepada utusan Rasulullah dengan apa yang diredhai oleh Rasulullah SAW". (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam Kitab al-Aqliyyah, Bab Ijtihad al-Ra'y Fi al-Qada', no. 3592).

Rasulullah SAW telah mengakui dan membenarkan cara Mu'az dalam meletakkan hukum, dan baginda tidak mengingkarinya.

Contoh hadis sifat akhlak (rohani):

Iaitu sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada sudut akhlak seperti yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri r.a.: "Rasulullah SAW seorang yang amat malu lebih daripada seorang gadis dara dalam biliknya, apabila baginda tidak menyukai sesuatu kami akan mengetahuinya daripada wajah baginda". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab al-Manaqib, Bab Sifat al-Nabi SAW, no. 3562).

Contoh hadis sifat tubuh badan (jasmani):

Iaitu sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW dari sudut sifat jasad baginda. Contohnya seperti yang disifatkan oleh al-Bara' bin Azib: Adalah Rasulullah SAW seorang yang amat cantik wajahnya, cantik penciptaannya, tidaklah baginda terlalu tinggi atau rendah. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab al-Manaqib, Bab Sifat al-Nabi SAW, no. 3549).

Hadis ilahi: الْحَدِيْثُ الإِلٰهِيُّ

Lihat: الحَدِيْثُ الْقُدْسِيُّ

Hadis yang thabit (pasti): حَدِيْثٌ ثَابِتٌ

Ia adalah hadis yang sahih yang pasti kebenaran penisbahannya kepada Rasulullah SAW.

Hadis yang baik/elok: حَدِيْثٌ جَيِّدٌ

Ia adalah hadis yang mana kedudukannya hampir kepada darjat hadis sahih, golongan mutakhir menggunakan istilah ini bagi sesuatu hadis yang tidak dapat dipastikan antara sahih dan hasan.

Hadis hasan: حَدِيْثٌ حَسَنٌ

Ia bermaksud: Hadis yang semua perawinya adalah *thiqah* kecuali salah seorang atau beberapa orang daripada mereka yang rendah sedikit kedudukannya dari sudut hafalan.

Hadis yang mempunyai sanad yang hasan: حَدِيْثٌ حَسَنُ الإِسْنَادِ

Maksudnya menurut ulama hadis: Hadis yang baik dan hasan mengikut apa yang zahir daripadanya berpandukan kepada sanad, tetapi bukanlah ia menandakan kepastian bahawa ia hasan dan tiada keraguan padanya. Ini kerana berkemungkinan wujudnya kesilapan atau kelupaan terhadap seseorang perawi yang *thiqah*. (Lihat Nota kaki: *al-Raf'u wa al-Takmil* m.s. 189).

Perhatian:

Kata-kata *muhaddithin*: "Hadis ini mempunyai sanad yang sahih." Tidak sama dengan kata-kata mereka: "Ini adalah hadis hasan" Ini adalah kerana sesuatu sanad boleh dihukumkan sahih atau hasan tanpa hukum terhadap matan yang berkemungkinan *syuzuz* (berselisihan antara yang lain) atau *'illah* (ada kecacatan). (*Tadrib al-Rawi*: 1/143).

Hadis rabbani: الْحَدِيْثُ الرَّبَّانِيُّ

Lihat: الحَدِيْثُ الْقُدْسِيُّ.

Hadis yang syaz: الْحَدِيْثُ الشَّاذُّ

Lihat: الشَّاذ dalam huruf *Syin*.

Hadis yang sahih: حَدِيْثٌ صَحِيْحٌ

Ia bermaksud: Hadis yang para perawi dalam keseluruhan sanadnya adalah *thiqah*.

Hadis yang mempunyai sanad yang sahih: حَدِيْثٌ صَحِيْحُ الإِسْنَادِ

Maksudnya di kalangan ulama hadis: Hadis yang sahih mengikut apa yang zahir daripadanya berpandukan kepada sanad, tetapi bukanlah ia menandakan kepastian bahawa ia sahih dan tiada keraguan padanya. Ini kerana berkemungkinan wujudnya kesalahan atau terlupa terhadap seseorang perawi yang *thiqah*. (Lihat nota kaki: al-Raf'u wa al-Takmil m.s. 189).

Perhatian:

Kata-kata *muhaddithin* "Ini hadis yang mempunyai sanad yang sahih" adalah tidak sama dengan kata-kata mereka "Hadis ini sahih". Ini disebabkan berkemungkinan sanadnya adalah sahih dan tidak bagi matannya. (*Tadrib al-Rawi*: 1/97).

Hadis daif: حَدِيْثٌ ضَعِيْفٌ

Maksud perkataan ضعيفٌ menurut *muhaddithin* ialah jika sesuatu hadis itu tidak memiliki syarat-syarat sahih dan hasan, dan bukanlah ia bermaksud suatu pendustaan. Ini kerana berkemungkinan seorang pendusta akan berkata benar dan berkemungkinan periwayatan seorang yang sentiasa melakukan kesalahan ada kalanya benar dan tepat. (Lihat nota kaki: al-Raf'u wa al-Takmil m.s. 189).

Hadis yang daif: الْحَدِيْثُ الضَّعِيْفُ

Lihat: الضَّعِيْفُ dalam huruf *dad*.

Hadis gharib: حَدِيْثٌ غَرِيْبٌ

Menurut al-Imam Ahmad bin Hanbal: Jika kamu mendengar ulama hadis berkata: هذا حديث غريب atau فائدة maka hendaklah kamu ketahui bahawa ia adalah hadis yang salah, atau suatu hadis yang termasuk dalam hadis yang lain, atau kesalahan daripada *muhaddith*, atau hadis yang tidak mempunyai isnad, walaupun ia diriwayatkan oleh Syu'bah dan Sufyan. Jika kamu mendengar mereka berkata: هذا لا شيء ketahuilah bahawa sesungguhnya ia adalah hadis yang sahih. (*al-Kifayah Fi 'Ilm al-Riwayah*: m.s. 143).

Hadis yang gharib: اَلْحَدِيْثُ الغَرِيْبُ

Lihat: غريب dalam huruf *ghain.*

Hadis yang tidak sahih: حَدِيْثٌ غَيْرُ صَحِيْحٍ

Menurut *muhaddithin* ia dimaksudkan dengan hadis yang tidak memiliki syarat-syarat sahih atau hasan atau kedua-duanya secara zahir. Bukanlah bermaksud hadis yang sudah pasti ketidaksahihannya atau pasti keraguan padanya, disebabkan berkemungkinan seorang pendusta akan berkata benar dan berkemungkinan perawi yang sentiasa melakukan kesalahan akan berkata benar dan tepat kata-katanya. (Lihat nota kaki: *al-Raf'u wa al-Takmil* m.s. 189).

Hadis si polan lebih bersanad: حَدِيْثُ فُلَانٍ أَسْنَدُ

Maksudnya ialah hadis si polan (seseorang perawi) lebih sahih daripada perawi yang lain.

Hadis si fulan lebih sahih: حَدِيْثُ فُلَانٍ أَصَحُّ

Ungkapan ini adalah sama dengan kata-kata ulama hadis: أَصَحُّ شيءٍ في هذا الباب كذا

Hadis yang paling sahih dalam bab ini ialah sekian, sekian. Lihat pengertiannya dalam huruf *alif.*

حَدِيْثُ فُلَانٍ أَصَحُّ مِنْ حَدِيثِ فُلَانٍ، أَوْ أَحْسَنُ

Hadis si polan lebih sahih daripada hadis si fulan, atau lebih hasan:

Lihat: أَصَحُّ شَيءٍ في البابِ dalam huruf *alif.*

حَدِيْثٌ فِيْهِ ضَعْفٌ وَالعَمَلُ عَلَيْهِ عِنْدَنَا

Hadis ini terdapat kelemahan padanya, namun amalan yang dipakai adalah menurutnya pada kami:

Ia istilah al-Imam al-Tirmizi dalam kitab al-Jami'nya dan banyak digunakan dalam kitab tersebut. Maksud istilah ini: Hadis ini walaupun ia daif dari sudut riwayat, tetapi pengamalan pada zaman sahabat dan tabiin adalah berpandukan kepadanya (dijadikan sandaran). Seterusnya menerangkan bahawa hadis ini mempunyai asal yang kukuh dan akan menaikkan kedudukannya kepada darjat sahih atau hasan.

Manakala jika sesuatu amalan berpandukan hadis daif di sisi sebahagian fuqaha', ia adalah kerana sikap mengambil ringan dalam pengamalan melalui hadis daif. Ia bukanlah hujah yang pasti dan kukuh yang menunjukkan hadis

tersebut mempunyai asal. Inilah perbezaan yang jelas antara kata-kata al-Imam al-Tirmizi dan apa yang diulang-ulang oleh ulama mutakhir dalam kitab-kitab fiqah. *Wallahu a'lam.* (lihat: *Sualat Hadisiyyah* oleh Dr. al-Malibari: m.s. 177-178).

Hadis Qudsi: **الْحَدِيْثُ القُدْسِيُّ**

Dari sudut bahasa الحديث dan jamaknya ialah أحاديث bermaksud baharu.

Manakala perkataan القُدْسِيُّ ialah perkataan yang dinisbahkan kepada *al-quds*, yang bermaksud suci.

Dari sudut istilah: Ia adalah sesuatu yang dinukilkan kepada kita oleh Nabi SAW. dengan menyandarkannya kepada Tuhannya SWT. Hadis ini dinamakan dengan nama tersebut (suci atau tinggi) disebabkan penyandarannya kepada Zat Yang Maha Suci, suci daripada segala yang tidak layak bagi Allah SWT. Ia juga dinamakan dengan الحديث الإلهي dan الحديث الربّاني.

Hadis Qudsi ialah daripada kalam Allah, iaitu lafaz dan maknanya turun dari sisi Allah SAW. Ada yang berpendapat, maknanya sahaja dari Allah SWT, tetapi lafaznya ialah lafaz Nabi SAW.

Karya-karya yang masyhur dalam bidang ini:

1. الأحاديث القدسية: Oleh al-Imam Mahy al-Din Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w 676H). Dikumpulkan dalamnya 95 hadis.
2. المقاصد الحسنة في الأحاديث الإلهية: Oleh al-Amir 'Ala' al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Bulban al-Farisi (w 739H).
3. الأربعون القدسية: Oleh Abu al-Hasan Nuri al-Din 'Ali bin Sultan Muhammad al-Harawi, yang dikenali dengan Mulla 'Ali al-Qari (w 1014H).
4. الاتحافات السُّنِّيَّة في الأحاديث القدسية: Oleh al-'Allamah Muhammad 'Abd al-Ra'uf al-Munawi (w 1031H). Di kumpulkan dalamnya 272 hadis.
5. الإتحافات السَّنِّيَّة في الأحاديث القدسية: Oleh al-Syeikh Muhammad bin Mahmud Salih al-Tarabzuni al-Madani (w 1200H). Dikumpulkan dalamnya 863 hadis.
6. الأحاديث القدسية: مجموعة من علماء جامعة الأزهر: Oleh sekumpulan ulama daripada Universiti al-Azhar, dikumpulkan dalamnya 400 hadis.
7. الأحاديث القدسية: Oleh al-Ustaz Jamal Mu[illegible]ammad 'Ali al-Syuqairi. Dikumpulkan dalamnya 385 hadis daripada kitab al-Muwatta' al-Imam Malik dan al-Kutub al-Sittah.
8. الصحيح الْمُسنَد من الأحاديث القدسية: Oleh al-Ustaz Abu 'Abd Allah Mustafa bin al-'Adawi Syalbayah. Dikumpulkan dalamnya 185 hadis.
9. من صحاح الأحاديث القدسية: Oleh Syeikh Muhammad 'Awwamah. Dikumpulkan dalamnya seratus hadis dan syarahnya.
10. كتاب الجامع في الأحاديث القدسية: Oleh 'Abd al-Salam bin Muhammad bin 'Umar 'Alwash. Dikumpulkan dalamnya 772 hadis.

Hadis kuat: حَدِيْثٌ قَوِيٌّ

Iaitu hadis kuat yang hampir kedudukannya dengan darjat hadis sahih. Juga ada disebut ia adalah kedudukan antara hadis sahih dan hasan.

Hadis yang tiada asal baginya: حَدِيْثٌ لا أَصْلَ لَهُ

Iaitu hadis yang tiada isnad. Istilah ini diberikan kepada setiap hadis yang tiada isnad dalam kitab-kitab hadis yang muktamad.

Hadisnya tiada/bukanlah sesuatu pun: حَدِيْثُهُ لَيْسَ بِشَيْءٍ

Ia adalah istilah al-Imam al-Syafi'e dalam meletakkan *al-jarh* bagi seseorang perawi. Jika beliau meletakkan lafaz ini pada seseorang, ia bermaksud: Dia adalah seorang كذّابٌ pendusta.

Menurut al-Hafiz al-Sakhawi: Telah diriwayatkan kepada kami daripada al-Muzani berkata: Al-Syafi'e mendengar saya (berkata) pada suatu hari, ketika itu saya berkata: Si polan كذّاب (pendusta). Beliau berkata kepada saya: Wahai Ibrahim, lapiklah lafaz-lafazmu dan peliharakanlah ia, janganlah kamu mengatakan: كذّاب, tetapi sebutlah: حديثه لَيْسَ بشيءٍ.

Berdasarkan kisah ini, maka ungkapan ini jika didapati ia adalah daripada al-Syafi'e atau al-Muzani, ia membawa maksud martabat pertama daripada martabat *al-jarh.*

حَدِيْثُهُ لَيْسَ بِالْمَحْفُوْظِ

Hadisnya tidak dijaga (diketahui serupa dengan hadis perawi *thiqah*):

Iaitu bermaksud شَاذٌّ (ganjil atau bertentangan). Tetapi bukanlah bermaksud bahawa bagi setiap perawi yang diberikan ungkapan ini maka dia adalah seorang yang daif, sehingga banyak pertentangan periwayatannya (dengan periwayatan perawi *thiqah*) dan gugur segala bentuk penghujahan dengannya (ini bukanlah maksud kepada ungkapan tersebut). Sebenarnya الشّاذ ialah sesuatu yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah* bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih *thiqah* daripadanya, atau sesuatu yang diriwayatkan oleh perawi yang *maqbul* bertentangan dengan perawi yang lebih baik daripadanya. Lawan kepada الشّاذ ialah المحفوظ. Iaitu sesuatu yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih *thiqah* bertentangan dengan sesuatu yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* sahaja.

Jika jelas perkara ini, maka perawi yang disebutkan kepadanya ungkapan: إنّ حديثه ليس بمحفوظٍ bukanlah dianggap sebagai suatu *jarh* ke atasnya, sehinggalah jika dia banyak melakukan perkara sedemikian rupa, maka baru disifatkan sebagai bertentangan. (Lihat: *Nuzhah al-Nazar*: m.s. 41).

Hadis yang tiada asal baginya: حَدِيْثٌ لَيْسَ لَهُ أَصْلٌ

Lihat: حديث لا أصل له.

Hadis *Mutawatir:* الْحَدِيْثُ الْمُتَوَاتِرُ

Lihat: الْمُتَوَاتِرُ dalam huruf *mim.*

Hadis yang diselewengkan; الْحَدِيْثُ الْمُحَرَّفُ

Lihat: الْمُحَرَّف dalam huruf *mim.*

Hadis *muhkam:* الْحَدِيْثُ الْمُحْكَمُ

Lihat: الْمُحْكَم dalam huruf *mim.*

Hadis *mukhtalaf* (berbeza): الْحَدِيْثُ الْمُخْتَلِفُ

Lihat: الْمُخْتَلِف dalam huruf *mim.*

Hadis *Mardud* (yang ditolak): الْحَدِيْثُ الْمَرْدُوْدُ

Lihat: الْمَرْدُوْدُ pada huruf *mim.*

Hadis *marfu'* (yang disandarkan kepada nabi SAW): الْحَدِيْثُ الْمَرْفُوْعُ

Lihat: المرفوع dalam huruf *mim.*

الْحَدِيْثُ الْمُسَلْسَلُ

Hadis *musalsal* (yang memiliki sifat sama tertentu secara berantai):

Lihat: الْمُسَلْسَلُ dalam huruf *mim.*

Hadis *masyhur:* الْحَدِيْثُ الْمَشْهُوْرُ

Lihat: المشهور dalam huruf *mim.*

Hadis *muda'af* (yang didaifkan): الْحَدِيْثُ الْمُضَعَّفُ

Lihat: الْمُضَعَّف dalam huruf *mim.*

Hadis *ma'lul* (yang mempunyai *'illah*): الْحَدِيْثُ الْمَعْلُوْلُ

Lihat: الْمَعْلُوْلُ dalam huruf *mim.*

Hadis *maqbul* (yang diterima): الْحَدِيْثُ الْمَقْبُوْلُ

Lihat: الْمَقْبُوْلُ dalam huruf *mim.*

Hadis *maqtu'* (yang disandarkan kepada tabiin): الْحَدِيْثُ الْمَقْطُوْعُ

Lihat: المقطوع dalam huruf *mim.*

Hadis terputus: الْحَدِيْثُ الْمُنْقَطِعُ

Lihat: الْمُنْقَطِعُ dalam huruf *mim.*

Hadis *munkar* (bertentangan): الْحَدِيْثُ الْمُنْكَرُ

Lihat: الْمُنْكَر dalam huruf *mim*

Hadis *mauquf:* الْحَدِيْثُ الْمَوْقُوْفُ

Lihat: الموقوف dalam huruf *mim.*

الْحَدِيْثُ الْمَوْقُوْفُ لَفْظاً والْمَرْفُوْعُ حُكْماً

Hadis yang *mauquf* dari sudut lafaz dan *marfu'* dari sudut hukumnya:

Lihat: الموقوف لفظاً dan المرفوع حكماً dalam huruf *mim.*

Hadis yang *memansukhkan:* الْحَدِيْثُ النَّاسِخُ

Lihat: النَّاسِخُ dalam huruf *nun.*

Hadis nabawi: الْحَدِيْثُ النَّبَوِيُّ

Sesuatu yang dikatakan atau dilakukan atau diakukan oleh Nabi SAW, tanpa secara jelas menisbahkannya kepada Allah SWT. Jika sahih penisbahannya kepada Allah SWT, maka ia dinamakan: الحديث القدسي.

Hadisnya adalah *masyhur:* حَدِيْثُهُ مَشْهُوْرٌ

Ia ialah kata-kata al-Imam al-Bukhari. Dimaksudkan dengan masyhur di sini ialah masyhur daripada perawi yang ia riwayatkan daripada mereka, maka sebarang sanggahan yang terdapat padanya, maka itu adalah daripada diri beliau. (Lihat: al-Tankil oleh al-Yamani:1/206).

Hadisnya ialah *munkar:* حَدِيْثُهُ مُنْكَرٌ

Ia ialah lafaz di martabat yang keempat daripada lafaz-lafaz al-jarh di sisi al-Hafiz al-'Iraqi dan di martabat yang kelima menurut al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang bersifat dengan sifat ini ditulis hadisnya dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Hadisnya menyerupai hadis orang yang benar: حَدِيْثُهُ يُشْبِهُ حَدِيْثَ أَهْلِ الصِّدْقِ

Ibarat ini banyak digunakan oleh al-Hafiz Ibn 'Adi dalam kitabnya: *al-Kamil Fi Du'afa' al-Rijal"*. Ia bermaksud: Sesungguhnya hadis perawi ini hampir sama dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang bersifat *al-saduq*. Ia adalah ibarat yang menyatakan *al-Tajrih* dan *al-Tad'if*. Bukanlah ibarat yang menunjukkan al-Ta'dil.

Menggerakkan tangannya: حَرَّكَ يَدَهُ

Lihat: تحريك اليد dalam huruf *ta'*.

Haruriyyu: حَرُوْرِيٌّ

Ia ialah nisbah kepada الحَرُوْرِيَّة yang merupakan salah satu kelompok-kelompok golongan al-Khawarij yang banyak. Mereka ialah orang yang mengingkari dan menentang 'Ali r.a. dalam masalah yang berkaitan dengan al-Tahkim. Tidak mengakui dan tidak menganggap daripada kalangan mereka, iaitu 'Ali dan Mu'awiyah dan seluruh keturunan mereka, malah mereka memeranginya.

Nisbah seseorang perawi kepada kelompok ini bukanlah sesuatu yang mencacatkan periwayatannya selagimana tidak membawa kepada mengukuhkan dan menyokong bidaah yang dipegang (al-Khawarij). Imam-imam hadis yang besar juga ada yang meriwayatkan hadis daripada *al-Haruriyyah* seperti al-Bukhari. Ini disebabkan mereka amat menjauhi dan mengingkari pendustaan, kerana pada pandangan mereka, orang yang melakukan dosa besar akan selama-lamanya berada di neraka. Pendustaan pula ialah merupakan suatu dosa besar.

Al-Hisan: الْحِسَانُ

Ia ialah istilah al-Imam Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Farra' al-Baghawi (w. 516H) yang digunakan dalam kitabnya: *Masabih al-Sunnah*.

Beliau telah meletakkan istilah khusus ketika membahagikan hadis-hadis pada setiap bab dalam kitabnya kepada dua bahagian, iaitu hadis sahih (الصَّحَاحُ) dan hadis hasan (الحِسَان).

Maksud: الصَّحَاحُ ialah hadis yang diriwayatkan dalam *al-Sahihain* atau salah satu daripadanya.

Maksud: الحِسَان ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i atau salah seorang daripada mereka dalam kitab sunan. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* m.s. 37 dan *Tadrib al-Rawi*: 1/132).

Al- Hasan: **الْحَسَنُ**

Dari sudut bahasa الحسن ialah kata nama terbitan bagi perkataan حَسَن يَحسُن yang bermaksud cantik.

Dari sudut istilah, terdapat berbagai pengertian di kalangan ulama, antaranya: Ia ialah hadis yang tiada dalam sanadnya perawi yang dituduh berdusta, dan tidak *syaz* (ganjil, bertentangan), serta diriwayatkan seumpamanya (makna yang sama) daripada jalan riwayat yang lain.

Ini ialah pengertian hadis hasan sepertimana yang diberi oleh al-Imam al-Tirmizi di akhir kitab *al-Jami'*nya. Daripada pengertian ini, yang beliau maksudkan adalah pengertian *hasan li-ghairih* (حسن لغيره).

Al- Hasan (Li zatihi): **الْحَسَنُ (لِذَاتِهِ)**

Dari sudut bahasa الحسن pengertiannya telah dinyatakan dalam الحسن.

Dari sudut istilah: Ia ialah hadis yang bersambung sanadnya, dinukilkan oleh perawi yang *'adil*, namun kurang (sedikit daripada perawi yang sempurna hafalannya) dari sudut hafalannya, tidak *syaz* (ganjil, bertentangan) dan tiada *'illah* (kerosakan) yang mencacatkan.

Beza antara الصحيح dan الحسن:

Apabila dibandingkan antara pengertian hasan dan pengertian sahih, kita dapati antaranyanya adalah persamaan yang besar. Di mana kedua-duanya adalah bersepakat dan sama pada keseluruhan pengertian kecuali pada syarat yang berkaitan dengan hafalan. Perawi bagi sahih adalah memiliki kekuatan hafalan yang sempurna, daripada kalangan ahli *hifz* dan penuh penelitian, manakala perawi hasan pula sudut hafalannya rendah sedikit daripada perawi sahih.

Contoh hadis hasan:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dengan katanya: Telah menceritakan kepada kami Qutaybah, telah menceritakan kepada kami Ja'far bin Sulayman al-Ruba'i, daripada Abu 'Imran al-Jawni, daripada Abu Bakr bin Abu Musa al-Asy'ari, berkata: Saya mendengar bapa saya berkata ketika sedang menghadapi musuh: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya pintu-pintu syurga di bawah bayangan pedang-pedang". Hadis ini disebut oleh al-Imam al-Tirmizi: Hadis hasan gharib.

Kesemua empat perawi hadis ini adalah *thiqah* kecuali Ja'far bin Sulayman al-Ruba'i, dia ialah seorang yang baik hadisnya (gambaran yang rendah sedikit berbanding sifat *thiqah*), dengan sebab itu hadis ini telah turun darjatnya kepada martabat hadis hasan. (Lihat perbahasan yang dinyatakan oleh al-Hafiz dalam kitab *Tahzib al-Tahzib*: 2/92).

Hukum Hadis Hasan:

Hadis Hasan adalah مقبولٌ (diterima) oleh ulama fiqah keseluruhannya untuk dijadikan sebagai hujah dan beramal dengannya. Begitulah juga pandangan kebanyakan *muhaddithin*. Ini ialah kerana kebenaran perawi itu telah diketahui dan penukilannya selamat dengan menggunakan sanad. Sifat kekurangan pada sudut hafalan (jika dibandingkan dengan perawi hadis sahih) tidaklah mengeluarkannya daripada memiliki kelayakan untuk menyampaikan apa yang didengarinya. Maksud (hasan) ini hanyalah menyatakan bahawa darjatnya rendah daripada hadis sahih tanpa menidakkan sudut hafalannya.

Sumber-sumber Hadis Hasan:

Tiada ulama terdahulu yang mengkhususkan sebuah karya hanya untuk mengumpulkan hadis-hadis hasan, bahkan mereka mengumpulkan sekali bersamanya hadis-hadis sahih dan juga yang lebih rendah iaitu daif.

Antara sumber-sumber hadis hasan yang utama ialah:

1. جامع الترمذي: oleh al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H).
2. السُّنَن lebih dikenali dengan سنن أبي داود: Oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 273H).
3. المُجْتَبَى lebih dikenali dengan سنن النَّسائي: Oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i'. (w 303H).
4. سُنَن المصطفى lebih dikenali dengan سُنن ابن ماجَهْ: Oleh al-Imam Ibn Majah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (w 273H).
5. المُسْنَد: Oleh al-Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (w 241H).
6. المُسْنَد: Oleh al-Imam Abu Ya'la al-Mausili Ahmad bin 'Ali bin al-Muthanna (w 307H).

Isnad yang hasan: حَسَنُ الإسْنَادِ

Iaitu hadis yang bersambung isnadnya dengan dinukilkan oleh perawi yang *'adil*, namun kurang sedikit dari sudut hafalannya sehinggalah ke akhir isnad.

Perawi yang bersifat hasan hadisnya: حَسَنُ الْحَدِيْثِ

Ia adalah antara lafaz-lafaz *al-ta'dil* daripada martabat yang keempat di sisi al-Hafiz al-'Iraqi.

Hukumnya:

Perawi yang dinyatakan sifat seperti ini ditulis hadisnya dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong (sokongan).

Hasan Sahih: حَسَنٌ صَحِيحٌ

Ia ialah istilah bagi al-Imam al-Tirmizi dalam kitab *al-Jami'*nya. Penafsiran kepada istilah ini menjadi suatu kerumitan kepada ulama dan mereka berbeza pandangan terhadapnya. Para ulama telah menafsirkan dengan pelbagai tafsiran mengikut apa yang difahami. Tafsiran yang paling baik dan lebih aula adalah sepertimana yang dinyatakan oleh al-Hafiz ibn Rajab; sesungguhnya الحسن الصحيح **adalah hadis yang memiliki syarat-syarat hadis hasan yang 3 iaitu:**

1. Tiada dalam sanadnya perawi yang dituduh berdusta.
2. Tidak *syaz*.
3. Diriwayatkan seumpamanya dengan sanad yang lain.

Itulah syaratnya di samping syarat-syarat hadis sahih pada pandangan keseluruhan ulama. Sepertimana yang diketahui bahawa tiada sebarang penambahan pada syarat-syarat hadis hasan, kecuali mestilah ia diriwayatkan dengan sanad atau bentuk yang lain. Syarat ini ditambah kepada syarat-syarat hadis sahih, sehingga hadis tersebut menjadi hadis yang hasan sahih. Maka dengan ini hadis hasan sahih adalah lebih tinggi darjatnya daripada hadis sahih semata-mata, disebabkan penambahan syarat yang keenam terhadap syarat-syarat hadis sahih. Tiada keraguan pada kewajipan beramal dengan hadis hasan sahih kerana ia *thabit* dan pasti daripada Rasulullah SAW.

Hasan sahih gharib: حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ

Ia adalah istilah al-Imam al-Tirmizi dalam kitabnya *al-Jami'*. Maksud istilah ini ialah: Jika hadis tersebut adalah gharib dari sudut sanadnya sahaja maka maksudnya terkumpul dalam hadis ini darjat sahih dan gharib, iaitu perawi bersendirian dalam meriwayatkannya (tanpa sokongan). Hadis yang dinamakan sebagai: الحديث الغريب berkemungkinan adalah sahih, berkemungkinan hasan atau pun daif. Perkara utama yang dimaksudkan dengannya adalah wujudnya *al-Tafarrud* (bersendirian seorang perawi meriwayatkannya) berbeza dengan sanad-sanad lain yang lebih masyhur.

Jika hadis tersebut gharib dari sudut sanad dan matan, maka perkataan الحَسَنَ di sini adalah untuk menyatakan bahawa terdapat lafaz hadis lain yang bertepatan dan bersesuaian dengannya. (*Manhaj al-Naqd*: m.s. 272 dengan sedikit perubahan dan penambahan).

Manakala jika hadis tersebut gharib dari sudut sanad dan matan, tiada suatu lafaz hadis yang lain bersesuaian atau bertepatan dengannya, maka ungkapan ini membawa erti wujudnya keraguan atau ketidakpastian pada hadis antara darjat sahih atau hasan disebabkan perselisihan ulama berkenaan dengannya. Atau ketidakpastian seorang mujtahid, sepertimana yang diulas oleh al-Hafiz Ibn Hajar. Tetapi penulis tidak menjumpai contoh bagi ulasan yang terakhir ini dalam kitab al-Tirmizi. Wallahu aklam. (*Manhaj al-Naqd* m.s. 272).

Hasan gharib: حَسَنٌ غَرِيْبٌ

Ia ialah istilah al-Imam al-Tirmizi dalam *al-Jami'*nya. Maksud istilah ini: Jika *gharibah* (*gharib*, asing atau bersendirian perawi meriwayatkannya) ini pada sanad dan matan, maka ia ialah hadis yang tidak diriwayatkan kecuali hanya dengan satu sanad. Ini bermakna hadis tersebut adalah حَسَنٌ لذاته.

Jika hadis itu hanya gharib pada sanad sahaja, dan ia masyhur dengan pelbagai bentuk, kemudian datang dengan sanad yang tidak masyhur, maka ia adalah bertepatan dengan pengertian hadis hasan menurut al-Imam al-Tirmizi, kerana ia membuktikan bahawa hadis tersebut diriwayatkan dengan bentuk atau sanad yang lain. (Lihat: *Manhaj al-Naqd*: m.s. 272).

Si polan menghasankan hadisnya: حَسَّنَ فُلانٌ حَدِيْثَهُ

Ia bermaksud: Beliau menjadikan hadis perawi sebagai hasan. Perawi yang dihukumkan hadisnya sebagai hasan diberikan nama: حَسَنُ الحديثِ.

Hasan Li Zatihi: اَلْحَسَنُ لِذَاتِهِ

Ia ialah hadis hasan. Lihat pengertiannya di tempatnya. Dinamakan dengan حسناً لذاته kerana syarat-syarat hadis hasan wujud pada hadis itu sendiri, ia tidak memerlukan sokongan atau penguat daripada hadis lain untuk naik ke darjat hasan.

Hasan Li Ghairihi: اَلْحَسَنُ لِغَيْرِهِ

Dari sudut bahasa الحسن telah pun dinyatakan pengertiannya dalam topik الحسن.

Manakala perkataan لغيره maksudnya adalah: Sesungguhnya sifat hasan tidak datang daripada sanad yang pertama itu sendiri, tetapi sifat ini datang akibat daripada penggabungan sanad yang lain bersama dengannya.

Dari sudut istilah: Ia ialah hadis yang mempunyai darjat daif yang tidak keterlaluan, seperti contohnya perawi yang daif yang tidak sampai kepada lebih rendah daripada seseorang yang boleh dijadikan dalil penyokong , atau perawi *mudallis* yang tidak menjelaskan bahawa dia mendengar daripada syeikhnya, atau sanad yang terputus. Semua perkara ini mestilah berasaskan kepada dua syarat iaitu: Hadis tersebut tidak *syaz* dan diriwayatkan dengan sanad yang lain seumpamanya dari sudut darjat atau lebih kuat daripadanya sama ada dengan lafaz yang sama atau dengan makna yang hampir sama.

Jika al-Imam al-Tirmizi menyebut حديث حسن tanpa sebarang perkataan lain, maka maksud asal ungkapan ini adalah: الحَسَنُ لغيره.

Contoh hadis hasan li ghairihi:

Menurut al-Tirmizi: Telah menceritakan kepada kami 'Ali bin Hujr, telah menceritakan kepada kami Hafs bin Ghiyath, daripada Hajjaj, daripada Ibn 'Umar r.a. berkata: Saya telah bersolat bersama dengan Nabi SAW ketika dalam peerjalanan sebanyak dua rakaat dan selepasnya juga dua rakaat.

Menurut Abu 'Isa (al-Tirmizi): Ini adalah hadis hasan, diriwayatkan oleh Ibn Abi Layla, daripada 'Atiyyah dan Nafi' daripada Ibn 'Umar: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin 'Ubaid al-Muharibi, telah menceritakan kepada kami 'Ali bin Hasyim, daripada Ibn Abi Layla, daripada 'Aliyyah dan Nafi', daripada Ibn 'Umar berkata: Saya bersolat bersama Nabi SAW ketika tidak dalam perjalanan dan dalam perjalanan: Saya bersolat bersama baginda dalam keadaan tidak bermusafir solat zohor sebanyak 4 rakaat dan selepasnya dua rakaat. Saya bersolat bersama baginda ketika dalam perjalanan solat zohor sebanyak 2 rakaat dan selepasnya juga 2 rakaat.

Menurut Abu Isa: Ini hadis hasan. Lihat dalam: باب ما جاء في التطوع في السفر. (2/437-438).

Hadis dengan sanad yang pertama dalamnya terdapat al-Hajjaj yang merupakan ibn Artah. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab *Taqrib al-Tahzib*: Seorang yang *soduq*, banyak melakukan kesilapan dan *tadlis*. Dalam sanad ini juga terdapatnya Atiyyah iaitu bin Sa'ad bin Junadah al-'Aufi. Dia adalah sama dari sudut darjatnya dengan perawi sebelumnya di samping dia juga adalah seorang syi'ah. Tetapi kedua-dua tidak ditohmah atau dituduh sebagai pendusta dan tidak lebih rendah daripada darjat yang boleh dijadikan dalil penyokong.

Al-Tirmizi menghukumkan sebagai hasan bagi hadis kedua-dua orang perawi ini. Ini kerana hadis tersebut telah disokong dengan riwayatnya daripada bentuk yang lain (sanad yang lain). Sanad yang satu lagi mengandungi perawi bernama Ibn Abu Layla yang merupakan seorang faqeh yang hebat, tetapi diperkatakan oleh *muhaddithin* disebabkan hafalannya (yang agak rendah). Tetapi hadis ini dikuatkan dengan wujudnya sanad yang lain. Dengan sebab ini, al-Tirmizi menghukumkannya sebagai hasan.

Hukum hadis hasan li ghairihi:

Sesungguhnya الحديثَ الحسنَ لغيره merupakan hujah dan boleh beramal dengannya pada pandangan kebanyakan ulama hadis. Ini adalah kerana walaupun pada asal, hadis ini adalah daif, tetapi ia telah dikuatkan, disokong dengan wujudnya sanad yang lain di samping tiada penentangan atau perbezaan dengan sesuatu yang lain. Maka hilanglah daripada kita segala yang berkaitan dengan keburukan hafalan perawi atau seorang yang lalai dan sebagainya. Gabungan sanad-sanad ini menghasilkan kekuatan yang menunjukkan bahawa perawi tersebut telah menghafal hadis dengan sebaiknya. Prasangka baik terhadap perawi hadis ini dengan mengatakan bahawa dia telah menghafalnya dan menyampaikannya dengan baik sepertimana yang didengarinya. Maka dengan itu hadis ini dinamakan hasan. (*Manhaj al-Naqd*: m.s. 269-271).

Dia telah hadir: حَضَرَ

Ungkapan ini diberikan kepada kanak-kanak yang menghadiri majlis (periwayatan) hadis dalam keadaan dia masih belum sampai kepada umur menuntut ilmu hadis.

Saya telah hadir: حَضَرْتُ

Ungkapan ini diberikan kepada kanak-kanak yang menghadiri majlis (periwayatan) hadis dalam keadaan dia masih belum sampai kepada umur menuntut ilmu hadis.

Mereka telah hadir: حَضَرُوا

Ungkapan ini diberikan kepada sekumpulan kanak-kanak yang menghadiri majlis (periwayatan) hadis dalam keadaan mereka masih belum sampai kepada umur menuntut ilmu hadis.

Hafalannya seumpama hafalan seorang yang *thiqah:* الحِفْظُ حِفْظُ الثِّقَةِ

Iaitu hafalan seorang perawi *thiqah* terhadap apa yang dibacakannya kepada syeikhnya.

Hakikat periwayatan: حَقِيْقَةُ الرِّوَايَةِ

Iaitu menukilkan sunnah dan seumpamanya, serta menyandarkan ia kepada siapa yang dinisbahkan kepadanya perbuatan bercakap, memberitahu dan sebagainya itu.

Sentalan: الْحَكُّ

Ia bermaksud mengikis atau membuang. Iaitu dinafi atau dibuang sesuatu yang dianggap pertambahan atau lebihan dari catatan sesebuah kitab dengan menggunakan pisau atau sebagainya.

Hukum ke atas isnad hadis: الْحُكْمُ على إسْنَادِ الْحَدِيْثِ

Lihat: الحُكْمُ على الحَدِيْث.

Hukum ke atas hadis: الْحُكْمُ عَلَى الْحَدِيْثِ

Maksud: الحُكْمُ على الحَدِيْث ialah dengan cara kita menetapkan keputusan, hasil daripada maklumat yang diperolehi dengan mengkaji sesuatu sanad dengan menyebut: *Isnad* ini sahih, atau: *Isnad* ini daif, atau: *Isnad* ini *mawdu'*. Keputusan ini adalah berpandukan kepada kaedah-kaedah yang begitu teliti dan asas-asas yang terbatas (tidak dengan cara sewenang-wenangnya). Praktikalitinya tidak mampu untuk dilaksanakan dengan sempurna kecuali bagi individu-individu yang sentiasa menjalankan kajian terhadap sanad-sanad dalam tempoh yang lama serta mengetahui cara atau bentuk periwayatan golongan perawi hadis hasil daripada pengalaman dan praktikal yang lama.

Hukum ke atas matan hadis pula memerlukan – di samping perkara yang telah dinyatakan di atas – kepada perkara-perkara penting yang lain. Contohnya penelitian terhadap matan hadis, adakah terdapatnya *syuzuz* (pertentangan atau tidak diriwayatkan oleh perawi yang lain dan sebagainya) atau *'illah qadihah* (kecacatan yang merosakkan), atau adakah matan ini diriwayatkan dengan sanad yang lain atau beberapa sanad yang lain sehingga mengakibatkan berlakunya perubahan kepada hukum hadis tersebut?

Hukum ke atas matan seumpama kata-kata: هذا حديثٌ صحيحٌ atau هذا حديثٌ ضعيفٌ adalah lebih susah dan lebih mendalam daripada hukum terhadap sanad

semata-mata. Ia tidak mampu dilakukan kecuali oleh imam-imam ulama pakar dalam bidang hadis, atau seseorang yang sudah lama berkecimpung dan tenggelam dalam kajian terhadap hukum ke atas hadis, mempunyai ilmu yang luas, serta pembacaan yang menyeluruh terhadap sanad-sanad dan matan-matan. (Lihat: *Usul al-Takhirj Wa Dirasah al-Asanid*: m.s. 137-138).

Hukum ke atas matan hadis: الْحُكْمُ عَلَى مَتْنِ الْحَدِيْثِ

Lihat: الحكم على الحديث.

Hikmah: الْحِكْمَةُ

Dari sudut bahasa الحكمة dan jamaknya ialah حِكَم yang bermaksud: Ilmu dan kefahaman yang mendalam.

Dari sudut istilah: al-Imam al-Syafi'i telah memasyhurkan penggunaannya dengan makna: Sunnah Nabi SAW dalam kitabnya *al-Risalah*. (Lihat: *al-Risalah m.s. 24 dan Jami' Bayan al-'Ilm* m.s. 247).

Diceritakan, Ddihikayatkan: حُكِيَ

Ia bermaksud: رُوِيَ yakni diriwayatkan.

Ha' lam: حل

Ia adalah simbol yang digunakan dalam kitab-kitab tarajum (biografi perawi) bagi menunjukkan kepada Abu Nua'aim al-Asbahani dalam kitab *Hilyah al-Awliya'*.

Halaqah: الْحَلَقَةُ

Ia adalah majlis-majlis penyampaian atau periwayatan hadis.

***Ha mim*:** حم

Simbol yang digunakan dalam kitab-kitab tarajum bagi menunjukkan kepada Ahmad dalam kitab Musnadnya.

Dua Hammad: حَمَّادَان

Jika disebut tanpa sebarang perkataan lain, maka yang dimaksudkan ialah dua orang imam di kalangan ulama besar hadis.; iaitu:

1. Hammad bin Salamah bin Dinar al-Basri, Abu Salamah, *thiqah* 'Abud, dari kalangan ulama besar *tabaqat* kelapan, wafat pada tahun 167H.
2. Hammad bin Zayd bin Dirham al-Azdi al-Jahdami, Abu Isma'il al-Basri, *thiqah thabt faqeh*, di kalangan ulama besar *tabaqat* kelapan, wafat pada tahun 176H.

Pembawa kayu api: حَمَّالَةُ الْحَطَبِ

Dari sudut bahasa حَمَّالة dan jamaknya ialah حمّالات merupakan kata nama bersangatan daripada perkataan حَمَل يَحمِل yang bermaksud: Seseorang yang membawa sesuatu di atasnya (kepalanya). Perkataan الحَطَب dan jamaknya ialah أحطاب iaitu setiap sesuatu yang kering daripada dahan dan kayu pokok yang boleh dinyalakan api.

حَمَّالة الحطب adalah gelaran bagi Ummu Jamil bin Harb, isteri Abu Lahab, saudara perempuan bagi Abu Sufyan yang disebutkan oleh Allah SWT dalam Surah Tabbat (*al-Lahab*). Dia dijadikan contoh perumpamaan bagi kerugian yang besar. Disebut: Lebih rugi daripada pembawa kayu api.

Dari sudut istilah: Ungkapan ini digunakan oleh *muhaddithin* sebagai suatu perumpamaan bagi mencela atau merendahkan martabat perawi jika dia meriwayatkan hadis-hadis yang daif. Al-Imam Yahya bin Ma'in menggunakannya pada: al-Nadr bin Mansur al-Bahili, 'Uthman bin Sa'id al-Darimi berkata: Saya berkata – iaitu kepada Yahya bin Ma'in-: Al- Nadr bin Mansur al-'Anzi kamu mengenalinya? Diriwayatkan daripadanya Ibn Abu Ma'syar, daripada Abu al-Janub, daripada 'Ali, siapakah mereka semua itu? Jawab Yahya bin Ma'in: Mereka semua حَمَّالة الحطب. (*Tarikh 'Uthman bin Sa'id al-Darimi*: m.s. 220).

Ibn Abi Hatim menerangkan maksud Yahya bin Ma'in daripada perkataannya ini dengan katanya: Maksudnya mereka semua adalah daif.

Ia menerangkan tentang maksud ungkapan Yahya bin Ma'in, iaitu untuk merendahkan dan mendaifkan perawi.

Merah: الْحُمْرَةُ

Tanda dengan tulisan berwarna merah menyertai sebarang penambahan kepada riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab hadis.

Tanggungan padanya adalah atas si polan: الْحَمْلُ فِيْهِ عَلَى فُلَانٍ

Ia bermaksud: Daif yang ada pada sesuatu hadis datang daripada si polan. Ia adalah ungkapan yang menunjukkan *al-jarh* yang kuat. Dengan sebab itu ungkapan ini di martabat yang kedua daripada martabat al-Jarh di sisi al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti, martabat yang ketiga di sisi al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Pancaindera yang lima: الْحَوَاسُّ الْخَمْسُ

Iaitu: pendengaran, penglihatan, sentuhan, rasa dan hidu.

Nota kaki: الْحَوَاشِي

Lihat: الحاشية.



حرف الخاء

HURUF KHA'

***Kha*:** خ

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab *Tarajum, Jam'u al-Jawami'* oleh al-Rudani, *al-Jami' al-Saghir* oleh al-Hafiz al-Suyuti. Simbol ini membawa erti: Al-Bukhari dalam Sahihnya.

Yang kelima: الْخامِسَةُ

Ia adalah istilah bagi al- Hafiz ibn Hajar dalam kitab *Taqrib al-Tahzib*. Banyak digunakan dalam menerangkan biografi seseorang perawi. Beliau berkata: من الخامسة dan ia bermaksud perawi tersebut daripada *tabaqat* yang kecil daripada kalangan tabiin. (Lihat *Mukaddimah Taqrib al-Tahzib*).

Khabar: الْخَبَرُ

Dari sudut bahasa الخَبَر dan jamaknya أخبارٌ ialah maklumat yang dinukilkan dan disampaikan atau diceritakan.

Dari sudut istilah, terdapat tiga pandangan berkaitan dengannya:

Pertama: Ia adalah seerti dengan perkataan hadis: Atau maknanya adalah sama.

Kedua: Ia berbeza dengan perkataan hadis, kerana hadis adalah sesuatu yang datang daripada Nabi SAW, manakala khabar pula ialah sesuatu yang datang daripada selain baginda.

Ketiga: Khabar lebih umum daripada hadis, iaitu hadis adalah sesuatu yang datang daripada Nabi SAW, manakala khabar adalah sesuatu yang datang daripada baginda atau pun selain baginda daripada kalangan sahabatnya r.a. (*Syarh al-Nukhbah*: m.s. 18).

Ulama Khurasan berpandangan dengan pandangan yang lebih jauh daripada pandangan yang dinyatakan: Mereka menyamakan antara khabar dan hadis Nabi SAW dan membezakan antara *mawquf* dan *marfu'* daripada hadis-hadis. Pada pandangan mereka *mawquf* adalah *athar*, dan yang kedua pula adalah khabar. Pandangan ini menjadikan hadis dan khabar itu perkara yang sama. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/23).

Khabar adalah istilah am bagi *marfu'* dan *mawquf* daripada hadis-hadis. Di atas dasar ini di sana terdapat ungkapan yang mengatakan: Setiap hadis itu adalah khabar dan bukan setiap khabar itu adalah hadis. (*Qawa'id al-Tahdith*: m.s. 62).

Khabar yang ahad (satu): خَبَرُ الآحَادِ

Lihat: الآحَادُ dalam huruf alif.

Khabar yang mutawatir: الْخَبَرُ الْمُتَوَاتِرُ

Lihat: الْمُتَوَاتِرُ dalam huruf *mim.*

Khabar wahid (satu): خَبَرُ الْوَاحِدِ

Lihat: الآحَادُ dalam huruf *alif.*

Dia telah memberitahu kami: خَبَّرَنَا

Ia adalah daripada bentuk penyampaian hadis bagi seseorang perawi yang mengambil daripada riwayat seorang syeikh secara berkumpulan. Disebut daripada al-Imam al-'Awza'i bahawa beliau mengkhaskan sesuatu hadis yang dipelajari atau diambil dengan cara *ijazah* disebut dengan lafaz: خبَّرنا dengan tanda syiddah di atas huruf *ba'*. Sesuatu hadis yang diambil dengan cara bacaan di hadapan syeikh pula akan disebut dengan: أخبَرنا (tanpa tasydid). (*Tadrib al-Rawi*: 2/31).

Al-khabari: الْخَبَرِيُّ

Ia bermaksud: seorang *muhaddith*. Tetapi lafaz ini kurang digunakan. Penggunaan perkataan *al-khabari* lebih banyak di kalangan *muhaddithin* daripada perkataan *al-akhbari* (الأخباري). Walaupun yang paling tepat adalah perkataan yang pertama الخبري. Itulah yang telah diputuskan oleh ibn Hisyim; ini adalah kerana sesuatu nisbah (disandarkan kepada sesuatu nasab) adalah dengan lafaz satu sepertimana yang dinyatakan dalam ilmu *al-Tasrif*. Perkataan yang menunjukkan satu baginya adalah: الخبري.

***Kha Ta*:** خت

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab al-Tarajum bagi menunjukkan kepada sesuatu yang diriwayatkan oleh al-Bukhari secara *ta'liq* dalam kitab Sahihnya.

***Kha Dal*:** خد

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab al-Tarajum bagi menunjukkan kepada sesuatu yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitabnya *al-Adab al-Mufrad* sepertimana yang disebut oleh al-Suyuti dalam *al-Jami' al-Saghir*.

Ambillah daripada saya: خُذْ عَنِّي

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-tahammul* (mengambil hadis atau mempelajarinya) yang disebut oleh al-Ramahurmuzi dalam kitabnya *al-Muhaddith al-Fasil*.... (*Tadrib al-Rawi*:1/439).

Mengeluarkan (meriwayatkan) hadis: خَرَّجَ الْحَدِيْثَ

Lihat: أخرج الحديث dalam huruf *alif.*

Mengeluarkan (meriwayatkan) bagi si polan: خَرَّجَ لِفُلَانٍ

Ia bermaksud menyandarkan hadis kepada si polan, atau mengeluarkan hadis bagi ramai perawi, atau men*takhrij*kan kitabnya, atau mengeluarkan takhrij-takhrij hadis untuk dirinya (dengan menisbahkan hadis kepada imam-imam yang mengeluarkannya).

Ia dikeluarkan (di*takhrij*) oleh si polan: خَرَّجَهُ فُلَانٌ

Iaitu bermaksud mengumpulkan semua jalan-jalan riwayat hadis dan menisbahkannya kepada imam-imam yang meriwayatkannya.

Lihat: الإخراج dalam huruf *alif*.

Lepasan (pengajian) si polan: خِرِّيجُ فُلَانٍ

Lihat: تَخَرَّج بفلانٍ.

Khasyabi: خَشَبِيٌّ

Iaitu seorang yang berfahaman Syi'ah. Ini bukanlah antara lafaz *al-jarh*, kecuali hadis yang driwayatkannya mengandungi bidaah (kepercayaan Syi'ahnya), atau dia mengajak orang lain kepada pegangannya.

Contoh perawi yang disebutkan dengan lafaz ini: Malik bin Isma'il bin Dirham Abu Ghassan al-Nahdi (w 219H), merupakan antara guru yang besar bagi al-Imam al-Bukhari, disepakati akan ke*thiqah*annya, dan dia diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis.

Disebut oleh Ibn 'Adi dalam kitab *al-Kamil* berdasarkan kata-kata al-Juzjani terhadapnya: Dia adalah seorang خَشَبِيا. Menurut al-Hafiz: Maksudnya شِيْعِياً. (Lihat: *Hady al-Sari*: m.s. 442).

Al- Khasais: الخَصَائص

Ia adalah sejenis karya yang dihasilkan oleh golongan *muhaddithin*. Maksud daripada karya ini adalah pengumpulan hadis-hadis yang menyatakan tentang perkara-perkara yang khusus bagi Nabi SAW. Sebagai contoh: Baginda adalah ketua seluruh anak Adam a.s pada Hari Kiamat sepertimana yang disebut dalam hadis Abu Hurairah r.a. *marfu'an*: "Saya adalah ketua bagi anak Adam pada hari Kiamat, orang pertama yang akan dibangkitkan daripada kubur, orang yang pertama meminta pertolongan Allah dan orang pertama yang dikabulkan syafaatnya."

Dengan sebab itu, muhaddithin amat menitikberatkan penulisan kitab-kitab yang menyatakan tentang *khususiyyat* Nabi SAW, antara kitab-kitab tersebut:

1. الدُّرُّ الثمين في خصائص النبي الأمين: oleh al-Hafiz Abu Faraj 'Abd al-Rahman bin al-Jauzi (w 597H).
2. خصائص النبي ﷺ: oleh al-Hafiz 'Ali al-Din Mughlatay (w 762H).
3. غاية السّول في خصائص الرسول ﷺ: oleh al-Hafiz Siraj al-Din 'Umar bin 'Ali yang lebih dikenali dengan Ibn al-Mulaqqin (w 804H).
4. الأنوار بخصائص المختار: oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (w 852H).
5. الخصائص الكبرى: oleh al-Hafiz Abu Bakr Jalal al-Din al-Suyuti (w 911H).

***Kha Ta*:** خط

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab al-Tarajum bagi menunjukkan kepada al-Khatib al-Baghdadi dalam kitab *Tarikh Baghdad.*

Al- Khattabiyyah: الخَطَّابِيَّة

Salah satu daripada kelompok Syiah yang terkenal. Mereka adalah pengikut Abu al-Khattab bin Abu Zainab. Mereka terdiri daripada 5 kumpulan yang mendakwa: Seungguhnya rasul-rasul Allah dan hujah-hujahNya atas semua makhlukNya, ada di kalangan mereka dua orang rasul, yang pertama adalah yang berkata-kata iaitu Muhammad, dan yang kedua adalah yang berdiam diri iaitu 'Ali bin Abi Talib. Mereka juga mendakwa sesungguhnya Abu al-Khattab adalah seorang nabi, sesungguhnya rasul-rasul telah mewajibkan kepada mereka untuk mentaatinya. (Lihat: *Maqalat al-Islamiyyin*: 1/76).

Ringan (kurang) hafalan atau penjagaan: خَفَّ الضَّبْطُ

Iaitu: Sedikit atau kurang hafalan atau penjagaan hadis pada seseorang perawi. Disebut: خَفَّ القومُ خفوفاً, kaum itu berkurangan iaitu sedikit.

Orang yang kurang dari sudut hafalan: خَفِيْفُ الضَّبْطِ

Iaitu perawi yang sedikit kekuatan hafalan atau kurang penjagaannya terhadap hadis.

Tersembunyi: الخَفِيُّ

Lihat: المُرْسَل الخَفِيّ dalam huruf *mim.*

Tersembunyi putusnya: خَفِيُّ الإرْسَالِ

Lihat: المُرْسَل الخَفِيّ dalam huruf *mim.*

Al-Khila'iyyat: الخِلَعِيَّاتُ

Ia adalah faedah-faedah hadis yang dinyatakan oleh Abu al-Hasan 'Ali bin al-Hasan al-Khila'i (w 492H) dikumpulkan dan dikeluarkan atau ditakhrijan oleh Abu Nasar al-Syirazi. (*Siyar A'lam al-Nubala'*: 19/76).

Al-Khila'iy ialah seorang syeikh Muktazilah yang memiliki sanad-sanad yang tinggi dalam riwayat. (*Siyar A'lam al-Nubala'*: 19/76).

Bertentangan: خُلْفٌ

Dari sudut bahasa الخُلْف maksudnya ialah: Bertentangan, penipuan, tidak menepati janji dan tidak menunaikannya.

Dari sudut istilah: Lafaz yang digunakan oleh *muhaddithin* untuk memberitakan *al-tauthiq* dan *al-tad'if* secara serentak. Iaitu jika terdapatnya banyak perbezaan di kalangan ulama, sebahagian daripada mereka *mentauthiqkannya* dan sebahagian yang lain men*tad'if*kannya, atau seorang perawi yang diperkatakan (tidak kuat) tentangnya, mendatangkan riwayat yang bertentangan dengan riwayat perawi *thiqah.*

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini dapat ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong.

Khumasiyyat: الخُمَاسِيَّاتُ

Ia adalah kitab-kitab yang disusun oleh penulisnya untuk mengeluarkan atau men*takhrij*kan isnad-isnad mereka yang tinggi, di mana bilangan perawi antara mereka dengan Nabi SAW hanyalah 5 orang perawi sahaja.

Penulisan seperti ini telah dihasilkan oleh:

1. Abu al-Hasan Ahmad bin Muhammad bin Ahmad (Ibn al-Nuqur) al-Baghdadi (w 470H).
2. Al-Imam 'Ali bin 'Umar bin Ahmad al-Daraqutni (w 385H).
3. Abu al-Qasim Zahir bin Tahir bin Muhammad al-Naysaburi (w 533H). (Lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*: m.s. 99).

Lima: الخَمْسَةُ

Maksudnya ialah lima pengarang kitab hadis yang masyhur, iaitu:

1. Al-Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (w 241H), pengarang al-Musnad.
2. Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwani (w 273H) pengarang kitab al-Sunan.
3. Al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H) pengarang kitab al-Sunan.
4. Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H) pengarang kitab al-Sunan.
5. Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H) pengarang kitab al-Sunan.

Al-Khawarij: الخَوَارِجُ

Asalnya adalah salah satu kelompok pengikut Saidina 'Ali r.a. Mereka adalah kumpulan yang mengingkari dan menentang 'Ali dalam urusan *al-Tahkim*. Mereka berlepas diri daripada Saidina 'Ali dan Saidina 'Uthman serta zuriatnya, dan memerangi mereka.

Sejarah kemunculan al-Khawarij ini kembali kepada perstiwa *al-Tahkim* di Siffin pada tahun 37 Hijrah pada zaman khilafah 'Ali bin Abu Talib r.a. Di mana al-Khawarij mendakwa keputusan yang diambil dalam peristiwa *al-Tahkim* adalah terkeluar daripada Islam. Bertitik tolak daripada itu, mereka mendesak 'Ali agar menyatakan taubatnya dan tidak meredhai *al-Tahkim* tersebut, sehinggalah mereka akhirnya mengisytiharkan keluar daripada pemerintahan khalifah 'Ali r.a.

Al-Khawarij juga turut menyertai golongan lain dalam meriwayatkan hadis. Tetapi pencapaian mereka dalam periwayatan hadis tidak seumpama kaum muslimin yang lain (periwayatan mereka hanya sedikit). Semua ni adalah kerana mereka sibuk dalam urusan aqidah pada ketika ilmu periwayatan hadis dalam zaman kecemerlangannya. Dengan sebab itu mereka tidak mewarisi banyak ilmu hadis dan ilmu riwayah, mereka tidak mewarisinya daripada sahabat mahupun tabiin. Ini mengakibatkan mereka lebih jauh daripada hadis dan periwayatannya.

Tetapi oleh sebab perbuatan berdusta menurut mereka dianggap sebagai suatu dosa besar, menyebabkan *muhaddithin* menerima periwayatan mereka.

Bahkan sebahagian ulama meletakkan sebahagian daripada perawi al-Khawarij di martabat *thiqah* dalam periwayatan hadis. Perkara ini telah dijelaskan oleh ramai imam-imam hadis antaranya: Al-Imam Abu Dawud al-Sijistani yang mengatakan: Tiada di kalangan kelompok pengikut hawa nafsu yang lebih sahih hadisnya daripada golongan al-Khawarij. Kemudian beliau menyebut di kalangan mereka: 'Imran bin Hittan (w 84H) dan Abu Hassan al-A'raj (w 130H). (*al-Kifayah*: 130).

Ini jugalah perkara yang dilakukan oleh al-Imam al-Bukhari dan selainnya daripada kalangan ulama yang meriwayatkan daripada kumpulan al-Khawarij dalam karya-karya mereka.

Perkara yang menjatuhkan atau merosakkan maruah: خَوَارِمُ الْمُرُوْءَة

Dari sudut bahasa الخوارم adalah jamak daripada perkataan: خرم وخارم yang bermaksud: Kurang. خوارم المروءة adalah perkara yang mengurangkannya. Perkataan الْمُرُوْءَة adalah kata nama terbitan daripada perkataan مَرَأَ يَمْرَأُ iaitu adab-adab jiwa yang akan mendorong orang lain kepada mendirikan atau mempraktikkan akhlak-akhlak yang mulia dan adat-adat yang baik.

Dari sudut istilah: Setiap sesuatu yang mengurangkan daripada diri *muhaddith* akan maruahnya. Contohnya: Makan di pasar, berjalan di kawasan awam dengan tidak menutup kepala, kencing di jalanan, bersahabat dengan orang yang tidak baik, bermain dengan burung merpati dan sebagainya daripada banyak perkara. (Lihat: *Syarh al-Nukhbah*: m.s. 53).

Perawi yang sSedikit celaru: خُوْلِط

Lihat: اخْتَلَطَ dalam huruf *alif*.

Yang baik: خِيَارٌ

Dari sudut bahasa الخيار adalah daripada خير (kebaikan) dan lawannya adalah kejahatan.

Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz *al-ta'dil*, daripada martabat yang ketiga di sisi al-Hafiz al-'Iraqi, martabat yang keempat di sisi Ibn Hajar dan al-Suyuti serta martabat yang kelima di sisi al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini adalah lebih rendah sedikit daripada darjat *thiqah*, bukan mencalarkan kedudukannya, bahkan dia adalah antara para *thiqah* yang terpilih. Tetapi perawi seperti ini tidaklah meningkat sehingga boleh diletakkan setara dengan perawi-perawi *thiqah* yang lain.

Ungkapan ini secara kesimpulannya adalah suatu pujian dan bukannya kejian, seperti yang dapat dirasakan daripada kalimahnya.

Makhluk yang terbaik: خِيَارُ الْخَلْقِ

Lihat: خِيَار.

حرف الدَّال

HURUF DAL

***Dal*:** د

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab al-Tarajum, Jam'u al-Jawami' oleh al-Rudani dan *al-Jami' al-Saghir* oleh al-Suyuti yang menunjukkan kepada Abu Dawud dalam Sunannya.

Bulatan: الدَّائِرَةُ أو "الدَّارة"

Ia adalah tanda [0] yang diletakkan oleh para ulama terdahulu untuk memisahkan antara dua hadis atau dua perenggan supaya dapat dibezakan antara kedua-duanya.

Bulatan: الدَّارَةُ

Lihat: الدَّائرة.

Orang yang mengajak atau menyeru: دَاعِيَةٌ

Dari sudut bahasa داعية dan jamaknya adalah دُعَاة. Ia adalah kata nama pembuat daripada perkataan دعا يدعو. *Ta'* pada perkataan ini adalah sebagai menandakan *mubalaghah* (sifat berlebihan). Iaitu seseorang yang menyeru atau mengajak kepada agama atau pemikiran.

Dari sudut istilah: *Da'iyah* adalah seorang yang mengajak orang lain kepada bidaahnya seperti *al-tasyayyu'* (ke arah pemikitan syi'ah), *al-qadr* (al-qadariyyah) *al-nasb* (al-nababuyyah), *al-irji'* (al-murjiah) dan *al-tajahhum* (al-jahmiyyah), sehingga menjadi pemimpin dalam kumpulan tersebut dan dijadikan rujukan dalam kesesatan pemikirannya.

Al-Hafiz Ibn Hajar meletakkan keseluruhan golongan yang melakukan bidaah ini di martabat yang kelima daripada martabat *al-jarh*. Di mana beliau berkata dalam mukaddimah *al-Taqrib*: Dan termasuk bersamanya setiap perawi yang dilemparkan atau dituduh dengan jenis-jenis bidaah, seperti *al-tasyayyu', al-qadr, al-nasb, al-irja'* dan *al-tajahhum* di samping keterangan tentang orang yang mengajak ke arah bidaah dan yang tidak mengajak ke arahnya.

Walaupun keadaan ahli-ahli bidaah dan sifat-sifat mereka menyebabkan riwayat mereka tidak diterima, tetapi di sana terdapat ahli ilmu yang warak dan hendakkan kebaikan yang mengambil riwayat-riwayat mereka.

Al-Imam Ahmad bin Hanbal ditanya: Adakah kamu menulis (hadis) daripada al-murjiy dan al-qadariy? Beliau menjawab: Ya, jika dia tidak mengajak orang lain kepada bidaahnya dan tidak banyak berbicara tentangnya. (*al-Du'afa'* Oleh ibn Hibban: 1/82).

***Da Tha Na*:** دَثَنَا

Ia adalah lafaz ringkas bagi perkataan: حَدَّثَنَا iaitu Dia telah menceritakan kepada kami yang digunakan oleh sebahagian *muhaddithin* yang terdahulu seperti: Al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi, Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami dan Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi. (Lihat: *'Ulum al-Hadith*m.s. 180).

***Da Tha Ni*:** دَثَنِي

Lafaz ringkas daripada perkataan: حَدَّثَنِي.

Dajjal: دَجَّالٌ

Dari sudut bahasa دَجَّالٌ dan jamaknya ialah دَجَّالون، ودَجَاجِلَة yang diberikan kepada pendusta dan penipu. Ini adalah kerana dia merahsiakan dan menutup kebenaran dengan pendustaan. (*Tahzib al-Lughah*).

Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz-lafaz dari martabat pertama bagi *al-jarh* di sisi al-Hafiz al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti dan dari martabat yang kedua menurut ibn Hajar dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong.

Dajjal daripada kumpulan dajjal: دَجَّالٌ مِنَ الدَّجَاجِلَةِ

Dari sudut bahasa sudah pun dinyatakan pengertiannya dalam دَجَّال.

Dari sudut istilah: Ia adalah ungkapan *al-jarh*, diberikan kepada perawi yang daif dan pendusta. Ia di sisi al-Sakhawi di martabat yang kedua daripada martabat *al-jarh*. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/343).

Ungkapan ini juga diberikan kepada perawi yang menyesatkan (orang lain), pelaku bidaah yang tidak layak untuk disebut daripada kalangan perawi-perawi hadis, sepertimana yang disebut oleh Ibn Hibban kepada Salih bin Muhammad al-Tirmizi dan selainnya daripada kalangan perawi yang menyesatkan dan pelaku bidaah.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong.

دَخَلَ حَدِيثُ بَعْضِهِمْ فِي بَعْضٍ

Masuk hadis sebahagian mereka ke dalam sebahagian yang lain:

Jika beberapa orang huffaz (perawi yang hafiz) meriwayatkan hadis dalam kitab-kitab sahih mereka atau sunan-sunan atau musnad-musnad, mereka bersepakat dengan satu lafaz atau makna dan didapati setiap daripada mereka ada lafaz yang tiada pada perawi yang lain. Kemudian seorang perawi ingin meriwayatkan hadis tersebut dengan satu jalan sahaja, maka hendaklah dia berkata: Diriwayatkan oleh si polan, si polan dan si polan, دخل حديثُ بعضهم في بعضٍ (masuk hadis sebahagian mereka dalam sebahagian yang lain) sebagai menandakan bahawa lafaz hadis tersebut daripada keseluruhan perawi dan

setiap daripada mereka memiliki perkataan yang tidak dimiliki oleh yang lain. (*Qawa'id al-Tahdith*: m.s. 220).

Al-Dirayah: الدِّرَايَةُ

Dari sudut bahasa الدراية adalah kata nama terbitan bagi perkataan دَرَى يَدرِي yang bermaksud: ilmu, kefahaman dan pengetahuan.

Dari sudut istilah: Pengetahun berkaitan dengan keadaan-keadaan sanad hadis dan matannya.

Lihat: الرواية والدراية dalam huruf *ra'* dalamnya terdapat pengertian secara lebih terperinci.

Darjat hadis: دَرَجَةُ الْحَدِيْثِ

Iaitu martabat hadis dari segi sahih, hasan, daif atau *mawdu'* (palsu).

Tanda-tanda kenabian: دَلاَئِلُ النُّبُوَّةِ

Ia adalah sejenis karya di sisi *muhaddithin* yang mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan kebenaran kenabian Nabi SAW daripada mukjizat dan sebagainya.

Karya-karya mengenainya yang paling masyhur:

1. دلائل النبوة: oleh al-Hafiz Ahmad bin 'Abd Allah Abu Nu'aim al-Asbahani (w 430H).
2. دلائل النبوة: oleh al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (w 458H).

Begitu juga terdapat karya-karya selain daripada kedua-dua penulis ini, tetapi karya-karya tersebut tidak sampai kepada kita.

***Da Na*:** دنا

Ia adalah termasuk singkatan bagi lafaz-lafaz menyampaikan hadis, digunakan oleh sebahagian *muhaddithin* sebagai ringkasan kepada perkataan: حَدَّثَنَا.

***Dal Ya*:** دي

Simbol ini digunakan dalam kitab-kitab al-Tarajum sebagai menunjukkan kepada al-Darimi dalam sunannya.



حرف الذّال

HURUF ZAL

Ingatan: الذَّاكِرَة

Iaitu kekuatan akal yang menyebabkan seseorang dapat menghafal apa yang diketahuinya, ia juga dinamakan sebagai: الحافظة.

Seorang yang pergi/hanyut: ذَاهِبٌ

Dari sudut bahasa الذاهب adalah kata nama pembuat daripada perkataan ذَهَبَ يَذهَبُ yang Dari sudut istilah: Ia adalah lafaz daripada martabat yang pertama daripada lafaz *al-jarh* di sisi Ibn Abi Hatim dan Ibn al-Salah, martabat yang kedua menurut al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti dan martabat yang ketiga di sisi al-Zahabi dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong.

Seorang yang hanyut hadisnya: ذَاهِبُ الحَدِيثِ

Ia adalah bermaksud: Seorang yang menghilangkan atau memadamkan hadis. Ia merupakan lafaz daripada martabat yang pertama daripada lafaz *al-jarh* menurut Ibn Abi Hatim dan Ibn al-Salah, martabat yang kedua di sisi al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti dan martabat yang ketiga menurut al-Zahabi dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong.

Menyebut: ذِكْر

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-tahammul* (mengambil hadis) dengan cara mendengar daripada syeikh dengan syarat diketahui pertemuan kedua-duanya serta selamat daripada sebarang bentuk *al-tadlis*.

Si polan menyebut begini: ذَكَرَ فُلَانٌ كَذَا

Bentuk menyampaikan hadis dengan membawa erti: قال (berkata) kebiasaannya ia digunakan untuk *al-Wijadah*; iaitu seorang perawi yang menjumpai kitab (riwayat) penulisan seseorang yang tidak sezaman dengannya atau tidak pernah mendengar hadis daripadanya.

Perhatian:

Seseorang perawi tidak boleh menyebut ذكر فلانٌ كذا dengan bentuk yang pasti kecuali dia telah memastikan kesahihan kitab dan nisbah kitab kepada penulisnya.

Dia menyebutkan kepada kami: ذَكَرَ لَنَا

Ia adalah bentuk menyampaikan (hadis) bagi perawi yang mengambil daripada riwayat dengan cara mendengar dan sebagainya.

Si polan menyebut kepada kami: ذَكَرَ لَنَا فُلَانٌ

Ia adalah bentuk menyampaikan (hadis) bagi perawi yang mengambil daripada riwayat dengan cara mendengar dan sebagainya.

Jika seseorang berkata: ذَكَرَ لنا atau ذَكَرَ لِي atau قالَ لنا atau قالَ لِي maka ia adalah seumpama حَدَّثنا bahawa ia memang layak mendengar muzakarah (perbincangan), dan ia lebih hampir sama dengan lafaz: حَدَّثنا. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/35).

Dia menyebut kepada saya: ذَكَرَ لِيْ

Ia adalah bentuk menyampaikan (hadis) bagi perawi yang mengambil daripada riwayat dengan cara mendengar dan sebagainya.

***Muhaddith* itu menyebut hadis:** ذَكَرَ الْمُحَدِّثُ الْحَدِيْثَ

Iaitu menyebutnya tanpa sanad dalam kitabnya atau ketika berbicara dengannya.

Ia disebut oleh ibn hibban dalam kitab *al-Thiqat*: ذَكَرَهُ ابْنُ حِبَّان فِي "الثِّقَات"

Ungkapan ini banyak digunakan dengan menisbahkannya kepada ibn Hibban yang men*tauthiq*kan seseorang perawi. Tetapi ungkapan ini tidaklah menunjukkan bahawa ibn Hibban men*tauthiq*kan seseorang perawi yang disebutkan kepadanya ungkapan ini. Ini kerana dengan beliau menyebut nama perawi tersebut dalam kitab الثقات tidaklah bermaksud sebagai *tauthiq* kepadanya. Buktinya adalah beliau banyak menyebut perawi dalam kitabnya kemudian mengatakan dia seorang yang مجهول (tidak diketahui). Contohnya ketika beliau menyebut tentang Ayyub al-Ansari: Meriwayatkan daripada Sa'id bin Jubair, meriwayatkan daripadanya Mahdi bin Maymun. Tidak saya ketahui siapakah dia, atau anak siapakah dia?. (*al-Thiqat*: 6/60).

Menurut al-Hafiz ibn Hajar dalam kitab *Lisan al-Mizan* (1/492): Kata-kata ibn Hibban ini menyokong pandangan kami, di mana beliau akan menyebutkan dalam kitab *al-Thiqat* setiap perawi *majhul* (yang tidak diketahui sebagai ahli riwayat) yang diriwayatkan daripadanya seorang *thiqah* dan tidak ada sebarang *al-jarh* terhadapnya. Hadis yang diriwayatkannya tidak dihukumkan sebagai *munkar*, inilah kaedah beliau.

Maka adalah menjadi suatu kesalahan yang besar untuk dikatakan kepada perawi yang disebut oleh ibn Hibban dalam kitab *al-Thiqat*nya: Bahawa beliau telah men*thiqah*kannya, selagimana beliau tidak menyatakan dengan jelas *al-*

tauthiq tersebut, tetapi harus berhujah dengan riwayat perawi tersebut. Disimpulkan bahawa ungkapan ini membawa erti: صدوق yang mana perawi seperti ini ditulis hadisnya dan diteliti.

ذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ وَلَمْ يَذْكُرْ فِيْهِ جَرْحاً

Ia disebut oleh al-Bukhari dan tidak menyatakan padanya *al-jarh:*

Ungkapan ini banyak digunakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab *Ta'jil al-Manfa'ah*; kerana setiap perawi yang disebut oleh al-Imam al-Bukhari dalam kitab-kitab tarikhnya dan tidak ada sebarang tuduhan atau celaan kepadanya, maka dia adalah seorang yang *thiqah*. Ini disebabkan kebiasaan al-Bukhari akan menyebut *al-jarh* dan perawi-perawi yang *majruhin* (ada pada mereka *al-jarh*).

Hadis disebut oleh si polan dalam kitabnya: ذَكَرَهُ فُلاَنٌ فِي كِتَابِهِ

Ungkapan ini digunakan apabila menyandarkan atau menisbahkan sesuatu hadis yang tidak diriwayatkan oleh penulis kitab dengan sanadnya sendiri hingga kepada Nabi SAW. Contohnya: al-Imam al-Nawawi dalam kitab *Riyad al-Salihin*, al-Hafiz al-Munziri dalam kitab *al-Targhib wa al-Tarhib*, al-Hafiz ibn Hajar dalam *Bulugh al-Maram*, al-Imam al-Suyuti dalam kitab *al-Jami' al-Saghir*, dan sebagainya daripada kalangan penulis-penulis dalam kitab-kitab mereka. Maka ketika itu hendaklah disebut: ذَكَرَه فُلاَنٌ dan bukannya رَوَاه فُلاَنٌ.

Ekor, hujung (kitab lampiran): الذَّيْلُ

Dari sudut bahasa الذَّيْل dan jamaknya ialah أذيال، وذُيُول bermaksud hujung atau akhir setiap sesuatu. وذَيْلُ الثَّوْبِ والإزارِ adalah apa yang lebih dan mengenai tanah jika ia terlalu panjang. (*Lisan al-'Arab*).

Disebut: ذَيَّلَ كِتابَهُ، أو كلامَهُ iaitu jika disertakan dengannya kata-kata sebagai pelengkap kepada kitab tersebut. Kalimah التَّذييلُ ialah sesuatu yang mengikut atau menurut di akhir/belakang kitab.

Dari sudut istilah: Lafaz ini digunakan di kalangan ahli hadis, kadangkala ia bermaksud di bahagian bawah halaman muka surat, sepertimana yang wujud dalam Sunan al-Daruqutni yang ada pada bahagian bawahnya kitab *al-Ta'liq al-Mughni 'Ala al-Daruqutni*.

Lafaz الذَّيْلُ ini juga kadangkala digunakan dengan maksud pelengkap bagi sesuatu yang ditinggalkan oleh penulis, apa yang berlaku atau yang datang selepas daripadanya. Biasanya الذَّيْلُ adalah sebuah kitab yang berasingan dengan المُذَيَّل (kitab yang dilakukan atasnya الذَّيْلُ).

Kitab-kitab (الذيل) yang paling masyhur:

1. الذَّيل على تاريخ الخطيب:oleh Abi Sa'ad 'Abd al-Karim bin Muhammad al-Sam'Éni (w 562H), yang merangkumi 8 jilid.

2. ذَيْل التَّقييد:oleh Taqy al-Din Muhammad bin Ahmad al-Husayni al-Fasi al-Makki (w 832H), ia adalah الذَّيْلُ bagi kitab التقييد لمعرفةِ الرُّواةِ والسُّنن والمسانيد oleh AbÊ Bakr Muhammad bin 'Abd al-Ghani yang lebih dikenali sebagai Ibn Nuqtah (w 629H).
3. الذّيل على رَفع الإصْر:oleh al-Hafiz Syams al-Din AbÊ al-Khair Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w 902H).
dan sebagainya daripada kitab-kitab (الذيل).



حرف الرَّاء

HURUF RA'

Huruf Ra': (ر)

Huruf Ra' ini biasa digunakan dalam kitab-kitab *Al-tarajum* (iaitu kitab yang digunakan dalam mengenali perihal sahsiah yang terlibat dengan ilmu hadis), dan yang dimaksudkan dengan huruf Ra' ini ialah kitab al-Bukhari yang berjudul: *Juz' al-Qira'ah Khalf al-Imam* (dalam membicarakan bacaan surah di belakang imam). Terkadang huruf Zai juga digunakan tetapi penggunaannya jarang.

Keempat: الرَّابِعَةُ

Perkataan ini adalah istilah yang digunakan oleh Ibnu Hajar dalam kitabnya *Taqrib At-Tahzib* dan kebanyakan istilah ini digunakan dalam menerangkan perihal perawi hadis. Sekiranya dia menyebut: (من الرابعة) maka ianya membawa maksud perawi tersebut adalah daripada *tabaqat* (lapisan perawi) yang kemudian daripada *tabaqat* yang tengah daripada golongan tabiin. Kelebihan riwayat mereka ini adalah diambil daripada tabiin yang senior (berpengalaman). (Lihat *Taqrib At-Tahzib*).

Dua orang al-Razi: رَازِيَّانِ

Sekiranya perkataan ini disebut secara umum maka ianya membawa maksud dua orang ulama yang terkenal di kalangan ulama hadis iaitu:

Pertama: Abu Zur'ah, 'Ubaidullah bin 'Abdul Karim bin Yazid bin Farrukh Ar-Razi (w. 164H). Beliau adalah antara ulama besar di kalangan ulama hadis. Beliau telah menghafaz ratusan ribu hadis.

Kedua: Abu Hatim, Muhammad bin Idris bin Al-Munzir Al-Hanzali Ar-Razi (w. 177H) juga daripada kalangan ulama yang hebat di kalangan ulama' *Al-Jarhu Wa Al-Ta'dil.*

Seorang yang berfahaman *Rafidhah*: رَافِضِيٌّ

Perkataan yang disandarkan kepada golongan *Rafidhah*. Sila lihat terjemahan istilah ini pada tempatnya.

***Rafidhi* yang penipu:** رَافِضِيٌّ كَذَّابٌ جِدًّا

Istilah ini adalah salah satu daripada istilah *jarh* yang sangat berat.

Hukumnya:

Mereka yang disifatkan dengan sifat ini maka hadis yang diriwayatkan olehnya tidak boleh dijadikan hujah bahkan tidak boleh dijadikan penyokong hadis lain.

***Ar-Rafidhah* (golongan Syiah yang mempunyai fahaman melampau):** الرَّافِضَةُ

Istilah yang digunakan terhadap salah satu daripada golongan Syiah yang melampau. Mereka ini adalah golongan yang berlepas diri daripada Abu Bakar dan Umar, bahkan mereka menolak kedua-dua khalifah ini sebagai khalifah umat Islam. Mereka berpandangan bahawa Ali r.a. adalah khalifah yang sebenar berdasarkan nas. Mereka juga mengeluarkan hukum bahawa para sahabat yang meninggalkan kepimpinan Ali adalah sesat dan mereka mengamalkan pandangan mereka ini. Kebanyakan pandangan mereka adalah sekitar kepimpinan Saidina Ali. Bahkan jauh daripada itu mereka berpandangan bahawa Ali adalah maksum. Golongan ini terbahagi kepada 24 kumpulan. (Lihat *Maqalat Al-Islamiyiin* 16-30).

Perawi: الرَّاوِي

Dari segi bahasa: kata jamak (الراوي) ialah (الرواة) iaitu: orang yang memindahkan berita, meriwayatkannya.

Dari segi istilah: Mereka yang memindahkan hadis dan *athar* dengan tujuan menyampaikannya dan menyebarkannya di kalangan orang ramai dengan sanad yang bersambung sehingga pengakhirannya.

Al-Ruba'iyyat: الرُّبَاعِيَّاتُ

Ianya adalah hadis-hadis yang terkandung dalam sanadnya hanya empat orang perawi sahaja antara pengarang kitab sehinggalah sanad tersebut sampai ke Nabi SAW (tidak termasuk pengarang kitab dan Nabi SAW). Antara mereka yang masyhur dalam mengarang dan mengumpulkan hadis-hadis sebegini ialah:

1. Al-Imam Muhammad bin Idris Al-Syafi'i (w. 204H). Dan *ruba'iyyat*nya diambil daripada hadis-hadis yang ditakhrijkan oleh Al-Imam Abu Al-Hasan 'Ali bin 'Umar Al-Daraqutni (w. 385H) iaitu ianya adalah petikan daripada juzuk yang keempat dan kelapan daripada kitab *Fawa'id Abu Bakar Muhammad bin 'Abd Allah al-Syafi'i*. Juzuk ini ialah juzuk yang sangat besar dan kadang-kadang ianya terdiri daripada dua juzuk.
2. Al-Imam Muhammad bin Isma'il 'Abd Allah Al-Bukhari (w. 256H) dan beliau memiliki dua hadis ar-ruba'iyyat yang dapat dilampirkan dengan hadis-hadis *al-thulathiyyat*nya, dan kesemua hadis ini telah disyarah dalam sebuah kitab yang dinamakan (دُرَرَ الدَّراري في شرح رباعيات البخاري).
3. Al-Imam Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi An-Naisaburi (w. 261H). Beliau juga memiliki hadis *ar-ruba'iyyat* dalam kitab sahihnya.
4. Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ath Al-Sijistani (w. 275H). Beliau memiliki satu hadis *ar-ruba'iyyat* dalam kitabnya, pada bab persoalan tentang telaga Nabi dan ini adalah antara hadis yang mempunyai sanad yang tertinggi dalam kitab beliau.

5. Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H). Hadis-hadis *ar-ruba'iyyat* dalam kitab sunannya ada sebanyak 170 hadis.
6. Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib dan Al-Nasa'i (w. 303H). Dalam sunannya juga terkandung hadis *ar-ruba'iyyat*, yang mana ia merupakan adalah sanad yang tertinggi di sisi mereka berdua.
7. Al-Imam Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabarani (w. 360H) dalam kitab-kitab *Mu'jam*nya. Terkandung dalamnya empat hadis *ar-ruba'iyyat.*

رباعيات الصحابة

Ianya adalah hadis-hadis yang terkandung dalamnya sanad-sanad yang mengandungi empat orang perawi sahaja antara pengarang kitab dengan sahabat yang meriwayatkan hadis tersebut. Dan antara mereka yang masyhur dalam mengarang kitab tentang hadis ini:

1. Al-Hafiz Abu Muhammad 'Abdul Ghani bin Sa'id al-Azdi (w. 409H).
2. Al-Imam Abu al-Hajjaj Yusuf bin Khalil bin 'Abd Allah ad-Dimasyqi (w. 648H).

رباعيات التابعين

Ianya adalah hadis-hadis yang terkandung dalamnya sanad-sanad yang mengandungi empat orang perawi sahaja antara pengarang kitab dengan tabiin yang meriwayatkan hadis tersebut. Dan antara mereka yang masyhur dalam mengarang kitab tentang hadis ini:

1. Al-Hafiz Abu Muhammad 'Abdul Ghani bin Sa'id al-Azdi (w. 409H).
2. Al-Hafiz Abu al-Mawahib Al-Hasan bin Abu al-'Aza'im Ar-Rib'i al-Taghlabi ad-Dimasyqi (w. 586H).

Barangkali berlaku kesalahan: رُبَّمَا أَخْطَأَ

Istilah ini menjelaskan bahawa terdapat kesilapan daripada perawi tetapi ianya jarang berlaku. Istilah ini sekaligus menyebabkan seseorang perawi itu boleh disifatkan sebagai daif. Sekiranya seseorang perawi itu disifatkan kepadanya "له أوهامٌ" menurutnya terdapat keraguan), atau "يَهِمُ في حديثه" dia ragu terhadap hadisnya) atau "يُخطِىء فيه" dia tersalah dalam hadisnya), maka keseluruhan istilah ini tidak akan menjatuhkannya daripada digelar sebagai *thiqah* kerana sesungguhnya *waham* atau keraguan yang kecil tidak menjejaskan mereka bahkan semua manusia tidak akan terlepas daripada sifat ini sepertimana semua orang tidak terlepas daripada melakukan bidaah kecil dan ianya tidak menjejaskan *thiqah* seorang perawi itu. (Lihat *Qawa'id fi Ulum Al-Hadith*m.s. 276).

Barangkali dia meriwayatkan hadis gharib: رُبَّما أَغْرَبَ

Istilah ini biasanya digunakan oleh Ibnu Hibban dalam kitabnya (الثقات) dan maksudnya ialah sesungguhnya perawi yang disifatkan dengan sifat ini kadang-kadang meriwayatkan hadis yang gharib atau munkar dan ianya jarang dilakukan. Dan tidak seharusnya perawi sebegini disifatkan sebagai daif

kerana ibn Hibban pernah menggunakan istilah ini terhadap golongan yang *thiqah*, al-hafiz serta golongan yang benar di kalangan ahli hadis.

Contoh:

1- Beliau pernah menggunakan istilah ini ketika menghuraikan biodata Ahmad bin Ali an-Nuairi sebagai (يُغرِب) iaitu maknanya adalah seperti istilah di atas. (Lihat *Kitab al-Thiqat* 8/7).

Dan ibn Hajar pula menghuraikan rawi ini sebagai (صدوق) iaitu rendah sedikit dari *thiqah*, dan ibn Hajar menyifatkan sedemikian kerana ia didaifkan oleh Al-Azdi tanpa hujah. (Lihat *Taqrib At-Tahzib*).

2- Ibn Hibban juga pernah menyifatkan Isma'il bin Bahram Al-Kufi dengan istilah sebegini. (Lihat *Kitab al-Thiqat* 8/100).

Sedangkan ibn Hajar menyifatkan lelaki ini sebagai *saduq*. (Lihat *Taqrib*: m.s. 106)

3- Juga dalam menghuraikan biodata Ahmad bi Ayyub Ad-Dabbi, ibn Hibban telah menggunakan istilah ini. (Lihat *Kitab al-Thiqah* 8/19). Namun ibn Hajar menyifatkannya sebaga *maqbul*.

Terdapat banyak lagi contoh seperti ini yang boleh didapati dalam kitab *al-Thiqat* karangan al-Imam ibn Hibban.

Barangkali dia menyalahi (dalam riwayatnya): رُبَّمَا خَالَفَ

Istilah ini membawa maksud perawi barangkali telah menyalahi mereka yang *thiqah* iaitu berlawanan pandangan dengan mereka. Seperti mereka meriwayatkan hadis yang tidak diriwayatkan oleh golongan *thiqah*. Istilah ini juga adalah sama seperti istilah (رُبَّمَا أَخْطَأَ) dan (رُبَّمَا أَغْرَبَ) atau (رُبَّما يَهِمُ). Sila lihat maksud setiap istilah ini di tempatnya.

Barangkali dia ditalqin (dibacakan riwayat hadis): رُبَّمَا لُقِّنَ

Iaitu perawi menerima cara *al-talqin* dalam periwayatan hadis, dan kaedah ini mampu mendedahkannya kepada bahaya sekiranya ia tidak mengucapkannya daripada riwayat asal yang sahih. Berbeza sekiranya perawi menyampaikan hadis itu daripada ingatannya sendiri.

Barangkali dia menyalahi (dalam riwayatnya): رُبَّما يُخَالِفُ

Sila lihat pada kalimah (رُبَّما خَالَفَ).

Barangkali dia tersalah: رُبَّما يُخْطِئ

Sila lihat pada perkataan (رُبَّما أخطأ).

Barangkali dia membuat asing: رُبَّما يُغْرِبُ

Sila lihat pada perkataan (رُبَّما أغرب).

Barangkali dia ragu: رُبَّمَا يَهِمُ

Istilah ini adalah sama dengan istilah (رُبَّما أَخْطَأَ) dari sudut makna dan kedudukan. Iaitu ianya disifatkan kepada mereka yang *thiqah* dan ianya juga disifatkan kepada mereka yang rendah daripada martabat *thiqah*. Seperti

dikatakan kepada mereka (ثِقَةٌ يَهِمُ) *thiqah* yang ragu-ragu atau (له أوهامٌ) iaitu *thiqah* yang mempunyai keraguan, atau (صَدُوقٌ يَهِمُ) iaitu *saduq* yang ragu-ragu atau (له أوهامٌ) *saduq* yang padanya ada keraguan.

Sekiranya lafaz ini disifatkan kepada seorang perawi yang *thiqah,* maka sekaligus ianya akan merendahkan kedudukan perawi yang *thiqah* tersebut daripada perawi *thiqah* yang tidak disifatkan dengan istilah ini.

Dan begitu jugalah sekiranya istilah ini disifatkan kepada perawi yang *saduq,* ianya secara tidak langsung merendahkan kedudukan perawi yang *saduq* itu berbanding dengan perawi yang *saduq* yang tidak disifatkan dengan sifat ini.

Oleh sebab itulah kita dapat lihat bahawa ibn Hajar dalam kitab *at-Taqrib*nya menjadikan *saduq* yang mempunyai keraguan, atau saduq yang ragu-ragu, atau *saduq* yang tersalah, atau *saduq* yang berubah ingatannya (تغيَّر بأخَرَةٍ) adalah lebih rendah kedudukannya daripada *saduq* yang tidak disifatkan dengan sifat-sifat sebegini.

Kedudukan: الرُّتْبَةُ

Dari segi bahasa (الرُّتْبة) dan kata jamaknya (رُتَبٌ) membawa makna darjat atau kedudukan.

Dari segi istilah: Darjat atau kedudukan sesuatu hadis iaitu sama ada sahih, hasan, daif atau *mawdhu'*.

Kedudukan *thiqah:* رُتْبَةُ الثِّقَاتِ

Iaitu satu kedudukan yang mana sekiranya perawi melepasi kedudukan tersebut beliau dikira mencapai kedudukan *thiqah*.

Kedudukan hadis: رُتْبَةُ الْحَدِيْثِ

Sila lihat pada perkataan (الرُّتبة).

***Ar-rijal* (lelaki-lelaki, perawi-perawi):** الرِّجَالُ

Dari segi bahasa (الرجال) adalah kata jamak dan kata satunya adalah (رجل) yang bermakna lelaki, satu jantina manusia.

Dari segi istilahnya pula ialah: Maksud perkataan (الرجال) di sisi ulama hadis ialah perawi-perawi hadis. Al-Imam 'Ali bin Al-Madini pernah berkata: "*Tafaqquh* dalam mengenali makna hadis adalah mencakupi separuh ilmu, dan mengenali perawi-perawi hadis pula adalah separuh yang lain dari ilmu". (Lihat *al-Jami' li Akhlak al-Rawi Wa Adab As-Sami:* 2/211).

Perawi-perawi hadis: رِجَالُ الْحَدِيْثِ

Iaitu perawi-perawi hadis. Sila lihat perkataan (الرجال).

Para perawinya *thiqah:* رِجَالُهُ ثِقَاتٌ

Wajar berhati-hati dengan istilah ini kerana ia tidak membawa makna bahawa sesuatu hadis itu pasti sahih, ataupun sahih dari sudut sanadnya, kerana

terkadang hadis tersebut kesemua perawinya *thiqah*, tetapi sanadnya barangkali terputus.

رِجَالُهُ رِجَالُ الشَّيْخَيْنِ أَوْ أَحَدِهِما

Para perawinya adalah para perawi al-Syaykhan (dua orang syeikh, iaitu al-Bukhari dan Muslim) atau salah seorang daripada mereka

Sila lihat pada perkataan (رِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيْحِ).

Para perawinya adalah para perawi *al-sahih:* رِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيْحِ

Iaitu perawi-perawi yang menepati sifat-sifat *'adil*. Atau perawi yang disebut dalam kitab-kitab yang sentiasa mengeluarkan hadis-hadis yang sahih sahaja. Sebahagian ulama menghukumkan atas sesuatu sanad itu dengan istilah ini sepertimana yang dilakukan oleh al-Haythami dalam kitab *Majma' az-Zawa'id*. Manakala sebahagian ulama lain pula menggunakan istilah ini dengan sedikit perubahan seperti dengan mengatakan (رجاله رجال "التهذيب").

Semua ini tidak memberi makna bahawa sanad yang dihukumkan dengan istilah ini sebagai suatu sanad yang sahih kerana terdapat kebarangkalian wujud dalamnya perawi yang disifatkan sebagai *syuzuz* dan sanadnya mempunya *'illah* (kecacatan tersembunyi).

Maka mereka yang tidak mahir dalam ilmu hadis akan terpedaya dengan istilah ini dengan menyangkakan bahawa semua hadis yang dihukumkan dengan istilah ini adalah hadis yang sahih. Adapun yang sebenarnya ialah tidak semua hadis yang dihukumkan dengan istilah ini boleh dihukumkan sebagai sahih sehinggalah sanadnya selamat daripada *syuzuz* dan *'illah* yang mencacatkan.

Ibn Hajar pernah berkata: "Dan tidak semestinya perawi yang terdiri daripada perawi yang sahih itu hadis yang diriwayatkannya ialah hadis yang sahih kerana terdapat kebarangkalian terkandung dalamnya *syuzuz* serta *'illah*". (Lihat *An-Nukat*: 1/274).

Perawi-perawi *al-sahih:* رِجَالُ الصَّحِيْحِ

Sila lihat pada perkataan (رِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيْحِ).

Para perawinya "tiada masalah dengan mereka": رِجَالُهُ لاَبَأْسَ بِهِم

Istilah ini maknanya adalah seperti istilah (إسنادُه لابأسَ به). Sila lihat maknanya pada huruf *alif*.

Telah rujuk: رَجَعَ

Perkataan ini adalah kalimah yang ditulis oleh sebahagian ulama hadis ketika mereka men*takhrij*kan perkataan yang gugur pada nota-nota kaki. Dan maknanya pula adalah sama seperti makna simbol (صَحَّ) dalam penulisan hadis.

Seorang lelaki: رَجُلٌ

Al-Hakim Abu 'Abd Allah an-Naisaburi menambah lafaz ini dalam menghukumkan sanad yang terputus yang mana disebutkan dalamnya perawi

yang *mubham* iaitu perawi yang tidak dikenali seperti beliau menyebut: (رَجُل) atau (شَيْخ) sekiranya terdapat dalam sanad itu perawi yang tidak dikenali namanya.

Contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Jurairi daripada Abu al-'Ala bin 'Abd Allah bin al-Syikhkhir daripada dua orang lelaki Bani Hanzhalah daripada Syaddad bin Aus berkata: "Sesungguhnya nabi pernah mengajarkan kepada salah seorang daripada kami supaya membaca dalam solatnya اللّهُمَّ إنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ في الأمرِ والعَزِيْمَةَ على الرُّشْد...". (Sila lihat *Al-Makrifah*: 27-28).

Perkara ini seharusnya menarik perhatian kita supaya lebih berhati-hati menafsirkan istilah ini khususnya dalam kitab karangan Al-Hakim.

Manakala istilah ahli hadis yang lain pula terhadap perkataan ini, sebahagian mereka menggunakan istilah (متصلاً في إسناده مُبْهَمٌ), iaitu hadis ini sanadnya bersambung tetapi dalam sanadnya terdapat lelaki yang tidak dikenali. Al-Hafiz al-'Ala'ie berkata: Yang sebenarnya sekiranya perawi menyebut (رَجُل) ia membawa maksud bahawa sanadnya bersambung tetapi dari sudut hukumnya hadis tersebut adalah *munqati'* iaitu terputus sanadnya kerana hadis tersebut tidak boleh dijadikan hujah. (Sila *lihat Manhaj An-Naqd Fi Ulum Al-Hadith*).

Lelaki yang buruk: رَجُلُ سُوءٍ

Iaitu istilah yang digunakan terhadap perawi hadis yang digelar sebagai penipu dan mencipta hadis palsu.

Sebagai contoh, mereka yang disifatkan dengan istilah ini ialah:

Talhah bin Zaid Ar-Raqqi, dan ada yang menasabkannya dengan Al-Kufi. Al-Imam Ali bin Al-Madini pernah menyifatkannya dengan berkata: Sesungguhnya Talhah bin Zaid adalah jahat dan mencipta hadis palsu. (Sila lihat *Mizan Al-I'tidal*: 3/338).

Perjalanan: الرِّحْلَةُ

Iaitu perjalanan atau pengembaraan seseorang kepada syeikh atau perawi hadis untuk mengambil hadis daripadanya. Sila lihat makna pada istilah (الرِّحْلَةُ في طَلَبِ الْحَدِيْثِ).

Ahli Pengembara: الرِّحْلَةُ

Dari segi bahasanya ialah: kata nama bagi *rihlah*.

Manakala dari segi istilahnya pula ialah: seorang yang banyak melakukan pengembaraan dalam menuntut ilmu.

Pengembaraan dalam mencari hadis: الرِّحْلَةُ في طَلَبِ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa: ianya diambil dari perkataan (الرِّحلة) dan kata jamaknya pula ialah (رحلات) iaitu membawa makna berpindah dari tempat ke tempat yang lain.

Dari segi istilah pula: ialah keluar mengembara ke negara-negara tertentu bagi tujuan berjumpa dengan para ulama untuk mengambil hadis daripada mereka

dengan salah satu daripada kaedah pengambilan (*tahammul*) hadis yang masyhur.

Dan disebabkan kerana hadis nabawi itu adalah sumber kedua dalam Islam, dan kerana kedudukannya yang tinggi, maka para ulama telah memberikan perhatian yang penuh kepadanya di samping mengerah segala keringat yang ada bagi memelihara hadis dan seluruh sanadnya. Sehinggakan mereka sanggup mengharungi segala kesusahan dan keperitan dalam mengharungi jarak yang jauh semata-mata untuk mengambil hadis serta mencari sanadnya walaupun semata-mata untuk mencari satu hadis sahaja.

Sesungguhnya pengembaraan mencari hadis ini adalah satu kelaziman bagi ahli hadis bahkan ianya adalah salah satu dari metod mereka dalam penghasilan ilmu. Al-Imam ibn al-Salah pernah berkata: Dan apabila ia telah selesai mendengar hadis-hadis yang tinggi dan penting yang ada di negerinya, maka hendaklah ia pergi berkelana ke tempat yang lain pula. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 245).

Al-Imam Yahya bin Ma'in pernah berkata: Ada empat golongan yang jangan kamu cari dari mereka petunjuk, iaitu: penjaga pintu masuk, penyeru si-qadhi (pemerintah), anak seorang *muhaddith*, dan lelaki yang menulis di negerinya dan langsung tidak pergi melakukan perjalanan mencari hadis. (Sila lihat *Ulum Al-Hadith:* 246).

Antara kitab termasyhur yang ditulis berkenaan perkara ini:

1- *Ar-Rihlah Fi Talab al-Hadith:* Karangan Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali yang juga dikenali dengan nama Al-Khatib Al-Baghdadi (w. 463H).
2- *Safahat Min Sabri al-Ulama 'Ala Syada'id al-'Ilm Wa at-Tahsil*: Karangan 'Abdul Fattah Abu Ghuddah (w. 1417H).

Pengambaraan untuk hadis: **الرِّحْلَةُ لِلْحَدِيْثِ**

Sila lihat maknanya dalam istilah (الرِّحْلَة فِي طَلَبِ الحَدِيْثِ).

Ditolak hadisnya: **رُدَّ حَدِيْثُهُ**

Atau istilah (رَدُّوْا حديثه) atau (مَرْدُوْدُ الحديثِ), semua istilah sebegini mempunyai makna yang satu iaitu istilah yang menggambarkan penolakan terhadap hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi dan hadis tersebut tidak boleh dijadikan hujah.

Istilah ini ialah martabat ketiga daripada martabat *al-jarh* (kritikan terhadap perawi) menurut pandangan al-'Iraqi dan al-Suyuti. Manakala al-Imam al-Sakhawi pula menganggapnya sebagai martabat yang keempat daripada martabat *al-jarh*.

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang disifatkan dengan istilah sebegini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak juga boleh dijadikan sebagai dalil penguat.

Mereka menolak hadisnya: رَدُّوْا حَدِيْثَهُ

Sila lihat pada makna perkataan (رُدَّ حَدِيثُه)

Redha: رِضًا

Dari segi bahasa ianya membawa maksud lelaki yang *qana'ah* (menerima apa sahaja) lagi reda, iaitu disifatkan dengan kata terbitan (masdar).

Dari segi istilah: istilah ini digunakan kepada lelaki yang *'adil*, yang diredai dalam meriwayatkan hadis serta dalam penyaksiannya. Istilah ini menurut ulama hadis juga memberi makna yang sama dengan istilah (ثقة) *thiqah,* atau pun adil (عَدْل). Dan penggunaan istilah *thiqah* (ثقة) dan adil (عَدْل) yang membawa maksud yang sama dengan istilah reda (الرِّضَا) amat banyak sekali digunakan dalam kitab *al-Jarh wa Al-Ta'dil.*

Contoh:

Ibn Abu Hatim pernah menyifatkan 'Abd Allah bin Raja' bin Umar al-Ghuddani al-Basri (219H) dengan berkata: "*Thiqah*, reda". (Sila lihat *Al-Jarh wa Al-Ta'dil* 2/22:2).

Begitu juga ketika menyifatkan peribadi Ahmad bin Khalid al-Khallal (246H) dengan berkata: "Dia seorang yang baik, fadhil, adil, *thiqah*, saduq dan reda". (Sila lihat *Tarikh Baghdad* 4/126).

Redha: الرِّضَا

Sila lihat pada makna istilah (رِضًا).

***Ra Dhi Ya*:** رَضِيَ

Ianya adalah simbol bagi kalimah (رَضِيَ اللهُ عنه) iaitu Allah telah meredhainya. Tetapi penggunaan simbol sebegini adalah makruh di sisi ahli hadis.

Orang yang banyak me*rafa'*kan hadis: رَفَّاعًا

Iaitu seseorang yang banyak me*rafa'*kan hadis (menyambungkan sanad hadis) sehingga sampai ke Nabi SAW sekalipun apa yang diriwayatkannya itu telah diriwayatkan oleh selain daripada perawi tersebut dengan jalan yang *mauquf* (iaitu jalan yang sanadnya tidak sampai kepada Nabi SAW). Syu'bah Al-Hajjaj pernah berkata: "Ali bin Zaid telah menyampaikan hadis kepada kami dan beliau adalah seorang yang *Raffa'an* (selalu menyambungkan hadis kepada Nabi SAW)". Al-Tirmizi juga menyifatkan Ali bin Zaid ini dengan berkata: "Ali bin Zaid adalah seorang yang *saduq* dan dia juga me*rafa'*kan (menyambungkan hadis) yang mana hadis tersebut tidak disambungkan oleh perawi yang lain kepada Nabi SAW". (Sila lihat *Tarikh Baghdad* 14/495).

Begitu juga istilah ini juga digunakan terhadap rawi yang menggugurkan gurunya yang daif dalam sesuatu sanad dan kemudian dia menyambungkan sanad tersebut kepada guru kepada guru yang daif (شيخ شيخه) tadi yang bersifat lebih *thiqah*. Istilah ini digunakan sendiri oleh al-Imam Ahmad bin Hambal ketika beliau menjawab pertanyaan tentang al-Walid bin Muslim, lalu al-Imam Ahmad menjawab: "Beliau adalah *Raffa'an* (iaitu seorang yang selalu

menyambungkan sanad)". Abu al-Mushir pernah berkata: Sesungguhnya Al-Walid adalah seorang yang mengambil hadis daripada ibn Abu as-Safr. Dan ibn Abu as-Safr pula mengambil hadis daripada al-Awza'i. Namun disebabkan kerana ibn Abu as-Safr adalah seorang yang penipu, maka al-Walid tidak menyebutkan nama ibn Abu As-Safr dalam sanadnya bahkan dia terus menyambungkan kepada al-Awza'i dengan berkata: "Berkata al-Awza'i". (Sila lihat *Tahzib Al-Kamal*: 31/96).

Ar-Rafd: الرَّفْضُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الرافضة).

Ar-Raf'u: الرَّفْعُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمَرْفُوع).

Kerapuhan lafaz dan makna: رَكَاكَةُ اللَّفْظِ والْمَعْنَى

Iaitu keburukan lafaz dan makna hadis. Iaitu seorang yang sangat mahir dalam bahasa Arab sudah pasti tahu bahawa perkataan sebegitu sekiranya wujud dalam sesuatu hadis adalah suatu perkataan yang mustahil dikeluarkan daripada orang yang sangat fasih berbahasa Arab apatah lagi seorang yang paling fasih dalam bahasa Arab iaitu Muhammad bin 'Abd Allah Rasulullah SAW. Sebagai contoh hadis:

إنَّ للّهِ مَلَكاً من حجارةٍ، يُقال له عِمارة، يَنـزل على حمارٍ من حجارة كلَّ يومٍ، فيُسَعِّر الأسعار

Hadis ini buruk dari segi lafaz dan maknanya dan adalah mustahil seorang nabi yang fasih berbahasa Arab mengungkapkan lafaz sebegini. (Sila lihat *al-Manar al-Munif*: m/s 183).

Rukun pendustaan: رُكْنُ الكَذِبِ

Dari segi bahasa diambil daripada perkataan (الرُّكْن) dan kata jamaknya adalah (أَرْكان) yang membawa maksud: sudut, rukun.

Manakala dari segi istilah pula ialah menyifatkan seorang perawi hadis itu sebagai penipu dalam hadis yang diriwayatkannya. Ia adalah lafaz yang berada pada martabat (peringkat) yang pertama dalam martabat *al-jarh* menurut pandangan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh mereka yang disifatkan dengan istilah ini tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh dijadikan penguat (penyokong) kepada hadis lain.

Salah satu rukun pendustaan: رُكْنٌ مِنْ أَرْكانِ الكَذِبِ

Dari segi maknanya perkataan (الركن) telah dijelaskan sebelum ini.

Dari segi istilahnya pula ialah menyifatkan seorang perawi hadis itu sebagai seburuk-buruk penipu dalam hadis yang diriwayatkannya. Istilah ini ialah istilah yang paling berat dalam istilah *al-jarh*.

Hukumnya:
Tidak sah riwayat (tidak berguna riwayat) mereka yang disifatkan dengan istilah ini.

Salah satu rukun hadis: رُكْنٌ مِنْ أَرْكَانِ الْحَدِيْثِ

Dari segi maknanya perkataan (الركن) telah dijelaskan sebelum ini.

Dari segi istilahnya pula ialah menyifatkan seorang perawi itu sebagai orang yang paling mulia dan paling tinggi di kalangan ahli hadis. Istilah ini diangggap sebagai istilah yang paling tinggi dalam *al-ta'dil* (iaitu menyifatkan seorang perawi itu dengan sifat terpuji).

Hukumnya:
Mereka yang disifatkan dengan istilah ini hadisnya boleh dijadikan hujah.

Simbol: الرَّمْزُ

Dari segi bahasa ianya diambil daripada kalimah (الرَّمز) di mana kata jamaknya (رموز) yang membawa maksud simbol atau tanda yang menjelaskan tentang sesuatu makna yang mana kemunculannya membawa maksud yang tersendiri.
Dari segi istilahnya pula ialah simbol-simbol yang digunakan oleh pengarang kitab-kitab hadis seperti:

1- Simbol (خ) yang membawa maksud al-Bukhari dalam kitab sahihnya.
2- Simbol (م) yang membawa maksud Muslim dalam kitab sahihnya.
3- Simbol (د) yang membawa maksud Abu Dawud dalam kitab sunannya.
4- Simbol (ت) yang membawa maksud al-Tirmizi dalam kitab sunannya.
5- Simbol (ن) yang membawa maksud al-Nasa'i dalam kitab sunannya.
6- Simbol (هـ atau ق) yang membawa maksud ibn Majah dalam kitab sunannya.

Dituduh dengan dua sifat: رُمِيَ بِالأَمْرَيْنِ

Iaitu seorang perawi yang dituduh sebagai seorang *rafidhi* (sila lihat pada perkataan الرافضة) dan juga pendusta. Istilah ini telah digunakan oleh al-Hafiz al-Zahabi dalam istilah-istilah *al-jarh* sepertimana yang telah dinukilkan olehnya dalam kitab *Mizan al-I'tidal* (3/331). Sebagai contoh ketika beliau menceritakan tentang biodata Sahl bin Ahmad Ad-Dibaji dan selainnya.

Dituduh sebagai Murji'ah: رُمِيَ بِالإِرْجَاءِ

Iaitu seseorang yang dituduh mempunyai akidah golongan Murji'ah iaitu mereka yang melewatkan amalan daripada iman dan imannya tidak akan terjejas sekalipun dengan melakukan maksiat. Namun terdapat juga sebahagian ulama yang mentakrifkan Murji'ah ini sebagai takrifan yang lain. Antara golongan Murji'ah juga ialah mereka yang berfahaman melampau seperti mereka yang menyatakan bahawa mereka yang mengucapkan syahadah

secara zahir akan masuk syurga sekalipun tidak beriktikad dengan kedua-dua kalimah syahadah itu dalam hatinya. (Sila lihat *Syarh Sahih Muslim* oleh An-Nawawi: 1/166).

Dituduh sebagai Muktazilah: رُمِيَ بالاعْتِزَالِ

Iaitu mereka yang disyaki (ditohmah) beriktikad dengan fahaman Muktazilah, iaitu penyokong-penyokong Wasil bin 'Ata' al-Ghazzal (w.131H). Mazhab mereka ini dalam perkara sifat-sifat Allah adalah *al-ta'til* (menggendalakan) dan menafikannya seperti mazhab *al-Jahmiyyah*. Bahkan mereka percaya bahawa golongan yang melakukan dosa besar tidak boleh dianggap sebagai mukmin dan tidak juga kafir akan tetapi mereka kekal dalam neraka selama-lamanya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (المعتزلة) dalam huruf *min*.

Dituduh sebagai Syiah: رُمِيَ بالتَّشَيُّعِ

Iaitu golongan yang dituduh berlebihan dalam mengasihi Ahli Bait Nabi SAW. Mereka juga merupakan golongan yang mengutamakan 'Ali r.a. daripada dua orang khalifah yang terawal, iaitu Abu Bakar r.a. dan Umar r.a, malah mereka juga mencerca sahabat yang memerangi 'Ali r.a.

Dituduh sebagai Zindiq: رُمِيَ بالزَّنْدَقَةِ

Perkataan (الزِّنْدِيق) membawa maksud mereka yang mengingkari syarak secara keseluruhannya. (Sila *lihat Syarh Sahih Muslim* oleh An-Nawawi: 1/157).

Setelah penelitian dilakukan terhadap perihal golongan zindiq ini, bolehlah disimpulkan bahawa mereka ini adalah golongan yang disifatkan sebagai munafik ketika zaman awal kemunculan Islam kerana golongan ini adalah golongan yang secara zahirnya nampak seperti inginkan kebaikan kepada orang lain, tetapi dalam diam mereka merancang segala perancangan jahat untuk merobohkan Islam.

Antara mereka yang disifatkan sebagai golongan zindiq ialah Muhammad bin Sai'd al-Maslub al-Syami. Al-Imam Ahmad bin Hanbal berkata: "Beliau telah dibunuh oleh Khalifah al-Mansur disebabkan berfaham zindiq dan telah disalib". (Sila lihat: *Taqrib At-Tahzib*: 510).

Dituduh sebagai Rafidhi: رُمِيَ بالرَّفْضِ

Iaitu mereka yang beriktikad dengan mazhab (الرافضة), yakni mereka yang mencerca para sahabat Nabi SAW, memusuhi dua orang khalifah yang terawal iaitu Abu Bakar r.a. dan Umar r.a.

Sila lihat makna (الرافضة) pada huruf *ra'*.

Dituduh sebagai Qadariah: رُمِيَ بالقَدَرِ

Iaitu mereka yang dituduh atau disifatkan sebagai golongan yang beriktikad dengan akidah al-Qadariah (القدرية). Iaitu golongan yang percaya bahawa semua perbuatan hamba (sekalipun Allah mengetahui perbuatan tersebut) terjadi bukan di atas kehendakNya dan penciptaanNya.

Sila lihat makna (القدرية) pada huruh *qaf*.

Dituduh penipu: رُمِيَ بالْكَذِب

Iaitu mereka yang disifatkan sebagai seorang yang penipu. Istilah ini ialah istilah martabat (peringkat) pertama dalam martabat *al-jarh* di sisi ibn Abu Hatim, ibn Salah, al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti. Namun menurut al-Sakhawi istilah ini berada di martabat yang kedua dalam istilah *al-jarh*.

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh mereka yang disifatkan dengan istilah ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong (penguat, penyokong).

Dituduh sebagai Nasibah, Nawasib: رُمِيَ بالنَّصَب

Iaitu mereka yang disifatkan sebagai memerangi 'Ali bin Abi Talib r.a. dan membencinya.

Sila lihat makna (الناصبة) pada huruf *nun*.

Dituduh berpandangan Khawarij: رُمِيَ بِرَأْيِ الْخَوَارِج

Al-Khawarij ialah mereka yang keluar daripada golongan 'Ali bin Abi Talib r.a. dan mereka memerangi pula 'Ali r.a setelah berlakunya peristiwa *At-Tahkim*. Pendirian mereka ialah berkecuali daripada 'Uthman dan 'Ali dan keluar daripada menyokong seseorang pemimpin sekiranya mereka dapati pemimpin tersebut bertentangan dengan sunnah. Mereka juga adalah golongan yang mengkafirkan pelaku dosa besar dan pelaku dosa besar tersebut akan kekal dalam neraka.

Sila lihat makna (الخوارج) dalam huruf *kha'*.

Dituduh berfahaman Jahmiyyah: رُمِيَ بِرَأْيِ جَهْمٍ

Iaitu golongan yang dituduh beriktikad dengan akidah al-Jahmiyyah iaitu golongan yang disandarkan namanya kepada pemimpin mereka Jahm bin Safwan (w. 131H). Akidah mereka pula ialah menafikan sifat-sifat Allah, dan mereka mentakwilkan sifat-sifat tersebut kerana menyangkakan sekiranya mereka mengiyakan sifat-sifat tersebut, bererti mereka telah menyamakan Allah dengan sifat-sifat makhluk. Dan banyak lagi kepercayaan mereka berhubung perkara Qadar dan Iman.

Sila lihat makna (الجَهْمِيَّة) dalam huruf *jim*.

***Ra Na*:** رَنَا

Iaitu perkataan yang digunakan oleh sebahagian ahli hadis sebagai simbol ringkas bagi perkataan (أَخْبَرَنَا).iaitu dia telah memberitahu kami. (Sila lihat *al-Manhal al-Rawi* karangan ibn Jama'ah: 96).

Perawi-perawi: الرُّوَاةُ

Dari segi bahasa: perkataan (الرُّواة) ialah kata jamak bagi perkataan (الرَّاوِي) yang membawa maksud: pemindah, perawi, yang memindahkan, meriwayatkan.

Dari segi istilah: Mereka yang memindahkan hadis dan *athar* dengan tujuan menyampaikannya dan menyebarkannya kepada orang ramai dengan sanadnya yang bersambung sehingga pengakhirannya.

Diriwayatkan oleh Imam yang empat: رَوَاهُ الأَرْبَعَةُ

Yang dimaksudkan dengan istilah "diriwayatkan oleh Imam yang empat" daripada imam-imam hadis ini ialah:

1- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H)
3- Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
4- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Diriwayatkan oleh ahli sunan: رَوَاهُ أَهْلُ السُّنَنِ

Iaitu hadis tersebut diriwayatkan oleh empat orang imam yang memiliki kitab sunan iaitu:

1- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
3- Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
4- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Diriwayatkan oleh Imam yang tiga: رَوَاهُ الثَّلاَثَةُ

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang imam hadis yang memiliki kitab sunan, mereka ialah:

1- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
3- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Diriwayatkan oleh jemaah: رَوَاهُ الْجَمَاعَةُ

Yang dimaksudkan dengan (الجماعة) ialah keenam-enam imam hadis yang mempunyai kitab sunan dan Imam Ahmad yang memilki kitab musnad, iaitu:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H).
3- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
5- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
7- Al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).

Diriwayatkan oleh Imam yang lima: رَوَاهُ الْخَمْسَةُ

Iaitu yang dimaksudkan dengan istilah "diriwayatkan oleh Imam yang lima" ini ialah keseluruhan imam yang empat yang memiliki kitab sunan termasuk al-Imam Ahmad bin Hanbal yang memiliki kitab Musnad. Mereka ialah:

1- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
3- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
4- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
5- Al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).

Diriwayatkan oleh Imam yang tujuh: رَوَاهُ السَّبْعَةُ

Yang dimaksudkan dengan "diriwayatkan oleh Imam yang tujuh" ini ialah:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- Al-Imam Abu Al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H).
3- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
5- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
7- Al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).

Diriwayatkan pleh Imam yang enam: رَوَاهُ السِّتَّةُ

Yang dimaksudkan dengan "diriwayatkan oleh Imam yang enam" ini ialah:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H)
2- Al-Imam Abu Al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H)
3- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H)
5- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Diriwayatkan oleh dua orang syeikh: رَوَاهُ الشَّيْخَانِ

Yang dimaksudkan dengan '*Syaykhan*" ini ialah dua orang imam yang memilliki kitab sahih iaitu:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H)
2- Al-Imam Abu Al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H)

Diriwayatkan dengan lafaz *at-Tamridh:* رَوَاهُ بِصِيغَةِ التَّمْرِيضِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (التمريض في الرواية) dalam huruf *ta'*.

Diriwayatkan dengan lafaz *al-Jazam:* رَوَاهُ بِصِيغَةِ الجَزْمِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الجزم في الرواية) dalam huruf *jim.*

Diriwayatkan dengan lafaz yang hampir: رَوَاهُ بِلَفْظٍ مُقَارِبٍ

Istilah ini mempunyai makna yang sama dengan istilah (رواه بنحوه).

Dia meriwayatkan dengan lafaznya: رَوَاهُ بِلَفْظِهِ

Istilah ini digunakan oleh pen*takhrij* hadis ketika mana mereka menghuraikan beberapa sanad bagi hadis yang tertentu. Maka sekiranya mereka dapati lafaz-lafaz hadis itu sama seperti lafaz hadis yang asal mereka akan menyebutkan istilah ini (رواه بلفظه), yakni diriwayatkan dengan lafaznya, sekalipun terdapat perkataan yang terdahulu dan terkemudian daripada lafaz asal hadis. Ini kerana mereka merasakan bahawa persamaan yang ada bukanlah daripada semua aspek bahkan hanya pada lafaz sahaja dan bukan dari sudut yang lain. (Sila lihat *Mu'jam Mustalahat Ulum al-Hadith:* 115).

Dia meriwayatkan sama sepertinya: رَوَاهُ بِمِثْلِهِ

Menurut kaedah yang benar, seorang pen*takhrij* tidak boleh mengungkapkan istilah ini (رواه فلان بمثله), yakni diriwayatkan oleh si polan sama sepertinya, sekiranya terdapat perbezaan antara dua riwayat sekalipun perbezaan yang amat kecil. Ini adalah kerana tidak akan wujud persamaan sekiranya terdapat berbezaan walaupun kecil.

Mereka yang mengharuskan penggunaan istilah ini atas dasar kerana para ulama hadis mengharuskan riwayat dengan makna adalah satu pandangan yang tidak di dasarkan dengan hujah. Ini adalah kerana mereka yang meriwayatkan dengan makna tidak boleh mendakwa yang mereka meriwayatkan dengan persamaan yang penuh. Berbeza dengan mereka yang mengungkapkan "diriwayatkan dengan yang sama sepertinya", golongan ini adalah mereka yang sangat yakin dengan persamaan tersebut. Maka tidak boleh tidak, mereka yang menggunakan istilah ini haruslah memastikan wujud persamaan dalam hadis yang diriwayatkan. (Sila lihat *Mu'jam Mustalahat Ulum al-Hadith:* 115).

Al-Hakim pernah berkata: "Tidak seharusnya bagi seorang ahli hadis menyatakan "sama sepertinya" melainkan setelah dia tahu akan kedua lafaz tersebut mempunyai persamaan". Namun harus bagi seorang ahli hadis tersebut menggunakan istilah (نَحْوُه) sekiranya yang sama hanyalah makna dan bukan lafaz. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 208).

Dan sekiranya didapati dalam *takhrij* para ulama hadis bertentangan dengan konsep di atas ini, ianya berlaku disebabkan kerana mereka mengharuskan penggunaan istilah (مثله) dalam dua lafaz yang hampir sama.

Diriwayatkan dengan maknanya: رَوَاهُ بِمَعْنَاه

Istilah ini (diriwayatkan sama maknanya) adalah riwayat terhadap dua hadis yang berbeza lafaznya tetapi mempunyai makna yang sama.

Diriwayatkan sepertinya: رَوَاهُ بِنَحْوِهِ

Istilah ini digunakan sekiranya seorang perawi meriwayatkan dua hadis yang hampir sama lafaznya atau kebanyakan lafaznya adalah sama. Perkara ini telah dijelaskan oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah An-Naisaburi, beliau berkata: "Dan harus bagi seorang perawi menyebut 'sepertinya' sekiranya sama dari sudut maknanya".

Dan yang dimaksudkan dengan demikian ialah: sekiranya kebanyakan lafaz hadis yang dikeluarkan oleh pen*takhrij* hadis sama seperti hadis yang asal maka harus baginya untuk menyatakan: "sepertinya" (seperti hadis asal). (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 208).

Mereka meriwayatkan daripadanya: رَوَوْا عَنْهُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (رَوَى النَّاسُ عنه).

Dia meriwayatkan hadis-hadis Munkar: رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً

Sila lihat maknanya pada perkataan (منكر الحديث) dalam huruh *mim.*

Dia meriwayatkan hadis: رَوَى الْحَدِيْثَ

Iaitu seorang ahli hadis menyebutkan sesuatu hadis dengan sanadnya sendiri dalam kitabnya atau dalam percakapannya.

Riwayat: الرِّوَايَةُ

Dari segi bahasa: diambil daripada perkataan (روى) dan kata jamaknya pula ialah (الروايات) yang membawa maksud: memindahkan sesuatu hadis, atau syair kepada orang lain.

Dari segi istilah: ialah membawa dan menyampaikan sesuatu hadis serta menyandarkannya kepada orang yang dinisbahkan kepadanya, yang disampaikan dengan salah satu daripada lafaz-lafaz yang digunakan untuk menyampaikan hadis. (Sila lihat *Muqaddimah Tadrib al-Rawi*: 1/40).

Secara riwayat: رِوَايَةً

Istilah ahli hadis seperti (روايةً), atau (رَفْعُهُ), atau (يَنْمِيْه) atau yang seumpama dengannya adalah istilah yang menunjukkan bahawa sesuatu hadis itu adalah hadis *marfu'* di sisi ahli hadis.

Riwayat golongan ayah daripada anak-anak: رِوَايَةُ الآبَاءِ الرُّوَاةِ عن الأَبْنَاءِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الآباء الرُّواة عن الأبناء) dalam huruf *alif.*

Riwayat anak-anak daripada ayah mereka: رِوَايَةُ الأَبْنَاءِ الرُّوَاةِ عن الآبَاءِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الأبناء الرُّواة عن الآباء) dalam huruf *alif.*

Riwayat rakan-rakan: رِوَايَةُ الأَقْرَانِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الأقران) dalam huruf *alif.*

رِوَايَةُ الأَكَابِرِ عَنِ الأَصَاغِرِ

Riwayat orang yang besar (senior) daripada orang yang kecil (junior):
Lihat: (*al-Akabir daripada al-Asaghir*) pada huruf *alif.*

Riwayat dengan lafaz: الرِّوَايَةُ بِاللَّفْظِ

Iaitu perawi meriwayatkan hadis dengan lafaz yang sama yang didengarnya daripada gurunya tanpa sebarang perubahan, penukaran tempat letak huruf mahupun penambahan dan pengurangan dalam lafaz hadis.

Hukumnya:
Sekiranya riwayat ini memenuhi syarat hadis *sahih* dan *hasan*, maka tidak ada sebarang perselisihan lagi dalam menerima hadis ini.

Riwayat dengan makna: الرِّوَايَةُ بِالْمَعْنَى

Iaitu perawi menukar lafaz (kalimah/perkataan) dalam hadis, atau sebahagian daripadanya dengan lafaz/perkataan yang lain tanpa mengubah maknanya yang asal.

Hukumnya:
Para ulama hadis yang terkemuka telah bersepakat bahawa tidak harus bagi orang yang jahil dan tidak mahir dalam bidang hadis untuk meriwayatkan hadis dengan maknanya sahaja. (Sila lihat *Al-Kifayah*: 233).

Manakala bagi mereka yang tahu dan mahir, para ulama telah bersepakat mengharuskan mereka meriwayatkan dengan makna dengan syarat mereka itu mestilah mahir tentang lafaz dan maksud hadis, berpengalaman sehingga tidak menghilangkan makna hadis ketika meriwayatkannya, di samping mahir dalam perbezaan-perbezaan yang terkandung dalam lafaz dan maksud hadis tersebut.

Namun begitu terdapat segolongan ulama hadis yang melarang teknik periwayatan dengan makna ini. Namun sebahagian yang lain mengharuskannya. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 191).

Peringatan: Seharusnya menjadi peringatan bahawa hadis yang ingin diriwayatkan dengan makna tidak boleh dipilih daripada hadis yang berbentuk *jawami' al-kalim* (hadis yang ringkas dan sedikit kalimahnya, namun padat mengandungi pelbagai makna), begitu juga hadis yang lafaznya tatkala disebut pembaca akan mendapat pahala seperti hadis kalimah syahadah, hadis qunut, dan seumpama dengannya bahkan hadis seperti ini mestilah diriwayatkan dengan lafaz asalnya. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi* 3/102).

Riwayat sebahagian hadis: رِوَايَةُ بَعْضِ الْحَدِيْثِ

Iaitu meriwayatkan sebahagian sahaja hadis, tanpa sebahagian yang lain.

Hukumnya:
Perkara ini adalah diharuskan bagi mereka yang mahir dan sekiranya dia hanya meriwayatkan sebahagian sahaja hadis tersebut, maka sebahagian yang lain itu haruslah tidak mempunyai kaitan dengan yang ditinggalkan supaya yang diriwayatkan itu tidak terjejas atau tertinggal maknanya. (Sila lihat *Irsyad Tullab al-Haqa'iq*: 157).

Riwayat hadis dengan lafaznya: رِوَايَةُ الْحَدِيْثِ بِاللَّفْظِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الرِّواية باللَّفظ).

Riwayat hadis dengan makna: رِوَايَةُ الْحَدِيْثِ بِالْمَعْنَى

Sila lihat maknanya pada perkataan (الرِّوايَةُ بالْمَعْنى)

***Al-Riwayah* dan al-Dirayah:** الرِّوَايَةُ والدِّرَايَةُ

Dari segi bahasa perkataan (الرواية) diambil daripada kata dasar (روى يروي) maknanya memindahkan atau menyampaikan berita atau kata-kata. Dan (الدراية) pula diambil daripada kata terbitan (دري يدرى) bermakna ilmu dan pengetahuan.

Dari segi istilah pula, *al-riwayah* membawa maksud memindahkan atau menyampaikan hadis dengan menguasai seluruh jalan sanadnya, meneliti lafaz dalam sanad serta matannya, memastikan nama para perawinya serta semua yang bersangkut paut dengan memindahkan hadis dengan jalan yang benar dan tepat daripada segenap aspek sanad dan matannya, tanpa mengkaji hal-keadaan kedua-duanya itu.

Adalah tidak dituntut daripada seorang yang tahu tentang periwayatan hadis untuk memberikan hukum terhadap sesuatu hadis yang diriwayatkannya sama ada sahih atau daif, kerana urusan berkenaan menjurus kepada pengkhususan bagi mereka yang alim dalam bidang periwayatan. Mereka yang alim dalam bidang ilmu *riwayah* ini menukilkan hadis-hadis nabi SAW secara rapi dengan penuh teliti dan amanah sepertimana yang didengarnya. Ianya adalah seperti alat perakam yang mengulangi setiap apa yang dirakamnya tanpa ada padanya kemampuan sendiri untuk menambah sesuatu ungkapan atau menggugurkan yang lain.

Dan ilmu *dirayah* itu pula ialah: suatu penelitian, pembezaan, kritikan dan kajian terhadap faktor-faktor menghukum sesuatu sanad itu sama ada sahih ataupun daif, serta memahami matannya dengan pemahaman secara ilmiah.

Ilmu *dirayah* ini berdiri di atas konsep kajian terhadap perkara yang diriwayatkan, syarat-syarat periwayatan, jenis-jenis, hukum-hukum, perihal perawi, nilai hadis tersebut, serta kedudukannya dari sudut sahih, hasan atau daif. Begitu juga ilmu ini merangkumi kajian terhadap fiqh hadis (pemahaman teks hadis), dan perkara yang boleh dijadikan dalil dengannya, serta natijah-natijah yang boleh diperolehi daripadanya. (Sila lihat *Adab al-Hadithan-Nabawi*: 22).

Riwayat orang yang terdahulu dari orang yang kemudian: رِوَايَةُ السَّابِقِ عَنِ اللاَّحِقِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (السَّابِقُ واللاَّحِقُ) dalam huruf *sin.*

Riwayat golongan Bidaah: رِوَايَةُ الْمُبْتَدِعَةِ

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh mereka yang dituduh berfahaman *Syiah, Jahmiyyah, Rafidhah, Qadariah, Nasibah* dan selain daripada golongan yang seperti ini.

Hukumnya:
Perkara ini adalah satu perkara yang diperselisihkan di kalangan ulama hadis. Apakah golongan yang digelar sebagai ahli bidaah ini diterima hadisnya ataupun tidak? Paling sahih dan rajih ialah riwayatnya diterima sekiranya perawi itu tidak menyeru ke arah bidaahnya. Adapun perawi yang menyeru dan mengajak orang kepada bidaah maka tidak diterima riwayatnya dan tidak boleh dijadikan hujah.

Riwayah al-Mudabbaj: رِوَايَةُ الْمُدَبَّجِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُدَبَّجُ) dalam huruf *mim*.

Mereka meriwayatkan daripadanya: رَوَوْا عَنْهُ

Istilah ini atau istilah (رَوَى الناسُ عنه) atau (يُرْوَى عنه) atau (يُرْوَى حديثُه), kesemua istilah-istilah ini adalah lafaz *ta'dil* yang berada dalam kedudukan yang keempat daripada lafaz-lafaz *al-ta'dil* menurut pandangan al-Hafiz al-'Iraqi. Manakala di sisi al-Suyuti pula ianya adalah lafaz *al-ta'dil* yang berada dalam kedudukan yang kelima. Al-Sakhawi pula berpandangan ianya berada dalam kedudukan yang keenam.
Hukumnya: Mereka yang disifatkan dengan istilah sebegini boleh ditulis hadis mereka dan hanya diterima untuk dijadikan dalil penguat sahaja dan bukan dalil utama.

Dia meriwayatkan hadis-hadis *mu'dhalah:* رَوَى أَحَادِيْثَ مُعْضَلَةً، أو: يَرْوِي الْمُعْضَلاَتِ

Penggunaan istilah (الْمُعْضَل) adalah datang daripada kata-kata ulama salaf yang membawa erti: hadis yang *munkar*, atau hadis yang sangat kuat *munkar*nya atau ia sebenarnya adalah hadis *mawdhu'*. Istilah ini telah banyak kali digunakan oleh para pengkritik hadis yang hebat seperti al-Bukhari, al-Juzajani, ibn 'Adi dan ibn Hibban.
Ketika menggunakan istilah *mu'dhal* ini, mereka tidak bermaksud untuk menyatakan bahawa ianya adalah hadis *mu'dhal* seperti maknanya menurut istilah ilmu hadis yang luas digunakan di kalangan ulama *muta'akhkhirin*. Istilah seperti ini digunakan oleh ulama hadis *mutaqaddimin* terdahulu secara jarang.

Dia meriwayatkan hadis-hadis munkar: رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً

Istilah ini juga digunakan dengan perkataan yang lain seperti (يَرْوِي المَناكِيرَ) atau (مُنْكَرُ الحديثِ). Ini adalah sebahagian daripada istilah yang digunakan untuk *al-jarh* (iaitu istilah yang menunjukkan kecacatan perawi). Walau bagaimanapun, istilah *al-jarh* ini tidaklah mencacatkan zat perawi tersebut melainkan setelah didapati dalam sanadnya itu tidak terdapat orang yang dicacatkan melainkan dia sahaja, atau perawi tersebut memang tidak ada orang yang menyifatkannya dengan sifat-sifat *al-ta'dil*.
Istilah ini berada di peringkat yang keempat daripada peringkat-peringkat *al-jarh* di sisi al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti, manakala menurut al-Sakhawi pula

istilah ini berada di peringkat yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-jarh.*

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini hanya boleh dijadikan sebagai *dalil penyokong* sahaja iaitu dalil penguat dan bukan dalil utama.

Diriwayatkan: رُوِيَ

Istilah ini adalah istilah yang digunakan untuk menyatakan kelemahan tentang seuatu riwayat. Ia banyak diguna pakai oleh al-Hafiz Zakiyuddin al-Munziri (w. 656H) dalam kitabnya *at-Targhib wa at-Tarhib.*

Beliau telah menerangkan berkenaan istilah ini dalam mukaddimah kitabnya iaitu: "Sekiranya terdapat dalam sesuatu sanad, seorang perawi yang disifatkan dengan sifat *Kazzab*, *Wadda'*, *Muttaham*, *Mujma' 'ala Tarkihi*, *Mujma' 'ala Da'fihi*, *Zahib al-Hadith, Halik*, *Saqit*, *Laisa Bi Syay'*, *Da'if Jiddan*, *Da'if*, atau *Lam Ara fihi Tawthiqan*, iaitu istilah-istilah yang tidak menggambarkan hadis tersebut boleh menjadi hasan, maka saya gunakan lafaz (رُوِيَ), dan saya tidak sebutkan nama perawi tersebut, mahupun kata-kata ulama tentang perawi tersebut sama sekali. Maka sanad yang daif itu mempunyai dua petunjuk, iaitu: penggunaan istilah (رُوِيَ) di awalnya, dan tiada dinyatakan kritikan tentang keadaannya di akhirnya".

Diriwayatkan daripadanya: رُوِيَ عَنْهُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (رَوَوْا عنه).

Orang mengambil riwayat daripadanya: رَوَى عنه النَّاسُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (روى الناس عنه).

Syeikh meriwayatkan daripadanya: رَوَى عنه الشَّيْخُ

Istilah ini adalah istilah *al-ta'dil* yang paling rendah. Para ulama telah meletakkannya pada peringkat yang keempat daripada peringkat *al-ta'dil.*

Hukumnya: Hadis mereka yang disifatkan dengan istilah ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja (dalil penyokong) dan perlu diperhatikan keadaan hadis ini.

Orang mengambil riwayat daripadanya: رَوَى النَّاسُ عَنْهُ

Antara istilahnya yang lain ialah (رَوَوْا عنه) atau (يُرْوَى حديثُه). Istilah ini berada di peringkat yang keempat dalam peringkat-peringkat *al-ta'dil* di sisi al-Hafiz al-'Iraqi, menurut al-Suyuti pula ianya berada di peringkat yang kelima manakala menurut al-Sakhawi pula ianya berada di kedudukan yang keenam.

Hukumnya: Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan dalil penyokong iaitu dalil penyokong.

Dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar:* رَوَى الْمَنَاكِيْرَ

Sila lihat maknanya pada perkataan (رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً).

Diriwayatkan baginya secara bergandingan: رَوَى لَهُ مَقْرُونًا

Apa yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bagi seseorang perawi dalam kitab sahih mereka, namun periwayatannya itu bukanlah berasingan secara sendirian, akan tetapi ia digandingkan dengan perawi lain yang lebih *thiqah* daripadanya.

Sebagai contoh mereka berkata: (حَدَّثَنِي فلانٌ وفلانٌ، قالا: حَدَّثَنا فلانٌ). Sekiranya hal ini berlaku demikian, maka perawi yang diriwayatkan daripadanya secara bergandingan dengan perawi lain itu sebenarnya tidak berada dalam lingkungan syarat hadis sahih. Wallahu aklam. (Sila lihat *Mu'jam Mustalahat 'Ulum al-Hadith:* 118).

Melihat: الرُّؤْيَة

Dari segi bahasa perkataan (الرؤية) adalah kata terbitan bagi perkataan (رأى يرى) yang membawa maksud memandang, melihat dengan mata. Ayat contoh: Saya melihat sesuatu dengan satu pandangan sekiranya saya melihatnya dengan pancaindera penglihatan.

Dari segi istilah pula kebiasaannya digunakan dalam kitab-kitab yang menceritakan tentang biodata para sahabat. Istilah ini membawa maksud mereka sempat berjumpa dengan Rasulullah SAW. Sebagai contoh, kata-kata ulama terhadap seseorang sahabat (له رؤية) iaitu membawa maksud bahawa sahabat tersebut pernah berjumpa dengan Rasulullah SAW tanpa mendengar sesuatu pun daripada Rasulullah SAW. Begitu juga sekiranya perawi menyebut (له رؤية من فلانٍ) ini membawa maksud seseorang perawi itu sempat berjumpa dengannya tanpa dia mendengar sesuatu hadis daripada orang yang dijumpainya itu.

Ia diriwayatkan kepada kami, ia disampaikan kepada kami: رُوِيَنَا وَبَلَّغَنَا

Iaitu hadis yang diriwayatkan kepada kami daripada bilangan syeikh yang ramai dan mereka menyampaikan kepada kami hadis itu. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 389).

Dan istilah ini kebanyakannya digunakan oleh para pengarang kitab ketika mana mereka meriwayatkan riwayat yang masyhur, dengan itu mereka tidak akan menukilkan sanad seperti kebiasaannya kerana perawi yang meriwayatkan hadis tersebut adalah terdiri daripada golongan ulama yang masyhur. Begitu juga kebiasaannya istilah ini digunakan untuk hadis yang tidak mencapai tahap hadis *mauquf* seperti *athar*, kata-kata tabiin, dan athar daripada *atba'* tabiin.

Contoh:

Dinukilkan oleh al-Hafiz al-Sakhawi dalam kitabnya *Fath al-Mughith* (1/161), beliau berkata: Diriwayatkan kepada kami oleh al-Muzani, beliau berkata: Al-Syafi'i pernah mendengarku pada satu hari dan saya menyebut: Si polan pendusta. Maka al-Syafi'i berkata kepada saya: "Wahai Ibrahim,

pertimbangkan lafazmu dan perbaikilah ia, janganlah kamu berkata: Si polan pendusta, tetapi katakanlah: Hadisnya tidak boleh digunakan".



حرف الزَّاي

HURUF ZAI

***Zai*:** ز

Simbol huruf *zai* ini biasa digunakan dalam kitab-kitab *al-tarajum* (iaitu kitab yang digunakan untuk mengenali perihal sahsiah yang terlibat dengan ilmu hadis). Yang dimaksudkan dengan huruf *ra'* ini ialah kitab al-Bukhari yang berjudul *Juz' al-Qira'ah Khalf al-Imam*, iaitu dalam membicarakan bacaan makmum di belakang imam.

Begitu juga huruf *zai* ini digunakan sebagai simbol untuk kitab *Musnad Zaid bin 'Ali* sepertimana yang disebutkan oleh pengarang kitab *Miftah Kunuz as-Sunnah*.

Tambahan: زَائِداً

Istilah yang ditulis di awal pertambahan sesuatu kalimah daripada teks sesuatu kitab.

Si polan menyangka daripada si polan kepada kami: زَعَمَ لَنا فُلاَنٌ عَنْ فُلاَنٍ

Istilah ini adalah antara istilah *at-tahammul* (kaedah pengambilan hadis) yang ditambah oleh al-Imam ar-Ramahurmuzi. (Sila lihat *al-Muhaddith al-Fasil*: 505).

***Zindiq*:** الزِّنْدِيْقُ

Perkataan (الزنديق) atau kata jamaknya (زَنَادِقة وزَنَادِيق) adalah satu istilah yang ditujukan bagi mereka yang tidak berpegang kepada ajaran syariat, atau mereka yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran mereka. Lafaz ini pernah digunakan oleh ulama hadis tetapi ianya jarang digunakan.

***Zawa'id* :** الزَّوَائِدُ

Dari segi bahasa perkataan (الزَّوائدُ) adalah kata jamak bagi perkataan (زيادة) yang membawa maksud berkembang, tambahan.

Menurut istilah pula, *zawa'id* membawa maksud satu jenis penulisan dalam bidang hadis, di mana dalamnya para penulis kitab *zawa'id* mengumpulkan hadis-hadis tambahan dalam sesebuah kitab atau sejumlah kitab hadis, atas nisbah kepada sejumlah kitab hadis yang telah dikarang sebelumnya.

Di bawah ini disebutkan beberapa contoh kitab *zawa'id* yang dikarang oleh ulama hadis:

1- *Zawa'id ibn Hibban 'Ala as-Sahihain*: Karangan al-Hafiz Mughlatay bin Qalij al-Bakjari al-Hanafi (w. 762H).
2- *Ghayah al-Maqsad Fi Zawa'id al-Musnad*: Karangan al-Imam Abu al-Hasan Nur ad-Din Ali bin Abu Bakar al-Haithami (w. 807H).

Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *Musnad Ahmad* kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

3- *Kasyfu al-Astar 'An Zawa'id al-Bazzar*: Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *Musnad Al-Bazzar* kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

4- *Al-Maqsad al-'Ali Fi Zawa'id Abu Ya'la al-Musili*: Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *Musnad Abu Ya'la* kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.* Dalam kitab ini juga ditambah *Zawa'id Musnad* sepuluh sahabat yang dijanjikan syurga daripada riwayat yang panjang yang dinamakan sebagai *al-Musnad al-Kabir.*

5- *Al-Badr al-Munir Fi Zawa'id al-Mu'jam al-Kabir*: Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *al-Mu'jam al-Kabir* kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

6- *Majma' al-Bahrain Fi Zawa'id al-Mu'jamain*: Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahahan kedua kitab al-*Mu'jam*ain iaitu al-Ausat dan al-Saghir kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

7- *Majma' az-Zawa'id wa Manba' al-Fawaid*: Karangan al-Haithami. Kitab ini adalah seumpama ensiklopedia hadis yang tidak ada kitab hadis yang sepertinya iaitu al-Haithami mengumpulkan kesemua lima kitab *az-Zawa'id* yang disebutkan sebelum ini.

8- *Bughyah al-Ba'ith 'An Zawa'id Musnad al-Harith.* Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *Musnad al-Harith bin Abu Usamah* (282H). kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

9- *Mawarid az-Zam'an ila Zawa'id ibn Hibban*: Karangan al-Haithami. Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam *Sahih ibn Hibban* kepada hadis-hadis dalam *Sahihain* karangan al-Bukhari dan Muslim.

10- *Ithaf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawa'id al-Masanid al-'Asyarah*: Karangan al-Imam Syihab ad-Din Ahmad bin Abu Bakar al-Kinani al-Busiri (840H). Dikumpulkan dalamnya hadis-hadis tambahan yang ada dalam kitab *Masanid* kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.* Kitab *Masanid* ini terkandung dalamnya musnad-musnad berikut:

- *Musnad Abu Dawud at-Tayalisi Sulaiman bin Ahmad* (w. 204H).
- *Musnad Abu Bakar 'Abd Allah bin az-Zubair al-Humaidi* (w. 219H).
- *Musnad Musaddad bin Musarhad al-Asadi* (w. 228H).
- *Musnad Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Syaibah* (w. 235H).
- *Musnad Ishaq bin Rahuyah* (w. 238H).

- *Musnad Muhammad bin Yahya bin Abu Umar al-'Adani* (w. 243H).
- *Musnad Ahmad bin Mani' al-Baghawi al-Asom* (w. 244H).
- *Musnad Abd bin Humaid al-Kasyi* (w. 249H).
- *Musnad al-Harith bin Muhammad bin Abu Usamah at-Tamimi* (w. 282H).
- *Al-Musnad Al-Kabir*: Karangan Abu Ya'la al-Musili Ahmad bin Ali (307H) Kitab ini telah diringkaskan olehnya sendiri selepas dia membuang sanad-sanadnya dan menamakannya: *Mukhtasar Ithaf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawa'id al-Masanid al-'Asyarah.*

11- *Al-Misbah az-Zujajah fi Zawa'id ibn Majah.* Dalamnya terkandung hadis-hadis tambahan *Sunan ibn Majah* kepada *Kitab Sunan* yang lima iaitu *Kitab as-Sahihain* serta sunan yang tiga iaitu *Sunan Abi Dawud, al-Tirmizi* dan *al-Nasa'i.*

12- *Fawaid al-Muntaqa li Zawa'id al-Baihaqi*: Karangan al-Busiri. Terkandung dalamnya hadis-hadis tambahan *as-Sunan al-Kubra* karangan al-Imam al-Baihaqi Ahmad bin al-Hasan kepada hadis-hadis dalam *Sunan Sittah.*

13- *Zawa'id Musnad al-Bazzar* karangan al-Hafiz ibn Hajar (w. 852H).

14- *Zawa'id Musnad Abu Usamah* juga karangan ibn Hajar. Terkandung dalamnya hadis-hadis tambahan *Musnad al-Harith bin Abu Usamah* kepada hadis-hadis *Sunan Sittah* dan *Musnad al-Imam Ahmad.*

15- *Zawa'id Musnad Ahmad bin Mani'*: karangan ibn Hajar.

16- *Zawa'id al-Adab al-Mufrad*: Karangan ibn Hajar. Terkandung dalamnya hadis-hadis tambahan kitab *al-Adab al-Mufrad* kepada hadis-hadis *Sunan Sittah.*

17- *Al-Matalib al-'Aliah bi Zawa'id al-Masanid al-'Asyarah*: Karangan ibn Hajar. Terkandung dalamnya hadis-hadis tambahan bagi kitab *Musnad* yang sepuluh yang telah disebutkan sebelum ini dalam kitab *Ithaf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawa'id al-Masanid al-'Asyarah* karangan al-Imam al-Busiri kepada hadis-hadis yang terkandung dalam *Sunan Sittah* dan *Musnad Ahmad.*

Dan di sini hanya disebutkan sembilan kitab musnad sahaja. Adapun yang kesembilan iaitu kitab *Musnad Ishaq bin Rahuyah* tidak dapat dijumpai melainkan sebahagian sahaja, maka yang bakinya masih perlu diselidiki. Adapun kitab musnad yang kesepuluh iaitu *Musnad Abu Ya'la*, terkumpul dalamnya hadis-hadis tambahan yang tidak disebutkan oleh al-Haithami dalam kitabnya *Majma' az-Zawa'id.* Perbahasan yang terkandung kitab *Ithaf* dan *al-Matalib* adalah perbahasan yang sama melainkan dalam kitab-kitab yang ditambah dalamnya iaitu ibn Hajar telah menambah satu lagi kitab dalamnya iaitu *Musnad Ahmad bin Hambal.*

18- *Zawa'id Syu'ab al-Iman*: Karangan al-Hafiz Jalaluddin Abdul Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (w. 911H).
19- *Zawa'id Nawadir al-Usul* (Kitab Imam al-Hakim al-Tirmizi): Karangan al-Suyuti.

Pertambahan dalam riwayat *thiqah:* زِيَادَاتُ الثِّقَاتِ

Dari segi bahasa perkataan (الزيادات) adalah kata jamak bagi perkataan (زيادَةٌ) yang membawa maksud pertambahan atau perkembangan iaitu lawan bagi perkataan berkurangan.

Thiqat (الثِّقات) pula adalah kata jamak daripada perkataan (ثِقَةٌ) yang membawa maksud seorang yang boleh dipercayai.

Dari segi istilah pula, ialah seseorang yang *thiqah* itu telah melakukan pertambahan dalam hadis yang diriwayatkannya yang tidak dilakukan oleh perawi *thiqah* yang lain.

Tempat berlakunya pertambahan yang dilakukan oleh perawi *thiqah:*

Kebiasaannya pertambahan yang dilakukan oleh mereka yang *thiqah* itu boleh berlaku dalam sanad dengan mereka me*rafa'*kan hadis yang *mauquf*, atau menyambungkan hadis yang terputus (*mursal*). Tetapi apa yang berlaku dalam sanad, para ulama hadis telah meletakkan masalah ini dalam kategori yang khas yang dinamakan sebagai (المزيدُ في مُتَّصِلِ الأسانيد). Sila lihat pada huruf *mim.*

Begitu juga terkadang berlaku pertambahan dalam teks hadis (matan) iaitu dengan pertambahan satu perkataan atau satu ayat.

Hukum sekiranya berlaku pertambahan dalam sanad:

Pertambahan dalam sanad berlaku dalam bentuk-bentuk yang berikut: iaitu penyambungan sanad yang terputus, atau me*rafa'*kan hadis yang *mauquf.* Para ulama telah berselisih pendapat terhadap hukum yang harus dikenakan bagi hadis yang sebegini. Terdapat empat pandangan ulama dalam masalah ini:

Pertama: Hukumnya berpihak kepada mereka yang menyatakan sanad tersebut terputus (*mursal*) atau mereka yang menyatakan sanad tersebut *mauquf.* Pandangan ini telah dipersetujui oleh kebanyakan ulama hadis.

Kedua: Pandangan kedua lebih cenderung kepada mereka yang melakukan tambahan dalam sanad iaitu sanad tersebut dihukumkan sebagai bersambung atau *marfu'*. Pandangan ini kebanyakannya dipersetujui oleh *Jumhur Fuqaha'* dan ulama' *Usul.* Mereka berpendapat bahawa pertambahan itu dilakukan oleh orang yang *thiqah* dan pertambahan yang dilakukan boleh diterima.

Ketiga: Kumpulan ketiga lebih cenderung kepada jumlah bilangan perawi yang terkandung dalam sanad. Lebih ramai lebih diterima.

Keempat: Kumpulan keempat lebih cenderung untuk melihat perawi mana yang lebih *thiqah.* Sekiranya perawi yang mengatakan berlaku pertambahan dalam sanad itu lebih *thiqah*, maka mereka lebih cenderung kepada yang lebih *thiqah* tersebut.

Hukum sekiranya berlaku pertambahan dalam matan hadis (teks):
Ulama berselisih pandangan terhadap hukum yang harus diberikan kepada hadis yang berlaku pertambahan dalam matannya. Memadailah di sini disebutkan pandangan yang paling rajih iaitu perkataan atau ayat yang ditambah itu akan ditolak sekiranya pertambahan itu bertentangan dengan riwayat perawi *thiqah* yang lebih ramai. Namun sekiranya pertambahan itu tidak bertentangan dengan riwayat perawi *thiqah* yang lain maka hadis tersebut boleh diterima. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 5051 dan *Tadrib al-Rawi*: 1/159-161).

Pertambahan dalam riwayat *thiqah:* زِيَادَةُ الثِّقَةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (زِيَادَاتُ الثِّقَاتِ).

Tambahan kalimah yang gugur: زِيَادَةُ السَّاقِطِ

Iaitu tambahan kalimah yang gugur itu dilampirkan/diselitkan di bahagian nota-nota kaki. Perkara ini diistilahkan demikian oleh ahli hadis dan juga para penulis.

Pertambahan dalam sanad: الزِّيَادَةُ فِي الإِسْنَادِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (زِيَادَاتُ الثِّقَاتِ).

Pertambahan dalam matan: الزِّيَادَةُ فِي الْمَتْنِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (زِيَادَاتُ الثِّقَاتِ).

Zaidiyyah: الزَّيْدِيَّة

Iaitu salah satu daripada pecahan kumpulan *Syiah*, dan kumpulan *Zaidiyyah* ini adalah yang paling dekat dengan *Ahli al-Sunnah*. Mereka adalah pengikut kepada Zaid bin 'Ali bin Al-Husain bin 'Ali bin Abi Talib (w. 122H).

Antara pandangan mereka ialah mereka berpendapat bahawa Ali r.a. adalah orang yang paling layak di kalangan sahabat yang sepatutnya menjadi khalifah setelah kewafatan Rasulullah SAW. Namun mereka masih tetap memperakui kepimpinan Abu Bakar dan Umar ketika mereka berdua dilantik menjadi khalifah. Mereka juga berpandangan bahawa anak-anak lelaki Ali r.a. dan Fatimah r.a. adalah yang paling layak memegang tampuk khilafah selepas itu. Mereka juga berselisih pandangan dalam perkara khilafah ini; adakah ianya dengan nas atau dengan selainnya?

Mereka berbeza pandangan dalam memberikan takrifan terhadap iman itu kepada dua pandangan:

Pertama: Iman adalah bermula dengan pengetahuan dan pengakuan dan menjauhi setiap perkara yang terkandung dalamnya ancaman Allah SWT.

Kedua: Adalah perkara yang berkaitan dengan kekufuran iaitu dengan meninggalkan segala perkara yang disebutkan sebelum ini dalam masalah iman. Manakala orang yang melakukan perkara yang mengandungi ancaman daripada Allah SWT boleh dikira sebagai kufur, namun ianya dinamakan sebagai kufur nikmat. Ini membawa

maksud bahawa kufur yang dikatakan sebagai ingkar itu tidak akan berlaku melainkan sekiranya mereka meninggalkan makrifat dan ikrar (terhadap keesaan Allah SWT).

Kumpulan *Zaidiyyah* ini menyatakan pandangan yang sama dengan dakwaan pihak *Khawarij* dan *Muktazilah* yang mengatakan bahawa mereka yang melakukan dosa besar akan diazab dan kekal di neraka. Dan masih ada banyak lagi pendirian mereka yang lain. (Sila lihat *Maqalat al-Islamiyin*: 65-75).



حرف السِّين

HURUF SIN

Sin: س

Huruf *sin* biasanya dijadikan simbol khas dalam kitab *al-tarajum* (iaitu kitab yang digunakan untuk mengenali perihal sahsiah yang terlibat dengan ilmu hadis) yang membawa maksud bahawa al-Nasa'i telah meriwayatkan hadis tersebut dalam kitab sunannya.

As-Su'alat: السُّؤَالاَتُ

As-Su'alat adalah salah satu daripada jenis karangan kitab hadis yang ditulis. Dalamnya penulis mengumpulkan soalan-soalan yang pernah ditanya olehnya atau oleh orang lain yang mana soalan tersebut ditujukan kepada mana-mana ulama yang mahir dalam ilmu *'Ilal al-Hadith*atau soalan-soalan yang melibatkan perihal peribadi perawi hadis. Kitab ini juga merangkumi jawapan yang diberikan terhadap soalan tersebut dalam merungkai masalah *'ilal* dalam hadis atau menjelaskan peribadi seseorang perawi hadis tidak kira sama ada dia men*jarh*kan (mencacatkan) perawi tersebut atau dia men*ta'dil*kannya (memuji). Antara kitab yang masyhur yang dikarang dalam ilmu ini ialah:

1- *Su'alat ibn al-Junaid li Abu Zakaria Yahya bin Ma'in*: Karangan Abu Ishaq Ibrahim bin 'Abd Allah bin al-Junaid al-Khuttali (w. 260H).
2- *Su'alat al-Darimi li Yahya bin Ma'in*: Karangan Imam Abu Sa'id Uthman bin Sa'id al-Darimi (w. 280H).
3- *Al-'Ilal wa al-Marifah ar-Rijal*: Karangan Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal (w. 241H).
4- *Su'alat Abu Bakar al-Athram Aba 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal*: Karangan al-Imam Ahmad bin Muhammad lebih dikenali dengan nama Abu Bakar al-Athram (w. 261H).
5- *Su'alat ibn Abi Syaibah li 'Ali bin al-Madini fi al-Jarh wa al-Ta'dil*: Karangan al-Imam Muhammad bin Uthman bin Muhammad bin Uthman bin Muhammad bin Abi Syaibah al-'Absi (w. 297H).
6- *Su'alat Abu Dawud al-Sijistani li al-Imam Ahmad*: Karangan Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
7- *Su'alat al-Tirmizi li al-Bukhari*: Karangan Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
8- *Su'alat al-Barza'i li Abi Zur'ah Ar-Razi*: Karangan al-Imam Abu Uthman Sa'id bin Amru al-Azdi al-Barza'i (w. 292H).

9- *Su'alat Abu Ubaid al-Ajuri Aba Dawud al-Sijistani fi al-Jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Abu Ubaid Muhammad bin Ali al-Ajuri (meninggal pada awal kurun keempat hijriah).
10- *Su'alat Abu 'Abd Allah bin Bukair li al-Daraqutni*: Karangan al-Hafiz Abu 'Abd Allah al-Husain bin Ahmad bin 'Abd Allah bin Bukair (w. 388H).
11- *Su'alat al-Barqani li al-Daraqutni fi al-Jarh wa al-Ta'dil*: Karangan al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Barqani (w. 425H).
12- *Su'alat al-Hakim li al-Daraqutni fi al-Jarh wa al-Ta'dil:* Karang al-Hakim Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah an-Naisaburi (w. 405H).
13- *Su'alat Hamzah bin Yusuf as-Sahami li al-Daraqutni wa Ghairihi Min al-Masyayikh fi al-Jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Abu Qasim Hamzah bin Yusuf bin Ibrahim as-Sahami (w. 427H).
14- *Su'alat Mas'ud bin 'Ali as-Sijzi (438H) Ma'a As'ilah 'an Ahwal al-Ruwah*: Karangan Al-Hakim An-Naisaburi (w. 405H).
15- *Su'alat Al-Hafiz Ahmad bin Muhammad Abu Tahir al-Silafi (w. 576H):* Karangan Khamis al-Hauzi (w. 510H).

Ini adalah sebahagian kitab-kitab *Su'alat* yang kami telusuri setiap namanya dan kesemuanya telah dicetak. (Sila lihat *al-Madkhal ila Dirasah al-Jarh wa al-Ta'dil*: 503-522).

Yang ketujuh: السَّابِعَةُ

Ianya adalah istilah yang biasa digunakan oleh al-Hafiz ibn Hajar dalam kitabnya *Taqrib at-Tahzib*. Kebanyakannya digunakan dalam menjelaskan perihal peribadi perawi hadis. Sebagai contoh dia menyebut (من السابعة) yang membawa maksud bahawa perawi tersebut adalah dalam *tabaqa*t atba' tabiin yang *kibar* (senior). (Sila lihat *Muqaddimah Taqrib at-Tahzib*).

Yang keenam: السَّادِسَةُ

Istilah ini biasa digunakan oleh al-Hafiz ibn Hajar dalam kitabnya *Taqrib at-Tahzib*. Kebanyakannya digunakan dalam menjelaskan perihal peribadi perawi hadis. Sebagai contoh dia menyebut (من السادسة) yang membawa maksud bahawa perawi tersebut berada dalam satu *tabaqat* yang dia sempat sezaman dengan mereka yang berada dalam *tabaqat* yang kelima (iaitu *tabaqat* tabiin yang junior). Namun mereka yang berada dalam *tabaqat* ini tidak dapat dipastikan apakah mereka sempat bertemu dengan sahabat. (Sila lihat *Muqaddimah Taqrib at-Tahzib*).

Yang terdahulu dan yang kemudian: السَّابِقُ واللَّاحِقُ

Dari segi bahasa perkataan (السابق) adalah kata pelaku (فاعل) daripada perkataan (سَبَق يَسْبِق) yang membawa maksud "yang mendahulu"..

Manakala perkataan (اللاّحق) adalah kata pelaku (فاعل) daripada perkataan (- لَحِقَ - يَلْحَقُ) yang membawa maksud yang mengikut, iaitu sesuatu yang datang kemudian selepas daripada sesuatu perkara yang telah mendahuluinya.

Dari segi istilah pula ialah perkongsian riwayat yang diambil daripada seorang perawi oleh dua orang anak muridnya, salah seorang daripadanya meninggal awal dan yang kemudian daripadanya itu meninggal lewat. Tempoh antara keduanya itu sangat panjang. Si guru yang meriwayatkan hadis itu hidup dalam tempoh yang sangat panjang selepas meninggalnya anak muridnya yang meninggal awal tadi sehingga si guru sempat menyampaikan hadis pada anak muridnya (perawi yang kedua) yang datang daripada generasi yang kemudian.

Contohnya:

Menurut Abu Dawud: Diceritakan kepada kami Muhammad bin Yahya bin Faris, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin 'Abd Allah bin al-Muthanna, telah menceritakan kepada saya al-Asy'ath, daripada Muhammad bin Sirin, daripada Khalid (iaitu al-Hazza') daripada Abu Qilabah, daripada Imran bin Husain: Sesungguhnya Nabi ber solat dan kemudian baginda terlupa, maka dia pun sujud sebanyak dua kali (sujud sahwi) dan kemudian dia melakukan *tasyahhud*, kemudian baginda memberi salam. (H.R Abu Dawud dalam Kitab Solat, Bab Dua Sujud Sahwi: No. 1039).

Dan Muhammad bin Sirin telah meninggal pada tahun 110H, setelah itu syeikh yang diambil daripadanya hadis ini iaitu Khalid al-Hazza' hidup lama selepas itu sehinggalah dia meninggal pada tahun 141H. Dan dalam tempoh hidupnya itu, dia sempat meriwayatkan hadis yang sama pada anak muridnya yang lain seperti Abdul Wahab bin 'Atha' al-Khaffaf yang meninggal pada tahun 204H.

Al-Imam Ahmad berkata: Telah menceritakan kepada kami Abdul Wahab bin al-Khaffaf, telah menceritakan kepada kami Khalid, daripada Abu Qilabah, daripada Abu Asma', daripada Thauban, daripada nabi SAW seungguhnya baginda bersabda: "Sesungguhnya seorang muslim itu, apabila dia menziarahi saudaranya, dia berada dalam lambaian syurga sehinggalah dia pulang". (*al-Musnad* 5/283).

Dan kedua orang perawi yang berkongsi hadis yang diambil daripada Khalid al-Hazza' inilah yang dinamakan (السابق واللاحق). Perkara ini perlu dijelaskan kerana perbezaan tarikh kematian mereka berdua sangat jauh iaitu selama 94 tahun. Bagi mengelakkan keraguan berlaku perkara ini telah diperincikan oleh ulama hadis dan dinamakan dengan istilah (السابق واللاحق).

Antara kitab yang dikarang dalam bidang ini:

Al-Hafiz Abu Bakar bin 'Ali bin Thabit yang lebih dikenali dengan nama al-Khatib al-Baghdadi (w. 463H) telah mengarang sebuah kitab yang dinamakan *al-Sabiq wa al-Lahiq*, beliau adalah orang yang pertama menamakan ilmu ini dengan nama tersebut.

***Al-Sabiqun al-Awwalun* (golongan terdahulu awal):** السَّابِقُوْنَ الأَوَّلُوْنَ

Istilah ini digunakan merujuk kepada para sahabat yang pernah menyertai perang Badar, bersama dengan Rasulullah SAW dalam *Bai'ah al-Ridhwan* serta sempat ber solat mengadap dua kiblat.

Pencuri hadis: سَارِقُ الْحَدِيْثِ

Istilah ini adalah istilah *al-jarh* yang sangat berat. Dan baginya terdapat maksud yang pelbagai. Antaranya:

1- Seorang perawi telah meriwayatkan satu hadis (dirinya seorang sahaja yang meriwayatkan hadis itu). Lalu datang (السارقُ) si pencuri hadis ini dan mendakwa dia juga telah turut sama dengan perawi yang asal tadi mendengar hadis yang diambil daripada syeikhnya itu. Inilah yang dinamakan (سَارِقُ الْحَدِيْثِ) iaitu pencuri hadis. (Sila lihat *Fath al-Mughith* 1/338).

2- Atau seorang perawi telah membeli sebuah kitab hadis, sebelum dia mendengar sendiri hadis tersebut daripada pengarang kitab tersebut, dia telah pun menyampaikan hadis tersebut pada orang lain (tanpa terlebih dahulu mendengar hadis tersebut daripada pemilik riwayat tersebut). Maka akan dikata tentangnya "Dia telah mencuri hadis ini daripada kitab ini".

3- Satu hadis telah diriwayatkan oleh seorang perawi yang masyhur, lalu datang seorang pencuri hadis dan dia menyandarkan hadis ini kepada seorang perawi lain yang tidak meriwayatkan hadis tersebut. Dan kedua-dua perawi itu adalah daripada *tabaqat* (peringkat perawi) yang sama.

4- Seorang perawi menyandarkan matan (teks hadis) kepada sanad yang bukan sanad asal matan tersebut.

Kesemua perlakuan di atas dianggap sebagai mencuri hadis. Dan kedudukan atau martabat mereka yang mencuri hadis ini berada selepas daripada perawi yang penipu dan pereka hadis (iaitu kedudukan perawi yang kedua terburuk). Melainkan sekiranya si pencuri hadis ini mengambil satu matan yang daif lalu diletakkannya pada sanad yang sahih maka kedudukannya sama seperti si penipu dan si pereka hadis (iaitu kedudukan yang terburuk/terendah oleh ulama hadis).

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh orang sebegini tidak layak dijadikan hujah.

Yang rendah: السَّافِلُ

Dari segi bahasa (السَّافِلُ) adalah nama pelaku bagi perkataan (سَفَلَ - يَسْفُلُ) yang membawa maksud; yang berada di bawah, yang rendah.

Dari segi istilah pula: ianya adalah sanad yang terkandung dalamnya bilangan perawi yang ramai jika dibandingkan dengan sanad yang lawan dengannya.

Ianya juga terkadang dinamakan dengan (النازل). Sila lihat maknanya pada huruf *nun*.

Yang jatuh atau gugur: السَّاقِطُ

Dari segi bahasa, perkataan (السقط) adalah kata terbitan bagi perkataan (سَقَطَ يَسْقُطُ) yang membawa maksud; apa yang jatuh dan gugur daripada sesuatu.

Dari segi istilah pula, ianya adalah sesuatu yang tergugur/tertinggal daripada asal sesuatu kitab yang mana kemudiannya ditambah perkara yang tertinggal itu dinota kaki/nota sisi kitab atau antara dua ayat. (Sila lihat *at-Tabsirah wa at-Tazkirah* 2/137).

Ianya juga dinamakan dengan *al-lahq* (اللَّحْقُ).

Yang jatuh: سَاقِطٌ

Dari segi bahasa (الساقط) adalah nama pelaku daripada perkataan (سَقَطَ يَسْقُطُ) yang membawa maksud sesuatu yang dilempar atau jatuh dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah.

Dari segi istilah: ianya biasa digunakan dengan lafaz (ساقِطُ الحديثِ) iaitu ianya adalah antara lafaz *al-jarh* yang paling buruk. Dia berada dalam kedudukan yang pertama dalam peringkat-peringkat *al-jarh* di sisi ibn Abu Hatim dan ibn al-Salah. Manakala menurut al-'Iraqi dan al-Suyuti pula istilah ini berada dalam kedudukan yang kedua dalam peringkat *al-jarh*. Namun menurut al-Zahabi dan al-Sakhawi ia berada di peringkat ketiga.

Hukumnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh mereka yang disifatkan dengan sifat ini tidak layak untuk dijadikan hujah atau dalil penyokong.

Perawi yang gugur hadisnya: سَاقِطُ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (ساقطٌ).

Al-Suba'iyyat: السُّبَاعِيَّاتُ

Ianya adalah hadis yang terkandung dalam sanadnya tujuh orang perawi antara pengarang kitab hinggalah kepada nabi SAW.

Antara ulama yang telah menulis tentang hadis ini:

1- Abu Musa, Muhammad bin Umar al-Asbahani al-Madini (w. 581H).
2- Abu Jaafar as-Sandalani.
3- Abu Al-Qasim bin 'Asakir.
4- Al-Qasim bin Ali bin al-Hasan yang lebih dikenali dengan nama ibn 'Asakir (w. 600H).
5- Abu al-Faraj an-Najib Abdul Latif bin Abdul Mun'im al-Kharrani al-Hanbali (w. 672H). (*Ar-Risalah al-Mustatrafah*: 100).

Pengkajian, penelitian: السَّبْرُ

Dari segi bahasa (السَّبْرُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (سَبَرَ يَسْبُرُ) yang membawa maksud penelitian, serta pengkajian yang mendalam tentang sesuatu perkara dan mengeluarkan intipati perkara tersebut.

Dari segi istilah pula ialah penelitian terhadap jalan-jalan hadis dan penilaian terhadapnya serta pengkajian yang mendalam terhadap hadis tersebut bagi mengetahui apakah perawi tersebut meriwayatkan seorang diri atau ada perawi lain yang turut meriwayatkan hadis tersebut. Proses ini juga terkadang dinamakan sebagai *al-i'tibar* (الاعتبار). Sila lihat maknanya pada huruf *alif*.

Sebab hadis diriwayatkan: سَبَبُ وُرُوْدِ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (أَسْبَابُ وُرُوْدِ الحَدِيْثِ) dalam huruf *alif*.

Tujuh: السَّبْعَةُ

Istilah ini digunakan bagi menggambarkan tujuh pengarang kitab hadis (*Kutub Sittah* dan *Musnad*) iaitu:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H).
3- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
5- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
7- Al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).

Enam: السِّتَّةُ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah keenam-enam pemilik *Kutub Sittah* iaitu:

1- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- Al-Imam Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w. 261H).
3- Al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
5- Al-Imam Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Al-Sudasiyyat: السُّدَاسِيَّاتُ

Ianya adalah hadis yang terkandung dalam sanadnya enam orang perawi antara pengarang kitab dan nabi SAW. Antara ulama yang telah mengarang kitab dalam bidang ini ialah:

1- Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim ar-Razi, yang lebih dikenali dengan nama panggilan ibn al-Khattab (w. 525H). Karangan ini adalah hasil *takhrij* Ahmad bin Muhammad Abu Tahir as-Silafi (w. 576H).

2- Abu al-Qasim Zahir bin Tahir bin Muhammad al-Syahami (w. 533H).

Pencurian Hadis: سَرِقَةُ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (سَارِقُ الْحَدِيْثِ).

Dua orang yang bernama sa'id: سَعِيْدَان

Yang dimaksudkan dengan istilah ini oleh ulama hadis ialah dua orang yang bernama Sa'id sekiranya istilah ini disebut secara mutlak (tanpa merujuk kepada orang lain). Mereka ialah:

Pertama: Sa'id bin Al-Musayyib: Abu Muhammad Sa'id bin al-Musayyib bin Hazn bin Abu Wahb al-Qurasyi Al-Makhzumi. Salah seorang daripada tabiin yang besar. Beliau ialah salah seorang ulama yang tekal serta tergolong di kalangan fuqaha yang besar. Ulama hadis bersepakat bahawa hadis mursal yang diriwayatkan olehnya adalah hadis mursal yang paling sahih di kalangan ulama hadis. Beliau meninggal pada tahun 94H. (Sila lihat Taqrib At-Tahzib:241).

Kedua: Sa'id bin Jubair. Abu 'Abd Allah Sa'id bin Jubair al-Asadi al-Kufi. Juga adalah antara tabiin yang besar. Beliau adalah seorang *thiqah* yang tekal, juga seorang yang faqih. Beliau telah dibunuh ketika pemerintahan Al-Hajjaj bin Yusuf pada tahun 95H. (Sila lihat Taqrib At-Tahzib: 234).

Dua orang yang bernama sufyan: سُفْيَانَان

Yang dimaksudkan dengan istilah ini menurut ulama hadis ialah dua orang yang bernama Sufyan sekiranya istilah ini disebut secara mutlak (tanpa merujuk kepada orang lain). Mereka ialah:

Pertama: Sufyan al-Thawri. Abu 'Abd Allah Sufyan bin Sa'id bin Masruq al-Thawri Al-Kufi. Seorang yang *thiqah*, hafiz, faqih, Abud, imam hujjah. Meninggal pada tahun 161H. (Sila lihat Taqrib At-Tahzib: 278).

Kedua: Sufyan bin 'Uyainah. Abu Muhammad bin 'Uyainah bin Abu Imran Maimun Al-Hilali Al-Kufi Al-Makki. Seorang yang *thiqah,* hafiz, faqih, imam, hujjah. Beliau telah mengarang kitab al-Jami' dan kitab al-Tafsir. Dan meninggal pada tahun 198H. (Sila lihat Taqrib At-Tahzib: 245).

Jatuh, gugur, tercicir, tertinggal: السَّقَطُ

Dari segi bahasa perkataan (السقط) ialah kata terbitan bagi perkataan (سَقَطَ يَسْقُطُ) yang membawa maksud; apa yang jatuh daripada sesuatu dan gugur daripadanya.

Dari segi istilahnya pula ialah; sesuatu yang berlaku kepada penyalin dalam penulisannya, dan terkadang *al-saqat* itu boleh berlaku kepada satu perkataan, atau satu ayat, atau satu muka surat penuh atau lebih banyak daripada itu.

Terdapat juga istilah lain bagi *al-Saqat* iaitu (اللَّحَق).

Jatuh/gugur yang tersembunyi: السَّقْطُ الْخَفِيُّ

Merujuk kepada suatu perkara yang tidak dapat dikesan melainkan oleh mereka yang pakar dalam bidang hadis, yang mengkaji setiap jalan dan *'ilal* setiap sanad. Perkara ini dibahagikan kepada dua jenis hadis daif, iaitu: Hadis Mudallas (المدلّس) dan Hadis Mursal Khafi (المُرْسَل الخفيّ). Sila lihat makna keduanya dalam huruf Mim.

Jatuh/gugur yang jelas: السَّقْطُ الظَّاهِرُ

Merujuk kepada suatu perkara yang dapat diketahui oleh mereka yang pakar dalam bidang hadis dan juga mereka yang tidak pakar. Keguguran atau terputusnya sanad ini dapat dikesan melalui penelitian bahawa terdapat perawi yang tidak pernah berjumpa dengan perawi yang diambil hadis daripadanya, sama ada kerana mereka memang tidak hidup dalam satu zaman, atau mereka mungkin hidup satu zaman tetapi tidak pernah bertemu, dan mereka juga tidak pernah menerima riwayat daripada perawi tersebut menggunakan teknik *ijazah* atau *wijadah*. Kesan daripada *al-Saqat al-Zahir* ini menyebabkan lahirnya empat jenis hadis daif iaitu: Hadis Mu'allaq, Hadis Mursal, Hadis Mu'dhal dan Hadis Munqati'. (Sila lihat setiap takrif hadis ini pada huruf Mim).

Mereka mendiamkan diri daripadanya: سَكَتُوْا عَنْهُ

Iaitu para ulama hadis dan pengkritiknya telah dapat mengenal pasti tentang perihal seorang perawi dan mereka tahu bahawa perawi tersebut adalah perawi yang daif. Maka mereka mendiamkan diri daripada berkata tentangnya kerana perihal daifnya itu sudah jelas yang tidak perlu lagi mereka huraikan tentangnya.

Istilah ini adalah sebahagian daripada istilah al-jarh, dan ianya adalah lafaz al-jarh peringkat yang keempat di sisi al-'Iraqi yang juga membawa maksud; seorang yang binasa (الهالك). Namun menurut al-Sakhawi, perawi yang disifatkan dengan istilah ini berada dalam peringkat yang ketiga antara peringkat-peringkat al-jarh yang membawa makna perawi ini ditinggalkan (المتروك). Al-Suyuti pula meletakkan perawi ini dalam peringkat yang kelima juga membawa makna perawi ini ditinggalkan (المتروك). Cuma al-Sakhawi berpendapat bahawa mereka yang disifatkan dengan lafaz ini adalah seringan-ringan lafaz al-jarh iaitu sama peringkat dengan mereka yang disifatkan dengan (فلان فيه مقالٌ) atau (أدنى مقال) atau (تكلّموا فيه).

Al-Bukhari ialah antara ulama yang paling banyak menggunakan lafaz ini terhadap mereka yang ditinggalkan ulama daripada mendengar hadisnya. Al-Hafiz al-Zahabi berkata: Kata-kata al-Bukhari yang menyebut (سكتوا عنه) membawa maksud bahawa mereka itu adalah golongan yang ditinggalkan hadis mereka, yakni para ulama tidak mengambil hadis mereka. (Sila lihat Al-Muqizah: 83).

Rantaian emas: سِلْسِلَةُ الذَّهَبِ

Yang dimaksudkan dengan 'rantaian emas' ini ialah sanad yang diriwayatkan oleh para perawi yang amat tinggi tahap ke*thiqah*an mereka. Antara sanad-sanad yang disebut sebagai 'rantaian emas' ialah yang melalui salah satu daripada jalan berikut:

1- 'Ubaidullah bin 'Umar, daripada al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar, daripada 'Aisyah r.a.
2- Az-Zuhri, daripada Ubaidullah bin 'Abd Allah bin Utbah, daripada 'Abd Allah bin 'Abbas, daripada 'Umar r.a.
3- Malik bin Anas, daripada Abu Az-Zinad 'Abd Allah bin Zakwan, daripada al-A'raj 'Abd al-Rahman bin Hurmuz, daripada Abu Hurairah.
4- Ja'afar bin Muhammad bin 'Ali bin Al-Husain, daripada ayahnya, daripada datuknya, daripada 'Ali r.a.
5- Malik bin Anas daripada Nafi' Maula Ibnu 'Umar, daripada 'Abd Allah bin 'Umar.

Para ulama hadis menggambarkan sanad ini sebagai sanad emas kerana bersihnya sanad ini daripada segala unsur-unsur daif seperti bersihnya emas dari segala unsur yang lain. Sila lihat juga istilah (أصح الأسانيد) pada huruf *alif.*

Rantaian dusta: سِلْسِلَةُ الْكَذِبِ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah sanad-sanad yang terkandung dalamnya perawi yang dikenali sebagai sangat daif, pendusta, serta yang mencipta hadis palsu. Sila lihat maknanya pada perkataan (أوهى الأسانيد) dalam huruf *alif.*

***Al-Salaf* (yang terdahulu):** السَّلَفُ

Dari segi bahasa (السَّلَفُ) dan kata jamaknya (أَسْلاف) ialah perkataan yang membawa maksud; semua orang yang terdahulu daripada datuk dan nenek moyang serta segala yang mempunyai kaitan kaum kerabat sama ada dari segi usia mahupun kedudukan yang mulia. Antara perkataan yang biasa digunakan ialah *al-Salaf al-Salih* (السَّلَف الصالح) iaitu generasi ayah dan datuk yang dimuliakan.

Dari segi istilah pula ianya bermaksud para sahabat, tabiin, tabi' tabiin yang berada dalam kurun yang dimuliakan oleh Rasulullah SAW. Baginda pernah bersabda "Sebaik-baik kurun ialah kurunku, kemudian kurun yang selepasnya, kemudian kurun yang selepas daripadanya". (Hadis Riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya, *Kitab al-Syahadat, Bab La Yashad 'Ala Syahadah al-Jur*, no. 2652).

Begitu juga yang dimaksudkan dengan as-Salaf ini ialah para imam yang alim yang diiktiraf kepimpinan ilmu serta kemuliaan mereka dalam mengikuti sunnah dan mereka adalah golongan yang menjauhi bidaah dan berhati-hati dengannya.

Dikatakan, had tempoh generasi salaf ini ialah sehingga tahun 300H. Namun, meletakkan had dari segi masa dalam pentakrifan salaf ini bukanlah satu syarat yang dituntut. Apa yang lebih utama ialah ketepatan sesuatu golongan itu dalam mengikuti al-Quran dan as-Sunnah dalam perkara aqidah, hukum, dan akhlak sesuai dengan pemahaman golongan salaf yang terdahulu. Setiap orang yang menepati al-Quran dan as-Sunnah adalah layak untuk digelar sebagai pengikut salaf, sekalipun mereka dipisahkan dengan masa dan tempat yang jauh. Dan mereka yang menjauhi al-Quran dan as-Sunnah bukanlah daripada golongan salaf, sekalipun mereka hidup di kalangan para salaf.

As-Salafi: السَّلَفِيُّ

Satu istilah yang dinisbahkan (disandarkan) kepada *as-salaf*. Istilah ini digunakan kepada setiap orang yang menjadikan salafussoleh sebagai ikutannya dan berjalan di atas manhaj mereka, pada semua zaman. Gelaran ini adalah untuk membezakan dengan golongan yang tidak mengikut manhaj salaf serta melalui selain daripada jalan mereka.

Sila lihat makna (السَّلَف).

As-Salafiyyah: السَّلَفِيَّة

Merujuk kepada jalan atau manhaj yang dilalui oleh golongan salafussoleh dalam menerima Islam, memahaminya dan melaksanakannya. Dan manhaj ini diungkapkan kepada mereka yang berpegang dengan al-Quran dan as-Sunnah serta mengikut sunnah Rasulullah SAW dengan pegangan yang jitu dan tidak berbelah bahagi dengan menurut fahaman para salaf.

Istilah ini juga diungkapkan kepada aliran yang mendokong pemikiran dan mazhab ibn Taymiyyah (w. 728H).

Sila lihat makna (السَّلَف).

As-Silafiyyat: السَّلَفِيَّاتُ

Merujuk kepada *al-Fawa'id al-Hadithiyyah* (faedah-faedah yang diperolehi daripada hadis) yang dikarang oleh Abu Tahir Ahmad bin Muhammad as-Silafi (576H). Bilangannya melebihi seratus juzu'. (*Ar-Risalah al-Mustatrafah*: 92).

***Al-Sama'* (mendengar):** السَّمَاعُ

Istilah ini digunakan sebagai salah satu daripada kaedah menerima hadis. Al-Khatib al-Baghdadi pernah berkata: Antara lafaz yang paling tinggi dalam penerimaan hadis ialah (سمعتُ) iaitu "saya mendengarnya".

Dan caranya ialah seorang syeikh menyampaikan hadis daripada riwayat-riwayat yang dimilikinya samaada daripada ingatannya mahupun daripada kitab karangannya, sementara para pelajar mendengar daripadanya secara terus.

Sama' al-Muzakarah: سَمَاعُ الْمُذَاكَرَةِ

Iaitu mendengar hadis daripada syeikh secara muzakarah.

Mendengar hadis yang dilafazkan oleh syeikh: السَّمَاعُ مِنْ لَفْظِ الشَّيْخِ

Istilah ini digunakan bagi menggambarkan kaedah penerimaan hadis yang tertinggi di sisi jumhur ahli hadis. Kaedah ini terbahagi kepada dua jenis iaitu *al-Imla'* dan *al-Tahdith* tanpa *Imla'*. Maksudnya:

1- ***Al-Imla'***: Iaitu syeikh hadis mengadakan pertemuan dalam waktu yang telah dijanjikan di mana ketika itu anak murid akan berkumpul. Maka syeikh hadis akan membacakan hadis-hadisnya dan anak muridnya menulis hadis yang disampaikan oleh syeikh itu. Setelah selesai syeikh menyampaikan hadis, maka dia akan menyemak setiap apa yang ditulis oleh anak muridnya bagi memperbetulkan sekiranya berlaku kesalahan.

2- ***At-Tahdith* tanpa *Imla'***: Iaitu dengan menyampaikan hadis secara berterusan dan inilah kaedah yang paling banyak digunakan.

Dalam dua kaedah di atas, syeikh hadis boleh menyampaikan hadisnya sama ada melalui ingatannya ataupun melalui kitab karangannya. Dan sudah tentu kaedah *al-Imla'* adalah kaedah yang lebih tinggi daripada *al-Tahdith* tanpa *Imla'* kerana kaedah *al-Imla'* lebih teliti dan berjaga-jaga.

Mereka yang mengambil hadis melalui kaedah *as-Sama'* (iaitu melalui pendengaran terus) boleh menyampaikan pula hadis yang didengarnya itu menggunakan lafaz "dia menceritakan kepada kami" (حَدَّثَنَا) atau "dia memberitakan kepada kami" (أَخْبَرَنَا) atau "dia menyampaikan kepada kami" (أَنْبَأَنَا) atau "dia mengimlakkan kepada kami" (أَمْلَى عَلَيْنَا) atau "saya mendengar daripadanya" (سَمِعْتُ مِنْ فُلَانٍ) atau "dia berkata kepada kami" (قَالَ لَنَا فُلَانٌ) atau apa sahaja lafaz yang menggambarkan bahawa berlaku proses si murid mendengar hadis daripada gurunya.

سَمِعَ مِنِّي الحَدِيْثَ وأَجَزْتُ لَهُ رِوَايَتَهُ

"Dia mendengar hadis daripada saya dan saya meng*ijazah*kannya untuk meriwayatkannya":

Ini juga adalah istilah yang digunakan bagi menggambarkan seorang anak murid mendengar hadis daripada gurunya dan guru memberikan ijazah hadis tersebut kepadanya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (السَّماع) dan (الإجازة).

Saya mendengar: سَمِعْتُ

Ianya adalah sejenis lafaz penerimaan hadis daripada syeikh hadis.

Saya mendengar si polan: سَمِعْتُ فُلَانًا

Ianya adalah sejenis lafaz penerimaan hadis daripada syeikh hadis.

"Saya mendengar si polan menerima daripada si polan": سَمِعْتُ فُلَانًا يَأْثُرُ عَنْ فُلَانٍ

Ianya adalah sejenis lafaz penerimaan hadis daripada syeikh hadis. Istilah ini disebutkan oleh al-Imam Ar-Ramahurmuzi. (Lihat *al-Muhaddith al-Fasil*: 49).

"Saya mendengar si polan berkata": سَمِعْتُ فُلَانًا يَقُوْلُ

Sebahagian ulama hadis mengharuskan penggunaan lafaz ini sekiranya si murid membaca hadis gurunya di hadapan guru tersebut. Dikatakan bahawa ianya dilakukan oleh Imam Malik, Sufyan Al-Thawri dan Sufyan bin 'Uyainah.

Hukumnya:

Pandangan yang benar mengatakan bahawa penggunaan istilah ini tidak harus bagi mereka yang hanya membaca hadis di depan gurunya dan guru hanya mengiyakan hadis tersebut. (*Tadrib al-Rawi*: 1/276).

Sanad (rantaian perawi): السَّنَدُ

Dari segi bahasa (السَّنَد) kata jamaknya ialah (أسناد), bermakna yang disandarkan.

Ayat contoh: Semua perkara disandarkan kepadanya, tidak ada baginya perkara yang disandarkan kepadanya, si polan adalah sandaran iaitu yang menjadi sandaran. Begitu juga tanah yang tinggi sedikit daripada bumi dipanggil sanad. (Lisan *al-Arab*: 3/220).

Dari segi istilah: perkataan (السَّنَد) kata jamaknya menurut ulama hadis ialah (أسانيد) yang membawa maksud; perkhabaran tentang jalan riwayat matan, iaitu rantaian para perawi yang menyampaikan sesuatu matan (teks hadis).

Sila lihat maknanya pada perkataan (الإسناد) dalam huruf *alif.*

Sanad yang tinggi: السَّنَدُ العالي

Sila lihat maknanya pada perkataan (العالي) dalam huruf *'ain.*

Sanad yang rendah: السَّنَدُ السَّافِلُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (النَّازل) dalam huruf *nun.*

Sanad yang rendah: السَّنَدُ النَّازِلُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (النَّازل) dalam huruf *nun.*

As-Sunnah: السُّنَّةُ

Dari segi bahasa (السُّنَّة) dan kata jamaknya ialah (السُّنَن) yang mebawa maksud jalan. Dan perkataan as-sunnah ini telah digunakan oleh orang Arab ketika zaman jahiliah lagi iaitu sebelum Rasulullah SAW diutuskan, yang membawa maksud jalan, tidak kira sama ada jalan yang membawa kebaikan atau kejahatan. (Lisan *al-Arab*: Subjek: Sunan).

Manakala dari segi istilah pula, kebanyakan ulama menyatakan bahawa as-sunnah itu adalah setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada kata-kata, perbuatan mahupun pengakuan baginda.

Namun sebahagian ulama berpendapat bahawa perkataan *al-Hadith*membawa maksud kata-kata dan perbuatan Nabi SAW sahaja, manakala *as-sunnah* pula membawa maksud; keseluruhan kata-kata, perbuatan, pengakuan, sifat-sifat,

masa-masa diam dan segala pergerakan Nabi SAW, tidak kira sama ada ketika sedar, tidur mahupun berfsir.

Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa perkataan *as-sunnah* adalah lebih umum daripada perkataan *al-Hadith,* di mana *as-sunnah* mencakupi semua aspek yang berkaitan dengan Nabi SAW. Ini adalah pandangan sebahagian daripada ulama hadis.

Namun kebanyakan ulama hadis meletakkan takrif *as-sunnah* merangkumi seluruh perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataannya, perbuatannya, pengakuannya, serta sifat-sifatnya sama ada luaran (fizikal) mahupun dalaman (akhlak), malah sebahagian ulama menambah bahawa kata-kata sahabat dan tabiin serta perlakuan mereka turut dianggap *as-sunnah*, berdasarkan hadis Nabi SAW yang menyebut: "Hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah para khulafa' ar-rasyidin...". (Hadis riwayat Abu Dawud, kitab al - sunnah, bab al- luzoom al- sunnah, no: 4607).

Dengan takrif ini maka jelaslah bahawa *as-sunnah* dan *al-Hadith*membawa maksud yang sama.

Dan keseluruhan takrif yang diberikan oleh ulama tentang keduanya adalah membawa maksud yang hampir sama dan sebahagiannya sama dengan sebahagian yang lain.

Jenis-jenis *as-sunnah*

As-Sunnah terbahagi kepada empat jenis:

1- *As-Sunnah al-Qauliyyah* (Sunnah perkataan).
2- *As-Sunnah al-Fi'liyyah* (Sunnah perbuatan).
3- *As-Sunnah at-Taqririyyah* (Sunnah pengakuan/persetujuan).
4- *As-Sunnah al-Khilqiyyah wa al-Khuluqiyyah* (Sunnah sifat tubuh dan juga akhlak Baginda SAW).

Sila lihat makna setiap pembahagian *as-sunnah* pada hurufnya.

Sunnah mengikut pembahagian hukum syariah: السنة التشريعية

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah hadis-hadis yang membawa kepada lima hukum yang ada dalam ilmu syarak iaitu:

1- Wajib.
2- Sunat.
3- Harus.
4- Makruh.
5- Haram.

Ini adalah *al-sunnah* menurut takrifan ulama hadis, iaitu berbentuk *at-tasyri'* (pensyariatan) dan juga bukan *at-tasyri'* (bukan pensyariatan). Adapun menurut ulama usul, maka *as-sunnah* yang dimaksudkan oleh mereka hanyalah yang berbentuk *at-tasyri'*.

Sunnah pengakuan atau persetujuan nabi: السنة التقريرية

Merujuk kepada satu istilah yang menggambarkan diamnya nabi SAW daripada menegah sesuatu perkara, sama ada perkara itu perkataan atau perbuatan yang dilakukan oleh sahabat baginda ketika mana baginda ada

bersama mereka mahupun ketika baginda tidak ada di samping mereka. Jadi perbuatan diam nabi ini menggambarkan perkataan atau perbuatan yang dilakukan oleh sahabat itu ialah perkara yang diharuskan kerana sekiranya perkara tersebut perkara yang dicegah maka pasti nabi akan melarangnya kerana baginda tidak akan diam terhadap perkara yang batil.

Contoh:

Telah diriwayatkan bahawa dua orang sahabat keluar melakukan perjalanan bersama. Dalam perjalanan, mereka tidak mampu untuk mendapatkan air untuk solat. Lalu kedua mereka bertayamum dan menunaikan solat. Namun sebelum tamatnya waktu solat tersebut mereka telah berjaya mendapatkan air. Salah seorang daripada mereka mengambil wuduk dan mengulangi solatnya tadi manakala yang seorang lagi tidak mengulangi wuduk dan tidak pula mengulangi solatnya. Apabila mereka pulang bertemu dengan nabi mereka menceritakan perkara tersebut kepada nabi. Lalu Baginda berkata kepada yang mengulangi wuduk dan solatnya: "Sesungguhnya kamu telah mendapat dua pahala", dan baginda berkata kepada yang tidak mengulangi wuduk dan solatnya: "Sesungguhnya kamu telah menepati sunnah dan kamu mendapat pahala". (Hadis riwayat Abu Dawud dalam Kitab at-Taharah, Bab Fi al-Mutayamim Yajid al-Ma'. No. 338).

Jelas dalam hadis ini nabi SAW telah menyatakan persetujuannya terhadap perbuatan yang dilalukan oleh sahabat tersebut malah baginda tidak mencegahnya. Dengan sebab itu hadis sebegini dinamakan *as-sunnah at-taqririyyah* (sunnah pengakuan atau persetujuan).

Sunnah sifat tubuh dan sifat akhlak nabi: السُّنَّةُ الْخِلْقِيَّةُ والْخُلُقِيَّة

Iaitu hadis-hadis yang menyebutkan tentang gambaran sahabat terhadap sifat nabi tidak kira sifat fizikalnya mahupun sifat akhlaknya.

Sebagai contoh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bara' bin 'Azib, beliau berkata:

"كان رسولُ الله ﷺ أَحْسَنَ النَّاسِ وَجْهاً، وأَحْسَنَهُم خَلْقاً، ليس بالطَّويلِ البائنِ، ولا بالقَصيرِ".

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w mempunyai wajah yang sangat elok, akhlak yang sangat mulia, Baginda tidaklah terlalu tinggi dan tidak pula rendah". (Al-Bukhari, *al-Sahih*, Kitab al-Manaqib, Bab Sifah al-Nabi, No 3549 dan Muslim, al-Sahih, Kitab Al-Fadhail, Bab Fi Sifat al-Nabi, No 6066.).

Juga seperti kata-kata 'Ali bin Abi Talib RA yang menggambarkan tentang sifat akhlaknya :

كان: "دائمَ البِشْرِ، سهلَ الْخُلُقِ، لَيِّنَ الجانبِ، ليس بفظٍّ ولاغليظٍ، ولا صخَّابٍ ولا عيَّاب ولا مشَّاح ..."

"Rasulullah SAW adalah seorang yang sentiasa kelihatan gembira, disenangi akhlaknya, lembut pekertinya, tidak bersifat keras mahupun kasar, tidak suka terjerit-jerit dan bercakap kotor, tidak gemar mengaibkan orang serta tidak cerewet...". (Al-Tirmizi, *al-Syama'il*, Bab ma ja' fi khuluq Rasulillah SAW, no. 351).

As-Sunnah az-Zawa'id: سُنَّــةُ الزَّوَائِد

Iaitu segala perbuatan nabi SAW yang dilakukan atas dasar kebiasaannya dan adat, seperti cara bangun, cara duduk, berjalan, pemakaian, makan dan sebagainya.

Sunnah perbuatan nabi: السُّنَّةُ الفِعْلِيَّةُ

Iaitu segala perbuatan yang dilakukan oleh nabi SAW yang bukan perlakuan fitrah semulajadi, seperti cara nabi menunaikan solat, cara baginda mengambil wuduk, kaedah potong tangan terhadap pencuri, hukum yang dilakukan dengan ada saksi atau sumpah dan sebagainya.

Sunnah perkataan nabi: السُّنَّةُ القَوْلِيَّةُ

Iaitu segala kata-kata yang dikeluarkan oleh nabi SAW. Dan sunnah perkataan ini terlalu banyak sehingga dianggap sebagai majoriti hadis yang diriwayatkan ialah sunnah perkataan atau hadis yang diucapkan oleh nabi. Di sinilah kebanyakan asas pensyari'atan diambil dan di sini jugalah jelas segala penjelasan nabi. Sehingga daripada sunnah *qawliyyah* (perkataan nabi) ini juga lahirnya apa yang dinamakan *Balaghah Muhammadiyyah* (ilmu seni bahasa Nabi Muhammad), yang mana terkandung dalam hadis-hadis ini *Jawami' al-Kalim* (hadis yang melengkapi pelbagai makna dalam perkataannya) yang merupakan suatu anugerah yang khusus buat Rasulullah SAW.

Antara contoh sunnah daripada kata-kata Baginda SAW:

Kata baginda:

«مِنْ حُسْنِ إِسْلاَمِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ ما لاَ يَعْنِيهِ.

"Antara ciri baiknya Islam seseorang itu ialah dia meninggalkan apa yang tidak memberi makna buatnya". (HR al-Tirmizi, Dalam Bab-bab Zuhud, Bab Fiman Takallama bi Kalimatin. No. 2367).

As-Sunnah al-Ma'rifiyyah: السُّنَّةُ المَعْرِفِيَّةُ

Iaitu hadis-hadis yang menerangkan tentang perkara yang bukan tentang hukum syarak, dan hanya menambah pengetahuan dari sudut ilmu dan pengetahuan sahaja tentang kejadian alam dan fitrahnya, atau tentang masyarakat, ekonomi dan sebagainya dari pelbagai jenis ilmu dan juga isu.

Sunnah petunjuk: سُنَّـةُ هُدَى

Merujuk kepada perbuatan nabi SAW dalam perihal ibadah, seperti solat duha dan solat dua rakaat sebelum Subuh.

As-Sunan: السُّنَنُ

Iaitu kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis *marfu'* yang membicarakan tentang hukum dan ianya disusun berdasarkan susunan kitab fiqah. Iaitu dimulakan dengan bab bersuci, solat, zakat, haji hinggalah ke akhirnya. Kebanyakan kitab sunan ini tidak terdapat dalamnya bab-bab yang membincangkan tentang aqidah, sejarah, bab pancaroba dan kelebihan para sahabat.

Begitu juga kebanyakan kitab sunan tidak terkandung dalamnya hadis-hadis *mauquf* dan hadis-hadis *mursal*. Hal ini adalah kerana secara zahirnya kitab ini dinamakan sempena perkataan sunnah (iaitu segala yang disandarkan kepada nabi, sedangkan hadis *mauquf* ialah perkara yang disandarkan kepada

sahabat). Sekiranya terdapat hadis *mauquf* dan *mursal* dalam kitab sunan, maka hanyalah sebagai dalil penyokong dan bukan perbahasan utama.

Kitab-kitab yang dikarang dengan nama Sunan sangat banyak, dan penulis telah menceritakannya secara terperinci dalam kitab: "مصادر الحديث ومراجعه". Di sini hanya disebutkan sebahagian daripada kitab Sunan yang masyhur sahaja:

1- *Sunan al-Imam Al-Syafie* (w. 204H) iaitu diambil daripada riwayat Abu Ibrahim Isma'il bin Yahya al-Muzani al-Darimi (w. 264H), dan kemudian diambil daripada riwayat Abu Jaafar at-Tahawi (w. 321H).
2- *Sunan Sa'id bin Mansur*. Karangan Abu 'Uthman Sa'id bin Mansur bin Syu'bah al-Khurasani an-Naisaburi (w. 227H). Terkandung dalamnya beberapa hadis *mu'dhal, munqati'* dan *mursal*.
3- *Sunan Al-Darimi*. Karangan Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Abdul Rahman bin al-Fadhl al-Darimi (w. 255H). Sebahagian ulama menyatakan bahawa kitab adalah kitab Musnad dan bukan Sunan.
4- *Sunan ibn Majah*. Karangan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273 atau 275H).
5- *Sunan Abi Dawud*. Karangan Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath bin Ishaq al-Sijistani (w. 275H).
6- *Sunan al-Nasa'i*. Karangan Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H). Sunan ini juga dinamakan sebagai al-Mujtaba.
7- *Sunan ad-Daraqutni*. Karangan Abu Hasan 'Ali bin 'Umar ad-Daraqutni (w. 385H).
8- *As-Sunan al-Kubra*: Karangan Abu Bakar Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (w. 458H).
9- *As-Sunan al-Sughra*. Karangan Abu Bakar Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi (w. 458H).

Antara kitab yang juga layak untuk dimasukkan ke dalam kumpulan kitab Sunan:

1- *Kitab al-Athar*. Karangan Abu Yusuf Ya'qub bin Ibrahim al-Qadhi (w. 182H).
2- *Kitab al-Athar*. Karangan Muhammad bin al-Hasan al-Syaybani (w. 189H).
3- *Kitab al-Um*. Karangan Muhammad bin Idris al-Syafie (w. 204H). Ianya dipetik daripada riwayat ar-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi (w.270 H).
4- *Tahzib al-Athar*. Karangan Abu Jaafar Muhammad bin Jarir at-Tabari (w. 310H) Beliau meninggal sebelum sempat menyempurnakan kitab ini.
5- *Syarh Ma'ani al-Athar*. Karangan Abu Jaafar Ahmad bin Muhammad at-Tahawi (w.321H).
6- *Kitab asy-Syariah*. Karangan Abu Bakar Muhammad bin al-Husain al-Ajurri Al-Syafi'i (w.360H).

7- *Ma'rifah as-Sunan Wa al-Athar.* Karangan Abu Sulaiman Hamd bin Muhammad al-Busti al-Khattabu (w.388H).
8- *Syarh as-Sunnah.* Karangan Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud al-Farra' al-Baghawi, digelar sebagai *Muhyi al-Sunnah* (penghidup sunnah) (w.516H).

Namun sekiranya seseorang ulama menyebutkan kalimah Sunan secara umum sahaja, maka ia sebenarnya merujuk kepada empat kitab berikut:

1- *Sunan Abi Dawud.*
2- *Sunan al-Tirmizi* (Juga dinamakan dengan *Jami' al-Tirmizi*).
3- *Sunan al-Nasa'i.*
4- *Sunan ibn Majah.*

Sunan ibn Majah: سُنَنُ ابْنِ مَاجَه

Merujuk kepada kitab sunan yang berada di kedudukan keenam dalam kitab-kitab usul yang enam (atau *Kutub Sittah*). Pengarangnya ialah Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid Ibnu Majah al-Qazwaini (w. 273H atau 275H).

Kitab ini disusun berdasarkan bab-bab fiqah. Namun pengarangnya telah meletakkan bab mukadimah dalam Sunan ini yang membicarakan tentang al-Sunnah, Ilmu, Fada'il Sahabat dan juga Iman, yang menjadikan seolah-olah perbincangan yang terkandung dalam bahagian mukadimah ini tidak dianggap sebagai perbahasan kitab Sunan.

Kitab ini mengandungi 37 kitab pecahan. Dimulakan dengan Kitab *al-Sunnah* dalam bahagian mukadimah dan diikuti dengan Kitab al-Taharah serta diakhiri dengan Kitab al-Zuhd. Keseluruhan bab yang terkandung dalam kitab ini ialah 1515 bab. Bilangan hadisnya pula sebagaimana yang dicatatkan oleh Syeikh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi ialah 4341 hadis.

Kitab ini berada di kedudukan yang terbawah antara *Kutub Sittah*, dan dalamnya juga terkandung hadis-hadis daif yang bilangannya mencapai 909 hadis. Malah terdapat juga dalamnya hadis-hadis *mawdhu'* sekitar 39 hadis.

Sunan Abi Dawud: سُنَنُ أَبِي دَاوُد

Kitab yang berada di kedudukan yang keempat antara kitab hadis yang enam (*Kutub Sittah*) yang dikarang oleh al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath as-Sijistani (w. 275H).

Seperti Sunan yang lain, bab-bab yang terkandung dalamnya disusun berdasarkan turutan kitab fiqah. Padanya terkandung sebanyak 35 kitab, 1871 bab dan 5274 hadis. Kitab ini dimulakan dengan Kitab at-Taharah (Bersuci) dan diakhiri dengan Kitab al-Adab.

Sunan al-Tirmizi: سُنَنُ التِّرْمِذِيِّ

Iaitu kitab yang berada di kedudukan yang ketiga antara *Kutub Sittah.* Kitab ini dikarang oleh al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).

Kitab ini dikarang berdasarkan susunan kitab fiqah. Pengarangnya hanya menyebutkan tajuk-tajuk utama sahaja dalam kitab Sunannya ini tanpa membahagikan kitabnya kepada kitab-kitab pecahan tertentu seperti yang dilakukan oleh Abu Dawud, ibn Majah dan lain-lain. Sebagai contoh beliau hanya menyebutkan bab-bab Solat, bab-bab Zakat dan sebagainya. Bilangan bab-bab ini mencapai sebanyak 43 bab. Ianya dimulakan dengan bab-bab at-Taharah (Bersuci) dan diakhiri dengan Bab al-Manaqib (Kelebihan). Dan di bawah bab-bab inilah dinukilkan hadis-hadis dan dinamakan bab-bab tersebut dengan namanya sendiri, seperti "Bab Apa Yang Diriwayatkan Tentang Waktu-Waktu Solat", atau "Bab Apa Yang Diriwayatkan Tentang Siwak" dan sebagainya. Bilangan hadis yang terkandung dalamnya ialah 4215 hadis.

Sunan ad-Daraqutni: سُنَنُ الدَّارَقُطْنِيِّ

Sebuah kitab yang masyhur dalam bidang hadis. Pengarangnya ialah al-Imam Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar Ad-Daraqutni (w. 385H). Seperti sunan yang lain kitab ini disusun berdasarkan bab-bab fiqah. Pengarangnya menulis kitab ini atas tujuan menerangkan *'ilal* yang terdapat dalam kitab Sunan. Hanya sedikit sahaja hadis yang ada dalamnya tidak mempunyai *'ilal*.

Sunan al-Darimi: سُنَنُ الدَّارِمِيِّ

Salah sebuah kitab hadis yang masyhur. Kitab ini dikarang oleh al-Imam Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman bin al-Fadhl bin Buhram al-Darimi (w. 255H). Kitab ini disusun berdasarkan bab-bab kitab fiqah. Kitab ini dimulakan dengan mukadimah yang panjang terkandung dalamnya bab-bab yang menceritakan tentang *Syama'il Nabi*, tuntutan dalam mengikuti sunnah, adab-adab fatwa dan kelebihan ilmu.

Pengarang memulakan kitab ini dengan Kitab at-Taharah (bersuci) dan diakhiri dengan bab Kelebihan al-Quran. Bilangan hadis yang terkandung dalamnya adalah sebanyak 3503 hadis. Antara kelebihan kitab ini ialah hadis daif yang terkandung dalamnya amat sedikit.

As-Sunan al-Kubra: السُّنَنُ الْكُبْرَى

Ada dua buah kitab dalam bidang hadis yang masyhur dengan judul ini:

Pertama, dikarang oleh al-Imam Abu Bakar Ahmad bin al-Husain bin 'Ali al-Baihaqi (w. 458H). Kitab ini dianggap sebagai kitab rujukan bagi dalil-dalil hukum yang digunakan oleh al-Imam al-Syafie dalam mazhabnya.

Kedua, dikarang oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H). Kedua-dua kitab ini disusun berdasarkan bab-bab fiqah menurut susunan kitab-kitab pecahan dan juga bab-bab kecil.

Sunan al-Nasa'i: سُنَنُ النَّسَائِيِّ

Kitab yang berada di kedudukan yang kelima antara *Kutub Sittah*. Kitab ini juga dinamakan dengan *al-Mujtaba*. Pengarangnya ialah al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Kitab ini disusun berdasarkan bab-bab fiqah. Penulis kitab ini telah muncul dengan satu idea baharu dalam kitabnya di mana beliau telah mempelbagaikan

tajuk perbahasan dan terkandung dalamnya tajuk yang merangkumi ilmu riwayah dan dirayah dalam hadis. Begitu juga diselitkan dalam kitab ini ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan pengajaran-pengajaran dalam bab fiqah disentuh dengan banyak.

Dalamnya terkandung 51 kitab, dimulakan dengan Kitab *at-Taharah* (Bersuci) dan diakhiri dengan kitab *al-Asyribah* (Perihal Minuman). Penulis telah melengkapkan dalam setiap bab daripada bab-bab kitab yang banyak itu dengan judul-judul tertentu, dan terkandung di bawah judul-judul bab tersebut pula matan-matan hadis yang berkaitan. Bilangan hadis yang terkandung dalamnya mencapai jumlah 5761 hadis.

Sunan yang Empat: السُّنَنُ الأَرْبَعَةُ

Yang dimaksudkan dengan sunan yang empat ini ialah:

1- *Sunan Abi Dawud.* Karangan al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- *Sunan ibn Majah.* Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H)
3- *Sunan al-Tirmizi.* Karangan al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
4- *Sunan al-Nasa'i.* Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Sunan yang Enam: السُّنَنُ السِّتَّةُ

Ia adalah istilah lain bagi *al-Kutub al-Sittah, al-Usul al-Sittah, al-Ummahat al-Sitt* dan *al-Sihah al-Sittah*, meskipun istilah *al-Sihah al-Sittah* dan *al-Sunan al-Sittah* itu kurang tepat. Yang dimaksudkan dengan sunan yang enam ini ialah:

1- *Sahih al-Bukhari.*
2- *Sahih Muslim.*
3- *Sunan Abi Dawud.* Karangan al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- *Sunan ibn Majah.* Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273H).
5- *Sunan al-Tirmizi.* Karangan Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
6- *Sunan al-Nasa'i.* Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Disetarakan oleh si polan: سَوَّاهُ فُلاَنٌ

Dari segi bahasa perkataan (سَوَّى) yang mana kata terbitannya (تسوية) membawa maksud menyamakannya, iaitu menjadikan sesuatu itu sama.

Dari segi istilah: iaitu menggugurkan daripada sanad sesuatu hadis itu seorang perawi yang lemah yang berada di tengah-tengah dua orang perawi yang

thiqah. Perkara ini juga dikenali sebagai *tadlis taswiyyah*. Sila lihat maknanya pada huruf *ta'*.

Hafalan yang buruk, ingatan yang tidak kuat: سُوْءُ الْحِفْظِ

Merujuk kepada sebab yang kesepuluh daripada sebab-sebab seorang perawi itu dituduh sebagai daif. Dan yang dimaksudkan dengannya ialah perawi tidak mampu untuk memastikan yang mana satu riwayatnya yang betul dan mana pula yang salah. (Sila lihat *Syarh an-Nukhbah*: 154).

Iaitu kebanyakan riwayat perawi tersebut adalah salah.

سُوْءُ الْحِفْظِ الْمُلَازِمُ لِلرَّاوِي

Hafalan buruk yang melazimi perawi (lemah ingatan yang kerap pada perawi):

Iaitu keadaan lemah ingatannya memang sudah terhasil daripada awal lagi, malah keadaan ini menjadi suatu yang lazim dalam hidupnya. Hadisnya ini dinamakan sebagai *syaz* menurut ahli hadis.

سُوْءُ الْحِفْظِ الطَّارِيءِ عَلَى الرَّاوِي

Hafalan buruk (lemah ingatan) yang menimpa tiba-tiba kepada perawi:

Iaitu keadaan lemah ingatan yang secara tiba-tiba menimpa perawi. Keadaan ini berlaku atas sebab-sebab berikut:

1- Setelah mencapai usia tua. Seperti 'Ata' bin al-Sa'ib yang mula menjadi pelupa setelah tua.
2- Hilang ingatan secara tiba-tiba, seperti 'Abd al-Razzaq bin Hammam as-San'ani yang mana beliau menjadi pelupa setelah buta dalam usia tua.
3- Kitab yang menjadi rujukan perawi terbakar. Seperti 'Abd Allah bin Lahi'ah, kitabnya terbakar sedangkan ia adalah rujukan penting untuk beliau menyampaikan hadis.

Dan terdapat juga sebab-sebab yang lain. Perawi yang ditimpa sifat lupa secara tiba-tiba ini dinamakan sebagai *al-Mukhtalit* (المُختلط) iaitu pemikirannya bercampur. Ingatan yang bercampur ini menandakan kerosakan akal atau perubahan yang berlaku padanya. Sila lihat takrifnya dalam huruf *mim*.

Mengharuskan: سَوَّغَ

Dari segi bahasa perkataan (سَوَّغَ) dan kata terbitannya (تسويغ) membawa maksud mengharuskan sesuatu.

Dari segi istilah pula merujuk kepada salah satu daripada lafaz yang digunakan dalam menyampaikan hadis bagi orang yang mengambil riwayat sesuatu hadis dengan cara si guru memberikan peng*ijazah*an kepada seseorang perawi untuk menyampaikan hadis yang diambil daripada guru tersebut. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi:* 2/39).

سَوَّغَ لِي أَنْ أَرْوِيَ عَنْهُ

Dia telah membenarkan aku untuk meriwayatkan daripadanya:

Sila lihat maknanya pada perkataan (سَوَّغَ).

Sin Ya سي

Merupakan simbol yang digunakan dalam kitab *al-Tarajum* bagi menunjukkan bahawa hadis tersebut telah diriwayatkan oleh al-Nasa'i dalam kitabnya (عمل اليوم والليلة).

Orang yang berhafalan buruk (lemah ingatan): سَيِّـــئُ الْحِفْظِ

Merupakan salah satu daripada lafaz *al-jarh* yang lebih merujuk pada daya ingatan perawi dan bukan pada sifat adilnya. Lafaz ini berada pada peringkat yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-jarh* di sisi al-Hafiz al-'Iraqi.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis tetapi hanya untuk dijadikan sebagai hadis *dalil penyokong* sahaja (hadis yang digunakan untuk kajian perbandingan antara sanad).

Struktur, gaya, bentuk: السِّيَاقُ

Dari segi bahasa perkataan (السِّيَاق) ialah kata terbitan bagi perkataan (ساقَ - يَسُوْقُ) yang membawa maksud; tempat laluan kata-kata, secara berturut-turut dan bertali-temali.

Dari segi istilah: ialah hal keadaan (bentuk) yang diriwayatkan dengannya sesuatu sanad ataupun matan.

Sirah Nabi SAW: السِّيْرَةُ

Dari segi bahasa; sirah (السيرة) dan kata jamaknya (سِيَر) membawa maksud; jalan. Antara maknanya juga ialah perjalanan dan keadaan. Sirah seorang individu ialah perjalanan hidup seseorang. (*Lisan al-Arab* 4/389-390).

Dari segi istilah ialah; perjalanan yang dilalui oleh nabi SAW sepanjang hidupnya, semenjak baginda dilahirkan sehinggalah tarikh wafatnya, iaitu keseluruhan peristiwa yang berlaku di antara tempoh itu.

حرف الشِّين

HURUF SYIN

Syin: ش

Ia adalah yang digunakan dalam sebahagian kitab hadis bagi merujuk kepada ibn Abi Syaybah dalam kitab *Musannaf*nya, atau al-Imam al-Syafie dalam *Musnad*nya, yang mengeluarkan sesuatu hadis itu.

Sebahagian *muhaddithin* menggunakannya sebagai simbol kepada perkataan: حاشية. Ia juga digunapakai oleh sebahagian pensyarah-pensyarah hadis dalam kitab-kitab syarah mereka sebagai simbol kepada perkataan: الشرح.

Al-Syaz: الشَّاذّ

Dari sudut bahasa: الشَّاذ ialah kata nama pembuat daripada perkataan شَذَّ يَشِذُ yang bermaksud: Sesuatu yang bersendirian/berasingan daripada kumpulan yang banyak dan bertentangan dengan mereka.

Dari sudut istilah: Ia adalah sesuatu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang *thiqah* atau *maqbul*, dan ia bertentangan dengan periwayatan perawi yang lebih utama daripadanya dari sudut hafalan, ketekunan atau banyaknya riwayat.

Dengan pengertian ini, maka sesuatu hadis yang *syaz* disyaratkan dengan syarat-syarat berikut:

1. Mestilah perawinya *thiqah*, atau perawi *maqbul* yang bersendirian membawa riwayat tersebut.
2. Mestilah bercanggah/bertentangan dalam periwayatannya dengan perawi yang lebih utama daripadanya, dari sudut penerimaan hadis. Maksud bertentangan ialah: Tidak dapat digabungkan antara riwayatnya dan riwayat selain daripadanya.

Pembahagian *al-Syaz*

Al-Syaz berdasarkan kepada kedudukannya dalam hadis dibahagikan kepada dua bahagian; *Syaz* pada sanad dan *syaz* dalam matan. Berikut ialah pengertian bagi setiap bahagian itu.

Bahagian Pertama; *Al-Syaz* pada sanad:

Iaitu bertentangan/bercanggah seorang perawi *thiqah* dalam meng*isnad*kan sesuatu hadis dengan apa yang masyhur di sisi perawi-perawi *thiqah* yang lain.

Contohnya:

Dikeluarkan oleh al-Tirmizi melalui sanad: Sufyan bin 'Uyainah daripada 'Amr bin Dinar, daripada 'Awsajah daripada ibn 'Abbas r.a.: Seorang lelaki meninggal dunia pada zaman Rasulullah SAW, beliau tidak meninggalkan

seorang pun pewaris kecuali seorang hamba yang telah dimerdekakan, maka nabi SAW menyerahkan harta pusaka peninggalannya kepadanya. (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam Abwab al-Faraid, Bab Mirath al-Maula al-Asfal, no. 206)

Hadis ini diriwayatkan juga oleh al-Nasa'i melalui sanad ibn Juraij daripada 'Amr bin Dinar daripada 'Awsajah daripada ibn 'Abbas: Sesungguhnya seorang lelaki... (Diriwkan oleh al-Nasa'i dalam al-Sunan al-Kubra dalam Kitab al-Faraid. No 6406).

Maka Sufyan bin 'Uyainah dan ibn Juraij meriwayatkan hadis ini secara bersambung dan *marfu'* (disandarkan kepada nabi SAW), yang disandarkan kepada baginda oleh 'Abd Allah ibn 'Abbas r.a. Tetapi Hammad bin Zayd - seorang perawi *thiqah* – meriwayatkannya secara *mursal* (digugurkan nama ibn 'Abbas) di mana beliau berkata dalam riwayatnya: Daripada 'Amr bin Dinar daripada 'Awsajah: Sesungguhnya seorang lelaki... (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dalam Kitab al-Faraid, no. 6410).

Maka dengan ini jelas bahawa riwayat Hammad bin Zayd dihukumkan sebagai *syaz*, manakala riwayat 'Abd al-Malik bin Juraij dan Sufyan bin 'Uyainah dihukumkan sebagai terpelihara (*mahfuz*).

Bahagian Kedua; *Syaz* pada matan:

Iaitu seorang perawi *thiqah* yang bertentangan dalam meriwayat lafaz-lafaz sesuatu hadis dengan seorang perawi yang lebih *thiqah* atau lebih utama daripadanya.

Contohnya:

Hadis al-Mughirah bin Syu'bah daripada nabi SAW: Sesungguhnya baginda berwuduk dan menyapu di atas kedua *khuf*nya. Riwayat ini dikeluarkan oleh sebilangan besar daripada perawi hadis, mereka ialah: 'Urwah, Hamzah yang kedua-duanya ialah anak al-Mughirah, Masruq bin al-Ajda', al-Zuhri, al-Aswad bin Hilal, Rawwad Katib (penulis) al-Mughirah dan selain mereka, semuanya daripada al-Mughirah bin Syu'bah. (Hadis ini dikeluarkan oleh penyusun-penyusun *Kutub Sittah* kecuali al-Nasa'i).

Huzail bin Syurahbil meriwayatkan dengan cara yang bertentangan dengan kesemua perawi yang ada, beliau meriwayatkan daripada al-Mughirah dengan lafaz: Sesungguhnya Rasulullah SAW menyapu di atas dua stoking baginda dan dua seliparnya. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam Sunannya dalam Kitab: no. 159).

Penambahan ini dianggap sebagai penambahan yang *syaz* dalam matan, maka dihukumkan riwayat Huzail sebagai *syaz*.

Hukum Syaz:

Hadis *syaz* adalah daif, dan ditolak. Hal ini disebabkan perawinya walaupun seorang yang *thiqah*, tetapi kerana dia membawa sesuatu yang bertentangan dengan perawi yang lebih utama daripadanya, menunjukkan bahawa perawi tersebut tidak menghafal riwayat yang bertentangan tersebut. Oleh kerana itu, kita hanya menerima periwayatan seorang yang lebih hafal dan menolak riwayat yang bertentangan dengannya.

Syaz sanadnya: شَاذُّ الإِسْنَادِ

Lihat: الشَّاذُّ فِي السند dalam الشَّاذ.

Syaz dari sudut sanad: الشَّاذُّ سَنَداً

Lihat: الشَّاذُّ في السند pada الشَّاذ.

Syaz matannya: شَاذُّ الْمَتْنِ

Lihat: الشَّاذُّ في المتن pada الشَّاذ.

Syaz dari sudut matan: الشَّاذُّ مَتْناً

Lihat: الشَّاذُّ في المتن pada الشَّاذ.

Syaz yang ditolak: الشَّاذُّ الْمَرْدُوْدُ

Iaitu suatu riwayat yang bersendirian dalam meriwayatkannya seorang perawi, yang tidak ada dalam periwayatannya itu sifat *thiqah* dan juga *dabt* yang dapat menyokong riwayat secara sendirian tersebut. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/263).

***Al-Syaz al-Munkar*:** الشَّاذُّ الْمُنْكَرُ

Sesuatu riwayat yang diriwayatkan secara bersendirian oleh seorang perawi yang tidak *thiqah* dan juga tidak *dabit.* (Lihat: *al-Nukat 'Ala Muqaddimah ibn al-Salah* oleh al-Zarkasyi: 1/115).

Orang yang licik, pintar: شَاطِرٌ

Dari sudut bahasa الشاطر ialah kata nama pembuat daripada perkataan شَطَرَ يَشطُر yang bermaksud orang yang menyusahkan orang lain secara jahat.

Dari sudut istilah: Jika ungkapan ini diberikan kepada seorang perawi, maka ia merupakan *al-jarh* (kritikan) yang berat pada agama dan sifat adilnya.

Hukumnya:

Perawi yang memiliki sifat ini, tidak boleh dijadikan hujah.

Beliau berbicara denganku secara lisan: شَافَهَنِي

Iaitu: Saya mendengar perkataan daripada mulutnya secara langsung. Ungkapan ini digunakan oleh ulama mutakhir terhadap sesuatu yang di*ijazah*kan dengan lisan (peng*ijazah*an). (*Tadrib al-Rawi*: 2/53).

Penyaksi, penyokong: الشَّاهِدُ

Dari sudut bahasa: الشاهد dan jamaknya شَوَاهِد bermaksud: dalil, bukti, penyaksi, penyokong.

Dari sudut istilah: Iaitu seorang sahabat r.a. yang meriwayatkan matan hadis yang turut diriwayatkan oleh sahabat r.a. yang lain dengan lafaznya (yang sama) atau makna yang sama. Setiap hadis daripada sahabat r.a. tersebut dianggap sebagai *syahid* (penyokong) kepada hadis sahabat r.a. yang seorang lagi.

Mirip, serupa: شِبْهٌ

Dari sudut bahasa شِبْهٌ dan jamaknya ialah أَشْبَاهٌ bermaksud: مِثْل serupa atau قريبٌ مِن hampir sama.

Dari sudut istilah: Lafaz ini digunakan *muhaddithin* dengan membawa makna: (درجةٍ قريبةٍ من في) "pada darjat yang hampir dari...", misalnya seperti kata-

kata mereka terhadap martabat sesuatu hadis: (حديثٌ شبهُ ضعيفٍ) "suatu hadis yang hampir kepada daif", iaitu pada martabat yang amat hampir dengan martabat daif. Begitu juga kata-kata mereka terhadap seorang perawi seperti: (فلانٌ شبهُ متروكٍ) "si polan hampir kepada martabat *matruk*".

Gambar rajah (diagram) isnad-isnad: شَجَرَةُ الأَسَانِيْد

Ia adalah gambaran yang tersusun (teratur) yang menjelaskan perjalanan perpindahan sesuatu riwayat dan cabang-cabangnya antara para perawi yang meriwayatkannya. Bermula daripada nabi SAW sehinggalah ke penghujung *isnad.* Dengan gambaran (rangkaian) ini dapat diketahui tempat-tempat yang bersambung (sanad) dan terputus, *irsal* dan *i'dal* dan sebagainya daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan *isnad* hadis.

Syuzuz: الشُّذُوْذُ

Dari sudut bahasa الشذوذ adalah kata nama terbitan bagi perkataan شَذَّ يَشِذُّ yang bermaksud: Berpaling/berasingan seseorang lelaki daripada suatu kumpulan dan bertentangan dengan mereka.

Dari sudut istilah: Ia adalah pertentangan riwayat seorang perawi yang *thiqah* dengan perawi yang lebih *thiqah* daripadanya, atau dengan sekumpulan perawi yang *thiqah*. Lihat: الشَّاذ.

Syarat *al-Bukhari:* شَرْطُ الْبُخَارِيِّ

Iaitu seorang pengarang kitab mendatangkan sebuah hadis yang diriwayatkan dengan suatu sanad yang para perawinya merupakan para perawi al-Bukhari dalam kitab Sahihnya, di samping wujudnya baki syarat-syarat sahih yang lain.

شَرْطُ الشَّيْخَيْنِ أو أَحَدِهِمَا

Syarat *al-syaikhain*, atau syarat salah seorang daripada mereka:

Iaitu seorang pengarang kitab mendatangkan sebuah hadis yang diriwayatkan dengan suatu sanad yang para perawinya merupakan para perawi *al-Syaikhain*, iaitu al-Bukhari dan Muslim dalam kitab Sahih mereka, di samping wujudnya baki syarat-syarat sahih yang lain.

Syarat Muslim: شَرْطُ مُسْلِمٍ

Iaitu seorang pengarang kitab mendatangkan sebuah hadis yang diriwayatkan dengan suatu sanad yang para perawinya merupakan para perawi Muslim dalam kitab Sahihnya, di samping wujudnya baki syarat-syarat sahih yang lain.

Syarah-syarah Hadis: شُرُوْحُ الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa: الشروح adalah jamak bagi شَرْحٌ iaitu setiap kitab yang menerangkan suatu makna yang jauh untuk difahami dengan makna yang hampir dan diketahui bagi sesuatu matan yang mengandungi kesamaran (dari segi maksudnya).

Dari sudut istilah: Maksud الشروح adalah kitab-kitab yang disusun oleh penulis-penulisnya bagi mensyarah dan menghuraikan matan-matan hadis, mentafsirkan lafaz-lafaznya yang *gharib* (jarang diketahui), menerangkan makna-maknanya, membicarakan tentang sanad-sanadnya dari sudut perbincangan seni ilmu hadis, serta menjelaskan pengajaran-pengajaran yang berkaitan dengan hukum hakam dan faedah-faedah yang dapat diperolehi daripadanya.

Di sini akan dinyatakan kitab-kitab syarah yang masyhur yang hanya mensyarah sebuah kitab tertentu antara kitab-kitab hadis yang utama:

1. Syarah-syarah *Sahih al-Bukhari*:

1. إعلام السُّنن في شرح صحيح البخاري: oleh Abu Sulayman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Khattabu (w 388H) dinamakan juga: الإعلام بشرح ما أشكل في البخاري على الأفهام dan: إعلام المحدِّث.
2. شواهد التوضيح والتصحيح: oleh Jamal al-Din Muhammad bin 'Abd Allah bin Malik al-Nahwi yang lebih dikenali dengan ibn Malik (w 672H).
3. الكواكب الدُّراري في شرح صحيح البخاري: oleh Muhammad bin Yusuf bin 'Ali al-Baghdadi lebih dikenali dengan Syams al-Din al-Kirmani (w 786H).
4. التنقيح لألفاظ الجامع الصحيح: oleh Muhammad bin 'Abd Allah bin Bahadur al-Misri al-Syafi'i yang lebih dikenali sebagai Badr al-Zarkasyi (w 794H).
5. فتح الباري شرح صحيح البخاري: oleh al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).
6. عُمدة القاري شرح صحيح البخاري: oleh al-Imam Mahmud bin Muhammad Badr al-'Ayni (w 856H).
7. التوشيح على الجامع الصحيح: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
8. إرشاد السَّاري إلى شرح صحيح البخاري: oleh al-Syihab Ahmad bin Muhammad al-Khatib al-Qastallani (w 923H).
9. فيض الباري على صحيح البخاري: oleh al-Syeikh Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri (w 1352H).
10. السلسبيل الجاري في شرح صحيح البخاري: oleh al-Syeikh Musa Syahin Lasyin (w 1430H).
11. كشف الباري شرح صحيح البخاري: oleh al-Syeikh Muhammad Salim Allah Khan.
12. فيض الباري في شرح صحيح البخاري: oleh Dr. Ahmad 'Umar Hasyim, tetapi beliau tidak menyempurnakannya. Hanya sampai di penghujung Kitab al-'Ilm sahaja.

2. Syarah-syarah *Sahih Muslim*

1. المُعْلِم بفوائد كتاب مسلم: oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Ali bin 'Umar al-Tamimi al-Mazuri (w 536H).
2. إكمال المُعْلِم بفوائد كتاب مسلم: oleh al-Qadi 'Iyad bin Musa al-Yahsubi al-Sabti (w 544H).
3. المُفهِم لما أشكل من تلخيص صحيح مسلم: oleh Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Umar bin Ibrahim al-Ansari al-Qurtubi yang lebih dikenali dengan Ibn al-Muzayyin (w 656H).
4. المِنهاج في شرح صحيح مسلم بن الحجّاج: oleh al-Imam Muhyi al-Din Abu Zakaria, Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w 676H).
5. إكمالُ إكمال المُعْلِم بفوائد كتاب مسلم: oleh Muhammad Khilfah bin 'Umar al-Wisytani al-Maliki al-Ubayyi (w 827H).
6. الدِّيباج على صحيح مسلم ابن الحجّاج: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
7. فتح المُلْهِم في شرح صحيح مسلم: oleh al-'Allamah Syabbir Ahmad al-'Uthmani. Syarah ini tidak lengkap dan disempurnakan kemudian oleh Syeikh Muhammad Taqiy al-'Uthmani.
8. إلهام المُلْهِم في شرح صحيح مسلم: oleh al-Syeikh Syams al-Din bin Syahir Muhammad al-Qadi (w 1415H).
9. منة المنعم في شرح صحيح مسلم: oleh al-Syeikh Safiy al-Rahman bin 'Abd Allah al-Mubarakfuri (w 1427H).
10. فتح المنعم شرح صحيح مسلم: oleh Syeikh Dr. Musa Syahin Lasyin (w 1430H).
11. المُعلم بشرح أحاديث من صحيح مسلم: oleh al-Syeikh Sa'ad Muhammad SyalAbu.
12. غنية المسلم من شرح صحيح مسلم: oleh Ustaz Yahya 'Isma'il.

3. Syarah-syarah *Sunan Abi Dawud*

1. معالم السُّنن: oleh Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Khattabu (w 388H).
2. تهذيب سُنن أبي داود: oleh Muhammad bin Abu Bakr al-Dimasyqi yang dikenali sebagai Ibn Qayyim al-Jauziyyah (w 751H).
3. شرح سنن أبي داود: oleh Siraj al-Din 'Umar bin Raslan bin Nasir al-Bulqini (w 805H).
4. مِرْقَاة الصُّعود إلى سنن أبي داود: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
5. عَوْن المعبود شرح سُنن أبي داود: oleh al-Syeikh Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi (w 1329H).
6. بذل المجهود في حَلّ سنن أبي داود: oleh al-Syeikh Khalil bin Ahmad al-Saharanfuri (w 1346H).

7. المنهل العذب المورود شرح سنن أبي داود: oleh al-Syeikh Mahmud Khattab al-Subki (w 1352H). Kitab ini tidak lengkap dan disempurnakan kemudian oleh anaknya Syeikh Amin Mahmud Khattab al-Subki (w 1387H) dengan judul: فتح الملك المعبود تكملة المنهل العذب المورود شرح سنن الإمام أبي داود.
8. أنوار المحمود على سنن أبي داود: oleh al-Syeikh Muhammad Siddiq al-Najib Abadi.

4. Syarah-syarah *Sunan al-Tirmizi*

1. عارضة الأَحْوَذي في شرح سنن الترمذي: oleh al-Qadi Abu Bakr Muhammad bin 'Abd Allah al-Isybili yang lebih dikenali dengan ibn al-'Arabi (w 543H).
2. النَّفح الشَّذي شرح جامع الترمذي: oleh Abu al-Fath Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ya'muri yang dikenali dengan ibn Sayyid al-Nas (w 734H).
3. شرح سنن الترمذي: oleh al-Hafiz 'Abd al-Rahim bin al-Husayn al-'Iraqi (w 806H).
4. قُوت المغتذي على جامع الترمذي: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
5. العُرف الشَّذي على جامع الترمذي: oleh al-Syeikh Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri (w 1342H).
6. تحفة الأحوذي شرح جامع الترمذي: oleh al-Syeikh Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri (w 1353H).
7. معارف السُّنن: oleh al-Syeikh Muhammad Yusuf al-Binnawri (w 1397H).
8. الطيب الشذي في شرح الجامع الترمذي: oleh al-Syeikh Isyfaq al-Rahman al-Siddiqi (w 1377H).
9. تحفة الألمعي شرح سنن الترمذي: oleh al-Syeikh Muhammad Sa'id al-Balanburi.
10. منهاج السنن شرح جامع السنن للإمام الترمذي: oleh al-Syeikh Muhammad Farid al-Zarburi.

5. Syarah-Syarah *Sunan al-Nasa'i*

1. زَهر الرُّبى على المُجْتَبَى: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
2. حاشية السِّنْدِي على المجتبى: oleh Abu al-Hasan Muhammad Abd al-Hadi al-Sindi (w 1138H).
3. شروق أنوار الْمِنَن الكبرى الإلهية بكشف أسرار السُّنن الصغرى النسائية: oleh al-Syeikh Muhammad al-Mukhtar bin Muhammad al-Jakni al-Syanqiti (w 1405H) tidak disempurnakannya.
4. التعليقات السلفية على سنن النسائي: oleh al-Syeikh Muhammad 'Ata Allah Hanif al-Fujiani (w 1409H).

5. ذخيرة العُقْبَى في شرح المجتبى Yang dinamakan dengan شرح سنن النسائي: oleh al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Adam al-Athyubi al-Walawi, yang merupakan syarah yang paling besar.
6. بذل الإحسان بتقريب سنن النسائي أبي عبد الرحمن: oleh al-Syeikh Abu Ishaq al-Huwini al-Athari, tidak disempurnakan.

6. Syarah-syarah *Sunan ibn Majah*

1. الإعلام بسُنّتِه عليه السلام: oleh 'Ala' al-Din Mughultay bin Qalij (w 762H).
2. ما تَمَسُّ إليه الحاجة على سُنن ابن ماجه: oleh Siraj al-Din 'Umar bin 'Ali bin al-Mulaqqin (w 804H).
3. الدِّيباجة في شرح سُنن ابن ماجه: oleh al-Kamal Muhammad bin Musa al-Damiri (w 808H).
4. مصباح الزُّجاجة في زوائد ابن ماجه: oleh Ahmad bin Abu Bakr bin Isma'il al-Busiri (w 840H).
5. مصباح الزُّجَاجة على سُنن ابن ماجه: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
6. مفتاح الحاجة بشرح سنن ابن ماجه: oleh al-Syeikh Muhammad bin 'Abd Allah al-'Alawi yang dikenali dengan Jiwan bin Nur al-Din al-Fanjani (w 1366H).
7. الكواكب الوهَّاجة بشرح سنن الإمام الحافظ أبي عبد الله ابن ماجه: oleh al-Syeikh Muhammad al-Muntaqa al-Kasynawi al-Kumasi.
8. إهداء الديباجه بشرح سنن ابن ماجه: oleh al-Syeikh Safa' al-Dawiy Ahmad al-'Adawi.

7. Syarah-syarah *al-Muwatta' Imam Malik*

1. التمهيد لِمَا في الموطأ مِن المعاني والأسانيد: oleh al-Hafiz Yusuf bin 'Abd Allah ibn 'Abd al-Barr al-Nimri al-Qurtubi (w 463H).
2. الاستذكار لمذاهب فقهاء الأمصار وعلماء الأقطار فيما تضمّنه الموطّأ من معاني الرأي والآثار: oleh ibn 'Abd al-Barr juga, dan syarahnya adalah dalam bentuk yang ringkas.
3. المنتقى شرح موطأ إمام الهجرة مالك بن أنس: oleh Abu al-Walid Sulayman bin Khalaf bin Sa'ad al-Baji al-Andalusi (w 474H).
4. القَبَس في شرح موطّأ مالِك بن أنس: oleh Abu Bakr Muhammad bin 'Abd Allah bin Muhammad yang dikenali dengan ibn al-'Arabi (w 543H).
5. تنوير الحوالك شرح على موطّأ مالك: oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H).
6. أنوار الكواكب أبهج المسالك بشرح موطأ الإمام مالك atau شرح الزُّرْقَاني: oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd al-Baqi bin Yusuf al-Zarqani (w 1122H).
7. المُسَوَّى شرح الموطأ: oleh al-Imam Ahmad bin 'Abd al-Rahim yang dikenali dengan Syah Wali Allah al-Dihlawi (w 1176H).

8. دليلُ السَّالك إلى موطأ مالك: oleh Muhammad HAbub Allah bin Ma Yaba al-Jakni al-Syanqiti (w 1363H).
9. التعليق الممجَّد على موطأ الإمام محمد: oleh al-Imam Abu al-Hasanat 'Abd al-Hayy al-Laknawi (w 1304H). *Syarah al-Muwatta'* dengan riwayat Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani.
10. أوجز المسالك إلى موطأ مالك: oleh al-Muhaddith al-Syeikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (w 1402H).
11. المضيء في شرح الموطأ: oleh al-Syeikh Ahmad 'Abd Allah Farhud.

Dan sebagainya daripada syarah-syarah bagi kitab-kitab hadis yang lain. Di sini, penulis hanya sekadar menyebut kitab-kitab hadis yang utama. Sesiapa yang ingin mengetahui syarah-syarah yang lain, maka bolehlah dia merujuk kitab: الشروح الحديثية: دراسة وتعريف.

Belah: الشَّقُّ

Dari sudut bahasa الشَّقُّ adalah kata nama terbitan bagi perkataan شَقَّ يَشُقُّ yang bermaksud: الصَّدْعُ belahan, atau شق العصا iaitu membezakan, seolah-olah ia membezakan antara penambahan dan yang sebelumnya, dan yang selepasnya daripada sesuatu yang thabit dengan membuat tanda الضرب.

Dari sudut istilah: Ia menggariskan suatu garisan di atas perkataan yang salah atau silap dengan garisan yang jelas, yang menunjukkan ia (perkataan tersebut) terbatal dengan sebab ia bercampur dengannya (yakni dengan permulaan perkataannya) dan tidak pula dihilangkannya, bahkan perkataan (di bawah garisan tersebut) masih boleh dibaca. (lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/84- 85).

Ia juga adalah perkataan lawan bagi الضَّرْب pada istilah ahli *al-Maghrib* (ulama dunia Islam sebelah Barat), sepertimana الضَّرْب adalah dari segi istilah ahli *al-Masyriq* (ulama dunia Islam sebelah Timur).

Baris bacaan: الشَّكْلُ

Dari sudut bahasa الشَّكْلُ ialah kata nama terbitan bagi perkataan شَكَلَ يَشْكُلُ yang bermaksud: Menetapkan sebuah penulisan dengan *i'rab*nya (iaitu dengan baris) seperti baris hadapan, baris atas, baris bawah dan baris mati, contohnya seperti baris pada kalimah (عُمَيْر). Atau dengan menggunakan perkataan, seperti disebut dalam membariskan perkataan (عمير): "Dengan baris hadapan huruf *'ain*, baris atas huruf *mim*, baris mati huruf *ya'* yang memiliki dua titik di bawah, dan akhirnya adalah huruf *ra'* yang tidak bertitik".

Baris hadis: شَكْلُ الْحَدِيْثِ

Lihat: الشَّكْلُ.

Al-Syama'il: الشَّمَائِلُ

Dari sudut bahasa: الشَّمائل ialah jamak bagi perkataan الشَّمَال yang bermaksud tabiat dan akhlak.

Dari sudut istilah, maksud perkataan ini jika diungkap secara mutlak ialah yang berkaitan akhlak nabi SAW serta hal ehwal kehidupan baginda.

Ia juga bererti sejenis karya khas di kalangan *muhaddithin* yang maksudnya ialah suatu kumpulan hadis-hadis tentang akhlak nabi SAW dan kesempurnaan sifat-sifat baginda.

Antara kitab-kitab yang masyhur dalam bidang ini ialah:

1. الشمائل النبوية والخصائص الْمُصْطَفَوِيَّة: oleh al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H). Kitab ini mempunyai banyak syarah, antaranya ialah: جمع الوسائل في شرح الشمائل oleh al-'Allamah 'Ali bin Sultan Muhammad al-Qari (w 1016H).
2. شمائل الرسول ودلائل نبوّته وفضائله وخصائصه: oleh al-Hafiz Abu al-Fida' 'Imad al-Din Ibn Kathir (w 774H).
3. نضرة النعيم في مكارم أخلاق الرسول الكريم ﷺ: Disediakan oleh sekumpulan ulama pakar di bawah penyeliaan Syeikh Salih 'Abd Allah bin Humaid. Ia merupakan sebuah ensiklopedia terbesar berkaitan *syama'il* nabi SAW serta kelebihan-kelebihan baginda.

Al-Syama'il al-Nabawiyyah: الشَّمَائِلُ النَّبَوِيَّةُ

Lihat: الشمائل.

Al-Syawahid: الشَّوَاهِدُ

Lihat: الشَّاهِدُ.

Seorang syeikh kecil: شُوَيْخٌ

Dari sudut bahasa شُوَيْخٌ adalah kata nama yang dikecilkan (*tasghir*) bagi kalimah شيخ yang bermaksud; seorang yang sudah berumur selepas tahap dewasa, dan seorang yang telah habis usia mudanya. Kemudian lafaz ini diberikan kepada setiap orang yang diambil ilmu daripadanya, hal ini disebabkan kebiasaannya hal keadaan mereka orang yang sudah berumur.

Dari sudut istilah: Lafaz ini digunakan oleh *muhaddithin* pada seorang perawi yang memiliki sedikit riwayat dan tidak boleh dijadikan hujah. Ia adalah martabat antara *al-ta'dil* dan *al-jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi berkata ketika membicarakan biografi al-'Abbas bin al-Fadl al-'Adni: Telah mendengar daripadanya Abu Hatim dan beliau berkata: Syeikh. Kata-katanya: Syeikh, bukanlah ungkapan yang bermaksud *jarh* (mendaifkan). Oleh sebab itu, saya tidak menyebutkan seorang pun dalam kitab kami ini perawi yang dikatakan olehnya dengan ungkapan *jarh*. Tetapi ia juga bukanlah ungkapan yang bermaksud *tawthiq*. Setelah dibuat pengkajian dan penelitian, jelaslah bahawa ia bermaksud bukan seorang yang boleh dijadikan hujah. (*Mizan al-I'tidal*: 4/53).

Ungkapan ini adalah di martabat yang ketiga daripada martabat *al-ta'dil* menurut ibn Abi Hatim, ibn al-Salah dan ibn Hajar.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya, dilihat dan diteliti untuk dijadikan sokongan.

Syeikh: الشَّيْخُ

Seorang yang diriwayatkan hadis daripadanya.

Seorang syeikh: شَيْخٌ

Ia daripada lafaz-lafaz *al-ta'dil*, bahkan ia daripada martabat yang ketiga (daripada martabat *al-ta'dil*) di sisi ibn Abi Hatim, di martabat yang keempat di sisi ibn al-Salah, al-Zahabi dan al-'Iraqi, di martabat yang kelima menurut al-Suyuti dan di martabat yang keenam oleh al-Sakhawi.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, dilihat dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Syeikh al-Islam شَيْخُ الإِسْلاَم

Antara gelaran yang tertinggi bagi ulama, golongan salaf tidak memberikan gelaran ini kecuali kepada ulama yang mengikut Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, di samping memiliki ilmu yang amat luas sama ada ilmu *aqli* atau *naqli.* Antara ulama yang diberi gelaran ini:

1. Al-Imam Abu 'Abd Allah Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah (w 311H), penulis kitab *al-Sahih.*
2. Al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin Ibrahim bin Isma'il al-Isma'ili al-Jurjani (w 371H). Penulis kitab *Mustakhraj* dan imam bagi penduduk Khurasan.
3. Al-Imam Abu Isma'il 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Ali al-Ansari al-Harawi (w 481H), penulis kitab *Zam al-Kalam.*
4. Al-Imam Taqiy al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim bin Taymiyyah al-Harrani al-Dimasyqi (w 728H).
5. Al-Hafiz Siraj al-Din Abu Hafs bin 'Umar bin Raslan al-Bulqini (w 805H). Penulis kitab *Mahasin al-Istilah wa Tadmin Kitab ibn al-Salah.*
6. Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (w 852H), penulis kitab *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*, serta karya-karya lain yang banyak. Orang yang paling banyak menggunakan gelaran ini untuk ibn Hajar adalah muridnya, al-Hafiz al-Suyuti dalam kitab-kitabnya.

Syeikh al-Hadith: شَيْخُ الْحَدِيْثِ

Gelaran yang diberikan – terutamanya di madrasah-madrasah dan universiti-universiti Islam di negara-negara Semenanjung benua India – kepada sesiapa yang mengajar kitab-kitab hadis yang utama dalam beberapa tempoh,

kemudian bertumpu pula dalam mengajar *Sahih al-Bukhari*. Orang yang paling masyhur digelar dengan gelaran ini ada dua orang iaitu:

1- Pertama: Syeikh Husayn Ahmad al-Madani (w 1377H).
2- Kedua: Syeikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (w 1402H).

Seorang syeikh salih: شَيْخٌ صَالِحٌ

Ia adalah antara lafaz-lafaz *al-ta'dil*, daripada martabat yang keenam di sisi al-Hafiz al-Sakhawi.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, dilihat dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Seorang syeikh sederhana: شَيْخٌ وَسَطٌ

Ia adalah antara lafaz-lafaz *al-ta'dil*, daripada martabat yang keenam menurut al-Hafiz al-Sakhawi.

Hukumnya:

Ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, dilihat dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Dua orang syeikh: الشَّيْخَان

Jika gelaran ini disebut tanpa disandarkan kepada perkataan lain oleh *muhaddithin,* maksudnya adalah:

1. Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H), penulis kitab *Sahih.*
2. Dan al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w 261H), penulis kitab *Sahih.*

Syaitan: الشَّيْطَانُ

Dari sudut bahasa: الشيطان jamaknya ialah الشَّيَاطِين. Ia adalah suatu roh yang jahat lagi sukakan keburukan, dan juga setiap yang melampau dan melakukan kerosakan.

Dari sudut istilah: Lafaz ini digunakan oleh *muhaddithin* ketika menyatakan *al-jarh* bagi perawi jika dia adalah seorang yang menyeru atau mengajak kepada bidaahnya, seperti *al-Qadariyyah, al-Jahmiyyah, al-Nasb* dan *al-Rafd.* Ia seumpama kata-kata al-Imam 'Abd Allah bin al-Mubarak terhadap Jahm bin Safwan: "Saya merasa hairan dengan syaitan yang mendatangi manusia dalam keadaan mengajak mereka kepada neraka, dan namanya juga diambil daripada jahannam". (Lihat: *Siyar A'lam al-Nubala'*: 8/411).

Kadang kala lafaz ini digunakan dengan makna: Seorang yang sempurna dan memiliki hafalan yang kuat adalah dalam bentuk takjub dengan sebab kekuatan hafalan perawi dan ketelitiannya. Sepertimana dalam kenyataan biografi Yahya bin Sa'id al-Qattan, berkata ibn Mahdi apabila Sufyan al-Thawri datang ke Basrah, beliau berkata: Wahai 'Abd al-Rahman, bawakan kepada saya seseorang untuk saya bermuzakarah dengannya. Maka saya pun membawa Yahya bin Sa'id kepadanya dan dia pun bermuzakarah dengannya.

Apabila beliau keluar, beliau berkata: "Saya berkata kepadamu agar membawakan kepada saya orang, tetapi kamu bawakan kepada saya syaitan!" Maksudnya beliau merasa amat kagum dengan hafalannya. (Lihat: *Siyar A'lam al-Nubala'*: 9/177).

Syi'ah: الشِّيْعَةُ

Dari sudut bahasa: الشِّيْعَة jamaknya ialah شِيَعٌ وأشياع. Antara maksudnya ialah: Kumpulan dan jamaah, pengikut dan pembantu (penyokong).

Dari sudut istilah: Suatu kumpulan yang besar dari kalangan muslimin yang berkumpul dan bersepakat bahawa 'Ali bin Abu Talib r.a. lebih berhak untuk menjadi khalifah daripada Abu Bakar r.a. serta khilafah mestilah dari kalangan anak beranaknya.

Syi'ah adalah suatu kumpulan yang besar, namun bilangan pecahan dalamnya sampai kepada 60 kumpulan. Bagaimanapun, kumpulan-kumpulan ini tidak ada yang kekal kecuali beberapa kumpulan sahaja pada zaman ini. Kumpulan-kumpulan *Syi'ah* yang utama ialah: *Al-Isma'iliyyah, al-Zaydiyyah* dan *al-Ithna 'Asyariyyah*. Kumpulan yang terakhir inilah yang sekarang ini digelar sebagai *Syi'ah*.

Lihat: التَّشَيُّع dalam huruf *ta'*.

Syeikh-syeikh hadis: شُيُوْخُ الْحَدِيْثِ

Ia merupakan gelaran kepada para *muhaddithin* besar dan terkenal.



حرف الصَّاد

HURUF SAD

Sad : ـصـ

Ia adalah tanda tutup yang diletakkan dalam kitab-kitab ulama terdahulu di atas kata-kata yang dinukilkan secara sahih, tetapi rosak dari segi lafaz, makna atau tulisannya. Ia juga tanda yang diletak pada kata-kata yang diubah atau mempunyai kekurangan. Tanda ini juga dinamakan: ضَبَّة (palang/penutup).

***Sad*:** ص

Simbol yang menunjukkan kepada Sa'id bin Mansur yang mengeluarkan sesuatu hadis dalam Sunannya.

Ia juga digunakan dengan makna al-Nasa'i mengeluarkan sesuatu hadis dalam kitabnya: *Khasa'is Amir al-Mu'minin 'Ali bin Abi Talib.*

Sebahagian *muhaddithin* menggunakan simbol ini sebagai ringkasan kepada perkataan: الأصل bagi menunjukkan kepada kewujudan asal suatu sanad atau matan yang mereka keluarkan berdasarkannya apa yang selepasnya.

Pemilik/pengamal *athar:* صَاحِبُ آثَارٍ

Gelaran yang diberikan kepada orang yang menyibukkan diri dengan hadis, dari segi *riwayah* dan juga *dirayah.*

Pemilik/punca bala bencana: صَاحِبُ بَلَايَا

Ia adalah antara lafaz-lafaz *al-jarh* yang kuat.

Hukumnya:

Sesiapa yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah.

Pemilik/pengamal hadis: صَاحِبُ حَدِيْثٍ

Iaitu gelaran bagi orang yang menyibukkan diri dengan hadis, serta banyak meriwayatkannya.

Pemilik/pengamal sunnah: صَاحِبُ سُنَّةٍ

Iaitu seorang yang menyibukkan diri dengan hadis dan juga periwayatan, serta menghafal banyak *sunnah nabawiyyah.*

Pemilik/tuan kitab: صَاحِبُ كِتَابٍ

Ungkapan ini diberikan kepada orang yang berpegang kepada kitabnya dalam hafalan dan memastikan ketepatan periwayatannya. Dia tidak menyampaikan hadis kecuali daripada riwayat-riwayat asalnya dan juga kitab-kitabnya. (*Ma'rifah 'Ulum al-Hadith*m.s. 99).

Salih: الصَّالِحُ

Dari sudut bahasa الصالح ialah kata nama pembuat bagi perkataan صَلَح يَصلُح yang bermakna: Seorang yang lurus dan berada di jalan yang benar, serta menjalankan segala kewajipannya. Ia adalah lawan kepada perkataan: الفاسِدِ.

Dari sudut istilah: Ada dua pandangan:

Pertama: Merangkumi hadis sahih dan hasan dengan kedua-dua pecahannya dengan sebab hadis seperti ini baik dan boleh dijadikan hujah. (*Tadrib al-Rawi*: 1/178).

Kedua: Dikatakan bahawa ia diberikan kepada hadis daif yang boleh dijadikan dalil penyokong, dan boleh beramal dengannya dalam bab kelebihan-kelebihan amal. (Lihat: *Tanqih al-Anzar Ma'a Syarah Taudih al-Afkar:* 1/186-187).

Salih, baik: صَالِحٌ

Lihat: إِسْنَادُه صَالِحٌ dalam huruf *alif.*

Salih hadisnya: صَالِحُ الْحَدِيْثِ

Jika ungkapan ini dinyatakan pada seorang perawi bahawa dia adalah صالحٌ atau شَيْخٌ صالِحٌ dan tidak disandarkan kepada hadis, maka maksudnya ia seorang yang baik dari segi agamanya, berdasarkan pada kebiasaan *muhaddithin* yang memberikan ungkapan ini kepada seseorang yang salih dari sudut agamanya.

Jika perkataan صالحٌ ini disandarkan kepada الحديث, maka maksudnya ialah kebolehan dan kebaikan perawi tersebut dalam mempelajari atau mengambil hadis, menyampaikannya, menulisnya dan menelitinya. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/191-192).

Lafaz ini adalah pada martabat yang keempat daripada martabat *al-ta'dil* di sisi Ibn Abi Hatim, al-Zahabi dan al-'Iraqi, daripada martabat yang kelima menurut ibn al-Salah, dan dari martabat yang keenam di sisi ibn Hajar, al-Suyuti dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, dilihat dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Kanak-kanak: الصَّبِيُّ

Dari sudut bahasa الصبي dan jamaknya صِبْيان bermaksud seorang kanak-kanak yang masih belum memakan makanan kecuali susu ibunya. Dikatakan juga: Kanak-kanak kecil sejak daripada umur mumayyiz sehinggalah baligh. (*al-Qamus al-Muhit*).

Dari sudut istilah: Ia bermaksud seseorang yang belum sampai kepada umur *mumaiyiz* dan tidak juga baligh sehingga melayakkannya untuk mendengar hadis. Ini ialah pengertian umum para *muhaddith* berhubung kelayakan mendengar sesuatu hadis bagi seorang kanak-kanak. Tetapi ada disandarkan kepada al-Imam Ahmad bin Hanbal berdasarkan apa yang dinukilkan oleh

anaknya 'Abd Allah: Saya bertanya bapa saya, bilakah harus bagi seorang kanak-kanak untuk mendengar hadis? Beliau menjawab: Jika dia sudah berakal (boleh berfikir) dan mampu menghafal (serta menjaga hafalannya). (Lihat: *al-Kifayah Fi 'Ilm al-Riwayah*: 1/61).

Berdasarkan kepada kata-kata al-Imam Ahmad ini: Umur *mumayyiz* dan baligh bagi kanak-kanak bukanlah merupakan syarat baginya untuk mendengar hadis, tetapi yang menjadi syarat ialah akal dan hafalan, bukan selain daripada kedua-duanya. Inilah yang sebenarnya, *Wallahua'lam*. Bagaimanapun, ada yang membataskan had umur minima bagi kanak-kanak untuk mendengar hadis ialah 5 tahun. (Taysir *Mustalah al-Hadith,* hlm. 158).

Sah, benar: صَحَّ

Ia merupakan ungkapan tanda membenarkan (sesuatu itu benar atau betul), diletakkan dalam kitab-kitab ulama terdahulu di atas kata-kata yang sahih dari segi makna dan riwayatnya. Juga bagi menghilangkan perasaan ragu-ragu tentang kesahihannya ataupun bagi menghilangkan perselisihan padanya.

Lihat: انتهى اللَّحَق, التصحيح, السَّقَط dan اللَّحق dalam hurufnya.

***Sad Ha*:** صح

Ia adalah simbol yang menunjukkan kepada perpindahan daripada satu sanad kepada sanad yang lain, sebagai ganti daripada simbol: ح.

Ibn al-Salah berkata: Amat baik untuk diletakkan صح di sini agar tidak dianggap bahawa hadis ini mempunyai *isnad* yang gugur, juga agar tidak dicampuradukkan *isnad* yang kedua dengan *isnad* yang pertama lalu dijadikan satu *isnad.* (*'Ulum al-Hadith:* m.s. 195).

Telah sah dan rujuk: صَحَّ ورَجَعَ

Simbol ini ditulis selepas selesai menulis: اللَّحَق sebagai isyarat kepada اللَّحَق tersebut. (*Tadrib al-Rawi*: 2/81).

Lihat: انتهى اللَّحَق , التصحيح , السَّقَط dan اللَّحق dalam huruf masing-masing.

Para sahabat r.a: الصَّحَابَـةُ

Lihat: الصحابي.

Seorang sahabat r.a.: الصَّحَابِيُّ

Dari sudut bahasa الصحابي dan jamaknya صحابة diambil daripada kalimah: صَحِبَ يَصْحَبُ صُحبَةً وصَحَابَةً yang bermaksud: Menemani dan melazimi seseorang.

Dari sudut istilah: ialah seorang yang bertemu nabi SAW, beriman dengannya dan mati di atas agama Islam. (Lihat: *Syarah al-Nukhbah*: 111, *'Ulum al-Hadith:* m.s. 294).

Keadilan Para Sahabat:

Keadilan (العدالة) ialah suatu kebolehan atau kemampuan yang dapat membawa pemiliknya bersifat taqwa, menjauhi segala keburukan dan segala yang boleh mencemari maruah oleh orang ramai.

Setiap hadis yang bersambung *isnad*nya antara seorang perawi sehingga nabi SAW tidak diwajibkan beramal dengannya sehinggalah dipastikan keadilan (العدالة) perawi-perawinya. Wajib diteliti keadaan perawi-perawi tersebut kecuali sahabat yang menyandarkannya kepada Rasulullah SAW. Ini adalah kerana para sahabat semuanya adalah عَدول (bersifat adil), dan tidak perlu dipersoalkan keadilan mereka kerana Allah SWT telah memuji mereka semua dalam kitabNya Yang Mulia (al-Quran) di pelbagai tempat dalamnya. Antaranya firman Allah SWT: "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia, kamu semua mengajak kepada makruf dan mencegah daripada kemunkaran serta beriman kepada Allah." (Surah Ali 'Imran: 110) Ini ialah penyaksian (daripada Allah) untuk mereka bahawa mereka merupakan yang terbaik, iaitu dari segi agama. Juga terdapat penyaksian bagi mereka bahawa mereka semua memiliki sifat adil. Ibn al-Salah berkata: Dikatakan, seluruh ahli tafsir bersepakat bahawa ayat ini adalah menyatakan tentang sahabat-sahabat Rasulullah SAW. (*'Ulum al-Hadith*m.s. 295).

Nabi SAW juga memuji mereka dalam banyak hadis, antaranya hadis yang diriwayatkan daripada baginda oleh 'Abd Allah bin Mas'ud r.a. bahawa baginda bersabda: "Sebaik-baik manusia adalah pada kurunku, kemudian orang yang selepas mereka, kemudian orang selepas mereka, kemudian akan datang kaum-kaum yang mana penyaksian salah seorang daripada mereka mendahului sumpahnya, dan sumpahnya pula mendahului penyaksiannya". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab *al-Syahadat*, bab *La Yasyhad 'Ala Syahadah al-Jur*, no. 2651).

Maksud hadis: Kurun nabi SAW ialah kurun para sahabat r.a. Dan lain-lain ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang banyak menyatakan tentang pujian dan keadilan mereka.

Bilangan Para Sahabat:

Bersama dengan penyebaran Islam, para sahabat r.a. bertebaran di negara-negara al-Syam, 'Iraq dan Mesir. Agak susah untuk menyatakan dan menentukan bilangan mereka. Namun di sana terdapat nas-nas yang menunjukkan bilangan yang terhampir bagi para sahabat r.a., seumpama bilangan para sahabat yang turut sama mengerjakan haji dengan nabi SAW, mereka seramai lebih kurang 90 ribu orang. Abu Zur'ah berkata: Rasulullah SAW wafat dan meninggalkan 114 ribu para sahabat. (*Fath al-Mugith*: 4/39) dan (*Tadrib al-Rawi*: 2/202).

***Tabaqat* Para Sahabat r.a:**

Mereka dipecahkan kepada 12 tingkatan (*tabaqat*) seperti berikut:

***Tabaqat* Pertama:** Kumpulan yang mula-mula memeluk Islam di Mekah seperti Ummu al-Mukminin al-Sayyidah Khadijah, Khalifah yang empat: Abu Bakr al-Siddiq, 'Umar bin al-Khattab, 'Uthman bin 'Affan dan 'Ali bin Abu Talib. Begitu juga selain mereka daripada kumpulan yang dikhabarkan berita bahawa mereka adalah penghuni syurga.

***Tabaqat* Kedua:** Sahabat-sahabat yang menyertai *Dar al-Nadwah.*

***Tabaqat* Ketiga:** Muhajirin ke Habasyah, antara mereka: 'Uthman bin 'Affan, al-Sayyidah Ruqayyah binti Rasulullah SAW, Ja'far bin Abu Talib, 'Abd al-Rahman bin 'Auf dan sebagainya.
***Tabaqat* Keempat:** Sahabat yang berbai'ah pertama dengan Rasulullah SAW di al-'Aqabah, kebanyakan mereka di kalangan Muhajirin.
***Tabaqat* Kelima:** Sahabat yang berbai'ah kedua dengan Rasulullah SAW di al-'Aqabah, kebanyakan mereka di kalangan Ansar.
***Tabaqat* Keenam:** Muhajirin pertama yang sampai kepada Rasulullah SAW ketika baginda di Quba' sebelum memasuki Madinah dan membina al-Masjid al-Nabawi.
***Tabaqat* Ketujuh:** Sahabat yang menyertai Peperangan Badar. Mereka yang dikatakan oleh Rasulullah SAW: "Semoga Allah telah meredhai segala yang dilakukan oleh ahli peperangan Badar dan berkata: Lakukanlah apa yang kamu semua kehendaki, sesungguhnya Saya telah mengampunkan kamu semua." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab *al-Jihad wa al-Siyar*, Bab *al-Jasus*, no. 3007).
***Tabaqat* Kelapan:** Sahabat yang berhijrah antara Peperangan Badar dan *al-Hudaybiyyah.*
***Tabaqat* Kesembilan:** Sahabat yang menyertai *Bai'ah al-Ridwan* di al-Hudaybiyyah.
***Tabaqat* Kesepuluh:** Sahabat yang berhijrah (ke Madinah) antara al-Hudaybiyyah dan Pembukaan Kota Mekah, seperti Khalid bin al-Walid, 'Amr bin al-'As, Abu Hurairah dan selain mereka yang ramai jumlahnya.
***Tabaqat* Kesebelas:** Sahabat yang memeluk Islam ketika Pembukaan Kota Mekah, mereka adalah satu kelompok daripada kaum Quraisy.
***Tabaqat* Kedua Belas:** Kanak-kanak dan anak-anak sahabat yang melihat Rasulullah SAW ketika Pembukaan Kota Mekah, haji terakhir dan selain daripada itu. (Lihat: *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith:* m.s. 22-24, dan *Tadrib al-Rawi*: 2/221.222).

Karya utama berkaitan sahabat r.a.

Banyak karya yang telah ditulis berkaitan dengan biografi para sahabat, dan amat panjang untuk disebutkan di sini. Penulis telah menghurainya dengan terperinci dalam kitab: مصادر الحديث ومراجعه. Memadai di sini dinyatakan karya-karya yang paling masyhur berkaitan dengannya:

1. معرفة الصحابة: oleh Abu al-Husayn 'Abd al-Baqi bin Qani' (w 351H).
2. معرفة الصحابة: oleh Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah al-Asbahani (w 430H).
3. الاستيعاب في أسماء الأصحاب: oleh al-Imam Abu 'Umar Yusuf bin 'Abd al-Bar al-Namiri (w 463H).
4. أسد الغابة في معرفة الصحابة: oleh al-Imam 'Iz al-Din 'Ali bin Muhammad al-Jazari yang dikenali dengan ibn al-Athir (w 630H).
5. الإصابة في تمييز الصحابة: oleh al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).

6. حياة الصحابة: oleh al-Syeikh Muhammad Yusuf al-Kandahlawi (w 1383H).

Dan sebagainya, boleh dirujuk keseluruhannya dalam kitab kami: مصادر الحديث ومراجعه: دراسة وتعريف.

Hadis-hadis Sahih: الصِّحَاحُ

Ia merupakan istilah bagi al-Imam Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Farra' al-Baghawi (w 516H) dalam kitabnya: مصابيح السُّنَن di mana beliau membahagikan hadis-hadis bagi setiap bab-bab kitabnya kepada 2 bahagian, iaitu: الصِّحاح dan الحِسَان.

Dimaksudkan dengan الصِّحاح ialah hadisyang diriwayatkan dalam *al-Sahihain* (al-Bukhari dan Muslim) atau salah satu daripadanya.

Dimaksudkan dengan الحِسَان ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i atau salah seorang daripada mereka.

Kitab-kitab Sahih: الصِّحَاحُ

Ia adalah kitab-kitab yang disusun oleh penulisnya secara khusus bagi hadis-hadis sahih. Kitab-kitab seumpama ini banyak, namun tidak semua menepati syarat sahih berdasarkan realiti sebenar kecuali hanya dua orang syeikh, iaitu al-Bukhari dan Muslim. Manakala selain dari mereka berdua, ada terdapat dalam kitab-kitab mereka hadis hasan dan juga daif. Antara kitab-kitab sahih yang masyhur ialah:

1. صحيح البخاري: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).
2. صحيح مسلم: oleh al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w 261H).
3. المنتقى المختار من السُّنن المُسْنَدَة عن رسول الله في الأحكام: oleh al-Hafiz Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Ali ibn al-Jarud al-Naysaburi (w 307H).
4. صحيح ابن خُزَيْمَة: oleh al-Imam Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah al-Naysaburi (w 311H).
5. صحيح أبي عَوَانة: oleh al-Hafiz Ya'qub bin Ishaq bin Ibrahim al-Isfarayini yang lebin dikenali sebagai Abu 'Awanah (w 316H).
6. صحيح ابن الشَّرقي: oleh al-Hafiz Abu Hamid Ahmad bin Muhammad bin al-Hasan al-Naysaburi (w 325H).
7. المنتقى: oleh al-Hafiz Abu Muhammad Qasim bin Asbagh bin Muhammad bin Yusuf al-Bayyani al-Qurtubi (w 340H).
8. صحيح ابن السَّكَن: oleh al-Hafiz Abu 'Ali Sa'id bin 'Uthman bin Sa'id yang lebih dikenali dengan ibn al-Sakan (w 353H).

9. صحيح ابن حِبَّان atau التقاسيم والأنواع: oleh al-Imam Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H).
10. صحيح الإسماعيلي: oleh al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin Isma'il al-Isma'ili al-Jurjani (w 371H).
11. الإلزامات: oleh al-Imam Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 385H).
12. صحيح الحاكم النيسابوري: oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi (w 405H) yang lebih dikenali dengan: المستدرك على الصحيحَين.
13. الأحاديث المُختارة مِمّا ليس في الصحيحين أو أحدهما: oleh al-Hafiz Diya' al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Dimasyqi (w 643H).

Dan sebagainya daripada kitab-kitab sahih lain yang telah kami sebutkannya secara terperinci dalam kitab kami: مصادر الحديث ومراجعه: دراسة وتعريف.

***Al-Sihah al-Sittah* (kitab sahih yang enam):** الصِّحَاحُ السِّتَّةُ

Kitab-kitab yang dinamakan dengan *al-Sihah al-Sittah* adalah seperti berikut:

1. صحيح البخاري: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).
2. صحيح مسلم: oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi (w 261H).
3. جامع الترمذي: oleh al-Imam Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H).
4. سنن أبي داود: oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asyath al-Sijistani (w 275H).
5. سنن النَّسائي: oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin 'Ali bin Sinan al-Nasa'i (w 303H).
6. سنن ابن ماجه: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Rib'i al-Qazwini (w 273H atau 275H).

Tetapi istilah umum ini (الصحاح الستة) tidaklah tepat, kerana imam-imam selain al-Syaikhan al-Bukhari dan Muslim tidak mensyaratkan kesahihan hadis untuk dimasukkan dalam kitab-kitab mereka. Walaupun kebanyakannya adalah hadis-hadis yang sahih, tetapi ia tetap mengandungi hadis-hadis yang hasan dan juga daif dengan pecahan-pecahannya yang banyak. Oleh itu, para *muhaddithin* menamakan kumpulan kitab ini dengan istilah yang lebih tepat iaitu: الأصول السِّتَّة ataupun الكتب السِّتَّة.

Disahihkan oleh al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Zahabi: صَحَّحَه الحاكِمُ ووَافَقَه الذَّهَبِيُّ

Kita akan banyak menjumpai ungkapan sebegini dalam kitab-kitab hadis yangsudah di*tahqiq*. Maksudnya ialah bahawa al-Hafiz al-Zahabi bersetuju

dengan pentashihan al-Hakim (terhadap hadis-hadis yang diriwayatkannya dalam kitab *al-Mustadrak*) apabila beliau berkata selepas kata-kata al-Hakim: "Hadis ini sahih mengikut syarat *al-Syaikhan*, tetapi mereka tidak mengeluarkannya", dengan ulasan beliau: "Mengikut syarat kedua-duanya".

Perhatian:

Bagaimanapun menurut kajian lanjut bahawa kata-kata al-Zahabi: "Mengikut syarat kedua-duanya" selepas kata-kata al-Hakim itu sebenarnya bukanlah suatu persetujuan ataupun pertentangan, tetapi ia hanyalah tanda diam dan senyap. Maka tidak seharusnya disandarkan kepada al-Zahabi bahawa beliau bersetuju – sepertimana yang dilakukan oleh ramai di kalangan orang yang baharu belajar dan masih mentah (dalam ilmu hadis) ketika mentahqiqkan kitab-kitab hadis – lalu disebut pada sesuatu hadis: "Disahihkan oleh al-Hakim dan dipersetujui oleh al-Zahabi".

Tetapi yang sebenarnya harus disebut ialah: "Disahihkan oleh al-Hakim dan didiamkan oleh al-Zahabi". Ini kerana al-Zahabi tidak menerangkan bahawa diamnya itu menandakan dia bersetuju. Maka perlulah diperhatikan masalah ini. Walau bagaimanapun, kesemua hadis-hadis kitab *al-Mustadrak* tersebut serta ulasan-ulasan al-Zahabi terhadapnya telahpun selesai dikaji semula oleh sebahagian sarjana hadis.

Penulis: صَحَفِيٌّ

Dari sudut bahasa الصحفي dan jamaknya صحفيون adalah dinisbahkan kepada الصحيفة yang bermaksud kitab.

Dari sudut istilah: ialah seseorang yang mengambil ilmu daripada kitab-kitab dan lembaran-lembaran kertas tanpa berguru kepada para syeikh dan ulama. Maka dengan sebab itu, para ulama memberi peringatan agar tidak mengambil ilmu daripada orang seperti itu, kata mereka: "Janganlah kamu semua mengambil ilmu daripada seorang *sahafi*". (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/208).

Al- Sahih: الصَّحِيْحُ

Dari sudut bahasa الصحيحُ adalah kata sifat daripada perkataan صَحَّ يَصِحُّ yang bermaksud: yang sejahtera, dan selamat daripada sebarang keaiban dan keraguan. Dan ayat: "Yang sahih daripada pendapat-pendapat itu", bermakna sesuatu yang dapat dijadikan pegangan. Lawan kalimah الصحيحُ ialah السقيم (yakni sakit, buruk).

Dari sudut istilah: hadis yang bersambung sanadnya dengan dinukilkan oleh perawi yang adil lagi *dabit* (sempurna hafalan/jagaannya) daripada perawi yang 'adil lagi *dabit* juga sehinggalah ke akhir sanadnya, serta ia tidak *syaz* dan tidak mempunyai *'illah* (kecacatan). (Lihat: *'Ulum al-Hadith*m.s. 11, 12).

Jelas daripada pengertian ini, syarat-syarat hadis sahih yang wajib ada bagi menjadikan sesuatu hadis itu sahih ada lima, iaitu:

1. Sanad yang bersambung.
2. Para perawi yang 'adil.

3. Para perawi yang *dabit* (sempurna hafalan/jagaannya).
4. Tidak mempunyai *'illah* (kecacatan).
5. Tidak ada *syaz*.

Jika salah satu daripada syarat yang lima ini tidak ada, maka hadis tersebut tidak dinamakan hadis sahih.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahihnya, beliau berkata: Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Yusuf: beliau berkata: Telah memberitahu kepada kami Malik daripada ibn Syihab, daripada Muhammad bin Jubair bin Mut'im daripada bapanya berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW membaca pada waktu Maghrib surah al-Tur. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahihnya, dalam kitab *al-Azan*, no: 765).

Hadis ini adalah sahih berdasarkan kepada perkara berikut:

1. Sanadnya bersambung: Setiap perawi daripada semua perawinya mendengar daripada syeikh masing-masing. Manakala penggunaan *'an* (iaitu 'daripada' dalam sanad hadis) yang digunakan oleh Malik, Ibn Syihab dan Ibn Jubair, dihukumkan sebagai bersambung disebabkan perawi-perawi tersebut bukanlah bersifat *mudallis* (menyembunyikan keburukan sanad).
2. Kesemua perawinya memiliki sifat adil dan hafiz. Berikut adalah sifat-sifat mereka di sisi ulama *al-jarh wa al-ta'dil*:
   - 'Abd Allah bin Yusuf: *Thiqah, Mutqin*.
   - Malik bin Anas: *Imam, Hafiz*.
   - Ibn Syihab al-Zuhri: *Faqih, Hafiz*, disepakati kehebatan dan ketelitiannya.
   - Muhammad bin Jubair: *Thiqah*.
   - Jubair bin Mut'im: Seorang sahabat r.a.
3. Tiada dalam sanad atau matan hadis sebarang *'illah* sama ada yang zahir atau tersembunyi.

Hukumnya:

Wajib beramal dengan hadis yang sahih berdasarkan ijmak ulama. Ia adalah hujah atau dalil daripada hujah-hujah syarak, tidak seharusnya bagi seorang muslim meninggalkannya.

Sumber-sumber hadis sahih:

Sumber-sumber hadis sahih cukup banyak, dan memadai di bawah disebutkan sumber-sumber yang hanya memuatkan hadis sahih semata-mata iaitu;

1. صحيحُ البُخارِيِّ: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).
2. صحيحُ مُسلمٍ: oleh al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w 261H).

Kedua-dua kitab ini merupakan kitab yang paling utama bagi hadis sahih. Di sana terdapat sumber-sumber lain yang dalamnya terdapat banyak hadis sahih, di samping jenis-jenis hadis yang lain, contohnya:

3. الموطأ: oleh al-Imam Malik bin Anas al-Asbahi (w 179H).
4. المُسنَد: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (w 241H).
5. سنن أبي داود: oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asyath al-Sijistani (w 275H).
6. سنن ابن ماجه: oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w 273H atau 275H).
7. سنن الترمذي: oleh al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H).
8. سنن النسائي: oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H).
9. صحيح ابن خزيمة: oleh al-Imam Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah al-Naysaburi (w 311H).
10. المستخرج على صحيح مسلم: oleh Abu 'Awanah Ya'qub bin Ishaq al-Isfarayini (w 316H).
11. صحيح ابن حبان: oleh al-Imam Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H).
12. المستخرج على صحيح البخاري: oleh Abu Bakr Ahmad bin Isma'il al-Isma'ili (w 371H).
13. المستدرك على الصحيحين: oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi (w 405H).
14. المستخرج على الصحيحين: oleh Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah al-Asfahani (w 430H).

Kebanyakan hadis-hadis dalam kitab-kitab ini adalah sahih, malah kebanyakannya tiada dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, atau salah satu daripadanya.

Kitab al-Sahih: الصَّحِيحُ

Jika disebutkan perkataan ini secara mutlak, maka menurut *muhaddithin* ia bermaksud kitab *Sahih al-Bukhari.*

Sahih ibn Hibban: صَحِيحُ ابْنِ حِبَّان

Ia antara kitab-kitab yang masyhur dalam bidang hadis. Ia termasuk antara sumber-sumber hadis sahih yang utama. Ditulis oleh al-Imam Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H). Kitab ini dinamakan:

"الْمُسنَد الصحيح على التقاسيم والأنواع من غير وجود قطعٍ في سندها ولاثبوتِ جرحٍ في ناقليها"

Pengarang membahagikan hadis-hadisnya kepada bab-bab, dan bab-bab pula dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang diletakkan tajuk-tajuk tertentu, dan hadis-hadis disusun berdasarkan tajuk bahagian-bahagian tersebut. Kemudian manhaj yang digunakan oleh beliau ini diubah oleh al-Amir 'Ala' al-Din al-Farisi yang lebih dikenali dengan ibn Balaban (w. 739H). Beliau telah menyusun semula dan membahagikan kitab ini kepada bab-bab fiqah sebagaimana mengikut susunan kitab-kitab *al-Sunan*, serta memberinya judul: *al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban*.

Bilangan hadis dalam kitab ini adalah sebanyak 7,615.

Sahih ibn Khuzaimah: صَحِيحُ ابْنِ خُزَيْمَة

Ia antara kitab yang masyhur dalam bidang hadis dan termasuk dalam sumber-sumber utama bagi hadis sahih. Kitab ini ditulis oleh al-Imam Abu Bakr Muhammad bin Ishaq ibn Khuzaimah al-Naysaburi (w. 311H). Beliau meletakkan syarat tidak akan memasukkan dalam kitabnya kecuali hadis sahih sahaja. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh beliau dalam kitabnya di mana beliau berkata: "(Kitab ini adalah) Ringkasan kepada ringkasan daripada hadis musnad yang sahih daripada nabi SAW, dengan dinukilkan oleh perawi yang adil daripada perawi yang juga adil yang bersambung kepada baginda SAW, tanpa terputus di tengah-tengah sanadnya, serta tiada *al-jarh* pada pembawa-pembawa hadis berkenaan, yang kami akan sebutkannya dengan izin Allah SWT".

Beliau menyusun kitab ini berdasarkan kepada kitab-kitab pecahan dan bab-bab. Dimulakan dengan kitab *al-Wudu'*, kemudian kitab *al-Solah* dan seterusnya. Kemudian didatangkan di bawah setiap kitab pecahan itu satu kumpulan bab-bab. Antara keistimewaan kitab ini, pengarang membawa selepas setiap hadis – kebiasaannya – perbincangan berkaitan dengan sanad dan matannya, serta menitik beratkan ketepatan lafaz-lafaz, dan perbezaan setiap perawi dengan yang lain pada lafaznya. Banyak kali didapati beliau menyebutkan pendapat yang rajih di sisinya dalam sesuatu masalah pada judul bab-bab kitabnya mengikut kaedah ahli fiqah di kalangan *muhaddithin* seperti al-Bukhari, Abu Dawud dan lain-lain. Namun, yang mendukacitakan, kitab yang bernilai ini tidak dicetak kecuali satu perempat daripadanya sahaja (daripada permulaan kitab sehinggalah kitab *al-Hajj*), manakala bakinya masih lagi hilang.

Sahih *isnad*nya: صَحِيحُ الإِسْنَادِ

Ia bermaksud *isnad* yang terkandung dalamnya syarat-syarat hadis sahih secara zahir. Ungkapan ini bukanlah seperti ungkapan: 'hadis sahih' (حديثٌ صحيحٌ), ini kerana mungkin dikatakan: 'Ini hadis sahih *isnad*nya' (هذا حديث صحيح الإسناد), tetapi ia tidak sahih secara hakikinya kerana mempunyai *syaz* atau mempunyai *'illah*.

Sahih al-Bukhari: صَحِيحُ الْبُخَارِيِّ

Ia ialah kitab pertama yang mengumpulkan hadis-hadis sahih. Kedudukannya adalah di martabat yang pertama antara kitab-kitab hadis lain secara mutlak. Ditulis oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H). Beliau menamakannya: الجامع المسند الصحيح المختصر من أمور رسول ﷺ وسننه وأيامه الله, tetapi masyhur dikenali dengan dinisbahkan kepada nama pengarangnya.

Kitab ini disusun mengikut bab-bab fiqah. Keseluruhan kitab pecahannya berjumlah sebanyak 97 buah, dan keseluruhan babnya pula berjumlah sebanyak 340 bab. Manakala bilangan hadisnya berjumlah sebanyak 9,082 termasuk yang berulang, dan jika tidak termasuk yang berulang berjumlah sebanyak 2,602 hadis. Inilah bilangan yang dinyatakan oleh al-Hafiz ibn Hajar. Berdasarkan perkiraan Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi pula, bilangan hadisnya sebanyak 7,563 buah termasuk pengulangan.

Sahih Hasan Gharib: صَحِيحٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ

Ia istilah al-Imam al-Tirmizi dalam kitab *Jami'*nya. Ungkapan ini bermaksud: Jika hadis tersebut *gharib* dari sudut sanad sahaja, maka maknanya ialah hadis tersebut terhimpun padanya sifat sahih dan *gharib*, iaitu hadis yang bersendirian seorang perawi meriwayatkannya yang dinamakan sebagai 'hadis *gharib*'.

Hadis *gharib* berkemungkinan sahih, hasan atau daif. Umumnya ia menunjukkan bahawa sanad hadis tersebut adalah bersifat bersendirian berbanding dengan sanad-sanad lain yang masyhur.

Jika hadis itu *gharib* dari sudut sanad dan matannya sekali, maka al-Tirmizi boleh jadi menyebut sifat hasan di sini bagi menunjukkan bahawa sebenarnya ada riwayat lain yang bertepatan dengan makna hadis itu. (*Manhaj al-Naqd*: m.s. 272 dengan sedikit perubahan dan penambahan).

Manakala jika hadis tersebut *gharib* dari sudut sanad dan matannya, tetapi tiada di sana riwayat yang menepati maknanya, maka istilah al-Tirmizi ini membawa maksud ketidakpastian sama ada hadis tersebut sahih atau hasan disebabkan perselisihan antara ulama pada hukumnya, atau ketidakpastian hukumnya daripada seorang mujtahid, berdasarkan pandangan yang dibawa oleh al-Hafiz ibn Hajar. (Lihat: *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith:* m.s: 272).

Sahih pendengarannya: صَحِيحُ السَّمَاعِ

Ungkapan ini mempunyai 3 makna:

1. Kanak-kanak yang sampai kepada umur mumaiyiz, memahami percakapan dan mampu untuk menjawab.
2. Seseorang yang mendengar hadis daripada perawi yang telah berubah (menjadi kurang hafiz) sebelum masa dia berubah.
3. Syeikh yang mendengar daripada orang yang menyalin apa-apa yang dia sampaikan kepadanya.

Sahih Syaz: صَحِيْحٌ شَاذٌّ

Ia ialah hadis sahih yang bersendirian seorang perawi meriwayatkannya. Sebahagian ulama mentafsirkan *syaz* sebagai semata-mata bersendirian seorang perawi meriwayatkan hadis tanpa perlu kepada pertentangan periwayatan dengan perawi-perawi yang *thiqah.* Mereka berkata: صحيحٌ شاذٌّ atau صحيحٌ غير شاذٌّ. Maka *syaz* dengan makna ini tidaklah menafikan sahih, dan ungkapan yang memberi maksud tuduhan atau celaan, jika ia mengandungi pertentangan dengan perawi-perawi *thiqah.*

Sahih mengikut syarat kedua-duanya: صَحِيْحٌ على شَرْطِهما

Ia ialah istilah al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi dalam kitabnya *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain.* Beliau banyak menggunakan istilah ini, dengan mengatakan: حديثٌ صحيحٌ على شرط الشيخين ولم يُخرجاه. Al-Hafiz al-Zahabi telah meringkaskan kata-kata ini di nota kaki kitab tersebut dengan katanya: على شرطهما.

Menurut hasil kajian, ulasan al-Zahabi terhadap kata-kata al-Hakim ini bukanlah daripada al-Zahabi dengan maksud persetujuan (dengan kata-kata al-Hakim) ataupun pertentangan. Ia hanyalah tanda diam. Tidak seharusnya disandarkan kepadanya bahawa beliau bersetuju dengan kata-kata al-Hakim, lalu disebutkan pada sesuatu hadis: صحَّحه الحاكم ووافقه الذهبيُّ. Adapun yang sebenarnya ialah: صحَّحه الحاكمُ وسكت عنه الذهبيُّ. Hal ini kerana al-Zahabi tidak menerangkan bahawa diamnya itu menunjukkan kepada persetujuan. Maka berhati-hatilah dengan masalah ini.

Sahih Gharib: صَحِيْحٌ غَرِيْبٌ

Ia adalah istilah al-Imam al-Tirmizi dalam kitab *Jami'*nya. Maksud ungkapan ini ialah hadis tersebut terhimpun padanya sifat sahih dan *gharib* (bersendirian perawi meriwayatkannya).

Hadis *gharib* berkemungkinan sahih, hasan atau daif. Lihat pengertiannya dalam الغَرِيْب di huruf *ghain.*

Al-Sahih Li-Zatihi: الصَّحِيْحُ لِذَاتِهِ

Dari sudut bahasa الصحيحُ ialah kata sifat bagi perkataan صَحَّ يَصِحُّ yang bermaksud sejahtera, selamat daripada segala keaiban dan keraguan. Perkataan yang sahih: Adalah sesuatu yang dipegang dan dipercayai.

Dari sudut istilah: Ia ialah hadis yang sampai kepada darjat sahih dengan dirinya sendiri tanpa memerlukan kepada penyokong untuk menguatkannya. Lihat: الصَّحِيْحَ.

Al-Sahih Li Ghairihi: الصَّحِيْحُ لِغَيْرِهِ

Dari sudut bahasa الصحيحُ ialah kata sifat bagi perkataan صَحَّ يَصِحُّ yang bermaksud sejahtera, selamat daripada segala keaiban dan keraguan. Perkataan yang sahih: Adalah sesuatu yang dipegang dan dipercayai.

Dari sudut istilah: Ia pada asalnya adalah hadis *hasan li zatihi* yang diriwayatkan daripada sanad lain yang sama kedudukannya atau lebih tinggi kedudukannya dengan lafaz yang sama atau makna yang sama. Maka, dengan sebab kewujudan sanad yang lain ini, telah menguatkannya dan menaikkannya daripada darjat hasan kepada darjat sahih. Ia dinamakan sebagai *Sahih Li Ghairihi.*

Sebab dinamakan *Sahih Li Ghairihi*, kerana sahih yang dinisbahkan kepadanya tidak datang daripada zatnya sendiri, tetapi hasil daripada gabungan sanad lain yang menguatkannya.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Muhammad bin 'Amr daripada Abu Salamah daripada Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Jika tidak menyusahkan umatku, nescaya saya akan perintahkan mereka untuk bersiwak setiap kali menunaikan solat". (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam *Jami'*nya, *Abwab al-Taharah*, Bab *Ma Ja'a Fi al-Siwak*, no 23).

Salah seorang daripada perawi hadis ini ialah Muhammad bin 'Amr iaitu anak kepada 'Alqamah, seorang yang masyhur dengan sifat benar dan jaga diri. Tetapi beliau bukanlah dari kalangan perawi yang teliti dan tekun, dengan sebab itu beliau didaifkan dari sudut keburukan hafalannya, di*thiqah*kan dari sudut kebenaran dan kemuliaannya. Hadisnya dihukumkan sebagai hasan. Apabila digabungkan dengan sanad lain daripada riwayat yang lain, maka hilanglah segala tohmahan dari sudut keburukan hafalannya. Kekurangan dari sudut hafalan itu telah disokong dengan riwayat yang lain. Maka sanad ini menjadi sahih dan termasuk dalam kategori sahih.

Sahih semata-mata: الصَّحِيْحُ الْمُجَرَّدُ

Maksudnya ialah kitab yang mengumpulkan hadis sahih semata-mata daripada hadis-hadis nabi SAW tanpa dicampurkan dengan yang selain daripadanya, atau kata-kata sahabat, fatwa-fatwa tabiin dan sebagainya. Contohnya ialah *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim.*

Sahih Muslim: صَحِيْحُ مُسْلِمٍ

Salah satu daripada dua kitab sahih. Ia berada di kedudukan yang kedua antara kitab sahih selepas kitab *Sahih al-Bukhari.* Kitab ini ditulis oleh al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w. 261H). Judul lengkapnya:

"الْمُسنَد الصحيح المختصر من السنن بنقل العدل عن العدل عن رسول الله ﷺ"

tetapi lebih masyhur dikenali dengan dinisbahkan kepada pengarangnya.

Kitab ini disusun mengikut bab-bab fiqah dengan susunan yang terperinci. Keistimewaannya adalah dari sudut membawakan hadis-hadis secara

sempurna tanpa ada sebarang pemotongan riwayat, amat menitikberatkan ketepatan lafaz-lafaz para perawi hadis, dan membawa pelbagai sanad sesuatu hadis serta lafaz-lafaznya yang berbeza di satu tempat sahaja. Bilangan hadis dalam kitab ini tanpa pengulangan ialah sebanyak 3,033 hadis berdasarkan kepada pengiraan al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Bilangan hadisnya termasuk pengulangan pula adalah sebanyak (7,581) hadis.

Al-Sahihani: الصَّحِيحَان

Maksudnya jika disebutkan secara mutlak ialah: *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim.*

Lembaran, helaian: الصَّحِيفَةُ

Dari sudut bahasa الصحيفة dan jamaknya الصُّحُف bermaksud: Sesuatu yang ditulis di atasnya sama ada kertas atau sebagainya, dan ia diungkapkan bagi sesuatu yang ditulis di atasnya.

Dari sudut istilah: Helaian-helaian kertas yang ditulis di atasnya hadis-hadis nabi SAW oleh sebahagian para sahabat r.a.

Antara *sahifah-sahifah* yang masyhur ialah:

1. *Sahifah 'Amr bin Hazm* (w 51H).
2. *Al-Sahifah al-Sadiqah* oleh 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As (w 65H).
3. *Sahifah 'Abd Allah bin 'Abbas* (w 68H).
4. *Sahifah Jabir bin 'Abd Allah* (w 78H).
5. *Al-Sahifah al-Sahihah* oleh Hammam bin Munabbih (w 131H).

Dan banyak *suhuf-suhuf* lain yang telah kami sebutkan dalam kitab: السنة النبوية: دراسة تاريخية عبر القرون الأربعة عشرة الهجرية, maka bolehlah dirujuk kepadanya bagi sesiapa yang ingin mengetahui maklumat lanjut.

Sad Dal: صد

Simbol yang menandakan bahawa Abu Dawud telah meriwayatkan hadis dalam kitabnya*: Fada'il al-Ansar.*

***Saduq* (orang yang bersifat benar):** صَدُوْقٌ

Dari sudut bahasa الصدوق ialah kata nama melampau daripada perkataan صَدَقَ يَصْدُقُ yang bermaksud seorang yang benar.

Dari sudut istilah: Seseorang yang disifatkan sebagai benar dalam hadis, tetapi dalam masa yang sama juga beliau disifatkan sebagai seorang yang agak kurang kuat dari segi hafalannya. Kekuatan hafalan merupakan syarat asas yang mesti dimiliki untuk membolehkan hadisnya dijadikan hujah.

Lafaz ini antara lafaz *al-ta'dil*. Ibn Abi Hatim meletakkannya di martabat yang kedua daripada martabat *al-ta'dil*, begitu juga ibn al-Salah.

Al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi melatakkannya di martabat yang ketiga, manakala ibn Hajar meletakkannya di martabat yang keempat.

Hukumnya:
Seorang perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis, dilihat serta diteliti hadisnya.

Rumusan:
Terdapat perbezaan daripada kalangan ulama hadis pada maksud lafaz ini dan juga pada menentukan martabatnya antara martabat-martabat *al-ta'dil*. Kami telah menerangkannya secara terperinci dalam kitab kami: معجم ألفاظ وعبارات الجرح والتعديل النادرة والمشهورة, maka rujuklah kitab tersebut bagi sesiapa yang inginkan maklumat lanjut.

Orang yang *saduq* tapi cenderung kepada daif: صَدُوْقٌ إِلَى الضَّعْفِ مَا هُوَ

Maksudnya: Perawi yang tidak jauh daripada sifat daif, bahkan dia lebih hampir kepada sifat daif berbanding sifat benar, dan sifat daifnya tidak dapat dipisahkan daripadanya. (*Fath al-Mughith*: 1/158).

Tidak perlu dilihat kepada lafaz (ما) yang membawa maksud penafian dan ia seolah-olah menafikan kedaifannya serta mengubah ungkapan kepada suatu bentuk pujian. Bahkan maksud sebenar ulama yang mengeluarkan ungkapan ini pada perawi hadis adalah untuk meletak hukum *al-jarh* pada perawi secara lembut, dan mengeluarkannya daripada martabat yang tinggi kepada martabat yang sesuai dengan dirinya, iaitu hampir kepada daif.

***Saduq*, InsyaAllah:** صَدُوْقٌ إِنْ شَاءَ اللّٰهُ

Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-ta'dil*. Terletak di martabat yang keempat daripada martabat *al-ta'dil* menurut al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi, di martabat yang keenam di sisi ibn Hajar, al-Suyuti dan al-Sakhawi.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq* tapi berubah di akhir hidupnya:** صَدُوْقٌ تَغَيَّرَ بِأَخَرَةٍ

Ia bermaksud seorang perawi yang bercampur baur hafalannya ketika saat akhir umurnya. Lafaz ini antara lafaz *al-ta'dil*. Ia di martabat yang kelima menurut al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Saduq, Thiqah: صَدُوْقٌ ثِقَةٌ

Lihat: صَدُوْقٌ.

***Saduq, Zahid* (seorang yang zuhud):** صَدُوْقٌ زَاهِدٌ

Sifat ini membawa erti seorang perawi itu terhimpun padanya sifat warak dan amat teliti dengan apa yang diriwayatkannya.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini adalah dalam keadaan tidak pasti sama ada hadisnya hasan atau daif. Tetapi menjadikan hadisnya bertaraf hasan adalah lebih hampir kepada kebenaran. *Wallahua'lam.* (Lihat: *Irwa' al-Ghalil:* 7/48).

***Saduq*, tapi buruk hafalannya:** صَدُوْقٌ سَيِّئُ الْحِفْظِ

Sifat ini membawa erti seseorang perawi itu memiliki kesungguhan dalam meneliti apa yang diriwayatkannya, walaupun begitu beliau memiliki kekurangan dari sudut hafalannya. Ungkapan ini adalah antara lafaz *al-ta'dil.* Ia di martabat yang kelima daripada martabat *al-ta'dil* di sisi al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq* pada dirinya:** صَدُوْقٌ فِي نَفْسِهِ

Ia adalah istilah al-Hafiz al-Zahabi dalam kitabnya *Mizan al-I'tidal.* Beliau biasa menggunakannya kepada perawi yang dinisbahkan kepadanya bidaah. Maka beliau akan menerangkan bahawa mereka adalah *saduq* pada diri mereka tetapi telah dituduh dengan bidaah *al-Nasb* (Nawasib) atau *al-Khuruj* (Khawarij) atau *al-Tasyayyu'* (Syiah) dan sebagainya. Ungkapan ini digunakan juga kepada perawi yang meriwayatkan hadis daripada banyak syeikh-syeikh yang *majhul* (tidak diketahui keadaannya), ini adalah untuk menerangkan bahawa – walaupun dia mendatangkan sesuatu yang munkar atau daif dalam hadis-hadis – dia masih seorang yang *saduq* dan dipercayai.
Dan istilah ini juga mempunyai beberapa penggunaan lain di sisi al-Zahabi, dan maksudnya pada kebiasaan ialah seseorang yang disifatkan dengan sifat ini adalah rendah sedikit daripada martabat *saduq*. Terdapat pandangan yang mengatakan ia amat rendah daripada martabat *saduq.*

***Saduq*, tapi banyak melakukan kesalahan:** صَدُوْقٌ كَثِيْرُ الأَوْهَامِ

Iaitu banyak melakukan kesilapan. Ungkapan ini adalah daripada lafaz *al-ta'dil.* Ia di martabat yang kelima menurut al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq*, tapi seorang ahli bidaah:** صَدُوْقٌ لَكِنَّهُ مُبْتَدِعٌ

Ia bermaksud seorang perawi tersebut disifatkan sebagai benar dan amanah dalam mengambil dan menyampaikan hadis. Namun ditohmah dan dituduh dengan sebab dia dinisbahkan kepada suatu fahaman bidaah seperti *al-Tasyayyu', al-Rafd, al-Qadr, al-Nasb* dan sebagainya daripada jenis-jenis bidaah. Ungkapan ini adalah antara lafaz-lafaz *al-ta'dil.* Ia di martabat yang kelima di sisi al-Hafiz al-Zahabi dan ibn Hajar.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq*, tapi mempunyai kesalahan-kesalahan:** صَدُوْقٌ لَهُ أَوْهَامٌ

Iaitu kesilapan. Ia adalah daripada lafaz *al-ta'dil*. Terletak di martabat yang kelima daripada martabat *al-ta'dil* menurut al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq*, ahli Bidaah:** صَدُوْقٌ مُبْتَدِعٌ

Lihat: صَدُوْق ولكنَّهُ مُبْتَدِعٌ.

***Saduq*, tapi ada melakukan kesilapan:** صَدُوْقٌ يُخْطِىءُ

Ia adalah daripada lafaz *al-ta'dil*. Terletak di martabat yang kelima daripada martabat *al-ta'dil* di sisi al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

***Saduq*, tapi ada melakukan kesalahan:** صَدُوْقٌ يَهِمُ

Ia adalah daripada lafaz *al-Tta'dil*. Terletak di martabat yang kelima daripada martabat *al-ta'dil* menurut al-Hafiz ibn Hajar dan al-Suyuti.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat serta

Golongan tabiin kecil: صِغَارُ التَّابِعِيْنَ

Mereka ialah orang yang mengambil hadis daripada sahabat-sahabat kecil yang kewafatan mereka adalah lewat (berbanding sahabat r.a. yang lain). Golongan tabiin ini sempat bertemu dengan sahabat ketika mereka masih kecil. Contohnya: al-Zuhri, Abu Hazim, Yahya bin Sa'id al-Ansari dan sebagainya.

Lihat: التابعي dalam huruf *Ta'*.

Golongan sahabat kecil: صِغَارُ الصَّحَابَة

Mereka ialah sahabat r.a. yang lewat memeluk agama Islam, atau masih kecil ketika Rasulullah SAW masih hidup.

Sifat perawi yang diterima dan yang ditolak riwayatnya: صِفَةُ مَنْ تُقْبَلُ رِوَايَتُهُ وَمَنْ تُرَدُّ

Ia merupakan salah satu jenis *'Ulum al-Hadith*yang membicarakan tentang syarat-syarat yang mesti ada bagi seorang perawi agar diterima hadisnya dan dijadikan hujah. Antara sifat-sifat tersebut ialah perawi tersebut mesti seorang yang adil, serta hafaz dengan apa yang diriwayatkannya.

Perinciannya:
Mestilah perawi tersebut seorang muslim, baligh, berakal, bebas daripada sebarang sebab-sebab yang menjadikannya fasiq atau mencemar maruahnya, seorang yang sedar, bersedia dan tidak seorang yang lalai, hafiz jika dia meriwayatkan melalui hafalannya, dan menjaga kitabnya jika dia meriwayat menggunakan kitabnya. Jika dia meriwayatkan sesuatu hadis dengan maknanya sahaja, maka mestilah dia seorang yang mengetahui perkara-perkara yang boleh mengubah makna hadis tersebut. (lihat: *'Ulum al-Hadith:* m.s. 94).

Tanda kosong: الصِّفْرُ

Ia ialah bulatan kecil (O) yang diletakkan di awal penambahan (yang dibuat) dalam kitab dan juga di akhirnya. Ia menandakan pembuangan perkataan yang salah daripada naskhah tersebut.

Dia telah 'dibaiki' oleh si polan: صَلَّحَهُ فُلانٌ

Ungkapan ini disebut oleh *muhaddithin* bagi tujuan pemberitahuan tentang seorang perawi sekiranya dia seorang yang baik hadisnya (صالحُ الحديثِ), sepertimana ungkapan yang dikatakan kepada perawi yang daif: (مَرَّضه فلانٌ) yakni dia telah didaifkan oleh si polan.

Antara bukti penggunaan ungkapan ini di kalangan *muhaddithin*: Kata-kata al-Hafiz al-Zahabi dalam kitab *Mizan al-I'tidal* (1/589): Hammad bin al-Ja'd, disebut dengan Ibn Abu al-Ja'd. Menurut ibn Ma'in: ليس بشيءٍ. Menurut al-Nasa'i: ضعيفٌ, menurut Abu Zur'ah: لَيِّنٌ وصَلَّحه أبو حاتم.

Dalam kitab *Mizan al-I'tidal* terdapat banyak contoh ungkapan ini. (Lihat: Nota kaki *al-Raf'u wa al-Takmil*: m.s. 138 – 139).

Sad Lam 'Ain Mim: صلعم

Ia adalah simbol ringkasan bagi tulisan selawat: صَلَّى اللهُ عليه وسَلَّم. Menurut *muhaddithin* perbuatan ini adalah sesuatu yang tidak disukai dan dibenci (makruh), sama ada dengan simbol tersebut atau dengan menulis simbol: ص. Begitu juga tidak disukai oleh mereka jika hanya ditulis الصَّلاة sahaja tanpa السَّلام.

Perkara yang benar adalah begini: صَوَابُهُ كَذا

Ungkapan ini ditulis jika wujud kesalahan dalam kitab. Di*tahqiq*kan dengan perkataan كذا yang kecil di atasnya dan ditulis di nota kaki: صوابُه كذا.

Agak salih: صُوَيْلِحٌ

Dari sudut bahasa الصُّوَيلِح adalah *ism tasghir* (kata nama yang 'dikecilkan') daripada perkataan: صالِح yang bermaksud: Seorang yang berada di jalan yang lurus dan menjalankan kewajipannya. Ia adalah lawan bagi perkataan: الفاسدِ (rosak).

Dari sudut istilah: Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-ta'dil*. Termasuk di martabat yang keempat di sisi al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi dan di martabat yang keenam menurut ibn Hajar, al-Suyuti dan al-Sakhawi.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong sahaja.

Tukang pengkaji hadis: صَيْرَفِيُّ الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa الصَّيرفي dan jamaknya الصَّيارِفة bermaksud: Seorang yang melakukan kerja menukar duit atau sebagainya dengan yang lain, selepas meneliti dan mengkaji dengan mendalam sama ada ia asli atau tiruan.

Dari sudut istilah: Seorang imam pengkaji dan pengkritik hadis yang mampu membezakan antara sanad-sanad yang sahih daripada yang daif dan perawi-perawi yang adil daripada yang selain mereka, sepertimana seorang tukang pengurup wang yang dapat membezakan antara dinar-dinar yang asli dan yang tiruan.

Lafaz-lafaz/bentuk-bentuk penyampaian: صِيَغُ الأَدَاءِ

Lihat: ألفاظ الأداء dalam huruf *alif*.

Lafaz-lafaz/bentuk-bentuk penyampaian hadis: صِيَغُ التَّحْدِيْثِ

Lihat: ألفاظ الأداء dalam huruf *alif*.

Lafaz-lafaz/bentuk-bentuk periwayatan yang menunjukkan lemah: صِيَغُ التَّمْرِيْضِ

Ia ialah lafaz-lafaz yang digunakan dalam meriwayatkan hadis tanpa menunjukkan kepastian sahihnya, sebagai contoh: يُذْكَرُ atau ذُكِرَ atau يُرْوَى atau رُوِيَ, dan sebagainya dengan lafaz-lafaz/bentuk-bentuk *fi'il majhul* (kata perbuatan yang tidak dinyatakan pelakunya). Lafaz-lafaz ini tidak digunakan kecuali pada hadis-hadis yang daif.

صِيَغُ الْجَزْمِ

Lafaz-lafaz/bentuk-bentuk periwayatan yang menunjukkan pasti/yakin:

Ia ialah lafaz-lafaz yang digunakan dalam meriwayatkan hadis secara pasti dengan bentuk-bentuk yang diketahui. Contohnya: قالَ atau يقول, حكى atau يحكي, ذكر atau يَذْكُرُ, روى atau يروي, dan sebagainya daripada lafaz-lafaz yang dapat dirasakan bahawa riwayat hadis tersebut adalah sahih atau hasan.

Lafaz/bentuk penyampaian yang menunjukkan lemah: صِيْغَةُ التَّمْرِيْضِ

Lihat: صِيَغ التمريض.

Lafaz/bentuk penyampaian yang menunjukkan pasti: صِيْغَةُ الْجَزْمِ

Lihat: صِيَغ الجزم.

حرف الضَّاد

HURUF DAD

Huruf *Dad:* ض

Ia ialah simbol yang menunjukkan bahawa *al-Diya' al-Maqdisi* telah meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Mukhtarah.*

Orang yang menjaga hafalan: الضَّابِطُ

Dari sudut bahasa الضَّابط ialah kata nama pembuat daripada perkataan: ضَبَطَ يَضْبِط yang bermaksud seseorang yang menghafal atau memelihara sesuatu dengan pasti.

Dari sudut istilah: Seseorang yang mana kesalahan dan kesilapannya dalam meriwayatkan hadis adalah sedikit. Ia juga diberikan kepada seorang yang bertepatan riwayatnya dengan riwayat perawi-perawi *thiqah* dan hafiz dari sudut lafaz atau maknanya pada kebiasaannya. Dengan ungkapan yang lain: Dia adalah seorang hafiz yang teliti serta berkepastian.

Seorang yang menjaga hafalan: ضَابِطٌ

Seorang yang mana kesalahan dan kesilapannya dalam meriwayatkan hadis adalah sedikit. Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-ta'dil.* Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang keempat di sisinya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini baik untuk dijadikan hujah.

Garis melintang: الضَّبَّةُ

Dari sudut bahasa الضَّبَّة dan jamaknya ضَبَّات وضِبَاب bermaksud: Besi panjang yang dilintangkan pada pintu atau kayu (sebagai penghalang).

Dari sudut istilah: Ia ialah tanda dalam bentuk garisan yang mana permulaannya berbentuk sad (صـ), diletakkan di atas kata-kata yang sah penukilannya untuk memberitahu bahawa perkataan tersebut adalah rosak/tidak benar.

Penjagaan, pemeliharaan: الضَّبْطُ

Dari sudut bahasa الضَّبط adalah kata nama terbitan bagi perkataan ضَبَطَ يَضْبِطُ yang bermaksud: Seseorang yang menjaga dan memelihara kitabnya atau selainnya dengan penuh kepastian dan ketekunan. Disebut: ضَبَطَ فُلانٌ الأمرَ ضَبْطاً وضِبَاطةً iaitu: Menjaga dan memeliharanya dengan pasti dengan penjagaan yang bersungguh-sungguh.

Dari sudut istilah: Seorang perawi mendengar akan hadis-hadis daripada syeikhnya dengan penuh kesedaran dan tidak lalai, di mana beliau dapat

menghafalnya jika ia menyampaikannya semula melalui hafalannya dan dapat menghadirkannya pada bila-bila masa, dan bersifat teliti jika beliau menyampaikannya melalui kitabnya, di samping berpengetahuan dengan maknanya, jika beliau hendak meriwayatkan hadis tanpa lafaznya yang sebenar (yakni melalui makna sahaja). (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/201) dan *Fath al-Mughith*: 1/286).

Jenis-jenis *al-Dabt*:

Bagi *al-dabt* ada dua jenis: ضبطُ الصدرِ dan ضبطُ الكتابِ. Berikut pengertian setiap jenis tersebut.

1. Pertama: Penjagaan Hafalan (ضَبْطُ الصَّدر):

Iaitu hafalan seorang perawi yang mampu memastikan apa-apa yang didengarinya daripada syeikh, mengingatinya dan menyampaikannya ketika diperlukan. Dengan kata lain: Seorang perawi yang hatinya dalam keadaan penuh kepastian, akalnya hadir, cerdas, serta tidak lalai, tidak seumpama orang yang tidak mampu membezakan antara kebenaran dan kesalahan, seperti orang yang tidur atau tidak bersungguh-sungguh. (*Fath al-Mughith*: 1/186).

2. Kedua: Penjagaan Kitab (ضَبْطُ الكتاب):

Iaitu seorang perawi yang menjaga dan memelihara kitabnya daripada sebarang perubahan atau penyelewengan, dan mempertahan kitab tersebut sejak dari beliau mendengarnya, serta membetulkan kesalahan yang ada sehinggalah beliau menyampaikan hadis daripada kitabnya itu.

Dengan kata lain: Seorang perawi yang memelihara kitabnya yang ditulis dengan riwayat-riwayat hadis dan dijaga daripada sebarang bentuk kesalahan sejak dari beliau mendengarnya (daripada syeikh) dan menulisnya sehinggalah beliau menyampaikannya semula. Beliau turut menghalang daripada segala bentuk perubahan isi kandungannya, terutama sekali jika beliau hanya bergantung kepadanya ketika menyampaikan hadis, sama ada dari segi penambahan, pengurangan atau penukaran. Di samping merujuk semula pada perkara yang boleh jadi ia menyalahinya pada matan hadis atau pada sanadnya dari segi lafaz atau nama. Dan beliau juga tidak terus menerima sebarang bentuk *talqin* (periwayatan asing). (Lihat: *al-Kifayah*: m.s. 220).

Penjagaan hafalan (dalam dada): ضَبْطُ الصَّدْرِ

Lihat: الضَّبْطُ.

Penjagaan kitab: ضَبْطُ الكِتَابِ

Lihat: الضَّبْطُ.

Pembatalan: الضَّرْبُ

Dari sudut bahasa الضَّرب ialah kata nama terbitan bagi perkataan ضَرَب, يَضرِب yang bermaksud pembatalan dan pembuangan.

Dari sudut istilah: Ia bermaksud pembatalan sesuatu yang ada dalam kitab yang bukan berasal daripadanya, dengan menggunakan tanda yang tertentu di atas perkataan tertentu, contohnya tanda (X) dan sebagainya daripada tanda-tanda lain. Ahli hadis telah menggunakan banyak tanda untuk menandakan pembatalan seumpama ini, antaranya seperti: لا atau زائد.

Perawi-perawi daif: الضُّعَفَاءُ

Dari sudut bahasa الضُّعفاء ialah jamak bagi perkataan الضَّعيف (lemah) yang merupakan lawan bagi perkataan القويّ (kuat).

Dari sudut istilah: Perawi yang disifatkan dengan salah satu sifat-sifat daif atau ditolak periwayatannya.

Lihat: الثّقات والضعفاء dalam huruf *tha'*

Didaifkan: ضُعِّفَ

Dari sudut bahasa ضُعِّفَ ialah kata perbuatan yang terbina di atas sesuatu yang tidak diketahui daripada perkataan: ضَعَّف, يضعِّف yang bermaksud: Dijadikan ia daif.

Dari sudut istilah: Seorang perawi yang dituduh atau ditohmah sebagai daif kerana kekurangan dari segi hafalannya. Lafaz ini tidaklah menunjukkan perawi itu memiliki kedaifan yang melampau, atau telah disepakati kedaifannya oleh semua *muhaddithin*. Oleh sebab itu, lafaz ini diletakkan di martabat yang terakhir daripada martabat *al-jarh* menurut semua ulama.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, dilihat dan diteliti untuk dijadikan dalil penyokong.

Mereka mendaifkannya: ضَعَّفُوْهُ

Iaitu para *muhaddithin* menghukumkan kepada seorang perawi bahawa dia adalah daif dengan sebab kekurangan dari sudut hafalan dan banyak kesalahannya. Lafaz ini didatangkan dalam bentuk jamak bagi menunjukkan ramai *muhaddithin* yang mendaifkannya serta kesepakatan mereka secara pasti terhadap hukum tersebut. Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-jarh*, disebut oleh al-Hafiz al-'Iraqi di martabat yang kedua daripada martabat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi seperti ini boleh dijadikan dalil penyokong.

Al - Daif: الضَّعِيْفُ

Dari sudut bahasa الضعيف adalah kata nama sifat daripada perkataan: ضَعُفَ يَضْعُفُ yang merupakan lawan kepada القَوِيّ (kuat).

Dari sudut istilah: Ia ialah hadis yang tidak terhimpun padanya sifat-sifat hadis sahih mahupun hadis hasan. (lihat: '*Ulum al-Hadith*m.s.).

Sifat-sifat hadis sahih dan hasan ada enam:

1. Bersambung sanad.

2. Keadilan para perawi dalam sanad.
3. Kekuatan hafalan para perawi.
4. Bebas hadis daripada *syaz* (percanggahan).
5. Bebas hadis daripada *'illah* (kecacatan).
6. Hadis memerlukan kepada sokongan dan penguat, seperti Hadis *Hasan Li Ghairihi.*

Jika sesuatu hadis tidak bersifat dengan sifat-sifat ini, maka ia dinamakan hadis daif.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Humaid al-Razi, telah menceritakan kepada kami Hukam bin Sulaim dan Harun bin al-Mughirah bin 'Anbasah, daripada Abu Hamzah, daripada Ibrahim, daripada 'Alqamah, daripada 'Abd Allah – Ibn Mas'ud r.a. – daripada nabi SAW bersabda: "Berwaspadalah kamu sekalian daripada menyebarkan berita kematian, kerana menyebarkan berita kematian itu adalah dari perbuatan Jahiliyyah". (Diriwayatkan dalam *Jami'*nya, dalam *Abwab al-Jana'iz*, Bab *Ma Jaa Fi Karahiyyah al-Na'i*, no. 984).

Menurut al-Tirmizi berkaitan dengan sanad hadis ini: "Abu Hamzah ialah Maymun al-A'war, dia bukanlah seorang yang kuat di kalangan ahli hadis".

Al-Hafiz ibn Hajar berkata berkaitan dengan Maymun al-A'war: "Seorang yang masyhur dengan gelarannya, dan daif". (*Taqrib al-Tahzib* no 7057).

Hadis ini didaifkan dengan sebab perawi yang daif tersebut (Abu Hamzah) yang ada dalam sanadnya.

Hukum meriwayatkannya:

Harus di sisi ahli hadis dan selain mereka untuk meriwayatkan hadis daif, tetapi dengan dua syarat:

Pertama: Hadis daif tersebut tiada kaitan dengan aqidah, seperti sifat-sifat Allah SWT.

Kedua: Hadis daif tersebut bukanlah menerangkan tentang hukum-hukum Syariah yang berkaitan dengan halal dan haram.

Perhatian:

Jika ada seseorang yang meriwayatkan hadis daif tanpa sanad; maka tidak seharusnya dia mengatakan: Rasulullah SAW bersabda begini... dan sebagainya dengan lafaz-lafaz yang pasti dan yakin, bahkan hendaklah dia mengatakan: Diriwayatkan daripada Rasulullah SAW begini... atau Telah sampai kepada kami daripada baginda SAW begini... atau dinukilkan daripada baginda SAW.... dan sebagainya dengan menggunakan bentuk-bentuk lafaz yang tidak pasti.

Hukum beramal dengan hadis daif:

Ulama berbeza pandangan pada hukum beramal dengan hadis daif. Menurut pandangan jumhur ulama, hukumnya adalah sunat beramal dengannya pada perkara berkaitan dengan kelebihan amalan-amalan, tetapi dengan tiga syarat, iaitu:

Pertama: Daifnya tidak terlalu kuat.
Kedua: Hadis tersebut di bawah suatu asal (hukum) yang diamalkan.
Ketiga: Tidak beriktikad ketika beramal dengannya bahawa hadis tersebut adalah pasti dan diyakini, tetapi mengambil sikap berhati-hati dan memilih jalan selamat. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/298-299) dan (*Fath al-Mughith*: 1/268).

Jenis-jenis hadis daif:

Hadis daif mempunyai banyak jenis. Ini disebabkan kehilangan sifat-sifat penerimaan hadis (sifat sahih dan hasan) adalah merujuk kepada tohmahan yang ada pada perawinya, atau keguguran yang terdapat pada sanadnya, atau perkara-perkara lain. Oleh itu, para ulama membahagikan hadis daif kepada banyak bahagian, antara yang paling masyhur ialah:

1. *Mursal.*
2. *Munqati'.*
3. *Mu'dal.*
4. *Mu'allaq.*
5. *Mudallas.*
6. *Mursal Khafi.*
7. *Syaz.*
8. *Munkar.*
9. *Mudtarib.*
10. *Mudraj.*
11. *Maqlub.*
12. *Mu'all.*
13. *Musahhaf* dan *muharraf.*
14. *Mawdu'* (Ia adalah seburuk-buruk jenis daif).

Lihat pengertian keseluruhan jenis hadis daif ini pada huruf-huruf entrinya.

Sumber-sumber hadis daif:

Banyak kitab yang telah ditulis berkaitan dengan hadis daif, kami akan menyebutkan kitab-kitabnya yang paling penting mengikut susunan dan pembahagian berikut:

<u>Pertama: Kitab-kitab yang diandaikan sebagai sumber hadis-hadis daif:</u>

Ia ialah kitab-kitab yang dikatakan mengandungi banyak hadis daif dalamnya:

1. نوادر الأصول في معرفة أخبار الرسول ﷺ: oleh al-Hakim al-Tirmizi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Ali (w 295H).
2. مُسنَد الشِّهاب في المواعظ والآداب: oleh Syihab al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Salamah al-Quda'i (w 454H).
3. فردوس الأخبار بمأثور الخطاب: oleh Abu Syuja' Syirawaih bin Syahradar al-Daylami (w 509H).

<u>Kedua: Kitab-kitab yang memfokus salah satu daripada jenis-jenis hadis daif:</u>

1. المراسيل: oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asyath al-Sijistani (w 275H).

2. العِلَل: Oleh al-Imam Abu Muhammad 'Abd al-Rahman yang lebih dikenali dengan ibn Abi Hatim (w 327H).
3. العلل الكبرى: oleh Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 385H).

Ketiga: Kitab-kitab umum yang menyebut hadis-hadis daif serta jenis-jenisnya:

1. سلسلة الأحاديث الضعيفة والموضوعة: oleh al-Syeikh Muhammad Nasir al-Din al-Albani (w 1420H).
2. موسوعة الأحاديث والآثار الضعيفة والموضوعة: Disediakan oleh al-Ustaz 'Ali bin Hasan al-Halabu dan selainnya.

Keempat: Kitab-kitab yang menyebut hadis-hadis daif ketika menyatakan biografi para perawi yang daif:

1. الضعفاء الكبير: oleh Abu Ja'far Muhammad bin 'Amr bin Musa al-'Uqayli.
2. معرفة المجروحين من المحدِّثين والضعفاء والمتروكين: oleh Muhammad bin Hibban Abu Hatim al-Busti (w 354H).
3. الكامل في ضعفاء الرجال: oleh 'Abd Allah bin 'Adiy al-Jurjani (w 365H).
4. ميزان الاعتدال: oleh al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syams al-Din al-Zahabi (w 748H).
5. لسان الميزان: oleh al-Hafiz Abu al-Fadl Ahmad bin Hajar al-'Asqalani (w 852H).

Daif: ضَعِيفٌ

Iaitu seorang perawi yang daif hadisnya. Ia adalah daripada lafaz-lafaz *al-jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya di martabat yang keempat daripada martabat *al-jarh* di sisi mereka, manakala al-Sakhawi meletakkannya di martabat yang kelima.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini untuk dijadikan dalil penyokong.

Daif hadisnya: ضَعِيفُ الْحَدِيثِ

Lihat: ضعيفٌ.

Terlalu daif: ضَعِيفٌ جِدًّا

Ia adalah sifat yang diberikan kepada seorang perawi dengan sebab kekurangan dari sudut hafalan dan kesalahannya yang banyak.

Ia termasuk dalam lafaz-lafaz *al-jarh*. al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya di martabat yang ketiga daripada martabat *al-jarh* menurut mereka. Menurut al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi pula di martabat yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penyokong.

Daif, daif: ضَعِيْفٌ ضَعِيْفٌ

Ia adalah ungkapan yang digunakan oleh *muhaddithin* dalam menyifatkan *al-jarh* yang melampau bagi seseorang perawi. Antara imam yang menggunakannya: al-Imam 'Ali bin al-Madini yang telah memberikannya kepada Sulayman bin Abu Sulayman al-Qafillani dengan katanya: ضعيفاً ضعيفاً ليس بشيءٍ. (*Mizan al-I'tidal: 1/210*).



حرف الطاء

HURUF TA'

Huruf Ta': ط

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa Imam Malik meriwayatkan hadis berkaitan dalam kitab *al-Muwatta'* beliau.

Ia juga sebagai simbol yang menunjukkan kepada Abu Dawud al-Tayalisi yang meriwayatkan sesuatu hadis dalam kitab *Musnad*nya.

Penuntut: الطَّالِبُ

Ia ialah antara martabat ahli hadis yang diberikan kepada setiap orang yang baharu memulakan perjalanannya dalam menuntut dan mendengar hadis Nabi *s.a.w.*

Penuntut hadis: طَالِبُ الْحَدِيْثِ

Lihat: الطَّالِبُ.

Bala-bala: طَامَّاتٌ

Lihat: طامَّة.

Bala, musibah: طَامَّةٌ

Dari sudut bahasa طامَّة dan jamaknya طامَّات bermaksud: Musibah yang besar, perkara yang hebat dan bala yang melampaui segala-galanya (*Lisan al-'Arab*).

Dari sudut istilah: Lafaz ini digunakan di sisi *muhaddithin* dengan makna penipuan atau pendustaan. Kata-kata mereka: فلانٌ أتى بطامَّات bermaksud: si polan yang membawa pendustaan atau kepalsuan dalam hadis.

Penggunaan lafaz ini amat meluas di sisi *muhaddithin*, kebanyakannya digunakan dalam bentuk jamak. Berikut disebutkan dua contoh penggunaannya:

1. Berkata ibn 'Arraq dalam biografi: Muhammad bin'Abd Allah bin Ziyad Abu Salamah al-Ansari: Berkata ibn Tahir: كذّابٌ له طامَّاتٌ. (*Tanzih al-Syari'ah*: 1/107).
2. Berkata Ibn Hibban dalam biografi al-Nu'man bin Syibl: يأتي عن الأثبات بالطامَّات، وعن الأثبات بالمقلوبات (yakni beliau membawa daripada perawi-perawi yang *thabit* dengan bala-bala dan hadis-hadis yang bercampur baur). (Lihat: *al-Majruhin*: 3/73).

Hukumnya:

Tidak boleh dijadikan hujah bagi perawi yang disifatkan dengan lafaz ini.

Ta' Ba': طب

Simbol yang menunjukkan kepada al-Tabarani meriwayatkan hadis dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabir.*

Bertepatan, Kesepadanan: الطِّبَاقُ

Dari sudut bahasa الطِّباق ialah kata nama terbitan bagi perkataan طابَقَ يُطابِق yang bermaksud: perbandingan antara dua perkara.

Dari sudut istilah: ialah memastikan persamaan antara kitab yang disalin dengan riwayat daripada syeikh.

Lihat: التَّسميع dalam huruf Ta'.

Bekas, penutup: الطَّبَقُ

Dari sudut bahasa الطَّبَقُ dan jamaknya أطباق bermaksud: Penutup setiap sesuatu.

Kalimah المطابقة bererti persamaan dan kalimah الطبقات (الطبقة) bererti umat yang datang selepas umat yang sebelumnya.

Menurut Ibn Sidah: الطَّبَقُ adalah sekumpulan orang yang datang selepas sekumpulan yang lain.

Manakala al-Asma'i berpendapat: الطِّبَقُ dengan baris bawah bererti sekumpulan orang ramai. (Lihat: *Tahzib al-Lughah:* 9/9-11).

Dari sudut istilah: Ialah pencatatan ahli ilmu akan nama-nama individu, dan nama-nama orang yang hadir dalam majlis-majlis membaca kitab di akhir atau dipermulaan kitab tersebut. Ia juga dinamakan dengan: السَّماعات.

Menjadi kebiasaan *Muhaddithin* , *qurra'* dan sebagainya dalam kalangan ahli ilmu untuk merekodkan nama-nama individu dan nama-nama orang yang menghadiri majlis-majlis membaca kitab di akhir kitab, ini memandangkan kerana ia ditulis mengikut kumpulan pembaca-pembaca kitab, di samping menitikberatkan juga dalam merekod tarikh majlis-majlis tersebut.

***Tabaqat*, Peringkat-peringkat** الطَّبَقَاتُ

Dari sudut bahasa الطبقات ialah jamak bagi perkataan طَبَقة yang bermaksud: Suatu golongan yang hampir sama dari sudut umur ataupun masa.

Dari sudut istilah: Ialah suatu golongan yang hampir serupa dari sudut umur dan juga isnad, atau dari sudut isnad sahaja, seperti contoh syeikh-syeikh kepada si polan adalah juga syeikh-syeikh kepada si polan yang lain, ataupun mereka hampir sama taraf dengan syeikh-syeikhnya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith*hlm.399).

Berkata al-Hafiz ibn Hajar: *Tabaqah* adalah ibarat bagi suatu kumpulan yang bersamaan dari segi umur dan juga pertemuan dengan syeikh-syeikh. (*Nuzhah al-Nazar*: hlm. 86).

Faedah mengetahui *Tabaqat*:

Selamat daripada kekeliruan dalam membezakan antara dua perawi yang hampir serupa, seumpama perawi-perawi yang sama dari segi nama atau gelaran atau sebagainya. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 3/351).

***Tabaqat* para perawi:** طَبَقَاتُ الرُّوَاةِ

Dari sudut bahasa sila lihat pengertian: الطبقات pada tempat nya. Manakala perkataan الرواة adalah jamak bagi perkataan راوٍ . Mereka adalah orang yang menukilkan hadis atau *athar* dengan isnad-isnad mereka sehinggalah ke akhirnya.

Dari sudut istilah: Mereka adalah perawi-perawi sanad yang berurutan atau berangkaian daripada permulaan sanad sehinggalah ke akhirnya. Setiap perawi dalam sesuatu sanad mewakili satu *tabaqat*.

Contohnya:

Tabaqat Pertama: Para sahabat *r.a.* dan mereka dibahagikan kepada beberapa *tabaqat*. Pembahagian yang paling masyhur sepertimana yang dibahagikan oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi kepada 12 *tabaqat*. (Lihat: *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith:* hlm. 22-24).

Kedua: *Tabaqat* selain sahabat *r.a.*, dan mereka dibahagikan berdasarkan kepada hafalan, ketekunan dan tempoh lama bersama syeikh. Pembahagian yang masyhur di sisi *muhaddithin* adalah 5 *tabaqat*.

Al-Hafiz ibn Hajar membahagikan mereka dalam mukadimah *'Taqrib al-Tahzib'* kepada 12 *tabaqat*, namun beliau hanya mengkhususkan *tabaqat-tabaqat* ini kepada perawi yang mempunyai riwayat dalam *Kutub Sittah* sahaja. *Tabaqat* tersebut ialah:

Pertama: Para sahabat *r.a.* mengikut martabat yang pelbagai.

Kedua: *Tabaqat* tabiin besar seperti Sa'id bin Musayyib.

Ketiga: *Tabaqat* pertengahan dalam kalangan tabiin seperti al-Hasan al-Basri dan Ibn Sirin.

Keempat: *Tabaqat* selepas *tabaqat* pertengahan, dan kebanyakan riwayat mereka adalah daripada *tabaqat* tabiin besar, mereka adalah seperti al-Zuhri dan Qatadah.

Kelima: *Tabaqat* tabiin kecil, yang sempat melihat seorang atau dua orang sahabat, serta tidak dapat dipastikan mereka ada pernah mendengar daripada sahabat *r.a.* seperti al-A'masy.

Keenam: *Tabaqat* yang sempat sezaman dengan *tabaqat* kelima. Tetapi tidak dapat dipastikan mereka pernah bertemu dengan salah seorang sahabat *r.a.* seperti ibn Juraij.

Ketujuh: *Tabaqat* Tabi al-Tabiin besar, seperti Malik bin Anas dan Sufyan al-Thawri.

Kelapan: *Tabaqat* pertengahan daripada tabi al-Tabiin seperti ibn 'Uyainah dan ibn 'Ulayyah.

Kesembilan:*Tabaqat* Tabi al-Tabiin kecil seperti Yazid bin Harun, al-Syafi'i, Abu Dawud al-Tayalisi dan 'Abd al-Razzaq al-San'ani.

Kesepuluh: Perawi-perawi besar yang mengambil hadis daripada tabi al-Tabiin serta tidak sempat bertemu dengan tabiin, seperti Ahmad bin Hanbal.

Kesebelas: *Tabaqat* pertengahan dalam kalangan mereka seperti al-Zuhli dan al-Bukhari.
Kedua Belas: *Tabaqat* perawi kecil yang mengambil hadis daripada tabi al-Tabiin seperti al-Tirmizi.
Termasuk dalam *tabaqat* ini baki syeikh-syeikh kepada Enam Imam Hadis yang lewat sedikit kewafatan mereka, seperti sebahagian syeikh-syeikh al-Nasa'i.
Kemudian al-Hafiz berkata: "Sesiapa yang berada pada *tabaqat* yang pertama dan kedua, maka kewafatan mereka adalah sebelum 100H. Jika daripada *tabaqat* yang ketiga hingga yang kelapan, maka kewafatan mereka selepas 100H. Manakala daripada *tabaqat* kesembilan hingga akhir *tabaqat*, maka kewafatan mereka selepas daripada 200H".
Pembahagian yang dinyatakan oleh al-Hafiz ibn Hajar ini ialah pembahagian yang paling sesuai bagi para perawi yang berakhirnya zaman periwayatan dengan berakhirnya tahun 300 hijrah, sepertimana pandangan sebahagian ulama hadis. Zaman tersebut adalah zaman Enam Imam Hadis dan ulama-ulama yang sezaman dengan mereka seperti Baqiyy bin Makhlad (w 276H), Isma'il al-Qadi (w 282H), al-Isma'ili Abu Bakr Muhammad bin Isma'il (w 289H), Ahmad bin 'Amr Abu Bakr al-Bazzar (w 292H), Muhammad bin Nasr al-Marwazi (w 294H) dan sebagainya.
Oleh itu, al-Hafiz al-Zahabi berpandangan bahawa tahun 300H ialah batasan pemisah antara golongan salaf dan khalaf, namun zaman periwayatan tetap berterusan sehinggalah kepada kurun yang kelima hijrah. Ini kerana masih wujud riwayat-riwayat yang dikeluarkan seperti dalam karya-karya al-Bayhaqi, al-Khatib, ibn 'Abd al-Bar, ibn Hazm dan sebagainya dalam kalangan para *huffaz*. Maka boleh ditafsirkan kata-kata al-Zahabi ini yang maksudkan ialah batasan pemisah bagi zaman kecemerlangan.

Sumber-sumber *Tabaqat*:

Berikut disebutkan nama-nama kitab yang mengandungi maklumat berkaitan dengan *tabaqat* para perawi, biodata, hal ehwal dan juga riwayat mereka, urutan *tabaqat*, dan juga urutan zaman.

1. الطبقات الكبرى: Oleh ibn Sa'ad, Muhammad bin Sa'ad al-Basri (w 230H).
2. الطبقات: Oleh ibn al-Madini, 'Ali bin Ja'far al-Sa'di al-Basri (w 234H).
3. الطبقات: Oleh Khalifah bin Khayyat al-'Usfuri (w 240H).
4. طبقات رُواة الحديث: Oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w 261H).
5. طبقات الأسماء المُفْرَدة من الصَّحابة والتابعين وأصحاب الحديث: Oleh Abu Bakr, Ahmad bin Harun bin Ruh al-Bardiji (w 301H).
6. الطبقات: Oleh Abu 'Arubah al-Harrani, al-Husayn bin Muhammad al-Sulami (w 318H).

7. طبقات علماء إفريقيا وتونس: Oleh Abu al-'Arab Muhammad bin Ahmad al-Qayrawani (w 333H).
8. طبقات المحدِّثين: Oleh Abu al-Qasim Maslamah bin al-Qasim al-Andalusi (w 353H).
9. طبقات علماء إفريقيا: Oleh Muhammad bin al-Harith bin Asad al-Khasyani (w selepas 366H).
10. طبقات المحدِّثين بأصبهان والواردين عليها: Oleh Abu al-syaikh ibn Hayyan Abu Muhammad 'Abd Allah bin Muhammad al-Asfahani (w 369H).
11. الحَثّ على حفظ العلم وذكر كبار الحُفّاظ: Oleh al-Hafiz Abu al-Faraj, Abd al-Rahman bin 'Ali yang lebih dikenali dengan ibn al-Jawzi (w 597H).
12. التقييد لمعرفة رواة السُّنَن والمسانيد: Oleh ibn Nuqtah, Abu Bakr Muhammad bin 'Abd al-Baghdadi al-Hanbali (w 629H).
13. طبقات عُلماء الحديث: Oleh ibn 'Abd al-Maqdis, al-Syams Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Hadi (w 744H).
14. تذكرة الحُفّاظ atau طبقات الحفّاظ: Oleh al-Hafiz Syams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Zahabi (w 748H).
15. المُعِين في طبقات المحدِّثين: Oleh al-Zahabi juga.
16. ذيل تذكرة الحفّاظ: Oleh al-Husayni, Abu al-Mahasin Muhammad bin 'Ali bin al-Hasan (w 765H), sebagai huraian dan sambungan bagi kitab تذكرة الحُفّاظ oleh al-Zahabi daripada tahun 742 H hingga 765H.
17. لحظ الألحاظ بذيل طبقات الحفاظ: Oleh ibn Fahd al-Makki, Taqiy al-Din Muhammad bin Fahd (w 871H) sebagai sambungan kitab تذكرة الحُفّاظ oleh al-Zahabi.
18. رونق الألفاظ بمعجم الحُفّاظ: Oleh Sibt Ibn Hajar Yusuf Ibn Syahin (w 899H).
19. طبقات الحُفّاظ: Oleh al-Hafiz Jalal al-Din Abu al-Fadl 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w 911H), ringkasan daripada kitab طبقات الحُفّاظ oleh al-Zahabi (w 748H) dan ditambah ke atasnya biografi-biografi ulama yang datang selepasnya dalam kalangan *huffaz*.
20. طبقات الحفاظ: Oleh al-Suyuti juga, sebagai sambungan ke atas kitab تذكرة الحُفّاظ oleh al-Zahabi dari tahun 740H hingga 911H.

***Tabaqat* sanad:** طَبَقاتُ السَّنَدِ

Dari sudut bahasa sila lihat pengertian الطبقات dan السند pada tempat nya.

Dari sudut istilah: Mereka ialah perawi-perawi sanad yang saling berturut-turut atau berangkaian dari permulaan sanad hinggalah pengakhirannya, yang setiap perawi mewakili satu *tabaqat*.

***Tabaqat* para sahabat *r.a.*:** طَبَقَاتُ الصَّحَابَةِ

Dari sudut bahasa sila lihat pengertian الطبقات dan الصحابة pada tempat nya.

Dari sudut istilah: Mereka terbahagi 12 *tabaqat*, sepertimana yang dibahagikan oleh al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi dalam kitabnya. Penulis akan menyebut pembahagiannya bersama penambahan dan sedikit perubahan:

Pertama: Golongan yang terdahulu memeluk Islam di Mekah. Mereka seperti Ummu al-Mukminin al-Sayyidah Khadijah, Empat Khalifah iaitu Abu Bakar al-Siddiq, 'Umar bin al-Khattab, 'Uthman bin 'Affan, dan 'Ali bin Abu Talib serta lain-lain dalam kalangan sahabat yang dikhabarkan berita gembira menjadi ahli syurga.

Kedua: Sahabat-sahabat yang terlibat dalam Dar al-Nadwah ketika 'Umar bin al-Khattab memeluk Islam dan menzahirkan Islamnya: Beliau membawa Rasulullah *S.A.W* ke Dar al-Nadwah, lantas sekumpulan penduduk Mekah berbaiah dengannya.

Ketiga: Golongan yang berhijrah ke Habasyah. Mereka terdiri daripada 12 orang lelaki dan 4 orang wanita. Antara mereka ialah: 'Uthman bin 'Affan, al-Sayyidah Ruqayyah binti Rasulullah *s.a.w*, Ja'far bin Abu Talib, 'Abd al-Rahman bin 'Auf dan lain-lain.

Keempat: Sahabat yang berbaiah dengan Rasulullah *s.a.w* di al-'Aqabah kali pertama, dan kebanyakan mereka dalam kalangan muhajirin.

Kelima: Sahabat yang berbai'ah dengan Rasulullah *s.a.w* di al-'Aqabah kali kedua, dan kebanyakan mereka dalam kalangan al-Ansar.

Keenam: Muhajirin awal yang sampai kepada Rasulullah *s.a.w* ketika baginda di Quba' sebelum memasuki Madinah dan membina al-Masjid al-Nabawi.

Ketujuh: Sahabat yang menyertai peperangan Badar. Mereka ini yang dikatakan oleh Rasulullah *S.A.W*: "Bolehjadi Allah telah menilik dan memilih semua ahli Badar dan berkata: Lakukanlah apa yang kamu semua kehendaki, sesungguhnya saya telah mengampunkan kamu semua.". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab al-Jihad wa al-Siyar, bab al-Jasus*, no. 3007).

Kelapan: Sahabat yang berhijrah di antara peperangan Badar dan al-Hudaybiyyah.

Kesembilan: Sahabat yang menyertai baiah al-Ridwan di al-Hudaybiyyah. Allah berfirman berkenaan mereka: "Sesungguhnya Allah telah meredhai golongan orang beriman yang telah berbaiah denganmu di bawah sepohon pokok, Dia mengetahui apa yang ada di hati-hati mereka, maka Dia menurunkan ketenangan ke atas mereka, dan diganjari mereka dengan pembukaan atau kemenangan yang hampir". (*al-Fath*: 18).

Kesepuluh: Sahabat yang berhijrah (ke Madinah) di antara al-Hudaybiyyah dan Pembukaan Kota Mekah, seperti Khalid bin al-Walid, 'Amru bin al-'As, Abu Hurairah dan selain mereka yang ramai bilangannya.

Kesebelas: Sahabat yang memeluk Islam ketika Pembukaan Kota Mekah, mereka adalah sekelompok daripada orang Quraisy. Antara mereka ada yang memeluk Islam secara sukarela, dan ada yang memeluk Islam kerana takut dibunuh dan akhirnya berubah dan menjadi muslim yang sempurna.

***Tabaqat* Kedua Belas:** Kanak-kanak dan anak-anak sahabat yang melihat Rasulullah *S.A.W* ketika Pembukaan Kota Mekah, Haji Wada'(Terakhir) dan selain daripadanya. Mereka ini termasuk dalam kalangan sahabat, antaranya: al-Sa'ib bin Yazid dan 'Abd Allah bin Tha'labah bin Abu Su'air, kerana mereka berdua melihat Nabi *s.a.w.* ketika tawaf dan di sisi telaga zamzam. (Lihat: *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith:* hlm. 22-24) dan (*Tadrib al-Rawi*: 2/221.222).

Sumber-sumber *tabaqat* sahabat *r.a.*:

1. الطبقات الكبرى: Oleh ibn Sa'ad, Muhammad bin Sa'ad al-Basri (w 230H).
2. الطبقات: Oleh ibn al-Madini, 'Ali bin Ja'far al-Sa'di al-Basri (w 234H).
3. الطبقات: Oleh Khalifah bin Khayyat al-'Usfuri (w 240H).
4. طبقات رُواة الحديث: Oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi (w 261H).
5. طبقات الأسماء المُفْرَدة من الصَّحابة والتابعين وأصحاب الحديث: Oleh Abu Bakr, Ahmad bin Harun bin Ruh al-Bardiji (w 301H).
6. الطبقات: Oleh Abu 'Arubah al-Harrani, al-Husayn bin Muhammad al-Sulami (w 318H).
7. تذكرة الحُفّاظ atau طبقات الحفّاظ: Oleh al-Hafiz Syams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Zahabi (w 748H).

***Tabaqat* kitab-kitab hadis:** طَبَقاتُ كُتُبِ الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa sila lihat pengertian الطبقات pada tempat nya.

Dari sudut istilah: Ia ialah pembahagian kitab-kitab hadis berdasarkan kepada kesahihan dan kemasyhurannya. Maksud 'kesahihan' di sini ialah penulis sesebuah kitab meletakkan syarat ke atas dirinya dengan hanya meletakkan hadis yang sahih atau hasan, tidak *maqlub*, tidak *syaz*, dan tidak *daif* kecuali dengan penerangan tentang keadaan hadis tersebut. Meletakkan hadis *daif* bersama keterangan berkaitan keadaan hadis tersebut bukanlah suatu yang mencacatkan kitab.

Manakala maksud 'kemasyhuran' ialah hadis-hadis yang dinyatakan dalam sesebuah kitab sudahpun berlegar-legar di lidah para *muhaddith* sebelum pembukuan hadis-hadis tersebut, begitu juga selepas pembukuannya, dan imam-imam hadis – sebelum kedatangan seseorang penulis kitab – telah pun meriwayatkannya dengan pelbagai sanad, serta diletakkan hadis-hadis itu dalam *musnad-musnad* dan jami'-jami' mereka. Begitu juga selepas penulis (menulis kitabnya), para ulama berusaha memberi khidmat terhadap kitab tersebut dengan meriwayatkannya, menghafalnya, menyingkap permasalahan dalamnya, menerangkan perkara yang tidak difahami, mengupas berkaitan

i'rab, *mentakhrij* sanad-sanad hadis, mengeluarkan hukum fikah, meneliti dan mengkaji perawi-perawinya di setiap *tabaqat*, yang berterusan sehinggalah ke hari ini. Maka pengkritik-pengkritik atau pengkaji-pengkaji hadis yang muncul sebelum dan selepas seseorang penulis kitab bersepakat dalam berpendapat dengannya (dalam berhujah dengan hadis-hadis tersebut), menghukum kesahihannya, bersetuju dengan pandangan penulis terhadapnya, serta menerima kitab beliau dengan pujian dan sanjungan. (Lihat: *Tafhim Mustalah al-Hadith*oleh al-Badkhasyani: hlm. 100).

Orang pertama yang membuat pembahagian ini ialah al-Imam Syah Waliy Allah Ahmad bin 'Abd al-Rahim al-Dihlawi (w 1176H) dalam kitabnya: *Hujjat Allah al-Balighah*. Beliau membahagikan kitab-kitab ini kepada 4 bahagian. Penulis akan menyebutnya seperti berikut beserta sedikit ubahsuai dan tambahan:

***Tabaqat* Pertama**: Ia terbatas berdasarkan penelitian kepada 3 kitab berikut yang terhimpun padanya kesahihan dan kemasyhuran dalam bentuk yang sempurna:

1. الموطأ: Oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Malik bin Anas al-Asbahi
2. (w 179H).

   Menurut al-Imam al-Syafi'i: 'Kitab yang paling sahih selepas Kitab Allah adalah *Muwatta' Malik'*.

   Ulama hadis bersepakat mengatakan bahawa semua hadis yang ada dalam kitab *Muwatta'* adalah sahih berdasarkan pandangan Malik dan orang yang bersetuju dengannya. Adapun menurut pandangan ulama lain, tiada dalam kitab tersebut hadis *mursal* dan *munqati'* kecuali hadis-hadis tersebut adalah muttasil (bersambung sanadnya) mengikut sanad yang lain. Maka dengan ini, tidaklah menjadi kesalahan untuk dikatakan bahawa kesemuanya adalah sahih. Para ulama masih terus *mentakhrijkan* hadis-hadis *al-Muwatta'*, menyebut *mutaba'at* dan *syawahid*nya, mensyarahkan perkataannya yang sukar, menetapkan bacaannya yang musykil, mengkaji perbahasan fikahnya serta menyelidiki perawi-perawinya.
3. صحيح البخاري: Oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w 256H).
4. صحيح مسلم: Oleh al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi (w 261H).

Seluruh *muhaddithin* bersepakat mengatakan bahawa semua hadis yang ada dalam kedua-dua kitab ini adalah hadis yang bersambung sanad, disandarkan kepada Nabi *S.A.W* dan pasti kesahihannya. Kedua-dua kitab ini diriwayatkan secara *mutawatir* sehingga kepada penulisnya dan sesiapa yang memandang rendah akan kedua-duanya, maka dia adalah seorang ahli bidaah yang jauh daripada landasan orang beriman.

***Tabaqat* Kedua**: Kitab-kitab yang tidak sampai kepada tahap *al-Muwatta'* dan *al-Sahihain*, tetapi datang selepas daripadanya. Penulis-penulis kitab ini terkenal dengan sifat *thiqah*, *adil*, sempurna hafalan dan luas ilmu pengetahuan dalam semua pecahan ilmu hadis. Mereka semua tidak redha dengan sikap bermudah-mudah terhadap syarat-syarat yang telah diletakkan ke atas diri mereka sendiri (dalam penulisan kitab). Justeru, umat yang datang selepas daripada mereka menyambut kitab-kitab tersebut dengan penerimaan yang penuh. *Muhaddithin* dan fuqaha di setiap peringkat mengambil berat terhadap kitab-kitab ini, maka kitab-kitab tersebut menjadi terkenal dan masyhur dalam kalangan orang ramai. Para ulama berkhidmat terhadapnya dengan mensyarahkan segala perkara yang sukar, mengkaji perawi-perawinya, mengeluarkan hukum-hukum dalamnya, dan dengan hadis-hadis inilah terbinanya segala ilmu secara umum. Kitab-kitab tersebut adalah seperti:

1. سنن أبي داود: Oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asyath al-Sijistani (w 275H).
2. جامع الترمذي: Oleh al-Imam Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w 279H).
3. مجتبى النسائي: Oleh al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w 303H).

Kitab-kitab ini di samping kitab-kitab *tabaqat* pertama, telah diberi khidmat oleh ulama terhadap hadis-hadisnya, antara mereka ialah Razin bin Mu'awiyah al-Saraqusti (w 535H) dalam kitabnya: تجريد الصحاح والسنن, dan ibn al-Athir Majd al-Din Mubarak al-Jazari (w 606H) dalam kitabnya: جامع الأصول لأحاديث الرسول. Kitab *Musnad* Ahmad hampir-hampir dimasukkan ke dalam *tabaqat* ini. Ini adalah disebabkan al-Imam Ahmad sendiri menjadikan kitabnya sebagai asas untuk mengetahui hadis sahih dan tidak sahih, beliau berkata: Apa yang tiada dalamnya (kitab *musnad*), maka janganlah diterima.

***Tabaqat* Ketiga**: *Tabaqat* ini merangkumi *al-Masanid, al-Jawami'* dan *al-Musannafat*. Kitab-kitab ini ditulis sebelum kitab *al-Sahihain* (al-Bukhari dan Muslim), juga di zaman kedua-duanya serta zaman selepas kedua-dua kitab tersebut. Kitab-kitab *tabaqat* ini mengumpulkan hadis-hadis sahih, hasan, *daif*, *ma'ruf*, *gharib*, *syaz*, *munkar*, *khata'* (salah), *sawab* (benar), *thabit* dan juga *maqlub*. Kitab-kitab ini tidaklah semasyhur kitab-kitab pada *tabaqat* sebelumnya walaupun tiada perkara yang *munkar* secara mutlak. Hadis-hadis yang bersendirian perawi meriwayatkannya tidak diperbincangkan. Kitab-kitab *tabaqat* ini banyak digunakan oleh para fuqaha. Para *muhaddith* tidak banyak melakukan penyelidikan atau kajian tentang kesahihan dan ke*daif*an hadis-hadisnya. Ada antara kitab-kitab tersebut yang tidak diberi khidmat oleh ahli bahasa dengan disyarahkan perkataan-perkataan yang sukar difahami, atau oleh ahli fikah untuk dipraktikkan mengikut mazhab salaf, atau oleh *muhaddith* dengan menerangkan kemusykilannya, atau oleh ahli sejarah

dengan menyebut nama perawi-perawinya. Bukanlah yang dimaksudkan ulama mutakhir yang mengkaji dengan mendalam, tetapi merujuk kepada imam-imam terdahulu dalam kalangan ahli hadis. Maka kitab-kitab ini masih kekal tersembunyi, tertutup dan tersimpan, seperti:

1. مسند الطَّيَالِسِي: Oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Dawud al-Tayalisi al-Jarud al-Basri (w 203H).
2. مصنف عبد الرزاق: Oleh al-Imam Abu Bakr 'Abd al-Razzaq bin Hammam al-San'ani (w 220H).
3. مصنف ابن أبي شيبة: Oleh al-Imam Abu Bakr 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Syaibah al-Kufi (w235H).
4. مسند عبد بن حُمَيْد: Oleh al-Imam Abu Muhammad 'Abd bin Humaid bin Nasr al-Kissi (w 249H).
5. مسند أبي يعلي: Oleh al-Imam Ahmad bin 'Ali bin al-Muthanna al-Taymi yang lebih dikenali dengan Abu Ya'la al-Musili (w 307H).
6. Kitab-kitab al-Imam Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Tahawi (w 321H).
7. Kitab-kitab al-Imam Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabari (w 360H).
8. Kitab-kitab al-Imam Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (w 458H).

Tujuan mereka ialah untuk mengumpulkan hadis-hadis yang mereka perolehi, bukannya menyaring, mengemaskini dan memudahkannya untuk diamalkan.

***Tabaqat* Keempat**: Kitab-kitab yang disusun oleh penulis-penulis selepas beberapa kurun yang bertujuan untuk mengumpulkan hadis-hadis yang tiada di 2 *tabaqat* permulaan. Hadis-hadis ini wujud dalam *al-Majami'* dan *al-Masanid* yang tersembunyi, lalu dizahirkan keadaannya. Kebanyakan hadis-hadis ini yang berlegar-legar di kelompok orang yang tidak diambil hadis mereka oleh *Muhaddithin* , seperti kebanyakan penceramah agama yang bersifat tidak teliti, yang mengikut hawa nafsu dan perawi yang *daif*. Atau ia adalah daripada *athar* para sahabat dan tabiin, atau dari cerita-cerita bani Israil, atau kata-kata hikmah yang. dicampur adukkan oleh para perawi dengan hadis Nabi *s.a.w*, sama ada secara sengaja atau tidak. Atau ia adalah daripada perkara-perkara atau kefahaman al-Quran dan hadis sahih yang diriwayatkan secara makna oleh orang soleh yang tidak mengetahui selok belok periwayatan, lantas mereka menjadikan makna-makna tersebut sebagai hadis-hadis Nabi *s.a.w*. Atau juga kefahaman melalui kenyataan-kenyataan al-Quran dan al-Sunnah yang dijadikan hadis-hadis secara sengaja, atau percantuman matan-matan hadis-hadis yang berbeza lalu dijadikan satu hadis dan dibawa melalui satu sanad.

Sumber-sumber hadis-hadis ini ialah:

1. الضعفاء: Oleh Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H).
2. الكامل: Oleh al-Imam Abu Ahmad 'Abd Allah bin 'Adiy al-Jurjani (w 365H).
3. Kitab-kitab Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah al-Asfahani (w 430H).
4. Kitab-kitab al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin 'Ali yang dikenali dengan al-Khatib al-Baghdadi (w 462H).
5. Kitab-kitab al-Hafiz Abu 'Abd Allah al-Husayn bin Ibrahim al-Juzaqani (w 546H).
6. Kitab-kitab al-Hafiz Abu al-Qasim 'Ali bin al-Hasan al-Dimasyqi yang dikenali dengan Ibn 'Asakir (w 571H).
7. Kitab-kitab Abu Syuja' Syahradar bin Syirayah yang dikenali dengan al-Daylami (w 558H).
8. Kitab-kitab Muhib al-Din Abu 'Abd Allah yang dikenali dengan Ibn al-Najjar (w 643H).

Manakala kitab جامع مسانيد الإمام الأعظم oleh Abu al-Mu'ayyid Muhammad bin Mahmud al-Khuwarizmi (w 665H) hampir-hampir termasuk dalam *tabaqat* ini.

Tabaqat ini sesuai bagi kitab yang mengandungi hadis yang berkemungkinan *daif* dan juga hadis palsu atau *maqlub* yang sangat *munkar*. *Tabaqat* ini juga adalah isi utama bagi kitab الموضوعات oleh al-Hafiz Ibn al-Jawzi (w 597H).

***Tabaqat* Kelima**: Termasuk pada *tabaqat* ini kitab-kitab yang mengandungi hadis-hadis yang masyhur dan biasa digunakan oleh para fuqaha', ahli sufi, ahli sejarah dan sebagainya. Namun ia tidak mempunyai sumber asal dalam empat *tabaqat* yang sebelumnya. Ada antaranya yang dicipta oleh orang yang nipis agamanya tapi alim lidahnya, lalu didatangkan dengan isnad yang kuat yang tidak mungkin dapat dikritik berserta kata-kata yang mantap yang tidak mustahil ia bersumber daripada Nabi *s.a.w*, maka semua ini telah menimbulkan musibah yang besar dalam Islam. Tetapi pakar-pakar hadis telah mengkajinya dengan membawa المتابعات dan الشواهد, maka tersingkaplah tirai penghalang dan terzahirlah kecacatannya.

Penilaian *Tabaqat-tabaqat* tersebut sebagai sumber hujah di sisi *muhaddithin:*

Tabaqat pertama dan kedua merupakan sumber pegangan *muhaddithin*.

Tabaqat ketiga tidak boleh terus dijadikan hujah untuk beramal dan berpegang dengannya kecuali melalui golongan pengkaji dan pakar hadis yang telah menghafal nama-nama para perawi dan mengetahui kecacatan-kecacatan hadis. Berkemungkinan ia boleh dijadikan sebagai المتابعات dan الشواهد.

Manakala *tabaqat* keempat pula, usaha untuk mengumpulkannya dan mengeluarkan hukum daripadanya ialah merupakan sejenis usaha lebihan dari

golongan mutakhir. Jika kamu hendakkan kebenaran, kumpulan-kumpulan ahli bidaah dalam kalangan Rafidah, Mu'tazilah dan sebagainya mampu untuk menyaring daripadanya dalil-dalil sokongan bagi mazhab mereka, maka membalas dengannya adalah tidak betul dalam medan 'peperangan' ulama dengan hadis. Wallahu a'lam. (Daripada kata-kata al-Imam Waliy Allah al-Dihlawi dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah* dengan ringkasan, olahan dan penambahan).

***Tabaqat*:** الطَّبَقَةُ

Lihat: الطَّبَقاتُ.

Doktor Hadis: طَبِيْبُ الْحَدِيْثِ

Gelaran yang diberikan kepada seseorang ulama yang terkenal dengan pengetahuannya dalam *'ilal-'ilal* hadis dari sudut sanad dan matan, sepertimana seorang doktor yang mahir mengetahui penyakit pesakitnya. Dinukilkan daripada al-Imam Muslim bahawa beliau menggunakan gelaran ini kepada syeikhnya, al-Imam Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. Beliau mengungkapkannya ketika disingkapkan baginya *'illah* (kecacatan) dalam suatu hadis yang ditanyakan kepadanya. Muslim berkata: Beliau adalah ustaz bagi para ustaz, ketua para *muhaddith* dan doktor hadis dari sudut *'ilah-'ilah*nya. (*Syarah 'Ilal al-Tirmizi*: 1/224).

Mereka mencampak hadisnya: طَرَحُوْا حَدِيْثَهُ

Iaitu: Para *muhaddith* meninggalkan hadis seorang perawi dan tidak mengambilnya atau memandang kepadanya. Ini disebabkan sama ada perawi tersebut bukanlah seorang yang benar dan amanah, atau seorang yang banyak melakukan kesilapan dan dituduh berdusta.

Ia juga adalah antara lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-Jarh*. Al-Sakhawi pula meletakkan pada tahap yang keempat di sisinya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah.

Mereka mencampaknya: طَرَحُوْهُ

Iaitu: Para *muhaddith* meninggalkan hadis seorang perawi dan tidak mengambilnya atau memandang kepadanya. Ini disebabkan sama ada perawi tersebut bukanlah seorang yang benar dan amanah, atau seorang yang banyak melakukan kesilapan dan dituduh berdusta.

Ia merupakan antara lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah.

Hujung: الطَّرَفُ

Lihat: الأَطْرَاف dalam huruf Alif.

Cara-cara periwayatan: طُرُقُ التَّحَمُّلِ

Lihat: طُرُق تحمُّلِ الْحَدِيْثِ.

Cara-cara meriwayatkan dan menyampaikan hadis: طُرُقُ التَّحَمُّلِ والأداءِ

Lihat: طُرُق تحمُّلِ الْحَدِيْثِ .

Cara-cara meriwayatkan hadis: طُرُقُ تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ

Maksud الطُّرُق adalah jalan-jalan atau bentuk-bentuk yang digunakan untuk mengambil hadis daripada syeikh-syeikh, dan para ulama telah membahagikannya kepada 8 cara, iaitu:

1. Mendengar daripada lafaz syeikh - السَّماعُ من لفظ الشيخ
2. Membaca di hadapan syeikh - القراءةُ على الشيخ
3. *Ijazah* - الإجازةُ
4. Pemberian - المُناوَلة
5. Penulisan - الكتابة
6. Pemberitahuan - الإعلامُ
7. Wasiat - الوصيَّة
8. Penemuan - الوِجَادَةُ

Lihat pengertian setiap istilah dalam hurufnya.

Jalan-jalan riwayat hadis: طُرُقُ الْحَدِيْثِ

Iaitu sanad-sanad sesuatu hadis yang menyampaikan kepada matannya.

Lihat: الطريق.

Jalan, sanad: الطَّرِيْقُ

Dari sudut bahasa الطريق dan jamaknya الطُّرُق bermaksud: Jalan.

Dari sudut istilah: Ia ialah sanad yang menyampaikan kepada matan. Sebab dinamakan dengan nama tersebut kerana ia membawa atau menyampaikan sesuatu hadis kepada matan. Kata-kata ahli hadis: (حديث من طريق فلان) bermaksud diriwayatkan daripada sanadnya.

Jalan riwayat yang kurang: الطَّرِيْقُ النَّاقِصَةُ

Ia bermaksud: Mengeluarkan sesuatu hadis dengan kekurangan dari sudut perawi-perawi sanadnya.

Jalan riwayat yang lebih: الطَّرِيْقُ الْمَزِيْدَةُ

Ia bermaksud: Mengeluarkan sesuatu hadis dengan penambahan pada perawi-perawi sanadnya.

Ta' Sin: طس

Simbol yang menunjukkan kepada al-Tabarani yang meriwayatkan hadis dalam *al-Mu'jam al-Awsat.*

To' Sad: طص

Simbol yang menunjukkan kepada al-Tabarani yang meriwayatkan hadis dalam *al-Mu'jam al-Saghir.*

Celaan atau tuduhan pada perawi: الطَّعْنُ في الرَّاوي

Dari sudut bahasa الطَّعْن ialah kata nama terbitan bagi perkataan طَعَن يَطْعَن yang bermaksud: mencela atau mengaibkan.

Dari sudut istilah: Mengkritik seorang perawi dari sudut ke*adil*an atau hafalan atau kedua-duanya yang menyebabkan hadisnya dihukumkan sebagai *daif.*

Mereka mencelanya: طَعَنُوْا فِيْهِ

Dari sudut bahasa sila lihat pengertiannya dalam الطعن في الراوي.

Dari sudut istilah: *Muhaddithin* mengkritik dan memperkatakan tentang *'adalah* seseorang perawi dan menyatakan keaibannya. Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh.* Disebut oleh al-Hafiz al-'Iraqi pada tahap yang kelima dari martabat-martabat *al-Jarh,* manakala al-Suyuti dan al-Sakhawi pula meletakkannya pada tahap yang keenam.

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, diperhatikan dan diteliti.

Lama persahabatan: طُوْلُ الصُّحْبَةِ

Iaitu tempoh masa yang lama persahabatan seseorang perawi dengan orang yang diriwayatkan daripadanya dalam kalangan syeikh-syeikhnya. Tidak boleh tidak bagi seorang perawi mempunyai banyak riwayat daripada seorang syeikh kerana lama tempoh berdamping dengannya dan banyak melaziminya sehingga beliau dapat memastikan ketepatan apa yang disampaikan daripadanya. Manakala perawi yang sedikit tempoh berdamping bersama syeikhnya dan pendek masanya melazimi syeikh tersebut, ditakuti tidak akan dapat memastikan ketepatan hadis-hadis yang diriwayatkannya daripada syeikh tersebut.

Seekor burung yang tiba-tiba hinggap pada kami: طَيْرٌ طَرَأَ عَلَيْنَا

Ungkapan yang bermaksud men*daif*kan seseorang perawi. Ungkapan ini dinukilkan daripada al-Hakim Abu 'Abd Allah al-Naysaburi yang men*daif*kan Ahmad bin 'Ali al-Ansari (w 318H). Beliau berkata: طَيْرٌ طَرَأَ علينا. Al-Hafiz al-Zahabi mengulas kata-kata ini dengan berkata: Al-Hakim merendahkan kelayakannya dengan ungkapan ini. (*Mizan al-I'tidal*: 1/120).

Ungkapan ini juga ada digunakan oleh ulama lain dengan makna yang sama.

Seekor burung yang asing: طَيْرٌ غَرِيْبٌ

Iaitu bermaksud: Seseorang yang tidak diketahui keadaannya. Ia adalah daripada ungkapan-ungkapan *al-jarh* yang jarang digunakan. Ungkapan ini digunakan oleh al-Hafiz al-Zahabi ketika meletakkan *al-jarh* bagi banyak perawi, antara mereka ialah: al-Qasim bin Dawud al-Baghdadi. Beliau berkata berkenaan dengannya: (طيرٌ غريبٌ، أو لا وجودَ له. انفرد عنه أبو بكر النَّقَّاش ذاك التالفُ) yakni,

"Seekor burung yang asing, atau seorang yang tidak wujud, dan bersendirian Abu Bakr al-Naqqasy yang 'rosak' itu dalam meriwayat hadis daripadanya". (*Mizan al-I'tidal*: 3/370).

Kitab *al-Tuyuriyyat*: الطُّيُورِيَّات

Ia ialah himpunan faedah-faedah hadis yang dipilih oleh al-Hafiz Abu Tahir Ahmad bin Muhammad al-Silafi (w 576H) daripada hadis-hadis Abu al-Husayn al-Mubarak bin 'Abd al-Jabbar al-Azdi al-Sayrafi yang dikenali sebagai al-Tuyuri (w 500H). Ia telah dicetak dalam 2 jilid.



حرف الظّاء

HURUF ZA'

Zahir hadis: ظَاهِرُ الْحَدِيْثِ

Makna yang ditunjukkan oleh lafaz-lafaz sesuatu hadis melalui ungkapannya yang sedia ada.

Zahir sanad: ظَاهِرُ السَّنَدِ

Keadaan-keadaan zahir yang ada pada sanad dari sudut persambungannya, ke*adil*an para perawinya serta kekuatan hafalan mereka.

***Az-Zahiri*:** الظَّاهِرِيُّ

Orang yang menisbahkan diri kepada mazhab Zahiriyyah. Sila lihat takrifannya pada tempatnya.

Az-Zahiriyyah: الظَّاهِرِيَّةُ

Mereka ialah satu kumpulan daripada golongan ahli hadis yang berpegang kepada kefahaman yang zahir daripada Quran dan Sunnah seperti Abu Sulaiman Dawud bin Ali bin Khalaf al-Asbahani Az-Zahiri (w. 270H). Dinamakan az-Zahiri kerana mereka hanya berpegang kepada kefahaman zahir daripada Quran dan Sunnah tanpa menerima pandangan akal biasa, idea yang terbentuk hasil daripada kaedah *qiyas* dan istihsan, serta kaedah *al-masalih* dan sebagainya. Mereka hanya menerima persepakatan *Ijma'* sekiranya seluruh ulama bersepakat terhadap sesuatu pandangan dalam masalah syariah. Mereka banyak mengeluarkan pandangan yang amat berbeza dan sangat pelik, yang tidak dapat diterima akal, bahkan tidak ada nas yang menerima pandangan mereka. Dengan sebab itulah sebahagian ulama mengatakan bahawa mereka ini adalah mazhab yang terhasil dari bidah yang muncul selepas kurun ketiga.

Zan, andaian, sangkaan, dugaan: الظَّنُّ

Dari segi bahasa perkataan (الظَّنُّ) ialah kata terbitan bagi perkataan (ظَنَّ يَظُنُّ) yang membawa maksud lawan kepada perkataan pasti atau yakin.

Dari segi istilah ialah ketidakpastian atau keraguan yang *rajih* (cenderung) antara dua belah kepercayaan, tanpa ada jazam (tanpa berkepastian secara yakin).

Zan yang berat: الظَّنُّ الْغَالِبُ

Iaitu ke*rajih*an (kecenderungan) kepada salah satu dari dua belah kepercayaan, tanpa ada jazam (tanpa berkepastian secara yakin).

Tuduhan, tohmahan: التُّهَمَة

Iaitu tuduhan atau tohmahan, seperti tuduhan terhadap seseorang perawi itu banyak melakukan kesilapan, atau tuduhan yang mengatakan seorang perawi itu penipu dan sebagainya.

Kesabitan yang bersifat zan: ظَنِّيُّ الثُّبُوت

Iaitu sesuatu yang tidak disabitkan dengan jalan *mutawatir*, atau sesuatu yang disabitkan melalui jalan khabar *ahad*.

Pengertian yang bersifat zan: ظَنِّيُّ الدِّلَالَة

Sesuatu yang tidak jelas dari segi maknanya daripada makna-maknanya yang berbagai.

Sesuatu lafaz yang jelas dari sudut maknanya: ظُهُوْرُ اللَّفْظِ فِي الْمَعْنَى

Iaitu apa yang menerangkan tentang perkataan yang diucapkan, atau apa yang berdiri di atasnya suatu bukti yang jelas.



حرف العين

HURUF 'AIN

'Ain: ع

Ia digunakan sebagai simbol yang diletakkan di awal nama seorang perawi, atau diletakkan di atas nama tersebut seperti yang ada dalam kitab-kitab *al-Tarajum wa al-Siyar* (kitab-kitab biorgafi para perawi).

Ianya juga digunakan sebagai isyarat atau simbol bahawa hadis tersebut dikeluarkan oleh penyusun kitab Enam Sunan iaitu: *Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmizi, Sunan ibn Majah* dan *Sunan al-Nasa'i.*

Terkadang ianya juga digunakan sebagai simbol yang menunjukkan sesuatu hadis itu diriwayatkan (dikeluarkan) oleh *Abu Ya'la sl-Mausili* dalam *Musnad*nya.

Penghalang: العَارِضُ

Dari segi bahasa perkataan (العارض) dan kata jamaknya (العوارض) membawa maksud sesuatu penghalang, tembok atau yang menegah. Seperti dikatakan, sesuatu itu dihalang oleh penghalang.

Dari segi istilah pula iaitu apa yang terlintas dalam pemikiran seseorang ahli hadis ketika dia sedang menyampaikan sesuatu hadis yang berbentuk selingan, keraguan atau ketidakpastian.

Orang yang arif atau mahir: العَارِفُ

Seorang yang tahu tentang tempat-tempat *al-jarh wa al-Ta'dil* yang ada pada para perawi.

Yang kesepuluh: العَاشِرَة

Satu istilah yang digunakan oleh al-Hafiz ibn Hajar dalam kitabnya *Taqrib At-Tahzib*. Ianya digunakan dalam menerangkan kedudukan seseorang perawi. Seperti dia menyatakan (من العاشرة) bahawa perawi tersebut berada dalam *tabaqat* yang kesepuluh, iaitu perawi tersebut berada pada *tabaqat* perawi yang senior yang mengambil daripada Tabi Tabi at-Tabiin yang mereka tidak sempat berjumpa dengan kumpulan Tabiin. (Sila lihat: *Muqaddimah Taqrib At-Tahzib*).

Orang yang waras: العَاقِلُ

Seorang yang tidak gila dan ia adalah salah satu syarat perawi bagi menjadi seorang perawi yang bersifat *adil*.

Orang yang alim tentang hadis: عَالِمُ الْحَدِيْثِ

Iaitu seorang yang menghafal dan mengetahui segala ilmu hadis dari sudut riwayat dan juga dirayah.

Yang tinggi: العَالِي

Dari segi bahasa perkataan (العالي) yang kata jamaknya (العَوَالي) membawa maksud yang tinggi.

Dari segi istilah ianya membawa maksud; sesuatu hadis yang sedikit bilangan perawinya jika dibandingkan dengan sanad lain yang meriwayatkan hadis yang sama, tetapi dengan jumlah bilangan perawi yang lebih ramai.

Yang tinggi dan yang rendah: العَالِي والنَّازِلُ

Sila lihat maksud perkataan ini pada tempatnya.

Secara tinggi: عَالِياً

Iaitu sifat bagi sesuatu sanad yang terkandung dalamnya bilangan perawi yang sedikit jika dibandingkan dengan sanad lain yang meriwayatkan hadis yang sama tetapi dengan jumlah bilangan perawi yang lebih ramai.

'Ain-Ba: عب

Iaitu satu simbol yang menunjukkan bahawa sesuatu hadis tersebut dikeluarkan (diriwayatkan) oleh 'Abd al-Razzaq As-San'ani dalam kitab *Musannaf*nya.

***Al-'Abadilah* (mereka yang bernama 'Abd Allah):** العَبَادِلَةُ

Dari segi bahasa perkataan (العبادلة) adalah kata jamak dari perkataan (عَبدِ) iaitu hamba, atau kata jamak bagi perkataan (عَبْدل) kerana ada perkataan Arab yang menggunakan perkataan (عَبْدل) ini.

Dari sudut istilah ahli hadis pula ialah empat orang perawi bernama 'Abd Allah dalam kalangan sahabat Nabi *S.A.W* yang hidup dalam satu masa, dan juga orang yang selepas mereka dalam kalangan perawi-perawi hadis yang masyhur. Mereka ialah:

Dalam kalangan sahabat:

1- 'Abd Allah bin 'Amru bin al-'As (w. 65 H)
2- 'Abd Allah bin 'Abbas (w. 68 H)
3- 'Abd Allah bin 'Umar bin al-Khattab (w. 73 atau 74 H)
4- 'Abd Allah bin al-Zubair (w. 73 H)

Tidak disebutkan di sini nama 'Abd Allah bin Mas'ud kerana beliau telah meninggal dunia awal iaitu pada tahun 32 H.

Dalam kalangan ahli hadis yang lain:

1- 'Abd Allah bin Yazid al-Muqarrir (w. 146 H)
2- 'Abd Allah bin al-Mubarak (w. 181 H)
3- 'Abd Allah bin Wahab (w. 198 H)
4- 'Abd Allah bin Maslamah al-Qa'nabi (w. 221 H).

'Uthmani: عُثْمَانِيٌّ

Iaitu mereka yang lebih mengutamakan Sayidina 'Uthman ke atas Sayidina 'Ali dalam pemilihan khalifah. Mereka ini adalah hampir sama seperti golongan *al-Nasibi* (Nawasib) yang tidak menyukai Sayidina 'Ali, malah mereka mendahulukan sahabat-sahabat yang lain lebih daripada 'Ali.

Keajaiban-keajaiban: العَجَائِبُ

Dari segi bahasa ia adalah kata jamak bagi perkataan (عجيب). Menurut ibn Manzur: Ianya tidak ada kata tunggal baginya. Perkataan ini membawa maksud; sesuatu yang menyebabkan seseorang berasa kagum terhadapnya, dan juga sesuatu yang ajaib lagi menakjubkan. (Sila lihat *Lisan al-Arab*)

Dari segi istilahnya pula ia membawa maksud; hadis-hadis yang *mawdu'*. Para ahli hadis menggunakan perkataan ini ke atas hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang telah dikenali sebagai penipu dan pereka hadis palsu.

Sebagai contoh:

Ibn Hibban pernah berkata tentang 'Abd Allah bin as-Sirri al-Mada'ini yang berbunyi: "Beliau telah meriwayatkan daripada Abu 'Imran al-Juni perkara-perkara ajaib yang tidak syak lagi bahawa ianya ialah hadis *mawdu'*". (sila lihat *Tanzih Asy-Syariah*: 1/73, *al-Majruhin*: 2/23).

Namun sebahagian ahli hadis menganggapnya sebagai suatu perkataan yang hanya membawa maksud dari segi bahasanya sahaja dan tidak lebih daripada itu. Seperti kata-kata ibn Hibban terhadap Sahl bin 'Abd Allah yang berbunyi: "Dia ialah seorang syeikh yang meriwayatkan hadis daripada 'Abdul Malik bin Mihran dan diriwayatkan pula daripadanya oleh Marwan bin Mu'awiyah, seorang yang *munkar al-Hadith,* yang membawa perkara-perkara yang ajaib (keajaiban-keajaiban) yang hati ahli hadis menafikannya". (sila lihat *al-Majruhin*: 1/345).

Terdapat banyak lagi contoh penggunaan perkataan tersebut yang memberi maksud dari kedua-dua sudut tadalam kitabnya *al-Majruhin* dan juga dalam kitab-kitab *al-jarh wa al-ta'dil* yang lain.

'Ain - Kha': عخ

Ia adalah simbol yang digunakan dalam kitab *Tahzib al-Kamal* karangan al-Imam al-Mizzi yang membawa maksud bahawa hadis tersebut telah dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam kitabnya *Khalqu Af'al al-'Ibad.*

'Ain – Dal: عد

Ia adalah simbol yang membawa maksud bahawa Ibnu 'Adi telah mengeluarkan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal.* Simbol ini juga terkadang digunakan bagi membawa maksud bahawa ibn Saad telah mengeluarkan hadis tersebut dalam kitab *Tabaqat*nya.

Keadilan (sifat *adil*): العَدَالَةُ

Dari segi bahasa perkataan (العدالة) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَدَلَ يَعْدِلُ) yang membawa maksud *adil* iaitu lawan bagi zalim, kezaliman.

Dari segi istilahnya pula iaitu suatu kekuatan (penguasaan diri) yang membawa seseorang itu kepada sentiasa bersifat taqwa, menjauhkan diri dari perkara-perkara keji seperti perbuatan dosa mensyirikkan Allah, atau fasiq ataupun bid'ah atau segala apa perbuatan tidak baik yang mencalar maruah seseorang.

Syarat-syarat *adil* adalah seperti berikut:

1- Islam: maka tidak diterima riwayat orang yang kafir menurut *Ijma'*.
2- Baligh: kerana balighnya seseorang itu adalah kayu ukur kepada kemampuannya memikul beban tanggungjawab dengan melakukan perkara yang diwajibkan serta meninggalkan perkara yang dilarang. Dengan itu, riwayat kanak-kanak adalah sesuatu yang tidak diterima menurut pandangan yang paling sahih di sisi jumhur ulama. Adapun sekiranya dia mengambil hadis tersebut sebelum baligh dan meriwayatkannya sesudah baligh, maka riwayatnya boleh diterima.
3- Berakal: kerana dengan akal seseorang dapat dipastikan kebenaran kata-katanya serta kekuatan ingatannya. Dengan itu, menurut ijma' riwayat orang gila tidak boleh diterima.
4- Taqwa: iaitu menjauhi dosa besar serta tidak berterusan dalam melakukan dosa kecil. Mereka yang melakukan dosa besar dianggap fasiq secara pasti, begitu juga mereka yang berterusan melakukan dosa kecil kerana dosa kecil yang dilakukan secara berterusan menjadikan dosa tersebut seperti dosa besar umpama kata-kata ulama: "Tidak dinamakan dosa kecil sekiranya dilakukan berterusan".
5- Menjaga *muru'ah* (maruah): dengan meninggalkan segala perlakuan yang dapat mencemarkannya, iaitu semua perkara yang dapat merendahkan kedudukan seseorang berdasarkan tatasusila kehidupan yang betul. Contohnya seperti kencing di jalanan, dan banyak mempersenda serta memperlekeh orang lain. Mereka yang melakukan perlakuan ini ialah golongan yang rendah moralnya, dan menjadikannya tidak boleh dipercayai dalam menyampaikan sesuatu yang diriwayatkan daripada Nabi *s.a.w.*

Kesemua sifat ini sekiranya ada pada seorang perawi maka ia digelar sebagai seorang yang *adil* bahkan seorang yang benar. Kerana sekiranya seluruh sifat ini terkandung dalam dirinya, maka ia akan membawanya kepada bersifat benar dan menjauhkannya daripada bersifat penipu.

Ke*adil*an para perawi: عَدَالَةُ الرُّوَاةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (العدالة).

Ke*adil*an para sahabat: عَدَالَةُ الصَّحَابَةِ

Maksud istilah ini adalah sifat istiqamah para sahabat dalam perkara-perkara agama, kepatuhan mereka dalam segala suruhan dan menjauhi segala

larangan, serta mereka tidak pernah sengaja melakukan pendustaan ke atas Rasulullah *s.a.w.*

Kedudukan sahabat dalam ilmu *al-jarh wa al-Ta'dil* boleh disimpulkan bahawa mereka semua adalah bersifat *adil* iaitu riwayat mereka semua diterima tanpa perlu kepada kajian atau persoalan terhadap ke*adil*an mereka melainkan sekiranya terdapat dakwaan yang *thabit* menyatakan bahawa mereka pernah melakukan perkara yang tidak elok. Namun sehingga kini tidak pernah *thabit* suatu pun tuduhan seperti itu terhadap mereka. Juga status ke*adil*an sahabat ini diguna pakai kepada mereka semua, tidak kira besar atau kecil martabatnya, pernah terlibat dengan peristiwa fitnah ataupun tidak, sama ada yang masyhur ataupun yang tidak masyhur, sama ada mereka pernah bersama dengan Nabi dalam tempoh yang panjang ataupun seketika sahaja, pernah meriwayatkan daripada baginda ataupun tidak, pernah turut berperang bersama Nabi ataupun tidak, pernah melihat Nabi dan duduk bersamanya atau hanya pernah bersamanya seperti sahabat yang buta dan sebagainya. Kesemua mereka ini dihukumkan sebagai *adil* dan riwayat mereka diterima secara *ijma'* oleh ahli sunnah serta seluruh umat, yang dahulu dan juga yang kemudian.

Sila lihat takrif sahabat pada huruf Shad.

***Adil*:** العَدْلُ

Dari segi bahasa perkataan (العَدْل) dan kata jamaknya (عُدُوْلٌ) membawa maksud: seorang yang *adil* lagi diredai dari sudut memberi keputusan atau kesaksian.

Dari segi istilah pula ialah seorang muslim yang baligh serta berakal, yang tidak terdapat pada dirinya sifat fasiq serta segala yang dapat mencalar maruah. Maka tidak diterima hadis mereka yang belum baligh, orang gila, orang kafir, fasiq atau mereka yang melakukan sesuatu yang mencemar maruah mereka.

Seorang yang *adil* lagi *hafiz*: عَدْلٌ حافِظٌ

Perawi *adil* ialah orang yang diredhai dan diterima riwayatnya. Sila lihat maknanya pada perkataan (العَدْل). Manakala *Hafiz* pula ialah perawi hadis yang arif tentang ilmu sanad, ilmu *'ilal* serta ilmu nama-nama *al-Rijal*. Selain itu dia juga banyak menghafal matan hadis. Sila lihat maknanya pada huruf Ha'. Sekiranya digabungkan dua perkataan ini iaitu (العدل والحافظ) maka ianya adalah satu lafaz *al-Ta'dil* yang paling tinggi. Istilah ini berada pada peringkat yang pertama di sisi al-Imam ibn al-Salah, namun menurut al-Hafiz al-'Iraqi dan ibn Hajar istilah ini berada pada tahap yang kedua. Manakala menurut al-Sakhawi pula istilah ini adalah yang ketiga dalam turutan peringkat-peringkat *al-Ta'dil*.

Hukumnya: Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan hujah.

Orang yang *adil* lagi dabit: عَدْلٌ ضَابِطٌ

Perawi *adil* ialah orang yang diredai dan diterima riwayatnya. Sila lihat maknanya pada perkataan (العَدْل). Manakala perkataan (الضَّابط) pula ialah seseorang yang sedikit kesalahan dan keraguannya dalam meriwayatkan hadis. Sekiranya kedua-dua perkataan ini digabungkan (العدل والضابط) ianya dianggap sebagai lafaz *al-Ta'dil* yang tertinggi.

Istilah ini berada pada tahap pertama di sisi al-Imam ibn al-Salah, namun menurut al-Hafiz al-'Iraqi dan ibn Hajar istilah ini berada pada peringkat yang kedua. Manakala menurut al-Sakhawi pula istilah ini adalah peringkat yang ketiga dalam turutan peringkat-peringkat *al-Ta'dil.*

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan hujah.

Orang yang *adil* lagi teliti: عَدْلٌ مُتْقِنٌ

Perawi *adil* ialah orang yang diredai dan diterima riwayatnya. Sila lihat maknanya pada perkataan (العَدْل). Manakala perkataan (المُتْقِن) ialah seorang yang teliti dan pasti dengan segala apa yang dihafalnya daripada hadis dan *athar.* Sekiranya kedua-dua perkataan ini digabungkan (العدل والمتقن) ianya dianggap sebagai lafaz *al-Ta'dil* yang tertinggi.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan hujah.

Pembentangan: العَرْضُ

Dari segi bahasa perkataan (العرض) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَرَضَ يَعْرِضُ) iaitu menzahirkan, membentang, mempamer.

Dari segi istilah pula ia merupakan salah satu kaedah pengambilan hadis. Iaitu seseorang pelajar mengambil lafaz hadis yang diriwayatkan oleh gurunya, lalu dia membacanya di hadapan gurunya atau dia mendengar seseorang yang membaca hadis tersebut di hadapan gurunya dan guru tersebut mengiktiraf dan mengakui bahawa hadis yang dibacakan itu adalah hadis yang diriwayatkan olehnya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (القِرَاءةُ على الشَّيخ) pada huruf Qaf.

Pembentangan bacaan: عَرْضُ القِرَاءَةِ

Dari segi bahasa perkataan (العرض) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَرَضَ يَعْرِضُ) iaitu menzahirkan, membentang, mempamer. Perkataan (القراءة) pula adalah kata terbitan bagi perkataan (قَرَأَ يَقْرَأُ) iaitu penelitian perkataan-perkataan dalam kitab satu persatu dengan melihatnya sama ada si pembaca menyebutnya ataupun tidak.

Dari segi istilah pula ialah seorang pelajar mengambil riwayat hadis daripada gurunya dengan kaedah pembacaan. Dinamakan seperti ini kerana si pembaca

membentangkan bacaannya di hadapan gurunya seperti dibentangkan sesuatu bacaan itu di hadapan imam. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/12).

Pembentangan *Munawalah:* عَرْضُ الْمُنَاوَلَةِ

Dari segi bahasa perkataan (العرض) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَرَضَ يَعْرِضُ) iaitu menzahirkan, membentang, mempamer. Perkataan (المُناوَلة) pula adalah kata terbitan bagi perkataan (ناوَلَ يُناوِل) yang membawa maksud menghulurkan untuk memberikan sesuatu kepada seseorang.

Dari segi istilah, ianya membawa maksud mengambil riwayat daripada guru, iaitu seorang murid datang kepada gurunya dengan satu kitab atau satu juzuk dari hadis gurunya dan dibentangkan di hadapannya, lalu guru tersebut meneliti hadis tersebut dalam keadaan dia sedar dan tahu. Kemudian dia memulangkan semula kitab atau satu juzuk daripada hadis tersebut dan berkata: "Saya telah meneliti apa yang ada dalamnya dan ianya memang hadis saya yang saya ambil daripada si polan". Atau dia berkata: "Riwayat saya daripada para guru saya terkandung dalam kitab ini, maka riwayatkanlah". Atau guru tersebut berkata: " Saya *ijazah*kan pada kamu untuk meriwayatkannya daripada saya".

Sila lihat perkataan (المُناوَلة) pada huruf Mim.

Menyandarkan, menisbahkan: العَزْوُ

Dari segi bahasa perkataan (العَزْوُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَزَا يَعْزُوْ) yang membawa maksud menyandarkan suatu khabar berita kepada sumbernya.

Dari segi istilah pula adalah menyandarkan sesuatu hadis kepada sumbernya yang asal dengan menerangkan hukum hadis tersebut - sekiranya mampu - tanpa menjelaskan hal sanad hadis tersebut.

Menyandarkan hadis: عَزْوُ الحَدِيْثِ

Sila lihat pada perkataan (العزو).

Hadis *'Aziz*: العَزِيْزُ

Dari segi bahasa perkataan (العزيز) adalah kata sifat yang diambil daripada perkataan (عَزَّ يَعِزُّ) yang membawa maksud sedikit atau jarang. Manakala perkataan (عَزَّ يَعَزُّ) membawa maksud kuat atau kukuh.

Dari segi istilah pula ialah sesuatu hadis yang tidak kurang perawinya daripada dua orang pada setiap *tabaqat*, walaupun perawi terdapat lebih daripada dua orang pada sebahagian *tabaqat* yang lain dan bukan pada semua *tabaqat*. Ini kerana sekiranya dalam setiap *tabaqat* bilangan perawi lebih daripada dua orang, maka hadis tersebut menjadi hadis *masyhur*. Sila lihat makna hadis *masyhur* pada huruf Mim.

Dinamakan hadis ini sebagai hadis *'aziz*, sama ada kerana kewujudan hadis *'aziz* ini amat sedikit (iaitu berdasarkan makna dari segi bahasa yang pertama),

atau kerana ianya kuat disebabkan ia disokong dengan jalan yang lain (iaitu berdasarkan makna dari segi bahasa yang kedua). (Sila lihat *Syarh an-Nukhbah*: 29, dan *Taudih al-Afkar:* 2/402).

Sebagai contoh hadis:

لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُوْنَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ مَالِهِ وولَدِه وَالنَّاسِ أَجْمَعِيْنِ

Terjemahan: "Tidak sempurna iman seseorang kamu sehinggalah dia menjadikan diriku lebih disayangi daripada dirinya, hartanya, anaknya dan manusia keseluruhannya". (Hadis riwayat al-Bukhari dalam Kitab al-Iman: Bab Mencintai Rasulullah, No: 15.).

Hadis ini hanya diriwayatkan oleh dua orang sahabat, iaitu Anas *r.a.* dan Abu Hurairah *r.a.*, dan diriwayatkan daripada setiap mereka ini oleh sebilangan Tabi'in. Hadis Anas tersebut diriwayatkan oleh dua orang, iaitu 'Abdul *'Aziz* bin Suhaib dan Qatadah. Manakala yang mengambil hadis ini daripada 'Abdul *'Aziz* juga dua orang sahaja, iaitu 'Abdul Warith bin Sa'id dan Isma'il bin 'Ulaiyyah. Manakala yang mengambil hadis ini daripada Qatadah juga dua orang, iaitu Syu'bah dan Husain al-Mu'allim. Kemudian daripada setiap mereka itu barulah hadis ini diriwayatkan oleh perawi yang ramai.

Jadi jelaslah daripada contoh di atas, bahawa hadis ini diriwayatkan oleh dua orang sahabat, kemudian diriwayatkan daripada mereka oleh dua orang tabi'i dan begitulah seterusnya. Inilah bilangan yang paling sedikit dalam peringkat-peringkat sanadnya.

Hukumnya:

Tidak semestinya hadis *'aziz* itu adalah hadis yang sahih. Terdapat kebarangkalian bahawa ianya sahih, hasan, ataupun *daif*. Semua tersebut bergantung kepada kesempurnaan syarat sahih yang ada padanya. Begitu juga sebaliknya, hadis yang sahih itu tidak semestinya hadis *'aziz*, barangkali hadis *gharib* juga boleh menjadi hadis sahih.

'Ain – Sin: عس

Ianya ialah simbol yang membawa maksud al-Nasa'i mengeluarkan hadis tersebut dalam *Musnad* 'Ali *r.a.*.

Susah, payah: عَسِرٌ

Dari segi bahasa perkataan (عَسِرٌ) membawa maksud sukar, susah, payah, iaitu lawan pada perkataan senang.

Dari segi istilah pula adalah sifat seseorang perawi hadis yang sangat teliti dan berhati-hati terhadap setiap riwayat yang diterimanya melalui kaedah (السماع) iaitu kaedah dengar. Perawi seperti ini tidak akan rasa cukup dengan hanya mendengar hadis tersebut sekali sahaja, bahkan dia akan berusaha untuk mengulangnya atau membentangkannya di hadapan gurunya. Inilah yang dimaksudkan dengan kata-kata ulama hadis: Si polan sangat payah dalam setiap apa yang didengar. (فلان عَسِرٌ في السماع).

Terkadang istilah ini juga digunakan bagi menggambarkan lemah ingatan seseorang perawi iaitu dia perlu sentiasa mengulangi apa yang didengarnya supaya dia dapat mengingatnya.

Al-'Asyariyyat: العَشَارِيَّاتُ

Ialah hadis-hadis yang terkandung dalam sanad-sanadnya sepuluh orang perawi antara pengarang kitab hinggalah kepada Nabi *s.a.w.*

Sanad-sanad seperti ini boleh didapati dalam Kitab Sunan al-Tirmizi (w. 303H) dan juga Sunan al-Nasa'i (w. 279H), dan ia ialah sanad yang paling rendah yang ada pada mereka. Antara ahli hadis yang mempunyai sanad seperti ini ialah al-Hafiz al-'Iraqi (w. 806H), al-Hafiz ibn Hajar (w. 852H), al-Sakhawi (w. 902H) dan al-Suyuti (w. 911H). Mereka ini ialah golongan ulama yang muncul pada kurun kesembilan hijri.

Zaman-zaman periwayatan: عُصُوْرُ الرِّوَايَةِ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah zaman-zaman yang berlaku dan berlangsungnya periwayatan hadis sama ada hadis tersebut disandarkan kepada Nabi *s.a.w* (sekiranya hadis tersebut *marfu'*) atau disandarkan kepada Sahabat sahaja (sekiranya hadis tersebut adalah *mawquf*) atau disandarkan kepada tabiin sahaja (sekiranya hadis tersebut adalah *maqtu'*). Para ulama telah membahagikan zaman-zaman periwayatan ini kepada lima peringkat zaman iaitu:

1- Zaman Sahabat.
2- Zaman Tabiin.
3- Zaman Tabi At-Tabiin.
4- Zaman Tabi Tabi At-Tabiin.
5- Zaman Tabi Tabi Tabi At-Tabiin.

Kelima-lima peringkat zaman periwayatan ini telah terhenti pada akhir kurun ketiga hijriah. Ini adalah kerana dengan berakhirnya kurun tersebut segala periwayatan yang bertebaran di serata tempat telahpun dikumpul dan ditulis dalam kitab-kitab.

Perkara-perkara besar: العَظَائِمُ

Iaitu hadis-hadis *mawdu'* (palsu). Al-Imam al-Zahabi pernah berkata: Ishaq bin Bisyir atau Huzaifah al-Bukhari pernah meriwayatkan *al-'aza'im* daripada ibn Ishaq, ibn Juraij dan al-Thawri. (Sila lihat *Mizan al-I'tidal*: 1/184).

Maksudnya mereka (Ishaq bin Bisyir atau Huzaifah al-Bukhari) telah meriwayatkan hadis-hadis *mawdu'*.

Ain – Qaf: عق

Iaitu simbol yang membawa maksud sesuatu hadis tersebut diriwayatkan oleh al-'Uqaili dalam kitabnya *al-Du'afa' al-Kabir.*

***'Aqabi* (ahli 'Aqabah):** عَقَبِيٌّ

Iaitu gelaran bagi para sahabat yang pernah mengangkat sumpah setia kepada Nabi s.a.w di suatu tempat bernama al-'Aqabah di Mina. Mereka telah berjanji untuk tidak menyekutukan Allah, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak mereka, tidak melakukan penipuan atau fitnah yang dicipta oleh mereka, dan tidak mengengkari Nabi dalam perkara makruf. Sesiapa yang menyempurnakan janji mereka ini, maka ganjarannya adalah di sisi Allah. Namun sesiapa yang mengingkari perjanjian tersebut, maka mereka akan dikenakan hukuman di dunia dan itu adalah penebus dosa mereka. Demikian hingga akhirnya. Hadis bai'ah ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahihnya daripada 'Ubadah bin Samit *r.a.*.

Al-'Uqdah: العُقْدَة

Dari segi bahasa perkataan (العُقدة) dan kata jamaknya (عُقَدٌ) ialah kebun yang dipenuhi dengan pokok tamar yang banyak. Juga digunakan sebagai panggilan bagi sebuah kampung yang mempunyai pokok tamar yang banyak. Seorang lelaki sekiranya dia memiliki yang demikian, maka dia telah memperkukuh urusan hidup dirinya dan berasa senang terhadapnya. Kemudian orang menamakan segala sesuatu yang dipercayai oleh seseorang untuk dirinya dan berpegang atasnya sebagai *'uqdah*. (Sila lihat *Lisan al-Arab*).

Dari segi istilah pula ia adalah sifat bagi seorang perawi yang dipercayai riwayatnya, dan ia sebenarnya adalah sama makna dengan istilah *thiqah*.

Peringatan: Istilah *al-'uqdah* ini juga digunakan bagi sesuatu yang menggambarkan maksudnya dari sudut bahasa iaitu ikatan. Maka sekiranya perkataan ini digunakan oleh ahli hadis, ia adalah sebagai satu bentuk pujian terhadap perawi-perawi dalam sanad seperti kata-kata mereka: "Si polan itu adalah *al-'uqdah* (ikatan atau boleh dipercayai)".

Hubungan al-Sunnah dengan al-Quran: عَلاَقَةُ السُّنَّةِ مَعَ الْقُرْآنِ

Iaitu suatu istilah yang menggambarkan tentang peranan sunnah dalam menyokong nas atau dalil yang datang dari al-Quran, huraian sunnah terhadap dalil dari al-Quran yang umum, peranan sunnah dalam mengkhususkan dalil al-Quran yang luas dan peranan sunnah dalam perkara tambahan yang tidak disebutkan dalam al-Quran.

Kecacatan-kecacatan hadis: عِلَلُ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (العِلَّة).

***al-'Illah* (kecacatan, sakit):** العِلَّة

Dari segi bahasa perkataan *al-'Illah* dan kata jamaknya *al-'Ilal* membawa maksud sakit.

Dari segi istilah pula ia adalah suatu istilah yang menggambarkan tentang suatu sebab yang tersembunyi yang mencacatkan kesahihan sesuatu hadis

sedangkan keadaan zahirnya menampakkan hadis tersebut adalah selamat dari segala kecacatan. (Sila lihat *Ulum al-Hadith*).

'Illah dapat dikenalpasti melalui penelitian terhadap perawi seorang demi seorang, atau percanggahan perawi dengan perawi yang lain, beserta dengan bukti-bukti yang menyebabkan seorang yang arif dalam bidang ini menyedari bahawa terdapat keraguan dalam sesuatu sanad seperti berlakunya *irsal* dalam hadis yang *mausul*, atau berlakunya *waqf (mawquf)* dalam hadis yang *marfu'*, atau pertindihan hadis dalam hadis yang lain dan sebagainya. Semua perkara seperti di atas akan menyebabkan seseorang ahli hadis yang arif akan mengeluarkan hukum bahawa hadis tersebut adalah tidak sahih, atau beliau teragak-agak dan tidak mampu mengeluarkan hukum langsung ke atas hadis tersebut. Kesukaran mencari *'Illah* sesuatu hadis boleh berlaku sehingga menyebabkan seorang ahli hadis tidak mampu mengeluarkan bukti terhadap hukumannya terhadap sesuatu hadis, seperti seorang pengurup wang yang tidak dapat membezakan wang dinar dan dirham. Namun terdapat kaedah untuk mengesani 'Illah ini iaitu dengan mengumpulkan seluruh jalan sanad sesuatu hadis itu dan meneliti setiap perbezaan pada para perawi, serta ketepatan riwayat mereka. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 252-253).

Antara kitab-kitab terkenal yang dikarang dalam ilmu *'Ilal al-Hadith:*

1- *At-Tarikh wa al-'Ilal*: Karangan al-Imam Yahya bin Ma'in (w. 233H).
2- *Al-'Ilal*: Karangan al-Imam 'Ali bin 'Abd Allah al-Madini (w. 234H).
3- *Al-'Ilal*: Karangan al-Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).
4- *Al-'Ilal al-Kabir*: Karangan al-Imam Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
5- *Al-'Ilal*: Karangan al-Imam ibn Abi Hatim, 'Abd al-Rahman bin al-Imam Muhammad bin Idris Ar-Razi (w. 327H).
6- *Al-'Ilal al-Waridah fi Al-Ahadis an-Nabawiyyah*: Karangan al-Imam Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar Ad-Daraqutni (w. 385H).
7- *Al-'Ilal al-Mutanahiah fi al-Ahadis al-Wahiah*: Karangan al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Ali bin Muhammad yang juga dikenali dengan panggilan ibnAl-Jauzi (w. 597H).

Kecacatan yang merosakkan: العِلَّةُ القَادِحَةُ

Dari segi bahasa perkataan *al-'Illah* dan kata jamaknya *al-'Ilal* membawa maksud sakit. Manakala perkataan *al-Qadihah* pula membawa maksud yang merosakkan, mencederakan atau mencacatkan.

Dari segi istilah ia adalah suatu perkara yang tersembunyi yang memberikan kesan terhadap kesahihan sesuatu hadis sedangkan zahirnya menampakkan bahawa hadis tersebut selamat dari segala perkara yang mencacatkan. Kecacatan yang tersembunyi seperti ini tidak akan dapat dikesan oleh orang melainkan mereka yang pakar dan arif sahaja dalam ilmu hadis. Sesuatu hadis itu tidak boleh dihukumkan sebagai hadis sahih sekiranya terdapat kecacatan yang tersembunyi dalamnya.

Ilmu: العِلْمُ

Dari segi bahasa perkataan (العِلْمُ) dan kata jamaknya (العُلوم) membawa maksud pengetahuan dan keyakinan.

Dari segi istilah ia adalah kemampuan yang mantap dalam diri seseorang yang dengannya terhasil sifat tahu. Apa yang dimaksudkan juga ialah permasalahan-permasalahan dan kaedah-kaedah yang dinyatakan bagi sesuatu ilmu dari pelbagai ilmu yang ada. (Sila lihat *al-Wasit fi Ulum al-Hadith:* 23).

Ilmu tentang sebab-sebab pengucapan hadis: عِلْمُ أَسْبَابِ وُرُوْدِ الْحَدِيْثِ

Ilmu yang membahaskan tentang sebab-sebab yang membawa kepada perkhabaran, pengucapan atau terbitnya sesuatu hadis daripada Rasulullah *s.a.w.* Ilmu ini adalah suatu ilmu yang tidak pernah dibincangkan sebelum kedatangan al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Siraj Ad-Din al-Bulqini (w. 508 H). Beliau adalah orang pertama yang menyusunnya dengan membahaskan perkara ini dalam *kitabnya Mahasin al-Istilah wa Tadhmin ibn as-Salah.* Kemudian selepas itu barulah muncul ulama lain yang turut membahaskannya dalam kitab-kitab mereka.

Sila lihat perkataan (أسباب ورود الحديث) pada huruf Alif.

Antara kitab yang dikarang berkenaan dengan ilmu ini:

1- *Al-Luma' fi Sabab Wurud al-Hadith:* Karangan al-Hafiz Abu al-Fadhl Jalaluddin 'Abd al-Rahman al-Suyuti (w. 911 H).
2- *Al-Bayan wa at-Ta'rif fi Asbab Wurud al-Hadithal-Syarif*: Karangan al-Muhaddith Ibrahim bin Muhammad Kamaluddin yang dikenali dengan nama ibn Hamzah ad-Dimasyqi (w. 1120 H).
3- *Ilmu Asbab Wurud al-Hadith:* Karangan Dr. As'ad Hilmi al-As'ad.
4- *Asbab Wurud al-Hadith: Dhawabut wa Ma'alim*: Karangan Dr. Mohd. Asri Zainal Abidin.

Ilmu Nasab: عِلْمُ الأَنْسَابِ

Ilmu yang membahaskan tentang nasab-nasab manusia (asal-usul, keturunan). Ilmu ini diasaskan dengan tujuan memelihara sesuatu nasab daripada sebarang kesilapan. Orang pertama yang mengarang kitab bagi membahaskan tentang ilmu ini ialah: Al-Imam Hisyam bin Muhammad bin As-Sa'ib al-Kalbi (w. 204 H). Beliau telah mengarang lima buah kitab iaitu:

1- *Al-Manzilah.*
2- *Al-Jamharah.*
3- *Al-Wajiz.*
4- *Al-Farid.*
5- *Al-Muluk.*

(Sila lihat: *Kasyf Az-Zunun* 1/178, dan *Abjad al-'Ulum* 2/114).

Ilmu pensejarahan para perawi: عِلْمُ تَارِيْخِ الرُّوَاةِ

Ilmu yang membahaskan tentang perihal perawi-perawi hadis dari pelbagai aspek seperti kelahiran mereka, kewafatan mereka, negara asal mereka,

pengembaraan mereka, para guru mereka, para pelajar mereka dan segala yang berkaitan dengan sejarah hidup serta peribadi perawi hadis.
Sila lihat maknanya pada perkataan (تأريخ الرواة).

Ilmu *Takhrij al-Hadith:* عِلْمُ تَخْرِيجِ الْحَدِيثِ

Iaitu suatu ilmu yang membincangkan tentang kaedah-kaedah bagi mengesan kedudukan sesuatu hadis dalam sumber-sumber asalnya, dan juga mengenalpasti tarafnya samada boleh diterima ataupun ditolak.
Ilmu ini membahaskan tentang hadis dari sudut sanad dan matan (iaitu riwayah dan dirayah). Ia membantu pengkaji dalam menyandarkan hadis-hadis kepada sumber-sumbernya yang asal, serta menerangkan darjatnya atau menghukumkannya sama ada sahih, hasan, *daif* ataupun *mawdu'*.
Sila lihat juga pada perkataan (التخريج).

Antara kitab-kitab masyhur yang dikarang berkenaan ilmu ini:

1- *Husul al-Tafrij bi Usul al-Takhrij*: Karangan Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Siddiq al-Ghumari.
2- *Usul at-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*: Karangan Dr. Mahmud at-Tahhan.
3- *At-Ta'sil li Usul al-Takhrij*: Karangan Syeikh Bakr bin 'Abd Allah Abu Zaid.
4- *Kaifa Nadrus Ilma Takhrij al-Hadith:* Karangan Dr. Hamzah al-Malibari dan Dr. Sultan al-'Akayilah.
5- *Takhrij al-Hadithal-Syarif*: karangan Dr. 'Abd al-Ghani at-Tamimi
6- *Takhrij al-HadithNasyatuhu wa Manhajiyyatuh*: Karangan Dr. Muhammad Abu al-Laith al-Khaira Abadi.
7- *Takhrij al-Hadithal-Syarif*: Karangan Dr. 'Ali Nayif Biqa'i.

Dan lain-lain kitab yang telah banyak disusun berkenaan ilmu ini.

Ilmu al-jarh wa al-Ta'dil: عِلْمُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيلِ

Ilmu ini membahaskan tentang perawi-perawi hadis dari sudut sama ada riwayat mereka boleh diterima ataupun ditolak. Ini adalah berdasarkan fakta-fakta yang dinukilkan tentang kedudukan mereka, samada berbentuk *ta'dil* (mempercayakan) yang 'menghiasi' diri mereka, atau *tajrih* (menuduh atau mencela) yang 'mencemari' diri mereka, yang datang dengan lafaz-lafaz tertentu atau khusus dan ungkapan-ungkapan bahasa yang diketahui maknanya oleh para ulama. Ia mengandungi ungkapan yang teliti dan maksud yang tepat kerana ianya penting dalam membuat kritikan terhadap sanad hadis.
Silat lihat maknanya dengan lebih mendalam pada perkataan (الجرح والتعديل) dalam huruf Jim.

Antara kitab yang dikarang berkenaan ilmu ini:

1- *Ar-Raf'u wa at-Takmil fi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Syeikh Abdul Hayy al-Laknawi (w. 1304 H).
2- *Al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Jamaluddin al-Qasimi (w. 1332 H).

3- *Dawabit al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Dr. Abdul Aziz bin Muhammad bin Ibrahim al-Abd al-Latif (w. 1421 H).
4- *Usul al-jarh wa al-Ta'dil wa Ilmu al-Rijal*: Karangan Dr. Nuruddin 'Itr
5- *Dirasat Fi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Dr. Muhammad Dhiya' Ar-Rahman al-A'zami.
6- *Al-Manhaj al-Islami fi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Dr. Faruq Hammadah
7- *Mabahith fi Ilmi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Dr. Qasim bin Ali Saad
8- *Lamhah 'An Ilmi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Syeikh Salman al-Husaini an-Nadwi.
9- *Al-Madkhal Ila Ilmi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri
10- *Al-Muyassar Fi Ilmi al-jarh wa al-Ta'dil*: Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri.

Ilmu Hadis: عِلْمُ الْحَدِيْثِ

Ilmu hadis terbahagi kepada dua iaitu;

1. *Ilmu al-HadithDirayah*. Sila lihat maknanya pada perkataan "علم الحَدِيْثِ درايةً"
2. *Ilmu al-HadithRiwayah*. Sila lihat maknanya pada perkataan "علم الحَدِيْثِ روايةً"

Ilmu *al-HadithDirayah:* عِلْمُ الْحَدِيْثِ دِرَايَةً

Ilmu ini membahaskan tentang asas-asas serta kaedah-kaedah yang membawa seseorang kepada mengenali sesuatu hadis itu sama ada sahih, hasan atau *daif*. Ilmu ini juga memperkenalkan tentang segala pembahagian hadis, pengenalan terhadap makna ilmu al-riwayah dan al-dirayah, syarat-syaratnya serta pembahagiannya. Ia juga membicarakan tentang perihal perawi serta syarat-syarat perawi, ilmu *al-jarh wa al-ta'dil, tarikh* (sejarah) perawi, kelahiran serta kematian mereka, ilmu *an-nasikh wa al-mansukh*, ilmu *mukhtalaf al-Hadith,* ilmu *gharib al-Hadith,* serta segala yang berkaitan tentang ilmu hadis.

Antara kitab penting yang dikarang berkenaan ilmu ini:

Pertama: Kitab-kitab yang dikarang oleh ulama terdahulu:

1- *Marifat al- 'Ulum al-Hadithwa Kammiyah Ajnasuhu*: Karangan al-Hakim Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah an-Naisaburi (w. 405 H)
2- *Al-Kifayah fi Adab ar-Riwayah*: Karangan al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ali yang juga dikenali dengan nama al-Khatib al-Baghdadi (w. 463 H).
3- *'Ulum al-Hadith,* atau dikenali dengan judul *'Muqaddimah ibn al-Salah'*: Karangan al-Hafiz Abu Amru Uthman bin 'Abd al-Rahman

Asy-Syahrazuri yang juga terkenal dengan nama ibn al-Salah (w. 643 H). Ianya adalah kitab pertama yang mengumpulkan seluruh cabang ilmu ini, dan terdapat ramai ulama yang menghuraikan kitab ini serta meringkaskannya.

4- *Al-Iqtirah fi Bayan al-Istilah*: Karangan al-Imam Abu al-Fath Muhammad bin Ali bin Daqid al-'Id (w. 702 H).
5- *Al-Muqizah fi Ilmi Mustalah al-Hadith:* Karangan al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syamsuddin bin Ahmad al-Zahabi (w. 748 H).
6- *Tanqih al-Anzar*: Karangan al-Imam Muhammad bin Ibrahim yang turut terkenal dengan nama ibn al-Wazir az-Zaidi (w. 840 H).
7- *Nukhbah al-Fikar* dan Huraiannya *Nuzhah an-Nazar*: Karangan al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (w. 852 H).
8- *Fathul Mughith Bi Syarh Alfiyah al-Hadith:* Karangan al-Hafiz Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w. 902 H).
9- *Tadrib al-Rawi Fi Syarhi Taqrib an-Nawawi*: Karangan al-Hafiz Jalaluddin 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (w. 911 H)
10- *Taudih al-Afkar fi Syarhi Tanqih al-Anzhar*: Karangan al-Imam Muhammad bin Isma'il al-Amir as-San'ani (w. 1182 H).
11- *Zafar al-Amani bi Syarhi Mukhtasar al-Jurjani fi Mustalah al-Hadith:* Karangan Syeikh Abdul Hay al-Laknawi (w. 1304 H).

Kedua: Kitab-kitab karangan ulama zaman kini:

12- *Qawa'id at-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith:* Karangan Syeikh Jamaluddin al-Qasimi (w.1332 H).
13- *Taujih an-Nazhar Ila Usul al-Athar*: Karangan Syeikh Tahir al-Jaza'iri (w. 1338 H).
14- *Qawa'id fi Ulum al-Hadith:* Karangan Syeikh Zafar Ahmad Al-Uthmani at-Tahanawi (w.1394 H)
15- *Al-Wasit fi Ulum al-Hadith:* Karangan Syeikh Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (w.1403 H).
16- *Al-Manhaj al-HadithFi Ulum al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad bin Muhammad as-Samahi (w.1404 H).
17- *Ulum al-Hadithwa Mustalahuhu*: Karangan Dr. Subhi Salih (w.1407H)
18- *Manhaj an-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* Karangan Dr. Nuruddin 'Itr.
19- *Lamahat fi Usul al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad Adib Salih.
20- *Usul al-HadithUlumuhu wa Mustalahuh*: Karangan Dr. Muhammad Ajjaj al-Khatib.
21- *Al-Hadithan-Nabawi Mustalahatuhu wa Balaghatuhu wa Kutubuhu*: Karangan Dr. Muhammad bin Lutfi as-Sabbagh.
22- *Taisir Mustalah al-Hadith:* Karangan Dr. Mahmud at-Tahhan
23- *Tahrir Ulum al-Hadith:* Karangan al-syaikh 'Abd Allah bin Yusuf al-Judai'.
24- *Ulum al-HadithAsiluha wa Mu'asiruha*: Karangan Dr. Muhammad Abu Laith al-Khaira Abadi.

25- *Al-Madkhal Ila Dirasah Ulum al-Hadith:* Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri.

Banyak lagi selain dari kitab-kitab ini yang tidak dapat kami sebutkan namanya. Untuk penambahan maklumat sila rujuk kitab kami berkenaan dengan perkara ini yang berjudul: *Ilmu Mustalah al-Hadith: Nasy'atuhu, wa Tatawuruhu, wa Takamuluhu.*

Ilmu *al-HadithRiwayah:* عِلْمُ الْحَدِيْثِ رِوَايَةً

Ilmu yang terkandung dalamnya periwayatan segala apa yang disandarkan kepada Nabi *s.a.w* dari perkataannya, perbuatannya, pengakuannya, dan sifat kejadiannya serta sifat akhlaknya. Begitu juga dengan segala apa yang disandarkan kepada para sahabatnya dari perkataan serta perbuátan mereka. (Sila lihat *Taudhih al-Afkar* 1/6 dan *al-Wasit fi Ilmi al-Hadith:* 42).

Ilmu *Dirayah al-Hadith:* عِلْمُ دِرَايَةِ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (عِلْم الحدِيْثِ دراية).

Ilmu *al-Rijal:* عِلْمُ الرِّجَالِ

Ilmu ini turut dikenali dengan nama '*Ulum Rijal al-Hadith*(ilmu-ilmu tentang *rijal al-Hadith*). Ini adalah kerana setiap seni ilmu yang terkandung dalamnya dikira sebagai satu ilmu yang berasingan. Apa yang dimaksudkan dengan *al-Rijal* ialah para perawi hadis, tidak kira sama ada lelaki mahupun perempuan. Namun perkataan *al-Rijal* digunakan pada ilmu ini kerana kebiasaannya kebanyakan perawi adalah orang lelaki.

Ilmu ini adalah ilmu yang membahaskan tentang penelitian dan pengesahan terhadap nama-nama perawi hadis, nasab, *kunyah* serta gelaran mereka. Dalam ilmu ini terkandung perbahasan yang sangat luas seperti ilmu: *Al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf,* ilmu *al-Muttafaq wa al-Muftaraq*, dan ilmu *al-Musytabih.* Ia juga membahaskan tentang sejarah hidup para perawi dan segala maklumat yang diperlukan oleh pengkritik sanad seperti maklumat murid yang pernah mendengar daripada mereka dan yang tidak pernah mendengar daripada mereka. Barangkali kadar apa yang didengar juga diperbahaskan sekadar yang mampu. Antara kitab-kitab yang membahaskan ilmu seperti ini adalah kitab *al-Wafayat.* Ilmu ini juga membincangkan segala yang berkaitan dengan keadaan perawi dari sudut *al-jarh wa al-Ta'dil* di samping menerangkan tentang perihal periwayatan mereka dari sudut bersambung atau terputus.

Melihat kepada kepentingan ilmu ini maka al-Imam Ali bin al-Madini pernah berkata: "*Fiqh* (kefahaman) terhadap makna-makna hadis adalah separuh ilmu. Manakala pengetahuan tentang perihal para perawi hadis pula adalah separuh yang lain".

Antara kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu ini:

1- *Ilmu al-Rijal wa Ahammiyatuhu*: Karangan al-syaikh 'Abd al-Rahman al-Mu'allimi Al-Yamani (w.1386H).

2- *Ilmu al-Rijal Nasy'atuhu wa Tatawwuruhu Min al-Qarni Al-Awwal Ila Nihayah al-Qarni at-Tasi'*: Karangan Dr. Muhammad Matar az-Zahrani (w. 1427H).
3- *Ilmu al-Rijal*: Karangan Dr. Nuruddin 'Itr. Kitab ini dicetak sekali di bahagian akhir kitab beliau yang berjudul *Usul al-jarh wa al-Ta'dil.*
4- *Ilmu Rijal al-Hadith:* Karangan Dr. Taqiyuddin an-Nadwi al-Mazahiri.
5- *Al-Hidayah Fi Tamyiz Rijal ar-Riwayah*: Karangan Dr. Mahir Mansur 'Abd al-Razzaq.
6- *Ilmu al-Rijal Ta'rifuhu wa Kutubuhu*: Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri.
7- *Al-Muyassar fi Ilmi al-Rijal*: Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri.

Ilmu *Riwayah al-Hadith:* عِلْمُ رِوَايَةِ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (عِلْم الحَدِيْثِ رِوَايَةً).

Ilmu *Zawa'id al-Hadith:* عِلْمُ زَوَائِدِ الْحَدِيْثِ

Ilmu ini membahaskan tentang pengasingan hadis-hadis tambahan dalam sesebuah kitab yang hadis-hadis tersebut diriwayatkan dengan sanad pengarang kitab itu sendiri. Hadis-hadis tambahan tersebut tidak ada dalam Enam Kitab, atau hadis tersebut ada tetapi tidak sempurna periwayatannya, atau ianya diriwayatkan oleh sahabat yang lain, atau hadis tersebut ada dalam kitab-kitab yang ditambah ke atasnya namun terdapat sedikit penambahan yang tidak ada dalam kitab-kitab tersebut.

Objektif dan faedah ilmu ini ialah untuk mendekatkan sunnah nabawiyyah serta memudahkannya kepada seluruh muslimin secara amnya, dan kepada para ulama dengan pelbagai pengkhususan mereka secara khasnya. (Sila lihat *Ilmu Zawa'id al-Hadith*karangan Khaldun al-Ahdab: 12).

Ulama yang mempelopori ilmu ini adalah al-Hafiz Nuruddin Ali bin Abu Bakar al-Haithami (w. 807H) pengarang kitab *Majma' Az-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id.*

Antara kitab yang dikarang memperkenalkan tentang ilmu ini:

1- *Ilmu Zawa'id al-Hadith:* Karangan Khaldun Muhammad Salim al-Ahdab.
2- *Ilmu Zawa'id al-HadithDirasah wa Manhaj wa Musannafat*: Karangan Syeikh Abdul Salam Muhammad 'Alwish.
3- *Kutub az-Zawa'id*: Nasy'atuha wa Ahammiyatuha wa Subul Khidmatiha: Karangan Syeikh Muhammad 'Abd Allah Abu Su'aylik.

Ilmu *'Ilal al-Hadith:* عِلْمُ عِلَلِ الْحَدِيْثِ

Ilmu ini membincangkan tentang sebab-sebab yang tersembunyi yang membawa kecacatan kepada sesuatu hadis yang sahih atau hasan sama ada dari sudut sanad mahupun matan, dalam keadaan sifat zahir hadis itu dilihat selamat dari kecacatan tersebut. Dari sini dapat dilihat kepentingan ilmu ini serta kerumitan dalam mempelajarinya. Ini kerana kerosakan yang terdapat

dalam hadis para perawi yang *daif* adalah jelas dan tugas mengesannya juga adalah mudah. Namun untuk meneliti kecacatan pada hadis yang diriwayatkan oleh para perawi *thiqah* adalah sesuatu yang sukar kerana dari segi zahir ianya dilihat selamat atau sahih. Maka pencarian terhadap titik kesalahan yang dilakukan oleh mereka ini adalah sukar. Perkara seperti ini memerlukan ilmu yang mendalam, pengetahuan yang luas tentang jalan-jalan periwayatan hadis, serta pengalaman yang tinggi dalam menilai peribadi para perawi. Kepentingan ilmu ini adalah tertumpu kepada kecacatan yang tersembunyi yang terkandung dalam sanad dan matan sesebuah hadis.

Antara kitab-kitab yang membahaskan tentang ilmu ini:

1- *Syarh 'Ilal al-Tirmizi*: Karangan al-Hafiz Zainuddin Abu Al-Faraj 'Abd al-Rahman bin Ahmad yang turut dikenali dengan nama ibn Rajab al-Hambali (w. 795H). Dalam juzuk yang kedua daripada kitab ini ada disebut tentang asas-asas penting sekitar ilmu ini. Kandungannya sangat bermanfaat di samping huraian tambahan oleh Dr. Nuruddin 'Itr.
2- *Lamahat Mujazah Fi Usul 'Ilal al-Hadith:* Karangan Dr. Nuruddin 'Itr.
3- *Al-'Ilal Fi al-Hadith:* Karangan Dr. Hammam Abdul Rahim Sa'id.
4- *Ilmu 'Ilal al-Hadithwa Dauruhu Fi Hifzi as-Sunnah an-Nabawiyyah*: Karangan Dr. Wasiyullah bin Muhammad Abbas
5- *Ilmu 'Ilal Al-HadithMin Khilal Kitab Bayan al-Wahm wa al-Iham Li Ibni Qattan*: Karangan al-Ustaz Ibrahim as-Siddiq.
6- *Ma'rifah Madar al-Isnad wa Bayan Makanatihi Fi Ilmi 'Ilal al-Hadith:* Karangan Syeikh Muhammad Mujir al-Khatib al-Hasani.
7- *Al-Muyassar Fi 'Ilmi 'Ilal al-Hadith:* Karangan Syed 'Abd al-Majid al-Ghouri.

Ilmu *Gharib al-Hadith:* عِلْمُ غَرِيْبِ الْحَدِيْثِ

Ilmu ini membicarakan tentang makna perkataan-perkataan yang ganjil atau samar maksudnya dalam hadis yang kebanyakan orang ramai tidak dapat memahami maksudnya. Ini adalah berpunca daripada kebanyakan orang awam tidak mahir dalam ilmu bahasa Arab yang fasih, atau disebabkan kerana perkembangan bahasa yang merosakkan maksud asal bahasa atau dek kerana perkembangan Islam yang pantas ke negara-negara yang tidak bertutur dengan bahasa Arab menjadikan mereka yang tinggal dalamnya sukar untuk memahami hadis tersebut.

Untuk perincian sila lihat maknanya pada perkataan (غريب الحديث).

Penulis tidak menjumpai kitab khusus yang memperkenalkan tentang ilmu ini. Namun kebanyakan kitab *Ulum al-Hadith*ada membincangkan ilmu ini walaupun secara ringkas sahaja.

Ilmu *Mukhtalif al-Hadith:* عِلْمُ مُخْتَلِفِ الْحَدِيْثِ

Ilmu ini membincangkan tentang pertentangan secara zahir yang berlaku antara hadis-hadis dan penyelesaian oleh ulama dalam menyatukan hadis-

hadis yang bertentangan itu. Ini adalah termasuk usaha mereka mentafsirkan sesuatu hadis tersebut yang maknanya menimbulkan percanggahan dengan hadis yang lain. Antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah menyatukan maknanya yang saling bercanggah atau memperincikan perkara yang mutlak, atau mengkhususkan sesuatu yang umum atau menafsirkan bahawa berlaku pelbagai peristiwa yang mendorong kepada kemunculan hadis tersebut.

Al-Imam an-Nawawi pernah memperkatakan tentang kepentingan ilmu ini: "Ilmu ini adalah antara ilmu yang terpenting bahkan pengetahuan tentang ilmu ini mendesak supaya seluruh ulama perlu memahaminya. Ilmu ini membincangkan antara dua hadis yang saling bercanggah maknanya dari sudut zahir, lalu diselaraskan kefahaman terhadap maksud kedua-duanya, atau di*tarjih*kan salah satu daripadanya. Ilmu ini hanya mampu dikuasai oleh para imam yang menggabungkan antara disiplin hadis dan disiplin fikah, dan juga para ulama usul yang mahir tentang persoalan makna-makna". (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/196).

Untuk perincian sila lihat perkataan (مختلف الحديث)

Antara kitab yang dikarang berkenaan ilmu ini:

1- *Mukhtalaf al-Hadithwa Mauqif an-Nuqqad wa al-Muhaddithin Minhu*: Karangan Syeikh Usamah 'Abd Allah al-Khayyat.
2- *Al-Manhaj al-Islami Fi Ilmi al-Mukhtalaf al-Hadith:* Al-Ustaz Abdul Latif as-Sa'id Ali Salim.
3- *Mukhtalaf al-HadithBaina al-Fuqaha wa al-Muhaddithin*: Karangan Dr. Nafiz Husain Hammad.
4- *Dirasah Naqdiyyah Fi Ilmi Musykil al-Hadith:* Al-Ustaz Ibrahim al-'As'as.

Ilmu *Musykil al-Hadith:* عِلْمُ مُشْكِلِ الْحَدِيثِ

Ilmu yang membahaskan tentang hadis-hadis yang musykil difahami atau digambarkan maknanya, lalu ia merungkaikan kemusykilan tersebut. Ilmu ini telah memberi sumbangan yang besar dalam menangkis dan mematahkan segala kekeliruan yang ditimbulkan oleh fahaman-fahaman tertentu dan juga dalam menerangkan pengertian yang sebenar dalam memahami hadis-hadis Rasulullah *s.a.w.*

Untuk lebih mendalam sila lihat maknanya pada perkataan (مشكل الحديث).

Ilmu ini turut dibincangkan dalam kitab-kitab yang menerangkan tentang makna ilmu *mukhtalif al-Hadith.*

Ilmu *Mustalah al-Hadith:* عِلْمُ مُصْطَلَحِ الْحَدِيثِ

Ilmu ini membincangkan tentang asas-asas serta kaedah-kaedah yang dapat diketahui dengannya perihal sanad dan matan hadis, dari sudut diterima atau ditolak hadis tersebut.

Untuk lebih terperinci sila lihat maknanya pada perkataan: (أُصُوْلُ الحَدِيْثِ) dan (علم الحديث).

Ilmu mengenal *al-Tabiin:* عِلْمُ مَعْرِفَةِ التَّابِعِيْنَ

Ilmu yang memperkenalkan tentang *al-Tabiin*. Sila lihat perincian maknanya pada perkataan (التّابعون).

Ilmu mengenal *as-Sahabah:* عِلْمُ مَعْرِفَةِ الصَّحَابَةِ

Ilmu yang memperkenalkan tentang para Sahabat Nabi *s.a.w.* Sila lihat perincian maknanya pada perkataan (الصّحابة).

Ilmu *Nasikh al-Hadithwa Mansukhihi:* عِلْمُ ناسِخِ الْحَدِيْثِ ومَنْسُوْخِهِ

Ilmu ini membahaskan tentang hadis-hadis yang saling bercanggah yang tidak mungkin dapat disatukan maknanya, maka percanggahan ini diselesaikan dengan jalan menentukan salah satu hadis yang bertentangan itu adalah *nasikh* (yang memansukhkan) dan satu lagi adalah *mansukh* (yang dimansuhkan). Lalu hadis yang menjadi *nasikh* diambil sebagai amalan dan hadis yang mansukh pula ditinggalkan daripada beramal dengannya.

Antara kitab utama yang membincangkan ilmu ini:

1- *Al-Adillah al-Muthma'innah 'Ala Thubut an-Naskh Fi al-Kitab wa as-Sunnah*: Karangan Al-Ustaz 'Abd Allah Mustafa al-Urais.
2- *An-Naskh Fi as-Sunnah Baina an-Nazariyyah Wa at-Tatbiq* oleh Sayyid Ahmad 'Abd al-Hamid Kisyk.

Ilmu mengkritik *al-Hadith:* عِلْمُ نَقْدِ الْحَدِيْثِ

Ilmu ini bertujuan bagi menggariskan asas-asas ilmiah yang digunakan oleh para pengkritik hadis ketika mereka berinteraksi dengan riwayat-riwayat hadis dan juga para perawinya. Ilmu ini membincangkan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip, asas-asas umum mengkritik. Ia juga menyentuh cara mempraktik serta berinteraksi dengan ilmu ini dalam medan menimbang dan menilai para perawi serta riwayat-riwayat mereka.

Melalui ilmu ini, para muhaddith telah membahas hadis nabawi dari sudut sanad dan matannya. Maka mereka telah meneliti para perawi hadis serta menjalankan analisis terhadap biodata dan keperibadian mereka, di samping mengambil kira prinsip-prinsip penilaian yang menggambarkan dengan jelas terhadap sejauhmana kelayakan seseorang perawi dalam periwayatannya seperti keislamannya, ke*adil*an, kekuatan ingatan dan sebagainya. Kaedah-kaedah persambungan sanad antara perawi-perawi tersebut diberi perhatian memandangkan kesinambungan sanad itu merupakan antara unsur terpenting dalam penerimaan sesuatu hadis dalam apa jua keadaan.

Di samping memastikan kesahihan sanad para pengkritik hadis tidak akan terlepas daripada meneliti matan hadis serta isi kandungnya, dan menilainya menurut penilaian ilmu dan pengalaman. Setiap apa apa yang bertepatan dengan asas serta prinsip Islam akan terus diterima. Sebaliknya, apa yang bertentangan dengan Islam akan ditolak, sekiranya pertentangan itu adalah bertentangan dengan dasar agama, atau bertentangan dengan sesuatu pada

zahirnya telah diketahui umum benar atau salahnya, dengan fakta sejarah yang pasti. (Sila lihat *Dirasat Fi Manhaj an-Naqd 'Ind al-Muhaddithin* karangan al-'Umri: 7-10).

Antara kitab yang dikarang berkaitan ilmu ini:

1- *Manhaj an-Naqd 'Ind al-Muhaddithin Nasy'atuhu wa Tarikhuh*: Karangan Dr. Muhammad Mustafa al-A'zami.
2- *Ihtimam al-Muhaddithin Bi Naqdi al-HadithSanadan wa Matnan*: Karangan Dr. Muhammad Luqman as-Salafi.
3- *Dirasat Fi Manhaj an-Naqd 'Ind al-Muhaddithin*: Karangan Dr. Muhammad Qasim Al-'Umri.
4- *Usul Manhaj an-Naqd 'Ind Ahli al-Hadith:* Karangan Dr. 'Isam Ahmad al-Basyir.
5- *Manhaj Naqd al-Matan 'Ind Ulama al-Hadithan-Nabawi*: Karangan al-Ustaz Salah ad-Din al-Idlibi
6- *Naqd al-HadithFi 'Ilmi ar-Riwayah wa 'Ilmi ad-Dirayah*: Karangan al-Ustaz Husain al-Haj Hasan.
7- *Juhud al-Muhaddithin Fi Naqd Matn al-Hadithal-Syarif*: Karangan al-Ustaz Muhammad Tahir al-Jawabi.

Tinggi: **العُلُوُّ**

Ia adalah sanad yang sedikit bilangan perawi perantara dalamnya serta bersambung.

Sila lihat maknanya pada perkataan (العالي).

Tinggi dengan sebab terlebih dahulu mendengar: **العُلُوّ بِتَقَدُّمِ السَّمَاعِ**

Ianya adalah sebahagian daripada jenis-jenis sanad dari sudut tinggi atau rendahnya sanad tersebut. Apa yang dimaksudkan dengan istilah ini adalah sesuatu sanad menjadi tinggi kerana orang yang mendengar sesuatu hadis itu adalah lebih awal (mendahului yang lain) daripada rakan seperguruannya yang lain. Jadi orang yang mendengar lebih awal itu sanadnya lebih tinggi dari yang lain.

Contoh: Dua orang lelaki menerima hadis daripada seorang syeikh, seorang mendengar daripada syeikh tersebut sejak 60 tahun yang lalu dan yang seorang lagi hanya mendengarnya 40 tahun yang lalu, sedangkan bilangan hadis yang didengar adalah sama. Maka orang yang pertama tadi mempunyai sanad yang lebih tinggi daripada yang kedua. Perkara ini dapat dipastikan melalui mereka yang lama berdamping dengan seseorang syeikh itu.

Sila lihat maknanya pada perkataan (العالي)

Tinggi dengan sebab perawi terlebih dahulu wafat: **العُلُوُّ بِتَقَدُّمِ وَفَاةِ الرَّاوِي**

Misalnya seperti kata-kata al-Imam an-Nawawi: Apa yang saya riwayatkan dari tiga perawi daripada al-Baihaqi dari al-Hakim, adalah lebih tinggi daripada apa yang saya riwayatkan dari tiga perawi daripada Abu Bakar bin Khalaf daripada al-Hakim. Ini kerana al-Baihaqi meninggal dunia terlebih dahulu daripada Abu Bakar bin Khalaf. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 2L154).

Tinggi dengan sebab sifat (perawi): العُلُوُّ بِالصِّفَةِ

Iaitu tingginya sanad kerana sifat peribadi para perawi.

Tinggi dengan sebab jarak (perawi): العُلُوُّ بِالْمَسَافَةِ

Iaitu sanad sesuatu hadis menjadi lebih tinggi apabila sedikit atau kurangnya bilangan perawi perantara dalamnya.

Tinggi 'menurun': عُلُوُّ التَّنْزِلِ

Ia adalah satu bahagian daripada jenis-jenis sanad dari sudut tinggi dan rendahnya sanad tersebut. Sanad jenis ini adalah sanad yang tinggi tetapi tidak secara mutlak, iaitu tingginya terikat apabila dinisbahkan kepada periwayatan salah satu Enam Kitab atau kitab-kitab lain yang masyhur menjadi pegangan umat Islam.

Al-Imam ibn Daqiq al-'Id menamakannya dengan istilah ini kerana sanad jenis ini tingginya tidaklah secara mutlak. Sekiranya seseorang perawi itu meriwayatkan hadis melalui jalan riwayat sesebuah kitab daripadanya, nescaya ia adalah lebih rendah berbanding jika dia meriwayatkan hadis tersebut melalui jalan riwayat yang lain.

Sila lihat maknanya pada perkataan (العالي).

Tinggi sanadnya: عُلُوُّ السَّنَدِ

Iaitu suatu sanad yang bilangan perawi dalamnya adalah sedikit berbanding dengan sanad yang lain bagi hadis yang sama. Ianya juga dipanggil (العُلُوُّ المُطْلَق).

Tinggi yang mutlak: العُلُوُّ المُطْلَقُ

Iaitu suatu sanad yang dekat dengan Rasulullah *s.a.w* (yakni bilangan perawinya sedikit) dan sanad tersebut adalah sahih lagi bersih.

Juga ditakrifkan sebagai: sanad hadis yang mengandungi bilangan perawi yang sedikit sehingga sampai kepada Nabi *s.a.w* jika dibandingkan dengan sanad lain yang meriwayatkan hadis yang sama tetapi bilangan perawinya ramai. (Sila lihat *Syarh an-Nukhbah*: 615).

Tinggi yang tidak mutlak atau nisbi: العُلُوُّ النِّسْبِيُّ

Iaitu dekatnya seseorang perawi dalam sanad dengan salah seorang daripada imam-imam besar hadis, seperti Imam Malik contohnya, sekalipun bilangan perawi dalam sanad tersebut ramai sehinggalah kepada Rasulullah *s.a.w*.

Juga ditakrifkan sebagai: sanad hadis yang mengandungi bilangan perawi yang sedikit sehinggalah sampai sanadnya kepada salah seorang imam yang agung dalam bidang hadis yang mempunyai sifat-sifat tinggi seperti hafiz, faqih, kuat ingatan, banyak mengarang dan sebagainya daripada sifat-sifat terpuji dalam hadis yang dijadikan hujah untuk mengutamakan imam itu dari yang lain, seperti al-Imam Syu'bah dan al-Imam Malik. (Sila lihat *Syarh Syarh an-Nukhbah*: 617).

'Ulum al-Hadith: عُلُومُ الْحَدِيْثِ

Iaitu ilmu yang mengandungi dalamnya ilmu-ilmu hadis al-Riwayat dan al-Dirayah. Ilmu hadis al-Dirayah pula mengandungi berbagai bahagian iaitu:

1- Ilmu *Mustalah al-Hadith,* atau Ilmu *Usul al-Hadith.*
2- Ilmu *al-jarh wa al-Ta'dil.*
3- Ilmu *Mukhtalaf al-Hadith*dan Ilmu *Musykil al-Hadith.*
4- Ilmu *'Ilal al-Hadith.*
5- Ilmu *Gharib al-Hadith.*
6- Ilmu *Nasikh al-Hadithwa Mansukhih.*
7- Ilmu *Sabab Wurud al-Hadith.*

Ilmu-ilmu nama para perawi: عُلُومُ أَسْمَاءِ الرُّوَاةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (أَسْمَاءَ الرِّجَالِ) dalam huruf Alif.

عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ أَو أَحَدِهِما

Berdasarkan syarat dua orang syeikh atau salah seorang daripadanya:
Iaitu hadis yang diriwayatkan berdasarkan syarat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab sahih mereka, atau salah seorang dari mereka.
Maksud 'syarat' mereka itu ialah hadis tersebut haruslah diriwayatkan oleh para perawi al-Bukhari atau Muslim atau kedua-duanya dalam riwayat-riwayat *usul* dalam kitab-kitab mereka, dan bukannya perawi-perawi mereka dalam riwayat-riwayat *al-mutaba'at* dan *al-syawahid* kitab-kitab tersebut. Di samping itu juga, hadis tersebut hendaklah memenuhi segala syarat hadis sahih.

Berdasarkan syarat kedua-duanya (iaitu al-Bukhari dan Muslim): عَلَى شَرْطِهِما

Sila lihat maknanya pada perkataan (عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ أَوْ أَحَدِهِما).

عَلَى هذا أَدْرَكْتُ مَنْ أَرْضَى مِن أَهْلِ الْعِلْمِ

Atas perkara ini, saya temui orang yang saya akui wibawanya dalam kalangan ahli ilmu:
Ini adalah istilah yang digunakan oleh al-Imam Malik dalam kitab *al-Muwatta'*. Istilah ini digunakan oleh beliau ketika tidak dapat menemukan kata sepakat (*Ijma'*) dalam kalangan ulama' Madinah. Istilah ini menggambarkan bahawa pandangan yang dilontarkan adalah pandangan majoriti sahaja dan bukan *ijma'*, sekaligus kedudukannya rendah sedikit daripada pandangan ijma' yang tidak ada perselisihan mengenainya.

Atas perkara ini, saya lihat orang ramai (mengamalkannya): عَلَى هذا رَأَيْتُ النَّاسَ

Ini adalah istilah yang digunakan oleh al-Imam Malik dalam kitab *al-Muwatta'*. Istilah ini digunakan oleh beliau ketika tidak dapat menemukan kata sepakat (*Ijma'*) dalam kalangan ulama' Madinah. Istilah ini menggambarkan bahawa pandangan yang dilontarkan adalah pandangan majoriti sahaja dan bukan *ijma'*, sekaligus kedudukannya rendah sedikit daripada pandangan ijma' yang tidak ada perselisihan mengenainya.

'Dalam gengaman si 'Adl': عَلَى يَدَيْ عَدْل

Ia pada asalnya adalah suatu perumpamaan yang dibaca dengan *idafah* (iaitu disandarkan perkataan dua tangan kepada seorang bernama 'Adl). 'Adl ini ialah ibn Saad al-'Asyirah yang merupakan orang suruhan Tubba' (iaitu gelaran bagi raja-raja Yaman di zaman jahiliyyah). Tubba' ini pula sekiranya menginginkan kemusnahan atau kematian seseorang, maka dia akan menyerahkannya kepada si 'Adl. Lalu orang pun berkata: "Dalam gengaman si 'Adl", sebagai gambaran kepada kemusnahannya. Maka akhirnya ia disebut-sebut sebagai suatu perumpamaan bagi orang yang dirasakan putus harapan terhadapnya.

Dengan itu, penggunaan perumpamaan ini oleh para pengkritik hadis adalah menggambarkan *al-Jarh*, bahkan ia adalah suatu istilah *al-jarh* yang berat. Ianya sama peringkat dengan orang yang dikatakan sebagai: (هالكٌ) dan (ساقطٌ).

Hukumnya:

Riwayat mereka yang digelar dengan gelaran ini tidak boleh diterima.

Padanya, saya dapati orang ramai (mengamalkannya): عَلَيْهِ أَدْرَكْتُ النَّاسَ

Ini adalah istilah yang digunakan oleh al-Imam Malik dalam kitab *al-Muwatta'*. Istilah ini digunakan oleh beliau ketika tidak dapat menemukan kata sepakat (*Ijma'*) dalam kalangan ulama' Madinah. Istilah ini menggambarkan bahawa pandangan yang dilontarkan adalah pandangan majoriti sahaja dan bukan *ijma'*, sekaligus kedudukannya rendah sedikit daripada pandangan ijma' yang tidak ada perselisihan padanya.

Ain – Mim: عم

Simbol yang membawa maksud; 'Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal al-Syaybani meriwayatkan hadis tersebut dalam kitab *Zawa'id*nya ke atas *Musnad* bapanya (kitab *Zawa'id Musnad Ahmad*).

Amal: العَمَلُ

Dari segi bahasa perkataan (العمل) dan kata jamaknya (أعمال) membawa maksud kerja atau pekerjaan.

Dari segi istilah; ahli hadis menggunakan kata-kata (عليه العمل) atau (مدارُ العمل عليه) dengan maksud ianya adalah sesuatu yang diamalkan dalam kalangan jumhur sahabat dan juga tabiin dalam kalangan mereka yang menjadi ikutan dan panutan, dan ianya adalah sesuatu yang muktamad di sisi kebanyakan ulama hadis.

Daripada: عَنْ

Ia adalah salah satu istilah penyampaian hadis daripada mereka yang meriwayatkannya dengan kaedah dengar (*sama'*) atau *ijazah*. Tetapi setelah munculnya *tadlis* (penipuan terhadap pengambilan atau penyampaian hadis) istilah ini telah dinilai semula dengan kebarangkalian bahawa mereka yang menggunakan istilah ini ada kemungkinan dia mendengar atau dia tidak mendengar sesuatu hadis itu. Istilah ini menggambarkan bahawa sesuatu sanad itu dianggap bersambung selagimana mereka yang menggunakan istilah ini

bukanlah mereka yang pernah melakukan *tadlis*. Dengan sebab itu al-Hafiz ibn Hajar meletakkannya sebagai istilah yang berada pada peringkat kelapan daripada peringkat-peringkat penyampaian hadis kerana terdapat kebarangkalian perawi meng*ijazah*kan sesuatu hadis yang dia tidak mendengarnya atau terdapat juga kebarangkalian berlakunya *tadlis* di situ.
Sila lihat makna (العنعنة).

Al-'An'anah: العَنْعَنَةُ

Dari segi bahasa perkataan (العَنْعَنَةُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (عَنْعَنَ يُعَنْعِنُ) yang membawa maksud kekerapan seseorang dalam mengulangi perkataan (عَنْ) melalui apa yang disampaikannya, seperti dia menyatakan (قال لي فلانٌ عن فلانٍ عن فلانٍ).

Dari segi istilah pula: ialah meriwayatkan sesuatu hadis dengan menggunakan lafaz: (عَنْ فُلاَنٍ) tanpa suatu penerangan pun yang menunjukkan *tahdith* (memberitakan hadis), atau *ikhbar* (mengkhabarkan hadis), ataupun *sama'* (mendengar hadis). Sila lihat *Fathu al-Mughith*: 1/189).
Manakala sanad *al-mu'an'an* pula ialah sanad yang terdapat dalamnya kalimah 'an yang berulang-ulang seperti (فلانٌ عن فلانٍ عن فلانٍ عن فلانٍ). Dan istilah 'an (عن) ini tidak semestinya menggambarkan bahawa sesuatu sanad itu bersambung ataupun terputus.

Daripada si polan: عَنْ فُلاَنٍ

Sila lihat maknanya pada perkataan (العَنْعَنَةُ) dalam huruf 'Ain dan (المُعَنْعَنُ) dalam huruf Mim.

Ain – Wau: عو

Ia adalah simbol bagi ringkasan perkataan (عُورِضَتْ) yang membawa maksud bahawa naskhah berkenaan telah dibentangkan atau dibandingkan. Simbol ini biasanya digunakan di nota-nota tepi dalam sesebuah manuskrip.
Begitu juga simbol ini digunakan dan diletakkan di awal nama seorang perawi atau di atasnya dalam kitab-kitab biografi perawi atau kitab sejarah perawi (التراجم والسِّيَر) bagi menggambarkan hadis yang diriwayatkannya ada dikeluarkan dalam empat kitab usul, iaitu kitab *Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan ibn Majah.*

Al-'Awali: العَوَالِي

Dari segi bahasa perkataan (العوالي) adalah kata jamak bagi perkataan (عالٍ) yang membawa maksud tinggi.
Dari segi istilah ianya membawa maksud sebuah kitab yang terkumpul dalamnya hadis-hadis yang tinggi bagi seseorang perawi. Dan maksud hadis yang tinggi di sisi ahli hadis ialah hadis yang kurang bilangan perawi dalam

sanadnya, seperti hadis *Thulathiyyat* al-Bukhari dalam Sahihnya yang bilangannya hanya 23 hadis sahaja.

Antara kitab-kitab yang masyhur tentang *al-'Awali* ialah:

1- *'Awali al-Laith bin Saad Al-Misri* (w. 175H): *Takhrij* oleh Qasim bin Qutlubugha (w. 879H).
2- *'Awali Sufyan bin 'Uyainah* (w. 198H). *Takhrij* oleh Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Mandah (w. 395H).
3- *'Awali Sa'id bin Mansur* (w. 227H).
4- *Al-Ahadis al-'Awali Min Juz' Ibn 'Arafah al-'Abdi* (w. 257H): Dikumpulkan dan disaring oleh al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (w. 748H).
5- *'Awali al-Harith bin Abu Usamah* (w. 282H): Riwayat Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah al-Asbahani (w. 430H).
6- *Al-Fawa'id al-'Awali al-Mu'arrakhah Min As-Sihah Wa al-Ghara'ib*: Karangan Abu al-Qasim Ali bin al-Muhsin bin Ali At-Tannukhi (w. 490H).

Terdapat beberapa buah kitab lagi yang telah disebutkan oleh al-Kattani dalam kitabnya *ar-Risalah al-Mustatrafah* (m.s. 164-165), memadailah di sini sekadar disebutkan sebahagian yang telah dicetak sahaja.



حرف الغين

HURUF GHAIN

Al-Ghaliah: الغَالِيَة

Salah satu kumpulan daripada golongan Syiah. Dinamakan demikian kerana sifat pengikut mereka yang ekstrem terhadap Ali *r.a.* Kepercayaan mereka terhadap Ali *r.a.* amat menakjubkan. Mereka mempercayai bahawa Ali *r.a.* akan kembali ke dunia dan beliau sebenarnya tidak mati. Sebahagian pengikut kumpulan ini juga percaya konsep inkarnasi (*tanasukh*) dan manifestasi bagi Allah. Begitu juga terdapat beberapa kepercayaan mereka yang lain yang tidak boleh diterima kerana pertentangannya dengan nas dan akal. (Sila lihat *Maqalat al-Islamiayyin*: 5).

Hadis-hadis *Gharib*: الغَرَائِبُ

Dari segi bahasa perkataan (الغرائب) adalah kata jamak bagi perkataan (غَرِيبة) yang membawa maksud asing, ganjil atau keganjilan.

Dari segi istilah pula; sama erti dengan istilah *al-afrad* (الأفراد kata jamak bagi perkataan فَرْد), iaitu hadis-hadis yang tidak diriwayatkan kecuali oleh seorang perawi sahaja.

Sila lihat maknanya pada perkataan (الأفراد) pada huruf Alif.

Ke*ghariban*, keganjilan: الغَرَابَة

Iaitu kebersendirian. Sila lihat maknanya pada perkataan (الغَرِيْب).

***Al - Gharib* (ganjil):** الغَرِيْبُ

Dari segi bahasa perkataan (الغريب) adalah kata sifat bagi perkataan (الغرابة) iaitu seorang yang tidak ada ahli keluarga lain di sisinya, atau seseorang yang bukan dalam kalangan sesuatu golongan, atau seorang asing yang bukan berasal dari sesuatu negeri itu.

Dari segi istilah pula ialah hadis yang bersendirian seorang perawi dalam meriwayatkannya, di mana-mana jua tempat (*tabaqat*) berlakunya kebersendirian tersebut pada sanadnya. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 271 atau *Syarh Syarh an-Nukhbah*: 50).

Ia adalah hadis yang berasingan atau bersendirian seorang individu dalam meriwayatkannya, sama ada berlaku pada semua *tabaqat* sanad ataupun pada sebahagian *tabaqat* sanad, walaupun hanya dalam satu *tabaqat*nya sahaja, sekalipun dalam *tabaqat* yang lain terdapat lebih dari seorang yang meriwayatkannya kerana yang dinilai adalah *tabaqat* yang paling sedikit.

Nama lain bagi *gharib*:

Terdapat sebahagian ulama yang menamakan *al-Gharib* dengan nama lain iaitu *al-Fard*, kerana kedua-duanya memiliki makna yang sama. Namun sebahagian ulama membezakan makna bagi kedua-dua perkataan ini. Walau bagaimanapun, al-Hafiz ibn Hajar menganggap kedua perkataan ini membawa maksud yang sama dari segi bahasa mahupun dari segi istilah. Beliau berkata: "Sesungguhnya ulama yang mahir dengan istilah hanya membezakan kedua-dua perkataan ini dari segi kekerapan penggunaannya atau kurang penggunaannya sahaja". (Sila lihat *Syarh Syarh an-Nukhbah*: 57).

Istilah *al-Fard* biasanya digunakan untuk istilah *al-Fard al-Mutlaq*, manakala istilah al-*Gharib* pula biasanya digunakan untuk *al-Fard an-Nisbi*.

Jenis-jenis *Gharib*:

Hadis *al-Gharib* dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan tempat berlakunya sifat *gharib* itu, iaitu *Gharib Mutlaq* dan *Gharib Nisbi*, atau *al-Fard al-Mutlaq* dan *al-Fard an-Nisbi*.

Sila lihat makna kedua-duanya pada tempatnya.

Sumber-sumber Hadis *Gharib*:

1- *As-Sunan Allati Tafarrada Bikulli Sunnah Minha Ahlu Baldah*: Karangan al-Imam Abu Dawud Sulaiman bin Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
2- *Musnad al-Bazzar*: Karangan al-Imam Ahmad bin Amru bin Abdul Khaliq, Abu Bakar Al-Bazzar (w. 292H).
3- *Al-Mu'jam al-Ausat*: Karangan al-Imam Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub, Abu al-Qasim al-Tabarani.
4- *Ghara'ib Malik*: Karangan al-Imam Ali bin Amru ad-Daraqutni (w. 385H)
5- *Al-Afrad*: Karangan al-Imam Ali bin Amru ad-Daraqutni (w. 385H).

***Gharib* Isnadnya:** غَرِيْبُ الإِسْنَادِ

Iaitu hadis yang matannya masyhur dalam kalangan satu kumpulan daripada sahabat Nabi *s.a.w*, sedangkan hanya seorang perawi sahaja yang meriwayatkan hadis itu yang diambilnya daripada seorang sahabat lain. Hadis ini dikatakan *gharib* kerana terdapat seorang sahaja sahabat dalam satu *tabaqat* tetapi matannya tidak *gharib* kerana diketahui oleh sahabat lain.

Lafaz-lafaz hadis yang *Gharib*: غَرِيْبُ أَلْفَاظِ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (غريب الحديث).

***Gharib* sebahagian matannya:** الغَرِيْبُ بَعْضُ الْمَتْنِ

Iaitu hadis yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi yang terdapat pertambahan dalam matan hadis tersebut.

Sebagai contoh:

Hadis: (جُعِلَتْ لِي الأرضُ مَسْجِداً وطُهُوْراً) yang diriwayatkan oleh sembilan orang sahabat dengan lafaz seperti ini. Namun ianya diriwayatkan oleh Amru bin Yahya bin

Umarah al-Mazini, daripada ayahnya daripada Abu Sa'id al-Khudri dengan lafaz yang terdapat pertambahan dalamnya iaitu (الأَرْضُ كُلُّها مَسْجِدٌ إلاَّ المَقْبَرَةُ والحَمَّامُ). Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan beliau menyatakan terdapat *'illah* dalamnya. (al-Tirmizi, *al-Sunan*, Kitab al-Solah, Bab ma ja' anna al-ardh kullaha masjid illa al-maqbarah wal-hammam, no. 291).

Dalam hadis tersebut jelas terdapat pertambahan perkataan (الإ المقبرة والحمام) dan inilah yang dikatakan *gharib* pada matan dan bukan pada sanad. (Sila lihat: *Manhaj an-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 399).

***Gharib* sebahagian sanadnya:** الغَرِيْبُ بَعْضُ السَّنَدِ

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang terdapat pertambahan dalam sanadnya.

Sebagai contoh:

Hadis Yahya bin Ayyub al-Ghafiqi mengenai larangan riyak dalam perkara ilmu, yang beliau telah meriwayatkan hadis ini dengan sanad yang bersambung sedangkan perawi yang lain meriwayatkan hadis ini dengan sanad yang *mursal*. Al-Hafiz al-Zahabi berkata dalam kitab *al-Mughni* no. 6931: Antara hadis *gharib* yang diriwayatkannya ialah: Telah menceritakan kepada kami ibn Juraij, daripada Abu al-Zubair daripada Jabir beliau berkata: Rasulullah *s.a.w* pernah bersabda: "Janganlah ilmu itu dipelajari kerana untuk bersaing dengan ulama, dan jangan ianya digunakan untuk memperdaya orang yang bodoh, dan bukan juga untuk memilih majlis-majlis, barang siapa yang melakukan sedemikian, maka nerakalah, nerakalah (tempatnya)". (Hadis Riwayat ibn Majah dalam *al-Muqaddimah*, bab al-Intifa' Bi al-Ilmi Wa al-Amal bihi: no. 254.)

Hadis ini masyhur dengan riwayatnya yang *mursal* daripada selain Yahya, namun ia bersifat *gharib* (ganjil) dalam riwayat Yahya bin Ayyub al-Ghafiqi dengan riwayat yang bersambung. Inilah yang dinamakan *gharib* pada sanad dan bukan pada matan. (Sila lihat *Manhaj an-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 398-399).

***Gharib al-Hadith*(perkataan ganjil atau jarang diguna dalam hadis):** غَرِيْبُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa perkataan (الغريب) membawa maksud perkataan yang samar maksudnya. Dikatakan si polan itu *gharib* (samar) pada perkataannya, iaitu dia mendatang perkataan yang sukar untuk difahami.

Dari segi istilah ialah apa yang terdapat dalam matan sesuatu hadis dari perkataan atau lafaz yang samar lagi sukar untuk difahami kerana ianya jarang digunakan. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi* 2/184).

Antara kitab yang dikarang berkaitan dengan *Gharib al-Hadith:*

1- *Gharib al-Hadithwa al-Athar*: Karangan Abu Ubaid Al-Qasim bin Sallam al-Baghdadi (w.224H).
2- *Gharib al-Hadith:* Karangan Abu Muhammad 'Abd Allah bin Muslim bin Qutaibah al-Dinawari (w.276H).
3- *Gharib al-Hadith:* Karangan Abu Sulaiman Hamd bin Muhammad Al-Khattabi (w.388H).

4- *Kitab al-Gharibain*: (iaitu *Gharib* al-Quran dan *Gharib* al-Hadith) Karangan Abu Ubaid Ahmad bin Muhammad al-Harawi (w.401H).
5- *Al-Fa'iq Fi Gharib al-Hadith:* Karangan Abu Al-Qasim Mahmud bin Umar Az-Zamakhsyari (w.438H).
6- *Al-Mughith Fi Gharib al-Quran wa al-Hadith:* Karangan Abu Musa Muhammad bin Abu Bakar al-Madini (w.581H).
7- *An-Nihayah Fi Gharib al-Hadithwa al-Athar*: Karangan Abu As-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad, yang dikenali masyhur dengan nama ibn al-Athir al-Jazari (w.706H). Ianya adalah antara kitab terbaik yang dikarang dalam ilmu *Gharib al-Hadith*ini. Dan para penuntut ilmu hadis tidak sepatutnya meninggalkan kitab ini.
Al-Hafiz Al-Suyuti pernah berkata: "Kitab *An-Nihayah* oleh ibn Al-Athir adalah kitab terbaik yang menghimpunkan *Gharib al-Hadith.* Ia merupakan yang paling lengkap dan yang termasyhur sehingga sekarang ini, serta yang paling banyak tersebar dan diguna pakai". (*Tadrib al-Rawi*, 2/185).
8- *Majma' Bihar Al-Anwar Fi Ghara'ib At-Tanzil wa Lata'if Al-Akhbar*: Karangan al-'Allamah Muhammad Tahir Al-Fattani Al-Gujrati Al-Hindi (w.986H). Beliau telah mengumpulkan dalamnya semua *gharib al-Hadith*dan apa yang pernah dikarang tentangnya. Ia menjadi seumpama kitab syarah bagi Enam Kitab (*Kutub Sittah*).

Dan kami tidak dapat temui kitab yang dikarang berkenaan *Gharib al-Hadith*selepas al-Fattani.

Al-Gharib al-Hasan: الغَرِيْبُ الْحَسَنُ

Juga dinamakan sebagai (*al-Fard al-Hasan*) iaitu: hadis yang menepati syarat-syarat hadis *hasan li-zatih*, dan ianya banyak didapati dalam kitab *al-Jami'* karangan al-Imam al-Tirmizi. Setiap hadis yang disebut: "Hasan *gharib*, kami tidak mengetahuinya melainkan melalui jalan ini", menunjukkan bahawa ianya adalah hadis *al-Gharib al-Hasan.*

Al-Gharib as-Sahih: الغَرِيْبُ الصَّحِيْحُ

Juga dinamakan sebagai (*al-Fard as-Sahih*) iaitu: hadis yang menepati syarat-syarat hadis sahih seperti hadis (إِنَّما الأَعْمَالُ بِالنِّيَّات), dan seluruh hadis *gharib* yang menepati syarat-syarat sahih. Al-Imam al-Tirmizi sering menggambarkannya dengan lafaz "*Sahih Gharib*". (sila lihat: *Manhaj al-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 401).

Al-Gharib ad-Da'if: الغَرِيْبُ الضَّعِيْفُ

Juga disebut sebagai *al-Fard al-Da'if*, dan ianya hadis yang tidak menepati syarat hadis sahih dan hadis hasan. Dan kebanyakan hadis *gharib* terdiri dari jenis ini iaitu *al-Gharib al-Da'if* kerana bersendirian seorang perawi dalam meriwayatkan sesuatu hadis menggambarkan keraguan dan kebarangkalian berlakunya kesalahan. Hadis seperti ini banyak tersembunyi dalamnya punca *daif* dan *'ilal* yang tersembunyi, sehinggakan ramai ulama yang berhati-hati daripada mengambilnya, bahkan ada yang melarang daripada meriwayatkan

hadis seperti ini. Terdapat sebahagian ulama yang menamakan hadis *al-Gharib al-Fard* ini dengan nama hadis *Munkar*. (Sila lihat: *Manhaj al-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 402).

Gharib pada sanad bukan matan: الغَرِيْبُ إِسْناداً لا مَتْناً

Ia adalah hadis masyhur yang diriwayatkan dengan beberapa jalan riwayat dari seorang perawi, atau dari seorang sahabat, atau dari beberapa orang perawi, kemudian datang seorang perawi lain bersendirian meriwayatkan hadis tersebut dengan jalan riwayat yang lain, selain dari jalan riwayat yang masyhur bagi hadis tersebut.

Al-Imam al-Tirmizi sering menggambarkan hadis ini dengan istilah khasnya iaitu (غريبٌ من هذا الوجه), ertinya hadis ini *gharib* diriwayatkan dengan jalan ini. (Sila lihat:*Manhaj an-Naqd Fi Ulum Al-Hadith:* 397).

Gharib, tidak kami ketahui melainkan dengan sanad ini: غَرِيْبٌ لاَ نَعْرِفُهُ إِلاَّ مِنْ هذا الْوَجْهِ

Iaitu hadis yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi daripada seorang sahabat *r.a.* dan tidak diketahui bahawa hadis tersebut ada diriwayatkan melalui sanad yang lain dari itu.

Atau ianya adalah hadis yang diriwayatkan melalui satu sanad sahaja dan tidak pernah diketahui ianya diriwayatkan dengan sanad yang lain.

Gharib matannya: غَرِيْبُ الْمَتْنِ

Iaitu hadis yang bersendirian seorang perawi meriwayatkannya, atau pada sebahagian matannya, seperti jika seseorang perawi menambah pada matannya penambahan yang tidak disebutkan oleh perawi lain yang meriwayatkan hadis yang sama.

Gharib pada matan dan sanad: الغَرِيْبُ مَتْناً وإسْناداً

Iaitu hadis yang diriwayatkan dengan satu jalan (sanad) sahaja.

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Fudhail, daripada Umarah bin al-Qa'qa', daripada Abu Zur'ah, daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Nabi *s.a.w* pernah bersabda: Terdapat dua kalimah yang sangat disukai oleh Ar-Rahman (Tuhan Yang Penyayang), ringan bagi lidah untuk menyebutnya, tetapi berat di sisi Allah timbangannya, kalimah itu ialah: *Subhanallah Wa Bihamdih, Subhanallahil 'Azim*". (Hadis Riwayat al-Bukhari pada penghujung Kitab *at-Tauhid*: no: 7563).

Hadis ini hanya Abu Hurairah sahaja yang meriwayatkannya, kemudian selepas dari zaman beliau, datang Abu Zur'ah dan hanya dia sahaja yang meriwayatkan hadis tersebut dari Abu Hurairah, kemudian hanya 'Umarah sahaja yang meriwayatkan hadis tersebut daripada Abu Zur'ah. Begitu juga selepas itu hanya Muhammad bin Fudhail sahaja yang meriwayatkan hadis ini daripada 'Umarah.

Al-Imam al-Tirmizi sering menggambarkan hadis seperti ini dengan istilah khasnya iaitu (غريبٌ لا نعرفه إلا من هذا الوجه), ertinya hadis *gharib* yang tidak kami ketahui jalannya melainkan melalui jalan ini sahaja.

***Gharib* Masyhur:** الغَرِيْبُ الْمَشْهُوْرُ

Iaitu hadis yang bersendirian seorang perawi dalam meriwayatkan matannya.

***Gharib* Mutlaq (atau *al-Fard al-Mutlaq*):** الغَرِيْبُ الْمُطْلَقُ (أو الفَرْدُ الْمُطْلَقُ)

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang tabiin sahaja dari seorang sahabat *r.a.* Ianya turut dikenali sebagai *al-Fard al-Mutlaq*.

Sebagai contoh:

Hadis: "Sesungguhnya setiap amalan itu disertai dengan niat". Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab sahaja. Dan berterusan sanad hadis ini hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja sehingga ke beberapa *tabaqat*.

***Gharib* dengan jalan riwayat ini:** غَرِيْبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ

Iaitu hadis yang mempunyai matan yang masyhur yang diriwayatkan oleh satu kumpulan daripada sahabat, kemudian datang seorang perawi dan dia meriwayatkan daripada seorang sahabat lain yang bukan daripada kumpulan sahabat yang masyhur tadi. Jadi hadis ini menjadi *gharib* disebabkan ia diriwayatkan dengan jalan tersebut.

Beginilah istilah ini digunakan oleh al-Imam al-Tirmizi dalam kitab *Jami'*nya. Dan apa yang dimaksudkan dengan *gharib* di sini adalah *gharib* nisbi (iaitu *gharib* kerana dinisbahkan kepada sanad yang asing itu). Ini kerana hanya terdapat seorang perawi sahaja yang meriwayatkan dengan sanad tersebut, dengan sebab itu hadis ini dinamakan '*gharib* dengan sanad ini'. Sedangkan dalam masa yang sama terdapat juga beberapa orang sahabat lain yang meriwayatkan hadis ini dengan jalan lain yang lebih masyhur dari sanad yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja tadi. Jadi jelaslah di sini masih terdapat unsur *gharib* dan ia hanyalah *gharib* nisbi sahaja iaitu *gharib* pada sanad dan bukan pada matan.

Sila lihat juga makna (الغَرِيْبُ إسْنَاداً لاَ مَتْناً).

***Gharib* Nisbi (atau *al-Fard an-Nisbi*):** الغَرِيْبُ النِّسْبِيُّ أو (الفَرْدُ النِّسْبِيُّ)

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja selepas daripada tabiin, tidak kira sama ada perawi yang keseorangan ini berada pada pertengahan sanad ataupun pada akhir sanad.

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Malik, daripada az-Zuhri, daripada Anas, bahawa sesungguhnya Nabi *s.a.w* memasuki Mekah dan di atas kepalanya terdapat *al-mighfar* (topi besi). Dalam hadis ini hanya al-Imam Malik seorang sahaja yang meriwayatkannya daripada az-Zuhri. Sebab ianya dinamakan sebagai al-*Gharib* an-Nisbi adalah kerana keadaan kebersendirian itu tidak mutlak dan berlaku padanya dengan dinisbahkan kepada individu tertentu atau suatu perkara tertentu.

Sila lihat makna (الفرد النسبي) untuk penjelasan lebih teliti.

Lalai, leka, lupa: الغَفْلَةُ

Dari segi bahasa perkataan (الغفلة) adalah kata terbitan bagi perkataan (غَفَلَ يَغْفُلُ) yang membawa maksud kesibukan hati dengan urusan lain daripada urusan yang sepatutnya diberikan tumpuan padanya, dan hilangnya perasaan yang sepatutnya seseorang itu rasai terhadap sesuatu. Ada juga yang mengatakan bahawa *al-ghaflah* ialah lalai terhadap sesuatu. Atau kealpaan atau kecuaian yang lahir disebabkan kurangnya penjagaan dan kesedaran terhadap sesuatu.

Dari segi istilah pula: ialah sikap tidak bijak dalam membezakan perkara yang benar dan yang salah. Ataupun sebagaimana yang ditakrifkan oleh al-Humaidi: *Al-Ghaflah* itu ialah suatu kesilapan yang berlaku dalam kitab seseorang perawi, lalu ditegur orang akan kesilapan itu, lantas ia meninggalkan apa yang ada dalam kitabnya itu dan menyampaikannya berdasarkan apa yang telah ditegur orang tadi. Atau dia mengubah kesalahan dalam kitabnya itu berdasarkan apa yang dikatakan orang kepadanya, namun dia tidak dapat memastikan beza antara kedua-duanya. Atau dia menulis dengan kesilapan yang begitu teruk menyebabkan berlaku perubahan makna pada hadis tanpa dia sedari. Begitu juga perawi yang dibacakan hadis kepadanya lalu dia tersalah dalam menyampaikannya. (Sila lihat: *al-Kifayah Fi Ilmi ar-Riwayah*: 1/148).

Tidak *thiqah*: غَيْرُ ثِقَةٍ

Ia adalah salah satu lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang ketiga daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Manakala al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti menganggapnya sebagai peringkat kedua daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat sebegini tidak boleh diterima sebagai hujah atau sebagai dalil penyokong.

Tidak *thiqah* dan tidak boleh dipercayai: غَيْرُ ثِقَةٍ وَلاَ مَأْمُوْنٍ

Ia adalah salah satu lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang ketiga daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Manakala al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti menganggapnya sebagai peringkat kedua daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat sebegini tidak boleh diterima sebagai hujah atau sebagai dalil penyokong.

Tidak muktamad, tidak boleh dijadikan pegangan: غَيْرُ مُعْتَمَدٍ

Istilah ini adalah sama dengan istilah yang mereka sebut sebagai (ليس بعُمْدَةٍ).

Istilah ini adalah peringkat yang terakhir daripada peringkat-peringkat *al-jarh* di sisi semua ulama.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat sebegini boleh ditulis dan dijadikan sebagai dalil penyokong sahaja.

Bukan Dungu: غَيْرُ مُغَفَّلٍ

Salah satu hal keadaan perawi terlindung atau tertutup daripada dinisbahkan kepada hukum-hakam *al-jarh* dan *al-Ta'dil* yang boleh dikenakan ke atasnya.

Perawi lain lebih *thabit* (kukuh) daripadanya: غَيْرُهُ أَثْبَتُ مِنْهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*. Apa yang dimaksudkan di sini ialah perawi yang disifatkan dengan sifat ini adalah pada darjat yang paling rendah bagi sifat tersebut, atau antara yang paling rendah, atau tidak sampai pada darjat pertengahannya di sisi orang yang menyifatkannya demikian. Secara pasti ia bukanlah pada darjat yang paling tinggi, atau antara yang paling tinggi.
Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih ia sukai: غَيْرُهُ أَحَبُّ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*.
Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih hafiz daripadanya: غَيْرُهُ أَحْفَظُ مِنْهُ

Ia merupakan lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan di antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*.

Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih diredai daripadanya: غَيْرُهُ أَرْضَى مِنْهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan di antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*.

Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih kuat daripadanya: غَيْرُهُ أَقْوَى مِنْهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan di antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*.

Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih kukuh daripadanya: غَيْرُهُ أَمْتَنُ مِنْهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi men*jarh*kan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh*.

Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perawi lain lebih *thiqah* daripadanya: غَيْرُهُ أَوْثَقُ مِنْهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*, dan istilah ini adalah kiasan bagi mencederakan peribadi seseorang perawi itu kerana istilah ini jelas terdapat perbandingan di antara perawi tersebut dengan perawi lain yang tidak disebutkan namanya. Dengan melebihkan perawi yang lain, maka jelas di sini bahawa ungkapan ini bertujuan menyatakan yang semua perawi lain lebih baik daripadanya. Ini adalah jelas istilah *al-Jarh.*

Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkan lafaz ini berada pada peringkat yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Jarh.*

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penyokong sahaja.

Kitab *al-Ghailaniyyat:* الغَيْلاَنِيَّاتُ

Ianya adalah faedah-faedah hadis yang dikutip daripada syeikh-syeikh yang dikumpulkan oleh Abu Talib Muhammad bin Muhammad Ibrahim bin Ghailan al-Bazzar (w.404H) daripada syeikhnya, al-Muhaddith Muhammad bin 'Abd Allah bin Ibrahim Abu Bakr al-Baghdadi (w.354H).

Sebab kitab *al-Fawa'id* ini terkenal dengan nama *al-Ghailaniyyat* ialah kerana ibn Ghailan sahaja yang berseorangan meriwayatkan nuskhah ini daripada syeikhnya itu, maka masyhurlah ia dengan nisbah tersebut.



حرف الفاء

HURUF FA'

Fa': ف

Simbol yang digunakan bagi menyatakan bahawa Abu Dawud telah mengeluarkan (meriwayatkan) hadis tersebut dalam kitabnya: *Ma Tafarrada Bihi Ahlu al-Amsar Min as-Sunan* (ما تفرَّد به أهلُ الأمصار من السُّنن).

Teruk kesilapannya: فَاحِشُ الغَلَطِ

Ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*.

Rosak Isnadnya: فَاسِدُ الإسْنَادِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (إسْنَادُهُ فاسِدٌ) pada huruf Alif.

Fasiq: فَاسِقٌ

Dari segi bahasa perkataan (فاسِقٌ) dan kata jamaknya (فَسَقَةٌ وفُسَّاق) membawa maksud: orang yang derhaka, yang melakukan maksiat, dan yang terkeluar daripada mentaati Allah.

Dari segi istilah ialah: orang yang berterusan sering melakukan dosa-dosa kecil dan kadangkala membuat dosa-dosa besar.

Pancaroba, fitnah-fitnah: الفِتَنُ

Dari segi bahasa perkataan (الفِتَن) adalah kata jamak bagi perkataan (الفِتنَة) yang membawa maksud kecelaruan, ketidaktentuan pemikiran, huru hara.

Dari segi istilah pula, yang dimaksudkan dengannya ialah: apa yang telah disampaikan oleh Nabi *s.a.w* tentang pancaroba yang akan muncul pada masa yang akan datang, serta memberikan peringatan kepada umat Islam tentang fitnah-fitnah tersebut. Di samping menerangkan juga bagaimana untuk beramal dan melepaskan diri daripada situasi itu.

Pancaroba, Fitnah: الفِتْنَةُ

Dari segi bahasa perkataan (الفِتَن) adalah kata jamak bagi perkataan (الفِتنَة) yang membawa maksud kecelaruan, ketidaktentuan pemikiran, huru hara.

Dari segi istilah pula: Para ahli hadis merujuk perkataan ini kepada peristiwa-peristiwa fitnah yang berlaku di zaman sahabat. Antara perkara yang dianggap fitnah berlaku dalam kalangan sahabat adalah sebagaimana yang disebutkan oleh Syeikhul Islam ibn Taimiyyah dalam kitabnya *Minhaj as-Sunnah an-Nabawiyyah* (4/545) dan (6/231). Di bawah ini adalah kesimpulan terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku:

1- Pembunuhan Khalifah Ar-Rasyid yang ketiga iaitu Sayidina Uthman bin Affan pada tahun 35H, dan ianya adalah fitnah yang pertama dan terbesar.
2- Keluarnya pihak Khawarij daripada menyokong Sayidina Ali dan Sayidina Muawiyah, dan mereka telah mengkafirkan dua orang sahabat ini, malah menghalalkan darah dan harta mereka berdua.
3- Lahirnya golongan ar-Rafidhah yang mendakwa Sayidina Ali sebagai Imam bagi umat Islam, malah mendakwa Ali sebagai Nabi dan Tuhan.
4- Munculnya golongan al-Murji'ah dan al-Qadariyyah di penghujung zaman para sahabat iaitu pada zaman pemerintahan Urwah bin al-Zubair dan Abdul Malik bin Marwan.
5- Timbulnya golongan bidaah Jahmiyyah yang menafikan sifat-sifat Tuhan dan golongan Musyabbihah yang menyamakannya dengan sifat-sifat manusia. Mereka ini muncul pada awal zaman tabiin, iaitu penghujung pemerintahan Khilafah Umawiyyah.

Begitu juga dengan beberapa peristiwa fitnah lain yang berlaku yang disebutkan oleh ibn Taimiyyah dalam kitabnya tadi.

Teruk kesilapannya dalam periwayatan: فُحْشُ الغَلَطِ فِي الرِّوَايَةِ

Iaitu pada hadis yang diriwayatkan oleh seseorang perawi itu lebih banyak yang salah daripada yang betul.

Fa – Ra: فر

Ia adalah simbol yang menggambarkan bahawa ad-Dailami telah meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya *Musnad al-Firdaus*.

***Al-Fard*:** الفَرْدُ

Dari segi bahasa perkataan (الفرد) dan kata jamaknya (الأفراد) membawa maksud: satu, sendiri, tunggal.

Dari segi istilah pula, perkataan *al-Fard* kadang-kadang digunakan terhadap hadis dan kadang-kadang digunakan ke atas perawi. Perinciannya adalah seperti berikut:

Pertama: Penggunaan Perkataan *al-Fard* ke atas hadis

Sekiranya perkataan *al-Fard* digunakan ke atas hadis, maka apa yang dimaksudkan di sini ialah: hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja. Misalnya, sebahagian ahli hadis pernah menyebut: "Hadis ini hanya diriwayatkan oleh si polan", sekiranya tidak terdapat orang lain yang meriwayatkannya. Hadis jenis ini terbahagi kepada dua: (*al-Fard al-Mutlaq*) dan (*al-Fard an-Nisbi*). Sila lihat maknanya pada tempatnya.

Kedua: Penggunaan Perkataan *al-Fard* ke atas perawi

Sekiranya perkataan *al-fard* digunakan ke atas perawi, maka ianya membawa maksud seorang perawi yang tunggal dari segi nama, *kunyah* dan gelarannya.

Al-Fard al-Hasan: الفَرْدُ الْحَسَنُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الغَرِيْبُ الحَسَن) dalam huruf Ghain.

Al-Fard as-Sahih: الفَرْدُ الصَّحِيْحُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الغَرِيْب الصَّحيح) dalam huruf Ghain.

Al-Fard ad-Dai'f: الفَرْدُ الضَّعِيْفُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الغَرِيْب الضَّعِيْف) dalam huruf Ghain.

Al-Fard al-Mutlaq: الفَرْدُ الْمُطْلَقُ

Iaitu hadis yang bersendirian seorang perawi dalam kalangan tabiin meriwayatkannya dari seorang sahabat *r.a.*

Juga dikatakan, iaitu hadis yang bersendirian seorang perawi meriwayatkannya berbanding semua perawi yang lain, dan tidak ada seorang pun selain dari beliau yang meriwayatkannya. Hadis ini juga dinamakan sebagai *al-Gharib al-Mutlaq.*

Kebanyakan ulama yang menggunakan istilah al-fard ini adalah merujuk kepada makna al-Fard al-Mutlaq. (Sila lihat *Taujih an-Nazar*: 1/490-491).

Sebagai contoh:

Hadis (إنَّما الأعمال بالنِّيَّات..) yang hanya seorang sahabat sahaja yang meriwayatkannya iaitu Umar. Kemudian dalam kalangan tabiin hanya Alqamah sahaja yang meriwayatkannya. Daripada Alqamah pula, hanya Muhammad bin Ibrahim Aat-Taimi sahaja yang meriwayatkannya. Manakala daripada at-Taimi hanya Yahya bin Sa'id al-Ansari sahaja yang meriwayatkannya.

Begitu juga dengan hadis (النَّهي عن بَيْع الوَلاَء وهِبَتِه). Dalam hadis ini hanya 'Abd Allah bin Dinar sahaja yang meriwayatkannya daripada ibn Umar. Hadis ini tidak diketahui sanad selainnya melainkan dengan sanad 'Abd Allah bin Dinar ini sahaja yang mengambilnya daripada ibn Umar.

Hukumnya: Hukum *al-Fard al-Mutlaq* ini berbeza berdasarkan keadaannya iaitu berdasarkan dua situasi berikut:

Pertama: Hadis tersebut tidak bertentangan dengan riwayat yang lain:

- sekiranya perawinya *thiqah* maka hadis tersebut adalah sahih.
- sekiranya perawinya tidak kuat ingatan maka hadis itu menjadi hasan.
- sekiranya perawinya adalah lemah, maka hadis tersebut adalah *daif.*

Kedua: Hadis tersebut bertentangan dengan riwayat perawi yang lain:

- sekiranya perawi yang meriwayatkan hadis yang bertentangan dengannya itu sama kedudukannya dari segi *thiqah*, dan hadis tersebut pula tidak boleh di*tarjih*kan, maka hadis tersebut akan menjadi hadis *mudtarib.*
- sekiranya perawinya *thiqah*, dan perawi yang bertentangan dengannya lebih *thiqah* daripadanya, maka hadis tersebut menjadi hadis *syaz.*
- sekiranya perawinya *daif* dan perawi yang bertentangan dengannya pula adalah *thiqah*, maka hadis tersebut menjadi hadis *munkar.*

Al-Fard an-Nisbi: الفرد النسبي

Iaitu hadis yang terdapat dalamnya sifat kebersendirian (*tafarrud*) dengan dinisbahkan kepada sudut tertentu, dan tidak kira apa jua pun sudut berkenaan. (Sila lihat *Manhaj an-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 400).

Hadis ini juga dipanggil sebagai *al-Gharib* yang kebanyakan ulama lebih gemar menggunakan istilah ini.

Ibn Hajar telah membahagikan *al-Fard* ini kepada empat bahagian dan perinciannya adalah seperti berikut:

Pertama: *Tafarrud* (bersendirian) daripada seorang kepada seorang.

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahihnya, beliau berkata: Telah menceritakan kepada kami Khallad bin Yahya, telah menceritakan kepada kami Abdul Wahin bin Aiman, daripada ayahnya, dia berkata: Saya telah mendatangi Jabir, dan Jabir berkata: "Ketika berlakunya perang Khandak, sedang kami menggali parit, kami telah dibantutkan oleh sebiji batu yang besar dan keras". Para sahabat pergi berjumpa dengan Nabi *s.a.w* untuk mengadu mengenai perkara tersebut. Mereka berkata: Inilah batu yang menghalang kami dalam parit. Lalu baginda bersabda: "Saya akan turun (untuk memecahkan batu itu)". (Sila lihat *Kitab al-Maghazi, bab Ghazwah al-Khandaq Wahia al-Ahzab*, no. 4101).

Dalam hadis ini hanya Abdul Wahid sahaja yang meriwayatkannya daripada ayahnya daripada hadis ibn 'Abd Allah. Sedangkan terdapat juga riwayat lain yang diriwayatkan daripada selain hadis Jabir.

Kedua: *Tafarrud* (bersendirian) ahli sesebuah negeri dari seorang perawi.

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin Buraidah, daripada ayahnya Buraidah, beliau berkata: Rasulullah pernah bersabda: "Kadi itu ada tiga. Dua orang pasti masuk neraka, hanya seorang yang akan ke syurga. Adapun kadi yang berada di syurga itu adalah kerana dia telah melaksanakan hukum yang benar dan dia masuk ke syurga". (Hadis Riwayat *al-Bukhari dalam Kitab Awal Bad' al-Wahy*).

Dalam sanad hadis ini kesemua perawinya adalah daripada Khurasan. Al-Hakim berkata: "Perawi-perawinya semua adalah Marawizah (yakni orang Marw, di Khurasan)". (sila lihat *Ma'rifah Ulum al-Hadith:* 99).

Ketiga: *Tafarrud* (bersendirian) seorang perawi daripada ahli sesebuah negeri

Al-Hafiz ibn Hajar berkata: Jenis ini adalah bertentangan dengan jenis yang sebelumnya iaitu jenis kedua. Hadis jenis ini sangat sedikit. Gambarannya ialah seorang perawi bersendirian mengambil suatu hadis dari sekumpulan perawi sesebuah negeri yang hanya meriwayatkan hadis tersebut. (Sila lihat *An-Nukat Ala Kitab ibn as-Salah*: 2/702).

Keempat: *Tafarrud* (bersendirian) ahli sesebuah negeri mengambil riwayat dari ahli sesebuah negeri yang lain.

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim daripada hadis al-Husain bin Dawud al-Balkhi, beliau berkata: Telah menceritakan kepada kami al-Fudhail bin Iyyad, telah menceritakan kepada kami Mansur, daripada Ibrahim, daripada 'Abd Allah bin Mas'ud beliau berkata: Rasulullah pernah bersabda: Allah pernah berfirman kepada dunia: Wahai Dunia, perhambakanlah dirimu kepada mereka yang menghambakan dirinya padaKu, dan jadikanlah mereka penat dan lelah sekiranya mereka menghambakan diri padamu. (Hadis Riwayat al-Qudha'i dalam *Musnad al-Syihab:* 2/32: no:1454).

Al-Hakim berkata: Hadis ini diriwayatkan oleh perawi-perawi Khurasan daripada perawi-perawi Mekah. Sesungguhnya al-Husain bin Dawud al-Balkhi dan al-Fudhail bin Iyyad adalah perawi-perawi Mekah. (Sila lihat *Ma'rifah Ulum al-Hadith:* 101).

Al-Fard al-Muqayyad: الفَرْدُ الْمُقَيَّدُ

Ia adalah sama makna dengan (الفرد النِّسبِيّ). Sila lihat takrifnya pada tempatnya.

Kefasiqan: الفِسْقُ

Dari segi bahasa perkataan (الفِسْقُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (فَسَقَ يَفْسُقُ) yang membawa maksud maksiat, iaitu meninggalkan suruhan Allah dan keluar dari jalan yang benar.

Dari segi istilah pula ialah seorang muslim yang melakukan dosa besar, atau dosa kecil secara berterusan. Seorang muslim yang melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil digelar sebagai orang yang fasik. (Sila lihat *Irsyad al-Fuhul*: 15).

Mereka yang disifatkan sebagai fasik dianggap musnah sifat *adil*nya di sisi ahli hadis.

Ibn Hibban berkata: Antara perawi itu ada yang menzahirkan sifat fasik dan kejahilan mereka, sekalipun ada antara mereka yang benar dalam riwayatnya (riwayat mereka tidak boleh diterima). Kerana perawi yang bersifat fasik tidak boleh dinilai sebagai perawi *adil*, dan perawi *adil* pula tidak boleh menjadi perawi yang di*jarh*kan. Siapa yang terkeluar daripada sifat *adil* maka tidak boleh dijadikan sifat benarnya itu sebagai sandaran dalam menerima riwayatnya, melainkan sekiranya jelas dia mempunyai sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat *al-Jarh*, yang kebanyakan perbuatannya adalah dalam mentaati Allah. Maka ketika itu barulah riwayatnya boleh diterima. Adapun selagi belum jelas zahir sifat taatnya itu, maka riwayatnya tidak boleh diterima. (Sila lihat *al-Majruhin*: 1/79).

Kefasiqan perawi: فِسْقُ الرَّاوِي

Iaitu perawi yang melakukan salah satu dosa besar atau sentiasa melakukan dosa kecil. Sila lihat makna (الفسق).

Buruk: فَسْلٌ

Dari segi bahasa perkataan (الفَسْلُ) dan kata jamaknya (أَفْسُل وفُسُول وفِسَال) membawa maksud buruk, tidak cantik, hodoh.

Dari segi istilah ialah: seorang perawi *daif* yang diperkatakan tentangnya.

Fa – Qaf: ف ق

Ianya adalah simbol yang membawa maksud bahawa ibn Majah telah mengeluarkan hadis tersebut dalam kitab *at-Tafsir.*

Hilangnya kesinambungan sanad: فَقْدُ اتِّصَالِ السَّنَدِ

Yang dimaksudkan di sini ialah tidak ada pertalian atau ikatan ilmu antara perawi-perawi sanad sesuatu hadis itu (iaitu sanad tersebut terputus dan tidak bersambung). Ini dapat diketahui melalui perawi yang terkemudian tidak pernah berjumpa dengan perawi yang terdahulu, atau si penerima hadis tidak pernah pun berjumpa dengan orang yang menyampaikan hadis tersebut, dan terdapat ruang masa atau tempat di antara dua orang perawi yang memisahkan mereka sebagai bukti bahawa kedua-dua orang tersebut sebenarnya memang tidak pernah bertemu.

Hilangnya sifat ke*adil*an: فَقْدُ العَدَالَةِ

Iaitu hilangnya salah satu syarat yang dituntut bagi menjadikan seorang perawi itu sebagai seorang yang *adil.* Sifat-sifat tersebut ialah:

1- Islam.
2- Baligh.
3- Berakal.
4- Taqwa.
5- Bersifat dengan sikap menjaga maruah.

Untuk lebih mendalam sila lihat makna perkataan (العدالة).

Tujuh Ulama Fikah: الفُقَهَاءُ السَّبْعَةُ

Mereka adalah tujuh orang ulama yang diiktiraf dalam memberi fatwa dalam kalangan ahli Madinah. Tujuh orang ini digelar dengan gelaran faqih, dan mereka semua pula tinggal di Madinah dalam satu zaman iaitu di zaman tabiin. Mereka dinamakan dengan panggilan *al-Fuqaha' as-Sab'ah* kerana setelah ketiadaan sahabat, kemahiran dalam mengeluarkan fatwa dikuasai oleh mereka ini. Mereka ialah:

1- Urwah bin al-Zubair (w. 93H).
2- Sa'id bin al-Musayyib (w. 94H).
3- Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman bin al-Harith al-Makhzumi al-Qurasyi (w. 94H)
4- Kharijah bin Zaid bin Thabit (w. 99H).
5- Sulaiman bin Yasar (w. 107H).
6- Al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar as-Siddiq (w. 107H).
7- Ubaidullah bin 'Abd Allah bin Utbah bin Mas'ud (w. 147H).

فِقْهُ الْبُخَارِيِّ فِي تَرَاجِمِهِ

Ketinggian kefahaman al-Bukhari terletak pada judul-judul bab kitab *Sahih*nya:

Dari segi bahasa perkataan (الفقه) adalah kata terbitan bagi perkataan (فَقِهَ يَفْقَه) yang bermaksud faham dan pengetahuan yang baik tentang sesuatu. Perkataan (التَّرَاجِم) adalah kata jamak bagi perkataan (ترجمة) yang memberi erti judul, tajuk. Nama (البخاري) pula merujuk kepada salah seorang ulama hadis yang terkemuka, pengarang kitab *al-Sahih*.

Dari segi istilah pula ianya membawa maksud kebijaksanaan al-Imam al-Bukhari dalam menamakan bab-bab dalam kitab *al-Sahih*nya. Melalui tajuk bab tersebut kita dapat melihat ketokohan beliau dalam memahami hadis, bahkan dalam tajuk itu juga tersirat kefahaman beliau yang mendalam dalam memahami sesuatu hadis berbanding dengan para ulama hadis yang lain. Kehebatan beliau dalam merungkai isi kandung hadis dapat dilihat pada tajuk-tajuk kitab dan bab yang terdapat dalam kitab *al-Sahih*nya yang beliau berikan dengan cara tersendiri berdasarkan ijtihad beliau.

Beliau meletakkan beberapa ayat al-Quran yang bersesuaian pada setiap tajuk bab yang dapat membantu dalam mengukuhkan maksud hadis, dan adakalanya beliau membawakan kesemua ayat al-Quran yang berkaitan dengan sesuatu bab tersebut. Beliau turut menekankan masalah-masalah cabang (*furu'*) serta cara-cara mengistinbatkannya dari hadis, di samping memberi isyarat kepada pandangan-pandangannya sendiri. Beliau juga menerangkan tempat-tempat berhubung bab-bab fikah dalam al-Quran, bahkan mendirikannya berdasarkan al-Quran, serta menunjukkan kaedah-kaedah pengambilan dalil dari al-Quran. Dengannya jelaslah pertalian antara fikah, hadis dan al-Quran antara satu sama lain.

Berdasarkan ketinggian nilai dan ketelitian ijtihad al-Imam al-Bukhari serta kebijaksanaannya menyusun judul-judul bab dalam kitab *al-Sahih*nya, maka dikatakan: "Sesungguhnya ketinggian kefahaman al-Bukhari itu terdapat pada judul-judul babnya", iaitu ketinggian kefahaman al-Bukhari boleh dilihat pada tajuk-tajuk bab dalam kitab *al-Sahih*nya.

***Fiqh al-Hadith*(kefahaman hadis):** فِقْهُ الْحَدِيْثِ

Iaitu apa yang terkandung dalam matan sesuatu hadis daripada hukum-hakam dan adab-adab yang dapat dikeluarkan daripadanya. (Sila lihat *al-Khulasah Fi Usul al-Hadith:* 62).

Al-Imam al-Khattabi pernah menerangkan tentang kepentingan ilmu ini, katanya: Setelah mengetahui tentang kedudukan sesuatu hadis itu dari sudut sahih dan *daif*, adalah wajib bagi penuntut itu untuk memahami pula fiqh hadis tersebut. Kerana ianya dianggap seperti buah (hasil) yang diperolehi dari ilmu berkenaan. Sesungguhnya asas binaan sahaja tanpa binaan lain di atasnya adalah rumah yang terbengkalai. (Sila lihat *Muqaddimah al-Khattabi* dalam kitab *Ma'alim as-Sunan*)

Fiqh al-Sunnah: فِقْهُ السُّنَّةِ

Iaitu memahami sunnah nabawiyyah itu dengan kefahaman yang sahih, dan ianya adalah semulia-mulia ilmu. Seperti yang dikatakan oleh al-Imam Ali bin al-Madini: "Fiqh (kefahaman) terhadap makna sesuatu hadis itu adalah separuh ilmu". (Sila lihat *al-Muhaddith al-Fasil*: 320).

Al-Hakim Abu 'Abd Allah an-Naisaburi pernah berkata: "Ia adalah buah bagi ilmu ini - iaitu ilmu hadis - dan dengannyalah syariat dapat ditegakkan". (Sila lihat *Ma'rifah Ulum al-Hadith:* 63).

Faqih Muhaddith: اَلفَقِيْهُ اَلْمُحَدِّثُ

Seorang ahli fikah dan ahli hadis sekaligus. Gelaran ini diberikan kepada mereka yang menguasai ketiga-tiga ilmu di bawah:

1- Menguasai matan-matan hadis, ilmu *gharib al-Hadith*dan kefahaman terhadap hadis.
2- Menguasai sanad-sanad hadis serta perawi-perawinya dan mampu membezakan yang sahih dan yang *daif*.
3- Mengumpulkan hadis, menulisnya dan memperdengarkannya, serta mencari sanad yang tinggi dalam pengembaraan mencari hadis.

Maka hanya Allahlah tempat meminta pertolongan: فَاللّٰهُ اَلْمُسْتَعَانُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (وَاللّٰهُ اَلْمُسْتَعَان) dalam huruf Wau.

Si polan: فُلَانٌ

Satu istilah yang merujuk kepada seseorang perawi yang pernah menyampaikan hadis, namun tidak disebutkan namanya dalam sanad.

فُلَانٌ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْهُ، أَو فُلَانٌ أَوْثَقُ مِنْهُ

Si polan lebih saya sukai daripadanya, atau si polan lebih *thiqah* daripadanya:

Satu istilah yang digunakan oleh ulama hadis dalam mengutamakan kedudukan seseorang perawi lebih daripada perawi yang lain bagi tujuan menerangkan kedudukan seseorang perawi itu dari segi hafalan serta kekuatan ingatannya.

Si polan yang kamu kenal dan ingkari riwayatnya: فُلَانٌ تَعْرِفُ وَتُنْكِرُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (تَعْرِفُ وَتُنْكِرُ) dalam huruf Ta'.

فُلَانٌ حَدَّثَنَا أَو أَخْبَرَنَا

Si polan menceritakan kepada kami, atau mengkhabarkan kepada kami:

Ini adalah salah satu kaedah menyampaikan hadis, sepertimana yang dijelaskan oleh ar-Ramahurmuzi. Beliau telah menghuraikannya dalam satu bab, dan lafaz ini adalah dari segi mendahulukan nama perawi. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/21).

Si polan itu tidak dapat diikuti hadisnya: فُلَانٌ لَا يُتَابَعُ عَلَى حَدِيْثِهِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (لا يُتَابَع عليه).

Si polan itu tidak seharusnya dipersoalkan tentangnya: فُلَانٌ لَا يُسْأَلُ عَنْهُ

Ini adalah antara lafaz *al-Ta'dil*. Al-Suyuti menyebutkannya sebagai lafaz yang tertinggi antara lafaz-lafaz *al-Ta'dil*. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 1/293).

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan hujah.

Si polan itu membawa bala bencana: فُلَانٌ لَهُ بَلَايَا

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Sila lihat perkataan (البَلَايَا) dalam hurf Ba'.

***Fihris* hadis, Indeks hadis** فَهَارِسُ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa perkataan (الفهارس) adalah kata jamak bagi perkataan (الفهرسة) iaitu susunan kumpulan maklumat yang disusun secara sistematik. Kebiasaannya susunan tersebut mengikut susunan huruf abjad. Ianya membantu pengkaji memudahkan pencarian sesuatu hadis dan mempercepatkan prosesnya.

Dari segi istilah pula ialah: kitab-kitab hadis yang diindekskan kandungannya mengikut topik-topik fikah, atau nama-nama sahabat, atau para perawi hadis, atau *'ilal* hadis, atau selain dari itu, dan disusun hadis-hadisnya mengikut huruf abjad berdasarkan lafaz awalnya. Ia juga dinamakan *Atraf al-Hadith*(أطراف الحديث).

Antara kitab-kitab *Fihris* atau indeks hadis yang masyhur:

1- *Miftah Sahih al-Bukhari*: Karangan Muhammad as-Syarif bin Mustafa at-Tauqadi (w. 1313H).
2- *Dalil Faharis al-Bukhari Lil Kutub wa al-Abwab al-Asasiyyah*: Karangan Muhammad al-Misri al-Bayumi (w. 1352H).
3- *Atraf al-Bukhari*: Karangan al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (w. 1388H).
4- *Kasysyaf Sahih Abu 'Abd Allah al-Bukhari, Bi at-Tartib al-Abjadi Li al-Alfaz wa al-Mawdu'at wa Asma al-Asykhas wa al-A'lam*: Karangan Mustafa Kamal Wasfi.
5- *Dalil al-Qari Ila Mawadi' al-HadithFi Sahih al-Bukhari*: Karangan 'Abd Allah bin Muhammad al-Ghaniman
6- *Miftah Sahih Muslim*: Karangan Muhammad al-Syarif bin Mustafa at-Tauqadi (w. 1313H).
7- *Al-Fihris al-Am Li Ahadis Sunan Abi Dawud*: Karangan Abdul Muhaimin at-Tahhan.
8- *Miftah Sunan al-Tirmizi*: Karangan Abdul Bar Abbas.
9- *Al-Mursyid Ila Ahadis Sunan al-Tirmizi*: Karangan Sidqi Albik
10- *Faharis Sunan an-Nasa'i*: Karangan Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (w. 1417H).
11- *Faharis Sunan ibn Majah*: Karangan al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (w. 1388H).
12- *Fihris Ahadis Musnad al-Imam Ahmad*: Karangan Abu Hajir, Muhammad bin As-Sa'id bin Basyuni Zaghlul.

13- *Faharis Ahadis wa Athar Sunan al-Darimi*: Susunan Ahmad Abdul Qadir ar-Rifayi.
14- *Fihris Ahadis Muwatta' Malik*: Susunan al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (w. 1388H).
15- *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadithan-Nabawi al-Syarif*: Disusun oleh sekumpulan orientalis. Mereka telah membuat susunan terhadap seluruh lafaz dalam *Kutub Sittah*, *Muwatta' Malik*, *Musnad al-Imam Ahmad*, dan *Sunan al-Darimi.*
16- *Miftah Kunuz as-Sunnah*: Pada awalnya ia ditulis dalam bahasa Inggeris oleh seorang orientalis bernama A.J. Wensinck yang berasal dari Belanda. (w. 1358H/1939M). Kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (w. 1388H). Kitab ini mengumpulkan 14 buah kitab daripada kitab-kitab hadis iaitu sembilan kitab yang terkandung dalam kitab *al-Mu'jam al-Mufahras*, dan lima yang lain ialah: *Musnad Abu Dawud at-Tayalisi, Kitab Sirah ibn Hisyam, Kitab al-Maghazi* karangan al-Waqidi, kitab *at-Tabaqat al-Kubra* karangan ibn Saad dan kitab *al-Musnad* yang disandarkan kepada Zaid bin Ali.
17- *Taisir al-Manfaah Bi Kitabay Miftah Kunuz as-Sunnah wa al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Hadithan-Nabawi*: Susunan al-Ustaz Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (w. 1388H).

Fihris (daftar, indeks): الفِهْرِسُ

Dari segi bahasa perkataan (الفِهْرِسُ) dan kata jamaknya (فهارس) adalah perkataan yang diambil daripada bahasa Parsi iaitu perkataan *fihrist* (فهرست) yang membawa maksud: Sebuah kitab tentang biografi tokoh-tokoh, atau suatu *thabat* (himpunan) tentang topik-topik yang terperinci dan nama tokoh-tokoh.
Dari segi istilah pula ialah kitab seorang perawi yang mengumpulkan nama guru-gurunya, sanad-sanadnya dan segala yang berkaitan dengannya. Ianya adalah seperti kitab *thabat* (jamaknya *athbat*).
Sila lihat perkataan (الأثبات) dalam huruf Alif.

Antara kitab-kitab _Fihris_ yang masyhur:

1- *Fahrasah ibn 'Atiyyah* oleh al-Imam al-Hafiz Abu Bakar bin 'Atiyyah al-Muharibi al-Andalusi (w. 518H).
2- *Fihris Syuyukh al-Qadhi 'Iyad* (w. 544H).
3- *Fihrist ibn Khair al-Asybili* (w. 575H).

Faedah-faedah, dapatan-dapatan: الفَوَائِدُ

Dari segi bahasa perkataan (الفوائد) adalah kata jamak bagi perkataan (فائدة) yang membawa maksud manfaat. Ia juga bermaksud apa-apa faedah yang diperolehi sama ada ilmu, harta dan sebagainya.
Dari segi istilah menurut ahli hadis ialah: Dapatan yang diberikan oleh guru kepada para pelajarnya daripada riwayat-riwayat asal yang didengarnya, atau yang dikumpulkan dari syeikh-syeikhnya, tidak kira sama ada dapatan-dapatan (penemuan) itu berkaitan dengan sanad hadis ataupun matannya. Kebanyakan kitab-kitab *al-Fawa'id* tidak terikat kepada mana-mana sistem penulisan

sesuatu jenis kitab, tidak kiralah dari sudut tajuk-tajuknya ataupun kaedah penyusunan dalamnya.

Antara perkara penting yang diperolehi daripada kitab-kitab *al-Fawa'id* ialah: maklumat tentang pertambahan lafaz-lafaz yang dinukilkan dalam hadis, atau pengetahuan tentang sanad-sanad yang tinggi.

Antara kitab-kitab *al-Fawa'id* yang masyhur:

1- *Fawa'id 'Ali bin al-Ja'd, Abu al-Hasan al-Hasyimi al-Baghdadi al-Jauhari* (w. 230H). Ianya dikumpulkan oleh Abu al-Qasim 'Abd Allah bin Muhammad al-Baghawi (w. 317H). Kitab ini juga dikenali sebagai *al-Ja'diyyat.*

2- *Fawa'id Khaithamah:* Karangan ibn Khaithamah Sulaiman al-Qurasyi al-Tarablusi (w. 343H).

3- *Fawa'id Abu 'Ali, Muhammad bin Ahmad bin al-Hasan as-Sawwaf* (w. 359H). Ianya adalah hadis-hadis yang dipilih oleh Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w. 380H), dan dari riwayat Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah Al-Asbahani (w. 430H).

4- *Fawa'id ibn Masi*: Karangan Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ibrahim bin Ayyub al-Baghdadi (w. 369H).

5- *Fawa'id Tammam*: Karangan Abu al-Qasim Tammam bin Muhammad ar-Razi (w. 414H).

6- *Fawa'id al-'Iraqiyyin*: Karangan Abu Sa'id, Muhammad bin Ali bin Amru an-Naqqash (w. 414H).

Banyak lagi kitab-kitab *fawa'id* yang sukar dihitung bilangannya.

Faedah-faedah hadis: الفَوائِدُ الْحَدِيثِيَّة

Sila lihat perkataan (الفَوائد).

***Al-Fawatim* (Fatimah-fatimah):** الفَوَاطِمُ

Dari segi bahasa perkataan (الفواطم) adalah kata jamak bagi perkataan (فاطمة) iaitu salah satu nama orang perempuan. Sekiranya disebutkan secara jamak (*al-Fawatim*), maka apa yang dimaksud oleh ahli hadis ialah nama-nama berikut:

1- Fatimah binti Asad (w. 5H): Ibu kepada Ali bin Abu Talib *r.a.* Beliau telah memeluk Islam setelah meninggalnya Abu Talib.

2- Fatimah Az-Zahra' (w. 11H). Anak perempuan Rasulullah *s.a.w.* Antara anak Quraisy yang cerdik, fasih serta cerdas. Isteri kepada Ali bin Abu Talib. Beliau telah meriwayatkan 18 hadis yang telah direkod dalam kitab-kitab hadis.

3- Fatimah, ibu kepada Asma binti Hamzah.

4- Fatimah binti Syaibah bin Rabuah (Sila lihat *Fathu al-Bari*: 10/231).

Dalam naskhah yang lain: فِي أُخْرَى

Istilah ini ditulis ketika membuat perbandingan atau komparatif sebuah kitab yang mempunyai lebih dari satu naskhah yang disalin. Terkadang terdapat naskhah yang ditulis oleh ulama, maka ia membuat perbandingan di antara naskhah-naskhah tersebut. Ia menyatakan perbezaan-perbezaan yang ditemukan antara naskhahnya dan naskhah-naskhah yang lain di nota kakinya, sama ada dengan menyebut: 'dalam naskhah yang lain', atau 'terdapat pertambahan dalam naskhah yang lain yang ditulis oleh si polan'.

Kadang-kadang hanya ditulis dengan simbol huruf (خ) atau (ـــخ), kemudian disebutkan perbezaan-perbezaan yang ada. Adakala juga penyalin meletakkan pertambahan tersebut dalam naskhah yang asal.

Pada hadis-hadisnya terdapat kemusykilan: فِي أَحَادِيثِهِ نَظَرٌ

Ini adalah kata-kata al-Imam al-Bukhari terhadap beberapa orang perawi dan ia tidak semestinya memberikan gambaran bahawa perawi tersebut lemah. Contohnya, al-Imam al-Bukhari pernah menggunakan perkataan ini kepada Aus bin 'Abd Allah ar-Rib'i sepertimana yang disebut oleh ibn Adi dalam kitabnya *al-Kamil* (hlm.:389, 2/117): Sesungguhnya al-Imam al-Bukhari pernah menyebut: "Dalam sanadnya terdapat kemusykilan dan ulama berselisih tentangnya". Kemudian ibn Adi menghuraikan maksud kata-kata al-Bukhari itu bahawa yang dimaksudkan oleh beliau ialah Aus tidak pernah mendengar daripada ibn Mas'ud dan Aisyah, bukan kerana beliau adalah seorang yang *daif*.

Dalam bab ini: فِي الْبَابِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (وفي الْبَاب) dalam huruf Wau.

Dalam hadisnya terdapat ke*daif*an: فِي حَدِيثِهِ ضَعْفٌ

Ini adalah antara lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-Zahabi meletakkannya dalam peringkat yang keempat daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Manakala al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang keenam.

Hukumnya:

Mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis hadisnya dan hanya dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Dalam hadisnya terdapat unsur hadis *munkar*: فِي حَدِيثِهِ مَنَاكِيرُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (رَوَى مناكير) dalam huruf Ra' dan (الْمُنكَر) dalam huruf Mim.

Dalam hadisnya terdapat kemusykilan: فِي حَدِيثِهِ نَظَرٌ

Sila lihat pada perkataan (فيه نظر).

Padanya terdapat kritikan ringan: فِيهِ أَدْنَى مَقَالٍ

Iaitu pada perawi tersebut terdapat unsur *daif* yang ringan (sedikit). Ini adalah antara lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keenam dari peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Hukumnya:
hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini hanya boleh dijadikan dalil penguat sahaja.

Padanya terdapat *jahalah* (ciri tidak dikenali): فِيْهِ جَهَالَةٌ

Ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang keenam.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat pertikaian: فِيْهِ خُلْفٌ

Ini adalah istilah *al-jarh* yang umum yang menggambarkan bahawa terdapat khilaf dalam kalangan ulama *al-jarh wa al-Ta'dil* dalam menilai perawi tersebut. Sebahagiannya menyatakan bahawa perawi tersebut adalah *thiqah* dan sebahagian pula menyatakan *al-Jarh*. Ini adalah istilah *al-jarh* yang paling hampir kepada peringkat *al-Ta'dil*.

Al-Imam al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang kelima dari peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang keenam.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat sesuatu (unsur *daif*): فِيْهِ شَيْءٌ

Iaitu terdapat suatu unsur *daif* pada perawi tersebut. Ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang kelima dari peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada peringkat yang keenam.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat sifat *daif*: فِيْهِ ضَعْفٌ

Iaitu sifat *daif* yang ringan dan sedikit. Lafaz ini menggambarkan ingatan perawi yang tidak kuat serta kurangnya hafazan beliau. Ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi pula meletakkannya pada peringkat yang keenam.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat sifat lemah: فِيْهِ لِيْنٌ

Iaitu pada perawi tersebut terdapat sifat *daif*. Ini adalah lafaz *al-jarh* yang ringan yang lebih merujuk kepada ingatan perawi yang lemah dan ianya tidak menjatuhkan sifat *adil*nya. Namun ianya tidak sama sekiranya seseorang perawi itu disifatkan dengan 'sifat lemah' sahaja. Sila lihat maknyanya pada huruf Lam.

Al-Imam al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada peringkat yang keenam.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat kritikan: فِيْهِ مَقَالٌ

Iaitu kritikan yang merujuk kepada sifat *daif*. Ini adalah sifat *al-jarh* yang menunjukkan bahawa ulama *al-jarh wa al-Ta'dil* tidak sepakat dalam memberikan penilaian tentangnya. Bahkan ia adalah sifat yang dapat diperbahaskan yang memerlukan kepada penelitian terhadap apa yang diriwayatkannya.

Ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Imam al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang kelima daripada peringkat-peringkat *al-Jarh*. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada peringkat yang keenam.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penguat.

Padanya terdapat unsur-unsur *munkar*: فِيْهِ مَنَاكِيْرُ

Istilah ini digunakan terhadap perawi yang banyak meriwayatkan hadis-hadis yang *munkar*, tidak kira sama ada sifat *munkar* yang pasti ataupun tidak pasti. (Sila lihat *at-Tankil* karangan al-Mu'allimi 1/50).

Padanya terdapat kemusykilan: فِيْهِ نَظَرٌ

Dari segi bahasa perkataan (النظر) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَظَرَ يَنظُرُ) yang membawa maksud berfikir, meneliti. Sebagai contoh dikatakan: Pada lelaki itu terdapat kemusykilan, yang lebih merujuk kepada keaiban diri lelaki tersebut.

Dari segi istilah: ia adalah lafaz *al-jarh* yang masih boleh diperhalusi lagi, iaitu seseorang perawi tersebut mempunyai sifat *daif* yang masih boleh diteliti dan dinilai semula hukum yang dinyatakan terhadapnya.

Maka ia adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang keempat dari peringkat-peringkat *al-Jarh*.

Bagaimanapun, istilah (فيه نظر) ini di sisi al-Bukhari menggambarkan suatu istilah *al-jarh* yang berat, bahkan kebanyakan istilah yang digunakan oleh al-

Bukhari seperti ini menggambarkan bahawa seseorang perawi itu dituduh sebagai *wahi* (*daif* yang kuat). (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 1/349).

Namun permasalahan ini adalah khilaf, iaitu masih boleh diperbahaskan. Untuk lebih mendalam sila rujuk kitab kami yang berjudul: *Mu'jam Alfaz Wa Ibarat al-jarh wa al-Ta'dil an-Nadirah wa al-Masyhurah* (hlm. 470).



حرف القاف

HURUF QAF

Qāf: ق:

Ia adalah simbol bagi beberapa lafaz dan nama berikut:

- simbol bagi kalimah (قال) mengikut pendapat sebahagian *muhaddithin.*
- simbol yang merujuk kepada Imam al-Bukhari dan Imam Muslim apabila kedua-duanya bersepakat dalam meriwayatkan sesuatu hadis.
- simbol yang mengisyaratkan bahawa Imam ibn Majah telah mengeluarkan hadis tersebut dalam mukaddimah *Sunan*nya.
- simbol yang merujuk kepada Imam al-Baihaqi yang mengisyaratkan bahawa beliau telah meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya *Syu'ab al-Iman.*

Qāf – Thanā: ق ثنا:

Ia adalah ringkasan bagi kalimah (قال حدثنا), namun ia adalah istilah yang ditinggalkan sepertimana kata Imam al-Suyuti dalam kitab *Tadrib al-Rawi.*

Yang Teguh: القَائِمُ:

Dari segi bahasa " القائم " (yang berdiri) adalah *ism fā'il* daripada perkataan " قام يقُوم " . Ia adalah lawan bagi perkataan الجالس (yang duduk).

Dari segi istilah bermakna قَوِيّ (yang kuat atau teguh), sepertimana kata-kata *muhaddithin* mengenai sesuatu hadis (ليس إسناده بذاك القائم) yakni isnadnya ini tidaklah seperti isnad yang teguh hingga boleh dibuat hujah dengannya disebabkan kelemahan yang terdapat padanya. Demikian juga kata-kata (حديثه ليس بالقائم) iaitu tidak dapat dibuat hujah dengannya.

Dia Membandingkan: قَابَلَ:

Yakni perawi membandingkan naskhah yang disalin dengan naskhah asal yang dia nukilkan daripadanya.

Pembaca: القَارِىءُ:

Iaitu orang yang membacakan hadis kepada para hadirin dalam sebuah majlis seseorang syeikh (*muhaddith*).

Dia berkata: قَالَ:

Ia adalah salah satu lafaz *tahammul* (mengambil hadis) secara *samā' min lafz al-syaikh* (mendengar daripada sebutan syeikh) dengan syarat *liqā'* (syeikh dan murid pernah bertemu) dan selamat daripada *tadlis.*

Imam-imam kami berkata: قَالَ أَصْحَابُنَا:

Ia adalah istilah yang digunakan oleh Imam al-Tirmizi dalam *Jami'*nya. Beliau maksudkan dengan istilah ini ialah ulama fikah yang mencapai tahap ijtihad dalam kalangan ahli hadis seperti Imam Malik bin Anas, Muhammad bin Idris al-Syafi'i, Ahmad ibn Hanbal, Ishaq ibn Rahuyah dan lain-lain.

Orang Kufah berpendapat: قَالَ أَهْلُ الكُوْفَة:

Ia adalah istilah yang digunakan oleh Imam al-Tirmizi dalam *Jāmi'*nya. Beliau banyak menggunakan istilah ini dalam kitab tersebut semasa menerangkan tentang pendapat-pendapat ulama dan beliau kebiasaannya akan menggunakan istilah ini apabila menerangkan pendapat yang berlawanan dengan pendapat tiga imam; Malik, al-Syafi'i dan Ahmad. Beliau akan berkata: قال أهل الكوفة, atau قال بعض أهل الكوفة atau ungkapan yang semakna dengannya.

Peringatan:

Ada golongan menyangka bahawa yang Imam al-Tirmizi maksudkan dengan أهل الكوفة ialah Imam Abu Hanifah dan beliau tidak menyebut namanya kerana tidak suka kepadanya.

Sangkaan ini adalah salah kerana sekiranya kita perhatikan cara Imam al-Tirmizi menggunakan lafaz ini, ternyata beliau tidak maksudkan Imam Abu Hanifah sahaja, bahkan beliau maksudkan *fuqahā'* (ulama fikah) yang berada di sana (Kufah) seperti Wakī', Sufyān al-Śauri dan Sufyān ibn 'Uyainah. Contohnya kata-kata beliau dalam *Jāmi'*nya, bab ما جاء أنه يبدأ بمؤخر الرأس: "Sesungguhnya sebahagian ahli Kufah telah beramal dengan hadis ini, dalam kalangan mereka ialah Waki' ibn al-Jarrāh."(lihat *Abwāb al-Taharah* no:33).

Ini menunjukkan bahawa yang beliau maksudkan dengan kata-kata: أهل الكوفة adalah termasuk ulama-ulama lain juga selain golongan Hanafiyyah. Sekiranya tidak maka tidak tepatlah kata-kata beliau selepas itu: منهم وكيع بن الجراح, "Antara mereka Wakī' bin al-Jarrah". Ini adalah penggunaan yang biasa digunakan dalam kitab-kitab hadis. (Untuk lebih terperinci sila lihat «الإمام الترمذي والموازنة بين جامعه وبين الصحيحين» karangan Dr. Nuruddin 'Itr ms: 343-344.).

Sesetengah orang Kufah berpendapat: قَالَ بَعْضُ أَهْلِ الْكُوْفَة:

Sila lihat pada قال أهل الكوفة.

Sesetengah orang berpendapat: قَالَ بَعْضُ النَّاسِ:

Ia adalah istilah yang digunakan oleh Imam al-Bukhari dalam Sahihnya. Beliau telah menggunakannya pada beberapa tempat dalam kitab tersebut sehingga bilangannya mencapai lebih kurang 25 tempat. Istilah ini didatangkan selepas *tarjamat al-bāb* (tajuk bab) dan ianya bermaksud untuk menyatakan penolakan terhadap mereka yang tidak bersependapat dengan beliau dalam masalah-masalah atau bab-bab tertentu.

Tanpa *tahqīq* (kajian yang mendalam), maka umum menyangka bahawa yang Imam al-Bukhari maksudkan dengan istilah ini pada semua tempat itu ialah Imam Abu Hanifah! Sebenarnya tidak pada semua tempat yang beliau maksudkan itu Imam Abu Hanifah, bahkan ada sesetengah tempat yang beliau maksudkan ialah al-Syāfie, Muhammad ibn hasan al-Syaibānī dan lain-lain.
Tambahan pula, tidak semua tempat istilah ini digunakan untuk menolak sesuatu pendapat, bahkan pada sesetengah tempat beliau menyebut pendapat tersebut kemudian menjadikan pendapat itu sebagai pendapat beliau dan kadangkala beliau tidak pasti tentangnya. (Sila lihat «فيض الباري على صحيح البخاري» karangan al-Kashmīrī 54/3).
Penerangan secara terperinci mengenai perkara ini boleh didapati dalam kitab كشف الإلتباس عما أورده البخاري على بعض الناس karangan Syeikh Abd al-Ghani al-Ghunaimi.

Si polan berkata: قَالَ فُلَانٌ:

Iaitu ungkapan yang digunakan apabila perawi menukilkan sesuatu daripada mana-mana kitab yang diyakini kesahihannya dan *thabit* sandarannya kepada pengarangnya. (Lihat *Tadrīb al-Rāwi:* 62/2).

Dia telah berkata kepada saya: قَالَ لِيْ:

Suatu *sighah adā'* (ungkapan yang digunakan ketika menyampaikan hadis) untuk riwayat yang didapati dengan cara *samā'* atau cara yang lain. Ianya sama seperti حدثني. (lihat *Tadrib al-Rāwi* 15/2).

Penerimaan: القَبُوْلُ:

Yakni menerima riwayat dan beramal dengannya.

Dia telah berkata kepada kami: قَالَ لَنَا:

Suatu *sighah adā'* untuk riwayat yang diambil dengan cara mendengar, atau cara yang lain. Ianya sama seperti حدثنا. (Lihat *Tadrib al-Rāwi:* 13/2).

Qa-Thanā: قثنا:

Singkatan kepada ungkapan قال حدثنا. Istilah ini tidak digunakan lagi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Hafiz al-Suyuti. (Lihat *Tadrib al-Rāwi:* 16/2).

Qa-Thanī: قثني:

Singkatan kepada ungkapan قال حدثني. Istilah ini tidak digunakan lagi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Hafiz al-Suyuti. (Lihat *Tadrib al-Rāwi:* 16/2).

Qaf-Dal: قد:

Suatu simbol untuk hadis yang dikeluarkan oleh Abu Dawud dalam kitabnya الرد على أهل القدر Ia juga merupakan simbol untuk hadis yang dikeluarkan oleh al-Wāqidī dalam المغازي.

Qadariy: قَدَرِيٌّ:

Iaitu orang yang berpegang dengan ajaran Qadariyyah (sila lihat takrifnya pada tempat nya). Tergolongnya seseorang perawi ke dalam puak قدرية tidak dianggap sebagai *jarh* terhadapnya kecuali apabila dia mengajak orang lain kepada bidaahnya atau kumpulannya.

Jadi, ungkapan ini bukanlah suatu ungkapan *jarh* (kritikan) terhadap perawi hadis yang dapat menghalang diterima pakai riwayatnya, melainkan pada hadis yang diriwayatkan untuk menyokong bidaahnya.

Al - Qadariyyah: اَلْقَدَرِيَّـةُ:

Qadariyyah mempunyai pecahan-pecahan puak yang banyak dan terdapat pelbagai pendapat di sisi mereka. Mereka dinamakan Qadariyyah kerana mengingkari qadar. Mereka berpendapat bahawa Allah s.w.t bukanlah pencipta bagi perbuatan manusia dan tidak juga pencipta bagi satu pun perbuatan haiwan-haiwan. Mereka mendakwa bahawa manusia itu sendiri yang menentukan usaha mereka, dan Allah s.w.t dalam usaha manusia dan perbuatan kesemua haiwan-haiwan (yang bernyawa atau mempunyai ruh) tidak memiliki sebarang bentuk ciptaan dan kekuasaan ke atas mereka. Selain daripada itu, terdapat berbagai lagi pendapat-pendapat mereka yang lain.

***Al - Qudsi* (bersifat kudus):** اَلْقُدْسِيُّ:

Sila lihat الحديث القدسي pada huruf.ح

Bacaan: اَلْقِرَاءَةُ:

Dari segi bahasa: ia adalah *masdar* (kata terbit) bagi (قرأ يقرأ) yang bermakna membaca perkataan yang terdapat dalam kitab, sama ada berserta dengan menyebutnya atau tidak.

Dari segi istilah: القراءة على الشيخ (membacakan kepada syeikh). Ia termasuk antara jenis-jenis *tahammul* (menerima hadis). Kebanyakan *muhaddithin* menamakannya عَرضا (pembentangan) kerana pembaca membentangkan kepada syeikh bacaan hadisnya.

Sila lihat القراءة على الشيخ.

Bacaan kepada syeikh: اَلْقِرَاءَةُ عَلَى الشَّيْخِ:

Iaitu membacakan hadis kepada syeikh. Sebahagian *muhaddithin* menamakannya العرض (pembentangan) kerana pembaca membentangkan bacaan hadisnya kepada syeikh, sepertimana al-Quran dibentangkan kepada *al-muqri'* (guru al-Quran). Periwayatan hadis melalui cara ini adalah sah dan harus di sisi jumhur ulama. Tiada khilaf di sisi mereka mengenainya, sama ada perawi membaca hadis melalui hafalannya atau daripada kitabnya atau dia mendengar bacaan hadis yang dibacakan oleh orang lain kepada syeikh, dengan syarat: Syeikh tersebut telah menghafal hadis yang dibacakan kepadanya, atau beliau membandingkan dengan kitab asalnya yang sahih. Semasa perbandingan itu,

sama ada kitab asalnya itu berada di tangannya atau di tangan seorang *thiqah* yang lain.

Apabila perawi ingin menyampaikan hadis yang diterima secara -القراءة على الشيخ-, maka harus hukumnya untuk perawi tersebut berkata قَرَأْتُ atau قُرِئَ عَلى فلان وأنا أَسْمَعُ فأَقَرَّ به atau أَخْبَرَنَا atau حَدَّثَنَا قراءةً عليه.

قِرَاءةً على فُلَانٍ: Secara memperdengarkan bacaan kepada si polan:

Ia merupakan satu bentuk ungkapan untuk memahamkan dan menerangkan tatacara mengambil hadis daripada syeikh. Tatacara pengambilan riwayat tersebut adalah melalui cara pembacaan kepadanya القراءة على الشيخ. Diungkapkan bagi hadis yang diterima melalui cara ini: أَخْبَرَنا فلانٌ قراءةً عليه . (lihat *al-Ilmā'*, m.s. 123).

قُرِىءَ عَلَى فُلَانٍ: Telah dibacakan kepada si polan:

Ia adalah termasuk dalam lafaz-lafaz menerima hadis. Perawi menggunakan lafaz ini semasa meriwayatkan hadis daripada seorang syeikh pada hadis-hadis yang beliau tidak mendengarnya sendiri daripada syeikh tersebut. Ia berada pada tingkatan ketiga daripada *sighah al-ada'* di sisi al-Hafiz ibn Hajar.

Sila perhatikan صيغ الأداء pada huruf ص.

قُرِىءَ عَلَى فُلَانٍ أَخْبَرَكَ فُلَانٌ:

Dibacakan kepada si polan: "Si polan telah mengkhabarkan kepada kamu":

Imam Nawawi berkata: Telah menjadi adat dalam kalangan *muhaddithin* bahawa mereka menggugurkan tulisan lafaz قال dan seumpamanya antara nama-nama perawi dalam sanad hadis, akan tetapi hendaklah pembaca melafazkannya dalam bacaan mereka. Apabila terdapat dalam kitab قُرِئَ على فلان أَخْبَرَك فلان maka mereka membacanya: قُرِئَ على فُلَان قِيْلَ أخبرك فلان. Apabila kalimah قال berulang-ulang, seperti حدثنا صالح قال: قال الشعبي "Diberitakan kepada kami oleh Salih katanya: Kata al-Sya'bi", ahli hadis membuang salah satu daripadanya dari segi tulisan. Oleh itu, pembaca hendaklah melafazkan kedua-duanya (ketika membaca). (lihat *Tadrib al-Rāwī*: 114/2).

قُرِىءَ عَلَيْهِ وَأَنا أَسْمَعُ: Dibacakan kepadanya dalam keadaan saya mendengar:

Ia adalah salah satu ungkapan yang digunakan semasa menyampaikan hadis yang diterima secara القراءة على الشيخ.

Sila lihat القراءة على الشيخ.

قُرِىءَ عَلَى فُلَانٍ وَأَنا أَسْمَعُ فَأَقَرَّ بِهِ:

Dibacakan kepada si polan dan saya mendengar, lalu dia memperakuinya:

Ia adalah antara lafaz yang menunjukkan kepada penerimaan hadis secara قراءةً على الشيخ.

قَرَأْتُ بِخَطِّ فُلَانٍ، أَو فِي كِتَابِهِ:

Saya telah baca dengan tulisan si polan, atau dalam kitabnya:

Ia adalah *sīghah* (ungkapan) untuk memahamkan dan menjelaskan tatacara mengambil hadis. Ungkapan ini digunakan apabila seseorang perawi

mendapati hadis pada karangan seseorang yang dia mempercayai bahawa hadis tersebut merupakan tulisannya atau karangannya. (*Tadrīb al-Rāwī*: 61/2).

Saya telah bacakan kepada si polan: قَرَأْتُ على فُلَانٍ:

Ia merupakan *sighah* yang digunakan untuk menyampaikan hadis yang diterima dengan cara perawi sendiri membacakan hadis kepada syeikh.

قَرَأْتُ فِي كِتَابٍ أَخْبَرَنِي فُلَانٌ أَنَّهُ بِخَطِّ فُلَانٍ:

Saya telah baca dalam sebuah kitab: "Si polan mengkhabarkan kepada saya; bahawa ia adalah dengan tulisan si polan":

Ia merupakan *sighah* yang menjelaskan tatacara mengambil hadis dan ia dikatakan apabila perawi mendapati hadis pada karangan seseorang yang dia tidak berapa pasti bahawa hadis tersebut merupakan tulisannya atau karangannya. (*Tadrīb al-Rāwī*: 61/2).

Yang sebaya atau sezaman: القُرَنَاءُ:

Sila perhatikan الأقران pada huruf الألف.

Hampir sanadnya: قَرِيْبُ الإِسْنَادِ:

Dimaksudkan dengan قريب الإسناد ialah perawi yang rantaian sanadnya pendek kerana hampirnya dia kepada Rasulullah *s.a.w* melalui bilangan perawi yang paling sedikit. Ia adalah antara lafaz *ta'dīl* (pujian terhadap perawi).

Maknanya ialah ketinggian sanad perawi tersebut berserta dengan sifat sangat *daif*nya. (lihat *Hasyiah al-Raf'wa al-Takmīl*, m.s.162).

Hukumnya:

Boleh ditulis hadis perawi yang bersifat seperti ini tetapi perlu diberi lebih perhatian.

Sebaya, teman: القَرِيْنُ:

Sila lihat (*al-Aqran*) pada huruf Alif.

Tanggal, kikis: القَشْطُ:

Sila lihat (*al-Kasyt*) pada huruf Kaf.

Pengisah, penglipur lara: القَصَّاصُ:

Dari segi bahasa: (القصّاص) jamaknya adalah (القَصَّاصون - القُصَّاص) dan dia ialah seorang yang meriwayatkan peristiwa-peristiwa dan cerita-cerita umat-umat yang terdahulu.

Dari segi istilah: mereka yang membawa dalam majlis-majlis mereka hadis-hadis yang panjang lagi lemah untuk menarik perhatian orang ramai dan sebagai mata pencarian hidup mereka.

Kata-kata ulama hadis tentang seseorang perawi bahawa dia adalah (قصّاص) dikategorikan sebagai *jarh mufassar* (kritikan yang dijelaskan sebab) yang memberi makna bahawa perawi tersebut adalah seorang yang mudah untuk memalsukan hadis dan membuat pendustaan.

Mengurangkannya: قَصَّرَ به:

Iaitu mengurangkan dan merendahkannya.

Kata ulama` hadis: (هذا حديث قصّر به فلان) yakni, "Si polan tersebut telah mengurangkan hadis ini", iaitu merendahkan tarafnya, lalu meriwayatkannya secara *mursal* atau *munqati`*.

Qaf-Ta': قط:

Simbol yang menunjukkan bahawa Imam ad-Daraqutni mengeluarkan hadis tersebut dalam kitab Sunannya.

Potong: القَطْعُ:

Ia memberi maksud (*Tadlis al-Qat'*). Sila lihat pada huruf Ta`.

Pemotongan huruf-huruf: قَطْعُ الْحُرُوْفِ:

Iaitu pengasingan huruf-huruf suatu kalimah yang musykil di nota kaki kitab, supaya bentuk huruf tersebut zahir dan jelas dengan menulisnya secara berasingan pada sebahagian huruf-hurufnya seperti huruf Nun dan Ya' yang bertitik di bawah, berbeza sekiranya kalimah tersebut ditulis keseluruhannya.

***Qa'adiy*:** قَعَدِيٌّ:

Orang yang dinisbahkan kepada (القعدية). Sila lihat definisinya di sana.

Al-Qa'adiyyah: القَعَدِيَّةُ:

Mereka adalah satu cabang daripada golongan Khawarij. Mereka dinamakan sebagai *Qa`adiyyah* kerana mereka tidak membantu Ali *r.a.* dan tidak pula memeranginya. Ia adalah makna kiasan. *(Tāj al-'Arūs).*

Al-Sakhawi: *Al-Qa`adiyah* ialah sekumpulan Khawarij. Mereka sealiran dengan golongan Khawarij juga cuma mereka tidak menganggap harus untuk memberontak bahkan mereka mengajak kepada pandangan-pandangan mereka sendiri. Namun pada masa yang sama, mereka mengatakan bahawa memberontak itu merupakan suatu perkara yang baik. *(Fath al-Mughīth: 332).*

Terdapat bahaya besar dan keburukan pada pendirian tersebut. Sedangkan sudah menjadi satu kewajipan untuk mentaati pemerintah yang adil, menyatukan orang ramai dibawah naungannya, menjadikan mereka suka kepadanya dan tidak memandang kesalahannya.

Hukumnya:

Riwayat orang yang digolongkan kepada golongan ini boleh diterima jika dia tidak mengajak atau mendorong kepada bidaah yang dilakukannya.

Pertukaran: القَلْبُ:

Sila lihat (*al-Maqlub*) pada huruf Mim.

Pertukaran pada sanad: القَلْبُ في السَّنَدِ:

Sila lihat (*al-Maqlub*) pada huruf Mim.

Pertukaran pada matan: القَلْبُ في الْمَتْنِ:

Sila lihat (*al-Maqlub*) pada huruf Mim.

Yang sedikit meriwayatkan hadis: قَلِيْلُ الْحَدِيْثِ:

Ia adalah satu penyataan yang menunjukkan bahawa orang yang disifatkan dengannya adalah kurang meriwayatkan hadis walaupun dia merupakan ahli dalam bidang tersebut. Ia bukanlah suatu penyataan *Jarh* (kritikan terhadap kredibiliti) sebagaimana yang terlintas di fikiran.

Penjelasan yang lebih lagi didapati daripada ungkapan Abu Qudamah yang dinukilkan oleh Hafiz ibn Hajar dalam kitab *Tahżīb al-Tahżīb*. Beliau berkata: Ibrahim bin Abu Talib berkata: Saya bertanya kepada Abu Qudamah mengenai Imam al-Syafie, Imam Ahmad, Imam Ishaq dan Abu Ubaid. Maka beliau berkata: Imam al-Syafie ialah orang yang paling faham antara mereka cuma beliau kurang meriwayatkan hadis. Imam Ahmad ialah orang yang paling warak. Imam Ishaq ialah orang yang paling ingat manakala Abu Ubaid ialah orang yang paling mahir dalam bahasa Arab.

Oleh itu, penyataan beliau mengenai Imam al-Syafie bahawa beliau *Qalīl al-hadīś* bermaksud bahawa beliau sedikit meriwayatkan hadis, beliau tidak meriwayatkan hadis secara berterusan sepertimana *muhaddithin* yang lain. Beliau hanya menyebut hadis dalam kitab-kitabnya di celah-celah perbahasan mengenai hukum-hakam dan permasalahan-permasalahan fikah. Bukanlah sekali-kali bermakna sedikit ilmu beliau mengenai hadis. Betapa jauhnya beliau daripada andaian tersebut kerana beliau adalah seorang imam mujtahid yang terulung. Ijtihad pula bukanlah suatu perkara yang dapat dilakukan oleh mereka yang sedikit pengetahuan mengenai hadis dan *athar*. Inilah juga makna kata-kata mereka yang menyentuh berkenaan Imam Abu Hanifah (أنه كان قليل الحديث). Maka fahamilah. Janganlah kamu tergolong dalam kalangan orang yang jahil dan cepat menghukum bahawa beliau atau mereka yang seumpamanya sebagai orang yang kurang berpengetahuan dalam bidang hadis. (lihat *Qawā'id fī 'Ulūm al-hadīś*, m.s. 385-386).

Yang buruk: اَلْقَمْشُ:

Dari segi bahasa: (القمش) jamaknya adalah (القُمَاش) dan maknanya ialah الردئ yang buruk, dan (التقميش) adalah *masdar* bagi (قمَّش يُقمِّش) maknanya ialah mengumpulkan sesuatu dari sana dan sini.

Pengertiannya dari segi istilah:

Menurut *muhaddithin*: (إذا كتبتَ فقمِّشْ، وإذا حدَّثتَ فنقِّشْ) iaitu, "apabila kamu ingin menulis, maka himpunkanlah dan apabila kamu ingin meriwayatkan, maka semaklah terlebih dahulu". Maksud daripada kata-kata ini ialah tulislah kesemua faedah yang pernah kamu dengar tanpa perlu menangguh-nangguh untuk meneliti adakah kata-kata si polan itu boleh diterima atau tidak. (*Tadrīb al-Rāwī*: 148/2).

Jambatan: القَنطَرَةُ:

Dari segi bahasa: (القنطرة) jamaknya (قَنَاطِرُ) bermakna jambatan melengkung yang dibina di atas sungai untuk menyeberang.

Pengertiannya dari segi istilah: Ia adalah antara lafaz yang digunakan untuk men`*tawthiq*`kan seseorang perawi.

Perkataan *muhaddithin* mengenai seseorang seperti: (فلان قفز القنطرة), (جاز القنطرة) atau (طفر القنطرة), bermaksud bahawa perawi tersebut telah mencapai tahap tinggi sehingga dia dikira termasuk dalam kalangan perawi-perawi yang *thiqah* dan segala kritikan yang ditujukan ke atasnya selepas itu tidak lagi perlu diendahkan. (*Taujīh al-Nazar* 246/1).

Pendapat : القَوْلُ:

Dari segi bahasa: perkataan (القول) jamaknya (أقوال), bermakna kata-kata.

Pengertian dari segi istilah: Ianya digunakan untuk sebarang pendapat atau ijtihad yang disandarkan kepada ulama. (*Al-Nukat 'alā Ibn Ṣalāh* karangan *al-Zarkasyī*: 317/1).

Yang kuat: قَوِيٌّ:

Dari segi bahasa: perkataan (القويُّ) jamaknya (أقوياء), bermakna yang kuat.

Pengertian dari segi istilah ialah: Seorang perawi yang benar, cermat lagi teliti.

Yang kuat: القَوِيُّ:

Ia adalah hadis yang kedudukannya terletak di antara tingkatan sahih dan hasan.

Yang kuat sanadnya: قَوِيُّ الإِسْنَادِ:

Maksudnya: Sanad tersebut begitu hampir dengan darjat sahih.

Perhatian:

Sekiranya dalam sesuatu rangkaian sanad terdapat seorang perawi yang dikeluarkan oleh seorang pengarang kitab *Sahih* (yang mengimpunkan hanya hadis-hadis sahih dan beliau meriwayatkan hadisnya) dan ada kritikan ulama terhadapnya, maka hadisnya tidak akan dikatakan sebagai sahih, bahkan ia hanya dikatakan sebagai *qawiyy al-isnād*. Sepertimana kata-kata al-Hafiz ibn Hajar *r.a.* dalam kitab *Fath al-Bari* mengenai hadis yang bunyinya (أن النبي صلى الله عليه وسلم عق عن نفسه بعد النبوة):

"Abu al-Syaikh telah meriwayatkannya dengan dua jalan riwayat". Beliau telah menyebutkan yang pertama, kemudian beliau sebutkan pula yang kedua dengan katanya: "Yang kedua adalah riwayat daripada Abu Bakar al-Mustamli daripada al-Haitham bin Jamil dan Dawud bin al-Mujabbar. Kedua-duanya berkata: 'Abd Allah bin al-Muthanna telah menceritakan kepada kami daripada Thumamah daripada Anas *r.a.* Dawud adalah seorang perawi yang da'if, tapi al-Haitham pula adalah seorang perawi yang *thiqah*. Manakala 'Abd Allah pula adalah antara perawi-perawi dalam kitab al-Bukhari. Maka hadis

ini dikategorikan sebagai *qawiyy al-isnad*. Kalaulah tidak kerana kritikan yang terdapat pada 'Abd Allah bin al-Muthanna, pastilah hadis ini akan dikategorikan sebagai sahih". (*Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith:* 346-347).

Si polan telah mengukuhkan imejnya: قَوَّى أَمْرَهُ فُلَانٌ:

Ungkapan ini tidaklah bermaksud bahawa perawi yang diungkapkan ini ialah seorang yang sempurna ke*thiqah*annya. Ia juga tidak bermaksud bahawa perawi tersebut telah dikategorikan sebagai salah seorang perawi yang bersifat *adil* sehingga riwayat-riwayatnya boleh diterima pakai. Akan tetapi ungkapan ini hanyalah bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan perawi tersebut dan mengangkat kedudukannya daripada sifat *da'if* mutlak yang menyebabkan segala hadisnya ditolak kepada sifat *da'if* yang agak ringan sedikit yang membolehkan segala hadisnya dapat ditulis.

Contohnya: Kata-kata al-Imam at-Tirmidzi *r.a.* mengenai 'Abd al-Rahman bin Ziyad bin An`um al-Ifriqiy: "Saya mendapati Imam al-Bukhari *r.a.* telah mengukuhkan kedudukannya dan berkata: Beliau adalah *muqārib al-Hadith* ", yakni kedudukannya hampir dengan perawi-perawi *thiqah*.

Al-Imam al-Sakhawi *r.a.* berkata dalam ulasannya mengenai masalah ini: "Cuba perhatikan pandangan al-Imam at-Tirmidzi tersebut, sesungguhnya perkataan beliau: "*muqārib al-Hadith* " telah mengukuhkan imejnya. Fahamlah, sebenarnya ini adalah antara perkara penting yang tersembunyi yang telah kami jelaskan". (*Fath al-Mughīś:* 339/1).

Maksud (مقارب الحديث) ialah bahawa kedudukan hadisnya hampir dengan kedudukan hadis perawi-perawi yang *thiqah*. Dengan kata lain, perawi ini sebenarnya berada pada kedudukan pertengahan. Beliau tidaklah terlalu *da'if* sehingga termasuk ke dalam senarai mereka yang tidak boleh diterima riwayatnya dan tidaklah begitu tinggi sehingga tergolong dalam kalangan perawi-perawi yang hebat. Ungkapan (مقارب الحديث) ini adalah salah satu ungkapan untuk memuji seseorang perawi. (lihat *Fath al-Mughīś* 339/1 dan *Mu'jam Muśtalahāt 'Ulum al-Hadith*m.s. 166).



حرف الكاف

HURUF KAF

Kaf: ك

Iaitu satu simbol yang menggambarkan bahawa sesuatu hadis tersebut dikeluarkan (diriwayatkan) oleh al-Hakim an-Naisaburi dalam kitabnya '*al-Mustadrak 'Ala as-Sahihain'*.

Ianya seumpama mushaf: كَأَنَّهُ مُصْحَفٌ

Maksud kata-kata ini ialah suatu istilah yang disifatkan kepada seorang perawi yang masyhur dengan sifat kuat ingatan, menjaga hafalan, benar dan bersungguh dalam setiap yang diriwayatkannya.

Ianya adalah daripada lafaz *al-Ta'dil*. Al-Sakhawi dan as-Sindi meletakkan istilah ini kepada mereka yang berada pada kedudukan yang keempat pada peringkat *al-Ta'dil*.

Penulis: الكَاتِبُ

Iaitu penulis hadis.

Guru saya telah menulis kepada saya : كَاتَبَ إِلَيَّ شَيْخِي

Sebahagian orang menulis dengan perkataan (كَتَبَ) yang membawa maksud; 'Guru saya telah menulis kepada saya'. Ini adalah salah satu lafaz *al-mukatabah* (kaedah mengambil dan menyampaikan hadis secara tulisan) yang membawa maksud gurunya telah menyampaikan hadis kepadanya melalui penulisannya.

Penulis *al-Tibaq* (penulis yang memastikan persamaan) كَاتِبُ الطِّبَاق

Perkataan (الطِّباق) membawa maksud penulis memastikan sesuatu tulisan tersebut tepat dengan apa yang diriwayatkan oleh seorang syeikh. Juga dinamakan sebagai (المُطابِقُ) bagi penulis *al-Tibaq* ini.

Penipu: كَاذِبٌ

Iaitu seorang yang melakukan penipuan dengan sengaja terhadap hadis Nabi *s.a.w*. Istilah ini adalah lafaz yang tertinggi antara lafaz-lafaz *al-Jarh*. Sila lihat perkataan (كذّابٌ).

Dia adalah dari golongan *ashab al-Ra'yi*: كَانَ مِنْ أَصْحَابِ الرَّأْيِ

Istilah ini digunakan kepada golongan yang mendahulukan akal atau banyak menggunakan logik akal dalam memahami nas yang telah jelas dan sahih. Ashab atau *Ahlu al-Ra'yi* ini adalah dari kumpulan yang mendapat didikan daripada Madrasah al-Imam Abu Hanifah. Sebahagian ulama hadis mencela

sebahagian perawi yang berpegang dengan pendapat akal semata-mata. Namun ini bukanlah sebahagian daripada lafaz *al-jarh* berdasarkan pendapat yang sahih. (Sila lihat *Hasyiah al-Raf'u wa At-Takmil*: 83-85).

Sila lihat perkataan (أصحاب الرأي) pada huruf Alif.

Beliau cenderung kepada mazhab *Murji'ah*: كَانَ يَرَى الإِرْجَاءَ

Iaitu seorang perawi yang cenderung untuk beriktiqad dengan mazhab *Murji'ah* iaitu salah satu mazhab golongan yang melakukan bidaah. Sila lihat maknanya pada huruf Alif.

Beliau cenderung kepada mazhab *Qadariyyah*: كَانَ يَرَى الْقَدَرَ

Iaitu seorang perawi yang cenderung untuk beriktikad dengan mazhab *Qadariyyah* iaitu salah satu mazhab golongan yang melakukan bidaah dalam akidah. Sila lihat maknanya pada huruf Qaf

Beliau menyamakan (sanad) hadis-hadis: كَانَ يُسَوِّي الأَحَادِيْثَ

Iaitu perawi tersebut telah melakukan *Tadlis al-Taswiyah*. Sila lihat makna *Tadlis* pada huruf Ta'.

Al-Hafiz ibn Hajar pernah berkata dalam memperkenalkan perawi yang bernama Safwan bin Saleh: " Menurut Abu Zur'ah al-Dimasyqi: Muhammad bin Musaffa adalah salah seorang perawi yang pernah melakukan *Tadlis al-Taswiyah*". (Sila lihat *Tahzib at-Tahzib*: 2/213).

Beliau mendiamkan diri dalam persoalan al-Quran: كَانَ يَقِفُ فِي الْقُرآنِ

Iaitu perawi tersebut adalah orang yang mendiamkan diri daripada memperbahaskan persoalan yang menyatakan bahawa al-Quran itu adalah makhluk. Ertinya beliau tidak menyatakan bahawa al-Quran itu makhluk dan tidak juga menyatakan bahawa al-Quran itu bukan makhluk. (Sila lihat *Hadyu as-Sari*: 1/459).

Mereka (para sahabat) dahulu melakukan sedemikian: كَانُوْا يَفْعَلُوْنَ كَذَا

Sekiranya istilah ini diucapkan oleh sahabat tanpa menyandarkan perkara tersebut kepada zaman Rasulullah *s.a.w*, maka hadis tersebut tidak akan dihukumkan sebagai *marfu'* bahkan ianya hanya menjadi hadis *mawquf* sahaja. Namun sekiranya sahabat tersebut menyandarkan istilah tadi kepada zaman Rasulullah seperti kata-kata mereka: "Kami dahulu melakukan sedemikian ketika Nabi hidup", atau " Dahulu kami melakukan sedemikian dan Nabi bersama kami", atau "Kami melakukan sedemikian dan Nabi berada di sisi kami", atau istilah-istilah yang seumpamanya. Maka hadis yang terkandung istilah-istilah seperti di atas dihukumkan sebagai hadis *marfu'*. Ini adalah kerana, sekiranya sahabat melakukan sesuatu di zaman Nabi *s.a.w*, lazimnya perkara itu akan sampai kepada Nabi dan mendapat persetujuan daripada Baginda *s.a.w*.

Adapun sekiranya seorang sahabat menyandarkan kata-kata atau perbuatan mereka kepada zaman selain dari zaman Rasulullah *s.a.w*, maka hadis itu hanya akan dihukumkan sebagai *mawquf* sahaja dan bukan *marfu'*.

Mereka (para sahabat) dahulu mengatakan sedemikian: كَانُوْا يَقُوْلُوْنَ كَذَا

Sila lihat maknanya pada perkataan (كانوا يفعلون كذا).

Beliau mentalqin (memberitahu) para syeikh: كَانَ يُلَقِّنُ الْمَشَايِخَ

Dari segi bahasa perkataan (التلقين) adalah kata terbitan bagi perkataan (لَقَّن يُلَقِّن) yang membawa maksud: seseorang menyampaikan suatu kata-kata kepada orang lain supaya ia mengulanginya.

Dari segi istilah: iaitu seorang perawi berkata kepada syeikhnya: "Telah dikhabarkan kepada kamu hadis ini daripada si polan" dan perawi itu pun menamakan sesiapa yang dikehendaki dalam keadaan syeikh tadi tidak pernah mendengar pun daripada orang itu dan syeikh itu pun berkata: Ya (iaitu saya dengar). (*Taujih an-Nazr:* 2/573).

Ini adalah satu perbuatan yang berat dilakukan oleh perawi, dengan sebab itu Abu Dawud menyifatkan orang yang sedemikian sebagai penipu. Al-Hafiz ibn Hajar ketika menerangkan tentang peribadi al-Hasan bin Mudrik As-Sadusi pernah berkata: Beliau adalah orang yang tiada masalah, namun Abu Dawud menyifatkannya sebagai *Talqin al-Masyayikh* iaitu perawi yang mentalqinkan gurunya. (Sila lihat *Tahzib At-tahzib*: 2/213).

Al-Hasan bin Mudrik ini sepertimana yang disifatkan oleh Abu Dawud adalah seorang yang penipu kerana beliau mengambil hadis daripada Fahd bin Auf dan mentalqinkannya kepada Yahya bin Hammad (supaya Yahya mengatakan bahawa dia pernah mengambil dari Fahd-Penterjemah). (Sila lihat *Tahzib at-tahzib:* 1/415).

Tabiin besar : كِبَارُ التَّابِعِيْنَ

Iaitu mereka yang meriwayatkan hadis daripada sahabat-sahabat yang besar. Oleh itu, hadis-hadis mereka kedudukannya berada sama seperti hadis-hadis sahabat yang mutaakhir. Mereka adalah seperti:

1- Sa'id bin Al-Musayyib.
2- 'Ubaidullah bin 'Adi.
3- Qis bin Abu Hazim dan lain-lain.

Al-Hafiz ibn Hajar meletakkan mereka ini pada peringkat yang kedua selepas daripada peringkat sahabat. (Sila lihat *Taqrib at-Tahzib*: 75).

Sila lihat perkataan (التابعين) pada huruf Ta'.

Sahabat besar: كِبَارُ الصَّحَابَة

Mereka adalah seperti sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga dan mereka yang memasuki Islam dalam era awalnya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (الصحابة) pada huruf Sad dan makna "sepuluh yang dijanjikan syurga" pada perkataan (العشرة المبشرين بالجنة).

Para penulis hadis: كُتَّابُ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (كِتَابَة الحَدِيْث) dalam huruf Kaf. Dan juga (المُكَاتَبة) dalam huruf Mim.

Penulisan terhadap apa yang didengar: كِتَابَةُ التَّسْمِيْعِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (التَّسْمِيْع) dalam huruf Ta.

Penulisan hadis: كِتَابَةُ الْحَدِيْثِ

Iaitu merekodkan hadis sebagaimana yang dilihat atau didengar tanpa ada sebarang penyusunan atau sistem penulisan tertentu, serta membukukannya dalam lembaran-lembaran dan kitab-kitab.

Antara karangan yang terpenting berkenaan penulisan hadis di zaman sahabat:

1- *Tadwin al-Hadith:* Karangan Syeikh Munazir Ahsan al-Kilani (w.1956).
2- *Dirasat Fi al-HadithAn-Nabawi*: Karangan Dr. Muhammad Mustafa al-A'zami.
3- *Tadwin al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib.
4- *Kitabah al-HadithBi Aqlam as-Sahabat:* Karangan Dr. Sajid ar-Rahman as-Siddiqi.
5- *As-Sunnah an-Nabawiyyah*: *Dirasah Tarikhiyyah Abra Al-Qurun al-Arba'ah Asyar al-Hijriyyah*: Karangan Syed Abdul Majid Ghouri.

Penulisan (hadis) semata-mata: الكِتَابَةُ الْمُجَرَّدَةُ

Iaitu penulisan hadis semata-mata yang tidak disebut padanya kalimah: "Saya *ijazah*kan...". Sebahagian ulama melarang meriwayatkan hadis dengannya, namun kebanyakan ulama yang terdahulu dan terkemudian mengharuskannya, dan inilah pandangan yang benar dan masyhur dalam kalangan ahli hadis. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/53).

Penulisan yang disertai dengan *ijazah*: الكِتَابَةُ الْمَقْرُوْنَةُ بِالإِجَازَةِ

Iaitu penulisan hadis yang disertakan dengan kalimah: "Saya *ijazah*kan kepadamu...". Misalnya, "Saya *ijazah*kan kepada kamu apa yang saya tuliskan kepada kamu". Dan kaedah ini dari segi kesahan dan kekuatan adalah seperti kaedah (المناولة المقرونة). Sila lihat makna (المناولة المقرونة) pada huruf Mim.

Dia menulis kepada saya: كَتَبَ إِلَيَّ

Ini adalah salah lafaz menyampaikan hadis yang diambil daripada kaedah *al-mukatabah* (penulisan) seorang syeikh kepada perawi yang lain tanpa si syeikh tadi melafazkan dengan mulutnya perkataan *ijazah*. (Sila lihat *al-'Ilma'*: 122).

Syeikh saya menulis kepada saya: كَتَبَ إِلَيَّ شَيْخِي

Ianya adalah salah satu kaedah menyampaikan hadis dalam bab *ijazah* menerusi penulisan, iaitu perawi akan menyebutkan: "Syeikh saya telah memberitakan kepada saya melalui catatan, atau penulisan", atau "Syeikh saya telah memberitahu saya melalui catatan, atau penulisan".

Kitab-kitab *al-Atraf:* كُتُبُ الأَطْرَاف

Sila lihat perkataan (الأطراف) pada huruf Alif.

Kitab-Kitab *at-Takhrij:* كُتُبُ التَّخَارِيج

Sila lihat perkataan (التخريج) pada huruf Ta. Kami telah menghuraikan pada perkataan tersebut kitab-kitab yang berkaitan dengannya.

Kitab-kitab *at-Tartib:* كُتُبُ التَّرْتِيب

Ianya adalah kitab-kitab yang para penulisnya mengumpulkan hadis-hadis daripada kitab-kitab lain yang pada asalnya hadis-hadis tersebut disusun menurut susunan *al-masanid*, atau menurut lafaz awal hadis-hadis, atau menurut tertib yang lain, lalu para penulis tadi menyusun hadis-hadis tersebut dengan kaedah susunan mengikut bab-bab fikah.

Antara kitab-kitab yang ditulis dengan kaedah yang sedemikian ialah:

1- *Al-Ihsan Fi Taqrib Sahih ibn Hibban*: Karangan al-Amir Ala'uddin Abu al-Hasan Ali bin Balaban al-Farisi (w. 739H).
2- *Minhah al-Ma'bud Bi Tartib Musnad al-Tayalisi Abu Dawud*: Karangan Syeikh Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Banna As-Sa'ati al-Misri (w. 1371H).
3- *Al-Fathu ar-Rabbani Li Tartib Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal al-Syaybani*: Karangan Syeikh Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Banna as-Sa'ati al-Misri (w. 1371H).

Sembilan Kitab: الكُتُبُ السِّتَّةُ

Yang dimaksudkan dengan Sembilan Kitab ini ialah:

1- *Sahih al-Bukhari*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- *Sahih Muslim*: Karangan al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi (w. 261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: Karangan al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- *Jami' al-Tirmizi*: Karangan al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
5- *Sunan al-Nasa'i*: Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
6- *Sunan ibn Majah*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273/275H)
7- *Muwatta' Imam Malik*: Al-Imam Malik bin Anas al-Asbahi al-Madani (w. 179H).
8- *Musnad Ahmad*: Karangan al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).
9- *Sunan al-Darimi*: Karangan al-Imam Abu Muhammad 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman bin al-Fadhl al-Darimi (w. 255H).

Kitab-kitab *Tawarikh* (sejarah): كُتُبُ التَّوَارِيخ

Iaitu kitab-kitab yang menerangkan tentang peribadi (biodata) perawi-perawi hadis seperti:

1- *At-Tarikh al-Kabir*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- *At-Tarikh*: Karangan Abu Bakar bin Ahmad bin Khaithamah Zuhair bin Harb al-Nasa'i w. (279H).
3- *Masyahir Ulama' al-Amsar*: Karangan Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w. 354H).

Kitab-kitab para perawi *thiqah:* كُتُبُ الثِّقَاتِ

Iaitu kitab-kitab yang mengumpulkan biodata perawi-perawi *thiqah*. Sila lihat perkataan (الجَرْح والتَّعْدِيْل). Dalam perbahasan istilah tersebut telah kami sebutkan kitab-kitab yang berkaitan dengan *thiqah*.

Kitab-kitab *al-Jarh wa al-Ta'dil:* كُتُبُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيْلِ

Iaitu kitab-kitab yang menerangkan tentang biodata perawi-perawi yang terkandung dalam kitab-kitab ini kata-kata ulama berkenaan perawi-perawi hadis dari sudut *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Sila lihat perkataan (الجَرْح والتَّعْدِيْل) dalam huruf Jim. Dalam perbahasan istilah tersebut telah kami sebutkan kitab-kitab yang berkaitan dengan *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

Kitab-kitab *al-Jam'* (Himpunan): كُتُبُ الْجَمْعِ

Iaitu kitab-kitab yang dikarang oleh ulama hadis yang mengumpulkan hadis-hadis daripada pelbagai kitab, kemudian disusun hadis-hadis tersebut dalam sebuah kitab sahaja.

Antaranya seperti:

1- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu Sa'id Ibrahim bin Muhammad Ad-Dimaysq (w. 401H).
2- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Barqani (w. 425H).
3- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abu Nasr Futuh al-Humaidi al-Andalusi al-Qurtubi (w. 488H).
4- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu Nu'aim Ubaidillah bin al-Hasan al-Asfahani (w. 517H).
5- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu Muhammad Abdul Haq bin 'Abd al-Rahman al-Isybili (w. 581H).
6- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Hasan al-Mari (w. 582H).
7- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu Hafs Umar bin Badr bin Sa'id al-Kurdi al-Musili (w. 622H).
8- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Abu al-Fada'il Al-Hasan bin Muhammad al-Hasan as-San'ani (w. 650H).

9- *Al-Jam'u Baina as-Sahihain*: Karangan Syeikh Soleh Ahmad al-Syami.

Penulisan hadis: كَتْبُ الْحَدِيْثِ

Iaitu penulisan hadis dan periwayatannya, perkataan (الكَتْب) adalah kata terbitan bagi perkataan (كَتَبَ يَكْتُبُ) yang membawa maksud tulis. Sila lihat perkataan (كِتَابَة الحدِيْث).

Lima Kitab: الكُتُبُ الْخَمْسَةُ

Yang dimaksudkan dengan Lima Kitab ialah:

1- *Sahih al-Bukhari*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- *Sahih Muslim*: Karangan al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi (w. 261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: Karangan al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- *Jami' Al-Tirmizi*: Karangan al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
5- *Sunan al-Nasa'i*: Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).

Tujuh Kitab: الكُتُبُ السَّبْعَة

Yang dimaksudkan dengan Tujuh Kitab ialah:

1- *Sahih al-Bukhari*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- *Sahih Muslim*: Karangan al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi (w. 261H).
3- *Sunan Abi Dawud*: Karangan al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- *Jami' al-Tirmizi*: Karangan al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
5- *Sunan al-Nasa'i*: Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
6- *Sunan ibn Majah*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273/275H).
7- *Muwatta' Imam Malik*: Al-Imam Malik bin Anas al-Asbahi al-Madani (w. 179H).

Enam Kitab: الكُتُبُ السِّتَّةُ

Yang dimaksudkan dengan Enam Kitab ialah:

1- *Sahih al-Bukhari*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H).
2- *Sahih Muslim*: Karangan al-Imam Abu Al-Husayn Muslim bin Al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi (w. 261H).

3- *Sunan Abi Dawud*: Karangan al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Asy'ath al-Sijistani (w. 275H).
4- *Jami' al-Tirmizi*: Karangan al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah al-Tirmizi (w. 279H).
5- *Sunan al-Nasa'i*: Karangan al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib al-Nasa'i (w. 303H).
6- *Sunan ibn Majah*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwini (w. 273/275H).

Kitab-kitab *as-Sunnah:* كُتُبُ السُّنَّة

Ianya adalah kitab-kitab yang mengandungi hadis-hadis yang menyeru orang ramai supaya berpegang dengan *as-Sunnah*, mengikutinya serta beramal dengannya di samping meninggalkan segala apa yang lahir daripada bidaah dan hawa nafsu. Kebiasaannya ia berkaitan dengan pegangan akidah.

Antara ulama yang mengarang berkenaan perkara ini ialah:

1- Al-Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaybani (w. 241H).
2- Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Hanani al-Athram (w. 261H).
3- Abu Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath as-Sijistani (w. 275H).
4- Abu Bakar Ahmad bin Amru bin Abi 'Asim al-Syaybani (w. 287H).
5- 'Abd Allah bin Ahmad bin Hanbal (w. 290H).
6- Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Harun al-Khallal (w. 311H).
7- Abu al-Qasim Hibbatullah bin al-Hasan al-Lalika'i (w. 418H).

Kitab-kitab Sahih: كُتُبُ الصِّحَاحِ

Iaitu kitab-kitab yang dikarang oleh ahli hadis yang beriltizam untuk memuatkan dalamnya hadis-hadis sahih sahaja. Kitab-kitab seperti ini ada banyak. Namun tidak semua penulisnya mampu untuk konsisten dengan tema kitab tersebut melainkan al-Imam al-Bukhari dan Muslim sahaja. Adapun yang selain daripada mereka berdua terdapat juga hadis hasan dan *daif* dalam kitab mereka. Kami telahpun jelaskan perkara ini pada perkataan (الصحاح). Sila lihat pada huruf Sad.

Kitab-kitab *al-Du'afa'* (para perawi *daif*): كُتُبُ الضُّعَفَاء

Iaitu kitab-kitab yang mengumpulkan dalamnya peribadi perawi-perawi yang *daif*. Sila lihat perkataan (الجرح والتعديل) pada huruf Jim. Di sana telah disebutkan kitab-kitab yang berkaitan dengan perkara ini.

Dia menulis daripada orang yang tidak tentu hala: كَتَبَ عَمَّنْ دَبَّ ودَرَجَ

Ianya adalah salah satu istilah *al-jarh* yang jarang digunakan. Ianya digunakan bagi perawi yang menulis hadis daripada para gurunya yang lemah (*daif*) sekalipun si penulis itu adalah seorang yang *saduq* (kedudukan yang lebih tinggi daripada *daif*). Al-Hafiz al-Zahabi pernah menggunakan istilah ini ketika menghuraikan tentang peribadi Marwan bin Muawiyah al-Fazari al-Kufi dan beliau adalah salah seorang daripada perawi Enam Kitab, katanya:

"Beliau adalah seorang yang *thiqah*, alim, dan mahir dalam hadis, tetapi beliau menulis daripada sesiapa sahaja yang tidak tentu halanya. (Sila lihat *Mizan al-I'tidal*: 4/93).

Kitab-kitab *al-Mukharrajah:* الكُتُبُ الْمُخَرَّجَةُ

Ia adalah kitab-kitab yang para penulisnya meriwayatkan dalamnya hadis-hadis sebuah kitab tertentu dengan sanad-sanad kepunyaan mereka sendiri, namun bertemu di pertengahan sanad mereka itu dengan sanad penulis kitab yang asal. Ianya juga dinamakan sebagai *al-Mustakhraj*. Sila lihat pada perkataan (المُستخرَجات) pada huruf Mim.

Kitab-kitab *al-Wafayat* (Tarikh Kewafatan): كُتُبُ الْوَفَيَاتِ

Ianya adalah kitab-kitab yang mengandungi tarikh wafat para perawi hadis. Untuk lebih jelas sila lihat pada perkataan (تاريخ مولد العلماء ووفياتهم) pada huruf Ta', yang kami telahpun senaraikan kitab-kitab yang berkaitan dengannya.

Banyaknya kecuaian si perawi: كَثْرَةُ غَفْلَةِ الرَّاوِي

Iaitu kecuaian dan kesilapan yang dilakukannya lebih banyak daripada ketelitian dan kecermatannya.

Banyak kesalahannya: كَثِيْرُ الْخَطَأ

Iaitu orang yang kesalahannya dalam riwayat lebih banyak daripada ketepatannya.

Banyak alpanya: كَثِيْرُ السَّهْوِ

Iaitu perawi sering alpa (leka, lalai atau tersalah) dalam periwayatannya.

Banyak kesilapannya: كَثِيْرُ الْغَلَطِ

Iaitu orang yang kesilapannya lebih banyak daripada kebetulannya.

Banyak lupanya: كَثِيْرُ النِّسْيَانِ

Iaitu perawi sering lupa (tidak ingat) dalam periwayatannya.

Banyak wahamnya: كَثِيْرُ الْوَهْمِ

Iaitu orang yang waham atau keraguannya dalam riwayat lebih banyak daripada kepastiannya.

Kaf – Dal: كد

Ia adalah simbol yang memberitahu bahawa hadis tersebut telah dikeluarkan oleh Abu Dawud dalam kitabnya *Musnad Hadis* Malik bin Anas.

Begitu dan begini, sekian dan sekian.: كَذَا وَكَذَا

Ia adalah suatu lafaz *al-jarh* yang menggambarkan bahawa seorang perawi itu bersifat lemah dan longgar terhadap apa yang diriwayatkannya. Al-Imam Ahmad jika ditanya tentang seorang perawi yang lemah beliau akan menggerak-gerakkan tangan beliau sambil berkata: "Dia itu begitu dan begini". Perkara ini disebutkan oleh al-Imam al-Zahabi dan mengulas tentangnya dengan berkata: Ini adalah satu istilah yang sering digunakan oleh 'Abd Allah bin Ahmad ketika mana bapanya menjawab persoalannya.

Berdasarkan penelitian, ia sebenarnya adalah istilah kiasan bagi perawi yang bersifat *lin* (lemah). (Sila lihat *Mizan al-I'tidal*: 3/554 dan 4/483).

Pendusta, penipu: كَذَّابٌ أو كاذِبٌ

Ini adalah seberat-berat lafaz *al-Jarh*, bahkan ianya adalah lafaz *al-jarh* yang paling tinggi dalam menggambarkan kelemahan seseorang perawi. Al-Imam Abu Hatim, Ibnu al-Salah, al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkan perkataan ini pada peringkat yang pertama dalam lafaz-lafaz *al-jarh* di sisi mereka. Hanya al-Sakhawi sahaja meletakkannya pada tahap yang kedua.

Hukumnya: Perawi yang disifatkan dengan sifat ini hadisnya tidak boleh dijadikan hujah, bahkan tidak boleh dijadikan sebagai hadis penyokong kerana ianya telah menjadi sebahagian daripada hadis *mawdu'*.

Dusta, tipu: الكَذِبُ

Dari segi bahasa perkataan: (الكذب) yang bermaksud dusta (tipu, bohong) adalah lawan kepada perkataan (الصِّدق) yang bermaksud benar. Perkataan (الكذب) membawa maksud menyampaikan sesuatu yang bertentangan dengan hakikatnya yang sebenar tidak kira sama ada dilakukan secara sengaja ataupun tidak.

Dari segi istilah pula: ianya adalah penipuan yang dilakukan oleh seseorang ke atas Rasulullah *s.a.w* sama ada dengan niat yang jahat atau dengan niat yang baik sepertimana perkataan yang pernah diungkapkan oleh sebahagian puak al-Karramiyyah: Kami menipu bukan ke atas Rasulullah *s.a.w*, tapi kami menipu bagi diri baginda.

Dan penipuan yang dilakukan ke atas Nabi *s.a.w* dihukum sebagai sebahagian daripada dosa-dosa besar. Ini adalah kerana al-Sunnah adalah sumber syariat Islam, apabila seseorang berdusta ke atas Nabi *s.a.w*, seolah-olah mereka telah mencipta syariat yang baharu yang tidak diungkapkan oleh Nabi *s.a.w* pun. Oleh sebab itu Nabi *s.a.w* amat mengingatkan umatnya dengan peringatan yang dahsyat dan menjanjikan azab yang pedih di dunia dan di akhirat bagi mereka yang menipu ke atasnya. Sebab itu baginda *s.a.w* bersabda:

«لا تَكْذِبُوا عَلَيَّ، فإِنَّهُ مَنْ يَكْذِبُ عَلَيَّ يَلِجُ النَّارَ».

"Janganlah sesiapa pun berdusta ke atasku, sesiapa yang berdusta ke atas ku maka tempatnya adalah di neraka". (Muslim, *al-Sahih*, al-Muqaddimah, Bab taghliz al-kazib 'ala Rasulillah SAW, no. 1).

Begitu juga baginda *s.a.w* *s.a.w* bersabda:

«مَنْ تَعَمَّدَ عليَّ كَذِباً، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّار».

"Sesiapa yang sengaja berdusta ke atas saya maka akan ditempatkan tempatnya di neraka". (Muslim, *al-Sahih*, al-Muqaddimah, Bab taghliz al-kazib 'ala Rasulillah SAW, no. 2).

Sabda baginda *s.a.w* lagi:

«إِنَّ كَذِباً عَلَيَّ لَيس كَكَذِبٍ على أَحَدٍ؛ فمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّداً فَلْيَتَبوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّار».

"Sesungguhnya penipuan ke atas saya tidak sama seperti penipuan sesama manusia yang lain. Sesiapa yang sengaja berdusta ke atas saya maka akan ditempatkan di dalam neraka". (Al-Bukhari, *al-Sahih*, Kitab al-'Ilm, Bab ithm man kazaba 'ala al-Nabi SAW, no. 110, daripada 'Ali RA).

Pendustaan si perawi: كَذِبُ الرَّاوِي

Iaitu telah pasti bahawa perawi tersebut telah melakukan penipuan terhadap baginda *s.a.w* dan mencipta hadis yang tidak disebutkan oleh baginda *s.a.w*.

Kaf – Sin – Ra: كسر

Ianya adalah simbol yang menunjukkan bahawa ibn 'Asakir telah mengeluarkan hadis tersebut dalam kitabnya *Tarikh Dimasyq*.

Buku catatan: الكُرَّاسَةُ

Dari segi bahasa: perkataan (الكُرَّاسة) jamaknya adalah (الكُرَّاس والكَرَاريس، والكُرَّاسات، وأكْرَاسٍ). Perkataan ini membawa maksud satu bahagian daripada buku.

Dari segi istilah pula ialah: satu juzuk daripada buku atau lembaran yang ditulis dalamnya hadis-hadis Nabi *s.a.w*.

Tanggal. kikis: الكَشْطُ

Dari segi bahasa perkataan (الكشْطُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (كَشَط يكشط) yang membawa maksud tanggal, cabut atau sentap.

Dari segi istilah pula ialah: menggores huruf bagi tujuan memadamnya dan menghilangkannya sekiranya berlaku kesalahan. Terkadang perkataan ini digantikan dengan perkataan (القَشْطُ) yang membawa maksud yang sama.

Sepertimana yang telah dikatakan: كَمَا قَالَ

Sila lihat maknanya pada perkataan (أَوْ كَمَا قَالَ) dalam huruf Alif.

Kaf – Nun: كن

Ianya adalah simbol yang menunjukkan bahawa hadis tersebut telah dikeluarkan oleh al-Imam al-Nasa'i dalam kitabnya *Musnad Malik*.

Kami tidak melihat sebagai masalah dengan perkara tersebut: كُنَّا لاَ نَرَى بَأْساً بِكَذَا

Sekiranya istilah ini diungkapkan oleh sahabat tanpa menyandarkannya kepada zaman Nabi *s.a.w*, maka hadis ini tidak akan dihukum sebagai *marfu'*, bahkan ianya hanya akan menjadi hadis *mawquf* sahaja. Namun sekiranya perkataan ini disandarkan kepada Nabi *s.a.w* seperti: "Kami melakukan sedemikian pada zaman Nabi *s.a.w* hidup", atau "Kami melakukan sedemikian pada zaman Nabi *s.a.w*", atau "Kami melakukan sedemikan dan Nabi *s.a.w* berada di sisi kami", maka hadis yang terkandung istilah-istilah sebegini dihukumkan sebagai *marfu'*.

Ini adalah kerana lazimnya apabila para sahabat menyandarkan perbuatan mereka itu kepada zaman Nabi *s.a.w* menunjukkan bahawa Nabi *s.a.w* mengetahui perkara tersebut dan bersetuju dengannya. Sekiranya perbuatan mereka tidak disandarkan kepada zaman Nabi *s.a.w*, maka ia hanya akan dihukumkan sebagai *mawquf* sahaja.

Kami melihatnya begini: كُنَّا نَرَى كَذَا

Kata-kata sahabat yang berbentuk sebegini, sekiranya di sandarkan kepada zaman Nabi *s.a.w*, maka ianya dihukum sebagai *marfu'*, seperti kata-kata Jabir *r.a.*: "Kami memakan daging kuda ketika zaman Nabi *s.a.w*". (riwayat al-Nasa'i, *Sunan al-Sughra*, Kitab al-Said, Bab al-Izn fi Akl Luhum al-Khail, no. 4335).

kerana secara zahirnya perbuatan yang mereka sandarkan kepada zaman Nabi ini diketahui oleh Nabi *s.a.w* dan diperakukan oleh baginda *s.a.w*. (Sila lihat *Fath al-Bari*: 2/26).

Namun sekiranya perbuatan mereka tidak disandarkan kepada zaman Nabi *s.a.w*, maka ia hanya akan dihukumkan sebagai *mawquf* sahaja.

Kami melakukan sedemikian: كُنَّا نَفْعَلُ كَذَا

Sila lihat maknanya pada perkataan (كُنَّا نَرَى كَذَا).

***Kunyah-Kunyah*:** الكُنَى

Dari segi bahasa perkataan (الكُنَى) adalah kata jamak bagi perkataan (كُنية), yang membawa maksud; nama yang didahulukan dengan kalimah 'Abu' (Bapa) atau 'Ummu' (Ibu), seperti Abu Si Polan atau Ummu Si Polan.

Dari segi istilah pula ialah: perawi yang disebut dengan nama *kunyah*nya dalam sanad. Tidak dinamakan *kunyah* melainkan kepada nama-nama yang disandarkan kepada kalimah 'Abu' atau 'Ummu'. Ia adalah adat kebiasaan dalam kalangan orang Arab dalam memanggil nama seseorang.

Jenis-jenis *al-Kunyah*:

Sebahagian ulama telah membahagikan *al-Kunyah* ini kepada beberapa bahagian. Di sini kami sebutkan beberapa bahagian yang penting:

Jenis pertama: *Kunyah*nya adalah nama sebenar perawi tersebut.

Sebagai contoh:

1- Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisyam al-Mahkzumi, salah seorang daripada tujuh faqih Madinah.
2- Abu Hasin bin Yahya bin Sulaiman ar-Razi. Al-Imam Abu Hatim pernah berkata kepada beliau: Apakah nama lain bagimu? Beliau menjawab: Nama dan *kunyah* saya adalah nama yang sama. Lalu Abu Hatim berkata: Biarlah saya menamakan kamu sebagai 'Abd Allah. Abu Hasin hanya tersenyum. (Sila lihat *al-jarh wa al-Ta'dil* 2/364).

Jenis kedua: Perawi yang masyhur dengan *kunyah*nya, dan tidak diketahui sama ada dia mempunyai nama lain ataupun tidak.

Sebagai contoh:

1. Abu Bakar bin Nafi', Maula Ibnu Umar *r.a.*
2. Abu Bakar bin Ayyash.

Jenis ketiga: Perawi yang masyhur dengan *kunyah*nya, dan nama sebenarnya tidak disepakati oleh ulama.

Sebagai contoh:

Abu Bakar bin 'Abd Allah bin Abi Maryam. Sebahagian ulama menyatakan bahawa nama sebenar beliau ialah Bukair. Namun ada yang menyatakan selain daripada itu.

Jenis keempat: Perawi yang masyhur dengan *kunyah*nya, dan dia juga mempunyai nama yang diketahui umum.

Sebagai contoh:

1. Abu 'Asim an-Nabil.
2. Abu al-'Aliah ar-Riyahi.
3. Abu Idris al-Khaulani.

Jenis kelima: Perawi yang disebut *kunyah*nya, tetapi nama asalnya lebih masyhur.

Sebagai contoh:

1. Abu Hafs 'Umar bin al-Khattab.
2. Abu al-Hasan 'Ali bin Abu Talib.
3. Abu 'Abd Allah Malik bin Anas.
4. Abu Bistam Syu'bah bin al-Hajjaj.

Kitab-kitab yang memperbahaskan tentang *al-kunyah*:

1. *Al-Kuna*: Karangan al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H), pengarang kitab *Sahih al-Bukhari*. Kitab ini adalah satu juzuk dari kitab *at-Tarikh al-Kabir* karangan beliau.
2. *Al-Kuna wa al-Asma'*: Karangan al-Imam Abu Al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisaburi (w. 261H) pengarang Kitab Sahih Muslim.
3. *Al-Kuna wa al-Asma'*: Karangan Abu Bisyr, Muhammad bin Ahmad bin Hammad al-Daulabi (w. 310H).
4. *Man Wafaqat Kunyatuhu Zaujuhu Min As-Sahabah*: Karangan ibn Hayyuwaih Muhammad bin 'Abd Allah (w. 366H).
5. *Man Wafaqa Ismuhu Isma Abihi, Wa man Wafaqa Ismuhu Kunyah Abihi*: Karangan Abu al-Fath Muhammad bin al-Husain al-Azdi (w. 367H).
6. *Man Yu'taraf Bi Kunyatihi Wala Yu'lam Ismuhu Wala Dalil 'Ala Ismihi*: Karangan Abu al-Fath Muhammad bin al-Husain al-Azdi (w. 367H).
7. *Al-Kuna Liman La Yu'raf Ismuh Min Ashab Rasulullah*: Karangan Abu al-Fath Muhammad bin al-Husain al-Azdi (w. 367H).
8. *Al-Kuna Wa al-Asma'*: Karangan Abu Ahmad al-Hakim al-Kabir Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Karabisi (w. 378H).
9. *Fathu al-Bab Fi al-Kuna wa al-Alqab*: Karangan ibn Mandah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ishaq bin Muhammad al-Asbahani (w. 395H).

10. *Al-Istighna Fi Ma'rifah al-Masyhurin Min Hamalah al-'Ilmi Bi al-Kuna*: Karangan ibn Abd al-Bar Yusuf bin 'Abd Allah bin Abd al-Bar an-Namiri al-Qurtubi (w. 463H).
11. *Al-Ikmal Fi Raf'i al-Irtiyab 'An al-Mu'talif wa Al-Mukhtalif Min al-Asma wa al-Kuna wa al-Alqab*: Karangan ibn Makula, Ali bin Hibbatullah (w. 475H).
12. *Al-Muqtana Fi Sardi al-Kuna*: Karangan al-Hafiz Syams Ad-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (w. 748H).
13. *Intikhab Kitab Man Wafaqat Kunyatuhu Isma Abihi Mimma La Yu'manu Wuqu' al-Khata' Fih*: Karangan al-Hafiz Al-Khatib Al-Baghdadi. Saringan al-Hafiz Ala'uddin Mughlatai (w. 762H).
14. *Risala h Fi Ma'rifah Hamalah al-Kuna Wa Al-Asma Wa al-Alqab*: Karangan Al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar Al-Suyuti (w. 911H).
15. *Al-Muna Fi al-Kuna*: Karangan al-Suyuti juga.
16. *Al-Mughni Fi Dabti Asma' al-Rijal Wa Ma'rifah Kuna ar-Ruwat Wa Alqabihim Wa Ansabihim*: Karangan Syeikh Muhammad Tahir bin Ali Al-Fattani al-Hindi (w. 986H).

Tatacara mendengar hadis: كَيْفِيَّةُ سَمَاعِ الْحَدِيْثِ

Iaitu syarat-syarat menerima hadis, dan kaedah-kaedah mengambilnya, dan juga hukum-hakamnya.

Sila lihat pada perkataan (صِيَغ الأداء) pada huruf Sad, serta perkataan (طُرُق تحمُّل الحديث) pada huruf Ta'.



حرف اللاَّم

HURF LAM

Lam: ل

Merupakan simbol yang menunjukkan bahawa Abu Dawud meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Masa'il* (المسائل). Kitab ini adalah himpunan soalan beliau yang ditujukan kepada al-Imam Ahmad bin Hanbal.

Lam Alif: لا

Merupakan suatu ibarat yang ditulis pada awal pertambahan yang terdapat dalam suatu matan hadis.

Tiada seorang pun yang lebih *thabit* daripadanya: لاَ أَحَدَ أَثْبَتُ مِنْهُ

Merupakan lafaz *al-Ta'dil* pada tahap tertinggi. Lafaz ini dinyatakan oleh al-Hafiz al-Suyuti pada peringkat yang pertama dalam martabat *al-Ta'dil* di sisinya. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 10/291).

Saya tidak tahu apakah dia: لا أدْرِي ما هُوَ

Merupakan antara lafaz-lafaz *al-Jarh*. Kesemua ulama meletakkannya pada martabat yang terakhir dalam tingkatan*al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong sahaja.

Tiada asal baginya: لاَ أَصْلَ لَهُ

Ia bermaksud: riwayat batil yang tiada kebenarannya. Apabila *muhaddithin* menghukumkan sesuatu hadis dengan ungkapan ini, maka mereka maksudkannya sebagai hadis yang tiada asalnya daripada Nabi *s.a.w.*

Apabila *muhaddithin* meletakkan hukum ini kepada suatu isnad pula, maka apa-apa yang mereka maksudkan ialah tiada asal bagi hadis tersebut daripada perawi yang disandarkan kepadanya dalam sanad tersebut, dalam kalangan perawi yang tidak pernah diketahui hadisnya daripada golongan *thiqah* akan tetapi berkemungkinan hukum ini harus mempunyai asal yang dipelihara daripada Nabi *s.a.w* melalui sanad yang lain. (Lihat: *Fath al-Mughith:* 1/326 dan *Tadrib al-Rawi:* 1/343).

Istilah (لا أَصْلَ له) ini mempunyai pelbagai bentuk penggunaan, antaranya ialah seperti berikut:

1. هذا الحديثُ لا أَصْلَ له bermaksud: Hadis ini tiada asal baginya.
2. لا أَصْلَ له بهذا اللَّفْظِ bermaksud: Tiada asal dengan lafaz ini baginya.
3. ليس له أَصْلٌ bermaksud: Tiada sebarang asal baginya.

4. لا يُعرَف له أَصْلٌ bermaksud: Tidak diketahui sebarang asal baginya.

5. لم يُوجَد له أصْلٌ bermaksud: Tidak wujud asal baginya.

Maksud *muhaddithin* dengan semua ungkapan berkenaan ialah: bahawa hadis tersebut tidak mempunyai sebarang isnad yang dinukilkan dengannya.

Tiada asal dengan lafaz ini baginya: لا أَصْلَ لَهُ بِهَذَا اللَّفْظِ

Lihat: لا أَصْلَ لَهُ.

Saya tidak mengetahuinya: لاَ أَعْرِفُهُ

Kata-kata *muhaddithin* pada sesuatu hadis seperti: (لا أَعْرِفُه), atau (لم أَعْرِفْه), atau (لم أَقِفْ عليه), atau (لا أَعْرِفُ له أَصْلاً), atau (لم أجدْ له أصلاً), atau (لم أَقِفْ له على أصلٍ), atau (لا أعرفه بهذا اللَّفْظِ), atau (لم أَرَهُ بهذا اللَّفظِ), atau (لم أَجِدْهُ), atau (لم أَجِدْه هكذا), atau (لم يَرِدْ فيه شيءٌ), atau (لا يُعْلَمُ مَن أخرجه ولا إسنادُه), dan ungkapan-ungkapan lain yang seumpamanya, jika lafaz ini keluar daripada salah seorang imam hafiz yang masyhur dan tidak pula dikritik atau dipersoalkan oleh sesiapa, maka memadailah untuk menghukum ke atas hadis tersebut sebagai hadis *mawdu'* (palsu). (Lihat: *Tadrib al-Rawi:* 1/195).

Tiada masalah dengannya: لاَ بَأْسَ بِهِ

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-Ta'dil*. Disebutkan oleh ibn Abi Hatim dan ibn al-Salah pada martabat yang kedua daripada martabat-martabat *al-Ta'dil*. Manakala al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang ketiga. Al-Suyuti meletakkannya pada martabat yang keempat dan al-Sakhawi pula meletakkannya pada martabat yang kelima.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Perhatian:

Lafaz ini digunakan oleh Yahya bin Ma'in dan 'Abd al-Rahman bin Ibrahim Duhaim dengan makna: *Thiqah*.

Berkata Abu Bakar bin Abi Khaithamah: Saya berkata kepada Yahya bin Ma'in: Kamu mengatakan (فُلانٌ ليس به بأسٌ) dan (فلانٌ ضعيفٌ)? Beliau menjawab: Jika saya mengatakan (ليس به بأسٌ), maka dia adalah *thiqah*, dan jika saya berkata (هو ضعيفٌ), maka dia bukanlah seorang yang *thiqah* serta tidak boleh ditulis hadisnya. (*Tarikh Ibn Abi Khaithamah*: hlm. 315).

Abu Zur'ah al-Dimasyqi berkata: "Saya bertanya kepada 'Abd al-Rahman bin Ibrahim: Apakah pandanganmu berkenaan dengan 'Ali bin Hawsyab al-Fazari? Beliau menjawab: لا بأسَ به. Saya bertanya lagi: Kenapakah kamu tidak mengatakannya sebagai *thiqah*? Padahal kamu tidak mengetahui pada dirinya melainkan kebaikan belaka. Beliau menjawab: Saya telah pun katakan kepada kamu bahawa dia adalah *thiqah*.". (*Tarikh Abu Zur'ah*: 1/395).

Contoh-contoh ini menerangkan bahawa mereka berdua tidak mengeluarkan lafaz tersebut kecuali kepada perawi yang *thiqah*.

Tidak halal meriwayatkan daripadanya: لاَ تَحِلُّ الرِّوَايَةُ عَنْهُ

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-jarh* yang disebut oleh al-Hafiz al-Sakhawi pada tahap yang keempat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah dan dalil penyokong.

Tidak halal menulis hadisnya: لاَ تَحِلُّ كِتَابَةُ حَدِيْثِهِ

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-jarh* yang disebut oleh al-Hafiz al-Sakhawi pada tahap yang keempat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah dan dalil penyokong.

Tiada suatu apa pun: لاَ شَيْءَ

Lafaz ini adalah daripada seburuk-buruk lafaz *al-Jarh*. Disebut oleh al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti pada martabat ketiga daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh dijadikan hujah dan dalil penyokong.

Tiada ditemui sokongan bagi hadisnya: لاَ يُتَابَعُ عَلَى حَدِيْثِهِ

Maksudnya ialah seorang perawi bersendirian meriwayatkan hadis-hadis yang tidak ditemui oleh sesiapa pun yang dapat menyokong hadis-hadis tersebut melalui jalan riwayat yang sahih.

Berkata al-'Uqaili ketika menyatakan tentang keadaan al-Hasan bin Muhammad al-Makki: Hadisnya tidak disokong, dan tidak diketahui hadis yang dibawanya kecuali hadis yang diriwayatkan oleh dirinya sahaja. Tambahan pula dia bukanlah seorang perawi yang masyhur periwayatannya. Hadis ini juga mempunyai beberapa jalan riwayat yang kesemuanya mempunyai sifat *lin* (lemah). (*Al-Du'afa' al-Kabir*: 1/242).

Ibn al-Qattan al-Fasi berkata: Masalah ini menggugat orang yang tidak dikenali sebagai *thiqah*. Manakala perawi yang *thiqah* pula, maka periwayatannya secara bersendirian itu tidaklah memudaratkan, kecuali jika banyak berlaku sebegitu daripadanya. (*Bayan al-Wahm wa al-Iham*: 5/363).

Tidak dijadikan hujah dengannya: لا يُحْتَجُّ بِهِ

Lafaz ini adalah antara lafaz *al-jarh* yang samar pada seseorang perawi. Al-Suyuti meletakkannya pada peringkat yang ketiga *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan sifat ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah, tetapi hanya dapat dijadikan sebagai dalil penyokong.
Faedah:
Al-Imam Abu Hatim al-Razi banyak menggunakan lafaz ini kepada ramai para perawi. Lalu anaknya, 'Abd al-Rahman bertanya tentang maksud penggunaan lafaz tersebut. Beliau berkata: "Saya bertanya kepada bapa saya: Apakah maksud يُحتَجُّ به?" Beliau menjawab: "Mereka adalah suatu golongan yang tidak menghafal, namun mereka menyampaikan apa yang mereka tidak hafal itu. Justeru, pastilah mereka melakukan kesilapan. Kamu pasti dapat melihat banyak kecelaruan pada hadis mereka jika kamu mahu". (*Al-jarh wa al-Ta'dil*: 1/132).

Tidak ditanya tentangnya: لاَ يُسْأَلُ عَنْهُ

Ia merupakan antara lafaz-lafaz *al-Ta'dil* yang tertinggi. Al-Suyuti meletakkannya pada martabat yang pertama dalam tingkatan *al-Ta'dil* di sisinya, manakala al-Sakhawi pula meletakkannya pada tahap yang kedua.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini dapat dijadikan hujah.

Tiada nilai sedikitpun: لا يُسَاوِيْ شَيْئاً

Lafaz ini adalah antara lafaz *al-jarh* yang tertinggi. Al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada martabat yang ketiga daripada martabat-martabat *al-jarh* pada sisi mereka.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini, tidak boleh dijadikan hujah ataupun dalil penyokong.

Tiada nilai sesen pun: لا يُسَاوِيْ فَلْساً

Kalimah الفَلْسُ bermaksud: Kulit atau sisik yang ada pada badan ikan.

Lafaz ini adalah antara lafaz *al-jarh* yang tertinggi. Al-Sakhawi meletakkannya pada martabat yang keempat *al-jarh* di sisinya.
Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini, tidak boleh dijadikan hujah dan juga dalil penyokong.

Tidak boleh dijadikan sokongan dengan hadisnya: لا يُسْتَشْهَدُ بِحَدِيْثِهِ

Lihat: لا يُسْتَشْهَد به.

Tidak boleh dijadikan sokongan dengannya: لا يُسْتَشْهَدُ بِهِ

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan ibn al-Salah menyebutnya pada martabat yang keempat daripada tahap-tahap *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis tetapi tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Tidak perlu disibukkan dengannya: لاَ يُشْتَغَلُ بِهِ

Lafaz ini bermaksud: hadis perawi tersebut tidak boleh ditulis dan tidak halal mengambil riwayat daripadanya. Justeru dia adalah seorang yang ditolak hadisnya. Lafaz ini berada pada martabat yang ketiga *al-jarh* di sisi al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti. Manakala al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada martabat yang keempat.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini, tidak boleh dijadikan hujah dan juga dalil penyokong.

Tidak sahih: لا يَصِحُّ

Lafaz ini adalah suatu lafaz yang digunakan oleh *Muhaddithin* bagi menyatakan tentang ketidak*thabit*an sesuatu hadis itu dalam kumpulan hadis sahih. Kata-kata mereka terhadap sesuatu hadis seperti: (لا يَصِحُّ), atau (لا يَثْبُتُ), atau (لم يَصِحَّ), atau (لم يَثْبُتْ), atau (ليس بصحيحٍ), atau (ليس بثابتٍ), atau (غيرُ ثابتٍ), atau (لا يَثْبُتُ فيه شيءٌ) dan sebagainya yang seumpama ungkapan-ungkapan ini, jika mereka menyebutkan demikian dalam kitab-kitab *al-Du'afa'* atau *al-Mawdu'at*, maka ia bermaksud bahawa hadis yang disebutkan itu adalah *mawdu'* (palsu), tidak ada sedikit pun sifat sahih.

Manakala jika *Muhaddithin* menyebutkannya dalam kitab-kitab hadis *al-ahkam* (hukum-hakam), maka maksudnya ialah penafian makna sahih dari sudut istilahnya. Hal ini kerana penafian kesahihannya sesuatu hadis itu tidak bermaksud bahawa hadis tersebut ialah hadis palsu atau yang direkacipta. Boleh jadi hadis tersebut hanyalah hadis *daif* sahaja.

Tidak sahih hadisnya: لاَ يَصِحُّ حَدِيْثُهُ

Lafaz ini sama erti dengan ungkapan لَمْ يَصِحَّ atau لَمْ يَصِحَّ حَدِيْثُه. Ungkapan-ungkapan ini diguna pakai oleh al-Imam al-Bukhari kepada sebahagian para perawi dalam kalangan para sahabat, para tabiin dan juga orang yang selepas mereka. Beliau tidaklah bermaksud untuk men*daif*kan perawi tersebut sepertimana yang difahami dari perkataannya, tetapi maksud beliau ialah untuk men*daif*kan hadisnya sahaja.

Al-Hafiz ibn Hajar berkata - pada maklumat biografi Rabi'ah bin al-Nabighah -: al-Bukhari berkata: Tidak sahih. Maka al-'Uqaili telah meletakkannya dalam kalangan para perawi *daif* dengan sebab hukum tersebut. Padahal maksud al-Bukhari sebenarnya ialah: hadis yang diriwayatkan oleh Rabi'ah, daripada bapanya, daripada 'Ali *r.a.* berkenaan larangan menziarahi kubur, menyimpan daging binatang korban selepas tiga hari dan larangan menggunakan bekas emas-perak, tidak boleh

dipraktikkan lagi disebabkan larangan-larangan tersebut sudah dimansuh. (*Ta'jil al-Manfa'ah*: hlm. 129).

Tidak boleh dijadikan dalil penyokong dengannya: لا يُعْتَبَرُ بِهِ

Lafaz ini bermaksud perawi tersebut tidak boleh diambil untuk dijadikan sokongan, samada pada *al-syawahid* ataupun *al-mutaba'ah*, apatah lagi untuk dijadikan hujah. (*al-syawahid*: hadis yang diriwayatkan oleh sahabat yang berlainan, tetapi mempunyai makna yang sama, *al-mutaba'ah*: perawi yang menyokong riwayat perawi lain bagi suatu hadis yang datang daripada seorang sahabat- Pent)

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-jarh* yang tertinggi. Al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada martabat yang kedua *al-jarh* di sisi mereka, dan al-Sakhawi pula meletakkannya pada martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah dan juga sokongan.

Tidak boleh dijadikan dalil penyokong dengan hadisnya: لا يُعْتَبَرُ بِحَدِيثِهِ

Lihat: لا يُعْتَبَرُ به.

Tidak diketahui: لا يُعْرَفُ

Lafaz ini bermaksud: *majhul* (tidak diketahui kelayakannya atau maklumat berkaitan dengannya).

Hukumnya:

Riwayatnya ditolak menurut jumhur ulama, namun ada juga dalam kalangan mereka yang menerimanya.

Lihat المَجْهُول dalam huruf mim.

Tidak diketahui asalnya: لا يُعْرَفُ لَهُ أَصْلٌ

Lihat: لا أَصْلَ له.

Tidak diketahui hal keadaannya: لاَ يُعْرَفُ لَهُ حَالٌ

Lafaz ini bermaksud: Tiada seorang pun yang menyatakan bahawa perawi tersebut adalah *thiqah*.

Ia adalah istilah khas bagi al-Imam Abu al-Hasan bin al-Qattan al-Fasi. Beliau tidaklah bermaksud untuk mengatakan bahawa perawi tersebut tidak diketahui (*majhul*) ataupun tidak *thiqah*.

Menurut al-Hafiz al-Zahabi - dalam menghuraikan biografi Hafs bin Bughail-: Manakala Ibn al-Qattan: لا يُعْرَف له حالٌ. Saya katakan : Saya tidak menyebut jenis ini dalam kitab saya ini (*Mizan al-I'tidal*) kerana Ibn al-Qattan membincangkan setiap perawi yang tidak dikatakan tentang kedudukannya oleh seorang ulama pun yang sezaman dengannya, atau yang tidak dikatakan bahawa ia mengambil daripada orang yang sezaman dengannya yang menunjukkan sifat *adil*nya. Dalam *al-Sahihain*, perawi dari jenis ini agak ramai yang tidak di*daif*kan oleh sesiapa pun, dan

mereka juga bukanlah dalam kalangan perawi yang *majhul* (tidak diketahui). (Lihat: *Mizan al-I'tidal*: 1/160).

Hampir-hampir tidak dikenali: لاَ يَكَادُ يُعْرَفُ

Lafaz ini bermaksud: Perawi yang *majhul*.

Hukumnya:

Riwayatnya ditolak menurut jumhur ulama, tetapi ada dalam kalangan mereka yang menerima riwayatnya.

Lihat المَجْهُوْل dalam huruf Mim.

Tidak ditulis hadisnya: لاَ يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-jarh* yang tertinggi. Al-Sakhawi meletakkannya pada martabat yang keempat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah.

Tidak boleh dipercayai: لاَ يُوْثَقُ بِهِ

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Maksudnya ialah: apa-apa yang diriwayatkan oleh perawi tersebut tidak boleh dipegang dengan sebab hafalannya yang buruk dan kekurangan *dabit*nya. Lafaz ini umpama kata-kata *muhaddithin* terhadap perawi: ليس بالمرضي atau ليس بمأمون. Sila lihat maksudnya pada tempat nya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, boleh ditulis hadisnya sebagai dalil penyokong.

Yang datang kemudian: اللاَّحِقُ

Dari sudut bahasa: اللاحق ialah kata nama pelaku daripada perkataan اللّحق yang bermaksud: yang sempat bersama atau bertemu.

Dari sudut istilah: ialah seorang perawi yang kewafatannya adalah lewat daripada seorang perawi yang lain dengan jarak tempoh yang jauh, sedangkan ia turut sama dengan perawi tersebut meriwayatkan hadis daripada seorang perawi yang lain.

Sila lihat pengertiannya yang lebih jelas beserta contoh pada: السَّابق واللاَّحق dalam huruf Sin.

Yang banyak salah sebutan: اللَّحَّانُ

Dari sudut bahasa: اللحان ialah kata nama pelaku daripada perkataan اللحن yang bermaksud: Orang yang banyak kesalahan pertuturannya.

Dari sudut istilah: ialah seseorang yang banyak melakukan kesalahan ketika membaca hadis dari sudut sebutan bahasanya.

Lihat: اللَّحْن في الحديث.

Tambahan kemudian, : اللَّحَقُ

Dari sudut bahasa: اللحق ialah kata nama terbitan daripada perkataan لَحِقَ يَلْحَقَ yang bermaksud: tambahan.

Dari sudut istilah: ialah sesuatu (samada perkataan, huruf dan sebagainya) yang gugur daripada kitab asal, lalu ditambahkan pada nota kaki kitab, atau diselitkan di antara barisan-barisan ayatnya. (Lihat: *al-Tabsirah wa al-Tazkirah*: 2/137).

Salah sebutan dalam (pembacaan) hadis: اللَّحْنُ فِي الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa: اللَّحْنُ ialah kata nama terbitan daripada perkataan لَحَنَ يَلْحَنُ yang bermaksud: memalingkan kata-kata daripada kebiasaan penggunaannya dalam kalangan orang Arab, samada dengan menghilangkan *i'rab* ataupun mengubah sebutannya.

Dari sudut istilah: *al-Lahn* dalam hadis berlaku dalam dua bentuk:

Pertama: Berlaku daripada perawi, yang riwayat tersebut sudah mempunyai *al-Lahn* dan diambil oleh perawi dalam keadaan yang sedemikian. Bahagian ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu samada *al-Lahn* atau kesalahan wujud dalam matan hadis ataupun dalam sanadnya. Jenis yang pertama pula terdiri daripada dua, iaitu sama ada *al-Lahn* tersebut mengubah makna hadis ataupun tidak.

Kedua: *al-Lahn* yang berlaku daripada pembaca hadis, yang riwayat tersebut telah mengikut kaedah dan tatabahasa Arab yang betul, tetapi disebabkan pembaca kurang mahir bahasa Arab atau tidak tahu langsung tentangnya telah melakukan *al-Lahn* dan mengubah perkataan daripada tempatnya.

الَّذِيْ أَدْرَكْتُ عَلَيْهِ النَّاسَ وَأَهْلَ الْعِلْمِ بِبَلَدِنَا

Yang saya dapati ia diamalkan oleh orang ramai dan ulama di negeri kami:

Lafaz ini adalah istilah al-Imam Malik bin Anas dalam kitab *al-Muwatta'*. Beliau menggunakannya ketika sesuatu masalah itu tiada *Ijma' Kulli* bagi penduduk Madinah, tetapi yang ada hanyalah pandangan kebanyakan orang di sana. Keadaan ini menyebabkan martabatnya rendah sedikit daripada martabat *Ijma' Kulli* yang tidak pun diketahui ada orang yang menentangnya. (*'Amal Ahl al-Madinah* oleh Dr. Ahmad Muhammad Nur: hlm. 296).

Dia lebih hampir kepada *daif*: لِلضَّعْفِ مَا هُوَ

Lafaz ini bermaksud: perawi yang tidak jauh daripada sifat *daif*. Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Keseluruhan ulama meletakkannya pada martabat yang terakhir *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis untuk dijadikan dalil penyokong.

Perkara-perkara halus berkaitan isnad: لَطَائِفُ الإِسْنَادِ

Lafaz ini bermaksud: Ilmu-ilmu isnad, dan di bawahnya terdapat beberapa bahagian berikut:

1. الإسناد العالي والنازل
2. الْمُسَلْسَل
3. روايةُ الأكابر عن الأصاغر
4. روايةُ الآباء عن الأبناء
5. رواية الأبناء عن الآباء
6. الْمُدَبَّجُ
7. روايةُ الأقران
8. السَّابِق واللَّاحِق

Lihat setiap pengertian pada tempat nya.

Secara Lafaz: لَفْظاً

Lafaz ini bermaksud: Sesuatu hadis itu ialah dengan lafaz asalnya, dan bukan dengan maknanya sahaja.

Lafaz tersebut kepunyaan si polan: اللَّفْظُ لِفُلَانٍ

Ungkapan ini disebut jika sesuatu hadis di sisi seorang perawi itu daripada dua orang syeikh atau lebih, yang mereka semua bertepatan sama pada makna hadis tersebut dan tidak pada lafaznya. Lalu perawi tersebut menggabungkan kesemua mereka ke dalam satu isnad dengan menamakan setiap syeikhnya. Kemudian beliau membawa hadis berkenaan dengan lafaz riwayat salah seorang daripada mereka sahaja dan berkata: أخبرنا فلانٌ وفلانٌ واللفظُ لفلانٍ، أو هذا لفظُ فلانٍ.

Lafaz tersebut kepunyaannya: اللَّفْظُ لَهُ

Lihat: اللَّفظ لفلانٍ.

Pertemuan: اللِّقَاءُ

Bermaksud: Pertemuan atau perjumpaan perawi dengan syeikhnya.

Gelaran: اللَّقَبُ

Dari sudut bahasa: kalimah اللَّقَبُ jamaknya ialah ألقابُ. Iaitu sesuatu yang dinamakan dengannya kepada seseorang selain namanya yang asal dengan suatu lafaz yang menunjukkan kepada pujian atau kejian kerana sesuatu makna yang ada padanya.

Dari sudut istilah: ialah suatu sifat atau gambaran yang menunjukkan kepada kemuliaan atau kerendahan seseorang. Lafaz ini diungkapkan kepada perawi untuk memperkenalkannya dan bukannya sebagai nama asal. (*Fath al-Mughith:* 3/195).

Faedahnya:
Lafaz ini ialah suatu bahagian yang penting kerana terdapat dalam kalangan para perawi hadis sekumpulan orang yang hanya dikenali dengan gelaran mereka. Barangsiapa yang tidak mengetahuinya akan menyangka bahawa lafaz tersebut merupakan nama-nama bagi para perawi tersebut. Kemungkinan juga berlaku sangkaan dua orang berbeza bagi seseorang perawi yang disebut dengan namanya pada suatu isnad dan dengan gelarannya pula pada isnad yang lain sepertimana yang berlaku pada ramai orang yang menulis riwayat hadis. (*Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith:* hlm. 170).

Contoh gelaran *muhaddithin*:
Berikut adalah contoh-contoh gelaran *muhaddithin*:

1. الضَّالّ Gelaran yang diberikan kepada Mu'awiyah bin 'Abd al-Karim kerana beliau pernah sesat sekali semasa perjalanan ke Mekah.
2. الضعيف Gelaran yang diberikan kepada 'Abd Allah bin Muhammad kerana beliau lemah tubuh badannya dan bukan pada hadisnya.
3. عارِم yang bermaksud: orang yang jahat lagi perosak. Gelaran ini diberikan kepada Abu al-Nu'aim Muhammad bin al-Fadl al-Sadusi, namun beliau adalah seorang hamba Allah yang soleh, jauh daripada kejahatan dan kerosakan.
4. غُنْجار Gelaran yang diberikan kepada 'Isa bin Musa al-Tamimi, Abu Ahmad al-Bukhari kerana kedua-dua pipinya kemerah-merahan.
5. صاعِقَةٌ Gelaran bagi Muhammad bin 'Abd al-Rahman yang merupakan guru kepada al-Bukhari disebabkan kekuatan hafalannya dan kemahirannya bermuzakarah.
6. بُنْدَار Gelaran bagi Muhammad bin Basyyar dan beberapa *muhaddithin* lain, dan maksudnya ialah seseorang yang banyak meriwayatkan hadis.
7. جَزَرَة Gelaran bagi Salih bin Muhammad al-Hafiz al-Baghdadi, dan sebab ia diberikan gelaran tersebut kepadanya ialah berdasarkan kepada sebuah kisah yang beliau telah mendengar sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Abd Allah bin Busr *r.a.* bahawa beliau telah merawat dengan خرزة (biji manik, dengan huruf kha', ra' dan zai), tetapi Salih bin Muhammad telah menukarkan perkataan tersebut kepada جَزَرَة (lobak, dengan huruf jim, zai dan ra'). Maka akhirnya beliau pun digelar dengan perkataan itu. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 338-339)
8. مُشْكُدَانَة Gelaran bagi 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad bin Abban. Perkataan tersebut adalah perkataan Parsi yang bermaksud: Bekas minyak wangi.

Pelbagai lagi gelaran-gelaran yang tidak dapat dikupas keseluruhannya di sini. Bagi perincian, sila lihat kitab kami: *'Ilm al-Rijal, Ta'rifuhu Wa Kutubuhu'*.

Karya-karya yang masyhur dalam topik ini ialah:

1. كشف النقاب عن الأسماء والألقاب oleh al-Imam Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman yang dikenali dengan nama Ibn al-Jawzi (w 597H).
2. ذات النِّقاب في الألقاب oleh al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syams al-Din al-Zahabi (w 748H).
3. نزهة الألباب في الألقاب oleh al-Hafiz ibn Hajar al-'Asqalani (w 852H).
4. رسالة في معرفة حَمَلة الكُنَى والأسماء والألقاب oleh al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar al-Suyuti (w 911H).
5. الْمُغني في ضبط أسماء الرجال ومعرفة الرواة وألقابهم وأنسابهم oleh Syeikh Muhammad Tahir bin 'Ali al-Muttaqi al-Hindi (w 968H).
6. فتح الوَهَّاب فيمن اشتهر من المحدِّثين بالألقاب oleh Syeikh Hammad bin Muhammad al-Ansari (w 1417H).

Terdapat bermacam-macam penulisan dalam bab ini.

Tidak sabit ke*adil*annya: لَمْ تَثْبُتْ عَدَالَتُهُ

Lafaz ini bermaksud: Tiada seorang pun dalam kalangan *muhaddithin* yang mengatakan bahawa perawi tersebut adalah *thiqah*. Lafaz ini merupakan istilah khas bagi al-Imam Abu al-Hasan bin al-Qattan al-Fasi, dan beliau tidak bermaksud mengatakan bahawa perawi tersebut sebagai *majhul*, ataupun seorang yang tidak *thiqah*.

Al-Hafiz al-Zahabi berkata dalam kitab *Mizan al-I'tidal* (3/3) ketika menerangkan tentang biografi Malik al-Misri: Kata ibn al-Qattan: Dia adalah antara perawi yang tidak sabit ke*adil*annya. Maksud Ibn al-Qattan ialah tiada seorang pun menyatakan bahawa dia seorang perawi yang *thiqah*. Dalam kalangan para perawi kitab *al-Sahihaian* juga terdapat ramai antara mereka yang tidak kami ketahui seorang ulama pun yang menghukumkan mereka sebagai *thiqah*. Mengikut pandangan jumhur *muhaddithin*, mana-mana syeikh yang telah diriwayatkan daripadanya oleh sekumpulan perawi lain dan tiada pula meriwayatkan sebarang perkara yang diingkari, maka hadisnya adalah sahih.

Si polan tidak meriwayatkan daripadanya: لم يُحَدِّثْ عَنْهُ فُلَانٌ

Ungkapan ini adalah ungkapan *al-jarh* yang samar. Kadangkala ia serupa dengan ungkapan: تَرَكَه فلانٌ, maka makna kedua-duanya menjadi sama.

Menurut al-Imam Ahmad bin Hanbal berkaitan dengan Abu al-Zubair Muhammad bin Muslim: Sekumpulan perawi telah meriwayatkan daripadanya dan mereka telah menjadikan hadisnya sebagai dalil penyokong, juga meriwayatkan daripadanya oleh Ayyub dan lain-lain, akan tetapi Syu'bah tidak meriwayatkan daripadanya. (*al-'Ilal Wa Ma'rifah al-Rijal, Riwayat al-Marwazi* dan selainnya, nas: 67).

Al-Imam Malik pula tidak meriwayatkan daripada sekumpulan para perawi dalam kalangan ahli Madinah. 'Ali bin al-Madini pernah berkata:

Setiap perawi ahli Madinah yang Imam malik tidak meriwayatkan daripada mereka , maka pada hadis mereka itu terdapat sesuatu (kecacatan). Saya tidak mengetahui Malik ada meninggalkan riwayat seseorang, kecuali orang yang pada hadisnya terdapat sesuatu kecacatan. (Lihat: *Al-Kamil* oleh ibn 'Adi: 1/177).

Tidak meriwayatkan daripadanya kecuali si polan: لَمْ يَرْوِ عَنْهُ غَيْرُ فُلَانٍ

Lafaz ini bermaksud: Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini ialah seorang yang *Majhul al-'Ain* (tidak diketahui kedudukan sebenar dirinya). Lihat pengertiannya dalam huruf Mim.

Tidak sahih: لَمْ يَصِحَّ

Lihat: لا يَصِحُّ حديثُه.

Tidak sahih hadisnya: لَمْ يَصِحَّ حَدِيْثُهُ

Lihat: لا يَصِحُّ حديثُه.

Dia tidak di*daif*kan oleh seorang pun: لَمْ يُضَعِّفْهُ أَحَدٌ

Ungkapan ini adalah suatu ungkapan yang berada di tengah-tengah antara *al-Ta'dil* dan *al-jarh* terhadap perawi tersebut. Ungkapan ini tidak menunjukkan bahawa perawi itu adalah *thiqah*, ataupun ada seseorang yang men*thiqah*kannya. Akan tetapi ungkapan ini hanya menunjukkan bahawa perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak terdapat padanya sebarang *tad'if* (hukum sebagai *daif*) daripada sesiapapun.

Maka, boleh jadi perawi tersebut adalah dalam keadaan *Majhul al-Hal* (tidak diketahui hal keadaannya), kerana tidak terdapat sebarang *tawthiq* (hukum sebagai *thiqah*) mahupun *tad'if* (hukum sebagai *daif*). Dengan itu dapatlah diketahui bahawa ungkapan ini bukanlah daripada ungkapan-ungkapan *tawthiq*. Wallahuaklam. (Lihat: *Mu'jam Mustalahat 'Ulum al-Hadith*oleh al-Khumaysi. hlm. 185).

Tidak wujud: لَمْ يُوْجَدْ

Lihat: لا أَصْلَ لَهُ .

Tidak wujud asalnya: لَمْ يُوْجَدْ لَهُ أَصْلٌ

Lihat: لا أَصْلَ لَهُ.

لَنَا مَا رَوَى لاَ مَا رَأَى

Bagi kami apa yang dia riwayatkan, bukannya apa yang dia lihat:

Lafaz ini adalah perkataan yang masyhur dalam kalangan *muhaddithin*. Mereka mengungkapkannya jika seseorang perawi atau *muhaddith* meriwayatkan sesuatu hadis, tetapi amalannya bertentangan dengan hadis yang diriwayatkan itu. Amalannya yang bertentangan dengan hadis itu tidak akan mencacatkan kesahihan hadis tersebut. Hal ini kerana berkemungkinan beliau melakukannya dengan sebab-sebab tertentu, seperti mansuh, atau terdapat yang lebih rajih di sisinya.

Ibn al-Turkamani berkata: Yang diambil kira di sisi *muhaddithin* adalah berdasarkan riwayat perawi dan bukan pandangannya. (Lihat: *al-Jawhar al-Naqiy Fi al-Rad 'Ala al-Bayhaqi*: 1/461).

Dia memiliki beberapa hadis yang baik: لَهُ أَحَادِيْثُ صَالِحَةٌ

Lafaz ini adalah suatu gambaran yang diberikan kepada sebahagian hadis seseorang perawi, dan berkemungkinan selain daripada hadis-hadis yang dinyatakan itu adalah *munkar* dan *daif*. Maka kesemua hadis yang diriwayatkannya adalah yang tidak disokong oleh riwayat perawi lain, kecuali hadis-hadis yang turut disepakati oleh para perawi *thiqah*.

Dia memiliki riwayat-riwayat ajaib: لَهُ أَوَابِدُ

Lafaz ini bermaksud: seorang perawi yang memiliki hadis-hadis yang *munkar*, ditolak dan direkacipta.

Lihat الأَوَابِدَ dalam huruf Alif.

Dia memiliki riwayat-riwayat bala: لَهُ بَلَايَا

Lihat البَلَايَا dalam huruf Ba'.

Dia sempat melihat (Rasulullah *s.a.w.*): لَهُ رُؤْيَةٌ

Ungkapan ini diberikan kepada satu golongan para Sahabat *r.a.* yang ketika Rasulullah *s.a.w* wafat, mereka masih lagi tidak sampai umur mumayyiz dan hanya sempat memandang atau melihat baginda *s.a.w.*

Dia memiliki riwayat-riwayat musibah: لَهُ طَامَّاتٌ

Lihat طَامَّات dalam huruf To'.

Dia memiliki riwayat-riwayat musibah dan ajaib: لَهُ طَامَّاتٌ وَأَوَابِدُ

Lihat الطَّامَّات dalam huruf To' dan الأَوَابِد dalam huruf Alif.

Dia memiliki hadis-hadis pelik : لَهُ غَرَائِبُ

Ungkapan ini merupakan ungkapan yang sama makna dengan kata-kata *muhaddithin*: له مَنَاكِير (dia memiliki hadis-hadis *munkar*). Ungkapan ini adalah daripada lafaz *al-jarh* yang disebut oleh al-Sakhawi pada martabat yang kelima dalam tingkatan*al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong.

Dia memiliki sesuatu yang diingkari: لَهُ مَا يُنْكَرُ

Lafaz ini bermaksud seorang perawi yang meriwayatkan hadis-hadis yang hanya dia bersendirian seorang sahaja meriwayatkannya, atau dia menyalahi riwayat perawi-perawi lain dalam kalangan para perawi *thiqah*. Lafaz ini ialah lafaz *al-jarh* yang disebutkan oleh al-Sakhawi pada martabat yang kelima *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan

Dia mempunyai *mutaba'at* (sokongan perawi lain): لَهُ مُتَابِعَاتٌ

Iaitu bagi sesuatu hadis yang diriwayatkan terdapat beberapa hadis lain yang mempunyai makna yang sama, para perawinya bermuafakat dengan perawi hadis tadi. Maka mereka turut meriwayatkan daripada syeikhnya, atau daripada orang yang lebih atas lagi.
Lihat المُتابع.

Dia memiliki hadis-hadis *munkar*: لَهُ مَنَاكِيرُ

Lafaz ini bermaksud seorang perawi yang meriwayatkan hadis-hadis yang hanya dia bersendirian seorang sahaja meriwayatkannya, atau dia menyalahi riwayat perawi-perawi lain dalam kalangan para perawi *thiqah*. Lafaz ini adalah lafaz *al-jarh* yang disebutkan oleh al-Sakhawi pada tahap yang kelima dari martabat-martabat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong sahaja.

Bukan seorang yang *thiqah:* لَيْسَ بِالثِّقَةِ

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz, al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang ketiga dalam tingkatan *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-'Iraqi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang kedua di sisi mereka.

Hukumnya:
Perawi yang digambarkan dengan sifat ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah ataupun dalil penyokong.

Bukan seorang yang hafiz: لَيْسَ بِالْحَافِظِ

Ia bermaksud bahawa seseorang perawi itu agak lemah hafalannya, dan hadis yang diriwayatkan melalui kitabnya adalah lebih sahih daripada hadis yang diriwayatkan melalui hafalannya. Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Semua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir dalam tingkatan *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang kuat: لَيْسَ بِالْقَوِيِّ

Ia bermaksud: Seorang perawi yang tidak teliti atau kemas dengan apa yang dihafalnya, dan ini menyebabkan ia terkeluar dari martabat *thiqah.*

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong sahaja.

Perhatian:
Jika al-Nasa'i menyebutkan lafaz ini pada seseorang perawi, maka ia tidaklah bermaksud *al-jarh* kepadanya.Hal Ini kerana beliau telah menggunakan lafaz tersebut kepada beberapa orang perawi, namun beliau meriwayatkan juga hadis mereka dalam kitab Sunannya. (Lihat: *Al-Muqizah*: hlm. 82).

Bukan seorang yang kukuh: لَيْسَ بِالْمَتِينِ

Maksud *al-matin* ialah seorang perawi yang teliti, kukuh, teguh dan kemas dengan apa yang dihafal serta dijaganya. Maka ungkapan di atas ini adalah suatu *jarh* dan menghukum terhadap seseorang perawi sebagai lemah. Ia adalah antara ungkapan-ungkapan *al-jarh* yang paling ringan. Kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir dalam tingkatan *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang diredai: لَيْسَ بِالْمَرْضِيِّ

Ungkapan ini diberikan kepada seorang perawi yang tidak diredhai kredibilitinya dan tidak boleh dijadikan sebagai pegangan dalam periwayatan hadis.
Ia adalah daripada lafaz *al-jarh* yang paling ringan. Kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir dalam tingkatan *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis untuk dijadikan dalil penyokong.

Tidaklah jauh daripada kebenaran: لَيْسَ بِبَعِيدٍ مِنَ الصَّوَابِ

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Sakhawi menyebutkannya pada tahap yang keenam *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang *thiqah*: لَيْسَ بِالثِّقَةِ

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang ketiga daripada lafaz *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang kedua di sisi mereka.

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah dan juga tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang *thiqah* dan dipercayai: لَيْسَ بِثِقَةٍ وَلَا مَأْمُوْنٍ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang ketiga daripada lafaz *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang kedua di sisi mereka.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini, hadisnya tidak boleh dijadikan hujah dan juga tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Bukan menjadi hujah: لَيْسَ بِحُجَّةٍ

Ia bermaksud: perawi tersebut bukan seorang yang boleh dijadikan pegangan dalam periwayatan hadis.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukanlah sedemikian: لَيْسَ بِذَاكَ

Ia bermaksud: Seorang perawi yang agak lemah dan longgar (tidak teliti) dengan apa yang diriwayatkannya. Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*, dan disebut oleh kesemua ulama hadis pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukanlah sedemikian kuat: لَيْسَ بِذَاكَ الْقَوِيِّ

Ia bermaksud: seorang perawi yang tidak teliti dan kemas terhadap apa yang dihafalnya.

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh,* dan disebut oleh kesemua ulama hadis pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukanlah sedemikan kukuh: لَيْسَ بِذَاكَ الْمَتِيْنِ

Ia bermaksud: Seorang perawi yang tidak kuat dari sudut hafalannya.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*, dan disebut oleh kesemua ulama hadis pada tahap yang terakhir dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Tiada suatu apa pun: لَيْسَ بِشَيْءٍ

Ia bermaksud: Seseorang yang bukan dalam kalangan ahli periwayatan hadis hingga dapat dihukumkannya dengan suatu dalil penyokong. Atau hadis perawi tersebut tiada suatu pun yang dapat dijadikan hujah atau diambil dalil penyokong dengannya.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*, dan disebut oleh al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi pula meletakkannya pada tahap yang keempat di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Faedah:

Adapun maksud Imam Yahya bin Ma'in dengan kata-katanya: ليس بشيء pada seseorang perawi itu ialah men*daif*kan perawi tersebut dan menggugurkannya, dan bukannya bermaksud sedikit bilangan hadis-hadisnya. (Lihat: *Al-Raf'u wa al-Takmil*: hlm. 213 dan 221).

Bukan pegangan: لَيْسَ بِعُمْدَةٍ

Maksud *al-'umdah* ialah seseorang yang boleh dipegang dan dipercayai perkataan dan perbuatannya. Adapun ungkapan di atas ini bermakna bahawa perawi yang disifatkan demikian bukanlah seorang yang *thiqah*. Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang kuat: لَيْسَ بِقَوِيٍّ

Lihat: لَيْسَ بِالْقَوِيِّ.

Bukan seorang yang dipercayai: لَيْسَ بِمَأْمُوْنٍ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Disebut oleh keseluruhan ulama hadis pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Bukan seorang yang diredhai kerana *daif*nya: لَيْسَ بِمَرْضِيٍّ لِلضَّعْفِ

Lihat: لَيْسَ بِالْمَرْضِيِّ.

Bukan seorang yang betul hadisnya: لَيْسَ بِمُسْتَقِيْمِ الْحَدِيْثِ

Ungkapan ini bermaksud bahawa hadis-hadis perawi tersebut adalah *munkar* dan tidak diketahui. Ia diletakkan pada kedudukan: مُنْكَرَ الحديث .

Kata Ibn 'Adi dalam biografi Sulayman bin al-Fadl al-Zaydi: ليس بمستقيم الحديث, kemudian beliau berkata pada akhir biografi tersebut: Sulayman bin Fadl ini, saya telah melihat dia memiliki bukan hanya satu hadis *munkar*. (Lihat: *al-Kamil*, 3/1139).

Bukan seorang yang betul lidahnya: لَيْسَ بِمُسْتَقِيمِ اللِّسَانِ

Ia adalah ungkapan kiasan yang menunjukkan penipuan atau pendustaan. Al-Imam Muslim meriwayatkan daripada Ayyub al-Sakhtiyani al-Basri – murid ibn Sirin – bahawa beliau pernah menyebut seorang lelaki pada suatu hari, lalu berkata: لم يكن بمستقيم اللسان, dan maksud beliau dengan ungkapan tersebut ialah bahawa orang lelaki itu berdusta. (Lihat: *Muqaddimah Sahih Muslim*, 1/104).

Tiada masalah dengannya: لَيْسَ بِهِ بَأْسٌ

Lihat: لا بَأْسَ به.

Ia bukan yang diamalkan: لَيْسَ عَلَيْهِ الْعَمَلُ

Ia adalah istilah al-Imam Malik dalam kitabnya *al-Muwatta'*. Beliau menggunakannya untuk menafikan amalan berkaitan sesuatu masalah ataupun hadis yang dinyatakan, walaupun di sana terdapat sekumpulan para sahabat dan tabiin yang berpandangan boleh beramal dengannya, tetapi majoriti mereka tidak pun berpandangan demikian.

Istilah ini juga mempunyai persamaan dengan istilah-istilah berikut si sisi al-Imam Malik, antaranya:

1. ليس لهذا حَدٌّ معروفٌ
2. ليس ذلك بمعمولٍ به ببلدنا

Beliau turut menambah pandangannya sendiri dengan berkata seperti:

1. ليس عليه العَمَلُ ولا أرى أن يُعْمَل به
2. ليس عليه العَمَلُ، وأَحَبُّ إلينا كذا
3. ليس العَمَلُ عندي

لَيْسَ فِي هذا الْبَابِ شَيْءٌ أَصَحُّ مِنْ هذا

Tiada dalam bab ini sesuatu yang lebih sahih dari ini:

Istilah ini banyak didapati dalam kitab *Jami' al-Tirmizi*, *Tarikh al-Bukhari* dan kitab-kitab yang lain. Ia juga seumpama kata-kata: (أَصَحُّ شيءٍ في الباب كذا), atau (أَحْسَنُ شيءٍ كذا), atau (حديثُ فلانٍ أَصَحُّ من حديثِ فلانٍ أو أحسن).

Maksud istilah-istilah ini ialah: menerangkan perbandingan mana yang lebih utama dan menjelaskan mana yang lebih *rajih* (terkuat) antara riwayat-riwayat hadis, tanpa perlu melihat kepada kesabitan sifat sahih ataupun hasan padanya. Maka ia bukanlah suatu hukum bagi hadis-hadis tersebut sebagai bersifat sahih ataupun hasan sepertimana yang difahami zahirnya.

Barangkali orang yang tiada mempunyai pengetahuan mendalam mengenainya menyangka bahawa itulah yang dimaksudkan, padahal yang sebenarnya bukanlah begitu. Kata al-Imam al-Nawawi: Tidak semestinya dari ungkapan ini bermaksud bahawa hadis tersebut adalah sahih. Para ulama hadis biasa menyebut: هذا أَصَحُّ ما جاء في الباب, walaupun hadis berkenaan *daif*, dengan maksud ia adalah hadis yang paling *rajih* (terkuat) dalam bab tersebut, atau yang paling ringan *daif*nya. (Lihat: *al-Azkar* oleh al-Nawawi, hlm. dan *Tadrib al-Rawi*: 1/39).

Tiada asal baginya: لَيْسَ لَهُ أَصْلٌ

Ia bermaksud: Hadis yang tidak memiliki isnad. Lihat: لا أَصْلَ له.

Dia bukanlah seperti si polan: لَيْسَ بِمِثْلِ فُلَانٍ

Ia adalah ungkapan menerangkan perbandingan di antara dua orang perawi. Seperti ungkapan al-Imam Ahmad terhadap 'Abd Allah bin 'Umar al-'Umari: "Dia bukanlah seperti saudaranya", yang bermaksud bahawa 'Abd Allah bin 'Umar tidaklah seperti saudaranya 'Ubaidullah bin 'Umar al-'Umari yang mempunyai kelebihan dari sudut hafalan, ketelitian dan sebagainya. Lafaz ini bukanlah suatu *al-jarh* yang menyebabkan mesti memasukkannya dalam golongan perawi *daif*.

Dia bukanlah dalam kalangan ahli hafal: لَيْسَ مِنْ أَهْلِ الْحِفْظِ

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Mereka tidak memujinya: لَيْسَ يَحْمَدُونَهُ

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh*, dan kesemua ulama hadis meletakkannya pada tahap yang terakhir daripada martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Lembut, Lemah: لَيِّنٌ

Dari sudut bahasa اللَّيِّنُ adalah kata sifat daripada perkataan اللّين yang merupakan kata lawan bagi kalimah الخشونة (kasar) dan الصَّلابة (keras).

Dari sudut istilah: ialah satu sifat yang diberikan kepada perawi jika dia bersifat buruk hafalan, banyak kesilapan dan kesalahan, ataupun lalai, di samping kekal sifat benarnya secara umum. Walau bagaimanapun kelemahan-kelemahan ini tidak sampai kepada tahap yang teruk hingga menyebabkan dia mesti ditinggalkan (tidak diterima riwayat daripadanya).

Inilah yang dimaksudkan oleh al-Imam al-Daraqutni apabila beliau melafazkannya kepada seseorang perawi, sepertimana yang dinukilkan oleh al-Khatib al-Baghdadi bahawa 'Ali bin Nasr al-Dinawari memberitahunya dan berkata: Saya mendengar Hamzah bin Yusuf al-Sahmi berkata: Saya bertanya Abu al-Hasan al-Daraqutni dengan berkata kepadanya: Jika kamu mengatakan فلانٌ لَيِّنٌ, apakah yang kamu maksudkan? Beliau menjawab: Maksudnya perawi tersebut bukanlah seorang yang gugur dan ditinggalkan hadisnya, tetapi dia di*daif*kan kerana sesuatu (kecacatan atau kekurangan) yang tidak pun menghilangkan sifat *adil*nya. (Lihat: *Al-Kifayah*: hlm. 23).

Lemah hadisnya: لَيِّنُ الْحَدِيثِ

Ia bermaksud seorang perawi yang disifatkan dengan buruk hafalan, banyak kesilapan dan kesalahan, ataupun lalai dalam periwayatan hadis.

Ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Zahabi meletakkannya pada tahap yang kelima *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keenam.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis untuk dijadikan dalil penyokong sahaja.

Faedah:

Al-Hafiz ibn Hajar meletakkan lafaz ini pada tahap yang keenam, dan maksudnya di sisi beliau ialah: Seseorang yang tidak meriwayatkan hadis kecuali sedikit sahaja dan tidak sabit padanya sesuatu yang boleh menyebabkan hadisnya ditinggalkan. Perawi seperti ini diisyaratkan dengan lafaz: "Ia *maqbul* (diterima) jika terdapat sokongan perawi lain, jika tidak maka dia adalah seorang yang *layyin al-Hadith*(lemah hadisnya)".

Ia merupakan istilah khas bagi ibn Hajar dalam kitab *al-Taqrib* sahaja. Sedikitnya hadis seseorang perawi bukanlah penyebab kepada ke*daif*an perawi tersebut di sisi ulama, terutamanya jika tidak terbukti padanya sesuatu yang boleh menyebabkan hadisnya ditolak. Bahkan berkemungkinan wujud padanya hukum *thiqah* yang muktabar. Oleh itu, kita dapati terdapat dalam kalangan ulama hadis yang mensahihkan atau menghasankan hadisnya. Antara mereka ialah: Al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, ibn Khuzaimah, ibn Hibban, al-Hakim, al-Zahabi dan ibn Hajar. Malah al-Bukhari dan Muslim juga menjadikan sebilangan daripada mereka itu sebagai hujah dalam kitab Sahih mereka. Maka, martabat keenam ini (perawi *maqbul* atau *layyin al-Hadith*yang sedikit riwayat hadisnya menurut ibn Hajar) adalah daripada martabat-martabat *al-Ta'dil*, dan bukannya daripada martabat-martabat *al-Jarh*. (Lihat: *Takhrij al-Hadith*oleh al-Khair Abadi: hlm. 214).

Terlalu lemah: كَثِيرُ

Ia bermaksud: Perawi yang amat lemah dan *daif*.

Ia adalah daripada lafaz *al-Jarh/al-Tad'if* (hukum sebagai *daif*) yang jarang digunakan. Al-Hafiz al-Zahabi menyebut dalam biografi Abu Harun 'Ammarah bin Juwain yang merupakan seorang tabiin: (Beliau) terlalu lemah, dan telah didustakan oleh Hammad bin Zaid. (*Mizan al-I'tidal*:1L85.)



حرف الْمِيم

HURUF MIM

Mim: م

Simbol yang menunjukkan bahawa al-Imam Muslim mengeluarkan hadis tersebut dalam kitabnya *Sahih Muslim.*

Mim-Alif: ما

Simbol yang menunjukkan bahawa al-Imam Malik mengeluarkan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Muwatta'.*

Alangkah baiknya hadis itu: ما أَحْوَدَهُ مِنْ حَدِيثٍ

Ia membawa erti: "Alangkah sahihnya hadis itu". Ungkapan ini banyak digunakan oleh al-Imam Ahmad dengan makna tersebut. (Sila lihat *Tadrib al-Rawi:* 1/178).

Tidak saya ketahui ada masalah dengannya: مَا أَعْلَمُ بِهِ بَأْساً

Ini adalah antara lafaz *al-Ta'dil* yang terendah. Ianya sama maksud dan martabat dengan lafaz (أرجو أنه لابأسَ به). Imam Ibnu al-Salah meletakkannya pada kedudukan yang ketiga daripada peringkat-peringkat *al-Ta'dil.* Al-'Iraqi pula meletakkannya pada kedudukan yang keempat. Manakala al-Suyuti dan al-Sakhawi pula meletakkan istilah ini pada kedudukan yang keenam di sisi mereka.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Alangkah dekatnya hadisnya: ما أَقْرَبَ حَدِيثَهُ

Ia adalah antara lafaz *al-Ta'dil* yang terendah, yang membawa maksud: "Alangkah dekat hadisnya dengan hadis mereka yang *thiqah*". Iaitu hadis perawi ini tidak jauh kedudukannya dengan hadis perawi yang *thiqah.* Maka ia adalah seumpama kata-kata ahli hadis: (مقاربُ الحديث). (Sila lihat *Fathu al-Mughith:* 1/340).

Al-Hafiz al-Sakhawi telah meletakkan lafaz ini pada kedudukan yang keenam daripada peringkat-peringkat *al-Ta'dil* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Saya tidak pernah melihat orang yang lebih dusta daripadanya: مَا رَأَيْتُ أَكْذَبَ مِنْهُ

Ini adalah seburuk-buruk lafaz *al-Jarh.*

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan lafaz sebegini dihukum sebagai perawi yang gugur hadisnya, tidak boleh ditulis dan tidak boleh dijadikan sebagai dalil penyokong.

Tidak saya ketahui padanya ada kecacatan: مَا عَلِمْتُ فِيْهِ جَرْحاً

Ini adalah sebahagian daripada lafaz *al-Ta'dil*. Lafaz ini digunakan oleh al-Sakhawi dan Zakariyya al-Ansari. Manakala al-Imam al-Zahabi pula menjadikan lafaz ini sebagai sama kedudukannya dengan lafaz-lafaz seperti: (روى الناسُ عنه), (شيخٌ), (صُوَيْلِحٌ), (مُقارَب الحديث) dan (يُكْتَب حديثُه). (Sila lihat *Fath al-Mughith:* 1/340, dan *Fath al-Baqi:* 2/5).

Hukumnya:
Perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Seorang yang menyimpang: مَائِلٌ

Dari segi bahasa: perkataan (مائِل) ialah nama pelaku bagi perkataan (المَيْل) yang membawa maksud cenderung, condong.

Dari segi istilah: ianya membawa maksud orang yang menyimpang daripada kebenaran. Sekiranya ahli hadis menggunakan istilah (مائِل) atau (زائغ) terhadap seseorang perawi, maka ianya merupakan satu *al-jarh* yang berat terhadapnya dari sudut akidah. Kebiasaannya, istilah ini menggambarkan orang yang melampau dalam mengikut fahaman Syiah.

Ratusan: اَلْمِئَاتُ

Dari segi bahasa: perkataan (المئات) adalah kata jamak bagi perkataan (مئة) iaitu ratus iaitu satu bilangan asal selepas angka 99.

Manakala dari segi istilah pula: ialah kitab-kitab yang dihimpunkan dalamnya seratus buah hadis atau lebih oleh para pengarangnya. Antaranya seperti:

1- *Al-Ahadis al-Mi'ah*: Karangan ibn Abi Syuraih, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Ahmad al-Ansari (w. 392H).
2- *Al-Mi'atan al-Muntaqah*: Karangan Abu Uthman Isma'il bin 'Abd al-Rahman as-Sabuni an-Naisaburi (w. 449H).
3- *Al-Mi'ah Hadis*: Karangan Abu Isma'il, Muhammad bin 'Abd Allah al-Ansari (w. 481H).

Seorang yang dipercayai: مَأْمُوْنٌ

Iaitu seorang perawi yang disifatkan sebagai amanah pada agamanya dan periwayatannya dalam hadis.

Ini adalah antara lafaz *al-Ta'dil* yang terendah. Al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang ketiga dari peringkat-peringkat *al-Ta'dil*. Al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang keempat. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang kelima.

Hukumnya:
Mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis hadis mereka dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Orang yang baharu pada peringkat permulaan: الْمُبْتَدِىءُ

Ini adalah antara gelaran pada peringkat-peringkat pembacaan atau pembelajaran hadis. Al-Hafiz Zakariyya al-Ansari berkata: Ia adalah orang yang baharu memperolehi sedikit daripada ilmu hadis atau juga ilmu-ilmu yang selain daripadanya. (Sila lihat *Fathu Al-Baqi:* 1/8).

Yang melakukan bidaah: الْمُبْتَدِعُ

Dari segi bahasa: perkataan (المتبدع) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الابتداع), yang membawa maksud perekacipta.

Dari segi istilah pula: ialah orang yang menyalahi akidah *Ahlus Sunnah wal Jamaah.*

Hukumnya:
Mereka yang digelar dengan gelaran ini boleh diterima riwayat mereka dengan syarat mereka terdiri daripada golongan yang *thiqah* dan riwayat mereka pula tidak ada kaitan dengan bidaah yang mereka percayai atau lakukan.
Sila lihat perkataan (رواية المبتدعة) pada huruf Ra'.

Orang yang samar: الْمُبْهَمُ

Dari segi bahasa: perkataan (المُبهَم) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (الإبهام) yang membawa maksud: yang tersembunyi, yang tidak jelas atau samar.
Dari segi istilah pula: ianya membawa maksud suatu nama yang disebutkan dalam sanad ataupun matan tanpa diterangkan secara jelas tentang sahsiahnya, seperti perawi berkata: "Daripada seorang lelaki", atau "daripada seorang lelaki yang tidak saya ragui", atau "telah dikhabarkan kepada saya oleh seorang yang *thiqah*" dan sebagainya.

Hukumnya:
Riwayat daripada orang yang samar ini tidak boleh diterima selagi tidak disebutkan namanya. Ini adalah kerana antara syarat-syarat penerimaan hadis ialah mesti diketahui ke*adil*an perawinya. Bagaimana ke*adil*an seorang perawi dapat diketahui sekiranya namanya masih lagi samar dan tidak diketahui?

Jenis-jenis *Ibham* (kesamaran):
Al-Imam ibn al-Salah telah membahagikan jenis-jenis *Ibham* (perawi-perawi yang tidak jelas ini) kepada beberapa bahagian, iaitu:

1- Mereka yang hanya dipanggil dengan gelaran "lelaki" atau "perempuan" sahaja.
2- Mereka yang hanya dipanggil dengan gelaran "anak si polan".
3- Mereka yang hanya dipanggil dengan gelaran "pakcik atau makcik si polan".
4- Mereka yang hanya dipanggil dengan gelaran " suami atau isteri si polan".

Semua jenis panggilan di atas dikategorikan sebagai *Ibham* (samar) kerana tidak disebutkan dengan jelas tentang sahsiah perawi-perawi tersebut.

Kitab-kitab yang Dikarang Berkaitan dengan *Ibham*:

1- *Al-Ghawamid wa al-Mubhamat Fi al-Hadith:* Karangan 'Abd al-Ghani bin Sa'id al-Misri (w. 409H).
2- *Al-Asma' al-Mubhamah fi al-Anba' al-Muhkamah*: Karangan al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit (w. 463H).
3- *Taqyid al-Muhmal wa Tamyiz al-Musykil*: Karangan Abu Ali, al-Husain bin Ahmad bin Muhammad Al-Ghassani al-Jayyani al-Andalusi (w. 498H). Kitab ini berkaitan *Rijal al-Sahihain*.
4- *Idah al-Isykal Fima Ubhima Ismuhu Min an-Nisa' wa al-Rijal*: Karangan ibn Qaisarani, Abu al-Fadhl Muhammad bin Tahir bin Ali bin Ahmad al-Maqdisi al-Syaybani (w. 507H).
5- *Ghawamid al-Asma' al-Mubhamah al-Waqi'ah Fi Mutun al-Ahadis al-Muhkamah*: Karangan ibn Basykuwal, Abu al-Qasim Khalaf bin Abdul Malik Bin Saud al-Khazraji al-Ansari al-Andalusi (w. 578H).
6- *Al-Isyarat ila Bayan Asma' al-Mubhamat (Al-Mubham 'Ala Huruf al-Mu'jam):* Karangan Muhyi al-Din Abu Zakaria, Yahya bin Syaraf an-Nawawi (w. 676H).
7- *Al-Ifsah 'An al-Mu'jam Min al-Ghamid wa al-Mubham (al-Mubhamat):* Karangan Qutb ad-Din Muhammad bin Ahmad bin Ali al-Qastallani (w. 686H).
8- *Al-Ifham Bima Waqaa Fi al-Bukhari Min al-Ibham*: Karangan Jalaluddin al-Qadi Abu al-Fadl 'Abd al-Rahman bin Sirajuddin Abu Hafs Umar al-Bulqini (w. 824H).
9- *Al-Mustafad Min Mubhamat al-Matan wa al-Isnad*: Karangan Abu Zur'ah Waliyuddin al-'Iraqi (w. 826H). Ia adalah antara kitab yang terbaik dalam membicarakan masalah ini.
10- *Al-Ifham lima Waqa'a Fi al-Bukhari Min al-Ibham*: Karangan ibn Hajar al-'Asqalani. (w. 852H).

***Al-Mubhamat* (Mereka yang samar)** الْمُبْهَمَاتُ

Sila lihat pada perkataan (المبهم).

Yang mengikut: الْمُتَابِعُ

Ianya juga disebut dengan (التَّابِعُ).

Dari segi bahasa: perkataan (الْمُتَابِعُ) adalah kata nama pelaku (*Isim Fa'il*) daripada perkataan (المتابعة), yang membawa maksud yang mengikut, menyokong, bersetuju, bersama.

Dari segi istilah ialah: hadis yang para perawinya berkongsi sama dalam meriwayatkannya dengan para perawi sebuah hadis *fard* (tunggal) dari sudut lafaz dan maknanya, ataupun pada maknanya sahaja, di samping mereka semua meriwayatkannya dari sahabat yang sama.

Istilah (المتابع) ini juga digunakan kepada perawi.

***Al-Mutaba'ah* (Sokongan):** **الْمُتَابَعَةُ**

Dari segi bahasa: perkataan (المتابعة) dan kata jamaknya (متابعات) membawa maksud bersetuju, berkongsi sama atau bersepakat.

Dari segi istilah pula ialah: seorang perawi sebuah hadis berkongsi sama dengan seorang perawi yang lain dalam meriwayatkannya, sama ada ia meriwayatkan hadis itu dari guru yang sama ataupun guru yang lebih atas sehinggalah ke akhir sanad. Sekurang-kurang perkongsian riwayat itu ialah pada sahabat yang sama. (Sila lihat *Fath al-Mughith:* 1/229).

Jenis-jenis *al-Mutaba'ah*:

Terdapat dua jenis *al-Mutaba'ah* iaitu; pertama *al-Mutaba'ah at-Tammah* (perkongsian penuh) dan yang keduanya *al-mutaba'ah al-qasirah* (perkongsian kurang penuh).

Jenis Pertama: *Al-Mutaba'ah at-Tammah*

Iaitu terdapat persamaan atau perkongsian riwayat bagi seseorang perawi dari awal sanadnya (iaitu ada seorang atau beberapa orang perawi lain yang meriwayatkannya).

Sebagai contoh:

Syu'bah bin al-Hajjaj meriwayatkan dari Qatadah, daripada Salim bin Abu Al-Ja'd, daripada Ma'dam bin Abu Talhah daripada Abu Darda' daripada Nabi *s.a.w* bersabda: Apakah kalian tidak mampu untuk membaca satu pertiga al-Quran dalam satu malam? Lalu para sahabat bertanya: Bagaimana dibaca satu pertiga al-Quran itu? Lalu baginda pun bersabda: Bacalah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ), sesungguhnya surah itu menyamai satu pertiga al-Quran.

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Aban al-Attar daripada Qatadah dengan sanad yang sama seperti di atas. Dengan ini Aban dianggap sebagai *Mutabi' tam* (berkongsi penuh) bagi Syu'bah bin al-Hajjaj kerana mereka berdua meriwayatkan hadis dari guru yang sama iaitu Qatadah dan dari riwayat sahabat yang sama iaitu Abu al-Darda' *r.a.* (Hadis di atas diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitab Solat al-Musafirin*: No 811).

Jenis Kedua: *Al-Mutaba'ah al-Qasirah*

Iaitu terdapat persamaan atau perkongsian riwayat bagi seseorang perawi di pertengahan sanadnya.

Sebagai contoh:

Al-Imam Malik meriwayatkan daripada Saleh bin Kisan, daripada Urwah bin al-Zubair daripada Aisyah *r.a.*, beliau berkata: "Solat itu pada mulanya difardhukan dua rakaat, dua rakaat sama ada bermukim ataupun bermusafir. Lalu bilangan rakaat solat bagi orang bermusafir ditetap begitu, manakala bilangan rakaat solat bagi orang bermukim pula ditambah."

Hadis yang sama diriwayatkan oleh Sufyan ibnu Uyainah daripada ibn Syihab Az-Zuhri daripada Urwah bin al-Zubair daripada Aisyah *r.a.* Maka dalam sanad ini terdapat perkongsian riwayat antara Malik dan Sufyan ibn Uyainah

di pertengahan sanadnya iaitu pada Urwah (sebagai guru kepada guru-guru mereka) hingga ke atas. Maka kedua-dua mereka saling menjadi *mutabi' qasir* (berkongsi kurang penuh) bagi yang lain. (Hadis di atas diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitab Solat al-Musafirin*: 685).

Al-Mutaba'at: الْمُتَابَعَاتُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُتَابَعَة).

Al-Mutaba'ah At-Tammah: الْمُتَابَعَةُ التَّامَّةُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُتَابَعَة).

Al-Mutaba'ah al-Qasirah: الْمُتَابَعَةُ الْقَاصِرَةُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُتَابَعَة).

Ulama *Muta'akhirun:* الْمُتَأَخِّرُوْنَ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah ulama hadis yang muncul selepas kurun kelima hijriah (selepas 500H).

Hadis *Matruk* (Yang Ditinggalkan): الْمَتْرُوْكُ

Dari segi bahasa: perkataan (المتروك) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (الترك) yang membawa maksud yang ditinggalkan atau yang dibuang.

Dari segi istilah pula: ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang dituduh menipu dan hadis itu tidak diketahui melainkan daripada dirinya sahaja. Hadis itu juga bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sedia maklum atau hadis tersebut diriwayatkan oleh seorang perawi yang dikenali sebagai penipu dalam percakapan hariannya, sekalipun dia tidak pernah menipu dalam perkara yang melibatkan hadis nabawi. (Sila lihat *An-Nuzhah*: 46 dan *Tadrib Al-Rawi*: 1/295).

Sebagai contoh:

Hadis yang diriwayatkan oleh Amru bin Syamir al-Ju'fi al-Kufi al-Syi'i daripada Jabir, daripada Abu at-Tufail, daripada Ali dan Ammar mereka berdua berkata: "Sesungguhnya Nabi *s.a.w* membaca qunut ketika solat fajar (subuh), dan bertakbir pada hari Arafah dari solat subuh, dan men*qasar*kan solat Asar pada hari terakhir hari *tasyriq*".

Al-Imam al-Nasa'i dan al-Daraqutni menyifatkan Amru bin Syamir sebagai (متروكُ الحديث) iaitu hadisnya ditinggalkan. (Sila lihat *Mizan al-I'tidal*: 3/268).

Hukumnya:

Kedudukan hadis *matruk* adalah yang kedua selepas hadis *mawdu'*, dan ia tidak boleh dijadikan hujah secara mutlak.

Seorang perawi *Matruk* (yang ditinggalkan): مَتْرُوْكٌ

Ini adalah antara lafaz *al-jarh* yang paling berat. Ianya disifatkan kepada perawi yang sangat buruk ingatannya, melakukan kesilapan yang teruk dan kebanyakan riwayat hadisnya terdapat keraguan.

Ibnu Abi Hatim dan ibn al-Salah meletakkan sifat ini pada peringkat yang pertama dari martabat-martabat *al-Jarh*. Manakala al-'Iraqi meletakkannya

pada peringkat yang kedua, dan al-Sakhawi pula meletakkannya pada tahap yang ketiga.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini bukan sahaja tidak boleh dijadikan hujah, bahkan tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Yang ditinggal hadisnya: مَتْرُوكُ الْحَدِيثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (متروك).

Yang hampir serupa: الْمُتَشَابِهُ

Dari segi bahasa: perkataan (المتشابه) adalah kata pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (التشابُه) yang membawa maksud: hampir sama,serupa, atau seakan-akan.

Dari segi istilah pula: ialah bersamaan nama atau *kunyah* (nama panggilan) bagi dua orang individu yang kedua-duanya dikenali sebegitu, tetapi terdapat persamaan dan perbezaan sama ada pada nisbah (sandaran) atau nasab keturunan mereka. Sebagai contoh:

1- Musa bin Ali (موسى بن علي) dengan Musa bin 'Ulai (موسى بن عُلَي). Kedua-duanya mempunyai ejaan nama yang sama, tetapi berbeza pada sebutan nama bapa mereka.
2- Muhammad bin 'Abd Allah al-Mukharrimi (محمد بن عبد الله الْمُخَرِّمِي) dengan Muhammad bin 'Abd Allah al-Makhrami (محمد بن عبد الله الْمخْرِمِي). Kedua-dua mereka ini mempunyai ejaan nama yang sama, tetapi berbeza pada sebutan nisbah mereka.
3- Abu Amru al-Syaybani (أبو عمرو الشَّيْبَانِي) dengan Abu Amru as-Saybani (أبو عمرو السَّيْبَانِي). Juga mempunyai ejaan nisbah yang hampir sama.

Ataupun yang sebaliknya, yang terdapat persamaan dan perbezaan sama ada pada nama ataupun *kunyah* (nama panggilan) kedua-duanya, tetapi bersamaan nisbah (sandaran) atau nasab (keturunan) mereka. Sebagai contoh:

1- Amru bin Zurarah (عمرو بن زُرَارَة) dengan Umar bin Zurarah (عمر بن زُرَارَة). Kedua-dua nama ini hampir sama, cuma berbeza sedikit pada ejaan nama mereka sahaja.
2- Hayyan al-Asadi (حَيَّان الأَسَدي) dengan Hannan al-Asadi (حَنَان الأَسَدي). Rumah huruf bagi nama mereka berdua ini adalah sama. (Sila lihat *Manhaj an-Naqd Fi Ulum al-Hadith:* 185).

Termasuk dalam bab ini apa yang hampir sama dan serupa walaupun berbeza pada sebahagian huruf-hurufnya dalam bentuk tulisan.

Kitab-kitab yang ditulis berkaitan ilmu ini:

1- *Al-Mutasyabih Fi Asma' Ruwah al-Hadithwa Kunahum*: Karangan Abu al-Walid 'Abd Allah bin Muhammad bin Yusuf al-Qurtubi, juga dikenali dengan panggilan ibn al-Fardhi (w. 403H).

2- *Al-Mu'jam Fi Musytabih al-Muhaddithin*: Karangan Abu al-Fadhl Ubaidillah bin 'Abd Allah bin Ahmad al-Harawi (w. 405H).
3- *Musytabih an-Nisbah*: Karangan Abu Muhammad 'Abd al-Ghani bin Sa'id al-Azadi (w. 409H).
4- *Talkhis al-Musytabih Fi ar-Rasmi wa Himayah Ma Usykila Minhu 'An Bawadir at-Tashif wa al-Wahm*: Karangan Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit juga dikenali dengan panggilan al-Khatib al-Baghdadi (w. 463H).
5- *Al-Musytabih*: Karangan ibn Makula, al-Amir Saad al-Malik Abu Nasr, Ali Hibbatullah bin Ali al-Baghdadi (w. 475H).
6- *Al-Faisal Fi Musytabih an-Nisbah*: Karangan Abu Bakr, Muhammad bin Musa al-Hamzani al-Hazimi (w. 584H).
7- *Musytabih al-Asma' wa An-Nasab (Ikmal al-Ikmal Li Ibni Makula):* Karangan ibn an-Nuqtah, Muhibbuddin Abu Bakr Muhammad bin 'Abd al-Ghani bin Abu Bakr (w. 629H).
8- *Zail al-Musytabih al-Asma' wa an-Nasab Li Ibni an-Nuqtah*: Karangan ibn al-Imadiyyah, Wajihuddin Abu Al-Muzaffar, Mansur bin Salim al-Iskandarani (w. 673H).
9- *Takmilah Ikmal al-Ikmal*: Karangan ibn as-Sabuni, Jamaluddin Muhammad bin Ali (w. 680H).
10- *Musytabih an-Nisbah*: Karangan Syamsuddin Abu 'Abd Allah, Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi (w. 748H).
11- *Mukhtasar Talkhis al-Musytabih Fi ar-Rasmi lil Khatib*: Karangan ibn at-Turkumani, al-Qadhi Ala'uddin Ali bin Uthman bin Mustafa al-Maradini al-Hanafi (w. 750H).
12- *Tuhfah Zawi al-Arbab Fi Musykil al-Asma' wa an-Nasab*: Karangan ibn Khatib ad-Dahsyah, Nuruddin Abu al-Thana' Muhammad bin Ahmad (w. 834H).
13- *Taudih al-Musytabih Fi Asma' al-Rijal*: Karangan ibn Nasir ad-Din ad-Dimasyqi (w. 842H).
14- *Al-I'lam Bima Waqa'a Fi Musytabih al-Zahabi Min al-Auham*: Karangan ibn Nasir ad-Din ad-Dimasyqi (w. 842H).
15- *Tabsir al-Muntabih Bi Taudih al-Musytabih*: Karangan ibn Hajar al-Asqalani (w. 852H).
16- *Tuhfah an-Nabih Bi Talkhis al-Mutasyabih*: Karangan al-Hafiz Jalaluddin Abu al-Fadl 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w. 911H). Dalam kitab ini beliau membuat ringkasan terhadap kitab al-Khatib al-Baghdadi.

Yang hampir serupa secara terbalik: **اَلْمُتَشَابِهُ الْمَقْلُوبُ**

Dari segi bahasa: perkataan (المتشابه) adalah kata pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (التشابُه) yang membawa maksud: hampir sama, atau seakan-akan.

Manakala perkataan (المقلوب) pula adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (القلب) yang membawa maksud: yang diterbalikkan.

Dari segi istilah pula: ialah terdapat keserupaan dari segi ejaan dan sebutan, namun berlaku perbezaan dan persamaan dari segi susunan yang dahulu dan yang kemudian (susunan awal-akhir).

Sebagai contoh:

1. Al-Aswad bin Yazid dengan Yazid bin al-Aswad. Nama yang pertama itu ialah an-Nakha'i iaitu seorang tabiin yang masyhur. Manakala nama yang kedua itu ialah Yazid bin al-Aswad al-Khuza'i seorang sahabat Nabi *s.a.w.* Namun sekiranya nama Yazid bin al-Aswad itu disandarkan kepada al-Jurasyi, maka beliau adalah seorang *mukhadram* (gelaran bagi mereka yang sempat pada dua zaman iaitu zaman Jahiliah dan zaman Islam).
2. Terkadang berlaku juga kesilapan dari segi yang dahulu dan yang kemudian dalam satu nama pada sebahagian hurufnya. Ia menunjukkan dua sahsiah yang berbeza, seperti Ayyub bin Sayyar (أيوب بن سيّار) iaitu seorang ahli Madinah yang masyhur namun tidak kuat, dan seorang lagi Ayyub bin Yasar (أيوب بن يَسَار) seorang perawi yang *majhul* (tidak dikenali). (Sila lihat: *Syarh an-Nukhbah* Karangan Mulla Ali al-Qari: 475).

Mereka yang hampir serupa: الْمُتَشَابِهُوْنَ

Sila lihat maknanya pada perkataan (المُتَشَابه).

Hadis *Muttasil* (yang bersambung): الْمُتَّصِلُ

Dari segi bahasa: perkataan (المُتَّصِل) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الاتِّصال) yang membawa maksud bersambung, iaitu lawan kepada perkataan terputus.

Dari segi istilah pula: ianya adalah hadis yang bersambung sanadnya daripada awal sehinggalah ke penghujung sanad, tidak kira sama ada hadis tersebut *marfu'* atau *mawquf.*

Sebagai contoh: Hadis yang diriwayatkan daripada Malik, daripada ibn Syihab, daripada Salim bin 'Abd Allah, daripada ayahnya daripada Rasulullah *s.a.w.*

Hukumnya:

Hadis yang *Muttasil* (الْمُتَّصِلُ) tidak semestinya sahih. Adakalanya ia dihukumkan sebagai hasan dan adakalanya juga dihukumkan sebagai *daif.* Ini semua bergantung kepada kesempurnaan syarat-syarat hadis sahih yang dikehendaki dalam sesuatu sanad itu. Sekiranya ia menepati syarat-syarat sahih, maka ia dihukumkan sebagai sahih. Namun sekiranya ada perawinya didapati kurang hafalan, hadis tersebut dihukum sebagai hasan. Sekiranya terkurang salah satu syarat sahih seperti perawi yang tidak *'adil* atau hadis

tersebut terdapat unsur *syaz* atau *'illah*, maka hadis tersebut dihukumkan sebagai *daif*, sekalipun sanadnya bersambung hingga kepada Nabi *s.a.w*.

Hadis *Muttasil Marfu'*: اَلْمُتَّصِلُ الْمَرْفُوْعُ

Dari segi bahasa: perkataan (اَلْمُتَّصِلُ) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الاتِّصال) yang membawa maksud bersambung, iaitu lawan kepada perkataan terputus. Manakala *marfu'* pula adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (الرفع) yang membawa maksud diangkat, atau segala yang dijadikan tinggi.

Dari segi istilahnya pula: ia membawa maksud hadis yang bersambung sanadnya kepada Nabi *s.a.w* daripada awal sanad hingga ke penghujungnya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (المرفوع).

Hadis *Muttasil Mawquf*: اَلْمُتَّصِلُ الْمَوْقُوْفُ

Dari segi bahasa: perkataan (اَلْمُتَّصِلُ) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الاتِّصال) yang membawa maksud bersambung, iaitu lawan kepada perkataan terputus. Manakala perkataan (الموقوف) pula adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (الوقف) yang membawa maksud terbatas atau terhenti atas sesuatu.

Dari segi istilah pula: ialah khabar yang bersambung sanadnya kepada sahabat Nabi *s.a.w* daripada awal sanad hingga ke penghujungnya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (الموقوف).

Yang terlalu tegas: اَلْمُتَعَنِّتُ

Dari segi bahasa: perkataan (المتعنِّت) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (التعنُّت) yang membawa maksud yang terlalu tegas atau keras.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: seorang pengkritik hadis yang terlalu tegas dalam membuat *al-jarh* dan *al-Ta'dil* terhadap para perawi.

Disepakati dalam meninggalkannya: مُتَّفَقٌ عَلَى تَرْكِهِ

Iaitu para ahli hadis telah bersepakat untuk meninggalkan riwayat perawi tersebut, yakni mereka bersepakat untuk tidak menerima riwayatnya. Istilah ini adalah sebahagian daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Zahabi meletakkannya dalam martabat yang kedua daripada lafaz *al-Jarh*. Manakala al-Sakhawi pula meletakkannya dalam martabat yang ketiga.

Hukumnya:

Mereka yang disifatkan dengan sifat ini, bukan sahaja tidak boleh diterima hadis mereka, bahkan tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

***Muttafaq 'Alaih* (disepakati padanya):** مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah hadis tersebut telah sepakat dikeluarkan oleh *al-Syaykhan*, iaitu al-Bukhari dan Muslim dalam kitab *Sahih* mereka. Ia adalah antara martabat hadis sahih yang paling tinggi.

Yang sekata dan yang berbeza: **الْمُتَّفِقُ والْمُفْتَرِقُ**

Dari segi bahasa: perkataan (الْمُتَّفِقُ) adalah kata nama pelaku bagi perkataan (الاتفاق) yang membawa maksud yang bersepakat atau yang bersetuju. Manakala perkataan (الْمُفْتَرِقُ) pula adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الافتراق) yang membawa maksud yang berasingan atau berpisah dari yang lain, yang berselisih atau yang berbeza.

Dari segi istilah pula, ia membawa maksud: sesuatu yang sekata atau sama dari sudut lafaz dan ejaan atau tulisannya, iaitu satu nama bolehjadi diungkapkan kepada beberapa orang perawi yang berbeza. Jadi mereka semua sama dari segi nama sahaja, namun berbeza dari segi sahsiah peribadi mereka.

Faedah atau Keperluan Ilmu Ini:

Ilmu ini sangat penting, dan perlu diketahui bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan terhadap nama para perawi. Ini kerana barangkali akan disangka beberapa orang perawi itu sebagai seorang perawi sahaja. Barangkali salah seorang dari mereka yang bernama sama itu adalah *thiqah*, manakala yang seorang lagi pula adalah *daif*, lalu berlaku kesilapan dalam men*daif*kan hadis yang sahih dan mensahihkan hadis yang *daif*.

Jenis-jenis *al-Muttafiq wa al-Muftariq*:

Al-Imam ibn al-Salah telah membahagikan ilmu ini kepada empat jenis, iaitu:

Jenis yang pertama: nama mereka dan nama bapa mereka sama.

Sebagai contoh:

Anas bin Malik. Terdapat sepuluh individu yang dikenali dengan nama ini. Manakala lima daripada mereka pula meriwayatkan hadis, iaitu:

1. Khadam kepada Rasulullah *s.a.w* yang masyhur.
2. al-Ka'bi al-Qusyairi (nisbah kepada Ka'b dan Qusyair). Beliau meriwayatkan satu hadis.
3. Bapa kepada Imam Malik, penyusun *al-Muwatta'*.
4. al-Himsi (seorang perawi dari bandar Hims, Syria).
5. al-Kufi (seorang perawi dari kota Kufah, Iraq).

Jenis yang kedua: nama mereka, nama bapa dan nama datuk mereka sama.

Sebagai contoh:

Ahmad bin Jaafar bin Hamdan. Terdapat empat orang yang mempunyai nama sebegini, iaitu:

1. Al-Qati'i (iaitu perawi kitab *Musnad* al-Imam Ahmad).
2. Al-Basri (seorang perawi yang berasal dari Basrah).
3. Ad-Dinawari (seorang perawi yang berasal dari Dinawar).
4. At-Tarasusi (seorang perawi yang berasal dari Tarasus).

Jenis yang ketiga: nama *kunyah* dan gelaran nisbah mereka sama.

Sebagai contoh:

Abu Imran al-Jauni: Terdapat dua orang yang mempunyai *kunyah* dan gelaran sedemikian iaitu:

1. Abdul Malik bin Habib (iaitu seorang tabi'i).
2. Musa bin Sahl (seorang perawi yang berasal dari Basrah).

Jenis yang keempat: gelaran nisbah mereka sahaja yang sama.
Sebagai contoh:

1. Gelaran al-Amuli (الآمُلِيُّ). Terdapat dua maksud, salah satu daripadanya adalah gelaran untuk mereka yang berasal dari Amul di Tabaristan, manakala yang kedua adalah gelaran bagi mereka yang berasal dari Amul di Jaihun. Abu Saad as-Sam'ani pernah berkata: "Kebanyakan ulama berasal dari Tabaristan, dari Amul". Kebanyakan yang berasal dari sana dikenali dengan panggilan at-Tabari. Antara yang terkenal dengan nisbah kepada Amul di Jaihun pula ialah 'Abd Allah bin Hammad Al-Amuli, iaitu guru kepada al-Bukhari. (Sila lihat *al-Ansab al-Muttafaqah*: 4 dan al-Lubab: 1/16).
2. As-Sarawi (السَّرَوِيُّ). Terdapat dua maksud, golongan perawi pertama yang menggunakan gelaran ini berasal dari negeri Sariyah di Tabaristan, seperti Muhammad bin Saleh as-Sarawi at-Tabari dan Muhammad bin Hafs as-Sarawi. Manakala golongan perawi kedua yang menggunakan gelaran ini berasal dari sebuah bandar di Ardabil yang dikenali dengan nama Sarwu. (Sila lihat *al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf*: 77).

Antara kitab-kitab yang masyhur dikarang berkenaan ilmu ini:

1. *Al-Muttafaq al-Kabir*: Karangan Abu Bakar Muhammad bin 'Abd Allah bin Muhammad al-Jauzaqi al-Khurasani (w. 388H).
2. *Ghunyah al-Multamis wa Idah al-Multabis*: Karangan al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit (w. 463H).
3. *Al-Muttafiq wa al-Muftariq*: Karangan al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit (w. 463H).
4. *Al-Ansab al-Muttafiqah Fi al-Khatti al-Mutamathilah Fi an-Nuqat wa ad-Dabt*: Karangan ibn al-Qaisarani, Abu al-Fadhl Muhammad bin Tahir al-Maqdisi (w. 507H).
5. *Tartib al-Muttafaq wa al-Muftaraq Li al-Khatib*: Karangan al-Hafiz ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852H). Ianya disebut oleh 'Abd al-Hayy al-Kattani dalam kitab *Fihris Al-Faharis* (1/36).

***Al-Mutaqaddimun* (ulama terdahulu):** الْمُتَقَدِّمُوْنَ

Yang dimaksudkan dengan istilah ini ialah ulama hadis yang muncul sebelum berakhirnya kurun kelima hijriah (sebelum 500H), iaitu sebelum berakhirnya zaman periwayatan.

Yang teliti atau cermat: الْمُتْقِنُ

Ia disifatkan kepada perawi yang kuat ingatan, *dabit* dan cermat lagi teliti.

Seorang yang teliti atau cermat: مُتْقِنٌ

Iaitu perawi yang menggabungkan antara sifat *adil* dan kekuatan *dabit* (hafalan dan penjagaan hadisnya). Ini adalah antara lafaz *al-Ta'dil* yang

tertinggi. Ibnu al-Salah meletakkannya pada kedudukan yang pertama pada peringkat-peringkat *al-Ta'dil*. Manakala al-'Iraqi meletakkannya pada peringkat yang kedua dan al-Suyuti pula meletakkannya pada peringkat yang ketiga.

Hukumnya:

Mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh diterima hadis mereka untuk dijadikan hujah.

Seorang yang teliti lagi teguh: مُتْقِنٌ ثَبْتٌ

Perkataan (المتقن) adalah istilah yang disifatkan kepada perawi yang kuat ingatan, *dabit* serta cermat lagi teliti. Manakala perkataan (الثَّبْتُ) adalah perawi yang disifatkan sebagai *adil* dan *dabit* dalam riwayatnya.

Ini adalah antara lafaz *al-Ta'dil* yang tertinggi. Ibn Abi Hatim meletakkannya sebagai kedudukan yang pertama pada peringkat-peringkat *al-Ta'dil*. Al-Sakhawi pula meletakkannya pada peringkat yang keempat.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh diterima hadis mereka untuk dijadikan hujah.

Orang yang ditalqin: اَلْمُتَلَقِّنُ

Istilah ini ialah gelaran bagi syeikh (guru) yang menerima apa sahaja yang dikatakan bahawa ia adalah hadis tanpa beliau menyiasat dan menelitinya terlebih dahulu. Perkara ini berlaku disebabkan kerana syeikh tersebut telah lupa atau ingatannya telah bercampur baur.

Yang memegang kuat: مُتْمَاسِكٌ

Iaitu perawi yang kuat. Syeikh Zafar Ahmad At-Tahanawi meletakkannya pada peringkat yang keempat daripada peringkat-peringkat *al-Ta'dil*, iaitu sama dengan mereka yang digelar (صَدوق) atau (محلُّه الصِّدْقُ) atau (لابأسَ به) atau (ليس به بأسٌ) atau (ثقةٌ إن شاء الله) atau (مأمونٌ) atau (خِيارٌ) atau (خِيَارُ الخَلْق). (Sila lihat *Qawa'id Fi Ulum al-Hadith:* 249)

Hukumnya:

Hadis mereka ini boleh ditulis dan dinilai.

Matan (teks hadis): اَلْمَتْنُ

Dari segi bahasa: perkataan (المتن) dan kata jamaknya (متون) ialah sesuatu yang keras atau kukuh dan tanah yang menaik tinggi.

Dari segi istilah ialah: kalam atau kata-kata yang berada selepas sesuatu sanad.

Dituduh berdusta: مُتَّهَمٌ بالكَذِبِ

Iaitu seseorang yang dituduh melakukan penipuan atau dusta dalam meriwayatkan hadis. Ia adalah antara lafaz *al-jarh* yang paling berat. Al-Hafiz al-Iraqi, al-Zahabi dan al-Suyuti meletakkannya berada pada peringkat yang kedua *al-Jarh*. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang ketiga.

Hukumnya: Mereka yang disifatkan dengan sifat ini bukan sahaja tidak boleh diterima hadis mereka, malah tidak boleh dijadikan dalil penyokong sekalipun.

Dituduh mencipta hadis: المتهم بالوضع

Iaitu seseorang yang dituduh mencipta dan mereka-reka hadis. Ia adalah antara lafaz *al-jarh* yang paling berat. Al-Hafiz al-'Iraqi, al-Zahabi dan al-Suyuti meletakkannya berada pada peringkat yang kedua dalam peringkat-peringkat *al-Jarh*. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang ketiga.

Hukumnya: Mereka yang disifatkan dengan sifat ini bukan sahaja tidak boleh diterima hadis mereka malah tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

***Mutawatir*:** المتواتر

Dari segi bahasa: perkataan (المتواتر) adalah kata nama pelaku dari perkataan (التَّواتُر) yang membawa maksud yang berturut-turut, berderet-deret.

Dari segi istilah pula ialah: hadis yang diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang ramai di setiap *tabaqat* (peringkat) dari *tabaqat-tabaqat* sanadnya, yang bilangan yang ramai tersebut menunjukkan mustahil pada adatnya mereka semua boleh berpakat untuk menipu atau berdusta, dan bentuk hadis tersebut pula disandarkan kepada lima pancaindera.

Syarat-syarat Hadis *Mutawatir*:

1. Perawi yang ramai dalam setiap *tabaqat* sanadnya.
   Namun ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan kadar bilangan yang ramai tersebut yang dapat dikatakan memenuhi syarat *mutawatir*. Maka ada yang meletakkan bilangannya 10 orang perawi yang meriwayatkan hadis itu, ada yang meletakkan 40 orang, dan sebagainya, bahkan ada yang menyatakan bahawa bilangannya haruslah sehingga 300 orang. Namun, al-Hafiz ibn Hajar menyatakan bahawa: Pendapat yang benar dalam menentukan syarat 'ramai' ini ialah tanpa ditentukan bilangan perawi tersebut. Ukuran yang diambil kira ialah kadar terhasilnya ilmu (secara yakin). Maka setiap kadar bilangan yang membawa kepada ilmu (secara yakin) dengan sendirinya adalah muktabar. Wallahu a'lam. (Sila lihat *Nuzhah al-Nazar*: 39).
2. Mustahil semua perawi tersebut bersepakat untuk menipu atau berdusta. Begitu juga mustahil boleh berlaku penipuan tanpa mereka rancang. Maksudnya adalah mustahil pada adatnya bilangan yang ramai di setiap *tabaqat* ini berpakat semuanya untuk membuat pendustaan sama ada secara sengaja ataupun tidak.
3. Berterusan bilangan yang ramai tersebut sepanjang sanad, iaitu dari asal sanad sehinggalah ke penghujungnya. Ertinya tidak berkurangan bilangan perawi yang ramai tersebut dan sekiranya berlebih pula tidaklah memberi kesan apa-apa.
4. Hendaklah sandaran hadis tersebut kepada lima pancaindera, iaitu sama ada penglihatan, pendengaran atau sebagainya, seperti kata perawi: "Aku dengar", atau "Aku lihat"... Maka tidak termasuk

sekiranya perawi hanya menyandarkan khabar itu kepada logik akal sahaja, seperti: "Satu itu adalah separuh dari dua", atau "alam ini baharu"...

Maka semua hadis yang memenuhi keempat-empat syarat di atas dinamakan sebagai hadis *Mutawatir*. Namun sekiranya sesuatu hadis itu tidak memenuhi syarat-syarat di atas, walaupun hilang satu syarat sahaja daripadanya, ia dipanggil sebagai hadis Ahad. Sila lihat maknanya pada huruf Alif.

Jenis-jenis *al-Mutawatir*:

Hadis *Mutawatir* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *Mutawatir* Lafzi dan *Mutawatir* Maknawi. Penerangannya adalah seperti berikut:

1. *Mutawatir* Lafzi:

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai dengan lafaz yang sama.

Sebagai contoh:

Hadis: "Sesiapa yang berdusta atas namaku secara sengaja, maka dia telah menempah tempatnya di neraka". Hadis ini diriwayatkan oleh 70 orang sahabat dengan lafaz yang sama. (Sila lihat *Nazm al-Mutanathir*: Karangan al-Kattani, 20-24).

2. *Mutawatir* Maknawi

Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai dengan lafaz yang berbeza-beza, namun kesemua lafaz tersebut memberi makna yang sama.

Antara *mutawatir* maknawi ialah berbagai-bagai peristiwa yang disampaikan kepada kita oleh bilangan perawi yang ramai, yang setiap peristiwa yang berlaku itu tidak memenuhi syarat *mutawatir*. Namun antara peristiwa-peristiwa tersebut terdapat satu perkara sama yang terlibat dalamnya. Jadi secara tidak langsung, perkara sama yang disebut-sebut dalam semua peristiwa-peristiwa itu adalah menjadi *mutawatir* maknawi.

Sebagai contoh:

Hadis Nabi *s.a.w* mengangkat tangan ketika berdoa. Ia diriwayatkan oleh lebih daripada 20 orang sahabat. Setiap riwayat hadis tersebut menceritakan peristiwa yang berbeza-beza, namun semuanya ada menyebut bahawa Nabi *s.a.w* mengangkat tangan ketika berdoa. Jadi kesepakatan para perawi dalam menyatakan bahawa Nabi *s.a.w* mengangkat tangan ketika berdoa ini dianggap sebagai *mutawatir* maknawi. Di bawah ini disajikan sebahagian dari riwayat-riwayat tersebut yang dapat menjelaskan lagi maksudnya:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari: Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi *s.a.w* telah berwuduk, kemudian baginda mengangkat tangannya lalu berdoa: (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لعُبَيد أبي عامِرٍ). (*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad: Bab Naz' as-Sahm Min al-Badn*: 2884).
2. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari: Abu Hurairah meriwayatkan bahawa at-Tufail bin Amru ad-Dusi datang kepada Nabi *s.a.w* dan

meminta baginda mendoakan ke atas qabilah Daus. Lalu Nabi *S.A.W* mengangkat tangannya dan berdoa: (اللّٰهم اهْدِ دَوْساً وائْتِ بهم). (*al-Bukhari: Kitab al-Jihad wa as-Siyar: Bab Doa Lil al-Musyrikin Bi al-Huda*: 2937).

3. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bazzar dan al-Tabarani: Anas meriwayatkan bahawa Nabi *s.a.w* mengangkat tangannya ketika berdoa di Arafah. (Sila lihat *Majma' Az-Zawa'id* dalam *Bab al-Ad'iyah: Ma Ja'a Fi al-Isyarah Fi Ad-Dua wa Raf'i al-Yadain*: 17338).

Begitulah seterusnya sehingga 50 hadis yang menceritakan berbagai peristiwa yang berbeza-beza, namun terdapat satu perkara sama yang mereka semua nyatakan iaitu Nabi *S.A.W* mengangkat kedua-dua tangannya ketika berdoa. Perkara sama yang disepakati oleh semua peristiwa itu dianggap sebagai *mutawatir* maknawi.

Kitab-kitab utama berkaitan hadis *Mutawatir*:

1. *Qatfu al-Azhar al-Mutanathirah Fi al-Akhbar al-Mutawatirah*: Karangan al-Imam Jalaluddin 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (w. 911H). Terdapat 113 hadis *mutawatir* dikumpulkan dalamnya.
2. *Nazm al-Mutanathir Fi al-Hadithal-Mutawatir*: Karangan al-Allamah al-Muhaddith As-Sayyid Muhammad bin Jaafar al-Kattani (w. 1345H). Bilangan hadis dalamnya 310 hadis.
3. *Al-La'ali al-Mutanathirah Fi al-Ahadis al-Mutawatirah*: Karangan ibn Tulun al-Hanafi, Muhammad bin Ali Ad-Dimasyqi (w. 953H)
4. *Al-Azhar al-Mutanathirah Fi al-Ahadis al-Mutawatirah*: Karangan al-Allamah Abu Al-Faidh Muhammad Murtadha al-Biljirami al-Hindi al-Zabidi (w. 1205H).

***Mutawatir* Amali:** الْمُتَوَاتِرُ الْعَمَلِيُّ

Iaitu apa yang dinukilkan atau diriwayatkan oleh seluruh ulama di pelusuk dunia, dari satu generasi ke satu generasi, dan ia tidak seorang mukmin pun tidak mempertikaikannya, seperti solat lima waktu, puasa pada bulan Ramadhan dan ibadah haji.

Maka semua ini adalah disampaikan secara *mutawatir* amali dari Nabi *s.a.w.*, yang baginda sendiri mengamalkannya dan begitu juga dengan para sahabatnya. Kemudian ia diriwayatkan oleh orang Islam dan diturunkan dari generasi ke generasi sehinggalah hari ini. Umat Islam di serata dunia tidak pun mempertikaikan mengenai usul umumnya, meskipun mereka berselisih pada sebahagian perkara-perkara *furu'* dan rantingnya sahaja. (Sila lihat *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith iyyah*: Karangan Abu al-Laith Al-Khair Abadi: 81).

Al-Mutawatir al-Lafzi: الْمُتَوَاتِرُ اللَّفْظِيُّ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُتَواتِرُ).

***Al-Mutawatir* Maknawi:** الْمُتَوَاتِرُ الْمَعْنَوِيُّ

Sila lihat maknanya pada perkataan (الْمُتَواتِرُ).

Orang yang sederhana: الْمُتَوَسِّطُ

Iaitu seorang yang menceburi sesuatu bidang ilmu dan mampu bersendirian dalam memberi gambaran mengenai permasalahan-permasalahannya, namun beliau tidak dapat mengingati kebanyakan hukum-hakamnya, dan juga tidak mampu untuk membawa dalilnya. (Lihat: *Fath al-Baqy*: 1/28).

Orang yang cermat: الْمُتَيَقِّظُ

Ia bermaksud perawi yang tidak lalai dengan apa yang diriwayatkannya.

Orang yang kukuh: الْمُتْقِنُ

Dari sudut bahasa: المتين bermaksud kukuh, teguh dan padu.

Dari sudut istilah pula: Golongan *muhaddithin* memberikan istilah ini kepada seorang pendukung sunnah dan akidah. Ia adalah seperti kata-kata mereka: ثقةٌ حافظٌ. (lihat: *Sahih ibn Khuzaimah*: 2/311).

Huruf bertitik tiga: مُثَلَّثَةٌ

Ia adalah sifat bagi huruf tha' yang mempunyai tiga titik di atasnya bagi membezakan dengan huruf bertitik yang hampir sama dengannya, seperti huruf ta'.

Seumpamanya: مِثْلُهُ

Ia bermaksud: Dengan lafaz yang sama, atau hampir sama dengannya (pada hadis yang diriwayatkan). Ia adalah sebagai ringkasan daripada para perawi apabila mereka meriwayatkan sesuatu hadis dengan suatu isnad, kemudian membawa isnad yang lain pula (bagi hadis yang sama) serta menghilangkan matannya dengan memberikan isyarat kepada matan pertama tadi dengan kata-kata mereka di akhirnya: مثله.

Bertitik dua di bawah: مُثَنَّاةٌ تَحْت

Ia bermaksud: Huruf ya' yang memiliki dua titik di bawahnya.

Bertitik dua di atas: مُثَنَّاةٌ فَوْق

Ia ialah huruf ta' yang memiliki dua titik di atasnya.

Mim – Jim: مج

Ia adalah simbol yang menunjukkan ibn Majah meriwayatkan hadis tersebut dalam kitab Sunannya.

Majlis-majlis menyalin hadis: مَجَالِسُ الإِمْلاَء

Lihat: مجلس الإملاء.

Kitab-kitab *Majami'*: مَجَامِيْعُ الْحَدِيْثِ أَوْ مَجَامِعُ الْحَدِيْثِ

Ia ialah kitab-kitab yang mengumpul dan menggabungkan hadis-hadis daripada pelbagai kitab ke dalam sebuah kitab sahaja. Kitab-kitab seumpama ini mempunyai pelbagai metode yang tersendiri, antaranya ialah:

1. مجمع الزوائد Oleh al-Imam Abu al-Hasan Nur al-Din 'Ali bin Abu Bakar al-Haithami (w 807H). Kitab ini disusun mengikut bab-bab.

2. الجامع الصغير Oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti (w 911H). Kitab ini disusun berdasarkan huruf abjad.
3. جامع الأصول Oleh al-Imam Abu al-Sa'adat Majd al-Din Mubarak bin Muhammad yang dikenali dengan gelaran ibn al-Athir (w 606H).
4. Kitab كنز العُمَّال Oleh al-Muhaddith al-Syaikh 'Ala al-Din 'Ali al-Muttaqi al-Hindi (w 975H). Kedua-duanya disusun mengikut huruf abjad dan bab-bab.
5. تحفة الأشراف Oleh al-Hafiz Abu al-Hajjaj Jamal al-Din al-Mizzi (w 742H). Kitab ini disusun mengikut nama-nama para sahabat *r.a.* berdasarkan susunan huruf abjad, yang hadis-hadis setiap orang sahabat *r.a.* akan dihimpunkan dalam tempat masing-masing. Jika sahabat itu banyak meriwayatkan hadis, akan dibahagikan pula di bawah namanya mengikut nama perawi-perawi yang mengambil hadis daripadanya dalam kalangan tabiin, yang juga disusun mengikut huruf abjad, kemudian disebutkan riwayat masing-masing.

[redacted]

Ia bermaksud: Hadis *daif* atau *matruk* (yang ditinggalkan).

[redacted]

Ia bermaksud seorang perawi yang dicela atau dipersoalkan sifat *adil* ataupun *dabit*nya. Golongan ini mempunyai pelbagai *tabaqat* berdasarkan kepada darjat *al-Jarh.* Kata al-Hakim al-Naysaburi: Golongan *al-Majruhun* ini terdiri daripada pelbagai *tabaqat*:

Pertama: Golongan yang mencipta dan mereka hadis.

Kedua: Golongan yang menukar atau mengubah hadis-hadis, lalu memalsukan sanad bagi hadis-hadis tersebut.

Ketiga: Golongan yang dipengaruhi oleh sifat terlalu ghairah dalam periwayatan hadis, lantas meriwayatkan hadis daripada orang yang mereka tidak pernah bertemu dengannya.

Keempat: Golongan yang sengaja mengambil hadis *mawquf* (yang disandarkan kepada sahabat *r.a.*), lalu meriwayatkannya secara *marfu'* (disandarkan kepada Rasulullah *s.a.w*).

Kelima: Golongan yang sengaja mengambil hadis *mursal* (tiada perawi sahabat), lantas kemudian menjadikannya hadis *mawsul* (bersambung).

Keenam: Golongan yang kuat beribadat sehingga tidak memberi tumpuan terhadap pemeliharaan hadis, yang akhirnya membawa kepada waham dan kesilapan dalam periwayatan mereka.

Ketujuh: Golongan yang mendengar hadis daripada syeikh-syeikh, kemudian meriwayatkan hadis yang tidak pernah mereka dengari daripada syeikh tersebut.

Kelapan: Golongan yang mendengar kitab-kitab hadis, kemudian meriwayatkan hadis yang bukan daripada riwayat-riwayat kitab asal yang telah mereka dengari.
Kesembilan: Golongan yang dibawakan kepada mereka hadis-hadis supaya mereka meriwayatkannya, lalu mereka pun menerimanya tanpa menyedari bahawa hadis-hadis itu bukanlah dari riwayat mereka.
Kesepuluh: Golongan yang telah hilang atau musnah kitab-kitab mereka, lantas mereka pun meriwayatkannya daripada ingatan sahaja secara mengagak atau meneka, sepertimana berlaku pada ibn Lahi'ah. (Lihat: *al-Madkhal Ila al-Iklil*: hlm. 60).

Majlis: الْمَجْلِسُ

Ia bermaksud: majlis *talaqqi* hadis.
Lihat: مجلس الإملاء.

Majlis *Imla'*: مَجْلِسُ الإِمْلاَءِ

Dari sudut bahasa: المجلس dan jamaknya مَجالِس bermaksud tempat duduk.
Dari sudut istilah, ia bermaksud: majlis syeikh, iaitu tempat yang dikendali oleh seorang syeikh untuk memperdengar atau menyampaikan hadis-hadis kepada murid-muridnya agar mereka dapat menyalin daripadanya.

Disepakati untuk meninggalkannya: مُجْمَعٌ عَلَى تَرْكِهِ

Ia bermaksud: *Muhaddithin* telah bersepakat untuk meninggalkan riwayat hadis seseorang perawi itu. Ia adalah antara lafaz *al-jarh* yang terburuk. Al-Zahabi meletakkannya pada tahap yang kedua dari martabat-martabat *al-jarh* di sisinya. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang ketiga.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Yang tidak diketahui (hadis): الْمَجْهُولُ (الحديث)

Dari sudut bahasa: المجهول adalah *isim maf'ul* (kata nama sesuatu yang diperlakukan) daripada perkataan الجَهَالة. Ia adalah lawan bagi perkataan المعلوم yakni sesuatu yang dimaklumi, dan المعروف yakni sesuatu yang diketahui.
Dari sudut istilah: ialah hadis yang diriwayatkan dengan sanad yang mengandungi perawi *majhul* (tidak diketahui) dalamnya, sama ada perawi tersebut seorang ataupun lebih.

Yang tidak dikenali (para perawi): الْمَجْهُولُ (الرَّاوِي)

Dari sudut bahasa: المجهول adalah *isim maf'ul* (kata nama sesuatu yang diperlakukan) daripada perkataan الجَهَالة. Ia adalah lawan bagi perkataan المعلوم (sesuatu yang dimaklumi) dan المعروف (sesuatu yang diketahui).

Dari sudut istilah: Ialah semua perawi yang tidak dikenali sebagai seorang yang menuntut ilmu, dan para ulama juga tidak mengenalinya demikian, serta tidak diketahui hadis yang diriwayatkannya kecuali dari jalan riwayat seorang perawi sahaja.

Ia adalah daripada lafaz *al-jarh* yang sederhana atau pertengahan. Al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah disebabkan ia termasuk dalam kategori *munqati'* (terputus) yang tidak boleh dijadikan hujah.

Tidak diketahui hal keadaannya: مَجْهُولُ الْحَالِ

Dari sudut bahasa: المجهول ialah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan) daripada perkataan الجَهَالة, yang merupakan lawan kepada perkataan المعلوم (sesuatu yang dimaklumi) dan juga المعروف (sesuatu yang diketahui). Manakala الْحَال dan jamaknya أحوال bermaksud: apa yang khusus bagi manusia dari sudut peribadi, hal keadaan dan sifatnya.

Dari sudut istilah: ialah perawi yang diketahui sahsiah peribadinya dengan sebab dia diriwayatkan oleh dua orang perawi yang masyhur dengan ilmu atau lebih, tetapi dia tidak di*thiqah*kan oleh sesiapa pun. Oleh itu, hal keadaannya dianggap tidak diketahui dari segi sifat *'adalah* dan juga *dabit*nya. Perawi seperti ini juga dinamakan sebagai الْمَستُور (tidak terdedah) dan مجهول العدالة باطناً لا ظاهراً (tidak diketahui sifat *adil*nya dari segi batin, bukan zahirnya).

Hukum Riwayatnya:

Menurut jumhur *muhaddithin*, riwayatnya adalah ditolak. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang menerima riwayatnya. Kata al-Hafiz ibn Hajar: "Sekumpulan ulama telah menerima riwayatnya tanpa sebarang batasan", iaitu tanpa perlu melihat kepada sebarang zaman tertentu, namun ia ditolak oleh jumhur ulama. Ini kerana berkemungkinan perawi tersebut bukan seorang yang *adil*, maka tidak boleh diterima riwayatnya sehinggalah dapat dipastikan hal keadaannya.

Menurut kajian, bahawa riwayat seorang perawi yang tidak terdedah (المستور) dan seumpamanya yang memiliki kemungkinan padanya, iaitu kemungkinan bersifat *'adalah* dan sebaliknya, tidaklah seharusnya terus diputuskan secara mutlak sama ada menolaknya atau menerimanya. Bahkan ia hanya perlu ditunggu sehinggalah jelas hal keadaannya.

Perhatian:

Hendaklah diambil perhatian bahawa terdapat perbezaan kata-kata kebanyakan *muhaddithin* mengenai seorang perawi (أنه مجهولٌ). Antaranya

kata-kata Abu Hatim al-Razi terhadap seorang perawi (أنه مجهولٌ). Hukum *Muhaddithin* terhadap perawi tersebut kebiasaannya bermaksud (جهالة العين), iaitu tidak diketahui sahsiah peribadinya. Manakala Abu Hatim pula memaksudkannya sebagai (جهالة الحال), iaitu tidak diketahui hal keadaannya sahaja.

مَجْهُوْلُ الْعَدَالَة بَاطِناً لاَ ظَاهِراً

Tidak diketahui *'adalah*nya dari segi batin, bukan dari segi zahir:

Ia bermaksud perawi yang tidak diketahui hal keadaannya (مجهول الحال), iaitu seorang perawi yang diketahui sahsiah peribadinya dengan sebab periwayatan daripada dua orang perawi lain atau lebih dalam kalangan para perawi yang dikenali sebagai ahli ilmu, walaupun dia tidak di*thiqah*kan oleh mana-mana ulama. Perawi ini juga dinamakan sebagai (المستور).

Lihat المجهول pada tempat nya.

Tidak diketahui biodatanya: مَجْهُوْلُ الْعَيْنِ

Dari sudut bahasa: المجهول ialah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الجَهَالة yang merupakan lawan bagi perkataan المعلوم (yang dimaklumi) dan المعروف (yang diketahui). Perkataan العين dan jamaknya عُيُونٌ وأَعْيُنٌ bermaksud di sini, zat atau diri seseorang dan sahsiah peribadinya.

Dari sudut istilah: ialah perawi yang tidak diriwayatkan daripadanya kecuali oleh seorang perawi sahaja, dan dia memang tidak dikenali langsung.

Kata al-Khatib al-Baghdadi dalam memberikan pengertian lafaz ini: *al-Majhul* di sisi ulama hadis ialah setiap perawi yang tidak dikenali sebagai penuntut ilmu, dan juga tidak pun diketahui sedemikian oleh para ulama, serta tidak diketahui hadisnya kecuali melalui jalan riwayat seorang perawi sahaja. (*al-Kifayah Fi 'Ilm al-Riwayah*: 1/88).

Perawi ini juga dinamakan dengan: مجهول العدالة ظاهراً وباطناً (tidak diketahui sifat *adil*nya dari segi zahir dan batin).

Hukumnya:

Hadis perawi seperti ini tidak boleh diterima, tetapi jika terdapat padanya dua perkara, maka ia boleh diterima, iaitu:

Pertama: Dihukumkan *thiqah* oleh perawi lain selain dari perawi yang bersendirian mengambil hadis daripadanya, berdasarkan kepada pendapat yang paling sahih.

Kedua: Jika perawi tersebut dihukum *thiqah* oleh yang bersendirian men*thiqah*kannya, - iaitu jika yang bersendirian tersebut itu adalah salah seorang daripada imam-imam *al-jarh wa al-Ta'dil* -,

kemudian dihukumkan *thiqah* juga perawi yang bersendirian mengambil riwayat hadis daripadanya, maka hadis tersebut boleh diterima. (Lihat: *Syarah Syarah Nukhbah al-Fikar* oleh Mulla 'Ali Qari: hlm. 519).

Dihukum baik: الْمُجَوَّدُ

Dari sudut bahasa: الْمُجَوَّد ialah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan) yang diambil daripada perkataan الجَيِّد, yang merupakan lawan bagi perkataan buruk.

Dari sudut istilah: Ia membawa makna hadis sahih, ataupun *maqbul*, ataupun hasan secara umum.

Istilah yang seerti dengannya ialah الثَّابتُ. Lihat pengertiannya dalam huruf Tha'.

Al-Muhamiliyyat: الْمُحَامِلِيَّاتُ

Ia merupakan sebuah karya hadis yang berjumlah 16 juzuk, dan mengandungi riwayat para perawi dari Baghdad dan al-Asbahan yang ditulis oleh al-Qadi Abu 'Abd Allah al-Husayn bin Isma'il bin Muhammad al-Dabbi al-Muhamili (w 330H).

Dijadikan hujah dengannya: يُحْتَجُّ بِهِ

Lafaz ini diungkapkan bagi perawi yang dapat dijadikan hujah menurut sebahagian ulama, bukan bagi sebahagian ulama yang lain. Ia bukan bermaksud perawi tersebut boleh dijadikan hujah secara sepakat, sepertimana yang difahami secara zahirnya.

Ia juga seperti ungkapan اخْتُلِفَ فيه. Lihat pengertiannya dalam huruf Alif.

Muhaddith: الْمُحَدِّثُ

Dari sudut bahasa: المحدِّث ialah kata nama pelaku daripada perkataan التحديث yang membawa erti; orang yang memberitahu, dan yang berbicara.

Dari sudut istilah: *al-Muhaddith* merupakan gelaran yang diberikan kepada seseorang yang melibatkan diri dalam ilmu hadis riwayah, dirayah serta mempunyai pengetahuan mengenai sebahagian besar hadis-hadis dan para perawi pada zamannya.

Gelaran ini adalah lebih tinggi daripada gelaran *al-musnid*.

Pada masa kini gelaran *al-muhaddith* adalah merujuk kepada seseorang yang melibatkan diri secara ikhlas dalam kajian-kajian berorientasikan hadis dan pengajiannya, berkeupayaan tinggi dalam melakukan kajian, menyelidik perihal para perawi hadis melalui aspek *al-jarh wa al-ta'dil* daripada rujukan kitab-kitab hadis utama. Beliau juga seorang yang berpengetahuan luas berkenaan sumber-sumber hadis dan para perawinya, syarah hadis, serta menguasai metode untuk berinteraksi dengan hadis-hadis nabawi mengikut keadaan, tempat, sebab, meskipun menyentuh perbahasan yang melibatkan hadis-hadis yang bercanggah dan bermasalah.

Ulama yang tergolong dalam gelaran *al-Muhaddith* ini antaranya:

1) Syeikh Habib al-Rahman al-A'zami (w.1412H).
2) Syeikh Abdullah bin al-Siddiq al-Ghumari (w.1413H).
3) Syeikh Abdul Fattah Abi Ghuddah (w.1417H).
4) Syeikh Muhammad Nasiruddin al-Albani (w.1420H).
dan lain-lain.

Yang dibuang: المحذوف

Ia bermaksud: perawi yang gugur daripada rantaian sesuatu isnad.

Yang diubah: المحرَّف

Dari sudut bahasa: المحرَّف ialah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan التحريف yang bermaksud: sesuatu yang ditukar, diubah atau yang diganti.

Dari sudut istilah ialah: Apa yang terdapat kelainan padanya dengan sebab perubahan baris atau bentuk bagi sesuatu perkataan di samping kekal gambaran tulisannya, seperti pertukaran perkataan سِتاً kepada شيئاً dan pertukaran جُنَاح kepada جَنَاح.

Penyelewengan juga boleh berlaku dengan perubahan bentuk perkataan dengan mendahulukan atau mengemudiankan sebahagian huruf ke atas sebahagian yang lain.

Lihat التحريف dalam huruf al-Ta'.

Yang diubah sanadnya: المحرَّف السند

Ia adalah sesuatu perubahan yang berlaku pada sanad hadis.

Lihat التحريف dalam huruf Ta' dan الْمُحرَّف dalam huruf Mim.

Yang diubah matannya: المحرَّف المتن

Ia adalah sesuatu perubahan yang berlaku pada matan hadis.

Lihat التحريف dalam huruf Ta' dan الْمُحرَّف dalam huruf Mim.

Mahfuz: المحفوظ

Dari sudut bahasa: المحفوظ adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الحِفظ yang bermaksud: penjagaan atau pemeliharaan.

Dari sudut istilah: Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih *thiqah* berbeza dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi yang hanya *thiqah*, sama ada perbezaan itu berbentuk penambahan ataupun pengurangan dalam matan atau sanadnya. (Lihat *Nuzhah al-Nazar*: hlm. 36).

Sebaliknya, lawan kepada istilah ini ialah الشَّاذُّ yang bermaksud hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang *maqbul* (boleh diterima) bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih tinggi daripadanya. Sila lihat pengertiannya dalam huruf Syin.

Al-Muhkam: الْمُحْكَمُ

Dari sudut bahasa: المحكم adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإحكام yang bermaksud sesuatu yang telah diteliti dan diyakini.

Dari sudut istilah: ialah hadis *maqbul* (yang diterima) yang bebas dari sebarang pertentangan atau sanggahan terhadapnya daripada hadis yang seumpamanya. (Lihat *Nuzhah al-Nazar*: hlm. 39 dan *Tadrib al-Rawi*: 2/202).

Kebanyakan hadis dalam kitab-kitab hadis adalah daripada jenis ini.

Contohnya:

1. Hadis 'Aisyah *r.a.*: Sesungguhnya Rasulullah *s.a.w* masuk menemuinya ketika 'Aisyah *r.a.* berlindung di sebalik tirai yang terdapat padanya gambar patung, maka berubahlah warna wajah baginda *s.a.w*. Lalu baginda pergi menuju ke tirai tersebut dan menariknya dengan tangan baginda, lantas bersabda: "Sesungguhnya orang yang paling dahsyat azabnya pada hari Kiamat kelak adalah orang yang mencipta sesuatu yang menyerupai ciptaan Allah". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari.)
2. Hadis ibn 'Umar *r.a.* katanya: Rasulullah *s.a.w* bersabda: "Allah tidak menerima solat tanpa wuduk, dan juga sedekah yang disertai dengan khianat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Hadis-hadis ini kesemuanya adalah sahih yang tiada pertentangan terhadapnya.

Karya berkenaan dengan istilah ini:

Kata al-Hakim al-Naisaburi: ''Uthman bin Sa'id al-Darimi telah mengarang sebuah kitab yang besar berkaitan dengannya" (Lihat *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith:* hlm. 130), Namun penulis belum menjumpainya.

Muhkam al-Hadith: مُحْكَمُ الْحَدِيْثِ

Lihat: الْمُحْكَمُ.

Tempatnya adalah benar: مَحَلُّهُ الصِّدْقُ

Lafaz ini menunjukkan bahawa individu yang disifatkan dengannya berada pada tempat dan martabat orang yang bersifat benar secara mutlak. (*Tadrib al-Rawi*: 1/345).

Ia adalah antara lafaz *al-Ta'dil*. Ibn Abi Hatim dan ibn al-Salah meletakkannya pada tahap yang kedua daripada martabat-martabat *al-Ta'dil* di sisi mereka. Al-Zahabi dan al-'Iraqi pula meletakkannya pada tahap yang keempat. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keenam di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat.

Ujian: الْمِحْنَةُ

Lihat: مَسْأَلة اللَّفْظِ.

Padam: الْمَحْوُ

Dari sudut bahasa: المحو adalah kata nama terbitan daripada perkataan مَحَا يَمْحُوْ yang bermaksud: Memadamkan sesuatu.

Dari sudut istilah ialah: menafikan sesuatu yang bukan daripada isi sesebuah kitab dengan cara memadamkan perkataan itu. Iaitu memadamkannya dalam situasi tulisan yang boleh dipadam secara lembut tanpa mengoyakkannya dengan pisau, iaitu sama ada dengan jari ataupun dengan perca kain dan sebagainya.

Sumber-sumber asal hadis: مَخَارِجُ الْحَدِيْثِ

Lihat: المَخْرَج.

Pertentangan: الْمُخَالَفَةُ

Dari sudut bahasa: المخالفة adalah kata terbitan bagi perkataan خالَفَ يُخالِف yang bermaksud: orang yang mengemukakan pandangan atau melakukan sesuatu amalan yang bertentangan dengan pandangan atau amalan orang lain.

Dari sudut istilah: ialah perbezaan isnad hadis ataupun matannya yang berlaku antara para perawi (yang meriwayatkan hadis yang sama) daripada syeikh mereka.

Atau dengan makna lain: Sebahagian perawi meriwayatkan sesuatu hadis dalam suatu bentuk dan sebahagian perawi lain pula meriwayatkannya dalam suatu bentuk yang lain.

Ringkasan: الْمُخْتَصَرُ

Iaitu hadis yang disebutkan sebahagiannya sahaja, manakala sebahagian yang lain pula tidak dinyatakan ketika meriwayatkannya.

Lihat اخْتِصَار الْحَدِيْثِ pada huruf Alif.

Secara ringkas: مُخْتَصَراً

Ia adalah ungkapan yang digunakan oleh perawi apabila meriwayatkan sesuatu hadis dengan isnadnya sendiri. Kemudian diikuti dengan isnad yang lain pula bagi matan yang sama, tetapi agak ringkas atau pendek sedikit. Lalu beliau menggugurkan matan tersebut dan hanya mengisyaratkan kepada matan yang pertama sahaja kerana ingin meringkaskan penulisannya.

Yang ada kekurangan dalam mendengar hadis: مُخْتَلُّ السَّمَاعِ

Iaitu seorang perawi yang pendengaran hadisnya daripada syeikh-syeikhnya dianggap sebagai rosak dan tidak sah.

Orang yang bercampur baur:

Dari sudut bahasa: المُختلِط adalah kata nama pelaku daripada perkaaan الاختلاط yang bermaksud di sini; seorang yang rosak akalnya (bercampur baur akal fikirannya).

Dari sudut istilah: ialah perawi yang telah diketahui sebagai seorang yang tidak teratur betul kata-katanya ataupun hadis-hadisnya dengan sebab kesan kebakaran, atau buta penglihatan, atau terbakar kitab-kitabnya, dan sebagainya. Misalnya seperti 'Abd Allah bin Lahi'ah, yang hilang kitab-kitabnya telah menyebabkan ingatan akalnya menjadi kucar kacir dan bercampur baur.

Golongan perawi yang bercampur baur:

Lihat: المُختلِط.

Mukhtalif al-Hadith:

Dari sudut bahasa: مختلف adalah kata nama pelaku daripada perkataan الاختلاف yang merupakan lawan bagi perkataan: kesatuan.

Dari sudut istilah: ialah dua buah hadis *maqbul* (yang diterima) yang saling bertentangan dari sudut makna secara zahir, tetapi kemungkinan boleh diharmonikan antara makna kedua-duanya itu tanpa sebarang kerumitan.

Contohnya:

Hadis: "Jika air itu sampai (isipadunya) kepada dua *qullah*, maka ia tidak akan menanggung najis". (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, *Abwab al-Taharah, bab Ma Ja'a an La Yunjisuhu Syai'*, no. 67).

Juga hadis: "Air adalah alat bersuci, tidak ada suatu apapun yang dapat mengotorinya, kecuali apa yang dapat menukar rasa, warna dan baunya". (Diriwayatkan oleh ibn Majah dalam *kitab al-Taharah, bab al-Haid,* no 521).

Zahir hadis yang pertama menunjukkan air yang berkapasiti dua *qullah* atau lebih, tidak akan dikotori oleh sesuatu najis pun, sama ada berubah salah satu sifatnya ataupun tidak.

Manakala zahir hadis yang kedua menunjukkan air akan menjadi bernajis jika berubah salah satu dari sifatnya, sama ada air tersebut sedikit dari dua *qullah* atau lebih dari dua *qullah*.

Maka jelaslah berdasarkan contoh di atas, bahawa zahir kedua-dua hadis tersebut adalah saling bertentangan, tetapi mungkin dapat digabung dan diharmonikan kedua-duanya dengan mengatakan bahawa: setiap hadis itu dapat mengkhususkan keumuman hadis yang satu lagi. Maka jika air itu berkapasiti dua *qullah*, ia tidak akan bernajis kecuali dengan berubah salah satu sifatnya. Jika air itu tidak sampai dua *qullah* pula, maka air akan bernajis (apabila najis jatuh ke dalamnya) walaupun tidak mengubah salah satu sifatnya. Dengan ini kita telah beramal dengan kedua-dua hadis tersebut dan menolak segala bentuk pertentangan antara kedua-duanya.

Sekiranya terdapat dua buah hadis yang bertentangan dan tidak mampu untuk digabungkan dengan cara atau kaedah penggabungan yang sahih, maka kita perlu melihat pula kepada tarikh kemunculan kedua-dua hadis tersebut. Maka hadis yang terdahulu dianggap telah dimansuhkan dengan hadis yang terkemudian. Jika tidak boleh dilaksanakan juga, maka kita perlu melihat mana hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih *hafiz* dan mengambilnya, serta meninggalkan hadis yang satu lagi. (Lihat: *al-Idhah Fi 'Ulum al-Hadithwa al-Istilah*: hlm. 275-276).

Karya-karya yang masyhur dalam bidang ini:

1. اختلاف الحديث Oleh al-Imam Muhammad bin Idris al-Syafi'i (w 204H). Dikatakan, beliau merupakan ulama pertama yang membahas serta menulis mengenai ilmu ini.
2. تأويل مختلف الحديث Oleh ibn Qutaibah, 'Abd Allah bin Muslim al-Dinawari (w 276H).
3. مشكل الآثار Oleh Abu Ja'afar, Ahmad bin Salamah al-Tahawi (w 321H).

Terdapat beberapa buah karya yang baik mengenainya hasil susunan ulama masa kini, antaranya:

4. مختلف الحديث بين الفقهاء والمحدِّثين Oleh Dr. Nafiz Husayn Hammad.
5. مختلف الحديث وموقف النقاد والمحدِّثين منه Oleh Syeikh Usamah 'Abd Allah Khayyat.

Yang diperselisihkan tentangnya: مُخْتَلَفٌ فِيْه

Ia bermaksud: Imam-imam hadis berbeza pandangan tentang kedudukan seseorang perawi. Maka ada dalam kalangan mereka yang memberikan darjat *adil* dan ada pula dalam kalangan mereka yang men*jarh*kannya.

Lafaz ini adalah daripada lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang kelima di sisi mereka. Al-Sakhawi dan al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang keenam. Manakala ibn Abi Hatim dan ibn al-Salah tidak menyebutkannya, tetapi oleh kerana perawi tersebut dan perawi *layyin al-Hadith*pada tahap yang sama di sisi imam-imam hadis, maka lafaz ini dianggap di sisi mereka berdua pada martabat yang pertama.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh dijadikan dalil penyokong kerana bentuk lafaz ini menunjukkan bahawa dia dianggap boleh digunakan dan tiada penafian tentangnya. (Lihat: *Fath al-Mugith*: 2/125).

Sumber asal sanad: اَلْمَخْرَجُ

Dari sudut bahasa: المخرج adalah kata nama tempat bagi perkataan خَرَجَ يَخرُج yang bermaksud: tempat keluar, misalnya disebut: خَرَج مَخْرَجاً حَسَناً dan وهذا مَخْرَجُه.

Dari sudut istilah pula: Ungkapan ini diberikan kepada perawi yang bertemu atau bercantum pada dirinya jalan-jalan riwayat sesuatu hadis,

yang semua para perawi akan merujuk dalam periwayatan mereka bagi hadis itu kepada perawi tersebut sahaja.

Inilah yang dimaksudkan dalam ungkapan *Muhaddithin* : هذا حديثٌ عُرِفَ مَخْرَجُه dan مخرج الحديث yang bermaksud: Sumber asal keluarnya, kerana hadis tersebut berpunca dari sisinya.

Yang men*takhrij*kan: المُخَرِّجُ

Dari sudut bahasa: المخرِّج adalah kata nama pelaku daripada perkataan التخريج yang bermaksud di sini: yang menerangkan bentuk atau sebab berkaitan sesuatu perkara.

Dari sudut istilah pula: ialah seorang yang mengeluarkan riwayat dan meriwayatkannya dalam kitabnya berserta sanadnya sendiri, sepertimana pengarang-pengarang *al-Kutub al-Sittah* dan sebagainya.

Yang mengeluarkan: المُخْرِجُ

Lihat: المخرِّج.

Al-Mukhadram: المُخَضْرَمُ

Dari sudut bahasa: المُخَضْرَم adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan خَضْرَمَ يُخَضْرِمُ dengan huruf Ra' berbaris atas, dan jika huruf Ra' berbaris bawah pula, maka ia merupakan *isim fa'il* (kata nama pelaku). Ia bermaksud: yang terputus. Kebanyakan ahli bahasa mengatakannya مُخَضْرِمٌ dengan huruf Ra' berbaris bawah, iaitu dalam bentuk *isim fa'il*. (Lihat: *Lisan al-'Arab*).

Dari sudut istilah: Ia bermaksud seorang yang sempat hidup di zaman Jahiliyyah dan juga di zaman Nabi *s.a.w*, namun ia tidak memeluk agama Islam kecuali selepas kewafatan baginda, ataupun memeluk agama Islam ketika Nabi *s.a.w* masih hidup, tetapi tidak pernah bertemu dengan baginda.

Maka seolah-olah dia adalah خُضْرِمَ yakni terputus daripada orang yang sezamannya yang sempat bersahabat dengan Nabi *s.a.w*. Antara mereka itu ialah:

1. Abu 'Uthman al-Nahdi.
2. Suwaid bin Ghaflah.
3. Abu Raja' al-'Utaridi, dan lain-lain.

Hukumnya:

Dikatakan bahawa mereka termasuk dalam golongan tabiin, dan hadis-hadis mereka dianggap sebagai *mursal*. Manakala sebahagian ulama pula meletakkan mereka dalam golongan sahabat Nabi *s.a.w*.

Karya yang berkaitan dengannya:

تذكرة الطالب المعلم لِمَن يقال أنه مُخَضْرَمٌ Oleh Syeikh Ibrahim bin Muhammad bin Khalil ibn Sibt al-A'jami (w 841H).

Golongan *Mukhadram*: الْمُخَضْرَمُون

Sila lihat makna *al-Mukhadram*.

Mim – Dal: مد

Ia ialah simbol yang menunjukkan bahawa Abu Dawud meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya المراسيل.

Pusat pertemuan isnad: مَدَارُ الإِسْنَادِ

Dari sudut bahasa: المدار ialah tempat pusingan, manakala الإسناد pula ialah pegangan, atau sandaran.

Dari sudut istilah pula: Perkataan المدار jika disandarkan kepada perkataan الإسناد yang juga bermaksud السند, maka ia menunjukkan kepada tempat pertemuan isnad-isnad yang bersifat cabang dengan asal sanadnya. Maka مدارُ الإسناد itu ialah perawi yang menjadi tempat pertemuan isnad-isnad kepadanya, walaupun ia banyak mana sekalipun (dua orang perawi ataupun lebih). Maka dia ialah perawi yang bersendirian meriwayatkan hadis tersebut secara mutlak daripada perawi yang juga bersendirian meriwayatkannya secara mutlak sehinggalah sampai kepada sahabat *r.a.* atau yang selainnya (seperti tabiin dan sebagainya).

Maka, perawi seperti di atas adalah tempat yang berkisar (bertemu punca) sanad tersebut pada dirinya, dan akan kembali kepadanya walaupun berbilang-bilang jalan riwayatnya sekalipun.

Contohnya:

Hadis: إنما الأعمال بالنيات. Pusat pertemuan bagi sanad hadis ini ialah Yahya bin Sa'id al-Ansari, yang bersendirian meriwayatkan hadis tersebut daripada Muhammad bin Ibrahim al-Tamimi, yang meriwayatkannya daripada 'Alqamah bin Waqqas al-Laythi dan beliau meriwayatkannya daripada 'Umar bin al-Khattab *r.a.*

Sanad-sanad hadis ini bertemu dan berpusat pada Yahya bin Sa'id al-Ansari yang kemudian diriwayatkan pula daripada beliau oleh ramai orang perawi. Dikatakan bahawa telah diriwayatkan daripadanya oleh lebih daripada dua ratus orang perawi, dan ada yang mengatakan bahawa telah diriwayatkan daripadanya oleh 700 orang perawi. Antara mereka ialah: Malik, Sufyan al-Thawri, Sufyan bin 'Uyainah, al-Awza'i, 'Abd Allah bin al-Mubarak, al-Layth bin Sa'ad, Hammad bin Zayd dan Syu'bah bin al-Hajjaj. (Lihat: *Ma'rifah Madar al-Isnad Wa Bayan Makanatihi Fi 'Ilm 'Ilal al-Hadith:* 1/35-36).

Pusat pertemuan hadis: مَدَارُ الْحَدِيْثِ

Lihat: مدار الإسناد.

Al-Mudabbaj: الْمُدَبَّجُ

Dari sudut bahasa: المدبَّج adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan التدبيج yang bermaksud sesuatu yang dihiasi. Ia

adalah perkataan pecahan yang diambil daripada دِيبَاجَتَي الوجهِ (iaitu kedua-dua belah pipi). Seolah-olah *al-Mudabbaj* dinamakan dengan istilah tersebut kerana persamaan taraf antara perawi dan orang yang diriwayatkan daripadanya, sepertimana samanya kedua-dua belah pipi.

Dari sudut istilah: ialah periwayatan rakan-rakan (para perawi yang sama taraf), yang setiap seorang daripada mereka meriwayatkan daripada rakannya yang lain. Iaitu seorang teman meriwayatkan daripada temannya, kemudian teman tersebut meriwayatkan pula daripadanya (yakni saling bertukar-tukar riwayat). Dinamakan sedemikian kerana kecantikan dan keelokannya, ini kerana المدبَّج dari sudut bahasa bermaksud: المزيَّن yang dihiasi.

Contoh-contoh *al-Mudabbaj*:

Berikut disebutkan beberapa contoh daripada para sahabat, tabiin dan tabi al-Tabiin yang menunjukkan berlakunya periwayatan *al-Aqran* (sesama rakan atau teman):

1. Antara sahabat *r.a.*: Riwayat 'Aisyah daripada Abu Hurairah, dan Riwayat Abu Hurairah daripada 'Aisyah.
2. Antara tabiin: Riwayat al-Zuhri daripada 'Umar bin 'Abd al-*'Aziz*, dan riwayat 'Umar bin 'Abd al-*'Aziz* daripada al-Zuhri.
3. Antara tabi al-Tabiin: Riwayat Malik daripada al-Awza'i, dan riwayat al-Awza'i daripada Malik.

Faedahnya:

1. Agar tidak dianggap sebagai penambahan dalam isnad. Ini kerana mengikut kaedah asal, murid meriwayatkan daripada syeikhnya. Jika seseorang perawi meriwayatkan daripada rakannya, berkemungkinan bagi orang yang tidak mempelajari jenis ini akan menyangka bahawa nama rakan perawi yang dinyatakan dalam isnad tersebut adalah suatu penambahan daripada si penyalin.
2. Agar tidak dianggap perlu menukarkan perkataan عن (daripada) dengan perkataan و (dan). Atau dengan kata lain, supaya pendengar atau pembaca tidak menganggap isnad tersebut pada asalnya adalah dengan lafaz: Telah memberitahu kepada kami si polan <u>dan</u> si polan, dan tersalah dengan lafaz: Telah memberitahu kepada kami si polan <u>daripada</u> si polan.

Karya-karya yang masyhur dalam bidang ini:

1. رواية الأقران Oleh Abu al-Syeikh, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Muhammad al-Asbahani (w 369H).
2. المُدَبَّجُ Oleh al-Imam Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 385H).

Pendahuluan, kata pengantar: المَدْخَلُ

Ia adalah salah satu jenis karya susunan yang tidaklah khusus kepada ilmu hadis. Bagaimanapun, golongan *muhaddithin* telah mendahului dalam memilih

dan memakai nama ini. Maksud mereka dengan istilah ini ialah: Pengenalan dan pendahuluan terhadap sesuatu yang berkaitan dengan ilmu hadis. Kemudian cara ini telah diikuti oleh ahli ilmu dan sastera.

Antara karya-karya masyhur yang disusun dengan nama ini dalam bidang hadis adalah seperti berikut:

1. المدخل Oleh al-Imam Abu Bakar al-Isma'ili al-Jurjani (w 371H).
2. المدخل إلى الصحيح Oleh Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naisaburi (w 405H).
3. المدخل إلى السُّنن الكبرى Oleh al-Hafiz Ahmad bin al-Husayn al-Baihaqi (w 458H).

Al-Mudraj: المُدْرَجُ

Dari sudut bahasa: المدرج ialah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإدراج yang bermaksud; yang dimasukkan, dilipat, atau diselit. Disebut: فلانٌ أدرج الشيءَ في الشيء iaitu jika ia melipatkan sesuatu dan memasukkannya. Juga disebut: وأَدْرَجَ الميِّتَ في الكفن والقبر yang bermaksud: Memasukkan mayat ke dalam kain kafan dan kubur.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang dimasukkan oleh perawi dalam matannya lafaz-lafaz yang bukan daripada matan tersebut tanpa sebarang keterangan (berkaitan dengannya). Demikian juga jika perawi itu memasukkan ke dalam sanadnya nama-nama yang bukan daripada sanad tersebut tanpa sebarang keterangan atau penjelasan.

Bahagian-bahagiannya:

Al-Mudraj terbahagi kepada dua bahagian; *al-Mudraj* pada matan dan *al-Mudraj* pada sanad. Berikut adalah penjelasan bagi setiap satu daripadanya:

Bahagian Pertama: al-Mudraj Pada Matan:

Iaitu disebutkan dalam matan sebuah hadis sesuatu kata-kata yang bukan daripada asal riwayat hadis tersebut oleh salah seorang perawi. Manakala orang yang mendengar hadis tersebut menyangka bahawa kata-kata itu adalah termasuk matan asalnya.

Jenis *al-Mudraj* ini boleh berlaku di permulaan, pertengahan ataupun di akhir matan.

Contohnya:

1. Contoh *al-Mudraj* di awal matan:
   Hadis ibn Mas'ud *r.a.*: "Berpeganglah bersungguh-sungguh dengan al-Quran, kerana ia amat cepat hilang dari dada-dada para lelaki berbanding unta yang diikat pada ikatannya. Janganlah seseorang daripada kamu berkata:saya terlupa itu dan itu, tetapi sebenarnya dia telah dilupakan". (Diriwayatkan oleh Ahmad secara *marfu'* dalam kitab *Musnad*, no. 4010).
   Kata-kata: "Berpeganglah bersungguh-sungguh dengan al-Quran..." adalah daripada perkataan 'Abd Allah bin Mas'ud *r.a.* manakala kata-

kata: "Janganlah seseorang daripada kamu berkata..." adalah daripada sabda Nabi *s.a.w.* Keadaan ini telah menyebabkan sedikit kekeliruan dalam kalangan sesetengah para perawi. Ada sebahagian mereka yang meriwayatkan keseluruhannya daripada sabda Nabi *s.a.w.* dan sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa kesemuanya adalah daripada kata-kata ibn Mas'ud. Padahal yang sebenarnya, perlu dipisahkan antara hadis Nabi *s.a.w.* dan kata-kata ibn Mas'ud *r.a.*

2. Contoh *al-Mudraj* di pertengahan matan:
   Hadis 'Aisyah *r.a.* berkaitan dengan hijrah iaitu: "Rasulullah *s.a.w.* dan Abu Bakar telah mengupah seorang lelaki daripada bani al-Dail sebagai penunjuk arah dan pakar jejak jalan. Manakala الخِرِّيْتُ bermaksud: mahir berkaitan dengan arah...". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *al-Ijarah, bab Isti'jar al-Musyrikin 'Inda al-Darorah,* no. 2263).
   Kata-kata: "Manakala الخِرِّيْتُ bermaksud: Mahir berkaitan dengan arah" adalah daripada perkataan al-Zuhri yang merupakan perawi hadis ini dan bukannya daripada perkataan al-Sayyidah 'Aisyah. Sebenarnya al-Zuhri mentafsirkan kata-kata 'Aisyah *r.a.* itu.
3. Contoh *al-Mudraj* di akhir matan:
   Hadis ibn 'Umar *r.a.* katanya: Sesungguhnya Rasulullah *s.a.w.* bersabda ketika baginda di atas mimbar, dan menyebut tentang sedekah dan menjauhi sifat meminta-meminta, kemudian baginda bersabda: "Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah, tangan di atas adalah yang memberi dan tangan di bawah adalah yang meminta". (Diriwayatkan oleh al-Darimi dalam *Zakah, bab Fadl al-Yad al-'Ulya,* no. 1652).
   Kata-kata: "Tangan di atas adalah yang memberi..." sebenarnya adalah dimasukkan daripada perkataan ibn 'Umar ketika beliau menerangkan maksud hadis ini. Dalilnya adalah sepertimana yang dinukilkan dari ibn 'Umar *r.a.* sendiri bahawa beliau berkata: "Aku beranggapan bahawa tangan di atas adalah yang memberi dan tangan di bawah pula adalah yang meminta". (Diriwayatkan oleh Ahmad dalam *Musnad*nya, no. 6366).

Kebanyakan *al-Mudraj* atau الإدراجُ ini berada di akhir matan. Kebanyakan الإدراجُ yang berlaku pula adalah bertujuan sebagai penjelasan dari perawi berkaitan perkataan yang sukar dalam hadis, atau sebagai keterangan untuk menafsirkan makna yang dikehendaki pada hadis.

Bahagian Kedua: *al-Mudraj* Pada Sanad:

Ulama hadis telah menyebut pelbagai bentuk الإدراجُ pada sanad:

Bentuk Pertama:

Sekumpulan perawi hadis meriwayatkan suatu hadis dengan isnad-isnad yang berbeza, kemudian datang seorang perawi lain meriwayatkan daripada mereka dan menggabungkan kesemua isnad tersebut dalam satu isnad sahaja, serta tidak menerangkan perbezaan antara isnad-isnad tersebut.

Bentuk Kedua:
Terdapat suatu matan hadis di sisi seorang perawi diriwayatkan dengan suatu isnad, kecuali sebahagian matannya yang lain ada di sisinya dengan isnad yang berbeza. Lalu datang seorang perawi lain yang meriwayatkan daripadanya secara sempurna (gabungan kedua-dua matan) dengan menggunakan isnad yang pertama sahaja.
Bentuk Ketiga:
Terdapat seorang perawi yang meriwayatkan dua buah matan hadis yang berbeza dengan dua isnad yang berbeza, kemudian datang seorang perawi lain yang meriwayatkan kedua-dua matan tersebut dengan hanya menggunakan salah satu isnadnya sahaja. Atau dengan kata lain, memasukkan matan salah satu hadis tersebut ke dalam isnad yang lain.
Bentuk Keempat:
Terdapat seorang *muhaddith* yang sedang membawa riwayat suatu isnad hadis, kemudian tiba-tiba berlaku suatu perkara, yang menyebabkan *muhaddith* tersebut telah mengeluarkan suatu perkataan daripada dirinya sendiri yang tiada kaitan dengan isnad yang sedang dibawanya. Justeru, sebahagian hadirin yang mendengar perkataan tersebut menyangka bahawa kata-kata *muhaddith* itu ialah sebahagian daripada matan bagi isnad yang sedang disampaikan, lalu mereka pun meriwayatkannya demikian.

Hukumnya:

1. Jika الإدراجُ tersebut untuk mentafsirkan sesuatu lafaz dalam hadis, sepertimana yang berlaku dalam hadis permulaan wahyu yang diriwayatkan oleh al-Bukhari:

   كان النَّبيُّ ﷺ يتحنَّث في غار حِرَاء – وهو: التَّعبد – اللَّيالي ذوات العدد ...

   Perkataan: وهو التَّعبد sebenarnya merupakan الإدراجُ daripada kata-kata al-Zuhri bagi mentafsirkan perkataan: يتحنَّث. Maka yang seumpama ini boleh dipertimbangkan untuk dimaafkan, tetapi yang lebih utama perawi tersebut sewajarnya menyatakan bahawa ia bukan daripada lafaz hadis.
2. Berkemungkinan berlaku الإدراجُ daripada seseorang perawi tanpa disedari atau secara tidak sengaja. Maka hendaklah dijelaskan الإدراجُ yang berlaku itu. Tidak menjadi kesalahan jika seseorang perawi itu tersilap atau tidak sengaja, tetapi jika ia berlaku berulang kali, maka ia dianggap sebagai tanda bahawa perawi tersebut adalah *daif* dari sudut *dabit*, hafalan dan ketelitiannya.
3. Manakala jika الإدراجُ dilakukan secara sengaja dengan tujuan untuk memberi kesamaran atau menampakkan kelainan, maka ini dapat menjatuhkan sifat *adil* pelakunya, serta ia menjadi seorang yang dituduh memalsukan hadis dan dimasukkan ke dalam kategori para pendusta. (Lihat: *al-Idhah Fi 'Ulum al-Hadith:* hlm. 216-222).

Sumber-sumber hadis *mudraj*:

1. الفصل للوصل والمُدْرَجُ في النقل Oleh al-Hafiz Abu Bakar al-Khatib al-Baghdadi (w 463H).
2. تقريب المنهج بترتيب المدرج Oleh al-Hafiz ibn Hajar al-'Asqalani (w 852H).
3. المَدْرج إلى معرفة المُدْرج Oleh al-Hafiz Jalal al-Din Abu Bakar al-Suyuti (w 911H), yang merupakan ringkasan kitab ibn Hajar.
4. تسهيل المَدْرج إلى المُدْرَج Oleh al-Sayyid 'Abd al-*'Aziz* al-Ghumari, yang menyusun kitab ini mengikut susunan kitab al-Suyuti dan membuat beberapa penambahan.

[redacted]

Lihat: المُدْرَج.

[redacted]

Lihat: المُدْرَج.

[redacted]

Dari sudut bahasa: المدلّس adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan التدليس yang bermaksud: menyembunyikan keaiban sesuatu dan menyamarkan.

Dari sudut istilah: ialah isnad hadis yang terdapat padanya perawi yang gugur atau hilang secara tersembunyi.

Lihat التدليس dalam huruf Ta' yang telah diperincikan.

[redacted]

Dari sudut bahasa: ia adalah kata nama pelaku daripada perkataan دَلَّسَ يُدَلِّسُ yang bermaksud: seorang yang mendiamkan atau merahsiakan keaiban pada sesuatu, seperti penjual yang merahsiakan keaiban barang daripada pembeli.

Dari sudut istilah: ialah perawi yang menyampaikan daripada syeikhnya atau orang yang didengari hadis daripadanya, riwayat yang dia tidak dengar daripada mereka dengan suatu bentuk lafaz yang membayangkan seolah-olah ia mendengar daripadanya.

Hukumnya:

Diterima hadis perawi ini jika dia adalah seorang yang *thiqah* dan telah meriwayatkannya pula dengan suatu bentuk lafaz yang jelas menunjukkan dia mendengarnya (ketika mengambil hadis tersebut).

Lihat التدليس dalam huruf Ta' yang telah diperincikan.

[redacted]

Dari sudut bahasa: المذاكَرة adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan ذاكَرَ يُذاكِر yang bermaksud di sini: mengulangkaji sebuah kitab dengan penuh faham dan sedar.

Dari sudut istilah: ialah para perawi yang mengulangkaji sesama mereka riwayat-riwayat yang telah mereka hafal dengan cara sebahagian mereka membacakan riwayat-riwayat tersebut kepada sebahagian yang lain (untuk dipastikan ketepatannya).

Antara adab-adab seorang penuntut ilmu hadis ialah sentiasa melakukan muzakarah kerana ia dapat menguatkan ingatan. Daripada Anas bin Malik *r.a.* berkata: "Apabila kami berada di samping Nabi *s.a.w.* kami akan mendengar hadis daripada baginda. Maka selepas kami bangun (bersurai), kami akan saling mengulangkaji atau mengingatnya antara sesama kami sehinggalah kami dapat menghafalnya."

Kata al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi: "Sebaik-baik muzakarah adalah muzakarah pada waktu malam. Terdapat sekumpulan ulama salaf dahulu yang memulakan muzakarah (hadis mereka) dari waktu isyak. Kadang-kadang mereka tidak akan bangun (tidak berhenti bermuzakarah) sehinggalah mereka mendengar azan subuh...".

Sekiranya seseorang penuntut itu tidak menjumpai orang lain untuk bermuzakarah, maka bolehlah dia bermuzakarah dengan dirinya sendiri, dengan cara mengulang-ulangi makna yang didengarinya dan juga lafaznya dalam hati supaya ia dapat melekat kuat di ingatannya. Sememangnya mengulang-ulang makna dengan hati itu adalah sama seperti mengulang-ulangi lafaz dengan lidah. Amat sedikit orang yang berjaya jika dia hanya berpada dengan akal fikiran dan kefahamannya ketika di hadapan syeikh sahaja, kemudian dia bangun dari majlis meninggalkan syeikhnya dan tidak mengulang-ulanginya langsung. (*Tazkirah al-Sami' Wa al-Mutakallim*: hlm. 145).

Peringkat-Peringkat Kesahihan: مَرَاتِبُ الأَصَحِّيَّة

Iaitu pembahagian susunan hadis-hadis sahih kepada peringkat-peringkat berikut:

Pertama: Hadis yang disepakati oleh *al-Syaykhan* (dua orang syeikh, iaitu al-Bukhari dan Muslim).

Kedua: Hadis yang hanya diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari.

Ketiga: Hadis yang hanya diriwayatkan oleh al-Imam Muslim.

Keempat: Hadis yang menepati syarat al-Syaykhan, tetapi mereka tidak meriwayatkannya. Maksud menepati syarat tersebut ialah sama dari sudut para perawi kedua-duanya dan juga cara periwayatan mereka. Ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Abu 'Abd Allah al-Hakim al-Naisaburi yang mencampurkan isnad-isnad hadis dan menghukumkannya sebagai mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim.

Kelima: Hadis yang bertepatan dengan syarat al-Bukhari sahaja, tetapi beliau tidak meriwayatkannya.

Keenam: Hadis yang bertepatan dengan syarat Muslim sahaja, tetapi beliau tidak meriwayatkannya.

Ketujuh: Hadis yang tidak mengikut syarat-syarat al-Bukhari dan Muslim, tetapi ia sahih di sisi selain daripada kedua-dua imam tersebut, seperti Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban, serta pengarang-pengarang kitab Sunan dan *Musnad*. Ini kerana al-Bukhari dan Muslim tidak mengeluarkan kesemua hadis sahih yang ada, bahkan mereka juga tidak mensyaratkan begitu (bahawa semua hadis sahih telah dimasukkan ke dalam kitab mereka). Dengan sebab itu, al-Hakim berkata di permulaan kitabnya, Al-Mustadrak: "Mereka berdua atau salah seorang dari mereka tidak pun menghukumkan bahawa sesuatu hadis itu tidak sahih jika mereka tidak meriwayatkannya dalam kitab mereka".

Peringkat yang pertama di atas juga dinamakan sebagai *muttafaq 'alayh* (متفق عليه). Ia menghasilkan ilmu *qat'i* (ilmu yang diyakini pasti), dan kedudukannya adalah sama dengan hadis *mutawatir* dalam menghasilkan ilmu *qat'i* tersebut. (Lihat: *Mu'jam Mustalahat al-HadithWa Lata'if al-Asanid*: hlm. 382-383).

Tahap-tahap *al-jarh dan al-ta'dil:* **مَرَاتِبُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيْلِ**

Ia bermaksud lafaz-lafaz *al-jarh* dan *al-Ta'dil* serta kedudukan setiap lafaz-lafaznya. Dengannya dapat diketahui kedudukan seorang perawi dari segi sejauhmana diterima riwayatnya ataupun ditolak, berdasarkan kepada darjat *daif* ataupun *thiqah*nya.

Lihat:ألفاظ الجرح والتعديل dalam huruf Alif.

Martabat hadis: **مَرْتَبَةُ الْحَدِيث**

Iaitu darjat yang layak bagi sesuatu hadis, sama ada sahih, hasan, *daif* ataupun *mawdu'* (palsu).

Hadis yang ditolak: **الْمَرْدُوْدُ**

Iaitu hadis *daif* dengan pelbagai macam darjatnya. Faktor ia ditolak adalah sama ada dengan sebab gugurnya perawi daripada isnad, ataupun dengan sebab celaan (kritikan) terhadap perawinya dengan pelbagai macam bentuk celaan.

Yang ditolak hadisnya: **مَرْدُوْدُ الْحَدِيْثِ**

Iaitu seorang perawi yang ditolak hadisnya oleh *muhaddithin*. Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Lihat رُدَّ حَدِيْثُهُ dan ردوا حديثه dalam huruf Ra'.

Hadis *Mursal*: **الْمُرْسَلُ**

Dari sudut bahasa: الْمُرْسَلُ adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإرسال yang bermaksud: sesuatu yang dilepaskan, bebas.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang disandarkan terus oleh seorang tabiin kepada Nabi *s.a.w* tanpa menyatakan perantaranya (pada peringkat sahabat). Perkataan 'tabiin' di sini adalah secara umum yang merangkumi tabiin kecil dan juga tabiin besar.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim dalam kitab Sahihnya: Telah memberitahu kepada saya Muhammad bin Rafi', telah memberitahu kepada kami Hujain, telah memberitahu kepada kami al-Layth daripada 'Uqail, daripada Ibn Syihab daripada Sa'id bin al-Musayyib; bahawa sesungguhnya Rasulullah *s.a.w.* telah melarang daripada *al-muzabanah* (iaitu menjual benda yang tidak pasti dengan kadar yang telah pasti). (*Sahih Muslim, Kitab al-Buyu', no.* 1539).

Sa'id bin al-Musayyib adalah seorang tabiin besar, yang meriwayatkan hadis ini terus daripada Nabi *s.a.w.* tanpa menyatakan perantara antara beliau dan Nabi *s.a.w.* Beliau telah menggugurkan bahagian akhir isnad hadis ini, iaitu perawi selepas tabiin. Dengan itu, sekurang-kurang bentuk gugur ini ialah gugurnya sahabat *r.a* yang meriwayatkannya. Berkemungkinan terdapat juga perawi lain yang turut gugur bersamanya seperti tabiin yang lain misalnya.

Hukumnya:

Jika terdapat bagi hadis *mursal* tersebut riwayat lain yang sah secara bersambung sanad dari para perawi yang selain dari para perawi *mursal* berkenaan, maka hadis tersebut boleh dijadikan hujah pada pandangan jumhur ulama dan *muhaddithin*, kerana riwayat yang bersambung sanad itu dapat menjelaskan kesahihan hadis *mursal* tersebut. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/120).

Sumber-sumber al-*Mursal*:

1. المراسيل Oleh al-Imam Abu Dawud Sulayman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w 275H).
2. بيان المُرْسَل Oleh Abu Bakar Ahmad bin Harun al-Bardiji (w 301H).
3. المراسيل Oleh al-Imam Ibn Abi Hatim, Abu Muhammad 'Abd al-Rahman al-Razi (w 327H). Ia disusun mengikut susunan huruf abjad berpandukan nama-nama para Tabiin.
4. جامع التحصيل بأحكام المراسيل Oleh al-Hafiz Abu Sa'id Salah al-Din Kaykaldi al-'Ala'i (w 861H).

***Mursal* yang jelas:** الْمُرْسَلُ الْجَلِيُّ

Dari sudut bahasa: المرسَل adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإرسال yang bermaksud sesuatu yang dilepaskan. Manakala الجليّ pula bermaksud yang jelas.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi daripada seorang perawi yang tidak sezaman dengannya, seperti riwayat al-Qasim bin Muhammad daripada 'Abd Allah bin Mas'ud, dan Malik daripada Sa'id bin al-Musayyib. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/205).

***Mursal* yang tersembunyi:**

Dari sudut bahasa: المرسَل adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإرسال yang bermaksud sesuatu yang dilepaskan. Manakala الخَفِيُّ pula bermaksud yang tersembunyi.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi daripada seorang perawi yang sezaman dengannya, tetapi dia tidak pernah bertemu dengan orang tersebut, ataupun dia pernah bertemu dengannya, tetapi tidak pernah mendengar sebarang hadis daripadanya. Perawi juga telah menggunakan lafaz yang menunjukkan kemungkinan ada mendengar dan juga sebaliknya, seperti lafaz: قال (berkata) atau عن (daripada). (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm.289 dan *Tadrib al-Rawi*: 2/205).

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam kitab *al-'Ilal al-Kabir*, beliau berkata: Telah memberitahu kepada kami Ibrahim bin 'Abd Allah al-Harawi, telah memberitahu kepada kami Husyaim, telah memberitahu kepada kami Yunus bin 'Ubaid daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar *r.a.* katanya: Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Orang kaya yang melewat-lewat membayar hutang merupakan suatu kezaliman".

Isnad ini pada zahirnya bersambung, iaitu Yunus bin 'Ubaid sempat bertemu dengan Nafi' dan sezaman dengannya sehinggakan ada dalam kalangan ulama yang memasukkannya dalam kalangan perawi yang mendengar daripada Nafi'. Tetapi imam-imam pengkritik hadis mengatakan: Sesungguhnya Yunus tidak pernah mendengar daripada Nafi'. Al-Bukhari berkata: Saya tidak nampak bahawa Yunus bin 'Ubaid ada mendengar daripada Nafi'. Demikian jugalah pandangan Ibn Ma'in, Ahmad bin Hanbal dan Ibn Abi Hatim. Maka hadis ini dinamakan sebagai *al-Mursal al-Khafi*. (Lihat: *Jami' al-Tahsil*: hlm. 377) dan *Tahzib al-Tahzib*: 4/472).

***Mursal* al-Sahabi:**

Dari sudut bahasa: المرسَل adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الإرسال yang bermaksud sesuatu yang dilepaskan. Manakala الصحابيُّ pula bermaksud; orang yang pernah bertemu Nabi *s.a.w.*, beriman dengannya dan mati dalam Islam.

Dari sudut istilah: ialah sesautu yang dikhabarkan oleh seorang sahabat daripada Nabi *s.a.w.* tanpa beliau mendengarnya sendiri daripada baginda, sama ada dengan sebab sahabat tersebut masih kecil, atau lewat memeluk agama Islam, atau tiada dalam majlis bersama-sama Nabi *s.a.w.*

Contohnya:

Kata-kata al-Sayyidah 'Aisyah *r.a.*: "Perkara pertama daripada wahyu yang dimulakan terhadap Rasulullah *s.a.w.* ialah dalam bentuk mimpi yang benar semasa tidur. Baginda tidak bermimpi kecuali ianya datang seumpama belahan

cahaya subuh. Kemudian baginda diberikan perasaan suka untuk bersendirian. Maka baginda telah bersendirian dalam gua Hira' dan beribadah dalamnya pada beberapa malam sebelum kembali semula menemui keluarganya dan mengambil bekalan. Maka kemudian Nabi *s.a.w.* kembali semula kepada Khadijah *r.a.* dan mengambil bekalannya untuk tujuan yang sama sehinggalah datangnya kebenaran ketika baginda dalam gua Hira'....". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Bad'u al-Wahy, no. 3).

Al-Sayyidah 'Aisyah *r.a.* yang meriwayatkan hadis ini masih lagi belum wujud pada zaman permulaan wahyu tersebut. Beliau juga tidak menerangkan daripada siapakah beliau mendengar kisah berkaitan dengan permulaan wahyu kepada Rasulullah *s.a.w.* ini? Maka hadis beliau ini dianggap sebagai *mursal*, namun ahli hadis menggelarkannya sebagai *mursal al-sahabi*.

Hukumnya:

Jumhur ulama berpandangan bahawa hukum *mursal al-sahabi* adalah bersambung sanadnya, dan sifat *mursal* yang dilakukan oleh sahabat *r.a.* dianggap tidaklah memudaratkan. Ia boleh dijadikan hujah, jika cukup syarat-syarat penerimaan yang lain. Ini kerana riwayat sahabat biasanya adalah daripada sahabat lain yang seumpamanya juga. Semua para sahabat *r.a.* adalah dianggap bersifat *adil*.

[redacted]

Ia adalah sama dengan istilah المرسَل الجَلِيّ. Lihat pengertiannya pada tempat nya.

[redacted]

Dari sudut bahasa: المرسِل adalah kata nama pelaku daripada perkataan الإرسال yang bermaksud yang melepaskan.

Dari sudut istilah: ialah seorang tabiin yang menisbahkan hadis terus kepada Nabi *s.a.w.* tanpa menyatakan perantaraannya. Lafaz 'tabiin' di sini adalah merangkumi tabiin besar dan juga tabiin kecil.

Antara golongan tabiin mursil yang masyhur ialah:

1. Sa'id bin al-Musayyib (w 94H) dari Madinah.
2. Ibrahim bin Yazid al-Nakha'i (w 96H) dari Kufah.
3. Al-Hasan bin Yasar Abu al-Hasan al-Basri (w 110H) dari Basrah.
4. Makhul al-Dimasyqi (w 112H) dari Syam.
5. 'Ata' bin Abi Rabah (w 114H) dari Kufah.
6. Sa'id bin Abi Hilal (w 135H) dari Mesir.

[redacted]

Ia bermaksud: Di*daif*kan oleh si polan.

[redacted]

Dari sudut bahasa: المرفوع adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الرَّفْع yang bermaksud: setiap apa yang ditinggikan, dan ia adalah lawan bagi perkataan: yang direndahkan, diletakkan.

Dari sudut istilah: ialah apa yang disandarkan kepada Nabi *s.a.w.* daripada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat baginda, sama ada secara bersambung, atau terputus, atau *mursal.*

Contohnya:

Sepertimana contoh-contoh yang telah dinyatakan dalam pengertian hadis sahih (الصحيح), hasan (الحَسَن) dan juga *daif* (الضَّعيف). Kesemuanya boleh dijadikan contoh bagi hadis *marfu'*.

Bahagian-bahagiannya:

Marfu' terbahagi kepada 4 bahagian iaitu:

1- *Al-Marfu' al-Taqriri:* الْمَرْفُوْعُ التَّقْرِيْرِيُّ

2- *Al-Marfu' Al-Fi'li:* الْمَرْفُوْعُ الفِعْلِيُّ

3- *Al-Marfu' Al-Qauli:* الْمَرْفوعُ القَوْلِيُّ

4- *Al-Marfu' al-Wasfi:* الْمَرْفُوعُ الوَصْفِيُّ

Lihat pengertian masing-masing pada tempat nya.

Hukumnya:

Hadis *marfu'* boleh jadi sahih jika lima syarat-syarat sahih itu dipenuhi, dan boleh jadi hasan, dan juga boleh jadi *daif*, jika hilang salah satu ataupun lebih daripada syarat-syarat sahih, dan penisbahannya kepada Nabi *s.a.w.* ketika itu tidak memberi sebarang faedah.

***Marfu'* secara hukumnya:** الْمَرْفُوعُ حُكْماً

Iaitu sesuatu yang dinyatakan oleh Sahabat *r.a.* yang diambil daripada riwayat-riwayat *Israiliyat* dan ianya bukan sesuatu yang boleh diijtihadkan seperti penetapan waktu-waktu ibadat, penetapan pahala dan dosa, dan sebagainya. (Lihat kupasan al-Hafiz Ibn Hajar dalam: *Syarah al-Nukhbah*: hlm: 114).

Hukumnya:

Ia adalah hujah di sisi jumhur ulama hadis. Mereka telah mengambil daripada kata-kata Abu Hurairah *r.a.*: "Sesiapa yang berpuasa pada hari syak, maka dia telah mengingkari Abu al-Qasim (Nabi *s.a.w.*)" (Diriwayatkan oleh Ashab al-Sunan al-Arba'ah). Juga kata-katanya: "Sesiapa yang keluar daripada masjid selepas azan, maka dia telah mengingkari Abu al-Qasim".

Kata-kata 'Aisyah *r.a.*: "Kami diarahkan untuk mengganti (*qada'*) puasa".

Kata-kata Ibn Mas'ud *r.a.*: "Sesiapa yang berjumpa tukang tilik atau ahli sihir, maka dia telah mengkufuri apa yang diturunkan ke atas Muhammad *s.a.w.*".

Semua yang diriwayatkan ini memiliki hukum *marfu'* di sisi ulama. Termasuk jenis *marfu'* ini juga, lafaz yang diungkapkan apabila menyebut nama Sahabat *r.a.* seperti: (يَرْفَع الحديث), atau (يَبْلُغ به), atau (يَنْمِيه). Begitu juga kata-kata Sahabat *r.a.* seperti: (أُمِرْنَا بكذا), atau (نُهِيْنَا عن كذا), atau (مِن السُّنَّة كذا). Kesemuanya ini memiliki hukum *marfu'*.

Al-Marfu' al-Hukmi: الْمَرْفُوعُ الْحُكْمِيُّ

Lihat: المَرْفُوع حُكْماً.

Al-Marfu' al-Taqriri: الْمَرْفُوعُ التَّقْرِيرِيُّ

Iaitu Sahabat atau selain daripadanya berkata: "Dilakukan di hadapan Nabi *s.a.w.* begini... dan begini..." serta tidak diriwayatkan sebarang tegahan Nabi *s.a.w.* berkaitan dengan perbuatan tersebut.

Contohnya:

Diriwayatkan bahawa dua orang Sahabat *r.a.* telah keluar bermusafir, hingga air mereka telah kehabisan. Maka mereka berdua pun bertayammum dan melakukan solat. Setelah itu barulah mereka berjumpa dengan air, iaitu sebelum berakhirnya waktu solat. Maka salah seorang daripada mereka pun berwuduk dan mengulangi solatnya. Manakala yang seorang lagi tidak mengulangi solatnya. Apabila kedua-duanya kembali, mereka telah mengkhabarkan kisah itu kepada Rasulullah *s.a.w.* Maka baginda telah bersabda kepada yang berwuduk dan mengulangi solatnya: "Bagimu ganjaran dua kali." Baginda bersabda pula kepada Sahabat yang tidak mengulang wuduk dan solatnya: "Kamu telah menepati sunnah dan mendapat pahala.". (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam Kitab *al-Taharah, Bab Fi al-Mutayammim Yajid al-Ma'*, no: 338).

Dalam hadis ini, Nabi *s.a.w.* telah mengakui perbuatan kedua-dua Sahabat *r.a.* tersebut dan tidak menafikannya.

Al-Marfu' Al-Fi'li: الْمَرْفُوعُ الفِعْلِيُّ

Iaitu Sahabat *r.a.* atau selain daripadanya mengatakan: "Rasulullah *s.a.w.* telah melakukan sekian...".

Contohnya:

Hadis 'Abd Allah bin 'Abbas *r.a.*: Sesungguhnya beliau pernah berwuduk, lalu membasuh wajahnya. Kemudian beliau mengambil air dengan tangannya, lalu berkumur serta memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya. Beliau mengambil air lagi dan melakukan begini, iaitu menggabungkan kedua-dua tangannya dan membasuh wajahnya. Kemudian beliau mengambil air dan membasuh tangan kanannya, seterusnya mengambil air dan membasuh tangan kirinya pula. Kemudian beliau menyapu kepalanya dengan air. Seterusnya beliau mengambil air dan merenjiskannya di atas kaki kanannya serta membasuhnya. Kemudian beliau mengambil air dan membasuh kaki kirinya pula, kemudian berkata: "Beginilah saya lihat Rasulullah *s.a.w.* berwuduk". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab al-Wuduk, Bab Gasl al-Wajh Bi al-Yadain*, no: 140).

Al-Marfu' Al-Qauli: الْمَرْفُوعُ القَوْلِيُّ

Iaitu Sahabat *r.a.* atau selain daripadanya berkata: "Rasulullah *s.a.w.* bersabda...".

Contohnya:

Daripada 'Umar bin al-Khattab *r.a.* daripada Nabi *s.a.w.* bahawa baginda telah bersabda: "Sesungguhnya amalan-amalan itu (disertai) dengan niat-niatnya". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada 'Umar bin al-Khattab *r.a.* di permulaan kitab al-Sahih).

[redacted]

Iaitu kata-kata Sahabat *r.a.* atau selain daripadanya yang berkaitan dengan sifat Nabi *s.a.w.* sama ada sifat tubuh badan (jasmani) ataupun akhlak (rohani) baginda.

Contohnya:

Kata-kata Hind bin Abi Halah *r.a.* berkaitan dengan sifat Nabi *s.a.w.* dari sudut jasmani: "Baginda adalah seorang yang bertubuh tegap dan gagah, wajahnya bercahaya seumpama cahaya bulan ketika penuh". (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam *al-Syamail, Bab Kayfa Kana Kalam Rasulullah s.a.w.* no. 7).

Kata-kata Abu Sa'id al-Khudri berkaitan dengan sifat Nabi *s.a.w* dari sudut akhlak: "Rasulullah *s.a.w.* adalah seorang yang amat pemalu, lebih dari anak dara yang berada dalam biliknya". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab al-Manaqib, Bab Sifat al-Nabi s.a.w.* no: 3562).

[redacted]

Dari sudut bahasa: المروءة adalah kata nama terbitan daripada perkataan مَرُؤَ يَمْرَؤُ yang bermaksud: Adab-adab diri yang mendorong seseorang itu sentiasa mengamalkan akhlak-akhlak yang baik dan adat-adat yang cantik.

Dari sudut istilah: Setiap sesuatu yang boleh menjatuhkan atau merendahkan kedudukan seseorang menurut adat kebiasaan sesebuah masyarakat yang elok, seperti: membuang air kecil di jalanan, banyak merokok, mempersenda atau merendahkan orang lain dan sebagainya.

Ini kerana perbuatan sedemikian menunjukkan kepada seseorang yang mempunyai tahap sensitiviti dan keprihatinan yang rendah. Kita tidak merasa aman atau tenang sekiranya dia akan bersikap membuta tuli dalam meriwayatkan hadis Nabi *s.a.w.* Manakala tentang makan dan minum di kedai, sebahagian ulama telah memasukkannya dalam perkara-perkara yang menjatuhkan maruah. Tetapi hendaklah juga ia dilihat pada adat kebiasaan sesebuah masyarakat. Minum minuman sejuk ataupun teh serta membeli beberapa makanan di kedai makan tidaklah dianggap sebagai menjatuhkan maruah pada zaman ini.

[redacted]

Dari sudut bahasa: المزكّي adalah kata nama pelaku daripada perkataan التزكية yang bermaksud: orang yang memuji.

Dari sudut istilah: ialah muhaddith yang memuji seorang perawi sebagai *tadil* dengan menganggapnya sebagai seorang yang *thiqah*.

Dari sudut bahasa: المَزِيْدُ adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan الزيادة yang bermaksud: meningkat naik atau bertambah, iaitu lawan kepada kurang. Manakala المُتَّصِلُ adalah kata nama pelaku daripada perkataan الاتِّصال yang merupakan lawan bagi perkataan المنقطع ; yang terputus. Perkataan الأسانيدُ pula adalah jamak bagi perkataan إسنادٍ yang bermaksud: pegangan, sandaran.

Dari sudut istilah: ialah pertambahan yang dilakukan oleh seorang perawi dalam suatu isnad yang bersambung dengan menyebut nama seseorang yang tidak disebut oleh perawi yang lain (yang turut meriwayatkan hadis tersebut).

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin al-Mubarak dengan berkata: Telah memberitahu kami Sufyan bin 'Abd al-Rahman bin Yazid, telah memberitahuku Busr bin 'Ubaidillah, beliau berkata: Saya mendengar Abu Idris berkata: Saya mendengar Wathilah berkata: Saya mendengar Abu Marthad berkata: Saya mendengar Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Janganlah kamu semua duduk di atas kubur dan juga janganlah bersolat ke arahnya.". (Diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Nahy 'An al-Julus 'Ala al-Qabr,* no: 972).

Pertambahan dalam contoh ini berlaku pada dua tempat. Tempat pertama pada lafaz 'Sufyan', dan tempat kedua pula pada lafaz 'Abu Idris'. Sebab pertambahan ini adalah kerana kesilapan atau kecelaruan.

Penambahan 'Sufyan' adalah kesilapan perawi sebelum daripada Ibn al-Mubarak. Ini kerana terdapat beberapa perawi *thiqah* yang meriwayatkan hadis tersebut daripada Ibn al-Mubarak daripada 'Abd al-Rahman bin Yazid, dan ada dalam kalangan mereka dengan jelas menyatakan lafaz pemberitahuan.

Manakala penambahan 'Abu Idris' adalah kesilapan daripada Ibn al-Mubarak sendiri. Ini kerana terdapat beberapa perawi *thiqah* yang meriwayatkan hadis tersebut daripada 'Abd al-Rahman bin Yazid, tidak menyebut 'Abu Idris'. Ada dalam kalangan mereka dengan jelas menyatakan telah mendengar daripada Busr daripada Wathilah.

Syarat-syarat menolak pertambahan ini:

Ada dua syarat untuk menolak pertambahan ini dan menganggap ianya suatu kesilapan daripada perawi yang menambahkannya, iaitu:

1. Perawi yang tidak menambah penambahan tersebut lebih teliti daripada perawi yang menambahnya.
2. Terdapat pernyataan secara jelas dengan *sama'* (pendengaran) di tempat penambahan tersebut.

Jika kedua-dua syarat ini atau salah satunya tiada, maka penambahan itu dianggap benar dan diterima, dan dianggap isnad yang tidak mempunyai pertambahan pula sebagai terputus. Tetapi keadaan terputus tersebut adalah

tersembunyi dan ia dinamakan sebagai: الْمُرْسَلُ الْخَفِيُّ . (Lihat pengertiannya pada tempat nya). (*Taysir Mustalah al-Hadith:* hlm: 110-111).

Karya utama dalam bidang ini:

Kitab تمييز الْمَزِيْدُ فِي مُتَّصِلِ الأَسانِيْدِ oleh al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (w 463H).

Mim – Sin: مس

Simbol yang menunjukkan bahawa Imam Muslim meriwayatkan hadis tersebut dalam kitab Sahihnya.

Persoalan 'lafaz': مَسْأَلَةُ اللَّفْظِ

Ia juga dinamakan dengan persoalan *Khalq* al-Quran. Kedua-dua ungkapan ini membawa maksud; persoalan berkaitan kata-kata: "Sesungguhnya al-Quran adalah kalam Allah yang bukan makhluk, dan lafaz seorang hamba bagi al-Quran itulah yang makhluk", atau dengan kata lain: "Bacaan terhadap al-Quran dan lafaz yang dikeluarkan oleh manusia itu adalah makhluk". (Lihat: *Majmu' Fatawa Ibn Taymiyyah*: 12/42).

Ia merupakan suatu persoalan yang halus dan rumit yang telah membawa satu perselisihan dan pertelingkahan yang besar. Persoalan ini juga digelar dalam sejarah sebagai: المِحْنَة (ujian). Ia banyak disebut, diperbahas dan dinyatakan dalam kitab-kitab *al-jarh wa al-Ta'dil*, kitab-kitab *al-Rijal*, *al-Ruwat*, *al-Du'afa'* dan *al-Tarikh*.

Al-Masanid: الْمَسَانِيْدُ

Lihat الْمُسْنَد pada tempat nya.

Persamaan: الْمُسَاوَاةُ

Dari sudut bahasa: المساواة adalah kata nama terbitan daripada perkataan ساوى يُساوِي yang bermaksud: Persamaan.

Dari sudut istilah: ialah persamaan bilangan suatu isnad daripada seorang perawi sehingga ke akhirnya, dengan isnad salah seorang dari pengarang-pengarang kitab hadis. Maksudnya: Seorang muhaddith meriwayatkan suatu hadis riwayat salah seorang pengarang kitab, dengan suatu isnad yang sama bilangan perawinya dengan bilangan perawi dalam isnad pengarang kitab tersebut.

Contohnya:

Al-Hafiz Ibn Hajar memberikan contoh dengan katanya: Misalnya, al-Nasa'i meriwayatkan suatu hadis yang antara beliau dengan Nabi *s.a.w.* ada seramai 11 orang. Hadis yang sama itu juga telah sampai kepada kami dengan isnad yang lain hingga kepada Nabi *s.a.w.*, yang antara kami dan Nabi *s.a.w.* juga ada seramai 11 orang. Maka terdapat persamaan antara kami dengan al-Nasa'i dari sudut bilangan perawi, tanpa melihat kepada perbincangan yang lebih lanjut berkaitan dengan sanad khusus tersebut. (Lihat: *Nuzhah al-Nazar*: hlm: 71).

Tertutup, terlindung: الْمُسْتَتِرُ

Iaitu hadis yang tidak dapat dipastikan sama ada ditolak ataupun diterima, seperti sebahagian hadis-hadis yang diriwayatkan berkaitan dengan *fada'il al-a'mal* (fadilat-fadilat amalan). (lihat: *al-Mukhtasar Fi 'Ilm al-Athar*: hlm: 125).

Al-Mustakhraj: الْمُسْتَخْرَجُ

Dari segi bahasa: perkataan (المستخرج) dan kata jamaknya (المستخرجات) adalah perkataan yang diambil dari kata terbitan (الاستخراج) yang membawa maksud; mengekstrak atau mengeluarkan sesuatu.

Dari segi istilah pula: ialah sebuah kitab yang disusun oleh pengarangnya bersandarkan kepada salah sebuah kitab hadis yang bersanad, seperti *Sahih Al-Bukhari* misalnya. Pengarang kitab tadi meriwayatkan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari itu dengan sanad-sanadnya sendiri, dan ia bertemu dengan Al-Bukhari dalam setiap hadisnya pada guru yang sama, atau pada guru yang lebih atas daripadanya.

Faedah-Faedah *Al-Mustakhraj*

1. Mencari sanad yang tinggi.
2. Menguatkan lagi hadis dengan adanya jalan riwayat yang pelbagai.
3. Mengenalpasti melalui sebahagian jalan-jalan riwayatnya akan pertambahan perkataan yang berlaku, ataupun sebab atau peristiwa hadis itu diriwayatkan kerananya, ataupun apa sahaja yang boleh membantu bagi memahami maksud sebenar hadis tersebut.

Kitab-kitab *Al-Mustakhraj*

Ramai ulama yang telah mengarang dan menghasilkan kitab-kitab *Al-Mustakhraj* ini sehingga agak banyak bilangannya. Bagaimanapun, kebanyakannya telah pun dianggap hilang pada hari ini. Namun di sini akan disenaraikan sebahagian kitab-kitab *Al-Mustakhraj* yang telah disusun oleh mereka bagi membuktikan kesungguhan usaha mereka dalam memberi khidmat kepada hadis nabawi yang mulia:

A) Kitab-kitab *Al-Mustakhraj* bagi *Sahih Al-Bukhari*

1. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Al-Bukhari*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ibrahim bin Isma'il Al-Isma'ili Al-Jurjani (w. 371H). Ibnu Hajar menamakan kitab ini sebagai Sahih Al-Isma'ili. (Sila lihat *Al-Mu'jam Al-Mufahras*: 43).
2. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Al-Bukhari*: Karangan Abu Ahmad, Muhammad bin Abu Hamid Ahmad bin Al-Husain Al-Ghitrifi (w. 377H).
3. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Al-Bukhari*: Karangan Al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad bin Al-Abbas bin Ahmad Al-Harawi yang juga dikenali dengan panggilan Abu Zuhl (w. 378H).
4. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Al-Bukhari*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Musa bin Marduwaih Al-Isbahani (w. 416H).

5. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Al-Bukhari*: Karangan Al-Hafiz Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah bin Ahmad Al-Asbahani (w. 430H).

B) Kitab-kitab Al-Mustakhraj bagi Sahih Muslim:

6. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Al-Fadl Ahmad bin Salamah Al-Bazzar An-Naisaburi (w. 286H).
7. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Muhammad bin Ahmad bin Raja' Al-Asfirayini An-Naisaburi (w. 286H).
8. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Jaafar Ahmad bin Hamdan Al-Hirani An-Naisaburi (w. 311H).
9. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu 'Awanah Ya'qub bin Ishaq Al-Asfirayini (w. 316H). Kitab ini juga dinamakan dengan *Sahih Abi 'Awanah, Musnad Abi 'Awanah* dan juga *Al-Musnad Al-Mustakhraj Ala Sahih Muslim.*
10. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Imran Musa bin Muhammad bin Abbas Al-Juwaini (w. 323H).
11. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Muhammad Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim At-Tusi (w. 339H).
12. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Ibn Asbagh, Abu Muhammad Qasim bin Asbagh bin Muhammad bin Yusuf Al-Andalusi (w. 340H).
13. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Al-Walid Hassan bin Muhammad bin Ahmad bin Harun Al-Qazwini (w. 344H).
14. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu An-Nasr Muhammad bin Yusuf At-Tusi (w. 344H).
15. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Sa'id Ahmad bin Abu Bakar Al-Hiyari (w. 353H).
16. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Hamid Ahmad bin Syarik al-Syariki Al-Harawi (w. 355H).
17. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Muhammad bin 'Abd Allah bin Muhammad bin Zakaria Al-Jauzaqi (w. 388H).
18. *Al-Mustakhraj 'Ala Sahih Muslim*: Karangan Al-Hafiz Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah bin Ahmad Al-Isbahani (w. 430H).

C) Kitab-kitab *Al-Mustakhraj* bagi *Sahih Al-Bukhari* dan Sahih Muslim

19. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ya'qub bin Yusuf Al-Syaybani juga dikenali dengan panggilan Ibn Al-Akhram (w. 344H).
20. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Ali Al-Hasan bin Muhammad Al-Masarjisi (w. 365H).

21. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Abdan bin Muhammad bin Al-Faraj Asy-Syirazi (w. 388H).
22. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ghalib Al-Barqani (w. 425H).
23. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Muhammad Al-Isbahani juga dikenali dengan panggilan Ibnu Manjuwaih (w. 428H).
24. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah bin Ahmad Al-Isbahani (w. 430H).
25. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Zar 'Abd bin Ahmad bin Muhammad bin 'Abd Allah Al-Ansari Al-Harawi (w. 434H).
26. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Muhammad Al-Hasan bin Abi Talib juga terkenal dengan panggilan Al-Khallal (w. 439H).
27. *Al-Mustakhraj 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Mas'ud Sulaiman bin Ibrahim Al-Mulaihi (w. 486H).

D) Kitab-kitab *Al-Mustakhraj* bagi *Sunan Abi Dawud*

28. *Al-Mustakhraj 'Ala Sunan Abi Dawud*: Karangan Ibnu Faraj, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abdul Malik Al-Qurtubi (w. 330H).
29. *Al-Mustakhraj 'Ala Sunan Abi Dawud*: Karangan Qasim bin Asbagh (w. 340H).
30. *Al-Mustakhraj 'Ala Sunan Abi Dawud*: Karangan Abu Bakar Ibnu Manjuwaih Al-Isfahani (w. 428H).

E) Kitab-kitab *Al-Mustakhraj* bagi *Sunan Al-Tirmizi*

31. *Al-Mustakhraj 'Ala Sunan Al-Tirmizi*: Karangan Abu Ali Al-Hasan bin Ali bin Nasr At-Tusi (w. 312H).
32. *Al-Mustakhraj 'Ala Sunan Al-Tirmizi*: Karangan Abu Bakar Ibnu Manjuwaih (w. 428H).

F) Kitab-kitab *Al-Mustakhraj* bagi kitab-kitab yang lain

33. *Mustakhraj 'Ala At-Tauhid Li Ibni Khuzaimah*: Karangan Al-Hafiz Abu Nu'aim Al-Isbahani (w. 430H).
34. *Al-Muntaqa* oleh Ibni Al-Jarud (w. 307H). Kitab ini adalah seperti kitab Al-*Mustakhraj 'Ala Sahih Ibn Khuzaimah*.
35. *Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Zar Al-Harawi (w. 434H).

Kitab Al-Mustakhraj: المستخرج

Sila lihat maknanya pada perkataan (المستخرج).

Al-Mustadrak: المستدرك

Dari segi bahasa: perkataan (المُستَدرَك) dan kata jamaknya (المُستَدرَكات) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (الاستدراك) yang membawa maksud; yang ditambah.

Dari segi istilah pula ialah: sebuah kitab yang mengandungi apa yang tidak diriwayatkan dalam sebuah atau lebih daripada sebuah kitab hadis. Hadis-hadis yang diriwayatkan itu adalah mengikut syarat pengarang kitab hadis tersebut, ataupun yang termasuk dalam babnya. (Sila lihat *Ulum Al-Hadith:* 21-22, dan *Tadrib Al-Rawi* 1/105).

Kitab-Kitab *Al-Mustadrak* yang Masyhur:

1. *Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah yang dikenali dengan panggilan Al-Hakim (w. 405H). Beliau telah mengarang kitab ini dengan menyusunnya berdasarkan bab-bab, mengikut sebagaimana susunan asal yang digunakan oleh Al-Bukhari dan Muslim dalam *Sahih* mereka. Dalam kitab ini beliau telah menyebut tiga jenis hadis, iaitu:
    i) Hadis-hadis sahih yang diriwayatkan berdasarkan syarat Al-Bukhari dan Muslim, atau berdasarkan syarat salah seorang dari mereka, dan mereka berdua tidak mengeluarkan hadis-hadis tersebut.
    ii) Hadis-hadis sahih berdasarkan pandangan Al-Hakim sendiri, sekalipun ianya tidak menepati syarat Al-Bukhari dan Muslim, atau syarat salah seorang dari mereka. Hadis ini digambarkan sebagai hadis yang sahih sanadnya (صحيحة الإسناد).
    iii) Beliau juga menyebutkan hadis-hadis yang tidak sahih di sisinya, namun beliau telah memberi peringatan terhadapnya.

    Bagaimanapun, dalam kitab ini beliau terlalu longgar dalam meletakkan hukum ke atas hadis-hadisnya sebagai sahih. Dengan sebab itulah kitab ini telah banyak dikritik oleh ulama yang terkemudian, dan mereka telah mengulas hadis-hadis yang terdapat dalamnya seperti yang dilakukan oleh Al-Hafiz Al-Zahabi. Beliau telah melakukan ringkasan terhadap kitab ini serta memberi ulasan terhadap perkara yang perlu diberi ulasan.

    Kata beliau dalam menggambarkan kitab ini: "Dalam kitab *Al-Mustadrak* ini terdapat banyak hadis yang diriwayatkan berdasarkan syarat Al-Bukhari dan Muslim, begitu juga dengan hadis-hadis yang menepati syarat salah seorang daripada mereka. Maka boleh disimpulkan, bahawa hadis-hadis yang menepati syarat mereka berdua atau salah seorang daripada mereka itu adalah menyamai satu pertiga daripada kitab ini ataupun kurang sedikit. Manakala kebanyakan hadis yang secara zahirnya seperti memenuhi syarat mereka berdua, namun secara batinnya tersembunyi banyak *'illah* yang mencacatkan kedudukan hadis tersebut. Sebahagian hadis-hadis yang lain kitab ini pula adalah *saleh, hasan* dan *jayyid*, dan hadis-hadis seperti ini melengkapi satu perempat kitab. Justeru, baki hadis-

hadis yang terkandung dalam kitab ini adalah hadis-hadis *munkar* dan 'ajaib'. Daripada jenis yang sedemikian pula terdapat hampir seratus buah hadis yang pasti kebatilannya, yang saya telah asingkannya dalam satu juzuk... Walau bagaimanapun, kitab ini tetap bermanfaat dan saya telah pun meringkaskannya". (Sila lihat *Siyar Al-A'lam An-Nubala'*: 17/175).

Al-Zahabi telah menyelesaikan sebahagian masalah kelonggaran syarat Al-Hakim ini. Beliau telah meneliti dan menyimpulkannya dalam sebuah kitab yang berjudul "*Talkhis Al-Mustadrak*" yang telah dicetak bersama-sama kitab *Al-Mustadrak*. Beliau telah menyatakan persetujuannya terhadap sebahagian hadis yang dinyatakan sahih oleh Al-Hakim, dan juga menyangkal sebahagian hadis yang dinyatakan sahih oleh beliau. Manakala sebahagian hadis yang lain pula, Al-Zahabi tidak menyatakan pendiriannya.

Hadis-hadis yang tidak dinyatakan apa-apa oleh Al-Zahabi tentang hukumnya ini adalah sangat perlu kepada *takhrij* dan kajian lanjut bagi mengetahui kedudukan sebenar hadis-hadis tersebut. Perkara ini telah cuba diusahakan oleh Ustazah Nur Al-Khairiyyah (Malaysia) dan Fadhilah Yama (Thailand) dalam kajian master mereka di bawah seliaan Dr. Abu al-Laith Al-Khaira Abadi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Usaha tersebut juga telah dilakukan sebelum itu oleh Dr. Mahmud Mirah.

2- *Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain*: Karangan Al-Hafiz Abu Zar 'Abd bin Ahmad bin Muhammad Al-Harawi (434H). Kitab ini adalah seumpama *Al-Mustakhraj 'Ala Kitab Ad-Daraqutni*, dalam satu jilid. Namun ianya dikatakan telah hilang. (Sila lihat *Ar-Risalah Al-Mustatrafah*: 23).

3- *Al-Ilzamat*: Karangan Al-Imam Abu Al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (385H). Kitab ini juga seperti *Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain*. Beliau telah mengumpulkan hadis-hadis yang memenuhi syarat Al-Bukhari dan Muslim, dan mereka tidak mengeluarkan hadis-hadis tersebut dalam kitab *Sahih* mereka. Kitab ini disusun mengikut susunan kitab *Al-Musnad*. (Sila lihat *Ar-Risalah Al-Mustatrafah*: 23).

Kitab-Kitab *Al-Mustadrak*: الْمُسْتَدْرَكَاتُ

Sila lihat perkataan (المستدرك).

Al-Mustafidh: الْمُسْتَفِيضُ

Dari segi bahasa: perkataan (المستفيض) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (الاستفاضة) yang membawa maksud; yang tersebar secara meluas.

Dari segi istilah pula, terdapat tiga perselisihan ulama mengenai maksudnya iaitu:

1- Ianya sama makna dengan hadis *masyhur*, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih dalam setiap *tabaqat* sanadnya, dan bilangan tersebut tidaklah sampai kepada bilangan hadis *mutawatir*.

2- Ianya lebih khusus maknanya daripada hadis *masyhur*, iaitu *mustafidh* ini disyaratkan bilangan perawinya sama pada setiap *tabaqat*, manakala *masyhur* pula tidak disyaratkan sedemikian. (Sila lihat *Ulum Al-Hadith:* 265).
3- Ianya lebih umum daripada hadis *masyhur*, iaitu sebalik kepada pendapat yang kedua, kerana hadis *masyhur* ini dikehendaki pada permulaan hingga penghujungnya mempunyai bilangan perawi yang sama banyak, manakala *mustafidh* pula tidak sedemikian. (Sila lihat: *Tadrib Al-Rawi* 2/173).

Al-Mustaqsa: المستقصى

Iaitu hadis yang diriwayatkan secara keseluruhannya tanpa ada sebarang ringkasan.

Al-Mustaqim: المستقيم

Dari segi bahasa: perkataan (المستقيم) adalah kata nama pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (الاستقامة) yang membawa maksud; yang seimbang, yang konsisten, yang tetap.

Dari segi istilah: ialah hadis yang merangkumi hadis sahih dan hadis hasan.

Mustaqim Al-Hadith: مستقيم الحديث

Dari segi bahasa: perkataan (المستقيم) adalah kata nama pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (الاستقامة) yang membawa maksud; yang seimbang, yang konsisten, yang tetap.

Dari segi istilah, ianya membawa maksud: perawi yang tiada kesalahan dan keganjilan dalam riwayatnya yang bertentangan dengan riwayat para perawi *thiqah*. Istilah ini digunakan oleh Ibnu Hibban terhadap Sufyan bin Miskin, seorang syeikh daripada ahli Madinah. Kata Ibnu Hibban tentangnya: "Aku telah selidiki hadisnya untuk melihat sesuatu yang *gharib* (ganjil) dalamnya, maka saya tidak melihatnya melainkan beliau adalah seorang yang *mustaqim al-Hadith* ". (Sila lihat Ath-Thiqat 8/9).

Istilah ini juga digunakan oleh ulama selain beliau terhadap perawi yang lain.

Al-Mustamli: المستملي

Dari segi bahasa: perkataan (المستملي) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (الاستملاء) yang membawa maksud; seorang yang meminta supaya dituliskan kepadanya sesuatu dari kitab.

Dari segi istilahnya pula: ia adalah panggilan yang digunakan terhadap seorang yang duduk berdekatan dengan syeikh dalam majlis menyampaikan hadis, supaya dia dapat memperdengarkannya kepada orang yang duduk jauh dalam majlis, sekiranya pendengar semakin ramai dan besar jumlahnya.

Yang Terlindung atau Tersembunyi: المستور

Dari segi bahasa: perkataan (المستور) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (سَتَرَ يَستُر) yang membawa maksud; terlindung, tersembunyi.

Dari segi istilahnya pula: ialah seorang perawi yang tidak diketahui kepribadiannya. Tetapi, biodatanya dikenali kerana diriwayatkan daripadanya oleh dua orang perawi atau lebih dalam kalangan mereka yang masyhur dengan ilmu. Namun, tidak ada seorang pun yang menyatakan tentang sifat *thiqah*nya. Selain istilah ini, ia juga dinamakan sebagai (مجهول العدالة باطناً لا ظاهراً).

Sila lihat perkataan (المجهول).

Yang Disempurnakan: **الْمُسْتَوْفَى**

Dari segi bahasa: perkataan (المستوفى) adalah *isim maf'ul* dari perkataan (استوفى يَستوفي) yang membawa maksud; sempurna, dan lengkap.

Dari segi istilah pula: ialah hadis yang diriwayatkan keseluruhannya secara sempurna berserta sanad dan riwayat-riwayatnya.

Yang seimbang hadisnya: **مُستَوِيُ الْحَدِيْثِ**

Dari segi bahasa: perkataan (المستوي) adalah kata nama pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (اسْتَوَى يَستوِي) yang membawa maksud; yang sama, seimbang dan lurus.

Dari segi istilahnya pula: ialah seorang perawi yang baik kedudukan hadisnya dan dapat ditulis hadisnya untuk dijadikan dalil penyokong . (Sila lihat Tahzib At-Tahzib 6/316).

Yang Dicuri: **الْمَسْرُوْقُ**

Dari segi bahasa: perkataan (المسروق) adalah *isim maf'ul* dari perkataan (سَرَقَ - يَسْرِقُ) yang membawa maksud; sesuatu yang diambil secara senyap.

Dari segi istilahnya pula: ialah seorang individu yang mengambil suatu hadis yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja secara sendirian, lalu dia mendakwa bahawa dia juga pernah mendengar hadis tersebut daripada syeikh kepada perawi hadis yang bersendirian tadi. (Sila lihat: *Manhaj An-Naqd Fi Ulum Al-Hadith:* 438).

Hukumnya:

Hadisnya tidak boleh dijadikan dalil penyokong.

Musalsal: **الْمُسَلْسَلُ**

Dari segi bahasa: perkataan (المسلسل) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (سَلْسَلَ يُسَلْسِلُ) yang membawa maksud; sesuatu yang bersambung dengan yang lain, yang berantai-rantai.

Dari segi istilahnya pula: ialah suatu hadis yang berturut-turut sama para perawi sanadnya di atas suatu sifat atau keadaan tertentu, sama ada berlaku pada perawi ataupun pada periwayatan hadis tersebut. (Sila lihat: Ulum Al-Hadith: 248).

Jenis-jenis *Al-Musalsal*:

Hadis *Al-Musalsal* ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Antaranya:

Pertama: Hadis *al-musalsal* (yang berantai) yang berbentuk kata-kata.
Sebagai contoh:
Hadis Muaz bin Jabal; sesungguhnya Nabi *s.a.w.* pernah berkata kepada beliau: "Wahai Muaz, sesungguhnyasaya mencintaimu, maka ucapkanlah setiap kali selesai daripada solat doa ini: (اللّٰهُمَّ أَعِنِّي على ذِكْرِكَ وشُكْرِك وحُسْنِ عِبَادَتِك)".
Maka para perawi hadis ini juga setiap kali meriwayatkan hadis ini mereka akan turut mengucapkan lafaz: "Aku mencintaimu, maka ucapkanlah setiap kali selesai daripada solat.....". (Sila lihat :kitab *Al-Manahil Al-Silsilah Fi Al-Ahadis Al-Musalsalah*: 13).

Kedua: Hadis *al-musalsal* (yang berantai) yang berbentuk perbuatan.
Sebagai contoh:
Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang sedang memegang tangan Rasulullah *s.a.w.* (jari mereka saling berselang), lalu Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya Allah menjadikan bumi pada hari Sabtu...". Setelah itu setiap perawi yang ingin meriwayatkan hadis ini mereka akan memegang tangan yang lain seperti Rasulullah *s.a.w.* memegang tangan Abu Hurairah sambil meriwayatkan hadis ini. (Sila lihat *Ma'rifah Ulum Al-Hadith*Karangan Al-Hakim: 33-34).

Ketiga: Hadis *al-musalsal* (yang berantai) dengan yang berbentuk kata-kata dan perbuatan sekaligus.
Sebagai contoh:
Hadis Anas beliau berkata bahawa Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Seorang hamba itu tidak akan merasai kemanisan iman sehinggalah dia beriman dengan qadar, tidak kira qadar yang baik ataupun yang buruk, yang manis ataupun yang pahit." Selesai mengucapkan hadis ini Baginda *s.a.w.* memegang janggutnya lalu bersabda: "Aku beriman dengan qadar yang baik mahupun yang buruk, yang manis mahupun yang pahit".
Lalu setiap perawi yang meriwayatkan hadis ini telah mengucapkan kata-kata yang sama dan melakukan perbuatan yang sama sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah *s.a.w.*. (Sila lihat: *Ma'rifah Ulum Al-Hadith*Karangan Al-Hakim: 33-34).

Hukum Hadis *Al-Musalsal*:
Tidak semua hadis *Al-Musalsal* itu dihukumkan sebagai sahih. Bolehjadi ianya sahih, hasan, *daif* mahupun *mawdu'*. Perkara ini bergantung kepada syarat-syarat hadis sahih yang ada pada hadis tersebut. Maka sekiranya ia melengkapi syarat-syarat hadis sahih, ianya dihukumkan sebagai sahih, dan begitu juga sebaliknya.

Kitab-Kitab *Al-Musalsal* yang masyhur:
1. *Al-Jawahir Al-Mufaddalat Fi Al-Ahadis Al-Musalsalat*: Karangan Ibnu At-Tailasan, Abu Al-Qasim Al-Qasim bin Muhammad bin Ahmad Al-Ausi Al-Ansari Al-Qurtubi (w. 642H).
2. *Al-'Azb As-Salsal Fi Al-HadithAl-Musalsal*: Karangan Al-Hafiz Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman Al-Zahabi (w. 748H).

3. *Jiyad Al-Musalsalat*: Karangan Al-Hafiz Jalaluddin Abu Bakar Al-Suyuti (w. 911H).
4. *Al-Musalsal*at *Al-Kubra*: Karangan Al-Hafiz Jalaluddin Abu Bakar Al-Suyuti (w. 911H).
5. *Al-Fadhl Al-Mubin Fi Al-Musalsal* Min Hadis An-Nabi Al-Amin: Karangan Al-Imam Syah Waliyullah bin 'Abd al-Rahim Ad-Dihlawi (w. 1176H).
6. *Al-Manahil As-Silsilah Fi Al-Ahadis Al-Musalsalah*: Karangan Syeikh Muhammad 'Abd al-Baqi Al-Ayyubi (w. 1364H).

Hadis *Musalsal* dengan Sifat Periwayatan: الْمُسَلْسَلُ بِصِفَاتِ الرِّوَايَةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (المُسَلْسَل).

Hadis *Musalsal* dengan Sifat Para Perawi: الْمُسَلْسَلُ بِصِفَاتِ الرُّوَاةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (المُسَلْسَل).

Hadis *Musalsal* dengan Keadaan Para Perawi: الْمُسَلْسَلُ بِأَحْوَالِ الرُّوَاةِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (المُسَلْسَل).

***Musalsal* (Yang Berantai) Pada Hadis:** الْمُسَلْسَلُ مِنَ الْحَدِيْثِ

Sila lihat maknanya pada perkataan (المُسَلْسَل).

Muslim Yang Baligh: الْمُسْلِمُ الْبَالِغُ

Iaitu seorang muslim yang telah mencapai umur dewasa. Baligh adalah antara syarat periwayatan hadis yang paling penting.
Sila lihat perkataan (العَدَالة) pada huruf 'Ain.

Kitab *Al-Musnad*: الْمُسْنَدُ (الكتاب)

Dari segi bahasa: perkataan (المسند) dan kata jamaknya (المسانيد) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (أَسْنَدَ يُسْنِدُ) yang membawa maksud; sandaran dan nasab. Hadis *musnad* ialah apa yang disandarkan kepada pengucapnya.
Dari segi istilahnya pula ialah: kitab hadis yang disusun berdasarkan nama-nama para sahabat *r.a.*, dan bukannya disusun berdasarkan bab-bab fikah. Objektifnya ialah menghimpunkan hadis-hadis setiap orang sahabat secara berasingan, tidak kira sama ada sahih, hasan ataupun *daif*. Turutan susunan nama-nama tersebut pula sama ada berdasarkan huruf hija'iyyah, atau menurut kabilah-kabilah, atau menurut mereka yang terdahulu memeluk Islam, atau berdasarkan kemuliaan nasab, atau sebagainya.

Jenis-jenis *Musnad*:
Jika dilihat dari sudut kaedah susunan, kitab-kitab *Musnad* terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

Pertama: Kitab-Kitab *Musnad* Yang Disusun Berdasarkan Hadis-hadis Seorang Sahabat, Atau Sekumpulan Sahabat, Atau Ramai Para Sahabat

Adakalanya terdapat pengarang kitab *Musnad* yang hanya mengumpulkan hadis-hadis seorang sahabat tertentu sahaja seperti kitab *Musnad* Abu Bakar As-Siddiq *r.a.*, atau hadis-hadis sekumpulan sahabat *r.a.* tertentu seperti

Musnad Al-Khulafa' Ar-Rasyidin Al-Arba'ah *r.a.* dan *Musnad* Al-'Asyarah Al-Mubasysyarin Bi Al-Jannah *r.a.* (sepuluh sahabat yang dijanjikan syurga), atau hadis-hadis sekumpulan sahabat *r.a.* yang disatukan oleh suatu sifat tertentu seperti *Musnad* Al-Muqillin Min Ar-Riwayah (sahabat yang sedikit riwayatnya) dan *Musnad* As-Sahabah Allazina Nazalu Misr (sahabat yang sampai ke Mesir).

Kebanyakan pengarang kitab *Musnad* mengumpulkan hadis-hadis ramai para sahabat *r.a.* seperti *Musnad* Ahmad, *Musnad* al-Bazzar, *Musnad* Abu Ya'la dan lain-lain.

Kedua: Kitab-Kitab *Musnad* Yang Disusun Berdasarkan Bab-Bab Fikah

Terdapat juga sebahagian ahli hadis yang menyusun kitab *musnad* mereka berdasarkan bab-bab fikah, seperti *Musnad* Baqi bin Makhlad Al-Andalusi (w. 276H). Kitab ini agak istimewa kerana boleh dinamakan sebagai *Musnad* dan juga Musannaf. Ini adalah kerana beliau menyusun kitab tersebut berdasarkan turutan *musnad* para sahabat, kemudian beliau menyusunnya pula berdasarkan bab-bab fikah.

Terdapat juga kitab-kitab yang dinamakan sebagai *musnad*, tetapi ia disusun berdasarkan bab-bab fikah, seperti *Masanid Al-Imam Abu Hanifah* dan *Musnad Al-Imam Al-Syafi'i.*

Ketiga: Kitab-Kitab *Musnad* Yang Disusun Berdasarkan Bab-Bab, Atau Menurut Huruf abjad, Atau Menurut Kalimah-Kalimah

Adakalanya diungkapkan istilah *Musnad* terhadap karangan yang disusun berdasarkan bab-bab, huruf abjad ataupun kalimah-kalimah, bukannya berdasarkan nama-nama para sahabat *r.a.* Ini kerana hadis-hadisnya adalah *musnad* (bersambung sanad) dan *marfu'* (diangkat sampai) kepada Nabi *s.a.w.* seperti kitab *Sahih Al-Bukhari* yang dinamakan sebagai 'Al-Jami' *Al-Musnad* As-Sahih' dan kitabnya itu disusun berdasarkan kitab-kitab pecahan kecil dan bab-bab.

Terdapat juga kitab *Musnad* yang disusun berdasarkan turutan huruf abjad seperti *Musnad* Al-Firdaus karangan Abu Syuja' Syahardar Ad-Dailami (w. 558H).

Juga terdapat kitab *Musnad* yang disusun berdasarkan kalimah-kalimah tanpa terikat dengan susunan huruf abjad seperti *Musnad* al-Syihab karangan Abu 'Abd Allah Syihabuddin Al-Quda'i (w. 454H).

Antara Kitab-Kitab *Musnad* Yang Masyhur:

1. *Masanid Al-Imam Abu Hanifah Nu'man Bin Thabit* (w. 150H).
   Tidak tepat untuk dinyatakan bahawa beliau pernah mengarang kitab *Musnad.* Apa yang sebenarnya berlaku ialah riwayat-riwayatnya telah dikumpulkan oleh sesetengah pengikut beliau, kemudian mereka menamakan kitab itu sebagai *Masanid* Abu Hanifah. Jumlah *musnad* yang disandarkan kepada namanya ada sebanyak 17 buah *musnad.* 15 daripadanya dikumpulkan oleh Abu Al-Mu'ayyad Muhammad bin

Mahmud Al-Khawarizmi (w. 655H), dan beliau menamakannya sebagai *'Jami' Al-Masanid'* yang kitab ini disusun berdasarkan bab-bab fikah.

2. *Musnad Al-Imam Muhammad bin Idris Al-Syafi'i* (w. 204H).
   Ia juga sebenarnya bukan dari karangan beliau. Ia hanya merupakan suatu himpunan bagi hadis-hadis yang diriwayatkan olehnya, tidak kira sama ada hadis tersebut *marfu'* atau *mawquf*. Hadis-hadis tersebut dikumpulkan oleh Abu Al-Abbas Muhammad bin Ya'qub bin Yusuf Al-Asam (w. 346H) daripada Ar-Rabi' bin Sulaiman Al-Muradi (w. 270H) daripada Al-Imam Al-Syafi'i.
3. *Musnad Abu Dawud Sulaiman bin Dawud Al-Tayalisi* (w. 240H).
   Kitab ini juga bukan dari karangan beliau. Ia dihimpunkan oleh salah seorang *huffaz* Asbahan yang mengumpulkan hadis-hadis Yunus bin Habib, yang meriwayatkan daripadanya.
4. *Musnad Asad bin Musa Al-Basri*, yang juga dikenali dengan panggilan Asad As-Sunnah (w. 212H).
5. *Musnad Abu Ishaq Al-Matu'i An-Naisaburi* (w. 213H).
6. *Musnad Musaddad bin Musarhad bin Musarbal Al-Basri* (w. 228H).
7. *Musnad Abu Khaithamah Zuhair bin Harb* (w. 234H).
8. *Musnad Ishaq bin Rahuyah, Ishaq bin Ibrahim bin Makhlad Al-Hanzali Al-Marwazi* (w. 238H). *Musnad* ini dimuatkan dalam enam jilid. Namun kebanyakannya telah hilang dan tidak dijumpai manuskripnya melainkan jilid yang keempat sahaja.
9. *Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal Al-Syaybani* (w. 241H). Ia adalah kitab *musnad* yang terbesar dan yang paling masyhur. Dalamnya merangkumi 904 buah *musnad* para sahabat, yang sebahagiannya melebihi ratusan buah riwayat dan sebahagiannya pula hanya terdapat satu atau dua buah hadis sahaja.
   Musnad ini dimulakan dengan *musnad* sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga, kemudian diikuti dengan hadis 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar, kemudian tiga hadis daripada tiga orang sahabat dan dituruti dengan *Musnad* Ahli Bayt. Turutan seterusnya bukan berdasarkan huruf abjad, tetapi beliau menyusun turutan para sahabat yang lain berdasarkan berbagai perkara, seperti keutamaan sahabat, tempat asal atau negeri mereka, kabilah mereka dan sebagainya. *Musnad* ini mengandungi sekitar 30,000 hadis.
10. *Musnad Ibnu Abi Umar Al-Adani*: Karangan Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yahya bin Abi Umar Ad-Darawardi (w. 243H).
11. *Musnad Ibnu Mani'*: Karangan Al-Hafiz Abu Jaafar Ahmad bin Mani' bin 'Abd al-Rahman Al-Basri (w. 244H).
12. *Musnad Saad bin Abi Waqas* (w. 55H): *Takhrij* Abu 'Abd Allah Ahmad bin Ibrahim Ad-Dauraqi (w. 246H).
13. *Musnad Abd bin Hamid*: Karangan Abu Muhammad 'Abd bin Hamid bin Nasr Al-Kissi (w. 249H).

14. *Musnad Ya'qub bin Syaibah*: Al-Hafiz Abu Yusuf Ya'qub bin Syaibah As-Sadusi (w. 262H).
15. *Musnad 'Abd Allah bin Umar bin Al-Khattab*: *Takhrij* Abu Umayyah Muhammad bin Ibrahim At-Tarasusi (w. 273H).
16. *Musnad Al-Humaidi*: 'Abd Allah bin Al-Zubair bin Isa Al-Humaidi (w. 291H).
17. *Musnad Abu Bakar As-Siddiq* (w. 13H) Karangan Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Sa'id Al-Marwazi (w. 292H).
18. *Musnad Al-Bazzar*: Karangan Abu Bakar Ahmad bin Amru bin Abdul Khaliq Al-Bazzar (w. 292H). Beliau memiliki dua buah *musnad*, iaitu *Musnad al-Kabir* dan *al-Saghir*. *Musnad As-Saghir* beliau tidak dijumpai, manakala *Musnad Al-Kabir* pula telah pun dicetak, yang juga dinamakan *al-Bahr al-Zakhkhar*.
19. *Musnad Abu Ya'la Al-Mausili*: Karangan Ahmad bin Ali bin Al-Muthanna Al-Mausili (w. 307H). Beliau memiliki dua buah *musnad*, iaitu *Musnad al-Kabir* dan *Musnad* al-Saghir. *Musnad* al-Kabir tidak dijumpai, manakala *Musnad al-Saghir* telah pun dicetak.
20. *Musnad Ar-Ruyani*: Karangan Abu Bakar Muhammad bin Harun Ar-Ruyani (w. 307H).
21. *Musnad Amir al-Mu'minin 'Umar bin 'Abd al-'Aziz* (w. 101H): *Takhrij* Abu Bakar Muhammad bin Muhammad Al-Baghandi (w. 312H).
22. *Musnad 'Aisyah Umm al-Mu'minin* (w. 58H). *Takhrij* Ibnu Abi Dawud Sulaiman bin Al-Asy'ath As-Sijistani (w. 316H).
23. *Musnad Abu 'Awanah*: Ya'qub bin Ishaq bin Ibrahim Al-Isfirayaini (w. 316H).
24. *Musnad al-Syasi*: Karangan Abu Sa'id Al-Haitham bin Kulaib al-Syasi (w. 335H).
25. *Musnad Amir al-Mu'minin Umar bin Al-Khattab* (w. 23H). Dikumpul dan disusun oleh Abu Bakar Ahmad bin Salman An-Najjad Al-Baghdadi (w. 348H).

Terdapat banyak lagi kitab *musnad* yang telah dikarang. Memadailah dibawa di sini sebahagian contohnya sahaja.

Hadis *Musnad*: **الْمُسْنَدُ (الحديث)**

Dari segi bahasa: ianya adalah *isim maf'ul* dari perkataan (أَسْنَدَ يُسْنِد) yang membawa maksud; apa yang disandarkan atau dinisbahkan kepada sesuatu.

Dari segi istilah pula ialah: hadis yang bersambung sanadnya hingga kepada Rasulullah *s.a.w.* Dengan erti kata lain, hadis *musnad* ini adalah hadis *marfu'*.

Sebagai contoh; Al-Bukhari meriwayatkan dalam *Sahih*nya, beliau berkata: Telah menceritakan kepada kami 'Abd Allah bin Yusuf, daripada Malik, daripada Abu al-Zinad, daripada Al-A'raj, daripada Abu Hurairah; sesungguhnya Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Sekiranya seekor anjing minum

daripada bekas minuman kamu, maka hendaklah kamu basuhkannya sebanyak tujuh kali". (*Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Wuduk, Bab Iza Syariba Al-Kalb*: 172).

Dalam hadis ini, jelas terdapat kesinambungan sanad daripada perawi yang pertama iaitu Al-Bukhari sehinggalah ke penghujungnya iaitu sampai ke Rasulullah *s.a.w.*

Hukumnya:

Sekiranya hadis yang dikatakan *Musnad* itu memenuhi syarat-syarat sahih, maka ianya dihukum sebagai sahih. Sekiranya terdapat perawi yang kurang *dabit* (lemah ingatan atau jagaan), maka hadis tersebut jatuh kepada martabat hasan. Sekiranya ia tidak menepati syarat sahih pula, maka hadis tersebut dihukumkan sebagai *daif* sekalipun sanadnya bersambung.

Al-Musnid: الْمُسْنِدُ

Dari segi bahasa: perkataan (المسند) adalah kata nama pelaku (*isim fa'il*) daripada perkataan (أَسْنَدَ يُسْنِد) yang membawa maksud; orang yang menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain.

Dari segi istilahnya pula ialah: seorang perawi yang meriwayatkan hadis dengan sanadnya sendiri, sama ada dia mengetahui mengenainya ataupun tidak, melainkan dia hanya sekadar meriwayatkan hadis semata-mata. (Sila lihat: *Tadrib Al-Rawi*: 1/430).

Musnad Ahmad: مُسْنَدُ أَحْمَدَ

Ia adalah kitab *Musnad* hadis yang masyhur. Ditulis oleh al-Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (w 241H). Beliau menyusun kitabnya menurut *musnad-musnad* para Sahabat *r.a.*, yang dimulakan dengan *musnad-musnad* sepuluh orang Sahabat yang telah dijanjikan syurga, bermula daripada Abu Bakar al-Siddiq, seterusnya 'Umar bin al-Khattab, 'Uthman bin 'Affan, 'Ali kemudiannya baki Sahabat yang berjumlah sepuluh orang tersebut. Seterusnya beliau menyatakan *musnad-musnad* Ahli al-Bayt dengan menyebut hadis-hadis mereka. Kitab ini mengandungi hampir 30 ribu hadis.

Musnad Al-Humaydi: مُسْنَدُ الْحُمَيْدِيِّ

Ia adalah antara *musnad-musnad* yang masyhur. Ditulis oleh al-Hafiz Abu Bakar 'Abd Allah bin al-Zubair al-Humaydi (w 219H). Kitab ini disusun mengikut *musnad-musnad* para Sahabat iaitu bermula dengan Abu Bakar al-Siddiq kemudiannya Khulafa' al-Rasyidin yang lain. Seterusnya beliau menyebut baki *musnad-musnad* sepuluh orang Sahabat yang dijanjikan syurga, kemudian Sahabat-Sahabat yang memeluk Islam terdahulu, hadis-hadis para isteri Rasulullah *s.a.w.*, dan akhirnya hadis para Sahabat dalam kalangan wanita. *Musnad* ini mengandungi 1300 buah hadis.

Dia Diterima Oleh Si Fulan: حَكَّهُ فُلَانٌ

Ia bermaksud: Seorang *muhaddith* pengkritik menerima seseorang perawi, atau meredhainya, atau tetap menulis hadis daripadanya walaupun terdapat ke*daif*an yang nyata.

Al-Hafiz al-Zahabi banyak menggunakan ungkapan ini dalam kitabnya *Mizan al-I'tidal*. Beliau menyatakan terhadap seorang perawi yang *daif*, atau dikatakan *daif*, atau di*thiqah*kan dengan ungkapan: مشّاه فلانٌ, sepertimana yang disebut dalam maklumat hidup Ibrahim bin al-Hakam katanya: تَرَكه، وقَلَّ مَن مَشّاه . (*Mizan al-I'tidal*: 1/27).

Penyaksian: اَلْمُشَاهَدَةُ

Dari sudut bahasa: المشاهدة adalah kata nama terbitan daripada perkataan شاهَدَ يُشاهِد yang bermaksud: melihat, dan memandang secara berdepan.

Dari sudut istilah: ialah penyaksian seorang perawi terhadap orang yang dia meriwayatkan daripadanya.

Menyisir: اَلْمَشْقُ

Iaitu dari sudut jenis penulisan, ialah cara penulisan yang cepat.

Yang Dijalin Dengan Emas: مُشَبَّكٌ بِالذَّهَبِ

Dari sudut bahasa: المشبَّكة adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan التشبيك yang bermaksud; setiap sesuatu yang bersambung antara satu sama lain dengan penyambungan yang mengukuhkan antara sebahagian dengan sebahagian yang lainnya, seperti binaan yang dijalin kukuh yang menguatkan antara satu sama lain. Manakala الذَّهَب (emas) pula ialah suatu bahan galian yang amat bernilai dan berwarna kuning.

Dari sudut istilah: ialah suatu sifat yang menunjukkan sanjungan dan pujian terhadap sekumpulan para perawi dalam suatu isnad.

Ungkapan ini pernah dikatakan kepada isnad yang terdiri daripada: 'Ubaydillah bin 'Umar daripada al-Qasim daripada 'Aisyah *r.a.* Al-Imam Yahya bin Ma'in menamakan rantaian isnad ini sebagai: مشبّكة بالذهب (Lihat: *Tahzib al-Kamal*: 23/432).

Ungkapan ini bermaksud bahawa sanad atau jalan riwayat 'Ubaydillah bin 'Umar ini merupakan jalan atau sanad yang paling sahih daripada Saydatina 'Aisyah *r.a.*

Hadis Yang Mirip: اَلْمُشَبَّهُ (الحديث)

Dari sudut bahasa: المشبَّه adalah *isim maf'ul* (kata nama yang diperlakukan ke atasnya) daripada perkataan شَبَّهَ يُشَبِّه yang bermaksud; sesuatu yang menyerupai atau sama dengan sesuatu yang lain. Ia seperti kata-kata: Si polan adalah seperti singa, iaitu dari sudut keberaniannya.

Dari sudut istilah: Ia adalah sifat yang diberikan kepada hadis hasan dan yang hampir dengannya. Ia adalah seumpama nisbah istilah *jayyid* (الجيّد) kepada sahih (الصحيح). (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/178).

Musyabbih: **المُشَبِّه (الرَّاوي)**

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang kuat pada seseorang perawi yang beriktiqad *al-Tasybih* pada nama-nama dan sifat-sifat Allah s.w.t. (menyamakannya dengan makhluk). Dia beriktiqad dan berpegang bahawa sifat-sifat Allah s.w.t. serupa dengan sifat-sifat makhluk.

Al-Musytabih Al-Maqlub: **المُشتَبِهُ المَقلُوبُ**

Dari sudut bahasa: المشتبه adalah kata *isim fa'il* (nama pelaku) daripada perkataan الاشتباه yang bermaksud yang bercampur baur. Manakala المقلوب adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan القلب yang bermaksud sesuatu yang berada di atas dijadikan di bawah atau terbalik.

Dari sudut istilah: ialah persamaan yang wujud dari sudut lafaz dan tulisan pada dua orang perawi, tetapi berlaku perbezaan dengan dikehadapankan dan dikemudiankan nama-nama perawi tersebut, yang salah satu nama adalah nama bagi seorang perawi, manakala pada satu lagi merupakan nama bagi bapanya.

Contohnya:

Muslim bin al-Walid al-Madani, yang orang yang tidak mengenalinya menganggapnya sebagai al-Walid bin Muslim al-Dimasyqi, seorang yang terkenal.

Al-Aswad bin Yazid dan Yazid bin al-Aswad, yang pertama adalah al-Nakha'i yang merupakan salah seorang Tabiin yang besar, dan perawi yang kedua adalah al-Khuza'i seorang sahabat yang sempat bersama-sama Rasulullah *s.a.w.*

***Athar-Athar* Yang Musykil** **مُشكِلُ الآثارِ**

Dari sudut bahasa: المُشكِل adalah kata nama pelaku daripada perkataan الإشكال yang bermaksud sesuatu yang samar atau tidak jelas. Manakala الآثار adalah jamak daripada perkataan الأَثَر yang bermaksud di sini hadis-hadis.

Dari sudut istilah: ialah hadis-hadis yang samar dan tidak difahami jelas maknanya sehingga menyebabkan disangka terdapat pertentangan dan percanggahan padanya.

Contoh:

Misal pertentangan hadis dengan ayat al-Quran, iaitu Sabda Rasulullah *s.a.w.*: "Sesungguhnya kamu semua akan melihat Tuhan kamu, sepertimana kamu melihat bulan purnama ini yang kamu tidak berasak-asak untuk memandangnya". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab Mawaqit al-Salah*, no. 554).

Hadis ini kelihatan bertentangan dengan firman Allah *s.w.t.* yang bermaksud:

﴿ لَّا تُدۡرِكُهُ ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَهُوَ يُدۡرِكُ ٱلۡأَبۡصَٰرَ ﴾

"Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan dan Dia yang dapat mencapai penglihatan". (Surah al-An'am: 103).

Hadis ini menyatakan dengan pasti dapat melihat Allah bagi orang Islam pada hari Kiamat. Manakala ayat al-Quran pula menyatakan secara zahirnya ketidakmampuan untuk melihat Allah kerana Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata. Pertentangan atau pertembungan ini dinamakan sebagai مشكل الحديث. Contoh-contoh seperti ini banyak dinyatakan dalam kitab مشكل الآثار oleh al-Imam al-Tahawi.

Sumber-sumbernya:

1. مشكل الآثار Oleh Abu Ja'far, Ahmad bin Salamah al-Tahawi (w 321H).
2. مشكل الحديث وبيانه Oleh Abu Bakar, Muhammad bin al-Hasan yang dikenali sebagai Ibn Furak (w 406H).
3. مشكلات الأحاديث النبوية وبيانها Oleh Syeikh 'Abd Allah 'Ali al-Najdi al-Qasimi (w 1353H).

Hadis Yang Musykil: مُشْكِلُ الْحَدِيْثِ

Lihat: مشكل الآثار .

***Masyhur*:** الْمَشْهُوْر

Dari sudut bahasa: المشهور adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan الشهرة yang bermaksud; sesuatu yang dikenali dalam kalangan orang ramai dan berlegar-legar disebut pada lidah mereka.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang bilangan perawinya tidak kurang daripada tiga orang di setiap *tabaqat* sanadnya, atau terdapat pertambahan di sebahagian *tabaqat* tetapi bukan pada keseluruhannya, atau terdapat pertambahan pada keseluruhannya dengan syarat tidak sampai kepada had *mutawatir*.

Dinamakan مشهوراً dengan sebab ia dikenali dalam kalangan orang ramai kerana diriwayatkan oleh sekurang-kurangnya 3 orang perawi di setiap *tabaqat*, dan 3 orang sudah dianggap satu jamaah. (Lihat: *Syarah al-Nukhbah*, hlm. 28 dan *Taudih al-Afkar* 2/407).

Contohnya:

Hadis: Rasulullah *s.a.w.* melakukan qunut selama sebulan selepas rukuk mendoakan kehancuran golongan Ra'l dan Zakwan.

Ia diriwayatkan daripada Nabi *s.a.w* oleh tiga orang Sahabat *r.a* iaitu: Anas bin Malik, Ibn 'Abbas dan Khafaf bin Ayma' al-Ghifari *r.a.*

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik oleh Qatadah, Abu Mijliz, Ishaq bin 'Abd Allah dan 'Asim.

Diriwayatkan daripada Qatadah oleh Sa'id bin Abi 'Arubah, Syu'bah dan Yazid bin Zuray'i. Dan daripada Syu'bah oleh sekumpulan perawi yang banyak.

Begitu juga diriwayatkan daripada Abu Mijliz oleh Sulayman al-Taymi dan selainnya, dan diriwayatkan daripada Sulayman oleh sekumpulan perawi yang banyak.

Diriwayatkan juga daripada Ishaq oleh Malik, Hammam dan selain dari mereka, dan diriwayatkan daripada Malik oleh sekumpulan perawi yang ramai. (Lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/173).

Masyhur Dari Sudut Bahasa, Popular: **الْمَشْهُوْرُ اللُّغَوِيّ**

Al-Masyhur juga digunakan dari sudut bahasa iaitu: Hadis yang masyhur pada bibir-bibir orang ramai, tanpa perlu memiliki syarat-syarat masyhur dari sudut istilahnya.

Al-Masyhur dari sudut bahasa ini merangkumi bentuk-bentuk berikut:

1- Hadis yang hanya memiliki satu isnad, contohnya hadis: «إنما الأعمال بالنيات...». Hadis ini diriwayatkan secara bersendirian oleh 'Umar bin al-Khattab *r.a.* daripada Nabi *s.a.w.*, dan diriwayatkan daripadanya oleh 'Alqamah, diriwayatkan daripadanya oleh Muhammad bin Ibrahim al-Taymi, diriwayatkan daripadanya oleh Yahya bin Sa'id al-Ansari.

2- Hadis yang memiliki dua isnad atau lebih. Contohnya hadis: «لا يؤمن أحدكم، حتى أكون أحبَّ إليه من والده، وولده، والناس أجمعين». (Diriwayatkan oleh *al-Bukhari dalam Kitab al-Iman*, no. 15).

Hadis ini diriwayatkan daripada Nabi *s.a.w.* oleh dua orang Sahabat *r.a.* iaitu: Anas dan Abu Hurairah *r.a.*

Daripada Anas diriwayatkan oleh dua orang iaitu: Qatadah dan 'Abd al-*'Aziz* bin Suhaib. Diriwayatkan daripada Qatadah oleh Syu'bah dan Husayn al-Mu'allim. Diriwayatkan daripada 'Abd al-*'Aziz* oleh dua orang iaitu: Isma'il bin 'Ulayyah dan 'Abd al-Warith bin Sa'id. Diriwayatkan dari setiap daripada mereka oleh sekumpulan perawi yang ramai.

3- Hadis yang memiliki isnad lebih daripada dua, seperti hadis Qunut yang telah disebut sebelum ini.

4- Hadis yang tidak memiliki isnad pada asalnya. Contohnya hadis: نَحْرُكم يومُ صومِكم, yang tiada asal baginya. (Lihat: *Syarah al-Nukhbah*: hlm. 28-29 dan *Tawdih al-Afkar* 2/408).

Hukum Masyhur dari sudut istilah dan dari sudut bahasa:

Kedua-duanya berkemungkinan sahih, hasan, *daif* atau *mawdu'*. Tidak semestinya sifat kemasyhurannya itu menyebabkan ia sahih secara mutlak. Tetapi jika hadis *al-Masyhur* menurut istilah itu sahih, maka ia mempunyai kelebihan berbeza dengan al-*'Aziz* dan *al-Gharib*. (Lihat: *Taysir Mustalah al-Hadith:* hlm: 24-25).

Karya-karya yang terkenal dalam bidang ini:

Kitab-kitab yang dimaksudkan di sini ialah kitab-kitab berkaitan dengan hadis *Masyhur* menurut bahasa atau yang popular di sisi orang ramai, dan bukannya hadis *al-Masyhur* secara istilah. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. المقاصد الحَسَنة فيما اشتهر على الألسنة oleh al-Hafiz Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhawi (w 902H).
2. تمييز الطيِّب من الخبيث فيما يَدور على ألسنة الناس من الحديث oleh Abu 'Abd Allah 'Abd al-Rahman bin 'Ali al-Syaibani yang dikenali dengan Ibn al-Dayba' (w 944H).
3. كشف الخَفاء ومُزيل الإلْباس فيما اشتهر من الحديث على ألسنة الناس oleh Syeikh Isma'il bin Muhammad al-'Ajluni (w 1162H).

Al-Masyyakhat: المَشْيَخَات

Lihat: المشيخة.

Al-Masyyakhah: المَشْيَخَة

Perkataan jamak baginya ialah المشيخات yang bermaksud: kitab-kitab yang mengandungi nama syeikh-syeikh yang ditemui oleh penulis, serta mengambil hadis daripada mereka, atau mereka meng*ijazah*kannya walaupun tidak bertemu dengan mereka, berserta isnad-isnad mereka kepada pengarang-pengarang kitab hadis. Ia juga dinamakan sebagai فِهْرِساً atau ثَبْتاً.

Lihat: الأثبات dalam huruf Alif.

Antara kitab-kitab *al-Masyyakhah* yang terkenal adalah:

1. *Masyyakhah Ya'qub bin Sufyan al-Fasawi* (w 277H).
2. *Masyyakhah Ibn Syazan: Abu 'Ali al-Hasan bin Abu Bakar* (w 426H).
3. *Masyyakhah Abu Ya'la al-Khalil bin 'Abd Allah al-Khalili* (w 446H).
4. *Masyyakhah Abu al-Qasim 'Abd Allah bin Haydar al-Qazwini* (w 582H).
5. *Masyyakhah Abu Hafs Syihab al-Din 'Umar bin Muhammad al-Suhrawardi* (w 632H).

Musibah-Musibah: المَصَائِبُ

Dari sudut bahasa: المصائب adalah jamak bagi perkataan مُصيبة. Ia adalah sesuatu masa yang menimpa.

Dari sudut istilah, maksud ungkapan ini di sisi *muhaddithin* ialah: *al-mawdu'at* iaitu hadis-hadis palsu. Sebab disamakannya dengan المصائب adalah kerana kemudaratannya yang besar serta kesan buruknya terhadap agama Islam, sepertimana besarnya musibah yang menimpa seseorang.

Bersalaman: المُصَافَحَة

Dari sudut bahasa: المصافحة adalah kata nama terbitan daripada perkataan صافَحَ يُصافِحُ yang bermaksud; seseorang bersalam dengan yang lain secara berjabat tangan.

Dari sudut istilah: ialah suatu bahagian yang termasuk dalam bahagian-bahagian isnad dari segi *al-'uluw* (tinggi atau bilangan perawi yang sedikit) dan *al-nuzul* (rendah atau bilangan perawi yang ramai). Ia bermaksud; seorang muhaddith yang meriwayatkan hadis salah seorang pengarang kitab hadis dengan suatu sanad yang sama bilangan para perawi isnadnya dengan bilangan para perawi isnad murid kepada pengarang kitab tersebut.

Dinamakan المصافحة kerana apabila sama seorang *muhaddith* dengan murid kepada pengarang sebuah kitab, maka seolah-olah *muhaddith* tersebut telah bersalaman dengan pengarang kitab tersebut.

Sumber Asli Bagi Hadis: المَصْدَرُ الأَصْلِيُّ لِلْحَدِيْثِ

Ia adalah kitab yang pengarang meriwayatkan dalamnya hadis-hadis dengan isnadnya sendiri, sama ada kitab tersebut kitab hadis, akidah, fikah, sejarah atau sebagainya daripada topik-topik lain, seperti *al-Kutub al-Sittah*, *Tafsir Ibn Jarir al-Tabari* dan lain-lainnya. (Lihat: *Takhrij al-Hadith*oleh al-Khayra Abadi: hlm. 12).

Sumber Seumpama Asli Bagi Hadis: المَصْدَرُ شِبْهُ الأَصْلِيِّ لِلْحَدِيْثِ

Ia adalah kitab yang pengarang menukilkan dalamnya hadis-hadis daripada sumber-sumber asli dengan isnad-isnadnya sekali, seperti kitab *Tafsir Ibn Kathir*, *al-Bidayah wa al-Nihayah* juga oleh Ibn Kathir dan sebagainya. (Lihat: *Takhrij al-Hadith*oleh al-Khayra Abadi: hlm. 12).

Sumber Tidak Asli Bagi Hadis: المَصْدَرُ غَيْرُ الأَصْلِيِّ لِلْحَدِيْثِ

Ia adalah kitab yang pengarang menukilkan dalamnya hadis-hadis daripada sumber-sumber asli tanpa isnad-isnadnya, seperti kitab *al-Jami' al-Saghir* oleh al-Suyuti, *Bulugh al-Maram* oleh Ibn Hajar dan lain-lain. (Lihat: *Takhrij al-Hadith*oleh al-Khayra Abadi: hlm: 12).

Mushahhaf (Yang Tersalah Tulis Atau Baca): المُصَحَّفُ

Dari sudut bahasa: المصحَّف adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan صَحَّف - يُصَحِّف yang bermaksud: sesuatu yang tersalah atau tersilap dalam pembacaan atau penulisan. Manakala التصحيف adalah kesalahan dalam penulisan.

Dari sudut istilah: ialah perubahan suatu perkataan dalam hadis kepada suatu yang bukan dari apa yang diriwayatkan oleh para perawi *thiqah* dari sudut lafaz atau maknanya.

Al-Hafiz Ibn Hajar mentakrifkannya sebagai: hadis yang berlaku perubahan padanya dari sudut titik-titik huruf dan bukannya pada huruf itu sendiri. Contohnya perkataan تيعر dibaca dengan تنعر iaitu dengan huruf Nun. (Lihat: *Nuzhah al-Nazar*, hlm. 49).

Bahagian-bahagiannya:

المُصَحَّفُ terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu: تصحيفٌ dalam isnad dan تصحيفٌ dalam matan. Di sana terdapat beberapa pecahan kecil berdasarkan kepada pembahagian utama tadi, iaitu:

1. تصحيف pendengaran.
2. تصحيف penglihatan.
3. تصحيف pada lafaz.
4. تصحيف pada makna.

Lihat setiap satu daripadanya dalam hurufnya.

Kitab *Mushaf*: الْمُصْحَفُ

Dari sudut bahasa: المصحف dan jamaknya المصاحف bermaksud kitab yang mengumpulkan helaian-helaian kertas yang ditulis di atasnya.

Dari sudut istilah: ialah sesuatu yang dijadikan sebagai penghimpun kepada helaian-helaian hadis yang dituliskan.

***Mushaf*:** مُصْحَفٌ

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Ta'dil*. Perkataan ini diberikan kepada perawi yang hafiz dan tekun terhadap hadis, sebagai menyamakannya dengan mushaf. Ini kerana seorang yang menukilkan sesuatu daripada mushaf tidak akan melakukan kesalahan. Begitulah juga seorang perawi 'mushaf'.

Ibn Abi Hatim bertanya bapanya: Jika al-Thawri dan Mis'ar berbeza pandangan (siapakah yang didahulukan)? Maka bapanya menjawab: Dihukum mengikut Mis'ar kerana dikatakan orang tentangnya: Mis'ar adalah 'mushaf'. (*Tahzib al-Tahzib*: 4/61).

Ia bermaksud jika Mis'ar meriwayatkan hadis, maka beliau tidak akan tersilap dengan sebab kekuatan hafalan dan ketelitiannya terhadap hadis.

***Mustalah al-Hadith*:** مُصْطَلَحُ الْحَدِيْثِ

Lihat أُصُول الْحَدِيْثِ dalam huruf Alif.

Kitab *Al-Musannaf*: الْمُصَنَّفُ

Dari sudut bahasa: الْمُصَنَّف jamaknya adalah الْمُصَنَّفات iaitu kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan صَنَّف يُصَنِّف. Ia adalah kitab yang disusun dan dibahagikan mengikut susunan yang tertentu.

Dari sudut istilah: ialah kitab yang disusun mengikut susunan bab-bab fikah, yang merangkumi hadis-hadis nabawi, kata-kata para Sahabat *r.a.*, fatwa-fatwa Tabiin dan kadang kala terdapat fatwa-fatwa Tabi' al-Tabi'in. (Lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*: hlm. 74).

Kitab-kitab *Musannaf* yang terkenal:

1. *Musannaf Abu Salamah* (Hammad bin Salamah) al-Basri (w 167H). Disebut oleh al-Zahabi dalam kitab Siyar *A'lam al-Nubala'* (18/203) dan al-Kattani dalam *al-Risalah al-Mustatrafah* (hlm. 40).
2. *Musannaf Abu Sufyan* (Waqi' bin al-Jarrah) bin Malih al-Ruwasi al-Kufi (w 196H).
3. *Musannaf 'Abd al-Razzaq*: Abu Bakar 'Abd al-Razzaq bin Hammam al-Himyari al-San'ani (w 211H).
4. *Musannaf Abu al-Rabi' Sulayman bin Dawud al-'Ataki al-Basri* (w 234H).
5. *Musannaf Ibn Abi Syaibah*: Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad Ibn Abi Syaibah al-Kufi (w 235H).
6. *Musannaf Baqi bin Makhlad al-Qurtubi* (w 276H).

Beza Antara المُصنَّفات **dan** السُّنَن**:**

المُصنَّفات mengandungi hadis-hadis *marfu'*, *mawquf* dan *maqtu'*. Manakala السُّنَن pula hanya merangkumi hadis-hadis *marfu'* sahaja, kecuali sedikit daripada *mawquf* dan *maqtu'*. Ini kerana khabar *mawquf* dan *maqtu'* tidak dinamakan sebagai السُّنَن dalam istilah *muhaddithin*.

Selain daripada perbezaan tersebut, المُصنَّفات dan السُّنَن adalah sama dari semua sudut.

Kitab-Kitab *Al-Musannaf*: **اَلْمُصَنَّفَاتُ**

Lihat: المصنَّف.

Hadis Yang Dibuat: **اَلْمَصْنُوْعُ**

Iaitu hadis palsu yang direkacipta dan dibuat-buat serta dinisbahkan kepada Rasulullah *s.a.w*. Ia adalah jenis hadis *daif* yang paling buruk. (*'Ulum al-Hadith:* 98).

Lihat: الموضوع.

Yang Terjaga Hadisnya: **مَضْبُوْطُ الْحَدِيْثِ**

Dari sudut bahasa: المضبوط adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan ضَبَطَ يَضْبِطُ yang bermaksud: terpelihara dan terjaga daripada kesalahan.

Dari sudut istilah: ialah suatu sifat pada seorang perawi jika dia seorang yang hasan hadisnya, sepertimana kata-kata *muhaddithin*: فلانٌ مضبوط الحديث .

Al-Mudtarib: **اَلْمُضْطَرِبُ**

Dari sudut bahasa: المضطرب adalah kata nama pelaku daripada perkataan اضْطَرَبَ يَضْطَرِبُ yang bermaksud: Kecelaruan suatu perkara dan rosak susun aturnya. Asal perkataan ini adalah daripada اضطراب المَوْج yang bermaksud; ombak bergelora, iaitu yang banyak pergerakannya dan memukul antara satu sama lain. (*al-Qamus al-Muhit*).

Dari sudut istilah: ialah suatu hadis yang diriwayatkan dalam bentuk-bentuk yang berbeza antara satu dengan lain, namun sama dari sudut kekuatannya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 93).

Dengan kata lain: Ia adalah hadis yang diriwayatkan dalam bentuk-bentuk yang bertentangan dan berlawanan antara satu dengan lain. Ia tidak boleh digabungkan antara kesemuanya dan kesemua riwayat pula adalah sama dari segi kekuatan dari semua sudutnya. Ia juga tidak boleh di*tarjih*kan salah satu daripadanya menggunakan kaedah-kaedah *tarjih* yang sedia ada.

Bahagian-Bahagiannya:

المضطربُ dibahagikan berdasarkan kepada tempat berlakunya اضطرابٌ kepada dua bahagian, iaitu: مُضْطَرِبُ sanad dan مُضْطَرِبُ matan. Berlakunya اضطرابٌ dalam sanad adalah lebih banyak berbanding dalam matan:

Pertama: مُضْطَرِبُ dalam sanad:

Iaitu hadis yang terdapat الاضطرابُ dalam sanadnya.

Contohnya:

Hadis Abu Bakar *r.a* yang berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya tuan telah beruban. Sabda baginda: "Aku beruban disebabkan oleh surah Hud, al-Waqi'ah dan al-Mursalat.". (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam *Abwab Tafsir al-Quran*, no. 3297).

Al-Daraqutni berkata: Hadis ini adalah *Mudtarib* kerana ia tidak diriwayatkan kecuali melalui jalan Abu Ishaq. Jalan-jalan melaluinya pula didapati berbeza antara satu dengan yang lain sehingga kira-kira sepuluh bentuk jalan. Ada Antaranya diriwayatkan secara *mursal*, ada yang meriwayatkannya secara bersambung, ada yang menjadikannya daripada *Musnad* Abu Bakr, ada yang menjadikannya daripada *Musnad* Sa'ad, ada yang menjadikannya daripada *Musnad* 'Aisyah dan sebagainya. Kesemua para perawinya adalah *thiqah*, dan tidak mampu untuk di*tarjih*kan salah satu daripadanya, dan untuk menggabungkan keseluruhannya pula adalah mustahil.

Kedua: مُضْطَرِبُ dalam matan:

Iaitu hadis yang berlaku اضطرابٌ dalam matannya.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Syarik daripada Abu Hamzah, daripada al-Sya'bi, daripada Fatimah binti Qays *r.a.* berkata: Rasulullah *s.a.w.* ditanya tentang zakat, maka baginda bersabda: "Sesungguhnya dalam harta ada hak selain daripada zakat.". (*Sunan al-Tirmizi, Abwab al-Zakah*, no: 660).

Manakala diriwayatkan oleh Ibn Majah melalui jalan riwayat ini dengan lafaz: "Tiada dalam harta hak kecuali zakat sahaja.". (*Sunan Ibn Majah, Abwab al-Zakah*, no. 1789).

اضطرابٌ ini tidak dapat untuk diperjelaskan.

Hukum berhujah dengan *Mudtarib*:

الاضطرابُ sama ada dalam sanad ataupun matan, menyebabkan ia dihukumkan *daif*. Ini kerana ia menunjukkan kepada ketidakhafalan perawinya atau para perawinya. Sedangkan syarat hadis sahih ialah: Setiap perawi daripada para perawi hadis mestilah memiliki hafalan yang sempurna terhadap apa yang diriwayatkan.

Pun begitu, الاضطرابُ pada sanad boleh bergabung dengan sahih dalam keadaan berlakunya perbezaan dari sudut nama seorang perawi atau nama bapanya atau

nasabnya, dan perawi ini pula dikenali sebagai *thiqah*. Ketika itu, jenis ini tidaklah memudaratkan, dan hadisnya dihukumkan sebagai sahih walaupun dinamakan *mudtarib*. Dalam *al-Sahihain* terdapat banyak jenis hadis seperti ini. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/235, *Ma'rifah al-Sunan Wa al-Athar* 5/386 dan *Manhaj al-Naqd Fi 'Ulum al-Hadith:* hlm. 433).

Mudtarib: مُضْطَرِبٌ

Iaitu perawi yang memiliki kekurangan dari sudut hafalan dan buruk *dabit*nya (penjagaannya).

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat *al-jarh* di sisinya. Al-Hafiz al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang keempat dan al-Hafiz al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang kelima di sisinya.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya untuk dijadikan sebagai dalil penyokong.

***Mudtarib* Isnadnya:** مُضْطَرِبُ الإِسْنَاد

Lihat: المضطربُ .

***Mudtarib* Hadisnya:** مُضْطَرِبُ الْحَدِيْثِ

Lihat: المضطربُ.

***Mudtarib* Matannya:** مُضْطَرِبُ الْمَتْنِ

Lihat: المضطربُ.

Yang Di*daif*kan: الْمُضَعَّفُ

Dari sudut bahasa: المضعَّف adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan ضَعَّف يُضعِّف yang bermaksud: Setiap sesuatu yang dijadikan *daif*.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang tidak disepakati hukum *daif* terhadapnya. Iaitu terdapat pada matan atau sanadnya hukum *daif* daripada sebahagian ahli hadis, dan sebahagian yang lain pula menguatkannya. Ia tidak dapat di*tarjih*kan salah satu daripadanya, atau hukum *daif* adalah yang di*tarjih*kan. Hadis ini adalah lebih tinggi kedudukannya dari hadis *daif* yang disepakati hukumnya oleh *Muhaddithin* .. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/100 dan*Taujih al-Nazar*: 2/548).

Seorang Yang Dicampak: مُطَّرَحٌ

Dari sudut bahasa: المطَّرَح adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan اِطَّرَحَ يَطَّرِحُ yang bermaksud; sesuatu yang dijatuhkan dari tempat yang tinggi ke tempat yang rendah kerana tidak diingini. Seperti kata-kata: قولٌ مُطَّرَح yang bermaksud; perkataan yang tidak perlu diambil perhatian dan tidak dipedulikan.

Dari sudut istilah: ialah suatu sifat yang diberikan oleh *muhaddithin* kepada perawi yang tidak dipedulikan dan tidak diberi perhatian terhadap apa yang

diriwayatkannya. Ini adalah kerana sama ada dia bukan daripada seorang yang bersifat benar dan amanah, atau disebabkan banyaknya kesalahan serta dituduh berdusta.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk. Al-Hafiz al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang kedua dari martabat-martabat *al-jarh*. Manakala al-Hafiz al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh ditulis atau dijadikan hujah sokongan.

Seorang Yang Dicampak: مَطْرُوْحٌ

Lihat: مُطّرح dalam huruf Mim dan طَرَحُوْا حَدِيْثَهُ dalam huruf To'.

Hadis Yang Dicampak: اَلْمَطْرُوْحُ

Dari sudut bahasa: المطروح adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan طَرَحَ يَطْرَحُ yang bermaksud; sesuatu yang dilemparkan.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang lebih rendah dari martabat *daif* dan lebih tinggi daripada martabat *mawdu'*. (*Tadrib al-Rawi*: /296).

Dikatakan juga, ia adalah hadis yang lebih rendah dari martabat hadis *daif* dan lebih tinggi daripada hadis *matruk*. (Lihat: *Taujih al-Nazar*: 2/575).

Yang Dicampak Hadisnya: مَطْرُوْحُ الْحَدِيْثِ

Lihat: طَرَحُوْا حَدِيْثَهُ dalam huruf To'.

Yang Dicela Terhadapnya: مَطْعُوْنٌ فِيْهِ

Dari sudut bahasa: المطعون adalah kata nama pelaku daripada perkataan طَعَنَ يَطْعَنُ yang bermaksud; sesuatu yang dikecam, dicela dan diaibkan.

Dari sudut istilah: ialah suatu sifat yang diberikan oleh *muhaddithin* kepada perawi yang dikecam atau dikritik dengan suatu sebab tertentu. Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang teringan.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh dijadikan dalil penyokong.

Lihat طَعَنُوا فيه dalam huruf To'.

Secara Panjang Lebar: مُطَوَّلاً

Ia adalah suatu lafaz yang digunakan oleh *muhaddithin* ketika meriwayatkan suatu hadis dengan satu isnad, yang kemudian didatangkan isnad yang lain pula bagi matan yang sama, tetapi matan yang kedua tersebut agak panjang lebar kandungannya berbanding matan yang pertama.

Sumber-Sumber Hadis: مَظَانُّ الْحَدِيْثِ

Dari sudut bahasa: اَلْمِظَنَّة dan jamaknya اَلْمَظَانّ bermaksud: Tempat sesuatu dan sumbernya.

Dari sudut istilah, perkataan المظان digunakan secara bergabung dengan perkataan hadis yang membawa erti: Kitab-kitab yang dianggap wujudnya jenis hadis tertentu dalamnya. Contohnya: Al-Sahihain (Al-Bukhari dan Muslim) dan sebagainya merupakan المظان bagi hadis sahih. Manakala Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmizi dan sebagainya adalah tempat bagi hadis hasan.

Gelap Perihal Dirinya: مُظْلِمُ الأَمْرِ

Ungkapan ini bermaksud: hal keadaan seorang perawi yang samar dan tidak jelas pada pandangan ulama hadis.

Sumber: الْمَظِنَّةُ

Lihat: مِظَانّ الحديث.

Kitab-Kitab *al-Mu'jam*: الْمَعَاجِمُ

Lihat: المعجم .

Tiga Kitab *al-Mu'jam*: الْمَعَاجِمُ الثَّلاثَةُ

Ia bermaksud; tiga buah kitab al-Mu'jam yang ditulis oleh al-Hafiz Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabarani (w 360H), iaitu: المعجم الكبير, المعجم الأوسط dan المعجم الصغير.

Perbandingan: الْمُعَارَضَةُ

Dari sudut bahasa: المعارضة adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan عارَضَ يُعارِضُ yang bermaksud Perbandingan. Disebut: فلانٌ قابَلَ الكتابَ bermaksud; menjadikan sebuah kitab di hadapannya dan meletakkan semua yang ada dalam salah satu daripadanya dalam kitab yang lain. Disebut: فلانٌ عارَضَ بالكتاب الكتابَ iaitu menjadikan setiap yang ada dalam salah sebuah kitab sama seperti dalam kitab yang lain. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/165).

Dari sudut istilah: ialah seorang penyalin yang membandingkan naskhah salinannya dengan kitab asal seorang syeikh, atau kitab asal yang diyakini kesahihannya, dengan membetulkan setiap perkara yang didapati berbeza atau berlaku pertukaran, penyelewengan, penambahan atau pengurangan. Naskhah yang asal dinamakan: الأصلَ *al-Asl* dan naskhah yang baharu dinamakan: الفَرْع *al-Far'u*. (Lihat: *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami'*: 1/275).

Sezaman: الْمُعَاصَرَةُ

Dari sudut bahasa: المعاصرة adalah kata nama terbitan daripada perkataan عاصَرَ يُعاصِرُ yang bermaksud di sini; kewujudan dua orang individu yang saling bersama dalam satu zaman. Disebut: عاصَرَ فلانٌ فلاناً bermaksud; hidup bersama dengannya dalam satu zaman.

Dari sudut istilah: ialah wujudnya perawi dan orang yang diriwayatkan daripadanya dalam satu zaman, sama ada setiap daripada mereka bertemu dengan yang lain ataupun tidak.

Menurut al-Imam Muslim hanya cukup sekadar dengan syarat sezaman sahaja untuk menerima sanad yang diriwayatkan dengan cara الْمُعَنْعَن (menggunakan lafaz *'an*, yakni daripada) jika para perawinya adalah *adil* serta tidak terlibat dengan *al-tadlis* (penyamaran sanad).

Al-Mu'tazilah: الْمُعْتَزِلَة

Mereka adalah golongan yang sesat di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah. Golongan ini terbahagi kepada beberapa kumpulan kecil, yang kesemuanya bersepakat dalam beberapa perkara bidaah berikut, iaitu:

1. Menafikan setiap sifat azali bagi Allah s.w.t. Mereka mengatakan bahawa Allah s.w.t. itu tidak bersifat ilmu, kekuatan, kehidupan, pendengaran serta sifat-sifat azali yang lain. Allah s.w.t. pada azalinya tidak mempunyai nama dan sifat.
2. Mereka berpandangan bahawa Allah s.w.t. mustahil boleh dilihat dengan mata, dan sesungguhnya Allah tidak melihat zat-Nya dan tidak juga boleh dilihat oleh makhluk lain.
3. Mereka berpandangan bahawa kalam Allah s.w.t. itu baharu, dan urusan, larangan dan pengkhabaran-Nya juga adalah baharu. Mereka mendakwa kalam Allah s.w.t. itu suatu yang baharu, dan kebanyakan mereka menamakan kalam Allah itu sebagai makhluk.
4. Mereka berpandangan bahawa Allah s.w.t. tidak mencipta kelakuan manusia atau sedikit pun daripada perbuatan benda-benda yang hidup. Mereka mendakwa manusialah yang menentukan kelakuan dan nasib mereka. Allah s.w.t. tiada campur tangan dalam urusan manusia, begitu juga dengan umur seluruh benda hidup tiada sebarang ciptaan ataupun takdir tertentu. Dengan sebab pandangan itu, ulama Islam menamakan mereka dengan al-Qadariyyah.
5. Mereka bersepakat bahawa seorang yang fasiq dalam kalangan umat Islam akan berada di antara dua kedudukan, iaitu dia sebagai seorang yang fasiq, bukan mukmin dan bukan juga kafir.
6. Mereka berpandangan bahawa setiap sesuatu perbuatan hamba yang tidak diperintahkan atau dilarang oleh Allah s.w.t. adalah sesuatu yang Dia s.w.t. tidak mengkehendakinya walau sedikitpun. (Lihat: *al-Farq Bayna al-Firaq*: hlm. 93-94).

Dengan sebab perbezaan-perbezaan ini, maka Ahli Sunnah menamakan mereka dengan Mu'tazilah kerana mereka terasing daripada kebanyakan pandangan umat Islam.

Al-Mu'jam: الْمُعْجَمُ

Dai sudut bahasa: المعجم dan jamaknya المعاجم merupakan kata nama terbitan yang bermula dengan huruf Mim daripada perkataan أَعْجَمَ . Disebut فلانٌ أعجم الكلامَ أو الكتابَ bermaksud: Si polan menghilangkan kesamaran dan kesukaran perkataan tersebut dengan meletakkan titik dan baris.

Dari sudut istilah: ialah kitab yang terdapat dalamnya hadis-hadis yang disusun mengikut *musnad* para sahabat *r.a.*, atau syeikh-syeikh, atau nama negara atau sebagainya. Kebiasaannya susunan nama-nama ini adalah mengikut susunan huruf abjad. (Lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*: hlm: 137).

***Mu'jam-Mu'jam* yang masyhur:**

1. معجم الصحابة Oleh Abu Ya'la, Ahmad bin 'Ali al-Musili (w 307H).
2. المعجم الكبير Oleh Abu al-Qasim, Sulayman bin Ahmad al-Tabarani (w 360H). Kitab ini disusun mengikut *musnad-musnad* Sahabat dalam susunan huruf abjad kecuali *musnad* Abu Hurairah, kerana *musnad* Abu Hurairah dijadikan sebuah kitab yang berasingan. Ianya mengandungi sebanyak 60 ribu hadis.
3. المعجم الأوسط Oleh al-Tabarani juga. Kitab ini disusun mengikut nama-nama syeikh-syeikhnya yang berjumlah hampir 2 ribu orang. Sebahagian daripada kitab ini telah hilang. Kitab yang ada sekarang hanya mengandungi 10 ribu hadis.
4. المعجم الصغير Oleh al-Tabarani juga. Beliau meriwayatkan dalam kitab ini daripada seribu orang syeikhnya, dan kebiasaannya beliau hanya mengambil satu hadis sahaja bagi setiap syeikh. Kitab ini mengandungi kira-kira 1200 hadis.
5. معجم أبي بكر الإسماعيلي Oleh Ahmad bin Ibrahim bin Isma'il al-Jurjani (w 371H). Beliau menyusun kitab ini untuk peribadi dirinya, dan mengeluarkan dalamnya daripada 410 orang syeikh.
6. معجم ابن المُقرىء Oleh Abu Bakar Muhammad bin Ibrahim bin 'Ali al-Asbahani (w 381H).
7. معجم الصحابة Oleh Ahmad bin 'Ali bin Hilal al-Hamdani (w 398H).
8. معجم ابن جُمَيع Oleh Abu al-Husayn, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Ghassani al-Saydawi (w 402H). Beliau mengeluarkan dalamnya daripada 387 orang syeikh yang disusun mengikut huruf abjad. Beliau memulakannya dengan nama Muhammad sebagai mengambil berkat dengan nama Rasulullah *s.a.w.* Bagi setiap syeikhnya akan diriwayatkan sebuah hadis ataupun kisah.

Huruf Bertitik: الْمُعْجَمَةُ

Ia adalah sifat bagi huruf-huruf yang bertitik, seperti Kha', Zal, Syin, Dad dan Ghain. Disebut ketika menggambarkannya sebagai contoh الخاء المعجمة yakni huruf kha' yang bertitik bagi membezakannya dengan الحاء الْمُهْمَلة yakni huruf ha' yang tidak bertitik.

Hadis Yang Di*ta'dil*kan: الْمُعَدَّلُ

Ia bermaksud; hadis sahih atau hasan.

Orang Yang Men*ta'dil*kan: الْمُعَدِّلُ

Iaitu seorang muhaddith pakar pengkritik yang menerangkan tentang sebab-sebab yang boleh menguatkan kedudukan seorang perawi, atau

mengeluarkan perawi tersebut daripada sesuatu yang merendahkan kedudukannya dari sifat *jarh* dan *daif.*

Lombong Pendustaan: مَعْدِنُ الكَذِبِ

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk. Al-Hafiz al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang pertama dari martabat-martabat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Mengenal *Al-Ikhwah* dan *Al-Akhawat*: مَعْرِفَةُ الإِخْوَة والأَخَوات

Lihat الإِخْوَةُ والأخواتُ dalam huruf Alif.

مَعْرِفَةُ أَسْمَاءِ مَنِ اشْتَهَرُوْا بِكُنَاهُمْ

Mengenal Nama-Nama Perawi Yang Dikenali Dengan *Kunyah* Mereka:

Lihat أَسْمَاءَ مَنْ اشتهروا بكُناهم dalam huruf Alif.

Mengenal Nama-Nama Gelaran: مَعْرِفَةُ الأَلْقَابِ

Lihat الأَلْقَاب dalam huruf Alif.

Mengenal Tempat Asal Dan Negara Para Perawi: مَعْرِفَةُ أَوْطَانِ الرُّوَاةِ وبُلْدَانِهِمْ

Lihat أَوْطَان الرُّواةِ وبُلْدَانهم dalam huruf Alif.

Mengenal Para Tabiin: مَعْرِفَةُ التَّابِعِيْنَ

Lihat التَّابعيّ dalam huruf Ta'.

Mengenal Tarikh-Tarikh Para Perawi: مَعْرِفَةُ تَوَارِيْخِ الرُّوَاةِ

Iaitu berkenaan kelahiran dan kewafatan mereka. Lihat تواريخ الرُّواة dalam huruf Ta'.

Mengenal Para Perawi *Thiqah* dan *Daif*: مَعْرِفَةُ الثِّقَاتِ والضُّعَفَاءِ مِنَ الرُّوَاةِ

Lihat الثقات والضعفاء من الرُّواة dalam huruf Tha'.

Mengenal Golongan *Huffaz*: مَعْرِفَةُ الْحُفَّاظِ

Lihat الحافظ dalam huruf Ha'.

Mengenal Para Sahabat: مَعْرِفَةُ الصَّحَابَةِ

Lihat الصحابة dalam huruf Sad.

Mengenal *Tabaqat* Ulama dan Para Perawi: مَعْرِفَةُ طَبَقَاتِ العُلَمَاءِ والرُّوَاةِ

Lihat الطَّبقات dalam huruf To'.

Mengenal Ulama Dan Para Perawi: مَعْرِفَةُ الْعُلَمَاءِ وَالرُّوَاةِ

Lihat الطبقات dalam huruf To'.

Mengenal *al-Mu'talif* dan *al-Mukhtalif*: مَعْرِفَةُ الْمُؤْتَلِفِ والْمُخْتَلِفِ

Lihat المُؤْتَلِف والمُخْتَلِف.

Mengenal Nama-Nama Yang Samar: مَعْرِفَةُ الْمُبْهَمَاتِ

Lihat الْمُبْهَمات.

Mengenal *al-Mutasyabih*: مَعْرِفَةُ الْمُتَشَابِهِ

Lihat المتشابه .

Mengenal *al-Muttafiq* dan *al-Muftariq*: مَعْرِفَةُ الْمُتَّفِقِ وَالْمُفْتَرِقِ

Lihat المتفق والمفترق .

مَعْرِفَةُ الْمُفْرَدَاتِ مِنَ الأَسْمَاءِ وَالْكُنَى وَالأَلْقَابِ

Mengenal Nama-Nama, *Kunyah-Kunyah* dan Gelaran-Gelaran Yang Tunggal:

Iaitu berkaitan dengan seseorang dalam kalangan Sahabat, atau para perawi secara umumnya, atau salah seorang ulama yang memiliki nama, *kunyah* (nama panggilan) atau gelaran yang tidak dikongsi sama dengan orang lain dalam kalangan para perawi dan ulama.

Ianya mempunyai beberapa bahagian seperti berikut:

Pertama pada nama-nama; antaranya Ahmad bin 'Ujaylan, namanya tidak dimiliki oleh orang yang selain daripadanya dalam kalangan para Sahabat.

Kedua pada *kunyah* (nama panggilan); antaranya Abu al-'Abidin dan Abu al-'Usyara', kedua-dua gelaran ini tidak dimiliki oleh orang yang selain mereka dalam kalangan para Sahabat.

Ketiga pada gelaran: antaranya Safinah Maula Nabi *s.a.w.*, dan gelaran ini tidak dimiliki oleh orang yang selain daripadanya dalam kalangan para Sahabat.

مَعْرِفَةُ مَنْ خَلَطَ مِنَ الثِّقَاتِ

Mengenal Perawi *Thiqah* Yang Bercampur-campur Riwayatnya:

Lihat من اختلط من الثقات dan المختلطون .

مَعْرِفَةُ مَنْ ذُكِرَ بِأَسْمَاءٍ أَوْ صِفَاتٍ مُخْتَلِفَةٍ

Mengenal Perawi Yang Disebut Dengan Beberapa Nama Atau Sifat Yang Berbeza:

Iaitu perawi yang disifatkan dengan beberapa nama, atau beberapa gelaran, atau beberapa nama panggilan yang berbeza-beza oleh seorang individu ataupun oleh sekumpulan orang.

Contohnya: Muhammad bin al-Sa'ib al-Kalbi, sebahagian orang menamakannya: Abu al-Nadr, dan ada yang menamakannya: Hammad bin al-Sa'ib, serta ada yang menamakannya: Abu Sa'id. (*Tadrib al-Rawi*: 2/235).

Mengenal Nama Yang Diabaikan: مَعْرِفَةُ الْمُهْمَلِ

Lihat الْمُهمَل.

مَعْرِفَةُ الْمَنْسُوْبِيْنَ إِلَى غَيْرِ آبَائِهِم

Mengenal Para Perawi Yang Dinisbahkan Kepada Selain Bapa Mereka:

Lihat المَنْسُوبِيْنَ إلى غير آبائهم.

مَعْرِفَةُ الْمَوَالِي مِنَ الرُّوَاةِ والعُلَمَاءِ

Mengenal Golongan Hamba Dalam kalangan Para Perawi dan Ulama:

Lihat الموالي من الرُّواة والعُلَماء .

مَعْرِفَةُ النِّسَبِ الَّتِي على خِلاَفِ ظاهِرِها

Mengenal Nisbah Yang Berbeza Daripada Zahirnya:

Lihat النِّسَب التي على خِلاَفِ ظاهِرِها dalam huruf nun.

مَعْرِفَةُ الْوُحْدَان

Mengenal *al-Wuhdan*:

Lihat الوحدان dalam huruf Wau.

الْمَعْرُوْفُ

Al-Ma'ruf:

Dari sudut bahasa: المعروف adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan عَرَفَ يَعْرِفُ yang bermaksud; sesuatu yang diketahui, dikenali atau dimaklumi.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah* bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi *daif*. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/240).

Contohnya:

Hadis yag diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim daripada jalan Hubayyib bin Habib al-Zayyat daripada Abu Ishaq, daripada al-'Ayzar bin Huraith, daripada Ibn 'Abbas *r.a.* daripada Nabi *s.a.w.* sabdanya: "Sesiapa yang mendirikan solat, menunaikan zakat, melakukan haji, berpuasa, dan memuliakan tetamu akan masuk ke dalam syurga."

Abu Hatim berkata: Hadis ini *munkar*, kerana selain dari Hubayyib dalam kalangan perawi *thiqah* telah meriwayatkannya daripada Abu Ishaq secara *mawquf* (sebagai kata-kata Sahabat), dan inilah yang *ma'ruf*. (Lihat: *'Ilal al-Razi*: 2/182).

مَعْرُوْفٌ

Seorang yang dikenali

Suatu istilah yang disebutkan kepada seseorang perawi dengan tujuan menyatakan dia adalah *thiqah*. Tetapi perkataan ini semata-mata tidak cukup untuk memberikannya kedudukan *thiqah*, malahan mesti disertakan dengan ungkapan lain yang menunjukkan bahawa perawi tersebut mempunyai *dabit* (hafalan yang sempurna atau jagaan yang baik) seperti: ثقة atau حافظ atau حجة.

Al-Mu'dal: الْمُعْضَلُ

Dari sudut bahasa: الْمُعضَل adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan أعْضَلَ يُعضِل yang bermaksud; sesuatu yang berat, sukar dan tertutup. Disebut: فلانٌ أعْضَلَهُ الأمرُ bermaksud: ia menguasainya. Disebut داءٌ عُضَالٌ bermaksud; penyakit yang kronik dan melemahkan.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang gugur daripada isnadnya dua orang perawi atau lebih di satu tempat secara berturut-turut, sama ada ia berlaku di awal sanad, atau di pertengahan sanad, atau di akhir sanad. (Lihat: *al-Ma'rifah Fi 'Ulum al-Hadith:* hlm. 36).

Maka hadis yang diriwayatkan oleh Tabi' Tabi'in terus daripada Nabi *s.a.w.* termasuk dalam kategori *al-Mu'dal*, kerana kita yakin bahawa telah gugur daripada sanadnya dua orang perawi sekurang-kurangnya iaitu: Tabiin dan Sahabat.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh Yazid bin Harun katanya: Telah memberitahu kami Isma'il bin Rafi' yang menyandarkannya kepada Nabi *s.a.w.* sabdanya: "Sesiapa yang menuntut ilmu ketika remaja, maka seolah-olah ia mengukir di atas batu, dan sesiapa yang menuntut ilmu ketika umur tua, maka seolah-olah ia menulis di atas permukaan air.". (Lihat: *al-Maqasid al-Hasanah*: m.s 460).

Dalam sanad hadis ini terdapat Isma'il bin Rafi' yang merupakan seorang Tabi' Tabiin, tetapi beliau telah meriwayatkan hadis terus daripada Nabi *s.a.w.* Maka telah jelas gugur dari sanadnya Tabiin dan juga Sahabat, dan hadis sebegini dinamakan *Mu'dal.*

Hukumnya:

Hadis الْمُعْضَل adalah hadis *daif*, malah lebih *daif* daripada الْمُرْسَلِ dan المنقطع dengan sebab ramai perawi yang gugur daripada sanadnya.

Kitab-kitab yang banyak terdapat dalamnya hadis ini:

1. *Kitab al-Sunan oleh Sa'id bin Mansur bin al-Marwazi Syu'bah* (w 227H).
2. *Karya-karya Ibn Abi al-Dunya*, Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi al-Dunya al-Qurasyi al-Baghdadi, wafat pada tahun 281H. Beliau banyak memasukkan dalam kitab-kitabnya hadis-hadis *Mu'dal* dan *Munqati'*. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 1/214).

Hadis-Hadis Yang Kronik: الْمُعْضِلاتُ

Dari sudut bahasa: المُعضِلات adalah jamak bagi perkataan الْمُعْضِلة yang bermaksud: teruk, musykil dan bermasalah. Disebut: أمرٌ مُعْضِلٌ iaitu sesuatu yang tidak dapat dinyatakan keadaan atau kedudukannya.

Dari sudut istilah: ialah hadis-hadis yang diragui, *munkar* dan *mawdu'*. Ia adalah berpandukan kepada hal keadaan perawi yang ada dalam sanadnya.

Buktinya: al-Imam Ibn Hibban banyak menggunakan lafaz ini dalam kitabnya al-*Majruhin*. Di sini disebutkan dua bukti sebagai contoh:

1. Beliau menyatakan dalam maklumat berkaitan dengan Ahmad bin Salih al-Syummuni Abu Ja'far: Dia adalah antara perawi yang membawa riwayat-riwayat *al-Mu'dilat* daripada golongan yang *thiqah*. (Lihat *al-Majruhin*: 1/149).
2. Beliau menyatakan dalam maklumat berkaitan dengan Suwaid bin Sa'id al-Hadathani: Dia membawa riwayat-riwayat *al-Mu'dilat* daripada golongan perawi yang *thiqah*. Yahya bin Ma'in berkata tentangnya: Jika saya memiliki kuda perang dan tombak, nescaya akan saya perangi Suwaid bin Sa'id. (Lihat: *al-Majruhin*: 1/352).

Al-Mu'allaq: **الْمُعَلَّقُ**

Dari sudut bahasa: المعلّق adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan عَلَّقَ يُعَلِّقُ yang bermaksud; tergantung, sesuatu yang dijadikan atau diletakkan antara atas dan bawah dua benda.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang dibuang atau dihilangkan dari permulaan isnadnya seorang perawi atau lebih, ataupun keseluruhan sanadnya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm: 69).

Hadis ini dinamakan dengan *Mu'allaq* kerana ia hanya bersambung daripada bahagian atasnya sahaja dan terputus daripada bahagian bawah. Maka ia seperti sesuatu yang terputus daripada bumi dan bersambung daripada atas pada atap atau sebagainya.

Contohnya:

Abu Nu'aim al-Asbahani berkata: Saya diberitahu daripada Muhammad bin Ayyub al-Razi, beliau berkata: Telah menceritakan kepada kami Musaddad yang berkata: Telah menceritakan kepada kami Mu'tamar bin Sulayman, daripada bapanya, daripada al-Hadrami katanya: Seorang lelaki membaca al-Quran di sisi Nabi *s.a.w.*, dan beliau seorang yang lembut suaranya - atau lembut bacaannya -. Setiap yang mendengarnya dalam kalangan orang ramai yang ada akan menangis kecuali 'Abd al-Rahman bin 'Auf *r.a.*, maka Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Walaupun 'Abd al-Rahman bin 'Auf tidak mengalir air matanya, tetapi telah melimpah hatinya kesayuan.". (Lihat: *Hilyah al-Awliya'*: 1/100).

Abu Nu'aim al-Asbahani adalah Ahmad bin 'Abd Allah yang meriwayatkan hadis ini. Beliau lahir pada tahun 336H, manakala Muhammad bin Ayyub bin al-Durays – yang diriwayatkan daripadanya oleh Abu Nu'aim - wafat pada tahun 294H. Abu Nu'aim tidak menjelaskan perantara antara beliau dengan Muhammad bin Ayyub. Maka dapat kita katakan bahawa Abu Nu'aim telah 'menggantungkan' hadis ini pada Muhammad. Maka hadis ini dalam keadaan sebegini dinamakan: مُعَلَّقٌ.

Hukumnya:
Hukum hadis *al-Mu'allaq* adalah sama dengan hadis *al-Munqati'*. Ia adalah jenis hadis *daif* yang tidak boleh dijadikan hujah dengan sebab tidak diketahui keadaan perawi atau para perawi yang gugur dalam sanadnya.

Perhatian:
Walaupun begitu, para ulama telah mengecualikan hadis-hadis *mu'allaq* dalam karya-karya yang hanya meriwayatkan hadis-hadis sahih sahaja seperti kitab *al-Sahihain* (iaitu *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*).

Hadis-Hadis *Mu'allaq* Dalam *Sahih al-Bukhari*: مُعَلَّقَاتُ الْبُخَارِيِّ

Dari sudut bahasa: المعلّقات adalah jamak bagi perkataan المعلّق yang bermaksud; sesuatu yang dijadikan atau diletakkan di antara dua benda daripada atas dan bawahnya.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang dibuang atau dihilangkan dari permulaan isnadnya seorang perawi atau lebih, ataupun keseluruhan sanadnya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 69).

Adapun *ta'liq* (menjadikan hadis sebagai *al-Mu'allaq*) di sisi al-Imam al-Bukhari dalam kitab *Sahih*nya hanyalah sebagai suatu ringkasan dalam membawakan hadis, atau menguatkan dalil terhadap sesuatu topik dengan hadis yang tiada memenuhi syarat kitabnya. Bentuk sebegini banyak dalam Sahihnya ini. Manakala hadis-hadis al-Mu'allaq dalam *Sahih Muslim* pula tidak melebihi 12 buah hadis sahaja.

Begitu juga wujud hadis-hadis *al-Mu'allaq* dalam kitab-kitab *al-Sunan*, seperti *Sunan Abi Dawud*, *al-Tirmizi* dan selain dari keduanya. Tetapi tidak ada atau hampir tidak wujud jenis hadis ini dalam kitab-kitab *Musnad*, *Mu'jam* dan yang seumpamanya.

Al-Mu'allal: الْمُعَلَّلُ

Lihat: الْمُعَلّ .

Al-Mu'all: الْمُعَلُّ

Dari sudut bahasa: الْمُعَلُّ adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan أَعَلَّ يُعِلُّ yang bermaksud: Sakit.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang dijumpai kecacatan padanya yang mencacatkan kesahihan hadis tersebut, walaupun pada zahirnya ia bebas daripada kecacatan itu. Hadis ini juga dinamakan sebagai: الْمَعْلُوْل dan الْمُعَلَّل. Istilah الْمُعَلّ adalah yang digunakan dan tersebar luas dalam kalangan ulama hadis.

Manakala istilah العلة ialah suatu sebab yang tersembunyi atau samar yang mencacatkan kesahihan sesuatu hadis.

Bahagian-Bahagian Hadis *al-Mu'al*:

'Illah (kecacatan) boleh berlaku dalam sanad atau dalam matan atau pada kedua-duanya sekali. Ini kerana hadis mu'al dibahagikan mengikut tempat terdapatnya *'illah* tersebut kepada 3 bahagian, iaitu:

Bahagian Pertama: Al-Mu'al dalam sanad:

Ia adalah suatu *'illah* yang mencacatkan wujud dalam sanad, yang hadis tersebut tidak diketahui periwayatannya kecuali daripada seorang perawi *thiqah*, kemudiannya terserlah *'illah* tersebut selepas dikaji dan diteliti, seperti *al-Idtirab*, terputus dalaman, atau status *mawquf* bagi hadis yang *marfu'*, atau status *mursal* bagi hadis yang bersambung, dan sebagainya.

Contohnya:

Hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Malik bin Juraij, daripada Musa bin 'Uqbah, daripada Suhail bin Abu Salih, daripada bapanya, daripada Abu Hurairah *r.a* berkata: Sabda Rasulullah *s.a.w.*: "Sesiapa yang duduk dalam satu majlis dan banyak berlaku bising atau riuh rendah dalamnya, maka hendaklah dia mengucapkan sebelum bangun dari tempat duduknya:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لا إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وأَتُوْبُ إِلَيكَ

Melainkan akan diampunkan baginya segala kesalahannya dalam majlis tersebut."

Isnad hadis ini adalah sahih dan bebas daripada sebarang kecacatan dengan sebab para perawinya yang *thiqah* dan sanad yang bersambung. Berdasarkan kepada itu, sebilangan para ulama menghukumkannya sebagai sahih akibat bergantung dengan zahir sanad hadis tersebut. Ia juga diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam Jami'nya (dalam *Abwab al-Da'awat, Bab Ma Yaqul Iza Qama Min Majlisihi*, no. 3429) dan mengatakan: Hasan Sahih. Serta diriwayatkan juga oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak* (1/134-135) dan beliau turut mensahihkannya. Begitu juga hukum selain dari mereka berdua.

Tetapi wujud dalam sanad hadis ini suatu *'illah* yang mencacatkan yang amat halus seperti yang akan diterangkan di bawah:

Iaitu hadis ini telah diriwayatkan oleh Suhail bin Abu Salih, dan diriwayatkan dari Suhail oleh dua orang perawi iaitu:

1. Musa bin 'Uqbah, dan diriwayatkan daripada Musa oleh Ibn Juraij.
2. Wuhaib bin Khalid, dan diriwayatkan daripada Wuhaib oleh Musa bi Isma'il al-Minqari.

Sanad yang pertama, diriwayatkan secara bersambung dan sampai kepada Nabi *s.a.w.* Manakala sanad yang kedua pula, diriwayatkan secara *maqtu'* iaitu daripada kata-kata 'Auf bin 'Abd Allah yang merupakan seorang Tabiin.

Al-Bukhari, Abu Zur'ah, Ahmad dan Abu Hatim men*tarjih*kan riwayat yang kedua daripada riwayat yang pertama. Ini adalah kerana Ibn Juraij, walaupun beliau seorang yang *thiqah* tetapi tidak diketahui periwayatannya dengan isnad ini kecuali pada hadis ini sahaja. Kesilapan telah berlaku pada Suhail dalam

meriwayatkan hadis, lalu Musa bin 'Uqbah telah meriwayatkan daripadanya dengan kesilapan atau kesalahan tersebut dan dinukilkan oleh Ibn Juraij.
Manakala perawi yang lain iaitu Musa bin Isma'il adalah seorang yang lebih teliti dan menghafal hadis Suhail, serta lebih mengetahui tentangnya. Maka beliau telah meriwayatkan daripada Suhail menurut bentuknya yang dinukilkan dari beliau oleh Wuhaib bin Khalid.

Bahagian Kedua: *Al-Mu'al* dalam matan:
Ia adalah suatu *'illah* yang mencacatkan yang wujud dalam matan hadis.
Contohnya:
Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dengan katanya: Bapaku menyebut satu hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin 'Abd Allah al-Naysaburi, daripada Ibrahim bin Tahman, daripada Hisham bin Hassan, daripada Muhammad bin Sirin, daripada Abu Hurairah *r.a.* Jalan lain, Suhail bin Abu Salih daripada bapanya daripada Abu Hurairah *r.a.* berkata:
Rasulullah *s.a.w.* bersabda: "Jika salah seorang daripada kamu bangun daripada tidurnya, maka hendaklah dia membasuh pergelangan tangannya sebanyak tiga kali sebelum dia memasukkan kedua-duanya dalam bekas berisi air. Ini kerana dia tidak mengetahui di manakah tangannya berada (ketika dia sedang tidur). Kemudian dia masukkan dengan tangan kanannya dalam bekas air dan dituang ke atas tangan kirinya, dan membasuh duburnya".
Abu Hatim berkata: Sewajarnya ayat: "Kemudian dia masukkan dengan tangan kanannya dalam..." hingga ke akhir lafaz hadis, adalah daripada Ibrahim bin Tahman. Ini berlaku kerana beliau menyambung hadis dengan kata-katanya sehingga tidak dapat dibezakan oleh orang yang mendengar. (Lihat: *'Ilal al-Hadith* 1/65).

Bahagian Ketiga: *Al-Mu'al* dalam sanad dan matan:
Ia adalah suatu *'illah* yang mencacatkan yang wujud dalam sanad dan matan hadis sekaligus.
Contohnya:
Ibn Abi Hatim berkata: Saya bertanya bapaku tentang hadis yang diriwayatkan oleh Baqiyyah bin al-Walid daripada Yunus bin Yazid al-Ayli, daripada al-Zuhri, daripada Salim, daripada Ibn 'Umar *r.a* berkata: Nabi *s.a.w.* bersabda: "Sesiapa yang sempat satu rakaat daripada solat Jumaat dan selainnya, maka dia telah sempat bersama-sama jemaah solat."
Abu Hatim berkata: Ini adalah suatu kesalahan dalam matan dan isnad sekaligus. Sanad yang sebenar ialah: Al-Zuhri, daripada Abu Salamah, daripada Abu Hurairah *r.a.*, daripada Nabi *s.a.w.*: "Sesiapa yang sempat satu rakaat daripada solat, maka dia telah sempat bersama jemaah dalam solat tersebut."
Manakala ayat: "daripada solat Jumaat" bukanlah daripada matan hadis ini, maka kesalahan itu berlaku dalam kedua-duanya. (lihat: *'Ilal al-Hadith* 1/172).

Hukum Hadis *al-Mu'al*:
Hadis *al-Mu'al* berdasarkan kepada istilah yang telah ditetapkan oleh ulama adalah daripada jenis-jenis hadis *daif* yang ditolak, dan tidak boleh dijadikan hujah.

Karya-karya yang terkenal berkenaan dengannya:

1. العِلَل oleh al-Imam Abu al-Hasan, 'Ali bin 'Abd Allah al-Madini (w 234H).
2. العِلَل oleh al-Imam Abu 'Abd Allah, Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (w 241H).
3. العِلَل لابن أبي حاتم الرَّازي oleh al-Imam 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Idris al-Razi (w 327H).
4. العِلَل الواردة في الأحاديث النبوية oleh al-Imam Abu al-Hasan, 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 385H).
5. العِلَلُ المتناهية في الأحاديث الواهية oleh al-Hafiz Abu al-Faraj, 'Abd al-Rahman bin 'Ali bin Muhammad Ibn al-Jawzi (w 597H).

Al-Ma'lul: **اَلْمَعْلُوْلُ**

Lihat: اَلْمُعَلَّل .

Al-Mu'an'an: **اَلْمُعَنْعَنُ**

Dari sudut bahasa: المعنعن adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan عَنْعَنَ يُعَنْعِنُ yang bermaksud; pengulangan seseorang pada kata-kata: Daripada si polan, daripada si polan.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang disebutkan dalam isnadnya: Si polan daripada si polan, daripada si polan.

Hukumnya:

Terdapat dua mazhab yang masyhur di sisi ulama tentang hukum isnad *Mu'an'an*:

Pertama: Mestilah dipastikan wujudnya pendengaran atau pertemuan secara umumnya, walaupun hanya sekali. Apabila ini berlaku, maka semua yang diriwayatkan oleh perawi tersebut dengan lafaz 'daripada, daripada' (*'an, 'an*) daripada syeikhnya termasuk dalam hukum isnad yang bersambung, selagimana tidak diketahui beliau melakukan *tadlis* (penyamaran dan pengaburan). Ini adalah mazhab imam-imam hadis yang besar.

Kedua: Lafaz 'daripada' (*'an*) dianggap sebagai isnad yang bersambung dengan syarat sezaman (antara perawi dan syeikhnya). Inilah yang menjadi pegangan al-Imam Muslim, dan dinyatakan bahawa ia telah menjadi kesepakatan para ulama sebelumnya. (*Syarah Sahih Muslim* oleh al-Nawawi 1/32).

Al-Mu'an'in: **اَلْمُعَنْعِنُ**

Dari sudut bahasa: ia adalah kata nama pelaku daripada perkataan عَنْعَنَ yang bermaksud; seseorang yang berkata: Daripada si polan, daripada si polan.

Dari sudut istilah: ialah seseorang yang mengungkapkan dalam isnad hadis: Si polan daripada Si polan.

Yang Dungu: الْمُغَفَّلُ

Dari sudut bahasa: الْمُغَفَّل adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan غَفَّل يُغَفِّل yang bermaksud: Seseorang yang tidak memiliki kecerdikan, atau yang mudah terpedaya dan tertipu.

Dari sudut istilah: Ia adalah suatu sifat yang diberikan oleh *muhaddithin* kepada perawi dengan maksud bahawa beliau seorang yang *daif* dan di*jarh*kan dengan sebab kelemahan hafalannya. Ini kerana kecerdikan dan kemampuan berfikir adalah sesuatu yang mengukuhkan hafalan, mengekalkan dan menguatkannya. Jika seseorang perawi tidak mempunyai sifat ini, maka *Muhaddithin* tidak dapat menerima hadis-hadis yang diriwayatkannya secara bersendirian.

Hukum riwayatnya:

Kebanyakan hadis-hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini diriwayatkan dalam bab *Mutaba'at, Syawahid*, atau *Mu'allaqat*. Berkemungkinan sesuatu ungkapan itu dengan dinisbahkan kepada sebahagian syeikh-syeikhnya, atau kepada suatu masa dalam umurnya, seperti contoh sifat ini datang menimpa dirinya ketika di akhir usianya.

Al-Mufradat: الْمُفْرَدَاتُ

Lihat أَفْرَاد العَلَم dalam huruf Alif.

Al-Mufradat* Pada Nama-Nama dan *Kunyah-Kunyah: الْمُفْرَدَاتُ مِنَ الأَسْمَاء والْكُنَى

Lihat أَفْرَادَ الْعَلَمِ dalam huruf Alif.

Secara Berpisah-pisah: مُفَرَّقاً

Ia adalah ungkapan yang digunakan oleh seseorang yang melakukan *takhrij* bagi menunjukkan bahawa suatu matan dalam kitab sumber yang disandarkan itu terdapat dalam beberapa tempat yang berbeza atau berpisah-pisah dalam kitab sumber berkenaan.

Al-Mufid: الْمُفِيْدُ

Dari sudut bahasa: المفيد adalah kata nama pelaku daripada perkataan أَفَاد يُفيد yang bermaksud; seseorang yang memberi manfaat atau faedah kepada orang lain dari sudut ilmu atau harta.

Dari sudut istilah: ialah seseorang yang terhimpun pada dirinya syarat-syarat Muhaddith, serta memiliki kelayakan untuk memberi manfaat kepada para pelajar yang menghadiri majlis mendengar dan menyalin hadis seseorang al-Hafiz atau al-Muhaddith. Maka *al-Mufid* dapat menyampaikan kepada mereka apa yang tidak dengari serta dapat memahamkan mereka apa yang tidak mereka fahami. Dia mengetahui tentang *al-'Ali* dan *al-Nazil*, *al-Badal*, *al-Musafahah*, *al-Muwafaqah* serta turut mengetahui tentang *al-'Ilal*. Ia adalah

suatu martabat yang banyak digunakan pada kurun ketiga hijrah. (Lihat nota kaki: *al-Raf'u wa al-Takmil*: hlm. 60).

Kata al-Hafiz al-Zahabi: *Al-Hafiz* lebih tinggi daripada *al-Mufid* mengikut adat kebiasaannya, sepertimana *al-Hujjah* lebih tinggi daripada *al-Thiqah*. (*Tazkirah* al-*Huffaz*: 3/971).

Antara ulama yang digelarkan dengan gelaran ini ialah:

1. Ibrahim bin Urmah (w 266H). Beliau adalah Mufid Baghdad pada zamannya.
2. Ibn Najiyah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Najiyah al-Barbari kemudian al-Baghdadi (w 301H).
3. Al-Tahhan, Abu Bakar Ahmad bin 'Amr al-Tahhan (w 333H). Beliau adalah muhaddith dan Mufid al-Ramlah.
4. Ibn al-Munadi, Abu al-Husayn, Ahmad bin Ja'afar bin al-Munadi al-Baghdadi (w 336H).
5. Abu al-Qasim, Hafs Ibn 'Umar al-Ardabili (w 339H).
6. Abu al-'Abbas, Muhammad bin Ya'qub al-Naysaburi yang dikenali dengan al-Asam (w 346H).
7. Abu Bakar, Muhammad bin 'Abd Allah al-Baghdadi yang dikenali dengan al-Bazzar (w 354H).
8. Abu Hafs, 'Umar bin Ja'far al-Warraq al-Basri (w 357H). (Lihat nota kaki Umara' al-Mu'mumin Fi al-Haditholeh Syeikh Abu Ghuddah: hlm. 128).

Mim – Qaf: مق

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa Muslim mengeluarkan hadis tersebut dalam *Mukadimah Sahih*nya.

Perbandingan: اَلْمُقَابَلَةُ

Dari sudut bahasa: المقابلة adalah kata nama terbitan قابَلَ يُقابِل yang bermaksud: Perbandingan. Disebut: عارَضَ فلانٌ بالكتاب الكتابَ yang bermaksud: Menjadikan isi kandungan salah satu daripada dua buah kitab sama seperti apa yang ada dalam yang lain.

Dari sudut istilah: ialah seorang pelajar yang membandingkan kitab asal miliknya dengan kitab asal yang dipunyai oleh syeikhnya, yang pelajar tersebut telah mengambilnya daripada syeikhnya melalui semua bentuk periwayatan yang sahih. Atau dengan yang asal kepada kitab asal syeikhnya yang pelajar itu mengambil daripadanya kitab yang sudah dibandingkan sebagai kitab asalnya. Atau dengan kitab cabang (yang lebih terkemudian) yang sudah dibandingkan dengan kitab asal secara perbandingan yang muktabar dan dipercayai. Atau dengan kitab cabang yang sudah dibandingkan dengan kitab cabang yang lain, walaupun antara kedua-duanya terdapat bilangan perawi yang ramai. (*Fath al-Mughith*: 2/167).

Yang Hampir Hadisnya: مُقَارِبُ الْحَدِيْث

Dari sudut bahasa: المقارب adalah kata nama pelaku daripada perkataan قارَبَ يُقارِبُ yang bermaksud: Hampir dan lawan kepada jauh.

Dari sudut istilah: Ia adalah antara lafaz al-*Ta'dil* yang teringan. Al-Hafiz al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang keempat dalam tingkatan *al-Ta'dil* di sisinya.

Makna ungkapan ini jika dibariskan ra dengan baris bawah مُقارِبٌ ialah bahawa hadisnya hampir dengan hadis perawi yang lain dalam kalangan para perawi *thiqah*.

Manakala makna ungkapan ini jika dibariskan ra dengan baris atas pula مُقارَبٌ ialah bahawa hadisnya hampir dengan hadis perawi yang lain, iaitu berada pada peringkat pertengahan yang tidak sampai kepada peringkat digugurkan dan tidak juga kepada peringkat yang tertinggi.

Berkata Ibn Rasyid: Ia bermaksud; seorang yang menghampiri orang ramai dalam hadisnya dan mereka turut menghampirinya, iaitu hadisnya tidak *Syaz* dan juga tidak *Munkar*. (*Fath al-Mughith*: 1/239).

Berkata Ibn Sayyid al-Nas: Jika dibaca dengan baris bawah, maka ia adalah antara lafaz al-*Ta'dil*, dan jika dibaca dengan baris atas pula, maka ia adalah antara lafaz *al-Jarh*. Begitu juga yang disebutkan oleh al-Bulqini.

Tetapi pandangan yang sahih ialah pendapat yang pertama iaitu ia adalah antara lafaz al-*Ta'dil*. Inilah pandangan al-Hafiz al-'Iraqi, al-Zahabi, al-Suyuti dan lain-lainnya. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/239).

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini boleh ditulis hadisnya dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Yang Memutuskan: الْمُقَاطِعُ

Lihat: المَقْطُوْع .

***Khabar-Khabar Maqtu'*:** الْمَقَاطِيْعُ

Lihat: المَقْطُوْع.

Yang Diterima: الْمَقْبُوْلُ

Dari sudut bahasa: المقبول adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan قَبِلَ يَقْبَلُ yang bermaksud: setiap sesuatu yang dilihat baik serta diredhai.

Dari sudut istilah: ialah hadis yang wajib diamalkan di sisi jumhur *muhaddithin* iaitu dengan terbuktinya kebenaran perawi yang menyampaikannya. *Al-Maqbul* dibahagikan kepada hadis sahih dan hadis hasan. Lihat pengertian kedua-duanya pada tempat nya.

***Maqbul*:** مَقْبُوْلٌ

Ia adalah dari lafaz-lafaz al-*Ta'dil*. Al-Hafiz Ibn Hajar dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang keenam dari martabat-martabat *al-ta'dil* di sisi mereka.

Hukumnya:
Kata al-Hafiz Ibn Hajar: Yang Keenam; perawi yang tidak mempunyai hadis kecuali sedikit sahaja, dan tidak sabit padanya sesuatu yang menyebabkan perawi ini mesti ditinggalkan atau digugurkan. Ia ditunjukkan dengan lafaz لَيِّنٌ jika ia disokong dengan perawi lain, dan jika tidak ada, maka ia adalah مقبولٌ الحديث .(yang lemah hadisnya). (Lihat: *Taqrib al-Tahzib*: hlm: 20).

Secara Disertakan: مَقْرُوْناً

Ia bermaksud sesuatu yang disertakan atau diiringkan dengan sesuatu yang lain. Kata-kata *muhaddithin*: روى له فلانٌ مقروناً (diriwayatkan baginya oleh si polan secara beriringan) bermaksud: Disebut bersama-samanya seorang perawi yang lain ataupun lebih dari seorang untuk menguatkan isnad tersebut.

Al-Maqtu': الْمَقْطُوْعُ

Dari sudut bahasa: المقطوع adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan قَطَعَ يَقْطَعُ yang bermaksud: setiap sesuatu yang terpisah atau terputus.

Dari sudut istilah: ialah apa yang disandarkan kepada Tabiin daripada perkataan atau perbuatan, tidak kira sama ada bersambung ataupun tidak.

Al-Hafiz Ibn Hajar telah memasukkan ke dalam *al-Maqtu'*; setiap yang disandarkan kepada selepas para Tabiin dalam kalangan Tabi' al-Tabiin dan juga golongan selepas mereka.

Contohnya:
Berkata Ibn Abi al-Dunya: Telah bercerita kepada kami 'Ali bin al-Ja'd berkata: Telah memberitahu kami Qays bin al-Rabi', daripada al-Rabi' bin al-Munzir, daripada bapanya, daripada al-Rabi' bin Khuthaim: Firman Allah s.w.t.:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا

Kata beliau: Iaitu tempat keluar dari semua perkara yang menyempitkan manusia. (Lihat: *al-Faraj Ba'd al-Syiddah*, no. 4).

Al-Rabi' bin Khuthaim Abu Yazid al-Kufi adalah seorang Tabiin *thiqah*, dan tafsir ayat yang disandarkan kepadanya daripada kata-kata beliau adalah dinamakan sebagai *Maqtu'*.

Hukum berhujah dengannya:
Al-Maqtu' tidak boleh dijadikan hujah dalam suatu apapun daripada hukum-hukum Syara', walaupun penisbahannya adalah sahih kepada pengucapnya. Ini kerana ia adalah kata-kata daripada seorang Islam. Tetapi jika terdapat bukti yang menunjukkan ia adalah *al-Marfu'* (disandarkan kepada Nabi *s.a.w.*) seperti kata-kata perawi - setelah menyebut nama Tabiin -: "Beliau me*marfu'*kannya" sebagai contoh, maka ia dikira sebagai mempunyai hukum *al-Marfu' al-Mursal.*

Buku yang terdapat *Khabar al-Mawquf*:

1. مُصنَّف ابن ابي شَيْبَة Oleh Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Syaibah (w 235H).
2. مُصنَّفُ عبد الرَّزَّاق Oleh Abu Bakar 'Abd al-Razzaq bin Hammam al-Himyari al-San'ani (w 276H).
3. تفسير ابن أبي حاتم Oleh Abu Muhammad, 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Razi (w 277H).
4. تفسير الطَّبَرِي Oleh Ibn Jarir, Abu Ja'far, Muhammad bin Jarir al-Tabari (w 310H).
5. تفسير ابن الْمُنْذِر Oleh Abu Bakar, Muhammad bin Ibrahim bin al-Munzir al-Naysaburi (w 319H).

Al-Maqtu' al-Fi'li: الْمَقْطُوْعُ الْفِعْلِيُّ

Dari sudut bahasa: Lihat pengertiannya dari sudut bahasa dalam: الْمَقْطُوع.

Dari sudut istilah: ialah sesuatu perbuatan yang disandarkan kepada Tabiin atau golongan selepasnya.

Seperti kata-kata Ibrahim bin Muhammad bin al-Muntasyir:

"كان مسروقٌ يُرخي السِّتْرَ بينه وبين أهله، ويُقبِل على صلاته ويُخلِّيهم ودنياهم"

Masruq selalu memanjangkan langsir penutup antara dirinya dan keluarganya, lalu beliau terus menumpukan perhatian kepada solat, dan membiarkan mereka dengan dunia mereka. (Lihat: *Hilyah al-Awliya'*: 2/ 96).

Al-Maqtu' al-Qauli: الْمَقْطُوْعُ الْقَوْلِيُّ

Dari sudut bahasa: Lihat pengertiannya dari sudut bahasa dalam: الْمَقْطُوع.

Dari sudut istilah: ialah sesuatu perkataan yang disandarkan kepada Tabiin atau golongan selepasnya.

Seperti kata-kata al-Hasan al-Basri berkaitan dengan persoalan bersolat di belakang seorang yang melakukan bidaah:

"صَلِّ وعليه بدعتُه"

"Solatlah, dosa bidaahnya itu hanya kepada dirinya". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *sahih*nya secara *mu'allaq* lihat hadis no 695).

Seorang Yang Sedikit: مُقِلٌّ

Ia bermaksud: seorang yang sedikit riwayatnya jika dibandingkan dengan rakan-rakannya yang lain.

Lafaz ini bukanlah suatu *jarh* kepada perawi, dan bukanlah untuk mengurangkan kedudukannya. Ini kerana ukuran timbangan *al-jarh* wa al-*Ta'dil* tidak dibina menurut banyak ataupun sedikitnya periwayatan seseorang.

Lihat: قليل الرواية dalam huruf al-Qaf.

Al-Maqlub: المقلوب

Dari sudut bahasa: المقلوب adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan قَلَب يقلب yang bermaksud: terbalik, setiap sesuatu yang diubah atau ditukar daripada keadaan asalnya.

Dari sudut istilah: ialah mengubah atau menukar suatu lafaz dengan lafaz yang lain sama ada dalam sanad hadis ataupun matannya, dengan mendahulukan atau mengemudiankan, dan sebagainya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 101).

Bahagian-Bahagiannya:

Dibahagikan al-*Maqlub* kepada dua bahagian: مقلوب السَّند dan مقلوب الْمَتْنِ. Dan pengertian setiap satunya adalah seperti berikut:

i. Bahagian Pertama: *Maqlub al-Sanad:*

Maqlub dalam sanad merangkumi 3 gambaran iaitu:

1. Seorang perawi yang mendahulukan atau mengkemudiankan nama seseorang perawi dan nama bapanya, seperti hadis yang diriwayatkan daripada Ka'ab bin Murrah, tetapi diriwayatkan oleh perawi dengan Murrah bin Ka'ab.
2. Seorang perawi yang mengubah nama seseorang dengan yang lain dengan tujuan untuk membawa kelainan, seperti hadis yang masyhur daripada Salim, tetapi dijadikan sebagai Nafi' oleh seorang perawi.
3. Sanad sesuatu matan diambil dan diletakkan di matan yang lain, dan diambil matan yang pertama lalu dicantumkan kepada sanad yang kedua. Ulama sering memberikan contoh bagi jenis ini dengan kisah terkenal yang berlaku kepada Imam al-Bukhari ketika memasuki Baghdad.

ii. Bahagian Kedua: *Maqlub al-Matan:*

Iaitu seorang perawi memberikan kepada salah satu dari dua perkara apa yang menjadi hak bagi perkara yang satu lagi, atau yang seumpamanya.

Ulama telah menyebutkan pelbagai contoh dan berkemungkinan contoh yang paling jelas ialah seperti berikut:

Diriwayatkan oleh al-Tabarani daripada Abu Hurairah *r.a.* bahawa Nabi *s.a.w.* bersabda: "Jika saya memerintahkan kamu dengan sesuatu, maka lakukanlah, dan jika saya melarang kamu daripada sesuatu, maka jauhilah setakat kemampuan kamu semua.". (Lihat: *al-Mu'jam al-Awsat* 3/345, no. 2736).

Matan ini terdapat padanya *al-qalb* (pertukaran), dan ia telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan lafaz: "Sesuatu yang saya larang kamu semua, maka hendaklah kamu semua jauhi, dan sesuatu yang saya perintahkan kamu semua dengannya, maka lakukanlah mengikut kemampuan kamu semua.". (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *kitab al-I'tisam, bab al-Iqtida' Bi Sunan Nabi s.a.w*, no: 7288).

Hukum *Maqlub*:

1. Jika *al-qalb* (pertukaran) dengan tujuan untuk membawa sesuatu yang pelik atau lain daripada yang lain, maka tidak syak lagi bahawa ianya tidak

diharuskan. Ini adalah kerana ia mengubah hadis, dan salah satu dari perbuatan golongan para pendusta.

2. Jika ia bertujuan untuk menguji, maka ianya diharuskan. Ini adalah kerana ia untuk mengukuhkan hafalan seorang muhaddith serta kebolehannya. Ianya harus dengan syarat, diterangkan perkara yang sahih sebelum berakhirnya majlis ujian berkenaan.
3. Jika ia terjadi dengan sebab tersalah dan terlupa, maka pelakunya boleh dimaafkan kesalahannya, tetapi jika terlalu banyak pula, maka ia akan menyebabkan kurang sifat *dabit*nya (jagaan atau hafalannya) dan menjadikannya seorang yang *daif*.

Hukum berhujah dengannya:

المقلوب adalah daripada jenis hadis *daif* yang ditolak, tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Karya yang masyhur:

رافع الارتياب في المقلوب من الأسماء والألقاب Oleh al-Hafiz Abu Bakar, Ahmad bin 'Ali bin Thabit yang dikenali sebagai al-Khatib al-Baghdadi (w 463H).

Maqlub al-Sanad: مَقْلُوْبُ السَّنَدِ

Lihat: المَقْلُوب.

Maqlub al-Matan: مَقْلُوْبُ الْمَتْنِ

Lihat: المَقْلُوْب

Saling Berutusan: الْمُكَاتَبَةُ

Dari sudut bahasa: المكاتبة adalah kata nama terbitan daripada perkataan كاتَبَ يُكاتِبُ yang bermaksud: saling berutusan. Disebut: تكاتَبَ الصَّديقان bermaksud: Saling utus mengutus surat. Kalimah المكاتبة ialah saling berbicara menerusi penulisan.

Dari sudut istilah, ia bermaksud; seorang syeikh yang menulis sesuatu hadisnya kepada muridnya, sama ada murid itu hadir ataupun tidak, dan sama ada dengan tulisan syeikhnya sendiri ataupun dengan arahannya.

Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu:

1. Pengutusan secara penulisan yang tidak disertai dengan *ijazah*, seperti syeikh menulis untuk muridnya sebahagian hadis-hadisnya atau diutuskan kepadanya tanpa di*ijazah*kan periwayatannya itu.
2. Pengutusan yang disertai dengan *ijazah*, seperti syeikh berkata: " Saya meng*ijazah*kan kamu apa yang saya tuliskan kepada kamu", atau "...apa yang diarahkan untuk ditulis kepada kamu", atau sebagainya daripada ungkapan-ungkapan *ijazah*.

Hukum meriwayatkan hadis *al-Mukatabah*:

Jika tidak disertai dengan *ijazah*, maka ia dilarang oleh sebahagian ulama meriwayatkannya, manakala sebahagian yang lain pula mengharuskannya dan inilah yang sahih dan masyhur di sisi ahli hadis. Manakala yang disertai

dengan *ijazah*, maka periwayatannya adalah sahih. Kekuatan dan kesahihannya adalah sama dengan *al-Munawalah* yang disertai dengan *ijazah*. (Lihat: *al-Muhaddith al-Fasil*: hlm. 440).

Saling Berutusan Semata-Mata: الْمُكَاتَبَةُ الْمُجَرَّدَةُ

Dari sudut bahasa: Lihat pengertian dari sudut bahasanya di المكاتبة.

Dari sudut istilah: ialah apabila peng*ijazah*an hadis hanya sekadar melalui *al-Mukatabah* sahaja. Peng*ijazah*an seumpama ini banyak didapati dalam *Musnad-musnad* para imam dan karya-karya mereka. Contohnya kata-kata mereka: "Beliau menulis kepada si polan katanya: Telah memberitahu kami si polan...". (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 211).

Saling Berutusan yang Disertakan: الْمُكَاتَبَةُ الْمَقْرُوْنَةُ

Dari sudut bahasa: Lihat pengertiannya dari sudut bahasa dalam: المكاتبة.

Dari sudut istilah: ialah al-Mukatabah yang disertakan *ijazah* dengan tulisan syeikh yang memberikan *ijazah* tersebut dan menyatakan: " Saya telah meng*ijazah*kan kepada kamu apa yang saya tuliskan untuk kamu", atau "...apa yang saya tuliskan dengannya kepadamu", atau selainnya daripada ungkapan-ungkapan *ijazah*. (lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 212).

Hadis Yang Didustakan: الْمَكْذُوْبُ

Dari sudut bahasa: المكذوب adalah kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan كَذَبَ يَكْذِبُ yang bermaksud: Sesuatu yang dikhabarkan bertentangan dengan keadaan sebenarnya secara hakiki.

Dari sudut istilah: Ia bermaksud hadis *mawdu'*, iaitu hadis yang direkacipta dan dipalsukan secara dusta ke atas Rasulullah *s.a.w.*

Sentiasa Berdamping: الْمُلَازَمَةُ

Ia bermaksud: Seorang perawi hadis yang sentiasa bersama atau melazimi syeikhnya.

Hadis-Hadis Yang Dilekatkan (Dinisbahkan): الْمُلْزَقَاتُ

Dari sudut bahasa: الْملزقات adalah jamak bagi perkataan الْمُلْزَقَة yang merupakan kata nama yang diperlakukan ke atasnya daripada perkataan أَلْزَقَ يُلْزِقُ yang bermaksud: melekatkan. Kalimah الْمُلْزَقَاتُ adalah sama dengan الْمُلْصَقَات.

Dari sudut istilah: ialah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi *daif* daripada seseorang yang tidak pernah sama sekali menyampaikan hadis-hadis tersebut, sama ada hadis-hadis itu bertaraf sahih, hasan, *daif*, ataupun *mawdu'*.

Penyalin: الْمُمْلِي

Dari sudut bahasa: الْمُملي adalah kata nama pelaku daripada perkataan أَمْلَى يُمْلِي yang bermaksud; seorang yang menyampaikan kata-kata kepada seorang penulis dengan tenang dan jelas supaya penulis tadi dapat menulisnya.

Dari sudut istilah: ialah orang yang menyampaikan (atau membacakan) hadis kepada murid-muridnya dengan lambat supaya mereka dapat menuliskannya, sama ada penyampaian itu melalui pembacaannya ataupun melalui hafalannya.

Mumayyiz: الْمُمَيِّزُ

Ia bermaksud kanak-kanak yang sudah mencapai umur mumayyiz (yang dapat membezakan antara baik dan buruk) dalam memahami percakapan dan menjawab pertanyaan.

Hadis-Hadis *Munkar*: الْمَنَاكِيْرُ

Lihat: الْمُنكَر.

Al-Munawalah: الْمُنَاوَلَةُ

Dari sudut bahasa: المناولة adalah kata nama terbitan daripada perkataan ناوَلَ يُناوِل yang bermaksud: Pemberian. Disebut: ناوَلَ فلانٌ فلاناً الشَّيءَ bermaksud: Memberikan sesuatu kepadanya.

Dari sudut istilah: ialah pemberian seorang syeikh kepada muridnya sesuatu daripada riwayat-riwayatnya yang disertai dengan *ijazah* kepadanya, sama ada secara jelas ataupun kiasan. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 2/99).

Jenis-jenis *al-Munawalah*:

Al-Munawalah mempunyai dua jenis iaitu:

1. *Al-Munawalah* yang disertai dengan *ijazah*:
   Antara bentuknya: Seorang syeikh yang memberikan kepada muridnya sumber asal riwayatnya, atau salinan yang telah dibandingkan dengan asal dan syeikh berkata: Ini adalah riwayatku daripada si polan, riwayatkanlah ia daripada saya, atau: saya meng*ijazah*kan kepada kamu untuk meriwayatkannya daripada saya, kemudian kembalikannya kepada saya, atau sebagainya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 214 dan *Tadrib al-Rawi*: 2/45).
2. *Al-Munawalah* tanpa *ijazah*:
   Antara bentuknya: Seorang syeikh memberikan kitabnya kepada muridnya dan berkata: Ini adalah hadis saya, atau ini adalah riwayat-riwayat saya. Dan beliau tidak mengatakan: Riwayatkanlah ia daripada saya, atau: saya memberikan *ijazah* kepada kamu untuk meriwayatkannya daripada saya, atau sebagainya. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 214 dan Tadrib a-Rawi: 2/50).

***Al-Munawalah* Sahaja Tanpa *Ijazah*:** الْمُنَاوَلَةُ الْمُجَرَّدَةُ عَنِ الإِجَازَةِ

Lihat: الْمُنَاوَلَة .

***Al-Munawalah* Disertai Dengan *Ijazah*:** الْمُنَاوَلَةُ الْمَقْرُوْنَةُ بِالإِجَازَةِ

Lihat: الْمُنَاوَلَة .

Secara *Munawalah*: مُنَاوَلَةً

Ia adalah suatu bentuk atau cara penyampaian hadis bagi riwayat yang diambil melalui kaedah *al-munawalah*. Iaitu syeikh memberikan kitab yang

diriwayatkannya, atau satu naskhah daripadanya yang sudah disemakkan (diperbetulkan), atau sekumpulan hadis-hadis daripada hadis riwayatnya yang sudah dipilih dan ditulis dengan tulisannya sendiri atau ditulis oleh orang lain, lalu beliau menjelaskannya kepada muridnya dan berkata kepada muridnya: Ini adalah daripada hadis saya, atau: Ini adalah daripada riwayat-riwayat yang saya dengar. Tetapi syeikh tidak mengatakan: Riwayatkanlah ia daripada saya, ataupun: saya meng*ijazah*kan kepada kamu untuk meriwayatkannya daripada saya, atau sebagainya.

Metodologi Para Muhaddith: مَنَاهِجُ الْمُحَدِّثِيْنَ

Iaitu : Prinsip asas mereka ketika mengkritik perawi-perawi dan periwayatan mereka. Ia juga berkaitan dengan istilah-istilah mereka yang digunakan dalamnya mengkritik, syarat-syarat dalam penyusunan kitab-kitab mereka serta sumber-sumber yang.rujuknya.

Antara kitab yang terpenting ialah:

1. المدخل إلى مناهج المحدِّثين: الأُسُس والتطبيق Oleh Dr. Rif'at Fauzi Abdul Muttalib.
2. مناهج المحدِّثين Oleh Dr. Saad Bin Abdullah Ali Hamid.
3. دراسات في مناهج المحدِّثين Oleh Dr. Amin Muhammad Al-Qudhat & Dr. Amir Hasan Sabri.
4. الواضح في مناهج المحدِّثين Oleh Dr. Yasir Syimali.
5. مناهج المحدِّثين العامة والخاصة Oleh Dr. Ali Nayif Al- Buqa'i.
6. تعريف الدارسين بمناهج المحدِّثين Oleh Syed Abdul Majid Al-Ghauri.

Sebahagian penulis telah menjelas metodologi para muhaddith dalam biodata dan penerangan mengenai sifat mereka terumanya dalam kitab berikut:

1- أعلام المحدِّثين : Oleh Dr. Abi Syuhbah.

2- سير أعلام المحدِّثين: Oleh Syeikh Ahmad Mukhtar Ramzi.

3- أعلام المحدِّثين ومآثرهم العلمية Oleh Dr. Taqiyyuddin An-Nadwi.

Perawi Yang Sama Namanya dan Nama Bapanya: مَنْ اتَّفَقَ اسْمُهُ واسْمُ أَبِيْهِ

Ia bermaksud; nama seorang perawi dan nama bapanya adalah sama.

Contohnya:

1. Al-Hasan bin al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib *r.a.*
2. Al-Hajjaj bin al-Hajjaj al-Aslami, seorang sahabat *r.a.* (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/292).

مَنْ اتَّفَقَ اسْمُهُ واسْمُ شَيْخِهِ وشيخُ شَيْخِهِ

Perawi Yang Sama Namanya Dengan Nama Syeikhnya Dan Syeikh Kepada Syeikhnya:

Misalnya seperti: 'Imran, daripada 'Imran, daripada 'Imran.

- 'Imran yang pertama dikenali sebagai al-Qasir.
- 'Imran yang kedua dikenali sebagai Abu Raja' al-'Utaridi,

- Manakala 'Imran yang ketiga dikenali sebagai Ibn Husayn, seorang Sahabat *r.a.* (Lihat: *al-Nuzhah*: hlm. 123).

مَنْ اخْتَلَطَ من الثِّقات

Perawi Yang Bercampur Aduk Riwayatnya Dalam kalangan Para Perawi *Thiqah*:

Lihat: المختلطون.

مَن اشْتَرَكَ في الرِّواية عَنْهُ أثناء تَباعُد ما بَيْنَ وَفَاتَيْهِمَا

Perawi Yang Turut Sama Meriwayatkan (Hadis) Daripadanya (Syeikh) Bilamana Terdapat Jarak Yang Jauh Di Antara Kewafatan Kedua-Duanya:

Lihat السَّابق واللاحق dalam huruf Sin.

مِنْ أَنْكَرِ ما رَوَاهُ فلانٌ كذا

Antara Riwayat Paling *Munkar* Yang Diriwayatkan Oleh Si polan Ialah Sekian:

Lihat أَنْكَرُ ما رَوَاهُ فلانٌ كذا dalam huruf Alif.

Antara 'Bala Bencana' Si polan Adalah Sekian: مِنْ بَلَايَا فُلانٍ كَذَا

Lihat البَلَايا dalam huruf Ba'.

Perawi Yang Hanya Meriwayatkan Satu Hadis Sahaja: مَنْ لَمْ يَرْوِ إلاَّ حَدِيثاً وَاحِداً

Menurut Al-Suyuti: Terdapat perbezaan antara ungkapan ini dan istilah *al-wuhdan* (juga perawi yang hanya meriwayatkan satu hadis). Ini kerana berkemungkinan telah diriwayatkan daripadanya oleh lebih daripada seorang perawi, sedangkan dia hanya mempunyai satu hadis sahaja. Berkemungkinan lebih satu hadis yang telah diriwayatkan, tetapi dia tidak memiliki selepasnya melainkan seorang perawi sahaja. Keadaan sebegini memang wujud dan dimaklumi.

Antara contohnya: Ibn Abi 'Umarah al-Madani, menurut al-Mizzi: Beliau mempunyai satu hadis sahaja tentang menyapu air ke atas dua khuf. (*Tadrib al-Rawi* 2/215).

مَنْ لَمْ يَرْوِ عَنْهُ إلاَّ راوٍ واحدٌ

Perawi Yang Tidak Diriwayatkan Daripadanya Kecuali Seorang Perawi Sahaja:

Lihat: الوُحْدان dalam huruf Alif.

Siapakah Yang Seperti Si polan?: مَنْ مِثْلُ فُلانٍ؟

Ia bermaksud: Tiada seorang pun yang seumpamanya. Ia adalah antara martabat *al-Ta'dil* yang tertinggi yang telah ditambah oleh al-Suyuti. (*Tadrib al-Rawi*: 1/343).

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini dapat dijadikan hujjah.

Perawi Yang Meriwayatkan Kemudiannya Lupa: مَنْ حَدَّثَ وَنَسِيَ

Iaitu jika seorang syeikh terlupa (dengan apa yang diriwayatkan) dan perawi yang mengambil daripadanya pula adalah seorang yang *thiqah* dan amat pasti

dengan apa yang didengarinya, namun syeikh menzahirkan suatu kemungkinan dengan berkata: saya tidak mengingatinya, atau: saya tidak mengetahuinya, atau sebagainya. Pandangan jumhur *muhaddithin* mengatakan bahawa hadis seperti ini boleh diterima, ini kerana ia termasuk dalam kategori kelupaan syeikh.

Karya yang terkenal berkenaan dengannya:

Kitab من حدَّث ونسي oleh al-Hafiz Abu al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni (w 358H). Kemudian diringkaskan oleh al-Hafiz al-Suyuti dengan kitabnya yang bertajuk: تذكرة المؤتسي فيمن حدَّث ونسي.

مَنْ ذُكِرَ بِأَسْمَاءٍ مُخْتَلِفَةٍ أَوْ نُعُوْتٍ مُتَعَدِّدَةٍ

Perawi Yang Disebut Dengan Berbagai Nama Atau Bermacam Sifat:

Ia bermaksud; seorang perawi yang disifatkan dengan nama-nama, gelaran-gelaran atau panggilan-panggilan yang berbagai, sama ada dari seorang individu ataupun dari sekumpulan orang. (Lihat: *al-Muhaddith al-Fasil*: hlm. 270 dan *'Ulum al-Hadith:*hlm. 391).

Antara Faedah-Faedah Mengetahuinya:

1. Mengelakkan dalam menentukan seseorang perawi itu sebagai dua orang perawi yang berbeza, dan menghindari daripada menghukum seorang yang *daif* sebagai *thiqah* atau men*daif*kan seorang yang *thiqah*.
2. Menzahirkan *tadlis* (penyamaran atau pengaburan riwayat) golongan *mudallisin*. Kebanyakan berlaku perkara ini adalah timbul hasil daripada *tadlis* mereka yang suka membawakan riwayat *gharib* (jarang didengar, pelik) kepada orang lain. Maka mereka akan menyebut seorang perawi dengan suatu nama yang ia tidak masyhur dengannya, atau disebutkan nama panggilannya sahaja dengan tujuan untuk mengaburkan hakikat perawi tersebut ke atas orang yang tidak mengetahuinya.

Karya-karya terkenal tentangnya:

1. إيضاح الإشكال Oleh al-Hafiz 'Abd al-Ghani bin Sa'id al-Azdi (w 409H).
2. موضح أوهام الجمع والتفريق Oleh al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Thabit yang dikenali dengan nama al-Khatib al-Baghdadi (w 463H).

مِنَ السُّنَّةِ كَذَا

Termasuk Sunnah Ialah Begini:

Iaitu jika ungkapan ini disebutkan oleh Sahabat *r.a.*, maka jumhur ahli hadis mengatakan bahawa ia mempunyai hukum *marfu'* (sampai kepada Nabi *s.a.w.*). Seperti kata-kata Abu Qilabah daripada Anas bin Malik *r.a.*:

"من السُّنة إذا تزوَّج الرجلُ البِكْرَ على الثَّيِّب؛ أقام عندها سبعاً"

"Termasuk dari sunnah ialah jika seorang lelaki berkahwin dengan seorang anak dara dalam keadaan dia mempunyai isteri, maka hendaklah dia duduk bersama dengannya selama 7 hari." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari, kitab al-nikah, no:5213).

Para Sahabat *r.a.* apabila mereka mengungkapkan kalimah 'sunnah', maka mereka tidak maksudkan dengan yang demikian itu melainkan sunnah Nabi *s.a.w.* (*Tadrib al-Rawi*: 1/153).

Al-Bayhaqi berkata: Tiada khilaf dalam kalangan ahli riwayat bahawa jika seorang Sahabat *r.a.* menyebut: أُمِرْنَا (Kami telah diperintahkan), atau: نُهِيْنَا (Kami telah dilarang), atau: من السُّنَّة كذا (Daripada sunnah ialah), maka ia dianggap hadis yang bersambung sanadnya.

Manakala jika seorang Tabiin mengatakan: 'Daripada sunnah ialah begini...', maka menurut pendapat yang benar ia adalah khabar *mawquf*. (Lihat: *al-Nukat 'Ala Ibn al-Salah*: 2/522-523).

Antara Musibah-Musibah Si polan Adalah Begini: مِنْ مَصَائِبِ فُلَانٍ كَذَا

Lihat: المَصَائِب.

Antara Galian Yang Benar مِنْ مَعَادِنِ الصِّدْقِ

Ia adalah antara lafaz *al-ta'dil* yang jarang digunakan. Ia pernah digunakan oleh Ibnu 'Uyainah pada Mis'ar bin Qidam. (Sila lihat *Tahzib At-Tahzib* 4-61).

Punca atau Sumber Pendustaan: مَنْبَعُ الْكَذِبِ

Ia adalah antara lafaz *al-jarh* yang sangat berat. Al-Hafiz Al-Sakhawi meletakkannya pada peringkat yang pertama dari peringkat-peringkat *al-jarh* di sisinya.

Hukumnya:

Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh dijadikan hujah mahupun dalil penguat.

***Al-Muntaqa* (Yang Dipilih):** الْمُنْتَقَى

Ia adalah suatu istilah bagi kitab yang dikumpulkan dalamnya hadis-hadis yang dipilih dari hadis-hadis yang bersanad dari Rasulullah *s.a.w.*, seperti kitab Al-Muntaqa karangan Ibnu Al-Jarud (307H). Kitab ini adalah sebuah kitab yang ringkas berkenaan hadis-hadis hukum. Kebanyakan hadis yang terkandung dalamnya adalah hadis-hadis yang sahih.

Penghujung: الْمُنْتَهِي

Ia adalah suatu gelaran bagi orang yang telah memperolehi sebahagian besar ilmu hadis, dan ia layak di samping itu untuk menyampaikannya, mengajarkannya, memberi petunjuk mengenainya dan juga memahamkannya kepada orang lain. (Sila lihat *Fathu Al-Mughith* 1/12).

الْمَنْسُوبُوْنَ إِلَى خِلَافِ الظَّاهِرِ

Mereka Yang Disandarkan Kepada Sesuatu Yang Bertentangan Dengan Zahirnya:

Dari segi bahasa: perkataan (المنسوبُون) adalah kata jamak bagi perkataan (المنسوب). Ianya adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (نَسَبَ يَنْسُبُ) yang membawa maksud; menyebut nasabnya. Nasab bermakna kerabat keluarga.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: seorang perawi yang dinisbahkan kepada kabilah yang bukan kabilahnya, atau negara yang bukan negaranya, atau pekerjaan yang bukan pekerjaannya. (Sila lihat *'Ulum al-Hadith:* 373/ *Tadrib Al-Rawi* 340-341).

Ini kerana kaedah asal dalam penisbahan ialah seseorang itu perlu disandarkan sama ada kepada kabilahnya, negaranya, pekerjaannya, kumpulannya, atau selain dari itu. Namun terdapat beberapa perawi yang dinisbahkan kepada sesuatu yang bertentangan dengan zahirnya disebabkan suatu faktor atau sebab tertentu. Maka itu, para ahli hadis telah mengambil berat dalam menerangkan faktor-faktor dan sebab-sebab tersebut bagi tujuan untuk mengelakkan kekeliruan yang mungkin berlaku dengan sebab penisbahan itu.

Sebagai contoh:

Kami berikan di bawah contoh beberapa perawi yang dinisbahkan kepada sesuatu yang bertentangan dengan zahir mereka sepertimana berikut:

1- Abu Mas'ud Uqbah bin Amru Al-Badri: Menurut pandangan kebanyakan ahli hadis, beliau tidak pernah menyertai Perang Badar, tetapi beliau hanya pernah tinggal di Badar lalu dinisbahkan kepadanya. Namun, menurut Al-Bukhari dan Muslim beliau adalah sahabat yang pernah turut serta dalam Badar. (Sila lihat *Fath Al-Bari* 7/318).

2- Sulaiman bin Tarkhan At-Taimi: Beliau bukanlah berasal dari kabilah At-Taim seperti yang terdapat pada namanya. Beliau hanya pernah menyertai Bani At-Taim lalu dinisbahkan kepadanya. (Sila lihat Al-Ansab 3/124).

3- Yazid Al-Faqir: Beliau bukanlah seorang yang faqir sepertimana yang dinisbahkan kepadanya. Tetapi gelaran itu adalah disebabkan oleh penyakit yang menimpa pada belakang badannya (فقار). Lalu dengan sebab itulah dia dipanggil dengan gelaran tersebut.

4- Khalid bin Mihran Abu Al-Manazil Al-Hazza' (الحَذّاء): Beliau bukanlah pembuat kasut sepertimana yang disebut pada nisbahnya. Tetapi gelaran itu diberikan kerana beliau sering duduk bersama tukang kasut lalu dinisbahkan kepada mereka. (Sila lihat *At-Tarikh Al-Kabir Li Al-Bukhari*).

الْمَنْسُوبُونَ إِلَى غَيرِ آبَائِهِمْ

Mereka Yang Dinisbahkan Kepada Selain Dari Bapa Mereka:

Dari segi bahasa: perkataan (الْمنسوبون) adalah kata jamak bagi perkataan (الْمنسوب). Ianya adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (نَسَبَ يَنْسُبُ) yang membawa maksud menyebut nasabnya. Nasab bermakna kerabat keluarga.

Dari segi istilahnya pula ialah: seorang perawi yang dinisbahkan kepada ibunya, atau neneknya, atau datuknya, atau lain-lainnya. (Sila lihat *Al-Muhaddith Al-Fasil*: 266, *Ulum Al-Hadith:* 370).

Mengenal bapa yang seorang perawi itu dibinkan kepadanya merupakan suatu keperluan penting untuk membezakannya dengan perawi yang lain. Namun terdapat beberapa perawi yang tidak disandarkan kepada nama bapa mereka,

sedangkan keperluan untuk mengenal bapa mereka itu adalah suatu yang penting. Menentukan nama bapa mereka juga adalah sangat mustahak bagi mengelakkan kekeliruan jika tidak menisbahkan mereka kepada bapa masing-masing.

Jenis-jenis Perawi Yang Tidak Disandarkan Kepada Bapa Mereka:

Jenis-jenis perawi ini adalah berdasarkan kepada orang yang mereka dinisbahkan kepadanya yang terbahagi kepada beberapa bahagian berikut iaitu:

Pertama: Perawi Yang Disandarkan Kepada Ibunya:

Dalam kalangan Sahabat Nabi *s.a.w.*:

1- Mu'az dan Mu'awwiz. Kedua mereka adalah anak kepada 'Afra'. Mereka berdualah yang berjaya membunuh Abu Jahal dalam perang Badar. Nama bapa mereka adalah Al-Harith bin Rifa'ah Al-Ansari. Namun mereka berdua tidak disandarkan kepada nama bapa mereka itu, tetapi kepada nama ibu mereka iaitu 'Afra'.
2- Ibnu Ummi Maktum. Seorang sahabat buta yang menjadi muazzin (tukang azan) di zaman Nabi *s.a.w.* Bahkan beliau juga pernah menjadi imam di zaman Nabi *s.a.w.* ketika ketiadaan baginda. Dikatakan nama beliau ialah 'Abd Allah bin Za'idah. Ada pula yang menyatakan, nama beliau ialah Amru bin Qais. Namun beliau lebih masyhur dengan nama yang disandarkan kepada ibunya iaitu 'Abdullah bin Ummi Maktum.

Dalam kalangan Tabiin dan generasi selepasnya:

1- Muhammad bin Al-Hanafiyyah. Nama bapa beliau ialah Ali bin Abi Talib *r.a.* Namun beliau lebih dikenali dengan nisbah kepada nama ibunya iaitu Al-Hanafiyyah.
2- Isma'il bin 'Ulayyah. Nama bapa beliau ialah Ibrahim. Namun beliau lebih dikenali dengan nisbah kepada nama ibunya iaitu 'Ulayyah.

Kedua: Perawi Yang Disandarkan Kepada Neneknya

1- Basyir bin Al-Khasasiyyah. Nama bapa beliau adalah Ma'bad. Namun beliau lebih dikenali dengan nama yang disandarkan kepada moyangnya, Al-Khasasiyyah, iaitu ibu kepada datuknya yang ketiga.
2- Ibnu Taimiyyah. Beliau sangat masyhur dengan panggilan ini. Taimiyyah itu adalah nama bagi salah seorang nenek dalam nasab beliau.

Ketiga: Perawi Yang Disandarkan Kepada Datuknya

Dalam kalangan Sahabat Nabi *s.a.w.*:

1- Abu Ubaidah bin Al-Jarrah. Beliau adalah antara sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga. Al-Jarrah tersebut adalah nama datuk beliau.

Selain dari sahabat *r.a.*:

2- Ibnu Juraij. Beliau lebih terkenal dengan nama yang disandarkan kepada datuknya, iaitu Juraij.

3- Ahmad bin Hanbal. Beliau lebih terkenal dengan nama yang disandarkan kepada datuknya, iaitu Hanbal.

Keempat: Perawi Yang Disandarkan Kepada Bukan Bapanya Atas Sebab Yang tertentu

Miqdad bin Al-Aswad. Beliau adalah seorang sahabat Nabi *s.a.w.* Beliau pernah berada di bawah jagaan Al-Aswad bin 'Abd Yaghuth Az-Zuhri iaitu bapa tirinya. Dengan sebab itu, beliau disandarkan kepada namanya. (Sila lihat *Manhaj An-Naqd Fi Ulum Al-Hadith:* 172).

***Al-Mansukh* (Yang Dimansuhkan):** الْمَنْسُوْخُ

Dari segi bahasa: perkataan (المنسوخ) adalah *isim maf'ul* daripada perkataan (نَسَخ يَنسَخ) yang membawa maksud sesuatu yang dihapuskan dengan sesuatu yang lain. Manakala al-nasakh pula ialah pembatalan sesuatu dengan menggantikannya dengan sesuatu yang lain.

Dari segi istilah pula ialah: hadis yang dimansuhkan hukumnya setelah kedatangan hadis yang lain (yang memansuh hukum sebelumnya).

Sila lihat perkataan (نَاسِخُ الْحَدِيْثِ مِنْ مَنْسُوْخِهِ) pada huruf Nun.

***Al-Munqati'* (Yang Terputus):** الْمُنْقَطِعُ

Dari segi bahasa: perkataan (المنقطع) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (انقطع يَنقطِع) yang membawa maksud sesuatu yang terpisah atau terputus dengan sesuatu. Perkataan ini adalah lawan bagi perkataan bersambung (الاتصال).

Dari segi istilah pula ialah: hadis yang gugur (terputus) pada sanadnya seorang perawi sebelum sahabat pada suatu tempat, ataupun lebih dari seorang perawi.

Sebagai contoh:

Berkata Abu Ya'la: Telah diceritakan kepada kami oleh Abd Al-A'la bin Hammad An-Narsi, beliau berkata: Telah diceritakan kepada kami oleh Bisyr bin Mansur As-Sulami, daripada Al-Khalil bin Murrah, daripada Al-Furat bin Salman, beliau berkata: Ali *r.a.* pernah berkata: Tidak mampukah salah seorang dari kalian bangun untuk menunaikan solat empat rakaat sebelum Asar? Lalu dia pun berkata dalam ucapannya itu sepertimana yang pernah dilafazkan oleh Nabi *s.a.w.*:

ثمَّ نُوْرُكَ فهَدَيْتَ فلكَ الحمدُ، عَظُمَ حِلْمُك فعفوتَ فلكَ الحمدُ، بَسَطْتَ يَدَكَ فأعطيتَ فلكَ الحمدُ، ربَّنا! وَجْهُكَ أَكْرَمُ الوُجوهِ، وجَاهُكَ أَعْظَمُ الجَاهِ، وعَطِيَّتُكَ أفضَلُ العطيَّةِ وأَهْنَؤُها.

Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Ya'la. (dalam *Musnad*nya no: 436).

Hadis ini sekiranya diteliti sanadnya terputus antara Al-Furat bin Salman dengan Ali *r.a.* kerana Al-Furat tidak pernah berjumpa dengan Ali dan tidak pernah mendengar hadis daripada Ali. Dengan sebab itu hadis ini dinamakan sebagai *Al-Munqati'*. (Sila lihat: *Majma' Az-Zawa'id li Al-Haithami* 10/158).

Hukumnya:
Hadis *Al-Munqati'* adalah hadis *daif* berdasarkan kesepakatan ulama terhadap hadis jenis ini. Ia tidak boleh dijadikan hujah disebabkan terdapat seorang perawi yang gugur dan tidak dikenali.

Yang Terbalik: الْمُنْقَلِبُ

Dari segi bahasa: ia adalah kata nama pelaku bagi perkataan (انقلب - ينقلب) yang membawa maksud; setiap sesuatu yang berubah dari keadaan biasanya.
Dari segi istilah pula ialah: kata-kata yang terbalik sebahagian lafaznya pada seseorang perawi yang menyebabkan perubahan kepada maknanya dan bolehjadi terbalik.

Al-Munkar: الْمُنْكَرُ

Dari segi bahasa: perkataan (المنكر) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (أنكر يُنكِر) yang membawa maksud sesuatu yang ditentang dan tidak diketahui, dan lawan bagi perkataan ini ialah perkataan (المعروف).

Dari segi istilahnya pula ialah: suatu hadis yang diriwayatkan oleh perawi *daif* bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah.*

Sebagai contoh:
Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim daripada jalan Hubaib bin Habib Az-Zayyat, daripada Abu Ishaq, daripada Al-'Aizar bin Huraith, daripada Ibnu Abbas daripada Rasulullah *S.A.W* baginda bersabda: "Barangsiapa yang mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji, berpuasa serta memuliakan tetamu, maka dia pasti akan masuk ke syurga".
Abu Hatim berkata: Hadis ini adalah *munkar.* Ini kerana kesemua perawi lain yang *thiqah* telah meriwayatkan hadis ini daripada Abu Ishaq secara *mawquf* dan itulah riwayat yang *ma'ruf.*

Hukumnya:
Hadis *Munkar* tergolong dalam hadis *daif*, bahkan *daif* yang berat. Ini disebabkan oleh perawinya yang *daif*, bahkan apa yang diriwayatkan oleh perawi tersebut bertentangan pula dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah.*

***Munkar* Hadisnya:** مُنْكَرُ الْحَدِيْث

Istilah ini adalah salah satu lafaz *Al-Jarh.* Al-Hafiz Al-Zahabi, Al-'Iraqi serta Al-Sakhawi meletakkannya pada kedudukan yang kedua dalam martabat *Al-Jarh.* Manakala Al-Suyuti pula meletakkannya pada kedudukan yang ketiga dalam martabat *Al-Jarh.* Ibnu Abi Hatim serta Ibnu al-Salah pula meletakkannya dalam kedudukan yang keempat di sisi mereka.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh dijadikan hujah, dan tidak boleh dijadikan dalil penguat.

Golongan Anti Hadis:

Istilah ini disandarkan kepada golongan yang mengingkari kehujahan hadis Nabi *s.a.w.* serta nilai perundangannya di sisi syarak, yang berpunca daripada bermacam-macam faktor dalam berbagai-bagai zaman.

Adapun di zaman kita ini, Sunnah Nabawiyyah telah menerima pelbagai serangan yang dahsyat daripada hamba-hamba ideologi Barat yang berusaha untuk menghapuskan serta melenyapkan sunnah melalui pelbagai cara serta segala kemampuan dan tipudaya yang ada. Mereka sangat kreatif dalam mencipta pelbagai taktik dan menggunakan pelbagai metode untuk tujuan itu, meskipun kesemuanya adalah dengan niat yang sama.

Dalam kalangan mereka ada yang berusaha melontarkan keraguan terhadap keabsahan hadis serta kesahihannya, tidak kira sama ada keraguan itu dilontarkan kepada seluruh hadis atau hadis-hadis *qawliyyah* sahaja kerana kebanyakan hadis adalah daripada perkataan Nabi *s.a.w.* Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengajukan serangan mereka kepada para perawi hadis seperti Abu Hurairah *r.a.* misalnya.

Terdapat juga dalam kalangan mereka yang berusaha menafikan keabsahan dan kesahihan hadis sebagai hujah serta kedudukannya sebagai sumber syariat Islam. Mereka berjuang dengan selogan 'memadai dengan Al-Quran sahaja sebagai sumber syariat'.

Dalam kalangan mereka juga terdapat golongan yang cuba menghapuskan hadis dengan bersenjatakan hadis itu sendiri. Mereka mengambil sesetengah hadis lalu menyelewengkan maksud sebenar hadis tersebut dan menjadikannya sebagai hujah ke atas apa yang bukan maksud sebenarnya. (Sila lihat: *As-Sunnah Masdaran Li Al-Ma'rifah wa Al-Hadharah*: 12).

Sekalipun dengan pelbagai serangan untuk meragukan sunnah dan keabsahannya itu, serta dakyah-dakyah yang menyeru kepada mengingkari sunnah, namun ia sedikit pun tidak menggugatnya, malah sunnah Nabi *s.a.w.* ini terus kekal berada di tempatnya yang tinggi. Sunnah masih terus dipelihara dan diberi perhatian oleh umat Islam, sama ada dari sudut pembelajaran dan pengajaran, penyusunan dan pentahqiqan serta penerbitan dan penyebaran sumber-sumbernya yang tidak pernah dicetak sebelum ini.

Antara kitab-kitab yang dikarang bagi menentang golongan anti hadis:

1. *As-Sunnah wa Makanatuha Fi Tasyri' Al-Islami*: Karangan Dr. Mustafa As-Siba'i (w.1383H)
2. *Hujjiyyah As-Sunnah*: Karangan Dr. 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khaliq (w.1403H)
3. *Difa' 'An Sunnah*: Karangan Dr. Muhammad Muhammad Abu Syahbah (w.1403H)
4. *Nusrah Al-HadithFi Raddi 'Ala Munkiri Al-Hadith:* Karangan Syeikh Habib Ar-Rahman Al-A'zami (w.1412H)
5. *Ittijahat Fi Dirasat As-Sunnah Qadimuha wa Hadisuha*: Karangan Dr. Muhammad Abu al-Laith Al-Khair Abadi.

Yang Dipinggirkan: الْمَهْجُوْرُ

Dari segi bahasa: perkataan (المهجور) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (هَجَرَ يَهْجُرُ) yang membawa maksud; yang ditinggalkan atau dipinggirkan.

Dari segi istilah ialah: perawi yang ditinggalkan oleh ahli hadis segala hadis yang diriwayatkannya, malah mereka menjauhkan diri daripadanya kerana sifat buruk yang ada padanya.

Yang Dibiarkan: الْمُهْمَلُ

Dari segi bahasa: perkataan (المهمَل) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (أَهْمَلَ يُهمِل) yang membawa maksud; yang ditinggalkan atau yang diabaikan. Dikatakan (أمرٌ مُهْمَلٌ) iaitu perkara yang ditinggalkan atau yang diabaikan.

Dari segi istilah, ianya membawa maksud: seorang perawi yang meriwayatkan hadis daripada salah seorang yang mempunyai kesamaan sama ada pada nama, atau nama bapa, atau nama datuk atau nama nisbahnya dengan yang lain. Ia juga tidak dapat dibezakan dengan sesuatu yang khusus bagi setiap seorang dari mereka. (Sila lihat *Nuzhah al-Nazar*: 74 dan *Taysir Mustalah Al-Hadith:* 212).

Sebagai contoh:

Imam al-Bukhari mempunyai lebih daripada seorang syeikh yang bernama Ishaq. Kadang-kadang kita dapati beliau meriwayatkan dalam isnadnya dengan penyataan: "Ishaq telah menceritakan kepada kami..." tetapi tidak menisbahkannya kepada apa-apa gelaran. Di sini dikatakan bahawa Ishaq disebut secara 'dibiarkan' tanpa dinisbahkan kepada sebarang gelaran dalam isnad.

Begitu juga sekiranya kita berjumpa dengan isnad yang menyebut nama Sufyan tanpa dinisbahkan kepada apa-apa gelaran. Disini kita tidak pasti bahawa yang dimaksudkan adalah 'al-Thauri' atau Ibn 'Uyainah kerana nama mereka berdua adalah Sufyan. Begitu juga sekiranya disebut Hammad tanpa dinisbahkan kepada apa-apa gelaran. Kita tidak pasti sama ada Ibn Salamah atau Ibn Zaid kerana nama mereka berdua Hammad.

Hukumnya:

Sepertimana yang telah disebutkan, sekiranya kedua-dua orang yang berkongsi nama tadi adalah *thiqah*, maka tiada masalah. Namun, sekiranya seorang dari mereka *thiqah* dan seorang lagi pula adalah *daif*, maka perkara ini akan menjejaskan sanad sesuatu hadis.

Perbezaan Antara *Al-Muhmal* Dengan *Al-Mubham*

Perbezaan antara *Al-Muhmal* dengan *Al-Mubham* ialah *Al-Muhmal* disebutkan namanya, tetapi terdapat kesamaran pada orang tersebut. Manakala *al-Mubham* pula, tidak disebutkan namanya.

Kitab Yang Dikarang Berkaitan *Al-Muhmal*

Al-Mukmal Fi Bayan Al-Muhmal: Karangan Al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ali bin Thabit yang lebih dikenali dengan panggilan Al-Khatib Al-Baghdadi (w.463H).

***Al-Muhmalah*:** الْمُهْمَلَة

Iaitu istilah yang digunakan bagi huruf-huruf yang tidak mempunyai titik. Sifat *al-Muhmalah* ini diberikan bagi membezakan antara huruf yang mempunyai titik dengan huruf yang tidak mempunyai titik, seperti huruf Kha' (الخاء) dengan huruf Ha' (الحاء).

Persamaan, Pertembungan: الْمُوَافَقَة

Dari segi bahasa: perkataan (الموافقة) adalah *masdar* daripada perkataan (وافَقَ يُوافِقُ) yang membawa maksud; yang persetujuan , .

Dari segi istilah pula, ia adalah salah satu jenis sanad dari sudut tinggi (العُلُوّ) ataupun rendahnya (النُّزُول), iaitu periwayatan hadis dengan suatu sanad yang menyambungkan seseorang perawi kepada guru bagi salah seorang pengarang kitab hadis dengan satu jalan selain daripada jalan pengarang itu. Manakala bilangan perawi pula adalah lebih sedikit, berbanding jika dia meriwayatkan hadis itu melalui pengarang berkenaan, daripada gurunya. (Sila lihat *Tadrib Al-Rawi*: 2/165).

Sebagai contoh:

Al-Hafiz Ibnu Hajar berkata: Al-Bukhari pernah meriwayatkan suatu hadis daripada Qutaibah daripada Malik, dan sekiranya kami meriwayatkan hadis ini melalui jalan Al-Bukhari, maka antara kami dan Qutaibah terdapat lapan orang perawi yang menyambungkan kami dengan beliau. Tetapi, sekiranya kami meriwayatkan hadis ini melalui jalan Abu Al-Abbas As-Siraj (312H) daripada Qutaibah, maka bilangan perawi antara kami dan Qutaibah hanya tujuh orang. Secara tidak langsung berlaku *al-Muwafaqah* antara kami dengan Al-Bukhari dalam menerima hadis tersebut daripada syeikh yang sama dengan sanad yang lebih tinggi. (Sila lihat Nuzhah An-Nazar: 71).

الْمَوَالِي مِنَ الرُّوَاةِ والْعُلَمَاءِ

Para Perawi Dan Ulama Yang Berasal Dari Golongan Hamba:

Dari segi bahasa: perkataan (الْمَوالِي) adalah kata jamak bagi perkataan (الْمَوْلَى) yang biasa digunakan untuk dua perkataan yang berlawanan. Ia bermaksud sama ada raja atau tuan atau hamba atau orang suruhan, dan orang yang memerdekakan atau orang yang dimerdekakan.

Dari segi istilahnya pula: perkataan (الْمَوْلَى) di sisi ahli hadis membawa maksud seseorang yang berjanji setia, atau yang dibebaskan, atau yang telah masuk Islam di tangan seseorang. (Sila lihat *Ulum Al-Hadith:* 400 dan *Tadrib Al-Rawi*: 2/382).

Kaedah asal dalam menyandarkan nasab seseorang kepada suatu kabilah haruslah dia mempunyai pertalian nasab yang jelas. Sekiranya seseorang itu berasal dari Quraisy maka dia akan digelar Qurasyi, iaitu dari anak-anak orang Quraisy. Namun sekiranya seseorang itu tidak mempunyai pertalian yang kukuh, dan pertalian yang ada hanya terbina daripada sifat *al-Wala'* iaitu taat setianya pada kabilah tersebut, maka perkataan (مَوْلَى) akan ditambah sebelum

dinasabkan kepada sesuatu kabilah itu, seperti Maula Quraisy atau Al-Qurasyi Maulahum.

Al-Wala' (iaitu taat setia) pula ada beberapa bahagian. Antaranya, *Wala'* yang diberikan setelah dibebaskan, *Wala'* yang diberikan kerana keIslamannya serta Wala' yang diberikan setelah bersumpah. Namun terdapat juga gelaran Maula yang diberikan tanpa mempunyai kaitan dengan perkara-perkara yang telah kami sebutkan di atas.

Perkara ini perlu diperjelaskan bagi mengelakkan timbul kekeliruan dalam menganggap seseorang perawi itu adalah daripada sesuatu kabilah, sedangkan dia tidak mempunyai pertalian langsung dengan apa yang dinasabkan itu. Dengan sebab itulah, ulama telah berusaha merungkaikan masalah ini dalam memberikan penjelasan tentang maksud 'Maula' (mereka yang asalnya hamba bagi sesuatu kaum, namun namanya dinasabkan kepada kaum tersebut) supaya pembaca tidak terkeliru antara mereka yang hanya dinasabkan kepada sesuatu kabilah disebabkan kerana taat setia dan mereka yang dinasabkan kepadanya kerana memang mempunyai pertalian asal yang kukuh.

Contoh:

1- Abu Al-Bakhtari At-Ta'i, Sa'id bin Fairuz, seorang Tabi'i. Beliau adalah Maula kepada kabilah At-Ta'i kerana tuannya adalah berasal dari kabilah At-Ta'i.

2- 'Abd al-Rahman bin Hurmuz Al-A'raj Al-Hasyimi. Beliau adalah bekas hamba kepada Bani Hasyim dan telah dibebaskan.

3- Al-Imam Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari Al-Ju'fi, pengarang kitab *Sahih*. Beliau adalah maula bagi kabilah Al-Ju'fiyyin kerana datuknya telah memeluk Islam atas usaha dakwah golongan Al-Ju'fiyyin.

4- Al-Imam Malik bin Anas Al-Asbahi At-Taimi, pengarang kitab *Al-Muwatta'*. Dari segi kabilah, beliau berasal dari kabilah Asbahi. Namun gelaran At-Taimi adalah sempena taat setia setelah berlaku perjanjian kerana datuknya Malik bin Abi Amir telah melakukan perjanjian dengan Bani Taim. Dengan sebab itu, beliau dinasabkan juga kepada At-Taimi. (Sila lihat *Manhaj An-Naqd Fi Ulum Al-Hadith:* 175-177).

Kitab Yang Dikarang Berkaitan Ilmu Ini:

Sehingga kini tidak terdapat kitab yang dikarang khusus berkenaan ilmu ini. Namun, kitab-kitab tentang biografi para perawi hadis boleh dijadikan sebagai sumber umum untuknya.

Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif: الْمُؤْتَلِفُ والْمُخْتَلِفُ

Dari segi bahasa: perkataan (الْمُؤْتَلِف) adalah kata nama pelaku (*fa'il*) bagi perkataan (الائتلاف) yang membawa maksud: persamaan atau persepakatan. Manakala perkataan (الْمُخْتَلِفُ) pula adalah kata nama pelaku bagi perkataan (الاختلاف) yang membawa maksud: berlainan, perbezaan, atau lawan kepada perkataan persamaan.

Dari segi istilah pula ialah: persamaan ejaan tulisan yang berlaku pada nama, gelaran, *kunyah* (nama panggilan) ataupun nasab para perawi, tetapi berlainan sebutannya. (Sila lihat *Ulum al-Hadith:* 358).

Sebagai contohnya seperti perkataan-perkataan berikut:

1- Hizam (حِزَام) dan Haram (حَرَام): kedua-duanya mempunyai rumah ejaan yang sama, tetapi sebutan berbeza.
2- Abu 'Ubaidah (أبو عُبَيْدة): ulama telah bersepakat dengan sebutan demikian, dan tidak pernah didengar ia disebut dengan Abu 'Abidah.
3- Lafaz Al-Azra'i (الأَذْرَعِي) iaitu gelaran bagi Ishaq bin Ibrahim, dengan lafaz al-Adra'i (الأَدْرَعِي) iaitu satu nama tempat yang dinisbahkan kepada al-Adra'. Dua perkataan yang mempunyai ejaan yang hampir sama, tetapi bunyi yang berbeza.
4- Perkataan al-Hannat (الحنَّاط), al-Khabbat (الخَبَّاط) dan al-Khayyat (الخَيَّاط): ketiga-tiga perkataan ini mempunyai rumah ejaan yang sama, tetapi berbeza bunyinya. (Sila lihat *Ulum al-Hadith*karangan ibn al-Salah: 359).
5- Buraid (بُرَيْد): antaranya Buraid bin 'Abd Allah bin Abi Burdah. Bunyinya disepakati sebegitu dan tidak dibunyikan dengan sebutan lain.
6- Lafaz Husain (حُصَيْن): para ulama telah bersepakat bahawa sebutan bunyinya adalah sedemikian, melainkan untuk (أبو حَصِيْن عثمان بن عاصم) yang disebut dengan Hasin, dan (أبو سَاسَان حُضَيْن بن المنذر) yang disebut dengan *Hudhain*. (Sila lihat *Masyariq al-Anwar*: 1/222).

Banyak lagi contoh-contoh yang telah disebutkan oleh ibn al-Salah dalam kitab *Muqaddimah*nya.

Kepentingan Ilmu ini:

Ilmu ini sangat ditekankan oleh para ulama hadis. Ia bertujuan mengelakkan kesalahan dalam menyebut nama perawi, di samping mengelakkan berlaku kesalahan dalam memberi hukum kepada seseorang perawi itu.

Antara kitab-kitab masyhur yang dikarang berkaitan ilmu ini:

1- *Tashifat al-Muhaddithin*: Karangan Abu Ahmad Al-Hasan bin al-Askari (w.382H). Beliau telah mengkhususkan satu bab dalam kitab ini yang memperbahaskan tentang *al-Mu'talif wa al-Mukhtalif.* Beliau dianggap orang yang pertama membahas ilmu ini. Namun beliau tidak mengasingkannya menjadi satu ilmu yang khusus.
2- *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif*: Karangan Abu Al-Hasan, Ali bin Umar al-Daraqutni (w.385H). Ia adalah antara kitab yang paling lengkap membahaskan tentang ilmu ini.
3- *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif*: Karangan ibn Al-Fardhi, Abu Al-Walid, 'Abd Allah bin Muhammad bin Yusuf al-Azdi al-Qurtubi (w.403H).

4- *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif Fi Asma' al-Rijal*: Karangan Abu Muhammad 'Abd al-Ghani bin Sa'id bin Ali al-Azdi al-Misri (w.409H).
5- *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif*: Karangan Abu Saad Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Malini al-Harawi (w.412H).
6- *Al-Mu'talaf Takmilah al-Mukhtalaf wa al-Mu'talaf Fi Asma' al-Rijal Li al-Daraqutni*: Karangan Ahmad bin Ali bin Thabit al-Khatib al-Baghdadi (w.463H).
7- *Al-Ikmal Fi Raf'i al-Irtiyab An al-Mu'talif wa al-Mukhtalif Min al-Asma' wa al-Kuna wa Al-Ansab*: Karangan ibn Makula, al-Amir Abu Nasr Ali bin Hibbatullah al-Baghdadi (w.475H).
8- *Al-Mu'talif wa al-Mukhtalif*: Karangan ibn Makula, al-Amir Abu Nasr Ali bin Hibbatullah al-Baghdadi (w.475H).
9- *Taqyid al-Muhmal Wa Tamyiz al-Musykal (atau Ma I'talafa Khattuhu Wa Ikhtalafa Lafzuhu Min Asma' Rijal as-Sahihain)*: Karangan al-Husain bin Muhammad bin Ahmad al-Ghassani al-Jayyani al-Andalusi (w.498H).
10- *Ikmal al-Ikmal Li Ibni Makula*: Karangan ibn Nuqtah, Mu'in Ad-Din Abu Bakar Muhammad 'Abd al-Ghani bin Abu Bakar al-Baghdadi (w.629H). Ia adalah tambahan ringkas kepada *Kitab al-Ikmal* karangan ibn Makula.
11- *Al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf Fi Asma' al-Rijal*: Karangan ibn al-Salah, Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Syahrazuri al-Kurdi (w.643H).
12- *Musytabah An-Nisbah (atau al-Mukhtalaf wa al-Musytabah Min al-Asma' wa al-Alqab wa al-Kuna)*: Karangan al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Zahabi (w.748H).
13- *Al-Mukhtalaf wa al-Mu'talaf*: Karangan ibn at-Turkumani, Ala'uddin Ali bin Uthman al-Maradini (w.750H).
14- *Al-Ittisal Fi Mukhtalaf an-Nisbah (atau Zail 'Ala al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf Li ibn an-Nuqtah)*: Karangan Ala' Ad-Din Abu 'Abd Allah Mughlatai bin Qalij bin 'Abd Allah (w.762H).
15- *Al-Mu'talaf wa al-Mukhtalaf Min Asma' ar-Ruwah Fi Kutub al-Hadith:* Karangan Abu al-Wafa' Nasr bin Yunus al-Wafa'i al-Ahmadi al-Hurini (w.1291H).

Yang Dipercayakan: مُوَثَّق

Dari segi bahasa: perkataan (الْمُوَثَّق) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (وَثَّق يُوَثِّقُ) dan kata jamaknya adalah (مُوَثَّقون). Perkataan ini membawa maksud; mereka yang dipercayai atau yang dihukum *adil*.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: seorang perawi yang bersifat benar dan tidak berdusta yang riwayatnya dapat diterima. (Sila lihat *Thamarat An-Nazar* 1/116).

Kadang-kadang perkataan ini juga membawa maksud bahawa terdapat sebahagian ahli hadis yang menyatakan bahawa seseorang perawi itu adalah *daif*, sedangkan kebanyakan ahli hadis yang lain menyatakan bahawa ia adalah *thiqah*. Menurut pendapat yang rajih, perawi tersebut adalah *thiqah* ataupun saduq.

Ulasan:

Sekiranya ahli hadis menyatakan: "Para perawi dalam sanad ini adalah *Al-Muwaththaq*", maka ia tidak sama dengan kata-kata mereka: "Para perawi hadis ini semua adalah *Thiqah*". Ini kerana perkataan *Al-Muwaththaq* itu menggambarkan bahawa terdapat dalam kalangan para perawi tersebut orang yang di*daif*kan oleh sebahagian ahli hadis, manakala sebahagian yang lain pula menyatakan bahawa dia adalah *thiqah*. Al-Hafiz Al-Haithami adalah antara ulama hadis yang sering menggunakan istilah ini, dan beliau hanya menggunakannya kepada perawi yang hanya di*thiqah*kan oleh Al-Imam Ibnu Hibban. (Sila lihat *Irwa' Al-Ghalil*: 1/160).

Bertitik Satu: الْمُوَحَّدَةُ

Istilah ini digunakan sebagai sifat huruf-huruf yang mempunyai satu titik, seperti huruf ba' misalnya. Ia adalah bagi membezakannya dengan huruf yang mempunyai dua titik seperti huruf ya' dan ta'.

Binasa: مُوْدٍ

Ungkapan ini adalah antara lafaz *al-jarh*. Namun para ahli hadis berbeza pandangan dalam melafazkan kalimah ini. Ada dalam kalangan mereka yang menyebut dengan lafaz ringan iaitu (مُوْدٍ) yang membawa maksud; binasa. (Sila lihat *As-Sihah* 6/2521).

Terdapat juga dalam kalangan mereka yang men*tasydid*kannya iaitu (مُوَدٌّ) yang membawa maksud; penyampaian yang baik. Al-Hafiz Ibnu Daqiq Al-'Id mengesahkan kedua-dua jenis sebutan ini. (Sila lihat *Fathu Al-Mughith*: 1/348).

Hukumnya:

Sekiranya perkataan ini diletakkan sebagai lafaz *Al-Jarh*, maka hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh diterima.

Yang Bersambung: الْمَوْصُوْلُ

Sila lihat perkataan (الْمُتَّصِلُ).

***Al-Mawdu'* (Yang Direkacipta, Palsu):** الْمَوْضُوْعُ

Dari segi bahasa: perkataan (الموضوع) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (وَضَعَ يَضَعُ) yang membawa maksud; yang dicipta, yang direka atau yang diletak. Perkataan ini (yang asalnya meletak) lawan kepada perkataan (الرَّفْع) yang membawa maksud; mengangkat.

Dari segi istilah pula ialah: hadis yang direkacipta dan didustakan ke atas Rasulullah *s.a.w.* sama ada secara sengaja, secara tersalah, secara jahil ataupun secara tipudaya.

Hukum Mencipta Hadis Palsu:
Para ulama telah bersepakat bahawa mencipta hadis palsu adalah haram dan ianya adalah suatu perkara maksiat yang tergolong antara dosa-dosa besar.

Hukum Meriwayatkan Hadis Palsu:
Para ulama telah bersepakat bahawa meriwayatkan hadis palsu adalah haram sekiranya kita menyedari bahawa ianya adalah hadis palsu, tidak kira sama ada hadis tersebut berkaitan tentang hukum-hakam, akidah, kisah-kisah, galakan beramal atau sebagainya.

Ini adalah berdasarkan hadis Samurah bin Jundub daripada Rasulullah *s.a.w.*: "Barangsiapa yang menyampaikan suatu hadis daripada saya dan dia mengetahui hadis tersebut adalah dusta, maka dia adalah tergolong dalam golongan para pendusta". (Hadis Riwayat Muslim dalam muqaddimah *Sahih*nya, *Bab Wujub Riwayah 'an Thiqaat.* No: 1).

Antara Kitab-Kitab Yang Dikarang Berkaitan Hadis *Mawdu'*:

1. *Tazkirah* Al-*Mawdu'*at: Karangan Al-Hafiz Muhammad bin Tahir Al-Maqdisi (w.507H).
2. *Al-Mawdu'at Mina Al- Ahadis Al-Marfu'at*: Karangan Abu 'Abd Allah Al-Husain bin Ibrahim Al-Juzaqani (w.543H).
3. *Al-Mawdu'at*: Karangan Al-Imam Abu Al-Faraj 'Abd al-Rahman bin Al-Jauzi (w.597H).
4. *Al-Mughni 'An Al-Hifzi Wa Al-Kitab Bi Qaulihim: Lam Yasih Syai'un Fi Haza Al-Bab*: Karangan Al-Hafiz Abu Hafs Diya' Ad-Din Umar bin Badr Al-Mausili (w.622H).
5. *Al-Manar Al-Munif Fi As-Sahih Wa Ad-Daif*: Karangan Al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakar yang juga dikenali dengan panggilan Ibnu Qayyim Al-Juziyyah (w.751H).
6. *Sifr As-Sa'adah*: Karangan Al-'Allamah Majd Ad-Din Al-Fairuz Abadi (w.817H).
7. *Al-Maqasid Al-Hasanah Fi Bayan Kathir Min Al-Ahadis Al-Musytaharah 'Ala Al-Alsinah*: Karangan Al-Hafiz Muhammad bin 'Abd al-Rahman Al-Sakhawi (w.902H).
8. *Al-La'ali' Al-Masnu'ah Fi Al-Ahadis Al-Mawdu'ah*: Karangan Al-Hafiz Jalaluddin 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar Al-Suyuti (w.911H).
9. *Tanzih As-Syariah Al-Marfu'ah 'An Al-Akhbar As-Syani'ah Al-Mawdu'ah*: Karangan Syeikh Abu Al-Hasan Ali bin Muhammad bin 'Arraq Al-Kinani (w.963H).
10. *Tazkirah Al-Mawdu'at*: Karangan Syeikh Muhamamd bin Tahir Al-Fattani Al-Hindi (w.986H).
11. *Al-Asrar Al-Marfu'ah Fi Al-Akhbar Al-Mawdu'ah*: Karangan Syeikh 'Ali Al-Qari Al-Harawi Al-Makki yang juga dikenali dengan panggilan Mulla 'Ali Al-Qari (w.1014H).

12. *Al-Masnu' Fi Ma'rifah Al-HadithAl-Mawdu'*: Karangan Syeikh 'Ali Al-Qari Al-Harawi Al-Makki yang juga dikenali dengan panggilan Mulla 'Ali Al-Qari (w.1014H).
13. *Kasyfu Al-Khafa' Wa Muzil Al-Ilbas 'Amma Isytahara Min Al-Ahadis 'Ala Alsinah An-Nas*: Karangan Syeikh Isma'il Al-'Ajluni (w.1126H).
14. *Al-Fawa'id Al-Mawdu'ah Fi Al-Ahadis Al-Mawdu'ah*: Karangan Syeikh Mar'i Bin Yusuf Al-Karami (w.1032).
15. *Al-Kasyfu Al-Ilahi 'An Syadid Ad-Da'fi Wa Al-Mawdu' Al-Wahi*: Karangan Syeikh Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Al-Husaini At-Tarablusi As-Sandurusi (w.1177H).
16. *Ad-Durar Al-Masnu'at Fi Al-Ahadis Al-Mawdu'ah*: Karangan Syeikh Muhammad bin Ahmad As-Safarini (w.1188H).
17. *Al-Fawa'id Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Mawdu'ah*: Karangan Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ali al-Syaukani (w.1255H).
18. *Al-Lu'lu' Al-Marsu' Fima Qila: La Asla Lahu Au Bi Aslihi Al-Mawdu'*: Karangan Syeikh Abu Al-Hasan Muhammad bin Khalil Al-Hasani At-Tarabulusi (w.1305H).
19. *Al-Athar Al-Marfu'ah Fi Al-Ahadis Al-Mawdu'ah*: Karangan Syeikh Abu Al-Hasanat Muhammad 'Abd al-Hayy Al-Laknawi Al-Hindi (w.1304H).
20. *Tahzir Al-Muslimin Min Al-Ahadis Al-Mawdu'ah 'Ala Saiyyidi Al-Mursalin*: Karangan Syeikh Abu 'Abd Allah Muhammad Al-Basyir Zafir Al-Maliki (w.1325H).
21. *Mausu'ah Al-Ahadis wa Al-Athar Ad-Da'ifah wa Al-Mawdu'ah*: Karangan 'Ali Hasan 'Ali Al-Halabi.
22. *Silsilah al-Ahadis al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* oleh Syeikh Nasir al-Din al-Albani, (w.1420H) dan lain-lainnya.

Mawdu', Tiada Asal Baginya: مَوْضُوعٌ لا أَصْلَ لَهُ

Sila lihat pada perkataan (لا أَصْلَ لَهُ) pada huruf Lam.

Al-Muwatta': اَلْمُوطَّا

Dari segi bahasa: perkataan (اَلْمُوطَّا) dan kata jamaknya (اَلْمُوطَّآت) membawa maksud; yang dimudahkan atau yang disiapkan.

Dari segi istilahnya pula ialah: kitab hadis yang disusun berdasarkan bab-bab fikah dan ianya merangkumi hadis-hadis *marfu'*, *mawquf* dan juga *maqtu'*.

Sebab kitab ini dinamakan sebagai *Al-Muwatta'* ialah kerana pengarangnya iaitu Al-Imam Malik telah mempermudahkan kitab ini sebagai rujukan orang ramai dan beliau telah mempersiapkan hadis-hadis dalamnya dari sudut penyusunannya.

Namun ada juga yang berpendapat bahawa kitab ini dinamakan sebagai *Al-Muwatta'* kerana kata-kata beliau: Sesungguhnya saya telah mempersembahkan kitab karangan saya ini kepada 70 orang ulama Madinah, maka mereka semua telah bersetuju dengan saya. Lalu saya namakan kitab ini

sebagai *Al-Muwatta'* (kerana *Al-Muwata'* juga membawa maksud yang dipersetujui). (Sila lihat *Muqaddimah Al-Imam Al-Suyuti* dalam kitabnya *Tanwir Al-Hawalik*).

Perbezaan antara Kitab *Al-Muwatta'* Dengan *Al-Musannaf* Dan *As-Sunan*

Sebenarnya kitab-kitab *Al-Muwatta'* adalah sama seperti kitab-kitab *Al-Musannaf*, sekalipun namanya berbeza. Begitu juga *Al-Muwatta'* dengan *As-Sunan*, pada hakikatnya tidak terdapat perbezaan yang ketara antara *Al-Muwatta'* dengan *As-Sunan*, melainkan kitab-kitab *As-Sunan* itu kebiasaannya hanya mengumpulkan hadis-hadis yang *marfu'* sahaja.

Kitab-Kitab *Al-Muwatta'* Yang Masyhur:

Terdapat beberapa kitab yang dikenali dengan nama *Al-Muwatta'*, antaranya:

1. *Muwatta' Ibnu Abi Zi'b*: Karangan Abu Al-Harith, Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Al-Mughirah bin Al-Harith (w.158H).
   Menurut Al-Kattani: Ibnu Abi Zi'b pernah mengarang kitab *Al-Muwatta'* di Madinah dengan jumlah yang lebih besar daripada *Al-Muwatta'* Malik sehingga pernah ditanya kepada Al-Imam Malik: Apa faedah kitab kamu itu? (kerana ada kitab yang lebih besar). Lalu beliau hanya menjawab: Apa yang dilakukan kerana Allah itu akan kekal. (*Ar-Risalah Al-Mustatrafah*: 9).
2. *Muwatta' Malik*: Karangan Abu 'Abd Allah, Malik bin Anas Al-Asbahi (w.179H).
   Beliau mengarang kitab ini menurut susunan bab-bab, dan beliau hanya memilih hadis-hadis yang kuat dalam kalangan ulama Hijjaz. Beliau bukan sahaja memuatkan hadis-hadis yang *Marfu'* sahaja dalamnya, bahkan beliau turut memuatkan kata-kata sahabat, tabiin serta fatwa-fatwa mereka. Jumlah hadis-hadis *Marfu'*, *Mawquf* dan *Maqtu'* yang terkandung dalam kitab ini adalah sebanyak 1843 buah.

   Riwayat-riwayat Kitab *Al-Muwatta'*:

   Kitab *Muwatta'* ini telah diriwayatkan oleh sejumlah besar murid-murid Al-Imam Malik yang datang daripada pelbagai negara. Antaranya ialah:
   - Riwayat Ali bin Ziyad At-Tunisi (w.183H).
   - Riwayat Muhammad bin Al-Hasan Al-Syaybani (w.189H). Riwayat beliau tersebar di sekitar India dan kawasan yang berhampiran dengannya.
   - Riwayat 'Abd al-Rahman bin Al-Qasim (w.191H).
   - Riwayat Abu Yahya Ma'n bin Isa Al-Madani (w.198H).
   - Riwayat Sa'id bin Kathir Bin 'Ufair Al-Misri (w.226H) .
   - Riwayat Abu Zakaria Yahya bin 'Abd Allah bin Bukair Al-Misri (w.231H).
   - Riwayat Yahya bin Yahya Al-Laithi Al-Andalusi (w.234H). Riwayat ini adalah antara riwayat yang termasyhur, dan kebanyakan ulama menjadikannya sebagai riwayat rujukan mereka.

- Riwayat Abu Muhammad Suwaid bin Sahl Al-Hadathani Al-Harawi (w.240H).
- Riwayat Abu Mus'ab Ahmad bin Abu Bakar Al-Qasim bin Harith Az-Zuhri (w.242H).
- Riwayat Abu Huzafah Ahmad bin Isma'il As-Sahmi (w.259H).
- Riwayat 'Abd Allah bin Maslamah Al-Qa'nabi (w.321H).

3. *Muwatta' Ibrahim bin Abi Yahya*: Karangan Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad bin Abi Yahya Sam'an Al-Aslami Al-Madani (w.184H). Al-Hafiz Al-Zahabi pernah memberi respon tentangnya: Beliau telah mengarang kitab *Al-Muwatta'* dan ianya adalah kitab yang lebih besar berkali ganda daripada *Muwatta' Malik*. (*Siyar A'lam An-Nubala'*: 8/450).
4. *Al-Muwatta' As-Saghir*: Karangan 'Abd Allah bin Wahb Al-Misri (w.197H).
   Beliau mempunyai dua buah kitab *Muwatta'*, salah satunya adalah *Muwatta' Kabir* dan yang keduanya adalah *Muwatta' Saghir*. (*Siyar A'lam An-Nubala'*: 9/225).
5. *Muwatta' Isma'il Al-Qadhi*: Karangan Abu Ishaq Isma'il bin Ishaq bin Isma'il Al-Basri Al-Maliki (w.282H). Al-Khatib Al-Baghdadi pernah menyebut: Beliau telah mengarang kitab *Muwatta'*, dan juga menyusun sebuah kitab yang menolak pandangan Muhammad bin Al-Hasan As-Syaibani yang berjumlah hampir 200 juzuk, tetapi beliau tidak sempat menghabiskannya. (*Tarikh Baghdad*: 6/284).

Kitab-Kitab *Al-Muwatta'*: الْمُوطَّآتُ

Sila lihat perkataan (الْمُوطَّا).

Al-Mawquf: الْمَوْقُوْفُ

Dari segi bahasa: perkataan (الموقوف) adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan (وَقَفَ يَقِفُ) yang membawa maksud; Yang dilarang daripada melepasi sesuatu had yang tertentu.

Dari segi istilahnya pula ialah: sesuatu yang diriwayatkan daripada sahabat Nabi *s.a.w.*, sama ada kata-kata, perbuatan, atau persetujuan mereka, tidak kira sama ada sanadnya bersambung ataupun terputus.

Hadis ini dinamakan sebagai *Mawquf* kerana hadis ini hanya terhenti setakat sahabat *r.a.* sahaja dan tidak melepas had itu, iaitu tidak sampai sanad tersebut hingga kepada Nabi *s.a.w.*

Namun sebahagian ulama menamakan hadis ini sebagai *Athar*, sebagaimana mereka menamakan hadis *Marfu'* sebagai *Khabar*.

Contohnya:

Kata 'Abd al-Razzaq As-San'ani: Telah mengkhabarkan kepada kami Ibnu Juraij, telah mengkhabarkan kepada saya Abu Bakar, daripada Sa'id bin Al-Musayyib daripada Umar bin Al-Khattab *r.a.* beliau berkata: "Harus penyaksian hadis seorang kafir, kanak-kanak dan juga hamba, Sekiranya

mereka membuat penyaksian apabila mereka telah memeluk Islam atau telah dewasa dan telah dibebaskan. Penyaksian mereka pada ketika itu tersebut dalam status keadaan mereka ketika itu adalah bersifat *adil*". (Sila lihat *Musannaf 'Abd al-Razzaq*: 8/347, No 15490).

Hukum Berhujah Dengannya:

Hadis *Mawquf* boleh dihukumkan sebagi sahih, hasan ataupun *daif*. Namun ianya tidak boleh dijadikan hujah sekalipun sempurna kesahihannya kerana ia hanyalah kata-kata sahabat *r.a.* atau perbuatan mereka.

Namun, sekiranya hadis *Mawquf* tersebut telah pasti kesahihannya, maka ia mampu menguatkan sesetengah hadis yang *daif* kerana perbuatan sahabat biasanya adalah berdasarkan kepada sunnah Nabi *s.a.w.* Ini berlaku sekiranya ia tidak mempunyai hukum *marfu'* (*mawquf* yang bersifat *marfu'*). Namun sekiranya ia mempunyai hukum *marfu'*, maka riwayat tersebut dapat dijadikan sebagai hujah sama seperti *marfu'* juga. (Sila lihat *Manhaj An-Naqd Fi Ulum Al-Hadith:* 326 dan *Taysir Mustalah Al-Hadith:* 132-133).

Sumber-sumber Hadis *Mawquf*:

1. *Al-Muwatta'*: Karangan Al-Imam Malik, Abu 'Abd Allah Malik bin Anas Al-Asbahi (w.179H).
2. *Al-Musannaf*: Karangan Abu Bakar, 'Abd al-Razzaq bin Hammam As-San'ani (w.211H).
3. *Al-Musannaf*: Karangan Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Syaibah Al-'Absi (w.235H).
4. *Al-Ajza' Al-Hadith iyyah* (Juzuk-juzuk Hadis): Karangan Al-Imam Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi al-Dunya (w.281H). Antaranya: *Al-Ikhwan, Istina' Al-Ma'ruf, At-Tahajjud, At-Tawakkul, al-Syukr, Al-Hilm, As-Samt, Zamm Ad-Dunya, As-Sabr, Al-'Azamah* dan lain-lainnya.
5. *Jami' Al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran* yang juga dikenali sebagai *Tafsir At-Tabari*: Karangan Abu Jaafar Muhammad bin Jarir At-Tabari (w.310H).
6. *At-Tafsir*: Karangan Abu Bakar Muhammad bin Ibrahim bin Al-Munzir An-Naisaburi (w.316H).
7. *At-Tafsir*: Karangan Ibnu Abi Hatim, 'Abd al-Rahman bin Muhammad Ar-Razi (w.327H).
8. *Hilyah Al-Auliya' wa Tabaqat Al-Asfiya'*: Karangan Abu Nu'aim Al-Asbahani, Ahmad bin 'Abd Allah As-Syafi'i (w.430H).

Maula Mereka: مَوْلَاهُمْ

Sila lihat pada perkataan (الْمَوالِي من الرُّواة والعلماء).

Hamba, Maula: الْمَوْلَى

Sila lihat pada perkataan (الْمَوالِي من الرُّواة والعلماء).

Al-Mu'annan: عنعن

Dari segi bahasa: perkataan (الْمُؤَنَّن) adalah *Ism Maf'ul* dari perkataan (التأنين) seperti kata perawi: (حَدَّثَنِي فلانٌ أنَّ فلاناً حدَّثه أنَّ), iaitu perkataan (أنَّ) yang bermaksud 'sesungguhnya atau bahawa' digunakan dalam periwayatan hadis tersebut.

Dari segi istilah ialah: penggunaan perawi dalam sanad hadis lafaz (أنَّ) ketika meriwayatkannya, tanpa menerangkan kaedah penerimaan hadis tersebut samada secara pertuturan (تحديث) atau perkhabaran (الإخبار) atau mendengar (السماع).

Mim - Ya': مي

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa Al-Darimi meriwayatkan hadis tersebut dalam kitab *Sunan*nya.

Mizan, Penimbang: ميزان

Dari segi bahasa: perkataan (الميزان) dan kata jamaknya (مَوَازِين) membawa maksud timbangan, bersifat *adil* dan kadar ukuran.

Dari segi istilahnya pula ialah: ungkapan yang digunakan oleh *muhaddithin* bagi menggambarkan seorang perawi yang mempunyai kekuatan ingatan dan juga *dabit* (hafalan dan jagaan yang baik).

Sebagai contoh:

Sufyan Al-Thawri pernah berkata tentang Abdul Malik bin Abi Sulaiman Al-'Arzami: Telah menceritakan kepada saya al-Mizan, iaitu Abdul Malik bin Abi Sulaiman, malah Ibnu al-Mubarak pernah berkata: Abdul Malik adalah Mizan. (Sila lihat: *Tahzib At-Tahzib*: 6/397).

Ibrahim bin Sa'id Al-Jauhari pernah berkata tentang Mis'ar bin Kidam: Sesungguhnya Mis'ar digelar juga sebagai Mizan. Begitu juga dengan Syu'bah dan Sufyan, sekiranya mereka berbeza pendapat tentang sesuatu perkara, maka mereka akan berkata: Mari kita berjumpa Al-Mizan Mis'ar bin Kidam. (Sila lihat: *Tahzib At-Tahzib* 15/114).



حرف النُّون

HURUF NUN

Nun: ن

Ia adalah simbol yang menggambarkan bahawa Al-Imam Al-Nasa'i telah meriwayatkan hadis tersebut dalam *Sunan*nya.

Nun – Alif: نا

Ia adalah salah satu simbol daripada lafaz *At-Tahammul wa Al-Ada'*. Para ahli hadis menggunakannya bagi meringkaskan perkataan (حَدَّثَنا).

Yang Rendah: النَّازِلُ

Yang dimaksudkan dengan perkataan ini ialah sanad yang rendah (السَّنَدَ النَّازِلَ), iaitu sanad yang menyambungkan seseorang perawi kepada Nabi *s.a.w.* dengan bilangan perawi yang ramai. Perkataan ini adalah lawan bagi perkataan (العالي) yang membawa maksud sanad yang tinggi.

Sila lihat (الإسناد العالي) dan (الإسْنَادُ النَّازِل) pada huruf Alif.

Yang Rendah Antara Sanad-Sanad: النَّازِلُ مِنَ الأَسَانِيْد

Sila lihat (الإسْنَادُ النَّازِل) pada huruf Alif.

Orang Yang Menyalin: النَّاسِخُ

Dari segi bahasa: perkataan (الناسخ) adalah kata nama pelaku bagi perkataan (نَسَخَ يَنْسَخُ) yang membawa maksud; yang memindahkan, menyalin.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: seseorang yang menukil atau memindahkan dari sebuah kitab, atau lembaran tulisan, atau buku kecil, sama ada yang berkaitan tentang hadis ataupun lain-lainnya.

Yang Memansuhkan (Berkaitan Hadis): النَّاسِخُ (من الحديث)

Sila lihat perkataan (نَاسِخ الْحَدِيْثِ ومَنْسُوْخُه).

Yang Dimansuhkan: الْمَنْسُوْخُ

Sila lihat perkataan (نَاسِخ الْحَدِيْثِ ومَنْسُوْخُه).

Hadis Yang Memansuh kan dan Hadis Yang Dimansuhkan: ناسِخُ الْحَدِيثِ ومَنْسُوخُه

Dari segi bahasa: perkataan (الناسخ) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (نَسَخَ يَنْسَخُ) yang membawa maksud; setiap yang menghilangkan perkara yang lama dengan membawa perkara yang baharu .

Manakala perkataan (الْمَنْسُوْخُ) pula adalah *Isim Maf'ul* daripada perkataan yang sama di atas, yang membawa maksud; perkara yang dihilangkan setelah datangnya perkara yang baharu .

Dari segi istilah pula: ia adalah proses pemansuhan hukum yang lama oleh Allah s.w.t. dengan menggantikan hukum yang lama itu dengan hukum yang terkini. (Sila lihat *Ulum Al-Hadith:* 277, *Tadrib Al-Rawi*: 2/190).

Penjelasan: Istilah ini membawa maksud penghapusan hukum yang lama dengan kedatangan hadis lain yang membawa hukum yang baharu .

Contohnya:

Nabi *s.a.w.* pernah bersabda: "Saya pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka ziarahilah kubur kerana ianya akan mengingatkan kamu tentang akhirat". (Riwayat Ahmad dalam *Musnad*nya no. 1194).

Dalam hadis ini jelas bahawa Nabi *s.a.w.* menyatakan sebelum ini bahawa Baginda telah melarang para sahabatnya daripada menziarahi kubur, kemudian Baginda telah memberikan pula keizinannya. Maka perkara yang dilarang asalnya itu dinamakan sebagai *Mansukh*, dan hukum baharu iaitu keizinannya itu pula dinamakan sebagai *Nasikh*.

Kitab-Kitab Yang Dikarang Berkaitan Ilmu Ini:

1. *An-Nasikh wa Al-Mansukh Min Al-Hadith:* Karangan Abu Al-Hafs 'Umar bin Ahmad yang lebih dikenali dengan Ibnu Syahin (w.385H).
2. *Al-I'tibar Fi An-Nasikh Wa Al-Mansukh Min Al-Athar*: Karangan Abu Bakar Muhammad bin Musa Al-Hazimi (w.584H).
3. *Tajrid Al-Ahadis Al-Mansukhah*: Karangan Abu Al-Faraj, Jamaluddin 'Abd al-Rahman bin Ali yang juga dikenali dengan Ibnu Al-Jauzi (w.597H).
4. *Rusukh Al-Ahbar Fi Mansukh Al-Akhbar*: Karangan Burhanuddin Al-Ja'bari (w.732H).

Hadis Pemansuh: النَّاسِخُ مِنَ الْحَدِيْثِ

Sila lihat perkataan (نَاسِخ الْحَدِيْثِ ومَنْسُوْخُه).

Seorang Nasibi: نَاصِبِيٌّ

Iaitu seseorang yang memusuhi Sayidina 'Ali *r.a.* dan mengutamakan selain beliau dalam kalangan para sahabat *r.a.* (Sila lihat *Hadyu As-Sari*: 459).

Sila lihat perkataan (النَّصَب).

Pengkritik: النَّاقِدُ

Dari segi bahasa: perkataan (الناقد) adalah kata nama pelaku daripada perkataan (نَقَد يَنْقُدُ) dan kata jamaknya adalah (نُقَّادٌ ونَقَدَةٌ). Ianya membawa maksud seseorang yang menzahirkan sifat-sifat suatu praktis ilmiah atau kesenian sebagai bersifat baik ataupun buruk.

Dari segi istilahnya pula ialah: seorang alim yang mampu menghuraikan keadaan-keadaan hadis dan para perawinya dari sudut kekuatan atau kelemahannya, dan segala apa yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Dia Memberikan Kepada saya: ناوَلَني

Perkataan ini adalah salah satu ungkapan menyampaikan hadis ketika seseorang itu menerima riwayat hadis dengan kaedah *Al-Munawalah*. Kaedah *Al-Munawalah* ialah seorang syeikh memberikan kitabnya yang terkandung dalam kitab tersebut hadis-hadis yang diriwayatkan olehnya, lalu hadis-hadis tersebut disampaikan kepada anak muridnya itu dengan berkata: "Ini adalah antara hadis saya" atau "...hadis yang pernah saya dengar". Dia tidak mengucapkan: "Riwayatkanlah hadis ini", atau "Aku meng*ijazah*kan kepada kamu hadis ini" atau perkataan yang seumpamanya. (Sila lihat *Syaz Al-Fiyah*: 317).

Dia Telah Menceritakan Kepada Kami: نَبَّأنا

Istilah ini adalah salah satu lafaz *At-Tahammul wa Al-Ada'*, yang anak murid mendengar riwayat daripada gurunya. Namun istilah ini jarang digunakan.

Dia Telah Menceritakan Kepadaku: نَبَّأني

Istilah ini adalah salah satu lafaz *At-Tahammul wa Al-Ada'*, yang anak murid mendengar riwayat daripada gurunya. Namun istilah ini jarang digunakan.

Nabawi (Kenabian): النَّبَوِيُّ

Ia bermaksud segala apa yang disandarkan kepada Nabi *s.a.w.* daripada kata-kata, perbuatan, pengakuan atau sifat Baginda.

Nabi: النَّبِيء / النَّبِيُّ

Dari segi bahasa: perkataan (النبيُّ) dan kata jamaknya (أنبياء) membawa maksud seseorang yang memberitahu orang lain tentang sesuatu berita.

Dari segi istilah pula ialah: seseorang yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepadanya tanpa memerintahkannya supaya menyampaikan risalah.

Terdapat juga takrifan lain yang menyatakan bahawa ia adalah seseorang yang menyampaikan berita daripada Allah *'Azza wa Jalla*.

Namun secara umumnya, perkataan ini membawa maksud Nabi yang terakhir, penutup segala Nabi dan sebaik-baik utusan iaitu Nabi Muhammad *s.a.w.*

Seumpamanya: نَحْوُهُ

Istilah ini adalah suatu ringkasan yang biasa digunakan oleh perawi hadis ketika mana mereka meriwayatkan sesuatu hadis dengan suatu sanad, kemudian mereka meriwayatkan matan yang sama dengan sanad yang lain tanpa menyebutkan matan hadis tadi dan menggantikan dengan kata-kata: "seumpamanya" untuk menunjukkan bahawa matan kedua-dua hadis tersebut adalah sama dari sudut maknanya (cuma sanad sahaja yang berbeza).

Dikatakan juga bahawa harus bagi seseorang perawi meriwayatkan sesuatu hadis dengan maknanya sahaja, dan dia perlu mengucapkan di penghujung riwayatnya itu lafaz (كما قال), iaitu sepertimana yang diucapkan oleh Baginda,

atau (نحوه) dan (شِبْهَهَ) yang membawa maksud; yang seumpamanya. (Sila lihat *Tadrib Al-Rawi*: 2/106).

Mereka Menikamnya: نَزَكُوْهُ

Dari segi bahasa: perkataan (نَزَكُوه) adalah diambil dari perkataan (نَزَكَ يَنْزِكُ) yang membawa maksud; mereka menikamnya dengan *naizak* (sejenis anak panah pendek), dan mereka mengeluarkan kata-kata yang tidak elok tentangnya. Perkataan ini adalah kiasan yang membawa maksud; mereka mengaibkannya.
Dari segi istilahnya pula: ialah suatu ungkapan bagi menyifatkan seseorang perawi tersebut dengan sifat *daif*. Al-Hafiz Al-Sakhawi meletakkannya dalam kedudukan yang keenam dari martabat-martabat *al-jarh*.

Hukumnya:
Hadis mereka yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dijadikan dalil sokongan sebagai *As-Syawahid* dan *Al-Mutaba'at*.

Rendah: النُّزُوْلُ

Dari segi bahasa: perkataan (النُّزول) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَزَل يَنْزِل) yang membawa maksud; rendah iaitu lawan bagi perkataan (العُلُوّ), iaitu tinggi.
Dari segi istilahnya pula, ia membawa maksud: jarak para perawi sesuatu sanad yang makin berjauhan daripada Rasulullah *s.a.w.* disebabkan oleh bilangan perawi yang ramai dalam sanad tersebut berbanding dengan sanad lain bagi hadis yang sama yang bilangan perawinya lebih sedikit.
Sila lihat perkataan (الإسْنَاد النَّازِل) pada huruf Alif.

Nun – Sin: نس

Ia adalah simbol yang membawa maksud bahawa Al-Imam Al-Nasa'i meriwayatkan hadis tersebut dalam Sunannya.

Nasab: النَّسَبُ

Dari segi bahasa: perkataan (النَّسَبُ) dan kata jamaknya (أنساب) membawa maksud kerabat, keturunan. Nasab ini boleh disandarkan kepada nama-nama bapa, atau negara, atau pekerjaan.
Dari segi istilah: ialah penyandaran atau penisbahan para perawi kepada nama-nama bapa dan datuk, atau negara, atau kemahiran, atau pekerjaan mereka dan lain-lainnya.

Contoh:

1. Al-Asyja'i. Abu al-Nadr Hasyim bin Al-Qasim dan mereka yang berada pada *tabaqat*nya pernah meriwayatkan hadis daripada beliau. Nama sebenar Al-Asyja'i ialah Ubaidullah bin Ubaid Ar-Rahman dan dia dinisbahkan kepada kabilah Al-Asyja'.
2. Al-Mas'udi. Abu Nu'aim Al-Fadl bin Dukain pernah meriwayatkan hadis daripadanya. Nama sebenar Al-Mas'udi adalah 'Abd al-Rahman bin 'Abd Allah. Dia dinisbahkan kepada nama datuknya.

3. Al-Firyabi. Beliau adalah antara sahabat Sufyan Al-Thawri. Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Yusuf. Beliau dinisbahkan kepada nama negerinya, Firyab.
4. Al-Mujmir. Beliau adalah antara pengikut Abu Hurairah *r.a.* Nama sebenar beliau ialah Nu'aim bin 'Abd Allah, dan gelaran beliau dinisbahkan kepada tugasnya mewangikan masjid dengan *bakhur* (wangian yang dibakar seperti kemenyan).

النَّسَبُ الَّتِيْ بَاطِنُهَا عَلَى خِلاَفِ ظَاهِرِهَا

Nisbah-Nisbah Yang Hakikatnya Bertentangan Dengan Zahirnya:

Sila lihat perkataan (المَنْسُوْبُوْنَ إلى خِلاَف الظَّاهِرِ) pada huruf Mim.

Nisbah-Nisbah Yang Bertentangan Dengan Zahirnya: **النَّسَبُ الَّتِي عَلَى خِلاَفِ ظَاهِرِهَا**

Sila lihat perkataan (المَنْسُوْبُوْنَ إلى خِلاَف الظَّاهِرِ) pada huruf Mim.

Pemansuhan, Penyalinan: **النَّسْخُ**

Dari segi bahasa: perkataan (النَّسْخُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَسَخ يَنْسَخ) yang membawa maksud; menghilangkan, memindahkan, menukilkan.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: pemansuhan hukum yang lama dengan kedatangan dalil syarak lain membawa hukum yang baharu .

Sila lihat perkataan (نَاسِخ الْحَدِيْثِ من مَنْسُوْخِهِ) untuk maksudnya yang terperinci.

Perkataan ini juga mempunyai makna lain di sisi ahli hadis; iaitu proses penulisan sebuah kitab dengan menyalin isi sesuatu kitab kepada kitab yang lain secara penuh teliti.

Menyalin Menurut Suatu Sanad: **النَّسْخُ عَلَى الْوَجْهِ**

Dari segi bahasa: perkataan (النَّسْخُ) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَسَخ يَنْسَخ) yang membawa maksud; menghilangkan dan memindahkan. Manakala perkataan (الوجه) di sini pula membawa maksud; sanad.

Dari segi istilah pula, ianya membawa maksud: menyalin segala hadis yang diriwayatkan oleh seorang syeikh, atau segala isi kandungan suatu kitab, atau suatu juzuk, atau suatu naskhah hadis bagi mendengar kesemua riwayat itu daripada syeikh tersebut atau diperdengarkan kepadanya.

Naskhah-naskhah Hadis: **النُّسَخُ الْحَدِيْثِيَّةُ**

Sila lihat maknanya pada perkataan (النسخة).

Naskhah: **النُّسْخَةُ**

Dari segi bahasa: perkataan (النُّسخَة) dan kata jamaknya (النُّسَخُ) membawa maksud; sesuatu yang ditulis atau dilukis.

Dari segi istilah pula, ianya membawa dua makna:

Pertama: Iaitu suatu kumpulan hadis-hadis yang diriwayatkan dengan satu sanad sahaja atau satu jalan riwayat sahaja, sepertimana yang disebutkan oleh Al-Hakim An-Naisaburi: "Selemah-lemah sanad Aisyah *r.a.* adalah sebuah naskhah pada ahli Basrah; riwayat daripada Al-Harith Bin Syabl, daripada

Ummu An-Nu'man Al-Kindiyyah, daripada Aisyah. Riwayat yang paling lemah bagi ahli Mesir adalah riwayat Ahmad bin Muhammad bin Al-Hajjaj bin Risydin bin Saad, daripada bapanya, daripada datuknya daripada Qurrah bin 'Abd al-Rahman bin Haiwil, daripada semua yang meriwayatkan daripadanya, dan sesungguhnya ia adalah sebuah naskhah yang besar. (Sila lihat *Ma'rifah Ulum Al-Hadith:* 57).

Kedua:

Ianya sama makna dengan perkataan *'Sahifah'* yang membawa maksud; lembaran-lembaran kertas yang ditulis. Kebanyakan ahli hadis bergantung dalam meriwayatkan hadis kepada naskhah-naskhah serta *sahifah-sahifah* yang sahih, di samping mereka bergantung kepada hafalan dan ketelitian mereka. Antara naskhah-naskhah yang masyhur adalah: *Sahifah Hammam bin Munabbih, Sahifah Jabir bin 'Abd Allah* dan selainnya.

Sila lihat maknanya pada perkataan (الصحيفة) dan (الصُّحُف) pada huruf Sad.

Palang: **اَلشَّقُّ**

Dari segi bahasa: perkataan (اَلشَّقُّ) adalah kata terbitan bagi perkataan (شَقَّ يَشُقُّ) yang membawa maksud: palang yang digunakan untuk membetulkan sesuatu yang telah ditulis.

Dari segi istilah ialah: pembatalan kata-kata yang telah ditulis dengan melakarkan suatu garisan di atasnya. (Sila lihat *Tadrib Al-Rawi*: 2/84).

Sila lihat maknanya pada perkataan (الضَّرْب) pada huruf Dad.

Nas Hadis, Teks Hadis: **نَصُّ الْحَدِيْثِ**

Iaitu lafaz atau matan sesuatu hadis.

An-Nasb: **اَلنَّصْبُ**

Istilah ini adalah bagi menggambarkan satu kumpulan yang membenci Sayidina 'Ali *r.a.* dan mendahulukan sahabat yang lain selain beliau. Perkataan ini juga biasa digunakan dengan lafaz (اَلنَّاصِبِيّ) dan kata jamaknya ialah (اَلنَّواصِب). Mereka adalah kumpulan yang memusuhi Sayidina 'Ali *r.a.* dan mencurahkan kebencian terhadapnya serta ahli keluarganya. (Sila lihat *Hadyu As-Sari*: 459).

Kritik Hadis: **نَقْدُ الْحَدِيْثِ**

Dari segi bahasa: perkataan (اَلنَّقْد) adalah kata terbitan bagi perkataan (نقد ينقد) yang membawa maksud; membezakan antara perkara-perkara bagi tujuan untuk memisahkan perkara yang baik dan perkara yang buruk, serta mengeluarkan yang palsu daripadanya. (Sila lihat *Taj Al-Urus*: 9/230).

Dari segi istilah pula ialah: suatu ilmu yang membahaskan tentang membezakan hadis-hadis yang sahih dari hadis-hadis yang *daif*, menghuraikan *'illah-'illah* yang terdapat dalamnya, serta menghukum ke atas para perawinya dari sudut *Al-jarh* dan *Al-Ta'dil* dengan lafaz-lafaz tertentu yang mempunyai

makna-makna yang dimaklumi oleh mereka yang ahli atau mahir dalam seni ini.

Kritikan Luaran (Kritikan Pada Sanad): النَّقْدُ الْخَارِجِيُّ

Dari segi bahasa: sila lihat makna perkataan (النَّقْد) pada istilah (نقد الحديث). Manakala perkataan (الخارجي) membawa maksud; yang bersifat zahir.

Dari segi istilah ialah: kritikan yang dilakukan pada sanad sesuatu hadis.
Istilah ini adalah suatu istilah baharu yang digunakan oleh golongan orientalis serta beberapa orang muslim yang terkesan dengan metodologi mereka. Mereka juga membawa istilah baharu bagi kritikan terhadap matan hadis iaitu diistilahkan sebagai kritikan dalaman (النقد الداخلي).

Kritikan Yang Tersembunyi: النَّقْدُ الْخَفِيُّ

Dari segi bahasa: sila lihat makna (النقد) pada perkataan (نقد الحديث). Manakala perkataan (الخفيُّ) pula membawa maksud sesuatu yang tersembunyi.

Dari segi istilah pula ialah: pendedahan terhadap kecacatan yang tersembunyi dalam sesuatu hadis yang pada zahirnya ia kelihatan selamat daripada kecacatan tersebut.
Ini kerana setiap hadis seharusnya lengkap dengan semua syarat-syaratnya iaitu: sanad yang bersambung, perawi yang *adil* serta *dabit*. Sekiranya syarat ini dipenuhi maka hadis tersebut akan dihukumkan sebagai "sahih sanadnya". Namun terdapat pengkritik hadis yang amat teliti, mereka meneliti hadis tersebut seningga mampu menolak hukum sahih hadis tersebut, malah sehingga membawanya ke tahap *mawdu'*. Kecacatan yang tersembunyi inilah yang dinamakan sebagai *'illah* iaitu sebab-sebab yang samar dan tersembunyi yang mencacatkan kesahihan hadis dalam keadaan zahirnya bebas dan selamat daripadanya. (Sila lihat *Tahrir Ulum Al-Hadith:* 2/641).
Sila lihat makna (العِلَّة) pada huruf Ain.

Kritikan Dalaman (Kritikan Pada Matan): النَّقْدُ الدَّاخِلِيُّ

Dari segi bahasa: sila lihat makna (النقد) pada perkataan (نقد الحديث). Manakala perkataan (الداخِلِيّ) pula membawa maksud; yang bersifat dalaman, batin.

Dari segi istilah ialah: kritikan terhadap matan sesuatu hadis dengan melihat pada maknanya sahaja, tanpa merujuk kepada sanad hadis tersebut.
Istilah ini adalah suatu istilah baharu yang digunakan oleh golongan orientalis serta beberapa orang muslim yang terkesan dengan metodologi mereka. Mereka juga membawa istilah baharu bagi kritikan terhadap sanad hadis iaitu diistilahkan sebagai kritikan luaran (النقد الخارجي).

Kritikan Terhadap Para Perawi: نَقْدُ الرِّجَالِ

Dari segi bahasa: Sila lihat makna perkataan (النقد) pada perkataan (نقد الحديث). Manakala perkataan (الرجال) pula membawa maksud perawi-perawi hadis.

Dari segi istilahnya pula ialah: kritikan terhadap para perawi hadis serta kajian terhadap perihal mereka dari sudut *Al-jarh wa Al-Ta'dil.*
Sila lihat perkataan (الجرح والتعديل) pada huruf Jim dan (نقد الحديث) pada huruf Nun.

Kritikan Pada Matan: نَقْدُ الْمَتْنِ

Sila lihat maknanya ada perkataan (النقد الداخلي).

Nukil, Pindah: النَّقْلُ

Dari segi bahasa: perkataan (النقل) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَقَل يَنقُل) yang membawa maksud pertukaran sesuatu perkara dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.
Dari segi istilah pula ialah: penerimaan hadis daripada seorang syeikh, yang hadis tersebut berpindah daripadanya kepada anak muridnya dengan salah satu kaedah pengambilan riwayat hadis.
Mereka yang banyak mengambil dan menerima riwayat hadis juga digelar sebagai *Ahl al-Naql* (ahli penukilan riwayat).

Bersih Hadisnya: نَقِيُّ الْحَدِيْثِ

Dari segi bahasa: perkataan (النَّقِيّ) dan kata jamaknya (نَقَاءٌ وأنقياء) membawa maksud sesuatu yang suci dan jelas.
Dari segi istilahnya pula ialah: seseorang yang tidak meriwayatkan hadis melainkan daripada mereka yang *thiqah* sahaja, atau hadisnya tidak pernah tercemar dengan suatu riwayat pun dari mereka yang *daif.*

Bersifat *Munkar*: النَّكَارَةُ

Dari segi bahasa: perkataan (النَّكَارة) adalah kata terbitan bagi perkataan (نَكَرَ يَنْكِرُ) yang membawa maksud; bersifat jahil.
Dari segi istilahnya pula: menurut istilah ahli hadis yang terdahulu, ia diungkapkan bagi sifat bersendirian dalam periwayatan semata-mata (iaitu apa yang hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja). Namun di sisi ahli hadis yang terkemudian, ianya membawa maksud; hadis yang diriwayatkan oleh seorang yang *daif* bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh mereka yang *thiqah.* (Sila lihat *Ar-Raf'u wa At-Takmil*: 200).
Sila lihat perkataan (الْمُنكَر) pada huruf Mim.

Seorang Yang Tidak Dikenali: نَكِرَةٌ

Dari segi bahasa: perkataan (النكرة) dan kata jamaknya (نَكِرات) membawa maksud mengingkari sesuatu perkara, iaitu perkara tersebut tidak diketahui.
Dari segi istilahnya pula, ianya membawa maksud: perawi *majhul* yang tidak dikenali.

Faedah Yang Halus النُّكَتُ

Dari segi bahasa: perkataan (النُّكَتُ) ialah kata jamaknya bagi (النُّكْتَة). Perkataan ini diambil dari perkataan (النَّكْتِ) yang membawa maksud; menghentak tanah

dengan kayu atau tongkat sehingga meninggalkan bekas. (Sila lihat *As-Sihah* karangan Al-Jauhari)

Di sisi ulama pula, ianya membawa maksud: suatu perkara halus yang memberi kesan dalam sanubari.

Dari segi istilah: perkataan (النُّكْتَة) di sisi ahli hadis membawa maksud; faedah, atau masalah ilmu yang halus lagi terperinci yang hanya dapat dikeluarkan melalui pengamatan dan penelitian yang mendalam. Ia dinamakan sebagai 'masalah yang halus' disebabkan oleh kesan pengaruh lintasan dan cetusan akal fikiran dalam mengeluarkannya. (Sila lihat *Al-Ta'rifat* Karangan Al-Jurjani: 316).

Sebahagian ulama telah mengarang beberapa kitab menggunakan istilah ini:

1. *An-Nukat 'Ala Kitab Ibnu al-Salah*: Karangan Badruddin Abu 'Abd Allah Muhammad bin Bahadar bin 'Abd Allah Az-Zarkasyi (w.794H).
2. *An-Nukat 'Ala Kitab Ibnu al-Salah*: Karangan Al-Hafiz Abu Al-Fadl Ahmad bin Hajar Al-'Asqalani (w.852H).

Mengembangkannya: نَمَاهُ

Sila lihat maknanya pada perkataan (يَنمِيه) dan (يبلغ به) pada huruf Ya'.

Kami Dilarang Daripada Perkara Sekian: نُهِيْنَا عَنْ كَذَا

Ia adalah suatu kata-kata yang sekiranya diucapkan oleh sahabat *r.a.* maka ianya adalah dari kategori hadis *marfu'* yang *musnad* di sisi ahli hadis. Ianya sama seperti kata-kata sahabat *r.a.*: "Kami diperintah dengan perkara sekian".

Contohnya:

Kata-kata Ummu 'Atiyyah Al-Ansariyyah: "Kami disuruh membawa keluar kanak-kanak perempuan dan anak-anak gadis (untuk sama-sama bersolat)pada dua Hari Raya, dan diperintahkan mereka yang didatangi haid supaya menjauhi tempat solat orang Islam". (*Al-Bukhari, Fi Al-'Idain, Bab Khuruj An-Nisa' wa Al-Huyadh ila Al-Musalla*: No: 974).

Begitu juga kata-kata beliau: "Kami dilarang daripada mengikuti jenazah, namun perkara tersebut tidaklah ditegaskan ke atas kami". (*Al-Bukhari, Fi Al-Jana'iz, Bab Itba' An-Nisa' Al-Jana'iz*: No: 1278).

Isitilah ini dan semua istilah yang seumpamanya dihukumkan sebagai *marfu'* menurut pandangan yang sahih dan muktamad. Kerana yang menyuruh dan melarang dalam hal keadaan sumpama itu tidak lain pastilah Nabi *s.a.w.* Tidak ada bezanya kata-kata mereka itu sama ada ketika baginda masih hidup ataupun setelah baginda wafat.

Namun sekiranya kata-kata sedemikian iaitu (نُهينا عن كذا) atau (أُمِرْنا بكذا) diucapkan oleh Tabi'i, maka perkara tersebut akan menjadi hadis *mursal*. Namun ada juga yang berpendapat bahawa kata-kata mereka itu akan membawa kepada dua kebarangkalian, iaitu sama ada ianya menjadi khabar *mawquf* atau menjadi *marfu' mursal*. (Sila lihat *At-Taqyid wa Al-Idah*: 1/68).

Nawasib (Kumpulan Yang Membenci 'Ali *r.a.*): النَّواصِبُ

Perkataan (النواصب) adalah kata jamak dari perkataan (ناصبيٌ). Sila lihat maknanya pada perkatan (النصب) dan (الناصب).



حرف الهاء

HURUF HA'

Ha': هـ

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa Ibn Majah telah meriwayatkan hadis tersebut dalam Sunannya.

Yang Binasa: هَالِكٌ

Ia adalah sifat bagi perawi yang memiliki hafalan yang buruk, kesalahan yang besar, banyak melakukan kesilapan dan ditohmah *'adalah*nya.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang kedua dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang ketiga.

Hukumnya:

Perawi yang disifatkan dengan lafaz ini hadisnya tidak boleh dijadikan hujah dan juga dalil penyokong.

Nota kaki: الْهَامِشُ

Dari sudut bahasa: الهامش dan jamaknya هَوامِش bermaksud: Hujung kitab. Disebut: فلانٌ هَمَّش الكتابَ bermaksud: ia menulis sesuatu di hujung helaian kitab yang boleh membantunya memahami isi kandungan kitab tersebut.

Dari sudut istilah: Tiada beza antara makna dari sudut bahasa dan juga istilah.

***Al-Hija'*:** الْهِجَاء

Dari sudut bahasa: الهِجاء adalah kata nama terbitan daripada perkataan هَجَا يَهْجُوْ yang bermaksud: Memotong sesuatu lafaz dan mengeja huruf-hurufnya dengan melafazkan nama huruf-huruf tersebut dan bukan sekadar dengan menyebutkannya. Maka *hija'* bagi nama عُمَر ('Umar) misalnya adalah: عين، ميم، راء ('Ain, Mim dan Ra').

Dari sudut istilah: Tiada beza antara makna dari sudut bahasa dan juga istilah.

Ini Adalah Hadis Si polan: هَذا حَدِيْثُ فُلَانٍ

Ia adalah suatu ungkapan yang disebut oleh para pengkritik hadis jika mereka mahu menerangkan tentang sifat *maqlub* (perubahan) sesetengah hadis. Mereka mengisyaratkan dengan ungkapan ini kepada seseorang perawi yang dikenali dengan hadis tersebut dan ia diriwayatkan daripadanya. Sesiapa yang meriwayatkannya daripada orang lain pula, sama ada dalam kalangan rakan-rakannya atau para perawi yang sezaman dengannya, maka ia telah melakukan kesilapan atau kelainan. Ini kerana zahirnya, hadis tersebut bukanlah daripada

hadis rakan perawi berkenaan, tetapi ia telah ditukar, lalu dianggap daripada riwayatnya.

Hadis Ini Batil, Tiada Asal Baginya: هذا الْحَدِيْثُ بَاطِلٌ لا أَصْلَ لَهُ

Lihat لا أَصْلَ لَهُ dalam huruf Lam.

هذا الْحَدِيْثُ لا أَصْلَ لَهُ فِي الكِتَابِ والسُّنَّةِ الصَّحِيْحَةِ

Hadis Ini Tiada Asalnya Dalam al-Quran Dan Sunnah Yang Sahih:

Lihat لا أَصْلَ لَهُ dalam huruf Lam.

Ha' – Ba: هب

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa al-Bayhaqi meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya Syu'ab al-Iman.

Hadis Ini Adalah Yang Paling Sahih Dalam Babnya: هذا الْحَدِيْثُ أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَابِ

Lihat: أَصَحُّ شَيءٍ فِي البَابِ dalam huruf Alif.

Hadis Ini Lebih Sahih Dari Yang Begini: هذا الْحَدِيثُ أَصَحُّ مِنْ كَذَا

Lihat: أَصَحُّ شَيءٍ فِي البَابِ dalam huruf Alif.

Hadis Ini Tidak Sahih, Atau Tidak Sabit: هذا الْحَدِيْثُ لا يَصِحُّ أَوْ لا يَثْبُتُ

Kata-kata *Muhaddithin* terhadap sesuatu hadis: لا يَصِحُّ atau: لا يَثْبُتُ, atau: لَمْ يَصِحَّ, atau: لم يَثْبُتْ, atau: لَيْسَ بِصَحِيْحٍ, atau: لَيْسَ بِثَابِتٍ, atau: غيْر ثابتٍ atau: لا يَثْبُتُ dan sebagainya daripada ungkapan-ungkapan yang seumpamanya, jika ia disebut dalam kitab-kitab *al-Du'afa' wa al-Matrukin wa al-Wadda'in* atau kitab-kitab *al-Mawdu'at*, maka ia bermaksud; bahawa hadis tersebut adalah *mawdu'*, dan tiada suatu pun padanya sifat-sifat sahih.

Adapun jika ungkapan-ungkapan itu disebut dalam kitab-kitab hadis *al-Ahkam*, maka yang dimaksudkan – dengan penafian kesahihan atau kesabitan hadis di sini – ialah penafian kesahihannya dari segi istilah sahaja, maka berkemungkinan hadis tersebut adalah hasan ataupun *daif* sahaja. (Lihat: *Hasyiah Qawa'id Fi 'Ulum al-Hadith:* hlm. 282 – 284).

Hadis Ini Adalah Daripada Bala-Balanya: هذا الحَدِيْثُ مِنْ بَلاَيَاه

Ia bermaksud: hadis-hadis *mawdu'*nya.

Lihat: البَلاَيا dalam huruf Ba'.

Ini Hadis *Munkar*: هذا حَدِيْثٌ مُنْكَرٌ

Lihat: مُنْكَرُ الحَدِيْثِ dalam huruf Mim.

هذا سَمَاعِيْ عِنْدَ فُلاَنٍ

Ini Adalah Riwayat Yang Saya Dengari Daripada Si polan:

Ia adalah daripada lafaz mengambil atau menerima hadis dengan cara mendengar daripada syeikh.

Ini Adalah Lafaz Si polan: هذا لَفْظُ فُلَانٍ

Ia adalah suatu perkataan yang diungkapkan ketika mengkhususkan satu lafaz tertentu daripada lafaz riwayat sesuatu hadis, yang diriwayatkan dengan lebih dari satu bentuk lafaz.

Membaca Laju: الْهَذْرَمَةُ

Ia bermaksud; cepat atau laju dalam pembacaan. Disebut: فلانٌ هَذْرَمَ القرآن yang bermaksud: seorang yang membaca al-Quran dengan cepat tanpa meneliti maknanya, dan perbuatan ini bukanlah suatu yang dipuji. (*al-Mu'jam al-Wasit*).

Kata 'Umar bin al-Khattab *r.a*: "Seburuk-buruk jenis penulisan ialah penulisan secara *al-masyq*, dan seburuk-buruk jenis bacaan ialah bacaan *al-hazramah*, dan sebaik-baik jenis tulisan adalah yang paling jelas". (Lihat: *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi* 1/262).

Ha – Syin: هش

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa Ibn Hisyam meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya *al-Sirah al-Nabawiyyah*.

Ha – Sin – Qaf: هسق

Ia adalah simbol yang menunjukkan bahawa al-Bayhaqi meriwayatkan hadis tersebut dalam kitabnya al-Sunan al-Kubra.

Hamzah: الْهَمْزَةُ

Ia adalah lakaran berbentuk kepala huruf 'Ain yang diletakkan pada huruf Alif *al-Qat'*, atau pada huruf Wau dan Ya' yang ditulis sebagai ganti kepada huruf Alif, atau diletakkan di tempat huruf Alif yang telah dibuang bentuknya, seperti kalimah: ماء dan سماء.

Dalam penulisan lama dahulu, huruf hamzah ini tidak diambil berat dan diabaikan penulisannya, maka berlakulah kekaburan antara perkataan ماء dengan ما serta سماء dengan سما dan sebagainya.

Hamzah *maksurah* (berbaris bawah) pula kadangkala ditulis di bawah huruf, dan ada ketika ditulis di atasnya. (Lihat: *Tahqiq al-Nusus Wa Nasyriha*: hlm. 54).

Beliau Adalah Anak Si polan: هُوَ ابْنُ فُلَانٍ

Ungkapan ini kadangkala dijumpai dalam isnad-isnad hadis selepas nama seseorang perawi. Ia adalah sebagai suatu pengenalan bagi pemilik nama tersebut dan pengkhususan baginya. Ungkapan ini bukanlah daripada murid kepada perawi yang disebutkan, akan tetapi ia adalah daripada perawi lain yang selepas daripada murid tersebut dalam sanad berkenaan.

Ibn al-Salah berkata: Tidak harus bagi seseorang menambah pada nasab perawi yang di atas syeikhnya dalam kalangan para perawi sesuatu sanad, lebih daripada apa yang dinyatakan oleh syeikhnya, dengan memasukkan penambahan tanpa sebarang pemisah yang membezakannya. Namun jika ia

membawa suatu pemisah, maka ianya diharuskan, seperti dengan kata-kata: هو ابنُ فلان الفلاني atau يعني ابن فلان dan seumpamanya.

Al-Hafiz Abu Bakar al-Burqani menyatakan dalam kitabnya *al-Laqit* dengan isnadnya sendiri daripada 'Ali bin al-Madini katanya: "Jika seseorang lelaki menyampaikan hadis kepada kamu dengan berkata: حَدَّثَنا فلانٌ tanpa dinasabkannya, dan kamu pula lebih gemar meletakkan nasabnya, maka hendaklah kamu berkata: حَدَّثَنا فلانٌ أنَّ فلانَ بن فلانٍ حَدَّثَه ". Wallahu 'Alam. (*'Ulum al-Hadith:* hlm. 224).

Dia Adalah Dalam Kelompok Para Perawi *Daif*: هُوَ فِي جُمْلَةِ الضُّعَفَاءِ

Ia adalah ungkapan yang banyak digunakan oleh Ibn 'Adi dalam kitabnya *al-Kamil*. Ungkapan ini diberikan kepada perawi yang boleh dijadikan dalil penyokong dan perawi yang ditinggalkan hadisnya. (Lihat: *Tahrir 'Ulum al-Hadith:* 1/609).

Dia Adalah Syeikh, Bukanlah Sebegitu (Kuat): هُوَ شَيْخٌ لَيْسَ بِذَاكَ

Ia bermaksud: Seorang syeikh yang berumur dan dikuasai sifat lupa, yang periwayatannya tidak boleh diyakini, yakni riwayatnya tidaklah begitu kuat. (Lihat: *Tuhfah al-Ahwazi*: 1/303).

Secara zahirnya, kata-kata *muhaddithin*: هو شيخٌ merupakan serendah-rendah martabat *al-Ta'dil*, dan apabila disertakan dengan perkataan لَيْسَ بذاك, maka ia menjadi lafaz *al-jarh* pula. Al-Tirmizi banyak mengabungkan antara هو شيخٌ dan لَيْسَ بذاك yang bermaksud: perawi *daif*.

Namun, jika lafaz شيخٌ hanya bersendirian, maka ia adalah lebih hampir kepada lafaz-lafaz *al-Ta'dil* berbanding kepada *al-Jarh*, tetapi ia tidak boleh dijadikan hujah.

Dia Dalam Genggaman Si-'Adl: هُوَ على يَدَي عَدْل

Lihat على يَدَي عَدْل dalam huruf 'Ain.

Dia Begini Dan Begini: هُوَ كَذَا وكَذَا

Lihat كَذَا وكَذَا dalam huruf Kaf.

Pembaca Memperlahankan Suara: هَيْنَمَ القَارِىءُ

Ia bermaksud; pembaca yang merendahkan kadar kekuatan suaranya. Al-Qari' bermaksud: Pembaca hadis kepada para hadirin dan pendengar dalam majlis seorang syeikh.

هُوَ الأَمْرُ الَّذِي لَمْ يَزَلْ عَلَيْهِ أَهْلُ العِلْمِ بِبَلَدِنا

Ia Adalah Perkara Yang Masih Diamalkan Oleh Ahli Ilmu Di Negeri Kami:

Ia merupakan istilah al-Imam Malik bin Anas dalam kitab *al-Muwatta'*nya. Beliau menggunakannya apabila sesuatu masalah itu tidak terdapat ijmak secara menyeluruh dalam kalangan ulama Madinah, tetapi hanya pandangan jumhur mereka sahaja. Maka ungkapan ini adalah lebih rendah sedikit daripada kedudukan *Ijmak Kulli* (ijmak secara keseluruhan) yang tiada

sebarang perselisihan atau perbezaan padanya. (*'Amal Ahl al-Madinah* Oleh Dr. Ahmad Muhammad Nur: hlm: 296).

هُوَ الأَمْرُ الَّذِي لَمْ يَزَلْ عَلَيْهِ النَّاسُ عِنْدَنَا

Ia Adalah Perkara Yang Masih Diamalkan Oleh Orang Di Sisi Kami:

Ia merupakan istilah al-Imam Malik bin Anas dalam kitab *al-Muwatta'*nya. Beliau menggunakannya apabila dalam sesuatu masalah itu tidak terdapat Ijmak secara menyeluruh dalam kalangan ulama Madinah, Ia hanya pandangan kebanyakan ulama di sana sahaja. Maka ungkapan ini adalah lebih rendah sedikit daripada kedudukan *Ijmak Kulli* (ijmak secara keseluruhan) yang tiada sebarang perselisihan atau perbezaan mengenai. (*'Amal Ahl al-Madinah* Oleh Dr. Ahmad Muhammad Nur: hlm: 296).

هَذَا أَمْرٌ قَدْ مَضَى وجَازَ عَلَيْهِ النَّاسُ

Perkara Ini Telah Lepas Dan Orang Mengharuskannya:

Ia merupakan istilah al-Imam Malik bin Anas dalam kitab *al-Muwatta'*nya. Beliau menggunakannya bilamana dalam sesuatu masalah itu tidak terdapat Ijmak secara menyeluruh dalam kalangan ulama Madinah, tetapi hanya pandangan kebanyakan mereka sahaja. Maka ungkapan ini adalah lebih rendah sedikit daripada kedudukan *Ijmak Kulli* (ijmak secara keseluruhan) yang tiada sebarang perselisihan atau perbezaan padanya. (*'Amal Ahl al-Madinah* Oleh Dr. Ahmad Muhammad Nur: hlm. 296).



حرف الواو

HURUF WAU

Dan Seorang Yang Lain: وَآخَرٌ

Ia adalah kiasan kepada seorang perawi yang lemah. Sebahagian ulama ketika mendapati suatu isnad yang memiliki dua perawi yang bersama-sama meriwayatkannya, yang salah seorang daripada mereka itu *thiqah* dan yang lainnya pula adalah lemah. Maka berkemungkinan ia akan menggugurkan nama perawi yang lemah itu daripada isnad dan hanya menyebut nama perawi yang *thiqah*, kemudian menyatakan tentangnya secara kiasan: وآخر (dan seorang perawi yang lain).

Perantaraan: الوَاسِطَةُ

Dari sudut bahasa: الواسطة dan jamaknya وَسائِط bermaksud: Sesuatu yang berada di tengah-tengah antara dua perkara untuk menghubungkan antara kedua-duanya.

Dari sudut istilah: ialah perawi perantara bagi seseorang yang tidak mendengar suatu hadis dari syeikhnya secara langsung. Disebut sebagai contoh: روى الترمذيُّ عن البخاري بواسطةٍ (al-Tirmizi meriwayatkan daripada al-Bukhari dengan satu perantaraan), atau: الترمذيُّ لا يَروي عن البخاريِّ إلا بواسطةٍ (al-Tirmizi tidak meriwayatkannya daripada al-Bukhari kecuali dengan satu perantaraan). Ia bermaksud; tidak mendengar daripadanya secara terus atau secara langsung, akan tetapi mendengarnya melalui perawi lain yang berada di tengah-tengah antara kedua-duanya dalam isnad tersebut.

Seorang Pemalsu Lagi Diragui: وَاضِعٌ وَاوٍ

Ia bermaksud: seorang yang mencipta dan mereka hadis palsu, atau menisbahkan kepada Rasulullah *s.a.w.* apa yang tidak pernah baginda ucapkan.

Lihat الموضوع dalam huruf Mim.

Orang Yang Berdiam Diri Tentang Al-Quran: الوَاقِفُ فِي القُرْآنِ

Ia bermaksud: seorang yang enggan untuk mengupas berkaitan tentang 'persoalan al-Quran itu makhluk', maka beliau tidak mengatakan sama ada al-Quran itu makhluk ataupun bukan makhluk. (Lihat: *Hady al-Sari*: hlm. 459).

Lihat مسألة اللفظ dalam huruf Mim.

Seorang *Waqifiyyah* (Yang Berdiam Diri Tentang Al-Quran): وَاقِفِيٌّ

Ia bermaksud: seseorang yang enggan untuk mengupas berkaitan tentang 'persoalan al-Quran itu makhluk', maka beliau tidak mengatakan sama ada al-Quran itu makhluk ataupun bukan makhluk. (Lihat: *Hady al-Sari*: hlm. 459).

Lihat مسألة اللفظ dalam huruf Mim.

Amat Lemah: وَاهٍ

Ia bermaksud: Seorang yang binasa, dan yang amat lemah sekali.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Amat Lemah, Mereka Men*daif*kannya: وَاهٍ ضَعَّفُوْهُ

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Lihat واه pada tempat nya.

Amat Lemah Sekali: وَاهٍ بِمَرَّةٍ

Iaitu suatu ungkapan secara sepakat terhadap kelemahan seseorang perawi tanpa ada sebarang keraguan, dan seolah-olah huruf Ba' ditambah sebagai menguatkan ungkapan. (Lihat: *Fath al-Mughith*: 1/345).

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Lemah Hadisnya: وَاهِيُ الْحَدِيْثِ

Ia bermaksud: perawi yang lemah dalam periwayatan hadis.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-Jarh*. Al-Hafiz al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang ketiga dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Al-Zahabi dan al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang keempat.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan ungkapan ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Dan Dengannya Dia Berkata: "Telah Memberitahu Kami...": وَبِهِ قَالَ حَدَّثَنَا

Iaitu suatu ungkapan yang disebut oleh seorang ahli hadis ketika membacakan sanad lengkap syeikhnya di awal permulaan pengajiannya, dan beliau akan menyambungkan kepada sanad tersebut dengan katanya di awal sanad yang seterusnya: وبه قال حدثنا..., agar ia kelihatan seolah-olah beliau menyandarkannya kepada perawi asalnya pada setiap hadis.

Iaitu supaya kata ganti pada perkataan وبه (dengannya) kembali kepada sanad lengkap yang telah disebutkan, seolah-olah dia berkata: وبالسَّند المذكور، قال لنا ertinya: 'dan dengan sanad yang telah disebutkan, dia telah berkata kepada kami...' iaitu si-pemilik sanad itu. Inilah maksud ungkapan: وبه قالَ. (Lihat: *Qawa'id al-Tahdith*: hlm. 217).

Dithiqahkan: وثِّـقَ

Ungkapan ini disebutkan kepada perawi yang didapati padanya hukum *thiqah* dalam satu kali sahaja, dan tiada perselisihan atau pertentangan dengan *al-jarh* yang muktabar. Ulama yang paling banyak menggunakannya ialah al-Hafiz al-Zahabi.

Dia Dithiqahkan Oleh Si polan: وثَّقَهُ فُلانٌ

Ia adalah ungkapan yang dilafazkan oleh ulama hadis terkemudian berkaitan kritikannya atau ulasannya terhadap seseorang perawi. Ungkapan ini bermaksud: Beliau tidak menjumpai pemberian darjat *thiqah* kepada perawi tersebut secara muktabar daripada ulama hadis yang lain.

Jika ungkapan ini disebutkan oleh ulama hadis yang terdahulu, maka maksud yang telah dinyatakan bukanlah suatu kemestian. Ini kerana berkemungkinan ia tidak memaksudkannya dengan keseluruhan ulama hadis (tiada pandangan lain yang bertentangan dengannya), atau beliau hanya menyebut pemberian darjat *thiqah* oleh ulama yang lebih alim dan mengetahui tentang perawi tersebut, atau beliau menyebutkan pemberian darjat *thiqah* oleh ulama yang sentiasa mengikuti dan menyertai periwayatan bersama perawi tersebut kerana ia juga adalah dalam kalangan syeikhnya, atau dalam kalangan ulama yang diketahui kehebatan ilmunya dalam bidang kritikan terhadap perawi.

Al-Hafiz Ibn Hajar banyak menggunakan lafaz ini terhadap sekumpulan para perawi dalam kitab *Taqrib al-Tahzib*nya. Beliau akan menamakan sebahagian ulama pakar dan hanya menyatakan pandangan mereka tanpa menjelaskan pendapatnya sendiri. Perkara ini berlaku dalam beberapa keadaan, iaitu:

Pertama: Jika dua orang imam yang berpandangan sederhana (tidak terlalu tegas dan tidak pula terlalu longgar) berbeza pandangan tentang darjat seseorang perawi, seperti seorang daripada ulama tersebut memberikan darjat: مجهول (*Majhul*), manakala seorang lagi mengatakan: ثقة (*Thiqah*). Maka Ibn Hajar kebiasaannya akan berkata: وثّقه فلانٌ (Di*thiqah*kan oleh si polan), yakni ulama yang kedua.

Kedua: Jika pemberian darjat *thiqah* hanya dinyatakan oleh seorang ulama dan perawi tersebut hanya meriwayatkan daripadamya seorang murid sahaja. Sebagai contoh lihat pada biografi: Sa'id bin Zuwaib dan Sa'id bin Abu Kuraib dalam kitab *al-Taqrib*.

Ketiga: Jika perawi tersebut dikenali dari sudut sahsiah dirinya, tetapi tidak diketahui dari sudut hal keadaannya, kecuali pemberian darjat *thiqah* oleh

sebahagian ulama yang terkenal dengan sifat longgar dalam memberikan darjat *thiqah*.

Dalam tiga keadaan inilah al-Hafiz Ibn Hajar menggunakan ungkapan tersebut dalam kitabnya.

Al-Wijadah: الوِجَادَةُ

Dari sudut bahasa: الوِجَادة adalah kata nama terbitan daripada perkataan وَجَدَ يَجِدُ yang bermaksud: Menjumpai atau mendapati.

Dari sudut istilah ia bermaksud: seorang murid yang mendapati atau menjumpai kitab seseorang syeikh yang dalamnya mengandungi hadis-hadis yang diriwayatkannya dengan tulisan syeikh itu sendiri. Pada masa yang sama, murid tersebut tidak pernah bertemu dengannya, atau murid tersebut pernah bertemu dengannya tetapi tidak pernah mendengar hadis dalam kitab yang dijumpainya, dan juga tidak mendapat *ijazah* daripadanya atau yang seumpamanya.

Hukum periwayatan melaluinya:

Dinukilkan daripada kebanyakan *muhaddithin* bahawa ianya diharuskan dan wajib beramal dengannya apabila sudah sampai kepada tahap dipercayai dan yakin dengannya. (*'Ulum al-Hadith:* hlm. 209 dan *Irsyad Tulab al-Haqaiq*: hlm. 153).

***Wijadah* Semata-Mata:** الوِجَادَةُ الْمُجَرَّدَةُ

Ia bermaksud *wijadah* (penemuan) yang tidak disertai dengan mana-mana cara atau kaedah menerima hadis yang lain, seperti ianya tidak disertai dengan *ijazah* atau pendengaran misalnya.

Hadis yang diriwayatkan secara *wijadah* semata-mata adalah termasuk dalam hukum hadis *Munqati'* (terputus) atau *Mursal*. Sebahagian ulama berkata: Lebih utama jika ia diletakkan dengan hukum *Mu'allaq*.

Aku Dapati pada Tulisan Si polan: وَجَدْتُ بِخَطِّ فُلَانٍ

Ia adalah dari lafaz-lafaz mengambil hadis dengan cara *al-Wijadah* (menjumpainya atau menemuinya). Ungkapan ini disebutkan apabila seorang perawi menjumpai sebuah hadis dalam penulisan seseorang yang dipercayai bahawa ia adalah tulisannya atau kitabnya. (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/62).

Lihat: الوِجَادَة.

Aku Dapati pada Tulisan Bapaku: وَجَدْتُ بِخَطِّ أَبِي

Ia adalah suatu ungkapan pengambilan hadis yang didapati banyak digunakan dalam kitab *Musnad Ahmad bin Hanbal*, yang anaknya 'Abd Allah berkata: وَجَدْتُ بِخَطِّ أَبِي حَدَّثَنا فلانٌ ertinya: "Aku dapati pada tulisan bapaku: Diberitakan kepada kami oleh si polan...".

Aku Dapati Daripada Si polan: وَجَدْتُ عَنْ فُلَانٍ

Ia adalah dari lafaz-lafaz pengambilan hadis dengan cara *al-Wijadah*. Ia digunakan apabila seorang perawi menjumpai hadis daripada penulisan

seseorang dan menyakini bahawa ia adalah tulisannya atau kitabnya yang sebenar. (Lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/62).

Lihat: الوِجَادَة .

Aku Dapati Dalam Kitab Si polan: وَجَدْتُ فِي كِتَابِ فُلَانٍ

Ia adalah dari lafaz-lafaz pengambilan hadis dengan cara *al-Wijadah*. Ia digunakan apabila seorang perawi menjumpai hadis daripada penulisan seseorang dan menyakini bahawa ia adalah tulisannya atau kitabnya yang sebenar. (Lihat *Tadrib al-Rawi*: 2/62).

Lihat: الوِجَادَة .

وَجَدْتُ فِي كِتَابٍ ظَنَنْتُ أَنَّهُ بِخَطِّ فُلَانٍ

Aku Dapati Dalam Sebuah Kitab Yang Saya Rasa Ia Adalah Dengan Tulisan Si polan:

Ia adalah dari lafaz-lafaz pengambilan hadis dengan cara *al-Wijadah*.

Lihat: الوِجَادَة .

Sanad, Jalan Riwayat: الوَجْهُ

Dari sudut bahasa: الوجه dan jamaknya أَوْجُهٌ bermaksud: wajah, sudut. Disebut خَلِّ عن جِهَتِه bermaksud: Sudut jalan.

Dari segi istilah ialah: jalan riwayat atau sanad. Penggunaan istilah ini banyak dalam kalangan para ahli hadis, yang mereka sering menyebut: قد رُوِيَ هذا الحديثُ من وجهٍ آخر bermaksud: Hadis ini telah diriwayatkan dari jalan yang lain, atau: من غير وجهٍ , atau: من أَوْجُهٍ أخرى. Maksud mereka ialah sanad-sanad yang diriwayatkan hadis-hadis tersebut dengannya.

***Al-Wuhdan*:** الوُحْدَانُ

Dari sudut bahasa: الوُحْدَان adalah jamak bagi perkataan واحدٍ yang bermaksud: Nombor pertama dalam pembilangan.

Dari sudut istilah, الوُحْدَان mempunyai tiga makna seperti berikut:

Pertama: Perawi yang hanya diriwayatkan daripadanya satu hadis sahaja.

Kedua: Perawi yang memiliki jarak antara beliau dengan Rasulullah *s.a.w.* hanya seorang perawi lain sahaja. (Lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*: hlm. 87).

Ketiga: Para perawi yang setiap mereka hanya diriwayatkan daripadanya oleh seorang perawi sahaja. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 319 dan *Tadrib al-Rawi*: 2/60).

Contoh-contohnya:

A. *Al-Wuhdan* dalam kalangan Sahabat *r.a.*:

1- Al-Musayyib bin Hazn bin Wahb al-Makhzumi, beliau dan bapanya adalah Sahabat, diriwayatkan daripada beliau hanya oleh anaknya seorang iaitu Sa'id yang merupakan ketua para Tabiin yang dikenali dengan Sa'id bin al-Musayyib.

2- Mu'awiyah bin Haydah. Diriwayatkan daripadanya hanya anaknya iaitu: Hakim yang dikenali dengan Hakim bin Mu'awiyah.

3- Qurrah bin Iyas. Tidak diriwayatkan daripadanya kecuali oleh anaknya iaitu: Mu'awiyah.
4- Abu Layla al-Ansari. Tidak diriwayatkan daripadanya kecuali oleh anaknya 'Abd al-Rahman.

B. *Al-Wuhdan* dalam kalangan Tabiin:

Antaranya Muhammad bin Abi Sufyan al-Thaqafi. Tidak diriwayatkan daripadanya kecuali oleh al-Zuhri. Al-Zuhri ini telah bersendirian meriwayatkan daripada lebih dua puluh orang perawi dalam kalangan Tabiin, yang tiada perawi lain yang meriwayatkan daripada mereka.

Begitu juga 'Amru bin Dinar yang bersendirian meriwayatkan hadis daripada sekumpulan para perawi, serta Yahya bin Sa'id dan juga Hisyam bin 'Urwah.

C. *Al-Wuhdan* dalam kalangan Para Tabi' al-Tabiin:

Antaranya al-Miswar bin Rifa'ah al-Qurazi yang hanya diriwayatkan oleh Malik bin Anas. Malik bin Anas juga bersendirian meriwayatkan daripada lebih kurang sepuluh orang daripada para syeikh Madinah. (Lihat: *Muqaddimah Ibn al-Salah* berserta *al-Taqyid*: hlm. 307 dan *Irsyad Tulab al-Haqa'iq*: hlm. 234).

Karya-karya yang terkenal mengenai *al-Wuhdan*:

1. المنفردات والوحدان Oleh al-Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi (w 261H).
2. تسمية من لم يَرْوِ عنه غيرُ رجلٍ واحدٍ Oleh al-Imam Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali al-Nasa'i (w 303H).
3. المخزون في علم الحديث Oleh al-Hafiz Abu al-Fath Muhammad bin al-Husayn al-Azdi (w 374H).

***Al-Wahdaniyyat*:** الوَحْدَانِيَّاتُ

Ia bermaksud: hadis-hadis yang antara seorang pengarang dengan Rasulullah *s.a.w.* hanya seorang perawi sahaja, iaitu sahabat *r.a.*

Karya-karya berkaitan dengannya:

Kitab الوَحْدانيَّات oleh al-Imam Abu Hanifah Nu'man bin Thabit al-Kufi (w 150H). Kitab ini disusun oleh Abu Mi'syar 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Samad al-Tabari (w 478H) dalam satu juzuk, tetapi dengan isnad-isnad yang *daif* dan tidak diterima.

Pendapat yang muktamad ialah Abu Hanifah tidak meriwayatkan daripada seorang Sahabat *r.a.* pun. (Lihat: *al-Risalah al-Mustatrafah*:hlm: 97).

***Al-Wahsyiyyat*:** الوَحْشِيَّاتُ

Ia adalah juzuk-juzuk hadis yang dipilih oleh Abu 'Ali al-Hasan bin 'Ali bin Muhammad al-Wahsyi (w 471H). Disusun oleh Abu Nu'aim Ahmad bin 'Abd Allah al-Asbahani (w 420).

Wahyu Batin (Hadis): الْوَحْيُ البَاطِنُ

Ia adalah wahyu yang diriwayatkan dan dinukil, tetapi tidak ditulis (seperti al-Quran), dan susunannya bukanlah suatu mukjizat, tidak dibaca sebagai ibadah,

tetapi ia boleh dibaca (untuk dijadikan panduan). Ia adalah *khabar* yang diriwayatkan daripada Rasulullah *s.a.w.* (Lihat: *Ihkam al-Ahkam* oleh Ibn Hazm: 1/87).
Dengan ungkapan lain: Ia adalah apa yang sabit dalam Sunnah dengan cara ijtihad Nabi *s.a.w.* yang diakui oleh Allah s.w.t. kerana bahawasanya Allah s.w.t. tidak mengakui sesuatu yang salah agar ia tidak dijadikan ikutan.
Lawan kepada ungkapan ini ialah الوحي الجَلِيّ. Lihat pengertiannya pada tempat nya.

Wahyu Nyata (al-Quran): الْوَحْيُ الْجَلِيُّ

Ia adalah apa yang sabit dengan cara wahyu yang diturunkan melalui perantaraan Jibril *a.s.* ke dalam hati Nabi *s.a.w.*, iaitu al-Quran.

Pertengahan: وَسَطٌ

Ia bermaksud: Perawi yang *adil* dan sederhana.
Ia adalah dari lafaz-lafaz *Ta'dil*. Al-Hafiz al-Zahabi dan al-'Iraqi meletakkannya pada tahap yang keempat daripada martabat *Ta'dil* di sisi mereka. Al-Suyuti pula meletakkannya pada tahap yang kelima. Manakala al-Sakhawi pula meletakkannya pada tahap yang keenam di sisinya.

Hukumnya:
Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini dapat dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

Wasiat: الوَصِيَّةُ

Dari sudut bahasa: الوَصِيَّةُ dan jamaknya وَصَايَا bermaksud: Sesuatu yang diwasiatkan atau dijadikan perjanjian padanya.
Dari sudut istilah ia bermaksud: seorang syeikh yang mewasiatkan kitab yang diriwayatkannya ketika beliau hampir meninggal dunia atau bermusafir kepada seseorang.

Hukum meriwayatkan dengan wasiat:
Sebahagian ulama mengharuskan orang yang diberikan wasiat untuk meriwayatkan daripada syeikh yang memberikan wasiat kitab tersebut. Ia adalah hampir serupa dengan *al-Munawalah* dan *al-I'lam*. Manakala sebahagian ulama yang lain tidak mengharuskannya.
Pendapat yang tepat ialah: Harus periwayatan dengan wasiat. Ini kerana ia mengandungi *al-I'lam* disertai dengan *Ijazah*, dan jika syeikh tidak meyakini riwayatnya, maka sudah pasti dia tidak akan membenarkan penerima wasiat meriwayatkannya daripadanya.

Lafaz-Lafaz Periwayatan Melalui Cara Wasiat
Antara lafaz-lafaz periwayatan melalui wasiat ialah perawi menyebut: أوصى إليّ فلانٌ بكتاب كذا bermaksud: "Si Fulan telah berwasiat kepada saya kitab sekian", atau حدَّثني فلانٌ بالوَصِيَّة bermaksud: "Si Fulan telah memberitakan kepada saya dengan cara wasiat". (Lihat: *Tadrib al-Rawi*: 2/60).

Pemalsu Hadis: الوَضَّاعُ

Lihat: وَضَّاع.

Seorang Pemalsu Hadis: وَضَّاعٌ

Ia bermaksud: seorang pendusta yang banyak memalsukan hadis dan merekaciptanya. Atau seorang yang banyak menisbahkan kepada Rasulullah *s.a.w.* apa yang tidak disabdakan oleh baginda.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk dan terdahsyat. Al-Hafiz al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang pertama *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang kedua.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Dia Memalsukan Sebuah Hadis: وَضَعَ حَدِيْثاً

Ia bermaksud: seseorang yang menisbahkan kepada Rasulullah *s.a.w.* sesuatu yang tidak disabdakan oleh baginda.

Ia adalah dari lafaz-lafaz *al-jarh* yang terburuk dan terdahsyat. Al-Hafiz al-Zahabi, al-'Iraqi dan al-Suyuti meletakkannya pada tahap yang pertama dari martabat-martabat *al-jarh* di sisi mereka. Manakala al-Sakhawi meletakkannya pada tahap yang kedua.

Hukumnya:

Hadis perawi yang disifatkan dengan lafaz ini tidak boleh dijadikan hujah serta dalil penyokong.

Pemalsuan (Hadis): الوَضْعُ

Lihat الْمَوْضُوْع dalam huruf Mim.

Peringatan: الوَعْظُ

Kalimah الوعظ adalah kata nama terbitan daripada perkataan وَعَظَ يَعِظُ yang bermaksud: Memperingatkan dengan pengkhabaran yang boleh melembutkan hati.

Kata-kata *muhaddithin* terhadap seorang perawi dengan lafaz: واعظٌ tanpa disertai dengan lafaz yang menunjukkan kepada sifat hafalannya adalah bermaksud: Seseorang yang memberi tumpuan terhadap menasihat dan memperingati orang lain, namun lalai daripada periwayatan. Maka lafaz ini menunjukkan sebagai men*daif*kan riwayatnya.

Misalnya, Abu Hatim al-Razi berkata tentang Yazid al-Raqqasyi: كان واعظاً بكّاءاً كثيرَ الرواية عن أنس بما فيه نظرٌ، وفي حديثه ضَعْفٌ ertinya: "Beliau adalah seorang *wa'iz* (yang selalu memberi nasihat) dan banyak menangis, serta banyak meriwayatkan daripada Anas *r.a.* sesuatu yang musykil, dan dalam hadisnya juga terdapat sifat *daif*". (*Tahzib al-Kamal*: 32/69).

Dan Dalam Bab, Daripada.: وَفِي الْبَابِ عَنْ...

Iaitu suatu ungkapan yang banyak disebut oleh al-Imam al-Tirmizi dalam kitab Jami'nya. Beliau sering berkata: وفي الباب عن فلانٍ وفلانٍ ertinya: "Dan dalam bab ini, daripada si polan, dan si polan...", yakni menyebutkan nama seorang atau beberapa orang Sahabat *r.a.* Beliau tidak memaksudkan teks hadis itu sendiri, tetapi hadis-hadis lain yang semakna yang juga boleh diletakkan dalam bab tersebut.

Kata al-Hafiz al-'Iraqi: Ia adalah amalan yang betul, tetapi kebanyakan orang ramai memahami maksudnya bahawa nama para Sahabat yang disebut juga meriwayatkan hadis yang sama. Ini adalah tidak benar, bahkan berkemungkinan ianya sedemikian dan berkemungkinan ianya hadis lain yang sesuai untuk diletakkan dalam bab yang sama. (Lihat: *Qawa'id al-Tahdith*: hlm. 221).

Manakala Dalam Riwayat Yang Lain: وَفِيْ رِوَايَةٍ أُخْرَى

Ia bermaksud: Isnad yang lain untuk hadis yang sama.

Manakala Dalam Jalan Yang Lain: وَفِيْ طَرِيْقٍ أُخْرَى

Lihat: وفي رواية أخرى pada tempat nya.

***Al-Wafayat*:** الوَفَيَاتُ

Dari sudut bahasa: الوفيات adalah jamak bagi وفاة yang bermaksud; kewafatan atau kematian.

Dari sudut istilah ialah: Tarikh-tarikh yang disebut terhadap para perawi, ahli hadis dan selain dari mereka berdasarkan kepada tahun kewafatan mereka, bulan dan juga harinya.

Kewafatan Para Penukil Riwayat: وَفَيَاتُ النَّقَلَةِ

Ia bermaksud: Kewafatan para perawi hadis.

Lihat الوفيات pada tempat nya.

Sebahagian Orang Berkata: وقَالَ بَعْضُ النَّاسِ

Lihat: قال بعض الناس dalam huruf Qaf.

Berhenti: الوَقْفُ

Ia bermaksud berhenti (tidak memilih mana-mana pendapat) antara dua pendapat dua orang ulama, yang salah seorang daripadanya memberikan hukum *al-jarh* dan satu lagi memberikan hukum al-*Ta'dil*.

Tanda Berhenti: الوَقْفَةُ

Ia adalah salah satu tanda pembacaan. Ia juga dinamakan sebagai: النقطة (noktah) dan istilah ini lebih masyhur.

Manakala Lafaz Itu Adalah Kepunyaan Si polan: وَاللَّفْظُ لِفُلَانٍ

Ia adalah ungkapan yang digunakan oleh *muhaddithin* jika sesebuah hadis di sisi seorang perawi itu diriwayatkan daripada lebih daripada seorang perawi yang lain. Antara riwayat-riwayat mereka terdapat perbezaan dari sudut lafaz,

tetapi memiliki makna yang sama. Kesemua riwayat ini dikumpulkan dalam satu isnad kemudian didatangkan hadis dengan menggunakan salah satu lafaz riwayat sahaja dari salah seorang perawi tersebut dan berkata: أخبَرَنا فلانٌ واللَّفْظُ لفلانٍ atau sebagainya daripada ungkapan-ungkapan lain yang seumpama. (Lihat: *'Ulum al-Hadith:* hlm. 223).

Waham: الوَهْمُ

Dari sudut bahasa: الوَهْمُ dan jamaknya أوْهامٌ، ووُهُوْمٌ، ووُهُمٌ bermaksud; waham, kekeliruan, kesilapan atau sesuatu yang muncul dalam fikiran daripada lintasan atau cetusan hati. Disebut: وَهَمْتُ إلى الشيء وَهْماً bermaksud: Hatiku mengatakan sesuatu di samping berkehendak kepada sesuatu yang lain, dan توهم الشيء: Mengkhayalkan, menggambarkan dan menghadirkan misalnya.

Dari sudut istilah ialah: Kesalahan perawi atau kesilapannya. Cara bacaan yang banyak digunakan dalam kalangan *muhaddithin* ialah الوَهَمُ dengan baris atas huruf Ha'. Mereka menggunakannya ketika menyebut kesalahan perawi atau syeikh dengan mengatakan: وَهَمٌ في حديثه bermaksud: waham, tersilap, atau أوهامٌ في حديثه atau أوهامٌ له bermaksud: Kesilapan-kesilapan. (Lihat: *al-Far'u Wa al-Takmil*: hlm. 551).



حرف الياء

HURUF YA'

Ya: ي

Iaitu isyarat yang menunjukkan bahawa al-Imam al-Bukhari mengeluarkan hadis tersebut dalam kitabnya " *Juz' Raf' al-Yadain fī al-salāh*".

Huruf Ya, Yang Bertitik Dua Di Bawah: ياءٌ تَحْتَانِيَّة

Iaitu huruf ya yang terdapat dua titik di bawahnya. Penambahan sifat *tahtaniyyah* (تحتانية) adalah untuk mengelakkan daripada tertukar dengan *al-bā' al-muwahhadah* (huruf ba) yang mempunyai satu titik.

Membawa Keajaiban-Keajaiban: يأتي بالعَجَائِبِ

Sila lihat العجائب dalam huruf العين.

Membawa Bala Bencana: يَأْتِي بِطَامَّاتٍ

Sila lihat الطّامّات dalam huruf الطاء.

Menyampaikan Sehingga Kepada Nabi : يَبْلُغُ به النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عليه وسَلَّم:

Yakni me*marfu'*kan hadis atau menyandarkannya kepada Nabi ﷺ.
Lafaz ini sekiranya dikatakan oleh perawi daripada seseorang sahabat, maka di sisi ulama hadis, ia termasuk dalam kategori *rafa'* yang *sarīh* untuk hadis tersebut (iaitu kenyataan yang jelas bahawa ia adalah *marfu'*).

يَتَكَلَّمُ فيه فُلَانٌ ولا يُحْتَمَلُ منه

Si polan Mengkritiknya, Tetapi Tidak Ditinggal Riwayatnya:
Yakni hadis masih lagi dapat diriwayat daripadanya walaupun dia dikritik oleh sebahagian ulama.

Mereka Mengkritiknya: يَتَكَلَّمُوْنَ فِيْهِ

Sila lihat تكلموا فيه dalam huruf التاء.

Beliau Dituduh: يُتَّهَمُ

Sila lihat متّهم dalam huruf الميم.

Memuterbelitkan Percakapan: يُثَبِّجُ

Dari segi bahasa: kata dasarnya ialah التثبيج yang bermakna mencampuradukkan atau tidak menentu dalam percakapan atau memutarbelitkan percakapan. Dikatakan dalam penggunaan bahasa Arab: فلانٌ يُثَبِّجُ حديثَه yakni dia tidak bercakap dengan jelas, dan dikatakan: فلان يثبج الحديث, yakni dia mencipta dan mereka percakapannya.(lihat *Lisān al-'Arab* dan *Tāj al-'Arūs*).

Dari segi istilah ia bermaksud: memalsukan hadis. Antara contoh penggunaannya ialah kata-kata Ma'mar bin Rāsyid mengenai Ismāīl bin Syarwas bin Abū Sa'īd al-San'āni:كان يشج الحديث, yakni dia mereka hadis palsu. (Al-Tārīkh al-Kabīr 1/1ق/359).

يُشَجّ

Sila lihat يُشَجّ.

Dihimpunkan Hadisnya: **يُجْمَعُ حَدِيثُهُ**

Suatu pernyataan yang biasanya digunakan dalam istilah *muhaddithin* untuk memberi salah satu daripada dua makna berikut:

Pertama: Untuk perawi *thiqah* dan imam yang masyhur, yang hadis-hadisnya sepatutnya diberi perhatian dan dihimpunkan.

Kedua: Untuk perawi lemah, yang hadisnya ditulis hanya untuk *i'tibār* sahaja, seperti kata-kata Ibnu 'Adiy mengenai Matar bin Rahmān al-Warrāq: يجمع حديثه.(*al-Kāmil fi al-Du'afā'*6/396).

Matar ini adalah seorang perawi yang *daif* di sisi ulama pengkritik hadis.

Tidak Dikenali (Biodatanya): **يُجْهَلُ (عَيْنُه)**

Ia semakna dengan pernyataan مجهول العين. Sila lihat definisinya dalam huruf الميم.

Tidak Diketahui (Kedudukannya): **يُجْهَلُ (حالُه)**

Ia semakna dengan pernyataan:مجهول الحال. Sila lihat definisinya dalam huruf الميم.

Boleh Berhujah Dengannya: **يُحْتَجُّ به**

Ia adalah suatu pernyataan yang jelas mengenai *'adālah* perawi yang disifatkan dengan sifat tersebut, dan boleh berhujah dengan riwayat-riwayatnya.

Mengikut pendapat al-Imām Ibn Hibbān: Sesuatu hadis itu boleh dijadikan sebagai hujah apabila tidak terdapat padanya lima perkara, iaitu:

1- Pertama: Perawinya merupakan seorang syeikh yang *wāhin* (lemah).
2- Kedua: Perawinya itu merupakan perawi lemah yang tidak boleh dibuat hujah dengan periwatannya.
3- Ketiga: Terdapat dalam sanad hadis itu seorang syeikh *mudallis* yang tidak menyatakan secara jelas akan *samā'*nya terhadap riwayat tersebut daripada perawi yang diriwayatkan daripadanya.
4- Keempat: Hadis itu adalah hadis *mursal* yang tidak memestikan kita menerimanya sebagai hujah.
5- Kelima: Hadis itu adalah hadis *munqati'* yang tidak dapat dijadikan sebagai hujah dengan riwayat seumpama itu.

Maka apabila sesuatu hadis itu tidak terdapat padanya lima perkara ini, maka tidak harus mengelak daripada berhujah dengannya.

Boleh Diambil kira riwayatnya: يُحتَمَلُ

Dari segi bahasa: يُحتمَل adalah kata perbuatan yang dibina atas *al-majhūl* dan *masdar*nya ialah الاحتمال bermakna; menganggap sesuatu sebagai harus.

Dari segi istilah: ia adalah satu istilah yang digunakan oleh al-Imām al-Bukhārī dalam kitabnya الضعفاء الصغير. Beliau tidak memaksudkan dengan istilah ini sebagai *tawthiq* (menyatakan ke*thiqah*an seseorang perawi) secara mutlak. Malahan kata-kata ini sebenarnya digunakan untuk perawi yang melakukan kesilapan, akan tetapi hadisnya tidak ditolak serta tidak di*daif*kan secara mutlak. Lafaz ini dari segi makna dan kedudukannya hampir sama dengan lafaz صدوق يخطئ.

Menyampaikan atau Memberitakan Daripada...: يُحَدِّثُ عَن...

Lafaz ini dan lafaz حَدَّثَ عن adalah antara lafaz yang memungkinkan berlaku *samā' al-Hadith,* dan ianya tidak *śarīh* (tidak jelas pada menyatakan *samā'*).

Menukar, Mengubah: يُحَوِّلُ

Yakni menyalin hadis daripada catatan asalnya, dan sekiranya berlaku sebarang kesilapan maka ianya adalah daripada penukilan itu. (*Hady al-Sārī*, ms: 407).

Bertentangan Dengan Perawi-Perawi Yang *Thiqah*: يُخَالِفُ الثِّقَات

Ia adalah suatu kenyataan yang menunjukkan *jarh* yang bersifat *mujmal* (tidak terperinci). Sekiranya ia datang bertentangan dengan *ta'dil* (yakni ia digunakan untuk perawi yang telah di*ta'dīl*kan), maka ia boleh menimbulkan keraguan bahawa kemungkinan berlakunya *syuzūz*, dan kadang–kadang menimbulkan kemungkinan berlakunya *tafarrud*.

Ibn Hibbān menggunakan ungkapan ini pada beberapa tempat dalam kitabnya الثقات *al-Thiqāt*, seperti يخالف dan juga ربما خالف. Maka ia adalah ungkapan yang tidak memberi maksud *jarh* yang boleh mencacatkan perawi. Perawi *thiqah* boleh jadi bertentangan dengan perawi-perawi *thiqah* yang lain, maka riwayatnya dianggap riwayat yang ganjil *(syāż)* sekiranya pertentangan itu berlaku dengan perawi yang lebih *mutqin* (cermat) daripadanya. *Mukhālafah* (bertentangan) semata-mata hanya akan benar-benar menjejaskan perawi apabila perawi itu hanya meriwayatkan sedikit hadis.

Mereka-reka hadis: يَخْتَرِقُ الْحَدِيْثَ

Dari segi bahasa: يخترق kata dasarnya ialah الاختراق dan ianya terbit daripada خرَّقَ يُخَرِّق yang maknanya ialah mencipta, mereka-reka dan berdusta.

Dari segi istilah ialah: mereka-reka dan mencipta hadis palsu sebagai pendustaan ke atas Rasulullah s.a.w.

Mencipta hadis: يَخْتَلِقُ الْحَدِيْثَ

Dari segi bahasa: يختلق kata dasarnya ialah الاختلاق bermakna mencipta dan membuat sesuatu yang baharu.

Dari segi istilah ia bermaksud: mereka-reka dan membuat hadis palsu.

Boleh Dikeluarkan Hadisnya: يُخَرَّجُ حَدِيثُهُ

Yakni hadisnya boleh ditulis dan diambil kira sebagai *syawāhid* dan *mutāba'āt*.

Tersilap: يُخْطِئُ

Lafaz ini digunakan untuk perawi yang melakukan kesalahan secara tidak sengaja dalam meriwayatkan hadis, sama ada sedikit atau banyak. Tetapi sekiranya lafaz ini digunakan secara mutlak tanpa berserta dengan sesuatu petunjuk yang menentukan makna yang dikehendaki, maka ia akan memberi maksud; perawi yang bersifat *saduq* (benar) tetapi ada melakukan kesilapan.

Tersilap Terhadap Riwayat Para Perawi Yang Kukuh: يُخْطِئُ على الأَثْبَاتِ

Ia adalah perawi yang melakukan kesilapan dalam riwayatnya, dan dia tidak bersifat *itqān* (cermat, teliti) dalam riwayatnya sepertimana perawi-perawi yang *thiqah*.

Hukumnya:

Boleh dipercayakan sifat *'adālah*nya, dan kesilapannya tidaklah terlalu teruk sehingga menjadikannya *matrūk* (tidak diambil riwayatnya), tetapi ditinggalkan riwayatnya apabila ia bertentangan dengan riwayat perawi-perawi *thiqah*.

Kadang Salah Dan Kadang Betul: يُخْطِئُ ويُصِيبُ

Yakni seorang yang tidak kukuh atau mantap dalam apa yang diriwayatkannya.

Hukumnya:

Perawi tersebut dalam keadaan ini adalah *daif*, serta riwayatnya tidak boleh dibuat hujah.

Ia (Perawi) Termasuk Dalam Hadis Sahih: يَدْخُلُ (أي الرَّاوي) في الصَّحِيحِ

Yakni dia layak untuk dimasukkan ke dalam kumpulan para perawi hadis-hadis sahih kerana dia bersifat *'adālah* dan *thiqah*.

Ia Termasuk Dalam *Musnad*: يَدْخُلُ في الْمُسْنَدِ

Apabila kenyataan ini digunakan untuk menyifatkan sesuatu hadis, maka maksudnya ialah perawi yang meriwayatkannya adalah termasuk dalam kalangan para sahabat *r.a*.

Bertumpu Kepada ...: يَدُورُ عَلى...

Apabila dikatakan: فلان يدور عليه الحديث maka maknanya ialah hadis tersebut pada dasarnya tertumpu semata-mata pada si polan kerana hanya dia sahaja yang meriwayatkan hadis itu dan merupakan tempat sandarannya.

Seumpama dengannya juga kata-kata *muhaddithin*: حديثٌ مدارُه على فلانٍ iaitu si polan berseorangan dalam meriwayatkan hadis itu dan para perawi lain telah menerima hadis tersebut daripadanya.

Mengangkatkannya, M*emarfū'*kannya (Hadis): يَرْفَعُهُ (الْحديثَ)

Iaitu suatu pernyataan yang apabila diucap oleh seorang perawi tentang suatu hadis yang diriwayatkan daripada seorang sahabat, maka hadis tersebut di sisi *Muhaddithin* dikira sebagai hadis *marfū'*.

Ibnu al-Salāh berkata: Pernyataan ini dan yang seumpama dengannya merupakan kiasan yang memberi maksud bahawa sahabat tersebut menyandarkan hadisnya kepada Baginda *s.a.w.*, dan hukum hadis ini di sisi *Muhaddithin* ialah hadis *marfū' śarīh*.(*Ulūm al-Hadīth*, ms:51).

Lafaz-lafaz lain yang seumpamanya ialah "يَنْمِيْهِ" "يَرْفَعُهُ", "يَبْلُغُ به" , "رواية", dan lain-lain lagi.

Mencampurkan Sanad: يُرَكِّبُ الإسْنَادَ

Dari segi bahasa: (يركّب) kata dasarnya ialah (التركيب) yang bermaksud mencampurkan atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Dari segi istilah ia bermakna: memalsukan sanad dan mencampurkannya dengan yang bukan asal, atau mereka-rekanya untuk suatu matan hadis, seperti mengambil sebahagian sanad dan mencampurkannya dengan sebahagian sanad yang lain, lalu terhasillah satu rantaian sanad yang sempurna dan bersambung, kemudian diriwayatkan dengan sanad itu suatu matan hadis yang masyhur dengan salah satu daripada dua bahagian sanad tersebut, ataupun dengan sanad yang lain.

Boleh Diriwayatkan Hadisnya: يُرْوَى حَدِيْثُه

Ia adalah antara lafaz *ta'dil* yang paling ringan. Kebanyakan imam *al-jarh* dan *al-ta'dil* menyebutkannya pada tahap yang keempat daripada keseluruhan tahap-tahap lafaz *ta'dil*.

Hukumnya

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis hadisnya dan diteliti untuk dalil penguat.

Boleh Diriwayatkan Daripadanya: يُرْوَى عَنْهُ

Ia adalah antara lafaz *ta'dil* yang paling ringan. Kebanyakan imam *jarh* dan *ta'dil* menyebutkannya pada tahap yang keempat daripada keseluruhan tahap-tahap lafaz *ta'dil*.

Hukumnya

Perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan diteliti hadisnya untuk dalil penguat.

يُرْوَى مِنْ غَيْرِ وَجهٍ نَحْوَ ذلك

Diriwayatkan Seumpama Itu Melalui Sanad-Sanad Yang Lain:

Ia adalah istilah al-Imam al-Tirmizi dalam kitab *Jami'*nya. Yang beliau maksudkan daripada istilah ini ialah bahawa kandungan hadis tersebut juga ada diriwayatkan daripada Baginda *s.a.w.* melalui sanad-sanad lain yang selain dari sanad berkenaan. (Syarh 'Ilal al-Tirmizi, 1/384).

Dia Meriwayatkan Hadis-hadis *Munkar*: يَرْوِي الْمَنَاكِيْر

Sila lihat يروي أحاديث مُنْكَرَةً dalam huruf ra dan مُنْكَرُ الحديث dalam huruf Mim.

Dia Meriwayatkan Hadis-hadis *Maudū'*: يَرْوِي الْمَوْضُوْعَاتِ

Iaitu seorang yang meriwayatkan hadis-hadis *maudu'*.

Hukumnya:

Perincian hukumnya adalah seperti berikut;

Jika pernyataan ini digunakan untuk perawi yang meriwayatkan hadis-hadis *maudu'* dalam kitabnya dengan sanadnya sendiri sampai kepada syeikh yang diambil hadis-hadis tersebut daripadanya, dan dia pula seorang perawi yang diakui hafalannya, amanahnya dan *'adalah*nya, maka ia tidak menjejaskan kredibiliti perawi tersebut jika dia tidak menerangkan kedudukan hadis-hadis itu. Ini kerana dia telah membawa sanad-sanadnya, sedang para ulama berkata: من أسند فقد أحال iaitu sesiapa yang membawa sanad sesebuah hadis, maka dia telah menyerahkan tanggungjawabnya kepada yang lain.

Adapun sekiranya perawi itu *daif* atau tidak dikenali, lalu dia meriwayatkan hadis-hadis *maudu'*, maka ia akan menjejaskan *'adalah*nya dan menurunkan kedudukannya kepada tahap متهم به (yang dituduh berdusta). (Lihat Manhaj *Ulūm Al-HadithAl-Nabawī*, ms:254-255).

Dia Meriwayatkannya: يَرْوِيْهِ

Lihat يبلغ به

Dia Menokok Tambah Hadis يُزَرِّفُ الْحَدِيْثَ

Dari segi bahasa: يزرف kata dasarnya ialah التزريف yakni penambahan.

Dari segi istilah ia bermakna: seorang yang menipu dalam meriwayatkan hadis dengan melakukan penambahan daripada pihaknya sendiri.

Qurrah bin Khālid al-Sadūsī telah berkata mengenai Muhammad bin Sā'ib al-Kalbī: Sesungguhnya Ibn Abī Hātim telah meriwayatkan melalui sanadnya yang sampai kepadanya (Qurrah), bahawa dia berkata: "Mereka berpendapat bahawa al-Kalbi melakukan *al-tazrīf*"(menokok tambah). Ibnu Abī Hātim berkata: Maksudnya ialah dia berdusta. (*al-jarh wa al-Ta'dīl*: 7/271).

Dia Menokok Tambah Dalam Hadis: يُزَرِّفُ فِي الْحَدِيْثِ

Sila lihat يُزَرِّف الحديث.

Dia Memalsukan Hadis: يُزَوِّرُ الْحَدِيْثَ

Dari segi bahasa: يُزَوِّر dan kata dasarnya التزوير ialah menghias sesuatu sehingga ia kelihatan bukan dalam keadaannya yang sebenar.

Dari segi istilah ia bermakna: seorang yang berdusta dalam meriwayatkan hadis atau mereka-reka hadis (meriwayatkan hadis *maudū'*).

Dia Menambah Bilangan: يَزِيْدُ فِي الرَّقْمِ

Ia adalah antara ungkapan-ungkapan *jarh* yang jarang digunakan. Ulama *Muhaddithin* menggunakannya bagi seseorang perawi sebagai kiasan kepada pendustaannya dalam hadis.

Misalnya, al-Imām Muslim telah meriwayatkan dalam muqaddimah *Sahih* beliau daripada Ayyūb al-Sakhtiyānī al-Badrī - murid kepada Ibn Sīrīn - bahawa beliau menyebut tentang seorang lelaki, lalu beliau berkata: لم يكن بمستقيم اللسان, dan beliau juga menyebut tentang seorang lelaki lain, lalu beliau berkata: هو يزيد في الرقم. Beliau maksudkan dengan kedua-dua lafaz ini bahawa kedua-dua lelaki tersebut adalah berdusta. (Sila lihat *Hāsyiah al-Raf' wa al-Takmīl*, ms:152).

Ia Boleh Dijadikan Sokongan: يُسْتَشْهَدُ بِهِ

Yakni boleh dijadikan sebagai sokongan hadis perawi yang kurang *dabt*nya, kerana hadisnya mungkin boleh menjadi kuat dengan *mutāba'āt*.

Sila lihat الشاهد dalam huruf الشين dan المتابعة dalam huruf الميم.

Dianggap *Daif*: يُسْتَضْعَفُ

Iaitu seorang yang dianggap lemah dalam hadis. Ini adalah lafaz *jarh* yang umum. Ia lebih ringan dari segi ke*daif*annya berbanding pernyataan *Muhaddithin* dengan lafaz: ضعيف. (Sila lihat *Ithāf al-Nabīl*, karangan Abū al-Hasan al-Mahāribī: 1/112).

Dia Mencuri Hadis: يَسْرِقُ الْحَدِيْثَ

Ia berlaku apabila sebuah hadis yang terkenal diriwayatkan daripada seorang perawi, lalu 'pencuri' ini telah mengambil hadis itu dan meriwayatkan daripada syeikhnya, yakni syeikh kepada perawi tadi. Atau orang yang 'mencuri' hadis itu meriwayatkannya daripada perawi lain yang berada pada *tabaqat* perawi yang dia curi daripadanya dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa seolah-olah dia telah melakukan pengembaraan dalam mencari hadis, atau untuk menarik orang ramai supaya mengambil hadis tersebut daripadanya kerana ke*gharib*annya (bersifat *gharib* atau pelik).

Ini adalah salah satu lafaz *jarh*. Al-Sakhāwī telah meletakkannya pada tahap ketiga daripada tahap-tahap lafaz *jarh* di sisi beliau.

Hukumnya

Hadis orang yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah dan tidak boleh dijadikan dalil penguat.

Menyamakan, Meratakan: يُسَوِّي

Sila lihat يُسَوِّي الإسناد.

Meratakan Sanad: يُسَوِّي الإسْنَادَ

Yakni dia menggugurkan perawi-perawi yang lemah dan menonjolkan perawi-perawi yang *thiqah* daripada sanad hadis supaya hadis itu dapat diterima.

Sila lihat تدليس التسوية dalam huruf التاء.

Dia Memalsukan: يَضَعُ

Dari segi bahasa: يضع kata dasarnya ialah الوضع dengan makna mereka-reka dan melakukan pembohongan.

Dari segi istilah ialah: seorang yang mereka-reka hadis (membuat hadis palsu). Ia adalah antara lafaz *jarh* yang paling keras dan buruk kerana ia menunjukkan bahawa perawi itu telah melakukan pembohongan.

Hukumnya

Hadis orang yang bersifat dengan sifat ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah dan tidak boleh ditulis. (sila lihat: *Tadrīb al-Rāwī*:1/346).

Sila lihat وَضَعَ حديثاً dalam huruf الواو.

Dia Memalsukan Hadis-Hadis: يَضَعُ الأَحَادِيثَ

Yakni seorang yang mencipta hadis-hadis palsu daripada pihaknya sendiri secara berdusta atas nama Rasulullah *s.a.w.*

Sila lihat يضع dalam huruf الياء, وضع حديثا dan وضّاع dalam huruf الواو.

Dia Memalsukan Sanad-Sanad: يَضَعُ الأَسَانِيْدَ

Yakni dia menggugurkan perawi-perawi yang lemah lagi rendah, dan menonjolkan perawi-perawi yang *thiqah* lagi baik daripada sanad hadis supaya hadis itu dapat diterima.

Dia Memalsukan Hadis: يَضَعُ الْحَدِيْثَ

Sila lihat يضع dalam huruf الياء, وضع حديثا dan وضّاع dalam huruf الواو.

Di*daif*kan: يُضَعَّفُ

Dari segi bahasa: يُضَعَّف adalah kata perbuatan yang dibina atas *al-majhūl* (perbuatan yang tidak diketahui pelakunya) daripada ضَعَّفَ يُضَعِّف bermakna dia dianggap *daif.*

Dari segi istilah: ia merujuk kepada seorang perawi yang dianggap *daif* kerana kelemahan ingatannya. Namun, lafaz ini tidak menunjukkan bahawa ke*daif*an perawi tersebut adalah teruk, ataupun ke*daif*annya itu disepakati oleh para ulama. Oleh itu, ia hanya berada pada tahap paling ringan dalam tahap-tahap *jarh* di sisi kesemua ulama.

Hukumnya

Hadis perawi yang disifatkan dengan perkataan ini boleh ditulis dan diteliti (diambil) sebagai dalil penguat.

Boleh Dijadikan Dalil Penguat dengan Hadisnya: يُعْتَبَرُ بِحَدِيْثِهِ

Yakni hadisnya boleh diambil sebagai *mutāba'āt* dan *syawāhid* sahaja, dan tidak boleh dibuat hujah.

Ia adalah antara lafaz *ta'dīl* yang paling ringan. Al-Hafiz al-Sakhawi telah menyebutnya dalam tahap keenam daripada tahap-tahap *ta'dīl* di sisi beliau.

Hukumnya

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan diteliti sebagai dalil penyokong.

Boleh Dijadikan Dalil Penyokong Dengannya: يُعْتَبَرُ به

Sila lihat يُعْتَبَرُ بِحَدِيْثِه.

Hadisnya *Ma'rūf* Dan *Munkar*: يُعْرَفُ وَيُنْكَرُ

Sila lihat تَعْرِفُ وتُنْكِرُ dalam huruf التاء.

Yakni, iaitu: يَعْنِيْ

Iaitu suatu lafaz yang digunakan oleh *Muhaddithin* untuk menerangkan sesuatu yang gugur dan membaiki apa yang samar dalam tulisan mereka disebabkan terpotong atau basah dan lain-lain. (sila lihat: *al-Tab'irah wa al-Tazkirah*: 2/180).

Dia Meriwayatkan Hadis *Gharib*: يُغْرِبُ

Yakni dia meriwayatkan hadis-hadis *gharib*. Lafaz ini adalah seperti juga kata-kata *Muhaddithin*: له غرائب, atau له مَنَاكِيْرُ, atau يروي المَناكِيْرَ.

Hukumnya

Seseorang perawi yang disifatkan dengan sifat ini tidaklah merupakan *jarh* baginya yang boleh mencacatkan kredibilitinya melainkan jika terlalu banyak *ghara'ib* (hadis-hadis *gharib*) dalam riwayatnya.

Dia Meriwayatkan Hadis *Gharib* Dan Bercanggah: يُغْرِبُ ويُخالِفُ

Yakni dia meriwayatkan hadis-hadis *fard* (tunggal, *gharib*) dan menyalahi dalam periwayatannya perawi-perawi lain yang sezaman dan seperguruan dengannya. Sekiranya dia seorang yang *thiqah*, maka pernyataan ini tidaklah menjejaskan kredibilitinya sebagai seorang perawi hadis, melainkan apabila ianya (hadis-hadis *fard* tersebut) banyak. Justeru, lafaz ini bukanlah suatu ungkapan yang menunjukkan *jarh* kepada perawi.

Al-Hāfiz Ibnu Hajar berkata: Perawi seperti ini, sekiranya ia selalu melakukannya, maka hadisnya akan dihukumkan sebagai *syuzuz*. (*Hadyu al-Sārī*, ms:445).

Ibnu Hibban amat banyak menggunakan lafaz ini dalam kitabnya *al-Thiqat*.

Dia Mereka-reka Hadis: يَفْتَعِلُ الْحَدِيْثَ

Yakni seorang yang mencipta atau mereka-reka hadis. Ibnu Hibban berulang-ulang kali menggunakan lafaz ini dalam kitabnya الجرح والتعديل.

Boleh Ditulis Hadisnya: يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ

Ia adalah antara lafaz *ta'dīl* yang paling ringan. Al-Hafiz al-Sakhawi telah menyebutkannya pada tahap yang keenam daripada tahap-tahap *ta'dīl* di sisi beliau.

Hukumnya

Hadis perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan diteliti (diambil) sebagai dalil penguat.

Perhatian:
Namun, maksud Al-Imām Yahyā bin Ma'īn daripada lafaz ini ialah perawi yang bersifat dengannya adalah termasuk dalam kumpulan perawi-perawi yang lemah. Manakala al-Imām Abū Hātim al-Rāzī pula memaksudkan bahawa perawi yang bersifat dengan sifat ini tidak boleh dijadikan hujah di sisinya. (sila lihat: *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 6/360).

Boleh Ditulis Hadisnya sebagai Dalil Penyokong: يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ لِلإعْتِبَار

Yakni hadis-hadis riwayatnya adalah lemah, tetapi masih boleh diteliti setiap satu daripadanya, dilihat pada jalan-jalan riwayatnya dan juga *syawāhid*nya supaya dapat diketahui dengan jelas, adakah ia boleh menjadi kuat dengannya ataupun tidak.

Sila lihat يكتب حديثه للاعتبار, ينظر فيه اعتبارا, يكتب حديثه dan يعتبر بحديثه.

يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ لِلإعْتِبَارِ وَيُنْظَرُ فِيْهِ

Boleh Ditulis Hadisnya Sebagai Dalil Penyokong Dan Dilihat:

Sila lihat يكتب حديثه للاعتبار, يكتب حديثه dan يعتبر بحديثه .

يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ ولا يُحْتَجُّ به

Boleh Ditulis Hadisnya, Tetapi Tidak Boleh Dijadikan Hujah:

Ia adalah suatu pernyataan yang apabila ia digunakan oleh al-Imām Abū Hātim al-Rāzī, maka maksudnya ialah hadis perawi tersebut boleh ditulis dalam bab *mutāba'āt* dan *syawāhid*, tetapi tidak boleh dijadikan hujah apabila dia meriwayatkannya secara bersendirian. (sila lihat *al-jarh wa al-Ta'dīl*, 1/133)

Kedudukan perawi ini bertentangan dengan kedudukan الصدوق atau حسن الحديث di sisi kebanyakan *Muhaddithin*.

يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ وَيُنْظَرُ فِيْهِ اعْتِبَارًا

Boleh Ditulis Hadisnya Dan Dilihat Sebagai Dalil Penyokong:

Sila lihat يكتب حديثه للاعتبار, يكتب حديثه dan يعتبر بحديثه .

Dia Berdusta: يَكْذِبُ

Yakni dia berdusta dalam meriwayatkan hadis. Ini adalah antara lafaz *jarh* yang paling keras dan buruk di sisi kesemua imam-imam *jarh* dan *ta'dil*.

Hukumnya

Hadis perawi seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah dan tidak boleh ditulis.

Sila lihat الكذّاب dalam huruf الكاف.

Dituduh Memalsukan Hadis: يُنْسَبُ إِلَى الْوَضْعِ

Ia bermaksud: ada dikatakan bahawa dia mencipta hadis-hadis palsu.

يُنْكَرُ مَرَّةً وَيُعْرَفُ أُخْرَى

Hadisnya Kadang-Kadang *Munkar* Dan Kadang-Kadang *Ma'rūf*:

Yakni kadang-kadang dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar* dan kadang-kadang dia meriwayatkan hadis-hadis *ma'ruf*. Maka hadis-hadisnya perlu diteliti dan

dibandingkan dengan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi *thiqah* yang terkenal.

Dia Meriwayatkan Hadis *Munkar* Daripada Si polan: يُنْكِرُ عَنْ فُلَانٍ

Yakni dia meriwayatkan hadis-hadis *munkar*.

Al-Imām Abū Hātim al-Rāzī banyak menggunakan ungkapan ini untuk men*jarh*kan perawi-perawi. Ia didapati pada beberapa tempat dalam kitab *al-jarh dan al-ta'dil* susunan anaknya, Ibnu Abi Hātim.

Me*marfū'*kannya: يَرْفَعُهُ

Yakni menyandarkan sesuatu hadis atau menyampaikan sanadnya sehingga sampai kepada Rasulullah *s.a.w.* Sila lihat يرفعه.

Lafaz ini sekiranya digunakan oleh perawi daripada seorang sahabat *r.a.*, maka di sisi ulama hadis ia termasuk dalam kategori *raf' sarīh* (kenyataan jelas bahawa ia adalah marfū') bagi hadis tersebut.

Dia Terlupa atau Tersilap: يَهِمُ

Dari segi bahasa: يهم kata dasarnya ialah الوهم dengan makna terlupa dan tersilap. Sila lihat الوهم dalam huruf الواو, di sana terdapat penerangan secara terperinci mengenai definisinya dari segi bahasa.

Dari segi istilah pula: lafaz ini digunakan untuk perawi yang tidak sengaja melakukan kesalahan dalam meriwayatkan hadis, atau perawi yang hanya melakukan sedikit kesalahan dan kesilapan, tetapi dia adalah seorang yang luas ilmunya.

Hukumnya

Sifat ini tidak menurunkan perawi tersebut daripada tahap *thiqah*, kerana sifat terpelihara daripada kesalahan dan kelupaan (maksum) itu hanyalah khusus untuk para Nabi a.s. Selain mereka tidak akan terlepas daripada sifat ini..

Dia Banyak Tersilap: يَهِمُ كَثِيراً

Iaitu seorang yang banyak melakukan kesilapan.

Hukumnya

Dia adalah seorang perawi yang *daif*.

Dia Menyampaikan: يُؤَدِّي

Sila lihat مؤدّي dalam huruf الميم.

Dia Menyampaikan Lafaznya: يُؤَدِّي اللَّفْظَ

Iaitu dia meriwayatkan hadis dengan lafaznya sebagaimana yang diterima olehnya.

Dia Menyampaikan Apa Yang Dia dengari: يُؤَدِّي مَا سَمِعَ

Iaitu seorang yang meriwayatkan hadis tanpa dia benar-benar memastikan terhadap apa yang diriwayatkannya. Maka dia hanya meriwayatkan apa yang didengarinya, sama ada yang diingati dengan baik ataupun tidak, dan sama ada yang telah pasti kesahihannya ataupun tidak.

OOO

Penutup

Kamus ini selesai disusun pada petang Isnin 24 Ramadan 1427 H (bersamaan 17 oktober 2006) di kampung Kishan Bagh, Hyderabad (Dakan) , setelah memulakan penyusunannya di Damsyik, Syiria (semoga Allah memelihara keamanannya dan seluruh negara Islam). Kamus ini juga selesai disusun untuk edisi keduanya bersama dengan beberapa penambahan dalamnya pada 4 Sya'ban 1432H (bersamaan 6 Julai 2011) di Institut Kajian Hadis (INHAD) Selangor, Malaysia.

Segala pujian dan kesyukuran hanyalah milik Allah *s.w.t* serta Selawat dan salam buat junjungan Nabi Pilihan Muhammad *s.a.w* dan seluruh para sahabatnya *r.a.*

Abul Hasan
Syed Abdul Majid Ghouri

Senarai Kitab-Kitab Rujukan

Kitab-Kitab Hadis:

Al-Jawami:

1. ***Al-Jami' As-Sahih (Sahih Al-Bukhari):*** Karangan Al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari Al-Ju'fi, Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Kedua, 1421H.
2. ***Al-Jami' As-Sahih (Sahih Muslim):*** Karangan Al-Imam Abu Al-Husain Muslim bin Hajjaj bin Muslim Al-Qusyairi, Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Pertama, 1419H.
3. ***Al-Jami' (Sunan Al-Tirmizi):*** Karangan Abu Isa Muhammad bin Isa bin *S.a.wrah* al-Tirmizi, Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Pertama, 1420H.
4. ***Syarh As-Sunnah:*** Karangan Al-Imam Al-Husain bin Mas'ud Al-Baghawi, (Tahqiq: Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut dan Syeikh Zuhair As-Syawisy), Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Kedua, 1403.

As-Sunan

5. ***Sunan Abi Dawud***: Karangan Al-Imam Abu Dawud Sulaiman Bin Al-Asy'ath As-Sijistani: Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Pertama, 1420H.
6. ***Sunan Ibni Majah:*** Karangan Al-Imam 'Abd Allah Muhammad bin Yazid Ar-Rib'i Ibni Majah Al-Qazwini, Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Pertama, 1420H.
7. ***Sunan Ad-Daraqutni:*** Karangan Abu Al-Husain 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni, Penerbitan Hasyim 'Abd Allah Al-Yamani, Kaherah, 1386.
8. ***Sunan Al-Darimi:*** Karangan Al-Imam Abu Muhammad 'Abd Allah Al-Darimi, (Tahqiq: Dr. Mustafa Dib Al-Bugha), Dar Al-Qalam, Dimasyq, Cetakan Kedua, 1417H.
9. ***Sunan Al-Nasa'i:*** Karangan Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i, Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Pertama, 1420H.
10. ***Sahih Ibnu Hibban:*** Karangan Al-Imam Muhammad bin Hibban Al-Busti, (Tahqiq: Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut) Mu'assasah Ar-Risalah, Beirut, Cetakan Kedua, 1414H.

Al-Musannafat

11. ***Musannaf Ibni Abi Syaibah:*** Karangan Al-Imam Abu Bakar 'Abd Allah bin Muhammad bin Abi Syaibah, (Tahqiq: Al-Ustaz Kamal Yusuf Al-Hut), Maktabah Ar-Rusyd, Riyadh, Cetakan Pertama, 1409H.
12. ***Musannaf 'Abd al-Razzaq As-San'ani:*** (Tahqiq: Habib Ar-Rahman Al-A'zami), Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Kedua, 1403H.

***Al-Muwatta'*at**

13. ***Al-Muwatta':*** Karangan Al-Imam Malik bin Anas - Bi Riwayah Yahya bin Yahya Al-Laithi, (Tahqiq: Syeikh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi), Dar Ihya' At-Turath Al-Islami, Beirut, Cetakan Pertama, 1406H.
14. ***Al-Muwatta',*** Karangan Al-Imam Malik bin Anas - Bi Riwayah Ibnu Ziyad, (Tahqiq: Syeikh Muhammad As-*Syaz*uli An-Naifar) Dar Al-Gharb Al-Islami, Beirut, Cetakan Keempat. 1402H.

Al-Majami' Al-Hadith iyyah

15. ***Jami' Al-Usul Min Ahadis Ar-Rasul:*** Karangan Abu As-Sa'adat Majd Ad-Din Ibni Al-Athir Al-Jazari, (Tahqiq: Syeikh Abdul Qadir Al-Arna'ut), Dar Al-Fikr, Beirut, Cetakan Kedua, 1403H.
16. ***Kanzu Al-'Ummal Fi Sunan Al-Aqwal wa Al-Af'al:*** Karangan Syeikh Ali bin Husam Ad-Din Al-Muttaqi Al-Hindi, Mu'assasah Ar-Risalah, Beirut.

Az-Zawa'id

17. ***Majma' Az-Zawa'id wa Manba' Al-Fawa'id:*** Karangan Al-Hafiz Nuruddin Al-Haithami, Dar Al-Kitab Al-'Arabi, Beirut, Cetakan Ketiga, 1402H.
18. ***Majma' Al-Ajza' Al-Manthurah 'Ala Al-Kutub As-Sittah Al-Masyhurah:*** Karangan Abd As-Salam 'Allusy, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Pertama, 1416H.

Al-Mustadrakat

19. ***Al-Mustadrak 'Ala As-Sahihain:*** Karangan Al-Imam 'Abd Allah Al-Hakim An-Naisaburi, Da'irah Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad, Cetakan Pertama, 1341H.
20. ***Mukhtasar Istidrak Al-Hafiz Al-Zahabi 'Ala Mustadrak Abu 'Abd Allah Al-Hakim:*** Karangan Al-Imam Ibni Al-Mulaqqin Sirajuddin Umar bin Ali (Tahqiq Dr 'Abd Allah Al-Luhaidan) Dar Al-'Asimah, Riyadh, Cetakan Pertama, 1411H.

Al-Masanid

21. ***Al-Musnad:*** Karangan Al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Al-Syaybani, Penerbitan Bulaq Al-Amiriyyah, Kaherah, Vetakan Kedua, 1313H.
22. ***Al-Musnad:*** Karangan Al-Imam Abu Ya'la Al-Musili: (Tahqiq: Syeikh Husain Asad), Dar Al-Ma'mun, Dimasyq, Cetakan Kedua, 1413H.

Al-Ma'ajim

23. ***Al-Mu'jam Al-Kabir:*** Karangan Al-Imam Abu Al-Qasim Sulaiman Bin Ahmad Al-Tabarani, (Tahqiq: Syeikh Hamdi 'Abd al-Majid As-Salafi), Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi, Beirut.
24. ***Al-Mu'jam Al-Awsat:*** Karangan Al-Imam Abu Al-Qasim Sulaiman Bin Ahmad Al-Tabarani, (Tahqiq: Dr. Mahmud At-Tahhan), Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, Cetakan Pertama, 1405H.

Kitab-Kitab Al-Atraf:

25. ***Tuhfah Al-Atraf Bi Ma'rifah Al-Athraf:*** Karangan Al-Hafiz Abu Al-Hajjaj Jamaluddin Al-Mizzi, (Tahqiq: Syeikh Abdus Samad Syarafuddin), Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Kedua, 1403H.
26. ***Ithaf Al-Mahrah Bi Al-Fawa'id Al-Mubtakirah Min Atraf Al-'Asyarah:*** Karangan Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani, (Tahqiq: Syeikh Zuhair An-Nasir dan lain-lainnya), Markaz Khidmah As-Sunnah wa As-Sirah An-Nabawiyyah, Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Pertama, 1415H.

Kitab-Kitab Syarh Al-Hadith:

27. ***I'lam Al-Anam Syarhu Bulugh Al-Maram:*** Karangan Dr. Nuruddin 'Itr, Al-Muallif, Cetakan Kelapan, 1418.
28. ***Tuhfah Al-Ahwazi Syarh Jami' Al-Tirmizi:*** Karangan Syeikh 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim Al-Mubarakfuri, (Tahqiq: Syeikh Abdul Wahab Abdul Latif dan 'Abd al-Rahman Muhammad Uthman), Al-Maktabah As-Salafiyyah, Al-Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Kedua, 1406H.
29. ***At-Tamhid Lima Fi Al-Muwatta' Min Al-Ma'ani wa Al-Asanid:*** Karangan Al-Hafiz Yusuf bin 'Abd Allah bin Abdul Bar, (Tahqiq: Al-Ustaz Mustafa Ahmad Al-Alawi dan kumpulannya), Kementerian Waqaf Maghribi, Cetakan Pertama, 1406H.
30. ***'Aun Al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud:*** Karangan Syeikh Muhammad Syamsul Haq Al-Azim Abadi, Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1428H.
31. ***Fathu Al-Bari Bi Syarhi Sahih Al-Bukhari:*** Karangan Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani, Al-Maktabah As-Salafiyyah, Kaherah.
32. ***Fath Al-Mulhim Bi Syarhi Sahih Muslim:*** Karangan Syabbir Ahmad Al-'Uthmani, Dar Al-Qalam, Dimasyq, Cetakan Pertama, 1427H.
33. ***Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj:*** Karangan Al-Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf An-Nawawi, (Tahqiq: Syeikh Khalil Ma'mun Syiha) Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Cetakan Kelima Belas, 1429H.

Ulum Al-Hadith:

Pertama: Kitab Ulama' Al-Mutaqaddimin:

34. ***Arba' Rasa'il Fi 'Ulum Al-Hadith:*** Dikumpul dan diperkemas oleh Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Keenam, 1419H.
35. ***Irsyad Tullab Al-Haqa'iq Ila Ma'rifah Sunan Khairi Al-Khala'iq:*** Karangan Al-Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf Ad-Din An-Nawawi, (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr), Edaran Dar Al-Yamamah, Dimasyq, Cetakan Keempat, 1423H.
36. ***Al-Iqtirah Fi Bayan Al-Istilah:*** Karangan Al-Imam Ibn Daqiq Al-'Id, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1419H.
37. ***Al-Ilma' Ila Ma'rifah Usul Ar-Riwayah Wa Taqyid As-Sama':*** Karangan Al-Qadhi 'Iyad Al-Yahsubi (Al-Ustaz Ahmad Safar), Dar At-Turath, Kaherah, Cetakan Ketiga, 1389H.
38. ***Bulghah Al-Arib Fi Mustalah Athar Al-Habib:*** Karangan Syeikh Muhammad Murtada Al-Husaini Al-Baljarami Al-Zabidi (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Kedua, 1408H.
39. ***Ta'wil Mukhtalaf Al-Hadith:*** Karangan Al-Imam 'Abd Allah bin Muslim bin Qutaibah Ad-Dinawari, Dar Al-Jil, Beirut.
40. ***Tadrib Al-Rawi Fi Syarh Taqrib An-Nawawi:*** Karangan Al-Hafiz Jalaluddin 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar Al-Suyuti: (Tahqiq Syeikh Abdul Wahab Abdul Latif), Al-Maktabah Al-Ilmiyyah, Al-Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Pertama, 1379H.

41. ***At-Taqyid wa Al-Idah Syarh Muqaddimah Ibn As-Salah:*** Karangan Al-Hafiz Zainuddin 'Abd al-Rahim bin Al-Husain Al-'Iraqi (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Rahman Uthman) Al-Maktabah Al-Ilmiyyah, Al-Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Pertama, 1389H.
42. ***Taudih Al-Afkar Bi Ma'ani Tanqih Al-Anzar:*** Karangan Al-Imam Muhammad bin Isma'il Al-Amir Al-Hasani As-San'ani (Tahqiq Al-Ustaz Abd al-Salam Harun), maktabah Al-Khanji, Kaherah, Cetakan Pertama, 1366H.
43. ***Thamarat An-Nazar Fi 'Ilmi Al-Athar:*** Karangan Al-Imam Muhammad bin Isma'il Al-Amir As-San'ani, (Tahqiq: Al-Ustaz Raid bin Sabri bin Abu 'Alfah), Dar Al-'Asimah, Riyadh, Cetakan Pertama, 1418H.
44. ***Jawab Al-Hafiz Abu Muhammad Abdul Azim Al-Munziri 'An As'ilah Fi Al-jarh Wa Al-Ta'dil:*** suntingan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan pertama, 1411H.
45. ***Al-Khulasah Fi Al-Usul Al-Hadith:*** Karangan Syeikh Husain bin Muhammad At-Tibi (Tahqiq: Al-Ustaz Subhi As-Samara'i), Ri'asah Diwan Al-Auqaf, Baghdad, Cetakan Pertama, 1391H.
46. ***Khams Rasa'il Fi 'Ulum Al-Hadith:*** Dikumpulkan dan diusahakan oleh: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Dar Al-Basya'ir Al-Islamiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1423H.
47. ***Ar-Rihlah Fi Talab Al-Hadith:*** Karangan Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin At-Thabit Al-Khatib Al-Baghdadi, (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr), Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut.
48. ***al-Syaza Al-Fayyah Min 'Ulum Ibn As-Salah:*** Karangan Syeikh Burhanuddin Al-Abnasi, (Tahqiq: Dr. Salahuddin Fathi Halal), Maktabah Ar-Rusydi, Riyadh, Cetakan Pertama, 1418H.
49. ***Syarhu Alfiyyah Al-'Iraqi (Fathu Al-Mughith Bi Syarhi Alfiah al-Hadith):*** Karangan Al-Hafiz Zainuddin 'Abd al-Rahim Bin Husain Al-'Iraqi, Percetakan Kaherah, Cetakan Pertama, 1355H.
50. ***Syarh Syarh Nukhbah Al-Fikar Fi Mustalahat Ahl al-Athar:*** Karangan Syeikh 'Ali bin Sultan Muhammad Al-Harawi Al-Qari (Tahqiq: Muhammad Nizar Tamim dan Haitham Nizar Tamim) Dar Al-Arqam bin Abi Al-Arqam, Beirut, Cetakan Pertama, 1415H.
51. ***Syarh 'Ilal Al-Tirmizi:*** Karangan Al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Ahmad bin Rajab Al-Hambali: (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr), Dar Al-Atha', Riyadh, Cetakan Keempat, 1421H.
52. ***Syarh An-Nukhbah:*** Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani: (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr), Cetakan Pengarang, Vetakan Ketiga, 1421H.
53. ***Syaraf Ashab Al-Hadith:*** Karangan Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin At-Thabit Al-Khatib Al-Baghdadi: (Tahqiq Dr. Muhammad Sa'id Khatib Aughla), Edaran Ri'asah Asy-Syu'un Ad-Diniyyah Li Al-Jumhuriyyah At-Turkiyyah, Ankara, Cetakan Kedua, 1991M.
54. ***'Ilal Al-Hadith:*** Karangan Al-Imam Ibnu Abi Hatim Abdul Rahman bin Muhammad Ar-Razi, Al-Maktabah As-Salafiyyah, Kaherah.
55. ***Al-'Ilal Al-Mutanahiyah Fi Al-Ahadis Al-Wahiyyah:*** Karangan Al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin Ali bin Al-Jauzi, Percetakan Lahore, Cetakan Pertama, 1399H.
56. ***Ilmu Al-Hadith:*** Karangan Syeikh Ahmad Ibn Taimiyyah (Tahqiq: Syeikh Musa Muhammad Ali) Dar Al-Haram Li At-Turath, Kaherah, Cetakan Pertama, 1404H.
57. ***'Ulum Al-Hadith:*** Karangan Al-Hafiz Ibnu al-Salah Asy-Syahrazuri, (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr) Dar Al-Fikr, Dimasyq, Cetakan pertama, 1421H.
58. ***Fathu Al-Mughith Syarh Alfiyah Al-Hadith:*** Karangan Al-Hafiz Muhammad bin 'Abd al-Rahman Al-Sakhawi, Al-Maktabah As-Salafiyyah, Al-Madinah Al-Munawwarah.
59. ***Al-Fasl Fi Al-Milal Wa Al-Ahwa' wa An-Nihal:*** Karangan Al-Imam Abu Muhammad Ali bin Ahmad Ibn Hazm, Dar Al-Ma'rifah, Beirut.
60. ***Qafw al-Athar Fi Safw 'Ulum Al-Athar:*** Karangan Syeikh Muhammad bin Ibrahim Al-Halabi (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Kedua, 1408H.
61. ***Kitab At-Tamyiz:*** Karangan Al-Imam Muslim Bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi, (Tahqiq: Dr. Muhammad Mustafa Al-A'zami), Matbu'at Jami'ah Ar-Riyadh, Cetakan Pertama, 1395H.
62. ***Al-Kifayah Fi Ilmi Ar-Riwayah:*** Karangan Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Ath-Thabit Al-Khatib Al-Baghdadi, Al-Kutub Al-Hadith iyyah, Kaherah, 1972M.
63. ***Al-Luma' Fi Asbab Al-Hadith:*** Karangan Al-Hafiz Jalaluddin 'Abd al-Rahman Al-Suyuti, (Tahqiq: Al-Ustaz Ghiyath Abdul Latif Dahdud) Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Cetakan Pertama, 1425H.

64. ***Al-Muhaddith Al-Fasil Baina Al-Rawi wa Al-Wa'i:*** Karangan Hasan bin Ali bin 'Abd al-Rahman Ar-Ramahurmuzi, (Tahqiq: Dr. Muhammad 'Ajjaj Al-Khatib), Dar Al-Fikr, Dimasyq, Cetakan Ketiga, 1404H.
65. Al-***Madkhal Ila Ma'rifah Kitab Al-Iklil:*** Karangan Abu 'Abd Allah Al-Hakim An-Naisaburi, (Tahqiq: Al-Ustaz Mu'taz Abdul Latif Al-Khatib), Dar Al-Faiha', Dimasyq, Cetakan Pertama, 1422H.
66. ***Al-Madkhal Fi Usul Al-Hadith:*** Karangan Al-Imam Abu 'Abd Allah Al-Hakim (Majmu'ah Rasa'il Al-Kamaliyyah), Maktabah Al-Ma'arif, Ta'if.
67. ***Ma'rifah Ulum Al-Hadith:*** Karangan Al-Imam Abu 'Abd Allah Al-Hakim (Tahqiq: Al-Ustaz Mu'zham Husain) Al-Maktab At-Tijari Li At-Tiba'ah wa An-Nasyr, Beirut, Cetakan Pertama, 1373H.
68. ***Muqaddimah Fi Usul Al-Hadith:*** Karangan Syeikh Abdul Haq Ad-Dihlawi, (Tahqiq: Syeikh Salman Al-Husaini An-Nadwi dan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri) Dar Ibn Kathir, Dimasyq, Cetakan Pertama, 1426H.
69. ***Al-Muqizah Fi Ilmi Mustalah Al-Hadith:*** Karangan Syamsuddin Muhammad bin Ahmad Al-Zahabi, (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Keempat, 1420H.
70. ***Nuzhah al-Nazar Syarh Nukhbah Al-Fikar:*** Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, Maktabah At-Turath Al-Islami, Kaherah.
71. ***An-Nukat Ala Kitab Ibnu al-Salah:*** Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani (Tahqiq: Dr. Rabi' bin Hadi), Al-Jami'ah Al-Islamiyyah, Al-Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Pertama, 1404H.

Kedua: Kitab-Kitab Ulama Mutakhir:

72. ***Al-Ajwibah Al-Fadilah Li Al-As'ilah Al-'Asyarah Al-Kamilah***: Karangan Syeikh 'Abd al-Hayy Al-Laknawi (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Ketiga, 1414H.
73. ***Adab Al-HadithAn-Nabawi***: Karangan Dr. Bakri Syeikh Amin, Dar As-Syuruq, Kaherah, Cetakan Keempat, 1399H.
74. ***Al-Isnad Min Ad-Din:*** Karangan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Pertama, 1411H.
75. ***Usul At-Takhrij Wa Dirasah Al-Asanid***: Karangan Dr. Mahmud At-Tahhan, Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, Cetakan Ketiga, 1417H.
76. *Usul Al-jarh wa Al-Ta'dil wa Ilm Al-Rijal*: Karangan Dr. Nuruddin 'Itr, Al-Yamamah, Damsyik, Cetakan Pertama, 1422H.
77. *Umara' Al-Mu'minin Fi Al-Hadith:* Karangan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Pertama, 1411H.
78. *Al-Idah Fi 'Ulum Al-Hadithwa Al-Istilah*: Karangan Dr. Mustafa Sa'id Al-Khin dan Dr. Badi' As-Sayyid Al-Lahham, Dar Al-Kalim At-Tayyib, Damsyik, Cetakan pertama, 1419H.
79. *Al-Ba'ith Al-Hathith Syarh Ikhtisar 'Ulum Al-Hadith: Syarh Syeikh Ahmad* Syakir (Tahqiq: Dr. Badi' As-Sayyid Al-Lahham), Dar As-Salam, Riyadh, Cetakan Ke 23, 1421H.
80. At-*Ta'sil Li Usul At-Takhrij wa Qawa'id Al-jarh wa Al-Ta'dil*: Karangan Syeikh Bakr bin 'Abd Allah Abu Zaid, Dar Al-Asimah, Riyadh, Cetakan Pertama, 1413H.
81. *Ta'ammulat Manhajiyyah Fi Tarikh As-Sunnah wa Usul Al-Hadith:* Karangan Dr. Musa Ibrahim Al-Ibrahim, Dar al-Thaqafah, Doha, Cetakan Pertama, 1413H.
82. *Tahrir 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Syeikh 'Abd Allah bin Yusuf Al-Judai', Mu'assasah Ar-Rayyan, Beirut, cetakan Pertama, 1424H.
83. *Takhrij Al-HadithAl-Syarif*: Karangan Dr. Ali Naif Biqa'i, Dar Al-Basya'ir Al-Islamiyyah, Beirut, cetakan Kedua, 1423H.
84. *Takhrij Al-Hadith: Nasy'atuhu Wa Manhajiyyatuhuh*: Karangan Abu al-Laith Al-Khair Abadi, Dar As-Syakir, Malaysia, Cetakan Pertama, 1999M.
85. *At-Tadlis Wa Ahkamuhu Wa Atharuhu An-Naqdiyyah*: Karangan Al-Ustaz Saleh Bin Sa'id Aumar Al-Jaza'iri, Dar Ibn Hazm, Beirut, Cetakan Pertama, 1422H.
86. *At-Tadlis wa Al-Mudallisun Dirasah Ammah*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1430H.
87. *Taujih An-Nazar Ila Usul* Al-*Athar*: Karangan Syeikh Tahir bin Saleh Ahmad Al-Jaza'iri (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Pertama, 1416H.

88. *Taysir Mustalah Al-Hadith:* Karangan Dr. Mahmud At-Tahhan, Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, Cetakan Kelapan, 1407H.
89. *Ar-Raf'u wa At-Takmil Fi Al-jarh* wa Al-*Ta'dil*: Karangan Syeikh 'Abd al-Hayy Al-Laknawi, (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Beirut, Cetakan Keenam, 1421H.
90. *Zafar Al-Amani Bi Syarhi Mukhtasar As-Sayyid As-Syarif Al-Jurjani Fi Mustalah Al-Hadith:* Karangan Syeikh Muhammad 'Abd al-Hayy Al-Laknawi, (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Pertama, 1416H.
91. *Ilmu Zawa'id Al-Hadith:* Karangan Dr. Khaldun Al-Ahdab, Dar Al-Qalam, Damsyik, Cetakan Pertama, 1413H.
92. *Ilmu Mustalah Al-Hadith: Nasy'atuhu wa Tatawwuruhu wa Takamuluhu*: Karangan Sayyid Abdul Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1427H.
93. *Al-Fawa'id Al-Mustamaddah Min Tahqiqat Al-Allamah Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah*: Dikumpul dan Susunan Dr. Majid al-Darwisy, Dar Al-Basya'ir Al-Islamiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1427H.
94. *Qawa'id At-Tahdith Min Funun Mustalah Al-Hadith:* Karangan Syeikh Jamaluddin Al-Qasimi (Tahqiq: Syeikh Muhammad Bahjat Al-Baytar), Dar An-Nafa'is, Beirut, Cetakan Kedua, 1414H.
95. *Qawa'id Fi 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Syeikh Zafar Ahmad Al-'Uthmani At-Tahanawi, (Tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Kedua, 1392H.
96. *Kutub Az-Zawa'id: Nasy'atuhu wa Ahammiyatuhu*: Karangan Al-Ustaz Muhammad 'Abd Allah Abu Su'ailik, Dar Al-Qalam, Damsyik, Cetakan Pertama, 1417H.
97. *Lamahat Fi Usul Al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad Adib Salih, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Keenam, 1418H.
98. *Lamahat Min Tarikh As-Sunnah wa 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Keempat, 1417H.
99. *Lamahat Mujazah Fi Usul 'Ilal Al-Hadith:* Karangan Dr. Nuruddin 'Itr, Edaran Dar Al-Qalam, Damsyik, Cetakan Kedua, 1425H.
100. *Al-Mukhtasar Fi Ilmi Rijal Al-Athar*: Karangan Syeikh Abdul Wahab Abdul Latif, Jami'ah Al-Azhar, Kaherah, Cetakan Pertama, 1397H.
101. *Al-Madkhal Ila Dirasah 'Ilm Al-jarh wa Al-Ta'dil*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1427H.
102. Al-*Madkhal Ila Dirasat Al-HadithAn-Nabawi As-Syarif*: Karangan Syeikh Abu Al-Hasan 'Ali Al-Hasani An-Nadwi, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1423H.
103. *Al-Madkhal Ila Dirasah 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1431H.
104. *Al-Misbah Fi Usul Al-Hadith:* Karangan As-Sayyid Qasim Al-Andajani, Maktabah Az-Zaman, Al-Madinah Al-Munawwarah, Cetakan Kedua, 1408H.
105. *Ma'rifah Madar Al-Isnad wa Bayan Makanatuhu Fi 'Ilm 'Ilal Al-Hadith:* Karangan Syeikh Muhammad Mujir Al-Khatib Al-Hasani, Dar Al-Maiman, Riyadh, Cetakan Pertama, 1428H.
106. *Al-Manhaj Al-HadithFi 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad Muhammad al-Samahi, Dar Al-'Ahd Al-Jadid, Kaherah, Cetakan Pertama, 1382H.
107. *Manhaj An-Naqd Fi 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Dr. Nuruddin 'Itr, Dar Al-Fikr, Damsyik, Cetakan Ketiga, 1418H.
108. *Mausu'ah 'Ulum Al-HadithWa Fununih*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1428H.
109. *Al-Muyassar Fi Ilmi Al-jarh wa Al-Ta'dil*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1430H.
110. *Al-Muyassar Fi Ilmi Al-Rijal*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1430H.
111. *Al-Muyassar Fi Ilmi 'Ilal Al-Hadith:* Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Zamzam Publishers, Karachi: Pakistan, Cetakan Pertama, 1431H.
112. *Al-Muyassar Fi 'Ulum Al-Hadith:* Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1430H.
113. *Al-Wasit Fi 'Ulum Mustalah Al-Hadith:* Karangan Dr. Muhammad Abu Syahbah, Alam Al-Ma'rifah, Jeddah, Cetakan Pertama, 1403H.

114. *Al-Wad' Fi Al-Hadithwa Tariq al-Takhallus Minhu*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1428H.

Kitab-Kitab At-Tarikh, Al-Tarajum dan Al-Rijal:

115. *Al-Irsyad Fi Ma'rifah Ulama' Al-Hadith:* Karangan Al-Hafiz 'Abd Allah bin Ahmad Abu Ya'la Al-Khalili, Maktabah Ar-Rusyd, Riyadh.
116. *Al-Isabah Fi Tamyiz As-Sahabah*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, As-Sa'adah wa Al-Baijawi, Kaherah.
117. *Al-Imam Al-Tirmizi wa Al-Muwazanah Baina Jami'uhu wa Baina As-Sahihain*: Karangan Dr. Nuruddin 'Itr, Mu'assasah al-Risalah, Beirut, Cetakan Kedua, 1408H.
118. *Al-Ansab*: Karangan Abu Sa'id Abdul Karim bin Muhammad al-Sam'ani, Da'irah Al-Ma'arif, Haidar Abad.
119. *Tarikh Baghdad*: Karangan Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Thabit Al-Khatib Al-Baghdadi, Percetakan Kaherah, 1349H.
120. *At-Tarikh Al-Kabir*: Karangan Al-Imam Muhammad bin Isma'il Al-Bukhari, Dar Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad, Cetakan pertama, 1362H.
121. *At-Tarikh*: Karangan Al-Imam Yahya bin Ma'in - Bi Riwayah Ad-Daqqaq Yazid bin Al-Haitham, (Tahqiq: Dr. Ahmad Muhammad Nur Saif), Markaz Al-Bahth Al-Ilmi, (Jami'ah Ummu Al-Qura) Makkah Al-Mukarramah.
122. *Tazkirah* Al-*Huffaz*: Karangan Al-Hafiz Abu 'Abd Allah Syamsuddin Al-Zahabi, Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi, Beirut.
123. *Ta'jil Al-Manfa'ah Bi Zawa'id Rijal Al-A'immah Al-Arba'ah*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, suntingan 'Abd Allah Hasyim Al-Yamani, Kaherah, 1933H.
124. *Taqdimah Al-jarh* wa Al-*Ta'dil*: Karangan Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Abu Hatim Ar-Razi, Da'irah Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad.
125. *Taqrib At-Tahzib*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, (Tahqiq: Syeikh Muhammad 'Awwamah), Dar Ar-Rasyid, Halab, Cetakan Keempat, 1418H.
126. *Tahzib At-Tahzib*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, Daerah Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad.
127. *Tahzib Al-Kamal Fi Asma' Al-Rijal*: Karangan Al-Hafiz Abu Al-Hajjaj Yusuf bin Abdul Rahman Al-Mizzi (Tahqiq: Dr. Basysyar 'Awad Ma'ruf), Mu'assasah Ar-Risalah, Beirut, Cetakan Pertama, 1402H.
128. *al-Thiqat*: Karangan Muhammad Ibn Hibban Al-Busti, Da'irah Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad, Cetakan Pertama, 1973M.
129. *Al-jarh* wa Al-*Ta'dil*: Karangan Al-Imam Ibn Abi Hatim Ar-Razi: Da'irah Al-Ma'arif Al-'Uthmaniyyah, Haidar Abad.
130. *Khulasah Tahzib Tahzib Al-Kamal Fi Asma' Al-Rijal*: Karangan Syeikh Safiyuddin Ahmad Bin 'Abd Allah Al-Khazraji, suntingan Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab. (Ianya adalah cetakan salinan fotokopi daripada cetakan Bulaq, 1301H)
131. *Siyar A'lam An-Nubala'*: Karangan Al-Hafiz Syamsuddin Al-Zahabi (Tahqiq Syeikh Syu'aib Al-Arna'ut), Mu'assasah Ar-Risalah, Beirut, Cetakan pertama, 1401H.
132. *al-Du'afa'*: Karangan Al-Imam Abu Jaafar Muhammad bin Amru Al-'Uqaili, (Tahqiq: Al-Ustaz Abdul Mu'ti Amin Qal'aji), Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1404H.
133. *al-Du'afa' wa Al-Matruk*in: Karangan Al-Imam Ahmad bin Syu'aib Al-Nasa'i, Al-Maktabah Al-*Athar*iyyah, Pakistan.
134. *al-Tabaqat Al-Kubra*: Karangan Al-Imam Muhammad bin Saad Katib Al-Waqidi, Dar Sadir, Beirut.
135. *Tabaqat Al-Mudallisin*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, Al-Mtabiah Al-Husainiyyah, Kaherah, cetakan Pertama, 1322H.
136. *Al-'Ilal wa Ma'rifah Al-Rijal*: Karangan Al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal Al-Syaybani, Percetakan Ankara, 1963M.
137. *Al-Kamil Fi Ma'rifah Du'afa' Al-Muhadisin wa 'Ilal Al-Ahadis*: Karangan Al-Imam Abu Ahmad 'Abd Allah Ibn 'Adi Al-Jurjani, Dar Al-Fikr, Damsyik, Cetakan Pertama, 1404H.
138. *Lisan Al-Mizan*: Karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, (Tahqiq 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah), Cetakan Maktab Al-Matbu'at Al-Islamiyyah, Halab, Cetakan Pertama, 1423H.

139. *Al-Majruhin Min Al-Muhaddithin wa Ad-Du'afa wa Al-Matrukin*: Karangan Al-Imam Abu Hatim Muhammad Ibn Hibban At-Tamimi Al-Busti (Tahqiq: Syeikh Mahmud Ibrahim Zaid), Dar Al-Wa'yi, Halab, Cetakan Ke-11. 1396H.
140. *Al-Mughni Fi Ad-Du'afa'*: Karangan Al-Hafiz Syamsuddin Muhammad bin Ahmad Al-Zahabi, (Tahqiq: Dr. Nuruddin 'Itr), Dar Al-Ma'arif, Halab, Cetakan Pertama, 11391H.
141. *Mizan Al-I'tidal Fi Naqd Al-Rijal*: Karangan Al-Hafiz Syamsuddin Muhammad bin Ahmad Al-Zahabi: Percetakan Isa Al-Halabi, Kaherah, Cetakan Pertama, 1963M.

Kitab-Kitab Yang Mempertahankan As-Sunnah An-Nabawiyyah:

142. *Hujjiyyah As-Sunnah*: Karangan Syeikh 'Abd al-Ghani Abdul Khaliq, Dar Al-Wafa Al-Mansur (Mesir), cetakan ketiga, 1318H.
143. *Difa' 'An As-Sunnah*: Karangan Syeikh Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah, Dar Al-Jil, Beirut, Cetakan pertama, 1411H.
144. *Dala'il At-Tawthiq Al-Mubakkir Li As-Sunnah wa Al-Hadith:* Karangan Dr. Imtiyaz Ahmad, Dar Qutaibah, Damsyik, Cetakan Kedua, 1431H.
145. *As-Sunnah Masdaran Li Al-Ma'rifah wa Al-Hadharah*: Karangan Dr. Yusuf Al-Qaradawi, Dar al-Syuruq, Kaherah, cetakan kelima, 2008M.
146. *al-Sunnah An-Nabawiyyah Tadwinuha wa Hujjiyyatuha Dirasah Ammah*: Karangan Sayyid 'Abd al-Majid Al-Ghouri, Dar Ibn Kathir, Damsyik, Cetakan Pertama, 1430H.

Kitab-Kitab Fiqh dan Usul Fiqh:

147. *Al-Ittijahat Al-Fiqhiyyah 'Inda Ashab Al-HadithFi Al-Qarni al-Thalith Al-Hijri*: Karangan Dr. 'Abd al-Majid Mahmud 'Abd al-Majid, Maktabah Al-Khanji, Kaherah, Cetakan Pertama, 1399H.
148. Al-*Ijtihad Fi Ilmi Al-HadithWa Atharuh Fi Al-Fiqh Al-Islami*: Karangan Dr. 'Ali Naif Biqa'i, Dar Al-Basya'ir Al-Islamiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, 1419H.
149. *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*: Karangan Saifuddin Abu Al-Hasan, Ali bin Abi Ali bin Muhammad Al-Amidi, (Tahqiq: Syeikh 'Abd al-Razzaq 'Afifi), Cetakan Pertama, 1387H.
150. *al-Risalah*: Karangan Al-Imam Muhammad bin Idris Al-Syafi'i, (Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir), Maktabah Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Kaherah, Cetakan Pertama, 1358H.
151. *Majmu'ah Fatawa Syeikhul Islam Al-Imam Ibn Taimiyyah*, Salinan Cetakan Pertama, 1398H.

Kitab-Kitab At-Takhrij:

152. *Irwa' Al-Ghalil fi Takhrij Ahadis Manar As-Sabil*: Karangan Syeikh Nasiruddin Al-Albani, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Cetakan Kedua, 1405H.
153. *Nasb Ar-Rayah Li Ahadis Al-Hidayah*: Karangan Syeikh 'Abd Allah bin Yusuf Az-Zaila'i, Dar Al-Hadith, Mesir.

Kitab-Kitab Al-Adab (Sastera):

154. *Jamharah Al-Amthal*: Karangan Abu Bakar Hilal Al-'Askari, (Al-Ustaz Muhammad Abu Al-Fadl Ibrahim dan 'Abd al-Majid Qatamasy), Kaherah, Cetakan pertama, 1964M.
155. *Jam'u Al-Amthal*: Karangan Abu Al-Fadhl Ahmad bin Muhammad Al-Maidani, (Tahqiq: Al-Ustaz Muhyi al-Din Abdul Hamid), Mansyurat Dar An-Nasr, Beirut.

Kitab-Kitab Al-Milal Dan Al-Firaq:

156. *Al-Farqu Baina Al-Firaq*: Karangan Abdul Qadir bin Tahir At-Tamimi, (Tahqiq Al-Ustaz Muhammad Muhyi al-Din Abdul Hamid), Dar Al-Ma'rifah, Beirut.
157. *Al-Faslu Fi Al-Milal wa Al-Ahwa' wa An-Nihal*: Karangan Al-Imam Abu Muhammad Ali bin Ahmad Ibn Hazm, Dar Al-Ma'rifah, Beirut.
158. *Al-Milal wa An-Nihal*: Karangan Abu Al-Fath Muhammad bin 'Abdul Karim bin Abu Bakar Ahmad As-Syahrastani, (tahkik Al-Ustaz Amir 'Ali Muhanna dan 'Ali Hasan Fa'ur), Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Cetakan Kesembilan, 1429H.

Mu'jam dan Kamus:

159- *Asas al-Balaghah*: al-Imam Jarullah Mahmud ibn 'Umar al-Zamkhasyri, Dar al-Ma'rifah-Beirut.
160- *Tajul 'Urus min Jawahir al-Qamus*: Al-Sheikh Abi Faidh Muhammad Murtadha al-Husaini al-Zabidi, Dar Maktabah al-Hayah-Beirut.
161- Al-Sihah: Abi Nasr Ismail ibn Hamad al-Jawhari al-Farabi, Ihya' al-Thurath, cetakan Pertama: 1999.
162- *Al-Qamus al-Muhit*: Majuddin Muhammad ibn Ya'qub al-Fairuzadabi, Muassasah al-Risalah-Beirut, cetakan ketujuh:1424 H.

163- *Kitab al-Ta'rifat: al-'Alamah Ali bin Muhammad al-Sharif al-Jurjani*, (tahqiq: Dr. Muhammad Abdul Rahman al-Mar'asli, Dar al-Nafais-Beirut, cetakan pertama:1424 H.
164- *Lisan al-'Arab*: Ibn Manzur Abi Al-Fadl Jamaluddin al-IfriqiK Dar al-Sadir-Beirut, cetakan pertama:1424 H.
165- *Mu'jam Alfaz wa 'Ibarat al-jarh wa al-Ta'dil al-Masyhurah wa al-Nadirah*: Syed Abdul Majid Ghouri, Dar Ibn Kathir-Dimasyq, cetakan pertama: 1428 H.
166- *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*: Disediakan oleh panel pakar bahasa Arab, Pertubuhan Pendidikan, Warisan dan Sains Arab, Tunisia.
167- *Mu'jam Ulum al-Hadithal-Nabawi*: Dr. Abdul Rahman Ibrahim al-Khamisi, Dar Ibn Hazm-Beirut, cetakan pertama: 1421 H.
168- *Mu'jam Mustalahat al-Hadithwa Lithaif al-Asanid*: Dr. Muhammad Dhiyaurrahman al-'Azami, Maktabah Adhwa' al-Salf-Riyadh, cetakan pertama: 1420 H.
169- *Mu'jam Mustalahat al-Hadith iyyah*: Dr. Muhammad Abi Laith al-Khair Abadi, Muassasah al-risalah Nasyirun-Beirut, ccetakan pertama: 1426 H.
170- *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*: Dr. Muhammad Ruas Qul'ah Ji, Dar al-Nafais-Beirut, cetakan kedua: 1927.
171- *Maqayis al-Lughah*: Abi al-Hasan Ahmad ibn Faris, Dar Mustafa al-Bani al-Hilbi-Kaherah, cetakan pertama, cetakan pertama: 1969.
172- *Nihayah fi Gharib al-Hadithwa al-Athar*: Imam Majduddin Abi al-Sa'adat al-Mubarak ibn Muhammad al-Jaziri, Dar al-Fikr-Dimasyq, cetakan pertama: 1418 H.

Kitab Manahij al-Muhaddithin:

173- *Manahij al-Muhaddithin al-'Ammah fi al-Riwayah wa al-Tasnif*: Dr. Nurruddin Itr, Dar al-Ru'yah-Dimasyq, cetakan kedua: 1424 H.
174- *Manahij al-Muhaddithin al-'Ammah wa al-Khassah (al-Sina'ah al-Hadith iyyah)*: Dr. Ali Naif Biqa'ie, Dar al-Bashair al-Islamiah-Beirut, cetakan pertama: 1424 H.
175- *Dirasat fi Manahij al-Muhaddithin:* Dr. Amin Muhammad Qudhad & Dr. 'Amir Hassan Sabri, Jami'at al-Imarat al-Arabiah al-Muttahidah-UAE.

Buku Biografi Dalam Bidang Hadis:

176- *Al-Tasnif fi al-Sunnah al-Nabawiyyah wa 'Ulumuha:* Dr. Khaldun al-Ahdab, Muassasah al-Rayyan-Beirut, cetakan pertama: 1427 H.
177- *Dalil Muallafat al-Hadithal-Syarif:* al-Ustaz Muhyiddin Athiyyah dll, Dar Ibn Hazm-Beirut, cetakan kedua: 1418 H.
178- *Al-Risalah al-Mustatarrafah li Bayan Masyhur Kutub al-Sunnah al-Musyarrafah:* Sheikh Muhammad bin Ja'afar al-Kitabi, Dar al-Bashair al-Islami-Beirut, cetakan ketujuh: 1941.
179- *Kasyf al-Dzhunun 'an Usami al-kutub wa al-Funun:* Sheikh Mustafa ibn Abdullah Haaji Khalifah, cWizarah al-Ma'arif al-Tarkiyyah-Istanbul, cetakan pertama: 1941.
180- *Masadir al-Hadithwa Maraji'uhu: Dirasat wa Ta'rif:* Syed Abdul Majid Ghouri, Dar Ibn Kathir-Beirut, cetakan pertama: 1431 H.
181- *Al-Wajiz fi Ta'rif Kutub al-Hadith:* Syed Abdul Majid Ghouri, Dar Ibn Kathir-Beirut, cetakan pertama: 1431 H.

Al-Mutafarriqat:

182- *Tahqiq al-Nusus wa Nasyruha*: Sheikh Abdul Salam Harun, Mesir.
183- *Al-Tankil bima fi Ta'dib al-Kauthari min al-Abathil*: Sheikh Abdul Rahman ibn Yahya al-Ma'lumi al-Yamani, (tahqiq: Sheikh Muhammad Nasruddin al-Bani, Percetakan Pakistan, cetakan pertama: 1401 H.
184- *Qawati' al-Adillah*: Imam Abi al-Muzaffar al-Sima'ie (tahqiq: Dr. Muhammad Hassan Hitu, Muassasah al-Risalah-Beirut, cetakan pertama: 1996.
185- *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*: Sheikh al-Islam Ibn Taimiyyah (tahqiq: Sheikh Muhammad Rasyad Salim, Muassasah Qurtubah-Arab Saudi, cetakan pertama: 1406 H.

*****

INDEKS
ISTILAH-ISTILAH HADIS

HURUF ALIF حرف الألف

الآبَاءُ الرُّوَاةِ عن الأبْنَاءِ 39
الآثَارُ 39
الآثَارُ الْمَوْقُوْفَة 39
الآحاد 39
آدابُ طَالِبِ الْحَدِيْثِ 40
آدَابُ كِتَابَةِ الْحَدِيْثِ 41
آدَابُ الْمُحَدِّثِ 42
آفَكَهُ فُلانٌ 43
آيةٌ 44
آيةٌ مِن الآياتِ 44
أَبَاحَ لِي 45
إبَاضِيٌّ 45
الأَبْدَال 45
ابْنُ خَمْسٍ 46
أبنا 46
الأَبْنَاءُ الرُّواةِ عن الآباءِ 46
الإبْهَامُ 47
الأبْوَاب 47
أتْبَاعُ التَّابِعِيْن 47
اتِّحَادُ الْمَخْرَجِ 48
الاتِّصَالُ 48
اتِّصَالُ السَّنَدِ 49
اتِّهَامُ الرَّاوِي بالكَذِبِ 49
اتُّهِمَ بِسَرِقَةِ الْحَدِيْثِ 50
اتُّهِمَ فِي اللِّقَاءِ 50
أتَى بِمَنَاكِيْرَ وَعَجَائِبَ 50
الاتهام بالكذب 50
اتَّهَمَهُ فُلاَنٌ 50
الأَثْبَاتُ 50
أَثْبَتُ الْبِلاَدِ فِي الْحَدِيْثِ الصَّحِيحِ 50
أَثْبَتُ النَّاسِ 51
أَثْبَتُ النَّاسِ سَمَاعاً فِي كِتَابٍ كذا 51
أَثْبَتُ النَّاسِ فِي فُلانٍ 51
أَثْبَتُ النَّاسِ مِنْ فُلانٍ 51
الأَثَرُ 52
أَثَرْتُ الْحَدِيْثَ 53
الأثَرِيُّ 53
الإجَازَةُ 53
الإجَازَةُ الْخَاصَّةُ 54
إجَازَةُ الشَّيْخِ 54
الإجَازَةُ العَامَّةُ 54
إجَازَةٌ للمَجْهُوْلِ أو بِالْمَجْهُوْلِ 55
أجَازَ لِيْ 55
أَجَازَنِيْ 55
الإجَازَةُ بِمَجْهُوْلٍ 55
إجَازَةُ الطِّفْلِ 55
إجَازَةٌ لِلمجْهُوْلِ 56
إجَازَةُ مَا لم يَتَحَمَّلْهُ الْمُجِيْزُ بَوَجْهٍ لِيَرْوِيَهُ الْمُجَازُ إذَا تَحَمَّلَهُ الْمُجِيْزُ 56
إجَازَةُ الْمجَازِ 56
الإجَازَةُ الْمُطْلَقَةُ أو الْمُجَرَّدَةُ 56
إجَازَةُ الْمَعْدُوْمِ 57
الإجَازَةُ المعَلَّقَةُ 57
إجَازَةُ مُعَيَّنٍ غَيْرَه 57
إجَازَةُ مُعَيَّنٍ لِمُعَيَّنٍ 57
الأَجْزَاءُ 58
الأجزاء الحديثية 59
أجَزْتُ فُلاَناً الفُلاَنِيّ 59
أجَزْتُ لِبَعْضِ النَّاسِ 59
أجَزْتُ لِفُلاَنٍ كَذَا، إنْ شاءَ رِوَايَتَهُ عَنِّي 59
أجَزْتُ لَكَ إنْ شِئْتَ أَوْ أَحْبَبْتَ أَوْ أَرَدْتَ 59
أجَزْتُ لَكَ أَنْ تَرْوِيَ عَنِّي، أو إنْ شِئْتَ الرِّوَايَةَ عني 59
أجَزْتُ لمن يَشَاءُ الرِّوَايَةَ 60
أجَزْتُ لمن يَشَاءُ فُلاَنٌ 60
أجَزْتُكَ 60
أجَزْتُكَ جَمِيْعَ مَسْمُوْعَاتِي أَوْ مَرْوِيَّاتِي 60
أجَزْتُكُمْ 60
أَجْلَدُ 60
أَجْمَعُوْا عَلَى تَرْكِه 60
أجمعوا على ضعفه 60
أَجْوَدُ الأَسَانِيْد 60

أَحَادِيْثُ الآحَاد 61
الأَحَادِيْثُ الثُّلاَثِيَّةُ 61
أَحَادِيْثُ الأَحْكَامِ 61
الأَحادِيْثُ الْمُشْتَهِرَةُ على الأَلْسِنَةِ 62
أَحَادِيْثُهُ تُشْبِهُ أحادِيْثَ فُلاَنٍ 63
أَحَادِيْثُهُ لا تُشْبِهُ أَحَادِيثَ الثِّقَاتِ 63
أَحَادِيْثُهُ لا تُشْبِهُ أَحَادِيْثَ فُلاَنٍ 64
احْتَجَّ بِهِ الْبُخَارِيُّ ومُسْلم 64
أَحْدَاثُ الصَّحَابَةِ 64
أَحَدُ الأَحَدِيْنَ 64
أَحْسَنُ شَيءٍ فِي الْبابِ 65
أَحْسَنُ شَيءٍ فِي هذا البَابِ كَذَا 65
أ خ نا 65
أَخْبَارُ الآحَاد 65
الأَخْبَارِيُّ 65
الأَخْبَارِيُّوْنَ 66
أَخْبَرَ فُلاَنٌ 66
أَخْبَرَكَ 66
أَخْبَرَنِي الثِّقَةُ 66
أَخْبَرَنِي 66
أَخْبَرَنِي مَنْ لا أَتَّهِمُ 66
أَخْبَرَنِيْ مَنْ لا أَتَّهِمُ مِنْ أهل العِلم 67
أَخْبَرَنَا 67
أَخْبَرَنَا إِجَازَةً 67
أَخْبَرَنَا إِذْناً 67
أَخْبَرَنَا بِقِرَاءَتِي وَقِرَاءَةً عَلَيْهِ 67
أَخْبَرَنَا بِقِرَاءتِي عَلَيْهِ وأَنَا أَسْمَعُ 67
أَخْبَرَنَا الثِّقَةُ 68
أَخْبَرَنَا سَمَاعاً أَوْ قِرَاءَةً 68
أَخْبَرَنَا فِي إِذْنِهِ 68
أَخْبَرَنَا فِيْمَا جَازَنِي أَوْ أَجَازَ لِي 68
أَخْبَرَنَا فِيْمَا أَذِنَ لِي فِيْهِ 69
أَخْبَرَنَا فِيْمَا أَطْلَقَ لِي رِوَايَتَهُ 69
أَخْبَرَنَا قِرَاءَةً عَلَيْهِ 69
أَخْبَرَنَا كِتَابَةً 69
أَخْبَرَنَا فِي كِتَابِهِ 69
أَخْبَرَنَا مُشَافَهَةً 69
أَخْبَرَنِي مُكَاتَبَةً 69
أَخْبَرَنَا مُنَاوَلَةً 69
الاخْتِيَارُ 69
اخْتِصَارُ الْحَدِيْث 70
الاخْتِلاَطُ 70
اخْتَلَطَ 70
اخْتِلافُ الْحَدِيْثِ 71
اخْتِلاَفُ الرِّوَايَات 71
اُخْتُلِفَ فِيْهِ 71
أَخَذَ الأُجْرَةَ عَلى التَّحْدِيْثِ 71
الإِخْرَاجُ 72
أَخْرَجَ الْحَدِيْثَ 73
أَخْرَجَ لَهُ الْبُخَارِيُّ أو مُسْلم فِي الأُصُولِ 73
أَخْرَجَ لَهُ الْبُخَارِيُّ أَوْ مُسْلم فِي الْمُتَابَعَاتِ والشَّوَاهِد 73
أَخْرَجَ المحَدِّثُ الْحَدِيْثَ 73
أَخْرَجَه 73
الإِخْوَةُ والأَخَوَاتُ 73
أ خ نا 74
أخْنا 74
الأَخَوَيْنِ 74
الأَدَاءُ 75
أَدَاءُ الْحَدِيْثِ 75
أَدْخَلَ عَلَى المشَايخ 75
الإِدْرَاج 75
الإِدْرَاجُ فِي السَّنَدِ 75
الإِدْرَاجُ فِي الْمَتْنِ 75
الإِدْرَاكُ 75
إِذْنٌ مُجَرَّدٌ 76
أَذْهَبُ إِلَى حَدِيْثِ فُلاَنٍ 76
الأَرْبَعَةُ 76
الأَرْبَعِيْنِيَّات 76
الإِرْجَاءُ 76
أَرْجُوْ أَنْ لاَ بَأْسَ بِهِ 78
أَرْجُوْ أَنْ يُحْتَمَلَ حَدِيْثُهُ 78
الإِرْسَالُ 79
الإِرْسَالُ الْخَفِيُّ 79
الإِرْسَالُ الظَّاهِرُ 79
إِرْمِ بِهِ 79
أَرَنَا 79
أَسْأَلُ اللّهَ السَّلاَمَةَ 79
أَسْبَابُ الْحَدِيْثِ 80
أَسْبَابُ الطَّعْنِ فِي الرَّاوِي 80
أَسْبَابُ وُرُوْدِ الْحَدِيْثِ 80
الأُسْتَاذ 82
اسْتَجَازَهُ 82

الإسْتِخْرَاجُ 82
أَسْتَخِيرُ اللَّهَ فِيْهِ 82
الاسْتِدْعَاءُ 82
الاستشهاد 82
اسْتَشْهَدَ بِهِ الشَّيْخَانِ أو أحَدُهُمَا 83
الإسْتِعْجَامُ 83
الاسْتِفَاضَةُ 83
الاسْتِقْرَاءُ 83
الاسْتِقْرَاءُ التَّامّ 84
اسْتِقْلالُ السُّنَّةِ بِالتَّشْرِيْعِ 84
الاسْتِمْلاَءُ 78
الأَسَدُ 85
الإسْرَائِيْلِيَّات. 85
الأُسْطُوَانَة 85
الإسْقَاطُ 86
الأَسْمَاءُ 86
أَسْمَاءُ الرِّجَالِ 86
أَسْمَاءُ رِجَالِ الْحَدِيْثِ 86
أَسْمَاءُ رِجَالِ الكُتُبِ السِّتَّةِ 86
الأَسْمَاء والكُنَى 86
الأَسْمَاءُ الَّتِي يَشْتَرِك فِيْهَا الرِّجَالُ والنِّسَاءُ 87
الأَسْمَاءُ المجَرَّدَةُ 87
الأَسْمَاءُ المفْرَدَةُ والكُنَى والأَلْقَاب 81
الإسْمَاعُ 87
الإسْنَادُ 87
إسْنَادٌ صَحِيْحٌ نَظِيْفٌ 88
إسْنَادُهُ تَالِفٌ 88
إسْنَادُهُ ثَابِتٌ، أو يَثْبُتُ 88
إسْنَادُهُ جَيِّدٌ 88
إسْنَادُهُ حَسَنٌ 89
إسْنَادُهُ ذَاهِبٌ 89
الإسْنَادُ السَّافِلُ 89
إسْنَادُهُ سَاقِطٌ 89
إسْنَادُهُ صَالِحٌ 89
إسْنَادُهُ صَحِيْحٌ: أو "صحيحُ الإسْنَاد" 89
إسْنَادُهُ ضَعِيْفٌ: أو "ضَعِيْفُ الإسْنَادِ" 89
إسْنَادُهُ ظُلماتٌ 90
الإسْنَادُ الْعَالِي 90
إسْنَادُهُ على شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ 90
إسْنَادُهُ فاسِدٌ 91
إسْنَادُهُ فِيْهِ اخْتِلاَفٌ 91
إسْنَادُهُ فِيْهِ ضَعْفٌ 91
إسْنَادُهُ فِيْهِ مَقَالٌ 91
إسْنَادُهُ فِيْهِ نَظَرٌ 91
إسْنَادُهُ قَوِيٌّ أو "قَوِيُّ الإسْنَادِ" 91
إسْنَادُهُ كالشَّمْسِ 92
إسْنَادُهُ لاَ بَأْسَ بِهِ، أو "لا بَأْسَ بِإسْنَادِه" 92
إسْنَادُهُ لا يَمْضِي 92
إسْنَادُهُ لَيْسَ بالْقَوِيِّ 93
إسْنَادُهُ لَيْسَ بِذلِكَ الْقَائِم 93
إسْنَادُهُ لَيْسَ بِشَيءٍ 93
إسْنَادُهُ لَيِّنٌ 93
إسْنَادُهُ مُتَمَاسِكٌ 93
إسْنَادُهُ مُسْتَقِيْمٌ 93
إسْنَادُهُ مُظْلِم 93
الإسْنَادُ الْمُعَنْعَنُ 94
الإسْنَادُ النَّازِلُ 94
إسْنَادُهُ نَظِيْفٌ 94
إسْنَادُهُ هَالِكٌ 94
إسْنَادُهُ واهٍ بَمَرَّة 94
إسْنَادُهُ وَسَطٌ 94
أَسْنَدُ 94
الأَسْرَاطُ 94
إشْكَالُ الْحَدِيْثِ 94
أَشْهَدُ عَلَى فُلاَنٍ أنَّه..... 94
الأَصَاغِرُ 95
أَصَاغِرُ الصَّحَابَة 95
أَصْحَابُ الْحَدِيث 95
أَصْحَابُ الْحَدِيْثِ الأَرْبَعَة 95
أَصْحَابُ الرَّأْيِ 95
أَصْحَابُ الْمَحَابِرِ 95
أَصَحُّ الأَسَانِيْدِ 95
أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَاب 96
أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَاب كَذَا 96
أَصْدَقُ الْبَشَرِ وأَوْثَقُ الْخَلْقِ 96
الإصْرَارُ عَلَى الْخَطَأ 96
الاصْطِلاحُ 96
الأَصْلُ 97
أَصْلُ الْحَدِيْث 97
أَصْلُ السَّنَدِ 97
أَصْلُ الشَّيخ 97
أَصْلُ الْمُصَنَّفِ 97

أَصْلٌ مَعْمُوْلٌ بِهِ 97
أَصْلَحَ فِي كِتَابِهِ أو فِي كِتَابِ غَيْرِهِ 97
الأَصْنَاف 98
الأُصُوْلُ 98
أُصُوْلُ التَّخْرِيْجِ 98
أُصُوْلُ الْحَدِيْثِ 98
الأُصُولُ الْخَمْسَةُ 98
الأُصُوْلُ السَّبْعَةُ 99
الأُصُوْلُ السِّتَّةُ 99
أَضْبَطُ النَّاسِ 100
الاضْطِرَابُ 100
الأَطْرَافُ 100
الإطْلاَقُ 101
الاعْتِبَارُ 101
الاعْتِزَالُ 102
الإعْجَامُ 102
الإعْرَابُ 102
أَعْرَابِيٌّ مَجْهُوْلٌ 102
الإعْضَالُ 102
الإعْلاَلُ 102
الإعْلاَمُ 102
إعْلاَمُ الشَّيْخِ 103
أَعْلَمُ النَّاسِ فِي فُلاَنٍ 103
أَغْرَبَ عَلَى أَقْرَانِهِ 103
الافْتِتَاحُ 103
الأَفْرَادُ 103
الأَفْرَادُ الآحَادُ 104
أَفْرَادُ الْبُخَارِيِّ 104
أَفْرَادُ الْبُلْدَانِ 104
أَفْرَادُ الْعَلَمِ 104
أَفْرَادُ الْقَبَائِل 104
أَفْرَادُ الْبُخَارِيِّ 104
أَفْرَادُ مُسْلِم 104
أَفَكُ الْحَدِيْثِ 104
الإقْرَارُ 104
الأَقْرَانُ 105
أَقْسَامُ (الحديث) الْحَسَنِ 105
أَقْسَامُ (الحديث) الصحيح 105
أَقْسَامُ الأحاديث الصَّحِيْحَةِ 106
أَقْسَامُ الْعُلُوّ 106
الإقْلاَبُ 106
الأَكَابِرُ 106
الأَكَابِرُ عَنِ الأَصَاغِرِ 106
اكْتُبْ عَنْهُ 107
أَكْذَبُ النَّاسِ 107
أَلْحَأَ الْحَدِيْثَ إِلَى فُلاَنٍ 108
أَلْحَقَ فِي كِتَابِهِ أَوْ فِي كِتَابِ غَيْرِهِ 108
الإلْزَامَات 108
أَلْفَاظُ الأَدَاءِ 108
أَلْفَاظُ تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ وأدائِهِ 108
أَلْفَاظُ التَّعْدِيْلِ 108
أَلْفَاظُ الْجَرْحِ 109
أَلْفَاظُ الْجَرْحِ وَالتَّعْدِيْلِ 110
الأَلْقَابُ 110
أَلْقَابُ الْمُحَدِّثِيْنَ 110
اللّٰهُ أَعْلَمُ 110
اللّٰهُ الْمُسْتَعَانُ 110
إِلَى 110
إِلَى الصِّدْقِ مَا هُوَ 110
إِلَى الضَّعْفِ ما هُوَ 111
إِلَيْهِ الْمُنْتَهَى فِي النَّبْتِ أو التَّثَبُّت 111
إِلَيْهِ الْمُنْتَهى فِي الكَذِبِ 111
إِلَيْهِ الْمُنْتَهَى فِي الْوَضْعِ أو الكَذِب 111
الأَمَالِي 111
الإمَامُ 112
الأَمْثَالُ 112
أُمِرْنَا بِكَذَا 112
الأَمْرُ عِنْدَنَا 112
الأَمْرُ الْمُجْتَمَعُ عَلَيْهِ عِنْدَنَا 113
الإمْلاءُ 113
الأُمَّهَاتُ السِّتُّ 113
أمورُ الْمُؤْمِنِيْنَ فِي الْحَدِيْثِ 114
إِنَّ غَيْرَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ 115
إِنَّ مِنْ أَمْرِ الْحَائِرِ بَيْنَهُمْ 115
أَنَّ 115
أَنَّ فُلاَنًا أَخْبَرَ 115
أَنَّ فُلاَنًا حَدَّثَ 115
أَنَّ فُلاَنًا قَالَ 115
إِنَّ هذا الْحَدِيْثَ مِنْ مَنَاكِيْرِ فُلاَنٍ، أو مِنْ أَنْكَرِ ما رَوَاهُ فُلاَنٌ 115
إِنَّه لَيْسَ مِثْلَ فُلاَنٍ/ أَوْ إِنَّ غَيْرَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ 115
أَنَا 115

أَنا كِتَابَةً 116
أَنا مُشَافَهَةً 116
الأُنْأَنَة 116
أَنْبَأَنَا 116
أَنْبَأَنَا إِجَازَةً 116
أَنْبَأَنَا قِرَاءَةً عَلَيْهِ وأنا أَسْمَعُ 116
أَنْبَأَنِي 116
أَنْبَأَنِي إِجَازَةً 116
الانْتِخَابُ 116
انْتَهَى اللَّحَقُ 117
الأَنْسَابُ 117
الانْقِطَاعُ 117
الإِنْكَارُ 117
أَنْكَرَ مَا رَوَاهُ فُلاَنٌ 117
أَنْوَاعُ (أَوْ طُرُقُ) تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ وأَدَائِهِ 117
أ هـ 117
أَهْلُ الأَثَرِ 117
أَهْلُ الأَهْوَاء 118
أَهْلُ الْحَدِيْثِ 118
أهل الرّأي 118
أَهْلُ السُّنَّةِ 119
أَهْلُ السُّنَّةِ والْجَمَاعَةِ 119
أَهْلُ الصِّدْقِ 119
أَهْلُ الصَّنْعَةِ 120
أَهْلُ الظَّاهِرِ 120
أَهْلُ النَّقْلِ 120
الأَهْلِيَّةُ 120
أَهْلِيَّةُ الأَدَاءِ 120
أَهْلِيَّةُ التَّحَمُّلِ 120
أَهْلِيَّةُ الرِّوَايَة 120
الإِهْمَالُ 121
إِهْمَالُ الرَّاوِي 121
إِهْمَالُ اللَّفْظِ 121
الأَوَائِلُ 121
الأَوابِدُ 122
أَوْثَقُ النَّاسِ 122
أَوْرَدَهُ 123
أَوْرَدَ الْمحدِّثُ الْحَدِيْثَ 123
أَوْسَاطُ التَّابِعِيْنَ 123
أَوْسَاطُ الصَّحَابَةِ 123
أَوْطَانُ الرُّوَاةِ وبُلْدَانِهِم 123
أَوْقَفَهُ 124
أَوْ كَمَا قَالَ 124
أَوْمَأَ إِلَيَّ فِيْهِ 124
أَوْهَى الأَسَانِيد 124

HURUF BA' حرف الباء

البَاءُ الْمُوَحَّدَةُ 127
الْبَابُ 127
بِأَخَرَة 127
بَاطِلٌ 127
البَالِغُ 128
بِتَمَامِهِ 128
بخ 128
بد 128
البَدْرِيُّوْنَ 128
البِدْعَةُ 128
البِدْعَة الْحَقِيْقِيَّة 129
البِدْعَةُ الإِضَافِيَّةُ 129
البِدْعَةُ الْمُفَسِّقَةُ 130
البِدْعَةُ الْمُكَفِّرَةُ 130
البَدَلُ 130
البَرْنَامِجُ 130
بَعِيْدُ الإِسْنَادِ 131
البَلاَغُ 131
بَلاَغاً 131
البَلاَغَاتُ 131
البَلاَءُ فِيْهِ مِنْ فُلاَنٍ: أو "البَلِيَّةُ فيه من فلانٍ" 131
البَلاَيَا 132
البُلْدَانِيَّات 132
بَلَغَنِي 132
بَلَغَنِي عَنْ فُلاَنٍ 133
بِلَفْظِهِ 133
البَلِيَّةُ 133
البَلِيَّةُ فِيْهِ مِنْ فُلاَنٍ 133
بِمَعْنَاهُ 133
البَنَادِرَة 133
بُنْدَارٌ 133
به 134
بَوَّبَ 134
البَوَاطِيْلُ 134
البَيَاضُ 134

بَيان 134
بَيانُ الْمُجْمَلِ 134
بيَّضَ لَهُ 134

HURUF THA حرف الثاء

ت 137
التَّاءُ الْمُثَنَّاة مِنْ فَوْق 137
التَّابِعُ 137
تَابِعُ الأَتْبَاع 137
تَابِعُ التَّابِعِيْن 137
تَابَعَهُ فُلاَنٌ 138
التَّابِعُوْنَ 138
التَّابِعِيُّ 138
التَّابِعِيَّات 138
التَّارِيْخُ 138
تاريخُ الرُّوَاة 138
تَارِيْخُ مَوْلِدِ الْعُلماءِ وَوَفَيَاتِهم 139
التَّاسِعَةُ 140
تَالِفٌ 140
التَّأْلِيْفُ 141
تَبَعُ التَّابِعِيْن 141
التَّتَبُّعُ 141
التَّثَبُّتُ 141
التَّجْرِيْحُ وَالتَّعْدِيْلُ 141
التَّجَهُّمُ 141
التَّحْوِيْدُ 142
تَحْوِيْدُ الإِسْنَادِ 142
التَّحْتِيَّةُ 142
التَّحْدِيْثُ 142
التَّحْدِيْثُ مِنَ الْكِتَاب 142
التَّحْرِيْرُ 142
التَّحْرِيْفُ 143
تَحْرِيكُ الرَّأس 143
تَحْرِيكُ الْيَدِ 144
التَّحْسِيْنُ 145
التَّحْقِيْقُ 145
تَحْقِيْقُ الْحَدِيْثِ 145
تَحْقِيْقُ الْخَطِّ 145
التَّحَمُّلُ 145
تَحَمُّلُ الْحَدِيْثِ 145
تَحْمِيْضُ الْوَجْهِ 145
التَّحْوِيْقُ 146
التَّحْوِيْل 146
تخ 146
تَخَرَّجَ بِفُلاَنٍ 147
التَّخْرِيجُ 147
التَّخْرِيْجُ عَلَى الْحَاشِيَةِ 148
تَخْرِيْجُ الْحَدِيْثِ 148
التَّخْرِيْجُ عَلَى الْحَوَاشِي 148
تَخْرِيْجُ السَّاقِطِ 148
التَّخْلِيْطُ 148
التَّدْقِيْقُ فِي الْخَطِّ 149
التَّدْلِيْسُ 149
تَدْلِيْسُ الاسْتِدْرَاكِ 149
تَدْلِيْسُ الإِسْنَادِ 150
تَدْلِيْسُ الْبِلاَدِ 150
تَدْلِيْسُ الْبُلْدَانِ 151
تَدْلِيْسُ التَّسْوِيَةِ 151
تَدْلِيْسُ السُّكُوْتِ 152
تَدْلِيْسُ السَّمَاعِ 152
تَدْلِيْسُ الشُّيُوْخِ 152
تَدْلِيْسُ الصِّيَغِ 153
تَدْلِيْسُ الْعَطْفِ 154
تَدْلِيْسُ الْقَطْعِ 154
تَدْلِيْسُ الْمُتَابَعَةِ 155
تَدْلِيْسُ الْمَتْنِ 155
تَدْلِيْسُ الْمُتُوْنِ 155
تَدْلِيْسُ الْمُذَاكَرَةِ 155
تَدْلِيْسُ الْوَصْلِ 155
التَّدْوِيْنُ 155
تَدْوِيْنُ الحديث 155
تر 156
التَّراجِمُ 156
تَرَاجِمُ الأَبْوَابِ 156
التَّرْحَمَةُ 156
التَّرْجُمَة 156
التَّرْغِيْبُ والتَّرْهِيْبُ 157
التَّرْقِيْمُ 157
التَّرْكُ 157
تَرَكَ قِرَاءَةَ الْكِتَابِ 160
تَرَكُوْهُ 158
تَرَكَهُ فُلاَنٌ 158

تَرَكَهُ النَّاسُ 158
تَرْكِيبُ الأَسَانِيدِ 158
التَّزْكِيَةُ 158
التِّسَاعِيَّاتُ 159
التَّسَاهُلُ فِي الرِّوَايَةِ 159
التَّسَلْسُلُ 159
التَّسْمِيعُ 159
التَّسْوِيدُ 159
التَّسْوِيَةُ 160
تَشْكِيلُ الْحَدِيثِ 160
التَّشْيُّعُ 160
التَّصْحِيحُ 161
التَّصْحِيحُ الكَشْفِيُّ 161
التَّصْحِيفُ 161
التَّصحِيفُ فِي الإسناد 162
تَصْحِيفُ البَصَرِ 163
تَصْحِيفُ السَّمْعِ 163
تَصْحِيفُ اللَّفْظِ 164
التَّصحِيفُ فِي الْمَتْنِ 164
تَصْحِيفُ الْمَعْنَى 164
التَّصْنِيفُ 165
تَصْنِيفُ الْحَدِيثِ 166
التَّضْبِيبُ 166
التَّضْعِيفُ 167
تَطْرِيقُ الْحَدِيثِ 167
تَعَارُضُ الرِّوَايَاتِ 167
تَعَارُضُ الرَّفْعِ وَالْوَقْفِ 168
تَعَارُضُ الْوَصْلِ وَالإِرْسَال 168
التَّعَالِيقُ 168
تَعَدُّدُ الرِّوَايَات 168
تَعَدُّدُ الطُّرُقِ 168
التَّعْدِيلُ 168
التَّعْدِيلُ الْمُبْهَمُ 168
التَّعْدِيلُ الْمُفَسَّرُ 169
تَعْرِفُ وَتُنْكِرُ/"يُعْرَفُ وَيُنْكَرُ" 169
التَّعَسُّرُ 169
التَّعْقِيبُ 169
التَّعْلِيقُ 169
تَعْلِيقُ الْحَدِيثِ 169
التَّعْلِيقُ فِي الْخَطِّ 169
تَعْلِيقَاتُ الْبُخَارِيِّ 169
التَّعْلِيلُ 170
التَّعُنُّتُ 170
تَغَيَّرَ بِآخِرِهِ 170
تَغَيَّرَ بِأَخَرَةٍ 171
التَّفْرِيقُ 171
تَقَارَبَا فِي اللَّفْظِ 171
التَّقْرِيرُ 171
التَّقْرِيرُ الصَّرِيحُ 172
التَّقْرِيرُ الفِعْلِيُّ الْحُكْمِيُّ 172
تَقْطِيعُ الْحَدِيثِ 172
التَّقْمِيشُ 173
التَّقْيِيدُ 173
تَقْيِيدُ الْحَدِيثِ 173
تَكَلَّمَ فِيهِ فُلاَنٌ 173
تُكُلِّمَ فِيهِ 173
تُكُلِّمَ فِيهِ لأَجْلِ الْوَقْفِ 173
تُكُلِّمَ فِيهِ لِمَسْأَلَةِ اللَّفْظِ 173
تَكَلَّمُوْا فِيهِ 174
التَّكْلِيحُ 174
التَّلْفِيقُ 174
التَّلْقِينُ 175
تم 175
تَمَتَّنَ بِأَخَرَةٍ 175
التَّمْرِيضُ 175
التَّمْرِيضُ فِي الرِّوَايَةِ 175
تَمْيِيز 176
التَّمْيِيزُ 176
التُّهَمَةُ 176
تُهْمَةُ الرَّاوِي بالكَذِبِ أو الْوَضْعِ 176
التَّوَاتُرُ 176
التَّوَاتُرُ اللَّفْظِيّ 176
التَّوَاتُرُ الْمَعْنَوِيّ 177
تَوَارِيخُ الرُّوَاةِ 177
التَّوَارِيخُ والْوَفَيَاتُ 179
التَّوَاطُؤُ والتَّوَافُقُ 177
التَّوْثِيقُ 177
التَّوْثِيقُ التَّامُّ 177
تَوْثِيقُ ضَعِيفٍ 177

HURUF THA حرف الثاء

الثَّاءُ الْمُثَلَّثَةُ 179
الثَّابِتُ 179
الثَّالِثَةُ 179
الثَّامِنَةُ 179
الثَّانِيَةُ 179
الثَّانِيَة عَشَرَة 179
الثَّبْتُ 180
ثَبَتَ 181
ثَبْتٌ 181
ثَبْتٌ ثَبْتٌ 181
ثَبْتٌ حَافِظٌ 181
ثَبْتٌ حُجَّةٌ 182
ثَبَّتَ الْحَدِيْثَ 182
ثَبْتٌ رِضَا 182
ثَبَتَتْ عَدَالَتُهُ 182
ثُبُوتُ السَّمْعِ 182
الثِّقَاتُ والضُّعَفَاءُ 182
الثِّقَةُ 182
ثِقَةٌ 182
ثِقَةٌ ثَبْتٌ 183
ثِقَةٌ ثِقَةٌ 183
ثِقَةٌ حَافِظٌ 183
ثِقَةٌ حُجَّةٌ 184
ثِقَةٌ سُنِّيٌّ 184
ثِقَةٌ صَدُوْقٌ 184
ثِقَةٌ ضَابِطٌ 185
ثِقَةٌ عَدْلٌ 185
ثِقَةٌ مَأْمُوْنٌ 185
ثِقَةٌ مُتْقِنٌ 186
ثِقَةٌ مُتَّهَمٌ 186
ثِقَةٌ مُطْلَقاً 187
الثَّلاَثَةُ 187
الثُّلاثِيَّاتُ 187
الثَّمَانِيَّاتُ 188
ثنا 188
الثُّنَائِيَّاتُ 188
ثني 188

HURUF JIM حرف الجيم

الْجَادَّةُ 189
الْجَارِحُ 189
الْجَامِعُ 189
جَائِزُ الْحَدِيْثِ 190
الْجَبْرُ 190
جَبَلٌ 191
جَبَلٌ فِي الكَذِبِ 191
جِرَابٌ 192
جِرَابُ الْكَذِبِ 192
الْجَرْحُ 192
الْجَرْحُ البَرِيُّ 192
الْجَرْحُ الْمُبْهَمُ 192
الْجَرْحُ الْمُفَسَّرُ 192
الْجَرْحُ الْمُجْمَلُ 193
الْجَرْحُ والتَّعْدِيْلُ 193
جَرَى فِيْهِ على الْجَادَّة 195
الْجُزْءُ 195
الْجَزْمُ 196
الْجَزْمُ فِي الرِّوَايَةِ 196
الْجَعْدِيَّاتُ 196
الْجَمَاعَةُ 196
جَمَّازَاتُ الْمَحَامِلِ 196
جِمَالُ الْمَحَامِلِ 196
جِمَالاَتُ الْمَحَامِلِ 197
الْجَمْعُ 197
الْجُمْهُوْرُ 198
جه 198
الْجَهَالَةُ 198
جَهَالَةُ الْحَالِ 198
جَهَالَةُ الرَّاوِي 198
جَهَالَةُ الصَّحَابِيِّ 198
جَهَالَةُ الصَّحَابِيِّ 199
جِهْبِذٌ 199
جَهْلَةُ الرَّاوِي 199
جَهْمِيٌّ 199
الْجَهْمِيَّةُ 199
الْجَوَامِعُ 199
جَوَّدَ 199

جَوَّدَ إِسْنَادَهُ 199
جَوَّدَهُ فُلاَنٌ 199
الْجَيِّدُ (الحديث) 200
جَيِّدٌ (الرَّاوي) 200
جَيِّدُ الْحَدِيْثِ 200
جَيِّدُ الْمَعْرِفَةِ 201

HURUF HA' حرف الحاء

ح 203
حـ 203
الْحَادِيَةَ عَشْرَة 203
الْحَاشِيَةُ 203
حَاطِبُ لَيْلٍ 203
الْحَافِظُ 204
حَافِظٌ 204
الْحَافِظَةُ 204
الْحَاكِمُ 204
حَالُ الصَّبِّا 205
حَالُ الكُفْرِ 205
حب 205
الْحُجَّةُ 205
حُجَّةٌ 206
حُجِّيَّةُ السُّنَّةِ النَّبَوِيَّةِ 206
حَدَّثَ 206
حَدَّثَ فلانٌ وآخَرُ 206
حَدَّثَ بِنُسْخَةٍ فِيْهَا بَلاَيَا 206
حَدَّثَنَا 206
حَدَّثَنَا إِجَازَةً 206
حَدَّثَنَا بِقِرَاءَتِيْ عَلَيْهِ وأَنَا أَسْمَعُ 206
حَدَّثَنَا فِي إِذْنِهِ 206
حَدَّثَنَا فِيْمَا أَجَازَنِي، أَوْ أَجَازَ لِي 207
حَدَّثَنَا فِيْمَا أَذِنَ لِيْ فِيْهِ 207
حَدَّثَنَا فِيْمَا أَطْلَقَ لِيْ رِوَايَتَهُ 207
حَدَّثَنَا فِيْمَا نَاوَلَنِي 207
حَدَّثَنَا قِرَاءةً عَلَيْهِ وَأَنا أَسْمَعُ 207
حَدَّثَنَا مُذَاكَرَةً 207
حَدَّثَنَا مُنَاوَلَةً 207
حَدَّثَنَا مُنَاوَلَةً وإِجَازَةً 208
حَدَّثَنِي 208
حَدَّثَنِي ثِقَةٌ 208
حَدَّثَنِيْ فُلاَنٌ وَرَدَّ ذَلِكَ إِلَى فُلاَنٍ 208
حَدَّثَنِيْ مَنْ لاَ أَتَّهِمُ 208
الْحَدِيْثُ 208
الْحَدِيْثُ الإِلهِيُّ 209
حَدِيْثٌ ثَابِتٌ 209
حَدِيْثٌ جَيِّدٌ 209
حَدِيْثٌ حَسَنٌ 209
حَدِيْثٌ حَسَنُ الإِسْنَادِ 210
الْحَدِيْثُ الرَّبَّانِيُّ 210
الْحَدِيْثُ الشَّاذُّ 210
حَدِيْثٌ صَحِيْحٌ 210
حَدِيْثٌ صَحِيْحُ الإِسْنَادِ 210
حَدِيْثٌ ضَعِيْفٌ 210
الْحَدِيْثُ الضَّعِيْفُ 210
حَدِيْثٌ غَرِيْبٌ 211
الْحَدِيْثُ الغَرِيْبُ 211
حَدِيْثٌ غَيْرُ صَحِيْحٍ 211
حَدِيْثُ فُلاَنٍ أَسْنَدُ 211
حَدِيْثُ فُلاَنٍ أَصَحُّ 211
حَدِيْثُ فُلاَنٍ أَصَحُّ مِنْ حَدِيثِ فُلاَنٍ، أَوْ أَحْسَنُ..... 211
حَدِيْثٌ فِيْهِ ضَعْفٌ وَالعَمَلُ عَلَيْهِ عِنْدَنَا 211
الْحَدِيْثُ القُدْسِيُّ 212
حَدِيْثٌ قَوِيٌّ 213
حَدِيْثٌ لا أَصْلَ لَهُ 213
حَدِيْثُهُ لَيْسَ بِشَيءٍ 213
حَدِيْثُهُ لَيْسَ بِالْمَحْفُوْظِ 213
حَدِيْثٌ لَيْسَ لَهُ أَصْلٌ 213
الْحَدِيْثُ الْمُتَوَاتِرُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُحَرَّفُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُحْكَمُ 214
حَدِيْثٌ مُخْتَصَرٌ 214
الْحَدِيْثُ الْمُشْكِلُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُخْتَلِفُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَرْدُوْدُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَرْفُوْعُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُسَلْسَلُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَشْهُوْرُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُضَعَّفُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَعْلُوْلُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَقْبُوْلُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَقْطُوْعُ 214
الْحَدِيْثُ الْمُنْقَطِعُ 214

الْحَدِيْثُ الْمُنْكَرُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَوْقُوْفُ 214
الْحَدِيْثُ الْمَوْقُوْفُ لَفْظاً والمرْفُوْعُ حُكْماً 214
الْحَدِيْثُ النَّاسِخُ 214
الحَدِيْثُ النَّبوِيُّ 215
حَدِيْثُهُ مَشْهُوْرٌ 215
حَدِيْثُهُ مُنْكَرٌ 215
حَدِيْثُهُ يُشْبِهُ حَدِيْثَ أَهْلِ الصِّدْقِ 215
الحديثيّ 215
حَرَّكَ يَدَهُ 215
حَرُوْرِيٌّ 215
الْحِسَانُ 215
الْحَسَنُ 216
الْحَسَنُ (لِذَاتِهِ) 216
حَسَنُ الإسْنَادِ 217
حَسَنٌ بِمَجْمُوْعِ طُرُقِهِ 217
حَسَنُ الْحَدِيْثِ 217
حَسَنٌ صَحِيْحٌ 218
حَسَنٌ صَحِيْحٌ غَرِيْبٌ 218
حَسَنٌ غَرِيْبٌ 219
حَسَّنَ فُلانٌ حَدِيْثَهُ 219
الْحَسَنُ لِذَاتِهِ 219
الْحَسَنُ لِغَيْرِهِ 219
حَضَرَ 220
حَضَرْتُ 221
حَضَرُوا 221
الحِفْظُ حِفْظُ الثِّقَةِ 221
حِفْظُ السُّنَّةِ 221
حَقِيْقَةُ الرِّوَايَةِ 221
الْحَكُّ 221
الْحُكْمُ على إسْنَادِ الْحَدِيْثِ 221
الْحُكْمُ عَلَى الْحَدِيْثِ 221
الْحُكْمُ عَلَى مَتْنِ الْحَدِيْثِ 222
الْحِكْمَةُ 222
حُكِيَ 222
حل 222
الْحَلَقَةُ 222
حم 222
حَمَّادَانَ 222
حَمَّالَةُ الْحَطَبِ 222
الْحُمْرَةُ 223
حَمَّضَ وَجْهَهُ 223
الْحَمْلُ عَلَى الْغَالِبِ 223
الْحَمْلُ فِيْهِ عَلَى فُلانٍ 223
الْحَوَاسُّ الْخَمْسُ 223
الْحَوَاشِي 223

HURUF KHA' حرف الخاء

خ 225
الْخَامِسَةُ 225
الْخَبَرُ 225
خَبَرُ الآحَادِ 225
خَبَرُ الْخَاصَّةِ 226
الْخَبَرُ الْمُتَوَاتِرُ 226
خَبَرُ الْوَاحِدِ 226
خَبَّرَنا 226
الْخَبَرِيُّ 226
خت 226
الْخَتْمُ 226
خد 226
خُذْ عَنِّي 226
خَرَّجَ الْحَدِيْثَ 226
خَرَّجَ لِفُلانٍ 226
خَرَّجَهُ فُلانٌ 227
خِرِّيْجُ فُلانٍ 227
خَشَبِيٌّ 227
الْخَصَائص 227
خط 227
الْخَطَّابِيَّة 228
خِفَّةُ الضَّبْطِ 228
خَفِيْفُ الضَّبْطِ 228
الْخَفِيُّ 228
خَفِيُّ الإرْسَالِ 228
الْخِلَعِيَّاتُ 228
خُلْفٌ 228
الْخُمَاسِيَّاتُ 229
الْخَمْسَةُ 229
الْخَوَارِجُ 229
خَوَارِمُ الْمُرُوْءَة 229
خُوْلِفَ 229
خُوَيْلِطٌ 229
خِيَارٌ 229
خِيَارُ الْخَلْقِ 229

HURUF DAL حرف الدال

د 231
الدَّائِرَةُ أو "الدَّارة" 231
الدَّارَةُ 231
دَاعِيَةٌ 231
دَنَا 232
دَنِي 232
دَجَّالٌ 232
دَجَّالٌ مِنَ الدَّجَاجِلَةِ 232
دَخَلَ حَدِيْثُ بَعْضِهِمْ فِي بَعْضٍ 232
الدِّرَايَةُ 233
دَرَجَةُ الْحَدِيْثِ 233
دَلاَئِلُ النُّبُوَّةِ 233
دَنَا 233
دي 233

HURUF ZAL حرف الذال

الذَّاكِرَةُ 235
ذَاهِبٌ 235
ذَاهِبُ الْحَدِيْثِ 235
ذَكَرَ 235
ذَكَرَ فُلاَنٌ كذا 235
ذَكَرَ لَنا 236
ذَكَرَ لَنَا فُلاَنٌ 236
ذَكَرَ لِي 236
ذَكَرَ الْمُحَدِّثُ الْحَدِيْثَ 236
ذَكَرَهُ ابْنُ حِبَّان في "الثِّقَات" 236
ذَكَرَهُ أَبِي 237
ذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ وَلَم يَذْكُرْ فِيْهِ جَرْحاً 237
ذَكَرَهُ فُلاَنٌ فِي كِتَابِهِ 237
الذَّيْلُ 237

HURUF RA' حرف الراء

ر 239
الرَّابِعَةُ 239
رَازِيَان 239
رَافِضِيٌّ 239
رَافِضِيٌّ كَذَّابٌ جَبَلٌ 239
الرَّافِضَةُ 240
الرَّاوِي 240
الرُّبَاعِيَّاتُ 240
رُبَّمَا أَخْطَأَ 241
رُبَّمَا أَغْرَب 241
رُبَّمَا خَالَف 242
رُبَّمَا لُقِّنَ 242
رُبَّما يُخَالِفُ 242
رُبَّما يُخْطِئ 242
رُبَّما يُغْرِبُ 242
رُبَّمَا يَهِمُ 242
الرُّتْبَةُ 243
رُتْبَةُ الثِّقَاتِ 243
رُتْبَةُ الْحَدِيْثِ 243
الرِّجَالُ 243
رِجَالُ إِسْنَادِهِ ثِقَاتٌ 243
رِجَالُ الأَئِمَّةِ الأَرْبَعَةِ 243
رِجَالُهُ ثِقَاتٌ 243
رِجَالُ الْحَدِيْثِ 244
رجاله رجال البخاري 244
رِجَالُهُ رِجَالُ الشَّيْخَيْنِ أَوْ أَحَدِهِما 244
رِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيْحِ 244
رِجَالُ الصَّحِيْحِ 244
رِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيْحِ 244
رِجَالُهُ لاَبَأْسَ بِهِم 244
رِجَالُهُ مُوَثَّقُوْنَ 244
رَجَعَ 244
رَجُلٌ 244
رَجُلُ سُوءٍ 245
الرَّحْلَةُ 245
الرَّحْلَةُ فِي طَلَبِ الْحَدِيْثِ 245
الرَّحْلَةُ لِلْحَدِيْثِ 246
رُدَّ حَدِيْثُهُ 246
رَدُّوْا حَدِيْثَهُ 246
رَدِيْءُ الْحِفْظِ 247
رِضًا 247
الرِّضَا 247
رَضِيَ 247
رَفْاعاً 247
الرَّفْضُ 248
الرَّفْعُ 248
رَفَعَهُ 248
رَكَاكَةُ اللَّفْظِ والْمَعْنَى 248

رُكْنُ الكَذِبِ 248
رُكْنٌ مِنَ الأَرْكَانِ 248
رُكْنٌ مِنْ أَرْكانِ الكَذِبِ 248
رُكْنٌ مِنْ أَرْكانِ الْحَدِيْثِ 249
رَمَاهُ فُلاَنٌ 249
الرَّمْزُ 249
رُمِيَ بِالأَحْوَيْنِ 249
رُمِيَ بِالإِرْجَاءِ 249
رُمِيَ بِالاعْتِزَالِ 250
رُمِيَ بِالتَّشَيُّعِ 250
رُمِيَ بِالزَّنْدَقَةِ 250
رُمِيَ بِالرَّفْضِ 250
رُمِيَ بِالقَدَرِ 250
رُمِيَ بِالْكَذِبِ 251
رُمِيَ بِالنَّصَبِ 251
رُمِيَ بِرَأْيِ الْخَوَارِجِ 251
رُمِيَ بِرأْيِ جَهْمٍ 251
رَنَا 251
الرُّواة 251
رَوَى 252
رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً 252
رَوَى الْحَدِيْثُ عَلَى أَوْجُهٍ 252
رَوَى مَنَاكِيْرَ 252
رَوَاهُ 252
رَوَاهُ بِمَعْنَاه 252
انظر"الرواية بالمعنى" 252
رَوَاهُ الأَرْبَعَةُ 252
رَوَاهُ أَهْلُ السُّنَنِ 252
رَوَاهُ الثَّلاَثَةُ 252
رواهُ الْجَمَاعَةُ 252
رَوَاهُ الْخَمْسَةُ 253
رَوَاهُ السَّبْعَةُ 253
رَوَاهُ السِّتَّةُ 253
رَوَاهُ الشَّيْخَانِ 253
رَوَاهُ بِصِيْغَةِ التَّمْرِيْضِ 253
رَوَاهُ بِصِيْغَةِ الْجَزْمِ 253
رَوَاهُ بِلَفْظِ مُقَارَبٍ 254
رَوَاهُ بِلَفْظِهِ 254
رَوَاهُ بِمِثْلِهِ 254
رَوَاهُ بِمَعْنَاه 254
رَوَاهُ بِنَحْوِهِ 255
رَوَوْا عَنْهُ 255
رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً 255
رَوَى الْحَدِيْثَ 255
الرُّواةُ 255
الرِّوَايَةُ 255
رِوَايَةٌ 255
رِوَايَةُ الآبَاءِ الرُّواةِ عن الأَبْنَاءِ 255
رِوَايَةُ الأَبْنَاءِ الرُّوَاةِ عن الآبَاءِ 255
رِوَايَةُ الأَقْرَانِ 255
رِوَايَةُ الأَكَابِرِ عَنِ الأَصَاغِرِ 256
الرِّوَايَةُ بِاللَّفْظِ 256
الرِّوَايَةُ بِالْمَعْنَى 256
رِوايَةُ بَعْضِ الْحَدِيْثِ 256
رِوَايَةُ الْحَدِيْثِ باللَّفْظِ 257
رِوَايَةُ الْحَدِيْثِ بِالْمَعْنَى 257
رِوَايَةُ الصَّحَابَةِ عَنِ التَّابِعِيْنَ 257
الرِّوَايَةُ والدِّرَايَةُ 257
رِوَايَةُ السَّابِقِ عَنِ اللاَّحِقِ 257
رِوَايَةُ الْمُبْتَدِعَةِ 257
رِوَايَةُ الْمُدَبَّجِ 258
رَوَوْا عَنْهُ 258
رَوَى أَحَادِيْثَ مُعْضَلَةً، أو: "يَرْوِي الْمُعْضَلاَتِ" 258
رَوَى أَحَادِيْثَ مُنْكَرَةً 258
رُوِيَ 259
رُوِيَ عَنْهُ 259
رَوَى عنه النَّاسُ 259
رَوَى عنه الشَّيْخُ 259
رَوَى النَّاسُ عَنْهُ 259
رَوَى الْمَنَاكِيْرَ 259
رَوَى لَهُ مَقْرُوناً 260
الرُّؤْيَةُ 260
رُوِيْنَاهُ وبُلِّغْنَاهُ 260

HURUF ZAI حرف الزاي

ز 263
زَائِداً 263
زَاوِيَةٌ قَائِمَةٌ يَمِيْنِيَّةٌ 263
زَعَمَ لَنا فُلاَنٌ عَنْ فُلاَنٍ 263
الزِّنْدِيْقُ 263
الزَّوَائِدُ 263
زِيَادَاتُ الثِّقَاتِ 266

زِيَادَةُ الثِّقَةِ 266
زِيَادةُ السَّاقِطِ 266
الزِّيَادَةُ فِي الإِسْنَادِ 266
الزِّيَادَةُ فِي الْمَتْنِ 266
الزَّيْدِيَّة 266

حرف السين HURUF SIN

س 269
السُّؤَالات 269
السَّابِعَةُ 270
السَّادِسَةُ 270
السَّابِقُ واللاَّحِقُ 270
السَّابِقُوْنَ الأَوَّلُوْنَ 272
سَارِقُ الْحَدِيْثِ 272
السَّافِلُ 272
السَّاقِطُ 273
سَاقِطٌ 273
ساقِطُ الْحَدِيْثِ 273
السُّبَاعِيَّاتُ 273
السَّبْرُ 273
سَبَبُ وُرُوْدِ الْحَدِيثِ 274
السَّبْعَةُ 274
السِّتَّةُ 274
السُّدَاسِيَّات 274
سِدَادٌ مِن عَيْشٍ 275
سَرِقَةُ الْحَدِيْثِ 275
سَعِيْدَان 275
سُفْيَانَانِ 275
السَّقَطُ 275
السَّقَطُ الْخَفِيُّ 276
السَّقَطُ الظَّاهِرُ 276
سَكَتُوْا عَنْهُ 276
سِلْسِلَةُ الذَّهَبِ 277
سِلْسِلَةُ الْكَذِبِ 277
السَّلَفُ 277
السَّلَفِيُّ 278
السَّلَفِيَّة 278
السَّلَفِيَّاتُ 278
السَّمَاعُ 278
سَمَاعُ الْمُذَاكَرَةِ 278
السَّمَاعُ مِنْ لَفْظِ الشَّيْخِ 279
سَمِعَ مِنِّي الْحَدِيْثَ وأجزتُ لَهُ رِوَايَتَهُ 279
سَمِعْتُ 279
سَمِعْتُ فُلاَناً 279
سَمِعْتُ فُلاَناً يَأْثُرُ عَنْ فُلاَنٍ 279
سَمِعْتُ فُلاَناً يَقُوْلُ 280
سِنُّ التَّحَمُّلِ والأَدَاءِ 280
السَّنَدُ 280
السَّنَدُ العالِي 280
السَّنَدُ السَّافِلُ 280
السَّنَدُ النَّازِلُ 280
السُّنَّةُ 280
السُّنَّةُ التَّشْرِيْعِيَّة 281
السُّنَّة التَّقْرِيْرِيَّة 281
السُّنَّةُ الخِلْقِيَّة والخُلُقِيَّة 282
سُنَّةُ الزَّوَائِد 282
السُّنَّةُ غَيْرُ تَشْرِيْعِيَّةٍ 282
السُّنَّةُ الفِعْلِيَّةُ 283
السُّنَّةُ القَوْلِيَّةُ 283
السُّنَّةُ الْمَعْرِفِيَّةُ 283
سُنَّةُ هُدَى 283
السُّنَنُ 283
سُنَنُ ابنِ مَاجَهْ 285
سُنَنُ أبِي دَاود 285
سُنَنُ التِّرْمِذِيِّ 285
سُنَنُ الدَّارَقُطْنِيِّ 286
سُنَنُ الدَّارِمِيِّ 286
السُّنَنُ الْكُبْرَى 286
سُنَنُ النَّسَائِيِّ 286
السُّنَنُ الأَرْبَعَةُ 287
السُّنَنُ الثَّلاَثَةُ 287
سَوَّاهُ فُلاَنٌ 287
سُوْءُ الأَخْذِ 288
سُوءُ الْحِفْظِ 288
سُوْءُ الحِفْظِ الْمُلاَزِمُ للرَّاوِي 288
سُوْءُ الحِفْظِ الطَّارِىءِ عَلى الرَّاوِي 288
سَوَّغَ 288
سَوَّغَ لِي أَنْ أَرْوِيَ عَنْهُ 289
سيي 289
سيء الأخذ 289
سَيِّءُ الْحِفْظِ 289
السِّيَاقُ 289
السِّيْرَةُ 289

HURUF SYIN حرف الشين

ش 291
الشَّاذّ 291
شَاذُّ الإِسْنَادِ 292
الشَّاذُّ سَنَداً 293
شَاذُّ الْمَتْنِ 293
الشَّاذُّ مَتْناً 293
الشَّاذُّ الْمَرْدُوْدُ 293
الشَّاذُّ الْمُنْكَرُ 293
شَاطِرٌ 293
شَافَهَنِي 293
الشَّاهِدُ 293
شِبْهُ 293
شَجَرَةُ الأَسَانِيْد 294
الشُّذُوْذُ 294
شَرْطُ الْبُخَارِيِّ 294
شَرْطُ الشَّيْخَيْنِ أو أَحَدِهِمَا 294
شَرْطُ مُسْلِمٍ 294
شُرُوْحُ الْحَدِيْثِ 294
الشَّقُّ 299
الشَّكْلُ 299
شَكْلُ الْحَدِيْثِ 299
الشَّمَائِلُ 300
الشَّمَائِلُ النَّبَوِيَّةُ 300
الشَّوَاهِدُ 300
شُوَيْخٌ 300
الشَّيْخُ 301
شَيْخٌ 301
شَيْخُ الإِسْلَامِ 301
شَيْخُ الْحَدِيْثِ 301
شَيْخٌ صَالِحٌ 302
شَيْخٌ وَسَطٌ 302
الشَّيْخَان 302
الشَّيْطَانُ 302
الشِّيْعَةُ 303
شِيْعِيٌّ 303
شُيُوْخُ الْحَدِيْثِ 303

HURUF SAD حرف الصاد

صـــ 305
ص 305
صَاحِبُ آثَارٍ 305
صَاحِبُ بَلَايَا 305
صَاحِبُ حَدِيْثٍ 305
صَاحِبُ سُنَّةٍ 305
صَاحِبُ كِتَابٍ 305
الصَّالِحُ (الحديث) 306
الصَّالِحُ (الراوي) 306
صَالِحٌ 306
صَالِحُ الْحَدِيْثِ 306
الصَّبِيُّ 306
صَحَّ 307
صَحَّ 307
صَحَّ ورَجَحَ 307
الصَّحَابَةُ 307
الصَّحَابِيُّ 307
صِحَاحُ 310
الصِّحَاحُ 310
الصِّحَاحُ السِّتَّةُ 311
صَحَّحَه الحاكمُ ووَافقَه الذَّهَبِيُّ 311
صَحَفِيٌّ 312
الصَّحِيحُ 312
الصَّحِيْحُ 314
صَحِيحُ ابْنِ حِبَّان 314
صَحِيحُ ابْنِ خُزَيْمَة 315
صَحِيحُ الإِسْنَادِ 315
صَحِيْحُ الْبُخَارِيِّ 316
صَحِيْحُ الْحَدِيْثِ 316
صَحِيْحٌ حَسَنٌ غَرِيْبٌ 316
صَحِيْحُ السَّمَاعِ 316
صَحِيْحٌ شَاذٌّ 317
صَحِيْحٌ عَلَى شَرْطِ الْبُخَارِيِّ 317
صَحِيْحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ 317
صَحِيْحٌ على شَرْطِهما 317
صَحِيْحٌ غَرِيْبٌ 317
الصَّحِيْحُ لِذَاتِهِ 317
الصَّحِيْحُ لِغَيْرِهِ 318
الصَّحِيْحُ الْمُجَرَّدُ 318
صَحِيْحُ مُسْلِمٍ 318
الصَّحِيْحَان 319
الصَّحِيْفَةُ 319
صد 319

صَدُوْقٌ 319
صَدُوْقٌ إِلَى الضَّعْفِ ما هُوَ 320
صَدُوْقٌ إِنْ شَاءَ اللّٰهُ 320
صَدُوْقٌ تَغَيَّر بِأَخَرَة 320
صَدُوْقٌ ثِقَةٌ 320
صَدُوْقٌ زَاهِدٌ 320
صَدُوْقٌ سَيِّءُ الْحِفْظِ 321
صَدُوْقٌ فِي نَفْسِهِ 321
صَدُوْقٌ كَثِيْرُ الأَوْهَامِ 321
صَدُوْقٌ لٰكِنَّهُ مُبْتَدِعٌ 321
صَدُوْقٌ لَهُ أَوْهَامٌ 322
صَدُوْقٌ مُبْتَدِعٌ 322
صَدُوْقٌ يُخْطِيءُ 322
صَدُوْقٌ يَتَحَهَّمُ 322
صَدُوْقٌ يُخْطِئُ 322
صَدُوْقٌ يَهِمُ 322
صِغَارُ التَّابِعِيْن 322
صِغَارُ الصَّحَابَةِ 322
صِفَةُ مَنْ تُقْبَلُ رِوَايَتُهُ ومَنْ تُرَدُّ 322
الصِّفْرُ 323
صَلَّحَهُ فُلانٌ 323
صلعم 323
صَوَابُهُ كَذا 323
صُوَيْلِحٌ 323
صُوَيْلِحُ الْحَدِيْثِ 324
صَيْرَفِيُّ الْحَدِيْثِ 324
صِيَغُ الأَدَاءِ 324
صِيَغُ التَّحْدِيْثِ 324
صِيَغُ التَّمْرِيْضِ 324
صِيَغُ الْجَزْمِ 324
صِيْغَةُ التَّمْرِيْضِ 324
صِيْغَةُ الْجَزْمِ 324

HURUF DHAD حرف الضاد

ض 325
الضَّابِطُ 325
ضَابِطٌ 325
الضَّبَّةُ 325
الضَّبْطُ 325
ضَبْطُ الصَّدْرِ 326
ضَبْطُ الكِتَابِ 326
الضَّرْبُ 326
الضُّعَفَاءُ 327
ضُعِّفَ 327
ضَعَّفُوْهُ 327
ضَعَّفُوْهُ وَلَمْ يُتْرَكْ 327
ضَعَّفُوْهُ بِمَرَّةٍ 327
الضَّعِيفُ 327
ضَعِيْفٌ 330
ضَعِيْفُ الْحَدِيْثِ 330
ضَعِيْفٌ جِدًّا 330
ضَعِيْفٌ ضَعِيْفٌ 331

HURUF TA' حرف الطاء

ط 339
الطَّالِبُ 333
طَالِبُ الْحَدِيْثِ 333
طَامَّاتٌ 333
طَامَّةٌ 333
طب 334
الطَّبَاقُ 334
الطَّبَقُ 334
الطَّبَقَاتُ 334
طَبَقَاتُ الرُّوَاةِ 335
طَبَقَاتُ السَّنَدِ 337
طَبَقَاتُ الصَّحَابَةِ 338
طَبَقَاتُ كُتُبِ الْحَدِيْثِ 339
الطَّبَقَةُ 344
طَبِيْبُ الْحَدِيْثِ 344
طَرَحُوْا حَدِيْثَهُ 344
طَرَحُوْهُ 344
الطَّرَفُ 344
طَرَّف فُلانٌ أحاديثَ الكتابِ الفُلانِيِّ 349
طُرُقُ التَّحَمُّلِ 349
طُرُقُ التَّحَمُّلِ والأداءِ 349
طُرُقُ تَحَمُّلِ الْحَدِيْثِ 349
طُرُقُ الْحَدِيْثِ 345
الطَّرِيْقُ 345
الطَّرِيْقُ النَّاقِصَةُ 345
الطَّرِيْقُ الْمُزَيَّدَةُ 345
طس 345
طص 346

الطَّعْنُ فِي الرَّاوِي 346
طَعَنُوْا فِيْهِ 346
طُوْلُ الصُّحْبَةِ 346
طَيْرٌ غَرِيْبٌ 346
الطُّيُوْرِيَّاتُ 347

HURUF ZHA' حرف الظاء

ظَاهِرُ الْحَدِيْثِ 349
ظَاهِرُ السَّنَدِ 349
الظَّاهِرِيُّ 349
الظَّاهِرِيَّةُ 349
الظَّنُّ 349
الظَّنُّ الْغَالِبُ 349
الظَّنِّيَّةُ 354
ظَنِّيُّ الثُّبُوْتِ 354
ظَنِّيُّ الدَّلَالَةِ 354
ظُهُوْرُ اللَّفْظِ فِي الْمَعْنَى 354

HURUF 'AIN حرف العين

ع 351
العَارِضُ 351
العَارِفُ 351
العَاشِرَة 351
العَاقِلُ 351
عَالِمُ الْحَدِيْثِ 352
عَالِمُ الْحَدِيْثِ 352
عَالِمٌ بِحَدِيْثِ فُلَانٍ 352
العَالِي 352
العَالِي والنَّازِلُ 352
عَالِيًا 352
عب 352
العَبَادِلَةُ 352
عُثْمَانِيٌّ 353
العَجَائِبُ 353
عخ 353
عد 353
العَدَالَةُ 353
العدالة الباطنة 354
عَدَالَةُ الرُّوَاةِ 354
عَدَالَةُ الصَّحَابَةِ 354
العَدْلُ 355
عَدْلٌ حافِظٌ 355
عَدْلٌ ضَابِطٌ 356
عَدْلٌ مُتْقِنٌ 356
عَرْضُ القِرَاءَةِ 356
عَرْضُ الْمُنَاوَلَةِ 357
العَزْوُ 357
عَزْوُ الْحَدِيْثِ 357
العَزِيْزُ 357
عس 358
عَسِرٌ 358
العَشَارِيَّاتُ 359
عُصُوْرُ الرِّوَايَةِ 359
العَظَائِمُ 359
عق 359
عَقَبِيٌّ 360
العُقْدَة 360
عَلَاقَةُ السُّنَّةِ مَعَ الْقُرْآنِ 360
عِلَلُ الْحَدِيْثِ 360
العِلَّةُ 360
العِلَّةُ القَادِحَةُ 361
العِلْمُ 362
عِلم أَسْبَابِ وُرُوْدِ الْحَدِيْثِ 362
عِلم الأَنْسَابِ 362
عِلم تَأْرِيْخِ الرُّوَاة 362
عِلْمُ تَخْرِيْجِ الْحَدِيْثِ 363
عِلْمُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيْلِ 363
عِلْمُ الْحَدِيْثِ 364
عِلْمُ الْحَدِيْثِ دِرَايَةً 364
عِلْمُ الْحَدِيْثِ رِوَايَةً 366
عِلْمُ دِرَايَةِ الْحَدِيْثِ 366
عِلْمُ الرِّجَالِ 366
عِلْمُ رِوَايَةِ الْحَدِيْثِ 367
عِلْمُ زَوَائِدِ الْحَدِيْثِ 367
عِلْمُ عِلَلِ الْحَدِيْثِ 367
عِلْمُ غَرِيْبِ الْحَدِيْثِ 368
عِلْمُ مُخْتَلِفِ الْحَدِيْثِ 368
عِلْمُ مُشْكِلِ الْحَدِيْثِ 369
عِلْمُ مُصْطَلَحِ الْحَدِيْثِ 369
عِلْمُ مَعْرِفَةِ التَّابِعِيْنَ 370
عِلْمُ مَعْرِفَةِ الصَّحَابَةِ 370

عِلْمُ ناسِخِ الْحَدِيْثِ ومَنْسُوْخِهِ..... 370
عِلْمُ نَقْدِ الْحَدِيْثِ 370
العُلُوُّ 371
العُلُوّ بتَقَدُّمِ السَّمَاعِ..... 371
العُلُوُّ بِتَقَدُّمِ وَفَاةِ الرَّاوي 371
العُلُوُّ بالصِّفَةِ 372
العُلُوُّ بالْمَسَافَةِ 372
عُلُوُّ التَّنْزِيْلِ 372
عُلُوُّ السَّنَدِ 372
العُلُوُّ الْمُطْلَقُ 372
العُلُوُّ النِّسْبِيُّ 372
عُلُوْمُ الْحَدِيْثِ 373
عُلُومُ أَسْمَاءِ الرُّواةِ..... 373
عَلى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ أو أَحَدِهِما..... 373
عَلَى شَرْطِهِما 373
على هذا أدركتُ مَنْ أرضى مِن أهل العلم..... 373
على هذا رأيتُ الناسَ..... 373
على يَدَيْ عَدْل 374
عَلَيْهِ أَدْرَكْتُ النَّاسَ..... 374
عم 374
العَمَلُ 374
عَنْ 374
عَنْعَنَ 375
العَنْعَنَةُ 375
عَنْ فُلَانٍ 375
عو 375
العَوَالِي 375

HURUF GHAIN حرف الغين

الغَالِيَةُ 377
الغَرَائِبُ 377
الغُرَبَاءُ 377
الغَرَابَةُ 377
الغَرِيْبُ 377
غَرِيْبُ الإسْنَادِ 378
غَرِيْبُ أَلْفَاظِ الْحَدِيْثِ..... 378
الغَرِيْبُ بَعْضُ الْمَتْنِ 378
الغَرِيْبُ بَعْضُ السَّنَدِ..... 379
غَرِيْبُ الْحَدِيْثِ 379
الغَرِيْبُ الْحَسَنُ 380
الغَرِيْبُ الصَّحِيْحُ 380
الغَرِيْبُ الضَّعِيْفُ 380
الغَرِيْبُ إسْناداً لا مَتْناً..... 381
غَرِيْبٌ لاَ نَعْرِفُهُ إلاَّ مِنْ هذا الْوَجْهِ..... 381
غَرِيْبُ الْمَتْنِ 381
الغَرِيْبُ مَتْناً وإسْناداً..... 381
الغَرِيْبُ الْمَشْهُوْرُ 382
الغَرِيْبُ الْمُطْلَقُ (أو الفَرْدُ الْمُطْلَقُ)..... 382
غَرِيْبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ 382
الغَرِيْبُ النِّسْبِيُّ أو (الفَرْدُ النِّسْبِيُّ)..... 382
الغَفْلَةُ 383
غَيْرُ ثِقَةٍ 383
غَيْرُ ثِقَةٍ وَلاَ مَأْمُوْنٍ..... 383
غَيْرُ مَعْرُوْفٍ 383
غَيْرُ مَرْضِيٍّ 383
غَيْرُ مُعْتَمَدٍ 383
غَيْرُ مُغَفَّلٍ 384
غَيْرُهُ أَثْبَتُ مِنْهُ 384
غَيْرُهُ أَحَبُّ 384
غَيْرُهُ أَحْفَظُ مِنْهُ 384
غَيْرُهُ أَرْضَى مِنْهُ 385
غَيْرُهُ أَقْوَى مِنْهُ 385
غَيْرُهُ أَمْتَنُ مِنْهُ 385
غَيْرُهُ أَوْثَقُ مِنْهُ 386
الغَيْلاَنِيَّاتُ 386

HURUF FA' حرف الفاء

ف 387
فَاحِشُ الغَلَطِ 387
فَارِسُ الْحَدِيْثِ 387
فَاسِدُ الإسْنَادِ 387
فَاسِقٌ 387
الفِتَنُ 387
الفِتْنَةُ 387
فُحْشُ الغَلَطِ فِي الرِّوَايَةِ..... 388
فر 388
الفَرْدُ 388
الفَرْدُ الْحَسَنُ 389
الفَرْدُ الصَّحِيْحُ 389
الفَرْدُ الضَّعِيْفُ 389
الفَرْدُ الْمُطْلَقُ 389

الفَرْدُ النِّسْبِيُّ 390
الفَرْدُ الْمُقَيَّد 391
الفِسْقُ 391
فِسْقُ الرَّاوي 391
فَسْلٌ 392
فَضَائِلُ الأَعْمَالِ 392
فق 392
فَقْدُ اتِّصالِ السَّنَدِ 392
فَقْدُ العَدَالَةِ 392
فُقَهاءُ الْحَدِيْثِ 392
الفُقَهَاءُ السَّبْعَةُ 392
فِقْهُ البُخَارِيِّ في تَرَاجِمِهِ 393
فِقْهُ الْحَدِيْثِ 393
فِقْهُ السُّنَّةِ 394
الفَقِيْهُ الْمُحَدِّثُ 394
فاللَّهُ الْمُسْتَعانُ 394
فُلانٌ 394
فُلانٌ أَحَبُّ إِلَيَّ منه، أو "فلان أوثَقُ منه" 394
فُلانٌ تَعْرِفُ وتُنْكِرُ 394
فُلانٌ حَدَّثَنَا أو أَخْبَرَنا 394
فُلانٌ لاَ يُتَابَعُ على حَدِيْثِهِ 394
فُلانٌ لاَ يُسْأَلُ عَنْهُ 395
فلانٌ لَهُ بَلاَيا 395
فَهَارِسُ الْحَدِيْثِ 395
الفِهْرِسُ 396
الفَهْرَسَةُ 396
الفَوَائِدُ 396
الفَوائِدُ الْحَدِيْثِيَّةُ 397
الفَوَاطِمُ 397
فِيْ أُخْرَى 398
فِي أَحَادِيْثِهِ نَظَرٌ 398
فِي إِسْنَادِهِ نَظَرٌ 398
فِي الْبَابِ 398
فِي حَدِيْثِهِ ضَعْفٌ 398
فِي حَدِيْثِهِ مَنَاكِيْر 398
فِي حَدِيْثِهِ نَظَرٌ 398
فِيْهِ أَدْنَى مَقَالٍ 398
فِيْهِ جَهَالَةٌ 399
فِيْه خُلْفٌ 399
فِيْهِ شَيْءٌ 399
فِيْهِ ضَعْفٌ 399
فِيْهِ ضَعْفٌ ما 399
فِيْهِ لِيْنٌ 400
فِيْهِ مَقَالٌ 400
فِيْهِ مَنَاكِيْرُ 400
فِيْهِ نَظَرٌ 400

حرف القاف HURUF QAF

ق 403
ق ثنا 403
القَائِمُ 403
قَابَلَ 403
القَارِىءُ 403
قَال 403
قَالَ أَصْحَابُنا. 404
قَالَ أَهْلُ الكُوْفَة 404
قَالَ بَعْضُ أَهْلِ الْكُوْفَة 404
قَالَ بَعْضُ النَّاسِ 404
قَالَ فُلاَنٌ 405
قَالَ لِيْ 405
القَبُوْلُ 405
قَالَ لَـــنَا 405
قثنا 405
قثني 405
قد 405
قَدَرِيٌّ 406
القَدَرِيَّـــةُ 406
القُدْسِيُّ 406
القِرَاءَةُ 406
القِرَاءَةُ عَلى الشَّيْخِ 406
قِرَاءَةٌ 407
قِرَاءَةٌ على فُلانٍ 407
قُرِىءَ عَلَى فُلاَنٍ 407
قُرِىءَ عَلَى فُلاَنٍ أَخْبَرَكَ فُلاَنٌ 407
قُرِىءَ عَلَيْهِ وَأَنا أَسْمَعُ 407
قُرِىءَ عَلَى فُلاَنٍ وَأَنا أَسْمَعُ فَأَقَرَّ بِهِ 407
قَرَأْتُ بِخَطِّ فُلاَنٍ، أو فِي كِتَابِهِ 407
قَرأْتُ على فُلاَنٍ 408
قَرَأْتُ فِي كِتَابٍ أَخْبَرَنِي فُلاَنٌ أَنَّهُ بِخَطِّ فُلاَنٍ 408
القُرَنَاءُ 408
قَرِيْبُ الإِسْنَادِ 408
القَرِيْنُ 408

القَسْطُ 408
القَصَّاصُ 408
قَصَّرَ 409
قَصَّرَ به 409
قط 409
القَطْعُ 409
قَطْعُ الْحُرُوْفِ 409
قَعَدِيٌّ 409
القَعَدِيَّةُ 409
القَلْبُ 409
القَلْبُ في السَّنَدِ 409
القَلْبُ في الْمَتْنِ 409
قَلِيْلُ الْحَدِيْثِ 410
القَمْشُ 410
القَنْطَرَةُ 411
القَوَاعِدُ الْحَدِيْثِيَّةُ 411
القَوْلُ 411
قَوِيٌّ 411
القَوِيُّ 411
قَوِيُّ الإِسْنَادِ 411
قَوَّى أَمْرَهُ فُلاَنٌ 412

HURUF KAF حرف الكاف

ك 413
كَأَنَّهُ مُصْحَفٌ 413
الكَاتِبُ 413
كَاتَبَ إِلَيَّ شَيْخِي 413
كَاتِبُ الطِّبَاق 413
كَاذِبٌ 413
كَانَ مِنْ أَصْحَابِ الرَّأْيِ 413
كَانَ يَرَى الإِرْجَاءَ 414
كَانَ يَرَى الْقَدَرَ 414
كَانَ يُسَوِّي الأَحَادِيْثَ 414
كَانَ يَقِفُ في الْقُرآنِ 414
كَانُوْا يَفْعَلُوْنَ كَذَا 414
كَانُوْا يَقُوْلُوْنَ كَذَا 415
كَانَ يُلَقِّنُ المشَايخَ 415
كِبَارُ التَّابعِيْنَ 415
كِبَارُ الصَّحابة 415
كُتَّابُ الْحَدِيْثِ 416
كِتَابَةُ الْحَدِيْثِ 416
كِتَابَةُ التَّسْمِيْعِ 416
كِتَابَةُ الْحَدِيْثِ 416
الكِتَابَةُ الْمُحَرَّدَةُ 416
الكِتَابَةُ الْمَقْرُوْنَةُ بالإِجَازَةِ 416
كَتَبَ إِلَيَّ 416
كَتَبَ إِلَيَّ شَيْخِي 416
كُتُبُ الأَطْرَاف 417
كُتُبُ التَّخَارِيْج 417
كُتُبُ التَّرْتِيْب 417
الكُتُبُ التِّسْعَةُ 417
كُتُبُ التَّوَارِيْخ 418
كُتُبُ الثِّقَاتِ 418
كُتُبُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيْلِ 418
كُتُبُ الْجَمْعِ 418
كَتْبُ الْحَدِيْثِ 419
كُتُبُ الْحَدِيْثِ 419
الكُتُبُ الْخَمْسَةُ 419
الكُتُبُ السَّبْعَة 419
الكُتُبُ السِّتَّةُ 419
كُتُبُ السُّنَّة 420
كُتُبُ الصِّحَاحِ 420
كُتُبُ الضُّعَفَاء 420
كَتَبَ عَمَّنْ دَبَّ ودَرَجَ 420
الكُتُبُ الْمُخَرَّجَةُ 421
كُتُبُ الْوَفَيَاتِ 421
كَثْرَةُ غَفْلَةِ الرَّاوي 421
كَثِيْرُ الخَطَأ 421
كَثِيْرُ السَّهْوِ 421
كَثِيْرُ الْغَلَطِ 421
كَثِيْرُ النِّسْيَانِ 421
كَثِيْرُ الْوَهْمِ 421
كد 421
كَذَا وَكَذَا 421
كَذَّابٌ أو "كاذب" 422
الكَذِبُ " 422
كَذِبُ الرَّاوي " 423
كسر " 423
الكُرَّاسَةُ 423
الكَشْطُ 423
كَمَا قَالَ 423

كن 423
كُنَّا لاَ نَرَى بَأْساً بِكَذا "..... 423
كُنَّا نَرَى كَذَا 424
كُنَّا نَفْعَلُ كَذَا 424
الكُنَى 424
كَيْفِيَّةُ سَمَاعِ الْحَدِيْثِ 426

HURUF LAM حرف اللام

ل 427
لا 427
لاَ أَحَدَ أَثْبَتُ مِنْهُ 427
لا أَدْرِي ما هُوَ 427
لاَ أَصْلَ لَهُ 427
لا أَصْلَ لَهُ بِهَذَا اللَّفْظِ 428
لاَ أَعْرِفُهُ 428
لاَ بَأْسَ بِهِ 428
لاَ تَحِلُّ الرِّوَايَةُ عَنْهُ 429
لاَ تَحِلُّ كِتَابَةُ حَدِيْثِهِ 429
لاَ تَكْتُبْ حَدِيْثَهُ 429
لاَ شَيْءَ 429
لاَ يُتَابَعُ عَلَى حَدِيْثِهِ 429
لاَ يُحْتَجُّ بِهِ 429
لاَ يُخَرَّجُ حَدِيْثُهُ 430
لاَ يُسْأَلُ عَنْهُ 430
لا يُسَاوِيْ شَيْئاً 430
لا يُسَاوِيْ فَلْساً 430
لاَ يُسْتَشْهَدُ بِحَدِيْثِهِ 430
لاَ يُسْتَشْهَدُ بِهِ 430
لاَ يُشْتَغَلُ بِهِ 431
لا يَصِحُّ 431
لاَ يَصِحُّ حَدِيْثُهُ 431
لاَ يَصِحُّ فِي هَذَا الْبَابِ شَيْءٌ 432
لا يُعْتَبَرُ بِهِ 432
لاَ يَصْلُحُ لِلْمُتَابعات والشَّواهِد 432
لا يُعْتَبَرُ بِحَدِيْثِهِ 432
لا يُعْرَفُ 432
لاَ يُعْرَفُ حَالُهُ 432
لاَ يُعْرَفُ لَهُ أَصْلٌ 432
لاَ يُعْرَفُ لَهُ حَالٌ 432
لاَ يَكَادُ يُعْرَفُ 433
لاَ يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ 433
لاَ يُوْثَقُ بِهِ 433
اللاَّحِقُ 433
اللَّحَّانُ 433
اللَّحَقُ 434
اللَّحْنُ فِي الْحَدِيْثِ 434
الَّذِيْ أَدْرَكْتُ عَلَيْهِ النَّاسَ وأَهْلَ الْعِلم بِبَلَدِنَا 434
للضَّعْفِ مَا هُوَ 434
لَطَائِفُ الإِسْنَادِ 435
لَفْظاً 435
اللَّفْظُ لِفُلاَنٍ 435
اللَّفْظُ لَهُ 435
اللِّقَاءُ 435
اللَّقَبُ 435
لم تَثْبُتْ عَدَالَتُهُ 437
لم يُحَدِّثْ عَنْهُ فُلاَنٌ 437
لم يُخرجاه 438
لم يَرْوِ عَنْهُ غَيْرُ فُلاَنٍ 438
لم يَصِحَّ 438
لم يَصِحَّ حَدِيْثُهُ: 438
لم يُضَعِّفْهُ أَحَدٌ 438
لم يُوْجَدْ 438
لم يُوْجَدْ لَهُ أَصْلٌ 438
لَنَا مَا رَوَى لاَ مَا رَأَى 438
لَهُ أَحَادِيْثُ صَالِحَةٌ 439
لَهُ إِدْرَاكٌ 439
لَهُ أَوَابِدُ 439
لَهُ أَوْهَامٌ 439
لَهُ بَلاَيَا 439
لَهُ رُؤْيَةٌ 439
لَهُ صُحْبَةٌ 439
لَهُ طَامَّاتٌ 439
لَهُ طَامَّاتٌ وأَوَابِدُ 439
له غَرَائِبُ 439
له ما يُنكَر 439
له مُتابعات 440
لَهُ مَنَاكِيْرُ 440
لَيْسَ بِالْفَقِهِ 440
لَيْسَ بِالْحَافِظِ 440
لَيْسَ بِالْقَوِيِّ 440
لَيْسَ بِالْمُتْقِنِ 441
لَيْسَ بِالْمُتْقِنِ وَلَهُ مَنَاكِيْرُ 441

لَيْسَ بالمتين 441
لَيْسَ بِالْمَرْضِيِّ 441
لَيْسَ بِالْمَشْهُوْرِ 441
لَيْسَ بِبَعِيْدٍ مِنَ الصَّوَابِ..... 441
لَيْسَ بِثِقَةٍ 441
لَيْسَ بِثِقَةٍ ولا مَأْمُوْنٍ 442
لَيْسَ بِحُجَّةٍ 442
لَيْسَ بِذَاكَ 442
لَيْسَ بِذَاكَ الْقَوِيِّ 442
لَيْسَ بِذَاكَ الْمَتِيْنِ..... 442
لَيْسَ بِشَيْءٍ 443
لَيْسَ بِعُمْدَةٍ 443
لَيْسَ بِقَوِيٍّ 443
لَيْسَ بِمَأْمُوْنٍ 443
لَيْسَ بِمَرْضِيٍّ لِلضَّعْفِ..... 443
لَيْسَ بِمُسْتَقِيْمِ الْحَدِيْثِ..... 443
لَيْسَ بِمُسْتَقِيْمِ اللِّسَانِ..... 444
لَيْسَ بِهِ بَأْسٌ 444
لَيْسَ عَلَيْهِ الْعَمَلُ 444
لَيْسَ فِي هذا الْبَابِ شَيْءٌ أَصَحُّ مِنْ هذا..... 444
لَيْسَ لَهُ أَصْلٌ 445
لَيْسَ مِثْلَ فُلَانٍ 445
لَيْسَ مِنْ أَهْلِ الْحِفْظِ..... 445
لَيْسَ يَحْمَدُوْنَهُ 445
لَيِّنٌ 445
لَيِّنُ الْحَدِيْثِ 446
لَيِّنٌ بِمَرَّةٍ 447

HURUF MIM حرف الميم

م 449
ما 449
ما أَجْوَدَهُ مِنْ حَدِيْثٍ..... 449
مَا أَعْلم بِهِ بأساً 449
مَا أَعْلَمُ وَاللهِ بِهِ بَأْساً..... 449
ما أَقْرَبَ حَدِيثُهُ 449
مَا رَأَيْتُ أَكْذَبَ مِنْهُ..... 449
مَا عَلِمتُ فِيْهِ جَرْحاً..... 450
مَا هُوَ بِعُمْدَة 450
مَائِلٌ 450
الْمِئَاتُ 450
مَأْمُوْنٌ..... 450
الْمُبْتَدِىءُ 451
الْمُبْتَدِعُ 451
الْمُبْهَمُ 451
الْمُبْهَمَاتُ 452
الْمُتَابِعُ 452
الْمُتَابَعَةُ 453
الْمُتَابَعَاتُ 454
الْمُتَابَعَةُ التَّامَّةُ 454
الْمُتَابَعَةُ الْقَاصِرَةُ 454
الْمُتَأَخِّرُوْنَ 454
الْمَتْرُوْكُ 454
مَتْرُوكٌ 454
مَتْرُوْكُ الْحَدِيْثِ..... 455
مَتْرُوْكٌ بالإجْمَاعِ 455
الْمُتَشَابِهُ 455
الْمُتَشَابِهُ الْمَقْلُوبُ 456
الْمُتَشَابِهُوْنَ 457
الْمُتَّصِلُ 457
الْمُتَّصِلُ الْمَرْفُوْعُ 458
الْمُتَّصِلُ الْمَوْقُوفُ 458
مُتَعَنِّتٌ 458
مُتَّفَقٌ عَلَى تَرْكِهِ 458
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ..... 458
الْمُتَّفِقُ والْمُفْتَرِقُ 459
الْمُتَقَدِّمُوْنَ 460
الْمُتْقِنُ 460
مُتْقِنٌ 460
مُتْقِنٌ ثَبْتٌ 461
مُتْقِنٌ رُبَّمَا وَهِمَ 461
الْمُتَلَقِّنُ 461
مُتَمَاسِكٌ 461
الْمَتْنُ 461
مُتَّهَمٌ 461
مُتَّهَمٌ بالكَذِبِ 461
مُتَّهَمٌ بالوَضْعِ 462
الْمُتَوَاتِرُ 462
الْمُتَوَاتِرُ الْعَمَلِيّ 464
الْمُتَوَاتِرُ اللَّفْظِيُّ 464
الْمُتَوَاتِرُ الْمَعْنَوِيُّ 464
الْمُتَوَسِّطُ 465
الْمُتَيَقِّظُ 465

الْمَتْبُوْعُ 465
مُتْلَفَةٌ 465
مِثْلُهُ 465
مِثْلُهُ لاَ يُسْأَلُ عَنْهُ 465
مُثَنَّاةٌ تَحْت 465
مُثَنَّاةٌ فَوْق 465
مج 465
مَجَالِسُ الإِمْلاَء 465
مَجَامِيْعُ الْحَدِيْثِ 465
الْمجَرَّحُ 466
مَجْرُوحٌ 466
الْمَجْلِسُ 467
مَجْلِسُ الإِمْلاَءِ 467
مُجْمَعٌ عَلَى تَرْكِهِ 467
الْمَجْهُوْلُ (الحديث) 467
الْمَجْهُوْلُ (الراوي) 467
مَجْهُوْلُ الْحَالِ 468
مَجْهُوْلُ الْعَدَالَةِ بَاطِناً لاَ ظَاهِراً 469
مَجْهُوْلُ الْعَيْنِ 469
الْمُجَوَّدُ 470
مُجَوِّدٌ 470
الْمَحَامِلِيَّاتُ 470
مُحْتَجٌّ بِهِ 470
مُحْتَمَلٌ 470
الْمُحَدِّثُ 470
الْمَحْذُوْفُ 471
الْمُحَرَّفُ 471
مُحَرَّفُ السَّنَدِ 471
مُحَرَّفُ الْمَتْنِ 471
الْمَحْفُوظُ 471
الْمُحْكَمُ 472
مُحْكَمُ الْحَدِيْثِ 472
مَحَلُّهُ إِنْ شَاءَ اللهُ الصِّدْق 472
مَحَلُّهُ الصِّدْقُ 472
الْمِحْنَةُ 473
الْمَحْوُ 473
مَخَارِجُ الْحَدِيْثِ 473
الْمُخَالَفَةُ 473
الْمُخْتَصَرُ 473
مُخْتَصَراً 473
مُخْتَلُّ السَّمَاعِ 473
الْمُخْتَلِطُ 474
الْمُخْتَلِطُوْنَ 474
مُخْتَلِفُ الْحَدِيْثِ 474
مُخْتَلَفٌ فِيْه 475
الْمَخْرَجُ 475
الْمُخَرِّجُ 476
الْمُخْرِجُ 476
الْمُخَضْرَمُ 476
الْمُخَضْرَمُوْنَ 477
مد 477
مَدَارُ الإِسْنَادِ 477
مَدَارُ الْحَدِيْثِ 477
الْمُدَبَّجُ 477
الْمَدْخَلُ 478
الْمُدْرَجُ 479
مُدْرَجُ الإِسْنَادِ 482
مُدْرَجُ الْمَتْنِ 482
مُدْرَجَةٌ 482
الْمُدَلَّسُ 482
الْمُذَاكَرَةُ 482
مَرَاتِبُ الأَصَحِّيَّةِ 483
مَرَاتِبُ الْجَرْحِ والتَّعْدِيْلِ 497
مَرْتَبَةُ الْحَدِيْثِ 497
الْمَرْدُوْدُ 484
مَرْدُوْدُ الْحَدِيْثِ 484
الْمُرْسَلُ 484
الْمُرْسَلُ الْجَلِيُّ 485
الْمُرْسَلُ الْخَفِيُّ 485
مُرْسَلُ الصَّحَابِيِّ 486
الْمُرسل ا لظاهر 487
الْمُرْسِلُ 487
مَرَّضَهُ فُلاَنٌ 487
الْمَرْفُوْعُ 487
مَرْفُوعٌ حُكْماً 488
الْمَرْفُوعُ الْحُكْمِيُّ 489
الْمَرْفُوْعُ التَّقْرِيْرِيُّ 489
الْمَرْفُوْعُ الفِعْلِيُّ 489
الْمَرْفُوعُ القَوْلِيُّ 489
الْمَرْفُوعُ الوَصْفِيُّ 490
مَرَكَّبٌ 490
الْمُرُوْءَةُ 490

الْمَرْوِيّ 490
الْمُزَكِّي 490
الْمَزِيْدُ فِي مُتَّصِلِ الأَسانِيْدِ 491
مس 492
مَسْأَلَةُ اللَّفْظِ 492
الْمَسَانِيْدُ 492
الْمُسَاوَاةُ 492
الْمُسْتَتَرُ 493
الْمُسْتَخْرَجُ 493
الْمُسْتَخْرَجَاتُ 495
الْمُسْتَدْرَكُ 496
الْمُسْتَدْرَكَاتُ 497
الْمُسْتَفِيْضُ 497
الْمُسْتَقْصَى 498
الْمُسْتَقِيْمُ 498
مُسْتَقِيْمُ الْحَدِيْثِ 498
الْمُسْتَمْلِي 498
الْمَسْتُوْرُ 498
الْمُسْتَوْفَى 499
مُسْتَوِيُ الْحَدِيْثِ 499
الْمَسْرُوْقُ 499
الْمُسَلْسَلُ 499
الْمُسَلْسَلُ بِصِفَاتِ الرِّوايَةِ 501
الْمُسَلْسَلُ بِصِفَاتِ الرُّوَاةِ 501
الْمُسَلْسَلُ بِأَحْوَالِ الرُّوَاةِ 501
الْمُسَلْسَلُ مِنَ الْحَدِيْثِ 501
الْمُسْلِمُ الْبَالِغُ 501
الْمُسَمَّعُ 501
الْمُسْنَدُ (الكتاب) 501
الْمُسْنَدُ (الحديث) 504
الْمُسْنِدُ 517
مُسْنَدُ أَحْمَدَ 505
مُسْنَدُ الْحُمَيْدِيِّ 505
الْمُسْنَدُ الْمُعَلَّلُ 506
مَشَّاهُ فُلاَنٌ 506
الْمُشَافَهَةُ 506
الْمُشَاهَدَةُ 506
الْمَشْقُ 506
مُشَبَّكَةٌ بالذَّهَبِ 506
الْمُشَبَّهُ (الحديث) 506
مُشَبَّهٌ (الرَّاوِي) 507
مُشْتَبِهٌ 507
الْمُشْتَبِهُ الْمَقْلُوبُ 507
مُشْتَهِرٌ 507
مُشْكِلُ الآثَارِ 507
مُشْكِلُ الْحَدِيْثِ 508
الْمَشْهُوْرُ 508
الْمَشهور اللغوي 509
الْمَشْيَخَاتُ 510
الْمَشْيَخَةُ 510
الْمَصَائِبُ 510
الْمُصَافَحَةُ 510
الْمَصْدَرُ الأَصْلِيُّ لِلْحَدِيْثِ 511
الْمَصْدَرُ شِبْهُ الأَصْلِيِّ لِلْحَدِيْثِ 511
الْمَصْدَرُ غَيْرُ الأَصْلِيِّ لِلْحَدِيْثِ 511
الْمُصَحِّفُ 511
الْمُصَحَّفُ 511
الْمُصْحَفُ 512
مُصْحَفٌ 512
مُصْطَلَحُ الْحَدِيْثِ 512
الْمُصَنَّفُ 512
الْمُصَنَّفَاتُ 513
الْمَصْنُوْعُ 513
مَضْبُوْطُ الْحَدِيْثِ 513
الْمُضْطَرِبُ 513
مُضْطَرِبٌ 515
مُضْطَرِبُ الإِسْنَادِ 515
مُضْطَرِبُ الْحَدِيْثِ 515
مُضْطَرِبُ الْمَتْنِ 515
الْمُضَعَّفُ 515
مُطْرَحٌ 515
مُطَّرَحُ الْحَدِيْثِ 516
مَطْرُوْحٌ 516
الْمَطْرُوْحُ 516
مَطْرُوْحُ الْحَدِيْثِ 516
مَطْعُوْنٌ فِيْهِ 516
مُطَوَّلاً 516
مَظَانُّ الْحَدِيْثِ 516
مُظْلِم الأَمْرِ 517
الْمَظِنَّةُ 517
الْمَعَاجِمُ 517
الْمَعَاجِمُ الثَّلاثَةُ 517

الْمُعَارَضَةُ 517
الْمُعَاصَرَةُ 518
الْمُعْتَزِلَةُ 518
الْمُعْجَمُ 519
الْمُعْجَمَةُ 519
الْمُعَدَّلُ 520
الْمُعَدِّلُ 520
مَعْدِنُ الكَذِبِ 520
مَعْرِفَةُ الإِخْوَةِ والأَخَواتِ 520
مَعْرِفَةُ أَسْمَاءِ مَنِ اشْتَهَرُوْا بِكُنَاهُمْ 520
مَعْرِفَةُ الأَلْقَابِ 520
مَعْرِفَةُ أَوْطَانِ الرُّوَاةِ وبُلْدَانِهِمْ 520
مَعْرِفَةُ التَّابِعِيْنَ 520
مَعْرِفَةُ تَوَارِيخِ الرُّوَاةِ 520
مَعْرِفَةُ الثِّقَاتِ والضُّعَفَاءِ مِنَ الرُّوَاةِ 520
مَعْرِفَةُ الْحُفَّاظِ 520
مَعْرِفَةُ الصَّحَابَةِ 520
مَعْرِفَةُ طَبَقَاتِ العُلماءِ والرُّوَاةِ 521
مَعْرِفَةُ العُلماءِ وَالرُّوَاةِ 521
مَعْرِفَةُ الْمُؤْتَلِفِ والْمُخْتَلِفِ 521
مَعْرِفَةُ الْمُبْهَمَاتِ 521
مَعْرِفَةُ الْمُتَشَابِهِ 521
مَعْرِفَةُ الْمُتَّفِقِ والْمُفْتَرِقِ 521
مَعْرِفَةُ الْمُفْرَدَاتِ مِن الأَسْمَاءِ والْكُنَى والأَلْقَابِ 521
مَعْرِفَةُ مَنْ خَلَطَ مِنَ الثِّقَاتِ 521
مَعْرِفَةُ مَنْ ذُكِرَ بِأَسْمَاءٍ أو صِفَاتٍ مُخْتَلِفَةٍ 521
مَعْرِفَةُ الْمُهْمَلِ 522
مَعْرِفَةُ الْمَنْسُوْبِيْنَ إِلى غَيْرِ آبَائِهِم 522
مَعْرِفَةُ الْمَوَالِي مِنَ الرُّوَاةِ والعُلماءِ 522
مَعْرِفَةُ النِّسَبِ الَّتِي على خِلَافِ ظَاهِرِهَا 522
مَعْرِفَةُ الْوِحْدَانِ 522
الْمَعْرُوْفُ 522
مَعْرُوْفٌ 522
الْمُعْضَلُ 523
الْمُعْضِلاَتُ 523
الْمُعَلَّقُ 524
مُعَلَّقَاتُ البُخَارِيِّ 525
الْمُعَلَّلُ 525
الْمُعَلِّ 525
المعلولُ 528
الْمُعَنْعَنُ 528
الْمُعَنْعَنُ 528
الْمُغَفَّلُ 529
الْمُفْرَدَاتُ 529
الْمُفْرَدَاتُ مِنَ الأَسْمَاءِ والْكُنَى 529
مُفَرَّقاً 529
الْمُفِيْدُ 529
مق 530
الْمُقَابَلَةُ 530
مُقَارِبُ الْحَالِ 530
مُقَارِبُ الْحَدِيْثِ 531
الْمَقَاطِعُ 531
الْمَقَاطِيْعُ 531
الْمَقْبُوْلُ 531
مَقْبُوْلٌ 531
مَقْرُوْناً 532
الْمَقْطُوْعُ 532
الْمَقْطُوْعُ الْفِعْلِيُّ 533
الْمَقْطُوْعُ الْقَوْلِيُّ 533
مُقِلٌّ 533
الْمَقْلُوْبُ 534
مَقْلُوْبُ السَّنَدِ 535
مَقْلُوْبُ الْمَتْنِ 535
الْمُكَاتَبَةُ 535
الْمُكَاتَبَةُ الْمُجَرَّدَةُ 536
الْمُكَاتَبَةُ الْمَقْرُوْنَةُ 536
الْمَكْذُوْبُ 536
مُكَرَّرٌ 536
الْمُلاَزَمَةُ 536
الْمُلْزَقَاتُ 536
مُلْصَقٌ بِفُلاَنٍ 536
الْمُمْلِي 536
الْمُمَيِّزُ 537
الْمَنَاكِيْرُ 537
مُنَاوَلَةٌ 537
الْمُنَاوَلَةُ 537
الْمُنَاوَلَةُ الْمُجَرَّدَةُ عَنِ الإِجَازَةِ 537
الْمُنَاوَلَةُ الْمَقْرُوْنَةُ بالإِجَازَةِ 537
مَنَاهِجُ الْمُحَدِّثِيْنَ 538
من اتفق اسمه واسم أبيه 538
من اتفق اسمه واسم شيخه وشيخ شيخه 538
من اختلط من الثقات 539

من اشترك في الرواية عنه أثناء تباعد ما بين وفاتيهما ... 539
مِن أنكر ما رواه فلانٌ 539
من بلايا فلانٍ كذا 539
من لم يرو عنه إلا حديثاً واحداً 539
من لم يرو عنه إلا راو واحد 539
مَن مثل فلان؟ 539
من حدَّث ونسي 539
من ذُكر بأسماء مختلفة أو نعوت متعددة 540
من السنة كذا 540
مِن مصائب فلانٍ كذا..... 541
من معادن الصدق 541
مَنْعُ الْكَذِبِ 541
الْمُنْتَقَى 541
الْمُنْتَهِي 541
الْمَنْسُوبُوْنَ إلى خِلاَفِ الظَّاهِرِ..... 541
الْمَنْسُوبُونَ إلى غَيرِ آبائِهِمْ..... 542
الْمَنْسُوْخُ 544
الْمُنْقَطِعُ 544
الْمُنْقَلِبُ 545
الْمُنْكَرُ 545
مُنْكَرُ الْحَدِيْثِ 545
مُنْكِرُوْا الْحَدِيْثِ 546
الْمَهْجُوْرُ 547
الْمُهْمَلُ 547
الْمُهْمَلَةُ 548
الْمُوَافَقَةُ..... 548
الْمَوَالِي مِنَ الرُّوَاةِ والْعُلماءِ..... 548
الْمُؤْتَلِفُ وَالْمُخْتَلِفُ..... 549
مُوَثَّقٌ 551
الْمُوَحَّدَةُ 552
مُوْدٍ 552
الْمُؤَدِّي..... 552
الْمَوْصُوْلُ 552
الْمَوْضُوْعُ 552
مَوْضُوعٌ لا أَصْلَ لَهُ..... 554
الْمُوَطَّأ 554
الْمُوَطَّآتُ 556
الْمَوْقُوْفُ 556
مَوْلاَهُمْ 557
الْمَوْلَى..... 557
الْمُؤَنَّنُ 557
مي 558
مِيْزَانٌ 558

HURUF NUN حرف النون

ن..... 559
نا 559
النَّازِلُ 559
النَّازِلُ مِنَ الأَسَانِيْد..... 559
النَّاسِخُ 559
النَّاسِخُ (من الحديث)..... 559
ناسِخُ الْحَدِيثِ ومَنْسُوخُه..... 559
النَّاسِخُ مِنَ الْحَدِيْثِ..... 560
نَاصِبِيٌّ 560
النَّاقِدُ 560
نَاوَلَنِي 561
نَبَّأَنا 561
نَبَّأَنِي 561
النَّبَوِيُّ 561
النَّبِيُّ / النَّبِيء 561
نَحْوَهُ 561
نَزَكُوْهُ 562
النُّزُوْلُ 562
نس 562
النَّسَبُ 562
النِّسَبُ الَّتِيْ بَاطِنُهَا عَلَى خِلاَفِ ظَاهِرِهَا..... 563
النِّسَبُ الَّتِي عَلَى خِلاَفِ ظَاهِرِهَا..... 563
النَّسْخُ 563
النَّسْخُ عَلَى الْوَجْهِ 563
النُّسَخُ الْحَدِيْثِيَّةُ 563
النُّسْخَةُ 563
النَّشْقُ 564
نَصُّ الْحَدِيْثِ 564
النَّصْبُ 564
النَّقْدُ 564
نَقْدُ الْحَدِيْثِ 564
النَّقْدُ الْخَارِجِيُّ 565
النَّقْدُ الْخَفِيُّ 565
النَّقْدُ الدَّاخِلِيُّ 565
نَقْدُ الرِّجَالِ 565
نَقْدُ الْمَتْنِ 566
النَّقْلُ 566
نَقِيُّ الْحَدِيْثِ 566
النَّكَارَةُ 566

نَكِرَةٌ 566
النُّكَتُ 566
نَمَاهُ 567
نُهِينَا عَنْ كَذَا 567
النَّواصِبُ 568

HURUF HA' حرف الهاء

هـ 569
هَالِكٌ 569
الْهَامِشُ 569
الْهِجَاء 569
هذا حديثُ فلانٍ 569
هذا الْحَدِيْثُ بَاطِلٌ لا أَصْلَ لَهُ 570
هذا الْحَدِيْثُ لا أَصْلَ لَهُ فِي الكِتَابِ والسُّنَّةِ الصَّحِيْحَةِ 570
هذا الْحَدِيْثُ أَصَحُّ شَيْءٍ فِي الْبَابِ 570
هذا الْحَدِيثُ أَصَحُّ مِنْ كَذَا 570
هذا الْحَدِيْثُ لا يَصِحُّ أَوْ لا يَثْبُتُ 570
هذا الْحَدِيْثُ مِنْ بَلاَيَاه 570
هذا حَدِيْثٌ مُنْكَرٌ 570
هذا سَمَاعِيْ عِنْدَ فُلاَنٍ 570
هذا لَفْظُ فُلاَنٍ 571
هب 571
الْهَذْرَمَةُ 571
هش 571
هسق 571
الْهَمْزَةُ 571
هُوَ ابْنُ فُلاَنٍ 571
هُوَ فِي جُمْلَةِ الضُّعَفَاءِ 572
هُوَ شَيْخٌ لَيْسَ بِذَاكَ 572
هُوَ على يَدَيْ عَدْلٍ 572
هُوَ كَذَا وكَذَا 572
هَيْثَمَ القَارِىءُ 572
هُوَ الأَمْرُ الَّذِي لم يَزَلْ عَلَيْهِ أَهْلُ العِلمِ بِبَلَدِنا 572
هُوَ الأَمْرُ الَّذِي لم يَزَلْ عَلَيْهِ النَّاسُ عِنْدَنا 573
هَذَا أَمْرٌ قَدْ مَضَى وجَازَ عَلَيْهِ النَّاسُ 573

HURUF WAW حرف الواو

وَآخَرٌ 575
الوَاسِطَةُ 575
وَاضِعُ وَاوٍ 575
الوَاقِفُ فِي القُرْآنِ 575
وَاوٍ 576
وَاوٍ ضَعَّفُوْه 576
وَاوٍ بِمَرَّةٍ 576
وَاقِفِيٌّ 576
وَاهِيُ الْحَدِيْثِ 576
وَبِهِ قالَ حَدَّثَنا 576
وُثِّقَ 577
وثّقه فلانٌ 577
الوِجَادَةُ 578
الوِجَادَةُ الْمُجَرَّدَةُ 578
وَجَدْتُ بِخَطِّ فُلاَنٍ 578
وَجَدْتُ بِخَطِّ أَبِي 578
وَجَدْتُ عَنْ فُلاَنٍ 578
وَجَدْتُ فِي كِتَابِ فُلاَنٍ 579
وَجَدْتُ فِي كِتَابٍ ظَنَنْتُ أَنَّهُ بِخَطِّ فُلاَنٍ 579
الوَجْهُ الوُحْدَانُ 579
الوُحْدَانُ 579
الوَحْدَانِيَّاتُ 580
الوَحْشِيَّاتُ 580
الْوَحْيُ البَاطِنُ 580
الْوَحْيُ الْجَلِيُّ 581
وَسَطٌ الوُحْدَانُ 581
الوَصْلُ 581
الوَصِيَّةُ 581
الوَضَّاعُ 582
وَضَّاعٌ 582
وَضَعَ حَدِيْثاً 582
الوَضْعُ 582
الوَعْظُ 582
وَفِي الْبَابِ عَنْ 583
الوَفَيَاتُ 583
وَفَيَاتُ النَّقَلَةِ 583
وقَالَ بَعْضُ النَّاسِ 583
الوَقْفُ 583
الوَقْفَةُ 583
واللفظُ لفلانٍ 583
الوَهْمُ 584

HURUF YA' حرف الياء

ي 585
ياءٌ تَحْتَانِيَّة 585

يأْتِي بالعَجَائِبِ 585
يَأْتِي بِطَامَّاتٍ 585
يَبْلُغُ به النَّبِيَّ ﷺ 585
يَتَكَلم فيه فُلاَنٌ ولا يُحْتَمَلُ منه 585
يَتَكَلَّمُوْنَ فِيْهِ 585
يُتَّهَمُ 585
يُثَبِّجُ 585
يُثْبِجُ 586
يُجْمَعُ حَدِيْثُهُ 586
يُجْهَلُ 586
يُحْتَجُّ به 586
يُحْتَمَلُ 587
يُحَدِّثُ عَن... 587
يُحَوِّلُ 587
يُخَالِفُ الثِّقَات 587
يَخْتَرِقُ الْحَدِيْثَ 587
يَخْتَلِقُ الْحَدِيْثَ 587
يُخَرِّجُ حَدِيْثُهُ 588
يُخْطِئُ 588
يُخْطِئُ على الأَثْبَاتِ 588
يُخْطِئُ ويُصِيْبُ 588
يَدْخُلُ (أي الراوي) في الصَّحِيْحِ 588
يَدْخُلُ فِي الْمُسْنَدِ 588
يَدُوْرُ عَلى... 588
يَرْفَعُهُ (الحديثَ) 589
يُرَكِّبُ الإِسْنَادَ 589
يُرْوَى حَدِيْثُه 589
يُرْوَى عَنْهُ 589
يُرْوَى مِنْ غَيْرِ وَجهٍ نَحْوَ ذلك 589
يَرْوِي الْمَنَاكِيْرَ 599
يَرْوِي الْمَوْضُوْعَاتِ 599
يَرْوِيْهِ 590
يُزَرِّفُ الْحَدِيْثَ 590
يُزَرِّفُ فِي الْحَدِيْثِ 590
يُزَوِّرُ الْحَدِيْثَ 590
يَزِيْدُ فِي الرَّقْمِ 591
يُسْتَشْهَدُ بِهِ 591
يُسْتَضْعَفُ 591
يَسْرِقُ الْحَدِيْثَ 591
يُسَوِّي 591
يُسَوِّي الإِسْنَادَ 591
يَضَعُ 592
يَضَعُ الأَحَادِيثَ 592
يَضَعُ الأَسَانِيْدَ 592
يَضَعُ الْحَدِيْثَ 592
يُضَعَّفُ 592
يُعْتَبَرُ بِحَدِيْثِهِ 592
يُعْتَبَرُ به 593
يُعْرَفُ وَيُنْكَرُ 593
يَعْنِي 593
يُغْرِبُ 593
يُغْرِبُ ويُخالِفُ 593
يَفْتَعِلُ الْحَدِيْثَ 593
يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ 593
يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ لِلاعْتِبَارِ 594
يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ لِلاعْتِبَارِ ويُنْظَرُ فِيْهِ 594
يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ ولا يُحْتَجُّ به 594
يُكْتَبُ حَدِيْثُهُ وَيُنْظَرُ فِيْهِ اعْتِبَاراً 594
يَكْذِبُ 594
يُنْسَبُ إِلَى الْوَضْعِ 594
يُنْكَرُ مَرَّةً ويَعْرِفُ أُخْرَى 594
يُنْكِرُ عَنْ فُلانٍ 595
يَنْمِيْهِ 595
يَهِمُ 595
يَهِمُ كَثِيْراً 595
يُؤَدِّي 595
يُؤَدِّي اللَّفْظَ 595
يُؤَدِّي مَا سَمِعَ 595